KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA











KOLEKSI KERATAN AKHBAR

MENTERI PERPADUAN NEGARA

JILID 1 (JANUARI - JUN) 2025

KOLEKSI KERATAN AKHBAR
MENTERI PERPADUAN NEGARA
JILID 1 (JANUARI - JUN)
2025

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

CHM DR.SHATESH KUMAR SANGAR
Setiausaha Akhbar
Menteri Perpaduan Negara

FAUZIAH BINTI ABDULLAH
Ketua Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perpaduan Negara

KETUA PENGARANG

NUR EMIELIANA BINTI ISHAK

PENGARANG

NUR FARHANA BINTI ABDUL RAZAK
AIMAN MUZZAMMIL BIN SUHAIMEE
CHARLES VINIYAL A/L PILAVENTHRAN
NORHAYATI BINTI ABBAS
AZRAM FEERDAUS BIN ZAINAL ABIDIN
FAZIRA BINTI MOHD AZMI

ISBN 978-967-2709-24-4

DITERBITKAN OLEH:
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 5-10, Blok F9, Parcel F, Lebuh Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, Malaysia
Tel: 03-8091 8000
Laman Web: www.perpaduan.gov.my

Hak cipta terpelihara Kementerian Perpaduan Negara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu

ISI KANDUNGAN

M/S

KERATAN AKHBAR BULAN JANUARI ..... 1 - 40

KERATAN AKHBAR BULAN FEBRUARI ..... 41 - 205

KERATAN AKHBAR BULAN MAC ..... 206 - 370

KERATAN AKHBAR BULAN APRIL ..... 371 - 505

KERATAN AKHBAR BULAN MEI ..... 506 -632

KERATAN AKHBAR BULAN JUN ..... 633 - 726

Kementerian Perpaduan akan

23 Januari 2025

Nation-State Concept To Be Introduced To Form United Society – Aaron

14 January 2025

Sistem e-Sepakat rekod 231 kes isu perpaduan, 3R pada 2024

14 Januari 2025

Sistem e-Sepakat dibuka kepada orang ramai dalam masa terdekat

14 Januari 2025

MALAY.NEWS

KPN laksana empat ikhtiar utama bagi agenda perpaduan negara

14 Januari 2025





JANUARI

Sistem e-Sepakat bakal diperluas orang ramai lapor isu berkaitan perpaduan – Aaron

14 Januari 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang. Foto fail Nadim Bokhari (TVS)

PUTRAJAYA, 14 Jan: Penggunaan sistem e-Sepakat akan diperluaskan kepada orang ramai pada tahun ini, bagi membolehkan mereka membuat laporan berkaitan isu perpaduan di peringkat akar umbi dengan lebih mudah dan berkesan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata sepanjang tahun lepas, sebanyak 231 kes telah direkodkan menerusi sistem e-Sepakat yang dikendalikan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (J-PERPADUAN).

Berucap pada majlis amanat Menteri Perpaduan Negara 2025 di sini hari ini, beliau berkata daripada jumlah itu, 103 kes adalah berhubung isu agama, 89 kes berkaitan kenyataan berbaur kebencian manakala 39 kes adalah isu perkauman.

"Sistem e-Sepakat ini cuma dikendalikan pegawai perpaduan di peringkat daerah. Saya difahamkan untuk tahun ini, kita akan membuka penggunaan sistem e-Sepakat untuk orang ramai.

"Orang ramai boleh membuat laporan melalui sistem e-Sepakat, di mana maklumat tersebut akan diselaraskan dan diuruskan oleh Kementerian Perpaduan Negara," katanya.

e-Sepakat adalah mekanisme pengurusan isu perpaduan yang dilaksanakan J-PERPADUAN bagi pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi.

Aaron berkata pihaknya bekerjasama rapat dengan Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara bagi mengatasi kes membabitkan isu perpaduan.

"Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberikan fokus kepada pelaksanaan program utama di kawasan hotspot, pengurusan isu perpaduan dan program berteraskan keharmonian," katanya.

Sementara itu, beliau berkata sebanyak 730 program merangkumi 300 program berimpak tinggi telah dilaksanakan Kementerian Perpaduan Negara sepanjang tahun lepas berteraskan kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Pepaduan dan Komuniti RAHMAH.

"Kejayaan ini bukan milik seorang individu tetapi adalah hasil kerjasama erat dan semangat kerja berpasukan di setiap lapisan organisasi," katanya. -TVS

Sistem e-Sepakat bakal diperluas orang ramai lapor isu berkaitan perpaduan

14 Januari 2025



Aaron melancarkan buku "Iltizam Perpaduan 2025" pada Majlis Amanat Tahun Baru 2025 di Kementerian Perpaduan Negara, hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri Perpaduan Negara K. Saraswathy (kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (kiri).-Gambar BERNAMA

PUTRAJAYA: Penggunaan sistem e-Sepakat akan diperluaskan kepada orang ramai pada tahun ini, bagi membolehkan mereka membuat laporan berkaitan isu perpaduan di peringkat akar umbi dengan lebih mudah dan berkesan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata sepanjang tahun lepas, sebanyak 231 kes telah direkodkan menerusi sistem e-Sepakat yang dikendalikan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (J-PERPADUAN).

Berucap pada majlis amanat Menteri Perpaduan Negara 2025 di sini hari ini, beliau berkata daripada jumlah itu, 103 kes adalah berhubung isu agama, 89 kes berkaitan kenyataan berbaur kebencian manakala 39 kes adalah isu perkauman.

"Sistem e-Sepakat ini cuma dikendalikan pegawai perpaduan di peringkat daerah. Saya difahamkan untuk tahun ini, kita akan membuka penggunaan sistem e-Sepakat untuk orang ramai.

"Orang ramai boleh membuat laporan melalui sistem e-Sepakat, di mana maklumat tersebut akan diselaraskan dan diuruskan oleh Kementerian Perpaduan Negara," katanya.

e-Sepakat adalah mekanisme pengurusan isu perpaduan yang dilaksanakan J-PERPADUAN bagi pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi.

Aaron berkata pihaknya bekerjasama rapat dengan Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara bagi mengatasi kes membabitkan isu perpaduan.

"Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberikan fokus kepada pelaksanaan program utama di kawasan hotspot, pengurusan isu perpaduan dan program berteraskan keharmonian," katanya.

Sementara itu, beliau berkata sebanyak 730 program merangkumi 300 program berimpak tinggi telah dilaksanakan Kementerian Perpaduan Negara sepanjang tahun lepas berteraskan kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Pepaduan dan Komuniti RAHMAH.

"Kejayaan ini bukan milik seorang individu tetapi adalah hasil kerjasama erat dan semangat kerja berpasukan di setiap lapisan organisasi," katanya.

Sinar Harian

Sistem e-Sepakat dibuka kepada orang ramai dalam masa terdekat

14 Januari 2025



Datuk Aaron Ago Dagang ketika dalam sidang akhbat selepas menyampaikan amanat kepada kakitangan KPN di Kompleks F pada Selasa.

PUTRAJAYA - Sistem e-Sepakat yang diperkenalkan sejak 2009 bertujuan menggerakkan kerja pengesanan, pemantauan dan pelaporan isu perpaduan secara digital akan dibuka kepada orang awam dalam masa terdekat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sebelum ini sistem berkenaan hanya boleh digunakan oleh pegawai Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sahaja.

"Kalau dahulu e-Sepakat untuk pegawai kita namun sekarang kita buka kepada orang awam yang ada maklumat atau isu yang sensitif di peringkat akar umbi.

"Inisiatif itu dibuat bagi memastikan semua pihak dapat menggunakan sistem berkenaan. Semua daerah kita ada," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis Amanat bersama kakitangan KPN di Kompleks F di sini pada Selasa.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Saraswathy Kandasami; Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Mohamad Sobri Mat Daud; Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin A.Kasim dan Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Datuk Che Roslan Che Daud.

Menerusi majlis tersebut, Aaron mengumumkan tema tahun 2025 adalah 'Harmoni dalam Kepelbagaian'.

Tambah Aaron, pada tahun 2024 sebanyak 231 kes direkodkan dengan melibatkan pelbagai isu.

"Antaranya adalah isu agama sebanyak 103 kes, berhubung kenyataan berbaur kebencian (89 kes) dan 39 kes aduan melibatkan perkauman.

"Bagi mengatasi dan menguruskan perkara ini, kementerian bekerjasama rapat dengan Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan sebagainya," katanya.

Malaysia Tribune

KPN akan buka akses eSepakat, mudahkan orang ramai buat aduan isu perpaduan

14 Januari 2025



PUTRAJAYA - Orang ramai boleh membuat aduan mengenai isu perpaduan kaum kepada Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi sistem eSepakat, tidak lama lagi.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sistem yang dibangunkan sejak 2010 itu sebelum ini digunakan kakitangan KPN bagi pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi.

"Langkah pembaharuan ini akan memudahkan orang ramai untuk membuat aduan secara terus kepada KPN," katanya.

Aaron berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Menteri Perpaduan kepada warga KPN, di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perpaduan, Saraswathy Kandasami dan Ketua Setiausaha KPN, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Bagi tahun 2024, kata Aaron, sebanyak 231 kes direkodkan menerusi eSepakat, iaitu 103 kes berhubung isu agama, 89 kes berhubung kenyataan berbaur kebencian dan 39 kes berhubung isu perkauman.

"Sehubungan itu, KPN akan terus memberikan fokus kepada pelaksanaan program utama di kawasan hotspot, pengurusan isu perpaduan dan program berteraskan keharmonian," katanya lagi.

Tambahnya, KPN akan mengumumkan dalam jangka masa terdekat bila sistem itu boleh mula diakses secara umum.

Sementara itu, bagi tahun 2025, Aaron berkata, KPN memilih 'Harmoni Dalam Kepelbagaian' sebagai tema dan landasan utama hala tujunya.

"Tema ini akan menjadi landasan utama dalam menuju 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian'.

"Seperti dinyatakan dalam Dasar Perpaduan Negara, Perpaduan adalah kesatuan masyarakat yang masih diidamkan dan merupakan matlamat akhir Malaysia yang berbilang etnik," katanya lagi.

Beliau kemudian turut berkongsi empat ikhtiar yang akan menjadi keutamaan KPN dalam 2025.

"Ikhtiar pertama adalah Ekosistem Perpaduan yang akan menjadi platform untuk memupuk interaksi yang lebih erat antara komuniti, dan kedua, Inisiatif Harmoni MADANI sebagai usaha meningkatkan dan memperkukuhkan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum serta penganut agama di negara ini.

"Ini diikuti dengan Eksplorasi Rukun Negara yang akan meningkatkan penghayatan serta memperkasa nilai-nilai Rukun Negara sebagai nadi kepada perpaduan

negara, dan akhirnya Komuniti Sosio-Budaya bagi melahirkan rakyat Malaysia yang peka dan menghargai khazanah warisan negara terutamanya berkaitan muzium, arkib dan perpustakaan," katanya lagi.

NEW STRAITS TIMES

e-Sepakat now open to public to report hate speech, racial issues

14 January 2025



Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang. - NSTP FILEPIC

PUTRAJAYA: The e-Sepakat system, which tracks religious issues, hate speech, and racially-charged comments, will be made available to the public later this year.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said that the system would allow individuals at the grassroots level to report sensitive issues or concerns related to national unity.

Previously used only by officers, the system will now be accessible across all districts to enable broader public participation.

"At the grassroots level, those with sensitive information can now use the e-Sepakat system to report issues," he said in a press conference following his New Year's address to ministry staff today.

Also present were his deputy, K. Saraswathy, and the ministry's secretary-general, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

In his address, Aaron said that in 2024, the system recorded 231 cases, including 103 related to religious matters, 89 involving hate speech, and nine concerning racial issues.

"To tackle these concerns, the Ministry has been collaborating with the Communications Ministry, the Malaysian Communications and Multimedia Commission, the Royal Malaysia Police, the National Security Council, and other agencies.

"The ministry will continue to focus on key programmes, particularly in hotspot areas, to address unity challenges and promote harmony," he said.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Sistem e-Sepakat rekod 231 kes isu perpaduan, 3R tahun lalu

14 Januari 2025



AARON Ago Dagang (tengah) menyerahkan buku Iltizam Perpaduan 2025 pada Majlis Amanat Menteri Perpaduan Negara Tahun 2025 di Putrajaya. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PUTRAJAYA: Sebanyak 231 kes melibatkan isu perpaduan direkodkan sepanjang tahun lalu melalui sistem e-Sepakat termasuk berkait agama, kaum dan raja (3R).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, jumlah itu merangkumi 103 kes berhubung isu agama, 89 kes kenyataan berbaur kebencian dan 39 kes isu perkauman menerusi sistem itu yang dilaksanakan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (J-Perpaduan).

"Bagi mengatasi dan menguruskan perkara tersebut, pihak kementerian bekerjasama rapat dengan Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.

"Oleh itu, kementerian akan terus memberikan fokus kepada pelaksanaan program utama di kawasan-kawasan hotspot, pengurusan isu perpaduan dan program berteraskan keharmonian," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Menteri Perpaduan Negara Tahun 2025 di sini hari ini.

Sistem e-Sepakat merupakan mekanisme pengurusan isu perpaduan yang dilaksanakan oleh J-Perpaduan bagi pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi.

Selain itu, beliau turut memaklumkan sistem e-Sepakat dijangka boleh diakses oleh orang ramai bermula tahun ini bagi menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan yang sebelum ini dikendalikan dalam kalangan Pegawai Perpaduan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, untuk memastikan kesinambungan kestabilan negara, pihaknya akan memperkenalkan konsep Negara Bangsa bagi membentuk masyarakat yang bersatu padu, menghormati perbezaan dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia.

"Negara Bangsa adalah satu usaha untuk menyatukan semua perbezaan ini di bawah payung identiti nasional.

"Bagi merealisasikan konsep ini, satu Konvensyen Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan akan diadakan," katanya. – UTUSAN

myMetro

Sistem e-Sepakat diperluas kepada orang ramai lapor isu perpaduan

14 Januari 2025



Putrajaya: Penggunaan sistem e-Sepakat akan diperluaskan kepada orang ramai pada tahun ini bagi membolehkan mereka membuat laporan berkaitan isu perpaduan di peringkat akar umbi dengan lebih mudah dan berkesan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sepanjang tahun lalu, sebanyak 231 kes telah direkodkan menerusi sistem e-Sepakat yang dikendalikan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (J-PERPADUAN).

Berucap pada majlis amanat Menteri Perpaduan Negara 2025, di sini, hari ini, beliau berkata, daripada jumlah itu, 103 kes adalah berhubung isu agama, 89 kes berkaitan kenyataan berbaur kebencian manakala 39 kes adalah isu perkauman.

"Sistem e-Sepakat ini cuma dikendalikan pegawai perpaduan di peringkat daerah. Saya difahamkan untuk tahun ini, kita akan membuka penggunaan sistem e-Sepakat untuk orang ramai.

"Orang ramai boleh membuat laporan melalui sistem e-Sepakat, di mana maklumat tersebut akan diselaraskan dan diuruskan oleh Kementerian Perpaduan Negara," katanya.

e-Sepakat adalah mekanisme pengurusan isu perpaduan yang dilaksanakan J-PERPADUAN bagi pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi.

Aaron berkata, pihaknya bekerjasama rapat dengan Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara bagi mengatasi kes membabitkan isu perpaduan.

"Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberikan fokus kepada pelaksanaan program utama di kawasan 'hotspot', pengurusan isu perpaduan dan program berteraskan keharmonian," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 730 program merangkumi 300 program berimpak tinggi telah dilaksanakan Kementerian Perpaduan Negara sepanjang tahun lalu berteraskan kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Pepaduan dan Komuniti Rahmah.

"Kejayaan ini bukan milik seorang individu tetapi adalah hasil kerjasama erat dan semangat kerja berpasukan di setiap lapisan organisasi," katanya.

TheStar

e-Sepakat system for reporting unity issues to be opened to public this year

14 January 2025



PUTRAJAYA: The e-Sepakat system for managing unity issues and monitoring grassroots-level unity concerns will be expanded to the public this year to make reporting easier, says National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang (pic).

"The system is currently managed by district unity officers... this year, we will open up access to the public... so we can standardise the information, which will be managed by my ministry," he said when delivering his New Year message on Tuesday (Jan 14).

He said throughout last year, 231 cases were recorded through the system under the National Unity and Integration Department.

He said of this figure, 103 cases were related to religious issues, 89 involved hate speech, and 39 were racial issues.

Aaron said the ministry is working closely with the Communications Ministry, Malaysian Communications and Multimedia Commission, Royal Malaysia Police and the National Security Council to tackle unity-related cases.

"The National Unity Ministry will continue to focus on implementing key programmes in hotspot areas, managing unity issues and conducting harmony-based programmes," he added.

Meanwhile, he said the ministry had hosted 730 programmes, including 300 high-impact initiatives, last year under the Semarak Kenegaraan (nationalism spirit), Semarak Perpaduan (unity spirit) and Komuniti Rahmah (compassionate community) clusters.

"This success is not the work of an individual, but the result of close collaboration and a team spirit at every level of the organisation," he said. – Bernama

ceritera PENYATUBANGSA

Sistem e-Sepakat rekod 231 kes isu perpaduan, 3R pada 2024

14 Januari 2025



PUTRAJAYA: Sebanyak 231 kes melibatkan isu perpaduan direkodkan sepanjang tahun lalu melalui sistem e-Sepakat termasuk berkait agama, kaum dan raja (3R).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, jumlah itu merangkumi 103 kes berhubung isu agama, kenyataan berbaur kebencian (89 kes) dan isu perkauman (39 kes) menerusi sistem itu yang dilaksanakan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (J-Perpaduan).

"Bagi mengatasi dan menguruskan perkara tersebut, pihak kementerian bekerjasama rapat dengan Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC), Polis Diraja Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.

"Kementerian akan terus memberikan fokus kepada pelaksanaan program utama di kawasan-kawasan hotspot, pengurusan isu perpaduan dan program berteraskan keharmonian," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Menteri Perpaduan Negara Tahun 2025 di sini hari ini.

Sistem e-Sepakat merupakan mekanisme pengurusan isu perpaduan yang dilaksanakan oleh J-Perpaduan bagi pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi.

Beliau turut memaklumkan sistem e-Sepakat dijangka boleh diakses oleh orang ramai bermula tahun ini bagi menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan yang sebelum ini dikendalikan dalam kalangan Pegawai Perpaduan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, untuk memastikan kesinambungan kestabilan negara, pihaknya akan memperkenalkan konsep Negara Bangsa bagi membentuk masyarakat yang bersatu padu, menghormati perbezaan dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia.

"Negara Bangsa adalah satu usaha untuk menyatukan semua perbezaan ini di bawah payung identiti nasional.

"Bagi merealisasikan konsep ini, satu Konvensyen Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan akan diadakan," katanya.

BERITA RTM

Sistem e-Sepakat bakal dibuka kepada orang awam

14 Januari 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang / Foto Bernama

PUTRAJAYA, 14 Januari – Sistem e-Sepakat, yang diperkenalkan pada 2009 untuk pengesanan, pemantauan, dan pelaporan isu perpaduan secara digital, akan dibuka kepada orang awam dalam masa terdekat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata sistem itu bertujuan memudahkan masyarakat membuat laporan berkaitan isu perpaduan di peringkat akar umbi dengan lebih mudah dan berkesan.

"Kalau dahulu, e-Sepakat hanya untuk pegawai kita, namun sekarang kita buka kepada orang awam yang mempunyai maklumat atau isu sensitif di peringkat akar umbi. Inisiatif ini memastikan semua pihak dapat menggunakan sistem berkenaan. Semua daerah ada akses," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis amanat bersama kakitangan Kementerian Perpaduan Negara (KPN), di sini.

Menurut Ago Dagang, tahun lalu, sebanyak 231 kes berkaitan isu perpaduan direkodkan.

Antaranya isu agama sebanyak 103 kes, kenyataan berbaur kebencian 89 kes dan aduan perkauman 39 kes.

星洲日报 SIN CHEW DAILY

团结部长：涉及种族宗教 开放eSepakat举报仇恨论

2025年01月14日



艾伦达干（图：马新社）

（布城14日讯）团结部长拿督艾伦达干说，团结部决定在今年内开放部门旗下的电子共识系统

（eSepakat）平台给民众，让他们向团结部举报任何涉及种族或宗教仇恨之言论，或威胁各族团结 的消息。

他说，eSepakat原本只提供该部县级官员所使用和收集投诉案例，今年内则将开放给民众使用。

艾伦达干今日发表2025年部长献词时指出，目前该部官员正在开通eSepakat网站给民众使用。

他说，去年该系统共接获了231宗涉及种族和宗教仇恨言论的投报，跟宗教有关的言论占了103宗，89 宗涉及憎恨言论，另39宗为种族极端言论。

应避免炒作放大敏感课题

另一方面，针对旅游、艺术及文化部的2026大马旅游年宣传视频被指没有把清真寺等伊斯兰元素的景 点列入，艾伦达干受询时回应说，类似这种具有敏感成分的课题，应该避免被拿来炒作及放大。

他说，如果没过于渲染，上述课题就不会成为敏感课题。

TheStar

Public can report unity issues via e-Sepakat, says Aaron

15 January 2025

PUTRAJAYA: The e-Sepakat system, a mechanism for managing unity issues and monitoring grassroots-level unity concerns, will be expanded to the public this year to facilitate reporting, says National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

"Although the e-Sepakat system is currently managed by district unity officers this year, we will open up access to the public so that we can standardise the information, which will be managed by the National Unity Ministry," he said.

Speaking at a ceremony to deliver his New Year message, Aaron said 231 cases were recorded last year through the system under the National Unity and Integration Department.

Of the figure, 103 cases were related to religious issues, 89 involved hate speech and 39 were racial issues, he said.

Aaron said the ministry is working closely with the Communications Ministry, Malaysian Communications and Multimedia Commission, the police and the National Security Council to tackle unity-related cases.

"The National Unity Ministry will continue to focus on implementing key programmes in hotspot areas, managing unity issues and conducting harmony-based programmes," he said, Bernama reported.

The ministry organised 730 programmes last year, featuring 300 high-impact initiatives.

These initiatives were part of the Semarak Kenegaraan (nationalism spirit), Semarak Perpaduan (unity spirit) and Komuniti Rahmah (compassionate community) clusters.

"This success is not the work of one individual, but the result of close collaboration and team spirit at every level of the organisation," he said.

NEW STRAITS TIMES

Public will get access to e-Sepakat

15 January 2025



WEDNESDAY, JANUARY 15, 2025 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS 5

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang (centre) launching a book titled 'Ikhtisar Perpaduan 2025' during his New Year's address to ministry staff yesterday in Putrajaya. With him is his deputy, K. Saraswathy, and ministry secretary-general Datuk Seri Hasmol Zam Zam Ahmad.

REPORTING ISSUES RELATED TO NATIONAL UNITY

'Public will get access to e-Sepakat'

PUTRAJAYA: The e-Sepakat system, which tracks religious issues, hate speech and racially charged comments, will be made available to the public later this year.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the system — previously used only by officers — would allow people to report sensitive issues or concerns related to national unity.

"Those with sensitive information can use the e-Sepakat system to report issues," he said after his New Year's address to ministry staff.

Present were his deputy K. Saraswathy and the ministry's secretary-general Datuk Seri Hasmol Zam Zam Ahmad.

In his address, Aaron said that last year, the system recorded 231 cases, including 105 related to religious matters, 89 involving hate speech and nine concerning racial issues.

"To tackle these concerns, the ministry has been collaborating with the Communications Ministry, the Malaysian Communications and Multimedia Commission, the police, the National Security Council and other agencies.

In his address earlier, Aaron said the ministry was planning to organise a national nation-state convention this year to unite Malaysia's diverse communities under a common national identity.

Meanwhile, Aaron said as Malaysia holds the Asean chairmanship this year, the National Library will be hosting the 19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting of World Trade Centre Kuala Lumpur from June 16 to 19.

He said the theme of the event is "Inclusive Knowledge: Bridging Divides, Empowering All".

He also outlined four key priorities of the National Unity Ministry this year.

"First, to have a unity ecosystem that serves as a platform to foster closer interaction between communities.

"Second, is the Madani harmony initiative to enhance and strengthen harmony among Malaysia's multi-racial and multi-religious communities."

To achieve them, Aaron said thirdly, the Rukun Negara would be explored and reviewed to increase awareness and empower its values among the people.

He said the last initiative is to foster a socio-cultural community of Malaysians who are aware of and appreciative of the country's heritage.

星洲日報 SIN CHEW DAILY

eSepakat boleh melaporkan teori kebencian

15 Januari 2025



星洲日報 SIN CHEW DAILY

團結部長：涉及種族宗教

eSepakat可舉報仇恨論

"和而不同"全年主題

中國報 CHINAPRESS

Orang ramai boleh melaporkan isu perpaduan

15 Januari 2025

（布城14日讯）国家团结部长拿督艾伦达干指出，电子共识系统（E-Sepakat）的使用范围，将在今年扩大到公众，以使民众能够更轻松、更有效投报基层的团结问题。

他说，去年一整年，电子共识系统共录得231宗有关3R（种族、宗教和王室）的案件，其中103宗与宗教课题有关，89宗与仇恨言论有关，以及39宗与种族课题有关。

“电子共识系统目前是由县级的团结官员管理。据我所知，电子共识系统会在今年开放给公众作出投报，这些资料将由国家团结部协调和管理。”

艾伦达干今日在国家团结部常月集会上指出，该部和通讯部、通讯及多媒体委员会、警方及国家安全理事会紧密配合，以解决团结课题相关的案件。

電子共識系統擴大
公衆可投報團結問題

“国家团结部将继续侧重于在热点地区实施主要计划、处理团结课题，以及以和谐为中心的计划。

此外，艾伦达干指出，该部在去年共展开730项计划，其中300项是以国家意识活力活动（Program Semarak Kenegaraan）、团结活力活动（Program Semarak Perpaduan），以及和谐关爱活动（Program Semarak Rahmah）为主轴的高效能计划。

“这不是个人成就，是每个机构的紧密合作与团队工作的成果。”

国家团结部副部长莎拉华蒂与秘书长拿督斯里哈斯奴，也出席部门常月集会。



■艾伦达干（中）推介《2025年的团结承诺》；左起是哈斯奴与莎拉华蒂。

建立團結社會
引入“民族國家”概念

艾伦达干说，政府会引入“民族国家”（Negara Bangsa）的概念，以建立一个团结、尊重各族差异和共享大马人身分的社会。

他说，“民族国家”并非是要否认文化、宗教或习俗的多样性，而是努力在民族认同的保护伞下团结所有差异。

“今年，我还想让大家认识到并强化一个对于确保国家持续稳定非常重要的概念，即‘民族国家’的概念。”

他说，他已经指示国家团结部秘书长拿督斯里哈斯努占占，研究其建议和组织全国民族国家大会。

艾伦达干说，团结部2025年的主题是“多元中的和谐”，因此国人必须一同加强团结，将其作为国家稳定和进步的核心。

南洋商報 NANYANG SIANG PAU

Perpaduan membuka eSepakat untuk orang ramai melaporkan ucapan pelampau

15 Januari 2025

团结部将开放eSepakat
供民众举报极端言论

（布城14日讯）国民团结部将在今年内开放部门旗下的电子共识系统（eSepakat）平台，供民众举报任何涉及种族或宗教仇恨的言论，或威胁各族团结的信息。

部长拿督艾伦达干指出，目前团结部官员正在开通eSepakat网站给民众使用。

“eSepakat原本只是供团结部县级官员使用及收集投诉案例，今年内则将开放给民众使用。”

艾伦达干今日发表2025年部长献词时指出，去年该系统共接获231宗涉及种族和宗教仇恨言论的投报。

“其中，跟宗教有关的言论占103宗，89宗涉及憎恨言论，另39宗则是种族极端言论。”

针对旅游、艺术及文化部的2026大马旅游年宣传视频被指没有把回教堂等回教元素的景点列入，艾伦达干回应道，类似这种具有敏感成分的课题，应该避免被拿来炒作及放大。

他认为，如果不过于渲染，上述课题就不会成为敏感课题。

另一方面，艾伦达干指出，团结部已圈定“和而不同”作为2025全年的主题和发展路线。

他说，和而不同是实现多元团结的主要基础，诚如国家团结政策所指出，我国各族仍然渴望团结，这也是在多元种族社会中持续实现的马来西亚最终目标。



艾伦达干（中）表示，今年将开放eSepakat供民众使用。右为团结部副部长莎拉瓦蒂，左为部门秘书拿督斯里哈斯努占占。

Sinar Harian

Sistem e-Sepakat dibuka kepada orang ramai masa terdekat

15 Januari 2025

Sistem e-Sepakat dibuka kepada orang ramai masa terdekat

PUTRAJAYA - Sistem e-Sepakat yang diperkenalkan sejak 2009 bertujuan menggerakkan kerja pengesanan, pemantauan dan pelaporan isu perpaduan secara digital akan dibuka kepada orang awam dalam masa terdekat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sebelum ini sistem berkenaan hanya boleh digunakan oleh pegawai Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sahaja.

"Kalau dahulu e-Sepakat untuk pegawai, namun sekarang kita buka kepada orang awam yang ada maklumat atau isu yang sensitif di peringkat akar umbi.

"Inisiatif itu dibuat bagi memastikan semua pihak dapat menggunakan sistem berkenaan. Semua daerah kita ada," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis amanat bersama kakitangan KPN di Kompleks F di sini pada Selasa.

Dalam majlis tersebut, Aaron mengumumkan tema tahun 2025 adalah 'Harmoni dalam kepelbagaian'.

Tambah Aaron, pada tahun 2024 sebanyak 231 kes direkodkan dengan melibatkan pelbagai isu.

"Antaranya isu agama 103 kes, berhubung kenyataan berbaur kebencian (89 kes) dan 39 kes aduan melibatkan perkauman," ujarnya.

Harian Metro

Sistem e-Sepakat bakal diperluas

15 Januari 2025

Sistem e-Sepakat bakal diperluas

Putrajaya: Penggunaan sistem e-Sepakat akan diperluaskan kepada orang ramai pada tahun ini bagi membolehkan mereka membuat laporan berkaitan isu perpaduan di peringkat akar umbi dengan lebih mudah dan berkesan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sepanjang tahun lalu, sebanyak 231 kes telah direkodkan menerusi sistem e-Sepakat yang dikendalikan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (J-PERPADUAN).

Berucap pada majlis amanat Menteri Perpaduan Negara 2025, 'di sini, semalam, beliau berkata, daripada jumlah itu, 103 kes adalah berhubung isu agama, 89 kes berkaitan kenyataan berbaur kebencian manakala 39 kes adalah isu perkauman.

"Sistem e-Sepakat ini cuma dikendalikan pegawai perpaduan di peringkat daerah. Saya difahamkan untuk tahun ini, kita akan membuka penggunaan sistem e-Sepakat untuk orang ramai.

"Orang ramai boleh membuat laporan melalui sistem e-Sepakat, apabila maklumat tersebut akan diselaraskan dan diuruskan oleh Kementerian Perpaduan Negara," katanya.

e-Sepakat adalah mekanisme pengurusan isu perpaduan yang dilaksanakan J-PERPADUAN bagi pengesanan dan pemantauan isu perpaduan di peringkat akar umbi.

Aaron berkata, pihaknya bekerjasama rapat dengan Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Polis Diraja Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara bagi mengatasi kes membabitkan isu perpaduan.

"Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberikan fokus kepada pelaksanaan program utama di kawasan 'hotspot', pengurusan isu perpaduan dan program berteraskan keharmonian," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 730 program merangkumi 300 program berimpak tinggi telah dilaksanakan Kementerian Perpaduan Negara sepanjang tahun lalu berteraskan kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.

"Kejayaan ini bukan milik seorang individu tetapi adalah hasil kerjasama erat dan semangat kerja berpasukan di setiap lapisan organisasi," katanya.

Orang ramai boleh membuat laporan melalui sistem e-Sepakat, apabila maklumat tersebut akan diselaraskan dan diuruskan oleh Kementerian Perpaduan Negara"

Aaron Ago Dagang



BERNAMA

Sistem E-Sepakat Bakal Diperluas Orang Ramai Lapor Isu Berkaitan Perpaduan – Aaron

14 Januari 2025



pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 di Kementerian Perpaduan Negara, Putrajaya hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri Perpaduan Negara K. Saraswathy (kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (kiri)

BERNAMA

Nation-State Concept To Be Introduced To Form United Society – Aaron

14 January 2025

PUTRAJAYA, Jan 14 (Bernama) -- The concept of a nation-state will be introduced to form a united society that respects differences and shares a common identity as Malaysians, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He explained that the nation-state concept did not seek to undermine diversity in culture, religion, or customs but rather served as an initiative to unite all these differences under the umbrella of a national identity.

"This year, I would like us all to appreciate and strengthen a vital concept that ensures the continuity of the country's stability, namely the nation-state concept. It is more than just a term.

"I have also asked National Unity Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad to look into the proposal to organise a national-level nation-state convention," he said when delivering his New Year's message here today.

Meanwhile, Aaron said that the National Unity Ministry, in collaboration with the Prime Minister's Department (Religious Affairs), would implement the Harmony Charter this year, encompassing six principles, 12 values of harmony, 32 guidelines, and nine directions.

"The Harmony Charter also includes guidelines on actions to avoid in order to foster stronger relations among communities of diverse races, religions, and cultures.

"Racial and religious polarisation, socioeconomic imbalances, and external threats require us to unite and work together. The key to success lies in close cooperation across all levels of society," he said.

Aaron also outlined four key initiatives that would set the direction for the National Unity Ministry this year, namely the Unity Ecosystem, Civil Harmony Initiative, Exploration of Rukun Negara, and Socio-Cultural Community.

"The year 2025 requires us to further strengthen unity as the cornerstone of the country's stability and progress," he said, adding that the ministry's theme for the year is "Harmony in Diversity" .

--BERNAMA

Konsep Negara Bangsa Bakal Diperkenal, Bentuk Masyarakat Bersatu Padu – Aaron

BERNAMA 14 Januari 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang melancarkan buku "Iltizam Perpaduan 2025" pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 di Kementerian Perpaduan Negara, Putrajaya hari ini. Turut hadir Timbalan Menteri Perpaduan Negara K. Saraswathy (kanan) dan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (kiri).

PUTRAJAYA, 14 Jan (Bernama) -- Konsep Negara Bangsa akan diperkenalkan untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu, menghormati perbezaan, dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata Negara Bangsa tidak bermaksud menafikan kepelbagaian budaya, agama atau adat resam sebaliknya iaadalah satu usaha untuk menyatukan semua perbezaan di bawah payung identiti nasional.

"Tahun ini, saya ingin juga membawa kita semua untukmenghayati dan memperkukuhkan satu konsep yang sangatpenting dalam memastikan kesinambungan kestabilan negaraiaitu konsep Negara Bangsa. Negara Bangsa adalah lebih daripada sekadar istilah.

"Saya juga telah meminta Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad untuk meneliti cadangan menganjurkan satu Konvokesyen NegaraBangsa peringkat kebangsaaan," katanya ketika berucap pada majlis amanat Menteri Perpaduan Negara 2025 di sini hari ini.

Sementara itu, Aaron berkata Kementerian Perpaduan Negara dan menjalankan Piagam Harmoni yang merangkumi enam prinsip, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan sembilan hala tuju.

"Piagam Harmoni itu turut mengandungi satu garis paduan meliputi perkara yang perlu dielak dalam memperkasa hubungan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

"Polarisasi kaum dan agama, ketidakseimbangan sosioekonomi serta ancaman dari luar memerlukan kita semua bersatu hati dan berganding bahu. Kunci kejayaan kita adalah kerjasama erat antara semua lapisan masyarakat," katanya.

Aaron turut menggariskan empat ikhtiar utama, iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosio-Budaya yang akan menjadi asas hala tuju Kementerian Perpaduan Negara tahun ini.

"Tahun 2025 menuntut kita untuk terus memperkukuhkan perpaduan sebagai teras kepada kestabilan dan kemajuan negara," katanya menambah, tema kementerian pada tahun ini adalah 'Harmoni Dalam Kepelbagaian". -- BERNAMA

OH MY MEDIA

KPN laksana empat ikhtiar utama bagi agenda perpaduan negara

14 Januari 2025



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) laksana empat ikhtiar utama yang akan menjadi keutamaan kementerian itu dalam agenda perpaduan negara sepanjang tahun 2025.

Menerusi satu kenyataan, KPN menyatakan Ikthiar 1 yang akan diperkenalkan adalah Ekosistem Perpaduan dimana ia menjadi platform untuk memupuk interaksi yang lebih erat antara komuniti.



"Ikhtiar 2 adalah Inisiatif Harmoni MADANI sebagai usaha meningkatkan dan memperkukuhkan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum serta penganut agama di negara ini.

"Manakala, Ikhtiar 3 adalah Eksplorasi Rukun Negara dengan meningkatkan penghayatan serta memperkasa nilai-nilai Rukun Negara sebagai nadi kepada perpaduan negara.

"Ikthiar 4 pula adalah Komuniti Sosio-Budaya bagi melahirkan rakyat Malaysia yang peka dan menghargai khazanah warisan negara terutamanya berkaitan muzium, arkib dan perpustakaan," kata KPN hari ini.

Keempat-empat program ikthiar itu akan menyaksikan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program merentasi jabatan dan agensi sepanjang tahun ini sebagai usaha mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa.

Dalam pada itu menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata sebagai usaha untuk memastikan kesinambungan kestabilan negara, KPN bakal memperkenalkan konsep Negara Bangsa.

"Ini bagi membentuk satu masyarakat bersatu padu, menghormati perbezaan dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia.

"Negara Bangsa adalah satu usaha untuk menyatukan semua perbezaan ini di bawah payung identiti nasional. Bagi merealisasikan konsep ini, satu Konvensyen Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan akan diadakan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan amanat tahun baharu kepada seluruh pegawai dan kakitangan KPN di Dewan Damar Sari, Kompleks F pada Selasa.

Susulan itu, Harmoni Dalam Kepelbagaian telah dipilih sebagai tema dan landasan utama hala tuju KPN menuju Perpaduan Dalam Kepelbagaian pada tahun 2025.

Pada masa sama, KPN juga akan bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bagi menjayakan pelaksanaan Piagam Harmoni yang merangkumi enam prinsip, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan sembilan hala tuju.

Sementara itu, Aaron turut mengimbas pencapaian utama KPN sepanjang tahun 2024 dimana kementeriannya telah berjaya melaksanakan 730 program dan 300 daripadanya merupakan program berimpak tinggi yang berteraskan kepada kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.

Program tersebut termasuk Rukun Tetangga Progresif, Sambutan Minggu Perpaduan, Biasiswa Tunku Abdul Rahman, Liga Sukan Uniti, Inisiatif Harmoni MADANI, Friends of Unity dan banyak lagi.

Perkenal konsep Negara Bangsa, KPN laksana empat ikhtiar

Pada majlis sama, beliau mengumumkan sempena Malaysia sebagai Kepengerusian ASEAN 2025, KPN melalui Perpustakaan Negara Malaysia akan menganjurkan 19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting (CONSAL XIX).

Penganjuran program dengan temanya Inclusive Knowledge: Bridging Divides, Empowering All ini akan dilangsungkan pada bulan Jun di Kuala Lumpur.

KPN akan terus komited dalam memastikan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memeliharan perpaduan dalam kalangan rakyat terutama melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13).

ROTIKAYA

Harmoni Dalam Kepelbagaian: Misi Kementerian Perpaduan Negara 2025

14 Januari 2025



"Perpaduan bukan sekadar slogan, ia adalah asas kestabilan negara kita!"

Begitulah mesej yang ditekankan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, dalam amanat tahun baharunya di Putrajaya. Dengan tema 'Harmoni Dalam Kepelbagaian', tahun 2025 akan menjadi tahun yang penuh warna-warni untuk perpaduan negara kita.

Apa Fokus KPN Tahun 2025?
KPN tidak main-main! Mereka telah merancang empat ikhtiar utama:

1. Ekosistem Perpaduan

Platform ini akan jadi tempat rakyat kita saling berinteraksi, lebih mesra, dan memahami antara satu sama lain.

2. Inisiatif Harmoni MADANI

Usaha ini mahu tingkatkan keharmonian antara pelbagai kaum dan agama. Dah tiba masanya kita kukuhkan hubungan sesama rakyat.



3. Eksplorasi Rukun Negara

Bukan sekadar hafal, tapi benar-benar hayati nilai-nilai Rukun Negara supaya semangat perpaduan jadi nadi negara.

4. Komuniti Sosio-Budaya

Fokus pada warisan negara seperti muzium, arkib, dan perpustakaan. Ini bukan sekadar tentang sejarah, tapi cara kita hargai identiti sebagai rakyat Malaysia.

Apa Lagi Yang Menarik?

KPN tak berhenti di situ! Mereka akan bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri untuk melancarkan Piagam Harmoni yang ada 6 prinsip, 12 nilai keharmonian, dan 9 hala tuju. Dengan ini, kita akan ada panduan untuk hidup lebih harmoni.

Selain itu, Malaysia juga bakal jadi tuan rumah untuk 19th Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL XIX) pada Jun nanti. Ini adalah platform untuk ilmu dan perpaduan serantau!

Refleksi Tahun 2024

Tahun lepas, KPN berjaya melaksanakan lebih 730 program! Antara yang paling berimpak tinggi ialah:

- Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif
- Liga Sukan Uniti
- Biasiswa Tunku Abdul Rahman Dan banyak lagi!

Perpaduan Tanggungjawab Bersama

Jelaslah, tahun 2025 bakal jadi tahun yang lebih padu untuk Malaysia. Dengan tema *Harmoni Dalam Kepelbagaian*, kita semua ada peranan untuk pastikan negara terus bersatu padu. Ingat, perpaduan adalah tanggungjawab kita bersama!

MALAY.NEWS

KPN laksana empat ikhtiar utama bagi agenda perpaduan negara

14 Januari 2025



Kementerian Perpaduan Negara atau KPN laksana empat ikhtiar utama yang akan menjadi keutamaan kementerian itu dalam agenda perpaduan negara sepanjang tahun 2025.

Menerusi satu kenyataan, KPN menyatakan Ikthiar 1 yang akan diperkenalkan adalah Ekosistem Perpaduan yang mana ia menjadi platform untuk memupuk interaksi yang lebih erat antara komuniti.



"Ikhtiar 2 adalah Inisiatif Harmoni MADANI sebagai usaha meningkatkan dan memperkukuhkan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum serta penganut agama di negara ini.

"Manakala, Ikhtiar 3 adalah Eksplorasi Rukun Negara dengan meningkatkan penghayatan serta memperkasa nilai-nilai Rukun Negara sebagai nadi kepada perpaduan negara.

"Ikthiar 4 pula adalah Komuniti Sosio-Budaya bagi melahirkan rakyat Malaysia yang peka dan menghargai khazanah warisan negara terutamanya berkaitan muzium, arkib dan perpustakaan," kata KPN.

Keempat-empat program ikthiar ini akan menyaksikan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program merentasi jabatan dan agensi sepanjang tahun 2025 sebagai usaha KPN mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa.

Dalam pada itu, menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata sebagai usaha untuk memastikan kesinambungan kestabilan negara, KPN bakal memperkenalkan konsep Negara bangsa.



"Ini bagi membentuk satu masyarakat bersatu padu, menghormati perbezaan dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia.

"Negara Bangsa adalah satu usaha untuk menyatukan semua perbezaan ini di bawah payung identiti nasional. Bagi merealisasikan konsep ini, satu Konvensyen Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan akan diadakan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan amanat tahun baharu kepada seluruh pegawai dan kakitangan KPN di Dewan Damar Sari, Kompleks F pada Selasa.

Susulan itu, Harmoni Dalam Kepelbagaian telah dipilih sebagai tema dan landasan utama hala tuju KPN menuju Perpaduan Dalam Kepelbagaian pada tahun 2025.

Pada masa yang sama, KPN juga akan bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bagi menjayakan pelaksanaan Piagam Harmoni yang merangkumi enam prinsip, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan sembilan hala tuju.

Sementara itu, Aaron turut mengimbas pencapaian utama KPN sepanjang tahun 2024 yang mana kementeriannya telah berjaya melaksanakan 730 program dan 300 daripadanya merupakan program berimpak tinggi yang berteraskan kepada kluster Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.

Program itu termasuklah Rukun Tetangga Progresif, Sambutan Minggu Perpaduan, Biasiswa Tunku Abdul Rahman, Liga Sukan Uniti, Inisiatif Harmoni MADANI, Friends of Unity dan banyak lagi.

Pada majlis yang sama, Aaron turut mengumumkan sempena Malaysia sebagai Kepengerusian ASEAN 2025, KPN melalui Perpustakaan Negara Malaysia akan menganjurkan 19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting (CONSAL XIX).

Penganjuran program dengan temanya Inclusive Knowledge: Bridging Divides, Empowering All ini akan dilangsungkan pada bulan Jun di Kuala Lumpur.

KPN akan terus komited dalam memastikan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memeliharan perpaduan dalam kalangan rakyat terutama melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13).



NEW STRAITS TIMES

Ministry planning convention to unite diverse communities, promote national identity

14 January 2025



The National Unity Ministry is planning to organise a national nation-state convention (konvensyen negara bangsa) this year to unite Malaysia's diverse communities under a common national identity, says Minister Datuk Aaron Ago Dagang. - Bernama pic

PUTRAJAYA: The National Unity Ministry is planning to organise a national nation-state convention (konvensyen negara bangsa) this year to unite Malaysia's diverse communities under a common national identity, says Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

"As part of our effort to ensure the country's continued stability, the concept of a nation-state will be introduced to form a unified society that respects differences and shares a common identity as Malaysians.

"The nation-state concept aims to unite all these differences under the umbrella of a national identity. To realise this concept, a national nation-state convention will be held," he said in his ministry's New Year address here today.

Aaron said as Malaysia holds the Asean chairmanship this year, Perpustakaan Negara Malaysia will be hosting the 19th Congress of Southeast Asean Librarians General Conference and Meeting at the World Trade Centre Kuala Lumpur from June 16 to 19.

He said the theme of the event is "Inclusive Knowledge: Bridging Divides, Empowering All".

He also outlined four key priorities of the National Unity Ministry this year as part of the nation's broader unity agenda.

"First, to have a unity ecosystem that serves as a platform to foster closer interaction between communities.

"Second, is the Madani harmony initiative to enhance and strengthen harmony among Malaysia's multi-racial and multi-religious communities," he said.

To achieve them, Aaron said the Rukun Negara would be explored and reviewed to increase awareness and empower its values among the people.

He said the last initiative is to foster a socio-cultural community of Malaysians who are aware and appreciative of the country's heritage, particularly relating to museums, archives and libraries.

"These four efforts form the foundation of our direction this year. However, success will not be achieved without the close collaboration of all parties.

"I urge everyone, from the ministry staff and unity machinery, to the community at the grassroots level, to continue playing an active role in ensuring the success of every initiative," he said.

Present were his deputy, K. Saraswathy, and the ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

FMT

Konsep Negara Bangsa akan diperkenal, bentuk masyarakat bersatu-padu

14 Februari 2025

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata, ia suatu usaha untuk menyatukan semua perbezaan bawah payung identiti nasional.

PUTRAJAYA: Konsep Negara Bangsa akan diperkenalkan untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu, menghormati perbezaan dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia, kata Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, Negara Bangsa tidak bermaksud menafikan kepelbagaian budaya, agama atau adat resam, sebaliknya suatu usaha untuk menyatukan semua perbezaan bawah payung identiti nasional.

"Tahun ini, saya ingin juga membawa kita semua untuk menghayati dan memperkukuhkan satu konsep yang sangat penting dalam memastikan kesinambungan kestabilan negara iaitu konsep Negara Bangsa. Negara Bangsa adalah lebih daripada sekadar istilah.

"Saya juga telah meminta ketua setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Hasnol Zam Zam Ahmad untuk meneliti cadangan menganjurkan satu Konvokesyen Negara Bangsa peringkat kebangsaan," katanya pada majlis amanat Menteri Perpaduan Negara 2025 hari ini.

Sementara itu, Aaron berkata, Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada tahun ini akan menjalankan Piagam Harmoni yang merangkumi enam prinsip, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan sembilan hala tuju.

"Piagam Harmoni itu turut mengandungi satu garis panduan meliputi perkara yang perlu dielak dalam memperkasa hubungan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya," katanya.

"Polarisasi kaum dan agama, ketidakseimbangan sosioekonomi serta ancaman dari luar memerlukan kita semua bersatu hati dan berganding bahu. Kunci kejayaan kita adalah kerjasama erat antara semua lapisan masyarakat."

Aaron turut menggariskan empat ikhtiar utama, iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni Madani, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya yang akan menjadi asas hala tuju Kementerian Perpaduan Negara tahun ini.

"Tahun 2025 menuntut kita untuk terus memperkukuhkan perpaduan sebagai teras kepada kestabilan dan kemajuan negara," katanya menambah, tema kementerian pada tahun ini ialah 'Harmoni Dalam Kepelbagaian".



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang melancarkan buku 'Iltizam Perpaduan 2025' di Putrajaya hari ini. Turut hadir, timbalannya, K Saraswathy dan KSU kementerian, Hasnol Zam Zam Ahmad. (Gambar Bernama)

astro AWANI

‘Harmoni dalam kepelbagaian’ jadi tema hala tuju KPN 2025

14 Januari 2025



‘Harmoni dalam kepelbagaian’ telah dipilih sebagai tema dan landasan utama hala tuju Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menuju perpaduan dalam kepelbagaian pada tahun 2025.- Foto KPN

KUALA LUMPUR: ‘Harmoni dalam kepelbagaian’ telah dipilih sebagai tema dan landasan utama hala tuju Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menuju perpaduan dalam kepelbagaian pada tahun 2025.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang dalam satu kenyataan berkata, fokus utama KPN untuk mewujudkan platform dan tapak integrasi yang dapat meningkatkan interaksi sosial antara rakyat berbilang bangsa di negara ini.

“Tahun ini, saya ingin juga membawa kita semua untuk menghayati dan memperkukuhkan satu konsep yang sangat penting dalam memastikan kesinambungan kestabilan negara, iaitu konsep negara bangsa.

“Negara Bangsa adalah lebih daripada sekadar istilah. Ia merujuk kepada pembentukan satu masyarakat yang bersatu padu, menghormati perbezaan, dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia. Negara Bangsa tidak bermaksud menafikan kepelbagaian budaya, agama, atau adat resam kita.

“Sebaliknya, ia adalah satu usaha untuk menyatukan semua perbezaan ini di bawah satu payung besar identiti nasional,” katanya.

Tambah beliau, sepanjang tahun 2024, KPN melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah berjaya melaksanakan sebanyak 730 program merangkumi 300 program berimpak tinggi berteraskan kluster semarak kenegaraan, perpaduan dan komuniti rahmah.

Selain itu, KPN dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) akan bekerjasama dalam menjayakan pelaksanaan piagam harmoni merangkumi enam prinsip, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan sembilan hala tuju.

Beliau turut berkongsi empat ikhtiar utama KPN pada tahun 2025 antaranya mewujudkan ekosistem perpaduan lebih erat antara komuniti serta inisiatif harmoni Madani sebagai usaha memperkukuhkan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum serta penganut agama di negara ini.

Ikhtiar utama KPN juga merangkumi eksplorasi Rukun Negara dengan meningkatkan penghayatan serta memperkasa nilai-nilai Rukun Negara sebagai nadi kepada perpaduan negara dan komuniti sosio-budaya bagi melahirkan rakyat Malaysia yang peka dan menghargai khazanah warisan negara ini.

THE BORNEO POST

Nation-state concept to be introduced to form united society - Aaron

15 January 2025



Aaron, flanked by his deputy minister K. Saraswathy and Hasnol (left), show copies of the Harmony Charter, set to be launched this year. — Bernama photo

Nation-state concept to be introduced to form united society — Aaron

PUTRAJAYA: The concept of a nation-state will be introduced to form a united society that respects differences and shares a common identity as Malaysians, said National Unity Minister Dato Sri Aaron Ago Dagang.

He explained that the nation-state concept did not seek to undermine diversity in culture, religion, or customs but rather served as an initiative to unite all these differences under the umbrella of a national identity.

"This year, I would like us all to appreciate and strengthen a vital concept that ensures the continuity of the country's stability, namely the nation-state concept. It is more than just a term.

"I have also asked National Unity Ministry secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad to look into the proposal to organise a national-level nation-state convention," he said when delivering his New Year's message at the ministry here yesterday.

Meanwhile, Aaron said his ministry, in collaboration with the Prime Minister's Department (Religious Affairs), will implement the Harmony Charter this year encompassing six principles, 12 values of harmony, 32 guidelines, and nine directions.

"The Harmony Charter also includes guidelines on actions to avoid in order to foster stronger relations among communities of diverse races, religions, and cultures.

"Racial and religious polarisation, socioeconomic imbalances, and external threats require us to unite and work together. The key to success lies in close cooperation across all levels of society," he said.

Aaron also outlined four key initiatives that would set the direction for the National Unity Ministry this year, namely the Unity Ecosystem, Civil Harmony Initiative, Exploration of Rukun Negara, and Socio-Cultural Community.

"The year 2025 requires us to further strengthen unity as the cornerstone of the country's stability and progress," he said, adding that the ministry's theme for the year is 'Harmony in Diversity'. — Bernama

astro AWANI

Konsep Negara Bangsa bakal diperkenal, bentuk masyarakat bersatu padu – Aaron

14 Januari 2025



Aaron melancarkan buku "Iltizam Perpaduan 2025" pada Majlis Amanat Tahun Baru 2025 di Kementerian Perpaduan Negara, hari ini. - Gambar Bernama

PUTRAJAYA: Konsep Negara Bangsa akan diperkenalkan untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu, menghormati perbezaan, dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata Negara Bangsa tidak bermaksud menafikan kepelbagaian budaya, agama atau adat resam sebaliknya ia adalah satu usaha untuk menyatukan semua perbezaan di bawah payung identiti nasional.

"Tahun ini, saya ingin juga membawa kita semua untuk menghayati dan memperkukuhkan satu konsep yang sangat penting dalam memastikan kesinambungan kestabilan negara iaitu konsep Negara Bangsa. Negara Bangsa adalah lebih daripada sekadar istilah.

"Saya juga telah meminta Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad untuk meneliti cadangan menganjurkan satu Konvokesyen Negara Bangsa peringkat kebangsaaan," katanya ketika berucap pada majlis amanat Menteri Perpaduan Negara 2025 di sini hari ini.

Sementara itu, Aaron berkata Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada tahun ini akan menjalankan Piagam Harmoni yang merangkumi enam prinsip, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan sembilan hala tuju.

"Piagam Harmoni itu turut mengandungi satu garis paduan meliputi perkara yang perlu dielak dalam memperkasa hubungan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

"Polarisasi kaum dan agama, ketidakseimbangan sosioekonomi serta ancaman dari luar memerlukan kita semua bersatu hati dan berganding bahu. Kunci kejayaan kita adalah kerjasama erat antara semua lapisan masyarakat," katanya.

Aaron turut menggariskan empat ikhtiar utama, iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosio-Budaya yang akan menjadi asas hala tuju Kementerian Perpaduan Negara tahun ini.

"Tahun 2025 menuntut kita untuk terus memperkukuhkan perpaduan sebagai teras kepada kestabilan dan kemajuan negara," katanya menambah, tema kementerian pada tahun ini adalah 'Harmoni Dalam Kepelbagaian".

-- BERNAMA

Sinar Harian

KPN bakal perkenal konsep Negara Bangsa

17 Januari 2025



KPN bakal perkenal konsep Negara Bangsa

Tumpu empat ikhtiar utama dalam agenda perpaduan

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bakal memperkenalkan konsep Negara Bangsa pada tahun ini yang akan menumpukan kepada empat ikhtiar utama dalam agenda perpaduan negara.

Menteripkya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, konsep tersebut menggariskan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni Madani, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosio-Budaya.

Menyentuhnya, Ekosistem Perpaduan merangkumi program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan di Pulau Pinang, Pemerkasaan 300 Rukun Tetangga Progresif serta Sambutan 50 Tahun Penubuhan Kawasan Rukun Tetangga.

"Inisiatif Harmoni Madani pula memperkenalkan pelaksanaan program Sambutan Kemerdekaan Sedunia, Harmony Hotspot dan Dialog Harmoni.

"Eksplorasi Rukun Negara akan melibatkan pelaksanaan program seperti Sambutan 55 Tahun Rukun Negara dan Kempen Sekretariat Rukun Negara-Majlis Komuniti Sosio-budaya melibatkan pelaksanaan program Cinta Nusa @Muzium, Penubuhan Majlis Sejarawan Negara serta Karnival Baca Perdana.

"Inisiatif empat ikhtiar ini akan menyelaskan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program merentasi tahun serta agenda utama yang 2025 sebagai usaha KPN memupuk perpaduan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan amanat kepada kakitangan KPN di kompleks F, di sini, pada Selasa.

Aaron berkata, Negara Bangsa adalah lebih daripada sekadar istilah, ia merujuk kepada pembentukan satu masyarakat yang bersatu padu, menghormati perbezaan dan berkongsi identiti sebagai rakyat Malaysia.

"Dengan kesimpulan sepanjang 2024, KPN melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah berjaya melaksanakan sebanyak 760 program

AARON SIVANUSHAN

Tumpu dasar perpaduan

SAN SHEEN

astro AWANI

Perarakan harmoni, rai kepelbagaian di Malaysia dianjur bulan depan – Aaron

15 Januari 2025



Aaron berkata program itu bakal diadakan pada sebelah malam di Dataran Merdeka bersempena Hari Wilayah Persekutuan dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia. - Gambar Bernama

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara akan menganjurkan Perarakan Harmoni pada 15 dan 16 Feb ini bagi meraikan kepelbagaian dan keharmonian masyarakat di negara ini, kata Menterinya Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata program itu bakal diadakan pada sebelah malam di Dataran Merdeka bersempena Hari Wilayah Persekutuan dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia.

"Saya berharap program ini akan memberi impak yang menyeluruh dan ketara kepada (masyarakat) kita dan kita akan melibatkan pelbagai agensi serta (penganut) pelbagai agama dalam perarakan ini," katanya selepas menjadi tetamu program Ruang Bicara terbitan Bernama TV di sini pada malam Rabu.

Aaron berkata perincian lanjut berhubung perarakan itu akan dimaklumkan kemudian, dan menambah program itu adalah inisiatif di bawah Ikhtiar Kedua yang akan menjadi asas hala tuju kementerian tersebut tahun ini, iaitu Inisiatif Harmoni MADANI.

Selain itu, antara ikhtiar utama Kementerian Perpaduan Negara adalah Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosio-Budaya.

Sementara itu, mengulas mengenai kebakaran tengah hari tadi yang memusnahkan Rumah Panjang Paulus Yan, Sungai Buan, Kanowit, Aaron yang juga Ahli Parlimen Kanowit berkata beliau akan turun padang esok bagi melawat dan membantu penghuni rumah panjang tersebut.

Beliau yang turut bersimpati atas insiden melibatkan sekurang-kurangnya 88 penghuni rumah panjang itu, berkata pihaknya akan menyalurkan bantuan sewajarnya melalui Yayasan Sukarelawan Siswa dan Pejabat Ahli Parlimen Kanowit kepada penduduk terjejas.

Terdahulu, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak Zon Sibu Andy Alie berkata kesemua penghuni rumah panjang 15 pintu di Jalan Nibong Tada itu berjaya menyelamatkan diri tanpa sebarang kecederaan dan memaklumkan punca serta jumlah kerugian sedang disiasat.

Beliau berkata Pusat Gerakan Operasi JBPM Sarawak menerima maklumat mengenai kebakaran itu pada 12.14 tengah hari.

Anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kanowit dan pasukan bantuan BBP Sungai Merah yang digerakkan ke lokasi berjaya mengawal kebakaran pada 2 petang dan operasi tamat sepenuhnya pada 4.50 petang.

-- BERNAMA

BERNAMA

Harmony Parade To Celebrate Malaysia United In Diversity Next Month – Aaron

15 January 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang during a press conference at the International Interfaith Peace Conference Malaysia (IIPC) 2024 at a hotel today. – fotoBERNAMA

KUALA LUMPUR, Jan 15 (Bernama) -- A Harmony Parade to celebrate the ethnic diversity and unity of society in this country will be held on Feb 15-16, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang today.

He said the parade would be held at night at Dataran Merdeka in conjunction with Federal Territories Day and the World Interfaith Harmony Week (annually held in first week of February).

"I hope this programme will have a comprehensive and significant impact on our society, where we will involve various agencies and (followers of) various religions in this parade," he said after being a guest on Bernama's 'Ruang Bicara' TV programme here tonight.

Aaron said further details regarding the parade would be announced later and added that it was an initiative under the Second Initiative which would be the basis for the ministry's direction this year, namely the MADANI Harmony Initiative.

In addition, among the main initiatives of the Ministry of National Unity are the Unity Ecosystem, the MADANI Harmony Initiative, the Exploration of the Rukun Negara and the Socio-Cultural Community.

Meanwhile, commenting on the Kanowit fire this afternoon that destroyed the Paulus Yan Longhouse in Sungai Buan, Aaron, who is also the Kanowit Member of Parliament, said he would visit the longhouse tomorrow (Jan 16).

He sympathised with the 88 residents of the longhouse and said he would channel appropriate assistance through the Student Volunteer Foundation and the Kanowit MP's office.

Earlier, Sarawak Fire and Rescue Department (JBPM) Sibu Zone chief Andy Alie said all the occupants of the 15-door longhouse on Jalan Nibong Tada escaped the blaze without casualties and said the cause and losses were being investigated.

He said the Sarawak JBPM operations centre received news about the fire at 12.14 pm. The Kanowit Fire and rescue station (BBP) and the Sungai Merah BBP team were deployed to get the fire under control at 2 pm while the operation ended at 4.50 pm.
-- BERNAMA

FMT

Perarakan Harmoni rai kepelbagaian negara dianjur bulan depan

15 Februari 2025

Program itu akan diadakan pada 15 dan 16 Feb di Dataran Merdeka, menurut menteri perpaduan negara.



Perarakan Harmoni anjuran Kementerian Perpaduan Negara bulan depan diharapkan dapat memberi impak yang menyeluruh dan ketara kepada masyarakat, kata Aaron Ago Dagang.

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara akan menganjurkan Perarakan Harmoni pada 15 dan 16 Feb ini bagi meraikan kepelbagaian dan keharmonian masyarakat di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata, program itu akan diadakan pada sebelah malam di Dataran Merdeka bersempena Hari Wilayah Persekutuan dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia.

"Saya harap program ini akan memberi impak yang menyeluruh dan ketara kepada (masyarakat) dan kita akan melibatkan pelbagai agensi serta (penganut) pelbagai agama dalam perarakan ini," katanya pada program Ruang Bicara terbitan Bernama TV.

Aaron berkata, program itu merupakan inisiatif bawah Ikhtiar Kedua yang akan menjadi asas hala tuju kementerian tersebut tahun ini, iaitu Inisiatif Harmoni Madani, selain Ekosistem Perpaduan, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya.

Menurutnya, perincian lanjut berhubung perarakan itu akan dimaklumkan kemudian.

Sementara itu, mengulas mengenai kebakaran tengah hari tadi yang memusnahkan Rumah Panjang Paulus Yan, Sungai Buan, Kanowit, Aaron yang juga Ahli Parlimen Kanowit berkata, beliau akan turun padang esok untuk melawat dan membantu penghuni rumah panjang tersebut.

Beliau yang turut bersimpati atas insiden melibatkan sekurang-kurangnya 88 penghuni itu berkata, pihaknya akan menyalurkan bantuan sewajarnya melalui Yayasan Sukarelawan Siswa dan Pejabat Ahli Parlimen Kanowit kepada penduduk terjejas.

Terdahulu, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak Zon Sibu Andy Alie berkata, kesemua penghuni rumah panjang 15 pintu di Jalan Nibong Tada itu berjaya menyelamatkan diri tanpa sebarang kecederaan.

Tambahnya, punca serta jumlah kerugian sedang disiasat.

theSun

Harmony Parade to celebrate Malaysia united in diversity next month – Aaron

15 January 2025



KUALA LUMPUR: A Harmony Parade to celebrate the ethnic diversity and unity of society in this country will be held on Feb 15-16, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang yesterday.

He said the parade would be held at night at Dataran Merdeka in conjunction with Federal Territories Day and the World Interfaith Harmony Week (annually held in first week of February).

"I hope this programme will have a comprehensive and significant impact on our society, where we will involve various agencies and (followers of) various religions in this parade," he said after being a guest on Bernama's 'Ruang Bicara' TV programme here yesterday.

Aaron said further details regarding the parade would be announced later and added that it was an initiative under the Second Initiative which would be the basis for the ministry's direction this year, namely the MADANI Harmony Initiative.

In addition, among the main initiatives of the Ministry of National Unity are the Unity Ecosystem, the MADANI Harmony Initiative, the Exploration of the Rukun Negara and the Socio-Cultural Community.

Meanwhile, commenting on the Kanowit fire this afternoon that destroyed the Paulus Yan Longhouse in Sungai Buan, Aaron, who is also the Kanowit Member of Parliament, said he would visit the longhouse today (Jan 16).

He sympathised with the 88 residents of the longhouse and said he would channel appropriate assistance through the Student Volunteer Foundation and the Kanowit MP's office.

Earlier, Sarawak Fire and Rescue Department (JBPM) Sibu Zone chief Andy Alie said all the occupants of the 15-door longhouse on Jalan Nibong Tada escaped the blaze without casualties and said the cause and losses were being investigated.

He said the Sarawak JBPM operations centre received news about the fire at 12.14 pm. The Kanowit Fire and rescue station (BBP) and the Sungai Merah BBP team were deployed to get the fire under control at 2 pm while the operation ended at 4.50 pm.

Utusan Borneo Online

Ahli Parlimen Kanowit akan lawat mangsa kebakaran rumah panjang, salur bantuan sewajarnya

16 Januari 2025



KUCHING: Ahli Parlimen Kanowit Datuk Aaron Ago Dagang (gambar) menzahirkan rasa simpati kepada 88 mangsa kebakaran Rumah Paulus Yan, Rumah Paulus Yan, Sungai Bawan di Jalan Nibong Tada di Kanowit, semalam.

Aaron dalam laporan BERNAMA, berkata beliau akan turun padang bagi melawat dan membantu penghuni rumah panjang tersebut, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Perpaduan Negara berkata pihaknya akan menyalurkan bantuan sewajarnya melalui Yayasan Sukarelawan Siswa dan Pejabat Ahli Parlimen Kanowit kepada penduduk terjejas.

Terdahulu, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon Sibu Andy Alie berkata kesemua penghuni rumah panjang 15 pintu itu berjaya menyelamatkan diri tanpa sebarang kecederaan dan memaklumkan punca serta jumlah kerugian sedang disiasat.

Beliau berkata Pusat Gerakan Operasi, JBPM Sarawak menerima maklumat mengenai kebakaran itu pada 12.14 tengah hari.

Anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kanowit dan pasukan bantuan BBP Sungai Merah yang digerakkan ke lokasi berjaya mengawal kebakaran pada 2 petang dan operasi tamat sepenuhnya pada 4.50 petang.

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Kanowit MP to visit fire-damaged Rh Paulus Yan, offers support for residents

15 January 2025



Aaron assured that appropriate assistance would be provided through the Student Volunteer Foundation and the Kanowit MP's office. – Bernama photo

KUCHING (Jan 15): Kanowit MP Datuk Aaron Ago Dagang expressed his sympathy for the 88 residents of Rumah Paulus Yan which was destroyed in a fire this afternoon.

According to a Bernama report tonight, Aaron said he will be visiting the longhouse tomorrow to assess the situation and offer support.

He further assured that appropriate assistance would be provided through the Student Volunteer Foundation and the Kanowit MP's office.

Earlier, Sibu Zone Fire and Rescue Department (Bomba) chief, Andy Alie, confirmed that all occupants of the 15-door longhouse on Jalan Nibong Tada had escaped the blaze unharmed.

He added that investigations into the cause of the fire and the extent of the losses were ongoing.

The Sarawak Bomba operations centre received a report about the fire at 12.14pm.

Firemen from the Kanowit and Sungai Merah Bomba stations were dispatched to the scene and successfully brought the fire under control by 2pm.

The operation concluded at 4.50pm.

Sinar Harian

Elak bertindak, keluar kenyataan jejas hubungan antara kaum – Aaron

22 Januari 2025



PUTRAJAYA - Setiap lapisan masyarakat di negara ini perlu mengelak melakukan sebarang tindakan atau mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan hubungan baik antara kaum dan agama, kata Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Aaron berkata, tanggungjawab sebenar rakyat adalah memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan serta kesejahteraan Malaysia kekal terjamin.

"Sebarang tindakan atau ucapan yang melanggar prinsip harus dihentikan segera demi menjaga keamanan yang telah lama kita nikmati.

"Kita perlu memainkan peranan masing-masing dengan lebih bertanggungjawab dalam memperkukuh hubungan antara masyarakat berbilang kaum di negara kita," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Aaron berkata demikian sebagai mengulas insiden simbah cat merah di kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) yang dikaitkan dengan isu penjualan produk sandwic 'ham dan cheese' baru-baru ini.

Beliau memohon semua pihak tidak mengeruhkan keadaan dan memberi ruang kepada proses siasatan yang dijalankan polis, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Pada 13 Januari lepas, Jakim dalam kenyataan media mengesahkan produk 'ham dan cheese' yang dijual dalam premis di universiti awam itu tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dan syarikat yang menghasilkan produk itu bukan pemegang SPHM.

Dalam pada itu, UM menerusi kenyataan hari ini memaklumkan pihaknya memandang serius kejadian simbahan cat itu dan telah membuat satu laporan polis untuk tindakan lanjut.

"UM komited memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa dalam menjalankan siasatan. UM juga menggesa agar tindakan tegas diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan perkara seperti itu tidak berulang.

"UM juga menyeru mana-mana pihak yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan insiden itu untuk tampil bagi membantu siasatan," menurut kenyataan berkenaan.
- Bernama

BERITA RTM

Tiada kompromi terhadap mana-mana individu gugat keharmonian

22 Januari 2025



Foto Persatuan Belia Baru Universiti Malaya (Umany)

KUALA LUMPUR, 22 Januari - Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan bahawa mana-mana pihak yang cuba mengganggu gugat keharmonian negara tidak akan diberi kompromi.

Beliau dalam satu kenyataan memaklumkan, ia susulan sebuah cawangan kedai serbaneka KK Mart di Universiti Malaya disimbah cat merah oleh individu tidak bertanggungjawab.

"Mutakhir ini, terdapat tindakan dan kenyataan tertentu mencetuskan ketegangan dalam kalangan rakyat, khususnya apabila berlakunya pelbagai insiden menganggu gugat keharmonian rakyat.

"Saya ingin mengingatkan bahawa setiap warganegara Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan dan kesejahteraan negara kekal terjamin," menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu beliau juga mahu semua pihak bertanggungjawab dalam memperkukuh hubungan antara masyarakat berbilang kaum dalam negara.

Pelbagai usaha akan terus dilaksanakan kerajaan untuk memperkukuh perihal pengurusan perpaduan dan keharmonian.

"Kementerian Perpaduan Negara telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan, dan akan meluaskan perkhidmatan Mediator Komuniti di peringkat akar umbi serta penggunaan sistem e-Sepakat akan diperluaskan kepada orang ramai bagi membolehkan mereka membuat laporan berkaitan isu perpaduan.

"Saya menyeru semua pihak untuk menggunakan media sosial dengan bijak, mengelakkan sebarang provokasi, dan sentiasa mengutamakan perpaduan," tambah kenyataan itu.

Sebelum ini media melaporkan bahawa produk "Ham and Cheese Sandwich" yang dijual di sebuah premis di Universiti Malaya (UM) tidak memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Bagaimanapun isu berkenaan penjualan produk itu kini berada dalam siasatan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

malaysiakini
news and views that matter

Jangan keruhkan keadaan, kata menteri perpaduan

22 Januari 2025

Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang mengingatkan supaya tiada pihak mengeruhkan keadaan dan membuat provokasi dalam isu penjualan sandwic 'ham' yang logo halalnya dipertikai.

Kenyataan itu dikeluarkan sehari selepas KK Mart cawangan Universiti Malaya, Kuala Lumpur disimbah cat.

"Saya ingin menegaskan bahawa tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengganggu gugat keharmonian negara yang kita bina bersama selama ini," katanya.



Aaron mengingatkan bahawa kes itu telah berada dalam siasatan polis Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN).

Menurut polis, perbuatan khianat itu berlaku hampir pukul satu pagi semalam.

Kes disiasat bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan, berkaitan kesalahan khianat yang menyebabkan kerugian.

Dalam kenyataan hari ini, Aaron berkata kerajaan melaksanakan pelbagai usaha untuk memperkukuh perihal pengurusan perpaduan dan keharmonian.

"Saya juga ingin menekankan bahawa perpaduan bukanlah tugas eksklusif kerajaan semata-mata, tetapi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia," katanya.

Sementara itu, UM pula dalam kenyataan hari ini berkata akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa dalam menjalankan siasatan.

UM juga menyeru mana-mana pihak yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan insiden itu untuk tampil bagi membantu siasatan.

"UM juga menggesa agar tindakan tegas diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan perkara seperti ini tidak berulang," kata universiti itu.

Kontroversi mengenai jualan sandwic itu bermula pada 13 Jan lalu apabila Ketua Pemuda Umno, Akmal Saleh mengecam kedai itu yang diraguinya mempunyai sijil halal.

Pembekalnya berkata ramuan digunakan mempunyai sjil halal daripada Jakim dan Austria.

Bagaimanapun Jakim berkata penggunaan sijil halal pembekal tidak melayakkan sesuatu produk diperakui halal.

Katanya, untuk sesuatu produk akhir diperakui halal, ia haruslah memenuhi piawaian dan prosedur pensijilan halal Malaysia merangkumi aspek pengendalian, penyediaan, dan pemprosesan secara keseluruhan.

Ini bukan kali pertama KK Mart terpalit dengan kontroversi yang menyebabkan kedainya menjadi sasaran serangan.

Pada Mac tahun lalu, kedai KK Mart di Jalan Bruseh, Bidor Perak dibaling bom petrol susulan penjualan stoking tertera kalimah 'Allah', di beberapa cawangan kedai serbaneka itu.

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Avoid actions, statements affecting good relations among races, religions, says National Unity Minister

22 January 2025

PUTRAJAYA (Jan 22): Every strata of society in this country must avoid taking any action or issuing statements that could affect the good relations between races and religions, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

Aaron said the real responsibility of Malaysians is to observe the sensitivities to ensure the peace and prosperity of Malaysia is assured.

"Any action or speech that violates such principles must be stopped immediately to maintain the peace that we have enjoyed for a long time.

"We need to play our respective roles more responsibly in strengthening relations between the multi-racial communities in our country," he said in a statement today.

Aaron was commenting on the incident of red paint being thrown at a convenience store in Universiti Malaya (UM) which was linked to the issue of selling 'ham and cheese' sandwich products recently.

He also requested that all parties not stir up trouble and give space to the investigation process carried out by the police, the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) and the enforcement officers of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living.

On Jan 13, Jakim in a media statement confirmed that the 'ham and cheese' product sold in the premises of the public university did not have the Malaysian Halal Certification (SPHM) and that the company that produced the food item was not a SPHM holder.

Meanwhile, UM in a statement today said it was taking the paint splashing incident at KK Mart premises in the campus seriously and had filed a police report for further action.

"UM is committed to providing full cooperation to the authorities in conducting the investigation. UM also urges that strict action be taken against those responsible to ensure that such matters do not recur.

"UM also calls on any party with any information related to this incident to come forward to assist in the investigation," according to the statement.

TheStar

Government will not compromise with anyone who tries to undermine country's harmony, says minister

22 January 2025



PETALING JAYA: The government will not compromise with any quarters who attempt to undermine the country's harmony, says Aaron Ago Dagang.

The Unity Minister said unity and harmony were important assets of the country where people of various races, religions and cultures live.

"Lately there have been actions and statements which have led to tension among the people, including an incident at the KK Mart convenience store in Universiti Malaya which was splashed with red paint by an irresponsible individual.

"As the issue of the ham sandwich sale was being investigated by the police and Jakim, people should refrain from worsening the situation by issuing statements or acting provocatively," said Ago in a statement on Wednesday (Jan 22).

"I wish to remind you that every citizen has a responsibility to safeguard the sensitivity, peace and well-being of the country by further strengthening the relationship among the people.

"On the government's part, several efforts were being taken and implemented to strengthen the issue of managing unity and harmony.

Ago stressed that unity was not the exclusive task of the government but the responsibility of every Malaysian.

"With the advent of the digital era, the responsibility has become even more important when we communicate on social media.

"I urge all to use social media smartly, by avoiding any provocation and always prioritising unity," he added.

NEW STRAITS TIMES

Aaron: Avoid actions that could taint racial harmony

22 January 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has called on all Malaysians to refrain from actions or statements that could harm the nation's harmony between races and religions. - NSTP/ MOHD FADLI HAMZAH

PUTRAJAYA: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has called on all Malaysians to refrain from actions or statements that could harm the nation's harmony between races and religions.

He stressed the importance of respecting sensitivities to ensure Malaysia's peace and prosperity.

"Any action or speech that disrupts these principles must be stopped immediately to maintain the long-standing peace we have enjoyed.

"We all have a role to play in strengthening ties between the country's multi-racial communities," he said in a statement today.

Aaron was responding to the recent incident of red paint being thrown at a convenience store at Universiti Malaya (UM), which was linked to the controversy surrounding the sale of "ham and cheese" sandwich products.

He also urged all parties not to exacerbate the situation and to allow the police, the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim), and the Domestic Trade and Cost of Living Ministry's enforcement officers to carry out their investigations.

On Jan 13, Jakim confirmed that the "ham and cheese" product sold at the UM store lacked the Malaysian Halal Certification (SPHM), and the company producing the product was not a certified SPHM holder.

Earlier, UM expressed deep regret over an incident involving red paint splashed at a KK Mart outlet within its campus yesterday and confirmed that a police report had been lodged to facilitate further investigations.

In a statement, it said that the incident was being taken seriously by the university, which is committed to fully cooperating with the authorities' investigation.

"We urge that strict action be taken against those responsible to ensure such incidents do not recur," it said.

It also urged individuals with relevant information about the incident to come forward and assist in the investigation.

tvs

Elak bertindak, keluar kenyataan jejas hubungan baik antara kaum dan agama

22 Januari 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. Foto fail Bernama

PUTRAJAYA, 22 Jan: Setiap lapisan masyarakat di negara ini perlu mengelak melakukan sebarang tindakan atau mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan hubungan baik antara kaum dan agama, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Aaron berkata tanggungjawab sebenar rakyat adalah memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan serta kesejahteraan Malaysia kekal terjamin.

"Sebarang tindakan atau ucapan yang melanggar prinsip harus dihentikan segera demi menjaga keamanan yang telah lama kita nikmati.

"Kita perlu memainkan peranan masing-masing dengan lebih bertanggungjawab dalam memperkukuh hubungan antara masyarakat berbilang kaum di negara kita," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aaron berkata demikian sebagai mengulas insiden simbah cat merah di kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) yang dikaitkan dengan isu penjualan produk sandwic 'ham dan cheese' baru-baru ini.

Beliau memohon semua pihak tidak mengeruhkan keadaan dan memberi ruang kepada proses siasatan yang dijalankan polis, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Pada 13 Jan lepas, JAKIM dalam kenyataan media mengesahkan produk 'ham dan cheese' yang dijual dalam premis di universiti awam itu tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dan syarikat yang menghasilkan produk itu bukan pemegang SPHM.

Dalam pada itu, UM menerusi kenyataan hari ini memaklumkan pihaknya memandang serius kejadian simbahan cat itu dan telah membuat satu laporan polis untuk tindakan lanjut.

"UM komited memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa dalam menjalankan siasatan. UM juga menggesa agar tindakan tegas diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan perkara seperti itu tidak berulang.

"UM juga menyeru mana-mana pihak yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan insiden itu untuk tampil bagi membantu siasatan," menurut kenyataan berkenaan. -TVS

FMT

Simbah cat merah premis KK Mart, menteri gesa jangan keruh keadaan, elak provokasi

22 Januari 2025

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab menjaga dan memelihara sensitiviti.



Polis menyiasat kejadian simbah cat merah premis KK Mart di Universiti Malaya mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

PETALING JAYA: Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang meminta semua pihak tidak mengeruhkan keadaan dan mencetuskan provokasi susulan kejadian simbah cat merah pada pintu premis KK Mart di Universiti Malaya.

Aaron berkata beliau kesal dengan kejadian berlaku beberapa minggu selepas kontroversi penjualan sandwic ham dan cheese yang kini dalam siasatan polis, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Oleh itu, saya memohon agar semua pihak tidak mengeruhkan keadaan lagi dengan mengeluarkan atau membuat tindakan provokasi.

"Saya ingin mengingatkan setiap warganegara Malaysia mempunyai tanggungjawab menjaga dan memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan serta kesejahteraan negara kekal terjamin," katanya dalam kenyataan.

Beliau turut menegaskan kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak cuba mengganggu gugat keharmonian negara yang dengan cubaan mencetuskan ketegangan di kalangan rakyat.

Polis mengesahkan kejadian simbahan cat merah berlaku semalam itu kini disiasat mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

Dalam pada itu, UM menggesa tindakan tegas diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab menyimbah cat merah di premis KK Mart dalam kampusnya bagi mengelakkan kejadian sama berulang.

"UM memandang serius kejadian simbahan cat yang berlaku di premis KK Mart dalam kawasan kampus," katanya.

Premis itu sebelum ini terpalit kontroversi berhubung penjualan sandwic 'ham & cheese' yang didakwa menggunakan logo halal secara tidak sah.

Jakim mengesahkan kepingan ayam yang digunakan dalam sandwic tersebut mempunyai sijil halal, namun sandwic itu sendiri serta syarikat yang mengeluarkannya tidak memiliki sijil halal.

KK Mart juga menggantung semua urusan perniagaan dengan pembekal sandwic berkenaan serta menghentikan bekalan produk daripada Shake and Bake Cafe ke semua cawangannya.

theSun

Avoid actions, statements affecting good relations among races and religions – Aaron

22 January 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang – BERNAMApix

PUTRAJAYA: Every strata of society in this country must avoid taking any action or issuing statements that could affect the good relations between races and religions, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

Aaron said the real responsibility of Malaysians is to observe the sensitivities to ensure the peace and prosperity of Malaysia is assured.

"Any action or speech that violates such principles must be stopped immediately to maintain the peace that we have enjoyed for a long time.

"We need to play our respective roles more responsibly in strengthening relations between the multi-racial communities in our country," he said in a statement today.

Aaron was commenting on the incident of red paint being thrown at a convenience store in Universiti Malaya (UM) which was linked to the issue of selling 'ham and cheese' sandwich products recently.

He also requested that all parties not stir up trouble and give space to the investigation process carried out by the police, the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and the enforcement officers of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living.

On Jan 13, JAKIM in a media statement confirmed that the 'ham and cheese' product sold in the premises of the public university did not have the Malaysian Halal Certification (SPHM) and that the company that produced the food item was not a SPHM holder.

Meanwhile, UM in a statement today said it was taking the paint splashing incident at KK Mart premises in the campus seriously and had filed a police report for further action.

"UM is committed to providing full cooperation to the authorities in conducting the investigation. UM also urges that strict action be taken against those responsible to ensure that such matters do not recur.

"UM also calls on any party with any information related to this incident to come forward to assist in the investigation," according to the statement.

BULETIN TV3

Kerajaan tak berkompromi pihak cuba ganggu gugat keharmonian

22 Januari 2025

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba mengganggu gugat keharmonian negara termasuk melalui tindakan dan kenyataan boleh mencetuskan ketegangan dalam kalangan rakyat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata kebelakangan ini terdapat segelintir pihak yang membuat tindakan seumpama itu, terutama apabila berlakunya pelbagai insiden mengganggu gugat keharmonian termasuk insiden sebuah cawangan kedai serbaneka, KK Mart di Universiti Malaya (UM) disimbah cat merah semalam.

Katanya, ketika ini isu penjualan produk sandwich 'ham dan cheese' yang dijual di kedai itu dipercayai menjadi punca insiden berkenaan, sedang dalam siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Justeru, saya memohon semua pihak supaya tidak mengeruhkan keadaan lagi dengan mengeluarkan atau membuat tindakan provokasi.

"Setiap warganegara Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan serta kesejahteraan negara kekal terjamin," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Media semalam melaporkan, KK Mart cawangan UM yang terpalit kontroversi kerana menjual sandwic 'ham & cheese' disimbah cat merah.

Berdasarkan pemantauan rakaman kamera litar tertutup (CCTV), dua individu menunggang motosikal disyaki terbabit membaling cat berkenaan.

Mengulas lanjut, Aaron berkata, sebagai sebuah negara yang menuju kemajuan, penting untuk semua pihak terus menghormati nilai murni yang terkandung dalam Rukun Negara dan prinsip integrasi nasional, iaitu Faham, Hormat dan Terima sebagai asas perpaduan nasional.

Di pihak kerajaan, katanya, pelbagai usaha sedang dan akan terus dilaksanakan bagi memperkukuh perihal pengurusan perpaduan serta keharmonian.

Sejajar usaha itu, kementerian menurutnya, menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan dan akan memperluas perkhidmatan Mediator Komuniti di peringkat akar umbi serta penggunaan sistem e-Sepakat kepada orang ramai bagi membolehkan mereka membuat laporan berkaitan isu perpaduan.

"Saya juga ingin menekankan yang perpaduan bukanlah tugas eksklusif kerajaan semata-mata tetapi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia.

"Dalam era digital ini, tanggungjawab ini menjadi lebih penting apabila kita berkomunikasi di platform media sosial.

"Justeru, saya menyeru semua pihak untuk menggunakan media sosial dengan bijak, mengelakkan sebarang provokasi dan sentiasa mengutamakan perpaduan," katanya.

kini TV

Don't worsen the situation, says minister after red paint splashed at KK Mart

22 Januari 2025

National Unity Minister Aaron Ago Dagang has urged all parties to refrain from escalating tensions.
This came after the KK Mart outlet at Universiti Malayawas vandalised with red paint.

"I want to emphasise that there will be no compromise with any party that tries to disrupt the harmony of our nation, which we have built together over the years," he said.

SARAWAK TRIBUNE

Aaron: Avoid actions, statements affecting good relations among races and religions

22 Januari 2025



PUTRAJAYA: Every strata of society in this country must avoid taking any action or issuing statements that could affect the good relations between races and religions, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

Aaron said the real responsibility of Malaysians is to observe the sensitivities to ensure the peace and prosperity of Malaysia is assured.

"Any action or speech that violates such principles must be stopped immediately to maintain the peace that we have enjoyed for a long time.

"We need to play our respective roles more responsibly in strengthening relations between the multi-racial communities in our country," he said in a statement today.

Aaron was commenting on the incident of red paint being thrown at a convenience store in Universiti Malaya (UM) which was linked to the issue of selling 'ham and cheese' sandwich products recently.

He also requested that all parties not stir up trouble and give space to the investigation process carried out by the police, the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and the enforcement officers of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living.

On Jan 13, JAKIM in a media statement confirmed that the 'ham and cheese' product sold in the premises of the public university did not have the Malaysian Halal Certification (SPHM) and that the company that produced the food item was not a SPHM holder.

Meanwhile, UM in a statement today said it was taking the paint splashing incident at KK Mart premises in the campus seriously and had filed a police report for further action.

"UM is committed to providing full cooperation to the authorities in conducting the investigation. UM also urges that strict action be taken against those responsible to ensure that such matters do not recur.

"UM also calls on any party with any information related to this incident to come forward to assist in the investigation," according to the statement. – Bernama

Sinar Harian

Elak bertindak, keluar kenyataan jenis hubungan kaum

Januari 2025

TELUS & TULUS • MATA DA

Elak bertindak, keluar kenyataan jejas hubungan kaum



AARON

PUTRAJAYA - Setiap lapisan masyarakat di negara ini perlu mengelak melakukan sebarang tindakan atau mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan hubungan baik antara kaum dan agama, kata Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Menurutnya, tanggungjawab sebenar rakyat adalah memelihara sensitiviti demi memastikan keamanan serta kesejahteraan Malaysia kekal terjamin.

"Sebarang tindakan atau ucapan yang melanggar prinsip harus dihentikan segera demi menjaga keamanan yang telah lama kita nikmati.

"Kita perlu memainkan peranan masing-masing dengan lebih bertanggungjawab dalam memperkukuh hubungan antara masyarakat berbilang kaum di negara kita," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Aaron berkata demikian sebagai mengulas insiden simbah cat merah di kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) yang dikaitkan dengan isu penjualan produk sandwic 'ham dan cheese' baru-baru ini.

Beliau memohon semua pihak tidak mengeruhkan keadaan dan memberi ruang kepada proses siasatan yang dijalankan polis, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Pada 13 Januari lepas, Jakim dalam kenyataan media mengesahkan produk 'ham dan cheese' yang dijual dalam premis di universiti awam itu tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dan syarikat yang menghasilkan produk itu bukan pemegang SPHM. - *Bernama*

南洋商報 NANYANG SIANG PAU

Elak bertindak, keluar kenyataan jenis hubungan kaum

22 Januari 2025

PRIME NEWS A19

试图扰乱和谐行为

团结部长：我绝不容忍



艾伦达干

（八打灵再也22日讯）国民团结部长拿督艾伦达干指出，近期一些人的不当言行已导致社会紧张，尤其是威胁国家和谐的行为，包括马大一家便利商店KK Mart遭泼红漆事件。

他在发文告中强调，“任何试图扰乱和威胁我们长久以来建立的国家和谐的行为，我绝不容忍。”

他指出，针对团结相关课题，相关部门已成立管理委员会，并计划扩大基层社区调解员的服务，民众可通过电子共识系统（eSepakat）举报相关问题。

艾伦达干还提到，目前警方、大马回教发展局（JAKIM）与内贸部正对“火腿芝士三明治”事件展开调查，并呼吁各方停止发表挑衅性言论和行为，以免引发社会混乱。

“我国是一个多元种族、文化与宗教的国家，团结与和谐是我们最重要的资产。”

他强调每个马来西亚人都应承担责任，保持敏感度，确保国家的和平与安宁。

“我呼吁所有个人和群体不要再发表破坏各族、各宗教之间良好关系的言论和行为，而应积极为巩固我国的种族关系而努力。”

他还指出，国家的多元种族和宗教原则基于互相理解、尊重和包容，这些价值观符合国家的核心原则以及国民融合的理念。

“作为一个不断发展的国家，我们必须始终尊重以团结为基础的价值观。”

艾伦达干呼吁，任何违反这些原则的言行都应立即停止，以维护国家多年来的安宁。

日前，马大两间KK Mart因“火腿芝士三明治”风波被无限期关闭，且该店遭人泼红漆。警方已证实接获案件报告，并根据刑事法典第427条文（因恶作剧导致25令吉以上损失）展开调查。

Kementerian Perpaduan mohon peruntukan tingkat relevansi perpustakaan dalam RMK13

23 Januari 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (tengah) menyaksikan majlis pertukaran dokumen perakuan serahan kerja siap di antara Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad (dua, kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Dato Shaharuddin Abu Sohot (kanan) pada Majlis Malam Gemilang Anjung Bestari PNM di Perpustakaan Negara Malaysia. Foto Bernama

KUALA LUMPUR, 23 Jan: Kementerian Perpaduan Negara telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Ekonomi untuk diberi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bagi memastikan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) kekal relevan menjadi pemangkin kepada pembangunan masyarakat berilmu.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata peruntukan itu perlu bagi memberi keupayaan kepada PNM menyesuaikan perkhidmatan mereka dengan kehendak generasi baharu dalam dunia yang pantas berubah.

"Di bawah perpustakaan, kita membuat permohonan membangunkan ruang pembelajaran interaktif dan imersif di PNM untuk kanak-kanak dan memohon memperkasakan kandungan digital melalui pendigitalan," katanya ketika ditemui media pada Majlis Malam Gemilang Anjung Bestari@PNM di sini pada Rabu.

Aaron berkata selain tiga permohonan utama itu, kementerian berkenaan turut memohon peruntukan untuk pembangunan Platform u-Pustaka 2.0 serta menaik taraf fasiliti auditorium, bilik serbaguna, bilik syarahan dan studio PNM.

Terdahulu, beliau merasmikan Bangunan Anjung Bestari PNM yang telah dibuka semula sejak 2 Jan lepas setelah menjalani penambahbaikan dan pengubahsuaian selama lima tahun menerusi Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan.

Beliau berkata projek bernilai RM12.8 juta yang diluluskan di bawah Rolling Plan Kedua RMK11 itu bertujuan memusatkan perkhidmatan perpustakaan daripada tiga bangunan berbeza kepada semua perkhidmatan di bawah satu kompleks di Bangunan Anjung Bestari.

"Pusat ini juga mampu menjadi jambatan yang menghubungkan masyarakat melalui empat peranan utama iaitu ruang pembelajaran yang inklusif, ruang dialog, pemeliharaan warisan dan budaya serta platform interaksi," katanya.

Beliau berkata, penyiapan projek yang dilaksanakan hasil kerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) itu menjadi pusat antara budaya yang menyatukan masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya serta mencipta ekosistem menyuburkan perpaduan dan kecemerlangan intelektual.

Pada majlis itu turut menyaksikan penyerahan dokumen perakuan serahan kerja siap Projek Pemusatan Perkhidmatan PNM antara Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC Datuk Shaharuddin Abu Sohot. – TVS

BORAK DAILY

NasionalTiga Bangunan Di Bawah Satu Bumbung, Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan Di Bangunan Anjung Bestari – KPN

23 Januari 2025



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melaksanakan Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan daripada tiga bangunan berbeza kepada semua perkhidmatan di bawah satu bumbung (all services under one complex) yang berpusatkan di Bangunan Anjung Bestari.

Menteri KPN Datuk Aaron Ago Dagang berkata Bangunan Anjung Bestari Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan merupakan projek yang diluluskan di bawah Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11) dengan peruntukans sebanyak RM12.8 juta.

Bangunan Anjung Bestari jadi Pusat Perkhidmtan Perpustakaan



“Untuk makluman semua, Bangunan Anjung Bestari sebagai Tapak Warisan Kebangsaan 2007 kategori bangunan dan tertakluk kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Malam Gemilang Anjung Bestari@PNM di Bangunan Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada Rabu.

Sementara itu, antara ruang yang ditambah baik di Bangunan Anjung Bestari adalah ruang bacaan individu dan kolaboratif diperbaharui dengan perabot adaptif dan warna yang lebih ceria serta zon siber yang turut dinaik taraf dengan 48 komputer dan akses internet berkelajuan tinggi untuk menyokong pembelajaran dan penyelidikan.



Selain itu, Zon Hipermedia Dewasa juga dikemas kini untuk menyediakan bahan multimedia interaktif dan hiburan termasuk perkhidmatan Video on Demand (VOD).

Perkhidmatan Perpustakaan Nestari ini turut dilengkapi dengan 15 tablet bagi mengakses koleksi buku cerita kanak-kanak dan buku Augmented Reality (AR) terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah dan 20 tablet pintar disediakan untuk mengakses 895,143 kandungan digital tersedia secara percuma daripada 21 pangkalan data u-Pustaka.

Artikel lain: Kumpul Pemain Industri, PIFF 2025 Buka Ruang Teroka Potensi Francais Kopi Dan Kafe

Terdapat juga lapan tablet pintar disediakan untuk mengakses bahan e-majalah PNM serta enam buah komputer riba dan empat buah komputer meja untuk penggina tersedia di zon kerja.

“Bangunan Anjung Bestari ini adalah simbol kepada konsep Harmoni dalam Kepelbagaian yang menjadi asas kepada Malaysia. Pusat ini juga mampu mnejadi jambatan yang menghubungkan masyarakat melalui empat peranan utama.

“Peranan utama itu adalah ruang pembelajaran yang inklusif, duang dialog, pemeliharaan warisan dan budaya serta platform interaksi.

“Dalam era teknologi dan inovasi ini, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mesti memainkan peranan lebih strategik dan bersasar untuk memastikan perkhidmatan kekal relevan dengan keperluan semasa,” ujarnya.



Maklumnya, KPN menerusi Perpustakaan Negara Malaysia juga mengangkat beberapa permohonan kepada Kementerian Ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), antaranya Pembangunan Ruang Pembelajaran Interaktif dan Imersif di Perpustakaan Kanak-Kanak PNM.

“Selain itu, pemerkasaan kandungan digital melalui pendigitan dan konsolidasi Platform u-Pustaka 2.0, menaiktaraf fasiliti auditorium, bilik serbaguna, bilik syarahan dan studio PNM, menaik tarad perpustakaan kanak-kanak PNM serta perolehan tanah di Bagan Datok Perak untuk rancangan membina Perpustakaan Digital,” katanya.

Utusan Borneo Online

Kementerian Perpaduan mohon peruntukan tingkat relevansi perpustakaan dalam RMK13

23 Januari 2025



Aaron (tengah) menyaksikan majlis pertukaran dokumen perakuan serahan kerja siap di antara Hasnol (dua, kiri) dan Shaharuddin (kanan) pada Majlis Malam Gemilang Anjung Bestari PNM di Perpustakaan Negara Malaysia semalam. - Gambar BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Ekonomi untuk diberi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bagi memastikan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) kekal relevan menjadi pemangkin kepada pembangunan masyarakat berilmu.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata peruntukan itu perlu bagi memberi keupayaan kepada PNM menyesuaikan perkhidmatan mereka dengan kehendak generasi baharu dalam dunia yang pantas berubah.

"Di bawah perpustakaan, kita membuat permohonan membangunkan ruang pembelajaran interaktif dan imersif di PNM untuk kanak-kanak dan memohon memperkasakan kandungan digital melalui pendigitalan," katanya ketika ditemui media pada Majlis Malam Gemilang Anjung Bestari@PNM di sini malam tadi.

Aaron berkata selain tiga permohonan utama itu, kementerian berkenaan turut memohon peruntukan untuk pembangunan Platform u-Pustaka 2.0 serta menaik taraf fasiliti auditorium, bilik serbaguna, bilik syarahan dan studio PNM.

Terdahulu, beliau merasmikan Bangunan Anjung Bestari PNM yang telah dibuka semula sejak 2 Jan lepas setelah menjalani penambahbaikan dan pengubahsuaian selama lima tahun menerusi Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan.

Beliau berkata projek bernilai RM12.8 juta yang diluluskan di bawah Rolling Plan Kedua RMK11 itu bertujuan memusatkan perkhidmatan perpustakaan daripada tiga bangunan berbeza kepada semua perkhidmatan di bawah satu kompleks di Bangunan Anjung Bestari.

"Pusat ini juga mampu menjadi jambatan yang menghubungkan masyarakat melalui empat peranan utama iaitu ruang pembelajaran yang inklusif, ruang dialog, pemeliharaan warisan dan budaya serta platform interaksi," katanya.

Beliau berkata, penyiapan projek yang dilaksanakan hasil kerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) itu menjadi pusat antara budaya yang menyatukan masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya serta mencipta ekosistem menyuburkan perpaduan dan kecemerlangan intelektual.

Pada majlis itu turut menyaksikan penyerahan dokumen perakuan serahan kerja siap Projek Pemusatan Perkhidmatan PNM antara Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC Datuk Shaharuddin Abu Sohot.

SIAKAP KELI

Kementerian Perpaduan Negara Mengangkat Permohonan Kepada Kementerian Ekonomi Di bawah RMK13

22 Januari 2025



KUALA LUMPUR, 22 Januari - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah menyempurnakan Majlis Malam Gemilang Anjung Bestari@PNM di Bangunan Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), hari ini. Majlis ini diadakan sebagai simbolik kepada penyerahan Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan daripada tiga (3) bangunan berbeza kepada semua perkhidmatan di bawah satu bumbung (all services under one complex) iaitu di Bangunan Anjung Bestari.

Projek Pemusatan Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia merupakan projek yang diluluskan di bawah Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Kesebelas (RP2, RMKe-11) dengan kos yang diluluskan adalah sebanyak RM12,800,000.00. Antara ruang yang ditambahbaik adalah:

1. Ruang bacaan individu dan kolaboratif diperbaharui dengan perabot adaptif dan warna yang lebih ceria.
2. Zon siber turut dinaiktaraf dengan 48 komputer dan akses internet berkelajuan tinggi untuk menyokong pembelajaran dan penyelidikan.
3. Zon Hipermedia Dewasa dikemas kini untuk menyediakan bahan multimedia interaktif dan hiburan, termasuk perkhidmatan Video on Demand (VOD).
4. Perkhidmatan Perpustakaan Bestari ini, dilengkapi dengan lima belas (15) tablet bagi mengakses koleksi buku cerita kanak-kanak dan buku Augmented Reality (AR) terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah. Selain itu, sebanyak dua puluh (20) tablet pintar disediakan untuk mengakses 895,143 kandungan digital tersedia secara percuma daripada 21 pangkalan data u-Pustaka. Terdapat juga lapan (8) tablet pintar disediakan untuk mengakses bahan e-majalah PNM. Sebanyak enam (6) buah komputer riba dan empat (4) buah komputer meja untuk pengguna tersedia di zon kerja.



YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata, "Bangunan Anjung Bestari ini adalah simbol kepada konsep Harmoni dalam Kepelbagaian yang menjadi asas kepada Malaysia. Pusat ini juga mampu menjadi jambatan yang menghubungkan masyarakat melalui empat peranan utama: ruang pembelajaran yang inklusif, ruang dialog, pemeliharaan warisan dan budaya serta platform interaksi". Tambah beliau lagi, dalam era teknologi dan inovasi ini, Perpustakaan Negara Malaysia mesti memainkan peranan lebih strategik dan bersasar untuk memastikan perkhidmatan kekal relevan dengan keperluan semasa."

Beliau turut menyatakan bahawa Kementerian Perpaduan Negara menerusi Perpustakaan Negara Malaysia telah mengangkat beberapa permohonan kepada Kementerian Ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Antaranya: Pembangunan Ruang Pembelajaran Interaktif dan Imersif di Perpustakaan Kanak-Kanak Perpustakaan Negara Malaysia; Pemerkasaan kandungan digital melalui pendigitan dan konsolidasi kandungan secara efektif; dan perolehan tanah di Bagan Datok Perak untuk rancangan membina Perpustakaan Digital.

Bantuan kewangan untuk NGO anjur program perpaduan diteruskan, kata Menteri

23 Januari 2025

Tahun lalu, 78 program perpaduan diterajui NGO melalui kerjasama Kementerian Perpaduan Negara dilaksanakan di seluruh negara membabitkan 621,739 peserta.



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berharap NGO yang menerima bantuan itu terus berganding bahu memperluaskan usaha capaian dan memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan program perpaduan.

PETALING JAYA: Kementerian Perpaduan Negara akan meneruskan inisiatif pemberian bantuan kewangan kepada badan bukan kerajaan (NGO) bagi menganjurkan program perpaduan.

Menterinya, Aaron Ago Dagang berharap NGO yang menerima bantuan itu terus berganding bahu memperluaskan usaha capaian dan memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan program perpaduan.

Beliau berkata, 78 program perpaduan diterajui NGO melalui kerjasama kementerian dilaksanakan di seluruh negara membabitkan 621,739 peserta tahun lalu.

"Bagi 2025, kementerian memberikan fokus kepada penganjuran program berteraskan harmoni dalam kepelbagaian dan pembinaan negara bangsa.

"Melalui penerapan dua fokus ini dalam program yang bakal dianjurkan, usaha untuk memperkasakan hubungan antara pelbagai kelompok masyarakat dan pembinaan identiti nasional akan dapat direalisasikan," katanya menurut Harian Metro pada Majlis Pelancaran Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan (BKPP) di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, tatakelola baik aspek kritikal bagi kemakmuran dan kemajuan sesebuah negara yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

"Perancangan tatakelola yang konkrit dapat menatijahkan ketelusan, akauntabiliti, keterangkuman dan keberkesanan. Semua ini menyumbang kepada wujudnya pentadbiran madani, demokratik dan mampu berfungsi dengan baik."

Aaron berkata, permohonan bantuan melaksanakan program perpaduan akan diuruskan dalam talian, sejajar reformasi perkhidmatan awam dan amalan tatakelola.

Menurutnya, penambahbaikan melalui portal BKPP adalah manifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan.

"Dengan adanya portal ini, diharapkan proses permohonan dan kelulusan bantuan kewangan kepada NGO menjadi lebih efisien."

Bantuan kewangan kepada NGO anjur program perpaduan diteruskan

23 Januari 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. FOTO MOHD FADLI HAMZAH

Kuala Lumpur: Kementerian Perpaduan Negara akan meneruskan inisiatif pemberian bantuan kewangan kepada badan bukan kerajaan (NGO) bagi menganjurkan program perpaduan di negara ini.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, pihaknya berharap NGO yang menerima bantuan terbabit akan terus berganding bahu dalam meluaskan usaha capaian dan memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan program perpaduan.

Menurutnya, pada tahun lalu, sebanyak 78 program perpaduan diterajui NGO melalui kerjasama kementerian dilaksanakan di seluruh negara membabitkan 621,739 peserta.

"Bagi 2025, kementerian memberikan fokus kepada penganjuran program yang berteraskan kepada harmoni dalam kepelbagaian dan pembinaan negara bangsa.

"Melalui penerapan dua fokus ini dalam program yang bakal dianjurkan, usaha untuk memperkasakan hubungan antara pelbagai kelompok masyarakat dan pembinaan identiti nasional akan dapat direalisasikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan (BKPP), di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Aaron menyifatkan tatakelola yang baik adalah aspek kritikal bagi kemakmuran dan kemajuan sesebuah negara yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

"Perancangan tatakelola yang konkrit dapat menatijahkan ketelusan, akauntabiliti, keterangkuman dan keberkesanan.

"Kesemua ini menyumbang kepada wujudnya satu pentadbiran madani, demokratik dan mampu berfungsi dengan baik," katanya.

Menurutnya, selaras dengan reformasi perkhidmatan awam dan amalan tatakelola, permohonan bantuan bagi melaksanakan program perpaduan akan diuruskan secara dalam talian.

Katanya, penambahbaikan yang dibuat melalui portal BKPP ini adalah satu manifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan.

"Dengan adanya portal ini, diharapkan proses permohonan dan kelulusan bantuan kewangan kepada NGO akan menjadi lebih efisien," katanya.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Kementerian Perpaduan teruskan bantuan kewangan NGO, galak program perpaduan

23 Januari 2025



AARON Ago Dagang ketika sidang media Majlis Pelancaran Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan, di sini hari ini. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara meneruskan inisiatif bantuan kewangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertujuan menggalakkan program-program berunsur perpaduan.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ia merupakan salah satu pendekatan utama dalam memperkasa perpaduan melalui kerjasama strategik.

Katanya, penambahbaikan juga dilakukan dengan pelaksanaan permohonan secara atas talian melalui Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan (BKPP).

"Dengan adanya bantuan ini, kita berharap para NGO dapat terus berganding bahu dengan kementerian dalam meluaskan usaha-usaha reach out dan memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan program perpaduan.

"Penambahbaikan yang dibuat melalui portal ini merupakan satu manifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan agar proses permohonan dan kelulusan bantuan kewangan kepada NGO akan menjadi lebih efisien.

"Kita harap ia dapat bantu mempermudahkan urusan serta mengurangkan kekangan yang dihadapi NGO sekaligus mempercepatkan pelaksanaan program dicadangkan," katanya dalam sidang media sempena Majlis Pelancaran Portal BKPP, di sini hari ini.

Pada tahun ini, KPN mengetengahkan kepada penganjuran program-program berteraskan Harmoni Dalam Kepelbagaian dan pembinaan Negara Bangsa.

Penerapan dua fokus itu merupakan usaha memperkasa hubungan antara pelbagai kelompok masyarakat dan merealisasikan pembinaan identiti nasional.

Tambah Aaron, permohonan juga adalah terbuka kepada semua organisasi termasuk agensi kerajaan dan swasta.

Katanya, peruntukan juga tidak mempunyai sebarang had kerana bergantung kepada keperluan permohonan.

"Setakat ini kita tiada tetapkan sebarang peruntukan. Kalau banyak permohonan mungkin kita akan mohon lebih daripada Kementerian Kewangan.

"Kita juga buka permohonan kepada semua. Mereka hanya perlu beritahu apa yang diperlukan dan kita akan pertimbangkan," katanya. – UTUSAN

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

Inisiatif program perpaduan kepada NGO akan diteruskan

23 Januari 2025



Aaron bergambar bersama wakil NGO pada Majlis Pelancaran Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan di Kuala Lumpur, hari ini. - Foto oleh SADDAM YUSOFF / KOSMO!

KUALA LUMPUR – Inisiatif pemberian bantuan kewangan yang diuruskan Kementerian Perpaduan kepada badan bukan kerajaan (NGO) bagi menganjurkan program perpaduan di negara ini akan terus dilaksanakan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kementerian berharap NGO yang menerima bantuan itu terus berganding bahu dalam meluaskan usaha capaian dan memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan program berkaitan perpaduan.

"Pada 2024, sebanyak 78 program perpaduan diterajui NGO melalui kerjasama kementerian dilaksanakan di seluruh negara membabitkan 621,739 peserta.

"Bagi tahun ini, kementerian memberikan fokus kepada penganjuran program yang berteraskan kepada harmoni dalam kepelbagaian dan pembinaan negara bangsa, melalui penerapan dua fokus ini dalam program yang bakal dianjurkan, usaha untuk memperkasakan hubungan antara pelbagai kelompok masyarakat dan pembinaan identiti nasional akan dapat direalisasikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan (BKPP), di Hotel Seri Pasifik di sini hari ini.

Dalam pada itu, Aaron menyifatkan, tatakelola yang baik adalah aspek kritikal bagi kemakmuran dan kemajuan sesebuah negara yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

"Perancangan tatakelola yang konkrit dapat menatijahkan ketelusan, akauntabiliti, keterangkuman dan keberkesanan, kesemua ini menyumbang kepada wujudnya satu pentadbiran madani, demokratik dan mampu berfungsi dengan baik," katanya.

Menurutnya lagi, selaras dengan reformasi perkhidmatan awam dan amalan tatakelola, permohonan bantuan bagi melaksanakan program perpaduan akan diuruskan secara dalam talian.

Katanya, penambahbaikan yang dibuat melalui portal BKPP ini adalah satu manifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan. – KOSMO! ONLINE.

Permohonan bantuan kewangan program perpaduan NGO secara dalam talian

23 Januari 2025



Datuk Aaron Ago Dagang hadir melancarkan portal bantuan kewangan program perpaduan di ibu negara hari ini. Foto, Firdaus Ismail (TVS).

KUALA LUMPUR, 23 Jan: Permohonan bantuan kewangan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk melaksanakan program perpaduan perlu dikemukakan sepenuhnya secara dalam talian bermula tahun ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ini selaras dengan transformasi sektor awam di samping mahu memastikan proses permohonan dan kelulusan lebih efisien.

Jelas Aaron Ago, penambahbaikan yang dibuat melalui portal bantuan kewangan program perpaduan itu merupakan satu manifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan.

"Kita berharap melalui proses yang dilaksanakan secara dalam talian ini akan mengurangkan sebarang kekangan yang mungkin dihadapi oleh NGO sekali gus mempercepatkan perlaksanaan program program perpaduan yang ingin dicadangkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Senator K. Saraswathy.

Sementara itu Aaron Ago memaklumkan pada tahun ini kementerian memberi fokus kepada penganjuran program – program perpaduan berteraskan Harmoni Dalam Kepelbagaian dan ke arah pembinaan Negara Bangsa.

Pada masa sama beliau turut memuji peranan yang dimainkan oleh NGO dalam membantu kerajaan memupuk perpaduan di negara ini.

"Pada tahun lalu sebanyak 78 program perpaduan yang diterajui NGO melalui kerjasama dengan kementerian berjaya dilaksanakan di seluruh negara melibatkan lebih 600,000 peserta," katanya.- TVS

Kementerian Perpaduan akan terus salur bantuan kewangan kepada NGO anjur program

23 Januari 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (dua kanan) melancarkan Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan (BKPP) sambil disaksikan timbalannya, Saraswathy Kandasami (kiri) dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Mohamad Sobri Mat Daud di ibu negara, hari ini. - Foto NSTP/Hairul Anuar Rahim

KUALA LUMPUR – Kementerian Perpaduan Negara akan meneruskan inisiatif pemberian bantuan kewangan kepada badan bukan kerajaan (NGO) bagi menganjurkan program perpaduan di negara ini.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berharap NGO yang menerima bantuan akan dapat terus berganding bahu dengan kementerian dalam meluaskan usaha capaian dan memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan program perpaduan.

Katanya, tahun lalu sebanyak 78 program perpaduan diterajui NGO melalui kerjasama kementerian dilaksanakan di seluruh negara membabitkan 621,739 peserta.

"Bagi tahun 2025, kementerian memberikan fokus kepada penganjuran program yang berteraskan kepada harmoni dalam kepelbagaian dan pembinaan negara bangsa.

"Melalui penerapan dua fokus ini dalam program yang bakal dianjurkan, usaha untuk memperkasakan hubungan antara pelbagai kelompok masyarakat dan pembinaan identiti nasional akan dapat direalisasikan," katanya ketika melancarkan Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan (BKPP) di sini, hari ini.

Aaron berkata tatakelola yang baik adalah satu aspek kritikal bagi kemakmuran dan kemajuan sesebuah negara yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

"Perancangan tatakelola yang konkrit dapat menatijahkan ketelusan, akauntabiliti, keterangkuman dan keberkesanan.

"Semua ini menyumbang kepada wujudnya satu pentadbiran yang MADANI, demokratik dan mampu berfungsi dengan baik," katanya.

Aaron berkata selaras dengan reformasi perkhidmatan awam dan amalan tatakelola, permohonan bantuan bagi melaksanakan program perpaduan akan diuruskan secara dalam talian.

Katanya, penambahbaikan yang dibuat melalui portal BKPP ini adalah satu manifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan.

"Dengan adanya portal ini, diharapkan proses permohonan dan kelulusan bantuan kewangan kepada NGO akan menjadi lebih efisien," katanya.

Aaron juga berharap melalui proses ini ia akan membantu mempermudahkan urusan serta mengurangkan sebarang kekangan yang dihadapi oleh NGO sekali gus mempercepatkan pelaksanaan program perpaduan dicadangkan.

Utusan Borneo Online

Permohonan bantuan kewangan program perpaduan secara dalam talian

23 Januari 2025



KUALA LUMPUR: Insentif bantuan kewangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi penganjuran program perpaduan akan diuruskan secara dalam talian menerusi portal bermula tahun ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (gambar) berkata langkah itu selaras dengan reformasi perkhidmatan awam dan amalan tatakelola yang baik selain bagi memastikan proses permohonan dan kelulusan yang lebih efisien.

"Penambahbaikan yang dibuat melalui Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan juga merupakan manifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan," katanya semasa berucap melancarkan portal itu di sini hari ini.

Aaron berkata permohonan secara dalam talian juga dapat mempermudahkan urusan dan mengurangkan kekangan yang mungkin dihadapi NGO semasa membuat permohonan itu, sekali gus mempercepatkan pelaksanaan program perpaduan yang ingin dicadangkan.

Beliau memaklumkan sebanyak 78 program perpaduan yang diterajui NGO melalui kerjasama kementerian telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penglibatan 621,739 peserta pada tahun lepas.

Pada perkembangan lain, Aaron berkata sebanyak 110 buah NGO diiktiraf sebagai 'Friends of Unity' untuk bersama-sama kementerian mencapai aspirasi memperkukuhkan perpaduan antaranya Pertubuhan Kembara Anak Seni Selangor, Pertubuhan Nadi Sihat, Persatuan Siam Malaysia dan Pertubuhan IKRAM Malaysia.

Sementara itu, dalam sidang media Aaron berkata jumlah bantuan kewangan yang diluluskan adalah bergantung kepada keperluan program yang hendak dilaksanakan.

Beliau berkata antara kriteria penganjuran ialah bertemakan 'Harmoni Dalam Kepelbagaian' yang mengetengahkan komponen asas dalam membentuk kesepaduan masyarakat dan keharmonian negara tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.

astro AWANI

Permohonan bantuan kewangan program perpaduan secara dalam talian

23 Januari 2025



Aaron memaklumkan, sebanyak 78 program perpaduan yang diterajui NGO melalui kerjasama kementerian telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penglibatan 621,739 peserta pada tahun lepas. - Gambar Bernama

KUALA LUMPUR – Insentif bantuan kewangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi penganjuran program perpaduan akan diuruskan secara dalam talian menerusi portal bermula tahun ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, langkah itu selaras dengan reformasi perkhidmatan awam dan amalan tatakelola yang baik selain bagi memastikan proses permohonan dan kelulusan yang lebih efisien.

"Penambahbaikan yang dibuat melalui Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan juga merupakan manifestasi bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan," katanya semasa berucap melancarkan portal itu, di sini, pada Khamis.

Aaron berkata, permohonan secara dalam talian juga dapat mempermudahkan urusan dan mengurangkan kekangan yang mungkin dihadapi NGO semasa membuat permohonan itu, sekali gus mempercepatkan pelaksanaan program perpaduan yang ingin dicadangkan.

Beliau memaklumkan, sebanyak 78 program perpaduan yang diterajui NGO melalui kerjasama kementerian telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penglibatan 621,739 peserta pada tahun lepas.

Pada perkembangan lain, Aaron berkata, sebanyak 110 buah NGO diiktiraf sebagai 'Friends of Unity' untuk bersama-sama kementerian mencapai aspirasi memperkukuhkan perpaduan antaranya Pertubuhan Kembara Anak Seni Selangor, Pertubuhan Nadi Sihat, Persatuan Siam Malaysia dan Pertubuhan IKRAM Malaysia.

Sementara itu, dalam sidang media, Aaron berkata, jumlah bantuan kewangan yang diluluskan adalah bergantung kepada keperluan program yang hendak dilaksanakan.

Beliau berkata, antara kriteria penganjuran ialah bertemakan 'Harmoni Dalam Kepelbagaian' yang mengetengahkan komponen asas dalam membentuk kesepaduan masyarakat dan keharmonian negara tanpa mengira kaum, agama dan bangsa. – BERNAMA

Malaysia Tribune

Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan dilancar, perkukuh usaha perpaduan

23 Januari 2025







KUALA LUMPUR – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melancarkan Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan (BKPP) yang bertujuan memperkasakan pelaksanaan program perpaduan di peringkat akar umbi.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.
Pelancaran itu merupakan sebahagian daripada usaha KPN untuk mengiktiraf peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai "Friends of Unity" dalam memperkukuh keharmonian masyarakat.

Aaron berkata, perpaduan bukan hanya tanggungjawab kerajaan tetapi memerlukan kerjasama semua pihak termasuk NGO dan sektor swasta.

"Mulai tahun ini, semua permohonan bantuan kewangan akan diuruskan sepenuhnya secara dalam talian menerusi portal tersebut," katanya di sini hari ini.

Tambahnya, langkah itu adalah sebahagian daripada reformasi perkhidmatan awam bagi meningkatkan tatakelola, ketelusan dan keberkesanan.

"Portal itu membuktikan bagaimana teknologi boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kecekapan.

"Dengan adanya portal itu proses permohonan dan kelulusan bantuan kepada NGO akan menjadi lebih cepat dan efisien," katanya lagi.

Beliau berkata, pelaksanaan secara dalam talian ini diharap dapat mengurangkan kekangan yang dihadapi oleh NGO, sekaligus mempercepatkan pelaksanaan program perpaduan.

Pada tahun lalu, sebanyak 78 program perpaduan berjaya dilaksanakan di seluruh negara melibatkan 621,739 peserta.

Program itu disokong oleh pelbagai NGO seperti Pertubuhan IKRAM Malaysia, Persatuan Siam Malaysia dan Pertubuhan Kembara Anak Seni Selangor.

"Pencapaian ini membuktikan keberkesanan kerjasama strategik antara kerajaan dan NGO dalam memupuk keharmonian masyarakat.

Tahun ini, fokus akan diberikan kepada program bertemakan Harmoni Dalam Kepelbagaian dan pembinaan negara bangsa," jelasnya.

Majlis turut menyaksikan sesi Townhall yang melibatkan lebih 500 wakil NGO dari seluruh negara.

Sesi ini memberi peluang kepada peserta untuk memahami fungsi portal dan kaedah permohonan bantuan kewangan.

Aaron menutup majlis dengan menyeru semua pihak untuk terus berganding bahu memperkukuh perpaduan.

"Dengan iltizam bersama, kita mampu membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan bersatu padu," ujarnya sebelum melancarkan portal tersebut sebagai simbol komitmen Kementerian dalam memupuk perpaduan nasional.

BERITA RTM

NGO main peranan utama bantu perkukuh perpaduan

23 Januari 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang / RTM

KUALA LUMPUR, 22 Januari - Bantuan kewangan akan terus disalur kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang membantu dalam memperkukuh perpaduan menerusi penganjuran pelbagai program.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, beliau berharap dengan bantuan tersebut pihak berkaitan dapat meneruskan kerjasama bersama kementerian dalam usaha memperluas semangat perpaduan di negara ini.

Beliau berkata, Kementerian Perpaduan mendapat sambutan memberangsangkan daripada pihak NGO dalam penganjuran program perpaduan.

"Pada tahun lalu, 78 program telah diterajui oleh NGO yang bekerjasama dengan kementerian kita, membabitkan jumlah lebih 620,000 penyertaan," katanya.

Tambah beliau, pada tahun ini pihaknya memberi fokus terhadap penganjuran program berteraskan elemen harmoni dalam kepelbagaian dan pembinaan negara bangsa bagi memperkasa hubungan antara pelbagai kelompok masyarakat sekaligus membina identiti nasional.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Pelancaran Portal Bantuan Kewangan Program Perpaduan (BKPP) di ibu negara.

Beliau berharap portal tersebut mampu menjadi platform mesra pengguna bagi NGO untuk mendapatkan bantuan kewangan serta mempercepat pelaksanaan program perpaduan yang dicadangkan.

Sinar Harian

Periuk Untuk Jiran pecah stereotaip

26 Januari 2025



10 | NASIONAL 26 JANUARI 2025 | SINAR AHAD

Periuk Untuk Jiran pecah stereotaip

Iklan Tahun Baharu Cina KPN digarap melalui resipi faham, hormat dan terima

Oleh AZLEENDA SAHALUDIN
KUALA LUMPUR

Menjelang sambutan Tahun Baharu Cina tahun 2025, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) memecahkan stereotaip kelaziman iklan pesanan khidmat masyarakat sempena sambutan perayaan itu.

Iklan berpaksikan faham, hormat dan terima berasaskan kepada kepelbagaian agama, bangsa serta amalan masyarakat menjadi salah satu resipi kejayaan Malaysia mengekalkan keharmonian.

Perkara tersebut selari dengan dengan hasrat Kerajaan Perpaduan di bawah gagasan Madani dilahirkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang meniticeratkan keharmonian dalam hidup silang budaya dan agama di Malaysia.

Periuk Untuk Jiran digarapkan menerusi resipi berkenaan turut menyampaikan mesej seni halus yang memberi penerangan mengenai halal dan haram.

Dilakonkan oleh pelakon berpengalaman, Chew Kin Wah yang kini popular di Indonesia, turut memberikan impak besar terhadap iklan tersebut.

Selain itu, pelakon Rosnah Johari berjaya memaiswakan watak sebagai Puan Farida, ibu kepada Izzul Faiq yang memegang watak Ismail turut membantu memberikan kesan di luar kebiasaan.

Lebih menarik, iklan pesanan khidmat masyarakat tersebut turut diakonkan oleh pelakon mewakili masyarakat kaum India, Sabah dan Sarawak yang menterjemahkan keharmonian menerusi beberapa ucapan Perdana Menteri sebelum ini.

Iklan berkenaan mula disiarkan melalui semua saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM) bermula pada 24 Januari sehingga 4 Februari ini.

Ia juga boleh ditonton secara dalam talian di Facebook, Instagram dan YouTube Datuk Aaron Ago Dagang serta Kementerian Perpaduan Negara mulai 24 Januari.

Iklan *Periuk Untuk Jiran* mula disiarkan melalui semua saluran RTM bermula pada Jumaat.

FEBRUARI

5 program dianjur sempena minggu keharmonian agama

4 Februari 2025



Aaron Ago Dagang berkata Kementerian Perpaduan Negara fokus kepada inisiatif bagi memperkukuh keharmonian antara agama. (Gambar Bernama)

PUTRAJAYA: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan menganjurkan lima program utama sempena sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia yang disambut pada minggu pertama Februari setiap tahun.

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata, program Jejak Harmoni Metasemesta akan diadakan pada 14 hingga 16 Feb; Perarakan Harmoni pada 15 dan 16 Feb, Program Jejak Harmoni 15 Feb; Dialog Harmoni 16 Feb dan Mesyuarat Jawatankuasa Harmoni pada 19 Feb.

"Semua program ini adalah sebagai langkah untuk menyemarakkan sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia.
"Kementerian akan terus memberikan fokus pada inisiatif bagi memperkukuh keharmonian antara agama," katanya dalam kenyataan.

Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (World Interfaith Harmony Week) ialah acara tahunan yang diiktiraf dalam resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 20 Okt 2010.

Aaron berkata, keharmonian antara penganut agama merupakan tonggak penting dalam usaha kerajaan mewujudkan negara yang sejahtera.

Semangat itu tidak hadir secara sendiri, katanya, sebaliknya memerlukan usaha berterusan daripada setiap lapisan masyarakat terutamanya pemimpin agama.

"Usaha ini bagi memastikan prinsip toleransi dan saling hormat menghormati dapat ditegakkan dalam kehidupan seharian. Kita perlu memastikan perbezaan agama tidak menjadi penghalang hubungan baik antara satu sama lain."

Beliau berkata, keharmonian tidak boleh dicapai sekiranya sikap toleransi hanya diamalkan secara pasif; ia memerlukan komitmen aktif bagi membina hubungan yang kukuh antara komuniti agama agar semua lapisan masyarakat dapat hidup dalam suasana harmoni.

Sebagai sebuah negara yang menjunjung prinsip 'Harmoni Dalam Kepelbagaian', Aaron berkata, rakyat Malaysia perlu bekerjasama memperkukuh ikatan antara agama, etnik dan budaya kerana rakyat negara ini mempunyai tanggungjawab sebagai ejen perubahan dalam membina Malaysia Madani yang aman, damai dan sejahtera.

"Faham, hormat dan terima adalah nilai yang perlu diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat bagi memastikan negara kita terus menjadi contoh kepada dunia tentang bagaimana kepelbagaian agama serta budaya boleh digabungkan untuk mencipta satu negara yang benar-benar harmoni," katanya.

Aaron turut mencadangkan agar lebih banyak forum antara agama dianjurkan pada pelbagai peringkat melibatkan tokoh agama, akademik, pemimpin masyarakat serta golongan muda kerana sesi seumpama itu penting untuk memecahkan tembok prasangka.

Malaysia Tribune

Tiong: Don't politicise tourism, focus on diversity

4 February 2025



PUTRAJAYA – Kementerian Perpaduan akan menganjurkan lima program sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata, sebagai sebuah negara yang menjunjung tinggi prinsip 'Harmoni Dalam Kepelbagaian', rakyat Malaysia mesti bekerjasama untuk memperkukuh ikatan antara agama, etnik, dan budaya.

"Untuk memastikan keharmonian antara agama terus dipertingkatkan, beberapa langkah perlu diberi perhatian dan dititikberatkan oleh semua pihak.

"Dialog yang konstruktif antara penganut agama adalah cara terbaik untuk meningkatkan pemahaman dan mengurangkan ketegangan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.
Sehubungan itu, katanya, antara program yang akan diadakan sempena sambutan minggu ini termasuklah Jejak Harmoni Metasemesta (14 – 16 Februari 2025), Perarakan Harmoni (15 – 16 Februari 2025), Program Jejak Harmoni (15 Februari 2025), Dialog Harmoni (16 Februari 2025) dan Mesyuarat Jawatankuasa HARMONI (19 Februari 2025).

"Keharmonian antara penganut agama merupakan satu tonggak penting dalam usaha kita mewujudkan negara yang sejahtera.

"Ia bukanlah sesuatu yang datang dengan sendirinya, tetapi ia memerlukan usaha yang berterusan daripada setiap lapisan masyarakat, terutamanya pemimpin agama," katanya lagi.

Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia atau World Interfaith Harmony Week (WIHW) merupakan acara tahunan disambut pada minggu pertama bulan Februari setiap tahun dan diiktiraf dalam resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) pada 20 Oktober 2010.

BERNAMA

Lima Program Sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia - Aaron

4 Februari 2025



PUTRAJAYA, 4 Feb (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan mengadakan lima program utama sempena sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia yang disambut pada minggu pertama Februari setiap tahun, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata program berkenaan ialah Jejak Harmoni Metasemeta pada 14 hingga 16 Feb, Perarakan Harmoni (15 dan 16Feb), Program Jejak Harmoni (15 Feb), Dialog Harmoni (16 Feb) dan Mesyuarat Jawatankuasa Harmoni pada 19 Feb.

"Semua program ini adalah sebagai langkah untuk menyemarakkan sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia. KPN akan terus memberikan fokus kepada inisiatif bagi memperkukuh keharmonian antara agama,"katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia atau World Interfaith Harmony Week (WIHW) yang merupakan acara tahunan, telah diiktiraf dalam resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 20 Okt 2010.

Aaron berkata keharmonian antara penganut agama merupakan tonggak penting, dalam usaha kerajaan mewujudkan negara yang sejahtera kerana semangat itu tidak hadir secara sendiri, sebaliknya memerlukan usaha berterusan daripada setiap lapisan masyarakat terutamanya pemimpin agama.

"Usaha ini bagi memastikan prinsip toleransi dan saling hormat menghormati dapat ditegakkan dalam kehidupan seharian. Kita perlu memastikan perbezaan agama tidak menjadi penghalang kepada hubungan baik antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata keharmonian tidak boleh dicapai sekiranya sikap toleransi hanya diamalkan secara pasif, kerana ia memerlukan komitmen aktif bagi membina hubungan yang kukuh antara komuniti agama agar semua lapisan masyarakat dapat hidup dalam suasana harmoni.

Sebagai sebuah negara yang menjunjung prinsip 'Harmoni Dalam Kepelbagaian', Aaron berkata rakyat Malaysia perlu bekerjasama memperkukuh ikatan antara agama, etnik dan budaya kerana rakyat negara ini mempunyai tanggungjawab sebagai ejen perubahan dalam membina Malaysia MADANI yang aman, damai dan sejahtera.

"Faham, Hormat dan Terima adalah nilai yang perlu diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat, bagi memastikan negara kita terus menjadi contoh kepada dunia tentang bagaimana kepelbagaian agama serta budaya boleh digabungkan untuk mencipta satu negara yang benar-benar harmoni," katanya.

Aaron turut mencadangkan agar lebih banyak forum antara agama dianjurkan di pelbagai peringkat melibatkan tokoh agama, akademik, pemimpin masyarakat serta golongan muda, kerana sesi seumpama itu penting untuk memecahkan tembok prasangka yang wujud akibat tidak ketahuan.

BERNAMA

Five Key Programmes Planned For World Interfaith Harmony Week -Aaron

4 February 2025



PUTRAJAYA, 4 Feb (Bernama) -- The National Unity Ministry (KPN) will hold five main programmes in conjunction with the celebration of World Interfaith Harmony Week (WIHW), observed in the first week of February each year, said Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

In a statement today, Aaron said the programmes are the "Jejak Harmoni Metasemeta" from Feb 14 to 16; the Harmony Parade (Feb15 and 16); the "Jejak Harmoni Programme" (Feb 15); the Harmony Dialogue (Feb 16); and the Harmony Committee Meeting (Feb 19).

"These programmes aim to enliven the celebration of World Interfaith Harmony Week. KPN will continue to focus on initiatives to strengthen interfaith harmony," he said.

The annual WIHW was recognised through a United Nations General Assembly resolution on Oct 20, 2010.

According to Aaron, interfaith harmony is a crucial pillar in the government's efforts to create a peaceful nation, as such harmony does not arise on its own but requires continuous efforts from all levels of society, particularly religious leaders.

"This effort is to ensure that the principles of tolerance and mutual respect are upheld in daily life. We must ensure that religious differences do not become a barrier to good relationships with one another," he said.

He noted that harmony cannot be achieved if tolerance is practised passively, as it requires active commitment to building strong relationships between religious communities so that all strata of society can live in harmony.

As a nation that upholds the principle of Harmony in Diversity, Aaron said, Malaysians must work together to strengthen ties between religions, ethnicities and cultures, as they have a responsibility as agents of change in building a peaceful and prosperous Malaysia MADANI.

"Understanding, Respect and Acceptance are values that must be instilled in every level of society to ensure our nation continues to be an example to the world of how religious and cultural diversity can be combined to create a truly harmonious country," he said.

Aaron also suggested that more interfaith forums be organised at various levels involving religious figures, academics, community leaders and young people, as such sessions are vital in breaking down walls of prejudice caused by ignorance.

theSun

Five key programmes planned for world interfaith harmony week - Aaron

4 February 2025



PUTRAJAYA: The National Unity Ministry (KPN) will hold five main programmes in conjunction with the celebration of World Interfaith Harmony Week (WIHW), observed in the first week of February each year, said Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

In a statement today, Aaron said the programmes are the "Jejak Harmoni Metasemeta" from Feb 14 to 16; the Harmony Parade (Feb 15 and 16); the "Jejak Harmoni Programme" (Feb 15); the Harmony Dialogue (Feb 16); and the Harmony Committee Meeting (Feb 19).

"These programmes aim to enliven the celebration of World Interfaith Harmony Week. KPN will continue to focus on initiatives to strengthen interfaith harmony, " he said.
The annual WIHW was recognised through a United Nations General Assembly resolution on Oct 20, 2010.

According to Aaron, interfaith harmony is a crucial pillar in the government's efforts to create a peaceful nation, as such harmony does not arise on its own but requires continuous efforts from all levels of society, particularly religious leaders.

"This effort is to ensure that the principles of tolerance and mutual respect are upheld in daily life. We must ensure that religious differences do not become a barrier to good relationships with one another, " he said.

He noted that harmony cannot be achieved if tolerance is practised passively, as it requires active commitment to building strong relationships between religious communities so that all strata of society can live in harmony.

As a nation that upholds the principle of Harmony in Diversity, Aaron said, Malaysians must work together to strengthen ties between religions, ethnicities and cultures, as they have a responsibility as agents of change in building a peaceful and prosperous Malaysia MADANI.

"Understanding, Respect and Acceptance are values that must be instilled in every level of society to ensure our nation continues to be an example to the world of how religious and cultural diversity can be combined to create a truly harmonious country, " he said.

Aaron also suggested that more interfaith forums be organised at various levels involving religious figures, academics, community leaders and young people, as such sessions are vital in breaking down walls of prejudice caused by ignorance.

WILAYAHKU

5 program diadakan sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia

4 Februarl 2025



SEBANYAK lima program utama akan diadakan bersempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia yang disambut pada minggu pertama Februari setiap tahun.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sebagai langkah untuk menyemarakkan sambutan tersebut, pihaknya akan terus memberikan fokus kepada inisiatif yang memperkukuh keharmonian antara agama
.
"Antara program yang akan diadakan sempena sambutan ini termasuklah Jejak Harmoni Metasemesta (14 hingga 16 Februari 2025), Perarakan Harmoni (15 dan 16 Februari 2025), Program Jejak Harmoni (15 Februari 2025), Dialog Harmoni (16 Februari 2025) dan Mesyuarat Jawatankuasa HARMONI (19 Februari 2025)," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Aaron berkata, sebagai sebuah negara yang menjunjung tinggi prinsip Harmoni Dalam Kepelbagaian, semua pihak mesti bekerjasama untuk memperkukuh ikatan antara agama, etnik dan budaya.

"Keharmonian bukanlah satu keadaan yang wujud secara automatik, tetapi memerlukan usaha berterusan daripada semua pihak untuk mengekalkannya. Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk menjadi ejen perubahan dalam membina Malaysia MADANI yang aman, damai dan sejahtera.

"Faham, Hormat, Terima adalah nilai yang perlu diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat, bagi memastikan negara kita terus menjadi contoh kepada dunia tentang bagaimana kepelbagaian agama dan budaya boleh digabungkan untuk mencipta satu negara yang benar-benar harmoni," katanya.

Beliau berkata untuk memastikan keharmonian antara agama terus dipertingkatkan, beberapa langkah perlu diberi perhatian dan dititikberatkan oleh semua pihak.

"Dialog yang konstruktif antara penganut agama adalah cara terbaik untuk meningkatkan pemahaman dan mengurangkan ketegangan. Terdapat juga cadangan agar lebih banyak forum antara agama dianjurkan di pelbagai peringkat, melibatkan tokoh agama, akademik, pemimpin masyarakat, serta golongan muda. Sesi dialog ini penting bagi memecahkan tembok prasangka yang wujud akibat ketidaktahuan," katanya.

Tambahnya lagi keharmonian antara penganut agama merupakan satu tonggak penting dalam usaha mewujudkan negara yang sejahtera.

"Ia bukanlah sesuatu yang datang dengan sendirinya, tetapi ia memerlukan usaha yang berterusan daripada setiap lapisan masyarakat, terutamanya pemimpin agama, untuk memastikan prinsip toleransi dan saling menghormati ditegakkan dalam kehidupan seharian.

"Dalam usaha ini, kita perlu memastikan bahawa perbezaan agama tidak menjadi penghalang kepada hubungan baik antara satu sama lain sebaliknya, kita harus memupuk sikap saling menghormati dan menghargai kepercayaan agama masing-masing.

"Keharmonian tidak boleh tercapai jika kita hanya bertoleransi secara pasif, tetapi ia memerlukan komitmen aktif untuk membina hubungan yang kukuh antara komuniti agama, agar kita dapat hidup berdampingan dengan penuh keharmonian.
"Kita harus meletakkan keharmonian sebagai keutamaan, kerana dengan itu sahaja negara kita dapat mencapai kemajuan yang sebenar," ujarnya.

Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia atau World Interfaith Harmony Week (WIHW) merupakan acara tahunan disambut pada minggu pertama bulan Februari setiap tahun yang telah diiktiraf dalam resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 20 Oktober 2010. – WILAYAHKU

THE EDGE MALAYSIA
BUSINESS & INVESTMENT WEEKLY

Five key programmes planned for World Interfaith Harmony Week, says Aaron

4 February 2025



PUTRAJAYA (Feb 4): The National Unity Ministry (KPN) will hold five main programmes in conjunction with the celebration of World Interfaith Harmony Week (WIHW), observed in the first week of February each year, said Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

In a statement, Aaron said the programmes are the "Jejak Harmoni Metasemeta" from Feb 14 to 16; the Harmony Parade (Feb 15 and 16); the "Jejak Harmoni Programme" (Feb 15); the Harmony Dialogue (Feb 16); and the Harmony Committee Meeting (Feb 19).

"These programmes aim to enliven the celebration of World Interfaith Harmony Week. KPN will continue to focus on initiatives to strengthen interfaith harmony," he said.

The annual WIHW was recognised through a United Nations General Assembly resolution on Oct 20, 2010.

According to Aaron, interfaith harmony is a crucial pillar in the government's efforts to create a peaceful nation, as such harmony does not arise on its own but requires continuous efforts from all levels of society, particularly religious leaders.

"This effort is to ensure that the principles of tolerance and mutual respect are upheld in daily life. We must ensure that religious differences do not become a barrier to good relationships with one another," he said.

He noted that harmony cannot be achieved if tolerance is practised passively, as it requires active commitment to building strong relationships between religious communities so that all strata of society can live in harmony.

As a nation that upholds the principle of Harmony in Diversity, Aaron said, Malaysians must work together to strengthen ties between religions, ethnicities and cultures, as they have a responsibility as agents of change in building a peaceful and prosperous Malaysia Madani.

"Understanding, Respect and Acceptance are values that must be instilled in every level of society to ensure our nation continues to be an example to the world of how religious and cultural diversity can be combined to create a truly harmonious country," he said.

Aaron also suggested that more interfaith forums be organised at various levels involving religious figures, academics, community leaders and young people, as such sessions are vital in breaking down walls of prejudice caused by ignorance.

Utusan Malaysia

Malaysia perlu lebih banyak dialog antara agama

4 Februarl 2025



PETALING JAYA: Malaysia perlu memperbanyakkan dialog antara penganut agama bagi memperkukuh keharmonian dan mengelakkan perbezaan kepercayaan menjadi faktor pemisah dalam masyarakat.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, keharmonian bukan sesuatu yang wujud secara automatik tetapi perlu dibina melalui usaha berterusan.
Katanya, ia termasuk sesi dialog antara agama yang melibatkan pemimpin agama, akademik, pemimpin masyarakat serta golongan muda.

"Dialog yang konstruktif adalah cara terbaik untuk meningkatkan pemahaman dan mengurangkan ketegangan.

"Kita perlu mengadakan lebih banyak forum antara agama di semua peringkat bagi memecahkan tembok prasangka akibat ketidaktahuan," katanya dalam kenyataan.

Aaron berkata, Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia atau World Interfaith Harmony Week (WIHW) disambut pada minggu pertama Februari setiap tahun selepas diiktiraf oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 20 Oktober 2010.

Katanya, Malaysia yang terkenal dengan kepelbagaian agama dan budaya perlu terus menjadi contoh kepada dunia dalam menguruskan perbezaan dengan matang dan harmoni.

"Kita harus memastikan perbezaan agama tidak menjadi penghalang kepada hubungan baik.

"Sebaliknya, ia boleh menjadi asas untuk membina masyarakat yang lebih memahami antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata, keharmonian tidak boleh hanya bergantung kepada toleransi pasif, tetapi memerlukan komitmen aktif daripada semua pihak untuk membina hubungan kukuh antara komuniti agama.

"Kita tidak boleh mengambil ringan soal perpaduan. Kita perlu faham, hormat dan menerima kepelbagaian agar Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang stabil dan maju," katanya.

Sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, kementerian akan menganjurkan pelbagai program bagi menyemarakkan semangat keharmonian antara masyarakat.

Katanya, sebagai sebuah negara yang menjunjung prinsip Harmoni Dalam Kepelbagaian, rakyat Malaysia perlu bekerjasama memperkukuh ikatan antara agama, etnik, dan budaya kerana keharmonian tidak wujud secara automatik, sebaliknya memerlukan usaha berterusan daripada semua pihak.

"Masing-masing mempunyai tanggungjawab menjadi ejen perubahan dalam membina Malaysia Madani yang aman, damai dan sejahtera.

"Faham, hormat, terima adalah nilai yang perlu diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat.

"Ia bagi memastikan negara kita terus menjadi contoh kepada dunia tentang bagaimana kepelbagaian agama dan budaya boleh digabungkan untuk mencipta sebuah negara yang benar-benar harmoni," katanya. – UTUSAN

tvs www.tvsarawak.my

Negara terus kukuhkan perpaduan menerusi WIHW

4 Februarl 2025



PUTRAJAYA, 4 Feb: Malaysia terus mengukuhkan perpaduan dengan menyambut Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (WIHW) ataupun World Interfaith Harmony Week.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang menegaskan bahawa keharmonian memerlukan usaha berterusan dan komitmen semua pihak.

"Sebagai sebuah negara yang menjunjung tinggi prinsip "Harmoni Dalam Kepelbagaian", kita mesti bekerjasama untuk memperkukuh ikatan antara agama, etnik dan budaya.

"Keharmonian bukanlah satu keadaan yang wujud secara automatik, tetapi memerlukan usaha berterusan daripada semua pihak untuk mengekalkannya," katanya.

Beliau turut menambah, keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaaian, sekiranya dijaga dengan betul, boleh menjadi kekuatan yang membentuk identiti negara Malaysia.

"Keharmonian bukan terjadi secara automatik, ia perlu dibina melalui sikap memahami, menghormati, dan menerima kepelbagaian.

"Faham, Hormat, Terima adalah nilai yang perlu diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat," tambahnya.

WIHW merupakan acara tahunan disambut pada minggu pertama bulan Februari setiap tahun selari dengan resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak 2010.

Sebagai langkah untuk menyemarakkan sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, Kementerian Perpaduan Negara akan terus memberikan fokus kepada inisiatif yang memperkukuh keharmonian antara agama.

Antara program yang akan diadakan sempena sambutan ini termasuklah Jejak Harmoni Metasemesta (14 – 16 Februari 2025), Perarakan Harmoni (15 dan 16 Februari 2025), Program Jejak Harmoni (15 Februari 2025), Dialog Harmoni (16 Februari 2025) dan Mesyuarat Jawatankuasa HARMONI (19 Februari 2025). -TVS

SARAWAK TRIBUNE

Enhance religious, ethnic and cultural bonds: Aaron

4 February 2025



PUTRAJAYA: National Unity Minister, Datuk Aaron Ago Dagang, has called on citizens to work together to strengthen the bonds between religions, ethnicities and cultures.

On the occasion of World Interfaith Harmony Week (WIHW) he reminded that harmony is not a state that exists automatically but requires continuous effort from all parties to sustain it.

"Each of us has a responsibility to be an agent of change in building a peaceful, prosperous, and united Malaysia Madani," he said in a press statement today (Feb 4). He said that Malaysia is a country rich in diversity, with communities practicing various religions and beliefs.

If properly nurtured, this uniqueness can become a strength that shapes the nation's identity, he pointed out.

"'Understand, Respect, Accept' are values that must be instilled at every level of society to ensure that our country continues to serve as a global example of how religious and cultural diversity can be harmonised to create a truly united nation," he added.

To further enhance interfaith harmony, several key initiatives must be prioritised by all stakeholders, he said, adding that constructive dialogue among religious adherents is the best way to foster understanding and reduce tensions.

Towards this end he called for more interfaith forums at various levels, involving religious leaders, academics, community leaders, and the younger generation.

Such dialogue sessions are crucial in breaking down prejudices caused by ignorance, he said.

To mark World Interfaith Harmony Week, the Ministry will continue to focus on initiatives that promote religious harmony.

"Programmes scheduled for the celebration include the Jejak Harmoni Metasemesta (Feb 14 to Feb 16), Perarakan Harmoni (Feb 15 and Feb 16), Program Jejak Harmoni (Feb 15), Dialog Harmoni (Feb 16), and the HARMONI Committee Meeting (Feb 19),"he said.

SUARA KONTEMPORARI Kosmo!

Dokumentari Jejak Harmoni zahir keharmonian beragama di Malaysia

5 February 2025



Dokumentari Jejak Harmoni zahir keharmonian antara penganut agama di Malaysia.

PETALING JAYA – Dokumentari Jejak Harmoni (JH) 2024 yang kini ditayangkan melalui TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM) mendapat capaian tontonan sebanyak 2,760,000 juta penonton melalui beberapa saluran media sosial.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara, Dr Shatesh Kumar Sangar berkata, sehubungan itu, karya Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) melalui karya Jejak Harmoni (JH) 2024 mencatatkan sambutan menggalakkan.

Beliau berkata, ia merupakan antara kejayaan JPNIN mempamerkan realiti keharmonian antara rumah ibadat dan penganut agama yang memenuhi selera penonton.

"Melalui enam episod JH, masyarakat dihidangkan dengan penerangan ringkas serta padat mengenai bagaimana hubungan di antara rumah ibadat yang berada berhampiran antara satu sama lain.

"Lebih menarik, ada dalam kalangan rumah ibadat yang membuka ruangan parkir untuk memberi laluan kepada umat Islam menunaikan solat Jumaat setiap minggu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dr. Shatesh berkata, JH merupakan cetusan idea Datuk Aaron Ago Dagang, yang menyahut gagasan dan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu melihat masyarakat di Malaysia hidup harmoni.

"Bertunjangkan faham, hormat, terima, masyarakat di Malaysia saling memahami perbezaan agama dan budaya di negara ini.

"Terima kasih kepada Kementerian Komunikasi dan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil memberi laluan kepada JH untuk ditayangkan di saluran TV1," ujarnya. – KOSMO! ONLINE

Malaysia Tribune

Dokumentari Jejak Harmoni cerminkan realiti keharmonian antara penganut agama di Malaysia

5 Februari 2025



KUALA LUMPUR – Dokumentari Jejak Harmoni (JH) 2024 terbitan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) berjaya menarik perhatian ramai apabila mencatatkan jumlah tontonan mencecah 2.76 juta di pelbagai saluran media sosial.

Disiarkan menerusi TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM), dokumentari itu mengetengahkan kisah sebenar mengenai keharmonian antara penganut pelbagai agama di Malaysia, sekali gus mendapat sambutan hangat daripada penonton pelbagai lapisan masyarakat.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara, Dr. Shatesh Kumar Sangar berkata, kejayaan itu membuktikan usaha JPNIN dalam memaparkan realiti keharmonian antara rumah ibadat dan penganut agama di negara ini membuahkan hasil.

"Melalui enam episod JH, masyarakat dihidangkan dengan penerangan ringkas serta padat mengenai bagaimana hubungan erat dapat terjalin walaupun rumah ibadat berada bersebelahan antara satu sama lain," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Shatesh berkata, dokumentari itu turut menampilkan kisah unik mengenai rumah ibadat yang membuka ruang parkir mereka bagi memudahkan umat Islam menunaikan solat Jumaat setiap minggu.

"Inisiatif seperti itu mencerminkan semangat toleransi dan saling memahami yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia, tanpa mengira perbezaan agama dan budaya," ujarnya.

JH merupakan cetusan idea Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, yang menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memperkukuhkan semangat keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

"Bertunjangkan prinsip Faham, Hormat, Terima – JH mengetengahkan bagaimana masyarakat di Malaysia saling memahami perbezaan, menghormati amalan agama orang lain dan menerima kepelbagaian budaya sebagai aset utama kemakmuran negara," katanya lagi.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kementerian Komunikasi dan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil atas sokongan mereka dalam membolehkan dokumentari itu ditayangkan menerusi saluran TV1, sebagai usaha memupuk kesedaran tentang pentingnya hidup bermasyarakat secara harmoni.

Bagi mereka yang terlepas menonton siaran itu, kesemua enam episod Jejak Harmoni boleh diakses melalui saluran YouTube HARMONI.

Sateh turut berkata, dokumentari itu dihasilkan di bawah arahan Datuk Che Roslan Che Daud, Ketua Pengarah JPNIN, bersama Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama JPNIN.

"Menampilkan hos popular Danial Dashuki dan Daniel Leong, kehadiran mereka sebagai pencerita turut menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada kejayaan dokumentari itu.

"Jejak Harmoni bukan sekadar tontonan, tetapi cerminan indah realiti Malaysia yang kaya dengan semangat perpaduan," katanya lagi.

Program Jejak Harmoni rekod lebih 2.7 juta tontonan

5 Februari 2025

Rancangan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional itu pamer realiti keharmonian antara rumah ibadat.



Antara babak lawatan ke rumah ibadat ditonjolkan dalam program Jejak Harmoni (JH) disiarkan di TV1 RTM dan media sosial.

PETALING JAYA: Program Jejak Harmoni (JH) 2024 yang menampilkan keharmonian antara rumah ibadat dan penganut agama mendapat sambutan baik menerusi siaran di televisyen dan media sosial.

Diterbitkan hasil inisiatif Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), program enam episod itu ditayangkan melalui TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Menerusi siaran di beberapa saluran media sosial, program dicetuskan Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang itu merekodkan sebanyak 2.76 juta tontonan.

Setiausaha akhbar Aaron, Shatesh Kumar Sangar berkata pencapaian itu membuktikan kemampuan JPNIN mempamerkan realiti keharmonian antara rumah ibadat dan penganut agama sambil menghasilkan karya memenuhi selera penonton di Malaysia.

"Melalui enam episod JH, masyarakat dihidangkan dengan penerangan ringkas serta padat mengenai bagaimana hubungan di antara rumah ibadat yang berada berhampiran antara satu sama lain.

"Lebih menarik, ada rumah ibadat membuka ruangan parkir untuk memberi laluan kepada umat Islam menunaikan solat Jumaat setiap minggu bagi memenuhi keperluan meletak kenderaan yang tidak mencukupi," katanya kenyataan.

Shatesh berkata program itu juga menyahut gagasan dan seruan Perdana Menteri Anwar Ibrahim yang mahu melihat masyarakat hidup dengan harmoni dan aman damai.

"Bertunjangkan Faham, Hormat, Terima – Masyarakat di Malaysia saling faham memahami perbezaan agama dan budaya di negara ini.

"Sifat hormat menghormati mengikut amalan agama juga menjadi paksi kemakmuran serta masyarakat di Malaysia yang hidup dalam keadaan aman dalam negara tercinta ini," katanya.

Mereka yang ingin menonton enam episod JH boleh menyaksikannya di akaun YouTube HARMONI.

Program mendapat sentuhan Ketua Pengarah JPNIN Che Roslan Che Daud dan Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama JPNIN dihoskan Danial Dashuki dan Daniel Leong.

BH ONLINE

Dokumentari Jejak Harmoni papar realiti keharmonian antara penganut agama di Malaysia

5 Februari 2025



Gandingan hos meningkat naik, Danial dan Daniel menjadi antara faktor penyumbang capaian lebih 2.7 juta penonton JH dalam media sosial. Foto Ihsan JPNIN

KUALA LUMPUR: Dokumentari Jejak Harmoni (JH) terbitan Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang ditayangkan di TV1, mendapat sambutan baik penonton.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara, Dr Shatesh Kumar Sangar berkata, JH merekodkan capaian tontonan 2,760,000 juta orang melalui beberapa saluran media sosial.

Shatesh berkata, penerbitan JH dianggap salah satu kejayaan JPNIN dalam memaparkan realiti keharmonian antara rumah ibadat dan penganut agama melalui karya yang memenuhi selera penonton Malaysia.
"Melalui enam episod JH, masyarakat dihidangkan dengan penerangan ringkas dan padat mengenai bagaimana hubungan antara rumah ibadat yang berada berhampiran antara satu sama lain.

"Lebih menarik, ada dalam kalangan rumah ibadat yang membuka ruangan parkir untuk memberi laluan kepada umat Islam menunaikan solat Jumaat setiap minggu. Ini dilakukan bagi memenuhi keperluan parkir yang tidak mencukupi," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Shatesh berkata, JH adalah cetusan idea Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang yang menyahut gagasan dan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu melihat masyarakat Malaysia hidup dengan harmoni dan aman damai.

"Bertunjangkan faham, hormat dan terima, masyarakat saling faham memahami perbezaan agama dan budaya di negara ini.

"Sifat hormat menghormati mengikut amalan agama adalah paksi kemakmuran negara. Masyarakat terima dengan baik hidup berbilang bangsa di negara yang tercinta ini," katanya.

Shatesh berkata, kementerian mengucapkan penghargaan kepada Kementerian Komunikasi dan Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang memberi laluan kepada program JH untuk ditayangkan TV1 sebagai usaha memupuk kesedaran hidup bermasyarakat.

Semua enam episod JH masih boleh diikuti di akaun YouTube HARMONI bagi mengetahui resipi keharmonian dan perpaduan negara yang diadun teliti Ketua Pengarah JPNIN dan Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama JPNIN, Datuk Che Roslan Che Daud.

Gandingan hos meningkat naik, Danial Dashuki dan Daniel Leong menjadi antara faktor penyumbang capaian lebih 2.7 juta penonton JH dalam media sosial.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

2.7 juta orang tonton Program Jejak Harmoni di TV1, media sosial

5 Februari 2025



Krew penerbitan rancangan JH bergambar dengan pengurusan kuil Hindu ketika kunjungan mereka baru-baru ini

SHAH ALAM - Program Jejak Harmoni (JH) yang ditayangkan menerusi saluran TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM) berjaya menerima tontonan 2.7 juta orang termasuk di media sosial.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara, Dr S Shatesh Kumar berkata, pihaknya gembira program JH anjuran bersama RTM serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mendapat sambutan baik daripada penonton.

Shatesh Kumar berkata, ini adalah salah satu kejayaan JPNIN dalam usaha mempamerkan realiti keharmonian antara rumah ibadat dan penganut agama sambil menghasilkan karya memenuhi citarasa penonton di Malaysia.

"Melalui enam episod JH, masyarakat dihidangkan dengan penerangan ringkas serta padat mengenai bagaimana hubungan di antara rumah ibadat yang berada berhampiran di antara satu sama lain.

"Lebih menarik, ada dalam kalangan rumah ibadat yang membuka ruangan parkir untuk memberi laluan kepada umat Islam menunaikan solat Jumaat setiap minggu. Insiatif itu membantu umat Islam memenuhi keperluan parkir kereta yang tidak mencukupi," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Untuk rekod, kesemua episod JH masih boleh diikuti penonton yang berminat menerusi saluran YouTube HARMONI.

Bagi mengetahui bentuk resipi keharmonian dan perpaduan negara yang diadun secara teliti oleh Ketua Pengarah JPNIN Datuk Che Roslan Che Daud dan Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama JPNIN.

Rancangan JH dihos dua selebriti semakin meningkat naik, Danial Dashuki dan Daniel Leong dengan penglibatan mereka turut menjadi salah satu faktor penyumbang kejayaan tontonan mencapai 2.7 juta orang di media sosial.

Menurutnya, JH adalah rancangan televisyen cetusan idea Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang yang menyahut gagasan dan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu melihat masyarakat di Malaysia hidup harmoni dan aman damai.

Oleh itu, Satesh Kumar mengucapkan setinggi penghargaan kepada Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang memberi laluan kepada program JH untuk ditayangkan melalui saluran TV1 sebagai usaha memupuk kesedaran hidup bermasyarakat di negara ini.

2.7 Juta tonton Jejak Harmoni

6 Februari 2025

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN
Sinar Harian
NASIONAL 19
KHAMIS 6 FEBRUARI 2025 • SINAR HARIAN

2.7 juta tonton Jejak Harmoni

Disiarkan di TV1 dan media sosial sebagai usaha bangkit kesedaran hidup bermasyarakat di negara ini

Oleh MOHD FAIZUL HAIKA MAT KHAZI
SHAH ALAM

Program Jejak Harmoni yang ditayangkan menerusi saluran TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan media sosial berjaya menerima tontonan 2.7 juta orang.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara, Dr S Shatesh Kumar berkata, pihaknya gembira Jejak Harmoni anjuran bersama RTM serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mendapat sambutan baik daripada penonton.

Katanya, ini adalah satu kejayaan JPNIN dalam usaha mempamerkan realiti keharmonian antara rumah ibadat dan penganut agama sambil menghasilkan karya memenuhi cita rasa penonton.



Kru penerbitan rancangan Jejak Harmoni bersalaman dengan pengurusan masjid ketika kunjungan mereka baru-baru ini



Kru penerbitan rancangan Jejak Harmoni merakam kenangan bersama pengurusan tokong ketika kunjungan mereka.

"Melalui enam episod Jejak Harmoni, masyarakat dihidangkan dengan penerangan ringkas serta padat mengenai bagaimana hubungan di antara rumah ibadat yang berada berhampiran di antara satu sama lain.

"Lebih menarik, ada dalam kalangan rumah ibadat yang membuka ruangan parkir untuk memberi laluan kepada umat Islam menunaikan solat Jumaat setiap minggu," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Kesemua episod Jejak Harmoni masih boleh ditonton menerusi saluran YouTube HARMONI bagi mengetahui bentuk resipi keharmonian dan perpaduan negara yang diadun secara teliti oleh Ketua Pengarah JPNIN, Datuk Che Roslan Che Daud dan Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama JPNIN.

Rancangan Jejak Harmoni dihoskan oleh dua selebriti, Danial Dashuki dan Daniel Leong.

Shatesh Kumar berkata, Jejak Harmoni adalah rancangan televisyen cetusan idea Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang yang menyahut gagasan dan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu melihat masyarakat di Malaysia hidup harmoni dan aman damai.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil yang memberi laluan kepada Jejak Harmoni untuk ditayangkan melalui saluran TV1 sebagai usaha memupuk kesedaran hidup bermasyarakat di negara ini.

Dasar ambil kira perpaduan nasional, perlu kelulusan Jemaah Menteri

7 Februari 2025

Peringatan diberi dalam mesyuarat dipengerusikan Perdana Menteri Anwar Ibrahim, membincangkan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam.



Menteri Na'im Mokhtar dan Aaron Ago Dagang kata cadangan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam telah menimbulkan kekeliruan.

PETALING JAYA: Setiap dasar yang dirangka perlu ambil kira aspek perpaduan nasional, begitu peringatan Jemaah Menteri dalam mesyuarat membincangkan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam.

Malah, dasar tersebut perlu mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri terlebih dahulu, menurut kenyataan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang.

Peringatan ini diberi dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Anwar Ibrahim hari ini, yang meneliti 'kekeliruan' berkaitan cadangan tersebut.

Kenyataan itu menjelaskan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengambil inisiatif membangunkan garis panduan tersebut susulan pertanyaan daripada umat Islam tentang undangan ke majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang mungkin melibatkan unsur-unsur keagamaan.

"Mengambil kira bahawa perkara ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama, Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa Jakim boleh memberikan nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan menjaga akidah umat Islam berhubung perkara ini, namun nasihat tersebut tidak bersifat dasar.

"Jemaah Menteri juga mengingatkan bahawa setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu," menurut kenyataan.

Pada masa sama, Kementerian Perpaduan Negara akan terus giatkan dialog harmoni bagi mengalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama.

"Perbincangan yang inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepaduan nasional," katanya.

Jemaah Menteri membincangkan cadangan garis panduan kontroversi itu hari ini, susulan persoalan dan teguran daripada pelbagai pihak.

Cadangan garis panduan itu antara lain menyatakan penglibatan orang Islam dalam majlis sambutan mestilah tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam, contohnya premis yang digunakan tidak mempamerkan simbol keagamaan bukan Islam.

Di samping itu, pihak penganjur perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak berautoriti dan perlu mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama Islam jika jemputan melibatkan pemimpin atau orang Islam sebelum sesuatu majlis perayaan dilaksanakan.

Ahli Parlimen Bangi, Syahredzan Johan, berkata beliau mahu bertemu Na'im berhubung garis panduan tersebut, kerana ia antara lain akan memberi kesan kepada wakil rakyat beragama Islam yang diundang ke majlis di rumah ibadat bukan Islam.

Timbalan Presiden MIC, M Saravanan, turut bertanya sama ada orang bukan Islam perlu mendapatkan kelulusan daripada Jakim sebelum mengundang tetamu Islam, dan sama ada kebenaran diperlukan bagi orang Islam untuk memberi penghormatan terakhir kepada rakan bukan Islam yang meninggal dunia.

malaysiakini
news and views that matter

Jakim boleh nasihat tapi ‘tak bersifat dasar’

7 Februari 2025



Kabinet memutuskan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) boleh memberikan nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan menjaga akidah dalam acara bukan Islam di rumah ibadat mereka.

Bagaimanapun, kata menteri agama Na’im Mokhtar dan Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang, nasihat tersebut tidak bersifat dasar.

“Jemaah Menteri juga mengingatkan bahawa setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu,” kata mereka dalam kenyataan bersama.

Keputusan mesyuarat itu diumumkan oleh Na’im dan Aaron dalam kenyataan bersama sebentar tadi.

Ia dibuat di tengah-tengah kontroversi rancangan penggubalan garis panduan baru, antaranya supaya penganjur mendapatkan kebenaran pihak berkuasa agama Islam, jika peserta melibatkan orang Islam.

Na’im dan Aaron tidak menyatakan dengan jelas sama ada rancangan penggubalan garis panduan baru itu dibatalkan.

Bagaimanapun terdapat media Cina, memetik sumber, yang melaporkan bahawa rancangan itu sebenarnya dibatalkan.

Sementara itu, Na’im dan Aaron juga berkata Kementerian Perpaduan akan terus menyemarakkan pelaksanaan dialog pelbagai agama untuk membina kesepaduan nasional.

“Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuh keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini.

“Perbincangan yang inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepaduan nasional.

“Justeru, segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) yang dipengerusikan bersama,” menurut kenyataan itu lagi.

Mesyuarat bulan ini akan mendengar pandangan 24 wakil agama, termasuk Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, Baha’i.

“Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian telah lama menjadi contoh perpaduan dan keharmonian kepada dunia.

“Kerajaan Madani menyedari bahawa kestabilan negara bergantung kepada kesejahteraan rakyat yang hidup dalam suasana yang aman dan harmoni,” katanya.

All policies must consider unity, get Cabinet greenlight first, says govt

7 February 2025

Unity and religious affairs ministers say the Cabinet agreed that Jakim can issue advisories to Muslims on protecting their faith, but that such advisories are not policies.



Religious affairs minister Na'im Mokhtar and national unity minister Aaron Ago Dagang said the proposed guidelines drafted by Jakim had caused 'confusion' among Malaysians.

PETALING JAYA: The government says all of its policies must consider national unity and obtain the Cabinet's approval, following the controversial proposed guidelines for Muslims attending non-Muslim festivities, funerals or events at non-Muslim places of worship.

National unity minister Aaron Ago Dagang and religious affairs minister Na'im Mokhtar said the Cabinet today discussed the guidelines, particularly the "confusion" that arose over the proposal.

They said the Islamic development department (Jakim) took the initiative to draft the guidelines following queries from Muslims concerning invitations to non-Muslim events with religious elements.

"In view of this matter causing confusion among Malaysians of various races and religions, the Cabinet agreed that Jakim can issue advisories to Muslims on the need to preserve their faith, but that such advisories are not policies.

"The Cabinet also reminds all that every policy formulated must take into consideration the aspect of national unity and obtain the Cabinet's approval first.

"The national unity ministry will continue to carry out 'harmony dialogues' to strengthen harmony and encourage interactions among followers of different religions in this country," the ministers said in a joint statement.

The Cabinet discussed the guidelines today, after they were met with pushback and warnings of possible religious division.

MIC had called on Prime Minister Anwar Ibrahim to intervene in the matter, while former Sungai Pelek assemblyman Ronnie Liu called for Na'im to be sacked from the Cabinet.

Under the proposed rules, there can be no speeches or songs with religious "propaganda" or performances that would insult Muslims, while the premises cannot display the religious symbols of faiths other than Islam.

Organisers would also need to obtain the permission of the relevant authorities, as well as the "views" of Islamic authorities if their event were to involve Muslims.

Earlier today, Sin Chew quoted a source as saying the Cabinet had decided to scrap the proposed guidelines.

Aaron and Na'im said inclusive discussions that took into account the sensitivities of all parties were crucial to building national unity.

"Therefore, all matters closely related to religious harmony will be discussed in detail by the religious harmony committee that we jointly chair," they said, adding that the panel comprising 24 representatives of various faiths would meet this month.

BH ONLINE

Garis panduan adab sambut perayaan bukan Islam: Dasar perlu ambil kira perpaduan nasional, dapat kelulusan Kabinet dahulu

7 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Jemaah Menteri hari ini bersetuju JAKIM boleh memberikan nasihat kepada umat Islam di negara ini berkaitan keperluan menjaga akidah ketika mengikuti majlis sambutan perayaan, upacara kematian, kunjungan dan penganjuran majlis di rumah ibadat selain Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, dan Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang, dalam satu kenyataan bersama hari ini berkata nasihat itu bagaimanapun tidak bersifat dasar.

Menurut kenyataan itu, satu mesyuarat telah diadakan hari ini bagi meneliti kekeliruan berhubung cadangan pelaksanaan garis panduan membabitkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam.

Melalui mesyuarat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Jemaah Menteri turut mengingatkan bahawa setiap setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu.

"Pada masa sama, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuh keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini.

"Perbincangan yang inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepaduan nasional.

"Justeru, segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) yang dipengerusikan bersama," menurut kenyataan itu lagi.

Mesyuarat JK HARMONI Bil 1/2025 dijadualkan berlangsung bulan ini untuk mendengar segala pandangan ahli yang terdiri daripada 24 wakil penganut agama (Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, Baha'i).

Sebelum ini, media melaporkan JAKIM sedang memuktamadkan garis panduan khusus berkaitan pembabitan orang Islam dalam majlis sambutan perayaan, upacara kematian, kunjungan dan penganjuran majlis di rumah ibadat selain Islam.

Mohd Na'im dipetik berkata, garis panduan itu akan dimuktamadkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-126 yang dijadualkan berlangsung pada 25 hingga 27 Februari ini.

Garis panduan itu akan diperkenalkan supaya pembabitan orang Islam dalam majlis sambutan mestilah tidak disertakan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam.

Ia mencakupi hal menyentuh ucapan atau nyanyian berbentuk propaganda, serta penyebaran risalah dan agama, persembahan atau ucapan yang menghina atau mempersendakan pegangan agama masyarakat Islam.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Garis panduan majlis libatkan Muslim: Setiap dasar perlu ambil kira aspek perpaduan

7 Februari 2025



PUTRAJAYA - [DIKEMAS KINI] Setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu.

Perkara itu dicapai dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pagi Jumaat selepas cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa serta agama.

Kenyataan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang menyebut,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) boleh memberikan nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan menjaga akidah umat Islam berhubung perkara ini, namun nasihat tersebut tidak bersifat dasar.

"Pada masa yang sama, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuhkan keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini," kata mereka.

Tambah kedua-dua menteri itu, perbincangan yang inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepaduan nasional.

Justeru, segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK Harmoni) yang dipengerusikan bersama.

Mesyuarat JK Harmoni kali pertama dijadual diadakan pada bulan ini dan akan mendengar segala pandangan ahli-ahli yang terdiri 24 wakil penganut agama iaitu Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, Baha'i.

"Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian telah lama menjadi contoh perpaduan dan keharmonian kepada dunia.

"Kerajaan menyedari bahawa kestabilan negara bergantung kepada kesejahteraan rakyat yang hidup dalam suasana yang aman dan harmoni," jelasnya.

Mohd Na'im dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat sebelum ini berkata, garis panduan itu dibangunkan bagi menggalakkan perhubungan sosial dan budaya harmoni dalam kalangan masyarakat majmuk berbilang agama di negara ini.

Cadangan itu sebagai panduan buat orang Islam untuk menghadiri majlis perayaan atau upacara penganut agama lain dalam keadaan tertib, mematuhi adab serta memelihara pegangan akidah Islam.

Ia sebagai jawapan kepada pertanyaan Muhammad Fawwaz Mohamad Jan (Pas-Permatang Pauh) yang meminta Anwar menyatakan pendirian dan ketetapan kerajaan mengenai sambutan perayaan agama lain selain Islam di premis kerajaan.

Bagaimanapun perkara itu dikritik oleh beberapa pemimpin politik bukan Islam antaranya, Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan yang menasihatkan Mohd Na'im supaya lebih berhati-hati dalam menangani isu sensitif ini kerana boleh menjejaskan keharmonian kaum dan agama.

Ketua Pemuda DAP, Woo Kah Leong pula mendakwa kerajaan sedang membina tembok pemisah antara Islam dan bukan Islam manakala Presiden MCA, Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) berkata cadangan tersebut sepatutnya diperhalusi oleh Kabinet terlebih dahulu sebelum diumumkan.

theSun

Dasar perlu ambil kira aspek perpaduan nasional, peroleh kelulusan Kabinet dahulu

7 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Setiap dasar yang dirangka berhubung cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang dalam kenyataan bersama berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Perkara ini berbangkit susulan beberapa pertanyaan daripada umat Islam tentang jemputan ke majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang mungkin melibatkan unsur-unsur keagamaan.

"Bagi memberi panduan kepada umat Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif membangunkan garis panduan berkenaan.

"Mengambil kira bahawa perkara ini telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama, Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa JAKIM boleh memberikan nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan menjaga akidah umat Islam berhubung perkara ini, namun nasihat itu tidak bersifat dasar," menurut kenyataan itu.

TheStar

Cabinet decides that Jakim may provide advice but is not official policy

7 February 2025



PETALING JAYA : The Cabinet has agreed that the Malaysian Islamic Development Department (Jakim) provide advice to Muslims on the importance of safeguarding their faith in relation to new proposed guidelines for Muslims attending non-Muslim events or celebrations.

In a statement on Friday (Feb 7), the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Dr Mohd Naim Mokhtar and National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said:

"Considering that this matter has caused confusion among Malaysians of various races, ethnicities, and religions, the Cabinet has agreed that Jakim may provide advice to Muslims on the importance of safeguarding their faith in relation to this issue. However, this advice does not constitute official policy.

"The Cabinet also emphasised that any policy formulated must take national unity into account and receive prior approval from the Cabinet," read the statement signed off by the two ministers.

The statement further said an inclusive discussion that considers the sensitivities of all parties is crucial in fostering national unity.

"Therefore, all matters closely related to interfaith harmony will be further discussed in the Interfaith Harmony Committee meeting (JK HARMONI), which is co-chaired.

For your information, the first JK HARMONI meeting of 2025 is scheduled to take place this month, where views from all 24 religious representatives—including Islam, Buddhism, Hinduism, Christianity, Sikhism, Taoism, and Baha'i—will be heard.

In a meeting on Friday, The Cabinet examined the confusion surrounding the proposed guidelines. This issue arose following inquiries from Muslims regarding invitations to events organised by the non-Muslim community, which may involve religious elements.

Malaysia, as a nation rich in diversity, has long been a model of unity and harmony for the world. The Madani government recognises that the country's stability depends on the well-being of its people, who live in a peaceful and harmonious environment, the statement further read.

yahoo!news

Cabinet: Jakim's advice not policy, religious guidelines need approval

7 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 7 — The government has reaffirmed that all policies must prioritise national unity and receive Cabinet approval, following concerns over proposed guidelines on Muslim participation in events at non-Muslim places of worship.

In a joint statement, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Na'im Mokhtar and National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the Cabinet had reviewed the matter today, particularly the confusion surrounding the proposal.

They explained that the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) had drafted the guidelines in response to Muslim concerns about attending non-Muslim events that might include religious elements.

"Given the confusion this has caused among Malaysians of different races and religions, the Cabinet agreed that while Jakim may advise Muslims on safeguarding their faith, such advice does not constitute official policy.

"The Cabinet also emphasises that any policy must consider national unity and obtain Cabinet approval before implementation," the ministers said.

Amid concerns the guidelines could strain interfaith relations, Sin Chew Daily reported earlier today that the Cabinet had decided to drop the proposal.

Na'im and Aaron stressed the importance of inclusive discussions in maintaining harmony, adding that the Interfaith Harmony Committee would further deliberate on the matter. The panel, comprising 24 representatives from various faiths, is set to meet this month.

"The first meeting of 2025, scheduled for this month, will gather input from its members representing Islam, Buddhism, Hinduism, Christianity, Sikhism, Taoism, and Baha'i," they said.

Meanwhile, the National Unity Ministry will continue its Harmony Dialogue initiative to promote interfaith understanding and cooperation.

"Malaysia, long known for its diversity, has been a model of unity and harmony. The Madani government recognises that national stability depends on a peaceful and harmonious society," they added.

msn

All policies must consider unity, get Cabinet greenlight first, says govt

7 February 2025



PETALING JAYA: The government says all of its policies must consider national unity and obtain the Cabinet's approval, following the controversial proposed guidelines for Muslims attending non-Muslim festivities, funerals or events at non-Muslim places of worship.

National unity minister Aaron Ago Dagang and religious affairs minister Na'im Mokhtar said the Cabinet today discussed the guidelines, particularly the "confusion" that arose over the proposal.

They said the Islamic development department (Jakim) took the initiative to draft the guidelines following queries from Muslims concerning invitations to non-Muslim events with religious elements.

"In view of this matter causing confusion among Malaysians of various races and religions, the Cabinet agreed that Jakim can issue advisories to Muslims on the need to preserve their faith, but that such advisories are not policies.

"The Cabinet also reminds all that every policy formulated must take into consideration the aspect of national unity and obtain the Cabinet's approval first.

"The national unity ministry will continue to carry out 'harmony dialogues' to strengthen harmony and encourage interactions among followers of different religions in this country," the ministers said in a joint statement.

The Cabinet discussed the guidelines today, after they were met with pushback and warnings of possible religious division.

MIC had called on Prime Minister Anwar Ibrahim to intervene in the matter, while former Sungai Pelek assemblyman Ronnie Liu called for Na'im to be sacked from the Cabinet.

Under the proposed rules, there can be no speeches or songs with religious "propaganda" or performances that would insult Muslims, while the premises cannot display the religious symbols of faiths other than Islam.

Organisers would also need to obtain the permission of the relevant authorities, as well as the "views" of Islamic authorities if their event were to involve Muslims.

Earlier today, Sin Chew quoted a source as saying the Cabinet had decided to scrap the proposed guidelines.

Aaron and Na'im said inclusive discussions that took into account the sensitivities of all parties were crucial to building national unity.

"Therefore, all matters closely related to religious harmony will be discussed in detail by the religious harmony committee that we jointly chair," they said, adding that the panel comprising 24 representatives of various faiths would meet this month.

Dasar Perlu Ambil Kira Aspek Perpaduan Nasional, Peroleh Kelulusan Kabinet Dahulu

7 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Setiap dasar yang dirangka berhubung cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang dalam kenyataan bersama berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Perkara ini berbangkit susulan beberapa pertanyaan daripada umat Islam tentang jemputan ke majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang mungkin melibatkan unsur-unsur keagamaan.

"Bagi memberi panduan kepada umat Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif membangunkan garis panduan berkenaan.

"Mengambil kira bahawa perkara ini telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama, Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa JAKIM boleh memberikan nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan menjaga akidah umat Islam berhubung perkara ini, namun nasihat itu tidak bersifat dasar," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, perbincangan yang inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepaduan nasional.

Sehubungan dengan itu, segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) yang dipengerusikan bersama.

Mesyuarat JK HARMONI yang dijadualkan diadakan pada bulan ini akan mendengar segala pandangan ahli-ahli yang terdiri daripada 24 wakil penganut agama (Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, Baha'i).

Pada masa sama, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuh keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini.

"Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian telah lama menjadi contoh perpaduan dan keharmonian kepada dunia. Kerajaan MADANI menyedari bahawa kestabilan negara bergantung pada kesejahteraan rakyat yang hidup dalam suasana aman dan harmoni," menurut kenyataan itu.

Sebelum ini, Mohd Na'im dilaporkan berkata garis panduan itu dibangunkan bagi menggalakkan perhubungan sosial dan budaya harmoni dalam kalangan masyarakat majmuk berbilang agama di negara ini.

Beliau berkata ia sebagai panduan buat orang Islam untuk menghadiri majlis perayaan atau upacara penganut agama lain dalam keadaan tertib, mematuhi adab serta memelihara pegangan akidah Islam. – BERNAMA

BULETIN TV3

Dasar perlu ambil kira perpaduan nasional, dapat kelulusan terlebih dahulu

7 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Jemaah Kabinet hari ini memutuskan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh memberikan nasihat kepada umat Islam berkaitan keperluan menjaga akidah di majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat masyarakat bukan Islam.

Bagaimanapun, dalam satu kenyataan bersama hari ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, dan Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata nasihat itu tidak bersifat dasar.

"Hari ini, Jemaah Menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah membincangkan perkara berhubung cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam.

"Mesyuarat telah meneliti mengenai kekeliruan berkaitan cadangan tersebut. Perkara ini berbangkit susulan beberapa pertanyaan daripada umat Islam tentang jemputan ke majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang mungkin melibatkan unsur-unsur keagamaan. Bagi memberi panduan kepada umat Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif membangunkan garis panduan tersebut." jelasnya menerusi satu kenyataan.

Jemaah Menteri turut mengingatkan bahawa setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan terlebih dahulu.

Namun katanya, pada masa yang sama, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuhkan keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini.

"Perbincangan yang inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepaduan nasional.

"Justeru, segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) yang dipengerusikan bersama," katanya menurut kenyataan itu.

Mesyuarat JK HARMONI Bil 1/2025 dijadualkan pada bulan ini, bagi mendengar segala pandangan ahli-ahli yang terdiri 24 wakil penganut agama.

HARAPAN DAILY

Dasar perlu ambil kira aspek perpaduan nasional, peroleh kelulusan Kabinet dahulu

7 Februari 2025



Jemaah menteri telah menolak cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam yang dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Setia Naim Mokhtar.

Naim bersama Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang telah mengeluarkan kenyataan bersama, menjelaskan perkara tersebut.

"JAKIM boleh memberikan nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan menjaga akidah umat Islam berhubung perkara ini, namun nasihat tersebut tidak bersifat dasar. Ia turut mengingatkan setiap dasar yang dirangka perlu mendapatkan kelulusan kabinet terlebih dahulu.

"Jemaah Menteri juga mengingatkan bahawa setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu."

Garis panduan tersebut yang didedahkan menerusi jawapan bertulis Dewan Rakyat menimbulkan kontroversi kerana mensyaratkan perkara-perkara yang melibatkan sensitiviti masyarakat bukan Islam.

"Segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) yang dipengerusikan bersama."

Mesyuarat JK Harmoni pertama melibatkan 24 wakil penganut agama akan diadakan bulan ini.

NEW STRAITS TIMES

All govt policies must take national unity into account, get Cabinet nod

7 February 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang (left) and Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Na'im Mokhtar. - NSTP pic

KUALA LUMPUR : All government policies must take national unity into account and obtain Cabinet approval first.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang and Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Na'im Mokhtar, commenting on the proposed guidelines for Muslims visiting non-Muslim events, said the issue was discussed by the Cabinet today after controversy broke out over the issue.

In a joint statement, the ministers said the Malaysian Islamic Development Department (Jakim) had taken the initiative to map out the guidelines following queries from Muslims on invitations to events organised by non-Muslims which may include religious elements.

However, they said while Jakim can provide advice to Muslims, these do not constitute official policy.

"Given that this issues has sparked confusion among Malaysia's multi-racial and multi-religious population, the Cabinet has agreed that Jakim can issue advice to Muslims on the need to preserve their faith.

"However, this advice does not constitute official policy.

"The Cabinet also reminds everyone that all policies drawn up must take into account aspects of national unity and obtain prior approval from the Cabinet," read the statement.

The Unity Ministry, said the ministers, will continue to promote the implementation of 'Dialog Harmoni' to strengthen interfaith harmony and encourage interaction among followers of different religions in the country.

They said inclusive discussions that consider the sensitivities of all communities are crucial to fostering national unity.

"All matters closely related to interfaith harmony will be further discussed in the Interfaith Harmony committee meeting, which is co-chaired.

"The meeting is scheduled for this month, where perspectives from its 24 religious representatives, including Islam, Buddhism, Hinduism, Christianity, Sikhism, Taoism and Baha'i, will be heard," read the statement.

They said as a nation rich in diversity, Malaysia has long served as a model of unity and harmony for the world.

"The Madani government recognises that the nation's stability depends on the well-being of its people, who live in peace and harmony," they said.

On Feb 5, Mohd Na'im said the Malaysian Islamic Development Department was finalising guidelines on Muslims' participation in events at non-Islamic places of worship.

Na'im said the guidelines would ensure that Muslims at these events did not perform actions that could offend Muslim sensitivities.

Na'im also urged all parties to refrain from creating misunderstandings or politicising the proposed guidelines, as this could potentially lead to public unrest.

TheStar

Cabinet decides that Jakim may provide advice but is not official policy

7 February 2025



PETALING JAYA: The Cabinet has agreed that the Malaysian Islamic Development Department (Jakim) provide advice to Muslims on the importance of safeguarding their faith in relation to new proposed guidelines for Muslims attending non-Muslim events or celebrations.

In a statement on Friday (Feb 7), the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Dr Mohd Naim Mokhtar and National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said:

"Considering that this matter has caused confusion among Malaysians of various races, ethnicities, and religions, the Cabinet has agreed that Jakim may provide advice to Muslims on the importance of safeguarding their faith in relation to this issue. However, this advice does not constitute official policy.

"The Cabinet also emphasised that any policy formulated must take national unity into account and receive prior approval from the Cabinet," read the statement signed off by the two ministers.

The statement further said an inclusive discussion that considers the sensitivities of all parties is crucial in fostering national unity.

"Therefore, all matters closely related to interfaith harmony will be further discussed in the Interfaith Harmony Committee meeting (JK HARMONI), which is co-chaired.

For your information, the first JK HARMONI meeting of 2025 is scheduled to take place this month, where views from all 24 religious representatives—including Islam, Buddhism, Hinduism, Christianity, Sikhism, Taoism, and Baha'i—will be heard.

In a meeting on Friday, The Cabinet examined the confusion surrounding the proposed guidelines. This issue arose following inquiries from Muslims regarding invitations to events organised by the non-Muslim community, which may involve religious elements.

Malaysia, as a nation rich in diversity, has long been a model of unity and harmony for the world. The Madani government recognises that the country's stability depends on the well-being of its people, who live in a peaceful and harmonious environment, the statement further read.

MG MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Jakim boleh nasihat umat Islam tapi bukan bersifat dasar

7 Februari 2025



KUALA LUMPUR – Jemaah Menteri hari ini bersetuju membenarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) memberikan nasihat melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam.

Namun nasihat tersebut tidak bersifat dasar. Keputusan itu diputuskan selepas Jemaah Menteri membincangkan cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang dalam kenyataan bersama berkata, mesyuarat telah meneliti mengenai kekeliruan berkaitan cadangan tersebut.

Perkara ini berbangkit susulan beberapa pertanyaan daripada umat Islam tentang jemputan ke majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang mungkin melibatkan unsur-unsur keagamaan.

Bagi memberi panduan kepada umat Islam, Jakim telah mengambil inisiatif membangunkan garis panduan tersebut.

"Jemaah Menteri juga mengingatkan setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu.

Pada masa yang sama, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuhkan keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini," kata mereka dalam kenyataan tersebut.

Jelas mereka, prbincangan yang inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepaduan nasional.

Justeru, segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkansecara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) yang dipengerusikan bersama.

Untuk makluman, Mesyuarat JK HARMONI Bil 1/2025 turut dijadualkan pada bulan ini akan mendengar segala pandangan ahli – ahli yang terdiri 24 wakil penganut agama (Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, Baha'i).

"Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian telah lama menjadi contoh perpaduan dan keharmonian kepada dunia. Kerajaan Madani menyedari bahawa kestabilan negara bergantung kepada kesejahteraan rakyat yang hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. – MalaysiaGazette

astro AWANI

Dasar perlu ambil kira aspek perpaduan nasional, peroleh kelulusan Kabinet dahulu

7 Februari 2025



Mohd Na'im dan Aaron berkata, setiap dasar yang dirangka berhubung cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Setiap dasar yang dirangka berhubung cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang dalam kenyataan bersama berkata perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

"Perkara ini berbangkit susulan beberapa pertanyaan daripada umat Islam tentang jemputan ke majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang mungkin melibatkan unsur-unsur keagamaan.

"Bagi memberi panduan kepada umat Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif membangunkan garis panduan berkenaan.

"Mengambil kira bahawa perkara ini telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa dan agama, Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa JAKIM boleh memberikan nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan menjaga akidah umat Islam berhubung perkara ini, namun nasihat itu tidak bersifat dasar," menurut kenyataan itu.

ALHIJRAH ONLINE

GARIS PANDUAN UMAT ISLAM HADIR RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM: JAKIM BOLEH NASIHAT, TIDAK BERSIFAT DASAR

7 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Jemaah Menteri hari ni bersetuju bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh memberikan nasihat kepada umat Islam berhubung keperluan menjaga akidah di rumah ibadat bukan Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Naim Mokhtar bersama Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, nasihat itu bagaimanapun tidak bersifat dasar.

Katanya, Jemaah Menteri juga mengingatkan setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu.

Terdahulu, mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini telah meneliti kekeliruan cadangan pelaksanaan garis panduan bagi majlis melibatkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam.

"Perkara ini berbangkit susulan beberapa pertanyaan daripada umat Islam tentang jemputan ke majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang mungkin melibatkan unsur-unsur keagamaan.

"Bagi memberi panduan kepada umat Islam, JAKIM telah mengambil inisiatif membangunkan garis panduan tersebut," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Dalam pada itu, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuhkan keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini.

Jelasnya perbincangan inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepaduan nasional.

"Segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) yang dipengerusikan bersama.

"Untuk makluman, Mesyuarat JK HARMONI Bil 1/2025 turut dijadualkan pada bulan ini akan mendengar segala pandangan ahli – ahli yang terdiri 24 wakil penganut agama (Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, Baha'i)," katanya.

Malaysia sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian telah lama menjadi contoh perpaduan dan keharmonian kepada dunia menjadikan kerajaan MADANI menyedari kestabilan negara bergantung kepada kesejahteraan rakyat yang hidup dalam suasana yang aman dan harmoni.—AlHijrah Online

Isu majlis di rumah ibadat bukan Islam, JAKIM boleh beri nasihat

7 Februari 2025

JAKIM boleh memberikan nasihat kepada umat Islam berkaitan keperluan menjaga akidah ketika menghadiri majlis di rumah ibadat bukan Islam.

PUTRAJAYA, 7 Feb: Jemaah Menteri memutuskan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh memberikan nasihat kepada umat Islam berkaitan keperluan menjaga akidah ketika menghadiri majlis di rumah ibadat bukan Islam.

Menerusi kenyataan bersama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Dalam satu kenyataan hari ini, Jemaah Menteri menegaskan bahawa setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu.

"Pada masa yang sama, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuhkan keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini," kata kenyataan itu.

Terdahulu, Mohd Na'im sebelum ini mengemukakan cadangan garis panduan tersebut susulan pertanyaan daripada umat Islam mengenai jemputan ke majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang mungkin mengandungi unsur keagamaan.

Segala isu berkaitan keharmonian agama juga akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI), yang dipengerusikan bersama dan dianggotai oleh 24 wakil pelbagai agama termasuk Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, dan Baha'i.

Mesyuarat JK HARMONI Bil 1/2025 dijadualkan berlangsung bulan ini bagi mendapatkan pandangan daripada semua wakil agama. – TVS

Interfaith Events Involving Muslims:Policy Must Take Into Account National Unity, Get Cabinet Approval First

7 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 7 (Bernama) -- Any policy related to theproposed implementation of guidelines for events involvingMuslims at non-Muslim houses of worship must take into accountnational unity and get the Cabinet's approval first.

In a joint statement, Religious Affairs Minister in the Prime Minister'sDepartment Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar and Minister of NationalUnity Datuk Aaron Ago Dagang, said that this decision was madeat the Cabinet meeting chaired by Prime Minister Datuk Seri AnwarIbrahim today.

"This issue arose following several inquiries from Muslims regardinginvitations to events organised by non-Muslim communities that may involve religious elements.

"To guide Muslims, the Department of Islamic DevelopmentMalaysia (JAKIM) has taken the initiative to develop theseguidelines.

"Considering that this matter has caused confusion amongMalaysians of various ethnicities, races, and religions, the Cabinethas agreed that JAKIM can offer advice to Muslims regarding theneed to safeguard Islamic faith in this context. However, this advicewill not constitute an official policy," the statement read.

According to the statement, inclusive discussions that consider thesensitivities of all parties are crucial in building national unity.

In this regard, all matters related to interfaith harmony will befurther discussed in Interfaith Harmony Committee (JK HARMONI) meetings, which will be co-chaired by the two ministers.

The JK HARMONI meeting, scheduled for this month, will hear theviews of members, consisting of 24 representatives from variousfaiths (Islam, Buddhism, Hinduism, Christianity, Sikhism, Taoism,and Baha'i).

At the same time, the Ministry of National Unity will continue topromote the implementation of the Harmony Dialogue tostrengthen unity and encourage interaction among followers ofdifferent religions in the country.

"Malaysia, as a country rich in diversity, has long been a model ofunity and harmony to the world. The MADANI governmentrecognises that the stability of the nation depends on the well-being of its people living in peace and harmony," the statement said.

Prior to this, Mohd Na'im was reported to have stated that the guidelines were developed to encourage harmonious social and cultural relations among the multi-religious society in the country.

He explained that these guidelines serve as a reference for Muslims attending the celebrations or ceremonies of other religions in a respectful manner, adhering to proper etiquette, and maintaining their Islamic faith. -- BERNAMA

my Metro RASAI BERITA SEBENAR

Jakim boleh beri nasihat isu orang Islam hadir majlis keagamaan masyarakat bukan Islam

7 Februarl 2025



Kuala Lumpur: Jemaah Menteri hari ini bersetuju bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) boleh memberikan nasihat kepada umat Islam di negara ini berkaitan keperluan menjaga akidah ketika mengikuti majlis anjuran masyarakat bukan Islam yang membabitkan unsur-unsur keagamaan.

Bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang dalam satu kenyataan bersama hari ini, berkata nasihat terbabit tidak bersifat dasar.

Menurut kenyataan itu, satu mesyuarat diadakan hari ini bagi meneliti mengenai kekeliruan berkaitan cadangan pelaksanaan garis panduan membabitkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam.

Melalui mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Jemaah Menteri turut mengingatkan bahawa setiap setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu.

"Pada masa sama, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuhkan keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini.

"Perbincangan yang inklusif dengan mengambil kira sensitiviti semua pihak adalah amat penting dalam membina kesepaduan nasional.

"Justeru, segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK Harmoni) yang dipengerusikan bersama," katanya menurut kenyataan itu.

Mesyuarat JK Harmoni Bil 1/2025 dijadualkan pada bulan ini, bagi mendengar segala pandangan ahli-ahli yang terdiri 24 wakil penganut agama (Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, Baha'i).

Sebelum ini media melaporkan, Jakim sedang memuktamadkan garis panduan khusus berkaitan pembabitan orang Islam dalam majlis sambutan perayaan, upacara kematian, kunjungan dan penganjuran majlis di rumah ibadat selain Islam.

Dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman web Parlimen pada Selasa, Menteri Mohd Na'im berkata garis panduan ini akan dimuktamadkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-126 yang dijadual berlangsung pada 25 hingga 27 Februari ini.

Garis panduan itu akan diperkenalkan supaya pembabitan orang Islam dalam majlis sambutan mestilah tidak disertakan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam.

Ia mencakupi hal menyentuh ucapan atau nyanyian berbentuk propaganda, penyebaran risalah dan agama, persembahan atau ucapan yang menghina atau mempersendakan pegangan agama masyarakat Islam.

BORAK DAILY

Garis Panduan Muslim: JAKIM Boleh Nasihat Orang Islam, Dasar Perlu Ambil Kira Aspek Perpaduan

7 Februari 2025



Jemaah Menteri bersetuju Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM boleh nasihat orang Islam berkaitan keperluan menjaga akidah ketika menyertai majlis yang dilangsungkan di rumah ibadat selain Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang dalam satu kenyataan bersama hari ini berkata nasihat tersebut tidak bersifat dasar.

JAKIM boleh nasihat orang Islam mengikut garis panduan Muslim

Menurut kenyataan itu, satu mesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah diadakan hari ini bagi kekeliruan berhubung cadangan pelaksanaan garis panduan tersebut.

Melalui mesyuarat itu, Jemaah Menteri mengingatkan bahawa setiap dasar yang dirangka perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta mendapatkan kelulusan Kabinet terlebih dahulu.

"Pada masa yang sama, Kementerian Perpaduan Negara akan terus menyemarakkan pelaksanaan Dialog Harmoni bagi memperkukuhkan keharmonian dan menggalakkan interaksi antara penganut pelbagai agama di negara ini.

"Perbincangan yang inklusif itu telah mengambil kira sensitiviti semua pihak kerana ia amat penting dalam membina kesepaduan nasional.

"Justeru, segala perkara berkait rapat dengan keharmonian antara penganut agama akan dibincangkan secara lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK Harmoni) yang dipengerusikan bersama," kata kenyataan itu.

JAKIM boleh nasihat orang Islam

Sementara itu, Mesyuarat JK Harmoni Bil 1/2025 dijadualkan berlangsung bulan ini untuk mendengar segala pandangan ahli-ahli yang terdiri dari 24 wakil penganut agama (Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh, Tao, Baha'i).

Sebelum ini, media melaporkan JAKIM sedang memuktamadkan garis panduan khusus berkaitan pembabitan orang Islam dalam majlis sambutan perayaan, upacara kematian, kunjungan dan penganjuran majlis di rumah ibadat selain Islam.

Mohd Na'im dipetik berkata, garis panduan itu akan dimuktamadkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-126 yang dijadualkan berlangsung pada 25 hingga 27 Februari ini.

Garis panduan itu akan diperkenalkan supaya pembabitan orang Islam dalam majlis sambutan mestilah tidak disertakan perbuatan yang boleh menyentuh sensitiviti masyarakat Islam.

Garis panduan perlu ambil kira aspek perpaduan, JAKIM boleh nasihat orang Islam

Ia mencakupi hal menyentuh ucapan atau nyanyian berbentuk propaganda, serta penyebaran risalah dan agama, persembahan atau ucapan yang menghina atau mempersendakan pegangan agama masyarakat Islam.

BERNAMA

Visi Perpaduan Tunku Abdul Rahman Kekal Relevan – Aaron

7 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Visi perpaduan dalam kepelbagaian yang diperjuangkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj masih relevan sehingga ke hari ini, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata Almarhum Tunku Abdul Rahman, yang lebih dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan percaya perpaduan negara menjadi teras kepada negara yang aman dan makmur.

"Beliau melihat Malaysia sebagai tanah air untuk rakyat yang pelbagai latar belakang, tanpa mengira bangsa, agama atau warisan, boleh bertolak-ansur dan saling menghormati. Esok, kita juga memperingati ulang tahun kelahiran ke-122 Allahyarham, seorang tokoh yang mempunyai visi, pengorbanan dan kepimpinannya membentuk asas negara Malaysia yang kita cintai.

"Cita-citanya melangkaui perjuangan ke arah kemerdekaan atau tempoh berkhidmat sebagai Perdana Menteri pertama kita. Ia terus memberi inspirasi dan membimbing kita dalam usaha mencapai perpaduan dan kemajuan nasional," katanya dalamucaptama pada majlis Ulang Tahun ke-59 Yayasan Tunku AbdulRahman (YTAR) di sini hari ini.

Aaron berkata YTAR, yang ditubuhkan sebagai tandapenghormatan kepada Tunku Abdul Rahman merupakan buktikomitmen teguh beliau terhadap pendidikan, perpaduan danpembinaan negara.

Sempena ulang tahun kelahiran Tunku Abdul Rahman yang ke-122,Aaron yang juga Pengerusi YTAR mengumumkan bahawapermohonan Biasiswa Tunku Abdul Rahman akan dibuka mulaiesok hingga 8 April, bagi rakyat Malaysia yang bercita-cita untukmenyambung pengajian atau sedang mengikuti Ijazah SarjanaMuda di universiti awam atau swasta dalam pelbagai bidang.

"Biasiswa itu merangkumi sembilan jenis elaun dan programpembangunan kepimpinan selama dua tahun bagi melahirkanpemimpin muda.

"Melalui program Biasiswa Tunku Abdul Rahman, rakan korporattelah mengubah pemberian biasiswa, menjadikannya lebih adildan menyeluruh," katanya.

Beliau berkata Grab Malaysia, melalui program GrabScholardengan kerjasama YTAR akan menaja enam biasiswa pada 2024 dan enam lagi pada 2025.

Aaron juga mengalu-alukan rakan universiti swasta baharu, yangtelah menyertai misi YTAR melalui tajaan yuran pengajian dalambentuk sumbangan termasuk Universiti IMU, Kumpulan PendidikanSunway, Universiti Tunku Abdul Rahman, dan Yayasan MSU.

Beliau berkata sejak tahun 2020, YTAR telah menjalin kerjasamamelalui memorandum persefahaman (MoU), dengan memperolehkomitmen bernilai lebih RM22 juta, terdiri daripada wang tunaiRM5.8 juta dan RM16.5 juta pengecualian yuran pengajiandaripada universiti.

Beliau berkata program Closing The Gap, yang memberi tumpuankepada akses pendidikan tinggi dan bimbingan berjayadirealisasikan melalui penajaan pelbagai kohort Yayasan OSK.

"Saya juga berbesar hati untuk mengumumkan bahawa YayasanCIMB akan menjadi penaja program Closing The Gap bagi tahun2025.

"Kerjasama ini akan membantu pelajar di Lembah Klang,khususnya mereka daripada komuniti Projek Perumahan Rakyat(PPR). Program ini juga adalah sebahagian daripada inisiatifSantuni MADANI, yang menjadi bukti kerjasama antara YayasanCIMB dan YTAR," katanya.

Sejak ditubuhkan pada 1966, YTAR telah memperkasakan 9,500belia Malaysia melalui biasiswa, bantuan kewangan dan program pembangunan.
-- BERNAMA

TheStar

Tunku Abdul Rahman's vision of unity remains relevant, says National Unity Minister

7 February 2025



KUALA LUMPUR: The vision of unity in diversity championed by the nation's first prime minister, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, remains as relevant today as it was decades ago, says Datuk Aaron Ago Dagang.

The National Unity Minister added that Tunku Abdul Rahman, widely known as 'Bapa Kemerdekaan', believed that national unity was the cornerstone of a strong and prosperous Malaysia.

"He saw Malaysia as a land where people of all backgrounds, regardless of race, religion, or heritage, could come together in harmony and mutual respect.

"Tomorrow, we also mark what would have been the 122nd birthday of Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, a man whose vision, sacrifice, and leadership shaped the very foundation of our beloved Malaysia.

"His ideals extend far beyond the road to independence or his tenure as our first Prime Minister. They continue to inspire and guide us in our pursuit of national unity and progress," he said in his keynote address at the Tunku Abdul Rahman Foundation's (YTAR) 59th-anniversary ceremony here on Friday (Feb 7).

Aaron said YTAR, established in honour of Tunku Abdul Rahman, stands as a testament to his unwavering commitment to education, unity, and nation-building.

In conjunction with Tunku Abdul Rahman's 122nd birthday, Aaron, who is also YTAR chairman, announced that applications for the Tunku Abdul Rahman Scholarship will open from tomorrow until April 8, for Malaysians aspiring to pursue or currently pursuing a bachelor's degree at public or private universities in various fields.

"The scholarship includes nine types of allowances and a two-year leadership development programme to nurture young leaders.

"Through the Tunku Abdul Rahman Scholarship programme, corporate partners have transformed scholarship giving, making it more equitable and comprehensive," he said, adding that Grab Malaysia, through its GrabScholar programme in collaboration with YTAR, will sponsor six scholarships in 2024 and another six in 2025.

He also welcomed new private university partners, which have joined YTAR's mission through in-kind tuition fee sponsorships, including IMU University, Sunway Education Group, Universiti Tunku Abdul Rahman, and Yayasan MSU.

Since 2020, YTAR has established impactful partnerships through Memoranda of Understanding (MoUs), securing pledges worth over RM22mil - comprising RM5.8mil in cash and RM16.5mil in tuition fee waivers from universities, he said.

The Closing The Gap programme, which is focused on higher education access and mentoring, has been made possible through OSK Foundation's sponsorship of multiple cohorts, Aaron said.

"I am also delighted to announce that CIMB Foundation will be the 2025 sponsor of the Closing The Gap programme, which will support students in the Klang Valley, particularly those from People's Housing Project (PPR) communities.

"The programme is also part of the Santuni Madani initiative, a testament to the impactful public-private collaboration between CIMB Foundation and YTAR," he said.

Since its establishment in 1966, YTAR has empowered 9,500 young Malaysians through scholarships, financial aid, and development programmes. - Bernama

www.tvsarawak.my

Yayasan Tunku Abdul Rahman perkukuh akses pendidikan melalui kerjasama korporat

7 Februari 2025



Dato Sri Aaron Ago Dagang merasmikan Sambutan Ulang Tahun Yayasan yang ke-59 di Kuala Lumpur, hari ini. Foto Aaron Ago Dagang (FB)

KUALA LUMPUR, 7 Feb: Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) terus memperkukuh akses pendidikan melalui kerjasama strategik dengan sektor korporat, sekali gus membuka lebih banyak peluang kepada pelajar kurang berkemampuan.

Menteri Perpaduan Negara, Dato Sri Aaron Ago Dagang berkata kerjasama ini penting dalam membina generasi masa depan Malaysia yang berpendidikan tinggi.

"Sangat penting untuk kita sedari bahawa pendidikan adalah tanggungjawab kedua-dua pihak kerajaan dan swasta untuk memajukan negara di samping memberi peluang yang sama kepada semua lapisan masyarakat untuk mencapai kejayaan masing-masing.

"Sejak 2020, kerjasama YTAR bersama dengan rakan strategiknya melalui Memorandum Persefahaman (MoU) telah mendapatkan tajaan dalam pelbagai bentuk termasuk wang jaminan lebih RM22 juta, wang tunai RM5.8 juta dan RM16.5 juta sebagai tajaan dalam bentuk barangan melalui yuran pengajian universiti," katanya ketika berucap pada Majlis Ulang Tahun YTAR ke-59 di sini, hari ini.

Menurutnya, pendidikan bukan sekadar tanggungjawab kerajaan, tetapi satu usaha bersama. Kerjasama dengan sektor swasta membolehkan lebih ramai pelajar mendapat akses kepada pendidikan berkualiti.

Antara MoU yang telah dimeterai termasuklah dengan CIMB Foundation, yang menjadi penaja utama Closing The Gap 2025, program yang memberi tumpuan kepada pelajar dari komuniti Program Perumahan Rakyat (PPR) di Lembah Klang.

Selain itu, GrabScholar, inisiatif oleh Grab Malaysia, telah menaja 12 biasiswa untuk tempoh 2024-2025.

Beberapa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), IMU University, Sunway Education Group, dan Yayasan MSU turut menawarkan pengecualian yuran kepada pelajar yang berkelayakan.

Sementara itu, FutureReady x Accenture Malaysia menyediakan program latihan kemahiran masa depan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang berkembang pesat.

"Bersempena dengan hari lahir Tunku Abdul Rahman pada 8 Februari ini, saya juga ingin mengumumkan pembukaan semula aplikasi untuk biasiswa Tunku Abdul Rahman 2025.

"Biasiswa sarjana muda yang komprehensif ini merangkumi sembilan jenis elaun serta program pembangunan kepimpinan selama dua tahun untuk melahirkan pemimpin muda," ujarnya.

BERNAMA

Tunku Abdul Rahman's Vision Of Unity Remains Relevant – Aaron

7 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 7 (Bernama) – The vision of unity in diversity championed by the nation's first Prime Minister, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, remains as relevant today as it was decades ago, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said.

He added that Tunku Abdul Rahman, widely known as 'Bapa Kemerdekaan', believed that national unity was the cornerstone of a strong and prosperous Malaysia.

"He saw Malaysia as a land where people of all backgrounds, regardless of race, religion, or heritage, could come together in harmony and mutual respect.

"Tomorrow, we also mark what would have been the 122nd birthday of Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, a man whose vision, sacrifice, and leadership shaped the very foundation of our beloved Malaysia.

"His ideals extend far beyond the road to independence or his tenure as our first Prime Minister. They continue to inspire and guide us in our pursuit of national unity and progress," he said in his keynote address at the Tunku Abdul Rahman Foundation's (YTAR) 59th anniversary ceremony here today.

Aaron said YTAR, established in honour of Tunku Abdul Rahman, stands as a testament to his unwavering commitment to education, unity, and nation-building.

In conjunction with Tunku Abdul Rahman's 122nd birthday, Aaron, who is also YTAR chairman, announced that applications for the Tunku Abdul Rahman Scholarship will open from tomorrow until April 8, for Malaysians aspiring to pursue or currently pursuing a bachelor's degree at public or private universities in various fields.

"The scholarship includes nine types of allowances and a two-year leadership development programme to nurture young leaders.

"Through the Tunku Abdul Rahman Scholarship programme, corporate partners have transformed scholarship giving, making it more equitable and comprehensive," he said, adding that Grab Malaysia, through its GrabScholar programme in collaboration with YTAR, will sponsor six scholarships in 2024 and another six in 2025.

He also welcomed new private university partners, which have joined YTAR's mission through in-kind tuition fee sponsorships, including IMU University, Sunway Education Group, Universiti Tunku Abdul Rahman, and Yayasan MSU.

Since 2020, YTAR has established impactful partnerships through Memoranda of Understanding (MoUs), securing pledges worth over RM22 million - comprising RM5.8 million in cash and RM16.5 million in tuition fee waivers from universities, he said.

The Closing The Gap programme, which is focused on higher education access and mentoring, has been made possible through OSK Foundation's sponsorship of multiple cohorts, Aaron said.

"I am also delighted to announce that CIMB Foundation will be the 2025 sponsor of the Closing The Gap programme, which will support students in the Klang Valley, particularly those from People's Housing Project (PPR) communities.

"The programme is also part of the Santuni MADANI initiative, a testament to the impactful public-private collaboration between CIMB Foundation and YTAR," he said.

Since its establishment in 1966, YTAR has empowered 9,500 young Malaysians through scholarships, financial aid, and development programmes. – BERNAMA

星洲网 sinchew.com.my

艾伦达干：团结部倡和谐 “种族课题不应被挑起”

2025年02月7日



艾伦达干（左二）出席东姑阿都拉曼基金会（YTAR）59周年庆，并见证该基金会与联昌基金会签署谅解备忘录。左一为田芬芬；右起阿末沙里曼和哈斯努占占。（黄冰冰摄）

（吉隆坡7日讯）国家团结部长拿督艾伦达干强调，任何有关种族的课题都不应该被挑起，而该部所提倡的也是促进各种族和宗教间的团结。

“我们在团结部要的是所有人民团结，无论宗教、文化和种族背景，这是我们所提倡的。这不应该成为课题。”

他是今日出席东姑阿都拉曼基金会（YTAR）59周年庆后受询及对挑起宗教场所课题的人有何建议时，这样表示。

促指南课题到此为止

询及他与首相署（宗教事务）部长拿督纳因莫达较早前针对穆斯林参与非穆斯林宗教场所庆典与葬礼活动指南的联合文告，他表示，此事应到此为止。

“看回那则文告就好。就到此为止吧，因为我们已经讨论，首相也已经决定，就像那则文告所述。所以有关于此事我认为不再有问题。”

当记者进一步询问该文告中所指的指南在未来是否还会引起混淆，他否认有任何指南。

“没有指南，没有，我不认为有。”

艾伦达干较早时在致词中表示，东姑阿都拉曼的愿景、牺牲和领导力塑造了马来西亚的基础，领导着我们迈向国家团结。

“东姑阿都拉曼相信团结是一个强大和繁荣国家的基石。他把马来西亚视为一个可以团结所有人的土地，无论种族、宗教或文化背景，都能和睦共处，互相尊重。”

“他的‘在多元当中团结’的理念仍符合当下，尽管这理念是在几十年前提出。”

称多元为团结最大优势

他表示，在多元当中团结一直是我们最大的优势，但我们不能把这样的团结当作是理所当然，我们每个人都应该发挥自身的作用，维护和加强马来西亚的和谐精神。

他说，我们也必须意识到阻碍我们前进的挑战，错误信息、偏见、经济差距、误解和刻板印象有时会威胁到我们的团结。

他指出，迈向国家团结的道路并非一帆风顺，但只要秉持着理解、尊重、接纳的价值观，就能克服任何挑战。

出席者包括国家团结部秘书长拿督斯里哈斯努占占、东姑阿都拉曼基金会首席执行员田芬芬和联昌基金会（CIMB Foundation）首席执行员阿末沙里曼。

astro AWANI

Visi perpaduan Tunku Abdul Rahman kekal relevan – Aaron

8 Februari 2025



Aaron berkata YTAR, yang ditubuhkan sebagai tanda penghormatan kepada Tunku Abdul Rahman merupakan bukti komitmen teguh beliau terhadap pendidikan, perpaduan dan pembinaan negara. - Foto BERNAMA.

KUALA LUMPUR: Visi perpaduan dalam kepelbagaian yang diperjuangkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj masih relevan sehingga ke hari ini, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata Almarhum Tunku Abdul Rahman, yang lebih dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan percaya perpaduan negara menjadi teras kepada negara yang aman dan makmur.

"Beliau melihat Malaysia sebagai tanah air untuk rakyat yang pelbagai latar belakang, tanpa mengira bangsa, agama atau warisan, boleh bertolak-ansur dan saling menghormati. Esok, kita juga memperingati ulang tahun kelahiran ke-122 Allahyarham, seorang tokoh yang mempunyai visi, pengorbanan dan kepimpinannya membentuk asas negara Malaysia yang kita cintai.

"Cita-citanya melangkaui perjuangan ke arah kemerdekaan atau tempoh berkhidmat sebagai Perdana Menteri pertama kita. Ia terus memberi inspirasi dan membimbing kita dalam usaha mencapai perpaduan dan kemajuan nasional," katanya dalam ucaptama pada majlis Ulang Tahun ke-59 Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) di sini pada Jumaat.

Aaron berkata YTAR, yang ditubuhkan sebagai tanda penghormatan kepada Tunku Abdul Rahman merupakan bukti komitmen teguh beliau terhadap pendidikan, perpaduan dan pembinaan negara.

Sempena ulang tahun kelahiran Tunku Abdul Rahman yang ke-122, Aaron yang juga Pengerusi YTAR mengumumkan bahawa permohonan Biasiswa Tunku Abdul Rahman akan dibuka mulai esok hingga 8 April, bagi rakyat Malaysia yang bercita-cita untuk menyambung pengajian atau sedang mengikuti Ijazah Sarjana Muda di universiti awam atau swasta dalam pelbagai bidang.

"Biasiswa itu merangkumi sembilan jenis elaun dan program pembangunan kepimpinan selama dua tahun bagi melahirkan pemimpin muda.

"Melalui program Biasiswa Tunku Abdul Rahman, rakan korporat telah mengubah pemberian biasiswa, menjadikannya lebih adil dan menyeluruh," katanya.

Beliau berkata Grab Malaysia, melalui program GrabScholar dengan kerjasama YTAR akan menaja enam biasiswa pada 2024 dan enam lagi pada 2025.

Aaron juga mengalu-alukan rakan universiti swasta baharu, yang telah menyertai misi YTAR melalui tajaan yuran pengajian dalam bentuk sumbangan termasuk Universiti IMU, Kumpulan Pendidikan Sunway, Universiti Tunku Abdul Rahman, dan Yayasan MSU.

Beliau berkata sejak tahun 2020, YTAR telah menjalin kerjasama melalui memorandum persefahaman (MoU), dengan memperoleh komitmen bernilai lebih RM22 juta, terdiri daripada wang tunai RM5.8 juta dan RM16.5 juta pengecualian yuran pengajian daripada universiti.

Beliau berkata program Closing The Gap, yang memberi tumpuan kepada akses pendidikan tinggi dan bimbingan berjaya direalisasikan melalui penajaan pelbagai kohort Yayasan OSK.

"Saya juga berbesar hati untuk mengumumkan bahawa Yayasan CIMB akan menjadi penaja program Closing The Gap bagi tahun 2025.

"Kerjasama ini akan membantu pelajar di Lembah Klang, khususnya mereka daripada komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR). Program ini juga adalah sebahagian daripada inisiatif Santuni MADANI, yang menjadi bukti kerjasama antara Yayasan CIMB dan YTAR," katanya.

Sejak ditubuhkan pada 1966, YTAR telah memperkasakan 9,500 belia Malaysia melalui biasiswa, bantuan kewangan dan program pembangunan.

-- BERNAMA

Tunku Abdul Rahman's vision of unity remains relevant – Aaron

9 February 2025



KUALA LUMPUR: The vision of unity in diversity championed by Malaysia's first Prime Minister, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, is still relevant today, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said the late Tunku Abdul Rahman, better known as the Father of Independence, believed that national unity was the core of a peaceful and prosperous country.

"He saw Malaysia as a homeland for people of diverse backgrounds, regardless of race, religion, or heritage, who could tolerate and respect each other. Tomorrow, we also commemorate the 122nd birth anniversary of the late, a figure whose vision, sacrifice, and leadership formed the foundation of the Malaysian nation that we love.

"His ambitions go beyond the struggle towards independence or his tenure as our first Prime Minister. He continues to inspire and guide us in our efforts to achieve national unity and progress," he said in his keynote address at the 59th Anniversary of the Tunku Abdul Rahman Foundation (YTAR) here on Friday.

Aaron said YTAR, which was established as a mark of respect for Tunku Abdul Rahman, was proof of his strong commitment to education, unity, and nation-building.

In conjunction with the 122nd birth anniversary of Tunku Abdul Rahman, Aaron, who is also the Chairman of YTAR, announced that applications for the Tunku Abdul Rahman Scholarship will be open from tomorrow until April 8 for Malaysians who aspire to continue their studies or are currently pursuing a Bachelor's Degree at public or private universities in various fields.

"The scholarship includes nine types of allowances and a two-year leadership development program to produce young leaders.

"Through the Tunku Abdul Rahman Scholarship program, corporate partners have transformed the provision of scholarships, making them fairer and more comprehensive," he said.

He said Grab Malaysia, through the Grab Scholar program in collaboration with YTAR, will sponsor six scholarships in 2024 and another six in 2025.

Aaron also welcomed new private university partners who have joined the YTAR mission through tuition fee sponsorship in the form of donations, including IMU University, Sunway Education Group, Tunku Abdul Rahman University, and the MSU Foundation.

He said that since 2020, YTAR has established cooperation through a memorandum of understanding (MoU), obtaining commitments worth more than RM22 million, consisting of RM5.8 million in cash and RM16.5 million in tuition fee exemptions from universities.

He said the Closing the Gap program, which focuses on access to higher education and guidance, was successfully realized through the sponsorship of various cohorts of the OSK Foundation.

"I am also pleased to announce that the CIMB Foundation will be the sponsor of the Closing the Gap program for 2025.

"This collaboration will help students in the Klang Valley, especially those from the People's Housing Project (PPR) community. This program is also part of the Santuni MADANI initiative, which is a testament to the collaboration between the CIMB Foundation and YTAR," he said.

Since its establishment in 1966, YTAR has empowered 9,500 Malaysian youth through scholarships, financial assistance, and development programs.

— BERNAMA

tvs
www.tvsarawak.my

KPN akan terus perkukuh usaha tingkatkan kesedaran, kefahaman perpaduan

9 Februarl 2025



KUALA LUMPUR, 9 Feb: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan terus memperkukuh usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi program bersifat inklusif dan berkesan.

Menterinya Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata pihaknya akan sentiasa memastikan perpaduan di negara terus dipelihara dengan mengambil kira kepelbagaian etnik, budaya dan agama yang menjadi asas kekuatan negara ini.

"Pada tahun 2024, KPN telah melaksanakan sebanyak 730 program yang merangkumi kluster Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah. Pelaksanaan pelbagai program ini bertindak sebagai tapak integrasi nasional yang dapat meningkatkan interaksi antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pandangan, cadangan dan kritikan membina yang dikemukakan oleh Pengarah Pengajian Asia Universiti Tasmania Prof Dr James Chin berhubung kerelevanan KPN.
Menjawab mengenai pengurusan isu perpaduan, Aaron berkata pihaknya telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) pada tahun ini yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, bagi meneliti kesemua inisiden atau isu perpaduan yang berlaku di negara ini.

"Penubuhkan JPIP ini juga akan membolehkan KPN bertindak pantas dalam memberikan maklum balas dan nasihat kepada rakyat Malaysia. Mesyuarat pertama JPIP telah dilaksanakan pada bulan Januari yang lalu," katanya.

JPIP terdiri daripada wakil KPN, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pendidikan.

Selain itu, JPIP juga dianggotai Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT), Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan beberapa ahli akademik.

Beliau berkata KPN juga telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif dalam mengurus isu perpaduan antaranya pelaporan melalui sistem eSepakat dan penubuhan lapan buah pusat mediasi komuniti dan melantik 571 mediator komuniti serta pemantauan menerusi Dashboard Analitik Perpaduan.

Sementara itu, Aaron berkata beliau sentiasa terbuka untuk menerima pandangan dan cadangan membina semua pihak tidak kira wakil rakyat, ahli akademik, pihak swasta mahupun individu selain sudi untuk bertemu dengan mana-mana pihak yang inginkan penjelasan mengenai isu perpaduan negara.

"Perpaduan adalah tanggungjawab semua pihak, bukan hanya kerajaan. Ia memerlukan penglibatan aktif daripada setiap lapisan masyarakat, termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan dan individu dalam masyarakat," katanya. -TVS

BERNAMA

KPN To Enhance Efforts To Foster Deeper Understanding Of Unity

9 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 9 (Bernama) -- The Ministry of National Unity (KPN) will continue to enhance its efforts to raise awareness and promote a deeper understanding of the importance of unity among Malaysians through inclusive and impactful programmes.

Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang said that KPN would ensure unity in the country continued to be maintained, taking into account the ethnic, cultural, and religious diversity that formed the foundation of the nation's strength.

"In 2024, KPN implemented 730 programmes, encompassing the Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan, and Komuniti Rahmah clusters. These programmes serve as a platform for national integration, fostering greater interaction among Malaysians of different races and religions," he said in a statement today.

He said this in response to the views, suggestions, and constructive criticism from director of the Asia Institute at the University of Tasmania Prof Dr James Chin, regarding KPN's relevance.

On the management of unity issues, Aaron revealed that KPN had established the Unity Issues Management Committee (JPIP) this year, chaired by the ministry's secretary-general, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, to review all incidents and unity-related issues in the country.

"The establishment of the JPIP will also enable the KPN to act swiftly in providing feedback and advice to Malaysians. The first JPIP meeting was held last January," he said.

The JPIP is made up of representatives from the KPN, the National Security Council, the Home Ministry, the Royal Malaysia Police, the Communications Ministry, the Malaysian Communications and Multimedia Commission, the Housing and Local Government Ministry, and the Education Ministry.

The committee also includes representatives from the Southeast Asia Regional Centre for Counter-terrorism, the Youth and Sports Ministry, the Department of Islamic Development Malaysia, the Institute of Islamic Understanding Malaysia, and several academics.

Aaron said that KPN had also implemented various efforts and initiatives in managing unity issues, such as reporting through the eSepakat system, establishing eight community mediation centres, appointing 571 community mediators, and monitoring through the Unity Analytics Dashboard.

Meanwhile, the minister said that he was always open to receiving constructive views and suggestions from all parties, including elected representatives, academics, and the private sector, and was willing to meet with anyone seeking clarification on the unity issue in the country.

"Unity is the responsibility of all parties, not just the government. It requires active involvement from every level of society, including the private sector, non-governmental organisations, and individuals within the community," he said.

KPN Akan Terus Perkukuh Usaha Tingkatkan Kesedaran,Kefahaman Perpaduan

9 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan terus memperkukuh usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi program bersifat inklusif dan berkesan.

Menterinya Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata pihaknya akan sentiasa memastikan perpaduan di negara terus dipelihara dengan mengambil kira kepelbagaian etnik, budaya dan agama yang menjadi asas kekuatan negara ini.

"Pada tahun 2024, KPN telah melaksanakan sebanyak 730 program yang merangkumi kluster Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah. Pelaksanaan pelbagai program ini bertindak sebagai tapak integrasi nasional yang dapat meningkatkan interaksi antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pandangan, cadangan dan kritikan membina yang dikemukakan oleh Pengarah Pengajian Asia Universiti Tasmania Prof Dr James Chin berhubung kerelevanan KPN.

Menjawab mengenai pengurusan isu perpaduan, Aaron berkata pihaknya telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) pada tahun ini yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, bagi meneliti kesemua inisiden atau isu perpaduan yang berlaku di negara ini.

"Penubuhkan JPIP ini juga akan membolehkan KPN bertindak pantas dalam memberikan maklum balas dan nasihat kepada rakyat Malaysia. Mesyuarat pertama JPIP telah dilaksanakan pada bulan Januari yang lalu," katanya.

JPIP terdiri daripada wakil KPN, Majlis Keselamatan Negara,Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pendidikan.

Selain itu, JPIP juga dianggotai Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT), Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan beberapa ahli akademik.

Beliau berkata KPN juga telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif dalam mengurus isu perpaduan antaranya pelaporan melalui sistem eSepakat dan penubuhan lapan buah pusat mediasi komuniti dan melantik 571 mediator komuniti serta pemantauan menerusi Dashboard Analitik Perpaduan.

Sementara itu, Aaron berkata beliau sentiasa terbuka untuk menerima pandangan dan cadangan membina semua pihak tidak kira wakil rakyat, ahli akademik, pihak swasta mahupun inidividu selain sudi untuk bertemu dengan mana-mana pihak yang inginkan penjelasan mengenai isu perpaduan negara.

"Perpaduan adalah tanggungjawab semua pihak, bukan hanya kerajaan. Ia memerlukan penglibatan aktif daripada setiap lapisan masyarakat, termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan dan individu dalam masyarakat," katanya.
-- BERNAMA

Aaron sangkal dakwaan Kementerian Perpaduan tak relevan

9 Februari 2025

Menteri perpaduan negara berkata program dilaksanakan kementeriannya berlandaskan Dasar Perpaduan Negara bagi memastikan Malaysia terus harmoni, aman dan sejahtera.



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata kementeriannya akan terus memperkukuhkan usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat.

PETALING JAYA: Kementerian Perpaduan Negara sentiasa melaksanakan program bersifat integrasi nasional bagi meningkatkan interaksi antara rakyat, sekaligus menafikan dakwaan penganalisis James Chin kewujudannya tidak relevan.

Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang, berkata program dilaksanakan kementeriannya berlandaskan Dasar Perpaduan Negara bagi memastikan Malaysia terus harmoni, aman dan sejahtera.

"Komitmen kami untuk memastikan segala inisiatif dilaksanakan melalui kementerian ini sentiasa menepati keperluan dan aspirasi rakyat Malaysia dalam memupuk perpaduan berterusan, merentasi pelbagai kaum dan budaya," katanya dalam kenyataan.

Terdahulu, Chin dalam hantaran X mempersoalkan peranan Kementerian Perpaduan Negara.

"Apabila terdapat isu, Kementerian Perpaduan tidak muncul sehingga menteri lain dah selesaikan isu tersebut," kata Chin merujuk isu KK Mart serta sambutan Krismas di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Chin turut mencadangkan kementerian itu dimansuhkan dan peruntukannya boleh digunakan menampung geran bagi bukan Islam dalam usaha kerajaan mempromosi masyarakat berbilang kaum.

Aaron berkata, pihaknya sentiasa memberikan tumpuan isu perpaduan negara dan 730 program berunsurkan perpaduan dilaksanakan tahun lalu, diikuti penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) tahun ini yang akan bertindak pantas dalam memberi maklum balas dan nasihat kepada rakyat Malaysia.

"Kementerian Perpaduan Negara akan terus memperkukuhkan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia."

Menurutnya, beliau sentiasa terbuka menerima pandangan dan cadangan membina daripada semua pihak.

"Saya sudi bertemu mana-mana pihak yang inginkan penjelasan mengenai fungsi kementerian atau membincangkan isu-isu perpaduan di negara ini."

BH ONLINE

KPN terus perkukuh usaha tingkatkan kesedaran, kefahaman perpaduan

9 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan terus memperkukuh usaha meningkatkan kesedaran serta kefahaman mengenai kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi program bersifat inklusif dan berkesan.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata KPN akan sentiasa memastikan perpaduan di Malaysia terus dipelihara dengan mengambil kira kepelbagaian etnik, budaya dan agama yang menjadi asas kekuatan negara ini.

"Tahun lalu, KPN telah melaksanakan 730 program merangkumi kluster Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah.

"Pelaksanaan pelbagai program ini bertindak sebagai tapak integrasi nasional yang dapat meningkatkan interaksi antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau mengulas pandangan, cadangan dan kritikan membina yang dikemukakan oleh Pengarah Pengajian Asia Universiti Tasmania, Prof Dr James Chin, berhubung kerelevanan KPN.

Selain itu, Aaron berkata, pihaknya telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) tahun ini yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, bagi meneliti semua insiden atau isu perpaduan di negara ini.

"Penubuhan JPIP juga akan membolehkan KPN bertindak pantas dalam memberi maklum balas serta nasihat kepada rakyat Malaysia. Mesyuarat pertama JPIP telah diadakan pada bulan lalu," katanya.

JPIP dibarisi wakil daripada KPN, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, serta Kementerian Pendidikan.

Selain itu, JPIP juga dianggotai Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan beberapa ahli akademik.

Beliau berkata, KPN juga telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif dalam menguruskan isu perpaduan.

Antaranya, pelaporan melalui sistem eSepakat dan penubuhan lapan pusat mediasi komuniti, selain melantik 571 mediator komuniti serta pemantauan melalui Dashboard Analitik Perpaduan.

Dalam pada itu, Aaron berkata, beliau sentiasa terbuka untuk menerima pandangan dan cadangan membina daripada semua pihak.

Beliau juga bersedia untuk bertemu dengan mana-mana pihak yang menginginkan penjelasan mengenai isu perpaduan negara.

"Perpaduan adalah tanggungjawab semua pihak, bukan hanya kerajaan. Ia memerlukan pembabitan aktif daripada setiap lapisan masyarakat, termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan dan individu dalam masyarakat," katanya.

astro AWANI

KPN akan terus perkukuh usaha tingkatkan kesedaran, kefahaman perpaduan

10 Februarl 2025



AARON: Penubuhan JPIP juga akan membolehkan KPN bertindak pantas dalam memberikan maklum balas dan nasihat kepada rakyat Malaysia. - Gambar fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan terus memperkukuh usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi program bersifat inklusif dan berkesan.

Menterinya Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata pihaknya akan sentiasa memastikan perpaduan di negara terus dipelihara dengan mengambil kira kepelbagaian etnik, budaya dan agama yang menjadi asas kekuatan negara ini.

"Pada tahun 2024, KPN telah melaksanakan sebanyak 730 program yang merangkumi kluster Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah. Pelaksanaan pelbagai program ini bertindak sebagai tapak integrasi nasional yang dapat meningkatkan interaksi antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pandangan, cadangan dan kritikan membina yang dikemukakan oleh Pengarah Pengajian Asia Universiti Tasmania Prof Dr James Chin berhubung kerelevanan KPN.

Menjawab mengenai pengurusan isu perpaduan, Aaron berkata pihaknya telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) pada tahun ini yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, bagi meneliti kesemua insiden atau isu perpaduan yang berlaku di negara ini.

"Penubuhan JPIP ini juga akan membolehkan KPN bertindak pantas dalam memberikan maklum balas dan nasihat kepada rakyat Malaysia. Mesyuarat pertama JPIP telah dilaksanakan pada bulan Januari yang lalu," katanya.

JPIP terdiri daripada wakil KPN, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pendidikan.

Selain itu, JPIP juga dianggotai Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT), Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan beberapa ahli akademik.

Beliau berkata KPN juga telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif dalam mengurus isu perpaduan antaranya pelaporan melalui sistem eSepakat dan penubuhan lapan buah pusat mediasi komuniti dan melantik 571 mediator komuniti serta pemantauan menerusi Dashboard Analitik Perpaduan.

Sementara itu, Aaron berkata beliau sentiasa terbuka untuk menerima pandangan dan cadangan membina semua pihak tidak kira wakil rakyat, ahli akademik, pihak swasta mahupun inidividu selain sudi untuk bertemu dengan mana-mana pihak yang inginkan penjelasan mengenai isu perpaduan negara.

"Perpaduan adalah tanggungjawab semua pihak, bukan hanya kerajaan. Ia memerlukan penglibatan aktif daripada setiap lapisan masyarakat, termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan dan individu dalam masyarakat," katanya.
-- BERNAMA

NEW STRAITS TIMES

KPN to enhance efforts to foster deeper understanding of unity

10 February 2025



The Ministry of National Unity (KPN) will continue to enhance its efforts to raise awareness and promote a deeper understanding of the importance of unity among Malaysians through inclusive and impactful programmes. - NSTP/ AZRUL EDHAM

KUALA LUMPUR: The Ministry of National Unity (KPN) will continue to enhance its efforts to raise awareness and promote a deeper understanding of the importance of unity among Malaysians through inclusive and impactful programmes.

Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang said that KPN would ensure unity in the country continued to be maintained, taking into account the ethnic, cultural, and religious diversity that formed the foundation of the nation's strength.

"In 2024, KPN implemented 730 programmes, encompassing the Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan, and Komuniti Rahmah clusters. These programmes serve as a platform for national integration, fostering greater interaction among Malaysians of different races and religions," he said in a statement yesterday.
He said this in response to the views, suggestions, and constructive criticism from director of the Asia Institute at the University of Tasmania Prof Dr James Chin, regarding KPN's relevance.

On the management of unity issues, Aaron revealed that KPN had established the Unity Issues Management Committee (JPIP) this year, chaired by the ministry's secretary-general, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, to review all incidents and unity-related issues in the country.

"The establishment of the JPIP will also enable the KPN to act swiftly in providing feedback and advice to Malaysians. The first JPIP meeting was held last January," he said.

The JPIP is made up of representatives from the KPN, the National Security Council, the Home Ministry, the Royal Malaysia Police, the Communications Ministry, the Malaysian Communications and Multimedia Commission, the Housing and Local Government Ministry, and the Education Ministry.

The committee also includes representatives from the Southeast Asia Regional Centre for Counter-terrorism, the Youth and Sports Ministry, the Department of Islamic Development Malaysia, the Institute of Islamic Understanding Malaysia, and several academics.

Aaron said that KPN had also implemented various efforts and initiatives in managing unity issues, such as reporting through the eSepakat system, establishing eight community mediation centres, appointing 571 community mediators, and monitoring through the Unity Analytics Dashboard.

Meanwhile, the minister said that he was always open to receiving constructive views and suggestions from all parties, including elected representatives, academics, and the private sector, and was willing to meet with anyone seeking clarification on the unity issue in the country.

"Unity is the responsibility of all parties, not just the government. It requires active involvement from every level of society, including the private sector, non-governmental organisations, and individuals within the community," he said. – BERNAMA

malaysiakini
news and views that matter

Unity minister defends why he should still have a job

10 February 2025



National Unity Minister Aaron Ago Dagang is defending why he should remain employed on the taxpayers' payroll.

This is in response to an academic's call for his ministry to be shut down for alleged poor performance in improving unity...

tvs
www.tvsarawak.my

KPN terus chakah ngangkatka pemereti pemesai guna penyerakup

10 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 10 Feb: Opis Menteri Penyerakup Menua (KPN) deka terus negapka pengawa dalam nambahka penyedar enggau pemereti pemesai guna penyerakup ba rayat Malaysia nengah program ti inklusif.

Menteri ti nguasa opis menteri nya, Datuk Aaron Ago Dagang madahka, opis iya deka seruran nentuka penyerakup di menua tu terus dijaga enggau ngambi kira bemacham etnik, budaya enggau pengarap ti nyadi kunchi penegap menua tu.

Aaron nengah siti penerang madahka, ba taun 2024 , KPN udah bejalaika 730 program ti nyerangkung kluster Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan enggau Komuniti Rahmah.

Program tu dipejalai betuju nyadi taba integrasyen nasional ti ulih nambahka interaksyen entara rayat Malaysia ti ngembuan bemacham bansa enggau jalai pengarap.

Iya mansutka jaku nya dikena nyaut sanding penemu, perambu enggau jaku ti dipansutka Direktor Asia Universiti Tasmania Prof Dr James Chin bekaul tikas KPN.

Bekaul enggau pekara ngatur isu penyerakup, Aaron madahka raban iya udah numbuhka komiti pengatur isu penyerakup (JPIP) ba taun tu ti bechairmanka Tuai Sekretari Opis Menteri Penyerakup Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad dikena mansik kesemua insiden tauka isu penyerakup ke nyadi di menua tu.

"Penumbuh JPIP tu deka mantu KPN bejalaika atur jampat dalam meri timbal enggau lalau ngagai rayat Malaysia. Aum keterubah JPIP udah dipejalaika ba bulan Januari ke udah," ku iya.

JPIP ngaul pengari KPN, Kaunsil Pengelikun Menua, Opis Menteri Dalam Menua, Polis Diraja Malaysia, Opis Menteri Komunikasyen, Komisyen Komunikasyen enggau Mulitimedia, Opis Menteri Pengawa Berumah enggau Perintah Lokal sereta Opis Menteri Pelajar.

Kelimpah ari nya,JPIP mega dipasuk Palan Serantau Asia Tenggara Dikena Nagang Ulah Kasar (SEARCCT), Opis Menteri Nembiak enggau Lumba, Opis Pemansang Islam Malaysia , Institut Kefahaman Islam Malaysia enggau sekeda raban akademik.-TVS

e南洋 您的创富伙伴

团结部将通过包容性计划 促进国民团结

2025年02月10日

（吉隆坡9日讯）国民团结部将继续加强努力，通过包容性和有效的计划，提高国人对团结重要性的认识和理解。

团结部长拿督艾伦达干指出，种族、文化和宗教多样性是国家实力的基础，因此该部将确保国家团结在考虑到这些因素后，继续获得维护。

“在2024年，团结部共落实了730个计划，当中包含了促进团结、国家及和谐等意识活力的活动。这些不同计划的实施，可作为民族融合的场所，并增加各族群和宗教的国人之间的互动。”

他今日针对塔斯马尼亚大学亚洲研究院主任詹运豪博士批评团结部的言论，发文告这么回应。

针对团结课题的处理，艾伦表示，团结部今年成立了团结问题管理委员会（JPIP），由该部秘书长拿督斯里哈斯诺担任主席，以审查我国发生的所有事件或团结问题。

“JPIP 的成立也将使警察总长能迅速采取行动，向国人提供反馈和建议。第一次JPIP会议已于今年1月举行。”

他补充，团结部在管理团结问题方面，还采取了各种努力和举措，包括通过eSepakat系统进行报告、设立8个社区调解中心、任命571名社区调解员，以及通过Unity Analytics仪表板进行监控。

艾伦表示，他始终愿意接受各方的意见和建设性建议，无论是来自人民、学术界、私人团体还是个人。

tvs
www.tvsarawak.my

KPN terus perkukuh usaha meningkatkan kesedaran, kefahaman isu perpaduan

10 Februarl 2025



KUCHING, 10 Feb: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan terus memperkukuhkan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui program-program yang bersifat inklusif dan berkesan.

Menterinya, Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata, bagi memastikan perpaduan negara terus dipelihara dan diperkukuh, tema Harmoni Dalam Kepelbagaian telah diangkat tahun ini dengan mengambil kira kepelbagaian etnik, budaya, dan agama yang menjadi asas kekuatan negara ini.

"Pada tahun 2024, KPN telah melaksanakan sebanyak 730 program yang merangkumi kluster Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah.

"Pelaksanaan pelbagai program ini bertindak sebagai tapak integrasi nasional yang dapat meningkatkan interaksi antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.
Beliau berkata demikian bagi menjawab pandangan, cadangan dan kritikan membina yang dikemukakan oleh Pengarah Pengajian Asia Universiti Tasmania Prof Dr James Chin berhubung kerelevanan KPN.

Sementara itu, mengenai pengurusan isu perpaduan, beliau telah meminta kementerian menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian bagi meneliti kesemua insiden atau isu perpaduan yang berlaku di negara ini.

Jelasnya, penubuhkan JPIP ini juga akan membolehkan KPN bertindak pantas dalam memberikan maklum balas dan nasihat kepada rakyat Malaysia.

"Selain JPIP, Kementerian juga telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif dalam mengurus isu perpaduan, antaranya pelaporan melalui sistem eSepakat, penubuhan lapan buah pusat mediasi komuniti, pelantikan 571 mediator komuniti, pemantauan melalui Dashboard Analitik Perpaduan serta pandangan melalui dua jawatankuasa utama iaitu Majlis Penasihat Perpaduan Negara dan JK HARMONI," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, jelas Aaron, beliau sentiasa terbuka untuk menerima pandangan dan cadangan membina yang semua pihak tidak kira wakil rakyat, ahli akademik, pihak swasta mahupun inidividu.

"Hanya dengan kerjasama dan komitmen bersama, kita dapat memastikan perpaduan negara terus dipelihara dan diperkukuh, serta mencapai matlamat negara untuk kemakmuran dan kestabilan jangka panjang," katanya lagi.

Untuk makluman, keahlian JPIP ini adalah terdiri daripada wakil Kementerian Perpaduan Negara, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pendidikan, Southeast Asia Regional Centre For Counter-Terrorism, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan beberapa ahli akademik. – TVS

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Kerajaan tiada garis panduan mengenai aktiviti melibatkan unsur agama – Aaron

12 Februari 2025



KUALA LUMPUR - Kementerian Perpaduan Negara buat masa ini tidak mempunyai sebarang garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang bagaimanapun berkata, beberapa pendekatan diambil antaranya melalui pelaksanaan program untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia, sekali gus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan.

"Segala pelaksanaan program dan inisiatif adalah berdasarkan tiga objektif yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara iaitu mengukuhkan perpaduan, membentuk identiti nasional dan melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

"Bagi tahun 2025 Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat konsep Negara Bangsa dan tema Harmoni dalam Kepelbagaian sebagai fokus utama. Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni Madani, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya," katanya di Dewan Rakyat di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian menjawab soalan dibangkitkan Dr Halimah Ali (PN-Kapar) sama ada Kementerian Perpaduan Negara mempunyai garis panduan untuk jabatan dan agensi Kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan dan boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

Mengulas lanjut, Aaron berkata, keunikan yang dimiliki Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian kaum dan agama boleh menjadi kekuatan untuk membentuk identiti negara sekiranya dijaga dengan baik.

"Kita mempunyai masyarakat yang menganut pelbagai agama dan kepercayaan. Keunikan ini, sekiranya dijaga dengan betul, boleh menjadi kekuatan yang membentuk identiti negara kita.

"Faham, hormat dan terima ialah nilai yang perlu diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat, bagi memastikan negara kita terus menjadi contoh kepada dunia tentang bagaimana kepelbagaian agama dan budaya boleh digabungkan untuk mencipta satu negara yang benar-benar harmoni," katanya.

KPN Laksana Program Rapatkan Jurang Sosial, Raikan Kepelbagaian Rakyat - Aaron

12 Februarl 2025



KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mengambil pendekatan melalui pelaksanaan program berasaskan tema untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia, sekali gus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan.

Menteri berkenaan Datuk Aaron Ago Dagang berkata segala program yang dilaksanakan adalah berdasarkan tiga objektif digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara.

Beliau berkata objektif tersebut merangkumi pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional yang berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, pembentukan identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati, dan bertanggungjawab serta melahirkan rakyat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

"Bagi 2025, KPN telah mengangkat konsep Negara Bangsa dan tema 'Harmoni dalam Kepelbagaian' sebagai fokus utama. Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosio budaya," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Dr Halimah Ali (PN-Kapar) mengenai garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan berkaitan aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan yang boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

-- BERNAMA

No specific guidelines for govt bodies on activities with religious elements, says minister

12 February 2025

Unity minister Aaron Ago Dagang says they adopt a programme-based approach to foster national integration.



Unity minister Aaron Ago Dagang said all programmes and initiatives are implemented based on the three objectives outlined in the National Unity Policy.

KUALA LUMPUR: There are no specific guidelines for government departments and agencies regarding activities with religious elements, unity minister Aaron Ago Dagang said today.

Instead, he said, the ministry adopts a programme-based approach to bridge social gaps among Malaysians while celebrating cultural diversity, traditions, festivals, and heritage.

"All programmes and initiatives are implemented based on the three objectives outlined in the National Unity Policy: strengthening unity and national integration based on the Federal Constitution and the Rukun Negara, fostering national identity, and developing Malaysians who appreciate and actively practise unity," he told the Dewan Rakyat today.

Aaron was responding to Halimah Ali (PN-Kapar), who asked whether the ministry had guidelines for government agencies and departments for navigating activities with religious elements to prevent interethnic tensions.

"Malaysia is a nation rich in diversity, with people of various religions and beliefs. This uniqueness, if nurtured properly, can become a strength in shaping our national identity," Aaron said.

In December, housing and local government minister Nga Kor Ming was criticised by PAS over a Christmas celebration at his ministry involving some Muslim staff.

PAS Youth said the minister should understand that Muslims were prohibited from being directly involved in celebrations of faiths that went against Islamic teachings.

Halimah's question also followed the recent controversy over proposed guidelines for Muslims attending non-Muslim festivities, funerals, or events at non-Muslim places of worship.

Selangor ruler Sultan Sharafuddin Idris Shah and Prime Minister Anwar Ibrahim had both dismissed the guidelines as unnecessary.

Tiada garis panduan khas aktiviti unsur keagamaan untuk badan kerajaan, kata menteri

12 Februarl 2025

Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang berkata kementerian mengambil pendekatan pelaksanaan program untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat.



Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang berkata semua program dan inisiatif dalam Dasar Perpaduan Negara adalah untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.

KUALA LUMPUR: Tiada garis panduan khusus untuk jabatan dan agensi kerajaan berhubung aktiviti yang membabitkan unsur keagamaan, kata Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang.

Sebaliknya, kata beliau kementerian sudah mengambil pendekatan melalui pelaksanaan program untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat sekaligus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan.

"Segala pelaksanaan program dan inisiatif adalah berdasarkan tiga objektif yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara iaitu mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

"Membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab dan melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan," katanya di Dewan Rakyat.

Aaron menjawab soalan Halimah Ali (PN-Kapar) mengenai garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan berhubung aktiviti yang membabitkan unsur keagamaan dan boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

Pada Disember lalu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming dikritik PAS berhubung sambutan Krismas di kementeriannya yang melibatkan beberapa kakitangan beragama Islam.

Pemuda PAS berkata menteri itu sepatutnya memahami bahawa umat Islam dilarang terlibat secara langsung dalam perayaan agama lain yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Soalan Halimah turut berkait dengan kontroversi baru-baru ini mengenai cadangan garis panduan bagi umat Islam menghadiri perayaan, upacara pengebumian, atau acara di rumah ibadat bukan Islam.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Perdana Menteri Anwar Ibrahim, masing-masing menolak garis panduan itu yang dianggap sebagai tidak perlu.

Konsep Negara Bangsa, Harmoni Dalam Kepelbagaian fokus Kementerian Perpaduan 2025

12 Februarl 2025



Konsep Negara Bangsa dan tema Harmoni dalam Kepelbagaian menjadi antara fokus utama Kementerian Perpaduan Negara sepanjang tahun 2025 / Foto Hiasan / Bernama

KUALA LUMPUR, 12 Februari – Konsep Negara Bangsa dan tema Harmoni Dalam Kepelbagaian menjadi antara fokus utama Kementerian Perpaduan Negara sepanjang tahun 2025.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata hala tuju itu dirangka melalui pelaksanaan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya.

"Inisiatif Harmoni MADANI diperkenalkan bagi meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam, sekali gus memperkukuh hubungan kebersamaan serta keharmonian," katanya ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Kapar, Dr Halimah Ali, pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, di sini.

Menurutnya, antara program yang akan dilaksanakan di bawah inisiatif tersebut termasuk Sambutan Keharmonian Sedunia, Sambutan Hari Toleransi Sedunia dan Dialog Harmoni.

Tambah Ago Dagang, kementeriannya juga komited melaksanakan program khusus bagi merapatkan jurang sosial dalam kalangan rakyat Malaysia.

Tiga objektif utama yang diangkat ialah mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional, membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri serta melahirkan rakyat Malaysia yang mengamalkan perpaduan.

Pendekatan tersebut, katanya, selari dengan usaha kerajaan dalam memperkasakan keharmonian dan kestabilan sosial negara.

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Kerajaan tiada garis panduan mengenai aktiviti melibatkan unsur agama – Aaron

12 Februarl 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

KUALA LUMPUR – Kementerian Perpaduan Negara buat masa ini tidak mempunyai sebarang garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan.

Bagaimanapun, menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, pihaknya telah mengambil pendekatan melalui pelaksanaan program untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia sekaligus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan.

Ujar beliau, segala pelaksanaan program dan inisiatif yang dijalankan itu adalah berdasarkan tiga objektif yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara antaranya mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Objektif lain, jelasnya, adalah membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab serta melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

"Bagi tahun 2025, Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat konsep Negara Bangsa dan tema Harmoni dalam Kepelbagaian sebagai fokus utama.

"Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya.

"Inisiatif Harmoni MADANI diperkenalkan bagi meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam sekali gus memperkukuhkan hubungan kebersamaan dan keharmonian," katanya ketika sesi jawapan Menteri pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Dr. Halimah Ali (PN-Kapar) berhubung sama ada Kementerian Perpaduan Negara mempunyai garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan dan boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

Sementara itu, kepada soalan tambahan Halimah berkenaan sejauh mana fungsi Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) dalam menanggapi isu melibatkan polemik agama dan kaum, Aaron (GPS-Kanowit) berkata, JPIP telah menguruskan dan menyelesaikan kira-kira 10 isu sensitif yang berbangkit dalam kalangan masyarakat sejak awal tahun ini.

Menjelaskan lebih lanjut, Aaron berkata, JPIP itu ditubuhkan dengan dianggotai pelbagai pihak berkepentingan antaranya Majlis Keselamatan Negara (MKN); Polis Diraja Malaysia (PDRM); beberapa kementerian selain agensi berkaitan agama seperti Jabata Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Jawatankuasa ini baru mengadakan mesyuarat pertama tahun ini dan melihat kesemua isu sensitif dari awal tahun ini hingga sekarang, ada lebih 10 isu baharu yang timbul baru-baru ini yang telah dibincangkan untuk diselesaikan," katanya. – MalaysiaGazette

yahoo!news

No guidelines on religious elements in govt dept activities, says unity minister

12 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 12 — National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang today said there are no specific guidelines for government departments and agencies regarding activities involving religious elements.

However, he noted that the ministry has adopted a programme-based approach to fostering unity.

"At present, the Ministry of National Unity does not have any guidelines for government departments and agencies regarding activities that involve religious elements.

"However, the ministry has adopted an approach through the implementation of programme-based initiatives to bridge social gaps among Malaysians while also celebrating the diversity of cultures, traditions, festivals, and heritage," he said during Minister's Question Time in the Dewan Rakyat.

He was responding to Kapar MP Dr Halimah Ali, who asked whether the ministry had guidelines to address religious elements in government activities that could potentially cause interethnic tension.

Aaron said all programmes and initiatives are guided by the three objectives outlined in the National Unity Policy: strengthening unity and national integration based on the Federal Constitution and the Rukun Negara; shaping a national identity with resilience, patriotism, empathy, tolerance, mutual respect, and responsibility; and fostering a society that values and practises unity.

"'Understand, respect, accept' are values that must be instilled in every layer of society to ensure our country remains a global model of how religious and cultural diversity can coexist harmoniously," he said.

Malaysia Tribune

Jabatan, agensi tiada garis panduan mengenai aktiviti berunsur keagamaan – Menteri Perpaduan

12 Februarl 2025



KUALA LUMPUR – Tiada sebarang garis panduan diwujudkan bagi jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang sebaliknya berkata, beberapa pendekatan diambil antaranya melalui pelaksanaan program untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia, sekali gus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan.

"Segala pelaksanaan program dan inisiatif adalah berdasarkan tiga objektif yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara iaitu mengukuhkan perpaduan, membentuk identiti nasional dan melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

"Bagi tahun 2025 Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat konsep Negara Bangsa dan tema Harmoni dalam Kepelbagaian sebagai fokus utama.

"Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni Madani, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Aaron berkata demikian bagi menjawab soalan Dr Halimah Ali (PN-Kapar) sama ada Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mempunyai garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan dan boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

NEW STRAITS TIMES

New unity committee to tackle 10 key issues in Malaysia

12 February 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the committee comprises various agencies, including the National Security Council, Home Ministry, Communications Ministry, Education Ministry, Youth and Sports Ministry, the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim), and the Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism. Pic by NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

KUALA LUMPUR: The newly formed Unity Issues Management Committee has identified 10 unity-related issues in the country, the Dewan Rakyat heard today.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the committee comprises various agencies, including the National Security Council, Home Ministry, Communications Ministry, Education Ministry, Youth and Sports Ministry, the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim), and the Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism.

"The committee held its first meeting this year, during which various sensitive issues were identified, and recommendations were made for short, mid, and long-term solutions. So far, 10 new emerging issues have been discussed for resolution," he said in reply to a supplementary question from Dr Halimah Ali (PN-Kapar).

Aaron, however, did not divulge details on the issues.

Earlier, he said the ministry does not have specific guidelines for government departments and agencies regarding activities involving religious elements.

However, it has adopted a programme-based approach to bridge social gaps among Malaysians while celebrating cultural diversity, traditions, festivals, and heritage.

He added that programme implementations and initiatives are guided by three key objectives outlined in the National Unity Policy: strengthening unity and national integration based on the Federal Constitution and Rukun Negara; fostering a national identity with a strong sense of self, patriotism, care, tolerance, mutual respect, and responsibility; and developing a Malaysian society that values and practises unity.

"For 2025, the National Unity Ministry has adopted the concept of 'nationhood' and the theme 'Harmony in Diversity' as its main focus. This year's direction is planned through the implementation of four key initiatives: unity ecosystem, Harmoni Madani initiative, Eksplorasi Rukun Negara, and socio-cultural community."

He said Harmoni Madani was introduced to enhance understanding of religious, cultural, and traditional diversity while strengthening unity and harmony.

Among the programmes to be implemented under this initiative are the World Harmony Day celebration, International Day for Tolerance celebration, Harmony Dialogue, Harmony Parade, Sounds of Harmony, Unity on Wheels, festive advertisements, harmony documentary, and the establishment of the ministry-level unity issues management committee.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

Kementerian Perpaduan fokus program rapatkan jurang sosial rakyat

12 Februari 2025



KUALA LUMPUR – Kementerian Perpaduan Negara mengambil pendekatan melalui pelaksanaan beberapa program bagi merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia sekaligus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, segala pelaksanaan program dan inisiatif adalah berdasarkan tiga objektif yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara iaitu mengukuhkan perpaduan serta integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Bagaimanapun katanya, buat masa ini kementerian itu belum mempunyai sebarang garis panduan untuk jabatan dan agensi Kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan.

"Program yang dilaksanakan turut mempunyai objektif untuk membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab.

"Selain itu, melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Dr. Halimah Ali (PN-Kapar) berkenaan garis panduan untuk jabatan dan agensi Kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan dan boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

Dalam pada itu, beliau berkata, bagi tahun 2025 Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat konsep 'Negara Bangsa' dan tema 'Harmoni Dalam Kepelbagaian' sebagai fokus utama. – KOSMO! ONLINE

astro AWANI

Kerajaan komited perkukuh perpaduan kaum melalui pelbagai program - Aaron

12 Februarl 2025



Bagi tahun 2025, Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat konsep negara bangsa dan tema harmoni dalam kepelbagaian sebagai fokus utama. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara tidak menyediakan sebarang garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan.

Namun, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kementerian telah mengambil pendekatan melalui pelaksanaan program (programme based) untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia sekali gus meraikan kepelbagaian budaya, adat, perayaan dan warisan.

Bagi tahun 2025, beliau berkata, Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat konsep negara bangsa dan tema harmoni dalam kepelbagaian sebagai fokus utama.
"Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya.

"Inisiatif Harmoni MADANI diperkenalkan bagi meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam sekaligus memperkukuhkan hubungan kebersamaan dan keharmonian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Kapar, Dr Halimah Ali, yang mahu mengetahui sekiranya kementerian mempunyai garis panduan untuk jabatan dan agensi mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan.

Katanya lagi, sekiranya isu itu tidak diurus dengan baik, ia boleh mencetuskan ketegangan antara kaum kerana Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian.

Dalam pada itu Aaron berkata, Malaysia mempunyai masyarakat yang menganut pelbagai agama dan kepercayaan.

Keunikan ini, jelas beliau lagi, sekiranya dijaga dengan betul, boleh menjadi kekuatan yang membentuk identiti negara.

"Faham, Hormat, Terima" adalah nilai yang perlu diterapkan dalam setiap lapisan masyarakat, bagi memastikan negara kita terus menjadi contoh kepada dunia tentang bagaimana kepelbagaian agama dan budaya boleh digabungkan untuk mencipta satu negara yang benar-benar harmoni, katanya.

Daily Express
Your local voice since 1963

No guidelines on religious elements in govt dept activities, says Aaron

12 February 2025



The National Unity Minister said that the ministry has adopted a programme-based approach to fostering unity. — Bernama pic

Kuala Lumpur: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang today said there are no specific guidelines for government departments and agencies regarding activities involving religious elements.

However, he noted that the ministry has adopted a programme-based approach to fostering unity.

"At present, the Ministry of National Unity does not have any guidelines for government departments and agencies regarding activities that involve religious elements.

"However, the ministry has adopted an approach through the implementation of programme-based initiatives to bridge social gaps among Malaysians while also celebrating the diversity of cultures, traditions, festivals, and heritage," he said during Minister's Question Time in the Dewan Rakyat.

He was responding to Kapar MP Dr Halimah Ali, who asked whether the ministry had guidelines to address religious elements in government activities that could potentially cause interethnic tension.

Aaron said all programmes and initiatives are guided by the three objectives outlined in the National Unity Policy: strengthening unity and national integration based on the Federal Constitution and the Rukun Negara; shaping a national identity with resilience, patriotism, empathy, tolerance, mutual respect, and responsibility; and fostering a society that values and practises unity.

"'Understand, respect, accept' are values that must be instilled in every layer of society to ensure our country remains a global model of how religious and cultural diversity can coexist harmoniously," he said.

The Malaysian Reserve
JOIN THE REAL CONVERSATION

No guidelines on religious activities for govt departments, agencies

12 February 2025



THE Ministry of National Unity has not issued any guidelines for government departments and agencies regarding activities with religious elements.

Minister Datuk Aaron Ago Dagang (picture) said the government focuses on programmes that unite communities while celebrating Malaysia's diverse culture, traditions and heritage. These efforts support the National Unity Policy, which promotes unity, national identity and mutual respect.

"All programmes and initiatives are carried out based on the three objectives outlined in the National Unity Policy, namely strengthening unity and national integration in line with the Federal Constitution and the Rukun Negara; fostering a national identity rooted patriotism, compassion, tolerance, mutual respect and responsibility; and practicing unity," he told Dewan Rakyat today.

Aaron was responding to a question from Dr Halimah Ali (Perikatan Nasional-Kapar) regarding potential racial tensions from religious activities.

He said the government adheres to four key unity efforts —- the Unity Ecosystem, Harmoni Madani Initiative, Rukun Negara Exploration and Socio-Cultural Community. "The Harmoni Madani Initiative was introduced to enhance understanding of religious, cultural and traditional diversity, thereby strengthening unity and harmony.

"Fundamentally, Malaysia is a country rich in diversity. We have a society that practices various religions and beliefs. This uniqueness, if properly maintained, can be a strength in shaping our national identity," he added.

Aaron also noted that a newly formed Unity Committee, involving agencies like the National Security Council, Royal Malaysia Police and several ministries, is monitoring sensitive issues and has discussed over 10 concerns with both short- and long-term solutions. — TMR

BERNAMA

National Unity Ministry Implements Programmes To Bridge Divides, Embrace Diversity

12 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 12 (Bernama) -- The National Unity Ministry has adopted a programme-based approach to bridge social gaps among Malaysians while embracing the nation's diverse culture, traditions, festivals and heritage.

Minister Datuk Aaron Ago Dagang said all programmes implemented are guided by three objectives outlined in the National Unity Policy.

These objectives include strengthening unity and national integration based on the Federal Constitution and Rukun Negara, fostering a national identity rooted in patriotism, empathy, tolerance, mutual respect and responsibility, as well as cultivating a society that values and practises unity.

"For 2025, the ministry has adopted the Negara Bangsa (Nation-State) concept and the theme of Harmony in Diversity as its main focus. This year's direction is driven by four key initiatives, namely Unity Ecosystem, MADANI Harmony Initiative, Rukun Negara Exploration and Socio-Cultural Community," he said during the question-and-answer session in the Dewan Rakyat today.

He was responding to a question from Dr Halimah Ali (PN-Kapar) on whether the ministry has guidelines for government departments and agencies regarding activities with religious elements that could potentially spark racial tensions.

Elaborating, Aaron said the MADANI Harmony Initiative was introduced to enhance understanding of Malaysia's diverse religions, cultures and traditions, thereby strengthening unity and harmony among its people.

Among the programmes under this initiative are the International Day for Tolerance, Harmony Dialogue, Harmony Parade, Sounds of Harmony, Unity on Wheels and festive advertisements.

In addition, the ministry has established the Unity Issues Management Committee (JPIP) this year, chaired by its secretary-general Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad to address all unity-related issues in the country.

He added that the JPIP comprises representatives from several ministries and agencies, including the Communications Ministry, Home Ministry, Education Ministry, police, the National Security Council and the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim).

"This committee has held its first meeting, reviewed all sensitive issues that have emerged since early this year, and proposed short-, medium- and long-term solutions.

"There were more than 10 issues discussed, with recommendations put forward for resolutions," he said in response to Halimah's supplementary question on the effectiveness of JPIP.

Meanwhile, Aaron said the ministry has no specific guidelines for government departments and agencies regarding activities with religious elements. – BERNAMA

malaysiakini
news and views that matter

KPN laksana program rapatkan jurang sosial, raikan kepelbagaian

12 Februari 2025



PARLIMEN I Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mengambil pendekatan melalui pelaksanaan program berasaskan tema untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia, sekali gus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan.

Menteri berkenaan Datuk Aaron Ago Dagang berkata segala program yang dilaksanakan adalah berdasarkan tiga objektif digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara.

Beliau berkata objektif tersebut merangkumi pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional yang berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, pembentukan identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati, dan bertanggungjawab serta melahirkan rakyat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

"Bagi 2025, KPN telah mengangkat konsep Negara Bangsa dan tema 'Harmoni dalam Kepelbagaian' sebagai fokus utama. Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni Madani, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Dr Halimah Ali (PN-Kapar) mengenai garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan berkaitan aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan yang boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

Mengulas lanjut, Aaron berkata inisiatif Harmoni Madani diperkenalkan bagi meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam sekali gus memperkukuhkan hubungan kebersamaan dan keharmonian.

Antara program yang dilaksanakan di bawah inisiatif itu ialah Sambutan Keharmonian Sedunia, Sambutan Hari Toleransi Sedunia, Dialog Harmoni, Perarakan Harmoni, Sounds of Harmony, Unity on Wheels dan iklan perayaan.

Selain itu, beliau berkata kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) pada tahun ini yang dipengerusikan Ketua Setiausaha KPN Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad bagi meneliti kesemua isu perpaduan di negara ini.

Menurut Aaron, JPIP turut melibatkan beberapa kementerian dan agensi seperti Kementerian Komunikasi, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Polis Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat pertama tahun ini dan telah melihat kesemua isu-isu sensitif dari awal tahun ini dan mereka cadangkan penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang.

"Ada lebih 10 isu yang timbul baru-baru ini yang telah dibincangkan dan diberikan cadangan untuk diselesaikan," katanya menjawab soalan tambahan Halimah mengenai sejauh mana keberkesanan fungsi JPIP.

Sementara itu, Aaron menegaskan bahawa KPN tidak mempunyai sebarang garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan. - Bernama

TheStar

Measures being rolled out to deal with sensitive racial, religious issues, National Unity Minister tells Parliament

12 February 2025

KUALA LUMPUR: Several measures will be taken to strengthen racial and religious understanding after a committee identified over 10 sensitive issues that must be addressed, says Datuk Seri Aaron Ago Dagang.

The National Unity Minister said his ministry's Unity Issues Management Committee (Jpip) had conducted its first meeting this year to review all sensitive issues from the beginning of the year until now.

"The committee had given its proposals to all of the issues and proposed short, mid and long-term solutions for them.

"I think that there are over 10 issues that have arisen recently, and this has been discussed and the measures on how to address them," he said in reply to a supplementary question from Dr Halimah Ali (PN-Kapar) during Question Time.

Dr Halimah had asked the ministry to state the effectiveness of the Jpip in managing race relations issues following a series of controversies including the "ham and cheese" sandwich issue sold at a concept store.

Ago said that under the Madani Harmony Initiative, several measures have been introduced to enhance understanding of religious, cultural, and traditional diversity while strengthening solidarity and harmony.

They include World Harmony Day Celebration, International Tolerance Day Celebration, harmony dialogues, harmony parade, Sounds of Harmony Unity on Wheels, and festive advertisements, he said.

"Malaysia is a nation rich in diversity, with a society that embraces various religions and beliefs.

"If nurtured properly, this uniqueness can serve as a powerful foundation in shaping our national identity," he added.

Ago also noted that there are no specific guidelines for government departments and agencies regarding activities that involve religious elements.

His ministry has adopted a programme-based approach to bridge social gaps among Malaysians while celebrating cultural diversity, traditions, festivals, and heritage, he said.

He explained that the implementation of programmes and initiatives are guided by three key objectives as outlined under the National Unity Policy, which is strengthening unity and national integration based on the Federal Constitution and the Rukun Negara, shaping a national identity rooted in patriotism, compassion, tolerance, mutual respect, and responsibility.

And also to cultivate Malaysians to appreciate and actively uphold unity.

www.tvsarawak.my

Dewan Rakyat: Konsep Negara Bangsa jadi fokus utama KPN bagi tahun 2025

12 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 12 Feb: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) memperkenalkan pendekatan baharu bagi tahun 2025 dengan mengangkat konsep Negara Bangsa bertemakan harmoni dalam kepelbagaian sebagai fokus utama dalam usaha merapatkan jurang sosial serta memperkukuhkan perpaduan rakyat Malaysia.

Menterinya, Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata, hala tuju pada tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya.

"Segala pelaksanaan program dan inisiatif adalah berdasarkan tiga objektif yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara iaitu; mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

"Selain itu, membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab; serta melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Dr Halimah Ali (Perikatan Nasional – Kapar) berhubung garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan dan boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

Sehubungan itu, jelas Aaron, KPN buat masa ini tidak mempunyai sebarang garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan, namun pihaknya telah mengambil pendekatan melalui pelaksanaan program untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat di negara ini.

Sementara itu, menjawab soalan Datuk Willie Mongin (Gabungan Parti Sarawak – Puncak Borneo) berhubung hasrat kementerian untuk menubuhkan kelab-kelab perpaduan di peringkat akar umbi, Aaron berkata, terdapat banyak kelab berkenaan di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti.

"Kita ada hampir di semua peringkat sekolah rendah, menengah dan di peringkat universiti pula, kita ada Sekretariat Rukun Negara yang amat aktif membawa pelbagai aktiviti seperti debat, dialog dan sebagainya.

"Di peringkat kementerian sendiri, kita ada Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), satu pertubuhan yang amat aktif dalam membawa program-program seperti program integrasi ke Sabah, Sarawak dan sehingga ke Vietnam, selain daripada di Semenanjung ini," ujarnya.

Jelasnya, semua kegiatan yang dijalankan oleh kelab-kelab ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman di peringkat akar umbi, bermula dari lapisan masyarakat yang paling rendah hingga ke peringkat yang lebih tinggi. – TVS

BH ONLINE

10 isu berkait perpaduan perlu penyelesaian

13 Februari 2025



Khamis, 13 Februari 2025 BH

10 isu berkait perpaduan perlu penyelesaian

Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan yang baru ditubuhkan awal tahun ini sudah mengenal pasti kira-kira 10 isu berkaitan perpaduan yang memerlukan penyelesaian jangka pendek dan panjang.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata biarpun baru ditubuhkan, jawatankuasa itu yang dianggotai pelbagai agensi giat merangka jalan terbaik bagi mengelak isu perpaduan yang tercetus, berupaya menggugat keharmonian negara.

"Jawatankuasa sudah menjalankan mesyuarat pertama mereka. Selain Kementerian Perpaduan Negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga ada didalamnya.

"Selain itu, jawatankuasa dianggotai wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Komunikasi, Kementerian Pendidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism (SEARCCT).

"Mereka sudah melihat beberapa isu sensitif sejak awal tahun ini. Pelbagai isu mereka sudah kenal pasti dan cadang supaya setiap isu dikaji penyelesaian jangka pendek. Setakat ini 10 isu baru yang timbul sudah pun dibincangkan untuk diselesaikan," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Dr Hajah Halimah Ali (PN-Kapar) mengenai keanggotaan jawatankuasa itu pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Sinar Harian

Tiada garis panduan aktiviti keagamaan untuk jabatan kerajaan

13 Februari 2025



Tiada garis panduan aktiviti keagamaan untuk jabatan kerajaan

KUALA LUMPUR - Kementerian Perpaduan Negara buat masa ini tidak mempunyai sebarang garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan.

AARON

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang bagaimanapun berkata, beberapa pendekatan diambil antaranya melalui pelaksanaan program untuk merapatkan jurang sosial antara rakyat Malaysia, sekali gus meraikan kepelbagaian budaya, adat resam, perayaan dan warisan.

"Segala pelaksanaan program dan inisiatif adalah berdasarkan tiga objektif yang digariskan dalam Dasar Perpaduan Negara iaitu mengukuhkan perpaduan, membentuk identiti nasional dan melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

"Bagi tahun 2025 Kementerian Perpaduan Negara telah mengangkat konsep Negara Bangsa dan tema Harmoni dalam Kepelbagaian sebagai fokus utama. Hala tuju tahun ini direncanakan melalui pelaksanaan empat ikhtiar utama iaitu Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni Madani, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Dr Halimah Ali (PN-Kapar)** sama ada Kementerian Perpaduan Negara mempunyai garis panduan untuk jabatan dan agensi kerajaan mengenai aktiviti yang melibatkan unsur keagamaan dan boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

Aaron berkata, keunikan yang dimiliki Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian kaum dan agama boleh menjadi kekuatan untuk membentuk identiti negara sekiranya dijaga dengan baik.

"Kita mempunyai masyarakat yang menganut pelbagai agama dan kepercayaan. Keunikan ini, sekiranya dijaga dengan betul, boleh menjadi kekuatan yang membentuk identiti negara kita," jawab beliau.

Kementerian Perpaduan Terbuka Bantu Selaras Isu Berkaitan Penganut Agama

BERNAMA 13 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Menteri Perpaduan Aaron Aro Dagang berkata pihaknya sentiasa terbuka untuk membantumenyelaraskan isu-isu berkaitan penganut agama supaya keharmonian negara terus terjamin dan terpelihara.

Menerusi ciapan di laman X hari ini beliau berkata Kementerian Perpaduan juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama antaranya menerusi penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI).

"Antara usaha diambil ialah penubuhan tiga biro di bawah HARMONI iaitu Biro Pengurusan Program dan Promosi, Biro Pendidikan dan Penerangan dan Biro Pengurusan Isu Agama dan Mediasi.

"Di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional terdapat Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA)," katanya.

Selain itu katanya kementerian juga telah melancarkan Inisiatif Harmoni MADANI pada April 2024 menerusi pelbagai program seperti Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, Dialog Harmoni, Jejak Harmoni, Podcast Bicara Harmonidan Wacana Harmoni.

Menurut Aaron antara libat urus yang pernah diadakan tahun lepas termasuk Sinergi Advokasi Pemakanan Kanak-Kanak Dengan Memperkasakan Peranan Rumah Ibadat Dalam Menyampaikan Mesej Dan Maklumat Berkaitan Masalah Beban Berganda Malpemakanan.

Kementerian Perpaduan turut mengadakan Sesi Libat Urus Berkaitan Isu Kuil Di Tapak Hospital Kuala Lumpur dan Sesi Libat Urus Isu Penempatan Kader Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di Agensi-Agensi Kerajaan, katanya.
-- BERNAMA

Unity Ministry Committed To Strengthening Interfaith Harmony, Says Aaron

BERNAMA 13 Februari 2025



KUALA LUMPUR, Feb 13 (Bernama) -- The Ministry of National Unity is committed to strengthening interfaith harmony and is always open to assisting in coordinating religious-related issues toensure and preserve the nation's harmony, said its Minister Aaron Aro Dagang .

In a post on X today, he said the ministry has undertaken various efforts to enhance interfaith harmony, including establishing the Interfaith Harmony Committee (HARMONI).

"Among the initiatives under HARMONI are the formation of three bureaus: the Bureau of Programme Management and Promotion, the Bureau of Education and Information, and the Bureau of Religious Issues Management and Mediation.

"There is also the Interfaith Harmony Division (BKAPA) under the Department of National Unity and National Integration," he said.

Aaron added that the ministry launched the Harmoni MADANI Initiative in April 2024 through various programmes such as World Interfaith Harmony Week celebrations, Harmony Dialogues, Harmony Trails, Harmony Talks Podcast, and Harmony Discourse.

Among the engagement sessions held in 2024 was the Children's Nutrition Advocacy Synergy, which aimed to empower places of worship in delivering messages and information regarding the double burden of malnutrition.

The Ministry of National Unity also conducted engagement sessions on issues such as temples on the Kuala Lumpur Hospital site and the placement of Islamic Development Department Malaysia (Jakim) officers in government agencies.
-- BERNAMA

FMT

Kementerian Perpaduan terbuka bantu selaras isu harmoni agama

13 Februarl 2025

Antara usaha telah dilaksana untuk pertingkat keharmonian termasuk penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama, kata Aaron Ago Dagang.



KUALA LUMPUR: Menteri Perpaduan Aaron Aro Dagang berkata, pihaknya sentiasa terbuka membantu menyelaraskan isu-isu berkaitan penganut agama supaya keharmonian negara terus terjamin dan terpelihara.

Menerusi ciapan di laman X hari ini, beliau berkata, Kementerian Perpaduan juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan keharmonian antara penganut agama, antaranya menerusi penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (Harmoni).

"Antara usaha diambil ialah penubuhan tiga biro bawah Harmoni, iaitu Biro Pengurusan Program dan Promosi, Biro Pendidikan dan Penerangan dan Biro Pengurusan Isu Agama dan Mediasi.

"Bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, terdapat Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama," katanya.

Selain itu, katanya, kementerian juga melancarkan Inisiatif Harmoni Madani pada April 2024 menerusi pelbagai program, seperti Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, Dialog Harmoni, Jejak Harmoni, Podcast Bicara Harmoni dan Wacana Harmoni.

Menurut Aaron, antara libat urus yang pernah diadakan tahun lepas, termasuk Sinergi Advokasi Pemakanan Kanak-Kanak Dengan Memperkasakan Peranan Rumah Ibadat Dalam Menyampaikan Mesej Dan Maklumat Berkaitan Masalah Beban Berganda Malpemakanan.

Kementerian Perpaduan turut mengadakan Sesi Libat Urus Berkaitan Isu Kuil Di Tapak Hospital Kuala Lumpur dan Sesi Libat Urus Isu Penempatan Kader Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di Agensi-Agensi Kerajaan, katanya.

malaysiakini
news and views that matter

Kementerian Perpaduan sedia bantu selaras isu penganut agama

13 Februari 2025



Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang berkata pihaknya sentiasa terbuka untuk membantu menyelaraskan isu-isu berkaitan penganut agama supaya keharmonian negara terus terjamin dan terpelihara.

Menerusi ciapan di laman X hari ini beliau berkata Kementerian Perpaduan juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama antaranya menerusi penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (Harmoni).

"Antara usaha diambil ialah penubuhan tiga biro di bawah Harmonu iaitu Biro Pengurusan Program dan Promosi, Biro Pendidikan dan Penerangan dan Biro Pengurusan Isu Agama dan Mediasi.

"Di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional terdapat Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA)," katanya.

Selain itu katanya kementerian juga telah melancarkan Inisiatif Harmoni Madani pada April 2024 menerusi pelbagai program seperti Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, Dialog Harmoni, Jejak Harmoni, Podcast Bicara Harmoni dan Wacana Harmoni.

Menurut Aaron antara libat urus yang pernah diadakan tahun lepas termasuk Sinergi Advokasi Pemakanan Kanak-Kanak Dengan Memperkasakan Peranan Rumah Ibadat Dalam Menyampaikan Mesej Dan Maklumat Berkaitan Masalah Beban Berganda Malpemakanan.

Kementerian Perpaduan turut mengadakan Sesi Libat Urus Berkaitan Isu Kuil Di Tapak Hospital Kuala Lumpur dan Sesi Libat Urus Isu Penempatan Kader Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di Agensi-Agensi Kerajaan, katanya.
- Bernama

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Unity Ministry committed to strengthening interfaith harmony, says Aaron

13 February 2025



In a post on X today, Arron said the ministry has undertaken various efforts to enhance interfaith harmony, including establishing the Interfaith Harmony Committee. — Photo by Roystein Emmor

KUALA LUMPUR (Feb 13): The Ministry of National Unity is committed to strengthening interfaith harmony and is always open to assisting in coordinating religious-related issues to ensure and preserve the nation's harmony, said its Minister Aaron Aro Dagang.

In a post on X today, he said the ministry has undertaken various efforts to enhance interfaith harmony, including establishing the Interfaith Harmony Committee (HARMONI).

"Among the initiatives under HARMONI are the formation of three bureaus: the Bureau of Programme Management and Promotion, the Bureau of Education and Information, and the Bureau of Religious Issues Management and Mediation.

"There is also the Interfaith Harmony Division (BKAPA) under the Department of National Unity and National Integration," he said.

Aaron added that the ministry launched the Harmoni Madani Initiative in April 2024 through various programmes such as World Interfaith Harmony Week celebrations, Harmony Dialogues, Harmony Trails, Harmony Talks Podcast, and Harmony Discourse.

Among the engagement sessions held in 2024 was the Children's Nutrition Advocacy Synergy, which aimed to empower places of worship in delivering messages and information regarding the double burden of malnutrition.

The Ministry of National Unity also conducted engagement sessions on issues such as temples on the Kuala Lumpur Hospital site and the placement of Islamic Development Department Malaysia (Jakim) officers in government agencies. – Bernama

TheStar

Unity Ministry committed to strengthening interfaith harmony, says Aaron

13 February 2025

KUALA LUMPUR: The National Unity Ministry is committed to strengthening interfaith harmony and is always open to assisting in coordinating religious-related issues to ensure and preserve the nation's harmony, said its Minister Aaron Aro Dagang.

In a post on X Thursday (Feb 13), he said the ministry has undertaken various efforts to enhance interfaith harmony, including establishing the Interfaith Harmony Committee (Harmoni).

"Among the initiatives under Harmoni are the formation of three bureaus: the Bureau of Programme Management and Promotion, the Bureau of Education and Information, and the Bureau of Religious Issues Management and Mediation.

"There is also the Interfaith Harmony Division (BKAPA) under the Department of National Unity and National Integration," he said.

Aaron added that the ministry launched the Harmoni Madani Initiative in April 2024 through various programmes such as World Interfaith Harmony Week celebrations, Harmony Dialogues, Harmony Trails, Harmony Talks Podcast, and Harmony Discourse.

Among the engagement sessions held in 2024 was the Children's Nutrition Advocacy Synergy, which aimed to empower places of worship to deliver messages and information regarding the double burden of malnutrition.

The National Unity Ministry also conducted engagement sessions on issues such as temples on the Kuala Lumpur Hospital site and the placement of Islamic Development Department Malaysia (Jakim) officers in government agencies. – Bernama

astro AWANI

Kementerian Perpaduan terbuka bantu selaras isu berkaitan penganut agama

13 Februarl 2025



Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang berkata pihaknya sentiasa terbuka untuk membantu menyelaraskan isu-isu berkaitan penganut agama supaya keharmonian negara terus terjamin dan terpelihara. - Gambar fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang berkata pihaknya sentiasa terbuka untuk membantu menyelaraskan isu-isu berkaitan penganut agama supaya keharmonian negara terus terjamin dan terpelihara.

Menerusi ciapan di laman X hari ini beliau berkata Kementerian Perpaduan juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama antaranya menerusi penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI).

"Antara usaha diambil ialah penubuhan tiga biro di bawah HARMONI iaitu Biro Pengurusan Program dan Promosi, Biro Pendidikan dan Penerangan dan Biro Pengurusan Isu Agama dan Mediasi.

"Di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional terdapat Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA)," katanya.

Selain itu katanya kementerian juga telah melancarkan Inisiatif Harmoni MADANI pada April 2024 menerusi pelbagai program seperti Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, Dialog Harmoni, Jejak Harmoni, Podcast Bicara Harmoni dan Wacana Harmoni.

Menurut Aaron antara libat urus yang pernah diadakan tahun lepas termasuk Sinergi Advokasi Pemakanan Kanak-Kanak Dengan Memperkasakan Peranan Rumah Ibadat Dalam Menyampaikan Mesej Dan Maklumat Berkaitan Masalah Beban Berganda Malpemakanan.

Kementerian Perpaduan turut mengadakan Sesi Libat Urus Berkaitan Isu Kuil Di Tapak Hospital Kuala Lumpur dan Sesi Libat Urus Isu Penempatan Kader Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di Agensi-Agensi Kerajaan, katanya.
-- BERNAMA

Sinar Harian

Kementerian Perpaduan terbuka bantu selaras isu berkaitan penganut agama

13 Februari 2025



KUALA LUMPUR - Menteri Perpaduan, Aaron Aro Dagang berkata, pihaknya sentiasa terbuka untuk membantu menyelaraskan isu-isu berkaitan penganut agama supaya keharmonian negara terus terjamin dan terpelihara.

Menerusi ciapan di laman X hari ini beliau berkata, Kementerian Perpaduan juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama antaranya menerusi penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI).

"Antara usaha diambil ialah penubuhan tiga biro di bawah HARMONI iaitu Biro Pengurusan Program dan Promosi, Biro Pendidikan dan Penerangan dan Biro Pengurusan Isu Agama dan Mediasi.

"Di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional terdapat Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA)," katanya.

Selain itu katanya, kementerian juga telah melancarkan Inisiatif Harmoni Madani pada April 2024 menerusi pelbagai program seperti Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, Dialog Harmoni, Jejak Harmoni, Podcast Bicara Harmoni dan Wacana Harmoni.

Menurut Aaron, antara libat urus yang pernah diadakan tahun lepas termasuk Sinergi Advokasi Pemakanan Kanak-Kanak Dengan Memperkasakan Peranan Rumah Ibadat Dalam Menyampaikan Mesej Dan Maklumat Berkaitan Masalah Beban Berganda Malpemakanan.

Kementerian Perpaduan turut mengadakan Sesi Libat Urus Berkaitan Isu Kuil Di Tapak Hospital Kuala Lumpur dan Sesi Libat Urus Isu Penempatan Kader Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di Agensi-Agensi Kerajaan, katanya. – Bernama

Malaysia Tribune

Kementerian Perpaduan komited perkukuh keharmonian antara agama

13 Februari 2025



KUALA LUMPUR – Kementerian Perpaduan Negara terus memberi fokus terhadap usaha memperkukuh keharmonian antara penganut agama menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan kestabilan dan perpaduan negara terus terjamin.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, antara usaha utama yang telah diambil ialah penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang dianggotai oleh wakil pemimpin agama bagi membincangkan isu-isu berkaitan perpaduan secara menyeluruh.

"Kementerian juga telah melancarkan Inisiatif Harmoni MADANI pada April 2024 yang merangkumi pelbagai program bagi memupuk kesefahaman dan memperkukuh hubungan antara penganut pelbagai agama," katanya dalam satu hantaran di laman X semalam.

Antara program yang dilaksanakan ialah Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, Dialog Harmoni, Jejak Harmoni, Podcast Bicara Harmoni, Dokumentari Jejak Harmoni, Wacana Harmoni dan Sambutan Hari Toleransi Sedunia.

Menurut beliau, kementerian turut mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan bagi menangani pelbagai isu sensitif berkaitan agama.

"Antara sesi yang pernah diadakan ialah Sinergi Advokasi Pemakanan Kanak-Kanak yang memperkasakan peranan rumah ibadat dalam menyampaikan mesej mengenai masalah pemakanan, selain perbincangan mengenai isu kuil di tapak Hospital Kuala Lumpur dan penempatan kader JAKIM di agensi-agensi kerajaan," katanya lagi.



Dalam memastikan setiap inisiatif itu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, kementerian turut menubuhkan tiga biro khas di bawah JK HARMONI, iaitu Biro Pengurusan Program dan Promosi, Biro Pendidikan dan Penerangan serta Biro Pengurusan Isu Agama dan Mediasi.

Selain itu, Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA) di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional turut memainkan peranan penting dalam menyelaras usaha perpaduan di seluruh negara.

Aaron turut berkata, kementerian sentiasa bersedia untuk menyelaraskan isu-isu berkaitan penganut agama di negara ini agar keharmonian rakyat terus dipelihara.

Beliau turut menekankan kepentingan sikap saling memahami, menghormati dan menerima perbezaan sebagai kunci utama dalam mengekalkan perpaduan di Malaysia.

Kereta Berhias Pelbagai Kaum Serikan Program Perarakan Harmoni 2025

BERNAMA

13 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Kereta berhias yang menampilkan keunikan budaya pelbagai kaum bakal menjadi tarikan utama pada Program Perarakan Harmoni 2025 yang akan berlangsung di Dataran Merdeka pada 15 dan 16 Feb ini bermula 9 malam.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam kenyataan hari ini memaklumkan program itu akan melibatkan perarakan kereta berhias diiringi 600 peserta terdiri daripada 10 kumpulan kaum seperti Melayu, India, Cina, Sabah, Sarawak, Orang Asli, Baba &Nyonya, Siam, Chetti dan Jawa.

KPN menyatakan peserta akan membuat persembahan kebudayaan dan memainkan alat muzik sepanjang perarakan yang akan bergerak sejauh 1.6 kilometer bermula dari Dataran Merdeka melalui Jalan Raja, Jalan Tunku Abdul Rahman seterusnya kembali ke Dataran Merdeka.

"Kementerian Perpaduan Negara ingin menjemput orang ramai turut hadir bagi sama-sama memeriahkan Perarakan Harmoni dan melihat sendiri keunikan kereta berhias yang akan dipamerkan dan menikmati alunan muzik, tarian serta persembahan daripada pelbagai kaum di Malaysia," katanya.

Perarakan berkenaan merupakan program baharu diperkenalkan KPN untuk memperkukuh perpaduan dan keharmonian dengan menonjolkan kepelbagaian etnik, keunikan budaya serta kekayaan warisan masyarakat di Malaysia.

Ia juga sebahagian daripada pengisian sempena Sambutan HariWilayah Persekutuan Tahun 2025 dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia yang kini dijenamakan sebagai Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Harmoni 2025.

Sementara itu, menteri berkenaan Datuk Aaron Ago Dagang dalam kenyataan sama berkata program itu dapat menjadi platform perpaduan masyarakat.

"Perpaduan dan kesatuan masyarakat adalah matlamat utama Kerajaan MADANI, maka dengan pelaksanaan program-program seperti ini dapat membuka ruang kepada masyarakat untuk mengenali kepelbagaian agama dan budaya di antara masyarakat, seterusnya membentuk masyarakat yang bersatu padu serta mengamalkan konsep Faham, Hormat danTerima," katanya. – BERNAMA

Decorated Floats Main Attraction At Harmony Parade

BERNAMA

13 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 13 (Bernama) -- Decorated floats highlighting the unique cultures of the country's diverse ethnicities will be the main attraction at the 2025 Harmony Parade at Dataran Merdeka on Feb 15 and 16.

The Ministry of National Unity, in a statement today, said the celebration would begin at 9 pm involving 600 participants from 10ethnic groups, namely Malays, Indians, Chinese, Sabahans, Sarawakians, Orang Asli, Baba and Nyonya, Siamese, Chetties, and Javanese.

It said the participants would perform cultural performances and play musical instruments throughout the 1.6-kilometre parade from Dataran Merdeka, passing through Jalan Raja and Jalan Tunku Abdul Rahman, ending the procession at Dataran Merdeka.

Harmony Parade is a new initiative by the ministry to strengthen unity and harmony by showcasing the diversity, uniqueness, and rich heritage of Malaysian communities.

It is also part of the 2025 Federal Territory Day and World Interfaith Harmony Week, now rebranded as the Federal Territory Harmony Day celebrations.

Meanwhile, its minister, Datuk Aaron Ago Dagang, said in the same statement that the programme could serve as a platform for fostering unity.

"Unity and social cohesion are the main objectives of the MADANI Government. Therefore, the implementation of such programmes can provide opportunities for the community to recognise the diversity in religions and cultures, leading to the shaping of a united society that practices the concepts of Understand, Respect, and Accept," he added. – BERNAMA

Utusan Borneo Online

Program Perarakan Harmoni 2025 KPN pada 15-16 Februari

13 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan menganjurkan Program Perarakan Harmoni 2025 pada 15 dan 16 Februari 2025, bermula jam 9 malam di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Acara ini merupakan sebahagian daripada sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2025 dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, yang kini dijenamakan semula sebagai Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Harmoni 2025.

Perarakan Harmoni 2025 adalah program baharu yang diperkenalkan oleh KPN bagi memperkukuh perpaduan dan keharmonian dengan mempamerkan kepelbagaian etnik, keunikan budaya dan warisan kaya Malaysia.

Perarakan ini akan menampilkan perarakan kereta berhias yang disertai oleh 600 peserta mewakili 10 kumpulan etnik, termasuk Melayu, India, Cina, Sabah, Sarawak, Orang Asli, Baba & Nyonya, Siam, Chetti dan Jawa.

Sepanjang perarakan, para peserta akan mempersembahkan tarian kebudayaan serta memainkan alat muzik tradisional, menghidupkan semangat masyarakat majmuk Malaysia.

Perarakan yang meliputi laluan sejauh 1.6 kilometer, akan bermula di Dataran Merdeka, melalui Jalan Raja dan Jalan Tunku Abdul Rahman, sebelum kembali ke titik permulaan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, menekankan kepentingan memupuk perpaduan negara melalui inisiatif seperti ini.

"Perpaduan dan keharmonian sosial adalah keutamaan utama Kerajaan MADANI. Program seperti ini menyediakan platform kepada masyarakat untuk menghargai kepelbagaian agama dan budaya di Malaysia, sekali gus membentuk masyarakat yang berteraskan kefahaman, penghormatan dan penerimaan," katanya.

Kementerian Perpaduan Negara dengan sukacitanya menjemput orang ramai untuk menghadiri Perarakan Harmoni 2025 dan menyaksikan perarakan kereta berhias yang penuh warna-warni, persembahan kebudayaan, muzik dan tarian tradisional.

Acara ini menjanjikan sebuah persembahan yang mengagumkan mengenai warisan budaya Malaysia yang berbilang kaum, serta memupuk penghargaan yang lebih mendalam terhadap perpaduan dalam kepelbagaian.

WILAYAHKU

Perarakan kereta berhias bakal meriahkan Dataran Merdeka

13 Februari 2025



SATU perarakan kereta berhias bakal diadakan di Dataran Merdeka pada Sabtu dan Ahad ini bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2025 dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam kenyataannya hari ini berkata, perarakan tersebut diiringi 600 orang peserta yang terdiri daripada 10 kumpulan kaum termasuk Melayu, India, Cina, Sabah, Sarawak, Orang Asli, Baba & Nyonya, Siam, Chetti dan Jawa.

"Para peserta ini akan membuat persembahan kebudayaan dan memainkan alat muzik sepanjang perarakan dijalankan.

"Perarakan ini akan bergerak sejauh 1.6 kilometer bermula daripada Dataran Merdeka melalui Jalan Raja, Jalan Tunku Abdul Rahman seterusnya kembali ke Dataran Merdeka," katanya ia adalah salah satu intipati aktiviti di bawah Program Perarakan Harmoni 2025.

Sementara itu, Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, Perarakan Harmoni 2025 merupakan program baharu yang diperkenalkan oleh KPN untuk memperkukuh perpaduan dan keharmonian dengan menonjolkan kepelbagaian etnik, keunikan budaya serta kekayaan warisan masyarakat di Malaysia.

"Perpaduan dan kesatuan masyarakat adalah matlamat utama Kerajaan MADANI, maka dengan pelaksanaan program-program seperti ini dapat membuka ruang kepada masyarakat untuk mengenali kepelbagaian agama dan budaya di antara masyarakat seterusnya membentuk masyarakat yang bersatu padu serta mengamalkan konsep Faham, Hormat dan Terima.

"KPN ingin menjemput orang ramai turut hadir bagi sama-sama memeriahkan Perarakan Harmoni dan melihat sendiri keunikan kereta berhias yang akan dipamerkan dan menikmati alunan muzik, tarian serta persembahan daripada pelbagai kaum di Malaysia," katanya.

Program Perarakan Harmoni 2025 akan diadakan pada 15 dan 16 Februari 2025 bermula pukul 9 malam di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. – WILAYAHKU

SELANGOR JOURNAL

Harmony Parade to feature decorated floats highlighting nation's diversity

13 February 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang speaks at the National Colloquial Language Convention: Sustaining Community Language Vitality 2024 in Bangi on November 6, 2024. — Picture via FACEBOOK/AARON AGO DAGANG

KUALA LUMPUR, Feb 13 — Decorated floats highlighting the unique cultures of the country's diverse ethnicities will be the main attraction at the Harmony Parade at Dataran Merdeka on Saturday and Sunday.

The National Unity Ministry in a statement today said the celebration starts at 9pm with 600 participants from 10 ethnic groups — Malay, Indian, Chinese, Sabahan, Sarawakian, Orang Asli, Baba and Nyonya, Siamese, Chetty, and Javanese.

It said participants will put on cultural performances and play musical instruments throughout the 1.6km parade from Dataran Merdeka, through Jalan Raja and Jalan Tunku Abdul Rahman, ending the procession back at Dataran Merdeka.

The Harmony Parade is a new initiative by the ministry to strengthen unity by showcasing the diversity, uniqueness, and rich heritage of Malaysian communities.

It is also part of the Federal Territories Day 2025 and World Interfaith Harmony Week, now rebranded as the Federal Territories Harmony Day celebrations.

Meanwhile, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said in the same statement that the programme serves as a platform for fostering unity.

"Unity and social cohesion are the main objectives of the Madani Government.

Therefore, the implementation of such programmes can provide opportunities for the community to recognise the diversity in religions and cultures, leading to the shaping of a united society that practises the concepts of 'Understand, Respect, and Accept'," he added.
— Bernama

SARAWAK TRIBUNE

Harmony Parade at Dataran Merdeka this weekend

13 February 2025



KUCHING: The Ministry of National Unity (KPN) will organise the Harmony Parade 2025 on February 15 and 16, starting at 9 pm at Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Its minister, Datuk Seri Aaron Ago Dagang, in a statement, said that the programme is part of the activities held in conjunction with the Federal Territories Day 2025 celebration and the World Interfaith Harmony Week celebration, which has now been rebranded as the Federal Territories Harmony Day 2025.

"The Harmony Parade 2025 is a new programme introduced by KPN to strengthen unity and harmony by showcasing the ethnic diversity, cultural uniqueness, and rich heritage of Malaysian society," he said in a statement today (Feb 13).

He added that the programme will feature a parade of decorated floats accompanied by 600 participants from 10 ethnic groups, including Malays, Indians, Chinese, Sabahans, Sarawakians, Orang Asli, Baba & Nyonya, Siamese, Chetti, and Javanese.

"These participants will perform cultural dances and play musical instruments throughout the parade," he added.

The parade will cover a distance of 1.6 kilometres, starting from Dataran Merdeka, passing through Jalan Raja and Jalan Tunku Abdul Rahman, before returning to Dataran Merdeka.

"Unity and solidarity among the people are the primary goals of the MADANI Government.

"The implementation of programmes such as this provides an opportunity for the public to learn about the diversity of religions and cultures within society, fostering a united community that embraces the concept of Understanding, Respect, and Acceptance," he stressed.

KPN invites the public to attend and take part in the Harmony Parade, experiencing the uniqueness of the decorated floats while enjoying the music, dances, and performances from Malaysia's diverse ethnic groups.

Program Perarakan Harmoni 2025 pada 15-16 Feb, tonjol kepelbagaian budaya Malaysia

14 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 14 Feb: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan menganjurkan Program Perarakan Harmoni 2025 pada 15 dan 16 Februari 2025 bermula jam 9.00 malam di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Program ini merupakan sebahagian daripada pengisian sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2025 dan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, yang kini dijenamakan sebagai Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Harmoni 2025.

Menurut Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, program seperti ini membuka ruang kepada masyarakat untuk mengenali kepelbagaian agama serta budaya di negara ini.

"Perpaduan dan kesatuan masyarakat adalah matlamat utama Kerajaan MADANI dan dengan mengamalkan konsep 'Faham, Hormat dan Terima', kita dapat membentuk masyarakat yang bersatu padu," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Aaron berkata, Perarakan Harmoni 2025 merupakan program baharu yang diperkenalkan oleh KPN untuk memperkukuh perpaduan dan keharmonian dengan menonjolkan kepelbagaian etnik, keunikan budaya serta kekayaan warisan masyarakat di Malaysia.

Ujanya, antara aktiviti yang akan diadakan ialah perarakan kereta berhias diiringi 600 orang peserta yang terdiri daripada 10 kumpulan kaum termasuk Melayu, India, Cina, Sabah, Sarawak, Orang Asli, Baba & Nyonya, Siam, Chetti dan Jawa.

"Para peserta juga akan membuat persembahan kebudayaan dan memainkan alat muzik sepanjang perarakan dijalankan.

"Perarakan ini akan bergerak sejauh 1.6 kilometer bermula daripada Dataran Merdeka melalui Jalan Raja, Jalan Tunku Abdul Rahman seterusnya kembali ke Dataran Merdeka," jelasnya lagi.

KPN turut menjemput orang ramai untuk sama-sama hadir dan memeriahkan Perarakan Harmoni serta melihat sendiri keunikan kereta berhias yang akan dipamerkan, selain menikmati alunan muzik, tarian dan persembahan daripada pelbagai kaum di Malaysia. -TVS

Malaysia Tribune

Jangan sensasikan isu agama, hormati kepelbagaian – Aaron Ago Dagang

15 Februari 2025



KUALA LUMPUR – Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang mengingatkan semua pihak agar tidak mensensasikan isu berkaitan agama kerana ia boleh mencetuskan ketegangan dalam masyarakat majmuk.

Beliau berkata, kebebasan bersuara bukan alasan untuk menghina atau merendahkan kepercayaan agama lain, sebaliknya harus digunakan untuk memperkukuh perpaduan.

"Kepelbagaian yang kita miliki tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya perlu dijadikan asas kepada sebuah masyarakat yang inklusif dan saling menghormati," katanya ketika merasmikan Program Jejak Harmoni sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia 2025 di Sentul, hari ini.

Aaron turut mengingatkan masyarakat agar berhati-hati dalam menyebarkan maklumat berkaitan agama di media sosial bagi mengelakkan penyebaran berita palsu atau kenyataan provokatif.

"Perbuatan itu boleh memburukkan keadaan dan menjejaskan keharmonian. Kita harus bersikap matang dalam setiap perbincangan berkaitan agama dan kaum," katanya lagi.

Beliau menasihatkan rakyat supaya lebih bertanggungjawab dan memastikan setiap perkongsian tidak menyinggung mana-mana pihak.

Menurut Aaron, kerajaan komited memperkukuhkan perpaduan rakyat menerusi pelbagai inisiatif yang menggalakkan interaksi dan keharmonian bersama.

"Malaysia akan lebih maju jika rakyat memahami, menghormati dan menerima kepelbagaian yang ada," katanya lagi.

Beliau turut menyeru badan-badan pertubuhan agama untuk terus menyebarkan mesej keharmonian serta nilai-nilai murni demi memastikan keharmonian negara terus terpelihara.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

‘BKAPA ada untuk tangani isu hal ehwal agama bukan Islam’ - Aaron

15 Februarl 2025



KUALA LUMPUR: Semua isu berkaitan dengan hal ehwal agama bukan Islam di negara ini boleh dibawa kepada Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata BKAPA adalah salah satu agensi di bawahnya yang sudah wujud sejak sekian lama.

“Tiada keperluan untuk mewujudkan portfolio menteri yang menjaga hal ehwal agama bukan Islam. Ada pelbagai bahagian di bawah kementerian ini (Kementerian Perpaduan) yang boleh menangani isu hal bukan Islam dan ia turut disertai oleh pelbagai pihak termasuk daripada wakil agama.

“Selain BKAPA, kita turut mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) untuk menangani isu sensitif membabitkan agama dan sebagainya.

“Saya turut mempengerusikan secara bersama dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na’im Mokhtar dalam Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI)

“Sekiranya ada isu berbangkit, kita akan adakan mesyuarat untuk melihat kepada isu berkaitan, akan berbincang dan cadangkan apa tindakan sepatutnya diambil dan terangkan keadaan sebenar kepada masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Program Jejak Harmoni sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, di sini hari ini.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Raub, Chow Yu Hui, mencadangkan supaya portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dipecahkan kepada dua.

Yu Hui (PH-Raub) ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja menyarankan ia dipecahkan kepada portfolio untuk urusan agama Islam dan satu lagi hal ehwal bukan Islam.

Bagaimanapun, cadangan itu menerima pelbagai pertikaian daripada masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dilaporkan berkata, cadangan itu turut dibawa ke Mesyuarat Kabinet namun ia ditolak oleh Jemaah Menteri dan melihatnya sebagai satu pandangan peribadi oleh Ahli Parlimen berkenaan.

Sementara itu, ketika berucap dalam majlis berkenaan, Aaron berkata, sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian, tidak dinafikan perbezaan wujud dalam pelbagai aspek kehidupan.

“Namun, kita harus melihat perbezaan ini sebagai kekuatan dan bukannya kelemahan. Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi asas kepada satu masyarakat yang inklusif dan saling menghormati.

“Justeru, saya mengingatkan semua pihak supaya berhati-hati dalam menyampaikan pandangan mengenai isu agama.

“Kebebasan bersuara bukan alasan untuk menghina atau merendahkan kepercayaan orang lain. Sebaliknya, saya menyeru supaya rakyat menggunakan kebebasan ini untuk membina keharmonian dan perpaduan yang lebih kukuh,” katanya.

Beliau berkata, rakyat juga perlu bersifat matang sebelum mengutarakan sebarang pendapat berkaitan agama dan kaum.
“Media sosial menjadi platform utama dalam menyebarkan maklumat dan penggunaannya haruslah dengan penuh tanggungjawab.

“Perbuatan menyebarkan berita palsu atau kenyataan provokatif mengenai agama boleh memburukkan keadaan dan mengundang ketegangan antara masyarakat. Oleh itu, saya menyeru rakyat untuk mengamalkan sikap matang dalam setiap perbincangan berkaitan agama dan kaum,” katanya.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

‘Hati-hati suarakan pandangan, kebebasan bersuara bukan tiket hina agama lain’

15 Februarl 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berucap pada Program Jejak Harmoni sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia Tahun 2025 di Masjid Al-Hidayah Sentul hari ini.

KUALA LUMPUR: Semua pihak diingatkan supaya berhati-hati dalam menyuarakan pandangan mengenai agama kerana kebebasan bersuara bukan alasan untuk menghina atau merendahkan kepercayaan orang lain.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, ketika menegaskan perkara itu, berkata perbuatan menyebarkan berita palsu atau kenyataan bersifat provokatif mengenai agama, boleh memburukkan keadaan dan mengundang ketegangan antara masyarakat di negara ini.

“Sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian, kita tidak boleh menafikan bahawa perbezaan wujud dalam pelbagai aspek kehidupan.

“Namun, kita harus melihat perbezaan ini sebagai kekuatan dan bukannya kelemahan. Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi asas kepada satu masyarakat yang inklusif serta saling menghormati,” katanya ketika merasmikan Program Jejak Harmoni Sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia di sini hari ini.

Sehubungan itu, Aaron menyeru rakyat mengamalkan sikap matang dalam setiap perbincangan berkaitan agama dan kaum serta menggunakan kebebasan bersuara untuk membina keharmonian serta perpaduan yang lebih kukuh.

“Media sosial menjadi platform utama dalam menyebarkan maklumat, dan penggunaannya haruslah dengan penuh tanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata kerajaan sentiasa komited dalam memastikan perpaduan rakyat terus diperkukuh menerusi pelbagai inisiatif dan dasar yang menggalakkan interaksi, keharmonian serta kesejahteraan bersama.

Aaron menyeru semua pihak, khususnya pertubuhan agama untuk turut mengambil bahagian dalam melaksanakan aktiviti berunsurkan keharmonian dengan menyebarkan mesej keharmonian bagi menyokong pencapaian matlamat Insiatif Harmoni MADANI ini. – BERNAMA

NEW STRAITS TIMES

Unity Minister: Existing committees enough to handle non-Islamic affairs

15 February 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said that there is no need for a separate portfolio for religions other than Islam. — NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

KUALA LUMPUR: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said that there is no need for a separate portfolio for religions other than Islam.

He explained that the National Unity Advisory Council (MKPN), chaired by Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof, already serves as a platform for Malaysia's various religious representatives.

Aaron said this at the opening ceremony of Program Jejak Harmoni, held in conjunction with the World Interfaith Harmony Week (WIHW), held at Masjid Al-Hidayah in Sentul today.

He added that under MKPN, the Religious Issues Management and Mediation Bureau was established to address any interfaith concerns.

At the ministerial level, there is the Harmony Committee (Harmoni), chaired by Aaron and Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Na'im Mokhtar.

"There is also the Interfaith Harmony Division (BKAPA), working together with organisations such as the Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST), already tasked with the welfare of religions other than Islam," he said.

To address tensions and controversies, the newly-formed Unity Issues Management Committee (JPIP) includes the Home Ministry, the Education Ministry, the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), and other agencies.

"They have done many meetings to examine the rising issues and propose actions to calm tensions," he said.

"At the ministry, there are many committees (dedicated to religions other than Islam)," Aaron said.

Yesterday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the proposal to split the Religious Affairs Department has not been agreed upon by the government or cabinet, citing existing channels as sufficient.

This followed a proposal by Raub member of Parliament Chow Yu Hui to split the portfolio, asking the government to adopt the approach of several states that appoint executive councillors to oversee non-Islamic religious affairs.

NEW STRAITS TIMES

Freedom of speech not an excuse for religious insults, says Unity Minister

15 February 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has urged Malaysians to exercise caution when expressing views on religious matters, stating that freedom of speech should not be misused. Bernama pic

KUALA LUMPUR: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has urged Malaysians to exercise caution when expressing views on religious matters, stating that freedom of speech should not be misused.

"Freedom of speech is not an excuse to insult or demean others' beliefs. Instead, I urge the people to use this freedom to build stronger harmony and unity," he said at the opening ceremony of Program Jejak Harmoni, held in conjunction with World Interfaith Harmony Week (WIHW) at Masjid Al-Hidayah in Sentul today.

He highlighted the role of social media as a primary platform for disseminating information but warned against its irresponsible use.

"Spreading false news or provocative statements about religion can worsen situations and incite tension among communities," he said.

"I urge the public to practise maturity in every discussion related to religion and ethnicity," he added.

He also highlighted the need for responsible engagement to prevent misunderstandings and conflicts.

The government, he said, remains committed to strengthening national unity through various initiatives and policies.

"We continue to promote interaction, harmony, and collective well-being," he said. "I believe that through mutual understanding and respect, we can make Malaysia a more advanced and prosperous nation," he said.

Program Jejak Harmoni, organised by the National Unity Ministry in collaboration with the Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism, and Taoism (MCCBCHST), will see participants visiting houses of worship, starting from Masjid Al-Hidayah and concluding at Gurdwara Sahib, Sentul.

malaysiakini
news and views that matter

Unity Ministry holds interfaith event to increase respect, understanding

15 February 2025



The National Unity Ministry held an interfaith programme in Kuala Lumpur today, involving 250 participants across different religious beliefs who visited several houses of worship.

Its minister Aaron Ago Dagang said the programme "Jejak Harmoni" is aimed at increasing understanding of each other among the multi-religious society.

malaysiakini
news and views that matter

No need for non-Muslim affairs minister, just refer to Unity Ministry: Aaron

15 February 2025



National Unity Minister Aaron Ago Dagang has reaffirmed that there is no need to appoint a separate minister in charge of non-Muslim affairs under the Prime Minister's Department.

Instead, Aaron told reporters in Kuala Lumpur that all issues related to non-Muslim affairs could be brought to the Interfaith Harmony Division under his ministry.

malaysiakini
news and views that matter

Kementerian Perpaduan boleh tangani isu berkaitan agama bukan Islam

15 Februarl 2025


Aaron Ago Dagang Facebook

Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang, menegaskan tiada keperluan untuk melantik menteri berasingan bagi bertanggungjawab mengelola hal ehwal bukan Islam di negara ini.

Sebaliknya, Aaron memberitahu pemberita di Kuala Lumpur, semua isu berkaitan hal ehwal bukan Islam boleh dibawa kepada Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA) di bawah kementeriannya.

"Tiada keperluan untuk mewujudkan portfolio menteri yang menjaga hal ehwal agama bukan Islam.

"Ada pelbagai bahagian di bawah kementerian ini (Kementerian Perpaduan Negara) yang boleh menangani isu hal bukan Islam dan ia turut disertai oleh pelbagai pihak termasuk wakil agama," katanya seperti dipetik BH Online.

"Selain BKAPA, kita turut mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) untuk menangani isu sensitif membabitkan agama dan sebagainya.

"Sekiranya ada isu berbangkit, kita akan adakan mesyuarat untuk melihat kepada isu berkaitan, akan berbincang dan cadangkan apa tindakan sepatutnya diambil dan terangkan keadaan sebenar kepada masyarakat," katanya lagi.

Aaron berkata demikian selepas kabinet semalam menolak cadangan Ahli Parlimen Raub, Chow Yu Hui, untuk melantik seorang menteri hal ehwal bukan Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Ketika ini hanya ada satu portfolio di JPM bagi mengelola urusan pentadbiran Islam. Cadangan Chow, yang dibuat di Dewan Rakyat, mendapat tentangan bukan sahaja daripada pihak pembangkang tetapi juga parti-parti dalam kerajaan.

Setiausaha Agung Umno, Asyraf Wajdi Dusuki, meminta Chow menghormati kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan, manakala Setiausaha Agung Amanah, Faiz Fadzil, menggambarkan cadangan itu sebagai "tidak praktikal dan tidak perlu".

Sebelum itu, Aaron turut menyertai hampir 300 peserta program Jejak Harmoni antara agama yang melibatkan lawatan ke pelbagai rumah ibadat, yang diadakan sempena Minggu Perpaduan Antara Agama Antarabangsa.

malaysiakini
news and views that matter

Kementerian Perpaduan anjur program Jejak Harmoni

15 Februarl 2025



Kementerian Perpaduan Negara hari ini mengadakan program di Kuala Lumpur dengan melibatkan kira-kira 250 peserta pelbagai agama yang mengunjungi beberapa rumah ibadat.

Diadakan hubungan sesetengah pihak di negara ini dilihat bermasalah, menterinya Aaron Ago Dagang berkata, program Jejak Harmoni tu bertujuan untuk meningkatkan persefahaman antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat berbilang agama.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan semua agar tidak mensensasikan atau mempolitikkan program ini kerana ia tidak melibatkan sebarang aktiviti keagamaan.

"Objektif program ini ialah untuk meningkatkan kefahaman tentang masyarakat berbilang agama dan budaya yang kita ada, yang mesti kita hormati dan terima.

"Menerusi program ini, rakyat digalakkan melihat isu-isu dari perspektif positif dengan menekankan konsep asas integrasi nasional iaitu persefahaman, hormat-menghormati dan penerimaan, yang akan memastikan keharmonian dalam kalangan masyarakat kita sentiasa terpelihara," kata Aaron ketika berucap pada majlis yang berlangsung di Sentul itu.

Tambahnya lagi, rakyat Malaysia disaran supaya mengamalkan sikap berhati-hati ketika menyuarakan pandangan mereka mengenai perkara berkaitan agama.

Aaron turut menyeru agar pertubuhan agama di negara ini mengambil bahagian dalam menganjurkan program yang menggalakkan keharmonian negara dan menyebarkan mesej keamanan kepada pengikut mereka.

Berdasarkan jadual perjalanan, para peserta memulakan lawatan mereka di Masjid Al-Hidayah di Sentul Pasar sebelum berjalan ke rumah ibadah agama lain di kawasan berhampiran, termasuk Gereja Katolik St Joseph, Kuil Hindu Ahthi Eeswaran, Vihara Buddha Sri Lanka, dan Sentul Gurdwara Sahib.

Di setiap hentian, kata kementerian itu, peserta diberi taklimat oleh pihak pengurusan rumah ibadat terbabit dengan berkongsi nilai yang diajar mengikut agama masing-masing.

Program itu berlangsung hanya beberapa hari selepas satu lagi polemik agama dicetuskan di negara ini berhubung cadangan supaya menteri yang menjaga hal ehwal bukan Islam diwujudkan dalam kabinet.

Cadangan yang dikemukakan oleh ahli parlimen Raub Chow Yu Hui daripada DAP telah menerima tolakan hebat daripada pemimpin politik dan kumpulan Islam lain, sebelum kabinet semalam menolaknya sebagai pendapat peribadi Chow.

Perbahasan mengenai cadangan itu juga menyaksikan Kementerian Perpaduan Negara mendapat kecaman daripada pelbagai pihak yang menganggap mereka tidak memainkan peranan secara proaktif.

THE RAKYAT INSIGHT
@therakyat insight .com

Kementerian Perpaduan boleh tangani isu berkaitan agama bukan Islam

15 Februarl 2025

KUALA LUMPUR: Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata apa jua isu yang berkait dengan hal ehwal agama bukan Islam di negara ini diuruskan Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA).

BKAPA yang merupakan salah satu bahagian di kementerian itu dipengerusikan olehnya bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

"Tiada keperluan untuk mewujudkan portfolio menteri yang menjaga hal ehwal agama bukan Islam. Ada pelbagai bahagian di bawah kementerian ini (Kementerian Perpaduan) yang boleh menangani isu hal bukan Islam dan ia turut disertai oleh pelbagai pihak termasuk daripada wakil agama.

"Selain BKAPA, kita turut mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) untuk menangani isu sensitif membabitkan agama dan sebagainya.

"Sekiranya ada isu berbangkit, kita akan adakan mesyuarat untuk melihat kepada isu berkaitan, akan berbincang dan cadangkan apa tindakan sepatutnya diambil dan terangkan keadaan sebenar kepada masyarakat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Jejak Harmoni sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, hari ini.

Kenyataan itu menyusul berikutan cadangan Ahli Parlimen Raub, Chow Yu Hui supaya portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dipecahkan kepada dua.

Membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat baru-baru ini, Yu Hui menyarankan ia dipecahkan kepada portfolio untuk urusan agama Islam dan satu lagi hal ehwal bukan Islam.

Bagaimanapun, cadangan itu menerima pelbagai pertikaian daripada masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada semalam berkata, Jemaah Menteri menolak saranan itu dan menyifatkan ia adalah pandangan peribadi Ahli Parlimen berkenaan.

Sementara itu, ketika berucap dalam majlis berkenaan, Aaron berkata, sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian, tidak dinafikan perbezaan wujud dalam pelbagai aspek kehidupan.

"Namun, kita harus melihat perbezaan ini sebagai kekuatan dan bukannya kelemahan. Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi asas kepada satu masyarakat yang inklusif dan saling menghormati.

"Justeru, saya mengingatkan semua pihak supaya berhati-hati dalam menyampaikan pandangan mengenai isu agama.

"Kebebasan bersuara bukan alasan untuk menghina atau merendahkan kepercayaan orang lain. Sebaliknya, saya menyeru supaya rakyat menggunakan kebebasan ini untuk membina keharmonian dan perpaduan yang lebih kukuh," katanya.

Beliau berkata, rakyat juga perlu bersifat matang sebelum mengutarakan sebarang pendapat berkaitan agama dan kaum.

"Media sosial menjadi platform utama dalam menyebarkan maklumat dan penggunaannya haruslah dengan penuh tanggungjawab.

"Perbuatan menyebarkan berita palsu atau kenyataan provokatif mengenai agama boleh memburukkan keadaan dan mengundang ketegangan antara masyarakat. Oleh itu, saya menyeru rakyat untuk mengamalkan sikap matang dalam setiap perbincangan berkaitan agama dan kaum," katanya.

BKAPA boleh tangani isu hal ehwal agama bukan Islam, kata menteri

15 Februari 2025

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama itu telah diwujudkan sejak sekian lama.



Aaron Ago Dagang berkata ada pelbagai bahagian bawah kementeriannya boleh menangani isu hal bukan Islam dan turut disertai pelbagai pihak termasuk wakil agama.

PETALING JAYA: Semua isu membabitkan hal ehwal agama bukan Islam boleh dibawa kepada Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA), kata Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang.

Menurutnya, bahagian di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional itu telah lama wujud, yang tidak memerlukan portfolio menteri menjaga hal ehwal agama bukan Islam seperti dicadangkan pihak tertentu.

Jelasnya, kerajaan turut mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) menangani isu sensitif yang turut dianggotai wakil agama.

"Saya turut mempengerusikan secara bersama dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Mohd Na'im Mokhtar dalam Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK Harmoni)

"Sekiranya ada isu berbangkit, kita akan adakan mesyuarat, bincang dan beri cadangan tindakan sepatutnya diambil dan terangkan keadaan sebenar kepada masyarakat," katanya menurut Berita Harian.

Rabu lalu, Ahli Parlimen Raub Chow Yu Hui mencadangkan supaya portfolio menteri di Jabatan Perdana Menteri (hal ehwal agama) dipecahkan kepada Islam dan bukan Islam.

Wakil rakyat DAP itu berkata Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan sudah lama mempunyai exco hal ehwal bukan Islam dan menyarankan kerajaan persekutuan mencontohi langkah itu untuk menjamin hak semua rakyat.

Kenyataan itu dipercayai lanjutan daripada cadangan mengenai garis panduan umat Islam menghadiri perayaan bukan orang Islam yang menjadi kontroversi dan mengundang reaksi pelbagai pihak.

Semalam, Perdana Menteri Anwar Ibrahim berkata Kabinet menolak cadangan Chow itu dan menyifatkannya 'suara peribadi'.

Interfaith harmony division can handle non-Muslim affairs, says minister

15 February 2025

National unity minister Aaron Ago Dagang says hence, there is no need for a non-Muslim religious affairs portfolio in the Cabinet.



National unity minister Aaron Ago Dagang said he chairs the interfaith harmony committee together with religious affairs minister Na'im Mokhtar.

KUALA LUMPUR: All non-Muslim religious affairs will be handled by the interfaith harmony division (BKAPA) under the national unity ministry, says Aaron Ago Dagang.

Speaking at the opening ceremony of the Harmony Trail programme, held in conjunction with the World Interfaith Harmony Week (WIHW), the national unity minister said the division has been around for a long time, Berita Harian reported

Aaron said as such, there is no need for a non-Muslim religious affairs portfolio in the Cabinet, as suggested recently by a government backbencher.

"The various divisions under the ministry can handle non-Muslim religious affairs as will the various religious representatives.

"Besides BKAPA, the unity issues management committee also handles sensitive issues pertaining to religion," he was quoted as saying.

Aaron said he also chairs the interfaith harmony committee together with (Islamic) religious affairs minister Na'im Mokhtar.

"If any issues arise, we will have a meeting to discuss what actions can be taken and explain the situation to the public," he added.

Previously, Raub MP Chow Yu Hui suggested that the religious affairs portfolio be split into two separate ones for Muslim and non-Muslim affairs.

The DAP MP said several states, including Penang, Perak and Negeri Sembilan, have long had committees for non-Muslim religious affairs and urged the federal government to implement something similar.

Chow said this following the controversy that arose from the proposed guidelines for Muslims regarding non-Muslim religious festivals.

Prime Minister Anwar Ibrahim and the Sultan of Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah have said there is no need for such guidelines.

Hati-hati Suara Pandangan, Kebebasan Bersuara Bukan Tiket Hina Agama Lain

BERNAMA

15 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Semua pihak diingatkan supaya berhati-hati dalam menyuarakan pandangan mengenai agama kerana kebebasan bersuara bukan alasan untuk menghina atau merendahkan kepercayaan orang lain.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang yang menegaskan perkara itu berkata perbuatan menyebarkan berita palsu atau kenyataan bersifat provokatif mengenai agama boleh memburukkan keadaan dan mengundang ketegangan antara masyarakat di negara ini.

"Sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian, kitatidak boleh menafikan bahawa perbezaan wujud dalam pelbagaiaspek kehidupan.

"Namun, kita harus melihat perbezaan ini sebagai kekuatan dan bukannya kelemahan. Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi asas kepada satu masyarakat yang inklusif serta saling menghormati," katanya ketika merasmikan Program Jejak Harmoni Sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia di sini hari ini.

Sehubungan itu, Aaron menyeru rakyat mengamalkan sikap matang dalam setiap perbincangan berkaitan agama dan kaum serta menggunakan kebebasan bersuara untuk membina keharmonian serta perpaduan yang lebih kukuh.

"Media sosial menjadi platform utama dalam menyebarkan maklumat, dan penggunaannya haruslah dengan penuh tanggungjawab," katanya.

Beliau berkata kerajaan sentiasa komited dalam memastikan perpaduan rakyat terus diperkukuh menerusi pelbagai inisiatifdan dasar yang menggalakkan interaksi, keharmonian serta kesejahteraan bersama.

Aaron menyeru semua pihak, khususnya pertubuhan agama untuk turut mengambil bahagian dalam melaksanakan aktiviti berunsurkan keharmonian dengan menyebarkan mesej keharmonian bagi menyokong pencapaian matlamat Insiatif Harmoni MADANI ini.
-- BERNAMA

Freedom Of Expression Not A Ticket To Insult, Belittle Other Religions – Aaron

BERNAMA

15 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 15 (Bernama) -- All parties are reminded to be careful in expressing their views on religion because freedom of expression is not a ticket or an excuse to insult or belittle the religious beliefs of others.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang, who stressed the matter, said that spreading fake news or provocative statements about religion can worsen the situation and create racial tension.

"As a country rich in diversity, we cannot deny that differences exist in various aspects of life.

"However, we must see these differences as strengths and not weaknesses. This diversity should not be a dividing line, but rather the basis for a society that is inclusive and respectful."

He said this when launching the Jejak Harmoni Programme in conjunction with World Interfaith Harmony Week, organised by the Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST) in collaboration with the Ministry of National Unity here today. In this regard, Aaron also called on the people to adopt a mature attitude in every discussion related to religion and race and to use freedom of speech to build stronger harmony and unity.

"Social media is a major platform in disseminating information, but it must be used in a fully responsible manner," he said.

The minister said the government is always committed to ensuring that the unity of the people continues to be strengthened through various initiatives and policies that promote interaction, harmony and mutual well-being.

As such, Aaron urged all parties, especially religious organisations, to participate in organising harmony-based activities by spreading the message of harmony to help achieve the goals of the MADANI Harmony Initiative.

Meanwhile, the Jejak Harmoni Programme involved a goodwill visit by the participants walking to places of worship starting from Masjid Al-Hidayah, Sentul Pasar and ending at Gurdwara Sahib, Sentul. -- BERNAMA

Tiada keperluan lantik menteri agama bukan Islam, ada isu boleh bincang - Ago Dagang

15 Februarl 2025



Ago Dagang mengulas kenyataan Ahli Parlimen Raub, Chow Yu Hui yang mencadangkan portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dipecahkan kepada dua iaitu termasuk agama bukan Islam. - Foto Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Tiada keperluan untuk mewujudkan portfolio menteri yang menjaga hal ehwal agama bukan Islam.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, jika timbul sebarang isu sensitif, ia boleh dibawa ke Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA).

"Ada pelbagai bahagian di bawah Kementerian Perpaduan yang boleh menangani isu hal bukan Islam dan ia turut disertai oleh pelbagai pihak termasuk daripada wakil agama.
"Selain BKAPA, kita ada Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) untuk menangani isu sensitif membabitkan agama dan sebagainya.

"Kalau ada isu berbangkit, kita adakan mesyuarat melihat kepada isu berkaitan, akan bincang dan cadangkan tindakan sepatutnya diambil dan terang keadaan sebenar kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Program Jejak Harmoni sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, di sini, pada Sabtu.

Maklum balas itu bagi mengulas kenyataan Ahli Parlimen Raub, Chow Yu Hui yang mencadangkan portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dipecahkan kepada dua.

Yu Hui ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja menyarankan ia dipecah kepada portfolio untuk urusan agama Islam dan satu lagi hal ehwal bukan Islam.

Cadangan yang menerima pelbagai pertikaian masyarakat itu kemudian diulas oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tegas Anwar, cadangan itu dibawa ke Mesyuarat Kabinet dan ditolak oleh Jemaah Menteri, sambil beliau menyifatkan ia hanyalah pandangan peribadi Yu Hui.

Peserta Program Jejak Harmoni lawat rumah ibadat agama lain belajar nilai positif - Ago Dagang

15 Februarl 2025



Di setiap hentian itu, para peserta diberi taklimat oleh pihak pengurusan rumah ibadat terbabit untuk perkongsian nilai yang diajar agama masing-masing. - Foto Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Program Jejak Harmoni yang diadakan di ibu negara pada Sabtu menjadi platform menyemai nilai keharmonian apabila lebih 200 peserta pelbagai agama dibawa mengunjungi beberapa rumah ibadat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berharap, program ini tidak menjadi bahan sensasi atau dipolitikkan kerana ia bukan melibatkan sebarang aktiviti keagamaan.

"Program ini bertujuan meningkatkan persefahaman antara masyarakat berbilang agama dengan menekankan konsep hormat-menghormati bagi mengekalkan keharmonian, ia diadakan sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia 2025," katanya ketika berucap merasmikan program berkenaan, di sini, pada Sabtu.

Program anjuran Majlis Perundingan Malaysia bagi Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara itu dimulakan dengan lawatan ke Masjid Al Hidayah di Sentul.

Kemudian mereka berjalan ke rumah ibadah agama lain termasuk Gereja Katolik St Joseph, Kuil Hindu Ahthi Eeswaran, Vihara Buddha Sri Lanka dan Gurdhwara Sahib Sentul.

Di setiap hentian itu, para peserta diberi taklimat oleh pihak pengurusan rumah ibadat terbabit untuk perkongsian nilai yang diajar agama masing-masing.

Dalam masa sama, beliau turut menekankan agar masyarakat tidak menjadikan kebebasan bersuara sebagai alasan untuk menghina kepercayaan agama lain kerana ia hanya mengundang perpecahan.

Rentetan itu, beliau berkata, kerajaan akan terus meningkatkan program sedemikian agar lebih ramai dapat menyebarkan mesej keharmonian Insiatif Harmoni MADANI ini.

www.tvsarawak.my

Jejak Harmoni 2025: Perkukuh perpaduan melalui kefahaman agama, budaya

15 Februari 2025



Program ini dianjurkan oleh Majlis Perundingan Malaysia bagi Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, dan Taoisme (MCCBCHST) dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara. Foto fail TVS

KUALA LUMPUR, 15 Feb: Program Jejak Harmoni sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (WIHW) 2025 yang membuka tirai hari ini berlangsung dengan jayanya dengan menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat dalam usaha memperkukuh perpaduan dan kefahaman masyarakat di Malaysia.

Program ini dianjurkan oleh Majlis Perundingan Malaysia bagi Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, dan Taoisme (MCCBCHST) dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, program ini merupakan sebahagian daripada Inisiatif Harmoni MADANI yang diperkenalkan kerajaan pada tahun 2024 untuk meningkatkan kesedaran dan penghormatan terhadap kepelbagaian agama, budaya, dan adat resam di negara ini.

“Jejak Harmoni ini bukan sekadar sebuah pergerakan fizikal dari satu tempat ke tempat lain, tetapi ia adalah satu perjalanan simbolik yang menggambarkan semangat kesatuan dan kebersamaan rakyat Malaysia,” katanya dalam ucapannya semasa majlis perasmian Program Jejak Harmoni Sempena Sambutan Minggu Keharmonian antara Penganut Agama Sedunia (WIHW) 2025 di Sentul, Kuala Lumpur, pada Sabtu.

Beliau turut menegaskan bahawa program ini tidak melibatkan sebarang aktiviti keagamaan dan tidak seharusnya disensasikan atau dipolitikkan, sebaliknya harus dilihat sebagai satu usaha memperkukuh keharmonian negara.

Menurutnya, masyarakat didorong untuk melihat dari sudut yang baik dengan menekankan konsep asas, integrasi nasional iaitu faham, hormat dan terima bagi memastikan keharmonian sentiasa terpelihara.

“Dengan memahami, kita dapat menghapuskan prasangka negatif. Dengan menghormati kepercayaan orang lain, kita dapat mewujudkan hubungan yang harmoni dan dengan menerima perbezaan, kita dapat hidup bersama dalam masyarakat yang bersatu padu,” katanya.

Aaron turut menegaskan komited kerajaan dalam memastikan perpaduan rakyat terus diperkukuhkan melalui pelbagai inisiatif dan dasar yang menggalakkan interaksi serta kesejahteraan bersama.

Beliau juga mengingatkan masyarakat agar berhati-hati dalam menyampaikan pandangan mengenai isu agama dan menyeru semua pihak mengamalkan sikap matang dalam setiap perbincangan yang melibatkan sensitiviti kaum dan kepercayaan.

“Media sosial harus digunakan dengan penuh tanggungjawab. Perbuatan menyebarkan berita palsu atau kenyataan provokatif mengenai agama bileh memburukkan keadaan dan mengundang ketegangan anatar masyarakat,”tambahnya.

Sehubungan itu, beliau menggalakkan badan-badan pertubuhan agama untuk terus menganjurkan aktiviti yang menyebarkan mesej keharmonian dan nilai-nilai murni, sejajar dengan matlamat Inisiatif Harmoni MADANI.

Pelaksanaan program Jejak Harmoni ini melibatkan sesi kunjungan muhibah dengan berjalan kaki ke rumah-rumah ibadat bermula dari Masjid Al-Hidayah, Sentul Pasar dan berakhir di Gurdwara Sahib, Sentul.

Program Jejak Harmoni 2025 diakhiri dengan sesi perkongsian pengalaman antara peserta, mencerminkan semangat perpaduan yang semakin erat dalam kalangan rakyat Malaysia. -TVS

星洲网
sinchew.com.my

团结部长：现有委会足应付 无需非伊事务部长

2025年02月15日



（吉隆坡15日讯）国家团结部长拿督艾伦达干表示，该部现有的委员会足以处理涉及非穆斯林的事务，无需另设非伊斯兰事务部长一职。

他举例，现有的国家团结咨询理事会涉及所有宗教领袖和州领袖。

设3小组 成员来自各机构

他今日参与团结部举办的“和谐之路”跨宗教场所参观活动后说：“此外，我们成立了3个小组，其中一个由丹斯里李霖泰领导的小组委员会便是负责处理与和谐和宗教敏感课题相关的问题。

“我们也成立了跨宗教和谐委员会，这个委员会是由我和首相署（宗教事务）部长拿督纳因莫达共同主持。”

他说，团结部今年也新成立了管理团结课题委员会，该委员会是由国家团结部秘书长拿督斯里哈斯诺主持。

他补充，这些委员会都有来自教育部、内政部和其他机构的官员。

“若出现任何问题，我们会召开会议来研究相关问题，讨论并建议应采取的行动，同时向公众解释‘真实情况’。”

走访冼都各宗教场所

在开幕仪式结束后，艾伦达干与各宗教领袖走访了位于吉隆坡冼都的不同宗教场所，与这些宗教领袖近距离交流。

艾伦达干一行人先后参观了冼都巴刹Al-Hidayah清真寺、冼都路圣若瑟天主教堂、冼都AhthiEeswaran兴都庙、冼都锡兰佛寺和Gurdwara Sahib Sentul锡克庙。

这项活动吸引了250名不同宗教信仰的参与者。出席者包括马来西亚五大宗教咨询理事会主席兼马来西亚道教总会会长陈和章道长和筹委会主席兼大马基督教联合会主席廖炳坚。

艾伦达干指出，这项活动旨在促进多元宗教社会间的相互理解。

他也借此机会提醒大家，不要炒作或政治化这活动，因为它不涉及宗教活动。

他希望这些活动能把我国来自不同宗教、文化和习俗背景的社会凝聚起来，团结在一起。

他表示，多元不应被视为弱点，也不应成为分裂社会的因素，相反，多元应是组成一个具有包容性和互相尊重的社会的基础，也应被视为是一个强项。

吁多办散播和谐活动

他也呼吁各方尤其是宗教组织举办以和谐为基调的活动，向社会散播和谐精神。

同时，他呼吁公众众在使用社交媒体时应保有责任心，因为在社交媒体上散播有关宗教的假新闻或挑衅性言论，都可能引起社区之间的紧张情绪，导致团结情况进一步恶化。

他促请所有大马人务必谨慎表达涉及宗教事务的看法。

ALHIJRAH ONLINE

HATI-HATI SUARA PANDANGAN, KEBEBASAN BERSUARA BUKAN TIKET HINA AGAMA LAIN

15 Februari 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berucap pada Program Jejak Harmoni sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia Tahun 2025 di Masjid Al-Hidayah Sentul hari ini. –fotoBERNAMA

KUALA LUMPUR: Semua pihak diingatkan supaya berhati-hati dalam menyuarakan pandangan mengenai agama kerana kebebasan bersuara bukan alasan untuk menghina atau merendahkan kepercayaan orang lain.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang yang menegaskan perkara itu berkata perbuatan menyebarkan berita palsu atau kenyataan bersifat provokatif mengenai agama boleh memburukkan keadaan dan mengundang ketegangan antara masyarakat di negara ini.

"Sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian, kita tidak boleh menafikan bahawa perbezaan wujud dalam pelbagai aspek kehidupan.

"Namun, kita harus melihat perbezaan ini sebagai kekuatan dan bukannya kelemahan. Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi asas kepada satu masyarakat yang inklusif serta saling menghormati," katanya ketika merasmikan Program Jejak Harmoni Sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia di sini hari ini.

Sehubungan itu, Aaron menyeru rakyat mengamalkan sikap matang dalam setiap perbincangan berkaitan agama dan kaum serta menggunakan kebebasan bersuara untuk membina keharmonian serta perpaduan yang lebih kukuh.

"Media sosial menjadi platform utama dalam menyebarkan maklumat, dan penggunaannya haruslah dengan penuh tanggungjawab," katanya.

Beliau berkata kerajaan sentiasa komited dalam memastikan perpaduan rakyat terus diperkukuh menerusi pelbagai inisiatif dan dasar yang menggalakkan interaksi, keharmonian serta kesejahteraan bersama.

Aaron menyeru semua pihak, khususnya pertubuhan agama untuk turut mengambil bahagian dalam melaksanakan aktiviti berunsurkan keharmonian dengan menyebarkan mesej keharmonian bagi menyokong pencapaian matlamat Insiatif Harmoni MADANI ini. –AlHijrah Online

TheStar

Freedom of expression not a ticket to insult, belittle other religions, says Aaron

15 February 2025



KUALA LUMPUR: All parties are reminded to be careful in expressing their views on religion because freedom of expression is not a ticket or an excuse to insult or belittle the religious beliefs of others.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang, who stressed the matter, said that spreading fake news or provocative statements about religion can worsen the situation and create racial tension.

"As a country rich in diversity, we cannot deny that differences exist in various aspects of life.

"However, we must see these differences as strengths and not weaknesses. This diversity should not be a dividing line, but rather the basis for a society that is inclusive and respectful."

He said this when launching the Jejak Harmoni Programme in conjunction with World Interfaith Harmony Week, organised by the Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST) in collaboration with the Ministry of National Unity here Saturday (Feb 15).

In this regard, Aaron also called on the people to adopt a mature attitude in every discussion related to religion and race and to use freedom of speech to build stronger harmony and unity.

"Social media is a major platform in disseminating information, but it must be used in a fully responsible manner," he said.

The minister said the government is always committed to ensuring that the unity of the people continues to be strengthened through various initiatives and policies that promote interaction, harmony and mutual well-being.

As such, Aaron urged all parties, especially religious organisations, to participate in organising harmony-based activities by spreading the message of harmony to help achieve the goals of the Madani Harmony Initiative.

Meanwhile, the Jejak Harmoni Programme involved a goodwill visit by the participants walking to places of worship starting from Masjid Al-Hidayah, Sentul Pasar and ending at Gurdwara Sahib, Sentul. - Bernama

Utusan Borneo Online

Hati-hati suara pandangan, kebebasan bersuara bukan tiket hina agama lain

15 Februari 2025



Aaron Ago Dagang berucap pada Program Jejak Harmoni sempena Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia Tahun 2025 di Masjid Al-Hidayah Sentul hari ini. - Gambar BERNAMA

KUALA LUMPUR: Semua pihak diingatkan supaya berhati-hati dalam menyuarakan pandangan mengenai agama kerana kebebasan bersuara bukan alasan untuk menghina atau merendahkan kepercayaan orang lain.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang yang menegaskan perkara itu berkata perbuatan menyebarkan berita palsu atau kenyataan bersifat provokatif mengenai agama boleh memburukkan keadaan dan mengundang ketegangan antara masyarakat di negara ini.

"Sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian, kita tidak boleh menafikan bahawa perbezaan wujud dalam pelbagai aspek kehidupan.

"Namun, kita harus melihat perbezaan ini sebagai kekuatan dan bukannya kelemahan. Kepelbagaian ini tidak seharusnya menjadi jurang pemisah, sebaliknya menjadi asas kepada satu masyarakat yang inklusif serta saling menghormati," katanya ketika merasmikan Program Jejak Harmoni Sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia di sini hari ini.

Sehubungan itu, Aaron menyeru rakyat mengamalkan sikap matang dalam setiap perbincangan berkaitan agama dan kaum serta menggunakan kebebasan bersuara untuk membina keharmonian serta perpaduan yang lebih kukuh.

"Media sosial menjadi platform utama dalam menyebarkan maklumat, dan penggunaannya haruslah dengan penuh tanggungjawab," katanya.

Beliau berkata kerajaan sentiasa komited dalam memastikan perpaduan rakyat terus diperkukuh menerusi pelbagai inisiatif dan dasar yang menggalakkan interaksi, keharmonian serta kesejahteraan bersama.

Aaron menyeru semua pihak, khususnya pertubuhan agama untuk turut mengambil bahagian dalam melaksanakan aktiviti berunsurkan keharmonian dengan menyebarkan mesej keharmonian bagi menyokong pencapaian matlamat Insiatif Harmoni MADANI ini.

BERNAMA

Perbuatan, Kenyataan Gugat Keharmonian Negara Tidak Boleh Dikompromi – Aaron

15 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Sebarang tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama di negara ini tidak boleh diterima dan dikompromi, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau dalam satu hantaran di laman X hari ini berkata sebagai sebuah negara berbilang bangsa, rakyat mesti sentiasa menjaga kesejahteraan dan keamanan dengan tidak membenarkan sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh mengguris perasaan mana-mana pihak.

"Wajib diberikan noktah kepada perbuatan seperti ini," katanya sebagai respons kepada satu rakaman video tular di media sosial berkenaan seorang penjaja jagung yang meletakkan makluman berbaur perkauman pada jualannya.

Beliau turut memohon semua lapisan masyarakat untuk menjunjung Rukun Negara sebagai amalan hidup terutamanya prinsip Kesopanan dan Kesusilaan.

"Kita seharusnya terus memupuk semangat saling menghormati dan memahami dalam kalangan rakyat.

"Saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama memperkukuhkan semangat perpaduan negara dengan menghormati perbezaan yang wujud dan mengutamakan perpaduan demi kebaikan bersama," katanya. – BERNAMA

BERNAMA

ACTS, STATEMENTS THAT THREATEN NATIONAL HARMONY UNACCEPTABLE -AARON

15 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 15 (Bernama) -- Any act or statement that could threaten harmony between races and religions in the country are unacceptable and cannot be compromised with, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said.

As a multiracial country, all Malaysians must nurture the prosperity and peace by not allowing any statement or act that can offend the sensitivities of any party, he said.

"We must put an end to such acts," he posted on X in response to a viral post on social media about a corn seller placing a sales announcement with racial sentiments.

He urged Malaysians to uphold the Rukun Negara as a daily practice, especially the principle of Courtesy and Morality.

"We should instil a spirit of mutual respect and understanding among us all.

"I urge everyone to strengthen national unity by respecting the differences that exist and to prioritise unity for the common good, "he added. – BERNAMA

malaysiakini
news and views that matter

'No selling to orang keling': Video of racist stall owner goes viral

15 February 2025



malaysiakini
news and views that matter

‘Tiada jual sama orang keling’ - Video penjual jagung rasis tular

15 February 2025



Satu rakaman video tular di media sosial selepas seorang penjaja tepi jalan didapati meletakkan notis berunsur perkauman di atas meja yang digunakan untuk menjual jagung bakar.

Insiden tersebut dikatakan berlaku di Kota Warisan, Sepang di mana penjaja terbabit meletakkan notis berbunyi:

“Sorry, ini jagung tiada jual sama orang keling.”

Perkataan keling merupakan istilah menghina yang digunakan terhadap masyarakat India.

Menurut seorang wanita India yang tidak dinamakan, yang merakam video tersebut semalam, dia terlihat gerai itu ketika melalui kawasan tersebut.

“Saya berhenti dan beritahu pemilik gerai bahawa itu adalah kenyataan bersifat perkauman dan minta mereka tanggalkannya.

“Namun pemilik gerai, seorang lelaki, menuding jari ke arah saya sehingga menyentuh hidung saya, dan mula bertindak agresif.

“Saya mula berasa tidak selamat dan terus berjalan ke sebuah restoran berdekatan,” katanya dalam bahasa Tamil dan Inggeris.

Bagaimanapun, wanita itu mendakwa pemilik gerai tersebut mengikutinya dan mula merakam pergerakannya, yang turut dibalas dengan rakaman daripadanya.

Selepas kejadian itu, dia mempersoalkan sikap tidak peduli masyarakat India terhadap tindakan rasis penjaja tersebut.

“Saya lihat ramai orang India berjalan di kawasan ini. Adakah sesiapa yang mempertikaikan lelaki ini? Adakah sesiapa membuat laporan polis mengenai perkara ini?

“Jika anda telah lihat tindakan lelaki itu (papan tanda rasis), saya gesa semua orang untuk buat laporan polis seperti yang saya lakukan.

“Gerai ini terletak di Kota Warisan, Sepang... betul-betul bertentangan dengan Hotel Holiday Inn,” tambahnya.

Wanita itu mendakwa ketika cuba merakam gerai itu sekali lagi, seorang wanita yang turut menjaga gerai tersebut segera menanggalkan papan tanda berkenaan.

“Sahabat sekalian, saya harap anda semua dapat melihat apa yang sedang berlaku di negara kita. Fikirkan mengenainya,” katanya lagi.

‘Mengejutkan’

Sementara itu, Timbalan Presiden MIC, M Saravanan, meluahkan rasa terkejut berhubung rakaman video kontroversi itu dan menggesa kerajaan, terutamanya Kementerian Perpaduan Negara, untuk mengambil tindakan segera.

Dia menegaskan bahawa tindakan sedemikian tidak mencerminkan keseluruhan masyarakat Melayu, tetapi hanya segelintir individu yang bersikap ekstrem.

“Bahaya yang timbul adalah ia boleh mencetuskan reaksi daripada komuniti lain, contohnya seorang peniaga India Malaysia yang marah meletakkan papan tanda yang sama, yang akhirnya boleh mencetuskan rantaian permusuhan,” katanya kepada Malaysiakini.

Bekas menteri itu menegaskan kepentingan menangani insiden sebegini dengan segera kerana membiarkannya berterusan boleh membawa kesan yang amat berbahaya.

“Penggunaan kata-kata penghinaan dan ucapan kebencian boleh merosakkan keharmonian sosial Malaysia serta membakar api perpecahan dan ketidakpercayaan antara kaum,” tambahnya.

Saravanan menegaskan bahawa bahaya sikap perkauman, jika dibiarkan tanpa kawalan, boleh membawa kesan negatif kepada negara dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, katanya, demi memelihara perpaduan dan keharmonian negara, semua bentuk ucapan kebencian, penghinaan kaum dan tingkah laku diskriminasi perlu ditangani dan dihapuskan segera.



Tidak boleh diterima

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang, mengecam tindakan penjaja tersebut setelah perkara itu dibawa kepada perhatiannya.

“Tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama di negara ini adalah tidak boleh diterima dan tidak boleh dikompromi.

“Sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa, kita mesti sentiasa menjaga kesejahteraan dan keamanan dengan tidak membenarkan sesiapa pun membuat kenyataan atau bertindak dengan cara yang menyakiti mana-mana komuniti,” katanya di platform X.

BH ONLINE

Tindakan, kenyataan gugat keharmonian negara tidak boleh dikompromi - Aaron

15 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Sebarang tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama di negara ini, tidak boleh diterima mahupun dikompromi, kata Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, mesti sentiasa menjaga kesejahteraan dan keamanan dengan tidak membenarkan sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh mengguris perasaan mana-mana pihak.

"Wajib diberikan noktah kepada perbuatan seperti ini," katanya dalam satu hantaran melalui laman X, hari ini.

Beliau berkata sedemikian sebagai respons kepada satu rakaman video tular dalam media sosial mengenai tindakan seorang penjaja jagung meletak makluman didakwa berbaur perkauman pada jualannya.

Aaron turut memohon semua lapisan masyarakat menjunjung Rukun Negara sebagai amalan hidup, terutama prinsip 'Kesopanan dan Kesusilaan'.

"Kita seharusnya terus memupuk semangat saling menghormati dan memahami dalam kalangan rakyat.

"Saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama memperkukuhkan semangat perpaduan negara dengan menghormati perbezaan yang wujud dan mengutamakan perpaduan demi kebaikan bersama," katanya.

astro AWANI

Perbuatan, kenyataan gugat keharmonian negara tidak boleh dikompromi - Aaron

15 Februari 2025



Sebarang tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama di negara ini tidak boleh diterima dan dikompromi, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Sebarang tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama di negara ini tidak boleh diterima dan dikompromi, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau dalam satu hantaran di laman X hari ini berkata sebagai sebuah negara berbilang bangsa, rakyat mesti sentiasa menjaga kesejahteraan dan keamanan dengan tidak membenarkan sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh mengguris perasaan mana-mana pihak.

"Wajib diberikan noktah kepada perbuatan seperti ini," katanya sebagai respons kepada satu rakaman video tular di media sosial berkenaan seorang penjaja jagung yang meletakkan makluman berbaur perkauman pada jualannya.

Beliau turut memohon semua lapisan masyarakat untuk menjunjung Rukun Negara sebagai amalan hidup terutamanya prinsip Kesopanan dan Kesusilaan.

"Kita seharusnya terus memupuk semangat saling menghormati dan memahami dalam kalangan rakyat.

"Saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama memperkukuhkan semangat perpaduan negara dengan menghormati perbezaan yang wujud dan mengutamakan perpaduan demi kebaikan bersama," katanya. -- BERNAMA

TheStar

No compromise on actions, statements that threaten national harmony, says Aaron

15 February 2025



PETALING JAYA: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has emphasised that there will be no compromise regarding any action or statement that threatens the harmony of Malaysian society.

He made this statement in response to a post on X, formerly known as Twitter, featuring a photo of a roadside stall selling corn with a sign containing a racial slur, suggesting the corn would not be sold to individuals of a particular race.

"As a multiracial country, we must always take care to maintain wellbeing and peace by not allowing any statements or actions that can offend the feelings of any party.

Such actions should be stopped. I call upon everyone to come together to strengthen the spirit of unity in the country by respecting our existing differences and prioritising unity for the sake of everyone," the minister said in his reply.

The post on X was a repost from a Facebook account named "Chandrakumanan Arumugam," who originally uploaded the picture of the roadside stall. He also claimed that the photo was taken in Sepang, Selangor.

Sinar Harian TELUS & TULUS sinarharian.com.my

'Wajib diberikan noktah perbuatan seperti ini'

15 Februari 2025



Tangkap layar video tular di media sosial berkenaan seorang penjaja jagung yang meletakkan makluman berbaur perkauman pada jualannya.

KUALA LUMPUR - Sebarang tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama di negara ini tidak boleh diterima dan dikompromi, kata Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau dalam satu hantaran di laman X hari ini berkata, sebagai sebuah negara berbilang bangsa, rakyat mesti sentiasa menjaga kesejahteraan dan keamanan dengan tidak membenarkan sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh mengguris perasaan mana-mana pihak.

"Wajib diberikan noktah kepada perbuatan seperti ini," katanya sebagai respons kepada satu rakaman video tular di media sosial berkenaan seorang penjaja jagung yang meletakkan makluman berbaur perkauman pada jualannya.
Beliau turut memohon semua lapisan masyarakat untuk menjunjung Rukun Negara sebagai amalan hidup terutamanya prinsip Kesopanan dan Kesusilaan.

"Kita seharusnya terus memupuk semangat saling menghormati dan memahami dalam kalangan rakyat.

"Saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama memperkukuhkan semangat perpaduan negara dengan menghormati perbezaan yang wujud dan mengutamakan perpaduan demi kebaikan bersama," katanya. - Bernama

TheStar

Use diversity to unite, not divide

16 February 2025



On the ground: Aaron Ago (fourth from the right) at the Jejak Harmoni programme in conjunction with the World Interfaith Harmony Week celebration at the Al-Hidayah Mosque in Sentul. — Bernama

KUALA LUMPUR: Views on religion must be expressed with care as freedom of expression is not a ticket or an excuse to insult or belittle the religious beliefs of others, says National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said spreading fake news or provocative statements about religion can worsen the situation and create racial tension.

"As a country rich in diversity, we cannot deny that differences exist in various aspects of life.

"However, we must see these differences as strengths and not weaknesses.

"This diversity should not be a dividing line, but rather the basis for a society that is inclusive and respectful," he said at the launch of Jejak Harmoni programme in conjunction with World Interfaith Harmony Week yesterday.

The event was organised by the Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism in collaboration with the National Unity Ministry.

Aaron Ago called on the people to adopt a mature attitude in every discussion related to religion and race and to use freedom of speech to build stronger harmony and unity.

"Social media is a major platform in disseminating information, but it must be used in a responsible manner," he said, Bernama reported.

Aaron Ago said the government is committed to ensuring that the unity of the people continues to be strengthened through various initiatives and policies that promote interaction, harmony and mutual well-being.

He urged all parties, especially religious bodies, to participate in organising harmony-based activities by spreading the message of harmony to help achieve the goals of the Madani Harmony Initiative.

The Jejak Harmoni programme involved a goodwill visit by the participants walking to places of worship starting from Masjid Al- Hidayah in Sentul Pasar and ending at Gurdwara Sahib in Sentul.

Utusan Malaysia

Semua isu agama bukan Islam boleh dirujuk kepada Kementerian Perpaduan

16 Februari 2025



PETALING JAYA: Semua isu membabitkan hal ehwal agama bukan Islam boleh dibawa kepada Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama (BKAPA) di bawah Kementerian Perpaduan.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, BKAPA telah lama wujud sebagai salah satu agensi di bawah kementeriannya dan berperanan menangani isu berkaitan agama bukan Islam.

Katanya, tiada keperluan mewujudkan portfolio menteri khusus bagi hal ehwal agama bukan Islam seperti dicadangkan sebelum ini.

"Ada pelbagai bahagian di bawah kementerian yang boleh menangani isu hal bukan Islam dan ia turut disertai oleh pelbagai pihak termasuk wakil agama.

"Selain BKAPA, kita juga mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan (JPIP) untuk menangani isu sensitif membabitkan agama dan sebagainya," katanya selepas melancarkan program Jejak Harmoni sempena Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, semalam.

Baru-baru ini, Ahli Parlimen Raub, Chow Yu Hui, mencadangkan agar portfolio menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dipecahkan kepada dua bahagian iaitu untuk Islam dan bukan Islam.

Katanya, beberapa kerajaan negeri seperti Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan telah lama mempunyai exco hal ehwal agama bukan Islam dan menyarankan kerajaan persekutuan mencontohi langkah tersebut bagi menjamin hak semua rakyat.

Aaron berkata, beliau bersama-sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar mempengerusikan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK Harmoni) yang berfungsi mengurus dan menyelesaikan isu-isu berkaitan keharmonian agama di Malaysia.

"Sekiranya ada isu berbangkit, kita bermesyuarat untuk melihat kepada isu dan berbincang, mencadangkan tindakan yang sepatutnya diambil dan menjelaskan keadaan sebenar," katanya.

ALHIJRAH ONLINE

PERBUATAN, KENYATAAN GUGAT KEHARMONIAN NEGARA TIDAK BOLEH DIKOMPROMI – AARON

16 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Sebarang tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama di negara ini tidak boleh diterima dan dikompromi, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau dalam satu hantaran di laman X pada Sabtu berkata sebagai sebuah negara berbilang bangsa, rakyat mesti sentiasa menjaga kesejahteraan dan keamanan dengan tidak membenarkan sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh mengguris perasaan mana-mana pihak.

"Wajib diberikan noktah kepada perbuatan seperti ini," katanya sebagai respons kepada satu rakaman video tular di media sosial berkenaan seorang penjaja jagung yang meletakkan makluman berbaur perkauman pada jualannya.

Beliau turut memohon semua lapisan masyarakat untuk menjunjung Rukun Negara sebagai amalan hidup terutamanya prinsip Kesopanan dan Kesusilaan.


"Kita seharusnya terus memupuk semangat saling menghormati dan memahami dalam kalangan rakyat.

"Saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama memperkukuhkan semangat perpaduan negara dengan menghormati perbezaan yang wujud dan mengutamakan perpaduan demi kebaikan bersama," katanya. —AlHijrah Online

BULETIN TV3

Menteri tegur penjual jagung bakar cetus bibit perkauman

16 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama di negara ini tidak boleh diterima serta dikompromi.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang memberi reaksi dan teguran itu menerusi ciapan di X susulan tular penjual jagung bakar meletakkan nota bertulisan tangan berbaur perkauman.

Menurutnya, sebagai sebuah negara berbilang bangsa, rakyat Malaysia perlu sentiasa menjaga kesejahteraan dan keamanan dengan tidak membenarkan sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh mengguris perasaan mana-mana pihak.

"Wajib diberikan noktah kepada perbuatan seperti ini. Mohon semua junjung Rukun Negara sebagai amalan hidup terutamanya prinsip Kesopanan dan Kesusilaan.

"Kita seharusnya terus memupuk semangat saling menghormati dan memahami di kalangan rakyat," ciapnya.

Aaron turut menyeru semua pihak untuk bersama-sama memperkukuhkan semangat perpaduan dengan menghormati perbezaan yang wujud dan mengutamakan perpaduan demi kebaikan bersama.

Ciapan Aaron itu mendapat perhatian warganet yang menyifatkan perbuatan penjual jagung bakar berkenaan keterlaluan dan perlu dikenakan tindakan tegas sebagai pengajaran kerana bersikap berkauman.

"Wajib ambil tindakan Datuk... rakyat Malaysia sudah muak dengan perangai golongan ekstremis," ciap pengguna X, Raja Mohd Shahrim.

"Terima kasih atas campur tangan segera Yang Berhormat (YB) Datuk Aaron Ago Dagang.

"Perkauman terang-terangan ini tidak boleh dibiarkan. Kami berharap tindakan tegas diambil terhadap individu berkenaan," ciap seorang lagi pengguna X, Guru Syre.

tvs
www.tvsarawak.my

Perbuatan, kenyataan gugat keharmonian negara tidak boleh dikompromi – Aaron

16 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 16 Feb: Sebarang tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama di negara ini tidak boleh diterima dan dikompromi, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau dalam satu hantaran di laman X pada Sabtu berkata sebagai sebuah negara berbilang bangsa, rakyat mesti sentiasa menjaga kesejahteraan dan keamanan dengan tidak membenarkan sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh mengguris perasaan mana-mana pihak.

"Wajib diberikan noktah kepada perbuatan seperti ini," katanya sebagai respons kepada satu rakaman video tular di media sosial berkenaan seorang penjaja jagung yang meletakkan makluman berbaur perkauman pada jualannya.

Beliau turut memohon semua lapisan masyarakat untuk menjunjung Rukun Negara sebagai amalan hidup terutamanya prinsip Kesopanan dan Kesusilaan.

"Kita seharusnya terus memupuk semangat saling menghormati dan memahami dalam kalangan rakyat.

"Saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama memperkukuhkan semangat perpaduan negara dengan menghormati perbezaan yang wujud dan mengutamakan perpaduan demi kebaikan bersama," katanya. – TVS

MG MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Perbuatan gugat keharmonian kaum, agama perlu dinoktahkan – Aaron

16 Februari 2025



KUALA LUMPUR – Sebarang tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian antara kaum dan agama di negara ini tidak boleh diterima dan dikompromi.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sebagai sebuah negara berbilang bangsa, rakyat mesti sentiasa menjaga kesejahteraan dan keamanan dengan tidak membenarkan sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh mengguris perasaan mana-mana pihak.

"Wajib diberikan noktah kepada perbuatan seperti ini," katanya menerusi catatan di laman sosial X beliau hari ini.

Aaron mengulas mengenai kontroversi sebuah gambar yang tular di laman sosial berkenaan seorang penjaja jagung yang meletakkan makluman berbaur perkauman pada jualannya.
Sementara itu, beliau memohon semua lapisan masyarakat menjunjung Rukun Negara sebagai amalan hidup terutamanya prinsip Kesopanan dan Kesusilaan.

"Kita seharusnya terus memupuk semangat saling menghormati dan memahami dalam kalangan rakyat.

"Saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama memperkukuhkan semangat perpaduan negara dengan menghormati perbezaan yang wujud dan mengutamakan perpaduan demi kebaikan bersama," katanya.

Terdahulu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar turut menegur perbuatan penjual jagung terbabit dan menasihatkan orang ramai supaya menghormati sensitiviti kepelbagaian etnik dan agama di negara ini. – MalaysiaGazette

astro AWANI

Penjual jagung hina kaum India mohon maaf, akui tidak berniat cetus kontroversi

16 Februari 2025



Permohonan maaf itu dibuat pada Ahad malam di Sepang melalui pertemuan diatur pemimpin KRT yang menjadi pengantara dalam menyelesaikan polemik ini agar perpaduan negara kekal harmoni. - Gambar Media sosial Aaron

KUALA LUMPUR: Penjual jagung yang meletakkan papan tanda berunsur perkauman terhadap kaum India tampil memohon maaf atas kesilapannya itu.

Dia yang dikenali sebagai Abdul Aziz Musa berkata, perbuatan itu sama sekali tidak berniat untuk menghina kaum India.

"Saya sebagai peniaga kecil akui poster itu menyinggung perasaan, perkataan tidak elok. Saya mengaku bersalah dan saya minta maaf kepada seluruh rakyat Malaysia terutama sekali kepada kaum India.

"Saya minta kerjasama kepada pembeli untuk sokong peniaga, benda ini berlaku tanpa niat, saya tidak sangka jadi begini, ini tanpa kesedaran dan perbuatan saya ini memang salah, sekali lagi saya mohon orang India, Cina, Melayu, maafkan saya," katanya dalam satu rakaman video.

Permohonan maaf itu dibuat pada Ahad malam di Sepang melalui pertemuan diatur pemimpin Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang menjadi pengantara dalam menyelesaikan polemik ini agar perpaduan negara kekal harmoni.

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang dalam ciapan di aplikasi x turut menegaskan, semua pihak harus sentiasa berusaha memastikan setiap perkataan dan tindakan tidak menimbulkan ketegangan dalam masyarakat majmuk.

Menurutnya, Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian etnik dan agama selain menjadi tanggungjawab bersama untuk menjaga keharmonian ini.

"Perpaduan negara hanya dapat dicapai jika setiap individu mengamalkan nilai memahami, menghormati dan menerima perbezaan," ujarnya.

Sebelum ini, tular satu rakaman video di media sosial selepas seorang penjaja tepi jalan meletakkan papan tanda berunsur perkauman di atas meja yang digunakan untuk menjual jagung bakar.

Ia dikatakan berlaku di Kota Warisan, Sepang di mana penjaja terbabit meletakkan kertas menyatakan dia tidak menjual jagung itu kepada orang India.

BERNAMA

PM Anwar Rasmi Program Majlis Memperingati Tunku Abdul Rahman Esok

16 Februarl 2025



KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual merasmikan Program Majlis Memperingati Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, di Memorial Tunku Abdul Rahman, di sini esok.

Menteri Perpaduan Datuk Aaron Aro Dagang berkata program yang diadakan bersempena ulang tahun kelahiran Bapa Kemerdekaan negara yang ke-122 itu akan dirasmikan Perdana Menteri pada 4 petang.

"Tunku Abdul Rahman bukan sahaja dikenali sebagai Perdana Menteri pertama Malaysia, tetapi beliau juga merupakan lambang keharmonian dan perpaduan dalam negara kita.

A stable political environment is essential for a country to progress, and multi-racial policies contribute to this stability.

When everyone feels heard and represented, the risk of conflict between different groups decreases.

The journey towards embracing unity in diversity is not easy, so it's important to support efforts to promote inclusivity.

This requires everyone – the government, community groups, businesses, and individuals – to work together to uphold values of mutual respect, understanding, and equality.

We should encourage and support grassroots initiatives that bring people from different races together and build stronger communities.

Education is also crucial in shaping people's views and attitudes.

The government should lead the way in promoting national campaigns that highlight the benefits of diversity and unity.

These campaigns can change the way people think about ethnicity, encouraging Malaysians to celebrate their shared values while respecting their differences.

TAN SRI LEE LAM THYE
Member
National Unity Advisory Council

BULETINTVS

Maknai kemerdekaan demi kemajuan negara – PM

17 Februari 2025



Anwar ketika majlis memperingati ketokohan dan sumbangan Tunku Abdul Rahman, di Kuala Lumpur, hari ini.

KUALA LUMPUR: Masyarakat bertanggungjawab untuk memaknai kemerdekaan bagi memastikan kemajuan negara terus terpelihara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tanggungjawab itu merangkumi usaha menghargai perjuangan tokoh terdahulu yang berkorban demi mencapai kemerdekaan.

"Kita perlu memberi erti kepada hasrat yang murni dan mulia daripada tokoh yang berjuang untuk kemerdekaan sebagai asas negara," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis memperingati Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Perdana Menteri Pertama dan Bapa Kemerdekaan Malaysia di Memorial Tunku Abdul Rahman, di sini, hari ini.

Anwar turut berkata perjuangan pemimpin terdahulu dalam membentuk asas negara harus dihargai bagi memastikan Malaysia terus berada di landasan yang betul.

Katanya, perjuangan Tunku Abdul Rahman dalam menubuhkan Malaysia dan membangunkan ekonomi negara, meskipun berdepan pelbagai cabaran serta tentangan terhadap prinsip kepimpinannya, wajar dicontohi.

"Beliau berjaya menggesa tuntutan kemerdekaan, berunding dengan bijak, dan pada masa yang sama menawan hati rakyat, khususnya di Sabah dan Sarawak," tambahnya.

Pada masa sama, Anwar turut menggalakkan generasi muda memahami erti pengorbanan dan perpaduan dalam usaha membina negara bangsa.

Beliau kemudian meluangkan masa melawat pameran di sini, yang memaparkan pelbagai warisan kepimpinan dan bahan sejarah negara, termasuk Pejabat Perdana Menteri yang pertama, Meja Pengisytiharan Kemerdekaan, dan Meja Pemasyhuran Malaysia.

Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, yang dirasmikan pada 10 November 1994, ditubuhkan bagi memperingati jasa dan sumbangan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Memorial itu menampilkan pelbagai bahan sejarah berkaitan Tunku Abdul Rahmah, termasuk dokumen, gambar, hadiah, keratan akhbar, serta barangan peribadi yang mencerminkan perjalanan kepimpinannya sebagai Bapa Kemerdekaan Malaysia.

tvs
www.tvsarawak.my

Perkukuhkan nilai perpaduan diperjuangkan Tunku Abdul Rahman

17 Februari 2025



Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

KUALA LUMPUR, 17 Feb: Nilai-nilai perpaduan yang diperjuangkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj harus terus disemarakkan dan diperkukuhkan.

Menurut Menteri Perpaduan Negara, Dato Sri Aaron Ago Dagang, cabaran yang rakyat Malaysia hadapi hari ini, termasuk perbezaan fahaman politik, isu sosial, serta ancaman kepada keharmonian kaum, memerlukan semua bersatu dan mengamalkan semangat kebersamaan.

"Kita harus mencontohi kepimpinan dan wawasan Tunku dengan memastikan prinsip Rukun Negara sentiasa dijadikan panduan dalam kehidupan seharian kita.

"Prinsip-prinsip ini bukan sekadar slogan, tetapi menjadi asas yang mengikat kita sebagai rakyat Malaysia," katanya ketika berucap pada Majlis Memperingati Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di sini, hari ini.

Menurutnya, Tunku Abdul Rahman bukan sahaja dikenali sebagai Perdana Menteri pertama Malaysia, tetapi beliau juga merupakan lambang keharmonian dan perpaduan dalam negara kita.

Kepimpinannya yang berasaskan toleransi, keadilan dan kasih sayang telah membentuk asas kukuh kepada perpaduan rakyat Malaysia pelbagai kaum, agama dan budaya.

Jelasnya, Almarhum sentiasa percaya bahawa kemakmuran sesebuah negara bergantung kepada kesepaduan rakyatnya.

"Oleh itu, beliau berusaha mengukuhkan hubungan antara kaum dan mewujudkan dasar-dasar yang memastikan setiap rakyat mendapat layanan yang adil dan saksama," katanya.

Kepimpinan Tunku terserlah dalam pelbagai aspek, termasuk dalam usaha membentuk sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

"Kejayaan mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 adalah bukti kecekapan dan kebijaksanaan beliau dalam berunding dengan pihak British serta menyatukan masyarakat pelbagai kaum untuk mencapai cita-cita bersama," ujarnya.

NEW STRAITS TIMES

Anwar – Malaysias Diversity Our Strength Not Weakness

17 February 2025



Prime Minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim visited the office space of the late Tunku Abdul Rahman at the Tunku Abdul Rahman Memorial, Jalan Dato' Onn today, during the commemoration ceremony of Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, the first Prime Minister of Malaysia. Also present was the Minister of National Unity, Datuk Aaron Ago Dagang (left). - Bernama pic

KUALA LUMPUR: Malaysia's diversity in race, culture, and religion is not a weakness, but a strength that can fortify the nation, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said that Malaysia was one of the few unique countries where its people could master multiple languages, including Malay, English, Chinese, Tamil, and various indigenous languages.

"While differences in skin colour, religious beliefs, and cultural backgrounds can be used to incite hatred, we choose to see them as a strength that enhances national unity.

"The richness of Malaysia's arts and culture is also an attraction at the international level.

"Recently, many world leaders who visited Malaysia have expressed admiration for our country's cultural uniqueness. This proves that our diversity is a privilege, not a hindrance," he said in his speech at the Commemoration Ceremony for Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj at the Tunku Abdul Rahman Memorial today.

Also present were Tunku Abdul Rahman's grandchild, Datin Seri Sharifah Menyalara Hussein, Kuala Lumpur Mayor Datuk Seri Paduka Maimunah Mohd Sharif, and cabinet ministers.

Anwar emphasised that the country must continue to uphold the core principles established by past leaders to ensure Malaysia remains united and prosperous.

"The spirit of unity in diversity is the cornerstone of our nation's progress and stability.

"We cannot ignore the fact that this country was built on the foundation of unity. Malaysia will continue to prosper if we appreciate and safeguard this harmony," he said.

Anwar also urged the younger generation to understand and value the struggles of past leaders like Tunku Abdul Rahman in building a united Malaysia.

"The Tunku Abdul Rahman Memorial is not just a tribute to history, but serves as a lesson and reminder to the people, especially the youth.

"It is not merely a historical commemoration, but a means for the new generation to understand the essence of struggle, sacrifice, and the importance of unity," he said.

He added that past leaders faced many challenges in defending the fundamental principles of the nation.

"Although widely accepted by the majority, Tunku Abdul Rahman's struggle was not without obstacles and opposition.

"However, he remained steadfast in upholding national unity," said Anwar.

He also expressed his deep appreciation for Tunku Abdul Rahman's immense contribution in securing Malaya's independence and shaping the formation of Malaysia.

astro AWANI

‘Bersekutu Bertambah Mutu’ lambang kekuatan dalam perbezaan - PM Anwar

17 Februari 2025

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Tunku Abduk Rahman memilih slogan pada Jata Negara, ‘Bersekutu Bertambah Mutu’ kerana menyakini perbezaan di Malaysia boleh menambah kekuatan.

“Perbezaan boleh melemahkan tetapi Tunku Abdul Rahman dari awal menyakini perbezaan iaitu bersekutu bertambah mutu, perbezaan itu boleh menambah kekuatan,” katanya.

malaymail

Anwar Ibrahim pays tribute to Tunku Abdul Rahman on 122nd birth anniversary, hailing his unifying legacy

17 February 2025



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim at the Tunku Abdul Rahman Memorial. — Bernama pic

KUALA LUMPUR, Feb 17 — Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim today expressed his admiration for the late Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, the Father of Malaysia’s Independence, stating that no one else could touch the hearts of all races as he did.

Anwar made these remarks during his speech at the commemoration ceremony for the country’s first prime minister.

“I do not deny his fundamental point, which is the humble personality who could win the hearts of people from all races in our country. It is difficult to find a statesman who can touch hearts and evoke emotions across all communities in our nation,” he said in his speech at the Tunku Abdul Rahman Memorial here.

Anwar said the memorial serves more than preserving a piece of Malaysian history for the younger generations.

“This serves to guide and enlighten the younger generation on the meaning of struggle, sacrifice, unity, and the aspiration to build a nation,” he added.

The event was held in conjunction with Tunku Abdul Rahman’s 122nd birth anniversary. He was born in Alor Setar, Kedah, on February 8, 1903, and served as Malaysia’s first Prime Minister from August 31, 1957, to September 22, 1970.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Nilai perpaduan diperjuangkan Tunku Abdul Rahman wajar terus diperkukuh hadapi cabaran semasa

17 Februarl 2025



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (kanan) melawat ruang pejabat Allahyarham Tunku Abdul Rahman pada Majlis Memperingati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia pertama di Memorial Tunku Abdul Rahman, Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur hari ini. Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (kiri). - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Nilai perpaduan yang diperjuangkan oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj wajar terus diperkukuhkan dalam menghadapi cabaran semasa, termasuk perbezaan politik dan isu sosial.

Justeru, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata prinsip Rukun Negara yang menjadi asas kepada perpaduan rakyat harus terus dijadikan panduan dalam kehidupan seharian.

"Kita harus mencontohi kepimpinan dan wawasan Tunku dengan memastikan prinsip Rukun Negara sentiasa dijadikan panduan dalam kehidupan seharian kita.

"Prinsip-prinsip ini bukan sekadar slogan, tetapi menjadi asas yang mengikat kita sebagai rakyat Malaysia," katanya ketika berucap pada Majlis Memperingati Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di sini, hari ini.

Majlis berkenaan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ia sebagai penghormatan terhadap jasa dan sumbangan Perdana Menteri pertama itu dalam perjuangan kemerdekaan serta pembangunan negara.

Program berkenaan dianjurkan bagi menyebarluaskan maklumat sejarah dan legasi kepimpinan Tunku Abdul Rahman dalam membentuk perpaduan, membangunkan ekonomi negara dan memperjuangkan kemerdekaan Malaysia.

Selaras dengan gagasan Kerajaan MADANI yang menekankan kesejahteraan, keadilan sosial dan keterangkuman, nilai-nilai kepimpinan Almarhum dilihat terus relevan dalam usaha membina negara yang harmoni dan progresif.

Sempena majlis itu, Perdana Menteri turut melawat pameran khas di Memorial Tunku Abdul Rahman yang menempatkan pelbagai bahan sejarah negara termasuk Pejabat Perdana Menteri pertama, Meja Pengisytiharan Kemerdekaan 1957 dan Meja Pemasyhuran Malaysia 1963.

Memorial yang dibuka secara rasmi pada 10 November 1994 itu memaparkan dokumen, gambar, hadiah, keratan akhbar serta barangan peribadi Tunku Abdul Rahman sebagai penghormatan kepada Bapa Kemerdekaan Malaysia.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Perbezaan bukan melemahkan, tapi kekuatan negara – PM

17 Februarl 2025



Datuk Seri Anwar Ibrahim (dua kiri) menyampaikan gambar kenangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan isteri Tun Sharifah Rodziah Syed Alwi Barakbah, yang dirakam di kawasan Chinzanso Restaurant, Tokyo, Jepun, pada 30 Julai 1970, kepada cucu Tunku Abdul Rahman, Datin Seri Sharifah Menyalara Hussein (kanan) ketika Majlis Memperingati Bekas Perdana Menteri Malaysia Pertama, di Memorial Tunku Abdul Rahman, Jalan Dato' Onn, KL hari ini. Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (kiri). Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kepelbagaian kaum, budaya dan agama di Malaysia bukan satu kelemahan, sebaliknya merupakan kekuatan yang mampu memperkukuhkan negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata Malaysia adalah antara negara unik berikutan rakyatnya boleh menguasai pelbagai bahasa termasuk Bahasa Melayu, Inggeris, Cina, Tamil, serta bahasa suku kaum.

"Perbezaan warna kulit, keyakinan agama dan budaya boleh digunakan untuk menanam kebencian, tetapi kita memilih untuk melihatnya sebagai kekuatan yang menambah mutu kesatuan negara.

"Seni dan budaya Malaysia yang pelbagai turut menjadi daya tarikan di peringkat antarabangsa.

"Baru-baru ini, ramai pemimpin dunia yang melawat Malaysia menyatakan rasa kagum dengan keunikan budaya negara kita.

"Ini adalah bukti bahawa kepelbagaian kita adalah keistimewaan, bukan penghalang," katanya ketika berucap pada Majlis Memperingati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Memorial Tunku Abdul Rahman, di sini, petang tadi.

Anwar turut menegaskan bahawa negara perlu terus berpegang kepada prinsip asas yang diasaskan oleh pemimpin terdahulu bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang bersatu dan makmur.

"Semangat kesatuan dalam kepelbagaian merupakan tunjang utama kepada kemajuan dan kestabilan negara.

"Kita tidak boleh mengabaikan fakta bahawa asas negara ini dibina atas semangat kesatuan. Malaysia akan terus maju jika kita menghargai dan mempertahankan perpaduan ini," katanya.

Dalam pada itu, Anwar menyeru generasi muda agar memahami dan menghargai perjuangan pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman dalam membina Malaysia yang bersatu.

"Memorial Tunku Abdul Rahman bukan sekadar untuk memperingati sejarah, tetapi bertujuan memberi kesedaran dan pengajaran kepada rakyat, khususnya anak muda.

"Ia bukan hanya peringatan sejarah, tetapi untuk memberi kefahaman kepada generasi baharu tentang erti perjuangan, pengorbanan dan kepentingan perpaduan," katanya.

Anwar mengingatkan bahawa pemimpin terdahulu menghadapi pelbagai cabaran dalam mempertahankan prinsip asas negara.

"Walaupun diterima oleh majoriti rakyat, perjuangan Tunku Abdul Rahman tidak terlepas daripada hambatan dan tentangan. Namun, beliau tetap teguh mempertahankan prinsip perpaduan negara," katanya.

Anwar turut menzahirkan penghargaan terhadap sumbangan besar Tunku Abdul Rahman dalam menuntut kemerdekaan Malaya dan membentuk Malaysia.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Tunku Abdul Rahman lambang perpaduan negara

17 Februari 2025



Anwar hadir pada Majlis Memperingati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama, di Memorial Tunku Abdul Rahman, Jalan Dato' Onn pada Isnin yang turut dihadiri Aaron. Foto Bernama

KUALA LUMPUR – Bapa Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, bukan sekadar Perdana Menteri pertama Malaysia, tetapi juga lambang perpaduan dan keharmonian yang menjadi asas kepada kestabilan negara hari ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kepimpinan Tunku Abdul Rahman yang berteraskan toleransi, keadilan dan kasih sayang telah membentuk asas kukuh kepada perpaduan rakyat berbilang kaum, agama dan budaya di Malaysia.

"Beliau percaya bahawa kemakmuran sesebuah negara bergantung kepada kesepaduan rakyatnya.

"Oleh itu, Tunku Abdul Rahman berusaha mengukuhkan hubungan antara kaum serta memastikan dasar-dasar yang menjamin layanan adil dan saksama kepada semua rakyat," katanya ketika berucap dalam Majlis Memperingati Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Memorial Tunku Abdul Rahman, di sini, pada Isnin.

Menurut beliau, semangat perpaduan yang diperjuangkan oleh Tunku Abdul Rahman perlu terus dihayati dan dijadikan pedoman dalam kehidupan rakyat Malaysia, khususnya dalam menghadapi cabaran semasa seperti perbezaan fahaman politik, isu sosial dan ancaman kepada keharmonian kaum.

Aaron menegaskan juga bahawa prinsip Rukun Negara yang diperkenalkan pada 1970 perlu terus dijadikan pegangan rakyat Malaysia bagi memastikan negara kekal harmoni dan bersatu padu.

"Prinsip-prinsip Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang serta Kesopanan dan Kesusilaan bukan sekadar slogan, tetapi ia adalah nilai-nilai yang mengikat kita sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pemahaman mendalam mengenai Rukun Negara bukan hanya dapat mengelakkan perpecahan dalam masyarakat, malah berupaya memperkukuh perpaduan nasional seperti yang diimpikan oleh Tunku Abdul Rahman.

"Dalam era globalisasi dan digitalisasi ini, masyarakat mudah terpengaruh dengan pelbagai anasir luar yang boleh menggugat perpaduan. Oleh itu, kita semua harus memainkan peranan untuk memastikan nilai-nilai ini terus diterapkan dalam kehidupan seharian," tambahnya.

Dalam usaha mengenang jasa tokoh negara itu, Aaron menyeru rakyat Malaysia, terutama golongan muda, untuk melawat Memorial Tunku Abdul Rahman, yang menempatkan pelbagai warisan dan dokumen penting mengenai perjuangan kemerdekaan.

"Memorial ini mengabadikan sejarah kepimpinan Tunku, termasuk meja yang digunakan semasa Pengisytiharan Kemerdekaan 1957, Pejabat Perdana Menteri yang pertama, serta kereta Nash Rambler 1951 yang membawa beliau pulang dari London selepas merundingkan kemerdekaan," katanya.

Menurutnya, memorial ini bukan sekadar pusat pameran sejarah, tetapi juga ruang untuk rakyat memahami visi dan aspirasi Tunku Abdul Rahman dalam membentuk sebuah negara yang bersatu-padu dan harmoni.

Dalam usaha meneruskan legasi perjuangan Tunku Abdul Rahman, Aaron berkata Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR), yang ditubuhkan pada 1966, terus komited dalam menyediakan peluang pendidikan kepada golongan yang kurang berkemampuan.

"Sejak penubuhannya, YTAR telah membantu lebih 9,500 pelajar dengan menyediakan bantuan kewangan dan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi," katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa YTAR kini di bawah tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan sedang giat melaksanakan program seperti Biasiswa Tunku Abdul Rahman, Closing The Gap dan Future Ready yang memberi tumpuan kepada peningkatan kemahiran serta kebolehpasaran graduan, khususnya dalam kalangan golongan B40.

"Dalam beberapa tahun ini, YTAR berjaya menjalin kerjasama strategik melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) dengan nilai tajaan RM22 juta, termasuk RM5.8 juta tajaan tunai serta RM16.5 juta pengecualian yuran pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)," katanya lagi.

TheStar

Tunku's granddaughter remembers his vision of inclusivity

17 February 2025



KUALA LUMPUR: The Father of Independence, the late Tunku Abdul Rahman Foundation, was a man who did not see races and always knew there was always someone better than him, says Tunku's granddaughter Datin Seri Sharifah Menyalara Hussein.

She said this at a memorial held at the Tunku Abdul Rahman Memorial here in conjunction with the 122nd birth anniversary of Malaysia's first Prime Minister on Monday (Feb 17), graced by the Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Recalling the first Prime Minister of Malaysia, Sharifah Menyalara said that to her, her grandfather, whom she fondly called Tok Tam, was a man who breathed "unity".

"For Tunku, that second line of 'Negaraku', was not a mere lyric. 'Tanah tumpahnya darahku' was his reason for being, his inspiration, his cause and his very life.

"Tunku was a steadfast champion of unity. He didn't just talk about unity, he lived it. It wasn't just part of his work as Prime Minister; it was woven into the way he lived every single day.

"For instance, the Residency we're in today wasn't just Tunku's home—it was a home for everyone welcoming leaders from all over the world and people from all walks of life.

"What truly brought Tunku joy wasn't the grandeur of leadership, but the simple sound of children laughing and playing. These children weren't just his grandchildren, but the children of his staff from all backgrounds. One visitor, seeing the diversity of children playing in the compound, asked, "Who are all these children? Why are they always here?"

"With his usual warmth and humour, Tunku simply smiled and replied, 'They are all my cucu.' To him, race and religion were never barriers; they were opportunities for understanding," said Sharifah Menyalara.

She also talked of how her Tok Tam reminded her that one should always remember that "there is always someone better than you".

"He was specially invited to a play at a theatre in London. As he arrived, he was absolutely thrilled - spotlights were flashing, photographers were snapping away, and for a brief, glorious moment, he thought, wow, they really know how to treat the Prime Minister of Malaysia. But just as he was basking in the moment, reality hit. The excitement, the flashing cameras, the eager paparazzi? Yeah... they weren't for him. Behind him, stepping out in all her dazzling glory, was none other than the stunning British superstar, Elizabeth Taylor.

"With Tunku's signature laugh, he concluded: 'Never ever think you're the best- because trust me, there's always someone better!'" said Sharifah Menyalara, who is also on the Board of Trustees for Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR).

YTAR provides scholarships and development programmes to empower high-potential, deserving youth to build a better future for themselves and the nation.

At the same event, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said that the Tunku Abdul Rahman Memorial was established to honour the contributions and services of the leader, as a distinguished statesman and Father of Independence.

"The Tunku Abdul Rahman Foundation (YTAR) was established in 1966 as a statutory body to provide financial assistance to students who wish to pursue higher education. Since its establishment, YTAR has helped 9,500 students.

"Now, YTAR, under the responsibility of the Ministry of National Unity, will continue to focus on providing educational assistance through the Tunku Abdul Rahman Scholarships, as well as implementing programs such as Closing The Gap and Future Ready, which will improve the employability of B40 graduates," said Aro Dagang.

Sinar Harian

Perbezaan kaum bukan pemecah belah, tetapi kekuatan negara – Anwar

17 Februari 2025



Anwar melawat galeri Allahyarham Tunku Abdul Rahman pada Majlis Memperingati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama, di Memorial Tunku Abdul Rahman, Jalan Dato' Onn pada Isnin. Turut hadir Aaron. Foto Bernama

KUALA LUMPUR – Kepelbagaian kaum, budaya, dan agama di Malaysia bukanlah satu kelemahan, sebaliknya merupakan kekuatan yang mampu memperkukuhkan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia adalah antara negara unik yang rakyatnya boleh menguasai pelbagai bahasa termasuk bahasa Melayu, Inggeris, Cina, Tamil, serta bahasa suku kaum.

"Perbezaan warna kulit, keyakinan agama dan budaya boleh digunakan untuk menanam kebencian, tetapi kita memilih untuk melihatnya sebagai kekuatan yang menambah mutu kesatuan negara," katanya ketika berucap dalam Majlis Memperingati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Memorial Tunku Abdul Rahman pada Isnin.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Dagang dan cucu kepada Tunku Abdul Rahman, Datin Seri Sharifah Menyalara Hussein.

Anwar turut menyatakan bahawa seni dan budaya Malaysia yang pelbagai turut menjadi daya tarikan di peringkat antarabangsa.

"Baru-baru ini, ramai pemimpin dunia yang melawat Malaysia menyatakan rasa kagum dengan keunikan budaya negara kita. Ini adalah bukti bahawa kepelbagaian kita adalah keistimewaan, bukan penghalang," ujarnya.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa negara perlu terus berpegang kepada prinsip asas yang telah diasaskan oleh pemimpin terdahulu bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang bersatu dan makmur.

Menurutnya, semangat kesatuan dalam kepelbagaian merupakan tunjang utama kepada kemajuan dan kestabilan negara.

"Kita tidak boleh mengabaikan fakta bahawa asas negara ini dibina atas semangat kesatuan. Malaysia akan terus maju jika kita menghargai dan mempertahankan perpaduan ini," katanya.

Dalam pada itu, Anwar menyeru generasi muda agar memahami dan menghargai perjuangan pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman dalam membina Malaysia yang bersatu.

Menurutnya, Memorial Tunku Abdul Rahman bukan sekadar untuk memperingati sejarah, tetapi bertujuan memberi kesedaran dan pengajaran kepada rakyat, khususnya anak muda.

"Ini bukan hanya peringatan sejarah, tetapi untuk memberi kefahaman kepada generasi baharu tentang erti perjuangan, pengorbanan dan kepentingan perpaduan," katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa pemimpin terdahulu menghadapi pelbagai cabaran dalam mempertahankan prinsip asas negara.

"Walaupun diterima oleh majoriti rakyat, perjuangan Tunku Abdul Rahman tidak terlepas daripada hambatan dan tentangan. Namun, beliau tetap teguh mempertahankan prinsip perpaduan negara," katanya.

Anwar turut menzahirkan penghargaan terhadap sumbangan besar Tunku Abdul Rahman dalam menuntut kemerdekaan Malaya dan membentuk Malaysia.

Menurutnya, Tunku menggunakan pendekatan diplomasi yang bijak dan berstrategi dalam menarik sokongan Sabah dan Sarawak bagi menyertai pembentukan Malaysia.

"Dalam keadaan geopolitik yang tidak menentu pada ketika itu, hanya pemimpin berwawasan seperti Tunku Abdul Rahman yang mampu melihat jauh ke hadapan dan memastikan Malaysia terbentuk dengan aman," ujarnya.

Anwar turut menegaskan bahawa Tunku Abdul Rahman telah meletakkan asas penting dalam pembinaan negara melalui beberapa prinsip utama yang masih dipertahankan sehingga kini.

"Tunku menetapkan bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Islam sebagai agama Persekutuan, hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera, serta kedaulatan Raja-Raja Melayu perlu dipertahankan," jelasnya.

Menurutnya, walaupun prinsip-prinsip ini dijaga dengan ketat, Tunku tetap mengamalkan sikap keterangkuman dengan merangkul semua kaum dan budaya dalam membentuk identiti Malaysia.

"Tunku Abdul Rahman tidak melihat perbezaan sebagai pemisah, sebaliknya beliau percaya bahawa kepelbagaian ini adalah aset yang boleh memperkukuhkan negara," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri turut menyentuh tentang perjuangan Tunku Abdul Rahman dalam menegakkan sistem demokrasi dan kebebasan media di Malaysia.

Menurutnya, walaupun sistem demokrasi Malaysia masih berkembang dan tidak sempurna, Tunku Abdul Rahman telah meletakkan asas penting dalam mempertahankan kebebasan bersuara.

"Ketika itu, kita berdepan ancaman dari Parti Komunis Malaya dan cabaran politik lain. Namun, asas kebebasan media dan demokrasi tetap ditegakkan," katanya.

Beliau menegaskan bahawa tanggungjawab generasi kini adalah memastikan prinsip demokrasi terus hidup dan dihormati.

"Kita harus memberi makna kepada demokrasi dan menghayati semangat perjuangan pemimpin terdahulu dalam mempertahankan kebebasan dan keadilan," katanya.

TheStar

Tunku, only leader who ever captured hearts of all Malaysians, says Anwar

17 February 2025



KUALA LUMPUR: The late Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj was a visionary leader who captured the hearts of all races, as his message of unity in diversity was consistent throughout his era, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said that although Tunku entrenched the pillars, which may have been controversial for some when he founded the nation, he ensured that all the other races and religions were also included and that no one was left behind.

Anwar said this at a memorial held at the Tunku Abdul Rahman Memorial here on Monday (Feb 17), coinciding with the 122nd birth anniversary of Malaysia's first Prime Minister.

"One cannot capture such a great statesman who had such a great vision to create an independent Malaya and Sabah and Sarawak.

"He not only cleverly negotiated for the independence of Malaya (from the British in 1957) but he also managed to convince Sabah and Sarawak that their future would be better off in this region as part of a federation in those times of unstable geopolitics as well as a cold war.

"To me, only a leader with visionary leadership would look to the future. God has kindly granted us with Tunku as that leader," said Anwar.

He said that although in his younger days, he may not have agreed with Tunku on some issues, he could never deny the personality of Tunku which unified all races.

"I could never deny that this man's personality had been able to win over the hearts of all races in this country. It is difficult to replace him as a leader who touches the hearts of all races.

"This is because he was consistent when he spoke of the unity of the country, whether in Malaya, Sabah, or Sarawak, and the harmony of all races and cultures—be they Malays, Chinese, Indians, Kadazan, Dusun, or Murut—that the Malaysia we have today forces us to accept that harmony in diversity.

"He was also the one who had placed the pillars of the country - Bahasa Malaysia as the official language, Islam as the official religion, the rights of the Malays and the sovereignty of the Malay Rulers - he had upheld these but he ensured all races and religions were included as the interests of the country overruled everything else.

"I call upon the younger generation that these pillars were upheld as principles from the very start but accepted that there were different cultures and races but the spirit of unity raised Malaysia as a united country to be the developed country it is today," said Anwar.

He pointed out that although the special status given to Bahasa Malaysia, Islam, Malays and the Malay Rulers was criticised at times, the majority of the country has accepted the reality.

"There are those who, even though we have been independent for this long (since 1957), have yet to accept that this country is standing on its uniqueness and speciality and has accepted that some of the main policies were enshrined in the constitution with diversity," said Anwar.

He said that although differences can divide and break a nation, Tunku saw that the diversity of the Malaysian people would be its strength.

"Generations take these realities for granted but the basis was promoted by Tunku. Although democracy in this country had evolved, the basis was placed by Tunku.

"Our responsibility today is to give meaning to our independence so that this country maintains on the right runway and raises the dignity of this country.

"I missed Tunku's birthday on February 8, but as soon as I remembered, I asked for a memorial to be held before the fasting month.

"This is to remind the people of the meaning of struggle, unity and the ambition to build a country," said Anwar.

Tunku's granddaughter, Datin Seri Sharifah Menyalara Hussein, who also spoke at the event, presented Anwar with a memento: a photograph of Tunku and his wife taken in Tokyo.

BERNAMA

Perbezaan Bukan Melemahkan,Tetapi Kekuatan Negara – PM Anwar

17 Februarl 2025



KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menekankan bahawa kerencaman dan kepelbagaian di Malaysia tidak seharusnya melemahkan hubungan sesama masyarakat, sebaliknya dijadikan sebagai kekuatan ke arah negara yang lebih makmur dan maju.

Ketika berucap pada Majlis Memperingati Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj hari ini, beliau berkata ia selaras dengan pemilihan cogan 'Bersekutu Bertambah Mutu' pada jata negara oleh Bapa Kemerdekaan itu, yang meyakini perbezaan mampu memberi kekuatan kepada negara.

Perdana Menteri menzahirkan rasa kagumnya kepada Perdana Menteri Malaysia yang pertama itu, dengan menyifatkan tidak ada mana-mana individu yang mampu menyentuh hati semua kaum di negara ini seperti dilakukan Almarhum Tunku Abdul Rahman ketika dahulu.

"Perbedaan boleh melemahkan, boleh digunakan untuk menanam kebencian, tetapi Almarhum Tunku Abdul Rahman dari awal meyakini bahawa kepelbagaian dan perbedaan itu boleh menambah kekuatan.

"Sebab beliau konsisten bicara soal perpaduan negara baik negeri-negeri Persekutan Tanah Melayu dan kemudiannya Sabah dan Sarawak, menerima kenyataan kepelbagaian kerencaman kaum dan budaya...Ya, Tunku Abdul Rahman adalah antara yang meletakkan tunggak prinsip-prinsip negara," katanya.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil serta cucu Tunku Abdul Rahman Datin Seri Sharifah Menyalara Hussein.

Anwar berkata Almarhum Tunku Abdul Rahman telah meletakkan asas penting dalam pembinaan negara ini melalui beberapa prinsip utama yang masih dipertahankan sehingga kini.

"Tunku Abdul Rahman menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Islam sebagai agama Persekutuan, hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera serta kedaulatan Raja-Raja Melayu perlu dipertahankan," kata beliau.
Perdana Menteri berkata meskipun prinsip-prinsip itu dijaga, Bapa Kemerdekaan itu tetap mengamalkan sikap keterangkuman dengan mengambil kira semua kaum dan budaya dalam membentuk identiti Malaysia.

Anwar berkata Tunku Abdul Rahman juga tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran dalam mempertahankan prinsip asas negara.

"Ini harus kita ingat, kerana apa yang beliau (Tunku Abdul Rahman) perjuangkan walaupun umumnya diterima oleh majoriti rakyat, beliau tidak terlepas daripada hambatan, singgungan, sergahan dan usaha-usaha untuk melanggar dan menolak prinsip-prinsip ini," kata Perdana Menteri.

Justeru, Anwar menegaskan rakyat perlu terus berpegang kepada prinsip yang telah diasaskan pejuang terdahulu, bagi memastikan Malaysia kekal sebagai negara yang bersatu, maju dan makmur.

Beliau turut menyeru generasi muda supaya lebih memahami dan menghargai perjuangan pemimpin-pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman, dalam membina Malaysia yang bersatu dan stabil.

Sehubungan itu, Anwar berkata Memorial Tunku Abdul Rahman dapat menjadi platform bukan sahaja untuk memperingati sejarah, tetapi memupuk kesedaran dan memberi pengajaran kepada rakyat khususnya kepada generasi kini tentang pengorbanan dan perpaduan.

myMetro

Perbezaan bukan melemahkan, tetapi kekuatan negara – PM

17 Februarl 2025



ANWAR berucap pada Majlis Memperingati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama, di Memorial Tunku Abdul Rahman, Jalan Dato' Onn hari ini. FOTO Bernama

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menekankan bahawa kerencaman dan kepelbagaian di Malaysia tidak seharusnya melemahkan hubungan sesama masyarakat, sebaliknya dijadikan sebagai kekuatan ke arah negara yang lebih makmur dan maju.

Ketika berucap pada Majlis Memperingati Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj hari ini, beliau berkata ia selaras dengan pemilihan cogan 'Bersekutu Bertambah Mutu' pada jata negara oleh Bapa Kemerdekaan itu, yang meyakini perbezaan mampu memberi kekuatan kepada negara.

Perdana Menteri menzahirkan rasa kagumnya kepada Perdana Menteri Malaysia yang pertama itu, dengan menyifatkan tidak ada mana-mana individu yang mampu menyentuh hati semua kaum di negara ini seperti dilakukan Almarhum Tunku Abdul Rahman ketika dahulu.

"Perbedaan boleh melemahkan, boleh digunakan untuk menanam kebencian, tetapi Almarhum Tunku Abdul Rahman dari awal meyakini bahawa kepelbagaian dan perbedaan itu boleh menambah kekuatan.

"Sebab beliau konsisten bicara soal perpaduan negara baik negeri-negeri Persekutan Tanah Melayu dan kemudiannya Sabah dan Sarawak, menerima kenyataan kepelbagaian kerencaman kaum dan budaya...Ya, Tunku Abdul Rahman adalah antara yang meletakkan tunggak prinsip-prinsip negara," katanya.

Turut hadir pada majlis itu Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil serta cucu Tunku Abdul Rahman Datin Seri Sharifah Menyalara Hussein.

Anwar berkata Almarhum Tunku Abdul Rahman telah meletakkan asas penting dalam pembinaan negara ini melalui beberapa prinsip utama yang masih dipertahankan sehingga kini.

"Tunku Abdul Rahman menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, Islam sebagai agama Persekutuan, hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera serta kedaulatan Raja-Raja Melayu perlu dipertahankan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata meskipun prinsip-prinsip itu dijaga, Bapa Kemerdekaan itu tetap mengamalkan sikap keterangkuman dengan mengambil kira semua kaum dan budaya dalam membentuk identiti Malaysia.

Anwar berkata Tunku Abdul Rahman juga tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai cabaran dalam mempertahankan prinsip asas negara.

"Ini harus kita ingat, kerana apa yang beliau (Tunku Abdul Rahman) perjuangkan walaupun umumnya diterima oleh majoriti rakyat, beliau tidak terlepas daripada hambatan, singgungan, sergahan dan usaha-usaha untuk melanggar dan menolak prinsip-prinsip ini," kata Perdana Menteri.

Justeru, Anwar menegaskan rakyat perlu terus berpegang kepada prinsip yang telah diasaskan pejuang terdahulu, bagi memastikan Malaysia kekal sebagai negara yang bersatu, maju dan makmur.

Beliau turut menyeru generasi muda supaya lebih memahami dan menghargai perjuangan pemimpin-pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman, dalam membina Malaysia yang bersatu dan stabil.

Sehubungan itu, Anwar berkata Memorial Tunku Abdul Rahman dapat menjadi platform bukan sahaja untuk memperingati sejarah, tetapi memupuk kesedaran dan memberi pengajaran kepada rakyat khususnya kepada generasi kini tentang pengorbanan dan perpaduan.

Differences Do Not Weaken, But A Strength For The Nation – PM Anwar

BERNAMA

17 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 17 (Bernama) — Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim today stressed that Malaysia's diversity should not undermine intercommunity relations but instead be harnessed as a source of strength to build a more prosperous and progressive nation.

Speaking at a ceremony to commemorate the late Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Anwar said this is in line with Malaysia's coat or arms motto 'Bersekutu Bertambah Mutu' (Unity is Strength), chosen by the Father of Independence, who firmly believed that differences could enhance the nation's strength.

The prime minister expressed his deep admiration for Tunku Abdul Rahman, noting that no individual in Malaysia's history has been able to unite the hearts of all races as the country's first Prime Minister did.

"Differences can divide and breed hatred, but Tunku Abdul Rahman believed from the very beginning that diversity could fortify our nation.

"He consistently championed national unity, first with the states of the Federation of Malaya, and later with Sabah and Sarawak, embracing the diversity of races and cultures... Tunku Abdul Rahman was truly one of the founding pillars of the country's principles," Anwar said.

Also present at the event were National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang, Communications Minister Fahmi Fadzil, and Tunku Abdul Rahman's granddaughter, Datin Seri Sharifah Menyalara Hussein.

Anwar said the Tunku Abdul Rahman laid a crucial foundation in building the nation through several key principles that were still upheld today.

"Tunku Abdul Rahman established Malay as the official language, Islam as the religion of the Federation, the special privileges of the Malays and Bumiputera, as well as the sovereignty of the Malay Rulers, which must be preserved," he said.

The Prime Minister said that while these principles were safeguarded, Tunku Abdul Rahman also practised inclusivity by considering all ethnicities and cultures in shaping Malaysia's identity.

Notably, Anwar said Tunku Abdul Rahman also faced numerous challenges in defending the nation's fundamental principles.

"This is something we must remember because, although what he (Tunku Abdul Rahman) fought for was generally accepted by the majority of the people, he was not spared from obstacles, criticism, opposition, and attempts to undermine and reject these principles," he said.

As such, Anwar stressed that the people must continue to uphold the principles laid down by past leaders to ensure that Malaysia remained a united, progressive, and prosperous country.

He also urged the younger generation to better understand and appreciate the struggles of past leaders like Tunku Abdul Rahman in building a united and stable Malaysia.

In this regard, Anwar said the Tunku Abdul Rahman Memorial could serve as a platform not only to commemorate history but also to foster awareness and provide lessons to the people, particularly the current generation, about sacrifice and unity.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

Nilai perpaduan Tunku Abdul Rahman harus diperkukuh – Aaron Ago

17 Februari 2025



KUALA LUMPUR – Nilai perpaduan yang diperjuangkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj perlu terus diperkukuhkan dalam menghadapi cabaran semasa, termasuk perbezaan politik dan isu sosial.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata prinsip Rukun Negara yang menjadi asas kepada perpaduan rakyat Malaysia harus terus dijadikan panduan dalam kehidupan seharian.

"Kita harus mencontohi kepimpinan dan wawasan Tunku dengan memastikan prinsip Rukun Negara sentiasa dijadikan panduan dalam kehidupan seharian kita.

"Prinsip-prinsip ini bukan sekadar slogan, tetapi menjadi asas yang mengikat kita sebagai rakyat Malaysia," katanya ketika berucap pada Majlis Memperingati Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, di sini hari ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai penghormatan terhadap jasa dan sumbangan Perdana Menteri pertama itu dalam perjuangan kemerdekaan serta pembangunan negara.

Program ini dianjurkan bagi menyebarluaskan maklumat sejarah serta legasi kepimpinan Tunku Abdul Rahman dalam membentuk perpaduan, membangunkan ekonomi negara, dan memperjuangkan kemerdekaan Malaysia.

Selaras dengan gagasan Kerajaan Madani yang menekankan kesejahteraan, keadilan sosial, dan keterangkuman, nilai-nilai kepimpinan Almarhum dilihat terus relevan dalam usaha membina negara yang harmoni dan progresif.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri turut melawat pameran khas di Memorial Tunku Abdul Rahman yang menempatkan pelbagai bahan sejarah negara termasuk Pejabat Perdana Menteri pertama, Meja Pengisytiharan Kemerdekaan 1957 dan Meja Pemasyhuran Malaysia 1963.

Memorial yang dibuka secara rasmi pada 10 November 1994 itu memaparkan dokumen, gambar, hadiah, keratan akhbar serta barangan peribadi Almarhum sebagai penghormatan kepada Bapa Kemerdekaan Malaysia. – KOSMO! ONLINE

malaysiakini
news and views that matter

Let differences strengthen nation as per Tunku's beliefs – PM

17 February 2025



Prime Minister Anwar Ibrahim said Malaysia's diversity should not undermine intercommunity relations but be harnessed as a strength to build a more prosperous and progressive nation.

He said this is in line with Malaysia's coat of arms motto "Bersekutu Bertambah Mutu" (Unity is Strength), chosen by the Father of Independence, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj...

theSun

Differences do not weaken, but a strength for the nation – PM Anwar

17 Februarl 2025



KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim today stressed that Malaysia's diversity should not undermine intercommunity relations but instead be harnessed as a source of strength to build a more prosperous and progressive nation.

Speaking at a ceremony to commemorate the late Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Anwar said this is in line with Malaysia's coat or arms motto 'Bersekutu Bertambah Mutu' (Unity is Strength), chosen by the Father of Independence, who firmly believed that differences could enhance the nation's strength.

The prime minister expressed his deep admiration for Tunku Abdul Rahman, noting that no individual in Malaysia's history has been able to unite the hearts of all races as the country's first Prime Minister did.

"Differences can divide and breed hatred, but Tunku Abdul Rahman believed from the very beginning that diversity could fortify our nation.

"He consistently championed national unity, first with the states of the Federation of Malaya, and later with Sabah and Sarawak, embracing the diversity of races and cultures... Tunku Abdul Rahman was truly one of the founding pillars of the country's principles," Anwar said.

Also present at the event were National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang, Communications Minister Fahmi Fadzil, and Tunku Abdul Rahman's granddaughter, Datin Seri Sharifah Menyalara Hussein.

Anwar said the Tunku Abdul Rahman laid a crucial foundation in building the nation through several key principles that were still upheld today.

"Tunku Abdul Rahman established Malay as the official language, Islam as the religion of the Federation, the special privileges of the Malays and Bumiputera, as well as the sovereignty of the Malay Rulers, which must be preserved," he said.

The Prime Minister said that while these principles were safeguarded, Tunku Abdul Rahman also practised inclusivity by considering all ethnicities and cultures in shaping Malaysia's identity.

Notably, Anwar said Tunku Abdul Rahman also faced numerous challenges in defending the nation's fundamental principles.

"This is something we must remember because, although what he (Tunku Abdul Rahman) fought for was generally accepted by the majority of the people, he was not spared from obstacles, criticism, opposition, and attempts to undermine and reject these principles," he said.

As such, Anwar stressed that the people must continue to uphold the principles laid down by past leaders to ensure that Malaysia remained a united, progressive, and prosperous country.

He also urged the younger generation to better understand and appreciate the struggles of past leaders like Tunku Abdul Rahman in building a united and stable Malaysia.

In this regard, Anwar said the Tunku Abdul Rahman Memorial could serve as a platform not only to commemorate history but also to foster awareness and provide lessons to the people, particularly the current generation, about sacrifice and unity.

Utusan Malaysia

Perbezaan bukan melemahkan, tetapi menyatukan – Anwar

17 February 2025



KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu masyarakat menyelami aspirasi Perdana Menteri Pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berhubung aspek perbezaan budaya dan agama di negara ini.

Katanya, perbezaan sebenarnya mampu menyuntik kekuatan walaupun aspek itu kadangkala diambil kesempatan oleh pihak tertentu sebagai simbol melemahkan serta menanam kebencian.

"Tunku dari awal meyakini kepelbagaian itu sebagai simbol kekuatan sehingga Jata Negara dipilih Bersekutu Bertambah Mutu.

"Lihat sahaja pelbagai budaya di negara ini kerana tidak banyak negara di dunia yang mempunyai rasa bangga seperti kita.

"(Malaysia) Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi, Bahasa Inggeris sebagai Bahasa kedua serta penggunaan Bahasa Mandarin, Tamil dan bahasa suku kaum lain. Kerencaman itu adalah kekuatan," katanya pada Majlis Mengenang Perdana Menteri Pertama di Memorial Tunku Abdul Rahman di sini, hari ini.

Anwar menegaskan tanggungjawab generasi muda pada hari ini dalam memaknai erti kemerdekaan supaya negara tertegak atas prinsip dan landasan yang betul.

Jelasnya, prinsip itu perlu diwarnai dengan semangat perpaduan dalam mengangkat martabat negara yang penuh kemajmukan.

"Memorial yang ada pada hari ini bukan sahaja menjadi tempat untuk generasi muda mengimbau rentetan sejarah, tetapi sebaliknya menjadi lokasi untuk mendidik dan memberi pencerahan mengenai erti perjuangan, pengorbanan, perpaduan dan cita-cita membina negara bangsa," katanya.

Terdahulu, majlis tersebut disempurnakan oleh Anwar sebagai penghormatan terhadap jasa dan sumbangan Tunku Abdul Rahman dalam perjuangan kemerdekaan serta pembangunan negara.

Program itu dianjurkan bagi menyebarluaskan maklumat sejarah serta legasi kepemimpinan Tunku Abdul Rahman dalam membentuk perpaduan, membangunkan ekonomi negara dan memperjuangkan kemerdekaan Malaysia.

Selaras dengan gagasan Kerajaan Madani yang menekankan kesejahteraan, keadilan sosial dan keterangkuman, nilai-nilai kepemimpinan Almarhum dilihat terus relevan dalam usaha membina negara yang harmoni dan progresif.

Dalam majlis itu, Perdana Menteri turut melawat pameran khas di Memorial Tunku Abdul Rahman yang menempatkan pelbagai bahan sejarah negara, termasuk Pejabat Perdana Menteri pertama, Meja Pengisytiharan Kemerdekaan 1957 dan Meja Pemasyhuran Malaysia 1963.

Memorial yang dibuka secara rasmi pada 10 November 1994 itu memaparkan dokumen, gambar, hadiah, keratan akhbar serta barangan peribadi Almarhum Tunku Abdul Rahman sebagai penghormatan kepada Bapa Kemerdekaan Malaysia. – UTUSAN

東方日報 Oriental Daily News

安华：多元是大马优势而非弱点

2025年02月17日



（吉隆坡17日讯）首相拿督斯里安华强调，多元种族、文化和宗教是马来西亚的巩固国家的优势，而非弱点。

他说，大马是少数几个独特的国家之一，人民能够掌握多种语言，包括马来语、英语、华语、泰米尔语及各种土著语言。

“虽然肤色、宗教信仰和文化背景的差异，可能会被利用来煽动仇恨，但我们选择将这些差异视为促进国家团结的力量。大马丰富的艺术和文化底蕴，也是我们在国际舞台上的一大亮点。”

“最近，许多来访大马的世界领袖对我国独特的文化特色都表示赞赏，这证明我们的多元是一种优势，而非阻碍。”

安华今日在国父东姑阿都拉曼纪念馆举行的纪念仪式上致词时，如此表示。

他强调，我国必须继续坚守历任领袖制定的核心原则，以继续保持团结与繁荣。

“多元团结精神是我国发展与稳定的基石。我们不能忽视这个国家是建立在团结的基础之上。只要我们珍惜并维护这种和谐，大马将持续繁荣发展。”

安华还呼吁，青年理解并珍惜像东姑阿都拉曼这样的先贤，为建立团结的大马所付出的努力。

“东姑阿都拉曼纪念馆不仅是对历史的致敬，更是对人民，特别是青年的教训和提醒。这不仅是一场历史纪念活动，更是让新一代了解奋斗、牺牲的本质，以及团结的重要性。”

此外，他表示，历任领袖也在捍卫国家基本原则的过程中，也面临了诸多挑战。

“虽然大多数人认同东姑阿都拉曼的奋斗，但他的道路并非一帆风顺，而是充满障碍与反对。然而，他始终坚守促进国家团结的信念。”

他还对东姑阿都拉曼为争取马来亚独立，及促成大马成立所做出的巨大贡献，表达崇高的敬意与感谢。

出席活动的嘉宾还有东姑阿都拉曼的孙女莎莉法哈妮莎、吉隆坡市长拿督斯里巴杜卡麦慕娜和多位内阁部长。

Tiada Keperluan Gubal Akta Anti-Diskriminasi Kaum, Undang-undang Sedia Ada memadai – Aaron

18 Februarl 2025



Menteri Perpaduan Negara merangkap Ahli Parlimen Kanowit Datuk Aaron Ago Anak Dagang ketika menghadiri Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen hari ini.

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Kementerian PerpaduanNegara (KPN) berpandangan tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum bagi membendung isu perkauman buat masa ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata ini kerana undang-undang sedia ada mencukupi untuk memastikan hubungan antara kaum terpelihara dan memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada.

"Dalam hal ini, penguatkuasaan yang telus dan adil, tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan kelas sosial adalah amat penting untuk memastikan keharmonian terus terpelihara.

"Namun demikian, sekiranya keadaan mendesak dan kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan atau kenyataan (hate speech) atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman, maka kementerian akan menyokong penuh hasrat berkenaan," katanya.

Beliau menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan) sama ada kerajaan berhasrat menggubal Akta Anti Diskriminasi Kaum untuk membendung peristiwa perkauman yang kian melarat dalam kalangan pemimpin parti politik dan individu yang bersikap ekstremis dan perkauman pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Aaron berkata terdapat kira-kira 10 peruntukan undang-undang sedia ada untuk membendung isu perkauman termasuk Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Hasutan 1948.

Beliau berkata sesiapa dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat atau didakwa mengikut peruntukan undang-undang berkenaan.

Mengulas mengenai insiden melibatkan seorang penjaja di Sepang yang enggan menjual jagung kepada kaum India dengan meletakkan papan tanda berunsur perkauman, Aaron berkata KPNtelah menggerakkan anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah itu.

Beliau berkata sesi permohonan maaf telah diadakan di sebuah restoran di Sepang yang turut dihadiri oleh wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta pihak polis.

"Peranan KRT dalam menyelesaikan polemik itu turut memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap KRT sebagai ejen perpaduan dan penyelesai masalah, selain menekankan pentingnya kerjasama antara pemimpin komuniti serta pihak berkuasa untuk memastikan suasana harmoni dan aman terpelihara.

"Saya ingin menegaskan bahawa kita semua harus sentiasa berusaha memastikan bahawa setiap perkataan dan tindakan kita tidak menimbulkan perasaan tidak selesa, ketegangan atau salah faham dalam kalangan penganut agama, budaya dan kaum yang berbeza," katanya.

Menjawab soalan tambahan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (MUDA-Muar) mengenai tindakan undang-undang terhadap individu itu, yang terang-terangan melakukan jenayah perkauman supaya perkara berkenaan tidak berulang, Aaron berkata KPN menggunakan pendekatan reformasi untuk menyelesaikan perkara itu.

"Sebab itu di bawah KPN kita ada KRT, malah kita juga ada 571 mediator komuniti dan kes ini belum sampai ke mediator tetapi diperingkat KRT sudah diselesaikan dengan kerjasama pihak polis dan akhirnya proses faham memahami serta permohonan maaf diadakan dan kita anggap kes ini selesai," katanya.

BERNAMA

No Need For Anti-Racial Discrimination Law, Existing Legislation Sufficient – Aaron

18 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 18 (Bernama) -- The National Unity Ministry (KPN) feels there is no need to draft or introduce new laws, such as an Anti-Racial Discrimination Act, to curb racial issues in the country for now.

Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the existing laws are sufficient to preserve inter-racial relations, provided the irenforcement is strengthened.

"In this regard, transparent and fair enforcement, regardless of ethnic, religious or social background, is crucial to maintaining harmony.

"However, if circumstances become pressing and the government deems it necessary to review existing laws to curb certain hate speech or provocative acts that could divide society along racial lines, the ministry will fully support such efforts," he said.

He was replying to a question from Lim Guan Eng (PH-Bagan) during the Minister's Question Time in the Dewan Rakyat today on whether the government intends to draft an Anti-Racial Discrimination Act to address the growing racial incidents involving political party leaders and individuals with extremist or racist views.

Aaron said there are about 10 existing laws to address racial issues, including the Penal Code, the Printing Presses and Publications Act 1984, the Communications and Multimedia Act 1998 and the Sedition Act 1948.

He said anyone who deliberately commits acts, incites or makes statements that threaten racial and religious harmony can be investigated or prosecuted under these laws.

Commenting on an incident in Sepang involving a hawker who refused to sell corn to Indians and displayed a racially insensitive sign, Aaron said KPN had mobilised Kawasan Rukun Tetangga (KRT) members to resolve the issue.

He said a public apology session was held at a restaurant in Sepang, attended by representatives of the Indian community, influencers, local residents, officials from the Department of National Unity and Integration, and the police.

"KRT's role in resolving the issue has strengthened public confidence in it as a unifying agent and problem solver while highlighting the importance of cooperation between community leaders and authorities in preserving peace and harmony.

"I want to emphasise that we must always ensure that our words and actions do not cause discomfort, tension or misunderstandings among people of different religions,
cultures and races," he said.

Responding to a supplementary question from Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (MUDA-Muar) on legal action against the offender to prevent such incidents from recurring, Aaron said KPN had taken a reformative approach to resolving the matter.

"That is why, under KPN, we have KRT, and we also have 571 mediators. This case did not reach the mediators, as it was already resolved at the KRT level with police cooperation. Ultimately, a mutual understanding was reached, followed by an apology, and we consider the case settled," he said.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Tiada keperluan gubal Akta Anti Diskriminasi Kaum - Menteri Perpaduan

18 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara berpandangan tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum.

Menteri, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata ketika ini memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada yang dilihat sudah memadai dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara.

Beliau berkata sehingga kini terdapat kira-kira 10 peruntukan undang-undang dalam membendung perkara berkenaan termasuk melalui Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang disifatkan mencukupi.

Tegasnya, sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa mengikut akta berkenaan.

"Penguatkuasaan yang telus dan adil, tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan kelas sosial adalah amat penting untuk memastikan keharmonian terus terpelihara," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Lim Guan Eng yang meminta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sama ada suatu Akta Anti-Diskriminasi Kaum akan digubal untuk membendung gejala peristiwa perkauman yang kian melarat dalam kalangan pemimpin parti politik dan individu yang bersikap estremis dan rasis termasuk peristiwa terkini yang membabitkan seorang penjaja di Sepang.

Bagaimanapun, Aaron berkata jika keadaan mendesak dan kerajaan berpandangan undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan atau kenyataan (hate speech) atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman, kementerian akan menyokong penuh hasrat berkenaan.

Mengulas insiden membabitkan seorang penjaja di Sepang yang enggan menjual jagung kepada kaum India dengan meletakkan papan tanda berunsur perkauman, beliau berkata kementerian menggerakkan anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah berkenaan.

Katanya, sesi permohonan maaf diadakan di sebuah restoran di Sepang yang turut dihadiri oleh wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta pihak polis.

"Peranan KRT dalam menyelesaikan polemik ini turut memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap peranan KRT sebagai ejen perpaduan dan penyelesai masalah. Ini juga menekankan pentingnya kerjasama antara pemimpin komuniti dan pihak berkuasa untuk memastikan suasana yang harmoni dan aman terpelihara.

"Saya ingin menegaskan bahawa kita semua harus sentiasa berusaha memastikan bahawa setiap perkataan dan tindakan kita tidak menimbulkan perasaan tidak selesa, ketegangan, atau salah faham dalam kalangan penganut agama, budaya, dan kaum yang berbeza," katanya.

Pada masa sama, Aaron berkata, tiga Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan perkauman juga sudah dimuktamadkan untuk tidak diteruskan membabitkan RUU Kebencian Agama dan Kaum, RUU berkaitan Suruhanjaya Keharmornian dan Rekonsiliasi Nasional dan RUU Keharmonian Nasional dan Rekonsiliasi.

Ini kerana katanya, peruntukan yang ada dalam RUU itu adalah bersamaan dengan undang-undang Kanun Keseksaan yang dilaksanakan negara kini.

"Melalui peruntukan di bawah Kanun Keseksaan, terdapat tujuh seksyen iaitu Seksyen 295; Seksyen 296; Seksyen 298; Seksyen 298A; Seksyen 504, Seksyen 505 dan Seksyen 506 bagi tujuan siasatan dan pendakwaan.

"Ia boleh mengenakan hukuman terhadap pihak yang dengan sengaja melakukan perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum," katanya.

Menjawab soalan Guan Eng berhubung negara luar yang mempunyai undang-undang berkaitan anti-diskriminasi ini, Aaron berkata, ia antaranya membabitkan Singapura, Indonesia, India dan Nigeria.

TRP

Man Called "Keling" Three Times On Twitter, Unity Minister Weighs In

18 February 2025



Despite racism being increasingly frowned upon in society, some individuals still commit the hateful act with no consideration over its effects on others.

PSM member Barathi Selvam on X (formerly Twitter) shared a screenshot on the app of a conversation he had with another user Abu Dzar Al Ghifari (@husseinordin).

The exchange began when Abu posted a Tweet that said "Describe keling if it's really that racist. U can't" on 17 February.

This prompted Barathi to confront Abu by replying to a post shared by a minister about the corn seller who went viral for putting up a racist sign at his stall.

However, Abu retaliated with more replies and called Barathi a keling twice, making use of the word up to three times in total.

National Unity minister says discrimination is unacceptable.

The Minister of National Unity Aaron Ago Dagang retweeted Barathi's post which included the screenshot of the conversation, and left a reminder about discrimination in the caption.

"The use of words of actions which are discriminatory towards race, religion, or ethnicity are completely unacceptable in a nation of multiple races and cultures such as Malaysia.

"Malaysians must be more aware and sensitive towards issues that involve national unity. Each individual is responsible for maintaining national peace and harmony and respecting one another regardless of their background," he said.

Yesterday (17 February), Aaron Tweeted about corn seller Abdul Aziz bin Musa making a public video apology after receiving tremendous online backlash for putting up a sign on his stall specifying that he does not sell his products to Indians and making use of the highly offensive and derogatory term "keling".

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Tiada keperluan perkenal Akta Anti Diskriminasi Kaum

18 Februari 2025



KUALA LUMPUR – Tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum ketika ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kini sudah memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara.

"Namun demikian, sekiranya keadaan mendesak dan Kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan atau kenyataan (hate speech) atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman, maka Kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut," katanya dalam sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, hari ini.

Aaron berkata demikan menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan yang ingin tahu sama ada Akta Anti Diskriminasi Kaum akan digubal untuk membendung gejala peristiwa perkauman yang kian melarat di kalangan pemimpin parti politik dan individu yang bersikap ekstremis serta rasis termasuk peristiwa terkini yang melibatkan seorang penjaja di Sepang.

Mengulas lanjut, Aaron berkata, berhubung isu melibatkan seorang penjaja di Sepang yang enggan menjual jagung kepada kaum India dengan meletakkan papan tanda berunsur perkauman, kementeriannya telah mengerakkan anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah tersebut.

"Sesi permohonan maaf tersebut telah diadakan di sebuah restoran di Sepang yang turut dihadiri oleh wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta pihak polis," jelas Aaron.

Sementara itu, Aaron berkata, sesiapa yang sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa di bawah beberapa akta.

Antaranya Seksyen 295 Kanun Keseksaan, Seksyen 296 Kanun Keseksaan, Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 298A Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan, Seksyen 506 Kanun Keseksaan, Subseksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301], Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15]. – MalaysiaGazette

HARAPAN DAILY

No need for Anti Racial Discrimination Act now, says Unity Minister

18 February 2025



There is no necessity to table an Anti Racial Discrimination Act since present laws in place are sufficient.

"The present laws are sufficient to ensure race relations are maintained.

"Anyone who takes an action or makes a statement that can cause racial or religious disharmony can be investigated and charged in court," said National Unity Minister Aaron Ago Dagang during ministers question time.

Sections 295, 269, 298, 298A, 504, 505, 501 and 506 of the Penal Code, section 8A(1) of the Publishing Presses and Printing Act, section 53 of the Communication and Multimedia Act and section 4(1) of the Sedition Act are the relevant laws for this matter, he said.

He also said that officials from his department were sent to mediate the controversy sparked by a corn seller who refused to sell corn to Indians.

The seller referred to Indians using the k word which is a derogatory term.

Aaron said this in response to a question from Lim Guan Eng (PH-Bagan).

In his supplementary question, Lim asked for the number of nations that have implemented the Anti Racial Discrimination Act.

He also pointed out the fact that Pas president Tan Sri Abdul Hadi Awang (PN-Marang) had blamed non-Bumiputeras for the rise of corruption in Malaysia.

tvs www.tvsarawak.my

Dewan Rakyat: Tiada keperluan gubal Akta Anti Diskriminasi Kaum, undang-undang

18 Februari 2025



Datuk Aaron Ago Dagang menjawab cadangan mewujudkan undang - undang baharu mengawal isu perkauman di Dewan Rakyat di sini hari ini. Foto, Jabatan Penerangan Malaysia.

KUALA LUMPUR, 18 Feb: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menegaskan tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum buat masa ini.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata ini kerana undang -undang sedia ada sudah memadai dengan kementeriannya komited untuk terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang itu.

Namun jelas Aaron sekiranya wujud keadaan yang mendesak dengan kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula, kementeriannya akan menyokong penuh hasrat tersebut.

"Pada masa ini, undang-undang sedia ada sudah memadai dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara.

"Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa, antara lain, di bawah akta-akta sedia ada," katanya di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Lim Guan Eng (Pakatan Harapan- Bagan) yang ingin tahu sama ada Akta Anti Diskriminasi Kaum akan digubal untuk membendung gejala perkauman yang kian melarat dalam kalangan pemimpin parti politik dan individu yang bersikap ekstremis.

Mengulas mengenai kejadian melibatkan perkauman yang tular berlaku baru-baru ini melibatkan seorang penjual jagung berbangsa Melayu, Aaron berkata pihaknya telah turun padang bagi menyelesaikan isu tersebut.

"Berhubung insiden melibatkan seorang penjaja di Sepang yang enggan menjual jagung kepada kaum India dengan meletakkan papan tanda berunsur perkauman, KPN telah mengerakkan anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah tersebut.

"Peranan KRT dalam menyelesaikan polemik ini turut memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap peranan KRT sebagai ejen perpaduan dan penyelesai masalah. Ini juga menekankan pentingnya kerjasama antara pemimpin komuniti dan pihak berkuasa untuk memastikan suasana yang harmoni dan aman terpelihara," katanya.

Aaron menyeru agar setiap masyarakat perlu berusaha memastikan bahawa setiap perkataan dan tindakan tidak menimbulkan perasaan tidak selesa, ketegangan, atau salah faham dalam kalangan penganut agama, budaya, dan kaum yang berbeza. – TVS

Utusan Malaysia

PARLIMEN: Tiada keperluan wujudkan Akta Anti Diskriminasi Kaum

18 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Tiada keperluan untuk mewujudkan Akta Anti Diskriminasi Kaum kerana ndang-undang sedia ada sudah memadai untuk menangani masalah diskriminasi dan memelihara hubungan antara kaum di negara ini.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang juga menegaskan, sesiapa dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat serta didakwa.

Menurut beliau, penguatkuasaan yang telus dan adil tanpa mengira latar belakan etnik, agama serta kelas sosial adalah amat penting untuk memastikan keharmonian terus terpelihara.

"Kementerian berpandangan tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum buat masa ini dan memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan dari Lim Guan Eng (PH-Bagan) yang ingin mengetahui samada akta tersebut akan digubal untuk membendung gejala perkauman yang kian melarat dalam kalangan pemimpin parti politik dan inidividu yang bersikap estremis serta rasis.

Aaron Ago menjelaskan, sekiranya keadaan mendesak dan kerajaan berpandangan perlunya undang-undang baharu itu maka pihak kementerian akan memberikan sokongan.

"Sekiranya keadaan mendesak dan kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan atau kenyataan atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman maka kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut," jelasnya.

Mengulas mengenai insiden melibatkan seorang penjaja di Sepang yang enggan menjual jagung kepada kaum India dengan meletakkan papan tanda berunsur perkauman, beliau berkata, kementeriannya sudah menggerakkan anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang bertindak sebagai orang tengah.

"Sesi permohonan maaf tersebut telah diadakan di sebuah restoran di Sepang yang turut dihadiri oleh wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta pihak polis," katanya. – UTUSAN

SUARA.TV
BERITA RENTAS PEMIKIRAN

Setakat ini tak perlu lagi gubal Akta Anti-Diskriminasi Kaum

18 Februari 2025



KUALA LUMPUR – Tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum ketika ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kini sudah memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara.

"Namun demikian, sekiranya keadaan mendesak dan kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan atau kenyataan (hate speech) atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman, maka Kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut," katanya dalam sesi Pertanyaan-pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, pada Selasa.

Aaron berkata demikan menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan yang ingin tahu sama ada Akta Anti Diskriminasi Kaum akan digubal untuk membendung gejala peristiwa perkauman yang kian melarat di kalangan pemimpin parti politik dan individu yang bersikap ekstremis serta rasis termasuk peristiwa terkini yang melibatkan seorang penjaja di Sepang.

Mengulas lanjut, Aaron berkata, berhubung isu melibatkan seorang penjaja di Sepang yang enggan menjual jagung kepada kaum India dengan meletakkan papan tanda berunsur perkauman, kementeriannya telah mengerakkan anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah tersebut.

"Sesi permohonan maaf tersebut telah diadakan di sebuah restoran di Sepang yang turut dihadiri oleh wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta pihak polis," jelas Aaron.

Sementara itu, Aaron berkata, sesiapa yang sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa di bawah beberapa akta.

Antaranya Seksyen 295 Kanun Keseksaan, Seksyen 296 Kanun Keseksaan, Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 298A Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan, Seksyen 506 Kanun Keseksaan, Subseksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301], Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15].

yahoo!news

Malaysia has no need for an Anti-Racial Discrimination Act for now, national unity minister says

18 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 18 — National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said today that the country does not need any anti-racial discrimination laws at the moment.

He told the Parliament that any racial flare-ups can be tackled by strengthening the enforcement of existing laws.

"However, if the situation becomes urgent, and if the government views that existing laws need to be reviewed to curb certain hate speech, statements, or provocative acts that could divide society along racial lines — the ministry will fully support such efforts," he said during the minister's question time at the Dewan Rakyat.

Aaron was responding to Bagan MP Lim Guan Eng, who asked the ministry whether an Anti-Racial Discrimination Act will be enacted to curb the growing racial incidents among political party leaders and individuals with extremist and racist views.

The Pakatan Harapan MP pointed to the recent incident involving a hawker in Sepang.

Regarding the racial hawker incident in Sepang, Aaron said his ministry deployed members of the neighbourhood watch as mediators to resolve the issue.

"A public apology session was held at a restaurant in Sepang, attended by representatives of the Indian community, influencers, residents, the National Unity and Integration Department, and the police," he added.

Yesterday, Aaron said the corn seller who sparked controversy over a racially insensitive signboard has apologised to all Malaysians, particularly the Indian community, for his actions.

The vendor had displayed a signboard with a racial slur, advertising that he does not sell his products to Indians.

malaymail

Malaysia has no need for an Anti-Racial Discrimination Act for now, national unity minister says

18 February 2025



Putrajaya feels that current laws are enough to tackle any racial attacks amid growing racial incidents among political party leaders and individuals with extremist and racist views. — Picture by Hari Anggara.

KUALA LUMPUR, Feb 18 — National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said today that the country does not need any anti-racial discrimination laws at the moment.

He told the Parliament that any racial flare-ups can be tackled by strengthening the enforcement of existing laws.

"However, if the situation becomes urgent, and if the government views that existing laws need to be reviewed to curb certain hate speech, statements, or provocative acts that could divide society along racial lines — the ministry will fully support such efforts," he said during the minister's question time at the Dewan Rakyat.

Aaron was responding to Bagan MP Lim Guan Eng, who asked the ministry whether an Anti-Racial Discrimination Act will be enacted to curb the growing racial incidents among political party leaders and individuals with extremist and racist views.

The Pakatan Harapan MP pointed to the recent incident involving a hawker in Sepang.

Regarding the racial hawker incident in Sepang, Aaron said his ministry deployed members of the neighbourhood watch as mediators to resolve the issue.

"A public apology session was held at a restaurant in Sepang, attended by representatives of the Indian community, influencers, residents, the National Unity and Integration Department, and the police," he added.

Yesterday, Aaron said the corn seller who sparked controversy over a racially insensitive signboard has apologised to all Malaysians, particularly the Indian community, for his actions.

The vendor had displayed a signboard with a racial slur, advertising that he does not sell his products to Indians.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

Tiada keperluan perkenal Akta Anti Diskriminasi Kaum – Aaron

18 Februari 2025



KUALA LUMPUR – Tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum ketika ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, pada masa ini, undang-undang sedia ada sudah memadai dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara.

"Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa.

"Namun, sekiranya keadaan mendesak dan kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan atau kenyataan (hate speech) atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman, maka kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan) adakah Akta Anti Diskriminasi Kaum akan digubal untuk membendung gejala peristiwa perkauman yang kian melarat di kalangan pemimpin parti politik dan individu bersikap ekstremis serta rasis termasuk peristiwa melibatkan seorang penjaja di Sepang.

Mengulas lanjut, Aaron berkata, berhubung isu melibatkan seorang penjaja di Sepang yang enggan menjual jagung kepada kaum India dengan meletakkan papan tanda berunsur perkauman, kementeriannya telah menggerakkan anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah tersebut.

"Sesi permohonan maaf tersebut telah diadakan di sebuah restoran di Sepang yang turut dihadiri oleh wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta pihak polis.

"Peranan KRT dalam menyelesaikan polemik ini turut memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap peranan KRT sebagai ejen perpaduan dan penyelesai masalah. Ini juga menekankan pentingnya kerjasama antara pemimpin komuniti dan pihak berkuasa," katanya. – KOSMO! ONLINE

WILAYAHKU

Tiada keperluan gubal Akta Anti Diskriminasi Kaum

18 Februarl 2025



TIADA keperluan untuk kerajaan menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum buat masa ini.

Demikian ditegaskan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang yang melihat undang-undang sedia ada sudah memadai dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara.

Malah beliau berkata, memadai juga untuk penguatkuasaan undang-undang sedia ada ditingkatkan.

"Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa.

"Antara lain, di bawah Subseksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) iaitu hasil penerbitan yang menyiarkan dengan niat jahat, apa-apa berita yang tidak benar maka pencetak, penulis, penerbit dan penyunting boleh dikenakan hukuman," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan) mengenai sama ada suatu Akta Anti Diskriminasi Kaum akan digubal untuk membendung gejala peristiwa perkauman yang kian melarat di kalangan pemimpin parti politik dan individu yang bersikap ekstremis dan rasis.

Katanya, dalam hal ini, penguatkuasaan yang telus dan adil, tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan kelas sosial adalah amat penting untuk memastikan keharmonian terus terpelihara.

"Namun demikian sekiranya keadaan mendesak dan kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan atau kenyataan (hate speech) atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman, maka kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut," katanya.

Mengenai insiden melibatkan seorang penjaja di Sepang yang enggan menjual jagung kepada kaum India dengan meletakkan papan tanda berunsur perkauman katany, Kementerian
Perpaduan Negara telah menggerakkan anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Jelas beliau, sesi permohonan maaf tersebut telah diadakan di sebuah restoran di Sepang yang turut dihadiri oleh wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta pihak polis.

"Peranan KRT dalam menyelesaikan polemik ini turut memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap peranan KRT sebagai ejen perpaduan dan penyelesai masalah. Ini juga menekankan pentingnya kerjasama antara pemimpin komuniti dan pihak berkuasa untuk memastikan suasana yang harmoni dan aman terpelihara.

"Saya ingin menegaskan bahawa kita semua harus sentiasa berusaha memastikan bahawa setiap perkataan dan tindakan kita tidak menimbulkan perasaan tidak selesa, ketegangan, atau salah faham dalam kalangan penganut agama, budaya dan kaum yang berbeza," katanya. – WILAYAHKU

TheStar

New laws not needed to address racism, existing ones enough, says Unity Minister

18 February 2025



KUALA LUMPUR: No new laws are needed to address racism as existing legislation is enough to curb the issue, says Datuk Seri Aaron Ago Dagang.

The National Unity Minister listed at least 10 existing laws that cover the matter, which include Sections 295, 296, 298, 298A, 504, 505 and 506 of the Penal Code.

He also said this included Section 8A(1) of the Printing Press and Publication Act 1984, the Communications and Multimedia Act 1998 and the Sedition Act 1948.

"The ministry is of the opinion that there is no need to draft or introduce a new law such as the Anti-Discrimination Act as the existing laws are adequate.

"However, if the situation is pressing and when the government feels that there is a need to review existing laws to curb hate speech or provocative racial-based sentiments, then the ministry would fully support it," he told the Dewan Rakyat on Tuesday (Feb 18).

Aaron was responding to a question from Lim Guan Eng (PH-Bagan) who had asked the ministry to state whether there is a need for an Anti-Discrimination Act to curb racism, especially following the recent incident involving a trader in Sepang.

Aaron said that the incident involving the corn seller who put up a racially insensitive signboard had been resolved with the help of members of the Kawasan Rukun Tetangga (KRT) as middlemen.

"The apology session was held in a restaurant in Sepang which was also attended by representatives of the Indian community, influencers, local residents, officials from the National Unity Department and the police.

"The act played by the KRT in solving the polemic had strengthened public confidence in the group's role as an agent of unity and problem solving," he added.

Datuk Seri Saifuddin Abdullah (PN-Indera Mahkota) later stood up and said that there had been efforts by a previous administration to introduce three Bills pertaining to the matter.

He said that during Datuk Seri Najib Razak's tenure, there were Bills to introduce the Religious and Racial Hatred Act, Equality Act, and National Harmony Commission Act.

"I believe that the drafts were still on the table during the administration of the 8th and 9th Prime Ministers (Tan Sri Muhyiddin Yassin and Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob).

"I suggest that the ministry review and discuss these Bills," he said, adding that there should be one single law that encompasses all three proposals.

In response, Aaron said the proposals were discussed but had been rejected as the provisions existed in the Penal Code and the Federal Constitution.

"The Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) in July 2023 had held engagements to study the effectiveness of existing laws, challenges faced by the enforcement and proposals to introduce alternative civil laws," he said.

However, he added the dialogues were inconclusive and it was decided that there was no need for a new act against discrimination.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Tiada keperluan gubal Akta Anti Diskriminasi Kaum – Aaron

18 Februarl 2025



Aaron ketika Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

KUALA LUMPUR - Kerajaan berpendirian tiada keperluan menggubal atau memperkenalkan undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum buat masa ini.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada dalam memastikan hubungan antara kaum terpelihara.

Menurutnya, sehingga kini terdapat sekurang-kurangnya 10 peruntukan undang-undang dalam membendung perkara berkenaan termasuk melalui Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang disifatkan mencukupi.

"Sesiapa dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa.

"Dalam hal ini, penguatkuasaan yang telus dan adil, tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan kelas sosial adalah amat penting untuk memastikan keharmonian terus terpelihara,"katanya ketika Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan) yang meminta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sama ada suatu Akta Anti-Diskriminasi Kaum akan digubal untuk membendung gejala peristiwa perkauman yang kian melarat dalam kalangan pemimpin parti politik dan individu yang bersikap estremis dan rasis termasuk peristiwa terkini yang membabitkan seorang penjaja di Sepang.

Bagaimanapun menurut Aaron, kementerian sedia menyokong hasrat berkenaan sekiranya keadaan mendesak dan Kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan atau kenyataan atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman.

Dalam pada itu, mengulas berhubung insiden melibatkan seorang penjaja di Sepang yang enggan menjual jagung kepada kaum India dengan meletakkan papan tanda berunsur perkauman, beliau berkata, kementerian telah mengerakkan anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Katanya, sesi permohonan maaf tersebut telah diadakan disebuah restoran di Sepang yang turut dihadiri oleh wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta pihak polis.

"Peranan KRT dalam menyelesaikan polemik ini turut memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap peranan KRT sebagai ejenperpaduan dan penyelesai masalah. Ini juga menekankan pentingnya kerjasama antara pemimpin komuniti dan pihak berkuasa untuk memastikan suasana yang harmoni dan aman terpelihara.

"Saya ingin menegaskan bahawa kita semua harus sentiasa berusaha memastikan bahawa setiap perkataan dan tindakan kita tidak menimbulkan perasaan tidak selesa, ketegangan, atau salah faham dalam kalangan penganut agama, budaya, dan kaum yang berbeza," tegasnya.

theSun

No need for anti-racial discrimination law, existing legislation sufficient – Aaron

18 February 2025



KUALA LUMPUR: The National Unity Ministry (KPN) feels there is no need to draft or introduce new laws, such as an Anti-Racial Discrimination Act, to curb racial issues in the country for now.

Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the existing laws are sufficient to preserve inter-racial relations, provided their enforcement is strengthened.

"In this regard, transparent and fair enforcement, regardless of ethnic, religious or social background, is crucial to maintaining harmony.

"However, if circumstances become pressing and the government deems it necessary to review existing laws to curb certain hate speech or provocative acts that could divide society along racial lines, the ministry will fully support such efforts," he said.

He was replying to a question from Lim Guan Eng (PH-Bagan) during the Minister's Question Time in the Dewan Rakyat today on whether the government intends to draft an Anti-Racial Discrimination Act to address the growing racial incidents involving political party leaders and individuals with extremist or racist views.

Aaron said there are about 10 existing laws to address racial issues, including the Penal Code, the Printing Presses and Publications Act 1984, the Communications and Multimedia Act 1998 and the Sedition Act 1948.

He said anyone who deliberately commits acts, incites or makes statements that threaten racial and religious harmony can be investigated or prosecuted under these laws.

Commenting on an incident in Sepang involving a hawker who refused to sell corn to Indians and displayed a racially insensitive sign, Aaron said KPN had mobilised Kawasan Rukun Tetangga (KRT) members to resolve the issue.

He said a public apology session was held at a restaurant in Sepang, attended by representatives of the Indian community, influencers, local residents, officials from the Department of National Unity and Integration, and the police.

"KRT's role in resolving the issue has strengthened public confidence in it as a unifying agent and problem solver while highlighting the importance of cooperation between community leaders and authorities in preserving peace and harmony.

"I want to emphasise that we must always ensure that our words and actions do not cause discomfort, tension or misunderstandings among people of different religions, cultures and races," he said.

Responding to a supplementary question from Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (MUDA-Muar) on legal action against the offender to prevent such incidents from recurring, Aaron said KPN had taken a reformative approach to resolving the matter.

"That is why, under KPN, we have KRT, and we also have 571 mediators. This case did not reach the mediators, as it was already resolved at the KRT level with police cooperation. Ultimately, a mutual understanding was reached, followed by an apology, and we consider the case settled," he said.

malaysiakini
news and views that matter

No need for anti-racial discrimination act, existing laws sufficient: Minister

18 February 2025



PARLIAMENT | There is no need for the government to create an anti-racial discrimination act because the existing legal provisions are sufficient, said National Unity Minister Aaron Ago Dagang.

He emphasised that what is important is the fair enforcement of laws to ensure inter-ethnic relations in the country are not disrupted.

FMT

Existing laws enough to tackle racial offences, says minister

18 February 2025

National unity minister Aaron Ago Dagang says there is no need to introduce an Anti-Racial Discrimination Act.



National unity minister Aaron Ago Dagang said the government sees no need for a specific law to tackle racial attacks. (Bernama pic)

KUALA LUMPUR: The government has no plans to introduce an Anti-Racial Discrimination Act, says national unity minister Aaron Ago Dagang.

Speaking in the Dewan Rakyat today, Aaron said existing statutes such as the Penal Code, Sedition Act 1948, and Communications and Multimedia Act 1998 were adequate for tackling racial and religious offences.

"We do not see the need to introduce a new law, as we already have many existing Acts that can address these offences," he said in response to Lim Guan Eng (PH-Bagan).

Lim had asked about the government's stance on enacting an Anti-Racial Discrimination Act in light of racial issues involving political figures and extremists, citing a recent incident involving a hawker in Sepang.

The hawker had sparked controversy for displaying a racially insensitive signboard while selling corn. He has since apologised and pledged not to commit such actions in the future.

However, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Muda-Muar) criticised what he called the government's failure to enforce existing laws, particularly in the Sepang case.

He also called for legal action instead of merely accepting the hawker's apology.

"When someone can openly display racism like this, it means they feel superior as if Indians are beneath them. This is unacceptable," he said.

Aaron said the government had used a "reformative approach" to address the Sepang incident.

He also said the Rukun Tetangga and police had intervened, leading to the public apology from the trader.

"Mediation resolved the issue before it escalated any further," he said.

astro AWANI

Akta Anti Diskriminasi Kaum: Tiada keperluan, disemak jika keadaan mendesak – Aaron

18 February 2025



Aaron Ago Dagang memberitahu, sekiranya keadaan mendesak, undang-undang sedia ada boleh disemak bagi mengekang kenyataan atau ucapan berbaur provokasi. - Foto Japen

KUALA LUMPUR: Kerajaan berpandangan tidak ada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum pada ketika ini, sebaliknya memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada.

Namun Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang memberitahu, sekiranya keadaan mendesak, undang-undang sedia ada boleh disemak bagi mengekang kenyataan atau ucapan berbaur provokasi dalam mengelak perpecahan masyarakat pelbagai kaum.

"Kementerian ini berpandangan tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum buat masa ini, dan memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada.

"Sesiapa yang dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat dan didakwa menerusi 10 peruntukan undang-undang dalam membendung perkara berkenaan termasuk melalui Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

"Namun demikian, sekiranya keadaan mendesak dan kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan atau kenyataan hate speech atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman, Kementerian akan menyokong penuh hasrat tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan) yang meminta Menteri Perpaduan Negara menyatakan sama ada suatu Akta Anti-Diskriminasi Kaum akan digubal untuk membendung gejala peristiwa perkauman yang kian melarat dalam kalangan pemimpin parti politik dan individu yang bersikap ekstremis dan rasis termasuk peristiwa terkini yang membabitkan seorang penjaja di Sepang, baru-baru ini.

Berhubung insiden penjaja jagung yang mencetus kontroversi itu, Aaron menjelaskan, kementeriannya sudah mengerakkan anggota Rukun Tetangga sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah itu.

Sesi permohonan itu katanya, turut dihadiri wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil Jabatan Perpaduan Negara, Integrasi Nasional dan polis.

Justeru beliau mengingatkan orang ramai supaya mengelakkan sebarang bentuk perbuatanyang boleh menimbukan perasaan tidak selesa, ketegangan atau salah faham dalam kalangan penganut agama, budaya dan kaum yang berbeza.

THE EDGE MALAYSIA

No need for new anti-racism law, existing laws enough to tackle racial issues, says national unity minister

18 February 2025



KUALA LUMPUR (Feb 18): There is no need for the government to introduce an anti-racial discrimination law as existing legislation is sufficient to address racial issues, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang told Parliament on Tuesday.

However, he said, should circumstances become pressing and the government views it necessary to review existing laws to better address hate speech or provocative actions that could divide society along racial lines, his ministry would fully support such a move.

"The ministry is of the opinion that there is no need to draft or introduce a new law such as the Anti-Discrimination Act as existing laws are adequate," Aaron said during the oral question-and-answer session in the Dewan Rakyat to a question from Lim Guan Eng (PH-Bagan).

He noted that the country already has at least 10 laws addressing racial issues, including Sections 295, 296, 298, 298A, 504, 505, and 506 of the Penal Code, as well as Section 8A(1) of the Printing Presses and Publications Act 1984, the Communications and Multimedia Act 1998 and the Sedition Act 1948.

Lim asked whether the government would introduce an Anti-Racial Discrimination Act to tackle rising incidents of racism involving political leaders and individuals with extremist or racist views.

Lim pointed to a recent incident involving a hawker in Sepang, who sparked controversy over a racially offensive sign that read: "Sorry, we don't sell this corn to K*l*ng," a derogatory term directed at the Indian community.

In response, Aaron said the ministry had deployed members of the neighbourhood watch as mediators to address the issue. "A public apology session was held at a restaurant in Sepang, attended by representatives of the Indian community, local influencers, residents, the National Unity and Integration Department and the police," he added.

Aaron also noted that previous governments had attempted to strengthen legal frameworks on unity by introducing three Bills, but these were rejected as their provisions were already covered under the Penal Code and the Federal Constitution.

Meanwhile, Datuk Seri Saifuddin Abdullah (PN-Indera Mahkota) in his supplementary question to the national unity minister highlighted these past efforts, referring to proposed legislation under former prime minister Datuk Seri Najib Razak's administration, including the Religious and Racial Hatred Act, the Equality Act, and the National Harmony Commission Act.

Saifuddin urged the ministry to review and revisit these Bills, suggesting that a single comprehensive law encompassing all three proposals could be more effective.

In response, Aaron said the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) had conducted engagement sessions in July 2023 to assess the effectiveness of current laws, identify enforcement challenges, and explore the possibility of introducing alternative civil legislation.

However, he noted that these discussions were inconclusive, and the government ultimately decided that a new anti-discrimination law was unnecessary.

NEW STRAITS TIMES

Govt: Existing laws enough to curb racial incidents

18 February 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the enhancement of existing laws is sufficient to address such issues.- BERNAMA PIC

KUALA LUMPUR: The government has no plans to enact new laws to curb the rise in racial incidents, including those involving political leaders.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the enhancement of existing laws is sufficient to address such issues.

He also said existing laws are adequate to ensure that inter-racial relations are maintained in the country.

"Anyone who intentionally commits any act, incites or makes any statement that undermines racial and religious unity can be investigated and charged under the Penal Code, the Printing Presses and Publications Act 1984, the Communications and Multimedia Act 1998 and the Sedition Act 1948.

"In this regard, transparent and fair enforcement, regardless of ethnic background, religion, or social class, is crucial to ensuring that harmony is maintained.

"Therefore, this ministry is of the view that there is no need to draft or introduce a new law, such as the Anti-Racial Discrimination Act, and that it is sufficient to enhance the enforcement of existing laws," he said during minister's question time in the Dewan Rakyat, today.

He was responding to Lim Guan Eng (PH-Bagan), who asked if the Act would address the rise in racial incidents involving political leaders and individuals with extremist views, including a recent case involving a hawker in Sepang.

He added that should the government see that a certain situation is critical, the ministry will support the move to revise existing laws.

Touching on the incident involving a hawker in Sepang who sparked controversy over a racially insensitive signboard, Aaron said the ministry has assigned members of the Neighbourhood Watch Areas (KRT) as mediators to resolve the issue.

"The role of the KRT in resolving this issue has further strengthened public confidence in the KRT's role as an agent of unity and problem solver.

"This also highlights the importance of cooperation between community leaders and authorities to ensure a harmonious and peaceful environment is maintained.

"I would like to emphasise that we must always strive to ensure that our words and actions do not cause discomfort, tension or misunderstanding among people of different religions, cultures and races," he said.

BULETIN V3

Tiada keperluan gubal, perkenalkan Akta Anti Diskriminasi Kaum

18 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Tiada keperluan menggubal atau memperkenalkan suatu undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ia memadai dengan peruntukan dan akta sedia ada selain meningkatkan penguatkuasaan dalam memelihara hubungan antara kaum.

"Sehingga kini terdapat kira-kira 10 peruntukan undang-undang dalam membendung perkara itu termasuk melalui kanun keseksaan, Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang disifatkan mencukupi".

"Namun demikian sekiranya keadaan mendesak dan kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan hate speech bagi tujuan provokasi maka kementerian menyokong penuh usaha tersebut", katanya.

Tegas beliau, penguatkuasaan yang telus dan adil, tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan kelas sosial amat penting untuk memastikan keharmonian terus terpelihara.

Beliau menjawab soalan Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng yang ingin tahu sama ada suatu akta anti diskriminasi kaum akan digubal untuk membendung gejala peristiwa perkauman yang kian melarat dalam kalangan pemimpin parti politik dan individu termasuk peristiwa baru-baru yang membabitkan seorang penjaja di Sepang.

Mengulas insiden itu, beliau berkata, kementerian sudah menggerakkan Anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah berkenaan.

Sesi permohonan maaf juga telah diadakan di sebuah restoran di Sepang yang turut dihadiri oleh wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta polis.

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Minister: No need for anti-racial discrimination law, existing legislation sufficient

18 Februarl 2025



KUALA LUMPUR (Feb 18): The National Unity Ministry (KPN) feels there is no need to draft or introduce new laws, such as an Anti-Racial Discrimination Act, to curb racial issues in the country for now.

Minister Dato Sri Aaron Ago Dagang said the existing laws are sufficient to preserve inter-racial relations, provided their enforcement is strengthened.

"In this regard, transparent and fair enforcement, regardless of ethnic, religious or social background, is crucial to maintaining harmony.

"However, if circumstances become pressing and the government deems it necessary to review existing laws to curb certain hate speech or provocative acts that could divide society along racial lines, the ministry will fully support such efforts," he said.

He was replying to a question from Lim Guan Eng (PH-Bagan) during the Minister's Question Time in the Dewan Rakyat today on whether the government intends to draft an Anti-Racial Discrimination Act to address the growing racial incidents involving political party leaders and individuals with extremist or racist views.

Aaron said there are about 10 existing laws to address racial issues, including the Penal Code, the Printing Presses and Publications Act 1984, the Communications and Multimedia Act 1998 and the Sedition Act 1948.

He said anyone who deliberately commits acts, incites or makes statements that threaten racial and religious harmony can be investigated or prosecuted under these laws.

Commenting on an incident in Sepang involving a hawker who refused to sell corn to Indians and displayed a racially insensitive sign, Aaron said KPN had mobilised Kawasan Rukun Tetangga (KRT) members to resolve the issue.

He said a public apology session was held at a restaurant in Sepang, attended by representatives of the Indian community, influencers, local residents, officials from the Department of National Unity and Integration, and the police.

"KRT's role in resolving the issue has strengthened public confidence in it as a unifying agent and problem solver while highlighting the importance of cooperation between community leaders and authorities in preserving peace and harmony.

"I want to emphasise that we must always ensure that our words and actions do not cause discomfort, tension or misunderstandings among people of different religions, cultures and races," he said.

Responding to a supplementary question from Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Muda-Muar) on legal action against the offender to prevent such incidents from recurring, Aaron said KPN had taken a reformative approach to resolving the matter.

"That is why, under KPN, we have KRT, and we also have 571 mediators. This case did not reach the mediators, as it was already resolved at the KRT level with police cooperation. Ultimately, a mutual understanding was reached, followed by an apology, and we consider the case settled," he said.

Utusan Borneo Online

Tiada keperluan gubal Akta Anti Diskriminasi Kaum, undang-undang sedia ada memadai: Aaron

18 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) berpandangan tiada keperluan untuk menggubal atau memperkenalkan undang-undang baharu seperti Akta Anti Diskriminasi Kaum bagi membendung isu perkauman buat masa ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (gambar) berkata ini kerana undang-undang sedia ada mencukupi untuk memastikan hubungan antara kaum terpelihara dan memadai dengan meningkatkan penguatkuasaan undang-undang sedia ada.

"Dalam hal ini, penguatkuasaan yang telus dan adil, tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan kelas sosial adalah amat penting untuk memastikan keharmonian terus terpelihara.

"Namun demikian, sekiranya keadaan mendesak dan kerajaan berpandangan bahawa undang-undang sedia ada perlu dibuat semakan semula bagi tujuan mengekang sesetengah ucapan atau kenyataan (hate speech) atau perbuatan provokasi yang boleh memecahbelahkan masyarakat dengan sentimen perkauman, maka kementerian akan menyokong penuh hasrat berkenaan," katanya.

Beliau menjawab soalan Lim Guan Eng (PH-Bagan) sama ada kerajaan berhasrat menggubal Akta Anti Diskriminasi Kaum untuk membendung peristiwa perkauman yang kian melarat dalam kalangan pemimpin parti politik dan individu yang bersikap ekstremis dan perkauman pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Aaron berkata terdapat kira-kira 10 peruntukan undang-undang sedia ada untuk membendung isu perkauman termasuk Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Hasutan 1948.
Beliau berkata sesiapa dengan sengaja melakukan apa-apa perbuatan, mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan kaum dan agama boleh disiasat atau didakwa mengikut peruntukan undang-undang berkenaan.

Mengulas mengenai insiden melibatkan seorang penjaja di Sepang yang enggan menjual jagung kepada kaum India dengan meletakkan papan tanda berunsur perkauman, Aaron berkata KPN telah menggerakkan anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai orang tengah dalam menyelesaikan masalah itu.

Beliau berkata sesi permohonan maaf telah diadakan di sebuah restoran di Sepang yang turut dihadiri oleh wakil masyarakat India, pempengaruh, wakil penduduk, wakil dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional serta pihak polis.

"Peranan KRT dalam menyelesaikan polemik itu turut memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap KRT sebagai ejen perpaduan dan penyelesai masalah, selain menekankan pentingnya kerjasama antara pemimpin komuniti serta pihak berkuasa untuk memastikan suasana harmoni dan aman terpelihara.

"Saya ingin menegaskan bahawa kita semua harus sentiasa berusaha memastikan bahawa setiap perkataan dan tindakan kita tidak menimbulkan perasaan tidak selesa, ketegangan atau salah faham dalam kalangan penganut agama, budaya dan kaum yang berbeza," katanya.

Menjawab soalan tambahan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (MUDA-Muar) mengenai tindakan undang-undang terhadap individu itu, yang terang-terangan melakukan jenayah perkauman supaya perkara berkenaan tidak berulang, Aaron berkata KPN menggunakan pendekatan reformasi untuk menyelesaikan perkara itu.

"Sebab itu di bawah KPN kita ada KRT, malah kita juga ada 571 mediator komuniti dan kes ini belum sampai ke mediator tetapi di peringkat KRT sudah diselesaikan dengan kerjasama pihak polis dan akhirnya proses faham memahami serta permohonan maaf diadakan dan kita anggap kes ini selesai," katanya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

25 tokoh agama dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Harmoni

19 Februarl 2025



Na'im (duduk, lima dari kanan) dan Aaron (duduk, enam dari kiri) bersama ahli Jawatankuasa Harmoni yang baru dilantik.

PUTRAJAYA - [DIKEMAS KINI] Seramai 25 tokoh agama dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (Harmoni).

Mereka terdiri daripada 10 wakil Islam, Buddha (empat), Kristian (empat), Hindu (dua), Tao (dua) dan masing-masing satu wakil bagi Sikh, Bahai serta Unit Lain-lain Agama (UNIFOR), Sarawak.

Antara yang dilantik ialah Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr Muhammad Nur Manuty; bekas Rektor Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Datuk Seri Zaleha Kamarudin; Mufti Melaka, Datuk Abdul Halim Tawil; Mufti Sarawak, Datuk Kipli Yassin dan Mufti Sabah, Datuk Bungsu @ Aziz Jaafar.

Turut dilantik, Naib Presiden Persatuan Buddha Malaysia, Chuan Yuan; tokoh Buddha, Sing Kan; Pengerusi Persekutuan Kristian Evangelikal Nasional (NECF), Dr Eu Hong Seng dan Pengerusi Persekutuan Kristian Malaysia (CFM), Philip Thomas.

Selain itu, Pengerusi Kuil Sri Maha Mariamman, Tan Sri R Nadarajah; Presiden Majlis Gurdwara Malaysia, Sardar Jagir Singh Arjan Singh; Presiden Persekutuan Persatuan Tao Malaysia, Tan Hoe Chieow dan Pengarah UNIFOR, Datuk Georgina Apphia Ngau turut dilantik.

Harmoni dalam satu kenyataan memaklumkan, mesyuarat dipengerusikan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang membincangkan mengenai usaha pengukuhan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama serta budaya di Malaysia.

"Mesyuarat pada hari ini membincangkan secara terperinci mengenai keputusan Jemaah Menteri berhubung garis panduan kunjungan penganut agama Islam ke rumah ibadat selain Islam dengan mendengar pandangan daripada semua wakil agama.

"Kesemua ahli mengambil maklum keputusan Jemaah Menteri yang menetapkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) boleh memberi nasihat kepada orang Islam berkaitan keperluan untuk menjaga akidah dalam majlis sambutan perayaan dan upacara kematian orang bukan Islam, namun nasihat tersebut adalah tidak bersifat dasar," katanya pada Rabu.

Kedua-dua menteri menyatakan harapannya agar Jawatankuasa Harmoni menjadi platform yang berkesan dalam menguruskan isu-isu perpaduan dan memupuk persefahaman dan keharmonian antara ketua dan penganut agama bagi menyokong matlamat membangun Malaysia Madani.

Sementara itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyeru semua pihak agar bertanggungjawab serta tidak mempolemikkan jumlah keanggotaan JK HARMONI untuk tujuan tertentu yang boleh membangkitkan kegelisahan awam, susulan hantaran di media sosial berhubung keahlian jawatankuasa berkenaan.

Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee berkata, JK HARMONI bukanlah sebuah jawatankuasa baharu yang ditubuhkan sebaliknya sudah bermula sejak 14 Ogos 2020 selepas penjenamaan semula daripada Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang ditubuhkan bermula 2010 hingga 2019.

"Bilangan keanggotaan dan komposisi jawatankuasa ini adalah sama sejak Januari 2021 iaitu 10 wakil Islam dan 15 wakil bukan Islam.

"Fungsi jawatankuasa ini antaranya mencadangkan kepada kerajaan berhubung pelaksanaan strategi yang bersesuaian dan berteraskan nilai-nilai murni keagamaan demi meningkatkan kefahaman dan keharmonian mengenai kepelbagaian agama dan melaksana secara bersama aktiviti-aktiviti kesedaran serta keharmonian antara penganut agama demi manfaat masyarakat," katanya menerusi kenyataan pada Khamis.

BERNAMA

25 Religious Scholars Appointed As Jk Harmoni Members

19 February 2025



PUTRAJAYA, Feb 19 (Bernama) -- Twenty-five religious scholars were appointed as members of the Interfaith Harmony Committee (JK HARMONI) at its meeting today.

They comprise 10 representatives of Islam, four representatives of Buddhism, four representatives of Christianity, two representatives of Hinduism, one representative of Sikhism, two representatives of Taoism, one representative of Bahai and a representative of Unit for Other Religions (UNIFOR) Sarawak.

In a statement, JK HARMONI said that, during the meeting, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang stressed that his ministry would continue to organise programmes promoting interfaith dialogue, the importance of respecting the religious beliefs of others, and encouraging social activities involving religious communities.

"This aims to foster mutual understanding and respect among Malaysians. The minister hopes that the Jejak Harmoni programme, for example, can be implemented in all states as an effort to enhance interracial and interfaith harmony in Malaysia,"
the statement read.

It said the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, on the other hand, expressed confidence that the committee would be able to come up with a resolution that would have a significant impact on national harmony, based on the principles of justice, tolerance, and mutual understanding.

Mohd Na'im also gave assurance that the government, through the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), would continue to provide support to efforts to ensure that interfaith relations and cooperation in the country continue to be strong.

"The minister believes that the resolution from the meeting can be a catalyst for efforts to strengthen national unity to ensure a harmonious and inclusive future for the country for future generations," it said.

Meanwhile, the JK HARMONI, which is co-chaired by the two ministers, was also informed that 215 mediation cases were completed last year at eight Community Mediation Centres nationwide.

BERNAMA

Seramai 25 Tokoh Agama DilantikSebagai Ahli Jk Harmoni

19 Februari 2025



PUTRAJAYA, 19 Feb (Bernama) -- Seramai 25 orang tokoh agama dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) dalam satu mesyuarat hari ini.

JK HARMONI berkata mereka terdiri daripada 10 wakil agama Islam,empat wakil agama Buddha, empat wakil agama Kristian, dua wakil agama Hindu, satu wakil agama Sikh, dua wakil Tao, satu wakil Bahai dan wakil UNIFOR, Sarawak.

JK Harmoni dalam kenyataan berkata pada mesyuarat itu Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang telah menekankan bahawa pihaknya akan terus melaksanakan program-program berbentuk dialog antara agama dan pendidikan, mengenai pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, dan menggalakkan aktiviti sosial yang melibatkan pelbagai komuniti agama.

"Ini bertujuan memupuk rasa saling memahami dan menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Aaron berharap agar program Jejak Harmoni dapat dilaksanakan di semua negeri sebagai usaha meningkatkan keharmonian dalam kalangan penganut agama di Malaysia," menurut kenyataan itu.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menzahirkan keyakinan jawatankuasa itu akan dapat merumuskan resolusi yang memberi impak signifikan kepada keharmonian negara, berlandaskan prinsip keadilan, toleransi, dan saling memahami.

JK HARMONI berkata Mohd Na'im turut memberi jaminan pihaknya menerusi Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) akan terus memberi sokongan kepada usaha memastikan hubungan dan kerjasama antara agama di negara terus kukuh.

"Beliau percaya hasil daripada mesyuarat ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuhkan perpaduan nasional demi memastikan masa depan negara yang harmoni dan inklusif untuk generasi akan datang," menurut kenyataan itu.

Sementara itu JK HARMONI berkata mesyuarat hari ini turut dimaklumkan 215 kes mediasi selesai dilaksanakan tahun lepas di lapan Pusat Mediasi Komuniti di seluruh negara.

SUARA SARAWAK

Program Jejak Harmoni: Pupuk dan perkukuh perpaduan pelbagai agama di Malaysia

19 Februari 2025



PUTRAJAYA: Dalam langkah berani untuk memperkukuhkan perpaduan antara penganut pelbagai agama di Malaysia, Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Bilangan 1/2025 telah diadakan.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, bersama Senator Datuk Setia Dr. Mohd Na'im Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Mesyuarat ini menjadi platform penting untuk membincangkan usaha-usaha membina keharmonian dalam masyarakat berbilang bangsa, agama, dan budaya.

Seramai 25 wakil agama telah dilantik untuk sesi 2025-2026, termasuk 10 wakil Islam, empat wakil Buddha, empat wakil Kristian, dan lain-lain.

Ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam mendorong dialog dan kerjasama antara pelbagai komuniti agama.

Antara isu penting yang dibincangkan adalah inisiatif pengangkatan mediator komuniti, yang telah menyelesaikan 215 kes mediasi pada tahun 2024.

Kementerian Perpaduan Negara juga mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan untuk menangani isu-isu perpaduan di peringkat akar umbi.

Aaron menegaskan, "Kementerian akan melaksanakan program-dialog antara agama dan aktiviti sosial yang melibatkan pelbagai komuniti, bagi memupuk saling memahami dan menghormati."

Beliau berharap program Jejak Harmoni dapat dilaksanakan di seluruh negeri.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan bahawa mesyuarat ini adalah platform strategik untuk menangani isu perpaduan secara matang dan konstruktif, dengan harapan dapat merumuskan resolusi yang akan memberi impak signifikan kepada keharmonian negara.

Dengan pelantikan ini, diharapkan Jawatankuasa HARMONI dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuhkan perpaduan nasional, demi memastikan Malaysia kekal sebagai negara yang harmoni dan inklusif untuk generasi akan datang.

FMT

JK Harmoni lantik 25 tokoh agama sebagai ahli

19 Februari 2025

Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK Harmoni) menjadi platform pengukuhan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama, dan budaya.



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang, berkata pihaknya akan terus laksana program berbentuk dialog antara agama dan pendidikan, mengenai pentingnya menghormati kepercayaan orang lain. (Gambar Kementerian Perpaduan)

PETALING JAYA: Seramai 10 tokoh Islam daripada 25 ahli dilantik dalam Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK Harmoni).

JK Harmoni dalam kenyataan, berkata wakil Buddha dan Kristian masing-masing mempunyai empat tokoh; dua tokoh masing-masing dari Hindu dan Tao; serta masing-masing satu tokoh dari Sikh, Bahai, dan UNIFOR Sarawak.

Katanya, Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata jawatankuasa berkenaan merupakan platform membincangkan mengenai usaha pengukuhan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama, dan budaya di Malaysia.

Aaron berkata, pihaknya akan terus melaksanakan program berbentuk dialog antara agama dan pendidikan, mengenai pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, dan menggalakkan aktiviti sosial melibatkan pelbagai komuniti agama.

"Ini bertujuan memupuk rasa saling memahami dan menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Aaron berharap agar program Jejak Harmoni dapat dilaksanakan di semua negeri sebagai usaha meningkatkan keharmonian dalam kalangan penganut agama di Malaysia," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Mohd Na'im Mokhtar menzahirkan keyakinan jawatankuasa itu akan dapat merumuskan resolusi memberi impak signifikan kepada keharmonian negara, berlandaskan prinsip keadilan, toleransi, dan saling memahami.

JK Harmoni berkata, Na'im turut memberi jaminan pihaknya menerusi Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) akan terus memberi sokongan kepada usaha memastikan hubungan dan kerjasama antara agama di negara terus kukuh.

"Beliau percaya hasil daripada mesyuarat ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuhkan perpaduan nasional demi memastikan masa depan negara yang harmoni dan inklusif untuk generasi akan datang," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, JK Harmoni berkata mesyuarat hari ini turut dimaklumkan 215 kes mediasi selesai dilaksanakan tahun lalu di lapan Pusat Mediasi Komuniti di seluruh negara.

Pusat terbabit berperanan menyelesaikan konflik peringkat akar umbi sebagai platform bukan perundangan (litigasi).

www.tvsarawak.my

Seramai 25 tokoh agama dilantik sebagai Ahli JK HARMONI

19 Februari 2025



PUTRAJAYA, 19 Feb: Seramai 25 orang tokoh agama dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) dalam satu mesyuarat hari ini.

JK HARMONI berkata mereka terdiri daripada 10 wakil agama Islam, empat wakil agama Buddha, empat wakil agama Kristian, dua wakil agama Hindu, satu wakil agama Sikh, dua wakil Tao, satu wakil Bahai dan wakil UNIFOR, Sarawak.

JK Harmoni dalam kenyataan berkata pada mesyuarat itu Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang telah menekankan bahawa pihaknya akan terus melaksanakan program-program berbentuk dialog antara agama dan pendidikan, mengenai pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, dan menggalakkan aktiviti sosial yang melibatkan pelbagai komuniti agama.

"Ini bertujuan memupuk rasa saling memahami dan menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Aaron berharap agar program Jejak Harmoni dapat dilaksanakan di semua negeri sebagai usaha meningkatkan keharmonian dalam kalangan penganut agama di Malaysia," menurut kenyataan itu.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar menzahirkan keyakinan jawatankuasa itu akan dapat merumuskan resolusi yang memberi impak signifikan kepada keharmonian negara, berlandaskan prinsip keadilan, toleransi, dan saling memahami.

JK HARMONI berkata Mohd Na'im turut memberi jaminan pihaknya menerusi Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) akan terus memberi sokongan kepada usaha memastikan hubungan dan kerjasama antara agama di negara terus kukuh.

"Beliau percaya hasil daripada mesyuarat ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuhkan perpaduan nasional demi memastikan masa depan negara yang harmoni dan inklusif untuk generasi akan datang," menurut kenyataan itu.

Sementara itu JK HARMONI berkata mesyuarat hari ini turut dimaklumkan 215 kes mediasi selesai dilaksanakan tahun lepas di lapan Pusat Mediasi Komuniti di seluruh negara. -TVS

Utusan Borneo Online

JK Harmoni bincang isu garis panduan Muslim kunjungi rumah ibadat bukan Islam

19 Februari 2025

PUTRAJAYA: Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) hari ini mengadakan perbincangan mengenai isu keputusan Jemaah Menteri berhubung garis panduan kunjungan penganut agama Islam ke rumah ibadat selain Islam, dengan mendengar pandangan semua wakil agama.

JK HARMONI dalam kenyataan berkata pada mesyuarat itu Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang telah menekankan bahawa pihaknya akan terus melaksanakan program-program berbentuk dialog antara agama dan pendidikan, mengenai pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, dan menggalakkan aktiviti sosial yang melibatkan pelbagai komuniti agama.

“Ini bertujuan memupuk rasa saling memahami dan menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Aaron berharap agar program Jejak Harmoni dapat dilaksanakan di semua negeri sebagai usaha meningkatkan keharmonian dalam kalangan penganut agama di Malaysia,” menurut kenyaatan itu.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na’im Mokhtar menzahirkan keyakinan jawatankuasa itu akan dapat merumuskan resolusi yang memberi impak signifikan kepada keharmonian negara, berlandaskan prinsip keadilan, toleransi, dan saling memahami.

JK HARMONI berkata Mohd Na’im turut memberi jaminan pihaknya menerusi Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) akan terus memberi sokongan kepada usaha memastikan hubungan dan kerjasama antara agama di negara terus kukuh.

“Beliau percaya hasil daripada mesyuarat ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuhkan perpaduan nasional demi memastikan masa depan negara yang harmoni dan inklusif untuk generasi akan datang,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu JK HARMONI berkata mesyuarat hari ini turut dimaklumkan 215 kes mediasi selesai dilaksanakan tahun lepas di lapan Pusat Mediasi Komnuniti di seluruh negara.

Utusan Borneo Online

25 tokoh agama dilantik sebagai ahli JK HARMORNI

19 Februari 2025

PUTRAJAYA: Seramai 25 orang tokoh agama dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) dalam satu mesyuarat hari ini.

JK HARMONI berkata mereka terdiri daripada 10 wakil agama Islam, empat wakil agama Buddha, empat wakil agama Kristian, dua wakil agama Hindu, satu wakil agama Sikh, dua wakil Tao, satu wakil Bahai dan wakil Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNFOR), Sarawak.

JK Harmoni dalam kenyataan berkata pada mesyuarat itu Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang telah menekankan bahawa pihaknya akan terus melaksanakan program-program berbentuk dialog antara agama dan pendidikan, mengenai pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, dan menggalakkan aktiviti sosial yang melibatkan pelbagai komuniti agama.

“Ini bertujuan memupuk rasa saling memahami dan menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Aaron berharap agar program Jejak Harmoni dapat dilaksanakan di semua negeri sebagai usaha meningkatkan keharmonian dalam kalangan penganut agama di Malaysia,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na’im Mokhtar menzahirkan keyakinan jawatankuasa itu akan dapat merumuskan resolusi yang memberi impak signifikan kepada keharmonian negara, berlandaskan prinsip keadilan, toleransi, dan saling memahami.

JK HARMONI berkata Mohd Na’im turut memberi jaminan pihaknya menerusi Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) akan terus memberi sokongan kepada usaha memastikan hubungan dan kerjasama antara agama di negara terus kukuh.

“Beliau percaya hasil daripada mesyuarat ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuhkan perpaduan nasional demi memastikan masa depan negara yang harmoni dan inklusif untuk generasi akan datang,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu JK HARMONI berkata mesyuarat hari ini turut dimaklumkan 215 kes mediasi selesai dilaksanakan tahun lepas di lapan Pusat Mediasi Komuniti di seluruh negara.

hotfm

JK Harmoni lantik 25 tokoh agama sebagai ahli

19 Februari 2025



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang, berkata pihaknya akan terus laksana program berbentuk dialog antara agama dan pendidikan, mengenai pentingnya menghormati kepercayaan orang lain. (Gambar Kementerian Perpaduan)

PETALING JAYA: Seramai 10 tokoh Islam daripada 25 ahli dilantik dalam Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK Harmoni).

JK Harmoni dalam kenyataan, berkata wakil Buddha dan Kristian masing-masing mempunyai empat tokoh; dua tokoh masing-masing dari Hindu dan Tao; serta masing-masing satu tokoh dari Sikh, Bahai, dan UNIFOR Sarawak.

Katanya, Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata jawatankuasa berkenaan merupakan platform membincangkan mengenai usaha pengukuhan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama, dan budaya di Malaysia.

Aaron berkata, pihaknya akan terus melaksanakan program berbentuk dialog antara agama dan pendidikan, mengenai pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, dan menggalakkan aktiviti sosial melibatkan pelbagai komuniti agama.

"Ini bertujuan memupuk rasa saling memahami dan menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia. Aaron berharap agar program Jejak Harmoni dapat dilaksanakan di semua negeri sebagai usaha meningkatkan keharmonian dalam kalangan penganut agama di Malaysia," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Mohd Na'im Mokhtar menzahirkan keyakinan jawatankuasa itu akan dapat merumuskan resolusi memberi impak signifikan kepada keharmonian negara, berlandaskan prinsip keadilan, toleransi, dan saling memahami.

JK Harmoni berkata, Na'im turut memberi jaminan pihaknya menerusi Jabatan Kemajuan Islam (Jakim) akan terus memberi sokongan kepada usaha memastikan hubungan dan kerjasama antara agama di negara terus kukuh.

"Beliau percaya hasil daripada mesyuarat ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuhkan perpaduan nasional demi memastikan masa depan negara yang harmoni dan inklusif untuk generasi akan datang," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, JK Harmoni berkata mesyuarat hari ini turut dimaklumkan 215 kes mediasi selesai dilaksanakan tahun lalu di lapan Pusat Mediasi Komuniti di seluruh negara.

Pusat terbabit berperanan menyelesaikan konflik peringkat akar umbi sebagai platform bukan perundangan (litigasi).

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

National Unity Ministry hails collective efforts towards harmonious, developed society

19 February 2025



Aaron says this effort is grounded in the concept of the nation-state, where citizens and governing bodies work together to enhance national identity and legitimacy. – Bernama photo

KUALA LUMPUR (Feb 19): The Ministry of National Unity has lauded the collective efforts from various sectors dedicated to building a harmonious and well-developed civil society.

Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said this effort is grounded in the concept of the nation-state, where citizens and governing bodies work together to enhance national identity and legitimacy.

"As Malaysia assumes the Asean chairmanship this year under the theme 'inclusivity and sustainability, we wholeheartedly represent the audacity of hope, commitment and socio-economic progress in fostering regional peace, stability and prosperity," he said.

He said this in his speech at the signing of the Memorandum of Understanding (MoU) between Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) and the Ho Chi Minh City Youth Union here tonight.

He added that the ministry places significant emphasis on integrating the concept of "Harmony in Diversity" as a new national aspiration.

This initiative marks a revolutionary step in the country's national unity agenda, with comprehensive strategies designed to empower the unity ecosystem.

"This includes further exploration of Rukun Negara, promoting socio-cultural development, and advancing initiatives like 'Harmoni Madani' to strengthen societal cohesion," he said.

On the MoU, the focus outlined within the memorandum centres around the internationalisation of youth volunteerism efforts and the establishment of an ideal volunteerism training and development ecosystem.

Under the Ministry of National Unity, YSS bridges youth development and its alumni volunteer network with various volunteering organisations globally through the internationalisation and expansion of its missions from the national to the international (stage), he said.

Since its establishment, YSS has already launched 73 high-impact missions, including 19 international student volunteer missions to several Asean member states such as Indonesia and Vietnam. – Bernama

Kementerian Perpaduan Puji Usaha Kolektif Bina Masyarakat Harmoni, Maju

19 Februari 2025



KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara memuji usaha kolektif pelbagai sektor yang berdedikasi untuk membangunkan masyarakat yang harmoni dan maju.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata usaha ini berteraskan konsep negara bangsa, menyaksikan rakyat dan pihak pemerintah saling bekerjasama untuk memperkukuh identiti dan legitimasi negara.

"Memandangkan Malaysia menyandang Pengerusi ASEAN tahun ini di bawah tema 'Keterangkuman dan Kemampanan', kami dengan penuh keyakinan yang mencerminkan harapan, komitmen dan kemajuan sosioekonomi dalam memupuk keamanan, kestabilan serta kemakmuran serantau," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Kesatuan Belia Bandaraya Ho Chi Minh di sini malam ini.

Selain itu, beliau berkata kementerian memberikan lebih tumpuan kepada penyepaduan konsep "Keharmonian dalam Kepelbagaian"sebagai aspirasi negara baharu. Inisiatif itu menjadi simbol kepada langkah revolusioner dalamagenda perpaduan negara dengan strategi komprehensif yang direka untuk memperkasakan ekosistem perpaduan.

"Ini termasuk dalam aspek Rukun Negara, menggalakkan pembangunan sosiobudaya, dan memajukan inisiatif seperti Harmoni MADANI untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat,"katanya.

Mengenai MoU itu, antara fokus yang terkandung dalam memorandum itu ialah usaha pengantarabangsaan sukarelawan belia, penubuhan ekosistem latihan dan pembangunan sukarelawan yang ideal.

Di bawah kementerian, YSS berperanan sebagai jambatan dalam pembangunan belia dan rangkaian alumni sukarelawan dengan pelbagai pertubuhan sukarelawan di peringkat global melalui pengantarabangsaan dan peluasan misinya dari peringkat kebangsaan kepada antarabangsa.

Sejak penubuhannya, YSS telah pun melaksanakan 73 misi berimpak tinggi, termasuk 19 misi sukarelawan pelajarantarabangsa ke beberapa negara anggota ASEAN seperti Indonesia dan Vietnam.

Ministry Of National Unity Hails Collective Efforts Towards Harmonious, Developed Society

19 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 19 (Bernama) -- The Ministry of National Unity has lauded the collective efforts from various sectors dedicated to building a harmonious and well-developed civil society.

Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said this effort is grounded in the concept of the nation-state, where citizens and governing bodies work together to enhance national identity and legitimacy.

"As Malaysia assumes the ASEAN chairmanship this year under the theme 'inclusivity and sustainability, we wholeheartedly represent the audacity of hope, commitment and socio-economic progress in fostering regional peace, stability and prosperity," he said.

He said this in his speech at the signing of the Memorandum of Understanding (MoU) between Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) and the Ho Chi Minh City Youth Union here tonight.

He added that the ministry places significant emphasis on integrating the concept of "Harmony in Diversity" as a new national aspiration.

This initiative marks a revolutionary step in the country's national unity agenda, with comprehensive strategies designed to empower the unity ecosystem.

"This includes further exploration of Rukun Negara, promoting socio-cultural development, and advancing initiatives like 'Harmoni Madani' to strengthen societal cohesion," he said.

On the MoU, the focus outlined within the memorandum centres around the internationalisation of youth volunteerism efforts and the establishment of an ideal volunteerism training and development ecosystem.

Under the Ministry of National Unity, YSS bridges youth development and its alumni volunteer network with various volunteering organisations globally through the internationalisation and expansion of its missions from the national to the international (stage), he said.

Since its establishment, YSS has already launched 73 high-impact missions, including 19 international student volunteer missions to several ASEAN member states such as Indonesia and Vietnam.

Utusan Borneo Online

Kementerian Perpaduan puji usaha kolektif bina masyarakat harmorni, maju

20 Februari 2025



Aaron berucap pada Majlis Menandatangani MoU antara YSS dan Kesatuan Belia Bandaraya Ho Chi Minh di Kuala Lumpur malam tadi. - Gambar BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara memuji usaha kolektif pelbagai sektor yang berdedikasi untuk membangunkan masyarakat yang harmoni dan maju.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata usaha ini berteraskan konsep negara bangsa, menyaksikan rakyat dan pihak pemerintah saling bekerjasama untuk memperkukuh identiti dan legitimasi negara.

"Memandangkan Malaysia menyandang Pengerusi ASEAN tahun ini di bawah tema 'Keterangkuman dan Kemampanan', kami dengan penuh keyakinan yang mencerminkan harapan, komitmen dan kemajuan sosioekonomi dalam memupuk keamanan, kestabilan serta kemakmuran serantau," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) dan Kesatuan Belia Bandaraya Ho Chi Minh di sini malam ini.

Selain itu, beliau berkata kementerian memberikan lebih tumpuan kepada penyepaduan konsep "Keharmonian dalam Kepelbagaian" sebagai aspirasi negara baharu.

Inisiatif itu menjadi simbol kepada langkah revolusioner dalam agenda perpaduan negara dengan strategi komprehensif yang direka untuk memperkasakan ekosistem perpaduan.

"Ini termasuk dalam aspek Rukun Negara, menggalakkan pembangunan sosiobudaya, dan memajukan inisiatif seperti Harmoni MADANI untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat," katanya.

Mengenai MoU itu, antara fokus yang terkandung dalam memorandum itu ialah usaha pengantarabangsaan sukarelawan belia, penubuhan ekosistem latihan dan pembangunan sukarelawan yang ideal.

Di bawah kementerian, YSS berperanan sebagai jambatan dalam pembangunan belia dan rangkaian alumni sukarelawan dengan pelbagai pertubuhan sukarelawan di peringkat global melalui pengantarabangsaan dan peluasan misinya dari peringkat kebangsaan kepada antarabangsa.

Sejak penubuhannya, YSS telah pun melaksanakan 73 misi berimpak tinggi, termasuk 19 misi sukarelawan pelajar antarabangsa ke beberapa negara anggota ASEAN seperti Indonesia dan Vietnam.

SV SUARA SARAWAK

JK HARMONI merangkumi wakil dari setiap agama, tidak sentuh hal ehwal Islam

20 Februari 2025



PUTRAJAYA: Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI) tidak dikategorikan mengikut agama tertentu, sebaliknya merangkumi wakil dari setiap agama.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, memaklumkan bahawa Jawatankuasa ini turut disertai tiga wakil kerajaan, iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

"JK HARMONI tidak membincangkan sebarang perkara berkaitan hal ehwal agama Islam.

"Urusan berkaitan Islam hanya dibincangkan dalam Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, yang tidak melibatkan wakil daripada agama lain," jelasnya melalui satu hantaran di aplikasi Facebooknya hari ini.

Dalam pada itu, beliau turut menafikan dakwaan bahawa JK HARMONI membawa fahaman pluralisme.

Menurutnya, tujuan jawatankuasa ini adalah untuk memperkukuhkan hubungan mesra antara pemimpin dengan penganut pelbagai agama dalam semangat saling hormat-menghormati satu sama lain.

"Kita mahu menggalakkan semua penganut agama memahami serta menghormati Perlembagaan Persekutuan serta meningkatkan penghayatan rakyat terhadap nilai agama selaras dengan prinsip Rukun Negara.

"Jawatankuasa ini juga akan mencadangkan program yang dapat memperkukuh kefahaman terhadap kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi keharmonian negara," ujarnya.

Aaron turut memaklumkan bahawa JK HARMONI berfungsi sebagai platform dialog dan kerjasama untuk memperkukuh perpaduan dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Mengulas lanjut, katanya, JK HARMONI merupakan penjenamaan semula Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Antara Penganut Agama (JKMPKA), yang beroperasi dari 2010 hingga 2019.

Penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 2020 membawa kepada perubahan nama jawatankuasa ini kepada JK HARMONI.

Wakil kerajaan, pembangkang sokong usaha tambah Tabika Perpaduan

20 Februari 2025

Willie Mongin dan Dr Halimah Ali sambut baik usaha Kementerian Perpaduan Negara untuk perkukuh hubungan antara kaum dari usia kanak-kanak.



Aaron Agong Dagang berkata Tabika Perpaduan jadi platform kanak-kanak bergaul dalam masyarakat majmuk seterusnya pupuk perpaduan. (Gambar Facebook)

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang senada menyokong usaha Kementerian Perpaduan Negara untuk menambah jumlah Tabika Perpaduan bagi memperkukuhkan hubungan antara kaum bermula dari peringkat akar umbi.

Sokongan itu dizahirkan pada sesi penggulungan titah diraja oleh Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang di Dewan Rakyat.

Aaron berkata setakat ini ada 1,781 Tabika Perpaduan di seluruh negara dan kementeriannya berharap jumlah itu dapat ditambah bagi membolehkan kanak-kanak bergaul dalam masyarakat majmuk seterusnya memupuk perpaduan.

"Kita telah mohon tambahan sebanyak 34 Tabika Perpaduan pada tahun lalu," katanya.

Sementara itu, Willie Mongin (GPS-Puncak Borneo) menyifatkan pertambahan Tabika Perpaduan yang diusahakan Kementerian Perpaduan Negara sebagai langkah penting memupuk kesatuan dari usia kanak-kanak.

"Kita akan bantu menteri untuk fight (lawan) benda ini, perkara ini penting dan Kerajaan Madani perlu betulkan (tambah Tabika Perpaduan) supaya perpaduan sampai ke akar umbi," katanya mencelah perbahasan Aaron.

Dr Halimah Ali (PN-Kapar) yang turut menyokong usaha Kementerian Perpaduan Negara itu berharap perkara terbabit menjadi realiti.

"Menteri kena lawan supaya kerajaan luluskan, kita perlukan lebih banyak Tabika Perpaduan," katanya.

Tabika Perpaduan mula diperkenalkan pada 1976 yang tujuan utama penubuhannya pada ketika itu untuk memupuk semangat muhibah dan perpaduan antara kaum.

Sebanyak 25 buah kelas Tabika Perpaduan diwujudkan sebagai projek rintis di pinggir bandar dan bandar.

Susulan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara pada 10 Mac 2020, konsep Tabika Perpaduan dimantapkan dengan menumpukan penghayatan pendidikan Rukun Negara.

Turut ditekankan nilai-nilai murni bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara.

AOD Findings To Be Used As EarlyWarning System To Unify Malaysians

20 February 2025



KUALA LUMPUR, Feb 20 (Bernama) -- The Ministry of National Unity will use the findings by the Architects of Diversity (AOD) Malaysia - 'State of Discrimination Survey 2023 as an early warning system to intensify efforts to unify Malaysians.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the ministry will focus on four basic efforts to achieve national unity, namely the Unity Ecosystem, MADANI Harmony Initiative, Rukun Tetangga and Socio-Cultural Community.

He said they are the basis of the ministry's direction this year in maintaining unity among the community.

"The implementation can be done by announcing through various platforms by the respective agencies as a message that Unity Is A Shared Responsibility.

"This synergy is hoped will be able to strengthen unity and harmony in Malaysia which will at the same time reduce the feeling of discrimination in the society, " he said when winding up the debate on the royal address on behalf of the ministry in the Dewan Rakyat today.

The survey by AOD, a non-governmental organisation founded by a group of volunteers, showed that 64 per cent of the 3,283 respondents experienced discrimination related to economic status, age, ethnicity, skin colour, culture, tradition and mother tongue or accent.

Aaron said that the ministry has mobilised various community-oriented initiatives through the MADANI Malaysia Unity Campaign, which is structured around three main program clusters: Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan, and Komuniti Rahmah.

Among the activities implemented are Jejak Harmoni, World Tolerance Day, World Interfaith Harmony Week, talks, dialogue and Discourse on Fostering Unity in Religious Diversity.

The Dewan Rakyat sitting continues on Monday.

BERNAMA

Dapatan Kajian AOD Petunjuk Awal Kementerian Perpaduan Negara Perhebat Usaha Penyatuan

20 Februarl 2025



KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara akan menggunakan dapatan kajianArchitects of Diversity (AOD) Malaysia - 'State of Discrimination Survey 2023' untuk dijadikan petunjuk awal bagi memperhebat usaha penyatuan rakyat Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata KPN akan menumpukan kepada empat ikhtiar asas bagi mencapai perpaduan negara menerusi Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya.

Beliau berkata keempat-empat ikhtiar itu adalah asas kepada hala tuju kementerian pada tahun ini dalam mengekalkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

"Pelaksanaannya boleh dilakukan dengan hebahan melalui pelbagai platform di agensi masing-masing sebagai mesej bahawa Perpaduan Tanggungjawab Bersama.

"Sinergi ini diharap akan dapat memperkukuh perpaduan dan keharmonian di Malaysia yang sekali gus mengurangkan perasaan diskriminasi dalam kalangan masyarakat," katanya pada sesi penggulungan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja bagi Kementerian Perpaduan Negara di Dewan Rakyat hari ini.

Kajian AOD, sebuah pertubuhan bukan kerajaan diasaskan sekumpulan sukarelawan itu menunjukkan 64 peratus daripada 3,283 responden mengalami diskriminasi berkaitan dengan status ekonomi, umur, etnik, warna kulit, budaya, tradisi dan bahasai bunda atau loghat.

Kajian yang dijalankan melibatkan responden berumur 18 tahun keatas itu mendapati pelbagai jenis diskriminasi telah dialami oleh responden bagi tempoh 12 bulan, antaranya adalah diskriminasi berkaitan tempat kerja, keagamaan dan kepuasan terhadap inisiatif kerajaan.

Aaron berkata pelbagai pendekatan berorientasikan masyarakat telah digerakkan oleh kementerian melalui Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang digariskan merangkumi tiga kluster utama program iaitu Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Jejak Harmoni, Sambutan Hari Toleransi Sedunia, Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia Dialog Harmoni, Bicara Harmoni, Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kepelbagaian Agama dan Dokumentari Harmoni.

Kementerian juga berharap usaha itu turut dilaksanakan bersama oleh pelbagai pihak agar isu diskriminasi dan kepercayaan antara kaum seperti yang dilaporkan dalam kajian AOD dapat diatasi.

Persidangan Dewan Rakyat bersambung Isnin.

LUMI

Dapatan kajian AOD petunjuk awal Kementerian Perpaduan Negara perhebat usaha penyatuan

20 February 2025



KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara akan menggunakan dapatan kajian Architects of Diversity (AOD) Malaysia - 'State of Discrimination Survey 2023' untuk dijadikan petunjuk awal bagi memperhebat usaha penyatuan rakyat Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata KPN akan menumpukan kepada empat ikhtiar asas bagi mencapai perpaduan negara menerusi Ekosistem Perpaduan, Inisiatif Harmoni MADANI, Eksplorasi Rukun Negara dan Komuniti Sosiobudaya.

Beliau berkata keempat-empat ikhtiar itu adalah asas kepada hala tuju kementerian pada tahun ini dalam mengekalkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

"Pelaksanaannya boleh dilakukan dengan hebahan melalui pelbagai platform di agensi masing-masing sebagai mesej bahawa Perpaduan Tanggungjawab Bersama.

"Sinergi ini diharap akan dapat memperkukuh perpaduan dan keharmonian di Malaysia yang sekali gus mengurangkan perasaan diskriminasi dalam kalangan masyarakat," katanya pada sesi penggulungan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja bagi Kementerian Perpaduan Negara di Dewan Rakyat hari ini.

Kajian AOD, sebuah pertubuhan bukan kerajaan diasaskan sekumpulan sukarelawan itu menunjukkan 64 peratus daripada 3,283 responden mengalami diskriminasi berkaitan dengan status ekonomi, umur, etnik, warna kulit, budaya, tradisi dan bahasa ibunda atau loghat.

He said the foundation beneficiaries also received various allowances, including for computers, clothes and university wages.

Aaron said that the amendments will help Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) to expand its objectives and enhance assistance to the public, especially the youths, and contribute to the development of the nation's human capital.

He also added that the amendments will improve the governance of YTAR and benefit low-income youths pursuing higher education.

Aaron said the development of leadership skills of these youths will contribute to the nation, and preserve the legacy of Malaysia's first prime minister Tunku Abdul Rahman in promoting societal unity.

During the debates, Syerleena Abdul Rashid (PH-Bukit Bendera) said the amendments will strengthen governance and commitment towards national unity.

She welcomed the amendment to the structure of the Board of Trustees, which she said will ensure that it is filled by professionals.

Dr Halimah Ali (PN-Kapar) said only those who are qualified, passionate and whose values are aligned with the foundation, should be appointed.



Taking the floor: Aaron speaking at the Dewan Rakyat in Kuala Lumpur. He says that the amendments will improve the governance of YTAR and benefit low-income youths pursuing higher education. — Bernama

LUMI

KPN cadang Modul Pendidikan Rukun Negara diperluas ke semuka tadika

28 Februari 2025



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mencadangkan supaya Modul Pendidikan Rukun Negara diperluaskan ke semua tadika di seluruh negara termasuk prasekolah Kementerian Pendidikan (KPM) dan tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, modul itu antara tiga modul khusus yang dibangunkan dan diajar di Tabika Perpaduan ketika ini.

"Kita memang berharap agar Modul Pendidikan Rukun Negara ini dapat diperluaskan kepada semua tadika di seluruh negara baik di bawah KPM, Kemas mahupun swasta kerana ia merupakan pendidikan asas kepada perpaduan.

"Kita sudah cadangkan kepada KPM dan ketika ini kita akan laksanakan bengkel-bengkel penyelarasan dengan pihak terlibat," katanya kepada pemberita selepas program Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika dan Taska Perpaduan 2025 di sini.

Terdahulu, Aaron dalam ucapannya berkata Program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan memfokuskan kepada elemen penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni di samping Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

"Modul-modul khusus yang berteraskan perpaduan dan kenegaraan telah dibangunkan untuk diterapkan kepada murid seawal usia," katanya.

Beliau berkata pada masa kini terdapat 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 Taska Perpaduan dengan jumlah murid berdaftar pada hari pertama sesi persekolahan 2025/2026 masing-masing sebanyak 34,654 dan 990 orang.

Aaron berkata, menerusi Belanjawan MADANI 2025, kementeriannya diperuntukkan RM5 juta bagi menambah baik 119 tabika perpaduan di seluruh negara.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Kementerian Perpaduan cadang perkenal Modul Pendidikan Rukun Negara

28 Februari 2025



KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bercadang memperkenalkan Modul Pendidikan Rukun Negara kepada semua prasekolah, termasuk tadika KEMAS dan tadika swasta.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata, cadangan itu sedang melalui fasa perbincangan bersama Kementerian Pendidikan.

"Cadangan ini kita bincangkan bersama KPM dan turut berada dalam fasa libat urus.

"Kita berharap modul ini dapat dilaksanakan dan diperluaskan supaya elemen kenegaraan dapat diterapkan dengan lebih berkesan kepada kanak-kanak," katanya semasa sidang akhbar di Taska Perpaduan Taman Sri Rampai, di sini, hari ini.

Dalam pada itu, kerajaan melalui Inisiatif Madani telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi tujuan baik pulih 119 buah tabika perpaduan di seluruh negara.

Katanya, insentif itu akan digunakan untuk meningkatkan kualiti kemudahan dan persekitaran pembelajaran bagi kanak-kanak yang mengikuti pendidikan awal di tadika berkenaan.

Menurut Aaron, kerja baik pulih yang dirancang meliputi pelbagai aspek penting, termasuk pembaikan mekanikal dan elektrik, selain perolehan peralatan, perabot, serta kelengkapan lain yang menepati piawaian ditetapkan.

"Kerajaan komited dalam memastikan setiap tabika perpaduan mempunyai kemudahan yang selesa dan selamat, sejajar dengan usaha memperkukuh pendidikan awal kanak-kanak dan nilai perpaduan sejak usia muda," katanya. – UTUSAN

Sinar Bestari

KPN cadang Modul Pendidikan Rukun Negara diperluas ke semuka tadika

28 Februari 2025



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mencadangkan supaya Modul Pendidikan Rukun Negara diperluaskan ke semua tadika di seluruh negara termasuk prasekolah Kementerian Pendidikan (KPM) dan tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, modul itu antara tiga modul khusus yang dibangunkan dan diajar di Tabika Perpaduan ketika ini.

"Kita memang berharap agar Modul Pendidikan Rukun Negara ini dapat diperluaskan kepada semua tadika di seluruh negara baik di bawah KPM, Kemas mahupun swasta kerana ia merupakan pendidikan asas kepada perpaduan.

"Kita sudah cadangkan kepada KPM dan ketika ini kita akan laksanakan bengkel-bengkel penyelarasan dengan pihak terlibat," katanya kepada pemberita selepas program Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika dan Taska Perpaduan 2025 di sini.

Terdahulu, Aaron dalam ucapannya berkata Program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan memfokuskan kepada elemen penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni di samping Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

"Modul-modul khusus yang berteraskan perpaduan dan kenegaraan telah dibangunkan untuk diterapkan kepada murid seawal usia," katanya.

Beliau berkata pada masa kini terdapat 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 Taska Perpaduan dengan jumlah murid berdaftar pada hari pertama sesi persekolahan 2025/2026 masing-masing sebanyak 34,654 dan 990 orang.

Aaron berkata, menerusi Belanjawan MADANI 2025, kementeriannya diperuntukkan RM5 juta bagi menambah baik 119 tabika perpaduan di seluruh negara.

BERITA RTM

Modul Pendidikan Rukun Negara dicadang diperluas ke semua tadika

28 Februari 2025



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mencadangkan agar Modul Pendidikan Rukun Negara diperluaskan ke semua tadika di seluruh negara / Foto Hiasan / Bernama

KUALA LUMPUR, 28 Februari – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mencadangkan agar Modul Pendidikan Rukun Negara diperluaskan ke semua tadika di seluruh negara, termasuk prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata inisiatif itu bertujuan memperkukuh pendidikan asas perpaduan sejak usia awal.

Menurutnya, modul tersebut kini diajar di Tabika Perpaduan bersama dua lagi modul khusus yang menekankan elemen kenegaraan dan nilai murni.

"Kita memang berharap Modul Rukun Negara ini dapat diperluaskan kepada semua taska dan tabika di seluruh negara, termasuk tabika swasta. Kita mahu ia dimasukkan dalam kurikulum bagi memastikan konsep perpaduan diterapkan sejak peringkat awal pendidikan," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas program Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika dan Taska Perpaduan 2025, di sini

Tambah Ago Dagang, setakat ini, terdapat 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 Taska Perpaduan di seluruh negara dengan lebih 35,000 murid berdaftar.

Dalam Belanjawan Madani 2025, kerajaan memperuntukkan RM5 juta untuk menaik taraf 119 Tabika Perpaduan serta RM33.73 juta bagi kemudahan pembelajaran seperti Starter Kit dan buku aktiviti murid.

Selain itu, sejumlah RM763,200 turut diperuntukkan bagi menambah baik akses internet di Tabika dan Taska Perpaduan.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

KPN cadang modul pendidikan Rukun Negara diperluas ke semua tadika

28 Februarl 2025



KUALA LUMPUR - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mencadangkan supaya Modul Pendidikan Rukun Negara diperluaskan ke semua tadika di seluruh negara termasuk prasekolah Kementerian Pendidikan (KPM) dan tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata modul itu antara tiga modul khusus yang dibangunkan dan diajar di Tabika Perpaduan ketika ini.

"Kita memang berharap agar Modul Pendidikan Rukun Negara ini dapat diperluaskan kepada semua tadika di seluruh negara baik di bawah KPM, KEMAS mahupun swasta kerana ia merupakan pendidikan asas kepada perpaduan.

"Kita sudah cadangkan kepada KPM dan ketika ini kita akan laksanakan bengkel-bengkel penyelarasan dengan pihak terlibat," katanya kepada pemberita selepas program Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika dan Taska Perpaduan 2025 di sini hari ini.

Terdahulu, Aaron dalam ucapannya berkata Program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan memfokuskan kepada elemen penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni di samping Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

"Modul-modul khusus yang berteraskan perpaduan dan kenegaraan telah dibangunkan untuk diterapkan kepada murid seawal usia," katanya.

Terdahulu, Aaron dalam ucapannya berkata Program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan memfokuskan kepada elemen penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni di samping Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

"Modul-modul khusus yang berteraskan perpaduan dan kenegaraan telah dibangunkan untuk diterapkan kepada murid seawal usia," katanya.

"Pada tahun ini juga, kementerian menyalurkan RM33.73 juta bagi penyediaan pelbagai kemudahan seperti Starter Kit Tabika Perpaduan; Strater Kit Taska Perpaduan; Buku Aktiviti Murid Tabika Perpaduan dan Buku Log Harian Taska Perpaduan," katanya.

Selain itu, Aaron berkata, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga telah membekalkan Perkhidmatan Internet CelcomDigi di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan dengan peruntukan RM763,200 bagi menambah baik kemudahan akses Internet. – Bernama

The Malaysian Reserve

Aaron: Acts that hurt feelings of religion cannot be accepted

4 March 2025

南洋

团结部长:加强执法 对付触及3R课题者

2025年03月7日



SUARA TV

Hentikan Segera Penghinaan Agama dan Sensitiviti Kaum

6 Mac 2025



MAC

astro AWANI

KPN cadang Modul Pendidikan Rukun Negara diperluas ke semua tadika

1 Mac 2025



Aaron berkata, PdP di Tabika Perpaduan memfokuskan kepada elemen penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni di samping KSPK. - Gambar fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mencadangkan supaya Modul Pendidikan Rukun Negara diperluaskan ke semua tadika di seluruh negara termasuk prasekolah Kementerian Pendidikan (KPM) dan tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata modul itu antara tiga modul khusus yang dibangunkan dan diajar di Tabika Perpaduan ketika ini.

"Kita memang berharap agar Modul Pendidikan Rukun Negara ini dapat diperluaskan kepada semua tadika di seluruh negara baik di bawah KPM, KEMAS mahupun swasta kerana ia merupakan pendidikan asas kepada perpaduan.

"Kita sudah cadangkan kepada KPM dan ketika ini kita akan laksanakan bengkel-bengkel penyelarasan dengan pihak terlibat," katanya kepada pemberita selepas program Cilik Perpaduan Kembali Ke Tabika dan Taska Perpaduan 2025 di sini semalam.

Terdahulu, Aaron dalam ucapannya berkata Program Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Tabika Perpaduan memfokuskan kepada elemen penghayatan Pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni di samping Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

"Modul-modul khusus yang berteraskan perpaduan dan kenegaraan telah dibangunkan untuk diterapkan kepada murid seawal usia," katanya.

Beliau berkata pada masa kini terdapat 1,781 Tabika Perpaduan dan 41 Taska Perpaduan dengan jumlah murid berdaftar pada hari pertama sesi persekolahan 2025/2026 masing-masing sebanyak 34,654 dan 990 orang.

Aaron berkata menerusi Belanjawan MADANI 2025, kementeriannya diperuntukkan RM5 juta bagi menambah baik 119 tabika perpaduan di seluruh negara.

"Pada tahun ini juga, kementerian menyalurkan RM33.73 juta bagi penyediaan pelbagai kemudahan seperti Starter Kit Tabika Perpaduan; Strater Kit Taska Perpaduan; Buku Aktiviti Murid Tabika Perpaduan dan Buku Log Harian Taska Perpaduan," katanya.

Selain itu, Aaron berkata Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional juga telah membekalkan Perkhidmatan Internet CelcomDigi di Tabika Perpaduan dan Taska Perpaduan dengan peruntukan RM763,200 bagi menambah baik kemudahan akses Internet. -- BERNAMA

astro AWANI

Jaga, hormati sensitiviti agama dan budaya Malaysia – Aaron

4 Mac 2025



Menurut Aaron, sebagai sebuah negara yang majmuk, masyarakat perlu memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa. - Gambar fail Bernama

KUALA LUMPUR: Masyarakat disaran untuk sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama dan budaya yang ada di Malaysia, kata Datuk Aaron Ago Dagang.

Menurut Menteri Perpaduan Negara itu, sebagai sebuah negara yang majmuk, masyarakat perlu memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa.

Beliau berkata, sebarang perbuatan yang menyinggung perasaan agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Justeru, Aaron mengingatkan supaya semua pihak untuk tidak mencetuskan ketegangan atau perasaan benci antara penganut agama.

Tegasnya, setiap tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara harus dipandang serius.

Kenyataan Menteri Perpaduan itu dikeluarkan susulan tindakan sebuah stesen radio mempersenda upacara agama lain menerusi sebuah video yang dimuat naik di platform media sosial baru-baru ini.
Susulan itu, Aaron mengutuk segala bentuk kelakuan yang mempersenda atau menghina mana-mana agama termasuk agama Hindu.

Kata beliau lagi, tindakan sedemikian jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara ini.

Dalam masa sama, beliau menyeru agar Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk bertindak mengikut peruntukan yang ada di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) bagi memastikan sebarang penyebaran kandungan yang mempersenda atau menghina agama di media massa dikenakan tindakan yang sewajarnya.

MG MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Video persenda tarian Hindu: Menteri Perpaduan gesa SKMM ambil tindakan segera

4 Mac 2025



Menteri Perpaduan yang juga Ahli Parlimen Kanowit, Datuk Aaron Ago Dagang pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen ke-15 di Dewan Rakyat, Parlimen. Foto JABATAN PENERANGAN MALAYSIA, 14 NOVEMBER 2024.

KUALA LUMPUR – Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Agong Dagang mengecam tindakan mempersenda atau menghina mana-mana agama, termasuk agama Hindu seperti yang dilakukan stesen radio Era FM.

Sehubungan itu beliau menggesa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bertindak mengikut peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) bagi memastikan sebarang penyebaran kandungan yang bersifat menyentuh sensitiviti kaum di media masaa dikenakan tindakan sewajarnya.

"Kita harus sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama dan budaya yang ada di Malaysia.

"Sebarang perbuatan yang menyinggung perasaan agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat kita yang berbilang kaum," katanya menerusi kenyataan.

Tegasnya, tindakan sedemikian bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara ini.

"Sebagai sebuah negara yang majmuk, kita harus memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa," katanya.

Dalam masa yang sama Aaron mengingatkan supaya semua pihak tidak mencetuskan ketegangan atau perasaan benci antara penganut agama.

"Setiap tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara harus dipandang serius," ujarnya.

Terdahulu, berdasarkan klip video itu yang tular, salah seorang pengacara Era FM yang dikenali sebagai Pak Azad dan beberapa kakitangan lain dilihat menari dengan nyanyian 'vel vel', seolah-olah mengejek tarian Kavadi Hindu itu.

Bagaimanapun, penyampai radio 3 Pagi Era, Radin Amir Affendi, Nabil Ahmad, termasuk Pak Azad kemudian membuat permohonan terbuka menerusi video yang dimuat naik di media sosial.

– MalaysiaGazette

SKMM panggil Astro, Era FM beri penjelasan persenda kepercayaan Hindu

4 Mac 2025

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil berkata pihaknya menerima aduan pelbagai pihak berhubung tindakan kakitangan stesen radio itu.



Fahmi Fadzil berkata SKMM diarah menjalankan siasatan terperinci insiden babit Era FM manakala Aaron Ago Dagang gesa tindakan bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

PETALING JAYA: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) akan memanggil Astro dan pengurusan sebuah stesen radio di bawahnya bagi memberi penjelasan berhubung dakwaan mempersenda upacara agama lain.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata beliau mengeluarkan arahan itu selepas pihaknya menerima aduan daripada pelbagai pihak berhubung tindakan kakitangan stesen radio terbabit.

"Saya telah mengarahkan SKMM menjalankan siasatan terperinci, termasuk memanggil pihak Astro serta pengurusan stesen radio tersebut untuk hadir ke ibu pejabat bagi memberikan penjelasan penuh.

"Ini bertujuan untuk memastikan tindakan boleh diambil berdasarkan peraturan dan undang-undang sedia ada," katanya dalam kenyataan.

Terdahulu, penyampai radio 3 Pagi Era memohon maaf atas video kontroversi mempersenda tarian kavadi Hindu, upacara suci dilakukan ketika Thaipusam kepada Dewa Murugan.

Video yang sudah diturunkan dalam platform media sosial stesen itu, memaparkan seorang penyampai meniru tarian kavadi, sambil menyebut 'Vel Vel' disusuli gelak tawa.

Klip itu mengundang kritikan meluas dengan kebanyakan berupa penghinaan kepada tradisi Hindu.

Dalam hantaran di akaun Instagram Era FM, Nabil Ahmad, Azad Jasmin, dan Radin Amir Affendi Ahmad Aruani memohon maaf atas video tersebut dan mengakui ia tidak sensitif, terutama kepada masyarakat India.
Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang, menyeru SKMM mengambil tindakan bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ke atas Era FM.

"Ia bagi memastikan sebarang penyebaran kandungan mempersenda atau menghina agama di media massa dikenakan tindakan sewajarnya," katanya yang mengutuk perbuatan itu.

"Tindakan sedemikian jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara ini.

"Kita harus sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama dan budaya yang ada di Malaysia."

malaymail

Offensive acts against other religions should never be tolerated, national unity minister says after Era FM's Thaipusam clip

4 March 2025



Hindu devotees performing their prayers and vows for Thaipusam at the Kallumalai Arulmigu Subramaniar Temple in Gunung Cheroh, Ipoh. — Picture by Farhan Najib

PUTRAJAYA, March 4 — National Unity Minister Datuk Aaron Aro Dagang strongly condemned all forms of conduct that mocks or insults any religion, including Hinduism, which occurred on a local radio station, Era FM.

He said such actions clearly contradict the principles of the Rukun Negara which are the foundation of this country and that the religious and cultural sensitivities in Malaysia should always be safeguarded and respected.

"As a plural country, we must foster a spirit of mutual respect for each other, regardless of religious or racial background. Any act that offends the feelings of other religions should not be tolerated in our multi-racial society," he said in a statement here today.

Therefore, Aaron called on the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to act in accordance with the provisions under section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 (Act 588) to ensure that any dissemination of content that mocks or insults religion in the mass media is subject to appropriate action.

He also reminded all parties not to incite tension or hatred between religious adherents, and that any action that could threaten the unity and harmony of the country should be taken seriously.

It was reported that Era FM staff were accused of disparaging Hinduism through a recent video that featured a radio presenter imitating the Kavadi dance while shouting 'Vel Vel' followed by laughter.

Following that, the 3 Pagi Era radio presenter apologised for the controversial video in a post on Era FM's Instagram account. — Bernama

Sinar Harian TELUS & TULUS

SKMM digesa bertindak ke atas stesen radio persenda agama Hindu

4 Mac 2025



Aaron. Foto Bernama

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) digesa bertindak ke atas sebuah stesen radio tempatan yang mempersendakan agama Hindu.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, tindakan sedemikian jelas bertentangan dengan Prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara ini.

"Saya dengan tegas mengutuk segala bentuk kelakuan yang mempersenda atau menghina mana-mana agama, termasuk agama Hindu, yang berlaku di sebuah stesen radio tempatan iaitu Era FM," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Jelas beliau, sebagai sebuah negara yang majmuk, semua pihak seharusnya memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa.

"Sebarang perbuatan yang menyinggung perasaan agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat kita yang berbilang kaum," ujar Aaron.

Menurutnya, semua pihak juga diingatkan agar tidak mencetuskan ketegangan atau perasaan benci antara penganut agama kerana tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara harus dipandang serius.

"Kita harus sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama dan budaya yang ada di Malaysia," katanya lagi.

Terdahulu, video kontroversi yang telah diturunkan dari platform media sosial stesen radio berkenaan didakwa mempersenda tarian kavadi Hindu, upacara suci dilakukan ketika Thaipusam kepada Dewa Murugan.

Ia memaparkan seorang penyampai meniru tarian kavadi, sambil menyebut "Vel Vel" disusuli gelak tawa.

malaysiakini
news and views that matter

Persenda agama lain: Era FM rehatkan Nabil, Azad dan Radin

4 Mac 2025



Tiga penyampai radio Era FM digantung tugas buat sementara waktu sehingga siasatan dalaman berhubung video mempersenda upacara berkaitan Thaipusam selesai dijalankan syarikat terbabit.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Astro Audio selaku pengendali saluran tersebut para penyampai terbabit sudah mengakui kesilapan mereka dan mengeluarkan permohonan maaf secara terbuka.

"Sebagai sebuah syarikat penyiaran bertanggungjawab, kami memandang serius perkara ini.

"Selepas pertimbangan yang teliti, kami memutuskan untuk merehatkan ketiga-tiga individu tersebut daripada ke udara sehingga diberitahu kelak, sementara kami menjalankan siasatan dalaman ke atas insiden ini," kata kenyataan itu.

Astro Audio berkata, mereka bersedia bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa bagi memastikan pematuhan penuh terhadap kesemua garis panduan dan keperluan yang ditetapkan.

Terdahulu hari ini, trio pengacara Era FM itu membuat permohonan maaf di media sosial kerana menghina kaum India dan mengakui kesilapan mereka.

Tiga penyampai berkenaan ialah Nabil Ahmad, Azad Jasmin, dan Radin dan mereka mengendalikan bersama segmen 3 Pagi Era pada setiap Isnin hingga Jumaat.



Permohonan maaf itu susulan video kontroversi yang memperlihatkan Azad menari mengikut nyanyian "vel vel" di hadapan beberapa kakitangan lain sebelum dia ketawa.

Laungan "vel vel" merujuk kepada dewa Hindu dan sering dilaungkan semasa seseorang mengambil kavadi sempena Thaipusam.

Susulan insiden tersebut, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil mengarahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh, selain menghubungi pihak pengurusan Astro dan Era FM untuk mendapatkan penjelasan.

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang pula menggesa MCMC mengambil tindakan sewajarnya seperti yang diberikan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 berhubung penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian.

malaysiakini
news and views that matter

Singgung perasaan pengikut agama lain tidak boleh diterima – Aaron

4 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang hari ini dengan tegas mengutuk segala bentuk kelakuan mempersenda atau menghina mana-mana agama termasuk Hindu di sebuah stesen radio tempatan milik Astro.

Beliau berkata tindakan itu jelas bertentangan dengan prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara, selain semua pihak seharusnya sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama serta budaya di Malaysia.

"Sebagai sebuah negara majmuk, kita harus memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa.

"Sebarang perbuatan menyinggung perasaan penganut agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat kita yang berbilang kaum," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aaron juga menggesa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil tindakan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), bagi memastikan sebarang penyebaran kandungan mempersenda atau menghina agama di media massa dikenakan tindakan sewajarnya.

Beliau turut mengingatkan semua pihak untuk tidak mencetuskan ketegangan atau perasaan benci antara penganut agama, selain setiap tindakan menggugat perpaduan dan keharmonian negara harus dipandang serius.

Sementara itu, Menteri Digital Gobind Singh Deo menerusi kenyataan berkata Astro mesti menjalankan siasatan menyeluruh dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap petugas Era FM, kerana mempersendakan ritual suci membawa kavadi pada hari Thaipusam.

"Perbuatan individu dalam video itu sangat menyinggung perasaan dan amat membimbangkan. Mereka tidak mencerminkan nilai saling menghormati dan memahami yang menjadi asas kepada masyarakat berbilang budaya kita.

"Ritual membawa kavadi pada hari Thaipusam membawa maksud mendalam kepada masyarakat Hindu. Sebarang bentuk ejekan atau tidak hormat terhadapnya, atau mana-mana amalan agama tidak boleh diterima," katanya.

Hari ini, tular di media sosial tindakan tiga penyampai radio stesen milik Astro, Era FM dilihat seolah-olah mempersendakan upacara agama lain dalam segmen kendalian mereka.

Penyampai radio tersebut kemudiannya membuat permohonan maaf berhubung tindakan mereka menyinggung sensitiviti kaum di negara ini. - Bernama

TheStar

MCMC to summon radio DJs over mocking of religious ceremony

4 March 2025

KUALA LUMPUR: Communication Minister Fahmi Fadzil says that Era FM will be investigated immediately after its employees were seen seemingly mocking the Hindu religion in a now-viral video.

The video, which was originally shared on the station's social media platforms on Tuesday morning (March 4), showed a number of its DJs mimicking the sacred Hindu kavadi dance while chanting "Vel Vel" as they laughed.

Fahmi said he had received complaints from various parties regarding the actions of the Era FM staff and had directed the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to investigate the issue.

"This will include summoning Astro and the radio station's management to attend the MCMC headquarters to provide a full explanation.

"This is to ensure that appropriate action can be taken based on existing regulations and laws," he said in a statement on Tuesday.

Era FM has since publicly apologised over the viral video in a separate video uploaded on its social media platforms featuring its DJs Nabil Ahmad, Azad Jasmin and Radin Amir Affendy Ahmad Aruani

"We never intended to offend anyone, and we deeply respect the beliefs and values of every individual. We will be more careful in the future.

"We sincerely apologise for the unintentional mistake we have made. Please forgive us," they said in the apology video uploaded on Tuesday.

This comes after the video was met with severe backlash from Malaysians online, with many condemning it as offensive against the Hindu community.

MIC deputy president Datuk Seri M. Saravanan was among the public figures who condemned the viral video as a "brainless and disgraceful" act by Era FM staff.

"This is not just stupidity—it is a blatant insult to the faith and traditions of Hindus in Malaysia. Such a disgusting display of ignorance and disrespect has no place in our society.

"As a media organisation, Era FM should have known better than to allow this kind of offensive nonsense as their staff have proven themselves to be utterly unfit to work in the media industry.

"Malaysia is built on the principles of mutual respect and harmony among different races and religions, but when a major media outlet allows such an insensitive and offensive act, it can create division and damage the very fabric of our multicultural society," he said in a Facebook post on Tuesday.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has also condemned the viral video, saying that it violated the principles of our nation's foundation, the Rukun Negara.

"Any act that offends the feelings of other religions should not be tolerated in our multi-racial society.

"I remind all parties to refrain from inciting tension or hatred between religious adherents. Any action that threatens national unity and harmony must be taken seriously," he said in a statement on Tuesday.RSN Rayer (PH-Jelutong) said that a public apology alone would not be enough due to the scale of the issue and called on the government and authorities to take necessary action.

"As media professionals, they must have known how important it is to be sensitive to 3R issues before uploading anything to social media.

"Surely, one of them must have seen and realised how insensitive the video's content is before they uploaded it.

"Regardless of how they apologise now, it is up to the Royal Malaysia Police (PDRM) and relevant authorities to investigate and take the necessary actions," he said in a press conference together with Senator Lingeshwaran R. Aruasalam at Parliament on Tuesday.

BORAK Daily

Menteri Perpaduan Tegur Era FM, Minta Hormat Sensitiviti Agama

4 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan bahawa tindakan menghina mana-mana agama, termasuk agama Hindu adalah perbuatan yang tidak boleh diterima dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Menerusi satu kenyataan, beliau merujuk kepada video tular yang berlaku di stesen radio tempatan Era FM yang didakwa telah mempersenda agama tersebut.

Menteri Perpaduan tegur Era FM



KENYATAAN MEDIA
MENTERI PERPADUAN

RAKYAT DINASIHATI AGAR SENTIASA MENJAGA DAN MENGHORMATI SENSITIVITI AGAMA DAN BUDAYA MALAYSIA

Saya dengan tegas mengutuk segala bentuk kelakuan yang mempersenda atau menghina mana-mana agama, termasuk agama Hindu, yang berlaku di sebuah stesen radio tempatan iaitu Era FM.

Tindakan sedemikian jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara ini. Kita harus sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama dan budaya yang ada di Malaysia.

Sebagai sebuah negara yang majmuk, kita harus memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa. Sebarang perbuatan yang menyinggung perasaan agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat kita yang berbilang kaum.

Sehubungan itu, saya menyeru agar Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk bertindak mengikut peruntukan yang ada di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) bagi memastikan sebarang penyebaran kandungan yang mempersenda atau menghina agama di media massa dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Akhir sekali, saya mengingatkan supaya semua pihak untuk tidak mencetuskan ketegangan atau perasaan benci antara penganut agama. Setiap tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara harus dipandang serius.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
4 MAC 2025

"Tindakan sedemikian jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara ini. Kita harus sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama dan budaya yang ada di Malaysia," katanya hari ini.

Aaron Ago berkata, rakyat Malaysia yang hidup dalam masyarakat berbilang kaum harus mengamalkan sikap hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa.

SUARA SARAWAK

Tindakan tegas terhadap individu persenda agama di media sosial

4 Mac 2025



Aaron Ago Dagang

KUCHING: Tindakan sewajarnya mengikut undang-undang perlu diambil terhadap mana-mana pihak yang menyebarkan sebarang kandungan mempersenda atau menghina agama di media massa.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, beliau dengan tegas mengutuk segala bentuk kelakuan yang mempersenda atau menghina mana-mana agama, termasuk agama Hindu, yang berlaku di sebuah stesen radio tempatan, Era FM.

Menurutnya, tindakan sedemikian jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara ini.

"Sehubungan itu, saya menyeru agar Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bertindak mengikut peruntukan yang ada, di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) bagi memastikan sebarang penyebaran kandungan yang mempersenda atau menghina agama di media massa dikenakan tindakan yang sewajarnya," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Jelasnya, semua pihak harus sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama dan budaya yang ada di Malaysia.

"Sebagai sebuah negara yang majmuk, kita harus memupuk semangat saling hormat-menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa.

"Sebarang perbuatan yang menyinggung perasaan agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat kita yang berbilang kaum.

"Setiap tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara harus dipandang serius," ujarnya.

Aaron mengingatkan supaya semua pihak untuk tidak mencetuskan ketegangan atau perasaan benci antara penganut agama.

Terdahulu, kakitangan Era FM didakwa memperlekehkan agama Hindu menerusi satu video baru-baru ini.

Video berkenaan memaparkan individu yang meniru tarian kavadi sambil melaungkan 'Vel Vel' secara tidak sopan, sekali gus mencemarkan kesucian kepercayaan masyarakat Hindu di Malaysia.

MD DAILY

Menteri Perpaduan Kecam Tindakan Persenda Agama di Stesen Radio

4 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang, mengeluarkan kenyataan tegas mengutuk tindakan mempermainkan atau menghina mana-mana agama, termasuk agama Hindu, dalam satu insiden yang berlaku di stesen radio tempatan, Era FM.

Dalam kenyataan medianya, beliau menegaskan bahawa perbuatan seperti itu bertentangan dengan prinsip Rukun Negara yang menjadi asas keharmonian di Malaysia.

Oleh itu, beliau mengingatkan rakyat agar sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama serta budaya di negara ini.

"Sebagai sebuah negara majmuk, kita harus memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa. Sebarang perbuatan yang menyinggung perasaan agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat kita yang berbilang kaum," katanya.

Terdahulu, dalam hantaran di akaun Instagram Era FM, penyampai radio Nabil, Azad, dan Radin telah memohon maaf atas video yang mencetuskan kontroversi itu. Mereka mengakui tidak sensitif, terutama kepada masyarakat India, dalam kandungan yang disiarkan.

Video berkenaan, yang kini telah diturunkan daripada platform media sosial stesen tersebut, memaparkan seorang penyampai meniru tarian kavadi sambil menyebut 'Vel Vel' disusuli gelak tawa.

Klip itu mengundang kritikan meluas, dengan kebanyakan pihak menganggapnya sebagai penghinaan terhadap tradisi Hindu, khususnya upacara suci yang dilakukan ketika Thaipusam bagi menghormati Dewa Murugan.

Insiden itu turut mencetuskan reaksi keras daripada Timbalan Presiden MIC merangkap Ahli Parlimen Tapah, M. Saravanan, yang menuntut permohonan maaf terbuka daripada pihak terbabit serta menyeru kerajaan mengambil tindakan terhadap Era FM.

Sementara itu, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, mengesahkan bahawa pihaknya telah menerima aduan daripada pelbagai pihak mengenai tindakan kaki tangan stesen radio berkenaan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang turut menyeru Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk bertindak mengikut peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Akta ini bertujuan memastikan bahawa kandungan media massa yang mempermainkan atau menghina agama dikenakan tindakan sewajarnya.

Di akhir kenyataannya, Menteri Perpaduan mengingatkan semua pihak supaya tidak mencetuskan ketegangan atau perasaan benci antara penganut agama.

Beliau menegaskan bahawa sebarang tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian negara harus dipandang serius.

SUARA.TV
BERITA RENTAS PEMIKIRAN

Menteri Perpaduan kutuk tindakan persenda agama Hindu, 3 penyampai radio Era digantung tugas

4 Mac 2025



KUALA LUMPUR – Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang tegas mengutuk segala bentuk kelakuan mempersenda atau menghina mana-mana agama termasuk Hindu di sebuah stesen radio tempatan milik Astro.

Beliau berkata tindakan itu jelas bertentangan dengan prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara, selain semua pihak seharusnya sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama serta budaya di Malaysia.

"Sebagai sebuah negara majmuk, kita harus memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa.

"Sebarang perbuatan menyinggung perasaan penganut agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat kita yang berbilang kaum," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Aaron juga menggesa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil tindakan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588), bagi memastikan sebarang penyebaran kandungan mempersenda atau menghina agama di media massa dikenakan tindakan sewajarnya.

Beliau turut mengingatkan semua pihak untuk tidak mencetuskan ketegangan atau perasaan benci antara penganut agama, selain setiap tindakan menggugat perpaduan dan keharmonian negara harus dipandang serius.

Sementara itu, Menteri Digital Gobind Singh Deo menerusi kenyataan berkata Astro mesti menjalankan siasatan menyeluruh dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap petugas Era FM, kerana mempersendakan ritual suci membawa kavadi pada hari Thaipusam.

"Perbuatan individu dalam video itu sangat menyinggung perasaan dan amat membimbangkan. Mereka tidak mencerminkan nilai saling menghormati dan memahami yang menjadi asas kepada masyarakat berbilang budaya kita.

"Ritual membawa kavadi pada hari Thaipusam membawa maksud mendalam kepada masyarakat Hindu. Sebarang bentuk ejekan atau tidak hormat terhadapnya, atau mana-mana amalan agama tidak boleh diterima," katanya.

Hari ini, tular di media sosial tindakan tiga penyampai radio stesen milik Astro, Era FM dilihat seolah-olah mempersendakan upacara agama lain dalam segmen kendalian mereka.

Penyampai radio berkenaan kemudiannya membuat permohonan maaf berhubung tindakan mereka menyinggung sensitiviti kaum di negara ini.

Susulan ketegangan berkenaan, Astro Audio merehatkan tiga penyampai Era FM, Nabil Ahmad, Azad Jasmin dan Radin susulan kontroversi dicetuskan yang didakwa mempersenda upacara agama Hindu.

Astro Audio dalam satu kenyataan menyebut, penggantungan ketiga-tiga penyampai segmen 3 Pagi Era itu dibuat sehingga siasatan selesai.

"Kami memandang serius perkara ini dan selepas pertimbangan yang teliti, kami memutuskan untuk merehatkan ketiga-tiga individu tersebut dari ke udara sehingga diberitahu kelak, sementara kami menjalankan siasatan dalaman ke atas insiden ini," menurut kenyataan itu.

Melalui kenyataan sama, Astro Audio memberitahu, pihaknya komited terhadap kepercayaan pendengar dan memastikan persekitaran media dihormati.

"Kami sedang mengambil langkah memperkukuh proses semakan kandungan bagi memastikan program dihasilkan mencerminkan nilai dan jangkaan audiens kami.

"Kami sedang bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa bagi memastikan pematuhan penuh terhadap kesemua garis panduan dan keperluan yang ditetapkan.

"Kami amat menghargai maklum balas daripada pendengar dan pemegang taruh serta akan terus mendengar, belajar dan memperbaiki diri," jelasnya.

Sementara itu, Astro Audio menyatakan kekesalan dengan insiden yang berlaku dan memohon maaf kepada semua pihak.

Terdahulu, tiga penyampai terbabit didakwa mencetus kontroversi apabila mempersenda tarian kavadi Hindu, upacara suci dilakukan ketika Thaipusam kepada Dewa Murugan.

Video yang sudah diturunkan dalam platform media sosial stesen itu, memaparkan seorang penyampai meniru tarian kavadi, sambil menyebut 'Vel Vel' disusuli gelak tawa.

Klip video itu mengundang kritikan meluas kerana ia penghinaan kepada tradisi Hindu.

Susulan itu, Kementerian Komunikasi dilapor mengarahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) menjalankan siasatan terperinci mengenai aduan kakitangan stesen radio milik Astro itu.

BERNAMA

Acts That Hurt Feelings Of Religion Cannot Be Accepted – Aaron

4 March 2025



BERNAMA

Perbuatan Singgung Perasaan Pengikut Agama Lain Tidak Boleh Diterima – Aaron

4 Mac 2025`



The Malaysian Reserve
JOIN THE REAL CONVERSATION

Aaron: Acts that hurt feelings of religion cannot be accepted

4 March 2025



PUTRAJAYA — National Unity Minister Datuk Aaron Aro Dagang (picture) strongly condemned all forms of conduct that mocks or insults any religion, including Hinduism, which occurred on a local radio station, Era FM.

He said such actions clearly contradict the principles of the Rukun Negara which are the foundation of this country and that the religious and cultural sensitivities in Malaysia should always be safeguarded and respected.

"As a plural country, we must foster a spirit of mutual respect for each other, regardless of religious or racial background. Any act that offends the feelings of other religions should not be tolerated in our multi-racial society," he said in a statement here today.

Therefore, Aaron called on the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to act in accordance with the provisions under section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 (Act 588) to ensure that any dissemination of content that mocks or insults religion in the mass media is subject to appropriate action.

He also reminded all parties not to incite tension or hatred between religious adherents, and that any action that could threaten the unity and harmony of the country should be taken seriously.

It was reported that Era FM staff were accused of disparaging Hinduism through a recent video that featured a radio presenter imitating the Kavadi dance while shouting 'Vel Vel' followed by laughter.

Following that, the 3 Pagi Era radio presenter apologised for the controversial video in a post on Era FM's Instagram account.
— BERNAMA

BULETIN

Singgung perasaan penganut agama lain tidak boleh diterima – Menteri

4 Mac 2025



Datuk Aaron Ago Dagang.- Foto fail

PUTRAJAYA: Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, hari ini mengecam sekeras-kerasnya sebarang tindakan menghina atau mempersenda mana-mana agama termasuk Hindu, dalam siaran sebuah stesen radio tempatan milik Astro.

Beliau menegaskan bahawa perbuatan tersebut bertentangan dengan prinsip Rukun Negara yang menjadi asas keharmonian negara.

Oleh itu, beliau mengingatkan semua pihak agar sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama serta budaya di Malaysia.

"Sebagai sebuah negara majmuk, kita harus memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa.

"Sebarang perbuatan menyinggung perasaan penganut agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat kita yang berbilang kaum," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Aaron turut menggesa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk mengambil tindakan berdasarkan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

Langkah ini bertujuan memastikan pihak yang menyebarkan kandungan berunsur penghinaan atau mempersenda agama di media massa dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Sementara itu, Menteri Digital, Gobind Singh Deo juga menerusi kenyataan berkata, Astro mesti menjalankan siasatan menyeluruh dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap petugas Era FM, kerana mempersendakan ritual suci membawa kavadi pada hari Thaipusam.

"Perbuatan individu dalam video itu sangat menyinggung perasaan dan amat membimbangkan. Mereka tidak mencerminkan nilai saling menghormati dan memahami yang menjadi asas kepada masyarakat berbilang budaya kita.

"Ritual membawa kavadi pada hari Thaipusam membawa maksud mendalam kepada masyarakat Hindu. Sebarang bentuk ejekan atau tidak hormat terhadapnya, atau mana-mana amalan agama tidak boleh diterima," katanya.

Hari ini tular di media sosial, penyampai radio di sebuah stesen milik Astro dilihat seolah-olah mempersendakan upacara agama lain.

Tiga penyampai radio terbabit kemudian membuat permohonan maaf berhubung tindakan mereka yang disifatkan menyinggung sensitiviti kaum di negara ini.

Kosmo!

Persenda agama singgung perasaan, tidak boleh diterima – Aaron

4 Mac 2025



KUALA LUMPUR – Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang mengecam tindakan penyampai radio sebuah stesen tempatan yang didakwa mempersenda agama Hindu baru-baru ini.

Beliau berkata, pihaknya menggesa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bertindak mengikut peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) bagi memastikan sebarang penyebaran kandungan yang bersifat menyentuh sensitiviti kaum di media masaa dikenakan tindakan sewajarnya.

"Kita harus sentiasa menjaga dan menghormati sensitiviti agama dan budaya yang ada di Malaysia.

"Sebarang perbuatan yang menyinggung perasaan agama lain tidak sepatutnya diterima dalam masyarakat kita yang berbilang kaum," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, tindakan sedemikian bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menjadi asas negara ini.

"Sebagai sebuah negara yang majmuk, kita harus memupuk semangat saling menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa," katanya.

Terdahulu, tular sebuah video memaparkan salah seorang penyampai radio terkenal dilihat menari dengan nyanyian 'vel vel', seolah-olah mengejek tarian Kavadi Hindu itu. – KOSMO! ONLINE

SARAWAK TRIBUNE

Menteri Perpaduan Kecam Tindakan Persenda Agama di Stesen Radio

4 Mac 2025



KUCHING: Firm action under the law should be taken against any party spreading content that insults religion and race on social media.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said such actions clearly go against the principles of the Rukun Negara, which forms the foundation of the nation.

"In this regard, I urge the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to act under Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 (Act 588) to ensure that any dissemination of content mocking or insulting religion in the mass media is dealt with appropriately," he said in a statement.

He was responding to a recent viral video showing a radio personality from a local radio station mocking the Hindu religion.

The video depicted an individual imitating the kavadi dance while chanting 'Vel Vel' in a disrespectful manner, thus tarnishing the sanctity of the Hindu community's beliefs in Malaysia.

Aaron further added that everyone must always uphold and respect the religious and cultural sensitivities present in Malaysia.

"As a multiracial country, we must foster the spirit of mutual respect for one another, regardless of religious or racial background.

"Any act that offends another religion should not be accepted in our multiracial society.

"Finally, I remind all parties not to incite tension or hatred between religious followers.

"Every action that threatens national unity and harmony must be taken seriously," he stated.

NEW STRAITS TIMES ESTABLISHED 1845

Unity Minister calls for legal action against Era FM

4 March 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang. - BERNAMA FILEPIC

KUALA LUMPUR: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has called on the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to take action against Era FM.

The minister called on the regulatory body to utilise Section 233 of the Communications and Multimedia Act for improper use of network facilities which comes with a fine not exceeding RM50,000 or imprisonment for a term not exceeding one year or to both if found guilty.

"I strongly condemn all forms of conduct that mocks or insults any religion, including Hinduism, which occurred on a local radio station, Era FM.

"Such actions clearly contradict the principles of the Rukun Negara, which are the foundation of this country.

"I call on MCMC to act in accordance with the provisions under Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 (Act 588) to ensure that any dissemination of content that mocks or insults religion in the mass media is subject to appropriate action," the Unity Minister said in a statement today.

He stressed that acts that could threaten the unity and harmony of the nation will be taken seriously.

He also reminded the public to always protect and respect the religious and cultural sensitivities in Malaysia as any act that offends the feelings of other religions should not be accepted in our multi-racial society.

Earlier today, three Era FM radio DJs featured in a controversial video that allegedly mocked a religious festival.

The DJs have since issued a public apology, admitting their mistake and acknowledging the insensitivity of their actions.

Communications Minister Fahmi Fadzil has also instructed MCMC to conduct an investigation on the matter.

SUARA KONTEMPORARI Kosmo!

Kempen Cakap Baik-Baik perkukuh perpaduan, keharmonian – Aaron

6 Mac 2025



PETALING JAYA – Kempen Cakap Baik-Baik digerakkan sebagai usaha berterusan untuk memupuk budaya komunikasi positif serta memperkukuhkan keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kempen ini menggalakkan setiap individu untuk berkomunikasi dengan penuh rasa hormat, berbudi bahasa serta mengelakkan kata-kata negatif, hinaan atau provokasi yang boleh mencetuskan ketegangan sosial.

"Dalam dunia yang serba moden ini, adakalanya kata-kata yang tidak dipertimbangkan boleh menyebabkan ketegangan, permusuhan dan perpecahan antara kaum serta agama.

"Justeru, kempen ini menekankan kepentingan berfikir sebelum berkata serta menghargai perbezaan yang ada," katanya dalam hantaran di Facebook hari ini.

Menurutnya, kempen ini bukan sahaja menyasarkan rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang tetapi juga melibatkan semua pihak termasuk media, pemimpin komuniti serta individu.

"Kita semua bertanggungjawab dalam memastikan bahawa negara kita terus berkembang dengan semangat persaudaraan yang kuat," ujarnya.
– KOSMO! ONLINE

BERITA RTM

Kempen Cakap Baik-Baik, angkat martabat negara berbilang bangsa – Aaron

6 Mac 2025



Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang/Foto Fail

KUALA LUMPUR 6 Mac - Kempen Cakap Baik-Baik dilaksanakan Ke menterian Perpaduan adalah satu usaha berterusan kerajaan dalam memupuk budaya komunikasi positif selain memperkukuh keharmonian masyarakat berbilang kaum di negara.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata kempen itu menggalakkan setiap individu untuk berkomunikasi dengan penuh rasa hormat dan berbudi bahasa.

Selain itu, mengelakkan kata-kata negatif, hinaan atau provokasi yang boleh mencetuskan ketegangan sosial.

"Marilah sama-sama kita menerapkan amalan budi bahasa dan komunikasi, ucapan, pertuturan, panggilan, pergaulan dan perlakuan sama ada dalam masyarakat, keluarga dan juga di peringkat tempat kerja.

Semoga usaha untuk memupuk amalan budaya yang baik sebagai budaya masyarakat kita dimartabatkan seterusnya mengangkat konsep Malaysia Madani yang tinggi budaya," kata Datuk Aaron di laman Facebook rasminya, hari ini.

Jelasnya, semua rakyat bertanggungjawab memastikan situasi negara terus berkembang menerusi semangat persaudaraan yang utuh dan kuat.

Kempen Cakap Baik-baik menyasarkan rakyat Malaysia pelbagai latar belakang sekali gus melibatkan semua pihak termasuk media, pemimpin komuniti serta individu.

BERNAMA

Jangan Sebar Kenyataan Hina, Persenda Agama Di Media Sosial – Aaron

6 Mac 2025



BERNAMA

Stern Action Against Anyone Who Redicule, Insult Race And Religion – Aaron

5 March 2025



KUALA LUMPUR, March 5 (Bernama) -- Minister of Unity Datuk Aaron Ago Dagang has strongly warned all parties not to repeat the act of spreading statements in the form of provocation, insults, and ridiculing religion on social media platforms.

"I request the Royal Malaysian Police (PDRM) and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to immediately take appropriate action against individuals involved in the dissemination of this irresponsible content.

"Strict action through Section 298 of the Penal Code, Section 504 of the Penal Code, Section 505 of the Penal Code and Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 must be taken to ensure that the safety and harmony of the community is always preserved," he said in a statement today.

He said this following the action of a few netizens who spread statements related to the 3R (Race, Religion and Royalty) issue on social media platforms.

Meanwhile, Aaron said the ministry would continue to implement the Speak Good-Good Campaign and apply the principles of national integration of Understanding, Respect and Acceptance through various programmes to educate Malaysians to respect other religions and cultures.

"It is the responsibility of each individual to ensure that the virtual space is used wisely and does not create division or tension in society. Irresponsible actions that lead to acts of insulting religion and racial sensitivities are a threat to the peace and harmony of the country," he said.

Aaron also reminded the people involved in spreading provocative and insulting statements against other religions to think about the adverse effects of their actions on the harmony of society in the country.

"Provocative action that do not respect the feelings of other religions and races can damage the harmony of our country," he said.

-- BERNAMA

TheStar

Stern action against anyone who ridicules, insults race and religion, says Aaron

6 March 2025

KUALA LUMPUR: Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has strongly warned all parties not to repeat the act of spreading statements in the form of provocation, insults, and ridiculing religion on social media platforms.

"I request the Royal Malaysia Police (PDRM) and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to immediately take appropriate action against individuals involved in the dissemination of this irresponsible content.

"Strict action through Section 298 of the Penal Code, Section 504 of the Penal Code, Section 505 of the Penal Code and Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 must be taken to ensure that the safety and harmony of the community is always preserved," he said in a statement on Wednesday (March 5).

He said this following the action of a few netizens who spread statements related to the 3R (Race, Religion and Royalty) issue on social media platforms.

Meanwhile, Aaron said the ministry would continue to implement the Speak Good-Good Campaign and apply the principles of national integration of Understanding, Respect and Acceptance through various programmes to educate Malaysians to respect other religions and cultures.

"It is the responsibility of each individual to ensure that the virtual space is used wisely and does not create division or tension in society. Irresponsible actions that lead to acts of insulting religion and racial sensitivities are a threat to the peace and harmony of the country," he said.

Aaron also reminded the people involved in spreading provocative and insulting statements against other religions to think about the adverse effects of their actions on the harmony of society in the country.

"Provocative action that do not respect the feelings of other religions and races can damage the harmony of our country," he said. - Bernama

Minister calls for action against netizens who insult 3R sensitivities

6 March 2025

National unity minister Aaron Ago Dagang says actions that insult racial and religious sensitivities threaten peace and harmony.



National unity minister Aaron Ago Dagang said his ministry will continue running its campaign to educate Malaysians on respecting the religions and cultures of others.

PETALING JAYA: National unity minister Aaron Ago Dagang has called on the police and the Malaysian Communications and Multimedia Commission to take immediate action against those who spread social media content that insults or makes fun of religion or sensitivities related to the 3Rs of race, religion, and royalty.
In a statement last night, Aaron called for firm action through Sections 298, 504, and 505 of the Penal Code, as well as Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 (CMA).

Section 298 of the Penal Code pertains to the use of words with the deliberate intent of wounding religious feelings, Section 504 relates to insults made with the intent of provoking a breach of the peace, and Section 505 concerns statements conducive to public mischief.

Section 233 of the CMA meanwhile relates to the improper use of network facilities.

Aaron also named several social media users, including independent preacher Zamri Vinoth who was criticised yesterday by MIC deputy president M Saravanan for insulting Hinduism.

"Every person is responsible for ensuring that virtual spaces are used wisely instead of dividing or creating tension in society.

"Irresponsible actions that insult racial and religious sensitivities threaten the nation's peace and harmony," he said.

Aaron also said his ministry would continue to run its campaign to educate Malaysians on respecting other religions and cultures.

His statement followed the controversy sparked by three Era FM radio hosts who were panned over a video apparently mocking the Thaipusam kavadi ritual.

Zamri, meanwhile, said in a Facebook post that Hindu worshippers performing the kavadi ritual said "Vel Vel" while appearing to be possessed or drunk, and he questioned why this was not considered insulting.

Saravanan said Zamri's comments were "extremely disrespectful and deeply offensive to the Hindu community", and urged home minister Saifuddin Nasution Ismail to issue an order for the preacher to be charged immediately.

Menteri perpaduan bidas warganet sebar provokasi, persenda agama

6 Mac 2025

Aaron Ago Dagang nasihat orang ramai bijak guna ruang maya, tak timbul ketegangan masyarakat.

PETALING JAYA: Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang membidas segelintir warganet menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi dan mempersendakan agama serta menyentuh polemik 3R (raja, agama, kaum) menerusi media sosial.

Beliau berkata perbuatan individu sepert Vijayan Savarinathan, Zamri Vinoth, Saravanan Sanmugom dan Crime_Man (nama di aplikasi TikTok) sama sekali tidak boleh diterima.

Tegasnya, setiap individu bertanggungjawab memastikan ruang maya digunakan dengan bijak dan tidak menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat.

"Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara," katanya dalam kenyataan.

Aaron berkata bagi membantu mengatasi masalah itu Kementerian Perpaduan Negara akan terus melaksanakan 'Kempen Cakap Baik-Baik' serta menerapkan prinsip integrasi nasional Faham, Hormat dan Terima melalui program-program.

"Ini bagi mendidik rakyat Malaysia dalam menghormati agama dan budaya penganut lain.

"Saya mengingatkan kepada mereka yang terlibat dalam tindakan sedemikian supaya berhenti dan memikirkan kesan buruk boleh timbul daripada perbuatan mereka," katanya memohon polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengambil tindakan sewajarnya.

Beliau berkata tindakan membendung penyebaran kandungan jelik itu boleh dibuat melalui Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.



Aaron Ago Dagang gesa polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ambil tindakan sewajarnya terhadap individu cetus provokasi 3R (raja, agama, kaum).

BH ONLINE

Hentikan sebar kenyataan hina, persenda agama di media sosial – Menteri

6 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang. Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang memberi amaran keras kepada semua pihak agar tidak mengulangi perbuatan menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi, penghinaan dan mempersendakan agama di platform media sosial.

"Saya memohon Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) segera mengambil tindakan sewajarnya terhadap individu yang terlibat dalam penyebaran kandungan tidak bertanggungjawab ini.

"Tindakan tegas melalui Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu diambil untuk memastikan keselamatan serta keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata demikian susulan tindakan segelintir netizen yang menyebarkan kenyataan berkaitan isu 3R (Kaum, Agama dan Raja) di platform media sosial.

Aaron berkata kementeriannya akan terus melaksanakan Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integrasi nasional Faham, Hormat dan Terima melalui pelbagai program bagi mendidik rakyat Malaysia supaya menghormati agama dan budaya penganut lain.

"Setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan bahawa ruang maya digunakan dengan bijak dan tidak menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat.

"Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara," katanya.

Aaron juga mengingatkan rakyat yang terlibat menyebarkan kenyataan provokasi dan penghinaan terhadap agama lain supaya memikirkan kesan buruk perbuatan mereka terhadap keharmonian masyarakat di negara ini.

"Tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain boleh merosakkan keharmonian negara kita," katanya.

– BERNAMA

Sinar Harian

'Saya beri amaran keras, hentikan provokasi di media sosial' - Menteri Perpaduan

6 Mac 2025



Aaron Ago Dagang

SHAH ALAM - Semua pihak digesa mengelak dan berhenti serta-merta daripada mengapi-apikan atau menyebarkan kenyataan yang boleh menjejaskan keharmonian negara, tegas Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlu segera mengambil tindakan sewajarnya ke atas individu yang terlibat dalam penyebaran berbentuk provokasi di media sosial.

Menurutnya, tindakan tegas melalui Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 boleh diambil bagi memastikan keselamatan serta keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara.

"Saya ingin menegaskan tindakan segelintir warganet yang menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi, penghinaan, dan mempersendakan agama di platform media sosial adalah suatu perbuatan yang tidak boleh diterima sama sekali.

"Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara.

"Saya dengan ini memberi amaran keras kepada semua pihak agar tidak lagi mengulangi perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Sebelum ini, tular di TikTok video seorang warganet membuat kenyataan mempersendakan ajaran agama Islam.

Tindakan itu juga turut dilakukan oleh warganet lain sehingga mencetuskan ketegangan antara agama dan kaum di Malaysia.

Tambah Aaron, Kementerian Perpaduan Negara akan terus melaksanakan Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integrasi nasional faham, hormat dan terima melalui pelbagai program supaya dapat mendidik rakyat Malaysia dalam menghormati agama dan budaya penganut lain.

Tegasnya, tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain boleh merosakkan keharmonian negara.

"Saya mengingatkan kepada mereka yang terlibat dalam tindakan sedemikian agar berhenti dan memikirkan kesan buruk yang boleh timbul daripada perbuatan mereka.

"Tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain boleh merosakkan keharmonian negara kita," katanya.

myMetro

Fikir kesan buruk akibat sebar kenyataan hina, persenda agama di media social

6 Mac 2025



Kuala Lumpur: Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang memberi amaran keras kepada semua pihak agar tidak mengulangi perbuatan menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi, penghinaan dan mempersendakan agama di platform media sosial.

"Saya memohon Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) segera mengambil tindakan sewajarnya terhadap individu yang terlibat dalam penyebaran kandungan tidak bertanggungjawab ini.

"Tindakan tegas melalui Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu diambil untuk memastikan keselamatan serta keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata demikian susulan tindakan segelintir netizen yang menyebarkan kenyataan berkaitan isu 3R (Kaum, Agama dan Raja) di platform media sosial.

Aaron berkata kementeriannya akan terus melaksanakan Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integrasi nasional Faham, Hormat dan Terima melalui pelbagai program bagi mendidik rakyat Malaysia supaya menghormati agama dan budaya penganut lain.

"Setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan bahawa ruang maya digunakan dengan bijak dan tidak menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat.

"Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara," katanya.

Aaron juga mengingatkan rakyat yang terlibat menyebarkan kenyataan provokasi dan penghinaan terhadap agama lain supaya memikirkan kesan buruk perbuatan mereka terhadap keharmonian masyarakat di negara ini.

"Tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain boleh merosakkan keharmonian negara kita," katanya.

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Menteri Perpaduan kecam tindakan sebar kenyataan berbaur provokasi

6 Mac 2025



PUTRAJAYA – Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan tindakan segelintir individu yang menyebarkan kenyataan berbaur provokasi, penghinaan agama, serta menyentuh sensitiviti isu 3R di media sosial adalah tidak boleh diterima sama sekali.

Beliau menyebut beberapa individu termasuk Vijayan Savarinathan, Zamri Vinoth, Saravanan Sanmugom dan pemilik akaun TikTok 'Crime_Man' yang dikatakan terlibat dalam perbuatan tidak bertanggungjawab itu.

"Setiap individu perlu bertanggungjawab dalam menggunakan ruang maya secara bijak tanpa menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat.

"Perbuatan menghina agama dan kaum adalah satu ancaman kepada keharmonian negara," katanya dalam satu kenyataan malam ini.

Menurut beliau, kementeriannya akan terus memperkasakan 'Kempen Cakap Baik-Baik' serta menerapkan prinsip 'Faham, Hormat dan Terima' bagi mendidik rakyat supaya lebih menghormati kepercayaan serta budaya masyarakat lain.

Pada masa sama, beliau turut memberi amaran keras kepada pihak yang menyebarkan kenyataan provokatif agar menghentikan perbuatan tersebut serta-merta.

"Saya menggesa semua pihak agar tidak mengapi-apikan sentimen perkauman atau keagamaan yang boleh merosakkan keharmonian negara. Mereka yang terlibat perlu sedar akan kesan buruk akibat tindakan tidak bertanggungjawab ini," ujarnya.

Aaron Ago Dagang turut meminta Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil tindakan tegas terhadap individu yang menyebarkan kandungan berunsur provokasi di platform digital.

"Tindakan tegas perlu diambil mengikut peruntukan undang-undang termasuk Seksyen 298, Seksyen 504, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi memastikan keselamatan serta keharmonian masyarakat terus terpelihara.

"Marilah kita bersama-sama memastikan negara kita kekal harmoni dan bersatu dalam kepelbagaian," tegasnya. -MalaysiaGazette

Video live lama sentuh isu 3R tular semula, Menteri Perpaduan beri amaran keras!


6 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang, menegaskan tindakan segelintir individu yang menyebarkan kenyataan berunsur provokasi, penghinaan dan mempersendakan agama di media sosial tidak boleh diterima sama sekali.

Kenyataan yang dibuat beliau itu merujuk kepada individu seperti Vijayan Savarinathan, Zamri Vinoth, Saravanan Sanmugom, dan Crime_Man (TikTok),yang didakwa mencetuskan ketegangan kaum menerusi isu sensitif 3R (Race, Religion & Royalty).

Perkara ini dinyatakan susulan tularnya video perbualan di media sosial melibatkan beberapa individu yang dipercayai berlangsung pada tahun lalu.



Susulan daripada itu, beliau mengingatkan bahawa tindakan sebegini boleh menggugat keharmonian negara dan menegaskan kepentingan menggunakan media sosial secara bijak.

Kempen Cakap Baik-Baik serta program integrasi nasional terus diperkenalkan bagi mendidik rakyat Malaysia untuk menghormati kepercayaan agama lain.

Pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) diminta mengambil tindakan segera ke atas mereka yang menyebarkan kandungan berunsur provokasi.

Untuk makluman, kesalahan di bawah Seksyen 298, 504, dan 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 akan dikenakan bagi memastikan keharmonian negara terus terpelihara.

Beliau turut memberi amaran keras agar tindakan tidak bertanggungjawab ini dihentikan serta-merta dan tidak diulangi.

“Bersama-sama, marilah kita mengekalkan perpaduan negara berlandaskan prinsip Rukun Negara terutama Kesopanan dan Kesusilaan,” tegasnya dalam kenyataan rasmi pada 5 Mac 2025.

Sebelum ini, tular semula video lama berkenaan rakaman siaran langsung yang dibuat di platform TikTok menyentuh isu 3R dengan menghina agama Islam.

Perkara tersebut kembali menjadi perdebatan susulan isu 3 penyampai radio didakwa mempersendakan agama Hindu.

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga mereka telah membuat permohonan maaf dan sudah memberi keterangan di Bukit Aman selepas terdapat 44 laporan polis dibuat susulan isu tersebut.

astro AWANI

Isu 3R: Aaron Ago Dagang beri amaran keras kepada individu terlibat

5 Mac 2025



Aaron berkata, perbuatan tersebut tidak boleh diterima sama sekali kerana tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain, boleh merosakkan keharmonian negara. - Gambar fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara memberi amaran tegas terhadap tindakan segelintir individu, yang menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi, penghinaan, dan mempersendakan agama serta sensitiviti berkaitan isu 3R di platform media sosial.

Ia termasuk individu yang dikenali sebagai Vijayan Savarinathan, Zamri Vinoth, Saravanan Sanmugom dan pengguna media sosial TikTok, Crime_Man.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, perbuatan tersebut tidak boleh diterima sama sekali kerana tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain, boleh merosakkan keharmonian negara.

"Setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan bahawa ruang maya digunakan dengan bijak dan tidak menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat.

"Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara," katanya dalam kenyataan pada Rabu malam.



Aaron turut mengingatkan kepada pihak yang terlibat dalam tindakan sedemikian, agar berhenti dan memikirkan kesan buruk yang boleh timbul daripada perbuatan mereka.

"Saya dengan ini memberi amaran keras kepada semua pihak agar tidak lagi mengulangi perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini," tambah beliau.

Dalam pada itu, beliau memohon agar pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) segera mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas individu-individu yang terlibat dalam penyebaran kandungan-kandungan yang tidak bertanggungjawab.

Katanya, Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu diambil untuk memastikan keselamatan serta keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara.

Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara, katanya terus melaksanakan Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integrasi nasional Faham, Hormat dan Terima melalui program-program bagi mendidik rakyat Malaysia dalam menghormati agama dan budaya penganut lain.

theVibes.com
MALAYSIA. FROM EVERY SIDE.

Unity Minister issues stern warning to people involved in provocative actions

6 Mac 2025



It is the responsibility of each individual to ensure that the virtual space is used wisely and does not create division or tension in society – March 6, 2025

THE Ministry of National Unity has issued a stern warning to individuals involved in spreading provocative statements, insults, and disrespectful remarks concerning sensitive issues related to race, religion, and royalty (3R) on social media platforms.

Its minister said, in a statement, said: "I hereby issue a stern warning to all parties not to repeat irresponsible acts."

He urged the police and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to take immediate action against individuals involved in disseminating irresponsible content.

Dagang highlighted that sections of the Penal Code, including Section 298, Section 504, Section 505, and Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998, should be enforced to ensure the safety and harmony of the nation is preserved.

In addition, the Ministry of National Unity continues to promote the "Cakap Baik-Baik" campaign and is committed to fostering national integration through the principles of Understand, Respect, and Accept (Faham, Hormat, and Terima) in its programmes aimed at educating Malaysians to respect the religions and cultures of all.

"It is the responsibility of each individual to ensure that the virtual space is used wisely and does not create division or tension in society.

"Irresponsible actions that lead to acts of insulting religion and racial sensitivities are a threat to the peace and harmony of the country," he said.

Aaron also reminded the people involved in spreading provocative and insulting statements against other religions to think about the adverse effects of their actions on the harmony of society in the country.

"Provocative action that do not respect the feelings of other religions and races can damage the harmony of our country," he said. – March 6, 2025

NEW STRAITS TIMES

Aaron: Stern action against anyone who ridicule, insult race and religion

6 March 2025

KUALA LUMPUR: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has strongly warned all parties not to repeat the act of spreading statements in the form of provocation, insults, and ridiculing religion on social media platforms.

"I request the police and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to immediately take appropriate action against individuals involved in the dissemination of this irresponsible content.

"Strict action through Section 298 of the Penal Code, Section 504 of the Penal Code, Section 505 of the Penal Code and Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 must be taken to ensure that the safety and harmony of the community is always preserved," he said in a statement yesterday.

He said this following the action of a few netizens who spread statements related to the 3R (Race, Religion and Royalty) issue on social media platforms.

Meanwhile, Aaron said the ministry would continue to implement the Speak Good-Good Campaign and apply the principles of national integration of Understanding, Respect and Acceptance through various programmes to educate Malaysians to respect other religions and cultures.

"It is the responsibility of each individual to ensure that the virtual space is used wisely and does not create division or tension in society.

"Irresponsible actions that lead to acts of insulting religion and racial sensitivities are a threat to the peace and harmony of the country," he said.

Aaron also reminded the people involved in spreading provocative and insulting statements against other religions to think about the adverse effects of their actions on the harmony of society in the country.

"Provocative action that do not respect the feelings of other religions and races can damage the harmony of our country," he said. – Bernama

SUARA.TV
BERITA RENTAS PEMIKIRAN

Hentikan Segera Penghinaan Agama dan Sensitiviti Kaum

6 Mac 2025



KUALA LUMPUR – Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, menegaskan bahawa tindakan segelintir individu yang menyebarkan kenyataan provokatif, menghina agama, dan mempermainkan sensitiviti isu 3R (Race, Religion & Royalty) di media sosial adalah sesuatu yang tidak boleh diterima sama sekali.

Beliau memberi amaran keras terhadap individu seperti Vijayan Savarinathan, Zamri Vinoth, Saravanan Sanmugom, dan pengguna TikTok bernama Crime_Man, serta lain-lain yang terlibat dalam penyebaran kandungan berbentuk kebencian ini.

"Setiap individu bertanggungjawab memastikan ruang maya digunakan dengan bijak dan tidak menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat. Tindakan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah ancaman kepada keamanan negara," katanya dalam satu kenyataan rasmi hari ini.

Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara akan terus memperkukuh Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip Faham, Hormat, dan Terima bagi mendidik rakyat agar lebih menghormati agama dan budaya penganut lain.



Aaron turut menyeru semua pihak agar menghentikan sebarang tindakan provokatif yang boleh merosakkan keharmonian negara. Beliau juga menggesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk segera mengambil tindakan terhadap individu yang menyebarkan kandungan tidak bertanggungjawab ini.

Bagi memastikan keharmonian masyarakat terus terpelihara, tindakan tegas akan diambil di bawah beberapa peruntukan undang-undang termasuk Seksyen 298, 504, dan 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Bersama-sama, marilah kita berganding bahu untuk mengekalkan perpaduan negara berlandaskan prinsip Rukun Negara, terutamanya Kesopanan dan Kesusilaan," tambah beliau.

Pihak berkuasa dijangka akan menjalankan siasatan lanjut dan memastikan mereka yang bersalah dikenakan tindakan sewajarnya.

TRP

Tular Video Hina Agama, Menteri Perpaduan Beri Amaran Henti Gugat Keharmonian Negara

6 Mac 2025

Menurut Datuk Aaron Ago Dagang, perbuatan beberapa pengguna TikTok yang menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi disifatkan sebagai satu penghinaan dan telah menyentuh isu 3R (agama, raja, kaum).



Sejak kebelakangan ini, kecoh di media sosial mengenai tiga orang penyampai radio yang didakwa mempersendakan sebuah upacara agama Hindu.

Ketiga-tiga individu yang terlibat bagaimanapun telah mengakui kesilapan dan memohon maaf kepada semua pihak terutamanya masyarakat bangsa India yang terkesan serta terluka dengan perbuatan mereka.

Namun keadaan masih tegang di mana wujudnya provokasi di kalangan warganet dan kegiatan menghina agama-agama lain.

Menteri Perpaduan Gesa Henti Sebarang Aktiviti Provokasi Di Media Sosial

Terbaharu, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menggesa semua pihak untuk menghentikan perbuatan dan mengelak daripada mengapi-apikan atau menyebarkan kenyataan yang boleh menjejaskan keharmonian negara dan rakyat Malaysia.

Beliau berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlu segera mengambil tindakan sewajarnya ke atas mana-mana individu yang terlibat secara langsung dalam penyebaran berbentuk provokasi di platform media sosial.

Bagi memastikan keselamatan serta keharmonian masyarakat sentiasa terjaga, indakan tegas melalui Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 boleh diambil kepada pihak yang melakukan kesalahan.

“Saya ingin menegaskan tindakan segelintir warganet yang menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi, penghinaan, dan mempersendakan agama di platform media sosial adalah suatu perbuatan yang tidak boleh diterima sama sekali.

“Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara.

“Saya dengan ini memberi amaran keras kepada semua pihak agar tidak lagi mengulangi perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini,” kata Aaron dalam satu kenyataan semalam (5 Mac).

Beberapa Pengguna TikTok Hina & Persenda Agama

Amaran ini dikeluarkan selepas beliau mendapati terdapat beberapa akaun TikTok yang memuat naik hantaran dan menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi.

Bukan itu sahaja, ia juga disifatkan sebagai penghinaan, mempersendakan agama serta sensitiviti melibatkan isu 3R (agama, raja, kaum).

Menurut Aaron, perbuatan tidak bertanggungjawab terbabit tidak boleh diterima sama sekali. Aksi tersebut sekaligus mencetuskan ketegangan antara agama dan kaum di Malaysia.

Kerajaan Laksana Kempen Cakap Baik-Baik

Tambah Aaron, Kementerian Perpaduan Negara akan terus melaksanakan Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integrasi nasional faham, hormat dan terima melalui pelbagai program agar dapat mendidik rakyat negara majmuk ini dalam menghormati agama serta budaya penganut lain.

Tegas Aaron, tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain boleh merosakkan keharmonian negara.

“Saya mengingatkan kepada mereka yang terlibat dalam tindakan sedemikian agar berhenti dan memikirkan kesan buruk yang boleh timbul daripada perbuatan mereka,” tambah beliau lagi.

Seksyen Kesalahan Bagi Isu 3R Di Malaysia
Terdahulu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam satu hantaran di laman Facebook sebelum ini ada menjelaskan tentang fokus inisiatif pihak mereka bagi menangani isu 3R. Berikut adalah seksyen yang boleh ditangkap untuk kesalahan 3R:

1. Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948
- Akta ini berkuat kuasa untuk kesalahan menghasut institusi diraja atau kaum.

Antaranya:

- Mendatangkan kebencian atau penghinaan terhadap mana-mana raja.
- Mengembangkan perasaan niat jahat permusuhan antara kaum.
- Hukuman: Denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

2. Seksyen 298A Kanun Keseksaan
- Akta ini diperuntukkan untuk kesalahan melibatkan agama.

Antaranya:

- Atas alasan agama, menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau permusuhan, benci-membenci, ada niat jahat atau memudaratkan perpaduan.



KENYATAAN MEDIA
MENTERI PERPADUAN NEGARA

Saya ingin menegaskan dengan tegas bahawa tindakan segelintir warga net khususnya individu bernama Vijayan Savarinathan, Zamri Vinoth, Saravanan Sanmugom dan Crime_Man (nama di aplikasi TikTok) serta lain-lain yang menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi, penghinaan, dan mempersendakan agama serta sensitiviti berkaitan isu 3R (Race, Religion & Royalty) di platform media sosial adalah suatu perbuatan yang tidak boleh diterima sama sekali.

Setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan bahawa ruang maya digunakan dengan bijak dan tidak menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat. Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara. Oleh itu, Kementerian Perpaduan Negara terus melaksanakan Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integrasi nasional Faham, Hormat dan Terima melalui program-program supaya dapat mendidik rakyat Malaysia dalam menghormati agama dan budaya penganut lain.

Saya mengingatkan kepada mereka yang terlibat dalam tindakan sedemikian agar berhenti dan memikirkan kesan buruk yang boleh timbul daripada perbuatan mereka. Tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain boleh merosakkan keharmonian negara kita. Semua pihak harus mengelak dan berhenti serta merta daripada mengapi-apikan atau menyebarkan kenyataan yang boleh menjejaskan keharmonian negara.

Saya dengan ini memberi amaran keras kepada semua pihak agar tidak lagi mengulangi perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini. Saya memohon agar pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) segera mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas individu-individu yang terlibat dalam penyebaran kandungan-kandungan yang tidak bertanggungjawab ini. Tindakan tegas melalui Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu diambil untuk memastikan keselamatan serta keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara.

Bersama-sama, marilah kita berganding bahu untuk mengekalkan perpaduan negara yang berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara terutamanya Kesopanan dan Kesusilaan.

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA
5 MAC 2025

malaysiakini
news and views that matter

Menteri gesa tindakan ke atas beberapa individu hina agama

6 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang meminta tindakan tegas diambil terhadap beberapa individu, termasuk pendakwah kontroversi Zamri Vinoth, kerana menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi dan mempersendakan agama lain.

Selain Zamri, individu lain yang disebut oleh menteri itu ialah Vijayan Savarinathan, Saravanan Sanmugom, dan seorang pengguna TikTok yang menggunakan nama 'Crime_Man'.

Keempat-empat mereka memuat naik video menghina agama lain susulan kontroversi yang tercetus membabitkan penyampai radio Era FM yang mempersendakan ritual kavadi ketika sambutan Thaipusam.

Zamri dalam hantaran di Facebook berkata ramai penganut Hindu sendiri menyebut 'vel-vel' sambil menari 'macam orang kena rasuk dan mabuk todi' tetapi ia tidak dianggap menghina.

Manakala Vijayan, Saravanan, dan Crime_Man pula memuat naik video yang menghina Islam dan umat Islam.

Dalam satu kenyataan malam tadi, Aaron berkata tindakan individu berkenaan merupakan perbuatan yang tidak boleh dterima sama sekali.

"Saya dengan ini memberi amaran keras kepada semua pihak agar tidak mengulangi perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini.

"Saya memohon agar pihak Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) segera mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas individu-individu terlibat dalam penyebaran kandungan-kandungan yang tidak bertanggungjawab ini," katanya.

Aaron berkata tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara.

"Oleh itu Kementerian Perpaduan Negara terus melaksanakan kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integriti nasional Faham, Hormat dan Terima melalui program-program supaya dapat mendidik rakyat Malaysia dalam menghormati agama dan budaya penganut lain," katanya.

malaysiakini
news and views that matter

Unity minister wants probe on Zamri, others who made religious insults.

6 March 2025



National Unity Minister Aaron Ago Dagang wants stern action to be taken against several individuals, including controversial preacher Zamri Vinoth, for making religious insults.

Besides Zamri, those named by the minister include Vijayan Savarinathan, Saravanan Sanmugom, and a TikTok user who goes by the username "Crime_Man".

tvs
www.tvsarawak.my

Jangan sebar kenyataan hina, persenda agama di media sosial – Aaron

6 Mac 2025



Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang. Foto fail Bernama

KUALA LUMPUR, 6 Mac: Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang memberi amaran keras kepada semua pihak agar tidak mengulangi perbuatan menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi, penghinaan dan mempersendakan agama di platform media sosial.

"Saya memohon Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) segera mengambil tindakan sewajarnya terhadap individu yang terlibat dalam penyebaran kandungan tidak bertanggungjawab ini.

"Tindakan tegas melalui Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu diambil untuk memastikan keselamatan serta keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata demikian susulan tindakan segelintir netizen yang menyebarkan kenyataan berkaitan isu 3R (Kaum, Agama dan Raja) di platform media sosial.

Aaron berkata kementeriannya akan terus melaksanakan Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integrasi nasional Faham, Hormat dan Terima melalui pelbagai program bagi mendidik rakyat Malaysia supaya menghormati agama dan budaya penganut lain.

"Setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan bahawa ruang maya digunakan dengan bijak dan tidak menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat. Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara," katanya.

Aaron juga mengingatkan rakyat yang terlibat menyebarkan kenyataan provokasi dan penghinaan terhadap agama lain supaya memikirkan kesan buruk perbuatan mereka terhadap keharmonian masyarakat di negara ini.

"Tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain boleh merosakkan keharmonian negara kita," katanya. -TVS

SCOOP

'Stop the provocation or face the consequences,' Unity minister warns.

6 March 2025

Authorities urged to crack down on those spreading inflammatory statements affecting racial, religious harmony



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang warned that those who incite hatred and mock religious beliefs pose a direct threat to national unity and must stop immediately. - Scoop file pic, March 6, 2025

SHAH ALAM – National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has issued a stern warning, urging all parties to immediately cease making or spreading inflammatory statements that could fracture the nation's peace.

He called on the Royal Malaysia Police (PDRM) and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to take swift and decisive action against individuals responsible for spreading provocative content on social media.

"I want to stress that the actions of certain netizens who spread provocative statements, insults, and mock religious beliefs on social media platforms are completely unacceptable.

He warned that those responsible could face severe consequences under Section 298, Section 504, and Section 505 of the Penal Code, as well as Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998.

His statement comes in response to a viral TikTok video in which a netizen was seen mocking Islamic teachings. The act, which has since been imitated by others, has ignited religious and racial tensions across Malaysia.

"Irresponsible acts that involve insulting religion and racial sensitivities pose a threat to the peace and harmony of the nation.

"I hereby issue a stern warning to all parties not to repeat such irresponsible actions," he said in a statement on Wednesday.

He assured that the National Unity Ministry would intensify efforts to educate the public through the Cakap Baik-Baik (Speak Kindly) campaign, promoting understanding, respect, and acceptance among Malaysians.

"Provocative actions that disregard religious and racial sensitivities are not mere offences—they are an attack on the very fabric of our society. If we do not put an end to this, our unity will be at stake," he added. – March 6, 2025

THE RAKYAT INSIGHT
@therakyatinsight.com

Menteri Perpaduan Beri Amaran Keras Individu Sebar Kenyataan Hina, Persenda Agama

6 Mac 2025

KUALA LUMPUR: Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang memberi amaran keras kepada segelintir individu agar tidak menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi, penghinaan dan mempersendakan agama di platform media sosial.

Ia termasuk individu yang dikenali sebagai Vijayan Savarinathan, Zamri Vinoth, Saravanan Sanmugom dan pengguna media sosial TikTok, Crime_Man.

Beliau berkata tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain boleh merosakkan keharmonian negara.

"Setiap individu bertanggungjawab untuk memastikan bahawa ruang maya digunakan dengan bijak dan tidak menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat.

"Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata demikian susulan tindakan segelintir netizen yang menyebarkan kenyataan berkaitan isu 3R (Kaum, Agama dan Raja) di platform media sosial.



Aaron berkata kementeriannya akan terus melaksanakan Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integrasi nasional Faham, Hormat dan Terima melalui pelbagai program bagi mendidik rakyat Malaysia supaya menghormati agama dan budaya penganut lain.

Dalam pada itu beliau memohon agar pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) segera mengambil tindakan sewajarnya terhadap individu yang terlibat dalam penyebaran kandungan tidak bertanggungjawab ini.

"Tindakan tegas melalui Seksyen 298 Kanun Keseksaan, Seksyen 504 Kanun Keseksaan, Seksyen 505 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu diambil untuk memastikan keselamatan serta keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

Perbuatan hina agama, sensitiviti kaum ancam keamanan – Aaron

6 Mac 2025



PETALING JAYA – Tindakan segelintir pengguna media sosial menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi, penghinaan dan mempersenda agama serta sensitiviti berkaitan isu 3R adalah suatu perbuatan tidak boleh diterima sama kali.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, beliau menyebut beberapa nama individu antaranya Vijayan Savarinathan, Zamri Vinoth, Saravanan Sanmugom serta seorang pengguna TikTok Crime_Man.

"Setiap individu bertanggungjawab memastikan ruang maya digunakan dengan bijak dan tidak menimbulkan perpecahan atau ketegangan dalam masyarakat.

"Tindakan tidak bertanggungjawab yang menjurus kepada perbuatan menghina agama dan sensitiviti kaum adalah suatu ancaman kepada keamanan dan keharmonian negara," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, Kementerian Perpaduan Negara terus melaksanakan Kempen Cakap Baik-Baik serta menerapkan prinsip integrasi nasional Faham, Hormat dan Terima melalui program-program supaya dapat mendidik rakyat Malaysia menghormati agama dan budaya penganut lain.

"Saya mengingatkan mereka yang terlibat dalam tindakan sedemikian agar berhenti dan memikirkan kesan buruk yang boleh timbul daripada perbuatan tersebut.

"Tindakan provokatif yang tidak menghormati perasaan agama dan kaum lain boleh merosakkan keharmonian negara ini," katanya.

– KOSMO! ONLINE

மக்கள் ஓசை
HARIAN TAMIL MAKKAL OSAI SUARA RAKYAT DIGITAL EDITION

7 Mac 2025

தேசியக் கோட்பாடுகள் கொள்கைகளுக்கு முரணாகச் செயல்படாதீர்

கோலாலம்பூர், மார்ச் 5- சமூக ஊடகங்களில் ஒரு சமயத்தின் நம்பிக்கையைக் கேலி செய்யும் அல்லது அவமதிக்கும் உள்ளடக்கத்தை காணொலியாகப் பதிவு செய்து பகிர்ந்தால் மிகக் கடுமையான நடவடிக்கை எடுக்கப்படும்.

1998 தொடர்பு, பல்லூடகச் சட்டம் பிரிவு 233 கீழ் நடவடிக்கை எடுக்க வேண்டும் என்று எம்சிஎம்சி எனப்படும் தொடர்பு, பல்லூடக ஆணையம் கேட்டுக் கொள்ளப்பட்டிருப்பதாக தேசிய ஒற்றுமைத்துறை அமைச்சர் டத்தோ எரோன் அகோ டாகாங் கூறினார்.

இந்து மதத்தினரின் தைப்பூசத்தில் காவடி எடுப்பதைக் கேலி, கிண்டல் செய்யும் வகையில் ஆஸ்ட்ரோவின் எரா எஃப்எம் தனியார் வானொலி நிறுவனத்தின் மூன்று நிகழ்ச்சி படைப்பாளர்களின் செயல் குறித்து அவர் கருத்துரைத்தார்.

இத்தகைய இழிவான செயல்கள் நாட்டின் தேசிய கோட்பாடுகளின் கொள்கைகளுக்கு முரணாக உள்ளது என்று அவர் கடுமையாகச் சாடினார்.

மலேசியாவில் பல்வேறு சமயங்களையும் அவர்களின் நம்பிக்கைகளையும் கலாச்சார உணர்வுகளையும் மலேசியர்கள் மதிக்க வேண்டும் என்று கேட்டுக் கொண்ட அவர், இந்து சமயத்தினரின் நம்பிக்கையை அவமதித்திருப்பதைச் சாடினார்.

ஒருவரின் சமய நம்பிக்கையை அவமதிப்பது, கேலி செய்வது போன்ற கடுமையான செயலை தாம் கண்டிப்பதாகக் குறிப்பிட்ட அவர் மற்ற சமயத்தினரைப் புண்படுத்தும் எந்தவொரு செயலும் மலேசியாவின் பல இன சமூகத்தினரால் ஏற்றுக் கொள்ள படமாட்டாது என்றார். பன்முகத் தன்மை கொண்ட நாடாக மலேசிய இருக்கிறது.

மதம் அல்லது இனப் பின்னணியைச் சீண்டாமல் ஒருவருக்கொருவர் பரஸ்பர மரியாதை செலுத்தும் உணர்வைப் பின்பற்ற வேண்டும் என்று எரோன் வலியுறுத்தினார். இத்தகைய செயல்கள் மூலம் மத நம்பிக்கையாளர்களிடையே கொந்தளிப்பு அல்லது வெறுப்புணர்வை ஏற்படுத்த வேண்டாம் என்று அனைத்துத் தரப்பினருக்கும் அவர் நினைவுறுத்தினார்.

தமிழ் மலர்

7 Mac 2025



malaysiakini
news and views that matter

Kami ada peranan, tapi bukan bertindak ke atas kes 3R, kata Aaron

7 Mac 2025



Beberapa kes terbaru 3R yang merujuk kepada raja, agama dan kaum sekali meletakkan Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang dalam perhatian ramai dan memaksanya tampil menjelaskan bahawa kementeriannya tidak ada kuasa untuk bertindak atau menghukum individu yang mencetuskan isu tersebut.

Aaron menerusi hantaran di X berkata bahawa sejak beberapa hari lalu, kementeriannya telah berulang kali disoal berhubung dakwaan kononnya kurangnya tindakan terhadap mereka yang membangkitkan isu sensitif 3R.

Sebaliknya, Aaron menjelaskan bahawa kuasa penguatkuasaan dan tindakan undang-undang terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan bukan kementerian perpaduan.



"Kementerian dan agensi di atas adalah bertanggungjawab dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang mencetuskan isu 3R.

"Saya berharap agar tindakan penguatkuasaan dipertingkatkan oleh agensi di atas," katanya.

Aaron kemudiannya mengetengahkan beberapa pendekatan reformatif atau pembaharuan serta intervensi yang dilakukan oleh kementeriannya untuk menangani isu berkaitan 3R.

Antaranya, pemantauan isu melalui sistem e-Sepakat dan disalurkan kepada agensi berkaitan serta menggunakan papan pemuka analitik perpaduan yang membolehkan mengenalpasti kawasan panas untuk diberikan fokus melalui program intervensi.

Sistem e-Sepakat merupakan pusat pengumpulan data utama bagi pengurusan isu perpaduan sebagai mekanisme gerak kerja pengesanan, pemantauan dan pelaporan isu itu secara digital.

Tambah Aaron, kementerian juga turut perkhidmatan mediasi melalui 571 mediator komuniti dalam bantu meredakan konflik, yang beroperasi di atas platform bukan litigasi.

Terdapat juga jawatankuasa pengurusan isu perpaduan yang terdiri daripada 12 kementerian dan agensi yang membolehkan langkah susulan diambil dengan segera.

Bulan lalu, Aaron mempertahankan keperluan dirinya untuk terus memegang jawatan di sebalik kritikan orang ramai terhadap keberkesanan kementeriannya.

Ini susulan gesaan seorang ahli akademik, James Chin agar kementeriannya dimansuhkan atas dakwaan prestasi yang lesu dan longlai dalam memperkukuhkan perpaduan negara.

Baru-baru ini, tiga juruhebah stesen radio Era FM mencetuskan kontroversi apabila didakwa mempersendakan ritual kavadi ketika sambutan Thaipusam.



Susulan itu ketiga-tiga juruhebah terbabit disiasat polis dan sudah digantung tugas buat sementara waktu sehingga siasatan dalaman selesai dijalankan berhubung video berkenaan.

Pada 5 Mac, Aaron meminta tindakan tegas diambil terhadap beberapa individu, termasuk pendakwah kontroversi Zamri Vinoth, kerana menyebarkan kenyataan berbentuk provokasi dan mempersendakan agama lain.

Timbalan Presiden MIC M Saravanan turut mengingatkan bahawa Zamri Vinoth mempunyai rekod prestasi yang panjang dengan sering membuat kenyataan menghasut atas alasan dakwah agama, tetapi sebenarnya menyemai benih perbalahan di kalangan rakyat Malaysia melalui penyebaran naratif yang berbahaya.

BH ONLINE

Kementerian Perpaduan Negara laksana pendekatan reformatif, intervensi tangani isu 3R

7 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. - Foto NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara memberi fokus kepada pendekatan reformatif dan intervensi dalam menangani isu yang menyentuh sensitiviti agama, institusi raja dan kaum (3R) di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata sejak kebelakangan ini beliau sering ditanya mengapa kementeriannya tidak mengambil tindakan terhadap pihak yang menyentuh sensitiviti 3R, sedangkan kuasa penguatkuasaan bukan di bawah kementeriannya.

Aaron menjelaskan, kuasa mengambil tindakan undang-undang adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Komunikasi serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Aaron berkata, antara langkah yang dilaksanakan Kementerian Perpaduan Negara dalam menangani isu 3R, termasuk pemantauan isu melalui sistem eSepakat dan disalurkan kepada agensi berkaitan.

Selain itu, perkhidmatan mediasi melalui 571 Mediator Komuniti dalam bantu meredakan konflik dan mewujudkan Pusat Mediasi Komuniti, iaitu platform bukan perundangan (litigasi) untuk membantu komuniti dalam menyelesaikan pertikaian.

"Justeru, saya berharap supaya tindakan penguatkuasaan dipertingkat oleh agensi berkenaan," kata beliau melalui laman sosial X, hari ini.

"Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan, yang terdiri daripada 12 kementerian dan agensi membolehkan langkah susulan diambil dengan segera.

"Pada masa sama, Dashboard Analitik Perpaduan membolehkan kementerian mengenal pasti kawasan "hotspot" untuk diberikan fokus melalui program intervensi, selain pelaksanaan program dan kempen yang boleh menyatupadukan rakyat Malaysia," katanya.

MalaysiaGazette SPROUT YOUR MIND

Tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan 3R patut ditingkatkan

7 Mac 2025



KUALA LUMPUR – Kementerian dan agensi berkaitan harus meningkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan menyentuh isu sensiti 3R (agama, raja dan kaum).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, pihaknya sebelum ini kerap menerima pertanyaan daripada pelbagai pihak berhubung mengapa Kementerian Perpaduan Negara tidak menahan individu-individu yang menyentuh isu sensitif 3R.

Sedangkan, jelas beliau, kuasa penguatkuasaan serta tindakan undang-undang adalah terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN); Polis Diraja Malaysia (PDRM); Kementerian Komunikasi (KK) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

"Kementerian dan agensi di atas adalah bertanggungjawab dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang mencetuskan isu 3R.

"Saya berharap agar tindakan penguatkuasaan dipertingkatkan oleh agensi di atas," katanya menerusi ciapan di laman X beliau hari ini.

Sementara itu, jelas Aaron, dari sudut peranan Kementerian Perpaduan Negara, pihaknya memberikan fokus kepada usaha menerusi beberapa pendekatan reformatif dan intervensi dalam kes tersebut.

Antaranya, kata beliau, menerusi pemantauan isu melalui sistem eSepakat untuk disalurkan kepada agensi berkaita serta perkhidmatan mediasi melalui sebanyak 571 Mediator Komuniti dalam membantu meredakan konflik.

Selain itu, ujar beliau, Kementerian Perpaduan Negara juga mewujudkan Pusat Mediasi Komuniti iaitu platform bukan perundangan (litigasi) untuk membantu komuniti dalam menyelesaikan pertikaian.

Turut ditubuhkan, tambahnya, Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan yang terdiri daripada 12 kementerian dan agensi yang membolehkan langkah susulan diambil dengan segera.

Dalam masa sama, kata beliau, Dashboard Analitik Perpaduan turut diwujudkan bagi mengenal pasti kawasan hotspot untuk diberikan fokus melalui program intervensi selain pelaksanaan program dan kempen yang boleh menyatupadukan rakyat Malaysia.

– MalaysiaGazette

BERNAMA

Tindakan Tegas Terhadap Isu 3R Perlu Dipertingkat – Menteri Perpaduan

7 Mac 2025



BERNAMA

Enforcement Action On 3R Issues Needs To Be Enhanced – Unity Minister

7 March 2025`



OH MY MEDIA

Isu 3R: Kuasa undang-undang bukan di Kementerian Perpaduan, tapi KDN & KK

7 Mac 2025



Sejak beberapa hari ini, ramai tertanya-tanya kenapa Kementerian Perpaduan Negara (KPN) tidak mengambil tindakan terhadap individu yang menyentuh isu berkaitan agama, kaum dan raja (3R)?

Kuasa undang-undang bukan di Kementerian Perpaduan

Menterinya Datuk Aaron Ago Dagang berkata, tindakan penguatkuasaan bukan di bawah bidang kuasa KPN sebaliknya ia adalah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Komunikasi (KK), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

"Kementerian dan agensi di atas adalah bertanggungjawab dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang mencetuskan isu 3R. Saya berharap agar tindakan penguatkuasaan dipertingkatkan oleh agensi di atas," katanya menerusi satu hantaran di laman X hari ini.



Apa peranan Kementerian Perpaduan?

Walaupun tidak terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang, Aaron Ago menjelaskan kementeriannya memainkan peranan penting dalam menangani isu perpaduan melalui pendekatan reformatif dan intervensi. Antara inisiatif yang dilakukan adalah:

- **Pemantauan Isu Melalui Sistem eSepakat**

Maklumat berkaitan isu perpaduan dikumpul dan disalurkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan susulan.

- **Perkhidmatan Mediasi oleh 571 Mediator Komuniti**

Mediator komuniti bertindak sebagai orang tengah untuk membantu meredakan konflik dan menyelesaikan pertikaian.

- **Pusat Mediasi Komuniti**

Platform bukan perundangan (litigasi) yang membantu komuniti dalam menyelesaikan pertikaian tanpa perlu melalui proses mahkamah.

- **Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan**

Terdiri daripada 12 kementerian dan agensi yang membolehkan tindakan segera diambil terhadap isu-isu perpaduan.

- **Dashboard Analitik Perpaduan**

Sistem ini membantu mengenal pasti kawasan "hotspot" yang memerlukan lebih banyak program intervensi.

- **Pelaksanaan Program & Kempen Perpaduan**

Program-program ini bertujuan untuk menyatupadukan rakyat Malaysia melalui pelbagai aktiviti dan kempen yang bersifat inklusif.

Jadi persoalan sudah terjawab, bukan kuasa KPN untuk 'menangkap' individu yang menyentuh isu 3R sebaliknya mereka lebih fokus kepada usaha menyatukan rakyat melalui program mediasi, pemantauan, serta intervensi bagi memastikan keharmonian masyarakat Malaysia terus terpelihara.

Meninjau ke ruangan komen, rata-rata warganet menyifatkan kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan selebihnya berbalik kepada rakyat sendiri yang memainkan peranan dalam menjaga keharmonian pelbagai kaum dan bangsa.

Ramai tak faham portfolio kementerian



KPN tiada kuasa penguatkuasaan



Rakyat perlu main peranan



Terdahulu, isu berkaitan 3R menjadi topik hangat gara-gara tiga penyampai radio Era didakwa mempersendakan upacara Thaipusam kavadi sehingga mencetuskan pelbagai kontroversi.

Sumber: X Aaron Ago Dagang

malaysiakini
news and views that matter

Unity Ministry has role, but not in acting against 3R cases: Aaron

7 March 2025



Recent 3R-related cases have once again placed National Unity Minister Aaron Ago Dagang in the spotlight, forcing him to clarify that his ministry has no authority to act against or penalise individuals involved in such cases.

In an X post this morning, Aaron stated that over the past few days, his ministry has repeatedly been questioned over its perceived lack of action against those who raise sensitive 3R issues.

TheStar

Enforcement action on 3R issues needs to be enhanced, says Unity Minister

7 March 2025



KUALA LUMPUR: Enforcement action against individuals who touch on the 3R (race, religion and royalty) issues needs to be enhanced by relevant agencies to maintain peace and harmony in the country, said Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said that the power to take legal action against those who provoke these sensitive issues lies under the jurisdiction of the Home Ministry, Royal Malaysia Police, Communications Ministry and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).

"Those ministries and agencies are responsible for taking legal action against individuals who provoke the 3R issues," he said in a post on X.

Explaining the role of the National Unity Ministry in addressing the issue, Aaron said the ministry is focusing on efforts through reformative approaches and interventions, including conducting monitoring through the eSepakat system, which is a mechanism for managing unity issues to be channeled to relevant agencies.

Apart from that, he said the ministry also provides mediation services through 571 Community Mediators who play a role in helping to defuse conflicts and offer alternative dispute resolution through the Community Mediation Centre, without having to go through the legal process.

Aaron said the Unity Issues Management Committee, which consists of 12 ministries and agencies, allows immediate follow-up steps to be taken.

The Unity Analytics Dashboard also allows the ministry to identify hotspots to focus on via intervention programmes, in addition to implementing programmes and campaigns that can unite the people, he added. – Bernama

Malaysia Tribune

Kementerian Perpaduan Negara beri tumpuan pendekatan reformatif tangani isu 3R

7 Mac 2025



Various platforms and programmes exist under ministry to manage unity-related issues – March 7, 2025

PUTRAJAYA – Kementerian Perpaduan Negara memberi tumpuan kepada pendekatan reformatif dan intervensi untuk menangani masalah berkaitan perpaduan di negara ini, khususnya membabitkan isu agama, institusi raja dan bangsa (3R).

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata, pihaknya banyak menerima soalan mengenai mengapa kementeriannya tidak mengambil tindakan terhadap individu yang menyentuh isu 3R.

Jelas Aaron, kuasa penguatkuasaan serta tindakan undang-undang terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KK), serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

"Kementerian dan agensi ini bertanggungjawab untuk mengambil tindakan terhadap individu yang mencetuskan isu 3R," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Aaron berkata, antara langkah yang dilaksanakan adalah pemantauan isu melalui sistem eSepakat, yang membolehkan maklumat disalurkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut.

Selain itu, beliau berkata, perkhidmatan mediasi yang disediakan oleh 571 Mediator Komuniti turut berperanan meredakan konflik di kalangan masyarakat.

"Kementerian Perpaduan Negara juga memperkenalkan Pusat Mediasi Komuniti sebagai platform bukan perundangan untuk membantu komuniti menyelesaikan pertikaian," ujarnya.

Aaron menambah, Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan yang melibatkan 12 kementerian dan agensi turut diwujudkan untuk memastikan langkah susulan dapat diambil dengan segera.

"Untuk memperkukuhkan usaha ini, Kementerian juga menggunakan Dashboard Analitik Perpaduan bagi mengenal pasti kawasan hotspot yang memerlukan perhatian melalui program intervensi.

"Pelaksanaan program dan kempen perpaduan juga diteruskan bagi menyatupadukan rakyat Malaysia," ujarnya sambil berharap tindakan penguatkuasaan dapat dipertingkatkan oleh agensi berkaitan.

theVibes.com
MALAYSIA. FROM EVERY SIDE.

Stronger enforcement on 3R issues needed to maintain national harmony

7 March 2025

Relevant agencies must take more decisive action to safeguard nation's unity and harmony.



Various platforms and programmes exist under ministry to manage unity-related issues – March 7, 2025

THE Minister of National Unity, Datuk Aaron Ago Dagang has called for the need for more stringent enforcement measures against individuals who raise sensitive issues related to race, religion, and royalty, commonly known as the 3R issues.

He stressed that relevant agencies must take more decisive action to safeguard the nation's unity and harmony.

In a statement, Aaron clarified that the responsibility for taking legal action against those who incite issues related to the 3Rs falls under the jurisdiction of several key bodies, including the Ministry of Home Affairs (KDN), the Royal Malaysia Police (PDRM), the Ministry of Communications, and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).

"The ministries and agencies mentioned above are responsible for taking legal action against individuals who provoke sensitive 3R issues," Aaron said in a post on X today.

Addressing the role of the Ministry of National Unity in tackling these issues, Aaron explained that the ministry focuses on reformatory and intervention approaches, including monitoring efforts through the eSepakat system.

This mechanism serves as a platform for managing unity-related issues, enabling them to be referred to the relevant agencies for action.

Furthermore, the ministry offers mediation services through its network of 571 community mediators, who play a crucial role in de-escalating conflicts.

These mediators provide alternative dispute resolution solutions through the Community Mediation Centres, allowing citizens to resolve issues without resorting to legal processes.

Aaron also highlighted the efforts of the Unity Issue Management Committee, which consists of 12 ministries and agencies.

This committee facilitates immediate follow-up actions, while the Unity Analytics Dashboard allows the ministry to identify "hotspots" that require targeted interventions.

Additionally, the ministry implements various programmes and campaigns aimed at fostering national unity and strengthening social cohesion.

"Through these initiatives, we are committed to ensuring that national unity is upheld and that the people of Malaysia remain united despite any challenges posed by divisive issues," he added.

Aaron's comments underline the government's ongoing efforts to address sensitive issues responsibly and to prevent the spread of racial, religious, or royal provocations that threaten Malaysia's multicultural fabric. – March 7, 2025

NEW STRAITS TIMES

Unity minister wants more enforcement action against 3R issues

7 March 2025



Enforcement action against individuals who touch on the 3R (race, religion and ruler) issues needs to be enhanced by relevant agencies to maintain peace and harmony in the country, said Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang. - PIC CREDIT: X/AaronAgoDagang

KUALA LUMPUR: Enforcement action against individuals who touch on the 3R (race, religion and ruler) issues needs to be enhanced by relevant agencies to maintain peace and harmony in the country, said Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said the power to take legal action against those who provoke these sensitive issues lies under the jurisdiction of the Home Ministry, police, Communications Ministry and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).

"Those ministries and agencies are responsible for taking legal action against individuals who provoke the 3R issues," he said in a post on X.



Explaining the role of the Ministry of National Unity in addressing the issue, Aaron said the ministry is focusing on efforts through reformative approaches and interventions, including conducting monitoring through the eSepakat system, which is a mechanism for managing unity issues to be channeled to relevant agencies.

Apart from that, he said the ministry also provides mediation services through 571 Community Mediators who play a role in helping to defuse conflicts and offer alternative dispute resolution through the Community Mediation Centre, without having to go through the legal process.

Aaron said the Unity Issues Management Committee, which consists of 12 ministries and agencies, allows immediate follow-up steps to be taken.

The Unity Analytics Dashboard also allows the ministry to identify hotspots to focus on through intervention programmes, in addition to implementing programmes and campaigns that can unite the people, he added.

KPN guna pendekatan reformatif, serah tindakan 3R kepada agensi penguatkuasaan

7 Mac 2025



Datuk Aaron Ago Dagang. Foto Bernama

SHAH ALAM - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada Jumaat menekankan usaha perpaduan melalui pendekatan reformatif dan intervensi yang strategik bagi memperkukuh keharmonian masyarakat terutama dalam menangani isu sensitiviti agama, institusi raja serta kaum (3R) di negara ini.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan, perkara tersebut adalah kerana sejak kebelakangan ini beliau sering ditanya mengapa pihaknya tidak mengambil tindakan terhadap individu yang menyentuh isu sensitif itu.

Jelasnya, kuasa penguatkuasaan bukan di bawah kementeriannya sebaliknya di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Komunikasi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

"Inilah soalan yang paling banyak saya terima sejak beberapa hari ini.

"Oleh itu, kementerian dan agensi itulah yang bertanggungjawab dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang mencetuskan isu 3R.

"Jadi, saya berharap agar tindakan penguatkuasaan dipertingkatkan lagi oleh agensi berkenaan," katanya menerusi hantaran di X.

Sebelum ini, beliau menggesa semua pihak mengelak dan berhenti serta-merta daripada mengapi-apikan atau menyebarkan kenyataan yang boleh menjejaskan keharmonian negara.

Katanya, PDRM dan SKMM perlu segera mengambil tindakan sewajarnya ke atas individu yang terlibat dalam penyebaran berbentuk provokasi di media sosial.

Dalam pada itu, menurut beliau, antara langkah yang dilaksanakan pihaknya dalam menangani isu 3R adalah dengan pemantauan melalui sistem eSepakat dan disalurkan kepada agensi berkaitan.

"Bukan itu sahaja, perkhidmatan mediasi melalui 571 Mediator Komuniti dalam membantu meredakan konflik.

"Kita boleh juga, mewujudkan Pusat Mediasi Komuniti platform bukan perundangan (litigasi) untuk membantu komuniti dalam menyelesaikan pertikaian.

"Langkah seterusnya pula adalah, Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan, yang terdiri daripada 12 Kementerian dan Agensi yang membolehkan langkah susulan diambil dengan segera," ujarnya.

Tambah beliau juga, pelaksanaan Dashboard Analitik Perpaduan membolehkan mengenalpasti kawasan 'hotspot' untuk diberikan fokus melalui program intervensi.

Ujarnya, langkah terakhir adalah dengan melaksanakan program dan kempen yang boleh menyatupadukan rakyat Malaysia.

团结部长:加强执法 对付触及3R课题者

2025年03月7日

（吉隆坡7日讯）国家团结部长拿督艾伦达干强调，执法单位需要加强力度，对付触及种族、宗教、王室（3R课题）的人士，确保国家的和谐持续受到维护。

他说，对付这些挑起敏感课题的人士，权力在于内政部、大马皇家警察部队、通讯部，以及通讯及多媒体委员会。

他今日在其官方社交平台X发表推文说："上述部门和相关机构负责采取法律行动，对付挑起3R课题的人士。"

针对团结部在应对上述问题的角色，他解释，该部侧重于通过改革性的方式和干预措施作出努力，包括通过作为团结课题管理机制的eSepakat系统进行监控，以便将问题传递给相关机构。

此外，艾伦达干说，该部也透过多达多达571名的社区协调员协助缓解冲突，并通过社区调解中心提供解决争议的替代方案，无需通过法律程序。

他说，由12个部门和机构组成的团结课题管理委员会，有利于迅速采取后续措施，至于团结分析仪表板则有助于该部能鉴定热点区域，以便通过干预计划予以关注，并展开能够促进国民团结的项目和活动。

BERNAMA

Pusat Mediasi Komuniti KPN Selesai 215 Konflik Komuniti Tanpa Proses Perundangan

8 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (dua, kiri) memasukkan bahan masakan bubur lambuk pada Program Memasak Bubur Lambuk Perpaduan di Dewan Sivik Kerteh hari ini.

BERNAMA

Community Mediation Centre Resolves 215 Conflicts Last Year – KPN

8 March 2025



National Unity Minister, Datuk Aaron Ago Dagang at the national-level "Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan" programme at Dewan Sivik Kerteh here today.

Malaysia Tribune

Bubur Lambuk satukan rakyat: lebih 700,000 bekas diedar serentak

8 Mac 2025



Menteri Perpaduan, Aaron Ago Dagang bersama Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Dewan Sivik Kerteh, Terengganu, hari ini.

KERTIH – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu menganjurkan Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Dewan Sivik Kerteh, Terengganu, hari ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, program itu diadakan serentak di seluruh negara dengan lebih 700,000 bekas bubur lambuk diedarkan menerusi lebih 3,400 Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

"Program itu bukan sahaja menggerakkan warga KRT secara bersepadu, tetapi juga memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat tanpa mengira latar belakang, kaum dan agama.

"Aktiviti seperti ini melambangkan penyatuan rakyat Malaysia menerusi penyediaan bubur perpaduan dan berbuka puasa bersama," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Negeri Terengganu kerana menjadi tuan rumah bagi penganjuran program peringkat kebangsaan tahun ini.

"Usaha sebegini diharap menjadi pemangkin kepada perpaduan yang menjadi tonggak keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara," katanya lagi.



Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Dewan Sivik Kerteh, Terengganu, hari ini.



Gotong-royong Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Dewan Sivik Kerteh, Terengganu, hari ini.

Program itu merupakan kali keempat dianjurkan dan terus menjadi platform menyemai semangat perpaduan dalam kalangan rakyat menerusi aktiviti kemasyarakatan sepanjang Ramadan.

BH ONLINE

Kementerian Perpaduan Negara perluas Pusat Mediasi Komuniti bantu selesaikan isu kemasyarakatan

8 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (tiga kiri) mengacau bubur lambuk pada program Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di dewan Sivik Kerteh, hari ini. - Foto Rosli Ilham

CHUKAI: Kementerian Perpaduan Negara akan memperluas peranan Mediator Komuniti dan menambah Pusat Mediasi Komuniti (PMK) bagi menyelesaikan konflik dalam kawasan kejiranan termasuk soal keselamatan dan perpaduan.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata skop perkhidmatan mediasi yang dikendalikan oleh Mediator Komuniti dikendalikan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) berkaitan isu dalam komuniti seperti gangguan bunyi bising, pergaduhan antara jiran, isu kekeluargaan dan isu alam sekitar.

Beliau berkata, kementerian itu juga bercadang menubuhkan lima lagi PMK tahun ini, menjadikan 13 PMK keseluruhan dengan lapan pusat itu sudah diwujudkan sebelum ini.

Beliau berkata, lima PMK yang akan ditubuhkan ialah membabitkan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Daerah Tuaran Sabah, Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Perumahan Rakyat Seri Kota Kuala Lumpur.

"Dua lagi pusat terbabit akan ditubuhkan di Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) di Kemaman, Pejabat Perpaduan daerah Pontian Johor.

"PMK yang akan terus berperanan sebagai platform bukan perundangan (Litigasi) untuk membantu komuniti dalam menyelesaikan pertikaian dan konflik yang berbangkit di peringkat akar umbi.

"Kementerian berhasrat untuk memastikan perkhidmatan mediasi secara percuma yang disediakan kepada rakyat ini dapat dimanfaat dan diakses dengan lebih mudah melalui penubuhan dan perluasan Pusat Mediasi Komuniti," katanya selepas merasmikan Program Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Kemaman, hari ini.

Aaron berkata, sepanjang tahun lalu, sebanyak 215 kes mediasi direkod dan dikendalikan Mediator Komuniti secara proaktif di bawah penyeliaan JPNIN.

Sementara itu beliau berkata peranan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) dalam mendepani isu dalam komuniti termasuk soal keselamatan dan perpaduan juga amat penting.

"Saya melihat kalau ada KRT ini, jarang ada masalah yang besar-besar. Mungkin ada (masalah besar) tetapi sedikit dan dapat ditangani dengan adanya ahli yang jalankan tugas untuk meredakan masalah," katanya.

Utusan Malaysia

Pusat Mediasi Komuniti selesai 215 kes luar perundangan

8 Mac 2025



AARON Ago Dagang (kiri) membantu penduduk mengacau bubur lambuk pada program Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Kerteh, Kemaman, Terengganu. -UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

KEMAMAN : Sebanyak 215 kes mediasi antara masyarakat diselesaikan Pusat Mediasi Komuniti (PMK) secara proaktif, di luar perundangan pada tahun lalu.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, PMK yang diselia Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) adalah platform bukan perundangan bagi membantu komuniti menyelesaikan pertikaian dan konflik di peringkat akar umbi.

"Antara skop perkhidmatan mediasi yang dikendalikan oleh pusat ini ialah isu berkaitan kejiranan setempat seperti parkir, gangguan bunyi bising, pergaduhan antara jiran dan isu alam sekitar," katanya selepas merasmikan Program Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Kerteh, di sini, hari ini.

Aaron berkata, setakat ini sebanyak lapan PMK telah ditubuhkan di seluruh negara.

"Kita bercadang menubuhkan lima lagi PMK tahun ini melibatkan kerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Daerah Tuaran Sabah, Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Perumahan Rakyat Seri Kota Kuala Lumpur.

"Dua lagi pusat itu akan ditubuhkan di Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) di Kemaman, Terengganu dan Pejabat Perpaduan Daerah Pontian Johor," katanya. – UTUSAN

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

Pusat Mediasi Komuniti tawar penyelesaian isu kejiranan

8 Mac 2025



Aaron (dua dari kanan) sedang memasukkan bubur lambuk ke dalam bekas untuk diedarkan pada program Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan peringkat Kebangsaan di Kerteh, Kemaman hari ini.

KEMAMAN – Sebanyak 215 kes mediasi antara masyarakat berjaya diselesaikan oleh Pusat Mediasi Komuniti (PMK) secara proaktif, di luar perundangan pada tahun lalu.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, PMK diselia Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) berkenaan merupakan platform bukan perundangan bagi membantu komuniti menyelesaikan pertikaian dan konflik berlaku di peringkat akar umbi.

"Antara skop perkhidmatan mediasi dikendalikan oleh pusat tersebut ialah isu berkaitan kejiranan setempat seperti isu parkir, gangguan bunyi bising, pergaduhan antara jiran dan isu alam sekitar," katanya di Kerteh di sini hari ini.

Terdahulu beliau ditemui selepas merasmikan program Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan peringkat Kebangsaan.

Aaron berkata, setakat ini sebanyak lapan PMK telah ditubuhkan di seluruh negara.
Beliau berkata, lima lagi PMK dicadang untuk dibuka sepanjang tahun ini membabitkan kerjasama agensi lain seperti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Daerah Tuaran Sabah, Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Contohya di Kuala Lumpur akan ditubuhkan di Perumahan Rakyat Seri Kota. Selain itu, pusat itu juga akan ditubuhkan di Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) di sini dan Pejabat Perpaduan Daerah Pontian Johor," katanya. – KOSMO! ONLINE

tvs www.tvsarawak.my

KPN edar lebih 700,000 bubur lambuk secara serentak seluruh negara

8 Mac 2025



Lebih 700,000 bekas bubur lambuk telah diedarkan secara serentak di seluruh negara oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui lebih 3,400 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sempena Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025. Foto Kementerian Perpaduan Negara

KERTEH, 8 Mac: Lebih 700,000 bekas bubur lambuk diedarkan secara serentak di seluruh negara oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui lebih 3,400 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sempena Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, program seumpama ini bukan sahaja berjaya menghimpunkan dan menggerakkan warga KRT secara bersepadu, tetapi juga dapat mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat tanpa mengira latar belakang, kaum dan agama.

"Oleh hal yang demikian, melalui program ini juga dapat melihat keterlibatan dan kebersamaan masyarakat untuk menyediakan bubur perpaduan dan juga berbuka puasa bersama-sama yang menjadi lambang penyatuan dan perpaduan rakyat Malaysia," katanya menerusi kenyataan yang dikeluarkan hari ini.
Menurut beliau, program anjuran bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Terengganu ini merupakan anjuran kali keempat yang dianjurkan secara serentak di seluruh negara.

Pada masa sama, beliau turut merakamkan ucapan penghargaan kepada negeri Terengganu atas kesudian menjadi tuan rumah bagi penganjuran program itu pada tahun ini.

Beliau berharap usaha yang dilakukan ini menjadi pemangkin kepada perpaduan yang merupakan tonggak keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara. -TVS

Utusan Borneo Online

Pusat Mediasi Komuniti KPN selesai 215 konflik komuniti tanpa proses perundangan

8 Mac 2025



KERTEH: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Pusat Mediasi Komuniti telah menyelesaikan 215 konflik di peringkat komuniti tahun lepas, sekali gus mengelak penyelesaian kes secara perundangan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata semua kes tersebut dikendalikan Mediator Komuniti secara proaktif di bawah penyeliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

"Skop perkhidmatan mediasi yang dikendalikan oleh Mediator Komuniti berkaitan isu-isu yang berlaku dalam kawasan kejiranan setempat seperti gangguan bunyi bising, pergaduhan antara jiran, isu kekeluargaan, isu alam sekitar dan pelbagai.

"Kementerian berhasrat untuk memastikan perkhidmatan mediasi secara percuma yang disediakan kepada rakyat ini dapat dimanfaat dan diakses dengan lebih mudah melalui penubuhan dan perluasan Pusat Mediasi Komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Dewan Sivik Kerteh, di sini hari ini.

Aaron berkata sehingga kini terdapat lapan buah pusat berkenaan di seluruh negara dan pihaknya bercadang untuk menambah lima lagi Pusat Mediasi Komuniti dalam negara.

Lima lokasi baharu ialah di Pusat Aktiviti Perpaduan Kemaman di Terengganu dan Pejabat Perpaduan Daerah Pontian, Johor selain tiga lagi menerusi kerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam, Selangor; Majlis Daerah Tuaran, Sabah; dan Think City serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Perumahan Rakyat Seri Kota di ibu negara.

Sementara itu beliau berkata peranan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) dalam mendepani isu dalam komuniti termasuk soal keselamatan dan perpaduan juga amat penting.

"Saya melihat kalau ada KRT ini, jarang ada masalah yang besar-besar. Mungkin ada (masalah besar) tetapi sedikit dan dapat ditangani dengan adanya ahli yang jalankan tugas untuk meredakan masalah," katanya.

theSun

Community Mediation Centre resolves 215 conflicts last year – KPN

8 March 2025



KERTEH: The National Unity Ministry (KPN), through the Community Mediation Centre, was able to resolve 215 conflicts at the community level last year, preventing these cases from escalating into legal disputes.

Minister of National Unity, Datuk Aaron Ago Dagang, said the cases were handled proactively by Community Mediators under the supervision of the Department of National Unity and National Integration (JPNIN).

"The mediation services provided by Community Mediators cover various neighbourhood issues, including noise disturbances, disputes between neighbours, family conflicts and environmental issues.

"The ministry intends to ensure that the free mediation services offered to the public are more accessible and beneficial through the establishment and expansion of Community Mediation Centres," he told reporters after opening the national-level "Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan" programme at Dewan Sivik Kerteh here today.

According to Aaron, there are currently eight Community Mediation Centres nationwide, with plans to establish five more.

Two of the centres will be at Kemaman Unity Centre in Terengganu and the Pontian Unity Office in Johor, while the three others will be set up in collaboration with the Shah Alam City Council in Selangor, the Tuaran District Council in Sabah, and a joint effort between Think City and Kuala Lumpur City Hall at the Seri Kota People's Housing in the federal capital.

Meanwhile, he emphasised the crucial role of the Rukun Tetangga Club in addressing community issues, particularly in matters of safety and unity.

tvs
www.tvsarawak.my

Pusat mediasi komuniti KPN selesai 215 konflik komuniti tanpa proses perundangan

8 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (tengah) meluangkan masa melawat ruang memasak bubur lambuk pada Program Memasak Bubur Lambuk Perpaduan di Dewan Sivik Kerteh hari ini. Foto Bernama

KERTEH, 8 Mac: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Pusat Mediasi Komuniti telah menyelesaikan 215 konflik di peringkat komuniti tahun lepas, sekali gus mengelak penyelesaian kes secara perundangan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata semua kes tersebut dikendalikan Mediator Komuniti secara proaktif di bawah penyeliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

"Skop perkhidmatan mediasi yang dikendalikan oleh Mediator Komuniti berkaitan isu-isu yang berlaku dalam kawasan kejiranan setempat seperti gangguan bunyi bising, pergaduhan antara jiran, isu kekeluargaan, isu alam sekitar dan pelbagai.

"Kementerian berhasrat untuk memastikan perkhidmatan mediasi secara percuma yang disediakan kepada rakyat ini dapat dimanfaat dan diakses dengan lebih mudah melalui penubuhan dan perluasan Pusat Mediasi Komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Dewan Sivik Kerteh, di sini hari ini.

Aaron berkata sehingga kini terdapat lapan buah pusat berkenaan di seluruh negara dan pihaknya bercadang untuk menambah lima lagi Pusat Mediasi Komuniti dalam negara.

Lima lokasi baharu ialah di Pusat Aktiviti Perpaduan Kemaman di Terengganu dan Pejabat Perpaduan Daerah Pontian, Johor selain tiga lagi menerusi kerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam, Selangor; Majlis Daerah Tuaran, Sabah; dan Think City serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Perumahan Rakyat Seri Kota di ibu negara.

Sementara itu beliau berkata peranan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) dalam mendepani isu dalam komuniti termasuk soal keselamatan dan perpaduan juga amat penting.

"Saya melihat kalau ada KRT ini, jarang ada masalah yang besar-besar. Mungkin ada (masalah besar) tetapi sedikit dan dapat ditangani dengan adanya ahli yang jalankan tugas untuk meredakan masalah," katanya. – TVS

Newswav

Community Mediation Centre resolves 215 conflicts last year – KPN

8 March 2025

KERTEH: The National Unity Ministry (KPN), through the Community Mediation Centre, was able to resolve 215 conflicts at the community level last year, preventing these cases from escalating into legal disputes.

Minister of National Unity, Datuk Aaron Ago Dagang, said the cases were handled proactively by Community Mediators under the supervision of the Department of National Unity and National Integration (JPNIN).

"The mediation services provided by Community Mediators cover various neighbourhood issues, including noise disturbances, disputes between neighbours, family conflicts and environmental issues.

"The ministry intends to ensure that the free mediation services offered to the public are more accessible and beneficial through the establishment and expansion of Community Mediation Centres," he told reporters after opening the national-level "Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan" programme at Dewan Sivik Kerteh here today.

According to Aaron, there are currently eight Community Mediation Centres nationwide, with plans to establish five more.

Two of the centres will be at Kemaman Unity Centre in Terengganu and the Pontian Unity Office in Johor, while the three others will be set up in collaboration with the Shah Alam City Council in Selangor, the Tuaran District Council in Sabah, and a joint effort between Think City and Kuala Lumpur City Hall at the Seri Kota People's Housing in the federal capital.

Meanwhile, he emphasised the crucial role of the Rukun Tetangga Club in addressing community issues, particularly in matters of safety and unity.

myMetro

Pusat Mediasi Komuniti tawar penyelesaian isu kejiranan

8 Mac 2025



AARON Ago Dagang (tiga kiri) mengacau bubur lambuk pada program Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025. FOTO Rosli Ilham

Chukai: Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) akan menubuhkan lima lagi Pusat Mediasi Komuniti (PMK) tahun ini.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sebelum ini sebanyak lapan PMK ditubuhkan di seluruh negara.

Menurutnya, lima PMK yang akan ditubuhkan ialah membabitkan kerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Daerah Tuaran Sabah, Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Perumahan Rakyat Seri Kota Kuala Lumpur.

"Dua lagi pusat terbabit akan ditubuhkan di Pusat Aktiviti Perpaduan (PAP) di Kemaman, Pejabat Perpaduan daerah Pontian Johor.

"PMK yang akan terus berperanan sebagai platform bukan perundangan (litigasi) untuk membantu komuniti menyelesaikan pertikaian dan konflik yang berbangkit di peringkat akar umbi," katanya selepas merasmikan Program Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Kemaman, hari ini.

Aaron berkata, sepanjang tahun lalu, sebanyak 215 kes mediasi direkodkan dan dikendalikan Mediator Komuniti secara proaktif di bawah penyeliaan JPNIN.

"Skop perkhidmatan mediasi yang dikendalikan Mediator Komuniti ini berkaitan dengan isu-isu yang berlaku di kawasan kejiranan setempat seperti parkir, bunyi bising, pergaduhan antara jiran, isu kekeluargaan, alam sekitar dan sebagainya.

"Pada setiap tahun bermula tahun 2014 hingga 2019, Mediator Komuniti berjaya menyelesaikan melebihi 150 kes. Namun berlaku penurunan ketika pandemik Covid-19 namun meningkat semula pada tahun 2022," katanya.

Katanya, biarpun berlaku peningkatan kes yang berjaya diselesaikan namun masih terdapat ruang penambahbaikan yang perlu dipertingkatkan lagi.

"Kita mahu impak pelaksanaan perkhidmatan yang kita lakukan itu dirasai manfaatnya oleh seluruh rakyat," katanya.

Sinar Harian

KPN guna pendekatan reformatif, intervensi strategik

8 Mac 2025

KPN guna pendekatan reformatif, intervensi strategik

SHAH ALAM - Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada Jumaat menekankan usaha perpaduan melalui pendekatan reformatif dan intervensi strategik bagi memperkukuh keharmonian masyarakat terutama dalam menangani isu sensitiviti agama, institusi raja serta kaum (3R) di negara ini.



AARON

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan, sejak kebelakangan ini beliau sering ditanya mengapa pihaknya tidak mengambil tindakan terhadap individu yang menyentuh isu sensitif itu.

Menurutnya, kuasa penguatkuasaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Komunikasi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC).

"Oleh itu, kementerian dan agensi itu bertanggungjawab dalam mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang mencetuskan isu 3R.

"Jadi, saya berharap agar tindakan penguatkuasaan dipertingkatkan oleh agensi berkenaan," katanya menerusi hantaran di X.

Sebelum ini, beliau menggesa semua pihak mengelak dan berhenti daripada mengapi-apikan atau menyebarkan kenyataan yang boleh menjejaskan keharmonian negara.

Katanya, PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlu segera mengambil tindakan sewajarnya ke atas individu terlibat.

Dalam pada itu beliau berkata, antara langkah dilaksanakan pihaknya dalam menangani isu 3R adalah dengan pemantauan melalui sistem eSepakat dan disalurkan kepada agensi berkaitan.

"Bukan itu sahaja, perkhidmatan mediasi melalui 571 Mediator Komuniti dalam membantu meredakan konflik. Kita boleh juga, mewujudkan Pusat Mediasi Komuniti platform bukan perundangan (litigasi) untuk membantu komuniti dalam menyelesaikan pertikaian.

"Langkah seterusnya pula adalah, Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan, yang terdiri daripada 12 Kementerian dan Agensi yang membolehkan langkah susulan diambil dengan segera," ujarnya.

Jelasnya, pelaksanaan Dashboard Analitik Perpaduan membolehkan mengenalpasti kawasan *hotspot* untuk diberikan fokus melalui program intervensi dan langkah terakhir adalah melaksanakan program serta kempen yang boleh menyatupadukan rakyat.

THE BORNEO POST

KPN: Community mediation centre resolves 215 conflicts

9 March 2025



Aaron scoops the bubur lambuk into containers, ready for distribution at the national-level 'Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan' programme in Kerteh. — Bernama photo

KPN: Community mediation centre resolves 215 conflicts

KERTEH: The National Unity Ministry (KPN), through the Community Mediation Centre, was able to resolve 215 conflicts at the community level last year, preventing these cases from escalating into legal disputes.

Minister of National Unity Datuk Aaron Ago Dagang said the cases were handled proactively by Community Mediators under the supervision of the Department of National Unity and National Integration (JPNIN).

"The mediation services provided by Community Mediators cover various neighbourhood issues, including noise disturbances, disputes between neighbours, family conflicts and environmental issues.

"The ministry intends to ensure that the free mediation services offered to the public are more accessible and beneficial through the establishment and expansion of Community Mediation Centres," he told reporters after opening the national-level 'Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan' programme at Dewan Sivik Kerteh here yesterday.

According to Aaron, there are currently eight Community Mediation Centres nationwide, with plans to establish five more.

Two of the centres would be at Kemaman Unity Centre in Terengganu and the Pontian Unity Office in Johor, while the three others would be set up in collaboration with the Shah Alam City Council in Selangor, the Tuaran District Council in Sabah, and a joint effort between Think City and Kuala Lumpur City Hall at the Seri Kota People's Housing in the federal capital.

Meanwhile, Aaron emphasised the crucial role of the Rukun Tetangga Club in addressing community issues, particularly in matters of safety and unity. — Bernama

Utusan Borneo

Pusat Mediasi Komuniti KPN selesai 215 konflik komuniti

9 Mac 2025

Pusat Mediasi Komuniti KPN selesai 215 konflik komuniti

Semua kes tersebut dikendalikan oleh Mediator Komuniti secara proaktif tanpa melalui proses perundangan: Aaron

KERTEH: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Pusat Mediasi Komuniti telah menyelesaikan 215 konflik di peringkat komuniti tahun lepas, sekali gus mengelak penyelesaian kes secara perundangan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, semua kes tersebut dikendalikan Mediator Komuniti secara proaktif di bawah penyeliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

"Skop perkhidmatan mediasi yang dikendalikan oleh Mediator Komuniti berkaitan isu-isu yang berlaku dalam kawasan kejiranan seperti gangguan bunyi bising, pergaduhan antara jiran, isu kekeluargaan, isu alam sekitar dan pelbagai.

"Kementerian berhasrat untuk memastikan perkhidmatan mediasi secara percuma yang disediakan kepada rakyat ini dapat dimanfaat dan diakses dengan lebih mudah melalui penubuhan dan perluasan Pusat Mediasi Komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Dewan Sivik Kerteh, di sini semalam.

Aaron berkata, sehingga kini terdapat lapan buah pusat berkenaan di seluruh negara dan pihaknya bercadang untuk menambah lima lagi Pusat Mediasi Komuniti dalam negara.

Lima lokasi baharu ialah di Pusat Aktiviti Perpaduan Kemaman di Terengganu dan Pejabat Perpaduan Daerah Pontian, Johor selain tiga lagi menerusi kerjasama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam, Selangor; Majlis Daerah Tuaran, Sabah; dan Think City serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Perumahan Rakyat Seri Kota di ibu negara.

Sementara itu beliau berkata, peranan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) dalam mendepani isu dalam komuniti termasuk soal keselamatan dan perpaduan juga amat penting.

"Saya melihat kalau ada KRT ini, jarang ada masalah yang besar-besar. Mungkin ada (masalah besar) tetapi sedikit dan dapat ditangani dengan adanya ahli yang jalankan tugas untuk meredakan masalah," katanya. — Bernama



BUBUR LAMBUK: Aaron (dua kanan) mengacau bubur lambuk pada Program Memasak Bubur Lambuk Perpaduan di Dewan Sivik Kerteh di Kemaman semalam. — Gambar Bernama

> "Skop perkhidmatan mediasi yang dikendalikan oleh Mediator Komuniti berkaitan isu-isu yang berlaku dalam kawasan kejiranan setempat seperti gangguan bunyi bising, pergaduhan antara jiran, isu kekeluargaan, isu alam sekitar dan pelbagai."
>
> Datuk Aaron Ago Dagang
> Menteri Perpaduan Negara

tvs
www.tvsarawak.my

Komited tingkatkan pembangunan komuniti setempat

9 Mac 2025



Datuk Aaron Ago Dagang. Foto: Kementerian Perpaduan Negara

KUCHING, 9 Mac: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) terus komited dalam meningkatkan pembangunan komuniti setempat.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, setakat 2024 sebanyak 59,601 aktiviti dilaksanakan oleh KRT menerusi lapan bidang tumpuan.

Menurutnya, lapan bidang tumpuan tersebut merangkumi Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta.

"Di Negeri Terengganu, sebanyak lapan KRT dijadikan sebagai KRT Progresif pada tahun 2024 di bawah Fasa 1 Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif dan jumlah peruntukan yang disalurkan adalah RM 811,800.00," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam kenyataan sama, beliau turut berkongsi mengenai lawatan beliau ke KRT Rumah Murah Binjai yang merupakan salah satu KRT Progresif bagi tahun 2025.

"KRT ini mengusahakan tanaman pelbagai sayuran seperti terung, bendi dan kangkung dengan menggunakan kaedah hidroponik. Bagi merancakkan lagi aktiviti ekonomi komuniti ini, kementerian bersetuju untuk memberikan peruntukan sebanyak RM 76, 500.00," ujarnya.

Menurutnya, dengan projek yang dilaksanakan, ia akan dapat membantu kerajaan dalam meningkatkan pendapatan komuniti terutama B40, mengurangkan kos sara hidup sekali gus membangunkan Rukun Tetangga (RT) Berdikari.

Pada masa sama, Aaron berkata, kementeriannya akan meraikan Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga tahun ini.

Untuk rekod, dalam tempoh 50 tahun sejak penubuhan Rukun Tetangga melalui pelbagai evolusi untuk memperkukuhkan peranannya sebagai penggerak dan pemangkin komuniti yang bersatu padu, sejahtera, mampan dan progresif. – TVS

星洲日报
SIN CHEW DAILY

團結部長：7月聚檳全民共慶 團結週活動4月甲揭幕

10 Mac 2025

團結部長：7月聚檳全民共慶

團結週活動4月甲揭幕

（赛城10日讯）2025年团结周活动即将启程！

团结部长拿督艾伦达干宣布，这项年度盛事将于4月在马六甲揭幕，随后陆续在全国各州举行，最终于7月在槟城迎来全国级庆典。

他今晚出席团结部和谐感谢宴时致词说，政府将继续推动"昌明和谐"计划，以进一步巩固马来西亚多元社会的和谐与团结。

他说，国家团结部今年将重点推动以"和而不同"及"建设进步国民"为核心的各类计划，促进各族之间的联系，并加强国民身分认同。

"2024年，团结部成功推行730项团结计划，涵盖'推广爱国精神'、'促进团结'及'关怀社区'三大类别。"

他指出，该部能取得相关成果，离不开所有相关单位的通力合作和团队精神。

放眼团结指数提高至0.7

另外，艾伦达干说，该部将与国立大学（UKM）民族研究所（KITA）合作，于今年展开"国家团结指数3.0"研究，并放眼指数提高至0.7。

"这项研究涵盖全国各族，以评估国家团结状况目标分数为0.7，与第12大马计划目标一致。"

促停止辩论宗教差异

较早时，艾伦达干发文告说，任何针对宗教差异的辩论必须停止，因这可能引发我国多元宗教社会之间的紧张关系。

他说，有关宗教的讨论，应以尊重及意识我国多元社会的方式进行。



艾伦达干（左二）主持团结部和谐感谢宴，并与团结部副部长莎拉斯瓦蒂、秘书长拿督鲁吉（左一）和副秘书长索比里（右）一同切蛋糕。（蔡伟传摄）

"虽然我们有各种宗教和信仰，但更重要的是我们需专注于能团结大马人民的共同点及普世价值观。"

艾伦达干说，该部已透过昌明和谐倡议建立平台，进行以理解、尊重及接受为主题的和谐对话系列，讨论和分享各宗教的良好做法，从而提升国内各宗教信徒之间的关系。

他建议各方善用和谐对话的平台作为媒介，加强理解和珍惜我国多元社会，并强调共同点。

"各方，无论是人民代议士、政治人物、宗教领袖、社区或个人都需发挥各自角色，培养团结和维护国家安康。"

国大定署理主席拿督斯里沙拉瓦南定于本月23日，就兴都教相关议题，与伊斯兰传教士赞里展开表辩论，将由大马读来尔文学局主办。

21地发展团结社交空间

另一方面，国家团结部已全国鉴定出21个潜在地点，用作发展成加强社会团结的实体社交空间。

团结部今日发表文告指出，该项目拟议中的活动，包括建设一个开放的礼堂、儿童游乐公园、凉亭、绿化地带、体育活动中心、中央社区活动中心、社区图书馆和走道。

"拟议的实体社交空间发展将成为一个包容性参与的场所，鼓励来自不同背景的居民互动，实现可持续的社会和谐。

这项计划是团结部长拿督艾伦达干今日主持2025年国家团结部长、与各州团结事务行政议员，和伊斯兰以外宗教事务行政议员会议（MExUnity）后，作出的决定。

BERNAMA

Kementerian Perpaduan Negara Kenal Pasti Tapak Pembangunan Ruang Sosial, Fizikal

10 Mac 2025



BERNAMA

Ministry Has Identified 21 Locations To Be Developed As Unity Sites – Aaron

10 March 2025



tvs
www.tvsarawak.my

Sebanyak 21 tapak dikenal pasti bagi Pembangunan Ruang Sosial dan Aplikasi Digital KRT Mart

10 Mac 2025



Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang mempengerusikan mesyuarat bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) yang pertama bagi tahun 2025.

KUCHING, 9 Mac: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) terus komited dalam meningkatkan pembangunan komuniti setempat.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, setakat 2024 sebanyak 59,601 aktiviti dilaksanakan oleh KRT menerusi lapan bidang tumpuan.

Menurutnya, lapan bidang tumpuan tersebut merangkumi Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta.

"Di Negeri Terengganu, sebanyak lapan KRT dijadikan sebagai KRT Progresif pada tahun 2024 di bawah Fasa 1 Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif dan jumlah peruntukan yang disalurkan adalah RM 811,800.00," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam kenyataan sama, beliau turut berkongsi mengenai lawatan beliau ke KRT Rumah Murah Binjai yang merupakan salah satu KRT Progresif bagi tahun 2025.

"KRT ini mengusahakan tanaman pelbagai sayuran seperti terung, bendi dan kangkung dengan menggunakan kaedah hidroponik. Bagi merancakkan lagi aktiviti ekonomi komuniti ini, kementerian bersetuju untuk memberikan peruntukan sebanyak RM 76, 500.00," ujarnya.

Menurutnya, dengan projek yang dilaksanakan, ia akan dapat membantu kerajaan dalam meningkatkan pendapatan komuniti terutama B40, mengurangkan kos sara hidup sekali gus membangunkan Rukun Tetangga (RT) Berdikari.

Pada masa sama, Aaron berkata, kementeriannya akan meraikan Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga tahun ini.

Untuk rekod, dalam tempoh 50 tahun sejak penubuhan Rukun Tetangga melalui pelbagai evolusi untuk memperkukuhkan peranannya sebagai penggerak dan pemangkin komuniti yang bersatu padu, sejahtera, mampan dan progresif. – TVS

FMT

21 tapak perpaduan bakal dibangunkan capai keharmonian sosial

10 Mac 2025

Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang berkata pembangunan di perumahan strata kos rendah itu bagi mendorong interaksi penduduk pelbagai latar belakang.



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang (duduk tengah) bergambar selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Negara bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (Gambar MExUnity).

PETALING JAYA: Kementerian Perpaduan Negara akan melaksanakan projek pembangunan ruang sosial dan ruang fizikal sebagai tapak perpaduan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) perumahan strata kos rendah di seluruh negara.

Menterinya Aaron Ago Dagang berkata sebanyak 21 tapak lokasi berpotensi di 14 negeri dikenalpasti oleh kementerian untuk pembangunan ruang fizikal dan ruang sosial itu.

Katanya, antara cadangan projek adalah pembinaan dewan terbuka, pembinaan taman permainan kanak-kanak, pembinaan gazebo, sudut hijau, pusat kegiatan sukan, pusat kegiatan komuniti berpusat, perpustakaan komuniti dan pembinaan trek berjalan.

"Pembangunan ruang fizikal dan sosial dicadangkan ini berfungsi sebagai tapak untuk penglibatan inklusif yang mendorong interaksi antara penghuni pelbagai latar belakang dengan matlamat mencapai keharmonian sosial yang lestari.

"Selain memupuk kesepaduan dalam kalangan komuniti, pembinaan ruang ini juga merupakan satu inisiatif integrasi yang memperkukuh kerjasama strategik antara komuniti, akademik, agensi kerajaan, sektor swasta dan NGO," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, perkara itu antara yang dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Negara bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) yang dipengerusikan oleh beliau.

Turut dibincangkan dalam mesyuarat pertama MExUnity pada 2025 itu, pemutihan 584 tanah-tanah premis perpaduan, pengurusan isu-isu perpaduan di peringkat akar umbi, dan pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan 2025.

Mengenai pencapaian pelaksanaan inisiatif pemerkasaan rukun tetangga progresif, Aaron berkata sebanyak 152 rukun tetangga dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif pada 2024 melebihi sasaran awal iaitu 116 rukun tetangga.

Sementara itu, Aaron berkata kementerian juga akan membangunkan aplikasi digital – KRT Mart bagi memperluaskan lagi pasaran produk-produk KRT melalui aplikasi yang mesra pengguna dan mudah diakses iaitu melalui telefon pintar.

Utusan Borneo Online

Aaron pengerusikan MExUnity yang pertama tahun ini

10 Mac 2025



Aaron membincangkan inisiatif yang bertujuan untuk memupuk perpaduan nasional melalui program berasaskan perpaduan di peringkat nasional dan negeri.

KUALA LUMPUR: Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang telah mempengerusikan Mesyuarat Menteri Perpaduan Negara bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco - Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) yang pertama bagi 2025 di sini, baru-baru ini.

MExUnity berfungsi sebagai platform perbincangan antara Menteri Perpaduan Negara dan barisan EXCO Kerajaan Negeri untuk merancang serta melaksanakan inisiatif yang bertujuan untuk memperkukuhkan perpaduan negara melalui program berasaskan perpaduan di peringkat kebangsaan dan negeri.

Antara topik utama yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut termasuk pengesahan status tanah bagi 584 premis perpaduan, pengurusan isu perpaduan di peringkat akar umbi serta penganjuran sambutan Minggu Perpaduan 2025.

Salah satu inisiatif utama yang dibincangkan ialah pembangunan ruang sosial dan fizikal sebagai tapak perpaduan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Perumahan Strata Kos Rendah.

Ruang ini berfungsi sebagai pusat penglibatan inklusif yang menggalakkan pergaulan antara penduduk dari pelbagai latar belakang dengan matlamat mewujudkan keharmonian sosial yang mampan.

Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuhkan perpaduan dalam komuniti, tetapi juga mempromosikan kerjasama strategik antara komuniti, institusi akademik, agensi kerajaan, sektor swasta, dan NGO.

Sebanyak 21 lokasi berpotensi di 14 negeri telah dikenal pasti oleh Kementerian Perpaduan Negara untuk pembangunan ruang sosial dan fizikal ini.

Projek yang dicadangkan termasuk pembinaan dewan terbuka, taman permainan kanak-kanak, gazebo, sudut hijau, pusat aktiviti sukan, hab komuniti berpusat, perpustakaan komuniti, dan trek pejalan kaki.

Agenda utama lain yang dibincangkan ialah laporan kemajuan pelaksanaan Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif.

Pada 2024, sebanyak 152 Rukun Tetangga telah dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif, melebihi sasaran awal sebanyak 116.

Projek ekonomi yang diketuai oleh komuniti Rukun Tetangga bertujuan untuk menjana pendapatan dan mengurangkan kos sara hidup penduduk.

Bagi menyokong inisiatif ini, kementerian akan membangunkan aplikasi digital bernama KRT Mart untuk memperluaskan pasaran produk Rukun Tetangga.

Aplikasi mudah alih yang mesra pengguna ini akan menyediakan platform yang mudah diakses bagi komuniti untuk memasarkan produk mereka secara berkesan.

Aaron menekankan bahawa kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah penting untuk memastikan perpaduan negara kekal teguh dan mampan.

Beliau menegaskan bahawa walaupun terdapat cabaran, dengan komitmen bersama dan dasar yang inklusif, Malaysia dapat terus membina sebuah negara yang harmoni, bersatu, dan makmur untuk semua.

星洲网 sinchew.com.my

团结周活动4月甲揭幕 团结部长：7月聚槟全民共庆

2025年03月10日



艾伦达干（左二）主持团结部和谐感谢宴，并与团结部副部长莎拉斯瓦蒂、秘书长拿督鲁吉（左）和副秘书长索比里（右）一 同切蛋糕。（蔡伟传摄）

团结部长拿督艾伦达干宣布，这项年度盛事将于4月在马六甲揭幕，随后陆续在全国各州举行，最终于7月在槟城迎来全国级庆典。

他今晚出席团结部和谐感谢宴时致词说，政府将继续推动“昌明和谐”计划，以进一步巩固马来西亚多元社会的和谐与团结。

他说，国家团结部今年将重点推动以“和而不同”及“建设进步国民”为核心的各类计划，促进各族之间的联系，并加强国民身分认同。

“2024年，团结部成功推行730项团结计划，涵盖‘推广爱国精神’、‘促进团结‘及‘关怀社 区’三大类别”

他指出，该部能取得相关成果，离不开所有相关单位的通力合作和团队精神。

放眼团结指数提高至0.7

另外，艾伦达干说，该部将与国立大学（UKM）民族研究所（KITA）合作，于今年展开“国家团结指数3.0”研究，并放眼指数提高至0.7。

他强调，政府在推动团结政策时，需依赖社会各界的共同努力，而非单打独斗。

“政府虽可制定团结政策，但人民的支持与实践才是关键，因此各界应积极践行理解、尊重、包容的精神，让国家和谐永续。

“媒体在推广团结信息方面同样扮演关键角色，因此我希望各大媒体能积极参与‘理解、尊重、包容’宣传运动，同时协助推广《国家原则》55周年纪念活动。”

theSun

Ministry has identified 21 locations to be developed as unity sites – Aaron

10 March 2025

KUALA LUMPUR: The Ministry of National Unity has identified 21 locations throughout the country that has the potential to be developed as unity sites.

Its minister Datuk Aaron Ago Dagang said the development of the unity sites will be implemented through the Social and Physical Space Development Project in the Rukun Tetangga Area (KRT) of Low-Cost Strata Housing.

"Among the project proposals are the construction of an open hall, the construction of a children's playground, the construction of a gazebo, a green corner, a sports activity centre, a centralised community activity centre, a community library and the construction of a walking track," he said in a post on the X application.

Earlier, he informed that he had chaired the National Unity Minister's Executive Council meeting together with the State Unity Exco, Exco for Non-Islamic Religious Affairs (MExUnity) for the first time, this year.

Aaron said among the matters discussed in the meeting were the implementation of the ratifying process of 584 unity premises land, the management of unity issues at the grassroots level as well as the implementation of the Unity Week 2025 Celebration.

In addition, the meeting also discussed the Achievement Report on the Implementation of the Progressive Rukun Tetangga Empowerment Initiative last year, according to which a total of 152 Rukun Tetangga were modelled as progressive community mobilizers.

"This number exceeds the initial target of 116 Rukun Tetangga. The implementation of economic projects by the Rukun Tetangga community, among others, aims to help generate community income and help reduce the cost of living for the community," he said.

tvs www.tvsarawak.my

Berhenti cetus isu gugat keharmonian negara – Aaron Ago

10 Mac 2025



Datuk Aaron Ago (dua kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada rakan strategik kementerian pada Majlis Apresiasi Harmoni KPN di Cyberjaya di sini hari ini. Foto, Amirudin Syah (TVS).

CYBERJAYA, 10 Mac: Tindakan segelintir pihak yang mencetuskan isu sensitif dibimbangi akan mengundang tindak balas yang boleh menggugat keharmonian negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, beliau dan kementerian diterajui juga berasa dukacita dengan perkembangan itu kebelakangan ini.

Jelas beliau, tindakan sedemikian juga tidak membawa sebarang kebaikan kepada perpaduan negara yang sekian lama dipupuk.

" Di Kementerian Perpaduan Negara (KPN), kita lihat perkara ini amat serius namun sebagai kita (sebenarnya) sebagai kementerian (berperanan) mengadakan ekosistem perpaduan serta platform perpaduan untuk rakyat berintegrasi, (namun) kalau lebih daripada itu (untuk mengambil tindakan), kita tidak ada akta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir Majlis Apresiasi Harmoni KPN di sini hari ini.

Turut hadir Timbalannya, K. Saraswathy serta kira – kira 500 tetamu termasuk Ahli MEX Unity, Ahli Majlis Perundingan Perpaduan Negara (MPPN), Ahli Jawatakuasa Harmoni, Ahli Majlis Consultive Council Of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism,Taosim, Friend Of Unity dan rakan strategik KPN.

Beberapa agensi media antaranya TV Sarawak (TVS), Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Astro Awani turut diberi penghargaan kerana membantu mempromosikan aspek perpaduan di Malaysia.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu, Aaron Ago memaklumkan Sambutan Minggu Perpaduan akan bermula pada April depan di Melaka sebelum diteruskan ke setiap negeri dan wilayah.

" Sambutan peringkat kebangsaan pula akan dilaksanakan di Pulau Pinang pada Julai," katanya. – TVS.

SUARA SARAWAK

Kerajaan perkukuh usaha perpaduan

10 Mac 2025



P1: Aaron mempengerusikan Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Negara bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) di Cyberjaya.

CYBERJAYA: Kementerian Perpaduan Negara telah mengenal pasti 21 tapak berpotensi di 14 negeri bagi pelaksanaan projek pembangunan ruang fizikal dan sosial sebagai tapak perpaduan dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Perumahan Strata Kos Rendah.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata projek ini bertujuan mewujudkan ruang inklusif yang menggalakkan interaksi antara penghuni pelbagai latar belakang serta memperkukuh keharmonian sosial secara lestari.

"Selain memupuk kesepaduan dalam komuniti, pembangunan ruang ini juga merupakan inisiatif integrasi yang mengukuhkan kerjasama strategik antara komuniti, akademik, agensi kerajaan, sektor swasta, dan badan bukan kerajaan (NGO)," katanya.



Antara cadangan projek termasuk pembinaan dewan terbuka, taman permainan kanak-kanak, gazebo, sudut hijau, pusat kegiatan sukan, pusat komuniti berpusat, perpustakaan komuniti, dan trek berjalan.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan sempena Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Negara bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) Bil. 1/2025 yang dipengerusikannya di Cyberjaya, hari ini.

Dalam mesyuarat sama, Aaron turut membentangkan Laporan Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif, yang merekodkan 152 KRT berjaya dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif, melebihi sasaran awal 116 KRT.

Menurutnya, pelaksanaan projek ekonomi oleh komuniti KRT bertujuan membantu menjana pendapatan serta mengurangkan kos sara hidup.

"Kementerian akan membangunkan Aplikasi Digital KRT Mart untuk memperluaskan pasaran produk komuniti melalui platform mesra pengguna yang mudah diakses menerusi telefon bimbit," katanya.



Rakaman lensa ketika mesyuarat berlangsung.

Aaron menegaskan bahawa kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah kunci dalam memastikan perpaduan negara terus utuh.

"Cabaran sedia ada tidak boleh dipandang ringan, tetapi dengan komitmen bersama serta dasar inklusif, kita mampu membina Malaysia yang lebih harmoni, bersatu, dan sejahtera untuk semua," katanya.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan pemutihan 584 tanah premis perpaduan, pengurusan isu perpaduan di peringkat akar umbi, serta pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan 2025.

اوتوسن تي وي
UtusanTV

21 lokasi di KRT dikenalpasti jadi tapak Perpaduan

10 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. GAMBAR: Abd Razak Aid

SEBANYAK 21 lokasi yang berpotensi di seluruh negara telah dikenalpasti Kementerian Perpaduan Negara untuk dijadikan sebagai tapak Perpaduan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang memaklumkan pelaksanaan tapak Perpaduan itu akan dibangunkan di kawasan rukun tetangga (KRT) perumahan strata kos rendah menerusi projek Pembangunan Ruang Sosial dan Ruang Fizikal.

Menurut Aaron, perkara itu antara intipati yang telah dibincangkan dalam mesyuarat bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) yang dipengerusikannya, hari ini.

"Sebanyak 21 tapak lokasi yang berpotensi telah dikenalpasti oleh Kementerian Perpaduan Negara untuk pembangunan ruang fizikal dan ruang sosial melibatkan 14 negeri.

"Antara cadangan projek adalah pembinaan dewan terbuka, pembinaan taman permainan kanak-kanak, pembinaan gazebo, sudut hijau, pusat kegiatan sukan, pusat kegiatan komuniti berpusat, perpustakaan komuniti dan pembinaan trek berjalan," katanya dalam hantaran di platform X, hari ini.



Mengulas lanjut, Aaron memaklumkan, perkara lain yang telah dibincangkan dalam mesyuarat itu adalah berhubung pelaksanaan pemutihan 584 tanah-tanah premis perpaduan, pengurusan isu-isu perpaduan di peringkat akar umbi dan pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan 2025.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan mengenai Laporan Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif pada tahun lepas, yang menurutnya sebanyak 152 Rukun Tetangga dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif.

"Jumlah ini melebihi sasaran awal yang ditetapkan iaitu 116 Rukun Tetangga. Pelaksanaan projek ekonomi oleh komuniti Rukun Tetangga antara lain bertujuan membantu menjana pendapatan komuniti dan membantu mengurangkan kos sara hidup komuniti," katanya.

BULETIN

21 lokasi berpotensi dibangunkan sebagai tapak perpaduan

10 Mac 2025



KUALA LUMPUR: Sebanyak 21 lokasi di seluruh negara dilihat berpotensi untuk dibangunkan sebagai tapak perpaduan.

Menurut Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, pembangunan tapak perpaduan itu akan dilaksanakan melalui Projek Pembangunan Ruang Sosial dan Ruang Fizikal di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Perumahan Strata Kos Rendah.

"Antara cadangan projek adalah pembinaan dewan terbuka, pembinaan taman permainan kanak-kanak, pembinaan gazebo, sudut hijau, pusat kegiatan sukan, pusat kegiatan komuniti berpusat, perpustakaan komuniti dan pembinaan trek berjalan," katanya dalam hantaran di aplikasi X.

Beliau terdahulu memaklumkan telah mempengerusikan Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Negara bersama EXCO-EXCO Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) yang pertama bagi tahun ini.

Dalam mesyuarat tersebut, beberapa isu dibincangkan termasuk pelaksanaan pemutihan 584 tanah premis perpaduan, pengurusan isu perpaduan di peringkat akar umbi, serta perancangan untuk Sambutan Minggu Perpaduan 2025.

Selain itu, mesyuarat juga menilai laporan pencapaian Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif tahun lepas, di mana 152 Rukun Tetangga telah dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif.

SARAWAK TRIBUNE

Ministry identifies 21 locations for community development projects

10 March 2025



Aaron (centre) poses for a group photo with the MExUnity committee.

CYBERJAYA: The Ministry of National Unity has identified 21 locations across 14 states for the development of physical and social spaces.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang stated that the proposed projects include the construction of open halls, children's playgrounds, gazebos, green corners, sports activity centres, centralised community activity centres, community libraries, and walking tracks.

"The proposed development of physical and social spaces serves as a platform for inclusive engagement, encouraging interaction among residents from diverse backgrounds with the aim of achieving sustainable social harmony.

"Apart from fostering unity within communities, the construction of these spaces is also an integration initiative that strengthens strategic collaboration between communities, academia, government agencies, the private sector, and non-governmental organisation (NGOs)," he said in a statement after chairing the National Unity Minister's Council Meeting (MExUnity) with State Unity Excos and Non-Islamic Religious Affairs Excos recently.

Meanwhile, Aaron said the ministry will develop a Digital Application – KRT Mart to further expand the market for Kawasan Rukun Tetangga (KRT) products through a user-friendly and easily accessible mobile application.

"A total of 152 Rukun Tetangga have been modeled as drivers of progressive communities."

He also noted that close cooperation between the federal and state governments is crucial in ensuring that national unity remains strong and sustainable.

"We cannot take the challenges we face lightly, but with shared commitment and inclusive policies, we can build a more harmonious, united, and prosperous Malaysia for all," he added.

Sinar Harian

Debat Saravanan-Zamri: Potensi cetus ketegangan, kata Menteri

10 Mac 2025

PUTRAJAYA - Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan debat atau perbincangan yang melibatkan agama tidak seharusnya diteruskan.

Menurutnya, perbincangan yang terlalu memfokuskan kepada perbezaan agama berpotensi untuk mencetuskan ketegangan dan mengeruhkan hubungan antara masyarakat berbilang agama di negara ini.

Beliau berkata, perbincangan mengenai agama seharusnya dilakukan dengan penuh rasa hormat dan kesedaran terhadap kepelbagaian dalam masyarakat.

"Walaupun kita mempunyai pelbagai agama dan kepercayaan, adalah lebih utama untuk memberi fokus kepada titik persamaan serta nilai-nilai universal yang dapat menyatukan seluruh rakyat Malaysia.

"Saya berharap agar perdebatan melibatkan agama tidak diteruskan oleh Ahli Parlimen Tapah, Datuk Seri M Saravanan dan pendakwah bebas, Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu Zamri," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Jumaat lalu, Saravanan dilapor menetapkan tarikh debat bersama Muhammad Zamri pada 23 Mac ini, susulan kenyataan kontroversi pendakwah berkenaan membandingkan pembawa kavadi ketika sambutan Thaipusam dengan individu yang dirasuk atau mabuk.

Tambah Saravanan, Muhammad Zamri bebas memilih mana-mana lokasi di ibu kota untuk dijadikan acara debat tersebut.

malaysiakini
news and views that matter

Unity minister hopes Saravanan-Zamri debate will be called off

10 March 2025



National Unity Minister Aaaron Ago Dagang expressed hope that the planned debate between MIC deputy president M Saravanan and controversial Muslim preacher Vinoth Zamri would be cancelled.

He warned that such debates could create tension and strain relationships in Malaysia's multireligious society.

"Discussions or debates related to religion should not...

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Menteri Perpaduan harap debat fokus perbezaan agama tak diteruskan

10 Mac 2025



KUALA LUMPUR – Debat atau perbincangan yang terlalu fokus kepada perbezaan agama berpotensi untuk mencetuskan ketegangan dan mengeruhkan hubungan antara masyarakat yang berbilang agama di Malaysia, kata Menteri Perpaduan.

Sehubungan itu, Datuk Seri Aaron Ago Dagang menasihatkan agar debat melibatkan agama antara Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri Saravanan dan Zamri Vinoth tidak diteruskan.

"Saya berharap agar perdebatan melibatkan agama tidak diteruskan oleh mana-mana pihak yang terbabit khususnya yang melibatkan Datuk Seri Saravanan, Ahli Parlimen Tapah dan Zamri Vinoth.

"Saya ingin menegaskan bahawa perbincangan atau perdebatan yang berkaitan dengan agama tidak seharusnya diteruskan jika ia hanya bertujuan untuk mencari perbezaan dan mengabaikan usaha untuk membina perpaduan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Mengulas lanjut, Aaron berkata sebarang perbincangan mengenai agama seharusnya dilakukan dengan penuh rasa hormat dan kesedaran terhadap kepelbagaian dalam masyarakat kita.

"Walaupun kita mempunyai pelbagai agama dan kepercayaan, adalah lebih utama untuk kita memberi fokus kepada titik persamaan dan nilai-nilai universal yang dapat menyatukan kita sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, Aaron berkata terdapat platform yang telah disediakan oleh Kementerian Perpaduan iaitu Inisiatif Harmoni MADANI yang melaksanakan siri Dialog Harmoni dengan tema Faham, Hormat & Terima.

Sesi itu bagi membincangkan dan berkongsi amalan baik agama masing-masing, serta nilai persamaan yang mampu meningkatkan hubungan antara penganut agama di negara ini.

"Oleh itu, adalah lebih baik untuk semua pihak memanfaatkan platform Dialog HARMONI kendalian Kementerian sebagai medium untuk memperkukuh kefahaman dan menghargai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat kita dengan mengangkat titik persamaan," katanya lagi.

Minggu lalu, Saravanan dilapor menetapkan tarikh debat bersama Muhammad Zamri pada 23 Mac ini susulan kenyataan kontroversi pendakwah berkenaan membandingkan pembawa kavadi ketika sambutan Thaipusam dengan individu yang dirasuk atau mabuk.

Tambah Aahli Parlimen Tapah itu, Muhammad Zamri bebas memilih mana-mana lokasi di ibu kota untuk dijadikan acara debat tersebut.

Malah Muhammad Zamri menyahut cabaran untuk berdialog secara terbuka dengan Saravanan dan berharap ia dapat dilaksanakan secara aman serta membuka minda masyarakat.

Isu terbabit mulai timbul apabila tiga penyampai radio Era FM iaitu Nabil Ahmad, Azad Jasmin dan Radin Amir didakwa mempersenda tarian kavadi Hindu dalam satu video pendek sehingga mencetuskan kontroversi. – MalaysiaGazette

TheStar

Call off any debates on religious issues, says National Unity Minister

10 March 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. GAMBAR: Abd Razak Aid

PETALING JAYA: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang wants any potential debates on religion to be called off.

Referring to the planned debate between Tapah MP Datuk Seri M. Saravanan, who is also MIC deputy president, and preacher Zamri Vinoth, Aaron said debates over religious differences had the potential to create further tensions and worsen relations amidst a diverse Malaysian society.

"Any discussions or debates regarding religious differences must not continue as it will only seek to find differences and ignore all efforts to strengthen unity," he said in a statement on Monday (March 10).

The minister said any religious discussions must be done respectfully and take into consideration Malaysia's diversity.

Acknowledging the various religions and beliefs in Malaysia, Aaron stressed the importance of focusing on common ground and universal values that serve to unite Malaysians.

He said the ministry, through the Harmoni Madani initiative, carries out various dialogues following the theme of understanding, respecting and accepting.

"It is better for all quarters to use this platform, which is managed by the National Unity Ministry, as a medium to strengthen mutual understanding and appreciate the diversity in our society," he said.

"I also want to remind everyone to continue putting efforts to preserve the country's stability by fostering harmony across different races and religions," he added.

He said all quarters, regardless if they are elected representatives, politicians, religious leaders, communities and individuals themselves must play a role in promoting unity and preserving national national harmony.

This comes after independent preacher Zamri Vinoth accepted Saravanan's challenge to a debate on Hinduism.

This follows public outrage over three radio hosts who came under criticism for mimicking the sacred Hindu Kavadi dance while chanting "Vel Vel".

NEW STRAITS TIMES

Scrap debate plans, Saravanan and Zamri Vinoth told

10 March 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang wants all parties to refrain from engaging in religious debates. NSTP file pic

KUALA LUMPUR: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has called for all parties to refrain from engaging in religious debates, including the one involving Datuk Seri M. Saravanan and preacher Zamri Vinoth.

He warned that discussions focusing on religious differences could incite tension and strain interfaith relations in the country.

"Discussions or debates related to religion should not be continued if their sole purpose is to highlight differences while neglecting efforts to foster unity.

"Religious discussions should be conducted with full respect and awareness of the diversity within our society," he said in a statement.

Aaron said, while everyone may have different religions and beliefs, it is more important to focus on commonalities and universal values that can unite Malaysians.

"Through the Madani Harmoni Initiative, the National Unity Ministry has been conducting a series of dialogues under the theme 'Understand, Respect and Accept' to discuss and share best religious practices as well as common values that can strengthen relationships among followers of different faiths in the country," he said.

As such, Aaron said it would be more beneficial for all parties to utilise the Dialog Harmoni platform managed by the ministry as a medium to enhance understanding and appreciate the diversity in our society by highlighting shared values.

"I also wish to remind all parties to continue striving to maintain national stability by preserving harmony among races and religions.

"Everyone — whether elected representatives, politicians, religious leaders, communities, or individuals — must play their role in fostering unity and ensuring the nation's well-being," he said.

Previously, it was reported that Saravanan, who is MIC deputy president, had scheduled a debate with preacher Zamri on March 23, following the latter's controversial remarks regarding kavadi bearers.

The Tapah member of parliament, who is a devout kavadi bearer, said the event would be organised by Dewan Bahasa Tamil Malaysia.

Malaysia Tribune

Menteri Perpaduan tegas perdebatan agama tidak wajar diteruskan

10 Mac 2025



PUTRAJAYA – Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan perdebatan melibatkan agama termasuk antara Ahli Parlimen Tapah, Datuk Seri Saravanan dengan Zamri Vinoth, tidak wajar diteruskan untuk mengelak ketegangan dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Beliau berkata, sebarang perbincangan mengenai agama perlu dilakukan dengan penuh rasa hormat serta kesedaran terhadap kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat Malaysia.

"Debat yang terlalu fokus kepada perbezaan agama berisiko mengeruhkan hubungan masyarakat.

"Sebaliknya, kita perlu memberi perhatian kepada titik persamaan dan nilai-nilai universal yang mampu menyatukan rakyat Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan Inisiatif Harmoni MADANI melalui siri Dialog Harmoni dengan tema Faham, Hormat & Terima sebagai platform rasmi untuk membincangkan amalan baik setiap agama serta mengukuhkan hubungan antara penganutnya.

"Saya menyeru semua pihak agar menggunakan platform Dialog Harmoni yang dikendalikan oleh kementerian sebagai medium untuk meningkatkan kefahaman dan menghargai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat kita," katanya lagi.

Beliau turut mengingatkan semua pihak, termasuk wakil rakyat, ahli politik, pemimpin agama dan masyarakat, agar terus memainkan peranan dalam memelihara perpaduan dan kestabilan negara.

FMT

Menteri perpaduan harap perdebatan Saravanan-Zamri tak diteruskan

10 Mac 2025

Menteri perpaduan negara kata perbincangan mengenai agama seharusnya dilakukan dengan penuh rasa hormat.



Menteri Aaron Ago Dagang kata perdebatan berkaitan agama tidak seharusnya diteruskan jika ia hanya bertujuan untuk mencari perbezaan.

PETALING JAYA: Menteri perpaduan negara berharap perdebatan mengenai agama Hindu antara Timbalan Presiden MIC M Saravanan dan penceramah bebas, Zamri Vinoth, tidak diteruskan.

Aaron Ago Dagang berkata perdebatan yang terlalu fokus kepada perbezaan agama berpotensi untuk mencetuskan ketegangan dan mengeruhkan hubungan antara masyarakat yang berbilang agama.

"Perbincangan atau perdebatan yang berkaitan dengan agama tidak seharusnya diteruskan jika ia hanya bertujuan untuk mencari perbezaan dan mengabaikan usaha untuk membina perpaduan," menurut kenyataan.

Aaron menjelaskan perbincangan mengenai agama seharusnya dilakukan dengan penuh rasa hormat dan kesedaran terhadap kepelbagaian dalam masyarakat.

"Walaupun kita mempunyai pelbagai agama dan kepercayaan, adalah lebih utama untuk kita memberi fokus kepada titik persamaan dan nilai-nilai universal yang dapat menyatukan kita sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Zamri pada Jumaat menerima cabaran Saravanan untuk berdebat mengenai agama Hindu, berikutan kemarahan orang ramai terhadap kenyataannya berkaitan upacara kavadi.

Saravanan berkata, perdebatan akan tertumpu kepada dakwaan Zamri bahawa ramai penganut Hindu yang melakukan upacara kavadi kelihatan seperti 'kena rasuk sambil mabuk todi'.

Pemimpin MIC itu mencadangkan debat diadakan pada 23 Mac dengan Dewan Bahasa Tamil Malaysia sebagai penganjur.

Cabaran untuk berdebat timbul selepas kritikan tercetus terhadap kenyataan Zamri mengenai upacara kavadi, dengan Saravanan menggesa penahanannya bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas).

Kenyataan itu dibuat di tengah-tengah kemarahan orang ramai terhadap tiga penyampai radio Era FM yang dikecam secara meluas kerana dikatakan mempersenda amalan Hindu yang sama.

FMT

Zamri asks unity ministry to organise dialogue between him and Saravanan

10 March 2025

The independent preacher says engaging in a 'mature' exchange will help create a civil society.



Independent preacher Zamri Vinoth (left) welcomes any move by M Saravanan to withdraw from the debate, but said the MIC deputy president must first admit that he had defamed him.

PETALING JAYA: Independent preacher Zamri Vinoth has suggested that the national unity ministry organise a dialogue between him and MIC deputy president M Saravanan after its minister, Aaron Ago Dagang, suggested that the duo call off a public debate on Hinduism.

Aaron had said in a statement today that debates focussing on religious differences could escalate tension and strain relationships among Malaysia's multi-religious communities.

In a Facebook post, however, Zamri highlighted how the Speakers' Corner in London allows the public to discuss and debate issues in a peaceful and harmonious manner.

"Instead of allowing some parties to provoke and fuel racial tensions that lead to polemics, it would be better to engage in mature dialogue. Wouldn't that help in creating a civil society?" he said.

"When there is a problem, we need to discuss it and find a solution, not sweep it under the carpet and act like nothing happened.

"Why doesn't the unity ministry organise this dialogue under the recently established (interfaith) harmony committee?"

The interfaith harmony committee, which comprises 25 religious scholars representing the various religions in the country, helps clarify religious issues while promoting interfaith harmony.

Zamri also said he will welcome any move by Saravanan to withdraw from the debate. However, he said Saravanan would first have to admit that he defamed him.

Saravanan last week called for action to be taken against Zamri as his "extremely disrespectful and deeply offensive remarks" went against the government's stance on the 3Rs – race, religion and royalty.

Saravanan, who challenged Zamri to the debate, also urged authorities to arrest the latter under the Security Offences (Special Measures) Act 2012 (Sosma).

Zamri was investigated in 2019 for making statements deemed insulting to Hinduism, although he was not charged because of insufficient evidence.

His latest remarks came amid public anger over three Era FM radio hosts who were widely criticised for mocking the Thaipusam kavadi ritual.

While Saravanan claims that Zamri insulted Hindus when describing those performing the ritual during Thaipusam as being "possessed and drunk on toddy", Zamri said he had only stated "facts and the truth".

theVibes.com
MALAYSIA. FROM EVERY SIDE.

Minister: Avoid religious discussions that could incite tension

10 March 2025

Aaron Dagang said while individuals may possess varying beliefs, it is essential to concentrate on shared values that can unite Malaysians.



NATIONAL Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has urged all individuals to avoid religious discussions, including the exchange between Datuk Seri M. Saravanan and preacher Zamri Vinoth.

He cautioned that such dialogues could incite tension and harm interfaith relationships in the nation.

"Conversations regarding religion should discontinue if they merely serve to highlight differences and disregard unity efforts.

"Religious discourse must respect the diversity of our society," he said.

Aaron emphasised that while individuals may possess varying beliefs, it is essential to concentrate on shared values that can unite Malaysians.

"Through the Madani Harmoni Initiative, the National Unity Ministry has been facilitating dialogues under the theme 'Understand, Respect, and Accept' to examine religious practices and values that strengthen relationships among different faiths," he noted.

He encouraged everyone to participate in the Dialog Harmoni platform operated by the ministry to promote understanding and appreciate the diversity of our society through common values.

"I also remind all parties to stive for national stability and harmony among various races and religions. Every elected representative, politicians, religious leaders, communities, and individual contribute to fostering unity and ensuring the nation's welfare," he added.

Previously, it was reported that Saravanan, the MIC deputy president and Tapah MP, had planned to debate preacher Zamri on March 23, following remarks he made regarding kavadi bearers. – March 10, 2025

myMetro

‘Hentikan debat perbezaan agama, elak cetus ketegangan’ – Aaron

10 Mac 2025



Kuala Lumpur: Sebarang bentuk perdebatan yang memfokuskan kepada perbezaan agama perlu dihentikan kerana ia boleh mencetus ketegangan dan mengeruhkan hubungan masyarakat berbilang agama di Malaysia, kata Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, perbincangan mengenai agama seharusnya dilakukan dengan penuh rasa hormat dan atas kesedaran terhadap kepelbagaian dalam masyarakat di negara ini.

“Walaupun kita mempunyai pelbagai agama dan kepercayaan, adalah lebih utama untuk kita memberi fokus kepada titik persamaan dan nilai-nilai universal yang dapat menyatukan kita sebagai rakyat Malaysia,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Aaron berkata, kementeriannya telah mewujudkan platform melalui inisiatif Harmoni Madani bagi melaksanakan siri Dialog Harmoni dengan tema Faham, Hormat & Terima bagi membincangkan dan berkongsi amalan baik agama masing-masing yang mampu meningkatkan hubungan antara penganut agama di negara ini.

Beliau menyarankan semua pihak supaya memanfaatkan platform Dialog Harmoni itu sebagai medium memperkukuh kefahaman dan menghargai kepelbagaian masyarakat Malaysia dengan mengangkat titik persamaan.

“Semua pihak sama ada wakil rakyat, ahli politik, pemimpin agama, masyarakat atau individu perlu memainkan peranan masing-masing dalam memupuk perpaduan dan mengekalkan kesejahteraan negara,” katanya.

Jumaat lalu, media melaporkan Ahli Parlimen Tapah Datuk Seri M Saravanan menetapkan tarikh debat bersama pendakwah bebas Zamri Vinoth pada 23 Mac ini yang akan dianjurkan Dewan Bahasa Tamil Malaysia.

Utusan Malaysia

Debat Saravanan-Pendakwah bebas dibimbangi jejaskan perpaduan masyarakat

10 Mac 2025

PETALING JAYA: Cabaran debat antara Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan dan pendakwah bebas, Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu yang dijadualkan berlangsung pada 23 Mac ini dibimbangi menjejaskan perpaduan antara masyarakat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, beliau berharap cabaran debat melibatkan agama itu tidak diteruskan.

Menurut beliau, debat atau perbincangan yang terlalu fokus pada perbezaan agama berpotensi mencetuskan ketegangan dan mengeruhkan hubungan antara masyarakat yang berbilang agama.

“Justeru, saya ingin menegaskan bahawa perbincangan atau perdebatan yang berkaitan dengan agama tidak seharusnya diteruskan jika ia hanya bertujuan untuk mencari perbezaan dan mengabaikan usaha untuk membina perpaduan.

“Perbincangan mengenai agama seharusnya dilakukan dengan penuh rasa hormat dan kesedaran terhadap kepelbagaian dalam masyarakat kita.

“Walaupun kita mempunyai pelbagai agama dan kepercayaan, adalah lebih utama untuk kita memberi fokus kepada titik persamaan dan nilai-nilai universal yang dapat menyatukan kita sebagai rakyat Malaysia,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Pada Jumaat lalu, Saravanan dilaporkan menetapkan tarikh debat bersama Muhammad Zamri pada 23 Mac ini susulan kenyataan kontroversi individu tersebut membandingkan pembawa kavadi ketika sambutan Thaipusam dengan individu yang dirasuk atau mabuk.

Isu ini ini tercetus selepas tiga penyampai radio Era FM iaitu Nabil Ahmad, Azad Jasmin dan Radin Amir didakwa mempersenda tarian kavadi Hindu dalam satu video pendek sehingga mencetuskan perasaan tidak senang dalam kalangan penganut agama tersebut.

Aaron menggesa semua pihak untuk memanfaatkan memanfaatkan platform Dialog Harmoni kendalian kementeriannya sebagai medium untuk memperkukuh kefahaman dan menghargai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat dengan mengangkat titik persamaan.

Jelasnya, Dialog Harmoni dengan tema faham, hormat dan terima itu bagi membincangkan dan berkongsi amalan baik agama masing-masing serta nilai persamaan yang mampu meningkatkan hubungan antara penganut agama di negara ini.

“Saya juga ingin mengingatkan semua pihak agar terus berusaha untuk menjaga kestabilan negara dengan memelihara keharmonian antara kaum dan agama.

“Semua pihak, sama ada wakil rakyat, ahli politik, pemimpin agama, masyarakat, atau individu, perlu memainkan peranan masing-masing dalam memupuk perpaduan dan mengekalkan kesejahteraan negara,” katanya. – UTUSAN

BERNAMA

Hentikan Debat Perbezaan Agama, elak Cetus Ketegangan – Aaron

10 Mac 2025



BERNAMA

Halt Religious Debates To Avoid Tensions – Aaron

10 March 2025`



The Malaysian Reserve
JOIN THE REAL CONVERSATION

Aaron: Halt religious debates to avoid tensions

10 March 2025

KUALA LUMPUR — Any form of debate focusing on religious differences must be halted as it can spark tensions and strain relations among Malaysia's multi-faith communities, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang (picture).

He said that discussions on religion should be conducted with utmost respect and an awareness of the country's diverse society.

"Although we have various religions and beliefs, it is more important for us to focus on common ground and universal values that can unite us as Malaysians," he said in a statement today.

Aaron said the ministry has created the Harmoni MADANI platform to conduct the Harmony Dialogue series under the theme Understand, Respect, and Accept, adding that the initiative discusses and shares best religious practices that can strengthen interfaith relationships in the country.

He called on all parties to utilise the platform to strengthen understanding and appreciate Malaysia's diversity by highlighting commonalities.

"All parties, including elected representatives, politicians, religious leaders, communities and individuals must play their role in fostering unity and maintaining the nation's harmony," he added.

Last week, media reports cited that Tapah MP Datuk Seri M. Saravanan had scheduled a debate with an independent preacher, Zamri Vinoth, on March 23, which will be hosted by Dewan Bahasa Tamil Malaysia. — BERNAMA

theSun

Halt religious debates to avoid tensions – Aaron

10 March 2025



KUALA LUMPUR: Any form of debate focusing on religious differences must be halted as it can spark tensions and strain relations among Malaysia's multi-faith communities, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said that discussions on religion should be conducted with utmost respect and an awareness of the country's diverse society.

"Although we have various religions and beliefs, it is more important for us to focus on common ground and universal values that can unite us as Malaysians," he said in a statement today.

Aaron said the ministry has created the Harmoni MADANI platform to conduct the Harmony Dialogue series under the theme Understand, Respect, and Accept, adding that the initiative discusses and shares best religious practices that can strengthen interfaith relationships in the country.

He called on all parties to utilise the platform to strengthen understanding and appreciate Malaysia's diversity by highlighting commonalities.

"All parties, including elected representatives, politicians, religious leaders, communities and individuals must play their role in fostering unity and maintaining the nation's harmony," he added.

Last week, media reports cited that Tapah MP Datuk Seri M. Saravanan had scheduled a debate with an independent preacher, Zamri Vinoth, on March 23, which will be hosted by Dewan Bahasa Tamil Malaysia.

CARI
The Democratize News Platform

‘Hentikan debat perbezaan agama, elak cetus ketegangan’ – Aaron Ago Dagang

10 March 2025



Kuala Lumpur: Sebarang bentuk perdebatan yang memfokuskan kepada perbezaan agama perlu dihentikan kerana ia boleh mencetus ketegangan dan mengeruhkan hubungan masyarakat berbilang agama di Malaysia, kata Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, perbincangan mengenai agama seharusnya dilakukan dengan penuh rasa hormat dan atas kesedaran terhadap kepelbagaian dalam masyarakat di negara ini.

“Walaupun kita mempunyai pelbagai agama dan kepercayaan, adalah lebih utama untuk kita memberi fokus kepada titik persamaan dan nilai-nilai universal yang dapat menyatukan kita sebagai rakyat Malaysia,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Aaron berkata, kementeriannya telah mewujudkan platform melalui inisiatif Harmoni Madani bagi melaksanakan siri Dialog Harmoni dengan tema Faham, Hormat & Terima bagi membincangkan dan berkongsi amalan baik agama masing-masing yang mampu meningkatkan hubungan antara penganut agama di negara ini.

Beliau menyarankan semua pihak supaya memanfaatkan platform Dialog Harmoni itu sebagai medium memperkukuh kefahaman dan menghargai kepelbagaian masyarakat Malaysia dengan mengangkat titik persamaan.

“Semua pihak sama ada wakil rakyat, ahli politik, pemimpin agama, masyarakat atau individu perlu memainkan peranan masing-masing dalam memupuk perpaduan dan mengekalkan kesejahteraan negara,” katanya.

Jumaat lalu, media melaporkan Ahli Parlimen Tapah Datuk Seri M Saravanan menetapkan tarikh debat bersama pendakwah bebas Zamri Vinoth pada 23 Mac ini yang akan dianjurkan Dewan Bahasa Tamil Malaysia.

THE EDGE MALAYSIA

National Unity minister says to stop religious debates to avoid tensions

10 March 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang calls on all parties to stop any form of debate on religious differences as it can spark tensions and strain relations among the communities.

KUALA LUMPUR (March 10): Any form of debate focusing on religious differences must be halted as it can spark tensions and strain relations among Malaysia’s multi-faith communities, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said that discussions on religion should be conducted with utmost respect and an awareness of the country’s diverse society.

“Although we have various religions and beliefs, it is more important for us to focus on common ground and universal values that can unite us as Malaysians,” he said in a statement.

Aaron said the ministry has created the Harmoni Madani platform to conduct the Harmony Dialogue series under the theme Understand, Respect, and Accept, adding that the initiative discusses and shares best religious practices that can strengthen interfaith relationships in the country.

He called on all parties to utilise the platform to strengthen understanding and appreciate Malaysia’s diversity by highlighting commonalities.

“All parties, including elected representatives, politicians, religious leaders, communities and individuals must play their role in fostering unity and maintaining the nation’s harmony,” he added.

Last week, media reports cited that Tapah MP Datuk Seri M Saravanan had scheduled a debate with an independent preacher, Zamri Vinoth, on March 23, which will be hosted by Dewan Bahasa Tamil Malaysia.

astro AWANI

21 lokasi dikenal pasti untuk pembangunan tapak perpaduan

11 Mac 2025

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara mengenal pasti 21 lokasi di seluruh negara yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai tapak perpaduan.

Menterinya Datuk Aaron Ago Dagang berkata pembangunan tapak perpaduan itu akan dilaksanakan melalui Projek Pembangunan Ruang Sosial dan Ruang Fizikal di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Perumahan Strata Kos Rendah.

"Antara cadangan projek adalah pembinaan dewan terbuka, pembinaan taman permainan kanak-kanak, pembinaan gazebo, sudut hijau, pusat kegiatan sukan, pusat kegiatan komuniti berpusat, perpustakaan komuniti dan pembinaan trek berjalan," katanya dalam hantaran di aplikasi X.

Terdahulu, beliau memaklumkan telah mempengerusikan Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Negara bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco-Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) yang pertama bagi tahun ini.

Aaron berkata antara perkara dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan ialah berkaitan pelaksanaan pemutihan 584 tanah premis perpaduan, pengurusan isu-isu perpaduan di peringkat akar umbi serta pelaksanaan Sambutan Minggu Perpaduan 2025.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan mengenai Laporan Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif pada tahun lepas, yang menurutnya sebanyak 152 Rukun Tetangga dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif.



"Jumlah ini melebihi sasaran awal yang ditetapkan iaitu 116 Rukun Tetangga. Pelaksanaan projek ekonomi oleh komuniti Rukun Tetangga antara lain bertujuan membantu menjana pendapatan komuniti dan membantu mengurangkan kos sara hidup komuniti," katanya.

-- BERNAMA

THE EDGE MALAYSIA

Ministry has identified 21 locations to be developed as unity sites — Aaron

11 March 2025



KUALA LUMPUR (March 11): The Ministry of National Unity has identified 21 locations throughout the country that has the potential to be developed as unity sites.

Its minister Datuk Aaron Ago Dagang said the development of the unity sites will be implemented through the Social and Physical Space Development Project in the Rukun Tetangga Area (KRT) of Low-Cost Strata Housing.

"Among the project proposals are the construction of an open hall, the construction of a children's playground, the construction of a gazebo, a green corner, a sports activity centre, a centralised community activity centre, a community library and the construction of a walking track," he said in a post on the X application.

Earlier, he informed that he had chaired the National Unity Minister's Executive Council (exco) meeting together with the State Unity Exco, Exco for Non-Islamic Religious Affairs (MExUnity) for the first time, this year.

Aaron said among the matters discussed in the meeting were the implementation of the ratifying process of 584 unity premises land, the management of unity issues at the grassroots level as well as the implementation of the Unity Week 2025 Celebration.

In addition, the meeting also discussed the Achievement Report on the Implementation of the Progressive Rukun Tetangga Empowerment Initiative last year, according to which a total of 152 Rukun Tetangga were modelled as progressive community mobilisers.

"This number exceeds the initial target of 116 Rukun Tetangga. The implementation of economic projects by the Rukun Tetangga community, among others, aims to help generate community income and help reduce the cost of living for the community," he said.

Sinar Harian

Tindakan tepat tidak teruskan debat agama – Aaron

11 Mac 2025



PUTRAJAYA - Keputusan Ahli Parlimen Tapah, Datuk Seri M Saravanan untuk tidak meneruskan debat agama disifatkan sebagai tindakan tepat dalam menjaga keharmonian dan perpaduan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang turut menghargai langkah pendakwah bebas, Muhammad Zamri Vinoth yang menyambut baik perkara itu.

"Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Saravanan atas keputusan beliau untuk tidak meneruskan debat berkaitan agama dan saya juga hargai usaha Zamri," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Ujar beliau, keputusan itu mengingatkan semua pihak mengenai pentingnya mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, budaya serta bangsa.

"Perpaduan bukan hanya sekadar slogan, tetapi harus diterjemahkan dalam tindakan dan sikap seharian kita," jelas Aaron.

Menurutnya, prinsip 'Faham, Hormat, dan Terima' diamalkan dapat membina masyarakat lebih harmoni dan sejahtera.

"Semoga keputusan ini dapat menjadi contoh teladan baik kepada kita semua untuk terus berusaha memperkukuhkan perpaduan dan saling menghormati antara satu sama lain.

"Keputusan ini adalah satu langkah positif yang mengingatkan kita tentang pentingnya menjaga keamanan dan keharmonian dalam negara yang pelbagai dan ia wajar dijadikan pedoman bagi generasi akan datang," katanya.

Jumaat lalu, Saravanan dilapor menetapkan tarikh debat bersama Muhammad Zamri pada 23 Mac ini, susulan kenyataan kontroversi pendakwah berkenaan yang membandingkan pembawa kavadi ketika sambutan Thaipusam dengan individu yang dirasuk atau mabuk.

Bagaimanapun, ia dibatalkan Saravanan selepas mengambil kira kepentingan keharmonian dan perpaduan kaum.

NEW STRAITS TIMES

Unity minister praises Saravanan for calling off debate with preacher

11 March 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has commended MIC deputy president Datuk Seri M. Saravanan for calling off the debate with preacher Zamri Vinoth. BERNAMA PIC

KUALA LUMPUR: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has commended MIC deputy president Datuk Seri M. Saravanan for calling off the debate with preacher Zamri Vinoth.

The Tapah member of parliament made the decision after listening to views and advice from Aaron and the police.

Aaron said Saravanan made a responsible decision to preserve the harmony and unity of the nation.

"I would like to express my gratitude to Saravanan for his decision not to pursue the debate on religion.

"His decision is a highly appropriate step in maintaining our nation's peace and cohesion.

"I also appreciate Zamri Vinoth for welcoming this."

Aaron said the decision should serve as a reminder of the importance of unity among Malaysians, who come from diverse religious, cultural and ethnic backgrounds.

"Unity is not merely a slogan, it must be reflected in our daily actions and attitudes.

"The principles of understanding, respect and acceptance are crucial in this effort.

"By adopting a more inclusive approach and practising these principles, we can foster a more harmonious and prosperous society."

He said the decision would serve as an example for all Malaysians in strengthening unity and mutual respect.

"This is a positive step that reminds us of the importance of safeguarding peace and harmony in our diverse nation. It should serve as a guide for future generations."

The debate between Saravanan and Zamri was set for March 23. It was sparked by Zamri's controversial remarks on kavadi bearers.

Saravanan, a devout kavadi bearer, had said the debate would be organised by Dewan Bahasa Tamil Malaysia.

Malaysia Tribune

Keputusan batal debat agama antara Saravanan, Zamri adalah tepat – Menteri Perpaduan

11 Mac 2025



KUALA LUMPUR – Keputusan Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M. Saravanan untuk tidak meneruskan debat berkaitan agama dengan pendakwah, Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu adalah tindakan yang amat tepat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaaron Ago Dagang berkata, keputusan itu adalah satu langkah positif bagi menjaga keamanan dan keharmonian dalam negara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

"Saya ingin merakamkan terima kasih kepada Ahli Parlimen Tapah, Datuk Seri Saravanan atas keputusan beliau untuk tidak meneruskan debat berkaitan agama.

"Keputusan Datuk Seri Saravanan adalah tindakan yang amat tepat dalam menjaga keharmonian dan perpaduan negara kita. Saya juga turut menghargai langkah dan usaha Zamri Vinoth yang menyambut baik perkara ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut, Aaron berkata, keputusan itu juga mengingatkan semua tentang pentingnya untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, yang terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, budaya dan bangsa.

"Perpaduan bukan hanya sekadar slogan, tetapi harus diterjemahkan dalam tindakan dan sikap seharian kita. Prinsip Faham, Hormat, dan Terima menjadi asas yang penting dalam usaha ini," ujar Aaron.

Aaron menambah, dengan mengambil pendekatan yang lebih inklusif dan mengamalkan prinsip faham, hormat, dan terima, rakyat Malaysia dapat membina masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera.

"Semoga keputusan ini dapat menjadi contoh teladan yang baik kepada kita semua untuk terus berusaha memperkukuhkan perpaduan dan saling menghormati antara satu sama lain," katanya.

malaysiakini
news and views that matter

Minister praises Saravanan for making right decision on debate

11 March 2025



National Unity Minister Aaron Ago Dagang has described MIC deputy president M Saravanan's decision to cancel his debate with preacher Zamri Vinoth as the right decision.

In thanking the Tapah MP, the minister said Saravanan made the best call to preserve harmony and unity in the country.

"I also appreciate Zamri's decision to....

BERNAMA

Keputusan Saravanan Tidak Teruskan Debat Langkah Tepat Jaga Keharmonian – Aaron

11 Mac 2025



TheStar

National Unity Minister lauds Saravanan for calling off debate

11 March 2025



PETALING JAYA: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has lauded MIC deputy president Datuk Seri M. Saravanan's decision to call off the debate with Zamri Vinoth.

The minister said Saravanan made the right decision in the interest of preserving national harmony and unity.

"This decision reminds us all about the importance of preserving unity amidst Malaysia's diverse makeup of religions, cultures and races.

"Unity is not just a slogan but must be translated into action and our daily lives," he said in a statement on Tuesday (March 11).

He expressed hope that the decision to call off the debate will serve as an example for all to continue strengthening unity efforts and practice mutual respect among one another.

Aaron said the principles of understanding, respect and acceptance play a crucial role in upholding unity in Malaysia.

"By taking an inclusive approach and practicing these principles, we will build a more harmonious and prosperous society," he said, stressing the importance of preserving harmony in Malaysia.

Earlier Tuesday, Saravanan said he had decided not to go on with the debate with independent preacher Zamri.

The Tapah MP said he had made his decision in the interests of national harmony.

"I have discussed it and I have decided not to continue with the debate in the interest of national harmony," he said at a press conference earlier.

However, Jelutong MP RSN Rayer urged the people to continue lodging police reports against Zamri.

The independent preacher had earlier courted controversy over remarks about kavadi bearers during Thaipusam.

theVibes.com
MALAYSIA. FROM EVERY SIDE.

Saravanan praised for making the right decision over debate

11 March 2025

Stopping the debate is a positive move that reminds Malaysians of the importance of maintaining peace and harmony in a diverse nation



This is a great reminder for all Malaysians of the need to maintain unity and understanding among the country's multi-religious, multi-cultural, and multi-ethnic communities – March 11, 2025

MIC Deputy President Datuk Seri M. Saravanan's decision to cancel a planned religious debate with preacher Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu has been praised for its contribution to promoting national harmony and unity.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang expressed his support for Saravanan's move, emphasising the importance of preserving peace in Malaysia's diverse society.

Aaron applauded both Saravanan and Zamri Vinoth for their maturity in handling the situation, highlighting that Saravanan's decision was a positive and responsible step towards ensuring social harmony.

"I also appreciate the positive response from the preacher towards the decision," Aaron said in a statement today.

"This is a great reminder for all Malaysians of the need to maintain unity and understanding among the country's multi-religious, multi-cultural, and multi-ethnic communities."

Aaron stressed this decision serves as a significant example for all Malaysians to continue strengthening mutual respect and unity.

"May this decision serve as an example for all of us to continue strengthening unity and mutual respect among us. This is a positive move that reminds us of the importance of maintaining peace and harmony in a diverse nation, and it should serve as a guideline for future generations," he added.

The National Unity Minister pointed out that the concept of unity should not merely remain a slogan but must be reflected in everyday actions and attitudes.

"Unity should not just be merely a slogan; it must be something we live by every day. The principles of understanding, respect, and acceptance are essential foundations for this effort. By embracing a more inclusive approach and embodying these principles, we can create a more harmonious and prosperous society," Aaron said.

Saravanan, who had been scheduled to engage in a religious debate with Zamri Vinoth, announced his decision to cancel the debate following advice from Aaron and MIC President Tan Sri S.A. Vigneswaran.

The decision was made with the primary concern for national unity and the importance of maintaining a peaceful coexistence in the country's multicultural landscape. – March 11, 2025

astro AWANI

Keputusan Saravanan tidak teruskan debat langkah tepat jaga keharmonian – Aaron

11 Mac 2025



Aaron berkata keputusan itu mengingatkan seluruh masyarakat tentang kepentingan untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. - Gambar fail/Bernama

PUTRAJAYA: Keputusan Timbalan Presiden MIC Datuk Seri M Saravanan tidak meneruskan debat berkaitan agama dengan pendakwah bebas Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu merupakan tindakan amat tepat dalam menjaga keharmonian dan perpaduan negara.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang dalam kenyataan hari ini berkata beliau juga menghargai langkah dan usaha Muhammad Zamri menyambut baik perkara itu.

Beliau berkata keputusan itu mengingatkan seluruh masyarakat tentang kepentingan untuk mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang agama, budaya dan bangsa.

"Semoga keputusan ini dapat menjadi contoh teladan baik kepada kita semua untuk terus berusaha memperkukuh perpaduan dan saling menghormati antara satu sama lain.

"Keputusan ini adalah satu langkah positif, mengingatkan kita tentang kepentingan menjaga keamanan dan keharmonian dalam negara yang pelbagai, dan wajar dijadikan pedoman bagi generasi akan datang," katanya.

Aaron berkata perpaduan bukan hanya sekadar slogan, tetapi harus diterjemahkan dalam tindakan dan sikap seharian, dengan prinsip 'Faham, Hormat, dan Terima' menjadi asas penting kepada perkara itu.

"Mengambil pendekatan lebih inklusif dan mengamalkan prinsip Faham, Hormat dan Terima membolehkan kita membina masyarakat lebih harmoni dan sejahtera," katanya.

Media hari ini melaporkan Saravanan memutuskan untuk tidak meneruskan debat berkaitan agama dengan Muhammad Zamri demi menjaga perpaduan negara dan selepas berbincang dengan Menteri Perpaduan serta Presiden MIC Tan Sri S.A .Vigneswaran.
-- BERNAMA

Dengar nasihat Menteri Perpaduan, Saravanan tak jadi debat dengan Zamri pasal agama

11 Mac 2025

Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan tak jadi debat dengan penceramah bebas, Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu.

Menurut laporan Malaysia Kini, keputusan itu dibuat selepas mengambil maklum dan nasihat daripada Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang, Presiden MIC Vigneswaran Sanasee, pihak polis dan pemimpin lain kerajaan yang tidak didedahkan.

Saravanan tak jadi debat

"...(justeru) saya telah memutuskan debat ini tak diteruskan demi keharmonian dan perpaduan negara," katanya.

Terdahulu, Aaron Ago Dagang menyuarakan harapan agar debat agama, khususnya antara Saravanan dan Zamri, tidak diteruskan bagi mengelakkan ketegangan serta memastikan hubungan antara agama kekal harmoni.

Sebelum ini, Saravanan menetapkan 23 Mac sebagai tarikh debat dengan Zamri susulan kenyataan yang membandingkan pembawa kavadi ketika sambutan Thaipusam dengan individu yang dirasuk atau mabuk.



Komen tersebut dibuat susulan insiden melibatkan penyampai radio Era FM yang didakwa menghina agama Hindu dengan menari dan bergurau sambil melaungkan "vel, vel".

Walaupun mereka telah memohon maaf, pihak pengurusan telah menggantung tugas mereka sementara siasatan oleh polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) masih berjalan.



Ekoran kejadian itu, Zamri memuat naik status dengan berkata, "Sebut vel, vel tidaklah sampai hilang nyawa orang, tetapi apa yang berlaku di Kuil Seafield itu pernah menjadi penyebab nyawa Adib hilang".

Kenyataan itu merujuk kepada anggota bomba Muhammad Adib Mohd Kassim, yang meninggal dunia selepas insiden rusuhan di luar sebuah kuil Hindu di Subang Jaya, Selangor, pada tahun 2018.

OH MY MEDIA

Saravanan & Zamri batal debat agama, Menteri Perpaduan ucap terima kasih

11 Mac 2025



Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan dan pendakwah bebas, Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu membatalkan hasrat untuk berdebat berkenaan agama selepas mendapat nasihat daripada Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago anak Dagang.

Susulan daripada itu, Aaron dalam posting di media sosial rasmi miliknya mengucapkan terima kasih kepada Saravanan kerana tidak meneruskan hasrat tersebut bagi menjaga keharmonian perpaduan di Malaysia.



Menteri Perpaduan ucap terima kasih tak teruskan

Beliau mengucapkan terima kasih kerana mendengar pandangan yang dinyatakan susulan tindakan ahli parlimen Jelutong itu yang menyatakan hasrat mahu berdebat dengan Zamri Vinoth.

"Terima kasih YB kerana sudi dengar pandangan saya," tulisnya.

Menteri Perpaduan nasihat Saravanan

Hal ini susulan kenyataan Saravanan yang mengambil langkah tidak meneruskan debat tersebut demi menjamin keharmonian negara.

Perkara berkenaan dibuat susulan Aaron Ago Dagang menyuarakan harapan agar debat agama, khususnya antara Saravanan dan Zamri tidak diteruskan bagi mengelakkan ketegangan serta memastikan hubungan antara agama kekal harmoni.



Terdahulu, Timbalan Presiden MIC berkenaan telah menetapkan 23 Mac sebagai tarikh debat dengan Zamri susulan kenyataan yang membandingkan pembawa kavadi ketika sambutan Thaipusam dengan individu yang dirasuk atau mabuk.

Komen tersebut dibuat susulan insiden melibatkan penyampai radio Era FM yang didakwa menghina agama Hindu dengan menari dan bergurau sambil melaungkan "vel, vel".

Walaupun mereka telah memohon maaf, pihak pengurusan telah menggantung tugas mereka sementara siasatan oleh polis dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) masih berjalan.

The Malaysian Reserve

Saravanan's debate cancellation lauded for promoting national harmony

11 March 2025



PUTRAJAYA — MIC deputy president Datuk Seri M. Saravanan's (picture) decision to withdraw from a religious debate with preacher Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu should be commended for preserving national harmony and unity, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said he also appreciated Zamri Vinoth's positive response to the decision.
Aaron said the decision reminds all Malaysians of the importance of preserving unity among the country's diverse religious, cultural, and ethnic backgrounds.

"May this decision serve as an example for all of us to continue strengthening unity and mutual respect among us.

"This is a positive move that reminds us of the importance of maintaining peace and harmony in a diverse nation, and it should serve as a guideline for future generations," he said in a statement today.

Aaron added that unity should not just be merely a slogan but must be reflected in our daily actions and attitudes.

"The principles of understanding, respect, and acceptance are essential foundations for this effort. By embracing a more inclusive approach and embodying these principles, we can create a more harmonious and prosperous society," he said.

Saravanan was reported today as saying he cancelled the religious debate with Zamri Vinoth in the interest of national unity after discussions with the National Unity Minister and MIC president Tan Sri S.A. Vigneswaran. — BERNAMA

theSun

Saravanan's debate cancellation lauded for promoting national harmony

11 March 2025



PUTRAJAYA: MIC deputy president Datuk Seri M. Saravanan's decision to withdraw from a religious debate with preacher Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu should be commended for preserving national harmony and unity, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said he also appreciated Zamri Vinoth's positive response to the decision.

Aaron said the decision reminds all Malaysians of the importance of preserving unity among the country's diverse religious, cultural, and ethnic backgrounds.

"May this decision serve as an example for all of us to continue strengthening unity and mutual respect among us.

"This is a positive move that reminds us of the importance of maintaining peace and harmony in a diverse nation, and it should serve as a guideline for future generations," he said in a statement today.

Aaron added that unity should not just be merely a slogan but must be reflected in our daily actions and attitudes.

"The principles of understanding, respect, and acceptance are essential foundations for this effort. By embracing a more inclusive approach and embodying these principles, we can create a more harmonious and prosperous society," he said.

Saravanan was reported today as saying he cancelled the religious debate with Zamri Vinoth in the interest of national unity after discussions with the National Unity Minister and MIC president Tan Sri S.A. Vigneswaran.

மை வெலிச்சம்.காம்
www.myvelicham.com
இணையத்தில் இருந்து இதயத்திற்கு..

விவாதம் நிறுத்தப்பட்டது டத்தோஸ்ரீ எம். சரவணன் அறிவிப்பு

11 March 2025



நாட்டின் ஒற்றுமை துறை அமைச்சர் மாண்புமிகு அரோன் ஆகோ டகாங் அவர்கள் மற்றும் மற்றும் காவல்துறையும் கடேட்டுக் கொண்டதற்கு ஏற்பவும், மற்றும் மஇகாவின் தேசியத் தலவைர் மதிப்புமிகு டானஸ்ரீ எஸ். விக்னஸ்வரன் அவர்களின் ஆலோசனைக்கு ஏற்பவும் ஜம்ரி விநோத்துடன் நடத்தக்கூடிய நேரடி விவாதம் நிறுத்தப்பட்டுள்ளது.

அண்மையைக் காலமாக இந்நாட்டில் வாழும் இந்துக்களின் மனங்களை புண்படுத்தும் வகையிலும், இழிவுப் படுத்தும் வகையிலும் நடந்துவரும் ம் இதுபோன்ற சமயம் சார்ந்த விவகாரங்களை உடனடியாக தடுத்து நிறுத்தாவிடில், இது இதர மத, சமயத்தினரையும் பாதிக்கும் என்பதால், அரசாங்கம் இதற்கு உடனடி நடவடிக்கை எடுத்து நிறுத்த வண்டுமென்றும், தாப்பா நாடாளுமன்ற உறுப்பினரும், மஇகாவின் தேசியத் தலவைருமான மாண்புமிகு டத்தோஸ்ரீ எம். சரவணன் அவர்கள் பத்திரிக்கைக்கு விடுத்துள்ள சயெ்தியில் கூறியுள்ளார்.

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

Era FM nyata komitmen perkukuh nilai murni dalam penyiaran – Aaron

11 Mac 2025



Aaron ketika mengadakan pertemuan bersama pihak Astro.- Foto Facebook Aaron.

PETALING JAYA – Stesen radio Era FM menyatakan komitmen untuk memperkukuh nilai-nilai murni dalam industri penyiaran selaras dengan aspirasi kerajaan dalam memupuk elemen Faham, Hormat dan Terima dalam masyarakat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata perkara itu dimaklumkan dalam pertemuan bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Astro Malaysia Holdings Bhd., Euan Daryl Smith.

"Pihak Astro turut kesal dengan kejadian yang telah berlaku di Era FM dan menyatakan komitmen untuk memupuk nilai-nilai murni dalam industri penyiaran selaras aspirasi Kementerian dalam memupuk elemen Faham, Hormat dan Terima," katanya dalam hantaran di Facebook hari ini.

Selain itu, katanya, Astro juga akan membantu merancakkan kempen Cakap Baik-Baik, sebagai usaha memupuk budaya dan amalan baik dalam kalangan masyarakat di platform televisyen dan radio.

Pada 5 Mac lalu, penyampai segmen 3 Pagi Era, Nabil Ahmad, Radin Amir dan Azad Jasmin telah memberi keterangan selama lebih dua jam di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman berhubung dakwaan mempersenda upacara agama Hindu.

Sebelum ini, trio penyampai radio itu memohon maaf berhubung video kontroversi mempersenda tarian kavadi Hindu iaitu upacara suci yang dilakukan ketika Thaipusam kepada Dewa Murugan.

Video itu yang sudah diturunkan dari platform media sosial stesen terbabit memaparkan seorang daripada mereka meniru tarian kavadi, sambil menyebut 'Vel Vel' disusuli gelak tawa rakan-rakan yang lain.

Klip video tersebut mengundang kritikan ramai kerana secara terang-terangan mempersendakan tradisi penganut agama lain. – KOSMO! ONLINE

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Astro rancakkan kempen Cakap Baik-Baik, usaha pupuk budaya baik - Menteri Perpaduan

11 Mac 2025



Euan (lima dari kiri) dan wakil Astro ketika pertemuan bersama Aaron (empat dari kanan) baru-baru ini.

SHAH ALAM - Kempen Cakap Baik-Baik akan diperhebatkan dengan sokongan penuh daripada Astro Malaysia Holdings Bhd bagi memastikan budaya komunikasi berhemah terus diterapkan dalam masyarakat.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang menerusi kenyataan di Facebook pada Selasa memaklumkan, Astro menyatakan komitmennya untuk merancakkan kempen berkenaan dengan memanfaatkan platform televisyen dan radio bagi menyebarkan mesej perpaduan serta keharmonian.

"Pihak Astro turut kesal dengan kejadian yang telah berlaku di Era FM dan menyatakan komitmen untuk memupuk nilai-nilai murni dalam industri penyiaran selaras aspirasi Kementerian dalam memupuk elemen Faham, Hormat serta Terima.



Aaron (tengah) mengadakan perbincangan bersama pihak Astro.

"Pihak Astro juga akan membantu merancakkan lagi kempen Cakap Baik-Baik sebagai usaha untuk memupuk budaya dan amalan baik dalam kalangan masyarakat di platform TV serta Radio," katanya.

Komitmen itu dinyatakan Astro ketika pertemuan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Astro Malaysia, Euan Daryl Smith bersama Aaron baru- baru ini.

Sebelum ini, tiga penyampai radio Era FM iaitu Nabil Ahmad, Radin, dan Azad Jasmin terlibat dalam kontroversi selepas video mereka yang didakwa mempersenda ritual suci agama Hindu tular di media sosial.

Video tular tersebut memaparkan salah seorang penyampai meniru tarian kavadi sambil menyebut 'Vel Vel', diiringi gelak tawa rakan-rakannya, yang dianggap tidak menghormati masyarakat Hindu.

Susulan itu, ketiga-tiga penyampai tersebut memohon maaf secara terbuka dan mengakui kesilapan mereka.

Dalam masa yang sama, pihak pengurusan Astro Audio telah menggantung tugas mereka sementara siasatan dalaman dijalankan.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut membuka kertas siasatan selepas menerima enam laporan polis berkaitan isu tersebut.

Malaysia Tribune

KPN terus anjur program perkasa hubungan antara kaum

11 Mac 2025



(Dari kiri) Ruji, Aaron, Saraswathy dan Mohd Sobri bersama-sama memotong kek bagi meraikan ulang tahun KPN yang ke-5, tahun ini.

CYBERJAYA – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan terus memfokuskan penganjuran program-program yang berteraskan Harmoni Dalam Kepelbagaian dan pembinaan Negara Bangsa Progresif bagi memperkasakan hubungan antara kaum.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, usaha sebegini digariskan bukan sahaja bagi mengeratkan perpaduan, tetapi bagi merealisasikan pembinaan identiti nasional.

"Kementerian Perpaduan Negara komited untuk terus menjayakan inisiatif Harmoni MADANI bagi memperkukuhkan keharmonian masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.



"Pada masa yang sama, usaha ini juga bertujuan memastikan masyarakat yang berbeza anutan agama dan kepercayaan dapat hidup dalam landskap sosial yang lebih harmoni," kata Aaron.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya ketika merasmikan Majlis Apresiasi Harmoni dan Berbuka Puasa, di sini malam tadi.

Hadir sama, Timbalan Menteri, Saraswathy Kandasami; Ketua Setiausaha KPN, Datuk Ruji Ubi, dan Timbalan Ketua Setiausaha KPN, Mohamad Sobri Mat Daud.

Majlis ini diadakan bagi meraikan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung selaku pemegang taruh, antaranya ahli MExUnity, ahli MPPN, ahli Jawatankuasa HARMONI, ahli MCCBCHST, Friends of Unity, rakan media dan rakan-rakan strategik KPN.



Aaron menyampaikan sijil penghargaan kepada salah satu rakan strategik KPN pada majlis malam tadi.

Selain itu, Aaron dan barisan tertinggi KPN turut memotong kek sempena ulang tahun kementerian yang kelima.

Untuk rekod, kementerian ini ditubuhkan sejak 10 Mac 2020.

Utusan Borneo Online

GLC, badan berkanun, entiti korporat diseru berperanan aktif pupuk perpaduan negara

11 Mac 2025



(Dari kiri) Ketua Setiausaha KPN Datuk Ruji Ubi, Aaron, Timbalan Menteri KPN Senator Saraswathy Kandasami dan Timbalan Ketua Setiausaha KPN Mohamad Sobri Mat Daud menghadiri Majlis Apresiasi Harmoni di Cyberjaya kelmarin.

KUALA LUMPUR: Syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan berkanun dan entiti korporat diseru agar memainkan peranan aktif dalam memupuk perpaduan negara melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Kerajaan memainkan peranan penting dalam merangka dasar bagi mengekalkan keharmonian di Malaysia. Namun, kejayaan inisiatif ini bergantung kepada usaha kolektif rakyat.

"Adalah penting bagi kita semua untuk menghayati dan menyebarkan nilai-nilai kefahaman, hormat, dan penerimaan demi memastikan perpaduan dan keharmonian yang berkekalan di negara kita," kata Menteri Perpaduan Negara (KPN) Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Apresiasi Harmoni di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya, kelmarin.

Aaron turut menzahirkan penghargaan kepada organisasi media atas sokongan mereka dalam mempromosikan kempen berkaitan perpaduan, dengan menyebut Radio Televisyen Malaysia (RTM), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Astro AWANI, Free Malaysia Today, Malaysia Tribune, TV Sarawak, Nanyang Siang Pau, dan lain-lain.

Beliau menyeru media agar berperanan sebagai Suara Rakyat dan Pemangkin Perpaduan dengan giat mempromosikan Kempen Faham, Hormat, Terima serta Kempen Rukun Negara sempena Ulang Tahun ke-55 Rukun Negara.

Sementara itu, majlis yang dihadiri lebih 500 tetamu itu bertujuan untuk menghargai individu dan organisasi yang telah bekerjasama dengan KPN dalam memperkukuh agenda perpaduan negara.

Antara yang menerima pengiktirafan ialah ahli MEXUnity, ahli Mesyuarat Perundingan Perpaduan Negara, ahli Jawatankuasa Harmoni, ahli Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Malaysia (MCCBCHST), Friends of Unity, rakan media, serta rakan strategik KPN.

Sinar Harian

Hentikan Debat Beza Agama

11 Mac 2025



HENTIKAN DEBAT BEZA AGAMA

- Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan debat atau perbincangan yang melibatkan agama tidak seharusnya diteruskan.
- Menurutnya, perbincangan yang terlalu memfokuskan kepada perbezaan agama berpotensi untuk mencetuskan ketegangan dan mengeruhkan hubungan antara masyarakat berbilang agama di negara ini.
- Sementara itu, pakar sosiologi berkata, impak debat agama bergantung kepada penganut ajaran masing-masing kerana perdebatan tentang agama melibatkan kepercayaan dan tafsiran seseorang tentang konsep Tuhan.

MUKA 2

M SARAVANAN

MUHAMMAD ZAMRI

Sinar Harian

Debat agama tidak perlu diteruskan

11 Mac 2025

Debat agama tidak perlu diteruskan

Boleh cetus ketegangan, mengeruhkan hubungan masyarakat berbilang agama di Malaysia

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

LAPORAN MUKA DEPAN

Sebarang bentuk perdebatan yang memfokuskan kepada perbezaan agama perlu dihentikan kerana ia boleh mencetus ketegangan dan mengeruhkan hubungan masyarakat berbilang agama di Malaysia.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, perbincangan mengenai agama seharusnya dilakukan dengan penuh rasa hormat dan kesedaran terhadap kepelbagaian dalam masyarakat.

"Walaupun kita mempunyai pelbagai agama dan kepercayaan, lebih utama adalah untuk memberi fokus kepada titik persamaan serta nilai-nilai universal yang dapat menyatukan seluruh rakyat Malaysia.

"Saya berharap agar perdebatan melibatkan agama tidak diteruskan oleh Ahli Parlimen Tapah, Datuk Seri M Saravanan dan pendakwah, Muhammad Zamri Vinoth Kalimuthu," katanya pada Isnin.

Jumaat lalu, Saravanan dilapor menetapkan tarikh debat bersama Muhammad Zamri pada 23 Mac ini.

Ia susulan kenyataan kontroversi pendakwah berkenaan membandingkan pembawa kasadi ketika sambutan Thaipusam dengan individu yang dirasuk atau mabuk.

Tambah Saravanan, Muhammad Zamri bebas memilih mana-mana lokasi di ibu kota untuk dijadikan acara debat tersebut.

Sementara itu, Aaron berkata, kementeriannya telah mewujudkan platform melalui inisiatif Harmoni Madani bagi melaksanakan siri Dialog Harmoni dengan tema Faham, Hormat & Terima bagi membincangkan dan berkongsi amalan baik agama masing-masing yang mampu meningkatkan hubungan antara penganut-penganut agama di negara ini.



AARON

Beliau turut menyarankan semua pihak supaya memanfaatkan platform Dialog Harmoni itu sebagai medium memperkukuh kefahaman dan menghargai kepelbagaian masyarakat Malaysia dengan mengangkat titik persamaan.

"Semua pihak sama ada wakil rakyat, ahli politik, pemimpin agama, masyarakat, atau individu perlu memainkan peranan masing-masing dalam memupuk perpaduan serta mengekalkan kesejahteraan negara," katanya.

Utusan Borneo

21 lokasi dikenal pasti untuk pembangunan ruang sosial dan fizikal di KRT Perumahan Strata Kos Rendah

11 Mac 2025

21 lokasi dikenal pasti untuk pembangunan ruang sosial dan fizikal di KRT Perumahan Strata Kos Rendah

Oleh Nurin Abdullah

KUALA LUMPUR: Sebanyak 21 lokasi berpotensi di 14 negeri telah dikenal pasti oleh Kementerian Perpaduan Negara untuk pembangunan ruang sosial dan fizikal sebagai tapak perpaduan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Perumahan Strata Kos Rendah.

Projek yang dicadangkan termasuk pembinaan dewan terbuka, taman permainan kanak-kanak, gazebo, sudut hijau, pusat aktiviti tuhan, hab komuniti berpusat, perpustakaan komuniti, dan trek pejalan kaki.

Ruang ini berfungsi sebagai pusat penglibatan inklusif yang menggalakkan perpaduan antara penduduk dari pelbagai latar belakang dengan matlamat mewujudkan keharmonian sosial yang mampan.

Inisiatif ini bukan sahaja memperkukuhkan perpaduan dalam komuniti, tetapi juga mempromosikan kerjasama strategik antara komuniti, institusi akademik, agensi kerajaan, sektor swasta, dan NGO.

Inisiatif ini dibincangkan pada Mesyuarat Menteri Perpaduan Negara bersama Exco-Exco Perpaduan Negeri dan Exco - Exco Hal Ehwal Agama Selain Islam (MExUnity) yang dipengerusikan oleh Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, semalam.

Agenda lain yang dibincangkan ialah laporan kemajuan pelaksanaan Inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif.

Pada 2024, sebanyak 152 Rukun Tetangga telah dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif, melebihi sasaran awal sebanyak 116.

Projek ekonomi yang diketuai oleh komuniti Rukun Tetangga bertujuan untuk menjana pendapatan dan mengurangkan kos sara hidup penduduk.

Bagi menyokong inisiatif ini, kementerian akan membangunkan aplikasi digital bernama KRT Mart untuk memperluaskan pasaran produk Rukun Tetangga.

Aplikasi mudah alih yang mesra pengguna ini akan menyediakan platform yang mudah diakses bagi komuniti untuk memasarkan produk mereka secara berkesan.

Aaron menekankan bahawa kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah penting untuk memastikan perpaduan negara kekal teguh dan mampan.

Beliau menegaskan bahawa walaupun terdapat cabaran, dengan komitmen bersama dan dasar yang inklusif, Malaysia dapat terus membina sebuah negara yang harmoni, bersatu, dan makmur untuk semua.



BINCANG: Aaron membincangkan inisiatif yang bertujuan untuk memupuk perpaduan nasional melalui program berasaskan perpaduan di peringkat nasional dan negeri.

Utusan Borneo

GLC, badan berkanun, entiti korporat diseru berperanan aktif pupuk perpaduan negara

12 Mac 2025

GLC, badan berkanun, entiti korporat diseru berperanan aktif pupuk perpaduan negara

Oleh Nurin Abdullah

KUALA LUMPUR: Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), badan berkanun dan entiti korporat diseru agar memainkan peranan aktif dalam memupuk perpaduan negara melalui inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

"Kerajaan memainkan peranan penting dalam merangka dasar bagi mengekalkan keharmonian di Malaysia. Namun, kejayaan inisiatif ini bergantung kepada usaha kolektif rakyat. Adalah penting bagi kita semua untuk menghayati dan menyebarkan nilai-nilai kefahaman, hormat, dan penerimaan demi memastikan perpaduan dan keharmonian yang berkekalan di negara kita," kata Menteri Perpaduan Negara (KPN) Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Apresiasi Harmoni di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya, kelmarin.

Aaron turut menzahirkan penghargaan kepada organisasi media atas sokongan mereka dalam mempromosikan kempen berkaitan perpaduan, dengan menyebut Radio Televisyen Malaysia (RTM), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Astro AWANI, Free Malaysia Today, Malaysia Tribune, TV Sarawak, Nanyang Siang Pau, dan lain-lain.

Beliau menyeru media agar berperanan sebagai Suara Rakyat dan Pemangkin Perpaduan dengan giat mempromosikan Kempen Faham, Hormat, Terima serta Kempen Rukun Negara sempena Ulang Tahun ke-55 Rukun Negara.

Sementara itu, majlis yang dihadiri lebih 500 tetamu itu bertujuan untuk menghargai individu dan organisasi yang telah bekerjasama dengan KPN dalam memperkukuh agenda perpaduan negara.

Antara yang menerima pengiktirafan ialah ahli MEXUnity, ahli Mesyuarat Perundingan Perpaduan Negara, ahli Jawatankuasa Harmoni, ahli Malaysia Consultive Coucil of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism dan Taosim (MCCBCHST), Friends of Unity, rakan media, serta rakan strategik KPN.



HARMONI: (Dari kiri) Ketua Setiausaha KPN Datuk Ruji Ubi, Aaron, Timbalan Menteri KPN Senator Puan Saraswathy Kandasami dan Timbalan Ketua Setiausaha KPN Mohamad Sobri Mat Daud menghadiri Majlis Apresiasi Harmoni di Cyberjaya kelmarin.

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Unity Ministry's collaborators honoured at 'Harmoni' event in Cyberjaya

12 March 2025



Aaron (second left) and deputy minister Saraswathy Kandasami gesture during a photo call at event. With them are the ministry's secretary-general Datuk Ruji Ubi (left) and his deputy Mohamad Sobri Mat Daud.

KUALA LUMPUR (March 12): Individuals and organisations that had collaborated with National Unity Ministry (KPN) in strengthening the national unity agenda were honoured at the 'Harmoni Appreciation Ceremony' held at Cyberview Resort & Spa in Cyberjaya on Monday.

Minister Dato Sri Aaron Ago Dagang officiated at the event, which was attended by over 500 guests.

Among those accorded recognition were members of Unity Executive Councillors and Non-Islamic Religious Affairs Executive Councillors (MEXUnity), the National Unity Consultative Council (MPPN), the Harmony Committee, the Malaysia Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhismand Taoism (MCCBCHST), Friends of Unity, as well as media partners and KPN's other strategic partners.

In his speech, Aaron called upon government-linked companies (GLCs), statutory bodies and corporate entities to play an active role in fostering national unity through corporate social responsibility (CSR) initiatives.

He also expressed gratitude to the media organisations for their support in promoting unity-related campaigns.

In this respect, he urged the media to serve as 'the voice of the people and a catalyst for unity' by actively promoting the 'Faham, Hormat, Terima' (Understand, Respect, Accept) campaign, and also the Rukun Negara (National Principles) campaign in conjunction with the 55th anniversary of Rukun Negara.

"The government plays a crucial role in formulating policies to maintain harmony in Malaysia. However, the success of these initiatives depends on the collective effort of the people.

"It is essential that we all embrace and spread the values of understanding, respect, and acceptance to ensure lasting unity and harmony in our country," he said.

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Ahli politik 'toksik' pecah belahkan perpaduan

13 Mac 2025



Ahli politik 'toksik' pecah belahkan perpaduan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Ahli politik 'toksik' yang memainkan sentimen bangsa dan agama demi kepentingan parti politik mereka didakwa punca kepada perpecahan dan ketidakharmonian antara kaum di negara ini.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ahli politik 'toksik' sebegini suka membawa isu-isu sensitif hanya untuk meraih laba politik dan menjadikan sasaran rakyat yang gemar mengikut apa sahaja secara membuta tuli tanpa memahami terlebih dahulu akibat daripada perbuatannya itu.

"Saya pernah membangkitkan dan menegaskan perkara ini di Parlimen bahawa kita sendiri sebagai ahli politik adalah punca utama kepada perpecahan dan ketidakharmonian kaum. Lihat sahaja keadaan di Dewan Rakyat, cara ahli politik berbahas, penuh dengan unsur toksik.

"Mereka membangkitkan isu-isu sensitif semata-mata untuk keuntungan politik tanpa memikirkan kesannya. Lebih membimbangkan, isu ini ditujukan kepada masyarakat yang kurang berpendidikan dan mudah terpengaruh tanpa memahami implikasi sebenar," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di pejabatnya di sini semalam.

Bersambung di muka 2

Ahli politik 'toksik' pecah belahkan perpaduan

Dari muka 1

Aaron berkata, sikap segelintir masyarakat yang menerima bulat-bulat segala sentimen perkauman tanpa menilai kesannya menjadi satu masalah besar kepada perpaduan negara.

Sehubungan itu, kementeriannya telah melaksanakan pelbagai pendekatan untuk memperkukuh perpaduan nasional, termasuk menubuhkan Jawatankuasa Keharmonian Antara Pengamut Agama (JK Harmoni) serta menganjurkan dialog dan persidangan antara agama.

"Kita adakan program Jejak Harmoni, Podcast Harmoni, Dokumentari Harmoni, Dialog dan Wacana Harmoni melibatkan pelbagai agama dan inisiatif lain bagi meningkatkan kefahaman antara kaum dan agama.

"Selain itu, kita juga memperkukuh peranan Kawasan Rukun Tetangga, Tabika Perpaduan, Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara, Mediator Komuniti, serta terus menerapkan nilai prinsip integrasi nasional Faham, Hormat & Terima dalam masyarakat.

"Semua usaha ini selari dengan konsep Malaysia Madani yang menekankan nilai ketamadunan. Jika kita tidak bertamadun, kita tidak akan menghormati orang lain, seolah-olah hidup di dalam hutan," tegasnya.

Dalam hal ini, beliau mengingatkan semua ahli politik agar tidak terus memainkan sentimen perkauman demi kepentingan peribadi.

"Kita sudah banyak kali memberi peringatan, tetapi mereka tidak peduli kerana ini adalah permainan politik. Mungkin satu-satunya cara untuk mengatasinya adalah dengan mengubah sistem politik kita.



AARON Ago Dagang ketika ditemu bual di pejabatnya di Kementerian Perpaduan, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

"Semua usaha ini selari dengan konsep Malaysia Madani yang menekankan nilai ketamadunan. Jika kita tidak bertamadun, kita tidak akan menghormati orang lain."

"Sebab itu, di bawah Kementerian Perpaduan, fokus utama kita adalah membina negara bangsa progresif. Kita mahu rakyat memahami bahawa Malaysia bukan hanya tentang Melayu, Cina, Iban, Kadazan atau India. Kita semua adalah satu-Bangsa Malaysia," katanya.

Menurutnya, meskipun usaha ini bukan sesuatu yang mudah, kementeriannya tetap komited untuk mencapai matlamat tersebut.

"Kami telah melaksanakan ratusan ribu program, dan persoalannya kini, apakah hasil akhirnya? Hasilnya adalah sebuah negara bangsa yang bersatu tanpa melihat kaum dan agama sebagai pemisah.

"Kita juga telah membangunkan pelbagai indeks seperti Indeks Perpaduan Nasional, Indeks Kebahagiaan dan Indeks Keamanan sebagai penanda aras. Jika semua indeks ini menunjukkan tahap tinggi, maka kita sudah mencapai negara bangsa yang kita impikan.

"Namun, realitinya, politik masih tidak stabil dan ada pihak yang cuba mengganggu usaha ini demi kepentingan mereka sendiri," katanya.

BERNAMA

KPN Targets To Establish 100 More KRT This Year – Aaron

14 March 2025



BERNAMA

KPN Sasar Tubuh 100 KRT Baharu Tahun Ini – Aaron

14 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang

SRI AMAN, 14 Mac (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyasarkan untuk menubuhkan 100 lagi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara pada tahun ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata buat masa ini terdapat 8,529 KRT di seluruh negara, di mana 91 daripadanya ditubuhkan pada tahun lepas.

"Walaupun setiap tahun kita menambah dan menubuhkan KRT baharu, kini terdapat lebih kurang 442 KRT, iaitu 5.2%, yang tidak aktif di seluruh negara.

"Oleh sebab itu, saya menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tahun 2025 dengan meminta semua Pengarah Perpaduan Negeri mengambil tindakan proaktif serta bekerjasama dengan pelbagai Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang pihak untuk melaksanakan kempen dan inisiatif bagi mengaktifkan semula KRT yang tidak aktif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada pelancaran Kawasan KRT baharu di Sri Aman bagi tahun ini, di sini hari ini.

Aaron berkata pada tahun lalu, sebanyak 152 KRT telah diperkasakan sebagai KRT Progresif yang berupaya membangun komuniti mampan dan progresif.

"Pada tahun ini, sekurang-kurangnya 300 KRT lagi disasarkan untuk diperkasakan sebagai KRT Progresif dengan penilaian terperinci merangkumi penyediaan profil, pemetaan sosial, permohonan projek ekonomi dan pembangunan kebun komuniti yang mampu memberi manfaat kepada komuniti setempat,"katanya.

Beliau berkata sebanyak RM20 juta telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk inisiatif KRT Progresif pada tahun ini.
-- BERNAMA

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

National Unity Ministry aims to establish 100 more neighbourhood watch areas this year, says Aaron

14 March 2025



Aaron says there were 8,529 KRTs nationwide, including 91 set up in 2024. – Bernama photo

SRI AMAN (March 14): The National Unity Ministry (KPN) targets to establish 100 more neighbourhood watch areas (KRT) nationwide this year.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said there were 8,529 KRTs nationwide, including 91 set up in 2024.

"Although new KRTs are established each year, there are still about 442 that are inactive nationwide.

"That's why I've set the key performance indicators (KPIs) for 2025, asking all State Unity Directors to take proactive steps and work with various parties to hold campaigns and reactivate the KRTs," he said at the launch of the Sri Aman KRT here today.

Aaron said that last year, 152 KRTs were transformed into progressive KRTs, enabling them to develop sustainable and progressive communities.

"This year, the target is to empower at least 300 more KRTs as Progressive KRTs, with detailed assessments that include preparing profiles, social mapping, and applications for economic projects and community gardens that can benefit the local community," he said.

He added that the Ministry of Finance had approved RM20 million for the Progressive KRT initiative this year. – Bernama

tvs www.tvsarawak.my

Kementerian Perpaduan Negara sasar tubuh 100 KRT tahun 2025

14 Mac 2025



Dato Sri Aaron Ago Dagang (tiga kiri) melancarkan KRT baharu di Sri Aman, hari ini. Foto KPN (FB)

SRI AMAN, 14 Mac: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyasarkan untuk menubuhkan 100 lagi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara pada tahun 2025.

Menteri Perpaduan Negara Dato Sri Aaron Ago Dagang berkata buat masa ini terdapat 8,529 KRT di seluruh negara, di mana 91 daripadanya ditubuhkan pada tahun lepas.

"Walaupun setiap tahun kita menambah dan menubuhkan KRT baharu, kini terdapat lebih kurang 442 KRT, iaitu 5.2%, yang tidak aktif di seluruh negara.

"Oleh sebab itu, saya menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tahun 2025 dengan meminta semua Pengarah Perpaduan Negeri mengambil tindakan proaktif serta bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk melaksanakan kempen dan inisiatif bagi mengaktifkan semula KRT yang tidak aktif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada pelancaran kawasan KRT baharu di Sri Aman bagi tahun ini, di sini hari ini.

Aaron berkata pada tahun lalu, sebanyak 152 KRT telah diperkasakan sebagai KRT Progresif yang berupaya membangun komuniti mampan dan progresif.

"Pada tahun ini, sekurang-kurangnya 300 KRT lagi disasarkan untuk diperkasakan sebagai KRT Progresif dengan penilaian terperinci merangkumi penyediaan profil, pemetaan sosial, permohonan projek ekonomi dan pembangunan kebun komuniti yang mampu memberi manfaat kepada komuniti setempat," katanya.

Beliau berkata sebanyak RM20 juta telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk inisiatif KRT Progresif pada tahun ini.

Malaysia Tribune

KPN sasar 100 KRT baharu, perkasa konsep RT Progresif

14 Mac 2025



SRI AMAN – Kementerian Perpaduan Negara menyasarkan penubuhan 100 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) baharu pada tahun 2025 sebagai sebahagian daripada usaha memperkasakan konsep Rukun Tetangga (RT) Progresif yang mampu menjana pendapatan komuniti.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sehingga kini sebanyak 8,529 KRT telah ditubuhkan di seluruh negara termasuk 91 KRT baharu sepanjang tahun 2024 dengan 7 daripadanya terletak di Lubok Antu, Bahagian Sri Aman.

"Secara keseluruhan, Sarawak kini memiliki 1,092 KRT.



"Pemerkasaan RT Progresif adalah satu inisiatif penting kerana projek ekonomi yang dibangunkan di bawahnya mampu menjana pendapatan komuniti sekali gus meningkatkan pendapatan isi rumah.

"Projek ekonomi itu merangkumi tiga sektor utama, iaitu pertanian, produk makanan dan perkhidmatan," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran KRT Baharu Sri Aman 2025 di Dewan Dr Johnical Rayong, Skrang, Engkelili, Sri Aman, hari ini.

Menurut beliau, sepanjang tahun 2024, sebanyak 14 KRT di Sarawak telah berjaya dijadikan sebagai KRT Progresif dengan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1.6 juta bagi menjalankan pelbagai projek ekonomi komuniti.



Dalam pada itu, beliau turut menggesa Pengarah Perpaduan Negeri agar mengambil tindakan proaktif dengan bekerjasama dengan pelbagai pihak melalui pendekatan "whole of government" dalam usaha mengaktifkan KRT sedia ada dan memperkukuhkan peranannya dalam masyarakat.

SUARA SARAWAK

Kerajaan sasar 100 KRT baharu demi kesejahteraan rakyat

14 Mac 2025



Aaron berucap pada Majlis Pelancaran KRT Baharu Sri Aman 2025 di Dewan Dr Johnical Rayong, Skrang, Engkilili, Sri Aman, hari ini.

SRI AMAN: Kementerian Perpaduan Negara menyasarkan penubuhan 100 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) baharu pada tahun ini demi kesejahteraan rakyat di peringkat akar umbi.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang, berkata langkah itu diambil susulan permintaan berterusan masyarakat untuk menubuhkan KRT di kawasan masing-masing.

"Sehingga kini, terdapat 8,529 KRT di seluruh negara, dengan 91 daripadanya merupakan yang baharu ditubuhkan pada tahun lalu.

"Ini termasuk tujuh KRT baharu di Bahagian Sri Aman, iaitu di Skrang Skim, Skrang Ili, Batang Ai Ili, Batang Ai Tengah, Marop Cina, Klassen, dan Undop Tengah.

"Dengan penambahan tersebut, Sarawak kini memiliki 1,092 KRT di seluruh negeri," katanya.



Aaron merasmikan Pelancaran KRT Baharu Sri Aman 2025 di Dewan Dr Johnical Rayong, Skrang, Engkilili, Sri Aman, hari ini.

Ahli Parlimen Kanowit itu berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Pelancaran KRT Baharu Sri Aman 2025 di Dewan Dr Johnical Rayong, Skrang, Engkilili, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata kerajaan menyasarkan sekurang-kurangnya 300 lagi kawasan menerima status KRT Progresif pada tahun ini melalui penilaian menyeluruh, termasuk penyediaan profil, pemetaan sosial serta pelaksanaan projek ekonomi dan kebun komuniti.

"Pada tahun lalu, sebanyak 14 KRT di Sarawak menerima status KRT Progresif dengan peruntukan RM1.6 juta bagi menjalankan projek ekonomi komuniti.

"Manakala di seluruh negara, sejumlah 152 KRT telah diperkasakan sebagai KRT Progresif pada tahun 2024. Inisiatif ini terbukti dapat meningkatkan kesejahteraan penduduk setempat.

"Malah, ia bukan sahaja bertujuan mengukuhkan perpaduan, tetapi turut membantu menjana pendapatan isi rumah melalui projek ekonomi komuniti dalam tiga sektor utama, iaitu pertanian, produk makanan, dan perkhidmatan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu bahawa walaupun jumlah KRT bertambah setiap tahun, masih terdapat sekitar 442 kawasan, atau 5.2 peratus, yang tidak aktif.

"Justeru, saya mengarahkan semua Pengarah Perpaduan Negeri mengambil tindakan proaktif bagi menghidupkan kembali kawasan yang tidak aktif itu.

"Kita akan menggunakan pendekatan keseluruhan kerajaan dengan melibatkan pelbagai pihak melalui kempen dan inisiatif tertentu bagi memastikan lebih banyak KRT kembali aktif," ujarnya.

Menurutnya, inisiatif yang ditubuhkan sejak 1975 itu berperanan sebagai pemangkin perpaduan masyarakat pelbagai kaum dan kini diperkasakan melalui Kerangka Pemerkasaan Rukun Tetangga sebagai penggerak komuniti progresif.

"Kerangka ini merangkumi lapan bidang utama, iaitu ekonomi dan sara hidup, keselamatan komuniti, kepimpinan, kesejahteraan, pembelajaran sepanjang hayat, alam sekitar, warisan dan budaya, serta daya cipta.

"Sebagai sokongan kepada usaha ini, kerajaan telah memperuntukkan RM20 juta pada tahun lalu dan jumlah yang sama untuk tahun ini di bawah inisiatif KRT Progresif, bertujuan membangun komuniti yang mampan selari dengan konsep Malaysia MADANI," tegasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua sukarelawan KRT yang bertindak sebagai barisan hadapan masyarakat dalam memastikan keselamatan, keharmonian, dan kesejahteraan komuniti terpelihara.

KPN targets to establish 100 more KRTs this year – Aaron

14 March 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said there were 8,529 KRTs nationwide, including 91 set up in 2024. File pic by BERNAMA

SRI AMAN: The National Unity Ministry (KPN) targets to establish 100 more neighbourhood watch areas (KRT) nationwide this year.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said there were 8,529 KRTs nationwide, including 91 set up in 2024.

"Although new KRTs are established each year, there are still about 442 that are inactive nationwide.

"That's why I've set the key performance indicators (KPIs) for 2025, asking all State Unity Directors to take proactive steps and work with various parties to hold campaigns and reactivate the KRTs," he said at the launch of the Sri Aman KRT here today.

Aaron said that last year, 152 KRTs were transformed into progressive KRTs, enabling them to develop sustainable and progressive communities.

"This year, the target is to empower at least 300 more KRTs as Progressive KRTs, with detailed assessments that include preparing profiles, social mapping, and applications for economic projects and community gardens that can benefit the local community," he said.

He added that the Ministry of Finance had approved RM20 million for the Progressive KRT initiative this year. -- BERNAMA

KPN sasar 100 KRT baharu tahun ini – Aaron

15 Mac 2025



Aaron berkata pada tahun lalu, sebanyak 152 KRT telah diperkasakan sebagai KRT Progresif yang berupaya membangun komuniti mampan dan progresif. - Gambar fail/BERNAMA

SRI AMAN: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyasarkan untuk menubuhkan 100 lagi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara pada tahun ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata buat masa ini terdapat 8,529 KRT di seluruh negara, di mana 91 daripadanya ditubuhkan pada tahun lepas.

"Walaupun setiap tahun kita menambah dan menubuhkan KRT baharu, kini terdapat lebih kurang 442 KRT, iaitu 5.2%, yang tidak aktif di seluruh negara.

"Oleh sebab itu, saya menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tahun 2025 dengan meminta semua Pengarah Perpaduan Negeri mengambil tindakan proaktif serta bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk melaksanakan kempen dan inisiatif bagi mengaktifkan semula KRT yang tidak aktif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada pelancaran kawasan KRT baharu di Sri Aman bagi tahun ini, di sini semalam.

Aaron berkata pada tahun lalu, sebanyak 152 KRT telah diperkasakan sebagai KRT Progresif yang berupaya membangun komuniti mampan dan progresif.

"Pada tahun ini, sekurang-kurangnya 300 KRT lagi disasarkan untuk diperkasakan sebagai KRT Progresif dengan penilaian terperinci merangkumi penyediaan profil, pemetaan sosial, permohonan projek ekonomi dan pembangunan kebun komuniti yang mampu memberi manfaat kepada komuniti setempat," katanya.

Beliau berkata sebanyak RM20 juta telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk inisiatif KRT Progresif pada tahun ini.

-- BERNAMA

Utusan Borneo Online

Opis Menteri Penyerakup Menua nagit 100 KRT baru 2025 serata Malaysia, Sarawak udah bisi 7 KRT baru

15 Mac 2025



Penatai Aaron bejadi KRT Baru Bagi Menua Sri Aman ti diatur ba Dewan Dr Johnichal Rayong, di Engkilili, kemari, disambut raban KRT. - Gambar Facebok Aaron Ago Dagang

ENGKILILI: Opis Menteri Penyerakup Menua nagit 100 agi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) baru taun 2025 di serata menua, kena mantu perintah nentuka pengelikun, pemaik enggau pengelantang komuniti.

Menteri iya, Dato Sri Aaron Ago Dagang madah opis menteri iya seruran ngaku enggau ngenang jasa sereta beterima kasih ngagai voluntia Rukun Tetangga (RT) ti nyadi raban pengereja ti dulu sereta di mua mantu perintah nentuka pengelikun, pemaik enggau pengelantang komuniti.

Penyampau semua KRT di Malaysia diatu bisi 8,529 KRT, sereta ari penyampau nya bisi 91 KRT baru ti ditumbuhka ba taun 2024.

"Ba nengeri Sarawak, bisi tujuh (7) KRT baru ti ditumbuhka di Lubok Antu, Bagi Menua Sri Aman, iya nya KRT Skrang Skim; KRT Skrang Ili; KRT Batang Ai Ili; KRT Batang Ai Tengah; KRT Marop Cina; KRT Klassen enggau KRT Undop Tengah.

"Berindik ari bisi peminta ari raban bansa bekaul enggau penumbuh KRT, nya alai ba taun 2025, opis menteri nagit deka numbuhka 100 agi KRT baru," ku iya meri penerang nya nengah Facebook iya.



Aaron (bediri, tengah) enggau Dr Rayong (bediri, empat ari kanan) sereta disempulang pemesai bukai begambar bebala mayuh enggau bala pengari KRT Baru Bagi Menua Sri Aman, kemari. - Gambar Facebook Aaron Ago Dagang

Kemari, Aaron bejadi KRT Baru Bagi Menua Sri Aman ti diatur ba Dewan Dr Johnichal Rayong, di Engkilili, sereta pengerami nya sama digulu Kaban Kunsil Nengeri (ADUN) Engkilili, Dr Johnichal Rayong Ngipa; Sapit Tuai Direktor (Operasyen) Opis Penyerakup Menua enggau Integrasyen Nasional (JPNIN), Zulkipli Hashim; Direktor JPNIN Sarawak, Dirwana Azool; enggau sida ti bukai.

Nambah nya, Aaron ti ngenang KRT Progresif ti ditumbuhka dalam taun 2024, iya madahka, nya ukai semina siti inisiatif opis menteri, tang mega siti revolusyen ekonomi.

Ku iya, nengah KRT Progresif nya opis menteri fokus ngagai sektor betanam betupi enggau ti bukai, ke ulih nambahka penatai pemisi raban KRT.

"Kena negapka KRT Progresif ti ditumbuhka aku taun nyin kemari, ukai semina siti inisiatif, tang siti revolusyen ekonomi komuniti.

"Nengah KRT Progresif, ti fokus ngagai sektor betanam betupi, produk pemakai sereta servis, kitai ukai semina meri peluang ngagai raban bansa ngasilka penatai pemisi tang mega nentuka penatai pemisi ruang bilik nambah sechara signifikan," ku iya.

Langkar penegap KRT ti nyadi Penggerak Komuniti Progresif udah dikemansang enggau ditusun setipak enggau Polisi Penyerakup Menua.

Bisi lapan (8) bidang difokus ditatapka kena nyapai juluk komuniti progresif, iya nya, ekonomi enggau ungkus idp; pengelikun enggau pengetan komuniti; iring tuai; pengelantang komuniti; belajar seumur idup; rampa menua; lating tauka warisan enggau budaya; enggau pengulih nengkebang.

Ba taun 2024, bisi 14 buah KRT di Sarawak mujur diangkatka nyadi KRT Progresif enggau ungkup belanja sepenyampau RM1.6 juta udah diberi kena bejalaika projek ekonomi komuniti enggau ti bukai.



Aaron (duduk, tengah) disempulang Dr Rayong (duduk, tiga ari kiba) enggau pemesai ti bukai begambar bebala mayuh enggau raban KRT Baru Bagi Menua Sri Aman, kemari. - Gambar Facebook Aaron Ago Dagang

SARAWAK TRIBUNE
15 March 2025

100 new neighbourhood watch areas to be set up



Aaron (third left) officiates at the launching of the new 2024 Neighbourhood Watch Areas (KRTs) for Sri Aman Division.

KUCHING: The Ministry of National Unity (KPN) wants to establish 100 new Kawasan Rukun Tetangga (KRT) or Neighbourhood Watch Areas nationwide this year.

Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang said this is given the increasing community demand for new KRTs and the Ministry appreciates the KRT volunteers' dedication, who serve as the frontline of the community, assisting the government in ensuring safety, harmony, and wellbeing.

"While new KRTs are formed annually, approximately 442 KRTs or 5.2 per cent nationwide remain inactive.

"Therefore, the 2025 Key Performance Indicator (KPI) directs State Unity directors to take proactive measures, collaborate with various stakeholders through a whole-of-government approach, and conduct campaigns to reactivate inactive KRTs," he said.

He said this when officiating the launch of the new 2024 KRTs for Sri Aman Division held at the Dr Johnical Rayong Hall, Skrang, Engkelili here on Friday (March 14).

Aaron, who is also the Kanowit MP, added that nationwide, 8,529 KRTs have been formed, with 91 new KRTs established in 2024 alone.

"This includes the seven new KRTs established in Lubok Antu, Sri Aman Division, bringing the total number of KRTs in Sarawak to 1,092," he said.

He said the newly launched areas included KRT in Skrang Skim, Skrang Ili, Batang Ai Ili, Batang Ai Tengah, Marop Cina, Klassen and Undop Tengah.

The KRT, he said, is a voluntary community organisation established in 1975 and plays a key role in fostering unity among Malaysia's diverse communities.

"In the Mid-Term Review of the 12th Malaysia Plan, presented by the Prime Minister, it was highlighted that Neighbourhood Watch (RT) will be further strengthened as a key driver and mediator in organising community, volunteerism, and national programmes at the grassroots level.

"Thus, to implement this initiative, the Strengthening RT as a Driver of a Progressive Community Framework has been developed in alignment with the National Unity Policy," he said.

He further said the Ministry of Finance has allocated RM20 million for last year and another RM20 million for this year under the Progressive KRT Initiative, of which is aimed at creating sustainable, prosperous, and progressive communities – key pillars of Madani Malaysia.

Aaron also said the empowerment of Progressive RTs, introduced last year, is an important initiative, as the economic projects developed by the Progressive KRT can generate community income, thereby helping to increase household earnings through economic projects in agriculture, food products, and services.

"Last year, 14 KRTs in Sarawak were successfully developed as Progressive KRTs, with an allocation of RM1.6 million to support economic and other initiatives," he said.

He added in 2024, 152 KRTs were empowered as Progressive RTs and were capable of building sustainable and progressive communities.

"Moving forward, we aim to select 300 more KRTs to be empowered as Progressive RTs, with detailed evaluations including profiling, social mapping, economic project applications, and community farming initiatives to benefit local communities," he said.



Aaron (seated, fourth left) poses for a group photo with the attendees during the launching of the new 2024 Neighbourhood Watch Areas (KRTs) for Sri Aman Division.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

Bubur lambuk perpaduan di 118 lokasi seluruh negara

15 Mac 2025



PETALING JAYA – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional menganjurkan program Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan dan Majlis Iftar Harmoni di 118 lokasi seluruh negara sepanjang bulan Ramadan ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata program ini bertujuan mengeratkan semangat muhibah dalam kalangan komuniti setempat terutama di kawasan rukun tetangga.

"Perpaduan negara adalah asas kepada kestabilan dan kemakmuran negara kita. Ramadan memberikan peluang kepada kita untuk menunjukkan nilai-nilai murni seperti saling menghormati, membantu sesama insan dan memberi tanpa mengharapkan balasan.

"Dalam semangat ini, marilah kita mempertingkatkan usaha untuk membina sebuah negara yang bersatu padu, di mana semua rakyatnya hidup dalam keharmonian dan saling bekerjasama," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau turut menyeru rakyat Malaysia agar terus memanfaatkan program sebegini bagi memperkukuh perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat.

"Kita harus mengambil peluang yang ada untuk mengenali antara satu sama lain, berkongsi cerita dan pengalaman serta merapatkan jurang perbezaan.

"Dengan semangat kasih sayang, hormat-menghormati dan tolong-menolong, kita dapat membina masyarakat yang lebih baik dan negara yang lebih maju," ujarnya.

Menurutnya, Majlis Iftar Harmoni yang dianjurkan di seluruh negara turut terbuka kepada orang ramai bagi memeriahkan suasana.

"KPN yakin bahawa ini dapat menjadi tapak integrasi bagi meningkatkan hubungan baik antara rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya," katanya.

– KOSMO! ONLINE

tvs www.tvsarawak.my

Iftar harmoni berlangsung di 118 lokasi seluruh negara

15 Mac 2025



Orang ramai dijemput hadir memeriahkan Majlis Iftar Harmoni yang diadakan di seluruh negara. Foto KPN

SIBU, 15 Mac: Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) menganjurkan Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan dan Majlis Iftar Harmoni di 118 lokasi seluruh negara sepanjang Ramadan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, program tersebut penting dalam mengeratkan semangat muhibah dalam komuniti setempat terutamanya di Kawasan Rukun Tetangga.

"Perpaduan negara adalah asas kepada kestabilan dan kemakmuran negara kita.

"Ramadan memberikan peluang kepada kita untuk menunjukkan nilai-nilai murni seperti saling menghormati, membantu sesama insan, dan memberi tanpa mengharapkan balasan," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Menurut Aaron, inisiatif tersebut bukan sekadar aktiviti tahunan tetapi satu platform penting bagi rakyat pelbagai kaum untuk saling mengenali dan mengeratkan hubungan.

"Dengan semangat kasih sayang, hormat-menghormati, dan tolong-menolong, kita dapat membina masyarakat yang lebih baik dan negara yang lebih maju," ujarnya.

Majlis Iftar Harmoni tersebut terbuka kepada semua lapisan masyarakat dan dijangka menjadi medan integrasi yang dapat mengukuhkan hubungan antara rakyat Malaysia berbilang bangsa, agama dan budaya. – TVS

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Sungkei Perdana embodies spirit of unity, harmony, says National Unity Minister

15 March 2025



Aaron distributes bubur lambuk to members of the public during the Sungkei Perdana 2025 at Dataran Tun Tuanku Bujang Phase 1, Sibu this evening.

SIBU (March 15): The Sungkei Perdana 2025 programme is more than just a breaking fast event—it embodies the spirit of unity and harmony that defines Malaysia, said National Unity Minister Datuk Sri Aaron Ago Dagang.

Speaking at the mass iftar event at Dataran Tun Tuanku Bujang Phase 1 here this evening, he underscored the importance of fostering mutual understanding through communal activities, especially during Ramadan.

"National unity is the foundation of our country's stability and prosperity. Ramadan provides us with the opportunity to practice noble values such as mutual respect, helping one another, and giving selflessly.

"In this spirit, let us strengthen our efforts to build a united nation where all citizens live in harmony and cooperation," he said.

This year's programme saw the preparation of 1.3 million servings of bubur lambuk nationwide, facilitated by 3,400 Rukun Tetangga (neighborhood watch) groups with 6,500 large pots.

In Sarawak alone, 110,000 servings were distributed, while the event in Sibu drew over 20,000 attendees, surpassing last year's turnout of 15,000.

Meanwhile, the Ministry of National Unity, through the Department of National Unity and Integration, is organising the 'Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan' and 'Majlis Iftar Harmoni' at 118 locations nationwide throughout the Ramadan period.

These initiatives aim to strengthen goodwill among local communities, particularly in Rukun Tetangga areas.

"We must continue to utilise platforms like these to enhance unity and goodwill. This is a chance for us to connect, share stories and experiences, and bridge our differences.

"Through love, respect, and mutual assistance, we can build a better society and a more progressive nation," said Aaron.

He urged the public to participate in the Majlis Iftar Harmoni events across the country, believing that such initiatives serve as vital platforms to foster closer ties among Malaysians of different races, religions, and cultures.

BERNAMA

Manfaat Apa Jua Platfrom Untuk Perkukuh Perpaduan – Aaron

15 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang ketiak berbuka puasa Bersama-sama lebih 20,000 masyarakat di bahagian ini termasuk dari kalangan bukan beragama Islam pada program Lan Berambeh Sungkei 2025 Bahagian Sibu dan Program Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan di Dataran Tun Tuanku Bujang. Hadir sama Timbalan Menteri Pendidikan, Innovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak Datuk Dr. Annuar Rapaee, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua masyarakat pelbagai kaum.

Utilise every platform to strengthen unity – Aaron

15 March 2025



SIBU: National Unity Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang has urged Malaysians to make the most of platforms such as breaking of fast and bubur lambuk cooking events to strengthen unity and foster goodwill.

He said such platforms offered an opportunity for people to get to know each other, share stories and experiences, and bridge the gap between them.

Aaron said this could foster a spirit of love, respect, and mutual support to build a better society and a more developed nation.

"National unity is the foundation of our country's stability and prosperity. Ramadan gives us an opportunity to show noble values such as mutual respect, helping others, and giving without expecting anything in return," he said.

He said this at the Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Sarawak and Lan Berambeh Sungkei 2025 Programme at Dataran Tun Tuanku Bujang here today. Also present was Sarawak Deputy Minister of Education, Innovation and Talent Development Datuk Dr Annuar Rapaee.

According to Aaron, 110,000 packs of bubur lambuk were prepared simultaneously by neighbourhood watch areas (KRT) across Sarawak today under a programme organised by his ministry in collaboration with the Department of National Unity and National Integration (JPNIN).

The programme is part of the Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan and Iftar Harmoni initiative, held at over 100 locations nationwide throughout Ramadan, with a target of preparing 1.3 million packs of bubur lambuk.

Aaron also distributed bubur lambuk to members of the public and presented Bakul Rahmah to asnaf and flood victims last month.

Meanwhile, Annuar described the breaking of fast event at Dataran Tun Tuanku Bujang as the largest ever held in Sibu, with attendance surpassing the expected 20,000.

"Those who attended were not only from Sibu but also from Bintangor, Sarikei, Kuala Rajang, and Tanjung Manis. We also invited people of other religions to enliven the event, and they came dressed in their traditional attire," he said.

Manfaat apa jua platform untuk perkukuh perpaduan – Aaron

15 Mac 2025



Aaron (kiri) ketika berbuka puasa bersama lebih 20,000 masyarakat pada program Lan Berambeh Sungkei 2025 Bahagian Sibu dan Program Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan di Dataran Tun Tuanku Bujang, Sibu, 15 Mac 2025. –fotoBERNAMA

SIBU: Menteri Perpaduan Negara Datuk Seri Aaron Ago Dagang menyeru rakyat Malaysia untuk memanfaatkan apa jua platform, seperti majlis iftar dan memasak bubur lambuk untuk memperkukuh perpaduan serta semangat muhibah.

Beliau berkata platform berkenaan memberikan peluang kepada rakyat untuk mengenali antara satu sama lain, berkongsi cerita dan pengalaman serta merapatkan jurang perbezaan.

"Ini dapat menimbulkan semangat kasih sayang, hormat-menghormati dan tolong-menolong bagi dapat membina masyarakat yang lebih baik serta negara yang lebih maju.

"Perpaduan negara adalah asas kepada kestabilan dan kemakmuran negara kita. Ramadan memberikan peluang kepada kita untuk menunjukkan nilai-nilai murni, seperti saling menghormati, membantu sesama insan, dan memberi tanpa mengharapkan balasan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa Program Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Sarawak dan Lan Berambeh Sungkei 2025 di Dataran Tun Tuanku Bujang di sini semalam.

Aaron berkata sebanyak 110,000 bekas bubur lambuk disediakan serentak oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh Sarawak semalam, di bawah program anjuran kementerian bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Program itu sebahagian daripada Program Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan dan Majlis Iftar Harmoni di lebih 100 lokasi seluruh negara sepanjang Ramadan yang menyasarkan penyediaan 1.3 juta bekas bubur lambuk.

Aaron turut mengagihkan bumbur lambuk kepada orang ramai selain menyampaikan Bakul Rahmah kepada golongan asnaf dan mangsa banjir.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi, dan Pembangunan Bakat Sarawak Datuk Dr Annuar Rapaee menyifatkan majlis berbuka puasa di Dataran Tun Tuanku Bujang sebagai yang terhebat pernah diadakan di Sibu menyaksikan jumlah pengunjung melepasi jangkaan 20,000.

"Mereka yang hadir bukan sahaja dari Sibu tetapi juga dari kawasan Bintangor, Sarikei, Kuala Rajang dan Tanjung Manis. Ini termasuk kaum lain yang telah kita jemput untuk memeriahkan majlis, semuanya memakai pakaian tradisi masing-masing," katanya. -- BERNAMA

SarawakDaily.com

Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Strengthens Community Bonds Nationwide

15 March 2025

SIBU, 15 March 2025 – The Ministry of National Unity, through the Department of National Unity and National Integration (JPNIN), is organizing the Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan and Iftar Harmoni events at 118 locations nationwide throughout Ramadan. This initiative aims to foster goodwill and unity among Malaysians, particularly in Rukun Tetangga (RT) areas.

Promoting Unity Through Ramadan Traditions

The event brings together people of all backgrounds to prepare and distribute Bubur Lambuk, a traditional porridge that is commonly shared during Ramadan. This program is not just about food—it's about strengthening the spirit of togetherness and cooperation in local communities.



Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Strengthens Community Bonds Nationwide / Photo Credit: Kementerian Perpaduan Negara

118 Locations Nationwide Celebrate Togetherness

With 118 locations participating, this initiative allows people from diverse backgrounds to come together, cook, and breakfast in a spirit of harmony. The Iftar Harmoni ceremonies create opportunities for cross-cultural understanding, strengthening Malaysia's multi-ethnic society.

Community leaders, RT members, and volunteers actively participate in the event, reinforcing the importance of mutual respect and cooperation among Malaysians.

Unity in Diversity

The Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan and Iftar Harmoni programs are more than just Ramadan activities—they symbolize the essence of unity and solidarity in Malaysia. Through simple acts of sharing and giving, these programs help bridge communities and promote lasting friendships among Malaysians of different races and religions.

As Ramadan continues, more Malaysians are encouraged to participate in these programs to strengthen community bonds and uphold the nation's values of unity and peace.

TheStar

Use every platform to strengthen unity, says Aaron

15 March 2025

SIBU: Malaysians should make the most of platforms such as the breaking of fast to strengthen unity and foster goodwill, says National Unity Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang.

He said such platforms offered an opportunity for people to get to know each other, share stories and experiences, and bridge the gap between them.

Aaron said this could foster a spirit of love, respect, and mutual support to build a better society and a more developed nation.

"National unity is the foundation of our country's stability and prosperity. Ramadan gives us an opportunity to show noble values such as mutual respect, helping others, and giving without expecting anything in return," he said.

He said this at the Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Sarawak and Lan Berambeh Sungkei 2025 Programme at Dataran Tun Tuanku Bujang here today. Also present was Sarawak Deputy Minister of Education, Innovation and Talent Development Datuk Dr Annuar Rapaee.

According to Aaron, 110,000 packs of bubur lambuk were prepared simultaneously by neighbourhood watch areas (KRT) across Sarawak today under a programme organised by his ministry in collaboration with the Department of National Unity and National Integration (JPNIN).

The programme is part of the Gerak Rahmah Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan and Iftar Harmoni initiative, held at over 100 locations nationwide throughout Ramadan, with a target of preparing 1.3 million packs of bubur lambuk.

Aaron also distributed bubur lambuk to the public and presented Bakul Rahmah to asnaf and flood victims last month.

Meanwhile, Annuar described the breaking of fast event at Dataran Tun Tuanku Bujang as the largest ever held in Sibu, with attendance surpassing the expected 20,000.

"Those who attended were not only from Sibu but also from Bintangor, Sarikei, Kuala Rajang, and Tanjung Manis. We also invited people of other religions to enliven the event, and they came dressed in their traditional attire," he said. - Bernama

Utusan Borneo Online

KPN agih 110,000 bubur lambuk secara serentak di seluruh Sarawak

16 Mac 2025



Aaron (empat kanan) mengagihkan bubur lambuk kepada orang ramai yang menghadiri Sungkei Perdana 2025 di Dataran Tun Tuanku Bujang, di Sibu, semalam.

SIBU: Sebanyak 110,000 bekas bubur lambuk diagihkan serentak di seluruh Sarawak semalam, di bawah Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Sarawak.

Menurut Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, program itu turut berlangsung di lebih 100 lokasi di seluruh negara sepanjang bulan Ramadan ini.

Beliau berkata, program merupakan anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

"Secara keseluruhan, sebanyak 1.3 juta bekas bubur lambuk disediakan di seluruh negara dengan penyertaan 3,400 Kawasan Rukun Tetangga (KRT), melibatkan 6,500 periuk bubur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Sarawak dan Sungkei Perdana 2025 di Dataran Tun Tuanku Bujang, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Aaron turut menggesa semua rakyat Malaysia untuk memanfaatkan pelbagai platform seperti majlis iftar dan aktiviti memasak bubur lambuk.

Menurutnya, inisiatif seperti ini dapat memperkukuhkan perpaduan serta semangat muhibah dalam kalangan masyarakat.

"Dan inilah yang kita banggakan kerana di sini, tidak kira bangsa dan agama, kita dapat berkumpul menjalankan aktiviti bersama.

"Inilah matlamat Kementerian Perpaduan Negara. Saya berharap majlis seperti ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang," katanya.

Selain mengagihkan bubur lambuk, beliau turut menyampaikan Bakul Rahmah kepada golongan asnaf serta mangsa banjir bulan lalu.

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Sibu's Sungkei Perdana signifies unity that defines Malaysia, says minister

16 Mac 2025



Sibu's Sungkei Perdana signifies unity that defines Malaysia, says minister

People line up to collect packs of bubur lambuk from Aaron (second right).

SIBU: The Sungkei Perdana 2025 programme was more than just a break-of-fast event, as it also stood as a testament to the spirit of unity and harmony that defined Malaysia, said National Unity Minister Datuk Sri Aaron Ago Dagang.

Speaking at the event held at Dataran Tun Tuanku Bujang Phase 1 yesterday, he emphasised the importance of fostering mutual understanding through communal activities, especially during the holy month of Ramadan.

"National unity is the foundation of our country's stability and prosperity. Ramadan provides us with the opportunity to practise noble values such as mutual respect, helping one another, and giving selflessly. In this spirit, let us strengthen our efforts to build a united nation where all citizens live in harmony and cooperation," he said.

This year's programme recorded 1.3 million servings of bubur lambuk nationwide, involving 3,400 Rukun Tetanggs (Neighbourhood Watch) groups and 6,500 large pots used in the preparations, he said.

In Sarawak alone, 110,000 servings were distributed. The event in Sibu recorded over 20,000 attendees, surpassing last year's 15,000. Moreover, the National Unity Ministry, through the Department of National Unity and Integration (JPNIN), is organising the 'Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan' and 'Majlis Iftar Harmoni' at 118 locations nationwide throughout Ramadan.

"Such initiative aims to strengthen goodwill among local communities, particularly in the Rukun Tetanggs areas.

"We must continue to utilise platforms like these to enhance unity and goodwill. This is a chance for us to connect, share stories and experiences, and bridge our differences. Through love, respect, and mutual assistance, we can build a better society and a more progressive nation," added Aaron.

Mingguan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

‘Isu sensitif, semua mahu jadi hero’

16 Mac 2025





12 Mingguan Malaysia — Wawancara

‘Isu sensitif, semua mahu jadi hero’

MUKADIMAH

BEBERAPA insiden yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama kebelakangan ini meningkatkan satu ketidakharmonian dalam kalangan rakyat sehingga ada pihak cuba menangguk di air keruh dengan memainkan sentimen itu demi kepentingan peribadi.

Keharmonian yang dikecapi antara masyarakat berbilang kaum cuba digangga gugat yang mungkin mencetuskan pertelahan jika tidak diselesaikan sebelum merebak.

Dalam menangani isu ini, Kementerian Perpaduan Negara bertindak untuk menangani dengan mengambil tindakan proventif di peringkat akar umbi dan sebagai mediasi agar dua pihak berbalah dapat diselesaikan dengan lebih mudah. Berjabat tangan dan boleh jadi sahabat.

“Saya tidak akan berankan episod 13 Mei berulang berlaku,” tegas Menteri Perpaduan Negara, DATUK AARON AGO DAGANG kepada wawancara bersama wartawan, MAVARAH SHEIKH RAHIM, OMAR ZIN bersama jurufoto, MOHD FAISOL MUSTAFA serta kameramen, MUHAMMAD FARIS NIB IDERIS, di pejabat beliau, di Putrajaya, baru-baru ini.

MINGGUAN MALAYSIA: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menjadi tumpuan sekarang ini, bagaimana usaha untuk menangani isu-isu sensitif yang sedang berlaku ketika ini?

AARON AGO DAGANG: Apabila ada isu-isu berbesan dengan salah faham antara kaum atau agama, ada yang mengharapkan ataupun pemerintah supaya kita dapat tangani masalah itu dengan cepat dan diselesaikan oleh kita. Kita ada mekanisme untuk menyelesaikan isu perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Kita ada sistem e-aspuluh, pegawai perpaduan akan buat laporan, lepas itu kita akan selesaikan dengan kerjasama agensi lain melalui tawatankuasa Penggurusan Isu Perpaduan.

Terdapat 571 mediator komuniti yang bantu menyelesaikan konflik di peringkat akar umbi. Kes yang baru jadi di Sepang berkaitan kes perkosmon oleh penjual jagung baru-baru ini, kita proaktif.

Anggota Kawasan Rukun Tetangga (KRT) kita pegi jumpa dan bawa untuk berbincang dan akhirnya mohon maaf. Habis cerita, sangat pantas. Kita libatkan polis dalam perbincangan supaya kalau timbulah itu dibebokkan lagi, polis akan bantu kita.

Adakah KPN boleh mengambil tindakan kepada mereka yang cuba mencetuskan isu perpaduan?

Tindakan kita adalah tindakan reformatif. Siapa yang salah faham, siapa yang salah cakap, kita akan selesaikan dengan pemohonan maaf supaya masalah tidak bertemsan. Kita tidak ada tindakan punitif, yang ada punitif itu di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) di bawah Kementerian Komunikasi. Mereka sahaja yang ada akta seperti Kanun Kesekseaan, Akta Hasutan, Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan serta sebagainya. Tetapi kita tidak ada.

Soal perpaduan ini sama macam agama, kita tidak boleh memaksa. Kita kena semua gabakkan dan tengakan semangat perpaduan sebab itu kita gunakan konsep Tuhun, Hormat dan Teranso yang kawan-kawan bermula kecil lagi. Kita perlu faham dan hormati satu sama lain dan ini akan pemulihan Malaysia dari dalam.

Sebepas insiden 13 Mei, sesudah Rukun Negara kita asas perjuangan negara. Sebab itu, masa pertama kali saya masuk kementerian ini, saya berikan tumpuan untuk gerakkan lagi penghayatan Rukun Negara. Pada 2021, kita sudah mendapat tuntutuan daripada kemah Menteri untuk Rukun Negara dilafaz di sekolah-sekolah untuk dihayati, dan kini sampai ke Pasi'ses Malaysia.

Kita semasukkan ikrar Rukun Negara untuk dihafaz dan dihayati, untuk beri kesedaran kepada anuare bahawa Rukun Negara adalah panduan untuk kita bersama-sama kita menjadi masyarakat yang aman dan damai hormoni.

Apa inisiatif KPN dalam memupuk perpaduan?

Di peringkat akar umbi ada kira-kira 8,529 kawasan rukun tetangga di seluruh negara. Tentunya komuniti ini mengadi'sentra utama kita dan semua aktiviti menjurukan kepada perpaduan dan keharmonian adalah melalui rukun tetangga.

Tahun lepas, Kementerian mengadurkan 730 program bermasukan khusus Semarak Perpaduan, Semarak Kesegaraan dan Komuniti Rukmah. Kalau KRT cuboa lebih 50,000 aktiviti dilakukan akan.

Sekarang kita sudah banyak libatkan pemubuhan bukan kerajaan (NGO), ada kumpulan yang dinamakan Friends of Unity misalnya yang sama-sama bekerjasama untuk membawa kepada kefahaman dan rasa hormat dalam kalangan rakyat dapat dinaikkan dalam suasana yang aman dan damai.

Kalau dulu kita selalu dengar perpaduan dalam kepelbagaian. Kita hormati kepelbagaian, kita adalah kumpulan yang pelbagai, kita adalah negara progresif yang pelbagai tapi tahun ini kita perlu lebih proaktif dengan memilih tema bantuan dalam kepelbagaian.

Pelbagai program dan inisiatif dipertanyakan lagi yang menjurus kepada keharmonian agama. Antara fokus utama di bawah ikhtiar Harmoni Madani adalah Jejak Harmoni, Dialog Harmoni, Dokumentasi Harmoni, Sambutan Hari Toleransi dan sebagainya.

Tahun ini juga kita beri fokus utama kepada ekosistem perpaduan. Ekosistem tidak satu penselesaian, kita mahu wujudkan tapak integrasi yang semua orang boleh bersama-sama dan untuk ini pelbagai program dan aktiviti diadakan dan semua lapisan masyarakat dijemput untuk bersama-sama dalam semua program.

Salah satu program signature kita adalah Sambutan Minggu Perpaduan. Kita adakan di setiap negeri dengan mengadakan program untuk masyarakat datang dan terlibat dalam aktiviti. Kita ada rumah KASIH, perkampungan etnik, Unity Run serta malam kebudayaan, Jualan Rahmah dan macam-macam lagi.

Tahun ini, kita akan tambah 11 program dan sambutan peringkat negeri akan bermula di Pulau Pinang April ini serta berakhir di Pulau Pinang pada Julai sebagai lokasi penganjuran peringkat kebangsaan.

Adakah perlu gubal undang-undang baharu untuk tangani isu-isu sensitif?

Kalau kita rasakan akta-akta yang ingin dibikin nakan seperti Akta Diskriminasi, Akta Harmoni, Suruhanjaya Harmoni dan sebagainya. Selepas melalui pelbagai perbincangan dalam kesajaan terdahulu sejak 2018, semua akta ini akhirnya tidak jadi sebab mudah sekiandang dalam akta sedia ada.

Akta Hasutan lebih cukup, Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia, Kanun Kesekseaan. Terlalu banyak seksyen sehingga 10 seksyen yang berkaitan 3R (raja, kaum dan agama).

Semua sudah ada. Sebab itu, akta baharu yang ingin digubal tidak perlu lagi sebab sudah termasuk dalam akta sedia ada. Yang kurangnya sekarang adalah penguatkuasaan, sebab itu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim minta semua agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan MCMC untuk bertindak pantas dalam menangani isu 3R.

Begitu juga cadangan pendubuhan suruhanjaya. Apabila ditubuhkan, apakah fungsi dan bagai di bawah suruhanjaya? Adakah ia semua fungsi atau fungsi yang ingin disalurkan di bawah suruhanjaya sudah terkandung dalam kementerian. Kita ada Jabatan Perpaduan, Jawatankuasa Harmoni, Ambil tindakan sewajarnya ikut kanun undang-undang. Ini penting supaya menjadi penguatkuasa kepada semua supaya jangan semuah isu 3R.

> **“Terlalu banyak seksyen sehingga 10 seksyen yang berkaitan 3R (raja, kaum dan agama). Semua sudah ada. Sebab itu, akta baharu yang ingin digubal tidak perlu lagi sebab sudah termasuk dalam akta sedia ada. Yang kurangnya sekarang adalah penguatkuasaan.”**

Jadi, yang jadi isu pantas sepatutnya perlu bertindak adalah MCMC, pantas 24 jam. Kalau sudah berada di luar kawalan, tutup terus akaun media sosial itu.

Tetapi kita pun ada semua sendiri, kita sangat pantas. Kalau ada masalah, KRT atau mediator kita pegi jumpa mereka, bincang dan mohon maaf. Jangan berubah lagi. Ini peranan kita.

Dengan isu-isu sensitif baru-baru ini, adakah akan berulang berubah episod 13 Mei?

Kita harap tidak. Saya tidak akan biarkan ia merulang ke sini. Saya tegas dalam hal ini. No way i will allow this. Saya rasa rakyat lebih berpendidikan dan bertamadun ketika ini, rakyat melihat keperluan kepada keharmonian dan perpaduan dalam kehidupan mereka setiap hari.

Ia semuanya yang berasi jika kita kembali kepada insiden 13 Mei. Semua orang tahu ia bukan perkara yang baik untuk negara. Sudah tentu kita tidak mahu ia berlaku. Ketika ini, ia masih dalam keadaan terkawal. Perpaduan ini tanggungjawab semua pihak, tidak kiralah kerajaan, swasta, ahli politik, pelajar semua lah kena mainkan peranan.

Adakah tahap perpaduan negara bertambah baik?

Majlis Penasihat Perpaduan Negara, Jawatankuasa Penggurusan Isu Perpaduan dan macam-macam lagi.

Antara cadangan dahulu dalam fungsi suruhanjaya adalah mediasi, itu pun sudah ada dan dilaksanakan di bawah kejimpoan saya. Kita ada 571 mediator komuniti, lapan pusat mediasi dan tahun ini kita tubuh lagi lima buah pusat mediasi. Tahun lepas sebanyak 213 kes mediasi telah diselesaikan oleh mediator kita. Ini satu pencapaian besar untuk kita. Semua ini diselesaikan sebelum ke peringkat undang-undang.

Kita juga baru memperkenalkan Dashboard Analitik Perpaduan yang akan memaparkan kawasan hotspot untuk pelaksanaan program inter'vensi. Ini amat penting untuk kita berikan fokus.

Bagaimana tahap keberkesanan rukun tetangga dalam memupuk perpaduan?

Asal usul rukun tetangga adalah untuk keselamatan penduduk setempat selepas insiden 13 Mei. Tugas utamanya adalah untuk menjaga keselamatan. Kini sudah ada 8,529 KRT di mana tahun lepas ditubuhkan sebanyak 91 KRT atau permintaan. Pelbagai kelompok ada di bawah KPT, tanam muda, jaga muda, jiran wanita dan warga emas. KRT ini sangat relevan bagi saya. Ia adalah isu kepada perpaduan kita di peringkat komuniti. Kalau ada salah faham antara masyarakat, anggota rukun tetangga akan memainkan peranan. Sekarang kita sudah mempunyai 571 mediator di seluruh negara.

Mediator ini adalah perkhidmatan percuma yang mana kalau ada masalah antara jiran, kalau jawatankuasa tidak dapat selesaikan, mediator akan datang selesaikan. Mereka ini adalah dalam kalangan pegawai, pegawai bank, pegawai-pegawai tinggi ke'amati dan mereka bukan dari kementerian Perpaduan, tetapi orang luar.

Mereka ini berdaftar dan bertauliah di bawah kementerian dan mereka jalankan tugas. Sekarang ini bukan digunakan oleh rukun tetangga sahaja tetapi di semua tempat termasuk majlis bandaraya yang ada masalah akan guna khidmat mediator kita contohnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Ini kerana paling banyak masalah adalah di pangsapuri. Orang bergaduh sebab isu sampah, buat bising, isu anjing liar, mediator kita turunkan dengan kerjasama polis dan diselesaikan supaya ia tidak sampai ke mahkamah. Kalau sampai ke mahkamah ia melibatkan kos dan banyak masalah. Jadi, mediator selesaikan dengan mencapai persefahaman dan sebab itu kita akan tambahkan lagi mediator kepada 1,000 orang.

Kalau kita dapat selesaikan dengan mohon maaf di peringkat akar umbi, itu yang terbaik. Kalau boleh berjabat tangan, boleh jadi sahabat, itu yang kita mahu.

Adakah penguatkuasaan tidak cukup tegas dan pantas dalam isu-isu sensitif?

Tidak boleh juga kata begitu. Mereka ambil tindakan, cuma pihak berkuasa mahukan laporan polis walaupun dia tahu masalah sudah jadi. Saya juga harap PDRM boleh pantas dalam hal ini. Dapatan Indeks Perpaduan Nasional 2030 mengatakan kita berada di tahu kesadaran terhadap isu sedeshana. Ada empat konstruk utama yang dibentuk fokus dalam kajian indeks ini. Antaranya soal pembangunan dan sistem penyampaian, ini yang rakyat tidak gembira. Kalau tengok maikan Bulan dari orang Sabah dan Sarawak, dari segi pentadbiran dan pembangunan, sangat rendah.

Ini di, perpaduan bukan soal agama, kaum dan budaya semata-mata, tidak. Perpaduan datang dari semua perkara, sudut dan bidang. Dari segi pendidikan, pembangunan dan penselcturan.

Semuanya melibatkan perpaduan. Sebab itu, saya perkenalkan konsep Harmoni Dalam Kepelbagaian untuk mencipta negara bangsa yang progresif. Tahun ini, Kementerian ini akan anjurkan satu persidangan Negara Bangsa Progresif, di mana pelbagai pentara akan dikupas dan dibincangkan.

Perpaduan seberapanya sangat kompleks. Ia bukan hanya isu agama dan pembahuran budaya, tidak. Sebabnya besar indeks ini adalah disebabkan sistem penyampaian dan pembangunan negara, supaya seimbang, terbesar dalam indeks ini. Yang kita adalah etos bangsa dan hubungan rentas etnik semuanya.

Yang rakyat tidak senang hati dan tidak gembira dengan kadar pembangunan dan penarikan, itu yang jadi isu besar. Itulah perpaduan. Soal agama, kaum dan sebagainya itu adalah isu harmoni.

Sebab itu, kita juga fokus inisiatif harmoni, usaha dan program yang perlu dilaksanakan untuk meningatkan hubungan antara pengamal agama. Ini sangat penting. Saya akan pastikan program Jejak Harmoni dan Dialog Harmoni akan diperluaskan ke semua negeri, jadi saya harap kerajaan Negeri sokong lah usaha ini.

Saya juga telah minta Kementerian bekerja fokus dalam tiga aspek pelaksanaan program, pengurusan isu perpaduan dan intervensi/ kesedaran. Kementerian juga telah gerakkan Kempen Cakap Baik-Baik bagi mempupuk budaya budi bahasa dalam kalangan rakyat.

Selain itu, soal anak muda juga berikan fokus juga. Modul pendedikan Rukun Negara yang dilaksanakan di Tabika Perpaduan akan diluaskan kepada tadika KEMAS, tadika swasta dan prasekolah KPM.

Pelbagai program akan dilaksanakan Simposium Pendidikan Rukun Negara, Program Kenali Kita, Kem Perpaduan Anak Malaysia, Program Hidup Budaya, Jalinan Integrasi Mahasiswa, Konvensyen Sekretariat Rukun Negara, Jelajah Buka Rukun Negara, Ijen Perpaduan, Program Bermalam di Muzium, 2020 di Sekolah dan Misi Sukandawan Siswa.

Saya jauh orang muda boleh jadi agen penggerak perpaduan negara, yang boleh sebarkan mesej-mesej perpaduan sehingga mampu mencerminkan rasa dalam Malaysia yang lebih harmoni.

Adakah isu-isu masalah perpaduan banyak dicetuskan melalui media sosial?

Apabila kita ada menyuarai Kabinet, saya tegaskan kepada MCMC di bawah Kementerian Komunikasi supaya mereka jantau 24 jam. Kalau ada isu sensitif, mereka perlu bertindak seperti fangim blakan tular di media sosial. Sejam atau dua jam sudah berita feedback. Kalau tidak, ia akan merebak. Orang awam ada yang tidak tahu, dia tidak faham bila melibatkan isu sensitif, semua orang mahu turut serta.

Ada yang mahu jadi hero juga. Ada yang ingin mempertahankan isu agama, bangsa dan sebagainya. Kalau kita tidak bertindak awal, ia akan merebak. Tugas atau penglibatan MCMC ini amat penting, yang bertanggungjawab dalam mem'bendung perkara-perkara sensitif disebarluaskan.

Macam kes pemancapi radio hare-hare ini. Tiu ambil video, kenapa disebarkan? Kenapa mnat naik di media sosial? Mungkin untuk tontonan mereka sahaja, buat untuk kawan-kawan. Bila dimuat naik, ia jadi isu sensitif, ini kesilapan besar.

Kadang-kadang, antara kawan ini nak mahu bermesra sahaja, tapi jangan sampai ia jadi tular. Bila jadi tular, ia jadi masalah besar, orang akan melihat ia sebagai isu sensitif.

Bila wakil pengurusan tertinggi radio ini datang berjumpa saya di Parlimen, saya bertanya dia kesilapannya adalah mereka tidak sensitif. Mereka ambil gambar dan video untuk tontonan mereka, untuk maik-maik dan ia jadi tular. Itu kesilapan besar.

Mereka faham dan mereka mohon maaf'ke atas perkara ini tapi saya kata kena akari telah dilakukan dan tindakan perlu diambil dan MCMC ambil tindakan.

Sebab itu, dalam Indeks Perpaduan Nasional, salah satu isu definit sosial adalah media, maaf cakap, itu masalah besar bagi kita, media sosial ibuah guna, itulah jadinya. Harap orang tahu faham, ini masalah yang dihadapi kita, tapi kita cuba hentikan perkara seperti ini. Sebab itu kita mainkan peranan untuk sama-sama menangani masalah-masalah yang sensitif ini supaya kita dapat hidup dengan harmoni di negara ini.

> **“Ada yang mahu jadi hero juga. Ada yang ingin mempertahankan isu agama, bangsa dan sebagainya. Kalau kita tidak bertindak awal, ia akan merebak.”**



Utusan Borneo

KPN agih 110,000 bubur lambuk secara serentak di seluruh Sarawak

17 Mac 2025



KPN agih 110,000 bubur lambuk secara serentak di seluruh Sarawak

SIBU: Sebanyak 110,000 bekas bubur lambuk diagihkan serentak di seluruh Sarawak kelmarin, di bawah Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Sarawak.

Menurut Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, program itu turut berlangsung di lebih 100 lokasi di seluruh negara sepanjang bulan Ramadan ini.

Beliau berkata, program merupakan anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

"Secara keseluruhan, sebanyak 1.3 juta bekas bubur lambuk disediakan di seluruh negara dengan penyertaan 3,400 Kawasan Rukun Tetangga (KRT), melibatkan 6,500 periuk bubur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program Gerak Rahmah: Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan Sarawak dan Sungkei Perdana 2025 di Dataran Tun Tuanku Bujang di sini, kelmarin.

Dalam pada itu, Aaron turut menggesa semua rakyat Malaysia memanfaatkan pelbagai platform seperti majlis iftar dan aktiviti memasak bubur lambuk.

Menurutnya, inisiatif seperti ini dapat memperkukuhkan perpaduan serta semangat muhibah dalam kalangan masyarakat.

"Dan inilah yang kita banggakan kerana di sini, tidak kira bangsa dan agama, kita dapat berkumpul menjalankan aktiviti bersama.

"Inilah matlamat Kementerian Perpaduan Negara. Saya berharap majlis seperti ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang," katanya.

Selain mengagihkan bubur lambuk, beliau turut menyampaikan Bakul Rahmah kepada golongan asnaf serta mangsa banjir bulan lalu.

PERPADUAN: Aaron (empat kanan) mengagihkan bubur lambuk kepada orang ramai yang menghadiri Sungkei Perdana 2025 di Dataran Tun Tuanku Bujang di Sibu, kelmarin.

tvs
www.tvsarawak.my

Tindakan tampar lelaki bukan muslim makan tidak cermin perpaduan – Aaron

17 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. Foto fail Bernama

KUALA LUMPUR, 17 Mac: Tindakan seorang lelaki warga emas menampar seorang lelaki bukan beragama Islam ketika sedang makan adalah satu provokasi yang tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian negara, kata Datuk Aaron Ago Dagang.

Menteri Perpaduan Negara itu menegaskan beliau mengutuk sekeras-kerasnya sebarang bentuk keganasan, diskriminasi dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum.

"Isu-isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh. Kita tidak boleh membiarkan sebarang insiden yang boleh meruntuhkan keharmonian rakyat Malaysia," katanya menerusi kenyataan di X, hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas insiden seorang pemilik akaun X, Elijah (bingbingE656) yang ditampar seorang lelaki tua kerana makan pada bulan puasa walaupun telah menjelaskan dia bukan muslim.

Jelas Aaron Ago, beliau telah dimaklumkan oleh polis bahawa Elijah telah membuat laporan di Balai Polis Tampoi dan kes disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Sehubungan itu, beliau berharap agar semua rakyat Malaysia mengamalkan adab yang tinggi dalam berinteraksi, sentiasa saling mengormati budaya dan mengamalkan nilai faham, hormat dan terima.

"Negara ini hanya akan maju jika kita bersatu, saling menghormati, dan hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang bentuk ketegangan kaum atau agama," katanya. – TVS

OH MY MEDIA

Polis siasat lelaki bukan Islam dikasari, Menteri Perpaduan seru hentikan insiden gugat keharmonian

17 Mac 2025



Polis kini menyiasat kes tular berhubung lelaki bukan Islam yang didakwa dikasari oleh seorang individu gara-gara makan di tempat awam di sebuah kedai serbaneka, Angsana Mall, Johor Bahru.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago anak Dagang yang berkata mangsa yang dikenali sebagai Elijah telah membuat laporan di Balai Polis Tampoi dan kes akan disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Susulan itu, beliau berharap semua pihak terlibat memberi kerjasama dan menyerahkan sepenuhnya kes tersebut kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan.

Lelaki bukan Islam dikasari

"Insiden yang telah berlaku ini adalah satu provokasi yang tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian negara kita yang berbilang kaum.

"Tindakan sedemikian harus dihentikan serta-merta dan tidak dibenarkan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara,"
katanya dalam sebuah hantaran di laman X, hari ini.

Menurut Aaron, insiden tersebut tidak boleh dibiarkan terus berlaku dalam kalangan masyarakat memandangkan ia boleh mengugat perpaduan dan keharmonian antara bangsa.

Sehubungan itu, beliau menitipkan nasihat kepada orang ramai untuk saling menghormati budaya serta menerapkan nilai kefahaman antara satu sama lain demi kesejahteraan bersama.

"Saya juga mengutuk keras sebarang bentuk keganasan, diskriminasi, dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum.

"Saya berharap agar semua rakyat Malaysia beradab dalam berinteraksi antara rakyat Malaysia, yang seharusnya sentiasa saling menghormati budaya dan mengamalkan nilai faham, hormat dan terima.

"Isu-isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh. Kita tidak boleh membiarkan sebarang insiden yang boleh meruntuhkan keharmonian rakyat Malaysia.
"Negara ini hanya akan maju jika kita bersatu, saling menghormati, dan hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang bentuk ketegangan kaum atau agama," tambahnya lagi.



Terdahulu, tular di media sosial memaparkan seorang lelaki berbangsa Cina telah dikasari oleh seorang lelaki dipercayai berbangsa Melayu di sebuah kedai serbaneka di Johor Bahru.

Dalam perkongsian itu, lelaki yang memakai jubah berwarna hitam bertindak menampar individu yang dikenali sebagai Elijah beberapa kali sebelum ditenangkan oleh anaknya.

BERITA RTM

Insiden lelaki bukan Islam ditampar ketika makan, tidak mencerminkan perpaduan - Aaron

17 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang/ BERNAMA

KUALA LUMPUR, 17 Mac- Insiden seorang lelaki bukan Islam ditampar oleh seorang individu ketika sedang makan di sebuah pusat beli-belah di Johor adalah satu provokasi yang tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian negara yang berbilang kaum.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata tindakan sedemikian harus dihentikan serta-merta dan tidak dibenarkan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.

Beliau turut mengutuk keras sebarang bentuk keganasan, diskriminasi dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum.

"Saya berharap agar semua rakyat Malaysia beradab dalam berinteraksi antara rakyat Malaysia, yang seharusnya sentiasa saling menghormati budaya dan mengamalkan nilai Faham, Hormat & Terima", katanya menerusi platform X.

Beliau berkata isu-isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh.

"Kita tidak boleh membiarkan sebarang insiden yang boleh meruntuhkan keharmonian rakyat Malaysia.

"Negara ini hanya akan maju jika kita bersatu, saling menghormati, dan hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang bentuk ketegangan kaum atau agama.

Mangsa dikenali sebagai Elijah telah membuat laporan di Balai Polis Tampoi dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Aaron turut menyeru semua pihak memberi kerjasama dan menyerahkan kes tersebut kepada pihak berkuasa.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

[VIDEO] Tampar bukan Islam makan satu provokasi – Menteri Perpaduan

17 Mac 2025



TANGKAP layar rakaman video tular seorang lelaki bukan Muslim mendakwa ditampar ketika sedang makan di sebuah kedai serbaneka di pusat beli-belah terkemuka, Johor Bahru.

JOHOR BAHRU – Insiden seorang lelaki bukan Muslim ditampar ketika makan di khalayak umum ketika bulan Ramadan merupakan tindakan provokasi dan tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian negara berbilang kaum.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, tindakan sedemikian harus dihentikan serta-merta kerana melanggar prinsip Rukun Negara.

"Saya juga mengutuk keras sebarang bentuk keganasan, diskriminasi, dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum.

"Saya berharap agar semua rakyat Malaysia beradab dalam berinteraksi antara rakyat yang seharusnya sentiasa saling menghormati budaya dan mengamalkan nilai Faham, Hormat dan Terima," katanya dalam satu ciapan di platform media sosial X.

Tambah Aaron, mangsa yang dikenali sebagai Elijah telah membuat laporan polis berhubung kejadian itu di Balai Polis Tampoi, di sini.

"Saya dimaklumkan bahawa pihak polis akan menyiasat kes ini di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan. Saya berharap semua pihak beri kerjasama dan menyerahkan sepenuhnya kepada polis untuk menjalankan siasatan.

"Isu-isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh. Kita tidak boleh biar sebarang insiden yang boleh meruntuhkan keharmonian rakyat Malaysia," ujarnya.

Semalam, video berdurasi 32 saat dan 44 saat berkaitan insiden yang berlaku di sebuah kedai serbaneka di sebuah pusat beli-belah di bandar raya ini tular.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Warga emas tampar lelaki kerana makan di bulan Ramadan

17 Mac 2025



Tangkap layar video memaparkan insiden seorang warga emas dipercayai menampar seorang lelaki.

PUTRAJAYA - Insiden seorang lelaki menampar lelaki Cina berkali-kali kerana makan di bulan Ramadan di Johor merupakan provokasi yang tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan tindakan sedemikian harus dihentikan serta-merta dan tidak dibenarkan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.

"Saya juga mengutuk keras sebarang bentuk keganasan, diskriminasi dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum," katanya dalam hantaran di laman X pada Isnin.

Jelas beliau, isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh dan dibiarkan sehingga boleh meruntuhkan keharmonian rakyat.

"Negara ini hanya akan maju jika kita bersatu, saling menghormati dan hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang bentuk ketegangan kaum atau agama," ujar Aaron.

Menurutnya, mangsa bernama Elijah telah membuat laporan di Balai Polis Tampoi berhubung insiden itu.

"Saya dimaklumkan bahawa pihak PDRM akan menyiasat kes ini di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

"Saya berharap agar semua pihak memberi kerjasama dan menyerahkan sepenuhnya kepada PDRM untuk menjalankan siasatan," katanya lagi.

Terdahulu, mangsa menerusi aplikasi X mendakwa warga emas itu bertanyakan kepadanya adakah dia seorang Islam atau sebaliknya sebelum meminta untuk melihat kad pengenalan.

Mangsa memaklumkan dia ke kedai berkenaan di sebuah pusat beli-belah di Johor Bahru, untuk menikmati makanan seperti kebiasaannya.

"Selepas tanya kalau saya Islam atau bukan Islam dan marah kenapa makan pada masa puasa ni, walaupun saya bukan Islam dan tidak mengganggunya.

"Dia tampar saya beberapa kali pula," katanya.

Dia bagaimanapun bersyukur kerana anak kepada lelaki itu segera menenangkan situasi sebelum memohon maaf terhadap tindakan bapanya.

"Pak cik itu tidak menghormati dan tampar saya di tempat awam.

"Saya boleh terima permohonan maaf itu tapi saya tak boleh lepaskan perkara ini," jelasnya.

Menerusi hantaran sama, mangsa turut memuat naik rakaman video insiden berkenaan.

Lobak Merah

Lelaki Non-Muslim Luah Ditampar Pakcik Sebab Makan Di Tempat Awam, Menteri Perpaduan Bersuara

17 Mac 2025





Tular di platform X, seorang pengguna mendakwa telah ditampar oleh seorang individu di sebuah kedai serbaneka di Johor Bahru kerana makan di tempat awam pada bulan Ramadan.

Dalam perkongsian itu, dia yang merupakan lelaki bukan Islam turut memaparkan video kejadian dikasari seorang lelaki berjubah hitam sebelum ditenangkan oleh anak individu itu.

Menurut Elijah, lelaki berkenaan telah memintanya untuk memaparkan kad pengenalan walaupun dia sudah memberitahu bahawa dia bukan seorang Muslim.

Dia bagaimanapun bersyukur kerana anak kepada lelaki itu segera menenangkan situasi sebelum memohon maaf terhadap tindakan bapanya.

Ujarnya, dia menerima permohonan maaf daripada anak lelaki itu namun kesal dengan kejadian yang dialami kerana lelaki tersebut tidak menghormatinya di samping telah menyerangnya.

Polis siasat kes

Sementara itu, Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang memaklumkan pihak polis sedang menyiasat berhubung insiden tersebut.

Katanya, mangsa telah membuat laporan di Balai Polis Tampoi dan kes akan disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

"Saya juga mengutuk keras sebarang bentuk keganasan, diskriminasi dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum."

Dalam pada itu, menitipkan nasihat kepada orang ramai untuk saling menghormati budaya serta menerapkan nilai kefahaman antara satu sama lain demi kesejahteraan bersama.

Menteri tegur tindakan tampar lelaki Cina makan bulan Ramadan

17 Mac 2025

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang menegaskan tindakan provokasi itu harus dihentikan serta-merta.



Tangkap layar rakaman kejadian di Johor apabila seorang lelaki Cina ditampar beberapa kali kerana makan di bulan Ramadan.

PETALING JAYA: Tindakan seorang individu yang menampar lelaki Cina beberapa kali kerana makan di bulan Ramadan adalah satu provokasi yang tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian negara.

Justeru, Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang menegaskan tindakan itu harus dihentikan serta-merta dan tidak dibenarkan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.

Beliau turut mengutuk keras keganasan, diskriminasi dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum.

"Isu-isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh.

"Kita tidak boleh membiarkan sebarang insiden yang boleh meruntuhkan keharmonian rakyat Malaysia," katanya dalam hantaran di X.

Beliau berkata, mangsa dikenali sebagai Elijah itu telah membuat laporan di Balai Polis Tampoi berhubung insiden di Johor itu.

"Saya dimaklumkan polis akan menyiasat kes ini di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

"Saya berharap agar semua pihak memberi kerjasama dan menyerahkan sepenuhnya kepada polis untuk menjalankan siasatan," katanya.

Terdahulu, mangsa menerusi hantaran di aplikasi itu mendakwa kejadian berlaku ketika dia ingin menikmati makanan di sebuah pusat beli-belah sebelum warga emas terbabit bertanyakan kepadanya sama ada dia Islam atau tidak.

Katanya, lelaki itu kemudiannya meminta untuk melihat kad pengenalan sebelum menamparnya.

Anak kepada lelaki itu kemudiannya segera menenangkan keadaan dan memohon maaf atas tindakan bapanya.

Cops to investigate after Chinese man says slapped for eating during Ramadan

17 March 2025

National unity minister Aaron Ago Dagang says the probe will be carried out under Section 323 of the Penal Code for voluntarily causing hurt.



Screengrabs from videos of an incident in which a man was allegedly slapped for eating in public during the fasting month.

PETALING JAYA: A man in Johor who allegedly slapped a Chinese man for eating in public during the Ramadan month will be investigated for voluntarily causing hurt, says national unity minister Aaron Ago Dagang.

In a post on X, Aaron said the victim filed a report at the Tampoi police station after the alleged incident at a shopping mall in Johor Bahru.

"I have been informed that the police will investigate this case under Section 323 of the Penal Code.

"Such actions must not be allowed to spread in a country that upholds the principles of the Rukun Negara," he said.

Section 323 carries a maximum penalty of a year's imprisonment, a fine of up to RM2,000, or both, upon conviction.

In a post on X yesterday, a netizen said he was having a meal at a convenience store in a shopping mall when a man asked him if he was Chinese.

When he replied that he was, the man demanded to see his IC.

"Even though I'm not Muslim and I wasn't disturbing him, he got angry at me and asked me why I was eating (in public) during fasting hours. He even slapped me a few times," he said.

"Fortunately, his son defused the situation and apologised on behalf of his father. But that man disrespected me and slapped me in a public place. I can accept the apology, but I can't let this go," he said.

The netizen also said he hoped Malaysia would remain a harmonious nation, with Malaysians respecting one another regardless of race or religion.

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Tampar lelaki bukan muslim ketika makan tidak mencerminkan perpaduan

17 Mac 2025



Keratan layar video seorang warga emas menampar seorang lelaki bukan Islam berkaitan puasa.

KUALA LUMPUR – Tindakan seorang warga emas menampar seorang lelaki bukan muslim ketika sedang makan pada bulan Ramadan tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian negara yang berbilang kaum.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, insiden yang telah berlaku di sebuah pusat membeli belah di Johor Bahru itu merupakan satu tindakan provokasi

"Tindakan sedemikian harus dihentikan serta-merta dan tidak dibenarkan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.

"Saya juga mengutuk keras sebarang bentuk keganasan, diskriminasi, dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum," katanya dalam kenyataan.

Menurut beliau, mangsa yang dikenali sebagai Elijah telah membuat laporan di Balai Polis Tampoi dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menyiasat kes di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Justeru beliau berharap agar semua pihak memberi kerjasama dan menyerahkan sepenuhnya kepada PDRM untuk menjalankan siasatan.

Aaron menggesa supaya semua rakyat Malaysia beradab dalam berinteraksi dan seharusnya sentiasa saling menghormati budaya dan mengamalkan nilai faham, hormat dan terima.

"Isu-isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh. Kita tidak boleh membiarkan sebarang insiden yang boleh meruntuhkan keharmonian rakyat Malaysia.

"Negara ini hanya akan maju jika kita bersatu, saling menghormati, dan hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang bentuk ketegangan kaum atau agama," katanya.

Tular di X seorang pemilik akaun bingbingE656/Elijah berkongsi video tindakan seorang lelaki tua yang bertanya sama ada dia merupakan orang Islam dan meminta kad pengenalan.

Katanya, dalam kejadian yang berlaku di Angsana Mall itu, lelaki berkenaan marah kerana dia makan pada bulan puasa dan bertindak menampar dirinya beberapa kali selepas menafikan dirinya bukan muslim dan tidak mahu menyerahkan kad pengenalan.

"Syukurnya anak dia memang baik dan lepas tenangkan situasi, dia minta maaf untuk pak cik tu. Tapi pak cik tu dah tidak menghormati saya dan tampar saya di tempat awam.

"Saya boleh terima permohonan maaf tu tapi saya tak boleh lepaskan benda ni. Semoga negara kita kekal negara yang harmoni dan kita tau bagaimana nak hormat orang lain tak kira kaum dan agama," kata Elijah.

– MalaysiaGazette

NEW STRAITS TIMES

Cops probing man who slapped non-Muslim for 'not fasting'

17 March 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang. - Bernama pic

KUALA LUMPUR: Police are investigating a man for slapping a non-Muslim who was eating in public in Johor, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

In a Facebook post, Aaron said he was informed that police would probe the case under Section 323 of the Penal Code for voluntarily causing hurt.

The offence carries a maximum penalty of one year in prison, a RM2,000 fine, or both upon conviction.

"I strongly condemn any form of violence, discrimination, and prejudice that could harm racial harmony," he said.

A video of the incident, showing a man confronting the non-Muslim youth, has since gone viral.

According to the youth, he was eating at a convenience store when a man approached him and asked if he was Muslim. After replying that he was not, the man allegedly demanded to see his MyKad—a request the youth refused.

He claimed the man then became angry and slapped him several times.

The youth said another person, claiming to be the man's son, later apologised on his father's behalf.

Aaron, in his post, urged Malaysians to be mindful and respectful in their interactions.

"Issues concerning unity must not be taken lightly. We cannot allow any incidents that could undermine the harmony of the Malaysian people."

"This nation will only progress if we stand united, respect one another, and live peacefully without any form of racial or religious tension."

Meanwhile, Johor Baru (North) police chief Assistant Commissioner Balveer Singh confirmed that police are investigating the incident.

He also reminded the public to refrain from taking matters into their own hands.

"Always act rationally and leave it to the authorities to enforce the law. Avoid violence and abide by the law."

Balveer urged anyone with information on the case to contact the district police headquarters at 07-5563122.

malaysiakini
news and views that matter

Non-Muslim slapped for eating during Ramadan, unity minister sees red

17 March 2025



A non-Muslim man has lodged a police report after he was slapped in public for eating at a convenience store in the daytime during Ramadan, which was captured on video.

The incident drew the ire of National Unity Minister Aaron Ago Dagang who confirmed that the victim, who identified himself on X as Elijah, had lodged his report at Tampoi police station, Johor Bahru.

According to Elijah, he was...

malaysiakini
news and views that matter

Tampar bukan Muslim: Usah biarkan berkembang, kata Menteri

17 Mac 2025



Seorang lelaki bukan Muslim yang ditampar seorang warga emas ketika sedang makan di khalayak ramai semalam telah membuat laporan polis terhadap pelakunya, kata Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang.

Kata Aaron, mangsa yang dikenali sebagai Elijah di platform X membuat laporan di Balai Polis Tampoi, Johor Bahru.

"Saya hanya makan macam biasa dan pak cik itu tanya saya, orang Cina ke tak. Saya jawab ya, sebab itu soalan biasa.

"Lepas tu dia nak saya tunjukkan IC (kad pengenalan) saya walaupun kita tak boleh tunjuk IC kepada orang yang tidak dikenali.

"Selepas itu dia tanya kalau saya Islam atau bukan Islam, dan marah kenapa makan pada masa puasa ini, walaupun saya bukan Islam dan saya tidak ada ganggu dia.

"Dia boleh sampai tampar saya beberapa kali pula," kata Elijah yang berkongsi dua video pendek kejadian yang berlaku di dalam pusat beli-belah di Johor Bahru itu di platform X.

Bagaimanapun, Elijah berkata dia bersyukur kerana anak lelaki warga emas terbabit telah bertindak mengawal keadaan dan memohon maaf kepadanya.

Namun, menurut Elijah, dia tidak boleh membiarkan insiden berkenaan berlalu begitu saja.

Mengulas kejadian berkenaan, Aaron berkata, dia telah dimaklumkan bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menyiasat mengikut bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.



Kata Aaron insiden yang telah berlaku itu merupakan satu provokasi.

"Tindakan sedemikian harus dihentikan serta-merta dan tidak dibenarkan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.

"Saya juga mengutuk keras sebarang bentuk keganasan, diskriminasi, dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum," katanya dalam satu kenyataan di platform X.

Justeru Ahli Parlimen Kanowit itu berharap agar semua pihak memberi kerjasama dan menyerahkan sepenuhnya kepada PDRM untuk menjalankan siasatan.

Dia juga menggesa supaya semua rakyat Malaysia beradab dalam berinteraksi dan sentiasa saling menghormati budaya dan mengamalkan nilai faham, hormat dan terima.

"Isu-isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh. Kita tidak boleh membiarkan sebarang insiden yang boleh meruntuhkan keharmonian rakyat Malaysia.

"Negara ini hanya akan maju jika kita bersatu, saling menghormati, dan hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang bentuk ketegangan kaum atau agama," katanya.

Dalam catatan lain di X hari ini, Elijah turut mengucapkan terima kasih kepada Aaron atas kenyataannya dan mengulangi harapannya agar keharmonian di negara ini terus terpelihara.

SAYS

Minister Condemns Assault On Non-Muslim Student For Eating In Public During Ramadan

17 March 2025

A non-Muslim student in Johor has claimed he was confronted and slapped by a stranger for eating in public during Ramadan.

The victim, identified as Elijah, took to social media platform X on Sunday, 16 March, to share details of the incident.

According to his account, he was eating at a FamilyMart in Angsana Mall, Johor Bahru, when a man approached him and asked if he was Chinese.

Elijah, who, according to his profile, is a Universiti Teknologi Malaysia (UTM) student from Sarawak, responded "yes".

The man then demanded proof by asking Elijah to show his IC, which he refused, saying he was not obligated to do so for a stranger.



"The man then asked if I was Muslim, and became angry that I was eating during fasting hours — even though I am not Muslim and was not disturbing him. He even went as far as to slap me multiple times," Elijah wrote.

He said, thankfully, the man's son intervened and tried to defuse the situation, apologising on his father's behalf.

"But the uncle had already disrespected me and slapped me in public. I can accept the apology, but I cannot just let this go," he wrote, sharing two videos of the incident in his post.

He also expressed hope that Malaysia would remain a harmonious nation where people can respect one another, regardless of race and religion.

The government has strongly condemned the incident, calling it an act of provocation that goes against the values of unity and harmony in Malaysia's multiracial society

In a statement on X this morning, 17 March, National Unity Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang said the case is being investigated under Section 323 of the Penal Code after the victim lodged a police report.

"Such actions must be stopped immediately and must not be allowed to take root in a country that upholds the principles of the Rukun Negara," he said.

"I strongly condemn any form of violence, discrimination, and prejudice that could threaten the harmony among races.

"I urge all Malaysians to interact courteously with one another, always respect cultural differences, and practise the values of understanding, respect, and acceptance," he added.



theSun

Slapping incident for eating in public during Ramadan does not reflect spirit of harmony – Aaron

17 March 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang – BERNAMApix

PETALING JAYA: National Unity Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang has condemned the assault of a youth at a convenience store in Johor Bahru, calling it a provocative act that threatens Malaysia's racial harmony.

The altercation, captured in a viral 80-second video, shows an elderly man confronting the victim, Elijah, for eating during Ramadan.

The man questioned Elijah's ethnicity, demanded to see his identification card (IC), and then allegedly slapped him.

Aaron stressed that such incidents must not be taken lightly in a multicultural society and warned against actions that could disrupt national unity.

"This act of provocation does not reflect the spirit of unity and harmony in our diverse country. Such actions must be stopped immediately.

"I strongly condemn any form of violence, discrimination, and prejudice that can damage racial harmony," he said in a statement on X (formerly Twitter).

Elijah, who shared his experience on X (@bingbinge656), said the man first asked if he was Chinese before demanding his IC, despite having no authority to do so.

"The situation escalated when the man became aggressive and reprimanded me. Thankfully, his son tried to calm the situation and even apologised for his father.

"But the man disrespected and slapped me in public. I can accept the apology, but I can't let this go," Elijah said.

Aaron urged Malaysians to uphold the values of mutual understanding, respect, and acceptance to maintain national unity.

"This country will only progress if we respect each other and live in peace, free from racial or religious tension."

Elijah has since lodged a police report at the Tampoi Police Station.

Authorities are investigating the case under Section 323 of the Penal Code for voluntarily causing hurt.

"I hope all parties will cooperate and allow the police to conduct a thorough investigation," Aaron said.

malaymail

National unity minister condemns attack on non-Muslim for eating during Ramadan

17 March 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said that such actions have no place in a country that upholds the principles of Rukun Negara. — File pic via Bernama

JOHOR BARU, March 17 —The incident in which a non-Muslim was scolded and slapped while eating at a convenience store in a shopping mall during Ramadan was an act of provocation that went against the spirit of unity and harmony in Malaysia's multicultural society, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said that such actions have no place in a country that upholds the principles of Rukun Negara.

"I strongly condemn any form of violence, discrimination and prejudice that can threaten racial harmony.

"I urge all Malaysians to interact with one another in a civilised manner, always respect each other's culture and practice the values of understanding, respect and acceptance," he said on his X account today when commenting on a post by an X user known as @bingbinge656.

He said issues affecting national unity must not be taken lightly, as any incident that threatens Malaysia's harmony should not be tolerated.

"This country will only progress if we are united, respect each other and live in peace without any racial or religious tension," he said.

According to Aaron, the victim, identified as Elijah, has lodged a report regarding the incident at the Tampoi Police Station.

"I was informed that the Royal Malaysia Police (PDRM) will investigate the case under Section 323 of the Penal Code. I hope that all parties will cooperate and leave the matter to PDRM to conduct the investigation," he said.

Meanwhile, Elijah, via a tweet on the X account @bingbinge656, claimed that when the man scolded him, he explained that he was not a Muslim.

However, the man asked for his identity card as proof before slapping the victim.

Elijah then claimed that the man's son came forward to calm the situation and apologise for his father's behaviour.

Yesterday, two videos lasting 32 seconds and 44 seconds on the alleged incident went viral on social media. — Bernama

Malaysia Tribune

Tampar lelaki Cina kerana tidak berpuasa satu provokasi

17 Mac 2025



Sejurus kejadian, anak kepada lelaki itu segera menenangkan keadaan dan memohon maaf atas tindakan bapanya. - TANGKAP LAYAR VIDEO

PUTRAJAYA – Tindakan individu yang menampar seorang lelaki Cina yang bukan Islam beberapa kali kerana makan di bulan Ramadan di Johor, semalam adalah satu provokasi yang tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan, tindakan sedemikian harus dihentikan serta-merta dan tidak dibenarkan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.

"Isu-isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh.

"Kita tidak boleh membiarkan sebarang insiden yang boleh meruntuhkan keharmonian rakyat Malaysia," katanya dalam satu hantaran di akaun X miliknya, hari ini.

Beliau menambah, mangsa dikenali sebagai Elijah itu telah membuat laporan di Balai Polis Tampoi berhubung insiden di Johor itu.

"Saya dimaklumkan polis akan menyiasat kes ini di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

"Saya berharap agar semua pihak memberi kerjasama dan menyerahkan sepenuhnya kepada polis untuk menjalankan siasatan," katanya lagi.

Terdahulu, mangsa menerusi hantaran di aplikasi itu mendakwa kejadian berlaku dia ingin menikmati makanan di sebuah pusat beli-belah sebelum warga emas terbabit bertanyakan kepadanya sama ada dia Islam atau tidak.

Katanya, lelaki itu kemudiannya meminta untuk melihat kad pengenalan sebelum menamparnya.

Anak kepada lelaki itu kemudiannya segera menenangkan keadaan dan memohon maaf atas tindakan bapanya.

astro AWANI

Insiden tampar lelaki kerana makan di bulan Ramadan satu provokasi - Aaron Ago Dagang

17 Mac 2025



Tangkap layar video memaparkan insiden seorang warga emas dipercayai menampar seorang lelaki. -Sinar Harian/Video tular

PUTRAJAYA: Insiden seorang lelaki menampar lelaki Cina berkali-kali kerana makan di bulan Ramadan di Johor merupakan provokasi yang tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan tindakan sedemikian harus dihentikan serta-merta dan tidak dibenarkan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.

"Saya juga mengutuk keras sebarang bentuk keganasan, diskriminasi dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum," katanya dalam hantaran di laman X pada Isnin.
Jelas beliau, isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh dan dibiarkan sehingga boleh meruntuhkan keharmonian rakyat.

"Negara ini hanya akan maju jika kita bersatu, saling menghormati dan hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang bentuk ketegangan kaum atau agama," ujar Aaron.

Menurutnya, mangsa bernama Elijah telah membuat laporan di Balai Polis Tampoi berhubung insiden itu.

"Saya dimaklumkan bahawa pihak PDRM akan menyiasat kes ini di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

"Saya berharap agar semua pihak memberi kerjasama dan menyerahkan sepenuhnya kepada PDRM untuk menjalankan siasatan," katanya lagi.

Terdahulu, mangsa menerusi aplikasi X mendakwa warga emas itu bertanyakan kepadanya adakah dia seorang Islam atau sebaliknya sebelum meminta untuk melihat kad pengenalan.

Mangsa memaklumkan dia ke kedai berkenaan di sebuah pusat beli-belah di Johor Bharu, untuk menikmati makanan seperti kebiasaannya.

"Selepas tanya kalau saya Islam atau bukan Islam dan marah kenapa makan pada masa puasa ni, walaupun saya bukan Islam dan tidak mengganggunya.
"Dia tampar saya beberapa kali pula," katanya.

Dia bagaimanapun bersyukur kerana anak kepada lelaki itu segera menenangkan situasi sebelum memohon maaf terhadap tindakan bapanya.

"Pak cik itu tidak menghormati dan tampar saya di tempat awam.

"Saya boleh terima permohonan maaf itu tapi saya tak boleh lepaskan perkara ini," jelasnya.

Menerusi hantaran sama, mangsa turut memuat naik rakaman video insiden berkenaan.

Tampar lelaki bukan Islam makan ketika Ramadan adalah provokasi, tidak cermin perpaduan: Aaron

17 Mac 2025

KUALA LUMPUR — Insiden seorang warga emas menampar seorang pemuda bukan Islam yang sedang makan pada bulan Ramadan di sebuah pusat beli belah di Johor Bahru, adalah provokasi yang tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, tindakan seumpama itu harus dihentikan serta-merta dan tidak dibenarkan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang turut mengulas insiden seorang pemuda bukan Islam yang ditampar oleh seorang lelaki warga emas ketika sedang makan di Angsana Mall, Johor Bahru. - Gambar tangkap layar/fail Scoop, 17 Mac, 2025



"Saya juga mengutuk keras sebarang bentuk keganasan, diskriminasi, dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum.

"Saya berharap semua rakyat Malaysia beradab dalam berinteraksi antara rakyat Malaysia, yang seharusnya sentiasa saling menghormati budaya dan mengamalkan nilai faham, hormat dan terima," katanya menerusi hantaran di akaun X.

Beliau mengulas insiden seorang pemuda bukan Islam yang ditampar oleh seorang lelaki warga emas ketika sedang makan di Angsana Mall, Johor Bahru.

Pemuda berkenaan yang menulis di akaun X dengan menggunakan nama bingbingE656/Elijah berkata, lelaki itu turut meminta untuk melihat kad pengenalannya meskipun dia memberitahu bahawa dia bukan Islam.

"Syukurnya anak dia memang baik dan lepas tenangkan situasi, dia minta maaf untuk pak cik tu. Tapi pak cik tu dah tidak menghormati saya dan tampar saya di tempat awam. Saya boleh terima permohonan maaf tu tapi saya tak boleh lepaskan benda ni," katanya.

Hantarannya kini tular di media sosial.

Dalam pada itu, Aaron berkata, mangsa, Elijah sudah membuat laporan polis di Balai Polis Tampoi dan kes disiasat di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

"Saya berharap agar semua pihak memberi kerjasama dan menyerahkan sepenuhnya kepada PDRM (Polis Diraja Malaysia) untuk menjalankan siasatan.

"Isu-isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh. Kita tidak boleh membiarkan sebarang insiden yang boleh meruntuhkan keharmonian rakyat Malaysia.

"Negara ini hanya akan maju jika kita bersatu, saling menghormati, dan hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang bentuk ketegangan kaum atau agama," katanya. – 17 Mac, 2025

WORLD OF BUZZ

Pak Cik in Johor Slaps 21yo Non-Muslim Man for Eating in Public During Ramadan, PDRM Investigates

17 March 2025



A non-Muslim man was recently slapped by a Pak Cik for eating publicly during Ramadan.

In a viral X post, Elijah shared his experience of being confronted by a man who asked if he was a Muslim, to which Elijah said he wasn't. The man, however, was not satisfied with the response.

He allegedly asked Elijah to show his identification card (IC) to prove that he was indeed a non-Muslim.

Elijah, who was eating at a convenience store inside a mall in Johor Bahru, refused to produce his IC. The pair argued a little before the uncle slapped Elijah, who told the uncle that he would lodge a police report if he was slapped again.

In his video, the uncle was seen slapping Elijah once, although he stated in his post that he was slapped a few times.

The uncle was with his son, and according to Elijah, his son tried to calm the situation and apologised on his father's behalf. While Elijah accepted the apology, he couldn't let the matter go.

"The Pak Cik disrespected me and slapped me in public. I cannot let this matter go."

The Minister of National Unity, Aaron Ago Dagang, responded to the matter via an X post

Aaron said that Elijah had reported the matter at the Tampoi Police Station in Johor, and the matter is being investigated under Section 323 of the Penal Code for voluntarily causing hurt.



"This is a provocation that does not reflect the unity and harmony of our country."

"Our country can only develop if we unite and respect each other. We can live peacefully without any racial tension."

Aaron also hopes that all Malaysians can be polite while interacting with each other, and said he is strictly against any form of violence, discrimination, and prejudice that could affect the harmony in Malaysia.

In an official statement by PDRM in Johor, the police confirmed that they had received a report from the 21-year-old victim and are investigating the matter which took place on March 16.

The police also said that if found guilty, the suspect may face jail time of up to one year or a fine of up to RM2,000.

Utusan Malaysia PEMIKIRAN BAHARU

Insiden warga emas tampar lelaki bukan Islam makan satu provokasi – Menteri

17 Mac 2025



PETALING JAYA: Insiden seorang warga emas menampar lelaki Cina berkali-kali kerana makan di bulan Ramadan di sebuah pusat beli-belah di Johor Bahru adalah satu provokasi yang tidak mencerminkan semangat perpaduan dan keharmonian berbilang kaum di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menegaskan tindakan sedemikian harus dihentikan serta-merta dan tidak dibenarkan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.

"Saya juga mengutuk keras sebarang bentuk keganasan, diskriminasi dan sikap prejudis yang boleh merosakkan keharmonian antara kaum.

"Saya berharap agar semua rakyat Malaysia beradab dalam berinteraksi antara rakyat Malaysia, yang seharusnya sentiasa saling menghormati budaya dan mengamalkan nilai Faham, Hormat & Terima," katanya menerusi ciapan dalam aplikasi X, hari ini.

Mengulas lanjut, katanya, mangsa yang bernama Elijah telah membuat laporan di Balai Polis Tampoi mengenai insiden itu.

"Saya dimaklumkan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menyiasat kes ini di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

"Saya berharap agar semua pihak memberi kerjasama dan menyerahkan sepenuhnya kepada PDRM untuk menjalankan siasatan," katanya.

Aaron Ago berkata, isu-isu yang menyentuh soal perpaduan tidak boleh dipandang remeh serta membiarkan sebarang insiden yang boleh meruntuhkan keharmonian rakyat Malaysia.

"Negara ini hanya akan maju jika kita bersatu, saling menghormati dan hidup dalam keadaan aman tanpa sebarang bentuk ketegangan kaum atau agama," katanya.

Sejak semalam, tular dalam aplikasi X rakaman video mengenai seorang warga emas lelaki yang berang dengan tindakan mangsa yang menikmati makanan di sebuah kedai serbaneka di pusat beli-belah di Johor Bahru.

Warga emas itu kemudian menyoal mangsa sama ada dirinya seorang Islam atau sebaliknya sebelum meminta untuk melihat kad pengenalan.

Mangsa kemudian didakwa ditampar beberapa kali selepas enggan menunjukkan kad pengenalannya kepada warga emas berkenaan. – UTUSAN

TheStar

Cops to probe slapping incident, says Unity Minister

17 March 2025



JOHOR BARU: The incident in which a non-Muslim was scolded and slapped while eating at a convenience store in a shopping mall during Ramadan was an act of provocation that went against the spirit of unity and harmony in Malaysia's multicultural society, says Datuk Aaron Ago Dagang.

The Unity Minister said the victim, identified as Elijah, has lodged a report regarding the incident at the Tampoi Police Station.

"I was informed that the Royal Malaysia Police (PDRM) will investigate the case under Section 323 of the Penal Code. I hope that all parties will cooperate and leave the matter to PDRM to conduct the investigation," he said.

Aaron said that such actions have no place in a country that upholds the principles of Rukun Negara.

"I strongly condemn any form of violence, discrimination and prejudice that can threaten racial harmony.

"I urge all Malaysians to interact with one another in a civilised manner, always respect each other's culture and practice the values of understanding, respect and acceptance," he said on his X account on Monday (March 17) when commenting on a post by an X user known as @bingbinge656.

He said issues affecting national unity must not be taken lightly, as any incident that threatens Malaysia's harmony should not be tolerated.

"This country will only progress if we are united, respect each other and live in peace without any racial or religious tension," he said.

Meanwhile, Elijah, via a tweet on the X account @bingbinge656, claimed that when the man scolded him, he explained that he was not a Muslim.

However, the man asked for his identity card as proof before slapping the victim.

Elijah then claimed that the man's son came forward to calm the situation and apologise for his father's behaviour.

Yesterday, two videos lasting 32 seconds and 44 seconds on the alleged incident went viral on social media. – Bernama

BERNAMA

Insiden Tampar Bukan Muslim Makan Ketika Ramdan Tidak Cermin Perpaduan, Keharmonian

17 Mac 2025



VANAKKAM MALAYSIA News

17 March 2025

ஜோகூரில் நோன்பு மாதத்தில் உணவருந்திய சீன ஆடவரை அறைந்த வயதான நபர்; அமைச்சர் கண்டனம்



புத்ரா ஜெயா, மார்ச் 17 – ஜொகூரில் நோன்பு மாதத்தில் உணவு அருந்தியதற்காக ஒரு சீனரை வயதான ஆடவர் ஒருவர் பலமுறை அறைந்த சம்பவம் தேசிய ஒற்றுமை மற்றும் நல்லிணக்க உணர்வை பிரதிபலிக்காத ஆத்திரமூட்டும் செயலாகும்.

இதுபோன்ற நடவடிக்கைகள் உடனடியாக நிறுத்தப்பட வேண்டும் என்றும், ருக்கூன் நெகாரா (Rukun Negara) பண்புகளுக்கு முன்னுரிமை வழங்கும் நாட்டில் இத்தகைய சம்பவங்கள் வளர்வதற்கு அனுமதிக்கக் கூடாது என்று தேசிய ஒற்றுமை அமைச்சர் டத்தோ ஆரோன் அகோ டகாங் (Datuk Aaron Ago Dagang) வலியுறுத்தினார்.

இனங்களுக்கிடையிலான நல்லிணக்கத்தை சீர்குலைக்கும் எந்தவொரு வன்முறை, பாகுபாடு மற்றும் தவறான எண்ணத்தை தாம் வன்மையாகக் கண்டிப்பதாக X தளத்தில் வெளியிட்ட பதிவில் அவர் தெரிவித்துள்ளார்.

ஒற்றுமை தொடர்பான விவகாரங்களை சாதாரணமாக எடுத்துக் கொள்ளக் கூடாது என்றும், அது மக்களின் நல்லிணக்கத்தை சீர்குலைக்கும் அளவிற்கு விட்டுவிடக் கூடாது என்றும் அவர் விளக்கினார்.

குற்றவியல் சட்டம் பிரிவு 323ன் கீழ் இந்த வழக்கை போலீஸ் விசாரிக்கும் என்று தனக்கு தெரிவிக்கப்பட்டுள்ளதால் எல்லா தரப்பினரும் போலீசிற்கு முழுமையாக ஒத்துழைப்பார்கள் என நம்புவதாக ஆரோன் அகோ டகாங் (Datuk Aaron Ago Dagang) மேலும் கூறினார்.

இச்சம்பவம் குறித்து பாதிக்கப்பட்ட எலிஜா (Elijah) என்பவர் தம்போய் (Tampoi) போலீஸ் நிலையத்தில் புகார் செய்துள்ளார்.

Utusan Borneo

Polis buka siasatan insiden tampar bukan Islam makan ketika Ramadan

18 Mac 2025



Polis buka siasatan insiden tampar bukan Islam makan ketika Ramadan

Pengadu mendakwa ditampar dua kali di pipi kanan oleh lelaki tidak dikenali

JOHOR BAHRU: Polis telah membuka kertas siasatan berhubung insiden seorang lelaki bukan Muslim diherdik dan ditampar seorang individu semasa makan ketika Ramadan di kedai serbanika di pusat beli-belah di sini.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Utara ACP Balveer Singh Mahindar Singh berkata pihaknya menerima laporan daripada pengadu yang berusia 21 tahun berhubung kejadian itu pada 9.08 malam kelmarin.

"Hasil siasatan mendapati kejadian berlaku pada 3.45 petang kelmarin. Dalam insiden itu, pengadu mendakwa dirinya telah ditampar sebanyak dua kali di pipi sebelah kanan oleh seorang lelaki yang tidak dikenali.

"Kejadian dipercayai berpunca apabila lelaki tersebut bertanya tentang agama pengadu dan meminta MyKadnya, namun pengadu enggan memberikan kad tersebut," katanya dalam kenyataan semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja menyebabkan kecederaan dan jika sabit kesalahan, pesalah boleh dihukum penjara hingga setahun atau denda hingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Balveer Singh turut menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan insiden itu tampil memberikan siasatan dengan menghubungi Pegawai Penyiasat Polis Daerah Johor Bahru Utara di talian 07-5563122.

Terdahulu, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang dilapor berkata, insiden itu didakwa sebagai tindakan provokasi selain tidak mencerminkan semangat perpaduan serta keharmonian negara berbilang kaum.

Aaron dipetik berkata, tindakan itu harus dikutuk serta-merta dan tidak diberikan berkembang di negara yang menjunjung tinggi prinsip Rukun Negara.

Insiden itu juga tular dalam media sosial kelmarin menerusi dua video berdurasi 32 dan 44 saat. — Bernama

Lelaki ditahan tumbuk kepala penunggang motosikal

MELAKA: Polis menahan seorang lelaki disyaki menumbuk kepala seorang penunggang motosikal yang sedang berhenti di persimpangan lampu isyarat di Kota Shahbandar awal pagi kelmarin.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah ACP Christopher Pintr berkata, suspek berusia 25 tahun itu ditahan di Kota Shahbandar pada jam 3 petang sebelum dibebaskan atas faktor kesihatan.

"Suspek ditahan untuk diambil keterangan seterusnya membantu siasatan mengikut Seksyen 506 dan 323 Kanun Keseksaan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Christopher berkata, dalam kejadian kira-kira 2 pagi Ahad itu, suspek dipercayai secara tiba-tiba turun dari kenderaan Toyota Vellfire berwarna hitam dan terus menumbuk belakang kepala mangsa ketika tiba di persimpangan lampu isyarat berhenti.

"Ketika kejadian, mangsa sedang menunggu lampu isyarat dan akibat tindakan suspek itu, mangsa kemudian turun daripada motosikalnya lalu menendak lelaki tidak dikenali itu," katanya.

"Melihat kejadian itu, penggunaa jalan raya yang kebetulan berada di lokasi kejadian datang membantu mangsa dan suspek kemudian masuk ke dalam kenderaannya sebelum bertindak melarikan diri," katanya.

Christopher berkata ketika kejadian, suspek dipercayai berada dalam keadaan mabuk dan motif kejadian masih dalam siasatan.

Terdahulu, video berdurasi 47 saat tular dalam media sosial memperlihatkan penunggang motosikal dikenali seorang lelaki. — Bernama

THE BORNEO POST

Aaron: Slapping of non-Muslim for eating in public during Ramadan does not reflect spirit of harmony

18 Mac 2025

Aaron: Slapping of non-Muslim for eating in public during Ramadan does not reflect spirit of harmony

JOHOR BAHRU: The incident in which a non-Muslim was scolded and slapped while eating at a convenience store in a shopping mall during Ramadan was an act of provocation that went against the spirit of unity and harmony in Malaysia's multicultural society, said Dato Sri Aaron Ago Dagang

The National Unity Minister said such actions have no place in a country that upholds the principles of Rukun Negara.

"I strongly condemn any form of violence, discrimination and prejudice that can threaten racial harmony.

"I urge all Malaysians to interact with one another in a civilised manner, always respect each other's culture, and practise the values of understanding, respect and acceptance," he said on his X account yesterday when commenting on a post by an X user known as @bingbinge656.

Aaron said issues affecting national unity must not be taken lightly, and that any incident that threatens Malaysia's harmony should not be tolerated.

"This country will only progress if we are united, respect each other and live in peace without any racial or religious tension."

According to him, the victim, identified as Elijah, has lodged a report regarding the incident at the Tampoi police station.

"I was informed that the Royal Malaysia Police (PDRM) will investigate the case under Section 323 of the Penal Code. I hope that all parties will cooperate and leave the matter to PDRM to conduct the investigation," he said.

> Turn to Page 2, Col 1

tvs
www.tvsarawak.my

JPNIN tawar khidmat sokongan kepada Elijah, semua pihak diharap beri ruang

19 Mac 2025



Seorang warga emas yang tular kerana bertindak menampar seorang lelaki bukan Muslim di kedai serbaneka sebuah pusat beli-belah dilepas tanpa dibebaskan (DNAA) oleh Mahkamah Majistret di sini hari daripada pertuduhan sengaja mendatangkan kecederaan. Foto Media sosial

JOHOR BAHRU, 19 Mac: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bersedia menawarkan khidmat sokongan kepada mangsa insiden yang ditampar warga emas di Angsana Mall, di sini, Ahad lepas.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata Pengarah JPNIN telah berjumpa dengan mangsa Elijah Ling Zhao Zhong, 22, dan pihak JPNIN dimaklumkan beliau memerlukan 'privacy' (tidak diganggu).

"Oleh itu, saya memohon agar semua pihak (wakil rakyat, media dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dapat memberikan kerjasama dalam hal ini dengan memberikan ruang kepada beliau.

"Saya berharap agar semua rakyat Malaysia dapat sentiasa mengutamakan dan mengamalkan sikap saling hormat-menghormati dalam kehidupan seharian," katanya menerusi hantaran di Facebook hari ini. -TVS

Malaysia Tribune

Majlis Iftar Muhibah pupuk semangat perpaduan

19 Mac 2025



Perasmian majlis iftar muhibah

PUTRAJAYA – Majlis Iftar Muhibah yang bertemakan "Kepelbagaian dalam Bingkai Kesatuan" berlangsung dengan jayanya di Kompleks Nasyrul Quran, di sini hari ini.

Majlis yang penuh makna ini dihadiri oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Asmaul Husna sebagai tanda memuliakan majlis diikuti dengan ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr. Na'im Mokhtar.

Dalam ucapannya, beliau menyentuh tentang objektif dan tujuan utama majlis tersebut iaitu untuk mengeratkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, tanpa mengira agama dan kaum.

"Majlis ini merupakan satu usaha penting untuk memupuk semangat kebersamaan dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

"Kita hidup dalam kepelbagaian, tetapi melalui perpaduan yang kukuh, kita dapat menghadapi segala cabaran dengan lebih kuat," ujarnya.

Beliau juga menekankan bahawa majlis seumpama itu adalah salah satu cara untuk memperkukuhkan kesatuan dan keharmonian dalam negara serta memupuk hubungan yang lebih erat di antara masyarakat pelbagai kaum dan agama.

Acara yang mendapat sambutan daripada semua lapisan masyarakat itu memperlihatkan keharmonian dan perpaduan yang terus subur di Malaysia.

Selain itu, majlis tersebut turut menjadi platform penting untuk mempererat silaturahim dalam kalangan rakyat, sekali gus merangsang semangat perpaduan nasional.

"Dengan tema "Kepelbagaian dalam Bingkai Kesatuan", Majlis Iftar Muhibah ini adalah satu contoh terbaik bagaimana perayaan dan tradisi dapat mempereratkan ikatan dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama di negara ini," tambahnya.

BERNAMA

JPNIN Tawar Khidmat Sokongan Kepada Elijah, Semua Pihak Diharap Beri Ruang

19 Mac 2025



Kredit: FB Aaron Ago Dagang

JOHOR BAHRU, 19 Mac (Bernama) -- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bersedia menawarkan khidmat sokongan kepada mangsa insiden yang ditampar warga emas di Angsana Mall, di sini, Ahad lepas.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata Pengarah JPNIN telah berjumpa dengan mangsa Elijah Ling Zhao Zhong, 22, dan pihak JPNIN dimaklumkan beliau memerlukan 'privacy' (tidak diganggu).

"Oleh itu, saya memohon agar semua pihak (wakil rakyat, media dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dapat memberikan kerjasama dalam hal ini dengan memberikan ruang kepada beliau.

"Saya berharap agar semua rakyat Malaysia dapat sentiasa mengutamakan dan mengamalkan sikap saling hormat-menghormati dalam kehidupan seharian," katanya menerusi hantaran di Facebook hari ini. -- BERNAMA

BERNAMA

JPNIN Offers Support To Victim Of Slap Incident – Aaron

19 March 2025



JOHOR BAHRU, 19 Mac (Bernama) -- The Department of National Unity and Integration (JPNIN) is offering support to the victim slapped by an elderly man at Angsana Mall on Sunday.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said that the JPNIN director had met with Elijah Ling Zhao Zhong, 22, and was informed that he required privacy.

"I request the cooperation of all parties, including elected representatives, the media, and non-governmental organisations, to give him space," he said in a post on his official Facebook page today.

He also urged all Malaysians to prioritise and observe mutual respect in their daily lives.

-- BERNAMA

BERNAMA

Polis, MCMC Diminta Siasat Individu Hina Nabi Muhammad di FB – Aaron

19 Mac 2025



BERNAMA

Minister Urges Action Against Facebook User For Insulting Prophet Muhammad

19 March 2025



KUALA LUMPUR, March 19 (Bernama) -- Police and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) have been urged to investigate and take action against a Facebook user for allegedly making remarks that insulted Prophet Muhammad on the platform.

Issuing a stern warning, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said any statement or action touching the sensitivities of other religions would result in firm action.

Seterusnya pada tahun 2000, RT Alaf Baru telah diperkenalkan melalui konsep pembangunan komuniti yang memberi fokus kepada pengupayaan komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat untuk berhadapan dengan perubahan gaya hidup dan isu-isu sosial semasa.

Selaras dengan penubuhan KPN pada 10 Mac 2020, Kementerian telah menyediakan gerak kerja yang memfokuskan kepada peranan RT supaya lebih jelas, komprehensif dan inklusif.

Empat gerak kerja komuniti tersebut ialah Gerak Kerja Komuniti Sejahtera, Gerak Kerja Komuniti Selamat, Gerak Kerja Komuniti Sihat dan Gerak Kerja Komuniti Bersih dan Indah.

Inisiatif ini bertujuan untuk mendukung hasrat kerajaan menjadikan RT sebagai entiti yang penting dan inklusif serta berupaya menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada komuniti.

Seterusnya pada tahun 2024 iaitu selaras dengan aspirasi Kajian Separuh Penggal RMKe-12 untuk membangun masyarakat progresif, maka Kementerian mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

Maka peranan RT sebagai penggerak, pengantara penting dan penjalin hubung (bridge builder) dalam masyarakat memerlukan lonjakan transformasi melalui landskap pembangunan yang dipacu oleh komuniti (community-driven development).

Sebanyak lapan bidang tumpuan yang telah ditetapkan untuk menjadikan Rukun Tetangga sebagai entiti yang penting dan inklusif serta berupaya membangun komuniti progresif iaitu Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta.

Inisiatif Rukun Tetangga Progresif merangkumi tiga (3) fasa pelaksanaan seperti berikut:

a. Fasa 1 - Tahun 2024 (Jangka Masa Pendek)

Fasa pertama inisiatif pemerkasaan ini bermula pada tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2024. Oleh itu, Pelan Tindakan Pemerkasaan RT telah dibangunkan sebagai gerak kerja membangun komuniti progresif. Daripada 8,438 RT di seluruh negara, sekurang-kurangnya 116 RT diperkasakan sebagai Model RT Progresif.

b. Fasa 2 - Tahun 2025 (Jangka Masa Sederhana)

Perluasan sekurang-kurangnya 500 RT yang akan diperkasakan atau dimodelkan sebagai RT Progresif.

c. Fasa 3 - Tahun 2026 (Jangka Masa Panjang)

Cadangan agar Inisiatif Pemerkasaan RT diletakkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) dan dilaksanakan secara berterusan.

Setiap negeri melalui Pejabat Perpaduan Daerah/Bahagian mengenalpasti RT-RT yang berpotensi untuk dimodelkan sebagai RT Progresif berdasarkan kriteria berikut:

a. RT yang aktif, cemerlang dan berdaya saing.

b. Menjalankan pelbagai projek/program/ aktiviti/perkhidmatan

c. Kepimpinan yang komited

d. Penglibatan aktif komuniti

e. Mempunyai pelbagai sumber dalam Kawasan (contoh: tanah, premis, kolam, modal insan, kepakaran terentu)

f. Mempunyai projek ekonomi untuk didayaupayakan atau dimajukan melalui bantuan dari segi latihan, bimbingan, kewangan, premis, teknologi, peralatan dan lain-lain.

g. Mempunyai cadangan atau perancangan projek ekonomi untuk dilaksanakan (contoh: pertanian (kebun komuniti, penternakan, kraftangan dan projek atau program berimpak tinggi kepada komuniti.

h. Mempunyai jaringan kerjasama strategik yang kondusif dengan pelbagai pihak yang membantu RT dalam pelaksanaan projek/ program/ aktiviti /perkhidmatan.

i. Memanfaatkan penggunaan teknolog moden, inovasi dan kreativiti dalam Pembangunan komuniti setempat.

Pemetaan sosial adalah merupakan satu tindakan awal yang perlu dilaksanakan sebelum pemberdayaan komuniti RT dilaksanakan melalui analisis profiling yang disediakan. Pemetaan sosial yang dibuat akan memberi kefahaman mengenai:

a. kondisi komuniti

b. potensi sumber-sumber dalam kawasan

c. keupayaan modal insan

d. mengidentifikasi isu atau permasalahan yang dihadapi oleh komuniti

e. keperluan projek atau aktiviti

f. stakeholder, rakan strategik dan pihak berkepentingan

g. cadangan tindakan pemberdayaan atau pemerkasaan

h. jumlah anggaran peruntukan yang diperlukan

Pemerkasaan RT Sebagai Penggerak Komuniti Progresif merupakan suatu inisiatif dan komitmen Kementerian melalui JPNIN untuk memperkukuhkan lagi peranan RT sebagai jentera perpaduan di peringkat komuniti dalam pembangunan masyarakat progresif yang menjadi pemangkin kepada usaha mempertingkatkan inklusiviti, kemakmuran dan merintis jalan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih baik, sejahtera dan mampan untuk generasi akan datang selari dengan aspirasi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Usaha ini direncanakan berdasarkan kepada Kerangka Pemerkasaan RT Penggerak Komuniti Progresif yang bersifat inklusif dan komprehensif.

Dengan keberdayaan ekonomi, kebersamaan komuniti, daya kepimpinan, keupayaan komuniti dan struktur pentadbiran yang kukuh serta kerjasama strategik yang kondusif dengan pelbagai pihak, RT akan dapat berperanan secara lebih efektif sebagai penggerak, pengantara dan penjalin hubung dalam komuniti untuk membangun masyarakat progresif.

Malaysia Tribune

Rukun Tetangga penggerak komuniti progresif

24 Mac 2025



MENTERI Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang melawat projek tanaman di Kawasan Rukun Tetangga Rumah Murah Binjai di Kemaman, Terengganu. - Foto Facebook Kementerian Perpaduan Negara

DI tengah-tengah arus kehidupan moden yang serba pantas, di mana tembok individualisme semakin meninggi, masih wujud satu benteng terakhir yang menyatukan hati-hati masyarakat iaitu Rukun Tetangga (RT).

Ia bukan sekadar sebuah organisasi kejiranan, tetapi simbol perpaduan, keberanian dan keprihatinan.



Pelbagai inisiatif dilaksanakan dalam usaha memperkasa KRT di seluruh negara.

Ketika ancaman keselamatan membayangi atau jurang hubungan sesama jiran semakin melebar, RT tampil sebagai perisai yang mempertahankan keamanan, menghidupkan semangat gotong-royong dan menyuburkan kasih sayang dalam komuniti.

Sepanjang tahun 20024, terdapat 59,601 aktiviti telah dilaksanakan dalam usaha memperkasa KRT di seluruh negara.
Inilah kekuatan sebenar yang menjadi teras masyarakat harmoni iaitu bersatu padu dan berbakti demi sebuah kehidupan yang lebih sejahtera.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, menerusi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), kerajaan telah meletakkan Pembangunan Masyarakat Progresif sebagai satu daripada komponan penting inisiatif Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat Madani.

Justeru, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mengambil inisiatif untuk memperkasa dan memperkukuhkan peranan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif.



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mengambil inisiatif untuk memperkasa dan memperkukuhkan peranan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

"Ia melalui keberdayaan ekonomi, ketahanan, kebersamaan, pengupayaan dan daya kepimpinan komuniti, tadbir urus dan tatakelola yang cekap serta kerjasama strategik yang kondusif antara pelbagai pihak.

"Sejak penubuhannya, kelestarian RT sebagai pemacu dalam komuniti kejiranan telah terbukti memberi impak yang signifikan dalam membantu usaha kerajaan membangunkan komuniti setempat mencakupi pelbagai aspek seperti pengukuhan semangat kejiranan, keselamatan, pembelajaran sepanjang hayat, ekonomi dan kesejahteraan hidup komuniti," jelas Aaron dalam satu kenyataan.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mengambil inisiatif untuk memperkasa dan memperkukuhkan peranan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

JUMLAH KRT PROGRESIF

Bil	Negeri	Fasa 1	Fasa 2	Jumlah Keseluruhan
1.	Johor	10	3	13
2.	Kedah	8	3	11
3.	Kelantan	12	2	14
4.	Melaka	3	3	6
5.	N. Sembilan	7	-	7
6.	Pahang	11	1	12
7.	Perak	12	3	15
8.	Perlis	2	1	3
9.	Pulau Pinang	3	3	6
10.	Sabah	19	3	22
11.	Sarawak	12	2	14
12.	Selangor	10	2	12
13.	Terengganu	7	1	8
14.	WP Kuala Lumpur	3	3	6
15.	WP Putrajaya	1	1	2
16.	WP Labuan	1	-	1
Jumlah Keseluruhan		121	31	152

Jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang terdapat di seluruh negara.

Tambah beliau, bermula dengan konsep keselamatan pada tahun 1975, peranan RT telah ditransformasikan seiring dengan cabaran dan keperluan semasa masyarakat serta negara.

Pada tahun 1983, kerajaan telah memperkenalkan konsep kejiranan untuk menjadikan RT sebagai tapak integrasi dalam kehidupan bermasyarakat khususnya di kawasan-kawasan bandar dan perumahan.

"Usaha ini penting kerana semangat kejiranan, perpaduan dan keharmonian dalam komuniti adalah merupakan tonggak kepada kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara.

"Seterusnya pada tahun 2000, RT Alaf Baru telah diperkenalkan melalui konsep pembangunan komuniti yang memberi fokus kepada pengupayaan komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat untuk berhadapan dengan perubahan gaya hidup dan isu-isu sosial semasa," ujarnya lagi.

PRODUK KRT YANG BERJAYA DIPASARKAN

Negeri	KRT	Jenis Tanaman
Johor	Felda Tenggaroh 2 Zon A	Tanaman Terung, Bendi, Serai dan Ikan Talapia
	Parit Tarum	Akuagro (Cili Padi, Terung, dan Ikan Pekasam)
	Taman Intan 2	Keropok Lekor dan Fish Ball
	Taman Kota Jaya A	Tanaman fertigasi (cili, terung dan bendi)
	Zon Jalan Bacang	Akuagro (Ikan Air Tawar dan Tanaman Sayur-Sayuran)
	Taman Pontian Jaya	Akuagro (Tanaman Terung, Cili, Nenas)
Kedah	Kg Telok/Kg Baru	Tanaman Kelapa Pandan
Kelantan	Batu Papan	Ternakan Ikan Air Tawar
	Bendang Kerian	Tanaman Sayur-Sayuran
	Bukit Jering	Tanaman Sayuran (Terung/Kacang Bendi/Kacang)
	Bukit Kechik	Tanaman Nanas
	Batu Papan	Ternakan Ikan Air Tawar
	Bendang Kerian	Tanaman Sayur-Sayuran
	Bukit Jering	Tanaman Sayuran (Terung/Kacang Bendi/Kacang)

Antara tanaman yang diusahakan KRT negeri Johor, Kedah dan Kelantan.

Menurut Aaron, selaras dengan penubuhan KPN pada 10 Mac 2020, KPN telah menyediakan gerak kerja yang memfokuskan kepada peranan RT supaya lebih jelas, komprehensif dan inklusif.

Empat gerak kerja komuniti tersebut ialah Gerak Kerja Komuniti Sejahtera, Gerak Kerja Komuniti Selamat, Gerak Kerja Komuniti Sihat dan Gerak Kerja Komuniti Bersih dan Indah.

Pelbagai inisiatif dilaksanakan dalam usaha memperkasa peranan KRT di setiap negeri.

"Inisiatif ini bertujuan untuk mendukung hasrat kerajaan menjadikan RT sebagai entiti yang penting dan inklusif serta berupaya menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada komuniti.

"Seterusnya pada tahun 2024 iaitu selaras dengan aspirasi Kajian Separuh Penggal RMKe-12 untuk membangun masyarakat progresif, maka kementerian mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

	Bukit Kechik	Tanaman Nanas
Negeri Sembilan	Gemencheh Baru	Produk Makanan (Rendang Maman Ayam & Daging/ Bayam Crispy/ Pegaga Crispy/Jeruk Maman)
	KTMB	Produk Makanan (Kerepek, Roti, Kuih Frozen)
	Taman Desa Jati	Bahan Pencuci (Sabun Pencuci Serbaguna, Sabun Pencuci Cecair, Sabun Mandi) dan Lilin Wangi
	Taman Lelayang	Bunga Melor dan Serai
	Taman Pinggiran Pedas	Tanaman Serai, Cili Api, Ubi Kayu, Sambal Ikan Bilis
	Gemencheh Baru	Produk Makanan (Rendang Maman Ayam & Daging/ Bayam Crispy/ Pegaga Crispy/Jeruk Maman)
Pahang	Kg. Sg. Meranti	Kuih Tradisional
	Maran 2	Sambal Hitam
	Taman Impian	Semaian Anak Pokok Buah-Buahan Durian, Durian Belanda dan Mangga
Perak	Bandar Behrang 2020	Produk Makanan Bun, Puff, Aneka Pizza dan Kek
	Kg. Tersusun Klebang Selatan	Kerepek Ubi dan Tanaman Tebu
	Taman Bagan Pasir	Produk Sos Cili
	Taman Intan Mas	Tanaman sayur-sayuran
	Pekan Parit Buntar	Kuah Rojak
Perlis	Kg Rama/ Permatang Keriang	Minyak Serai Wangi / Mandian Herba

Antara produk tanaman yang diusahakan di Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Perlis

"Maka peranan RT sebagai penggerak, pengantara penting dan penjalin hubung (bridge builder) dalam masyarakat memerlukan lonjakan transformasi melalui landskap pembangunan yang dipacu oleh komuniti (community-driven development)," tegas beliau.

Sehingga kini, sebanyak lapan bidang tumpuan telah ditetapkan untuk menjadikan RT sebagai entiti yang penting dan inklusif serta berupaya membangun komuniti progresif iaitu Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta.

Projek tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran antara usaha yang dilaksanakan di pelbagai KRT seluruh negara.

Inisiatif Rukun Tetangga Progresif merangkumi tiga fasa pelaksanaan seperti berikut:

	Taman Bukit Kayangan	Penanaman bawang Penanaman Fertigasi (cili, terung, kobis) Hidroponik (sawi) • Tanam atas tanah (tebu, jagung, labu, ubi)
P. Pinang	Pangsapuri Permata A-N	Tanaman Bendi, Sawi, Kangkung, Betik, Nenas dan Pisang
Sabah	Bipisi Bongawan	Ikan Jeruk Pekasam
	Kg Menumpang	Penanaman Fertigasi (Cili dan Sayur-Sayuran)
	Kilimu	Penanaman Nenas Madu
	Bambangan 2	Ikan Air Tawar
Sarawak	Dang Esah, Pusa	Jualan Kuih
	Kampung Kuala Sibuti	Makanan Hasil Laut
	Kampung Petanak Seri	Makanan dan Kuih Kering
	Kampung Sinar Budi Lama	Tanaman Buluh

KRT di negeri Pulau Pinang, Sabah, Sarawak menguasahakan tanaman dan hasil laut.

(a) Fasa 1 – Tahun 2024 (Jangka Masa Pendek)
Fasa pertama inisiatif pemerkasaan ini bermula pada tahun 2024 dengan peruntukan sebanyak RM20 juta yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2024.

Oleh itu, Pelan Tindakan Pemerkasaan RT telah dibangunkan sebagai gerak kerja membangun komuniti progresif. Daripada 8,438 RT di seluruh negara, sekurang-kurangnya 116 RT diperkasakan sebagai Model RT Progresif.

(b) Fasa 2 – Tahun 2025 (Jangka Masa Sederhana)
Perluasan sekurang-kurangnya 500 RT yang akan diperkasakan atau dimodelkan sebagai RT Progresif.

(c) Fasa 3 – Tahun 2026 (Jangka Masa Panjang)
Cadangan agar Inisiatif Pemerkasaan RT diletakkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) dan dilaksanakan secara berterusan.

Setiap negeri melalui Pejabat Perpaduan Daerah/Bahagian mengenalpasti RT-RT yang berpotensi untuk dimodelkan sebagai RT Progresif berdasarkan kriteria berikut:

a. RT yang aktif, cemerlang dan berdaya saing
b. Menjalankan pelbagai projek/program/aktiviti/ perkhidmatan
c. Kepimpinan yang komited
d. Penglibatan aktif komuniti
e. Mempunyai pelbagai sumber dalam kawasan (contoh: tanah, premis, kolam, modal insan, kepakaran tertentu)
f. Mempunyai projek ekonomi untuk didayaupayakan atau dimajukan melalui bantuan dari segi latihan, bimbingan, kewangan, premis, teknologi, peralatan dan lain-lain.
g. Mempunyai cadangan atau perancangan projek ekonomi untuk dilaksanakan (contoh: pertanian (kebun komuniti, penternakan, kraftangan dan projek atau program berimpak tinggi kepada komuniti.
h. Mempunyai jaringan kerjasama strategik yang kondusif dengan pelbagai pihak yang membantu RT dalam pelaksanaan projek/ program/aktiviti/ perkhidmatan.
i. Memanfaatkan penggunaan teknolog moden, inovasi dan kreativiti dalam Pembangunan komuniti setempat.



Pelbagai inisiatif dilaksanakan dalam usaha memperkasa peranan KRT di setiap negeri.

Pemetaan sosial adalah merupakan satu tindakan awal yang perlu dilaksanakan sebelum pemberdayaan komuniti RT dilaksanakan melalui analisis profiling yang disediakan. Pemetaan sosial yang dibuat akan memberi kefahaman mengenai:

a. Kondisi komuniti
b. Potensi sumber-sumber dalam kawasan
c. Keupayaan modal insan
d. Mengidentifikasi isu atau permasalahan yang dihadapi oleh komuniti
e. Keperluan projek atau aktiviti
f. Stakeholder, rakan strategik dan pihak berkepentingan
g. Cadangan tindakan pemberdayaan atau pemerkasaan
h. Jumlah anggaran peruntukan yang diperlukan

Jumlah Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang terdapat di seluruh negara.

3 KRT PROGRESIF (CONTOH TERBAIK)

I. KRT Kg Satey/Pantai, Batu Pahat

Projek: Katering Dapur Komuniti

Dana diberi: RM 25,500

Penerangan: Dalam masa setahun KRT akan memperolehi keuntungan bersih sebanyak RM37,440. Selepas ditolak dengan modal, KRT memperolehi lebihan sebanyak RM12,140. Oleh itu, sebanyak 60 peratus daripada lebihan jualan akan digunakan sebagai modal pusingan, 20 peratus pendapatan Jiran Wanita, 10 peratus Tabung Eknomi dan 10 peratus Tabung KRT

Respons Pengerusi KRT: Pengerusi KRT berterima kasih kepada kerajaan di atas insentif yang diberikan bagi membolehkan KRT menjalankan Projek Katering Dapur Komuniti yang akan memberi manfaat kepada Jiran Wanita.

II. KRT Kampung Sinar Budi Lama

Projek: Tanaman Buluh

Dana diberi: RM51,080

Penerangan: Meningkatkan pendapatan projek. Keuntungan yang jangka dalam tempoh 15 bulan adalah berjumlah RM68,920 setelah ditolak modal.

Respons Pengerusi KRT: Pengerusi KRT berterima kasih kepada kerajaan di atas insentif yang diberikan bagi membolehkan KRT menjalankan projek Tanaman Buluh yang akan memberi manfaat kepada peserta dan komuniti.

III. KRT JALAN K P11, PUTRAJAYA

Projek: Tanaman sayuran dan buahan

Dana diberi: RM10,000

Penerangan: Meningkatkan pendapatan projek. Anggaran kos perbelanjaan setahun = RM27,500

Anggaran hasil jualan setahun = RM36,000

Anggaran keuntungan kasar setahun = RM13,250

Respons Pengerusi KRT: Pengerusi KRT berterima kasih kepada kerajaan di atas insentif yang diberikan bagi membolehkan KRT menjalankan projek tanaman sayuran dan buahan yang akan memberi manfaat kepada peserta dan komuniti.

Antara produk yang berjaya dipasarkan oleh KRT negeri Johor, Kedah dan Kelantan.

PERANCANGAN JANGKA PANJANG

a. Pemilihan dan penilaian RT untuk dimodelkan sebagai RT Progresif bagi tahun 2025 dan seterusnya akan dibuat secara lebih teliti dan kritikal.

b. Menambahbaik dan mengoptimumkan penggunaan platform digital untuk memastikan kecekapan & keberkesanan pelaksanaan inisiatif RT Progresif.

c. Memperkukuhkan kerjasama strategik dengan sektor swasta/korporat untuk menjadikan RT Progresif sebagai 'Komuniti Angkat' kepada mereka (CSR).

Senarai produk yang diusahakan di KRT Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Perlis.

d. Membangunkan sekurang-kurangnya satu RT Progresif di setiap negeri sebagai Model/Pusat Rujukan dalam aspek kesukarelawanan, pembangunan komuniti dan penyatuan komuniti.

e. Pelaksanaan projek ekonomi yang berskala besar yang memberi pulangan (ROI) yang tinggi dan berimpak tinggi kepada komuniti.

"Pemerkasaan RT Sebagai Penggerak Komuniti Progresif merupakan suatu inisiatif dan komitmen KPN melalui JPNIN untuk memperkukuhkan lagi peranan RT sebagai jentera perpaduan di peringkat komuniti.

Produk yang diusahakan KRT bagi negeri Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.



Projek tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran antara usaha yang dilaksanakan di pelbagai KRT seluruh negara.

"Ia merupakan langkah dalam pembangunan masyarakat progresif yang menjadi pemangkin kepada usaha mempertingkatkan inklusiviti, kemakmuran dan merintis jalan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih baik, sejahtera dan mampan untuk generasi akan datang selari dengan aspirasi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas.

"Usaha ini direncanakan berdasarkan kepada Kerangka Pemerkasaan RT Penggerak Komuniti Progresif yang bersifat inklusif dan komprehensif.

"Dengan keberdayaan ekonomi, kebersamaan komuniti, daya kepimpinan, keupayaan komuniti dan struktur pentadbiran yang kukuh serta kerjasama strategik yang kondusif dengan pelbagai pihak, RT akan dapat berperanan secara lebih efektif sebagai penggerak, pengantara dan penjalin hubung dalam komuniti untuk membangun masyarakat progresif," ungkapnya.

BH ONLINE

Kerajaan bercadang wujudkan RT Progresif di setiap negeri

24 Mac 2025



(Gambar fail) Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. - NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

PUTRAJAYA: Kerajaan bercadang mewujudkan sekurang-kurang satu Rukun Tetangga (RT) Progresif di setiap negeri, sebagai model rujukan dalam aspek kesukarelawanan, pembangunan komuniti serta penyatuan komuniti.

Ia antara beberapa perancangan jangka panjang Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), untuk memperkasakan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata pihaknya akan menambah baik dan mengoptimumkan penggunaan platform digital untuk memastikan kecekapan serta keberkesanan pelaksanaan inisiatif RT Progresif.

"Pemilihan serta penilaian RT untuk dimodelkan sebagai RT Progresif bagi 2025 dan seterusnya akan dibuat secara lebih teliti serta kritikal.

"Selain itu, kita merancang untuk melaksanakan projek ekonomi berskala besar yang memberi pulangan (ROI) tinggi dan berimpak tinggi kepada komuniti," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Aaron berkata, pemerkasaan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif adalah inisiatif dan komitmen kementerian melalui JPNIN untuk memperkukuhkan peranan RT sebagai jentera perpaduan pada peringkat komuniti.

Beliau menjelaskan bahawa ia penting dalam pembangunan masyarakat progresif yang menjadi pemangkin kepada usaha mempertingkatkan inklusiviti dan kemakmuran serta merintis jalan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih baik, sejahtera dan mampan untuk generasi akan datang.

"Pada 2024, iaitu selaras aspirasi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) untuk membangunkan masyarakat progresif, kementerian mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

"Maka, peranan RT sebagai penggerak, pengantara penting dan penjalinhubung dalam masyarakat, memerlukan lonjakan transformasi melalui landskap pembangunan yang dipacu oleh komuniti," katanya.

Setakat ini, terdapat 152 RT Progresif di seluruh negara.

Kosmo!

Kepulangan angkat kisah 'anak emak'

24 Mac 2025



Antara barisan bintang yang terlibat dengan filem pendek Kepulangan.

PETALING JAYA – Kementerian Perpaduan Negara mengangkat kisah kekeluargaan serta konflik anak lelaki tunggal yang masih tinggal bersama ibu dalam filem pendek bertajuk Kepulangan sempena Aidilfitri kali ini.

Pengarahnya, Zaiham Zainal berkata, filem pendek tersebut merupakan cetusan idea Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang yang mana beliau amat menjunjung tinggi perpaduan dan keharmonian di negara ini.

"Saya merasakan filem pendek ini harus ditonton oleh segenap lapisan masyarakat demi memastikan kita semua menerima mesej utama filem pendek ini iaitu faham, hormat dan terima.

"Filem pendek ini menekankan maksud agar kita faham akan kepelbagaian agama di negara ini dan kita hormat setiap amalan masyarakat yang berbilang agama serta kita menerima setiap perbezaan dalam menghormati setiap agama di Malaysia," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, kisah ini mengangkat tentang konflik anak tunggal lelaki, Ismail, yang berusia pertengahan 20-an yang masih tinggal bersama ibunya, Puan Faridah.

"Mentaliti masyarakat kita yang kebanyakannya memandang lelaki harus hidup berdikari dan tinggal berasingan daripada ibu dan ayah.

"Konflik tercetus di mana rakan sekerja Ismail kerap mengusik dia yang masih tinggal bersama ibunya. Rakan sekerja Ismail yang berasal dari negeri Borneo telah lama merantau dan hidup berdikari, membuatkan ego Ismail tercabar," ujarnya ketika mengulas mengenai filem pendek tersebut.

Katanya, selain ditayangkan di beberapa stesen televisyen, filem pendek ini turut boleh disaksikan di platform media sosial Menteri Perpaduan Negara dan Kementerian Perpaduan.

Filem pendek melalui produksi Armada Putih Sdn. Bhd. turut melibatkan pelakon-pelakon lain seperti Lizzy dan Deva selain Ismail dan Faridah. – KOSMO! ONLINE

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Drama pendek Kepulangan angkat konflik ibu dan anak

24 Mac 2025



Filem pendek 'Kepulangan' mengangkat kisah kekeluargaan antara ibu dan anak.

FILEM pendek Kementerian Perpaduan Negara bersempena Hari raya Aidilfitri yang bertajuk 'Kepulangan' mengangkat kisah kekeluargaan di antara ibu dan anak.

Kepulangan berkisar tentang konflik anak tunggal lelaki, Ismail, yang berusia pertengahan 20-an yang masih tinggal bersama ibunya, Puan Faridah.

Mentaliti masyarakat kita yang kebanyakannya memandang lelaki harus hidup berdikari dan tinggal berasingan daripada ibu dan ayah.

Konflik tercetus di mana rakan sekerja Ismail kerap mengusik kerana dia masih tinggal bersama ibunya.

Rakan sekerja Ismail yang berasal dari negeri Borneo telah lama merantau dan hidup berdikari, membuatkan ego Ismail tercabar.

Pelakon utama Kepulangan, Izzul Faiq, berkata, watak Ismail amat dekat dengan dirinya.



Dari kiri: Reza Shah sebagai Felix, Izzul Faiq sebagai Ismail dan Hugo Amandus sebagai Richard.

"Saya sendiri pernah melalui pengalaman ini. Adakalanya desakan orang sekeliling membuatkan ego diri tercabar. Lebih teruk lagi apabila berlaku sengketa yang membuatkan hubungan keluarga diuji," kata Izzul.

Filem pendek arahan Zaiham Zainal turut melibatkan pelakon-pelakon lain seperti Lizzy dan Deva selain Ismail dan Faridah.

Filem pendek ini harus ditonton oleh segenap lapisan masyarakat demi memastikan kita semua menerima mesej utama iaitu Faham, Hormat dan Terima yang bermaksud, kita faham akan kepelbagaian agama di negara ini dan kita hormat setiap amalan masyarakat yang berbilang agama serta menerima setiap perbezaan dalam menghormati setiap agama di Malaysia.



Dari kiri: Reza Shah sebagai Felix, Izzul Faiq sebagai Ismail dan Hugo Amandus sebagai Richard.

Idea filem pendek ini difahamkan telah dicetuskan oleh Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara yang mana beliau sangat menjunjung tinggi perpaduan dan keharmonian dalam kepelbagaian di negara ini.

Kepulangan telah mula ditayangkan melalui RTM, Bernama, TVS dan ASTRO serta platform media sosial Menteri Perpaduan Negara dan Kementerian Perpaduan.

Malaysia Tribune

Aidilfitri: Kepulangan papar konflik kekeluargaan ibu, anak

24 Mac 2025



FILEM pendek bertajuk Kepulangan yang dibawakan oleh Kementerian Perpaduan Negara boleh ditonton di semua platform media sosial dan saluran televisyen RTM, Bernama, TVS dan Astro.

SEMPENA sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi, Kementerian Perpaduan Negara membawakan sebuah filem pendek bertajuk Kepulangan yang memaparkan kisah kekeluargaan penuh emosi antara ibu dan anak.

Filem ini mengisahkan tentang konflik anak tunggal lelaki bernama Ismail, berusia pertengahan 20-an yang masih tinggal bersama ibunya, Puan Faridah lakonan mantap Rosnah Johari.

Mentaliti masyarakat kita yang kebanyakannya memandang lelaki harus hidup berdikari dan tinggal berasingan daripada ibu dan ayah.



Barisan pelakon Kepulangan yang mewarnai filem pendek sempena Aidilfitri ini.

Konflik tercetus di mana rakan sekerja Ismail kerap mengusiknya yang masih tinggal bersama ibunya.

Mereka yang berasal dari negeri Borneo telah lama merantau dan hidup berdikari, membuatkan ego Ismail tercabar.

Pelakon utama Kepulangan, Izzul Faiq, berkata, watak Ismail amat dekat dengan dirinya.

“Saya sendiri pernah melalui pengalaman ini. Adakalanya desakan orang sekeliling membuatkan ego diri tercabar. Lebih teruk lagi apabila berlaku sengketa yang membuatkan hubungan keluarga diuji,” kata Izzul.

Filem pendek arahan Zaiham Zainal itu menampilkan pelakon lain seperti Lizzy dan Deva selain Ismail dan Faridah.

“Saya merasakan filem pendek ini harus ditonton oleh segenap lapisan masyarakat demi memastikan kita semua menerima mesej utamanya iaitu Faham, Hormat dan Terima.



Reza Shah (kiri) sebagai Felix, Izzul Faiq (tengah) sebagai Ismail dan Hugo Amandus sebagai Richard yang membawakan watak sahabat dalam filem pendek ini.

“Ia bermaksud, kita faham akan kepelbagaian agama di negara ini, kita hormat setiap amalan masyarakat yang berbilang kaum serta kita menerima setiap perbezaan dalam menghormati setiap agama di Malaysia.

“Saya difahamkan idea filem pendek ini merupakan cetusan idea Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang yang sangat menjunjung tinggi perpaduan dan keharmonian dalam kepelbagaian di negara ini,” jelas Izzul.

Kepulangan telah mula ditayangkan melalui saluran RTM, BERNAMA, TVS dan ASTRO.

Selain itu, ia juga boleh ditonton melalui platform media sosial Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang dan Kementerian Perpaduan Negara.

REFLEKS
SEGAR . AKTIF . TERAMPIL

Filem Pendek Kepulangan oleh KPN mengangkat kisah kekeluargaan di antara ibu dan anak

24 Mac 2025



FILEM pendek Kementerian Perpaduan Negara bersempena Hari raya Aidilfitri yang bertajuk Kepulangan mengangkat kisah kekeluargaan di antara ibu dan anak.

Mengisarkan tentang konflik anak tunggal lelaki, Ismail, yang berusia pertengahan 20-an yang masih tinggal bersama ibunya, Puan Faridah.

Mentaliti masyarakat kita yang kebanyakannya memandang lelaki harus hidup berdikari dan tinggal berasingan daripada ibu dan ayah.

Konflik tercetus dimana rakan sekerja Ismail kerap mengusik dia yang masih tinggal bersama ibunya. Rakan sekerja Ismail yang berasal dari negeri Borneo telah lama merantau dan hidup berdikari, membuatkan ego Ismail tercabar.



Dari kiri: Reza Shah sebagai Felix, Izzul Faiq sebagai Ismail dan Hugo Amandus sebagai Richard.

Pelakon utama Kepulangan, Izzul Faiq, berkata, watak Ismail amat dekat dengan dirinya. “Saya sendiri pernah melalui pengalaman ini. Adakalanya desakan orang sekeliling membuatkan ego diri tercabar. Lebih teruk lagi apabila berlaku sengketa yang membuatkan hubungan keluarga diuji”, kata Izzul.

Filem pendek arahan Zaiham Zainal turut melibatkan pelakon-pelakon lain seperti Lizzy dan Deva selain Ismail dan Faridah.

Saya merasakan filem pendek ini harus ditonton oleh segenap lapisan masyarakat demi memastikan kita semua menerima mesej utama filem pendek ini iaitu Faham, Hormat dan Terima yang bermaksud, kita faham akan kepelbagaian agama di negara ini dan kita hormat setiap amalan masyarakat yang berbilang agama serta kita menerima setiap perbezaan dalam menghormati setiap agama di Malaysia.



Kiri belakang : Felix, Ismail dan Richard
Kiri depan : Nicole (Lizzy), Rosnah Johari (Faridah) dan Dhakshu Valentina (Deva)

Idea filem pendek ini saya di fahamkan merupakan cetusan idea Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara yang mana beliau sangat menjunjung tinggi perpaduan dan keharmonian dalam kepelbagaian di negara ini.

Kepulangan telah mula ditayangkan melalui RTM, BERNAMA, TVS dan ASTRO serta platform media sosial Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang dan Kementerian Perpaduan.

Kementerian Perpaduan terbit filem pendek Aidilfitri

24 Mac 2025

Karya bertajuk 'Kepulangan' memaparkan kisah kekeluargaan yang turut menerapkan mesej faham, hormat dan terima.



Barisan pelakon yang membintangi filem pendek bertajuk 'Kepulangan' terbitan Kementerian Perpaduan Negara.

PETALING JAYA: Sempena Aidilfitri, Kementerian Perpaduan Negara menerbitkan sebuah filem pendek memaparkan kisah kekeluargaan yang turut menerapkan mesej faham, hormat dan terima.

Difahamkan, karya bertajuk 'Kepulangan' hasil cetusan Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang yang sangat menjunjung tinggi perpaduan dan keharmonian dalam kepelbagaian dalam negara.

Filem pendek arahan Zaiham Zainal itu mengisahkan konflik anak tunggal lelaki, Ismail, berusia pertengahan 20-an yang masih tinggal bersama ibunya, Faridah.

Konflik tercetus apabila rakan sekerja Ismail kerap mengusiknya yang masih tinggal bersama ibunya. Egonya juga tercabar melihat rakan dari Borneo telah lama merantau dan hidup berdikari.

Izzul Faiq, pembawa watak Ismail berkata keadaan itu dekat dengan dirinya yang pernah melalui pengalaman sama, iaitu desakan orang sekeliling membuatkan ego diri tercabar.

"Filem pendek ini harus ditonton segenap lapisan masyarakat demi memastikan kita semua menerima mesej utama filem pendek ini iaitu faham, hormat dan terima.

"Ia bermaksud kita faham kepelbagaian agama di negara ini dan hormat setiap amalan masyarakat berbilang agama serta menerima setiap perbezaan dalam menghormati setiap agama di Malaysia," katanya.

Kepulangan sudah mula ditayangkan melalui RTM, Bernama TV, TVS dan Astro serta platform media sosial Aaron dan Kementerian Perpaduan Negara.

Tiga pesanan dalam iklan raya KPN

25 Mac 2025



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerbitkan iklan raya melalui Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA) yang menzahirkan perpaduan di Malaysia, tahun ini.

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerbitkan iklan raya melalui Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA) yang menzahirkan perpaduan di Malaysia, tahun ini.

PSA terbitan KPN ini dibintangi pelakon Rosnah Johari sebagai Faridah, Izzul Faiq (Ismail) termasuk pelakon-pelakon yang mewakili masyarakat berbangsa Cina, India, Sarawak dan Sabah.

Berkisar konflik anak tunggal lelaki bernama Ismail yang menggoncang syurganya dan terpaksa berperang dengan mentaliti masyarakat kebanyakan memandangkan lelaki harus hidup berdikari dan tinggal berasingan daripada ibu dan ayah.

Konflik tercetus apabila rakan sekerja Ismail kerap mengusiknya yang masih tinggal bersama ibu, malah rakan sekerja Ismail yang berasal dari Borneo sudah lama merantau dan hidup berdikari membuatkan ego Ismail tercabar.

Namun, tunjang kekeluargaan sebenarnya turut dijunjung tinggi oleh rakan Ismail walaupun berbeza agama dan bangsa.

Antara mesej lain digarap melalui iklan adalah tirai iklan dibuka oleh Lizzy yang memasak untuk Faridah dan Ismail dengan menggunakan periuk khas dibeli khusus untuk rakan beragama Islam.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara Kementerian Perpaduan Negara, Dr Shatesh Kumar Sangar, berkata melalui beberapa mesej disampaikan, ia jelas mengenai tiga pesanan utama, iaitu faham, hormat dan terima melalui kehidupan harmoni dalam kepelbagaian di Malaysia.

"Di akhir PSA ini, ia menceritakan dan menyatukan pelbagai latar belakang masyarakat dalam satu wadah.

"Iklan ini menyeru rakyat Malaysia agar terus menjaga hubungan yang erat, menyuburkan budaya saling menghargai, serta memperkukuh jati diri nasional.

"Iklan ini mengangkat nilai-nilai murni yang menjadi tunjang perpaduan negara seperti kekeluargaan, kesederhanaan, keharmonian, serta tolak ansur antara semua kaum," katanya dalam satu kenyataan.

PSA terbitan KPN itu boleh ditonton melalui saluran televisyen (TV) dan radio seperti RTM, BERNAMA, TVS dan Astro serta platform media sosial Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang.

Siaran PSA itu juga mendapat sokongan Menteri Komunikasi dengan memberi kebenaran untuk iklan disiarkan melalui TV dan memberi liputan media meluas agar mesej sampai kepada masyarakat akan kepentingan perpaduan dalam negara yang berbilang bangsa.

edisi9

Iklan raya Kementerian Perpaduan 'lain macam', bawa mesej jelas

25 Mac 2025



KEPULANGAN Menggoncang Syurga, itulah judul filem pendek yang dihasilkan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sempena Hari Raya Aidilfitri kali ini.

Mengisarkan tentang konflik anak tunggal lelaki Faridah bernama Ismail, yang telah 'menggoncang syurganya' kerana terpaksa berperang dengan mentaliti masyarakat.

Ini kerana kebanyakan masyarakat memandangkan lelaki harus hidup berdikari dan tinggal berasingan daripada ibu dan bapa mereka.

Konflik tercetus di mana rakan sekerja Ismail kerap mengusik dia yang masih tinggal bersama ibunya.

Rakan-rakan sekerja Ismail yang berasal dari Borneo telah lama merantau dan hidup berdikari, membuatkan ego Ismail tercabar.

Namun, tunjang kekeluargaan tersebut sebenarnya turut dijunjung tinggi oleh rakan-rakan Ismail yang lain walaupun berbeza agama dan bangsa.

Filem pendek tersebut menampilkan pelakon berpengalaman Rosnah Johari sebagai Fauziah di samping Izzul Faiq (Ismail) serta para pelakon yang mewakili pelbagai kaum di Malaysia.

Menurut KPN, secara keseluruhan, iklan tersebut memaparkan tiga mesej yang jelas iaitu saling memahami, saling menghormati dan saling menerima antara satu sama lain sebagai teras keharmonian rakyat di negara ini.

"Iklan ini menyeru rakyat Malaysia agar terus menjaga hubungan yang erat, menyuburkan budaya saling menghargai, serta memperkukuh jati diri nasional.

"Iklan ini mengangkat nilai-nilai murni yang menjadi tunjang perpaduan negara seperti kekeluargaan, kesederhanaan, keharmonian, serta tolak ansur antara semua kaum," KPN dalam satu kenyataan hari ini.

Iklan tersebut dijangka ditayang melalui saluran televisyen, dan radio seperti RTM, Bernama, TVS dan Astro serta platform media sosial Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang. – Edisi 9



Para pelakon yang menjayakan Kepulangan Menggoncang Syurga.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Zahirkan perpaduan di Malaysia

25 Mac 2025



IKLAN melalui Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA) bersempena Aidilfitri dihasilkan Kementerian Perpaduan Negara berjudul kepulangan membawa mesej serta menzahirkan perpaduan di negara ini.-UTUSAN

KANGAR: Iklan melalui Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA) bersempena Aidilfitri dihasilkan Kementerian Perpaduan Negara berjudul kepulangan membawa mesej serta menzahirkan semangat perpaduan di negara ini.

Ia dibarisi pelakon seperti Rosnah Johari sebagai Faridah dan Izzul Faiq sebagai Ismail selain selain barisan pelakon mewakili masyarakat berbangsa Cina, India, Sarawak dan Sabah.

Filem pendek berkenaan mengisarkan mengenai konflik anak tunggal lelaki yang bernama Ismail selain terpaksa berperang dengan mentaliti masyarakat kebanyakan memandangkan lelaki harus hidup berdikari dan tinggal berasingan daripada ibu dan ayah.

Konflik tercetus di mana rakan sekerja Ismail kerap mengusiknya yang masih tinggal bersama ibunya manakala rakan sekerja lain yang berasal dari Borneo telah lama merantau dan hidup berdikari sekali gus membuatkan ego Ismail tercabar.

Namun, tunjang kekeluargaan ini sebenarnya turut dijunjung tinggi oleh rakan-rakan Ismail walaupun berbeza agama dan bangsa. Secara keseluruhan, melalui beberapa mesej yang disampaikan itu, ia jelas menyampaikan tiga pesanan utama iaitu faham, hormat dan terima melalui kehidupan harmoni dalam kepelbagaian di Malaysia.

Manakala di akhir PSA tersebut, menceritakan dan menyatukan pelbagai latar belakang masyarakat dalam satu satu wadah dan menyeru rakyat Malaysia agar terus menjaga hubungan erat, menyuburkan budaya saling menghargai, serta memperkukuh jati diri nasional.

Ia juga mengangkat nilai-nilai murni yang menjadi tunjang perpaduan negara seperti kekeluargaan, kesederhanaan, keharmonian, serta tolak ansur antara semua kaum. PSA ini disiarkan di pelbagai saluran televisyen seperti RTM, BERNAMA, TVS dan ASTRO serta melalui platform media sosial Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. -UTUSAN

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Kepulangan cetusan idea Menteri Perpaduan

25 Mac 2025



Kisah kekeluargaan serta konflik anak lelaki tunggal yang masih tinggal bersama ibu diangkat dalam filem pendek bertajuk Kepulangan sempena Aidilfitri kali ini.

KISAH kekeluargaan serta konflik anak lelaki tunggal yang masih tinggal bersama ibu diangkat dalam filem pendek bertajuk Kepulangan sempena Aidilfitri kali ini.

Menariknya, filem pendek tersebut merupakan cetusan idea Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang yang amat menjunjung tinggi perpaduan dan keharmonian di negara ini.

Pengarahnya, Zaiham Zainal berkata, filem pendek ini harus ditonton oleh segenap lapisan masyarakat demi memastikan kita semua menerima mesej utama filem pendek ini iaitu faham, hormat dan terima.

"Filem pendek ini menekankan maksud agar kita faham akan kepelbagaian agama di negara ini dan kita hormat setiap amalan masyarakat yang berbilang agama serta kita menerima setiap perbezaan dalam menghormati setiap agama di Malaysia," katanya dalam kenyataan.

Kepulangan mengangkat konflik anak tunggal lelaki, Ismail, yang berusia pertengahan 20-an yang masih tinggal bersama ibunya, Puan Faridah.

Mentaliti masyarakat kita yang kebanyakannya memandang lelaki harus hidup berdikari dan tinggal berasingan daripada ibu dan ayah.



Pelakon drama pendek Kepulangan.

Konflik tercetus di mana rakan sekerja Ismail kerap mengusik dia yang masih tinggal bersama ibunya.

Rakan sekerja Ismail yang berasal dari negeri Borneo telah lama merantau dan hidup berdikari, membuatkan ego Ismail tercabar.

"Namun, tunjang kekeluargaan ini sebenarnya turut dijunjung tinggi oleh rakan-rakan Ismail walaupun berbeza agama dan bangsa," kata Zaiham.

Pelakon veteran, Rosnah Johari melakonkan watak sebagai Faridah manakala Izzul Faiq sebagai Ismail, selain pelakon-pelakon yang mewakili masyarakat berbangsa Cina, India, Sarawak dan Sabah.

"Filem pendek ini turut menyeru rakyat Malaysia agar terus menjaga hubungan yang erat, menyuburkan budaya saling menghargai, serta memperkukuh jati diri nasional," katanya.

Pada masa yang sama, ia turut mengangkat nilai-nilai murni yang menjadi tunjang perpaduan negara seperti kekeluargaan, kesederhanaan, keharmonian serta tolak ansur antara semua kaum.

Selain ditayangkan di beberapa stesen televisyen, filem pendek ini boleh disaksikan di platform media sosial Menteri Perpaduan Negara dan Kementerian Perpaduan.

Polis Diminta Siasat Segera Video Tular Wanita Dayak Dimaki Isu Perkauman

25 Mac 2025



Police Urged To Investigate Viral Video Of Dayak Woman Allegedly Threathened, Racially Abused In Shah Alam

25 March 2025



KUALA LUMPUR, March 25 (Bernama) -- Police have been urged to conduct an immediate investigation into a viral video of a Dayak female saleswoman allegedly being threatened and scolded by a man, including involving racist words in an incident in Central i-City Shah Alam, recently.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said appropriate action should be taken against the perpetrators, while describing acts that are racist and uncivilised and even contrary to the principles of the Rukun Negara should be dealt with seriously.

"Incidents like this should not exist in the multi-racial and multi-religious society of this country. Every individual deserves to be Datuk Aaron Ago Dagang respected regardless of their ethnic, religious, or social status. The Ministry of National Unity will not compromise on any form of insult against any race in the country," he said in a statement today.

Aaron also reminded all Malaysians to continue to maintain the harmony and unity of the country by respecting and understanding each other.

Earlier, a video recording with a caption claiming that a female saleswoman of Dayak descent was threatened and scolded by her customer, including racially, believed to be caused by a misunderstanding during a sales transaction.
-- BERNAMA

tvs
www.tvsarawak.my

Kementerian Perpaduan Negara tegaskan tindakan tidak berperikemanusiaan di Central i-City Shah Alam

25 Mac 2025



Datuk Aaron Ago Dagang. Foto: Kementerian Perpaduan Negara

PUTRAJAYA, 25 Mac: Kementerian Perpaduan Negara hari ini menegaskan pendirian tegas mereka berhubung insiden yang berlaku di Central i-City Shah Alam, di mana seorang jurujual berketurunan Dayak telah dimaki dan diugut dengan kata-kata kesat hanya kerana syiling 50 sen.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, dalam kenyataan media hari ini, menyatakan bahawa tindakan tersebut jelas mencerminkan perbuatan tidak berperikemanusiaan yang bertentangan dengan prinsip Rukun Negara yang selama ini dijunjung oleh seluruh rakyat Malaysia.

"Lebih mendukacitakan lagi, insiden ini turut melibatkan perkataan berbaur perkauman yang seharusnya tidak wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama kita.

"Setiap individu di negara ini berhak untuk dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau status sosial mereka," menurut kenyataan itu.

Beliau menegaskan bahawa kementeriannya tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum di negara ini, tindakan bersifat perkauman dan tidak bertamadun seperti ini perlu ditangani dengan serius.

Aaron juga menggesa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menjalankan siasatan segera dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap individu yang terlibat dalam insiden tersebut.

"Saya juga ingin mengingatkan semua rakyat Malaysia agar terus menjaga keharmonian dan perpaduan yang telah lama kita bina.

"Setiap individu mempunyai peranan penting dalam memastikan negara ini terus maju dengan penuh kasih sayang, hormat-menghormati dan saling memahami antara satu sama lain," tambah kenyataan itu lagi. – TVS

Sinar Harian

Tular video wanita Dayak dimaki isu perkauman

25 Mac 2025



Tangkap layar video tular di media sosial memaparkan seorang lelaki memarahi wanita Dayak.

KUALA LUMPUR – Polis digesa menjalankan siasatan segera terhadap satu video tular mengenai seorang jurujual wanita berketurunan Dayak yang didakwa diugut dan dimaki seorang lelaki, termasuk melibatkan perkataan berbaur perkauman dalam insiden di Central i-City Shah Alam baru-baru ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, tindakan sewajarnya harus dikenakan kepada pelaku, sambil menyifatkan perbuatan berbaur perkauman dan tidak bertamadun, malah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara itu harus ditangani secara serius.

"Insiden seperti ini tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama di negara ini. Setiap individu berhak untuk dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau status sosial mereka.

"Kementerian Perpaduan Negara tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum di negara ini," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Aaron turut mengingatkan kepada semua rakyat Malaysia agar terus menjaga keharmonian dan perpaduan negara dengan saling hormat-menghormati dan memahami antara satu sama lain.

Terdahulu, tular menerusi aplikasi TikTok rakaman video berserta kapsyen yang mendakwa seorang jurujual wanita berketurunan Dayak, diugut dan dimaki pelanggannya termasuk berbaur perkauman, dipercayai berpunca daripada perselisihan faham dalam transaksi jual beli. – Bernama

myMetro

Polis diminta siasat segera video tular wanita Dayak dimaki isu perkauman

25 Mac 2025



Kuala Lumpur: Polis digesa menjalankan siasatan segera terhadap satu video tular mengenai seorang jurujual wanita berketurunan Dayak yang didakwa diugut dan dimaki seorang lelaki, termasuk membabkitkan perkataan berbaur perkauman dalam insiden di Central i-City Shah Alam baru-baru ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, tindakan sewajarnya harus dikenakan kepada pelaku, sambil menyifatkan perbuatan berbaur perkauman dan tidak bertamadun, malah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara itu harus ditangani secara serius.

"Insiden seperti ini tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama di negara ini. Setiap individu berhak untuk dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau status sosial mereka.

"Kementerian Perpaduan Negara tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum di negara ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aaron turut mengingatkan kepada semua rakyat Malaysia supaya terus menjaga keharmonian dan perpaduan negara dengan saling hormat-menghormati dan memahami antara satu sama lain.

Terdahulu, tular menerusi aplikasi TikTok rakaman video berserta kapsyen yang mendakwa seorang jurujual wanita berketurunan Dayak, diugut dan dimaki pelanggannya termasuk berbaur perkauman, dipercayai berpunca daripada perselisihan faham dalam transaksi jual beli.

theSun

Police urged to investigate viral video of Dayak woman allegedly threathened, racially abused in Shah Alam

25 March 2025



National Unity Minister, Datuk Aaron Ago Dagang. – BERNAMApix

KUALA LUMPUR: Police have been urged to conduct an immediate investigation into a viral video of a Dayak female saleswoman allegedly being threatened and scolded by a man, including involving racist words in an incident in Central i-City Shah Alam, recently.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said appropriate action should be taken against the perpetrators, while describing acts that are racist and uncivilised and even contrary to the principles of the Rukun Negara should be dealt with seriously.

"Incidents like this should not exist in the multi-racial and multi-religious society of this country. Every individual deserves to be respected regardless of their ethnic, religious, or social status. The Ministry of National Unity will not compromise on any form of insult against any race in the country, " he said in a statement today.

Aaron also reminded all Malaysians to continue to maintain the harmony and unity of the country by respecting and understanding each other.

Earlier, a video recording with a caption claiming that a female saleswoman of Dayak descent was threatened and scolded by her customer, including racially, believed to be caused by a misunderstanding during a sales transaction.

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

National Unity Minister calls for police probe into verbal abuse against Dayak sales assistant in Shah Alam

25 March 2025



Screengrab from the CCTV footage of the man (left) and his family while the sales assistant is at the cash register. – Photo from Facebook/ Persatuan Anak Borneo Semenanjung -ABS

KUCHING (March 25): The police has been asked to immediately launch an investigation into a recent incident at Central i-City, Shah Alam, where a Dayak sales assistant was verbally abused and threatened over a mere 50 sen.

The man had also allegedly threatened to handcuff the sales assistant.

Making the call in a statement, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang denounced the act as inhumane and contrary to the principles of the Rukun Negara, which upholds unity and mutual respect among Malaysians.

"What is even more distressing is that this incident involved racial slurs, which have no place in our multicultural and multi-religious society.

"Every individual in this country deserves respect, regardless of their ethnic background, religion, or social status," he said.

The incident, which was captured on CCTV and the footage viraled over social media, has sparked public outrage, with many calling for stricter enforcement against racial discrimination and hate speech in Malaysia.

The racial comment was apparently made after the sales assistant asked if the man had 50 sen coins for an ice cream.

Aaron affirmed that his ministry would not tolerate any form of racial discrimination or insult directed at any community.

He urged the Royal Malaysia Police (PDRM) to conduct an immediate investigation and take appropriate action against the perpetrator.

"I also remind all Malaysians to continue preserving the harmony and unity we have long nurtured.

"Every individual plays a vital role in ensuring our nation progresses with love, respect, and mutual understanding," he added.

Utusan Borneo Online

Polis diminta siasat segera video tular wanita Dayak dimaki isu perkauman

25 Mac 2025



Tangkap layar rakaman CCTV yang dikongsikan dalam hantaran Facebook Persatuan Anak Borneo Semenanjung -ABS

KUALA LUMPUR: Polis digesa menjalankan siasatan segera terhadap satu video tular mengenai seorang jurujual wanita berketurunan Dayak yang didakwa diugut dan dimaki seorang lelaki, termasuk melibatkan perkataan berbaur perkauman dalam insiden di Central i-City Shah Alam baru-baru ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata tindakan sewajarnya harus dikenakan kepada pelaku, sambil menyifatkan perbuatan berbaur perkauman dan tidak bertamadun, malah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara itu harus ditangani secara serius.

"Insiden seperti ini tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama di negara ini. Setiap individu berhak untuk dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau status sosial mereka.

"Kementerian Perpaduan Negara tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum di negara ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aaron turut mengingatkan kepada semua rakyat Malaysia agar terus menjaga keharmonian dan perpaduan negara dengan saling hormat-menghormati dan memahami antara satu sama lain.

Terdahulu, tular menerusi aplikasi TikTok rakaman video berserta kapsyen yang mendakwa seorang jurujual wanita berketurunan Dayak, diugut dan dimaki pelanggannya termasuk berbaur perkauman, dipercayai berpunca daripada perselisihan faham dalam transaksi jual beli.

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

PDRM digesa siasat segera lelaki maki, ugut jurujual keturanan Dayak

25 Mac 2025



KUALA LUMPUR – Kementerian Perpaduan Negara menggesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menjalankan siasatan segera serta mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pelaku yang maki dan mengugut seorang jurujual berketurunan Dayak dalam insiden tular yang berlaku di Central i-City Shah Alam, baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, tindakan tersebut jelas menunjukkan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan dan bertentangan dengan prinsip Rukun Negara yang dijunjung.

Lebih mendukacitakan lagi, insiden ini turut melibatkan perkataan berbaur perkauman yang tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama ini.

Setiap individu di negara ini berhak untuk dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau status sosial mereka, katanya.

"Kementerian Perpaduan Negara tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum di negara ini.

"Tindakan yang bersifat perkauman dan tidak bertamadun seperti ini harus ditangani dengan serius," ujarnya dalam satu kenyataan di sini.

Kenyataan ini turut berkongsi video tular dan gambar pelaku.

Aaron mengingatkan semua rakyat Malaysia agar terus menjaga keharmonian dan perpaduan yang telah lama dibina oleh rakyat negara ini.

Jelasnya, setiap individu mempunyai peranan penting dalam memastikan negara ini terus maju dengan penuh kasih sayang, hormat-menghormati, dan saling memahami antara satu sama lain.

Facebook Persatuan Anak Borneo Semenanjung -ABS melaporkan, insiden penuh emosi berlaku di sebuah kedai aiskrim apabila seorang jurujual wanita berketurunan Dayak dari Miri, Sarawak, dilemparkan kata-kata kesat dan diugut akan digari hanya kerana bertanyakan syiling 50 sen kepada pelanggan.

Jurujual yang terlibat memaklumkan kepada ABS kejadian itu bermula apabila seorang lelaki, bersama isteri dan anaknya, memesan aiskrim yang berharga terdapat lebihan 50 sen

Setelah memproses pesanan, wanita berkenaan sekadar bertanya sama ada pelanggan tersebut mempunyai syiling untuk memudahkan urusan bayaran.

Namun, pertanyaan itu menyebabkan lelaki berusia sekitar 40-an itu tiba-tiba naik angin.

Dia terus meninggikan suara, walaupun isteri beliau cuba membantu dengan membuka beg tangannya untuk mencari syiling.

Malangnya, si suami menghalangnya dengan kasar," kata jurujual tersebut.

Dalam keadaan tertekan, wanita ini cuba menjelaskan bahawa mesin wang di kedainya mengalami kerosakan, yang menyebabkan bunyi kuat setiap kali ia dibuka.

Walaupun telah meminta maaf berkali-kali, lelaki tersebut tetap tidak mahu menerima penjelasannya.

Apa yang lebih melukakan hati jurujual tersebut adalah apabila lelaki itu melemparkan kata-kata berbaur perkauman, dengan menyebut "Cina memang macam itu".

Jurujual itu menyatakan rasa kesalnya kerana lelaki itu terus membuat andaian berdasarkan rupa parasnya. – MalaysiaGazette

BULETIN

Aaron gesa polis ambil tindakan kes jurujual dimaki

25 Mac 2025



KUALA LUMPUR: Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menggesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil tindakan segera terhadap individu yang memaki hamun serta mengugut seorang jurujual hanya kerana isu syiling 50 sen.

Beliau menegaskan, insiden itu bukan sahaja tidak berperikemanusiaan, malah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara.

"Tindakan bersifat perkauman dan tidak bertamadun seperti ini harus ditangani dengan serius. Saya menggesa PDRM menjalankan siasatan segera dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pelaku.

"Lebih mendukacitakan, insiden ini melibatkan kata-kata berbaur perkauman yang tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat majmuk," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, setiap individu berhak dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama atau status sosial.

Kementerian Perpaduan Negara juga menegaskan bahawa pihak berkuasa tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum, selain mengingatkan rakyat agar terus memelihara keharmonian dan perpaduan negara.

"Setiap individu mempunyai peranan penting dalam memastikan negara ini terus maju dengan penuh kasih sayang, hormat-menghormati dan saling memahami," tambahnya.

Terdahulu, tular di media sosial kejadian di sebuah pusat beli-belah di Shah Alam membabitkan seorang jurujual wanita berketurunan Dayak yang dimaki dan diugut akan digari selepas bertanyakan syiling 50 sen kepada seorang pelanggan.

Lelaki yang mendakwa dirinya anggota badan beruniform itu turut bertindak membaling resit pembelian ke arahnya.

FMT

Menteri mahu kejadian jurujual dimaki berbaur perkauman disiasat

25 Mac 2025

Kementerian Perpaduan Negara tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum.



Menteri Aaron Ago Dagang kata tindakan yang bersifat perkauman harus ditangani dengan serius.

PETALING JAYA: Menteri perpaduan negara mahu polis menyiasat dakwaan bahawa seorang jurujual dimaki dengan kata-kata kesat serta diugut di Shah Alam.

Aaron Ago Dagang mahu tindakan sewajarnya diambil kerana kejadian tersebut dikatakan turut melibatkan perkataan berbaur perkauman 'yang tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama ini'.

"Kementerian tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum," katanya dalam kenyataan, menambah tindakan yang bersifat perkauman harus ditangani dengan serius.

Sebelum ini, satu catatan di media sosial semalam mendakwa seorang jurujual wanita berketurunan Dayak dimaki serta diugut akan digari semasa memproses pesanan seorang pelanggan.

Catatan tersebut mendakwa seorang lelaki melemparkan kata-kata berbaur perkauman, dalam kejadian yang berlaku di sebuah kedai di Shah Alam.

Probe video of Dayak saleswoman being racially abused, cops told

25 March 2025

National unity minister Aaron Ago Dagang says his ministry will not compromise on any form of insult against any race.



National unity minister Aaron Ago Dagang told the police to take appropriate action against the perpetrator.

PETALING JAYA: National unity minister Aaron Ago Dagang has called on the police to immediately investigate a viral video of a Dayak saleswoman allegedly being threatened and scolded with racist words by a man in Central i-City, Shah Alam recently.

Bernama quoted him as saying appropriate action should be taken against the perpetrator.

"Incidents like this should not happen in our country's multiracial and multireligious society.

"Every individual deserves to be respected regardless of their ethnicity and religious or social status. The national unity ministry will not compromise on any form of insult against any race in this country," he said.

Aaron urged all Malaysians to continue to maintain the country's harmony and unity with respect and understanding.

The incident is believed to have been caused by a misunderstanding during a transaction.

Siasat segera video tular wanita dayak dimaki isu perkauman – Aaron

25 Mac 2025



Tangkap layar video menerusi aplikasi TikTok menunjukkan seorang jurujual wanita berketurunan Dayak, diugut dan dimaki pelanggannya termasuk berbaur perkauman, baru-baru ini. - Foto tular

KUALA LUMPUR: Polis digesa menjalankan siasatan segera terhadap satu video tular mengenai seorang jurujual wanita berketurunan Dayak yang didakwa diugut dan dimaki seorang lelaki, termasuk perkataan berbaur perkauman dalam insiden di Central i-City Shah Alam, baru-baru ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata tindakan sewajarnya harus dikenakan kepada pelaku, sambil menyifatkan perbuatan berbaur perkauman dan tidak bertamadun, malah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara itu harus ditangani secara serius.

"Insiden seperti ini tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama di negara ini. Setiap individu berhak untuk dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau status sosial mereka.

"Kementerian Perpaduan Negara tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum di negara ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aaron turut mengingatkan kepada semua rakyat Malaysia agar terus menjaga keharmonian dan perpaduan negara dengan saling hormat-menghormati dan memahami antara satu sama lain.

Terdahulu, tular menerusi aplikasi TikTok rakaman video berserta kapsyen yang mendakwa seorang jurujual wanita berketurunan Dayak, diugut dan dimaki pelanggannya termasuk berbaur perkauman, dipercayai berpunca daripada perselisihan faham dalam transaksi jual beli.

astro AWANI

Polis diminta siasat segera video tular wanita Dayak dimaki isu perkauman

25 Mac 2025



Aaron turut mengingatkan kepada semua rakyat Malaysia agar terus menjaga keharmonian dan perpaduan negara dengan saling hormat-menghormati dan memahami antara satu sama lain. - Gambar fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Polis digesa menjalankan siasatan segera terhadap satu video tular mengenai seorang jurujual wanita berketurunan Dayak yang didakwa diugut dan dimaki seorang lelaki, termasuk melibatkan perkataan berbaur perkauman dalam insiden di Central i-City Shah Alam baru-baru ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata tindakan sewajarnya harus dikenakan kepada pelaku, sambil menyifatkan perbuatan berbaur perkauman dan tidak bertamadun, malah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara itu harus ditangani secara serius.

"Insiden seperti ini tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama di negara ini. Setiap individu berhak untuk dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau status sosial mereka.

"Kementerian Perpaduan Negara tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum di negara ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aaron turut mengingatkan kepada semua rakyat Malaysia agar terus menjaga keharmonian dan perpaduan negara dengan saling hormat-menghormati dan memahami antara satu sama lain.

Terdahulu, tular menerusi aplikasi TikTok rakaman video berserta kapsyen yang mendakwa seorang jurujual wanita berketurunan Dayak, diugut dan dimaki pelanggannya termasuk berbaur perkauman, dipercayai berpunca daripada perselisihan faham dalam transaksi jual beli.

-- BERNAMA

hotfm

Menteri mahu kejadian jurujual dimaki berbaur perkauman disiasat

25 Mac 2025



Menteri Aaron Ago Dagang kata tindakan yang bersifat perkauman harus ditangani dengan serius.

PETALING JAYA: Menteri perpaduan negara mahu polis menyiasat dakwaan bahawa seorang jurujual dimaki dengan kata-kata kesat serta diugut di Shah Alam.

Aaron Ago Dagang mahu tindakan sewajarnya diambil kerana kejadian tersebut dikatakan turut melibatkan perkataan berbaur perkauman 'yang tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama ini'.

"Kementerian tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum," katanya dalam kenyataan, menambah tindakan yang bersifat perkauman harus ditangani dengan serius.

Sebelum ini, satu catatan di media sosial semalam mendakwa seorang jurujual wanita berketurunan Dayak dimaki serta diugut akan digari semasa memproses pesanan seorang pelanggan.

Catatan tersebut mendakwa seorang lelaki melemparkan kata-kata berbaur perkauman, dalam kejadian yang berlaku di sebuah kedai di Shah Alam.

malaysiakini
news and views that matter

Minister: Probe racist incident against Dayak woman in Shah Alam

25 March 2025



Police have been urged to conduct an immediate investigation into a viral video of a Dayak salesperson allegedly being threatened and scolded by a man, including with racist words, in an incident at Central i-City Shah Alam, recently.

National Unity Minister Aaron Ago Dagang said appropriate action should be taken against the perpetrators, while saying acts that are racist, uncivilised, and contrary to the principles of the Rukun Negara should be dealt with seriously.

malaysiakini
news and views that matter

Menteri gesa polis siasat video tular wanita Dayak kena maki isu kaum

25 Mac 2025



Polis digesa menjalankan siasatan segera terhadap satu video tular mengenai seorang jurujual wanita berketurunan Dayak yang didakwa diugut dan dimaki seorang lelaki, termasuk melibatkan perkataan berbaur perkauman dalam insiden di Central i-City Shah Alam baru-baru ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata tindakan sewajarnya harus dikenakan kepada pelaku, sambil menyifatkan perbuatan berbaur perkauman dan tidak bertamadun, malah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara itu harus ditangani secara serius.

"Insiden seperti ini tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama di negara ini. Setiap individu berhak untuk dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau status sosial mereka.

"Kementerian Perpaduan Negara tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum di negara ini," katanya dalam kenyataan.

Aaron turut mengingatkan kepada semua rakyat Malaysia agar terus menjaga keharmonian dan perpaduan negara dengan saling hormat-menghormati dan memahami antara satu sama lain.

ADS
Terdahulu, tular di media sosial rakaman video berserta kapsyen yang mendakwa seorang jurujual wanita berketurunan Dayak, diugut dan dimaki pelanggannya termasuk berbaur perkauman, dipercayai berpunca daripada perselisihan faham dalam transaksi jual beli.

- Bernama

Malaysia Tribune

KPN mahu kes jurujual Dayak di Central i-City disiasat segera

25 Mac 2025



PUTRAJAYA – Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang mahu Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil tindakan segera terhadap individu yang memaki dan mengugut seorang jurujual wanita di Central i-City Shah Alam.

Dalam kejadian itu, seorang wanita berketurunan Dayak dipercayai dihambur kata-kata kesat hanya kerana syiling 50 sen.

Beliau menegaskan, insiden itu bukan sahaja tidak berperikemanusiaan, malah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara yang dijunjung rakyat negara ini.

"Tindakan bersifat perkauman dan tidak bertamadun seperti ini harus ditangani dengan serius. Saya menggesa PDRM menjalankan siasatan segera dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pelaku.

"Lebih mendukacitakan, insiden ini melibatkan kata-kata berbaur perkauman yang tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat majmuk," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Aaron, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum, selain mengingatkan rakyat agar terus memelihara keharmonian dan perpaduan negara.

"Setiap individu mempunyai peranan penting dalam memastikan negara ini terus maju dengan penuh kasih sayang, hormat-menghormati dan saling memahami," tambahnya.

Dalam kejadian di Central i-City itu, seorang jurujual dimaki oleh seorang pelanggan lelaki yang mendakwa dirinya seorang anggota pihak berkuasa.

Mangsa yang bertanyakan mengenai syiling 50 sen turut diugut akan digari.

TheStar

Cops urged to probe viral video of Dayak woman allegedly threatened, racially abused in Shah Alam

25 March 2025

KUALA LUMPUR: Police have been urged to conduct an immediate investigation into a viral video of a Dayak female saleswoman allegedly being threatened and scolded by a man, including involving racist words in an incident in Central i-City Shah Alam, recently.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said appropriate action should be taken against the perpetrators, while describing acts that are racist and uncivilised and even contrary to the principles of the Rukun Negara should be dealt with seriously.

"Incidents like this should not exist in the multiracial and multireligious society of this country. Every individual deserves to be respected regardless of their ethnic, religious, or social status. The Unity Ministry will not compromise on any form of insult against any race in the country," he said in a statement on Wednesday (March 25).

Aaron also reminded all Malaysians to continue to maintain the harmony and unity of the country by respecting and understanding each other.

Earlier, a video recording with a caption claiming that a female saleswoman of Dayak descent was threatened and scolded by her customer, including racially, believed to be caused by a misunderstanding during a sales transaction. – Bernama

THE MERDEKA TIMES
BERANI • BENAR • BEBAS

Polis diminta siasat segera video tular wanita Dayak dimaki isu perkauman

25 Mac 2025



Foto: Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang

- Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata tindakan sewajarnya harus dikenakan kepada pelaku, sambil menyifatkan perbuatan berbaur perkauman dan tidak bertamadun, malah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara itu harus ditangani secara serius.

- "Insiden seperti ini tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama di negara ini. Setiap individu berhak untuk dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau status sosial mereka.

- "Kementerian Perpaduan Negara tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum di negara ini," katanya dalam kenyataan semalam.

KUALA LUMPUR — Polis digesa menjalankan siasatan segera terhadap satu video tular mengenai seorang jurujual wanita berketurunan Dayak yang didakwa diugut dan dimaki seorang lelaki, termasuk melibatkan perkataan berbaur perkauman dalam insiden di Central i-City Shah Alam baru-baru ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata tindakan sewajarnya harus dikenakan kepada pelaku, sambil menyifatkan perbuatan berbaur perkauman dan tidak bertamadun, malah bertentangan dengan prinsip Rukun Negara itu harus ditangani secara serius.

"Insiden seperti ini tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama di negara ini. Setiap individu berhak untuk dihormati tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau status sosial mereka.

"Kementerian Perpaduan Negara tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk penghinaan terhadap mana-mana kaum di negara ini," katanya dalam kenyataan semalam.

Aaron turut mengingatkan kepada semua rakyat Malaysia agar terus menjaga keharmonian dan perpaduan negara dengan saling hormat-menghormati dan memahami antara satu sama lain.

Terdahulu, tular menerusi aplikasi TikTok rakaman video berserta kapsyen yang mendakwa seorang jurujual wanita berketurunan Dayak, diugut dan dimaki pelanggannya termasuk berbaur perkauman, dipercayai berpunca daripada perselisihan faham dalam transaksi jual beli.– BERNAMA

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

Minister calls for police probe into verbal abuse against Dayak sales assistant incident in Shah Alam

26 March 2025

Minister calls for police probe into verbal abuse against Dayak sales assistant incident in Shah Alam

KUCHING: The police has been asked to immediately launch an investigation into a recent incident at Central i-City, Shah Alam, where a Dayak sales assistant was verbally abused and threatened by a male customer.

He had also allegedly threatened to handcuff her.

In making this call, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang described the act as 'inhumane, and contrary to the principles of the Rukun Negara, which upholds unity and mutual respect among Malaysians'.

"What is even more distressing is that this incident involved racial slurs, which have no place in our multicultural and multi-religious society.

"Every individual in this country deserves respect, regardless of their ethnic background, religion, or social status," he said in a statement issued last night.

The incident, which was captured on CCTV and the footage had gone viral on social media, had sparked public outrage, with many calling for stricter enforcement against racial discrimination and hate speech in Malaysia.

The racial comment was apparently made after the sales assistant asked if the man had 50 sen in coins, for an ice cream.

Aaron affirmed that his ministry would not tolerate any form of racial discrimination or insult directed at any community.



Screengrab from the CCTV footage shows the man (left) and his family, and also the sales assistant at the cash register. — Photo from Facebook / Persatuan Anak Borneo Semenanjung -ABS

He urged the Royal Malaysia Police (PDRM) to conduct an immediate investigation and take appropriate action against the perpetrator.

"I also remind all Malaysians to continue preserving the harmony and unity that we have long nurtured.

"Every individual plays a vital role in ensuring our nation progresses with love, respect, and mutual understanding," added the minister.

Rakyat perlu fahami antara satu sama lain bagi bentuk negara bersatu padu

26 Mac 2025



Menteri Perpaduan Negara, Dato Sri Aaron Ago Dagang. Foto fail Kementerian Perpaduan Negara

KUALA LUMPUR, 26 Mac: Semua rakyat di negara ini harus memahami antara satu sama lain, menghormati dan menerima kepelbagaian yang ada bagi membentuk negara yang bersatu padu.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata membina perpaduan bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi ia tanggungjawab bersama.

"Oleh itu, saya ingin mengajak semua ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta untuk berganding bahu dalam menerapkan nilai perpaduan dalam kehidupan seharian.

"Keluarga ialah institusi pertama yang membentuk nilai dan pemikiran generasi muda. Ibu bapa perlu menjadi contoh dalam menanamkan nilai-nilai murni, seperti sikap hormat-menghormati dan tolak ansur, dalam diri anak-anak sejak kecil," katanya dalam ucapan pada majlis Iftar Perdana NGO Family Of Charity di sini hari ini.

Beliau turut menyeru semua pihak supaya mengambil peranan dalam memupuk nilai kesederhanaan (wasatiyyah) dalam kalangan generasi muda.

"Nilai ini penting dalam membentuk sikap keterbukaan, toleransi dan saling menghormati antara satu sama lain. Dengan adanya sikap sederhana ini, kita dapat memastikan bahawa masyarakat kita tidak mudah terpengaruh oleh elemen-elemen ekstremisme yang boleh merosakkan keharmonian negara.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita harus terus berusaha untuk memperkukuh keharmonian negara. Marilah kita bersama-sama menolak segala bentuk ekstremisme, perkauman sempit dan sikap fanatik yang boleh merosakkan keamanan yang kita nikmati hari ini," katanya. -TVS

Ruang bilik nyadi institusyen keterubah nukuh ulah mereti rebak biak – Aaron

26 Mac 2025



Datuk Aaron Ago Dagang rambau bejaku ba Program Iftar Perdana ti diatur Persatuan Sinaran Hidup ba PPR Hiliran Ampang. Foto: Aaron Ago Dagang (FB).

KUALA LUMPUR, 27 Mac: Ruang bilik nyadi institusyen keterubah nukuh ulah ti mereti enggau chara berunding ke manah ngaul rebak biak.

Menteri Penyerakup Menua, Datuk Aaron Ago Dagang madahka, apa indai mesti meri chunto ke badas ngagai, tebal agi nerenak ulah bebasa enggau pengulih terima ngagai orang bukai ba tetiap iku anak sida.

"Ulah ti badas enggau mereti tu patut diajar enggau diterenak kenyau ari anak kitai mit," ku iya madah.

Iya mansutka jaku nya nengah sebengkah penerang ba laman Facebook pengudah ngulu Majlis Iftar Perdana ti diatur Persatuan Sinaran Hidup ba PPR Hiliran Ampang, Hari Empat tu tadi.

Beduduk enggau nya, Aaron ke mega Kaban Parlimen Kanowit meransang semua raban patut seruran menatika ulah 'wasatiyyah' (enda kelalu berat lebuh ngaga sesebengkah pemutus enggau atur) ngaul anak sereta rebak biak.

"Ulah tauka elemen tu endang beguna amat dikena numbuhka ulah tebuka ati enggau pengulih terima kitai ngagai orang bukai," tandu iya.

Dalam program nya, iya bisi nyuaka pemeri ngagai bala asnaf, Orang Nyelai Pendiau (OKU), indai tunggal sereta raban rentan (orang ti mudah pedis). – TVS

We Choose Sarawak dayak daily

Minister calls for immediate investigation, condemns racist verbal abuse on Dayak sales person in Shah Alam

26 March 2025



Datuk Aaron Ago Dagang (file photo)

KUCHING, March 26: Minister of National Unity Datuk Aaron Ago Dagang has urged the police to conduct an immediate investigation on an incident involving a Dayak sales person who was verbally abused and threatened with handcuffs over a 50-cent coin.

He strongly condemned the action and described it as inhumane and a violation of the principle values of the Rukun Negara.

"Even more disappointing, this incident also involved racially charged words that should not exist in our multi-ethnic and multi-religious society.

"Every individual in this country has the right to be respected regardless of their ethnic background, religion, or social status," Aaron said in a statement, according to a news report by TVS.

He emphasised that his ministry would not compromise with any form of insult against any race in this country, and actions of a racist and uncivilised nature like this need to be addressed seriously.

Aaron also urged the police to conduct an immediate investigation and take appropriate action against the individuals involved in the incident.

"I would also like to remind all Malaysians to continue maintaining the harmony and unity that we have long built."

"Every individual has an important role in ensuring that this country continues to progress with love, respect, and mutual understanding," the statement added.

According to Facebook posts shared by netizens, the incident occurred when a female sales assistant at an ice cream shop in Central i-City Shah Alam was verbally abused and threatened with handcuffs – simply for asking a customer to pay an additional 50 cents on an ice cream order.

Racially charged remarks were also thrown at the sales assistant, reportedly from Miri,
Sarawak. – DayakDaily

BERNAMA

Rakyat Perlu Fahami Antara Satu Sama Lain Bagi Bentuk Negara Bersatu Padu

26 Mac 2025



BERNAMA

People Need To Understand Each Other For A United Nation

26 March 2025



Kosmo!

Tolak perkauman sempit, rosak keamanan dinikmati

26 Mac 2025



Datuk Seri Diraja Syed Amir Abidin Jamalullail dan Aaron menyampaikan sumbangan termasuk duit raya pada majlis tersebut.

AMPANG – Generasi muda di negara ini perlu diterapkan nilai kesederhanaan atau wasatiyyah dalam membentuk sikap keterbukaan dan saling menghormati antara satu sama lain.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, penerapan nilai itu juga dapat memastikan masyarakat kita tidak mudah terpengaruh oleh
elemen-elemen ekstremisme yang boleh merosakkan keharmonian negara.

"Kita perlu menolak segala bentuk ekstremisme, perkauman sempit, dan sikap fanatik yang boleh merosakkan keamanan yang kita nikmati hari ini.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita harus terus berusaha untuk memperkukuhkan keharmonian negara," katanya ketika berucap pada majlis Amal Iftar Perdana Persatuan Sinaran Hidup di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran Ampang di sini, hari ini.

Majlis tersebut turut dihadiri Tengku Syarif Temenggong Perlis, Datuk Seri Diraja Syed Amir Abidin Jamalullail Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Che puan Temenggong Perlis, Datin Seri Diraja Farinawati Mohd Din.

Seramai 400 merangkumi anak-anak asnaf, Orang Kurang Upaya, ibu tunggal dan golongan rentan menerima sumbangan Aidilfitri termasuk duit raya.

Aaron turut menegaskan, perpaduan perpaduan bukan hanya tanggungjawab kerajaan sebaliknya memerlukan kerjasama semua pihak termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

"Keluarga adalah institusi pertama yang membentuk nilai dan pemikiran generasi muda.

"Selain itu, setiap daripada kita harus memahami antara satu sama lain dan menerima kepelbagaian yang ada bagi membentuk negara yang bersatu padu," katanya. – KOSMO! ONLINE

THE EDGE MALAYSIA

People need to understand each other for a united nation

26 March 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang called on all parties to take a role in fostering the value of moderation among the younger generation as this value is important in forming an attitude of openness, tolerance and mutual respect for each other.

KUALA LUMPUR (March 26): All citizens in this country must understand and respect each other and accept diversity to forge a united country.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said that instilling unity is not only the government's responsibility, but it is a shared responsibility.

"Therefore, I would like to invite all parents, teachers, community leaders, non-governmental organisations [NGOs] and the private sector to join hands in implementing the value of unity in their daily lives.

"The family is the first institution that shapes the values and thinking of the younger generation. Parents need to be role models in instilling noble values, such as respect and tolerance, in their children from an early age," he said in his speech at the NGO Family Of Charity Premier Iftar here.

He also called on all parties to take a role in fostering the value of moderation (wasatiyyah) among the younger generation.

"This value is important in forming an attitude of openness, tolerance and mutual respect for each other. With this moderate attitude, we can ensure that our society is not easily influenced by elements of extremism that can destroy the harmony of the country.

"As Malaysians, we must continue to strive to strengthen the harmony of the country. Let us together reject all forms of extremism, narrow-minded racism and fanaticism that can destroy the peace we enjoy today," he said.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Iftar Perdana Family of Charity kukuh perpaduan, tanam nilai wasatiyyah dalam generasi muda

26 Mac 2025



Penerima menerima sumbangan keperluan asas, makanan dan duit raya pada Majlis Amal Iftar Perdana Persatuan Sinaran Hidup yang berlangsung di PPR Hiliran Ampang, malam tadi.

KUALA LUMPUR – Nilai kesederhanaan (wasatiyyah) perlu diterapkan dalam kalangan generasi muda bagi membentuk sikap keterbukaan dan saling menghormati dalam masyarakat berbilang kaum.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, menegaskan bahawa penerapan nilai ini penting bagi memastikan masyarakat tidak mudah terpengaruh dengan elemen ekstremisme yang boleh menggugat keharmonian negara.

"Kita perlu menolak segala bentuk ekstremisme, perkauman sempit, dan sikap fanatik yang boleh merosakkan keamanan yang kita nikmati hari ini. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus terus berusaha memperkukuhkan keharmonian negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Amal Iftar Perdana Persatuan Sinaran Hidup yang berlangsung di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran Ampang, malam tadi.

Majlis ini menghimpunkan lebih 400 penerima manfaat, termasuk anak-anak asnaf, orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, dan golongan rentan. Ia bukan sekadar acara berbuka puasa tetapi juga menjadi platform penting dalam memupuk perpaduan masyarakat.



Penerima dan tetamu terhormat serta pihak penganjur bergambar bersama selepas Majlis Amal Iftar Perdana Persatuan Sinaran Hidup yang berlangsung di PPR Hiliran Ampang, malam tadi.

Hadir sama, Tengku Syarif Temenggong Perlis, Datuk Seri Diraja Syed Amir Abidin Jamalullail Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail serta Yang Mulia Che Puan Temenggong Perlis, Datin Seri Diraja Farinawati Datuk Mohd Din. Kehadiran mereka menambah kemeriahan majlis yang penuh dengan nilai kasih sayang dan kebersamaan ini.

Sementara itu, pengasas Family of Charity, Datuk Shariffah Maznee Al Altas Syed Noor Osman turut menyampaikan sumbangan keperluan asas, makanan dan duit raya kepada para penerima bantuan sebagai tanda keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan.

Majlis ini dianjurkan Persatuan Sinaran Hidup dengan kerjasama pelbagai rakan strategik, termasuk Yayasan Taqwa, Mohd Chan Group, Two Sons Bistro, Yakult, Adabi, KK Mart Sdn Bhd, Bio Care Sdn Bhd, dan Koka Glico Sdn Bhd, yang menjadi penyumbang utama program.

Dalam pada itu, Aaron turut menekankan bahawa perpaduan bukan hanya tanggungjawab kerajaan tetapi memerlukan usaha bersama daripada NGO, ibu bapa, guru, dan pemimpin masyarakat dalam membentuk generasi yang menghormati kepelbagaian.

"Keluarga adalah institusi pertama yang membentuk nilai dan pemikiran generasi muda. Kita semua harus memahami antara satu sama lain dan menerima kepelbagaian yang ada bagi membentuk negara yang bersatu padu," ujarnya.

Beliau turut menyatakan bahawa wasatiyyah adalah benteng utama dalam membendung perpecahan dan menolak fahaman ekstremisme.

Majlis ini sekali lagi membuktikan bahawa nilai kebersamaan, kasih sayang, dan keprihatinan mampu merentasi sempadan kaum dan agama, selari dengan aspirasi perpaduan negara.

astro AWANI

Rakyat perlu fahami antara satu sama lain bagi bentuk negara bersatu padu

26 Mac 2025



Aaron Ago Dagang berkata membina perpaduan bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi ia tanggungjawab bersama. - Gambar hiasan/Sinar Harian

KUALA LUMPUR: Semua rakyat di negara ini harus memahami antara satu sama lain, menghormati dan menerima kepelbagaian yang ada bagi membentuk negara yang bersatu padu.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata membina perpaduan bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi ia tanggungjawab bersama.

"Oleh itu, saya ingin mengajak semua ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta untuk berganding bahu dalam menerapkan nilai perpaduan dalam kehidupan seharian.

"Keluarga ialah institusi pertama yang membentuk nilai dan pemikiran generasi muda. Ibu bapa perlu menjadi contoh dalam menanamkan nilai-nilai murni, seperti sikap hormat-menghormati dan tolak ansur, dalam diri anak-anak sejak kecil," katanya dalam ucapan pada majlis Iftar Perdana NGO Family Of Charity di sini pada Rabu.

Beliau turut menyeru semua pihak supaya mengambil peranan dalam memupuk nilai kesederhanaan (wasatiyyah) dalam kalangan generasi muda.

"Nilai ini penting dalam membentuk sikap keterbukaan, toleransi dan saling menghormati antara satu sama lain. Dengan adanya sikap sederhana ini, kita dapat memastikan bahawa masyarakat kita tidak mudah terpengaruh oleh elemen-elemen ekstremisme yang boleh merosakkan keharmonian negara.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita harus terus berusaha untuk memperkukuh keharmonian negara. Marilah kita bersama-sama menolak segala bentuk ekstremisme, perkauman sempit dan sikap fanatik yang boleh merosakkan keamanan yang kita nikmati hari ini," katanya. -- BERNAMA

MG MalaysiaGazette SPROUT YOUR MIND

Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI bersama PM diadakan 5 April di Melaka

27 Mac 2025



KUALA LUMPUR- Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 bersama YAB Perdana Menteri Peringkat Kebangsaan akan diadakan pada 5 April di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh, Melaka.

Majlis yang dianjurkan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka itu akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan akan turut dihadiri Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

KPN dalam kenyataan berkata, majlis tersebut merupakan kesinambungan tradisi sambutan Aidilfitri yang dianjurkan oleh Perdana Menteri bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan latar belakang.

Bertemakan 'Ihsan Menyentuh Jiwa, Toleransi Menyatu Negara', program tersebut katanya, mengangkat nilai ihsan dan semangat toleransi sebagai asas kepada kesatuan dalam kepelbagaian.

Ia turut menjadi wadah untuk meraikan kemajmukan budaya Malaysia dan memperkukuh nilai keharmonian serta kesejahteraan dalam masyarakat.

Sementara itu, Aaron Ago berkata, majlis tersebut akan memperkukuh hubungan antara rakyat Malaysia dengan semangat saling menghormati, memahami dan menghargai kepelbagaian budaya yang menjadi teras keharmonian negara.

"Aidilfitri bukan sekadar satu perayaan keagamaan tetapi juga satu manifestasi perpaduan yang merangkumi seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira agama, bangsa dan latar belakang," katanya.

Orang ramai dijemput hadir meraikan Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 bersama YAB Perdana Menteri Peringkat Kebangsaan.

Pelbagai aktitiviti menarik akan disediakan seperti Pertandingan Sukan Rakyat Perpaduan, Pameran reruai jabatan dan agensi, Pameran rumah KAMI (rumah etnik), dan Persembahan silang budaya. -MalaysiaGazette

BERNAMA

Sambutan Ugadi Lambang Perpaduan Dalam Kepelbagaian – Aaron

30 Mac 2025



BERNAMA

Ugadi Celebration A Symbol Of Unity In Diversity - Aaron

30 March 2025



Utusan Borneo Online

Sambutan Ugadi lambang perpaduan dalam kepelbagaian: Aaron

30 Mac 2025



KUALA LUMPUR: Semangat Tahun Baharu Ugadi yang disambut masyarakat Telugu hari ini sejajar dengan prinsip perpaduan negara kerana ia berteraskan kegembiraan, kebersamaan dan kebajikan, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Aaron menerusi catatan di Facebook hari ini berkata sebagai sebuah negara berbilang kaum dan agama, Malaysia kaya dengan kepelbagaian budaya yang menjadi aset berharga dalam mengukuhkan perpaduan nasional.

Beliau berkata memperkukuh keharmonian, memahami tradisi dan budaya setiap masyarakat adalah langkah utama dalam membentuk komuniti yang saling menghormati.

"Misalnya, perayaan Ugadi bukan sekadar sebuah sambutan tetapi juga satu refleksi nilai-nilai yang boleh dipelajari dan dihargai bersama," katanya.

Beliau turut menekankan bahawa sikap saling menghormati amat penting bagi mewujudkan suasana hidup yang aman dan harmoni dalam kalangan masyarakat.

"Dalam kemajmukan masyarakat Malaysia, setiap perayaan perlu diraikan dengan sikap toleransi serta penghormatan terhadap kepercayaan dan adat resam masing-masing.

"Kita juga perlu menerima kepelbagaian sebagai satu kekuatan negara yang akan menjadikan kita lebih bersatu. Apabila kita menerima perbezaan dengan hati terbuka, kita bukan sahaja memperkukuh perpaduan, malah mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif dan progresif," tambahnya.

Beliau turut berharap agar sambutan Ugadi yang menandakan permulaan tahun baharu dalam kalendar lunisolar Hindu membawa keberkatan, kejayaan dan kebahagiaan kepada semua yang meraikannya.

Ugadi, yang berasal daripada gabungan perkataan Sanskrit Yuga (zaman) dan Adi (permulaan) adalah sambutan Tahun Baharu mengikut kalendar lunisolar Hindu, khususnya diraikan masyarakat di India Selatan seperti Andhra Pradesh, Telangana dan Karnataka.

Di Malaysia, ia disambut komuniti Telugu sebagai permulaan tahun baharu yang membawa harapan dan pembaharuan.

The Malaysian Reserve
JOIN THE REAL CONVERSATION

Aaron: Ugadi celebration a symbol of unity in diversity

30 March 2025



KUALA LUMPUR — The spirit of the Ugadi New Year festival, celebrated by the Telugu community today, is in line with the principles of national unity because it is based on joy, togetherness and welfare, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said that being a multi-ethnic and multi-religious country, Malaysia is rich in cultural diversity, which is a valuable asset in strengthening national unity – and Ugadi is one of them.

He added that in efforts to enhance harmony, understanding the traditions and cultures of every community is the main step towards building a community that respects one another.

"For example, Ugadi is not just a celebration but also a reflection of values that can be learned and appreciated together," he said in a Facebook post today.

Aaron also emphasised that mutual respect is crucial to creating a peaceful and harmonious living environment among different communities.

"In Malaysia's diverse society, every festival must be celebrated with tolerance and respect for each other's beliefs and customs.

"We must also embrace diversity as a country's strength that can make us more united. When we accept differences with an open heart, we not only strengthen unity but also create a society that is more inclusive and progressive," he added.

He hopes that the celebration of Ugadi, which marks the start of the new year in the Hindu lunisolar calendar, will bring blessings, success and joy to all who celebrate it.

Ugadi, derived from the Sanskrit words "Yuga" (era) and "Adi" (beginning), is the beginning of the Telugu New Year according to the Hindu lunisolar calendar, particularly celebrated with great fervour by communities in South India, like Andhra Pradesh, Telangana and Karnataka.

In Malaysia, it is celebrated by the Telugu community as the beginning of a new year, bringing hope and renewal. — BERNAMA

theVibes.com
MALAYSIA. FROM EVERY SIDE.

Minister: Ugadi celebrations symbolise unity in diversity

30 March 2025

Fostering harmony and understanding the traditions and cultures of each community is essential in forming a society that respects one another.



In Malaysia's diverse society, every celebration should be observed with tolerance and respect for each other's beliefs and customs – March 30, 2025

THE spirit of Ugadi, celebrated today by the Telugu community, aligns with the national principles of unity, underpinned by joy, togetherness, and well-being, according to Malaysia's Minister of National Unity, Datuk Aaron Ago Dagang.

In a Facebook post today, Aaron emphasised that Malaysia, a multi-ethnic and multi-religious country, is rich in cultural diversity, which serves as a valuable asset in strengthening national unity.

He added that fostering harmony and understanding the traditions and cultures of each community is essential in forming a society that respects one another.

"Ugadi is not merely a celebration, but also a reflection of values that can be learned and appreciated collectively," he said.

Aaron also highlighted the importance of mutual respect in creating a peaceful and harmonious environment within society.

"In Malaysia's diverse society, every celebration should be observed with tolerance and respect for each other's beliefs and customs," he stated.

"We must also embrace diversity as a strength of the nation, one that will unite us further. By accepting differences with an open heart, we not only strengthen unity but also create a more inclusive and progressive society," he added.

He expressed his hopes that the Ugadi celebrations, which mark the beginning of the new year according to the Hindu lunisolar calendar, bring blessings, success, and happiness to all who observe the occasion.

Ugadi, derived from the Sanskrit words *Yuga* (era) and *Adi* (beginning), is celebrated as the start of the new year in the lunisolar calendar of Hinduism, particularly by communities in Southern India, including Andhra Pradesh, Telangana, and Karnataka.

In Malaysia, the Telugu community marks Ugadi as the start of a new year, symbolising renewal and hope. - March 30, 2025

APRIL

Kenyataan Rasis : Pejabat Menteri Perpaduan Negara Buat Laporan MCMC

1 April 2025



PUTRAJAYA, 1 April (Bernama) --- Pejabat Menteri Perpaduan Negara telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasidan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung kenyataan berunsur rasis dan provokatif yang dimuat naik oleh seorang individu di platform X.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Dagang berkata pihaknya berharap individu berkenaan disiasat dan diambil tindakan sewajarnya mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Kementerian Perpaduan Negara komited memastikan keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia terus terpelihara.Oleh itu, sebarang bentuk kenyataan atau tindakan yang boleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menggugat perpaduan dan menyemarakkan kebencian tidak boleh diterima sama sekali.

"Saya ingin mengingatkan semua pihak agar lebih beretika dalam penggunaan media sosial serta mengelakkan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama," katanya menerusi satu hantaran di platform X beliau.

Aaron turut menyeru semua pihak untuk bersama-sama menolak sebarang bentuk ekstremisme, provokasi dan fitnah yang boleh menjejaskan keamanan negara.

Terdahulu, tular dua ciapan seorang pengguna X, @AmirRidhwann,bertarikh 5 Mac dan 26 Mac yang berunsur provokatif dan rasis terhadap masyarakat India.

Namun, semakan terkini mendapati hantaran itu telah dipadam.
-- BERNAMA

Ministry Of National Unity Wants MCMC To Investigate Racist Statement By Individual

1 April 2025



PUTRAJAYA, April 1 (Bernama) — The Office of the Minister of National Unity has lodged a report with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) regarding a racist and provocative statement on social media uploaded by an individual on platform X.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said they also hoped that the individual would be investigated and appropriate action taken in accordance with Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998.

"The Ministry of National Unity is committed to ensuring that the harmony and unity of Malaysians continues to be preserved. Therefore, any form of statement or action that can undermine unity and fuel hatred is completely unacceptable.

"I would like to remind all parties to be more ethical in the use of social media and avoid any actions that could trigger racial and religious tensions," he said in a post on his X platform.

Aaron, meanwhile, also called for a joint rejection of any form of extremism, provocation and slander that could affect the peace of the country.

Earlier, two tweets by user X, @ AmirRidhwann dated March 5 and March 26, went viral that were provocative and racist against the Indian community, but the latest check found that the posts have been deleted. -- BERNAMA

astro AWANI

Kenyataan rasis: Pejabat Menteri Perpaduan Negara buat laporan MCMC

1 April 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata pihaknya berharap individu berkenaan disiasat dan diambil tindakan sewajarnya mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. - Gambar fail/BERNAMA

PUTRAJAYA: Pejabat Menteri Perpaduan Negara telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung kenyataan berunsur rasis dan provokatif yang dimuat naik oleh seorang individu di platform X.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata pihaknya berharap individu berkenaan disiasat dan diambil tindakan sewajarnya mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Kementerian Perpaduan Negara komited memastikan keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia terus terpelihara. Oleh itu, sebarang bentuk kenyataan atau tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan menyemarakkan kebencian tidak boleh diterima sama sekali.

"Saya ingin mengingatkan semua pihak agar lebih beretika dalam penggunaan media sosial serta mengelakkan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama," katanya menerusi satu hantaran di platform X beliau.

Aaron turut menyeru semua pihak untuk bersama-sama menolak sebarang bentuk ekstremisme, provokasi dan fitnah yang boleh menjejaskan keamanan negara.

Terdahulu, tular dua ciapan seorang pengguna X, @AmirRidhwann, bertarikh 5 Mac dan 26 Mac yang berunsur provokatif dan rasis terhadap masyarakat India.

Namun, semakan terkini mendapati hantaran itu telah dipadam.
-- BERNAMA

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Kenyataan berunsur rasis, Menteri Perpaduan lapor kepada MCMC

1 April 2025



KUALA LUMPUR – Pejabat Menteri Perpaduan Negara membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung kenyataan berkaitan isu kuil yang berunsur rasis dan provokatif di media sosial.

Datuk Aaron Ago Dagang berkata, beliau berharap individu yang terlibat disiasat dan diambil tindakan sewajarnya mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Kementerian Perpaduan Negara komited dalam memastikan keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia terus terpelihara.

"Oleh itu, sebarang bentuk kenyataan atau tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan menyemarakkan kebencian tidak boleh diterima sama sekali.

"Saya ingin mengingatkan semua pihak agar lebih beretika dalam penggunaan media sosial serta mengelakkan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama," katanya dalam satu kenyataan bagi menjawab ciapan pemegang akaun bernama @DrMaslindsis di platform X.

Dalam hantarannya, @DrMaslindasis memuat naik beberapa tangkap layar ciapan seorang pemuda yang membuat kenyataan berbentuk rasis dan provokatif yang melibatkan kaum India.

Dalam pada itu, Aaron menegas, setiap rakyat bertanggung jawab memelihara keharmonian serta menghormati perbezaan satu sama lain.

"Saya juga menyeru rakyat Malaysia untuk bersama-sama menolak sebarang bentuk ekstremisme, provokasi dan fitnah yang boleh menjejaskan keamanan negara.

"Noktahkan tindakan rasis!," tegasnya. -MalaysiaGazette

TheStar

Unity Ministry wants MCMC to probe racist statement by individual

2 April 2025

PUTRAJAYA: The Office of the Unity Minister has lodged a report with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) regarding a racist and provocative statement on social media uploaded by an individual on platform X.

Its Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang said they also hoped that the individual would be investigated and appropriate action taken in accordance with Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998.

"The Unity Ministry is committed to ensuring that the harmony and unity of Malaysians continues to be preserved. Therefore, any form of statement or action that can undermine unity and fuel hatred is completely unacceptable.

"I would like to remind all parties to be more ethical in the use of social media and avoid any actions that could trigger racial and religious tensions," he said in a post on his X platform.

Aaron, meanwhile, also called for a joint rejection of any form of extremism, provocation and slander that could affect the peace of the country.

Earlier, two tweets by a user on X, dated March 5 and March 26, went viral that were provocative and racist against the Indian community, but the latest check found that the posts have been deleted. – Bernama

BULETINMY

Pejabat Menteri Perpaduan buat laporan MCMC berhubung kenyataan perkauman

2 April 2025



KUALA LUMPUR: Satu laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dibuat Pejabat Menteri Perpaduan Negara berhubung kenyataan berunsur perkauman dan provokatif yang dimuat naik oleh seorang individu di platform X.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata pihaknya berharap individu berkenaan disiasat dan diambil tindakan sewajarnya mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Kementerian Perpaduan Negara komited memastikan keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia terus terpelihara.

"Oleh itu, sebarang bentuk kenyataan atau tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan menyemarakkan kebencian tidak boleh diterima sama sekali.

"Saya ingin mengingatkan semua pihak agar lebih beretika dalam penggunaan media sosial serta mengelakkan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama," katanya menerusi satu hantaran di platform X beliau.

Aaron turut menyeru semua pihak untuk bersama-sama menolak sebarang bentuk ekstremisme, provokasi dan fitnah yang boleh menjejaskan keamanan negara.

Terdahulu, tular dua ciapan seorang pengguna X, bertarikh 5 Mac dan 26 Mac yang berunsur provokatif dan rasis terhadap masyarakat India.

Namun, semakan terkini mendapati hantaran itu telah dipadam.

Kenyataan rasis: Pejabat Menteri Perpaduan Negara buat laporan kepada MCMC

2 April 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Dagangadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. - NSTP/ Aiman Danial Mohd Hood Aktha

PUTRAJAYA: Pejabat Menteri Perpaduan Negara membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung kenyataan berunsur rasis dan provokatif yang dimuat naik oleh seorang individu di platform X.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Dagang berkata pihaknya berharap individu berkenaan disiasat dan diambil tindakan sewajarnya mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Kementerian Perpaduan Negara komited memastikan keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia terus terpelihara.

"Oleh itu, sebarang bentuk kenyataan atau tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan menyemarakkan kebencian tidak boleh diterima sama sekali.

"Saya ingin mengingatkan semua pihak agar lebih beretika dalam penggunaan media sosial serta mengelakkan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama," katanya menerusi satu hantaran di platform X beliau.

Aaron turut menyeru semua pihak untuk bersama-sama menolak sebarang bentuk ekstremisme, provokasi dan fitnah yang boleh menjejaskan keamanan negara.

Terdahulu, tular dua ciapan seorang pengguna X, @AmirRidhwann, bertarikh 5 Mac dan 26 Mac yang berunsur provokatif dan rasis terhadap masyarakat India.

Namun, semakan terkini mendapati hantaran itu telah dipadam.

– BERNAMA

Pejabat Menteri Perpaduan Negara buat laporan, minta MCMC siasat kenyataan individu berbaur perkauman, provokatif

2 April 2025



KUALA LUMPUR: Pejabat Menteri Perpaduan Negara telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung kenyataan seorang pengguna media sosial yang didakwa berbaur perkauman serta provokatif melalui platform X, dipercayai susulan isu kuil baru-baru ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata laporan itu dibuat supaya siasatan serta tindakan sewajarnya dapat diambil mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Beliau berkata, kementeriannya komited memastikan keharmonian serta perpaduan rakyat terus terpelihara, justeru sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan menyemarakkan kebencian adalah tidak boleh diterima sama sekali.

"Saya ingin mengingatkan semua pihak agar lebih beretika dalam penggunaan media sosial serta mengelak sebarang tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama," katanya dalam satu kenyataan melalui X.

Beliau berkata, rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan budaya, mempunyai tanggungjawab untuk memelihara keharmonian serta menghormati perbezaan antara satu sama lain.

"Saya juga menyeru rakyat Malaysia untuk bersama menolak sebarang bentuk ekstremisme, provokasi dan fitnah yang boleh menjejaskan keamanan negara.

"Noktahkan tindakan rasis!" katanya.

malaysiakini
news and views that matter

Unity Ministry reports post inciting 'May 13 against keling'

2 April 2025



The National Unity Ministry has filed a report against a social media user who incited racial hatred by calling for a repeat of the May 13 riots, following the temple relocation controversy in Kuala Lumpur.

Minister Aaron Ago Dagang said the report was lodged with the MCMC...

MEDIA TELUS
TEPAT . BENAR . BERAS

Muat naik kenyataan rasis, Kementerian Perpaduan Negara buat laporan polis

2 April 2025



PUTRAJAYA 2 April - Pejabat Menteri Perpaduan Negara telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) terhadap kenyataan berunsur rasis dan provokatif yang dimuat naik oleh seorang individu di platform X.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Dagang, menegaskan bahawa individu tersebut perlu disiasat dan dikenakan tindakan mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Kementerian Perpaduan Negara komited memastikan keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia terus terpelihara. Oleh itu, sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan menyemarakkan kebencian tidak boleh diterima sama sekali," katanya dalam satu hantaran di platform X.

Aaron turut mengingatkan semua pihak agar lebih beretika dalam penggunaan media sosial dan mengelakkan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan kaum serta agama.

Beliau menyeru rakyat Malaysia untuk bersama-sama menolak ekstremisme, provokasi, dan fitnah yang boleh menjejaskan keamanan negara.

Sebelum ini, dua ciapan pengguna X, @AmirRidhwann, bertarikh 5 Mac dan 26 Mac, yang berunsur provokatif dan rasis terhadap masyarakat India telah tular. Namun, semakan terkini mendapati hantaran tersebut telah dipadam. - Media Telus

SUARA.TV
BERITA RENTAS PEMIKIRAN

Kementerian Perpaduan Buat Laporan Terhadap Pengguna X Berhubung Kenyataan Perkauman

2 April 2025



CYBERJAYA – Kementerian Perpaduan Negara telah membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) terhadap seorang pengguna X kerana memuat naik kenyataan berbaur perkauman dan provokatif di media sosial.

Menteri Datuk Aaron Ago Dagang mengesahkan laporan itu dan menegaskan bahawa kenyataan tersebut tidak boleh diterima kerana berpotensi mencetuskan kebencian serta mengganggu keharmonian negara.

"Saya berharap individu yang terlibat disiasat dan tindakan sewajarnya diambil mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998," katanya menerusi satu hantaran di X.

Menurut laporan, individu yang dikenali sebagai Amir Ridhwaan telah memuat naik kenyataan yang mengandungi kata-kata kesat terhadap komuniti India. Dia menyeru supaya berlaku semula peristiwa 13 Mei, menggunakan istilah menghina kaum India, dan menuduh mereka mendirikan ratusan kuil haram meskipun hanya merangkumi tujuh peratus daripada populasi negara.

Aaron mengecam keras kenyataan tersebut dan menekankan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara majmuk harus mengekalkan keharmonian dan saling menghormati perbezaan antara kaum.

"Saya ingin mengingatkan semua supaya lebih beretika dalam penggunaan media sosial dan mengelakkan sebarang tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama.

"Malaysia adalah negara berbilang kaum dan budaya, dan setiap warganegara bertanggungjawab untuk memelihara keharmonian serta menghormati perbezaan antara satu sama lain.

"Saya juga menggesa rakyat Malaysia untuk bersama-sama menolak sebarang bentuk ekstremisme, provokasi, dan fitnah yang boleh menggugat keamanan negara," tegasnya.

theVibes.com
MALAYSIA. FROM EVERY SIDE.

Ministry lodges report against X user who said it was 'time to wage war against the Indians'

2 April 2025

The X user called for a repeat of the May 13 incidents and insulted the Indian community, calling them "stupid"



THE Ministry of National Unity has lodged a report with the MCMC against an X user over racially and provocatively charged statements on social media.

"I hope that the individual involved is investigated and appropriate action is taken in accordance with Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998.

"The Ministry of National Unity is committed to ensuring that the harmony and unity of the Malaysian people are continuously preserved," Minister Datuk Aaron Ago Dagang said on X.

He said any form of statement or action that can undermine unity and incite hatred is completely unacceptable.

According to the post by user, Amir Ridhwaan, he said the time had come to "wage war against the keling" (a derogatory term for Indians) so that they would "realise their place."

He called for a repeat of the May 13 incidents and insulted the Indian community, calling them "stupid" and accusing them of "building hundreds of illegal temples" despite making up only seven percent of the population.

"I would like to remind everyone to be more ethical in the use of social media and to avoid any actions that could provoke racial and religious tensions.

"Malaysia is a country with multiple races and cultures, and every citizen has the responsibility to maintain harmony and respect the differences between one another.

I also urge the people of Malaysia to collectively reject any form of extremism, provocation, and slander that can undermine the country's peace," stressed Aaron.

malaymail

‘Completely unacceptable’: Unity minister urges MCMC action over racist X posts

2 April 2025



The Office of the Minister of National Unity has lodged a report with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) regarding a racist and provocative statement on social media uploaded by an individual on platform X. — Picture by Raymond Manuel

PUTRAJAYA, April 2 — The Office of the Minister of National Unity has lodged a report with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) regarding a racist and provocative statement on social media uploaded by an individual on platform X.

National Unity Minister Datuk Aaron Dagang yesterday said they also hoped that the individual would be investigated, and appropriate action taken in accordance with Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998.

“The Ministry of National Unity is committed to ensuring that the harmony and unity of Malaysians continues to be preserved. Therefore, any form of statement or action that can undermine unity and fuel hatred is completely unacceptable.

“I would like to remind all parties to be more ethical in the use of social media and avoid any actions that could trigger racial and religious tensions,” he said in a post on his X platform.

Aaron, meanwhile, also called for a joint rejection of any form of extremism, provocation and slander that could affect the peace of the country.

Earlier, two tweets by user X, @AmirRidhwann dated March 5 and March 26, went viral that were provocative and racist against the Indian community, but the latest check found that the posts have been deleted. — Bernama

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Unity Minister reports racist social media post on X to MCMC

2 April 2025



The Office of the Minister of National Unity has lodged a report with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) regarding a racist and provocative statement on social media uploaded by an individual on platform X. — Picture by Raymond Manuel

PUTRAJAYA (April 2): The Office of the Minister of National Unity has lodged a report with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) regarding a racist and provocative statement on social media uploaded by an individual on platform X.

National Unity Minister Datuk Aaron Dagang yesterday said they also hoped that the individual would be investigated, and appropriate action taken in accordance with Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998.

“The Ministry of National Unity is committed to ensuring that the harmony and unity of Malaysians continues to be preserved. Therefore, any form of statement or action that can undermine unity and fuel hatred is completely unacceptable.

“I would like to remind all parties to be more ethical in the use of social media and avoid any actions that could trigger racial and religious tensions,” he said in a post on his X platform.

Aaron, meanwhile, also called for a joint rejection of any form of extremism, provocation and slander that could affect the peace of the country.

Earlier, two tweets by user X, @AmirRidhwann dated March 5 and March 26, went viral that were provocative and racist against the Indian community, but the latest check found that the posts have been deleted. – Bernama

Ministry calls on MCMC to act against racist statement on X platform

1 April 2025

National unity minister Aaron Ago Dagang says any form of statement or action that can undermine unity and fuel hatred is completely unacceptable.



National unity minister Aaron Ago Dagang urged social media users to avoid any actions that can trigger racial or religious tensions.

PETALING JAYA: The national unity ministry has lodged a report with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) regarding a racist and provocative statement on the X social media platform.

Bernama quoted national unity minister Aaron Ago Dagang as hoping that appropriate action would be taken against the individual under Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 which deals with improper use of network facilities.

"We are committed to ensuring the harmony and unity of Malaysians continues to be preserved. Therefore, any form of statement or action that can undermine unity and fuel hatred is completely unacceptable.

"I would like to remind all parties to be more ethical in the use of social media and avoid any actions that can trigger racial and religious tensions," the minister said in a post on his X platform.

Earlier, two tweets by an X user, dated March 5 and March 26, against the Indian community went viral but these posts were later deleted.

TheStar

Putra Heights inferno: Mosque, temple aid for victims shows unity, says Aaron

2 April 2025



KUALA LUMPUR: The actions of Masjid Putra Heights and Sri Maha Kaliamman Temple in offering aid to victims of Tuesday's (April 1) Putra Heights fire reflect the spirit of unity and solidarity in Malaysia's harmonious society, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He expressed his appreciation for the noble effort, saying the initiatives by the mosque and temple were proof that religious diversity is not a barrier to unity but rather a strength that brings people together.

"This demonstrates that places of worship are not only for religious activities but also serve as community centres that can play a vital role in assisting society, especially in times of hardship.

"Such efforts should serve as an example and inspiration for all to contribute towards building a united and harmonious nation," he said in a statement on Wednesday (April 2).

He added that the situation also serves as a reminder to all Malaysians that unity is not just a slogan but must be translated into actions that reflect responsibility and care for one another.

"In facing any challenges, we as Malaysians must always practise love and support for one another, regardless of religious or racial backgrounds," he said.

On Tuesday, victims with minor injuries such as burns, wounds and breathing difficulties were temporarily placed at Sri Maha Kaliamman Temple for initial medical treatment by Health Ministry personnel before being sent to hospital.

Masjid Putra Heights was activated as a temporary relief centre to house those affected by the blaze, while Masjid Al-Falah USJ in Subang also announced that its doors were open to any victims in need of temporary shelter.- Bernama

Sinar Harian

Masjid, kuil tawar bantuan kepada mangsa letupan gas cermin perpaduan, kebersamaan

2 April 2025



Keadaan mangsa-mangsa kejadian kebakaran saluran paip gas yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Masjid Putra Heights, pada Rabu. Foto Bernama

SHAH ALAM - Inisiatif pengurusan Masjid Putra Heights dan Kuil Sri Maha Kaliamman memberikan bantuan kepada mangsa terjejas akibat tragedi kebakaran saluran gas di Putra Heights, mencerminkan semangat perpaduan yang menjadi asas kepada keharmonian masyarakat Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, bantuan yang diberikan oleh kedua-dua pihak rumah ibadat itu bukan sahaja mencerminkan kebersamaan, malah menonjolkan nilai kemanusiaan yang menjadi teras kepada masyarakat negara ini.

Beliau juga menegaskan, peristiwa ini mengingatkan rakyat Malaysia bahawa perpaduan bukanlah sekadar slogan, tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang menggambarkan rasa tanggungjawab serta keprihatinan terhadap sesama kita.

"Buktinya, rumah ibadat bukan hanya sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat komuniti yang dapat memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat terutama ketika menghadapi saat-saat sukar.

"Tindakan yang diambil oleh pihak masjid dan kuil ini adalah bukti bahawa kepelbagaian agama bukan penghalang kepada perpaduan, sebaliknya menjadi kekuatan yang menyatukan kita,"katanya dalam satu hantaran di Facebook pada Rabu.

Tambah Aaron, rakyat Malaysia perlu sentiasa mengamalkan sikap saling berkasih sayang dan memberi sokongan tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa dalam menghadapi sebarang cabaran.

"Usaha seperti ini wajar dijadikan contoh dan inspirasi kepada semua pihak untuk memainkan peranan dalam membina sebuah negara yang bersatu padu dan harmoni. Ini Malaysia yang sebenar." katanya.

Sehubungan itu, beliau merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada masjid dan kuil terlibat atas bantuan diberikan kepada mangsa terjejas.

NEW STRAITS TIMES

Mosque, temple aid for Putra Heights fire victims shows unity - Minister

2 April 2025



KUALA LUMPUR: The actions of Masjid Putra Heights and Sri Maha Kaliamman Temple in offering aid to victims of yesterday's Putra Heights fire reflect the spirit of unity and solidarity in Malaysia's harmonious society.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang expressed his appreciation for the noble effort, saying the initiatives by the mosque and temple were proof that religious diversity is not a barrier to unity but rather a strength that brings people together.

"This demonstrates that places of worship are not only for religious activities but also serve as community centres that can play a vital role in assisting society, especially in times of hardship.

"Such efforts should serve as an example and inspiration for all to contribute towards building a united and harmonious nation," he said in a statement today.

He added that the situation also serves as a reminder to all Malaysians that unity is not just a slogan but must be translated into actions that reflect responsibility and care for one another.

"In facing any challenges, we as Malaysians must always practise love and support for one another, regardless of religious or racial backgrounds," he said.

Yesterday, victims with minor injuries such as burns, wounds and breathing difficulties were temporarily placed at Sri Maha Kaliamman Temple for initial medical treatment by Health Ministry personnel before being sent to the hospital.

Masjid Putra Heights was activated as a temporary relief centre to house those affected by the blaze, while Masjid Al-Falah USJ in Subang also announced that its doors were open to any victims in need of temporary shelter. – BERNAMA

myMetro

Bantuan masjid, kuil cerminan perpaduan rakyat Malaysia

2 April 2025



Anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) mengira jumlah mangsa terkesan akibat kejadian kebakaran saluran paip gas ketika ditemui di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Masjid Putra Heights, hari ini. FOTO BERNAMA

Kuala Lumpur: Tindakan pengurusan Masjid Putra Heights dan Kuil Sri Maha Kaliamman menawarkan bantuan kepada mangsa insiden kebakaran saluran gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya mencerminkan semangat perpaduan dan kebersamaan masyarakat Malaysia yang harmoni.

Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang yang menzahirkan penghargaan atas usaha murni itu berkata, tindakan pihak masjid dan kuil berkenaan juga adalah bukti bahawa kepelbagaian agama bukan penghalang kepada perpaduan, sebaliknya menjadi kekuatan yang menyatukan rakyat.

"Buktinya rumah ibadat bukan hanya sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat komuniti yang dapat memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat, terutama ketika menghadapi saat-saat sukar.

"Usaha seperti ini wajar dijadikan contoh dan inspirasi kepada semua pihak untuk memainkan peranan dalam membina sebuah negara yang bersatu padu dan harmoni," katanya menerusi kenyataan.

Beliau berkata, situasi itu juga mengingatkan semua rakyat Malaysia bahawa perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang menunjukkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan terhadap satu sama lain.

"Dalam menghadapi sebarang cabaran, kita sebagai rakyat Malaysia perlu sentiasa mengamalkan sikap saling kasih sayang dan menyokong, tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa," katanya.

Semalam, mangsa yang mengalami cedera ringan seperti melecur, luka dan sukar bernafas ditempatkan sementara di Kuil Sri Maha Kaliamman untuk diberikan rawatan awal oleh petugas Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum dihantar ke hospital.

Masjid Putra Heights pula diaktifkan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) bagi menempatkan mangsa yang terjejas, manakala Masjid Al-Falah USJ di Subang memaklumkan turut 'membuka' pintu masjid itu sekiranya ada mangsa mahu berlindung sementara.

WeirdKaya

Hindu Temple Opens Its Doors For Putra Heights Gas Explosion Victims To Conduct Prayers

2 April 2025



The gas explosion in Putra Heights has left many without their homes and vehicles, turning their lives upside down in an instant. During this tough time, Muslim victims have also found no place available to conduct prayers.

Fortunately, one Hindu temple generously opened its doors to these victims, once again showcasing the multicultural spirit and unity of Malaysians.

M'sian Hindu temple offers space for Muslims to pray

In a remarkable show of interfaith solidarity, the leader of the Sri Maha Kaliamman Temple in Putra Heights has opened the temple's doors to provide a prayer space for victims of the explosion, which was shared by Unity Minister Aaron Ago Dagang in a Facebook post.

This comes after the explosion caused severe damage to several buildings, including a mosque, leaving worshippers without a proper place to pray.

Recognising the urgency of the situation, the temple leaders swiftly stepped in to offer assistance, allowing those affected to perform prayers in a safe and peaceful environment.

This selfless gesture has been met with praise from various quarters, including community leaders and local residents.

Many have commended the temple for exemplifying Malaysia's spirit of religious tolerance and unity. The initiative also highlights the importance of coming together to support one another in times of crisis.

According to Kosmo!, a resident expressed deep appreciation, stating that such actions strengthen the bond between different faiths. He hopes that this spirit of togetherness will continue and serve as an example for future generations.

Beyond a prayer space

In addition to providing a place for prayer, the temple is also working with other organisations to extend aid to the victims.

The assistance includes food, clothing, and other essential supplies to help those affected recover from the tragedy.

This inspiring act of kindness is a reminder that humanity transcends religious differences. In difficult times, unity and compassion can bring comfort, hope, and healing to those in need.

BERNAMA

Masjid, Kuil Tawar Bantuan Kepada Mangsa Kebakaran Cermin Perpaduan, kebersamaan

2 April 2025



KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Tindakan pengurusan Masjid Putra Heights dan Kuil Sri Maha Kaliamman menawarkan bantuan kepada mangsa insiden kebakaran saluran gas di Jalan PutraHarmoni, Putra Heights mencerminkan semangat perpaduan dan kebersamaan masyarakat Malaysia yang harmoni.

Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang yang menzahirkan penghargaan atas usaha murni itu berkata tindakan pihak masjid dan kuil berkenaan juga adalah bukti bahawa kepelbagaian agama bukan penghalang kepada perpaduan, sebaliknya menjadi kekuatan yang menyatukan rakyat.

"Buktinya rumah ibadat bukan hanya sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat komuniti yang dapat memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat, terutama ketika menghadapi saat-saat sukar.

"Usaha seperti ini wajar dijadikan contoh dan inspirasi kepada semua pihak untuk memainkan peranan dalam membina sebuah negara yang bersatu padu dan harmoni," katanya menerusi kenyataan.

Beliau berkata situasi itu juga mengingatkan semua rakyat Malaysia bahawa perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang menunjukkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan terhadap satu sama lain.

"Dalam menghadapi sebarang cabaran, kita sebagai rakyat Malaysia perlu sentiasa mengamalkan sikap saling kasih sayang dan menyokong, tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa," katanya.

Semalam, mangsa yang mengalami cedera ringan, seperti melecur, luka dan sukar bernafas yang ditempatkan sementara di Kuil Sri Maha Kaliamman untuk diberikan rawatan awal oleh petugas Kementerian Kesihatan sebelum dihantar ke hospital.

Masjid Putra Heights pula diaktifkan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) bagi menempatkan mangsa yang terjejas manakala Masjid Al-Falah USJ di Subang memaklumkan turut 'membuka' pintu masjid itu sekiranya ada mangsa mahu berlindung sementara.

BERNAMA

Putra Heights Fire: Mosque, Temple Aid For Victims Shows Unity, Says Aaron

2 April 2025



KUALA LUMPUR, April 2 (Bernama) -- The actions of Masjid Putra Heights and Sri Maha Kaliamman Temple in offering aid to victims of yesterday's Putra Heights fire reflect the spirit of unity and solidarity in Malaysia's harmonious society, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He expressed his appreciation for the noble effort, saying the initiatives by the mosque and temple were proof that religious diversity is not a barrier to unity but rather a strength that brings people together.

"This demonstrates that places of worship are not only for religious activities but also serve as community centres that can play a vital role in assisting society, especially in times of hardship.

"Such efforts should serve as an example and inspiration for all to contribute towards building a united and harmonious nation," he said in a statement today.

He added that the situation also serves as a reminder to all Malaysians that unity is not just a slogan but must be translated into actions that reflect responsibility and care for one another.

"In facing any challenges, we as Malaysians must always practise love and support for one another, regardless of religious or racial backgrounds," he said.

Yesterday, victims with minor injuries such as burns, wounds and breathing difficulties were temporarily placed at Sri Maha Kaliamman Temple for initial medical treatment by Health Ministry personnel before being sent to hospital.

Masjid Putra Heights was activated as a temporary relief centre to house those affected by the blaze, while Masjid Al-Falah USJ in Subang also announced that its doors were open to any victims in need of temporary shelter.

malaysiakini
news and views that matter

‘Masjid, kuil bukti kepelbagaian agama bukan penghalang perpaduan’

2 April 2025



Di sebalik apa yang melanda negara pada hari kedua Aidilfitri yang dianggap satu malapetaka, namun pada masa yang sama kebakaran dan letupan saluran paip gas di Putra Heights itu mempunyai hikmah dan memberi pengertian tentang perpaduan sebenar di negara ini.

Berkongsi gambar seorang lelaki Islam sedang menunaikan solat di Kuil Sri Maha Kaliamman di Jalan Putra Harmoni, Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang memuji semangat perpaduan sebenar di kalangan rakyat negara ini.

Semalam, kuil itu dan juga Masjid Putra Height smembuka pintu masing-masing menerima mangsa kebakaran yang cedera. Dalam kejadian itu ratusan yang terjejas manakala rumah dan kenderaan mereka turut musnah.

Sambil merakamkan penghargaannya kepada masjid dan kuil berkenaan, Aaron berkata: usaha ini mencerminkan semangat perpaduan, kebersamaan, dan nilai kemanusiaan yang membentuk asas masyarakat Malaysia yang harmoni.

“Peristiwa ini mengingatkan kita bahawa perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang menunjukkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan terhadap satu sama lain.

“Buktinya rumah ibadat bukan hanya sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat komuniti yang dapat memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat, terutama ketika menghadapi saat-saat sukar,” katanya.

Dia seterusnya berkata tindakan yang dilakukan oleh masjid dan kuil membuktikan kepelbagaian agama bukanlah penghalang kepada perpaduan, sebaliknya kekuatan yang menyatukan rakyat negara ini.

“Dalam menghadapi sebarang cabaran, kita sebagai rakyat Malaysia perlu sentiasa mengamalkan sikap saling kasih sayang dan menyokong, tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa.

“Usaha seperti ini wajar dijadikan contoh dan inspirasi kepada semua pihak untuk memainkan peranan dalam membina sebuah negara yang bersatu padu dan harmoni.

“Ini Malaysia yang sebenar!” katanya.

Kenyataan Aaron itu dibuat ketika ketegangan yang memuncak berhubung pemindahan kuil Hindu berusia 130 tahun di Kuala Lumpur untuk memberi laluan kepada pembinaan sebuah masjid. Ini mengundang pandangan dan pendirian yang berdasarkan perkauman dan juga menjadiakan suasana panas, termasuk wujudnya ancaman keganasan di media sosial.

Semalam, pejabat menteri memfailkan laporan kepada SKMM terhadap seorang pengguna media sosial yang menggesa supaya “memerangi” kaum India seperti mengulangi tagedi berdarah 13 Mei 1969.

Individu yang dimaksudkan oleh menteri itu, merupakan pengguna X dengan nama Amir Ridhwann yang telah mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman yang melampau.

Dia dilaporkan menulis “sekarang ni memang elok perang je Melayu dengan Keling ni. Baru dorang tahu tempat dorang kat mana.”

Dia turut menghina komuniti India dengan menyifatkan mereka sebagai “bodoh” dan menuduh mereka membina “kuil beratus-ratus di tanah haram” walaupun hanya mewakili tujuh peratus daripada penduduk negara ini.

Menyuarakan kebimbangan yang sama, Pengerusi Urimai P Ramasamy turut menekankan bahawa perpaduan spontan semasa kebakaran itu membuktikan bagaimana kuil, masjid, gereja dan institusi agama lain boleh berfungsi sebagai pusat penting untuk bantuan kemanusiaan semasa krisis.

“Sepanjang sejarah, tempat ibadat telah berfungsi lebih daripada sekadar tempat perlindungan agama. Ia adalah hab komuniti, tempat perhimpunan untuk bantuan, dan tiang sokongan pada masa ia diperlukan,” katanya menerusi satu kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, Ramasamy turut mengkritik Perdana Menteri Anwar Ibrahim dan kerajaannya berhubung pemindahan Kuil Devi Sri Pathrakialiamman di Jalan Masjid India.

Katanya, daripada mengiktiraf dan memelihara institusi sedemikian, kerajaan Madani lebih mengutamakan keuntungan politik berbanding perpaduan sosial.

“Pengajaran di sini jelas: politik perpecahan yang menjejaskan kesucian institusi agama hanya melemahkan fabrik masyarakat.

“Pemimpin mesti faham bahawa tempat-tempat ini bukan struktur semata-mata, tetapi talian hayat untuk komuniti yang dalam kesusahan.

“Semangat belas kasihan dan khidmat, seperti yang dihulurkan oleh kuil Sri Maha Kaliamman dan masjid-masjid, harus menjadi contoh kepimpinan sejati—yang melampaui kaum, agama, dan cita-cita politik,” katanya lagi.

malaysiakini
news and views that matter

Minister hails M'sian spirit as temple, mosque open doors to victims

2 April 2025



Sharing a photograph of a Muslim man performing his prayers at the Sri Maha Kaliamman Temple along Jalan Putra Harmoni, National Unity Minister Aaron Ago Dagang praised the true spirit of unity among Malaysians following the devastating gas pipeline explosion in Putra Heights.

Both the temple and the Masjid Putra Heights had sheltered victims of the blaze, which left dozens injured and damaged more than a hundred houses and vehicles.

Thanking both the mosque and temple, Aaron said...

theVibes.com
MALAYSIA. FROM EVERY SIDE.

Minister: Unity is not just a slogan, it must be translated into actions

2 April 2025

"The actions taken by the mosque and temple yesterday are proof that religious diversity is not an obstacle to unity, but rather a strength that unites us," said Aaron Aro Dagang.



The actions taken by the mosque and temple are proof that religious diversity is not an obstacle to unity, he said. - April 2, 2025

I WOULD like to express my appreciation and gratitude to the management of Putra Heights Mosque and Sri Maha Kaliamman Temple for their concern in offering assistance to the victims affected by the gas pipeline fire incident in Putra Heights.

This effort reflects the spirit of unity, togetherness, and humanitarian values that form the foundation of a harmonious Malaysian society.

This event reminds us that unity is not just a slogan but must be translated into actions that demonstrate a sense of responsibility and concern for one another.

The evidence is that places of worship are not only for worship but also community centres that can play an important role in helping society, especially during difficult times.

The actions taken by the mosque and temple are proof that religious diversity is not an obstacle to unity, but rather a strength that unites us.

In facing any challenges, we as Malaysians need to always practice mutual love and support, regardless of religious and ethnic backgrounds.

Efforts like this should be made an example and inspiration for all parties to play a role in building a united and harmonious nation.

This is the real Malaysia!
Datuk Aaron Ago Dagang
National Unity Minister

astro AWANI

Kebakaran paip gas Putra Heights: Masjid, kuil tawar bantuan kepada mangsa cermin perpaduan

2 April 2025



Aaron berkata situasi itu juga mengingatkan semua rakyat Malaysia bahawa perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Tindakan pengurusan Masjid Putra Heights dan Kuil Sri Maha Kaliamman menawarkan bantuan kepada mangsa insiden kebakaran saluran gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights mencerminkan semangat perpaduan dan kebersamaan masyarakat Malaysia yang harmoni.

Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang yang menzahirkan penghargaan atas usaha murni itu berkata tindakan pihak masjid dan kuil berkenaan juga adalah bukti bahawa kepelbagaian agama bukan penghalang kepada perpaduan, sebaliknya menjadi kekuatan yang menyatukan rakyat.

"Buktinya rumah ibadat bukan hanya sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat komuniti yang dapat memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat, terutama ketika menghadapi saat-saat sukar. "Usaha seperti ini wajar dijadikan contoh dan inspirasi kepada semua pihak untuk memainkan peranan dalam membina sebuah negara yang bersatu padu dan harmoni," katanya menerusi kenyataan.

Beliau berkata situasi itu juga mengingatkan semua rakyat Malaysia bahawa perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang menunjukkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan terhadap satu sama lain.

"Dalam menghadapi sebarang cabaran, kita sebagai rakyat Malaysia perlu sentiasa mengamalkan sikap saling kasih sayang dan menyokong, tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa," katanya.

Semalam, mangsa yang mengalami cedera ringan, seperti melecur, luka dan sukar bernafas yang ditempatkan sementara di Kuil Sri Maha Kaliamman untuk diberikan rawatan awal oleh petugas Kementerian Kesihatan sebelum dihantar ke hospital.

Masjid Putra Heights pula diaktifkan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) bagi menempatkan mangsa yang terjejas manakala Masjid Al-Falah USJ di Subang memaklumkan turut 'membuka' pintu masjid itu sekiranya ada mangsa mahu berlindung sementara.

-- BERNAMA

MG MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Menteri Perpaduan hargai masjid, kuil sedia tempat perlindungan

2 April 2025



KUALA LUMPUR – Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menghargai dan berterima kasih kepada pihak pengurusan Masjid Putra Heights dan Kuil Sri Maha Kaliamman atas keprihatinan menawarkan bantuan kepada mangsa yang terjejas akibat kejadian kebakaran paip gas di Putra Heights, Puchong.

Menurut beliau, usaha kedua-dua rumah ibadat itu mencerminkan semangat perpaduan, kebersamaan dan nilai kemanusiaan yang menjadi asas kepada masyarakat Malaysia yang harmoni.

Jelasnya, tindakan itu mengingatkan yang mana perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang menunjukkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan terhadap satu sama lain.

"Buktinya rumah ibadat bukan hanya sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat komuniti yang dapat memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat, terutama ketika menghadapi saat-saat sukar," katanya menerusi catatan di laman sosial Facebook beliau hari ini.

Sementara itu, Aaron berkata, tindakan yang diambil oleh pihak masjid dan kuil tersebut adalah bukti kepelbagaian agama bukan penghalang kepada perpaduan, sebaliknya menjadi kekuatan yang menyatukan seluruh rakyat.

Dalam menghadapi sebarang cabaran, ujarnya, rakyat Malaysia perlu sentiasa mengamalkan sikap saling kasih sayang dan menyokong, tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa.

"Usaha seperti ini wajar dijadikan contoh dan inspirasi kepada semua pihak untuk memainkan peranan dalam membina sebuah negara yang bersatu padu dan harmoni.

"Ini Malaysia yang sebenar!" katanya.

Ketika ini, seramai 110 keluarga membabitkan 485 orang berlindung di Dewan Masjid Putra Heights yang dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS) ekoran kejadian kebakaran paip gas semalam.

Sementara itu, Kuil Sri Maha Kaliamman sejak semalam juga dijadikan pusat operasi kepada petugas keselamatan termasuk kakitangan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk memberi rawatan segera kepada mangsa terlibat. – MalaysiaGazette

Utusan Borneo

Masjid, kuil tawar bantuan kepada mangsa kebakaran cermin perpaduan, kebersamaan

3 April 2025

Masjid, kuil tawar bantuan kepada mangsa kebakaran cermin perpaduan, kebersamaan

KUALA LUMPUR: Tindakan pengurusan Masjid Putra Heights dan Kuil Sri Maha Kaliamman menawarkan bantuan kepada mangsa insiden kebakaran saluran gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights mencerminkan semangat perpaduan dan kebersamaan masyarakat Malaysia yang harmoni.

Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang yang menzahirkan penghargaan atas usaha murni itu berkata tindakan pihak masjid dan kuil berkenaan juga adalah bukti bahawa kepelbagaian agama bukan penghalang kepada perpaduan, sebaliknya menjadi kekuatan yang menyatukan rakyat.

"Buktinya rumah ibadat bukan hanya sebagai tempat beribadah, tetapi juga sebagai pusat komuniti yang dapat memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat, terutama ketika menghadapi saat-saat sukar.

"Usaha seperti ini wajar dijadikan contoh dan inspirasi kepada semua pihak untuk memainkan peranan dalam membina sebuah negara yang bersatu padu dan harmoni," katanya menerusi kenyataan.

Beliau berkata situasi itu juga mengingatkan semua rakyat Malaysia bahawa perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang menunjukkan rasa tanggungjawab dan keprihatinan terhadap satu sama lain.

"Dalam menghadapi sebarang cabaran, kita sebagai rakyat Malaysia perlu sentiasa mengamalkan sikap saling kasih sayang dan menyokong, tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa," katanya.

Kelmarin, mangsa yang mengalami cedera ringan, seperti melecur, luka dan sukar bernafas ditempatkan sementara di Kuil Sri Maha Kaliamman untuk diberikan rawatan awal oleh petugas Kementerian Kesihatan sebelum dihantar ke hospital.

Masjid Putra Heights pula diaktifkan sebagai pusat pemindahan sementara (PPS) bagi menempatkan mangsa yang terjejas manakala Masjid Al-Falah USJ di Subang memaklumkan turut 'membuka' pintu masjid itu sekiranya ada mangsa mahu berlindung sementara. — Bernama

Kementerian Perpaduan Negara Gerakkan Kempen Taat Setia Rukun Negara

4 April 2025



MELAKA, 4 April (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara akan menggerakkan Kempen Taat Setia Rukun Negara menerusi pelbagai platform media sosial bermula tahun ini, kata Menterinya Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata kempen berteraskan prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan itu amat penting untuk dilaksanakan berikutan elemen berkenaan dilihat semakin terhakis dalam kalangan pengguna platform media sosial ketika ini.

"Memandangkan tahun ini kita akan menyambut 55 tahun Rukun Negara, maka saya menyeru agar Kempen Taat Setia Rukun Negara dimulakan dari Melaka.

"Saya yakin perkara ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin kerana satu daripada program utama Melaka adalah Pidato Rukun Negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis 'Kick-Off' Sambutan Minggu Perpaduan 2025 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini malam ini.

Hadir sama Timbalannya Senator K Saraswathy, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Datuk Ngwe Hee Sem, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Ruji Ubi dan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Azhar Arshad.

Beliau berkata ketika ini kementeriannya mempunyai pelbagai program fizikal berteraskan perpaduan dalam kalangan masyarakat seperti Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan Sekretariat Rukun Negara di peringkat universiti awam.

Tambah beliau Kementerian Perpaduan Negara juga akan memberi fokus kepada media sosial bagi memupuk perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.
-- BERNAMA

National Unity Ministry To Mobilise Rukun Negara Loyalty Campaign

4 April 2025



MELAKA, April 4 (Bernama) -- The Ministry of National Unity will launch the Rukun Negara Loyalty Campaign through various social media platforms starting this year, said its Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said the campaign based on the fifth principle of Rukun Negara, namely Courtesy and Morality, is seen as important to instill as these two elements appear to be increasingly eroding among users of social media platforms at the moment.

"As we will be celebrating the 55th anniversary of Rukun Negara this year, I am proposing to launch the Rukun Negara Loyalty Campaign in Melaka.

"I am confident that this can be implemented well as one of Melaka's signature programmes is the Rukun Negara Speech Competition," he said.

He told reporters after officiating the Kick-Off Ceremony for the 2025 Unity Week Celebration at Melaka International Trade Centre (MITC) in Ayer Keroh here tonight.

Also present were the Deputy Minister Senator K Saraswathy, State Health, Human Resources and Unity exco Datuk Ngwe Hee Sem, National Unity Ministry secretary-general Datuk Ruji Ubi and Melaka State Secretary Datuk Azhar Arshad.

He said that currently his ministry has various physical programmes based on unity among the community such as the Rukun Negara Club in primary schools and the Rukun Negara Secretariat at public university level.

He said that therefore the Ministry of National Unity will focus on social media in its efforts to foster unity and harmony among the diverse communities in this country. -- BERNAMA

MELAKA HARI INI

MEDIA SOSIAL PLATFORM PROMOSI KEMPEN TAAT SETIA RUKUN NEGARA

4 April 2025



AARON ketika menyempurnakan gimik perasmian Kick-Off Sambutan Minggu Perpaduan 2025 (SMP 2025) di perkarangan MITC, Ayer Keroh.

AYER KEROH 4 April – Kempen Taat Setia Rukun Negara yang dimulakan di Negeri Melaka akan diperluaskan ke seluruh negara menerusi semua platform media sosial tahun ini.

Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang berkata, media sosial dipilih sebagai platform menyebar luas kempen berkenaan memandangkan pelayar alam maya kini dilihat semakin terhakis nilai kesopanan dan kesusilaan seperti yang terkandung dalam prinsip kelima Rukun Negara.

Oleh sebab itu, ujar beliau, kempen itu digerakkan bagi menangkis segala anasir yang boleh membawa kepada perpecahan dan menganggu gugat keharmonian.

"Sebab itulah, kita mahu seluruh rakyat mengingati dan menghayati Rukun Negara yang telah diperkenalkan sejak 55 tahun lalu. Rukun Negara ini bukan sekadar lafaz, ia adalah asas perpaduan.

"Kita mahu Rukun Negara ini dibudayakan di peringkat akar umbi lagi sebab itulah kita ada Tabika Perpaduan dan seterusnya di peringkat sekolah ada Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara di peringkat universiti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Kick-Off Sambutan Minggu Perpaduan 2025 (SMP 2025) di perkarangan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, hari ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Azhar Arshad; Timbalan Menteri Perpaduan Senator Saraswathy Kandasami; Pegawai Kewangan Negeri Melaka Datuk Wira Salhah Salleh; Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Datuk Ngwe Hee Sem dan Timbalannya Siti Faizah Abdul Azis.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Datuk Ruji Ubi serta lain-lain kenamaan.

Menurut Aaron, Melaka dipilih sebagai negeri pertama dimulakan kempen berkenaan memandangkan negeri ini terkenal dengan pertandingan Pidato Rukun Negara yang diadakan pada setiap tahun.

"Kempen ini akan digerakkan menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Melaka sebelum ia diperluaskan ke seluruh negara secara serta-merta.

"Saya yakin perkara ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin kerana salah satu program 'signature' Melaka adalah Pidato Rukun Negara," katanya.

MELAKA HARI INI

KEMPEN TAAT SETIA RUKUN NEGARA DIMULAKAN DI MELAKA

4 April 2025



LAFAZ Ikrar Rukun Negara pada Majlis Perasmian Kick-Off Sambutan Minggu Perpaduan 2025 (SMP 2025) di perkarangan MITC, Ayer Keroh.

AYER KEROH 4 April – Melaka menjadi negeri pertama dimulakan Kempen Taat Setia Rukun Negara, kata Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang.

Menurut beliau, kempen itu akan diperkasa memandangkan tahun ini merupakan sambutan ke-55 tahun Rukun Negara diperkenalkan.

Beliau berkata, sejak diperkenalkan pada 31 Ogos 1970, Rukun Negara telah menjadi pedoman utama dalam membentuk masyarakat yang harmoni, saling menghormati dan bertoleransi.

"Rukun Negara merupakan dasar yang sangat penting dalam pembentukan identiti negara Malaysia dan memainkan peranan utama dalam mencapai perpaduan yang utuh di kalangan rakyat pelbagai kaum, agama, dan budaya.

"Dalam konteks ini, Rukun Negara bukan sahaja sekadar sebuah prinsip tetapi juga kunci kejayaan perpaduan di Malaysia.

"Justeru, saya yakin perkara ini (Kempen Taat Setia Rukun Negara) dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin di Melaka kerana salah satu program 'signature' negeri ini adalah Pidato Rukun Negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Kick-Off Sambutan Minggu Perpaduan 2025 (SMP 2025) di perkarangan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, hari ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Azhar Arshad; Timbalan Menteri Perpaduan Senator Saraswathy Kandasami; Pegawai Kewangan Negeri Melaka Datuk Wira Salhah Salleh; Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Datuk Ngwe Hee Sem dan Timbalannya Siti Faizah Abdul Azis.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Datuk Ruji Ubi serta lain-lain kenamaan.

Menurut Aaron, Sambutan Minggu Perpaduan diadakan bertujuan menyebarluas penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia.

Jelas beliau, pada tahun ini, Kementerian Perpaduan mengangkat tema 'Harmoni Dalam Kepelbagaian' bagi penganjuran sambutan SMP 2025.

Beliau berharap, sambutan itu menjadi wadah perpaduan dan tapak integrasi yang berkesan hingga ke peringkat akar umbi untuk memperkukuh serta mengeratkan hubungan masyarakat dalam usaha memelihara ekosistem perpaduan.

"Kebersamaan dalam pelbagai aktiviti sosial dan interaksi yang aktif merentasi kaum dan generasi dapat merapatkan jurang yang wujud dan membentuk rakyat Malaysia yang memahami, menerima dan menghormati kepelbagaian yang wujud di negara ini," katanya.

astro AWANI

Kementerian Perpaduan Negara gerakkan Kempen Taat Setia Rukun Negara

4 April 2025



Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kempen berteraskan prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan itu amat penting untuk dilaksanakan.

MELAKA: Kementerian Perpaduan Negara akan menggerakkan Kempen Taat Setia Rukun Negara menerusi pelbagai platform media sosial bermula tahun ini, kata Menterinya Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata kempen berteraskan prinsip kelima Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan itu amat penting untuk dilaksanakan berikutan elemen berkenaan dilihat semakin terhakis dalam kalangan pengguna platform media sosial ketika ini.

"Memandangkan tahun ini kita akan menyambut 55 tahun Rukun Negara, maka saya menyeru agar Kempen Taat Setia Rukun Negara dimulakan dari Melaka.

"Saya yakin perkara ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin kerana satu daripada program utama Melaka adalah Pidato Rukun Negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis 'Kick-Off' Sambutan Minggu Perpaduan 2025 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini malam ini.

Hadir sama Timbalannya Senator K Saraswathy, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Datuk Ngwe Hee Sem, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Datuk Ruji Ubi dan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Azhar Arshad.

Beliau berkata ketika ini kementeriannya mempunyai pelbagai program fizikal berteraskan perpaduan dalam kalangan masyarakat seperti Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan Sekretariat Rukun Negara di peringkat universiti awam.

Tambah beliau Kementerian Perpaduan Negara juga akan memberi fokus kepada media sosial bagi memupuk perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.
-- BERNAMA

TheStar

National Unity Ministry to mobilise Rukun Negara loyalty campaign

4 April 2025

MELAKA: The National Unity Ministry has announced plans to launch the Rukun Negara Loyalty Campaign through various social media platforms starting this year, says its minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He stated that the campaign, which is based on the fifth principle of Rukun Negara, namely Courtesy and Morality, is considered crucial as these elements appear to be increasingly eroding among social media users at the moment.

"As we will be celebrating the 55th anniversary of Rukun Negara this year, I am proposing to launch the Rukun Negara Loyalty Campaign in Melaka.

"I am confident that this can be implemented well, as one of Melaka's signature programmes is the Rukun Negara Speech Competition," he said.

He made these remarks to reporters after officiating at the Kick-Off Ceremony for the 2025 Unity Week Celebration at the Melaka International Trade Centre (MITC) in Ayer Keroh on Friday (April 4) night.

Also present were Deputy Minister Senator K. Saraswathy, state health, human resources and unity committee chairman Datuk Ngwe Hee Sem, National Unity Ministry secretary-general Datuk Ruji Ubi, and Melaka State Secretary Datuk Azhar Arshad.

He noted that currently, his ministry has several physical programmes aimed at promoting unity within the community, such as the Rukun Negara Club in primary schools and the Rukun Negara Secretariat at the public university level.

Therefore, he said, the National Unity Ministry will focus on social media in its efforts to foster unity and harmony among the diverse communities in the country. – Bernama

BERNAMA

Melaka Lokasi Pertama Siri Jelajah Sambutan Minggu Perpaduan 2025

4 April 2025



MELAKA, 4 April (Bernama) -- Melaka dipilih sebagai lokasi pertama siri jelajah Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025 dengan majlis permulaan sambutan itu disempurnakan Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini malam ini.

Kementerian Perpaduan Negara dalam kenyataan memaklumkan SMP adalah program di bawah kerangka Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

"Ia bertujuan menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebar luas pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia," menurut kenyataan itu hari ini.

Kementerian Perpaduan Negara memaklumkan Pulau Pinang pula dipilih sebagai lokasi perasmian SMP Peringkat Kebangsaan yang akan berlangsung pada 16 hingga 20 Julai depan.

Sementara itu, Aaron dalam kenyataan sama berkata SMP bukan sekadar satu acara malah merupakan peringatan bahawa perpaduan adalah asas kekuatan negara.

Beliau berkata Malaysia dibina atas dasar semangat muafakat,saling menghormati dan keadilan antara kaum.

"Kejayaan kita selama ini dalam membangunkan sebuah negara yang stabil dan makmur adalah hasil daripada kerjasama dan kesepakatan semua rakyat, tanpa mengira latar belakang, budaya dan agama.

"Semoga semangat perpaduan yang kita semai bersama akan terus berkembang dan memberi manfaat yang besar kepada negara dan generasi akan datang," katanya.

Sambutan SMP di Melaka diserikan dengan pelbagai pengisian interaktif meliputi setiap lapisan umur seperti 'Unity Fun Walk', Pertandingan Mewarna Berkeluarga-Raya MADANI serta pertandingan dondang sayang dan keroncong.

Turut dianjurkan pertandingan sukan rakyat perpaduan, pameran Rumah KAMI (rumah etnik), persembahan silang budaya, pertandingan karakter perpaduan, pertandingan kerabu UNITI Jiran Wanita, Jualan Rahmah serta pameran daripada jabatan serta agensi kerajaan.

Selepas Melaka, siri jelajah SMP 2025 akan ke Kedah pada 17 hingga 19 April, Kelantan (8 hingga 10 Mei), Pahang (9 hingga 11Mei), Johor (16 hingga 18 Mei), Perlis (14 hingga 15 Jun) dan Terengganu (19 hingga 21 Jun).

Ia kemudian diteruskan ke Sabah (28 hingga 29 Jun), Pulau Pinang (16 hingga 20 Julai), Sarawak (25 hingga 27 Julai), Negeri Sembilan (2 hingga 3 Ogos), Kuala Lumpur (8 hingga 10 Ogos), Labuan (16 hingga 17 Ogos), Selangor (22 hingga 24 Ogos), Putrajaya (12 hingga 14 Sept) dan Perak (26 hingga 28 Sept).

TheStar

Unity Week celebration tour kicks off in Melaka

4 April 2025



MELAKA: Melaka has been chosen as the first location for this year's Unity Week (SMP) celebration tour.

In a statement, the National Unity Ministry said that the kick-off event for SMP 2025 was officiated by its Minister, Datuk Aaron Ago Dagang, at the Melaka International Trade Centre (MITC) in Ayer Keroh on Friday (April 4) night.

"SMP is a programme under the 'Kembara Perpaduan Malaysia Madani' initiative, aimed at igniting the spirit of unity and fostering knowledge, understanding, and appreciation of Malaysia's diverse customs and cultures," the statement said.

It added that Penang was selected as the venue for the national-level SMP launch, which will take place from July 16 to 20.

Meanwhile, Aaron, in the same statement, said that SMP is not merely an event but a reminder that unity is the foundation of the nation's strength.

He added that Malaysia was built on consensus, mutual respect, and fairness among all races.

"Our success in building a stable and prosperous country has resulted from cooperation and unity among all citizens, irrespective of background, culture, and religion. May the spirit of unity that we cultivate together continue to grow and bring great benefits to the nation and future generations," he said.

The Unity Week celebration in Melaka featured various interactive activities for all age groups, including a Unity Fun Walk, the Family-Raya Madani Colouring Contest, and Dondang Sayang and Keroncong competitions.

Other highlights included the Unity Traditional Games Competition, "Rumah KAMI" (ethnic house) exhibition, Cross-Cultural Performances, Unity Character Contest, Uniti Women's Neighbourhood Kerabu Contest, Rahmah Sales, and exhibitions by government departments and agencies.

After Melaka, the Unity Week celebration tour will continue in Kedah (April 17-19), Kelantan (May 8-10), Pahang (May 9-11), Johor (May 16-18), Perlis (June 14-15), Terengganu (June 19-21), Sabah (June 28-29), Penang (July 16-20), Sarawak (July 25-27), Negri Sembilan (Aug 2-3), Kuala Lumpur (Aug 8-10), Labuan (Aug 16-17), Selangor (Aug 22-24), Putrajaya (Sept 12-14), and Perak (Sept 26-28). – Bernama

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Kempen Taat Setia Rukun Negara fokus media sosial

5 April 2025



AARON Ago Dagang (tengah) merasmikan Majlis Pembukaan Sambutan Minggu Perpaduan 2025 di MITC, Ayer Keroh, Melaka. - UTUSAN/AMRAN ALI

MELAKA: Kementerian Perpaduan Negara akan memperhebat Kempen Taat Setia Rukun Negara menerusi pelbagai medium media sosial bermula tahun ini.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kempen itu akan memberi tumpuan kepada prinsip kelima Rukun Negara iaitu 'Kesopanan dan Kesusilaan' yang semakin dilupakan, khususnya dalam kalangan pengguna media sosial.

Menurutnya, elemen kesopanan dalam interaksi harian semakin terhakis, justeru untuk memartabatkan semula nilai tersebut perlu digerakkan secara menyeluruh, terutama dalam dunia digital yang kini menjadi medium utama komunikasi rakyat.

"Dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-55 Rukun Negara tahun ini, saya mencadangkan kempen ini dimulakan di Melaka. Saya yakin Melaka mampu menjadi perintis kerana negeri ini mempunyai program khas seperti Pidato Rukun Negara," katanya ketika merasmikan Majlis Pembukaan Sambutan Minggu Perpaduan 2025 yang berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh di sini, malam tadi.

Aaron turut memaklumkan bahawa kementeriannya aktif melaksanakan pelbagai program fizikal berkonsepkan perpaduan seperti Kelab Rukun Negara di sekolah rendah serta Sekretariat Rukun Negara di universiti awam.

"Namun, tumpuan tahun ini lebih menjurus kepada platform digital sebagai usaha mendekati rakyat dan memperkukuh keharmonian masyarakat berbilang kaum," katanya. – UTUSAN

MELAKA HARI INI

LAPAN PROGRAM BAHARU RANCAKKAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN

5 April 2025



AARON diiringi kenamaan melawat ke reruai yang disediakan pada Majlis Perasmian Kick-Off Sambutan Minggu Perpaduan 2025 (SMP 2025) di perkarangan MITC, Ayer Keroh.

AYER KEROH 5 April – Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) yang dimulakan sejak dua tahun lalu kini dirancakkan dengan lapan program atau pengisian baharu.

Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang berkata, program-program baharu itu mempunyai daya tarikan tersendiri termasuk menggamit penglibatan golongan muda dengan fokus utama untuk memperkukuh perpaduan rakyat berbilang kaum.

Jelas beliau, antara pengisian baharu yang ditampilkan adalah Pameran Negarawan; Wayang Pacak; Bicara Harmoni Perpaduan; Pameran Tabika Perpaduan; Pertandingan Sukan Rakyat Peringkat Komuniti; Pertandingan Persembahan Boria; Pertandingan Ratu Cantik Pakaian Tradisional Pelbagai Kaum serta Ronggeng Tradisional.

"SMP ini merupakan program 'signature' Kementerian Perpaduan di mana Melaka merupakan negeri pertama dipilih sebagai lokasi sambutan sebelum menjelajah ke seluruh negeri dan sambutan peringkat kebangsaan adalah di Pulau Pinang pada Julai depan.

"Tujuan kita hanya satu, iaitu memelihara perpaduan dan keharmonian rakyat, sebab itulah kita menjelajah ke seluruh negara dan bermula di Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Kick-Off Sambutan Minggu Perpaduan 2025 (SMP 2025) di perkarangan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, malam tadi.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Azhar Arshad; Timbalan Menteri Perpaduan Senator Saraswathy Kandasami; Pegawai Kewangan Negeri Melaka Datuk Wira Salhah Salleh; Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Datuk Ngwe Hee Sem dan Timbalannya Siti Faizah Abdul Azis.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Datuk Ruji Ubi serta lain-lain kenamaan.

Menurut beliau, 'Harmoni Dalam Kepelbagaian' telah diangkat sebagai tema SMP pada tahun ini dalam usaha memupuk semangat kebersamaan dan kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia.

SMP yang diadakan di Melaka diserikan dengan pelbagai pengisian interaktif meliputi setiap lapisan umur seperti Unity Fun Walk, Pertandingan Mewarna Berkeluarga – Raya MADANI, Pertandingan Dondang Sayang dan Keroncong, Pertandingan Sukan Rakyat Perpaduan, pameran Rumah KAMI (rumah etnik), Persembahan Silang Budaya, Pertandingan Karakter Perpaduan, Pertandingan Kerabu UNITI Jiran Wanita, Jualan Rahmah serta pameran daripada jabatan serta agensi kerajaan.

Acara kemuncaknya adalah Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 Bersama YAB Perdana Menteri Peringkat Kebangsaan yang diadakan hari ini bermula jam 10 pagi hingga 4 petang.

MELAKA HARI INI

PERPADUAN, KEHARMONIAN RAKYAT FAKTOR MELAKA JADI PILIHAN PELANCONG

5 April 2025



HEE Sem (tiga dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada Aaron (tiga dari kanan) selepas merasmikan Kick-Off Sambutan Minggu Perpaduan 2025 (SMP 2025) di perkarangan MITC, Ayer Keroh.

AYER KEROH 5 April – Keunikan Melaka sebagai sebuah negeri yang kaya dengan sejarah dan budaya, selain rakyatnya harmoni dan bersatu padu menjadi antara faktor negeri ini menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Datuk Ngwe Hee Sem berkata, atas faktor itu juga negeri ini sering dipilih menjadi tuan rumah pelbagai acara besar, termasuklah acara bertaraf dunia, Hari Pelancongan Sedunia (WTD) dan Persidangan Pelancongan Sedunia (WTC) 2025 pada September depan.

Jelas beliau, kerancakan sektor pelancongan juga menyebabkan negeri ini dipilih Kementerian Perpaduan sebagai destinasi pertama jelajah Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025.

"SMP 2025 menyediakan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik kepada pengunjung yang hadir.

"Saya yakin dan percaya aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam program ini bukan sahaja mampu menyemarakkan lagi semangat cintakan negara, tetapi juga mampu merancakkan lagi industri pelancongan dan promosi WTD serta WTC 2025 yang merangsang pertumbuhan ekonomi Negeri Melaka khususnya ekonomi rakyat melalui penganjuran program seperti ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Kick-Off Sambutan Minggu Perpaduan 2025 (SMP 2025) yang disempurnakan Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang di perkarangan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini, malam tadi.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Azhar Arshad; Timbalan Menteri Perpaduan Senator Saraswathy Kandasami; Pegawai Kewangan Negeri Melaka Datuk Wira Salhah Salleh; Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Datuk Ruji Ubi serta lain-lain kenamaan.

Menurut Hee Sem, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh membuktikan komitmen dalam memperkukuh perpaduan di peringkat akar umbi menerusi peruntukan sebanyak RM900,000 bagi menggerak dan melaksanakan pelbagai program melibatkan rakyat berbilang kaum.

Jelas beliau, peruntukan itu disalurkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Melaka sejak dua tahun lalu, sekali gus membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam aspek perpaduan yang merupakan jaminan kepada kesejahteraan sosioekonomi negeri.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Melaka lokasi pertama siri jelajah Sambutan Minggu Perpaduan 2025

5 April 2025



MELAKA: Melaka dipilih sebagai lokasi pertama siri jelajah Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025 dengan majlis permulaan sambutan itu disempurnakan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini, malam tadi.

Kementerian Perpaduan Negara dalam kenyataan memaklumkan SMP adalah program di bawah kerangka Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

"Ia bertujuan menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebar luas pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia," menurut kenyataan itu.

Kementerian Perpaduan Negara memaklumkan Pulau Pinang pula dipilih sebagai lokasi perasmian SMP Peringkat Kebangsaan yang akan berlangsung pada 16 hingga 20 Julai depan.

Sementara itu, Aaron dalam kenyataan sama berkata SMP bukan sekadar satu acara malah adalah peringatan bahawa perpaduan adalah asas kekuatan negara.

Beliau berkata Malaysia dibina atas dasar semangat muafakat, saling menghormati dan keadilan antara kaum.

"Kejayaan kita selama ini dalam membangunkan sebuah negara yang stabil dan makmur adalah hasil daripada kerjasama dan kesepakatan semua rakyat, tanpa mengira latar belakang, budaya dan agama.

"Semoga semangat perpaduan yang kita semai bersama akan terus berkembang dan memberi manfaat yang besar kepada negara dan generasi akan datang," katanya.

Sambutan SMP di Melaka diserikan dengan pelbagai pengisian interaktif meliputi setiap lapisan umur seperti 'Unity Fun Walk', Pertandingan Mewarna Berkeluarga-Raya MADANI serta pertandingan dondang sayang dan keroncong.

Turut dianjurkan pertandingan sukan rakyat perpaduan, pameran Rumah KAMI (rumah etnik), persembahan silang budaya, pertandingan karakter perpaduan, pertandingan kerabu UNITI Jiran Wanita, Jualan Rahmah serta pameran daripada jabatan serta agensi kerajaan.

Selepas Melaka, siri jelajah SMP 2025 akan ke Kedah pada 17 hingga 19 April, Kelantan (8 hingga 10 Mei), Pahang (9 hingga 11 Mei), Johor (16 hingga 18 Mei), Perlis (14 hingga 15 Jun) dan Terengganu (19 hingga 21 Jun).

Ia kemudian diteruskan ke Sabah (28 hingga 29 Jun), Pulau Pinang (16 hingga 20 Julai), Sarawak (25 hingga 27 Julai), Negeri Sembilan (2 hingga 3 Ogos), Kuala Lumpur (8 hingga 10 Ogos), Labuan (16 hingga 17 Ogos), Selangor (22 hingga 24 Ogos), Putrajaya (12 hingga 14 September) dan Perak (26 hingga 28 September).

BULETINTV3

KPN pilih Melaka lokasi pertama siri jelajah Sambutan Minggu Perpaduan 2025

5 April 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang semasa majlis "kick-off" siri jelajah Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025.- FOTO Facebook Kementerian Perpaduan Negara

MELAKA: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memilih Melaka sebagai lokasi pertama siri jelajah Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025 pada tahun ini.

Majlis permulaan atau "kick-off" sambutan itu disempurnakan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini, malam tadi.

KPN dalam hantaran di Facebooknya memaklumkan, SMP adalah program di bawah kerangka Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

"Ia bertujuan menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebar luas pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia," menurut kenyataan itu.

KPN turut memaklumkan, Pulau Pinang pula dipilih sebagai lokasi perasmian SMP Peringkat Kebangsaan yang akan berlangsung pada 16 hingga 20 Julai depan.

Selepas Melaka, siri jelajah SMP 2025 akan ke Kedah pada 17 hingga 19 April, Kelantan (8 hingga 10 Mei), Pahang (9 hingga 11 Mei), Johor (16 hingga 18 Mei), Perlis (14 hingga 15 Jun) dan Terengganu (19 hingga 21 Jun).

Ia kemudian diteruskan ke Sabah (28 hingga 29 Jun), Pulau Pinang (16 hingga 20 Julai), Sarawak (25 hingga 27 Julai), Negeri Sembilan (2 hingga 3 Ogos), Kuala Lumpur (8 hingga 10 Ogos), Labuan (16 hingga 17 Ogos), Selangor (22 hingga 24 Ogos), Putrajaya (12 hingga 14 September) dan Perak (26 hingga 28 September).

tvs www.tvsarawak.my

SMP peringatan perpaduan asas perpaduan negara

5 April 2025



Majlis Perasmian Kick-Off Sambutan Minggu Perpaduan 2025 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh, Melaka pada Jumaat. Foto Kementerian Perpaduan Negara (FB)

AYER KEROH, 5 Mac: Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2025 bukan sekadar satu acara tetapi peringatan perpaduan sebagai asas perpaduan negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, Malaysia dibina atas dasar semangat muafakat, saling menghormati dan keadilan antara kaum.

"Kejayaan kita selama ini dalam membangunkan sebuah negara yang stabil dan makmur adalah hasil daripada kerjasama dan kesepakatan semua rakyat tanpa mengira latar belakang, budaya serta agama.

"Semoga semangat perpaduan yang kita semai bersama akan terus berkembang dan memberi manfaat yang besar kepada negara dan generasi akan datang," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Majlis Perasmian Kick-Off SMP 2025 merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk memupuk perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia.

Program yang berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh, Melaka tersebut dirasmikan oleh Aaron pada Jumaat.

Mengangkat tema Harmoni Dalam Kepelbagaian, Kementerian Perpaduan Negara memaklumkan program tersebut turut diserikan dengan pelbagai pengisian interaktif.

"Antara acara yang diadakan iaitu,'Unity Fun Walk', Pertandingan Mewarna Berkeluarga-Raya MADANI serta pertandingan dondang sayang dan keroncong.

"Selain itu, pertandingan sukan rakyat perpaduan, pameran Rumah KAMI (rumah etnik), persembahan silang budaya, pertandingan karakter perpaduan, pertandingan kerabu UNITI Jiran Wanita, Jualan Rahmah serta pameran daripada jabatan serta agensi kerajaan," menurut kenyataan tersebut.

Selepas Melaka, siri jelajah SMP 2025 akan ke Kedah pada 17 hingga 19 April, Kelantan (8 hingga 10 Mei), Pahang (9 hingga ll Mei), Johor (16 hingga 18 Mei), Perlis (14 hingga 15 Jun) dan Terengganu (19 hingga 21 Jun).

Ia kemudian diteruskan ke Sabah (28 hingga 29 Jun), Pulau Pinang (16 hingga 20 Julai), Sarawak (25 hingga 27 Julai), Negeri Sembilan (2 hingga 3 Ogos), Kuala Lumpur (8 hingga 10 Ogos), Labuan (16 hingga 17 Ogos), Selangor (22 hingga 24 Ogos), Putrajaya (12 hingga 14 September) dan Perak (26 hingga 28 September).-TVS

BERNAMA

Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 Jadi Wadah Satukan Rakyat Berbilang Kaum

5 April 2025



MELAKA, 5 April (Bernama) -- Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 peringkat kebangsaan yang diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini hari ini menjadi wadah menyatukan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Bertemakan 'Ihsan Menyentuh Jiwa, Toleransi Menyatu Negara', ia digarap bagi mengangkat nilai ihsan serta semangat toleransi yang menjadi asas kepada kesatuan masyarakat sekali gus sebagai jambatan dalam meraikan kemajmukan budaya Malaysia dan memperkukuhkan nilai keharmonian dalam masyarakat.

Bakal dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, sambutan itu juga dilihat dapat memperkukuhkan hubungan antara rakyat Malaysia dengan semangat saling menghormati, memahami dan menghargai kepelbagaian budaya yang menjadi teras keharmonian negara.

Majlis Aidilfitri itu juga merupakan kesinambungan tradisi yang dianjurkan oleh Perdana Menteri sebelum ini bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dan latar belakang.

Sesuai dengan kehangatan sambutan Aidilfitri, tetamu yang hadir dihidangkan dengan menu yang melambangkan identit imasyarakat Malaysia yang pelbagai kaum seperti nasi beriani, dimsum, capati, wantan, dumpling, kambing golek serta sate.

Tidak ketinggalan juadah pelbagai negeri seperti puding raja dari Pahang, kek lapis dan mi kolok (Sarawak), kuih bakar (Melaka), rendang tok (Perak), rendang maman (Negeri Sembilan), ketupat sotong (Terengganu), burasak (Sabah), punten (Selangor), laksa utara (Perlis), laksa Johor (Johor), laksam (Kelantan), dan pasembur (Pulau Pinang).

Majlis turut disertai Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Ali Rustam dan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh selain kedua-dua Timbalan Perdana Menteri iaitu Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta pasangan masing-masing.

Selain itu, sambutan yang bermula pada 10 pagi hingga 4 petang itu akan turut dihadiri Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, barisan Jemaah Menteri kerajaan Persekutuan dan Exco kerajaan negeri serta pengurusan tertinggi di peringkat Persekutuan dan negeri.

Majlis sambutan Aidilfitri anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Kerajaan Negeri Melaka itu dijangka menjadi tumpuan lebih 5,000 rakyat daripada pelbagai kaum bukan hanya dari Melaka tetapi juga dari negeri yang berhampiran.

Untuk kemudahan pengunjung, kerajaan negeri menyediakan perkhidmatan bas perantara percuma dari pekarangan Masjid Al-Alami, MITC, Mydin Ayer Keroh dan Lingkaran MITC.

Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 juga akan menjelajah ke Selangor pada 6 April, Pahang (11 April), Kelantan dan Pulau Pinang (12 April), Sarawak (19 April), Perak (25 April) serta Perlis (27 April).

theVibes.com
MALAYSIA. FROM EVERY SIDE.

Aidilfitri MADANI 2025 Celebrations: A symbol of unity for multiracial Malaysia

5 April 2025

With the theme 'Ihsan Menyentuh Jiwa, Toleransi Menyatu Negara,' the event emphasised the importance of good values and tolerance, underpinning the unity of society



Festivities, which aim to foster stronger bonds between Malaysians through mutual respect, understanding, and an appreciation of the diverse cultures (File Pic) - April 5, 2025

THE national-level Aidilfitri MADANI 2025 celebrations, beginning at the Melaka International Trade Centre (MITC) in Ayer Keroh today, have been hailed as a symbol of unity for Malaysia's diverse, multiracial community.

With the theme 'Ihsan Menyentuh Jiwa, Toleransi Menyatu Negara,' the event emphasised the importance of good values and tolerance, underpinning the unity of society. The celebrations provided a bridge to honour Malaysia's rich cultural diversity and reinforce the harmony shared among the country's people.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim is set to officially launch the festivities, which aim to foster stronger bonds between Malaysians through mutual respect, understanding, and an appreciation of the diverse cultures that form the bedrock of national unity.

The event also serves as a continuation of past efforts by previous prime ministers to promote unity among Malaysia's multiracial population.

A wide variety of dishes, representative of Malaysia's multicultural identity, were on offer, including briyani rice, dim sum, chapati, wonton, dumplings, kambing golek, and satay.

Visitors also had the chance to sample state-specific delicacies, such as Pahang's puding raja, Sarawak's kek lapis, Melaka's kuih bakar, Perak's rendang tok, Negeri Sembilan's rendang maman, Terengganu's ketupat sotong, Sabah's burasak, Selangor's punten, Perlis' laksa utara, Johor's laksa Johor, Kelantan's laksam, Sarawak's kolok mee, and Penang's pasembur.

Among those in attendance were Melaka's Yang Dipertua, Tun Mohd Ali Rustam, Melaka Chief Minister Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, both Deputy Prime Ministers Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi and Datuk Seri Fadillah Yusof, alongside their spouses. Also present were National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang and several Cabinet ministers, state executive councillors, and senior federal and state officials.

The event, organised by the National Unity Ministry and the Melaka state government, ran from 10 am to 4 pm, with over 5,000 Malaysians expected to attend. To facilitate access, the state government provided free shuttle bus services from key locations, including the grounds of Al-Alami Mosque, MITC, Mydin Ayer Keroh, and Lingkaran MITC.

Following the Melaka event, Aidilfitri MADANI 2025 celebrations will continue in Selangor on 6 April, Pahang on 11 April, Kelantan and Penang on 12 April, Sarawak on 19 April, Perak on 25 April, and Perlis on 27 April. - April 5, 2025

BERNAMA

Sambutan Songkran Peringkat Kebangsaan Di Perak 11 Hingga 13 April Ini

7 April 2025



PUTRAJAYA, 7 April (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia akan menganjurkan Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan pada 11 hingga 13 April ini di Dewan Songkran Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak.

Songkran adalah majlis keraian utama dan penuh bermakna dalam kalendar masyarakat Bumiputera Siam di Malaysia, yang menandakan kedatangan tahun baharu dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.

Sambutan itu juga sarat dengan nilai budaya bagi memperkenalkan tradisi, seni, dan budaya etnik minoriti Siam di Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata sambutan itu juga merupakan platform penting bagi memperkenalkan adat resam dan budaya masyarakat Siam kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Ia sejajar dengan matlamat Kerajaan MADANI dalam membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian kaum, budaya dan agama di Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Program tiga hari itu bakal diserikan dengan pelbagai pengisian menarik seperti perarakan tradisional Songkran, pameran budaya dan makanan tradisional, pertunjukan kebudayaan (tarian, seni dan muzik), pertandingan permainan tradisional, aktiviti mandi air (water splashing) dan aktiviti sosial dan kesenian bersama komuniti.

KPN mengajak orang ramai terutama di kawasan berhampiran untuk turut serta memeriahkan sambutan itu, dan maklumat lanjut mengenainya boleh diperoleh daripada laman sosial rasmi KPN.

Malaysia Tribune

Sambutan Songkran peringkat kebangsaan pada 11 hingga 13 April

7 April 2025



PUTRAJAYA – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia akan menganjurkan Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan bermula 11 hingga 13 April ini di Dewan Songkran, Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak.

Majlis tersebut akan disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Aaron dalam satu kenyataan berkata, sambutan Songkran merupakan perayaan utama masyarakat Bumiputera Siam di negara ini yang diraikan bagi menandakan ketibaan tahun baharu dengan penuh kesyukuran serta kegembiraan.

"Perayaan itu bukan sahaja meriah, tetapi sarat dengan nilai budaya yang memperkenalkan tradisi, seni dan warisan etnik minoriti Siam kepada seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, perayaan itu menjadi platform penting dalam memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum.

"Ia sejajar dengan matlamat Kerajaan Madani yang mengangkat perpaduan sebagai teras dan meraikan kepelbagaian kaum, budaya dan agama," katanya lagi.

Beliau berkata, program seumpama itu mampu mengeratkan hubungan antara etnik serta memperkasakan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

"Antara pengisian menarik sepanjang tiga hari sambutan termasuk perarakan tradisional Songkran, pameran makanan dan budaya, pertunjukan tarian serta muzik tradisional, pertandingan permainan rakyat dan aktiviti simbahan air yang sinonim dengan perayaan tersebut," katanya lagi.

KPN turut menjemput orang ramai khususnya penduduk sekitar Perak Utara untuk hadir memeriahkan sambutan tersebut.

Maklumat lanjut mengenai perayaan itu boleh didapati melalui laman sosial rasmi Kementerian Perpaduan Negara.

tvs
www.tvsarawak.my

KPN anjur Majlis Perayaan Songkran 11 hingga 13 April ini

7 April 2025



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia akan menganjurkan Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan pada 11 hingga 13 April ini.

PUTRAJAYA, 7 April: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia akan menganjurkan Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan pada 11 hingga 13 April ini.

KPN dalam satu kenyataan memaklumkan, program itu akan diadakan di Dewan Songkran, Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak dan perasmian akan disempurnakan oleh Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

"Majlis Perayaan Songkran adalah perayaan utama dan penuh bermakna dalam kalendar masyarakat Bumiputera Siam di Malaysia, menandakan kedatangan tahun baharu dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.

"Sambutan ini juga sarat dengan nilai budaya bagi memperkenalkan tradisi, seni, dan budaya etnik minoriti Siam di Malaysia," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, Perayaan Songkran merupakan platform penting bagi memperkenalkan adat resam dan budaya masyarakat Siam kepada seluruh rakyat Malaysia.

Ia juga sejajar dengan matlamat Kerajaan MADANI dalam membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian kaum, budaya dan agama di Malaysia.

"Perayaan ini dapat mengeratkan hubungan pelbagai etnik di samping memahami dan memperkasa perpaduan masyarakat Malaysia dengan bersama-sama meraikan perayaan dalam suasana harmoni" katanya.

Program tiga hari itu turut diserikan dengan pelbagai pengisian menarik seperti perarakan tradisional Songkran, pameran budaya dan makanan tradisional, pertunjukan kebudayaan (tarian, seni dan muzik), pertandingan permainan tradisional, aktiviti mandi air (water splashing) dan aktiviti sosial dan kesenian bersama komuniti.-TVS

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Sambutan Songkran Kebangsaan di Perak pada 11-13 April

7 April 2025



PETALING JAYA: Sambutan Songkran adalah perayaan utama dan penuh bermakna dalam kalendar masyarakat Siam di Malaysia kerana ia menandakan kedatangan tahun baharu dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.

Menurut Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, sambutan Perayaan Songkran merupakan platform penting bagi memperkenalkan adat resam dan budaya masyarakat Siam kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Perayaan ini seiring dengan matlamat Kerajaan Madani dalam membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian kaum,budaya dan agama di Malaysia.

"Perayaan ini dapat mengeratkan hubungan pelbagai etnik di samping memahami dan memperkasa perpaduan masyarakat Malaysia", katanya dalam kenyataan.

Kementerian Perpaduan Negara memaklumkan Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan dianjurkan oleh hasil kerjasama antara kementerian itu dengan Persatuan Siam Malaysia

Selain itu, sambutan Songkran yang akan disempurnakan oleh Aaron disambut itu dengan penuh nilai budaya bagi memperkenalkan tradisi, seni, dan budaya etnik minoriti Siam di Malaysia.

Dalam pada itu, pelbagai pengisian menarik seperti perarakan tradisional Songkran, pameran budaya dan makanan tradisional, pertunjukan kebudayaan, pertandingan permainan tradisional, aktiviti mandi air dan aktiviti sosial serta kesenian bersama komuniti diadakan sepanjang sambutan.

Semua orang ramai terutama di kawasan berhampiran untuk turut serta ke Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan di Dewan Songkran Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak pada 11-13 April ini.

Untuk maklumat lanjut mengenai perayaan ini, layari laman sosial rasmi Kementerian Perpaduan Negara.

Songkran Peringkat Kebangsaan bakal gegar Perak! Raikan tradisi masyarakat Siam selama 3 hari

7 April 2025





Perayaan penuh warna-warni dan sarat nilai budaya bakal memeriahkan Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak apabila Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan 2025 dianjurkan bermula 11 hingga 13 April ini.

Songkran Peringkat Kebangsaan bakal gegar Perak!



Acara yang julung kali diadakan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia ini akan berlangsung di Dewan Songkran, dan bakal disempurnakan oleh menterinya Datuk Aaron Ago Dagang.

Menurut Aaron, perayaan ini adalah peluang terbaik untuk rakyat Malaysia mengenali lebih dekat budaya masyarakat Siam yang kaya dengan adat dan tradisi tersendiri.

Songkran Peringkat Kebangsaan kenali adat resam dan budaya

"Sambutan Perayaan Songkran ini merupakan platform penting bagi memperkenalkan adat resam dan budaya masyarakat Siam kepada seluruh rakyat Malaysia.

Ia juga sejajar dengan matlamat Kerajaan MADANI dalam membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian kaum, budaya dan agama di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Aaron menjelaskan, inisiatif sebegini bukan saja menyemarakkan semangat perpaduan, malah turut memperkasa kefahaman antara kaum di Malaysia.

"Perayaan ini dapat mengeratkan hubungan pelbagai etnik di samping memahami dan memperkasa perpaduan masyarakat Malaysia dengan bersama-sama meraikan perayaan dalam suasana harmoni," jelas beliau lagi.

Antara aktiviti menarik yang bakal mencuri perhatian sepanjang tiga hari itu termasuklah perarakan tradisional Songkran, pameran budaya & makanan tradisional, pertunjukan kebudayaan, pertandingan permainan tradisi, aktiviti mandi air dan juga pelbagai aktiviti sosial bersama komuniti.

Orang ramai, khususnya yang berada di sekitar Perak, dijemput hadir memeriahkan sambutan ini. Nak tahu lebih lanjut? Boleh layari laman sosial rasmi KPN untuk info terkini.

Jom raikan perpaduan dan kepelbagaian budaya Malaysia dengan semangat MADANI!

astro AWANI

Sambutan Songkran Peringkat Kebangsaan di Perak 11 hingga 13 April

7 April 2025



Songkran adalah majlis keraian utama dan penuh bermakna dalam kalendar masyarakat Bumiputera Siam di Malaysia, yang menandakan kedatangan tahun baharu dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. - Gambar fail/ Bernama

PUTRAJAYA: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia akan menganjurkan Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan pada 11 hingga 13 April ini di Dewan Songkran Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak.

Songkran adalah majlis keraian utama dan penuh bermakna dalam kalendar masyarakat Bumiputera Siam di Malaysia, yang menandakan kedatangan tahun baharu dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.

Sambutan itu juga sarat dengan nilai budaya bagi memperkenalkan tradisi, seni, dan budaya etnik minoriti Siam di Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata sambutan itu juga merupakan platform penting bagi memperkenalkan adat resam dan budaya masyarakat Siam kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Ia sejajar dengan matlamat Kerajaan MADANI dalam membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian kaum, budaya dan agama di Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Program tiga hari itu bakal diserikan dengan pelbagai pengisian menarik seperti perarakan tradisional Songkran, pameran budaya dan makanan tradisional, pertunjukan kebudayaan (tarian, seni dan muzik), pertandingan permainan tradisional, aktiviti mandi air (water splashing) dan aktiviti sosial dan kesenian bersama komuniti.

KPN mengajak orang ramai terutama di kawasan berhampiran untuk turut serta memeriahkan sambutan itu, dan maklumat lanjut mengenainya boleh diperoleh daripada laman sosial rasmi KPN.
-- BERNAMA

The Malaysian Reserve

National Songkran Festival to be held in Perak from April 11 to 13

7 April 2025



PUTRAJAYA — The National Unity Ministry, in collaboration with the Malaysian Siamese Association, will organise the National Songkran Festival from April 11 to 13 at the Songkran Hall, Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak.

The Songkran Festival is a significant celebration among the Siamese Bumiputera community in Malaysia, marking the arrival of the new year with gratitude and joy.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the Songkran Festival is an essential platform to introduce the tradition, arts, and culture of the Siamese ethnic minority to Malaysians.

"This festival aligns with the MADANI government goal of promoting unity and celebrating racial, cultural, and religious diversity in Malaysia," he said in today's statement.

The three-day event will feature various activities, such as the traditional Songkran procession, cultural exhibitions and performances, traditional food, traditional games competitions, and water splashing activities, among other things.

The ministry called on the public, especially those in nearby areas, to participate in the festival, adding that information about the event can be obtained on its official social media accounts. — BERNAMA

NEW STRAITS TIMES

National Songkran Festival to be held in Perak from April 11 to 13

7 April 2025



An archived image of revellers participating in water activities as they celebrate the Buddhist New Year, known as Songkran, in Bangkok, Thailand. The Songkran Festival is a significant celebration among the Siamese Bumiputera community in Malaysia, marking the arrival of the new year with gratitude and joy - AFP FILE PIC

PUTRAJAYA: The National Unity Ministry, in collaboration with the Malaysian Siamese Association, will organise the National Songkran Festival from April 11 to 13 at the Songkran Hall, Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak.

The Songkran Festival is a significant celebration among the Siamese Bumiputera community in Malaysia, marking the arrival of the new year with gratitude and joy.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the Songkran Festival is an essential platform to introduce the tradition, arts, and culture of the Siamese ethnic minority to Malaysians.

"This festival aligns with the Madani government goal of promoting unity and celebrating racial, cultural, and religious diversity in Malaysia," he said in today's statement.

The three-day event will feature various activities, such as the traditional Songkran procession, cultural exhibitions and performances, traditional food, traditional games competitions, and water splashing activities, among other things.

The ministry called on the public, especially those in nearby areas, to participate in the festival, adding that information about the event can be obtained on its official social media accounts. – Bernama

WILAYAHKU

KPN anjur Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan Jumaat ini

7 April 2025



KEMENTERIAN Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia bakal menganjurkan Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan di Dewan Songkran Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak pada 11 hingga 13 April ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata Sambutan Perayaan Songkran ini merupakan platform penting bagi memperkenalkan adat resam dan budaya masyarakat Siam kepada seluruh Malaysia.

"Ia sejajar dengan matlamat Kerajaan MADANI dalam membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian kaum, budaya dan agama di Malaysia.

"Selain itu, perayaan ini dapat mengeratkan hubungan pelbagai etnik di samping memahami dan memperkasa perpaduan masyarakat Malaysia dengan bersama-sama meraikan perayaan dalam suasana harmoni," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tambahnya Majlis Perayaan Songkran adalah perayaan utama dan penuh bermakna dalam kalendar masyarakat Bumiputera Siam di Malaysia yang menandakan kedatangan tahun baharu dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan.

"Sambutan ini juga sarat dengan nilai budaya bagi memperkenalkan tradisi, seni, dan budaya etnik minoriti Siam di Malaysia," katanya.

Program yang berlangsung selama tiga hari ini diserikan dengan pelbagai pengisian menarik seperti perarakan tradisional Songkran, pameran budaya dan makanan tradisional, pertunjukan kebudayaan (tarian, seni dan muzik), pertandingan permainan tradisional, aktiviti mandi air (water splashing) dan aktiviti sosial dan kesenian bersama komuniti.

KPN mengajak orang ramai terutama di kawasan berhampiran untuk turut serta memeriahkan sambutan itu, dan maklumat lanjut mengenainya boleh diperoleh daripada laman sosial rasmi KPN.

– WILAYAHKU

WORLD OF BUZZ

3-Day National Songkran Festival Happening in Perak Will Feature Water Fights, Parades & More

7 April 2025



If you're a big fan of the Songkran festival in Thailand but don't have time to travel, here's some good news for you!

The National Songkran festival will be held for 3 days in Perak from April 11 until April 13.

The matter was shared by the Ministry of Unity which collaborated with the Siamese Association Malaysia to make the event possible, and said the upcoming festival is an essential platform to introduce the Siamese culture to Malaysians.

The National Songkran festival in Perak will take place at the Kampung Tasek Songkran Hall in Pengkalan Hulu, Perak.

"This festival aligns with the MADANI government's goal to promote unity and celebrate racial, cultural, and religious diversity in Malaysia," the Minister of Unity, Aaron Ago Dagang said in his statement today (April 7).

Expect water activities!

Rest assured that the Songkran festival in the state will be filled with activities that are bound to make you feel like you're in Thailand. The three-day event will feature activities such as the traditional Songkran procession, cultural exhibitions and performances, traditional food, traditional games competitions, and last but not least, the famous water splashing activities, among other things.

Aaron invited everyone, especially those from nearby areas, to participate in the National Songkran Festival. In the meantime, you can refer to the ministry's official website for more information about the event.

As of yesterday (April 6), the Siamese Association Malaysia shared images on its Facebook page and said that preparations for the festival are underway.

This is not the first Songkran festival in Malaysia. The festival made a comeback in Penang in 2023 after it was halted for a few years due to the COVID-19 pandemic.

What do you think of the idea of the Songkran festival in Perak?

MALAY.NEWS

Songkran Peringkat Kebangsaan bakal gegar Perak! Raikan tradisi masyarakat Siam selama 3 hari

7 April 2025



Perayaan penuh warna-warni dan sarat nilai budaya bakal memeriahkan Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak apabila Majlis Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan 2025 dianjurkan bermula 11 hingga 13 April ini.

Songkran Peringkat Kebangsaan bakal gegar Perak!



Acara yang julung kali diadakan oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia ini akan berlangsung di Dewan Songkran, dan bakal disempurnakan oleh menterinya Datuk Aaron Ago Dagang.

Menurut Aaron, perayaan ini adalah peluang terbaik untuk rakyat Malaysia mengenali lebih dekat budaya masyarakat Siam yang kaya dengan adat dan tradisi tersendiri.

Songkran Peringkat Kebangsaan kenali adat resam dan budaya

"Sambutan Perayaan Songkran ini merupakan platform penting bagi memperkenalkan adat resam dan budaya masyarakat Siam kepada seluruh rakyat Malaysia.

Ia juga sejajar dengan matlamat Kerajaan MADANI dalam membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian kaum, budaya dan agama di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Aaron menjelaskan, inisiatif sebegini bukan saja menyemarakkan semangat perpaduan, malah turut memperkasa kefahaman antara kaum di Malaysia.

"Perayaan ini dapat mengeratkan hubungan pelbagai etnik di samping memahami dan memperkasa perpaduan masyarakat Malaysia dengan bersama-sama meraikan perayaan dalam suasana harmoni," jelas beliau lagi.

Antara aktiviti menarik yang bakal mencuri perhatian sepanjang tiga hari itu termasuklah perarakan tradisional Songkran, pameran budaya & makanan tradisional, pertunjukan kebudayaan, pertandingan permainan tradisi, aktiviti mandi air dan juga pelbagai aktiviti sosial bersama komuniti.

Orang ramai, khususnya yang berada di sekitar Perak, dijemput hadir memeriahkan sambutan ini. Nak tahu lebih lanjut? Boleh layari laman sosial rasmi KPN untuk info terkini.

Jom raikan perpaduan dan kepelbagaian budaya Malaysia dengan semangat MADANI!

SEGALANYA DI HUJUNG JARI ANDA
SWA BROADCASTING
SEGALANYA DI HUJUNG JARI ANDA

PERAYAAN SONGKAN SIMBOL KEPELBAGAIAN WARISAN

13 April 2025



PENGKALAN HULU, 13 April – Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia (PSM) telah menganjurkan Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan di Dewan Songkran Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Perak Darul Ridzuan.

Program ini merupakan perayaan yang disambut setiap tahun oleh etnik minoriti Bumiputera Siam bagi menandakan kedatangan tahun baharu yang penuh dengan kesyukuran dan kegembiraan yang selari dengan nilai MADANI iaitu kesejahteraan dan hormat.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata "Songkran memberikan peluang untuk kita mengenali dan menghargai tradisi masyarakat Siam yang telah wujud sejak sekian lama. Tradisi ini bukan sahaja memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kehidupan masyarakat Siam,tetapi juga mengajak kita untuk lebih menghargai nilai-nilai murni seperti kasih sayang dan hormat-menghormati dalam kehidupan seharian".

Beliau turut menyatakan bahawa warisan budaya ini adalah jambatan yang menyatukan kita sebagai satu bangsa, tanpa mengira latar belakang etnik, agama, dan budaya. Memelihara warisan budaya adalah tugas kita bersama, untuk memastikan bahawa generasi akan datang dapat mewarisi dan merasai keindahan nilai-nilai yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kita. Sebagai rekod, penemuan utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia pada tahun 2020 menunjukkan seramai 43,071 warganegara Malaysia adalah dari kalangan Etnik Siam. Ini membuktikan bahawa masyarakat Siam di Malaysia mempunyai warisan budaya yang kukuh serta terus dipertahankan dari generasi ke generasi.

Program yang berlangsung selama tiga (3) hari ini turut diserikan dengan pelbagai pengisian menarik seperti perarakan tradisional Songkran, pameran budaya dan makanan tradisional, pertunjukan kebudayaan (tarian, seni dan muzik), pertandingan permainan tradisional, aktiviti mandi air (water splashing) dan aktiviti sosial dan kesenian bersama komuniti.

Malaysia's Diversity Must Be Preserved And Appreciated – Aaron

9 April 2025



PUTRAJAYA, April 9 (Bernama) -- Malaysia's diversity is a valuableasset that must be preserved and appreciated with a sense ofresponsibility, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

Referring to the Vaisakhi celebrations by the Sikh community, Songkran (Siamese), Tamil Puthandu (Tamil), and Vishu(Malayalam) on April 13, he emphasised that it was a shared responsibility to educate future generations on the importance of preserving diversity.

"Education plays a crucial role in fostering respect and understanding of diversity.

"Children should be raised in an atmosphere that values every difference, where they are taught to see the richness in diversity and not view it as something that divides us," he said in a statement today.

Aaron further said that all the celebrations were not merely traditions but a manifestation of the spirit of unity embedded among the people of Malaysia MADANI.

"Let us together celebrate the beauty of diversity, appreciate every culture, and continue to build a more united, harmonious, and successful country. Happy Vaisakhi, Songkran, Tamil Puthandu, and Vishu to all Malaysians," he said.

Kepelbagaian, Aset Malaysia Yang Perlu Dipelihara – Aaron

9 April 2025



PUTRAJAYA, 9 April (Bernama) -- Kepelbagaian adalah aset Malaysia yang perlu dipelihara dan diberi penghargaan dengan penuh rasa tanggungjawab, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Merujuk kepada sambutan Vaisakhi oleh masyarakat Sikh, Songkran (Siam), Tamil Puthandu (Tamil) dan Vishu (Malayalam) pada 13 dan April ini, beliau berkata adalah menjadi tanggungjawab semua untuk mendidik generasi akan dating mengenai kepentingan memelihara kepelbagaian itu.

"Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk rasa hormat dan kefahaman terhadap kepelbagaian.

"Anak-anak perlu dibesarkan dalam suasana yang menghargai setiap perbezaan, iaitu mereka diajar untuk melihat kekayaan dalam kepelbagaian dan bukannya melihatnya sebagai sesuatuyang memisahkan kita," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aaron berkata kesemua perayaan itu bukan sekadar sebuahtradisi, tetapi adalah manifestasi kepada semangat perpaduanyang tersemat dalam kalangan rakyat Malaysia MADANI.

"Marilah kita bersama-sama meraikan keindahan kepelbagaian,menghargai setiap budaya dan terus membina negara yang lebihbersatu padu, harmoni dan berjaya. Selamat menyambut Vaisakhi,Songkran, Tamil Puthandu dan Vishu kepada seluruh rakyatMalaysia," katanya.

Utusan Borneo Online

Kepelbagaian aset Malaysia yang perlu dipelihara: Aaron

9 April 2025



PUTRAJAYA: Kepelbagaian adalah aset Malaysia yang perlu dipelihara dan diberi penghargaan dengan penuh rasa tanggungjawab, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (gambar).

Merujuk kepada sambutan Vaisakhi oleh masyarakat Sikh, Songkran (Siam), Tamil Puthandu (Tamil) dan Vishu (Malayalam) pada 13 dan April ini, beliau berkata adalah menjadi tanggungjawab semua untuk mendidik generasi akan datang mengenai kepentingan memelihara kepelbagaian itu.

"Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk rasa hormat dan kefahaman terhadap kepelbagaian.

"Anak-anak perlu dibesarkan dalam suasana yang menghargai setiap perbezaan, iaitu mereka diajar untuk melihat kekayaan dalam kepelbagaian dan bukannya melihatnya sebagai sesuatu yang memisahkan kita," katanya dalam kenyataan hari ini.

Aaron berkata kesemua perayaan itu bukan sekadar sebuah tradisi, tetapi adalah manifestasi kepada semangat perpaduan yang tersemat dalam kalangan rakyat Malaysia MADANI.

"Marilah kita bersama-sama meraikan keindahan kepelbagaian, menghargai setiap budaya dan terus membina negara yang lebih bersatu padu, harmoni dan berjaya. Selamat menyambut Vaisakhi, Songkran, Tamil Puthandu dan Vishu kepada seluruh rakyat Malaysia," katanya.

theSun

Malaysia's diversity must be preserved and appreciated – Aaron

9 April 2025



PUTRAJAYA: Malaysia's diversity is a valuable asset that must be preserved and appreciated with a sense of responsibility, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

Referring to the Vaisakhi celebrations by the Sikh community, Songkran (Siamese), Tamil Puthandu (Tamil), and Vishu (Malayalam) on April 13, he emphasised that it was a shared responsibility to educate future generations on the importance of preserving diversity.

"Education plays a crucial role in fostering respect and understanding of diversity.

"Children should be raised in an atmosphere that values every difference, where they are taught to see the richness in diversity and not view it as something that divides us," he said in a statement today.

Aaron further said that all the celebrations were not merely traditions but a manifestation of the spirit of unity embedded among the people of Malaysia MADANI.

"Let us together celebrate the beauty of diversity, appreciate every culture, and continue to build a more united, harmonious, and successful country. Happy Vaisakhi, Songkran, Tamil Puthandu, and Vishu to all Malaysians," he said.

tvs
www.tvsarawak.my

Kepelbagaian, aset Malaysia yang perlu dipelihara

10 April 2025



Kepelbagaian adalah aset Malaysia yang perlu dipelihara dan diberi penghargaan dengan penuh rasa tanggungjawab.

PUTRAJAYA, 10 April: Kepelbagaian adalah aset Malaysia yang perlu dipelihara dan diberi penghargaan dengan penuh rasa tanggungjawab, kata Menteri Perpaduan Negara Dato Sri Aaron Ago Dagang.

Merujuk kepada sambutan Vaisakhi oleh masyarakat Sikh, Songkran (Siam), Tamil Puthandu (Tamil) dan Vishu (Malayalam) pada 13 dan April ini, beliau berkata adalah menjadi tanggungjawab semua untuk mendidik generasi akan datang mengenai kepentingan memelihara kepelbagaian itu.

"Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam memupuk rasa hormat dan kefahaman terhadap kepelbagaian.

"Anak-anak perlu dibesarkan dalam suasana yang menghargai setiap perbezaan, iaitu mereka diajar untuk melihat kekayaan dalam kepelbagaian dan bukannya melihatnya sebagai sesuatu yang memisahkan kita," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Aaron berkata kesemua perayaan itu bukan sekadar sebuah tradisi, tetapi adalah manifestasi kepada semangat perpaduan yang tersemat dalam kalangan rakyat Malaysia MADANI.

"Marilah kita bersama-sama meraikan keindahan kepelbagaian, menghargai setiap budaya dan terus membina negara yang lebih bersatu padu, harmoni dan berjaya. Selamat menyambut Vaisakhi, Songkran, Tamil Puthandu dan Vishu kepada seluruh rakyat Malaysia," katanya.

TheStar

Ayer Kuning polls: Steer clear of sensitive issues when campaigning, says National Unity Minister

10 April 2025

KUALA LUMPUR: All parties involved in the upcoming Ayer Kuning state by-election are reminded to campaign responsibly and avoid touching sensitive matters, says National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said the campaign period starting April 12 should serve as an example of a mature and respectful democratic process that does not provoke racial or religious tension.

"As a multiracial, multi-religious and multicultural country, we must always uphold decorum throughout the campaign, in line with the principles of the Rukun Negara, particularly Courtesy and Morality, as well as the values of Malaysia Madani.

"Avoid issues related to religion, race and royalty (the 3Rs) or any form of provocation that could threaten national harmony," he said in a statement on Thursday (April 10).

Aaron said firm action will be taken against individuals or parties who make inflammatory statements or engage in acts of provocation or insult against any race, religion or individual.

He said applicable legal provisions include Section 4(1) of the Election Offences Act 1954, which covers offences involving statements or actions that may cause racial or religious discord during the campaign period.

"Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 allows for action against offensive or inappropriate communication, while Section 4(1) of the Sedition Act 1948 relates to incitement offences," he added.

He also reminded all candidates, supporters and voters to ensure that communication, whether on social media or in-person campaigning, is respectful, free from hate speech and does not offend any party.

In this regard, he urged everyone to preserve national unity and fulfill their responsibilities as Malaysians.

The Ayer Kuning by-election was triggered following the passing of its incumbent, Ishsam Shahruddin, 58, on Feb 25.

The Election Commission (EC) has set polling for April 26, with nominations on April 12 and early voting on April 22. – Bernama

BERNAMA

PRK Ayer Kuning: Berkempen Secara Bertanggungjawab, Elak Sentimen 3R- Aaron

10 April 2025



KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Semua pihak yang terlibat dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning diingatkan supaya berkempen secara bertanggungjawab dan mengelak daripada menyentuh sebarang sentimen yang sensitif.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata kempen PRK bermula 12 April ini perlu menjadi contoh proses demokrasi yang matang, berhemah, dan tidak mencetuskan sebarang ketegangan kaum atau agama.

"Sebagai negara berbilang kaum, agama dan budaya, kita harus sentiasa menjaga tata susila sepanjang kempen, selaras dengan prinsip Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan serta nilai-nilai Malaysia MADANI. "Elakkan menyentuh perkara-perkara sensitif seperti agama, bangsa dan institusi diraja (3R) serta sebarang bentuk provokasi yang boleh menggugat keharmonian negara," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Aaron berkata tindakan tegas akan dikenakan terhadap mana-mana individu atau pihak yang mengeluarkan kenyataan atau melakukan tindakan berunsur hasutan, provokasi atau penghinaan terhadap mana-mana kaum, agama atau individu.

Menurut beliau, antara peruntukan undang-undang yang terpakai termasuk Seksyen 4(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang memperuntukkan kesalahan mengeluarkan kenyataan atau melakukan tindakan yang boleh mencetuskan perpecahan antara kaum dan agama sepanjang tempoh kempen.

"Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 pula memperuntukkan tindakan komunikasi tidak wajar atau menyinggung perasaan; dan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 berkaitan kesalahan menghasut.

"Setiap calon, penyokong dan pengundi perlu memastikan komunikasi mereka, sama ada di media sosial atau dalam pertemuan kempen, adalah sopan, tidak berunsur kebencian, dan tidak menyinggung mana-mana pihak," katanya.

Sehubungan itu, beliau turut berharap semua pihak menjaga perpaduan negara dan menjalankan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia.

PRK Ayer Kuning diadakan susulan kematian penyandangnya Ishsam Shahruddin, 58, yang meninggal dunia selepas bermain bola sepak di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang, pada 25 Feb lepas.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari pengundian bagi PRK itu pada 26 April, dengan hari penamaan calon pada 12 April dan pengundian awal pada 22 April.

Sinar Harian

PRK Ayer Kuning: Pastikan kempen sopan, tidak menyinggung – Aaron

10 April 2025



PUTRAJAYA - Setiap calon, penyokong dan pengundi Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning hendaklah memastikan segala bentuk komunikasi, termasuk di media sosial dan kempen semuka adalah sopan, tidak berunsur kebencian serta tidak menyinggung mana-mana pihak.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sebarang kenyataan atau tindakan yang berunsur provokasi, hasutan atau penghinaan terhadap mana-mana agama, kaum dan individu yang boleh menggugat keharmonian negara adalah tidak boleh diterima serta akan dikenakan tindakan tegas oleh pihak berkuasa.

"Sebagai negara yang berbilang kaum, agama dan budaya adalah amat penting untuk kita menjaga tatasusila dalam percakapan sepanjang kempen ini selari dengan prinsip Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan serta nilai-nilai Madani," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Ujar beliau, perihal menyentuh mengenai agama, bangsa, dan raja (3R) perlu dijauhi bagi mengelakkan sebarang provokasi yang boleh menimbulkan ketegangan dalam masyarakat.

"Saya ingin mengingatkan semua pihak yang terlibat dalam PRK Ayer Kuning agar menjalankan kempen dengan penuh rasa tanggungjawab dan menghormati semangat perpaduan yang telah lama kita bina.

"Proses demokrasi adalah ruang untuk kita menyuarakan pendapat dan memilih wakil rakyat, namun dalam suasana yang penuh hormat, beradab dan tidak mencetuskan ketegangan dalam kalangan masyarakat," katanya.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 12 April sebagai hari penamaan calon PRK bagi DUN Ayer Kuning.

Hari pengundian awal pula ditetapkan pada 22 April sementara hari mengundi pada 26 April.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

PRK Ayer Kuning: Elak sentimen perkauman dalam kempen

10 April 2025



PETALING JAYA: Semua pihak yang terlibat dalam dalam kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning yang bermula 12 April ini dinasihatkan untuk mengelak menggunakan sentimen perkauman dalam kempen itu nanti.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, pilihan raya adalah ruang demokrasi yang harus dimanfaatkan secara bertanggungjawab dengan memelihara keharmonian dan perpaduan.

Beliau justeru berkata, setiap calon, penyokong dan pengundi hendaklah memastikan bahawa segala bentuk komunikasi termasuk di media sosial dan dalam pertemuan kempen adalah sopan, tidak berunsur kebencian dan tidak menyinggung mana-mana pihak.

"Sebagai negara yang berbilang kaum, agama, dan budaya, adalah amat penting untuk kita menjaga tatasusila dalam percakapan sepanjang kempen ini selari dengan prinsip Rukun Negara iaitu kesopanan dan kesusilaan serta nilai-nilai Madani.

"Kita perlu menghindari menyentuh perihal yang sensitif seperti agama, bangsa dan raja (3R) serta mengelakkan sebarang provokasi yang boleh menimbulkan ketegangan dalam masyarakat," katanya dalam kenyataan hari ini.

Tambah beliau, sebarang kenyataan atau tindakan yang berunsur provokasi, hasutan atau penghinaan terhadap mana-mana agama, kaum, atau individu yang boleh menggugat keharmonian negara adalah tidak boleh diterima dan akan dikenakan tindakan tegas oleh pihak penguatkuasa. – UTUSAN

myMetro

PRK Ayer Kuning: Berkempen secara bertanggungjawab, elak sentimen 3R – Aaron

10 April 2025



Kuala Lumpur: Semua pihak yang terlibat dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning diingatkan supaya berkempen secara bertanggungjawab dan mengelak daripada menyentuh sebarang sentimen yang sensitif.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata kempen PRK bermula 12 April ini perlu menjadi contoh proses demokrasi yang matang, berhemah, dan tidak mencetuskan sebarang ketegangan kaum atau agama.

"Sebagai negara berbilang kaum, agama dan budaya, kita harus sentiasa menjaga tatasusila sepanjang kempen, selaras dengan prinsip Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan serta nilai-nilai Malaysia MADANI.

"Elakkan menyentuh perkara-perkara sensitif seperti agama, bangsa dan institusi diraja (3R) serta sebarang bentuk provokasi yang boleh menggugat keharmonian negara," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Aaron berkata tindakan tegas akan dikenakan terhadap mana-mana individu atau pihak yang mengeluarkan kenyataan atau melakukan tindakan berunsur hasutan, provokasi atau penghinaan terhadap mana-mana kaum, agama atau individu.

Menurut beliau, antara peruntukan undang-undang yang terpakai termasuk Seksyen 4(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang memperuntukkan kesalahan mengeluarkan kenyataan atau melakukan tindakan yang boleh mencetuskan perpecahan antara kaum dan agama sepanjang tempoh kempen.

"Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 pula memperuntukkan tindakan komunikasi tidak wajar atau menyinggung perasaan; dan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 berkaitan kesalahan menghasut.

"Setiap calon, penyokong dan pengundi perlu memastikan komunikasi mereka, sama ada di media sosial atau dalam pertemuan kempen, adalah sopan, tidak berunsur kebencian, dan tidak menyinggung mana-mana pihak," katanya.

Sehubungan itu, beliau turut berharap semua pihak menjaga perpaduan negara dan menjalankan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia.

PRK Ayer Kuning diadakan susulan kematian penyandangnya Ishsam Shahruddin, 58, yang meninggal dunia selepas bermain bola sepak di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang, pada 25 Feb lepas.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari pengundian bagi PRK itu pada 26 April, dengan hari penamaan calon pada 12 April dan pengundian awal pada 22 April.

OH MY MEDIA

PRK Ayer Kuning: Menteri Perpaduan seru kempen bertanggungjawab, elak sentimen 3R

10 April 2025



Menteri Perpaduan seru semua pihak yang terlibat dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning berkempen secara bertanggungjawab dan mengelak daripada menyentuh sebarang sentimen yang sensitif.

Datuk Aaron Ago Dagang dalam kenyataan berkata, kempen PRK bermula 12 April ini perlu menjadi contoh proses demokrasi yang matang, berhemah, dan tidak mencetuskan sebarang ketegangan kaum atau agama.

"Sebagai negara berbilang kaum, agama dan budaya, kita harus sentiasa menjaga tatasusila sepanjang kempen, selaras dengan prinsip Rukun Negara iaitu Kesopanan dan Kesusilaan serta nilai-nilai Malaysia MADANI.

"Elakkan menyentuh perkara-perkara sensitif seperti agama, bangsa dan institusi diraja (3R) serta sebarang bentuk provokasi yang boleh menggugat keharmonian negara," katanya, hari ini.

Menteri Perpaduan seru kempen bertanggungjawab

Katanya lagi, tindakan tegas akan dikenakan terhadap mana-mana individu atau pihak yang mengeluarkan kenyataan atau melakukan tindakan berunsur hasutan, provokasi atau penghinaan terhadap mana-mana kaum, agama atau individu.

Menurut beliau, antara peruntukan undang-undang yang terpakai termasuk Seksyen 4(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang memperuntukkan kesalahan mengeluarkan kenyataan atau melakukan tindakan yang boleh mencetuskan perpecahan antara kaum dan agama sepanjang tempoh kempen.

"Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 pula memperuntukkan tindakan komunikasi tidak wajar atau menyinggung perasaan; dan Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 berkaitan kesalahan menghasut.

"Setiap calon, penyokong dan pengundi perlu memastikan komunikasi mereka, sama ada di media sosial atau dalam pertemuan kempen, adalah sopan, tidak berunsur kebencian, dan tidak menyinggung mana-mana pihak," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap agar semua pihak terus menjaga perpaduan negara dan melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia.

PRK Ayer Kuning diadakan susulan kematian penyandangnya, Ishsam Shahruddin, 58, yang meninggal dunia selepas bermain bola sepak di Stadium Bandaraya, Pulau Pinang, pada 25 Februari lalu.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 26 April sebagai hari pengundian, dengan 12 April sebagai tarikh penamaan calon dan 22 April untuk pengundian awal.

BERNAMA

Sambutan Pelbagai Perayaan Di Malaysia Platform Erat Perpaduan – Aaron

13 April 2025



KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang menyeru semua rakyat Malaysia menjadikan sambutan pelbagai perayaan di negara ini sebagai platform untuk saling mengenali, menghormati dan memahami antara satu sama lain dalam semangat "Harmoni Dalam Kepelbagaian".

Beliau berkata demikian bersempena sambutan Songkran, perayaan Tahun Baharu masyarakat Siam, yang disambut hari ini. Menurutnya, budaya masyarakat Siam merupakan satu daripada khazanah budaya negara yang memperkayakan identiti Malaysia sebagai sebuah negara majmuk.

Beliau berkata Kementerian Perpaduan Negara sentiasa mengiktiraf dan meraikan warisan budaya pelbagai kaum diMalaysia.

"Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Songkran Tahun Baharu Siam kepada seluruh masyarakat Siam di Malaysia, terutamanya kepada lebih 43,000 rakyat berketurunan Siam yang menjadi sebahagian daripada keluarga besar rakyat Malaysia.

"Songkran bukan sahaja menandakan permulaan tahun baharu dalam kalendar tradisional Thai, malah merupakan lambang penyucian diri dan kasih sayang kepada keluarga. Ia mencerminkan nilai-nilai sejagat yang juga menjadi asas penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang harmoni," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Songkran, yang terkenal sebagai festival air, adalah sambutan Tahun Baharu Thailand yang disambut selama tiga hari bermula 13 April setiap tahun.

BERNAMA

CELEBRATING VARIOUS FESTIVALS IN MALAYSIA STRENGTHENS UNITY -AARON

13 April 2025



KUALA LUMPUR, April 13 (Bernama) -- National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang urged all Malaysians to make various festivals in the country a platform to know, respect and understand each other in the spirit of 'harmony in diversity'.

Citing the Songkran festival celebrated by the Siamese community today, he said that the Siamese culture was part of the country's cultural fabric that enriched Malaysia's identity as a multicultural country, adding that his ministry always recognised and celebrated the heritage and culture of various races in Malaysia.

"I would like to wish Happy Songkran and a Happy Siamese NewYear to the Siamese community in Malaysia, especially to over 43,071 Malaysians of Siamese descent who are part of the Malaysian family.

"Songkran not only marks the start of the new year for the Thai traditional calendar, but represents purifying oneself and love towards the family. It reflects the human values that form a vital core in the building of a harmonious nation-state," he posted on Facebook.

Songkran, known as the water festival, is a three-day celebration of Thailand's New Year, and falls on April 13 annually.

Kerajaan Madani Komited Pastikan Semua Kaum Termasuk Minoriti Dapat Pengiktirafan – Aaron

BERNAMA

13 April 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berucap pada perasmian Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan 2025 di Kampung Tasek, Pengkalan Hulu. -- fotoBERNAMA (2025)

PENGKALAN HULU, 13 April (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan perbanyakan lagi program bagi meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap sambutan perayaan pelbagai kaum termasuk golongan minoriti seperti Siam, demi menjamin keharmonian rakyat di negara ini.

Menterinya Datuk Aaron Ago Dagang berkata warisan budaya, merupakan jambatan yang dapat menyatukan rakyat sebagai satu negara tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan budaya.

"Memang, ini (tugas) kementerian kita...kita raikan kesemua sambutan, sebab itu (tanda) hormati kepelbagaian di negara ini.

"Selain itu, kita kena faham di negara ini memang banyak kumpulan etnik yang mempunyai kebudayaan mereka sendiri dan kita terima dan raikan," katanya ditemui selepas merasmikan Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan 2025 di Kampung Tasek hari ini.

Turut hadir Presiden Persatuan Siam Malaysia Sam Maark Suvanphet.

Aaron berkata apabila rakyat memahami kepelbagaian yang terdapat dalam negara, perkara itu akan membentuk kefahaman lebih mendalam seterusnya membentuk negara yang bersatu padu.

Beliau berkata Kerajaan MADANI di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Seri Anwar Ibrahim menerusi Belanjawan Madani 2025, telah mengumumkan peruntukan RM1 juta bagi melaksanakan usaha memelihara budaya dan bahasa kaum minoriti Siam di Malaysia.

Aaron berkata langkah itu penting bukan sahaja bagi memperkukuh perpaduan dan pembinaan negara bangsa, tetapi juga memastikan semua kaum di Malaysia, termasuk minoriti, mendapat pengiktirafan yang sewajarnya terhadap sumbangan mereka dalam membentuk negara ini.

Pesta Songkran yang berlangsung selama tiga hari sejak 11 April,diserikan dengan pelbagai pengisian menarik seperti perarakan tradisional Songkran, pameran budaya dan makanan tradisional.

Turut diadakan petunjukan kebudayaan (tarian, seni dan muzik), pertandingan permainan tradisional, aktiviti mandi air dan aktiviti sosial dan kesenian bersama komuniti.

Madani Gov't Pledges Support For Minority Cultures

BERNAMA

13 April 2025

Unity will introduce more programmes which promote public understanding of Malaysia's diverse cultural celebrations, including those of minority communities, such as the Siamese, to ensure national harmony.

Its Minister Datuk Aaron Ago Dagang said cultural heritage served as a bridge to unite the people as one nation, regardless of ethnicity, religion, or cultural background.

"This is the role of our ministry - we celebrate all festivities as a sign of respect for the diversity in this country.

"We must understand that Malaysia is home to several ethnic groups, each with its own unique culture - and it is something we embrace and celebrate," he said when met after officiating the 2025 national-level Songkran Celebration, in Kampung Tasek, today.

Also present was the president of the Siamese Association of Malaysia, Sam Maark Suvanphet.

Aaron said that fostering an understanding of the country's rich cultural diversity would help cultivate greater awareness among Malaysians, ultimately paving the way for a more united and harmonious nation.

He said that the MADANI Government, under Prime Minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim, has allocated RM1 million in MADANI Budget 2025, to carry out initiatives to preserve the culture and language of the Siamese community in Malaysia.

Aaron added that this was crucial, not only for strengthening unity and nation-building, but also to ensure that all ethnic groups in Malaysia - including minority communities - receive rightful recognition for their contributions to the nation.

The three-day Songkran festival, which began on April 11, was enlivened with a variety of exciting activities, including a traditional Songkran parade, cultural exhibition, and traditional food display.

Also featured were cultural performances (dance, art and music), traditional games, competitions and water-splashing activities, as well as social and artistic programmes with the local community.



NEW STRAITS TIMES

Celebrating various festivals in Malaysia strengthens unity – Aaron

13 April 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang urged all Malaysians to make various festivals in the country a platform to know, respect and understand each other in the spirit of 'harmony in diversity.' BERNAMA PIC

KUALA LUMPUR: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang urged all Malaysians to make various festivals in the country a platform to know, respect and understand each other in the spirit of 'harmony in diversity.'

Citing the Songkran festival celebrated by the Siamese community today, he said that the Siamese culture was part of the country's cultural fabric that enriched Malaysia's identity as a multicultural country, adding that his ministry always recognised and celebrated the heritage and culture of various races in Malaysia.

"I would like to wish Happy Songkran and a Happy Siamese New Year to the Siamese community in Malaysia, especially to over 43,071 Malaysians of Siamese descent who are part of the Malaysian family.

"Songkran not only marks the start of the new year for the Thai traditional calendar, but represents purifying oneself and love towards the family. It reflects the human values that form a vital core in the building of a harmonious nation-state," he posted on Facebook.

Songkran, known as the water festival, is a three-day celebration of Thailand's New Year, and falls on April 13 annually.

TheStar

Celebrating various festivals together strengthens unity, says Aaron

13 April 2025



KUALA LUMPUR: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang urged all Malaysians to make the various festivals in the country a platform to know, respect and understand each other in the spirit of "harmony in diversity".

Citing the Songkran festival celebrated by the Siamese community on Sunday (April 13), he said that Siamese culture was part of the country's cultural fabric that enriched Malaysia's identity as a multicultural country, adding that his ministry always recognised and celebrated the heritage and culture of various races in Malaysia.

"I would like to wish Happy Songkran and a Happy Siamese New Year to the Siamese community in Malaysia, especially to the more than 43,071 Malaysians of Siamese descent who are part of the Malaysian family.

"Songkran not only marks the start of the new year for the Thai traditional calendar, but represents purifying oneself and love towards the family.

"It reflects the human values that form a vital core in the building of a harmonious nation-state," he said in a Facebook post Sunday.

Songkran, known as the water festival, is a three-day celebration of Thailand's New Year, and falls on April 13 annually.

– Bernama

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Ratu Songkran gembira perayaan masyarakat Siam bertaraf kebangsaan

13 April 2025



GERIK: Nanphasorn Kasikidpongpant, 20, gembira melihatkan perayaan masyarakat Siam, Songkran berjaya diadakan buat pertama kali bertaraf kebangsaan di negara ini.

Anak kelahiran Pulau Pinang itu telah dinobatkan sebagai Ratu Songkran 2025 di dalam sambutan Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan 2025 yang dianjurkan di Pengkalan Hulu, dekat sini.

"Saya lihat sambutan ini dihadiri oleh banyak kaum. Ia sesuatu yang jarang berlaku. Ada kaum Melayu, Cina, India dan Siam. Ia membuktikan kita bersatu dan mencerminkan kepelbagaian kaum di Malaysia," katanya ketika ditemui pemberita.

Sambutan itu yang disertai ribuan orang khususnya masyarakat bumiputera Siam di Malaysia telah dirasmikan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Aaron berkata, sambutan tersebut amat menggembirakan etnik Siam di Malaysia kerana perayaan itu adalah sesuatu yang besar buat masyarakat minoriti tersebut.

"Songkran memberikan peluang untuk kita mengenali dan menghargai tradisi masyarakat Siam yang telah wujud sejak sekian lama.

"Kita raikan semua perayaan. Kita menghormati kepelbagaian. Di negara ini terdapat banyak kumpulan etnik-etnik yang mempunyai hari perayaan mereka sendiri. Jika kita dapat memahami kepelbagaian, kita mampu membentuk bangsa yang bersatu padu dan harmoni," katanya.

Sambutan itu selama tiga hari dari 11 hingga 13 April dianjurkan melalui Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Persatuan Siam Malaysia (PSM) yang mewakili kira-kira lebih 43,000 orang masyarakat Siam di Malaysia.

Aaron berkata, perayaan Songkran merupakan sambutan tahun baharu seperti Tahun Baharu Cina.

Beliau optimis indeks perpaduan di negara ini mampu bertambah baik hasil pelbagai aktiviti termasuk seperti penganjuran perayaan kaum-kaum kerana isu-isu yang sering dimainkan berpunca akibat tiada kefahaman dalam segelintir rakyat.

Sementara itu Presiden PSM, Sam Maark Suvanphet melihat penganjuran Songkran bertaraf kebangsaan juga penting untuk menghapuskan kekeliruan kononnya masyarakat Siam di Malaysia merupakan warga Thailand, sedangkan mereka adalah kaum bumiputera dan pribumi dalam negara ini. – UTUSAN

tvs
www.tvsarawak.my

Sambutan pelbagai perayaan di Malaysia platform erat perpaduan – Aaron

13 April 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang menyeru semua rakyat Malaysia menjadikan sambutan pelbagai perayaan di negara ini sebagai platform untuk saling mengenali, menghormati dan memahami antara satu sama lain dalam semangat "Harmoni Dalam Kepelbagaian".Foto Aaron Ago Dagang (FB)

KUALA LUMPUR, 13 April: Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang menyeru semua rakyat Malaysia menjadikan sambutan pelbagai perayaan di negara ini sebagai platform untuk saling mengenali, menghormati dan memahami antara satu sama lain dalam semangat "Harmoni Dalam Kepelbagaian".

Beliau berkata demikian bersempena sambutan Songkran, perayaan Tahun Baharu masyarakat Siam, yang disambut hari ini. Menurutnya, budaya masyarakat Siam merupakan satu daripada khazanah budaya negara yang memperkayakan identiti Malaysia sebagai sebuah negara majmuk.

Beliau berkata Kementerian Perpaduan Negara sentiasa mengiktiraf dan meraikan warisan budaya pelbagai kaum di Malaysia.

"Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Songkran Tahun Baharu Siam kepada seluruh masyarakat Siam di Malaysia, terutamanya kepada lebih 43,000 rakyat berketurunan Siam yang menjadi sebahagian daripada keluarga besar rakyat Malaysia.

"Songkran bukan sahaja menandakan permulaan tahun baharu dalam kalendar tradisional Thai, malah merupakan lambang penyucian diri dan kasih sayang kepada keluarga. Ia mencerminkan nilai-nilai sejagat yang juga menjadi asas penting dalam pembinaan sebuah negara bangsa yang harmoni," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Songkran, yang terkenal sebagai festival air, adalah sambutan Tahun Baharu Thailand yang disambut selama tiga hari bermula 13 April setiap tahun. -TVS

theSun

MADANI gov't pledges support for minority cultures

13 April 2025



PENGKALAN HULU: The Ministry of National Unity will introduce more programmes which promote public understanding of Malaysia's diverse cultural celebrations, including those of minority communities, such as the Siamese, to ensure national harmony.

Its Minister Datuk Aaron Ago Dagang said cultural heritage served as a bridge to unite the people as one nation, regardless of ethnicity, religion, or cultural background.

"This is the role of our ministry - we celebrate all festivities as a sign of respect for the diversity in this country.

"We must understand that Malaysia is home to several ethnic groups, each with its own unique culture - and it is something we embrace and celebrate," he said when met after officiating the 2025 national-level Songkran Celebration, in Kampung Tasek, today.

Also present was the president of the Siamese Association of Malaysia, Sam Maark Suvanphet.

Aaron said that fostering an understanding of the country's rich cultural diversity would help cultivate greater awareness among Malaysians, ultimately paving the way for a more united and harmonious nation.

He said that the MADANI Government, under Prime Minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim, has allocated RM1 million in MADANI Budget 2025, to carry out initiatives to preserve the culture and language of the Siamese community in Malaysia.

Aaron added that this was crucial, not only for strengthening unity and nation-building, but also to ensure that all ethnic groups in Malaysia - including minority communities - receive rightful recognition for their contributions to the nation.

The three-day Songkran festival, which began on April 11, was enlivened with a variety of exciting activities, including a traditional Songkran parade, cultural exhibition, and traditional food display.

Also featured were cultural performances (dance, art and music), traditional games, competitions and water-splashing activities, as well as social and artistic programmes with the local community.

malaymail

More minority cultural programmes planned to promote unity, says minister

13 April 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang officiates the 2025 national-level Songkran Celebration in Kampung Tasek, Pengkalan Hulu in Perak April 13, 2025. — Bernama pic

PENGKALAN HULU, April 13 — The Ministry of National Unity will introduce more programmes which promote public understanding of Malaysia's diverse cultural celebrations, including those of minority communities, such as the Siamese, to ensure national harmony.

Its Minister Datuk Aaron Ago Dagang said cultural heritage served as a bridge to unite the people as one nation, regardless of ethnicity, religion, or cultural background.

"This is the role of our ministry — we celebrate all festivities as a sign of respect for the diversity in this country.

"We must understand that Malaysia is home to several ethnic groups, each with its own unique culture — and it is something we embrace and celebrate," he said when met after officiating the 2025 national-level Songkran Celebration, in Kampung Tasek, today.

Also present was the president of the Siamese Association of Malaysia, Sam Maark Suvanphet.

Aaron said that fostering an understanding of the country's rich cultural diversity would help cultivate greater awareness among Malaysians, ultimately paving the way for a more united and harmonious nation.

He said that the Madani Government, under Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, has allocated RM1 million in Madani Budget 2025, to carry out initiatives to preserve the culture and language of the Siamese community in Malaysia.

Aaron added that this was crucial, not only for strengthening unity and nation-building, but also to ensure that all ethnic groups in Malaysia — including minority communities — receive rightful recognition for their contributions to the nation.

The three-day Songkran festival, which began on April 11, was enlivened with a variety of exciting activities, including a traditional Songkran parade, cultural exhibition, and traditional food display.

Also featured were cultural performances (dance, art and music), traditional games, competitions and water-splashing activities, as well as social and artistic programmes with the local community. — Bernama

Malaysia Tribune

Sambutan pelbagai perayaan di Malaysia platform erat perpaduan -Aaron

13 April 2025



PENGKALAN HULU – Kerajaan Madani memperuntukkan sebanyak RM1 juta menerusi Bajet MADANI 2025 bagi usaha memelihara budaya dan bahasa masyarakat Siam di Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, langkah itu menunjukkan komitmen kerajaan dalam memperkukuhkan perpaduan dan pengiktirafan terhadap kaum minoriti di negara ini.

Menurutnya, masyarakat Siam adalah antara komuniti yang mempunyai warisan budaya tersendiri yang wajar dipelihara demi kesinambungan generasi akan datang.

"Peruntukan ini adalah bukti bahawa Kerajaan Madani di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sentiasa menghargai sumbangan semua kaum dalam pembinaan negara bangsa.

"Warisan budaya bukan hanya untuk dikenang, tetapi perlu terus dipelihara dan diraikan dalam suasana aman dan harmoni," katanya ketika berucap merasmikan Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan 2025 di Dewan Songkran, Kampung Tasek, di sini, hari ini.

Aaron turut memaklumkan kementeriannya juga akan menerbitkan Dokumentari Budaya Etnik Minoriti, termasuk masyarakat Siam, Portugis, Chetti, Bajau, Orang Ulu dan Semai bagi tujuan promosi dan pendidikan.

Selain itu, beliau mencadangkan agar Program Jalinan Integrasi Mahasiswa atau Misi Sukarelawan Siswa dilaksanakan di Pengkalan Hulu tahun hadapan bagi membolehkan generasi muda mengenali lebih dekat warisan masyarakat Siam.

"Kementerian Perpaduan Negara akan terus memainkan peranan aktif dalam memperkukuh integrasi sosial termasuk melalui penglibatan belia dan pendidikan berteraskan perpaduan," ujarnya.

Perayaan Songkran tahun ini cukup bermakna apabila ia disambut buat kali ke-50 di Kampung Tasek, sekali gus membuktikan kekuatan budaya masyarakat Siam yang terus kukuh dipertahankan sejak puluhan tahun lalu.

BERNAMA

Jemaah Menteri Ucap Selamat Tahun Baharu Chithirai, Vaisakhi Dan Vishu

14 April 2025



KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Beberapa Jemaah Menteri menerusi platform media sosial mengambil kesempatan berkongsi ucapan selamat tahun baharu kepada masyarakat Tamil, Sikh dan Malayalee yang masing-masing menyambut Chittirai Puthandu, Vishu dan Vaisakhi hari ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menerusi hantaran di platform X berkata Malaysia terus gemilang dengan kepelbagaian budaya yang diraikan.

"Perpaduan yang kita pupuk ini adalah kekuatan sebenar negara. Semoga sambutan ini menjadi titik tolak kepada keharmonian yang lebih utuh, rasa saling menghormati yang mendalam serta memperkukuhkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan kita," katanya.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkataPuthandu bukan sahaja menandakan permulaan tahun baharudalam kalendar Tamil tetapi juga lambang permulaan baharuyang dipenuhi harapan, kesejahteraan dan perpaduan.

"Perayaan seperti Puthandu mencerminkan kekayaankepelbagaian budaya negara kita, dan merupakan asas pentingdalam usaha membina sebuah negara yang bersatu padu, salingmenghormati dan harmoni.

MENTERI-UCAPAN 2 (AKHIR) KUALA LUMPUR

"Kementerian Perpaduan Negara akan terus komited dalam usaha memelihara dan memupuk nilai-nilai kebersamaan ini agar Malaysia kekal sebagai negara yang aman, makmur dan bersatu padu," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa pula berkata perayaan berkenaan menjadi wahana kepada pembinaan negara yang berteraskan semangat kebersamaan.

"Setiap detik baharu membuka ruang kepada naratif yang lebih segar, memperkukuhkan tekad kita untuk membina masyarakat yang progresif, inklusif dan mampan. Inilah waktunya untuk menzahirkan iltizam kolektif dalam meneroka potensi bersama,"katanya melalui hantaran di platform X.

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad turut menyeru masyarakat meraikan kepelbagaian budaya dan perpaduan melalui sambutan itu.

"Selamat Menyambut Chittirai Puthandu, Vaisakhi dan Vishu. Semoga sambutan tahun baharu ini membawa sinar kedamaian, kebahagiaan dan kasih sayang kepada anda dan insan tersayang," katanya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Chang Lih Kang pula berkata sambutan itu memperlihatkan keindahan perpaduan dalam kepelbagaian yang menjadi tunjang kepada Malaysia MADANI, sebuah negara yang menghormati, meraikan dan mengangkat nilai inklusif, saling memahami serta hidup harmoni sebagai satu bangsa.

"Perayaan ini bukan sahaja mencerminkan kekayaan warisan budaya dan tradisi komuniti masing-masing tetapi juga melambangkan semangat pembaharuan, harapan dan permulaan baharu yang diraikan bersama keluarga dan masyarakat," katanya.

BERNAMA

Cabinet Members extend tamil New Year, Vaisakhi And Vishu Greetings

14 April 2025



KUALA LUMPUR, April 14 (Bernama) -- Several Cabinet ministers took to social media to extend festive greetings to the Tamil, Sikh and Malayalee communities celebrating Chittirai Puthandu, Vaisakhi and Vishu, respectively, today.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, in a post on X, said Malaysia continues to prosper through the celebration of its rich cultural diversity.

"The unity we foster is the true backbone of the nation. May these celebrations pave the way for greater harmony and mutual respect and further strengthen the spirit of unity among us all," he said.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said Puthandu not only marks the start of the Tamil New Year but also symbolises a new beginning filled with hope, well-being and unity.

"Festivals like Puthandu reflect the richness of our cultural diversity and serve as an important foundation in building a united respectful and harmonious nation.

"The Ministry of National Unity remains committed to preserving and nurturing these shared values to ensure Malaysia remains peaceful, prosperous and united," he said.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa said such celebrations serve as a platform for nation-building founded on a spirit of togetherness.

"Every new moment opens the door to a refreshed narrative, strengthening our resolve to build a progressive, inclusive and sustainable society. This is the time to express our collective commitment in unlocking shared potential," she said in a post on X.

Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Nik Nazmi Nik Ahmad also called on Malaysians to embrace cultural diversity and unity through the celebrations.

"Happy Chittirai Puthandu, Vaisakhi and Vishu. May this new year celebration bring peace, happiness and love to you and your loved ones," he said.

Science, Technology and Innovation Minister Chang Lih Kang said the celebrations reflect the essence of unity in diversity, which is the pillar of the Malaysia MADANI concept – a nation that respects, celebrates and upholds inclusivity, mutual understanding and harmony.

"These celebrations not only represent the rich cultural heritage and traditions of each community, but also symbolise a spirit of renewal, hope and new beginnings, celebrated with family and the community," he said.

TheStar

Aaron: Minority cultures will not be left out

14 April 2025



Aaron: 'This is the role of our ministry – we celebrate all festivities as a sign of respect for the diversity in this country.'

PENGKALAN HULU: The National Unity Ministry will introduce more programmes that promote public understanding of Malaysia's diverse cultural celebrations, including those of minority communities such as the Siamese, to ensure national harmony, says Datuk Aaron Ago Dagang.

The National Unity Minister said cultural heritage serves as a bridge to unite the people as one nation, regardless of ethnicity, religion or cultural background.

"This is the role of our ministry – we celebrate all festivities as a sign of respect for the diversity in this country.

"We must understand that Malaysia is home to several ethnic groups, each with its own unique culture – and it is something we embrace and celebrate," he told Bernama after launching the 2025 national-level Songkran Celebration in Kampung Tasek yesterday.

Also present was Siamese Association of Malaysia president Sam Maark Suvanphet.

Aaron said fostering an understanding of the country's rich cultural diversity would help cultivate greater awareness among Malaysians, ultimately paving the way for a more united and harmonious nation.

He said the Madani government, under Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, had allocated RM1mil in Budget 2025 to carry out initiatives to preserve the culture and language of the Siamese community in Malaysia.

Aaron said this is crucial, not only for strengthening unity and nation-building, but also to ensure all ethnic groups in Malaysia – including minority communities – receive rightful recognition for their contributions to the nation.

The three-day Songkran festival, which began on April 11, was enlivened with a variety of exciting activities, including a traditional Songkran parade, cultural exhibition and traditional food display.

Kosmo!

6 perayaan disambut di Malaysia minggu ini

15 April 2025



PETALING JAYA – Enam perayaan disambut oleh pelbagai kaum dan agama di Malaysia dalam minggu ini, sekali gus menunjukkan kepelbagaian sebagai aset terbesar dan ternilai di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, perayaan tersebut ialah Hari Raya Aidilfitri, Ugadi, Tahun Baharu Tamil, Vaisakhi, Hari Vishu dan Songkran.

"Hanya di negara ini kita menyambut pelbagai perayaan dan minggu ini sahaja (enam perayaan tersebut).

"Perpaduan dan kepelbagaian kaum, budaya serta kepercayaan agama di Malaysia adalah aset penting yang perlu dipelihara dan dipertahankan oleh semua rakyat," katanya menerusi aplikasi X semalam.

Beliau turut berkongsi latar belakang kesemua perayaan tersebut, antaranya Hari Raya Aidilfitri disambut pada 1 Syawal tahun Hijrah oleh umat Islam, Ugadi pula bagi keturunan Telugu, manakala Tahun Baharu Tamil lebih dikenali di Malaysia ialah Chittirai Puttandu iaitu sambutan komuniti Tamil.

Seterusnya, Vaisakhi adalah pesta menuai di Punjab disambut oleh masyarakat Sikh, Hari Vishu iaitu sambutan tahun baharu orang Malayali dikenali sebagai Vishu dan jatuh pada 14 April, manakala Songkran merupakan perayaan tahun baharu tradisional Siam. – KOSMO! ONLINE

TheStar

Triple festivals showcase our unity

15 April 2025



Happy celebrating: (From left) Ahmad Zahid, Aaron and Dr Zaliha.

PETALING JAYA: Unity in diversity is Malaysia's strength, say leaders in conveying their festive greetings to the Tamil, Sikh and Malayalee communities celebrating Chithirai Puthandu (Tamil New Year), Vaisakhi and Vishu respectively.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said Malaysia's diversity is celebrated with pride, noting that it makes the country unique and strong.

"Unity must persist as it is the country's strength," he said in a post on his social media accounts yesterday.

Anwar said the government will continue to strengthen initiatives that empower the Indian community in Malaysia, such as the financing programmes for businesses, as well as improving education, houses of worship and job opportunities.

"This is important in realising the intention of empowering the Indian community in Malaysia and uplifting their future socioeconomic status," said Anwar.

In his wishes, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said Malaysia continues to shine due to its diversity.

"Unity is the country's greatest strength. May the celebrations strengthen harmony, foster greater mutual respect and strengthen unity among us all," he said.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said Malaysia must continue strengthening ties across races, as well as unity, tolerance and mutual respect.

"It is the foundation of the country's strength. The National Unity Ministry remains committed to fostering and preserving unity so that Malaysia continues to be a peaceful, prosperous and united country," he said in his celebratory greetings.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa said such celebrations serve as a platform for nation-building founded on a spirit of togetherness.

"Every new moment opens the door to a refreshed narrative, strengthening our resolve to build a progressive, inclusive and sustainable society.

"This is the time to express our collective commitment in unlocking shared potential," she said in a post on X.

Deputy Entrepreneur Development and Cooperatives Minister Datuk Seri R. Ramanan also conveyed the Tamil New Year, Vaisakhi and Vishu greetings to communities celebrating the festivals.

"May more blessings and successes come your way," he said.

BERNAMA

41 Muzium Laksana IPIM Untuk Pembelajaran Interaktif Sejarah, Budaya

18 April 2025



KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Sebanyak 41 Muzium Persekutuan dan Negeri di seluruh negara akan melaksanakan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) iaitu inisiatif yang menggabungkan pendidikan formal dan tidak formal mengenai sejarah dan budaya negara melalui pendekatan 'hands on' terhadap koleksi muzium.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata program tersebut dirangka berdasarkan Rancangan Pendidikan Muzium berasaskan koleksi artifak, yang disesuaikan dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) serta Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi mata pelajaran Sejarah, bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Menurut beliau program yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk memahami serta menghayati warisan sejarah dan kepelbagaian budaya, yang wajar dihargai dan dipertahankan sebagai identiti negara.

"Pendekatan pembelajaran ini melibatkan rangsangan deria bagi meningkatkan tumpuan pelajar serta melatih mereka mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

"Program IPIM ini selaras dengan nilai Malaysia MADANI yang menekankan hormat dan keyakinan," katannya dalam kenyataan, hari ini.

Menurut kenyataan itu, permohonan menyertai program tersebut dibuka bermula 16 April lepas dan boleh dibuat melalui pautan https://ipim.jmm.gov.my/.

Selain itu, pihak sekolah atau guru yang berminat boleh menghubungi urus setia Unit Pendidikan Muzium di talian 03-2267 1000 (sambungan 111/166) untuk maklumat lanjut.

www.tvsarawak.my

Program IPIM diperkenal, perkasa Pendidikan Sejarah, warisan budaya

18 April 2025



KUCHING, 18 April: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bersama Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melancarkan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM), kata Menteri Perpaduan Negara dalam usaha untuk memperkasa pendidikan sejarah dan warisan budaya negara.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, program ini bertujuan untuk memberikan pendekatan pendidikan yang lebih berstruktur dan interaktif melalui gabungan pendidikan formal dan tidak formal.

Katanya, program IPIM direka khusus untuk membantu pelajar sekolah memahami kepentingan sejarah dan warisan budaya negara dengan lebih mendalam.

"Melalui pendekatan 'hands-on', pelajar berpeluang untuk belajar dengan menggunakan koleksi muzium sebagai bahan sokongan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), yang selari dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah serta Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi mata pelajaran tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Menurut beliau lagi, program ini juga bertujuan untuk memupuk kefahaman serta kesedaran golongan muda, terutama pelajar, tentang warisan sejarah dan kepelbagaian budaya negara.

"Sebagai negara yang kaya dengan sejarah dan budaya, adalah sangat penting untuk generasi muda memahami dan menghargai nilai-nilai tersebut.

"Program IPIM bukan sahaja bertujuan untuk menyemai rasa cinta terhadap sejarah negara, tetapi juga untuk membangunkan pelajar sebagai warganegara yang bertanggungjawab, berintegriti, dan berdaya saing," tambahnya.

Beliau juga menekankan bahawa program ini akan memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan perpaduan negara melalui pemahaman yang lebih mendalam terhadap warisan yang dimiliki oleh pelbagai kaum di Malaysia.

"Melalui pembelajaran berasaskan muzium, pelajar dapat lebih menghargai kepelbagaian budaya yang wujud dalam negara kita, yang menjadi asas kepada kekuatan perpaduan kita sebagai sebuah bangsa," jelas beliau.

Lebih 41 buah Muzium Persekutuan dan Negeri di seluruh negara akan terlibat dalam pelaksanaan program ini, yang selaras dengan nilai-nilai Malaysia MADANI yang mengutamakan hormat dan keyakinan.

Program ini turut menyediakan peluang untuk pelajar mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), selaras dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

"Bagi pihak sekolah yang berminat untuk menyertai program ini, permohonan telah dibuka mulai 16 April 2025.

"Sekolah atau guru-guru yang ingin mendaftar boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian melalui pautan https://ipim.jmm.gov.my/.

"Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak yang berminat boleh menghubungi urus setia Unit Pendidikan Muzium di talian 03-2267 1000 sambungan 111/166," catat kenyataan tersebut.

Program IPIM ini diharapkan dapat memberikan impak yang besar dalam memperkukuhkan pendidikan sejarah di Malaysia, sekaligus menyemai semangat patriotisme di kalangan generasi muda. -TVS

OH MY MEDIA

Subjek Sejarah tak bosan lagi! Program IPIM guna koleksi muzium sebagai pembelajaran

18 April 2025



Muzium bukan lagi sekadar tempat melihat artifak berhabuk dalam kotak kaca kerana menerusi Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM), pelajar sekolah boleh belajar sejarah secara 'hands-on' dengan artifak sebenar dan bukan sekadar dalam buku teks.

Program IPIM guna koleksi muzium sebagai pembelajaran

Menurut satu kenyataan Kementerian Perpaduan Negara, program anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) itu dirangka untuk menggabungkan pendidikan formal di sekolah dengan pendidikan tidak formal di muzium.

Malah, ia bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara lebih interaktif dan bermakna.

Melalui IPIM, ia menggunakan Rancangan Pendidikan Muzium berdasarkan koleksi (artifak) sebagai bahan pembelajaran, selari dengan kandungan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah serta Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Sejarah.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, program tersebut mampu membuka mata generasi muda tentang kepentingan warisan sejarah dan budaya sebagai identiti nasional yang wajib dipelihara.

"Gabungan pendidikan formal dan tidak formal ini akan bantu pelajar lebih faham serta hargai warisan budaya kita. Ia juga membentuk identiti nasional yang perlu kita pertahankan," katanya.

Tambah beliau, pendekatan pembelajaran melalui pengalaman dan deria ini bukan sahaja menarik, malah menggalakkan pelajar berfikir secara kritikal dan kreatif, seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Jom daftar Program IPIM

Sebanyak 41 buah muzium di seluruh negara, termasuk di peringkat negeri dan Persekutuan akan terlibat dalam pelaksanaan program ini yang juga selari dengan aspirasi nilai Malaysia MADANI khususnya dalam aspek hormat dan keyakinan.

Permohonan untuk menyertai IPIM telah dibuka mulai 16 April 2025, dan sekolah yang berminat boleh mendaftar secara dalam talian melalui laman web rasmi: https://ipim.jmm.gov.my.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada Unit Pendidikan Muzium di talian 03-2267 1000 samb. 111/166.

astro AWANI

41 muzium laksana IPIM untuk pembelajaran interaktif sejarah, budaya

19 April 2025



Permohonan menyertai program tersebut dibuka bermula 16 April lepas dan boleh dibuat melalui pautan https://ipim.jmm.gov.my/. - Foto IPIM

KUALA LUMPUR: Sebanyak 41 Muzium Persekutuan dan Negeri di seluruh negara akan melaksanakan Program Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM) iaitu inisiatif yang menggabungkan pendidikan formal dan tidak formal mengenai sejarah dan budaya negara melalui pendekatan 'hands on' terhadap koleksi muzium.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata program tersebut dirangka berdasarkan Rancangan Pendidikan Muzium berasaskan koleksi artifak, yang disesuaikan dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) serta Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi mata pelajaran Sejarah, bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Menurut beliau program yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk memahami serta menghayati warisan sejarah dan kepelbagaian budaya, yang wajar dihargai dan dipertahankan sebagai identiti negara.

"Pendekatan pembelajaran ini melibatkan rangsangan deria bagi meningkatkan tumpuan pelajar serta melatih mereka mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

"Program IPIM ini selaras dengan nilai Malaysia MADANI yang menekankan hormat dan keyakinan," katannya dalam kenyataan semalam.

Menurut kenyataan itu, permohonan menyertai program tersebut dibuka bermula 16 April lepas dan boleh dibuat melalui pautan https://ipim.jmm.gov.my/.

Selain itu, pihak sekolah atau guru yang berminat boleh menghubungi urus setia Unit Pendidikan Muzium di talian 03-2267 1000 (sambungan 111/166) untuk maklumat lanjut.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Kementerian Perpaduan laksana IPNas ke-3 bermula 28 April ini

19 April 2025



Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Datuk Haji Ruji Haji Ubi (tiga, kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan mewarna pada perasmian Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Kedah di Dataran Darulaman, Alor Setar, hari ini. - Foto BERNAMA

JITRA: Kementerian Perpaduan Negara akan melaksanakan kutipan data di lapangan bagi Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) ke-3 di seluruh negara bermula 28 April ini.

Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perpaduan Negara, Datuk Ruji Ubi berkata proses kutipan data itu akan dijalankan secara bersemuka dengan menggunakan Borang Soal Selidik dari rumah ke rumah berdasarkan kepada peta Blok Perhitungan dan Tempat Kediaman yang ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

"Berdasarkan dapatan kajian, skor IPNas pada 2018 ialah 0.576 manakala skor IPNas pada 2022 ialah 0.629 dan KPN menyasarkan skor 0.7 pada tahun ini.

"Kementerian berharap rakyat Malaysia dapat memberikan kerjasama penuh kepada penyelidik di lapangan bagi mendapatkan data berkaitan kajian ini," katanya selepas merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan peringkat Negeri Kedah, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Kedah, Ahmad Puat Haji Junus.

IPNas merupakan satu-satunya indeks pengukuran tahap perpaduan yang diguna pakai oleh kerajaan bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sementara itu, Kedah menjadi negeri kedua lokasi sambutan selepas Melaka pada 4 hingga 5 April lepas manakala Pulau Pinang dipilih sebagai lokasi perasmian SMP peringkat kebangsaan pada 16 hingga 20 Julai ini.

SMP adalah program di bawah kerangka Kembara Perpaduan Malaysia MADANI bertujuan menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebar luas pengetahuan, kefahaman, dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat serta budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia seiring dengan aspirasi dan nilai MADANI iaitu Hormat.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti Rumah KAMI (rumah etnik), jualan FoodUnites, Karnival Sukan Rakyat, 'Fun Walk' Baju Tradisi, Bicara Perpaduan, Persembahan Silang Budaya, Karnival Ekonomi KRT, Tayangan Wayang Pacak, Pameran Wajah-Wajah Perpaduan serta pameran daripada jabatan dan agensi kerajaan bermula 17 April lepas hingga hari ini.

Terdahulu, Ruji merasmikan Program Jejak Harmoni Bersama Warga Emas di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Alor Setar serta menyampaikan Bakul Harmoni kepada 30 warga emas.

Program tersebut sebagai usaha menyebarkan mesej keharmonian antara rakyat berbilang bangsa dan agama ke arah memperkukuhkan hubungan kebersamaan dan keharmonian negara.

Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

‘Jangan ulang kesilapan siar Jalur Gemilang tak lengkap’ – Aaron Ago

21 April 2025



Aaron Ago Dagang menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025 hari ini. NSTP/MIKAIL ONG

GEORGETOWN: Kesilapan menyiar atau memaparkan bendera Jalur Gemilang yang tidak lengkap adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan tidak seharusnya berulang dalam apa bentuk sekali pun, kata Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, pihaknya percaya agensi berkaitan sudah mengambil tindakan sewajarnya, namun kesalahan sedemikian sukar diterima kerana bendera adalah simbol kedaulatan negara.

“Saya sangat kesal, kejadian itu tidak sepatutnya berlaku, sudah berapa lama kita menggunakan bendera ini, saya rasa semua orang terkejut sesuatu seperti ini berlaku.

“Jangan ulang lagi. Kita mahu negara yang sejahtera, damai dan stabil. Kesilapan itu mencetuskan keresahan awam dan menjejaskan perpaduan yang dipupuk selama ini,” katanya pada Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025 di sini, hari ini.

Selasa lalu, Sin Chew Daily menyiarkan ilustrasi Jalur Gemilang di muka hadapannya sempena liputan lawatan negara Presiden China, Xi Jinping ke Malaysia, namun gambar bendera itu tidak lengkap.

Sehari kemudian, akhbar Kwong Wah Yit Poh pula dipanggil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) susulan penyiaran gambar Jalur Gemilang yang tidak lengkap di akaun Facebook rasminya, Rabu lalu.

Terbaru, pengeluar makanan bayi, Singapore Lactation Bakes (SLB) tampil memohon maaf atas kesilapan memaparkan Jalur Gemilang tidak lengkap dalam video pelancarannya untuk SLB Malaysia di Kuala Lumpur.

Aaron berkata, pihaknya bimbang jika kesilapan itu tidak ditangani sebaiknya, ia dikhuatiri menimbulkan ketegangan dan menjejaskan keharmonian masyarakat.

Beliau berkata, permohonan maaf dibuat pihak terbabit adalah langkah terbaik bagi meredakan keadaan, namun tindakan susulan bergantung kepada pertimbangan pihak berwajib.

Sementara itu, Aaron berkata, Kementerian Perpaduan akan melaksanakan kutipan data di lapangan bagi Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) Ketiga di seluruh negara bermula 28 April ini.

Berdasarkan dapatan kajian, skor IPNas pada 2018 ialah 0.576, manakala skor IPNas pada 2022 ialah 0.629 dengan kementerian itu menyasarkan skor 0.7 pada tahun ini.

“Ini kali ketiga kita buat kajian itu. Indeks sekarang sederhana iaitu kira-kira 0.6 dan kita sasarkan mencapai 0.7 yang menunjukkan tahap perpaduan yang selamat.

“Kajian ini dijalankan sekumpulan profesor daripada universiti tempatan dan cara pengiraan indeks ini melalui kaedah tinjauan,” katanya.

tvs
www.tvsarawak.my

Jangan ulang kesalahan paparan Jalur Gemilang – Aaron Ago

21 April 2025



Aaron Ago bercakap kepada pemberita selepas hadir acara Empowering Education Summit 2025 bertemakan Membentuk Masa Depan ASEAN Melalui Kemahiran dan Inovasi di sini. Foto, TVS.

GEORGE TOWN, 21 April: Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang mengingatkan seluruh rakyat agar tidak mengulangi kesalahan paparan Jalur Gemilang kerana ia lambang kedaulatan negara.

Aaron Ago berkata, kedudukan Jalur Gemilang seharusnya dihormati selain dicetak dengan sempurna kerana ia turut menjadi lambang kepada perpaduan seluruh rakyat.

"Ia (paparan salah bendera) sesuatu yang tidak harmoni dan kucar-kacir yang kita tidak mahu dalam Kementerian (Perpaduan Negara).

"Kita mahukan keamanan, perpaduan, kemakmuran dan pembangunan ekonomi dalam suasana aman dengan tidak mahu ketidakamanan tercatus dari situ," katanya kepada pemberita hari ini.

Beliau ditemui selepas menyampaikan ucapan pada acara Empowering Education Summit 2025 bertemakan Membentuk Masa Depan ASEAN Melalui Kemahiran dan Inovasi di sini.

Media sebelum ini melaporkan, sebuah akhbar tempatan berbahasa Cina membuat permohonan maaf selepas berlaku kesalahan dalam cetakan imej Jalur Gemilang pada muka hadapan akhbar itu baru-baru ini.

Ia memaparkan imej bendera negara tidak mempunyai bulan sabit.

Kesalahan itu berulang sekali lagi apabila penganjur sebuah pameran kelengkapan bayi di ibu negara membuat permohonan maaf apabila salah satu kiosk pempamer memaparkan imej Jalur Gemilang tanpa bulan sabit di belakang pentas.

Sementara itu, dalam ucapannya, Aaron berkata, adalah penting untuk memupuk semangat perpaduan kaum sejak dari kanak-kanak yang boleh dilaksanakan melalui kurikulum pendidikan.

"Kurikulum kebangsaan mestilah melakukan lebih daripada menyampaikan ilmu akademik, dengan memaparkan sejarah bersama, perjuangan dan kejayaan seluruh rakyat selain meraikan kekayaan budaya.

"Apabila kanak-kanak duduk bersama dalam satu kelas, berkongsi pengetahuan, ketawa dan berimpian, mereka juga mula berkongsi kesefahaman," katanya. – TVS

yahoo!news

Unity minister says no excuse for flag blunders as backlash grows over missing crescent in Jalur Gemilang

21 April 2025



GEORGE TOWN, April 21 — National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang today said that there should not have been a repeat of the improper use of the Jalur Gemilang.

He said such offences will only cause disharmony and chaos.

"We don't want a repeat of these incidents, it's when there's a repeat by another that it has become too much," he told reporters after delivering his luncheon address at the Empowering Education Summit 2025 at Jen Hotel here.

He called for a stop on the improper use of the national flag, particularly in the recent incidents where incomplete versions of the flag were published.

He said Malaysians grow up learning about the Jalur Gemilang in school so everyone should know what the national flag looks like.

"This mistake should not have happened, I'm surprised and I think everybody is surprised how such a thing could happen," he said.

He said the parties involved should rightly apologise for the mistake and it is now up to the relevant authorities to take appropriate actions.

Last week, two Chinese-language newspapers Sin Chew Daily and Kwong Wah Yit Poh faces censure for publishing images of the Malaysian flag, minus the crescent moon.

Over the weekend, an incomplete Jalur Gemilang that was also without the crescent moon, and displayed backstage of a company's booth at a sales exhibition, went viral on social media.

Numerous police reports have been lodged against all three incidents.

malaymail

Unity minister says no excuse for flag blunders as backlash grows over missing crescent in Jalur Gemilang

21 April 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang speak to reporters in George Town, Penang April 21, 2025. — Picture by Opalyn Mok

GEORGE TOWN, April 21 — National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang today said that there should not have been a repeat of the improper use of the Jalur Gemilang.

He said such offences will only cause disharmony and chaos.

"We don't want a repeat of these incidents, it's when there's a repeat by another that it has become too much," he told reporters after delivering his luncheon address at the Empowering Education Summit 2025 at Jen Hotel here.

He called for a stop on the improper use of the national flag, particularly in the recent incidents where incomplete versions of the flag were published.

He said Malaysians grow up learning about the Jalur Gemilang in school so everyone should know what the national flag looks like.

"This mistake should not have happened, I'm surprised and I think everybody is surprised how such a thing could happen," he said.

He said the parties involved should rightly apologise for the mistake and it is now up to the relevant authorities to take appropriate actions.

Last week, two Chinese-language newspapers Sin Chew Daily and Kwong Wah Yit Poh faces censure for publishing images of the Malaysian flag, minus the crescent moon.

Over the weekend, an incomplete Jalur Gemilang that was also without the crescent moon, and displayed backstage of a company's booth at a sales exhibition, went viral on social media.

Numerous police reports have been lodged against all three incidents.

MALAY.NEWS

Kesalahan ilustrasi Jalur Gemilang tidak patut berlaku – Aaron

21 April 2025



GEORGE TOWN : Kesilapan ilustrasi melibatkan Jalur Gemilang tanpa bulan sabit baru-baru ini tidak sepatutnya berlaku dan ia perlu dielakkan sama sekali pada masa akan datang kerana perkara itu membabitkan lambang kedaulatan negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kesilapan seumpama itu boleh mencetuskan keresahan awam dan menjejaskan semangat perpaduan yang selama ini dipupuk dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Saya rasa ia satu kejadian yang amat dikesali. Kejadian ini tidak patut terjadi di negara kita yang sudah lama menggunakan bendera ini (Jalur Gemilang).

"Saya rasa semua orang pun terkejut, bagaimana perkara seperti itu boleh berlaku? Ia adalah satu kesilapan yang tidak seharusnya berlaku," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025 di sini, hari ini.

Sebelum ini, sebuah akhbar berbahasa Cina membuat permohonan maaf kerana menerbitkan halaman muka hadapan yang memaparkan bendera Jalur Gemilang tanpa bulan sabit mengundang kritikan dan kemarahan pelbagai pihak.

Selain itu, TCE Baby Expo turut membuat permohonan maaf susulan insiden paparan Jalur Gemilang tanpa bulat sabit di belakang pentas yang melibatkan salah satu pempamernya.

Menurut Aaron, kesilapan ilustrasi Jalur Gemilang seperti itu boleh menimbulkan ketegangan dan menjejaskan keharmonian masyarakat.

"Kesalahan seperti ini jangan diulang lagi. Ia boleh wujudkan ketidakharmonian. Kita mahukan kedamaian, perpaduan dan kestabilan demi kemajuan ekonomi dan negara," katanya.

Tambah beliau, permohonan maaf yang telah dibuat oleh pihak terlibat merupakan langkah terbaik bagi meredakan keadaan, namun, tindakan susulan bergantung kepada pertimbangan agensi yang berkaitan.

"Mereka yang terlibat tiada pilihan, itu kesilapan yang telah dibuat. Paling baik yang mereka boleh buat adalah memohon maaf. Tetapi kalau agensi terlibat rasa perlu ambil tindakan, itu hak mereka," katanya.

Dalam pada itu, katanya, Kementerian Perpaduan kini sedang melaksanakan kajian kali ketiga Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) bagi menilai tahap perpaduan rakyat Malaysia.

"Kita pernah buat dua kali, ini kali ketiga. Indeks sekarang sederhana, lebih kurang 0.6. Kita sasarkan 0.7, yang menunjukkan tahap perpaduan yang selamat. Kajian ini dijalankan sekumpulan profesor dari universiti tempatan dan cara pengiraan adalah melalui kaedah tinjauan," katanya. – UTUSAN

Menteri Perpaduan beri teguran keras isu bendera tak lengkap -"Jangan ulang lagi!"

21 April 2025



Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang memberi teguran keras terhadap kesilapan memaparkan Jalur Gemilang yang tidak lengkap dan perkara tersebut bukanlah sesuatu yang boleh dimaafkan.

Menteri Perpaduan beri teguran, kesal kejadian seperti itu berlaku

Susulan daripada itu, memetik laporan dari Buletin TV3, Datuk Aaron Ago Dagang meluahkan rasa kesal yang mendalam selepas insiden ini berlaku sekaligus menegaskan bahawa perkara sebegini tidak patut berulang.

"Saya sangat kesal, kejadian itu tidak sepatutnya berlaku kerana sudah berapa lama kita menggunakan bendera ini, saya rasa semua orang terkejut mengapa sesuatu seperti ini berlaku," katanya.

Menteri Perpaduan beri teguran, anggap kesalahan tersebut sangat merosakkan perpaduan.

Bagi beliau, Jalur Gemilang adalah simbol kedaulatan negara, dan kesalahan seperti ini sangat merosakkan semangat perpaduan rakyat Malaysia.

Aaron menegaskan bahawa insiden ini boleh mencetuskan kebimbangan awam dan merosakkan keharmonian masyarakat, sesuatu yang amat dikesali oleh semua pihak.

"Jangan ulang lagi. Kita mahu negara yang sejahtera, damai, stabil demi kemajuan negara," tegasnya lagi.

Kebimbangan jangka panjang terhadap kesilapan memaparkan bendera yang tidak lengkap boleh memberi kesan yang mendalam kepada perpaduan negara.

Dalam pada itu, Menteri Perpaduan turut menambah bahawa walaupun permohonan maaf telah dibuat oleh pihak terlibat, tindakan susulan masih perlu dipertimbangkan oleh pihak berwajib untuk memastikan kejadian sebegini tidak berulang.

"Kesalahan ini boleh menjejaskan semangat perpaduan yang selama ini dipupuk dalam kalangan rakyat," katanya.

Terdahulu, akhbar Sin Chew Daily mendapat perhatian selepas memaparkan ilustrasi Jalur Gemilang yang tidak lengkap pada muka hadapannya sempena lawatan negara Presiden China, Xi Jinping, ke Malaysia.

Kejadian tersebut mencetuskan kebimbangan di kalangan rakyat dan menambah keresahan awam.

Pada keesokan harinya, Kwong Wah Yit Poh turut dipanggil oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) setelah memaparkan gambar Jalur Gemilang tidak lengkap di akaun Facebook rasminya.

Terbaharu, Singapore Lactation Bakes (SLB) turut membuat permohonan maaf selepas memaparkan bendera yang tidak lengkap dalam video pelancaran mereka di Kuala Lumpur.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Isu Jalur Gemilang: Jangan ulangi kesalahan sama – Menteri

21 April 2025



Aaron menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025 di George Town pada Isnin.

GEORGE TOWN - Kesalahan paparan Jalur Gemilang tidak lengkap tidak sepatutnya berlaku dan ia perlu dipastikan agar kesalahan sama tidak akan berulang pada masa akan datang.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, tindakan tersebut hanya akan mengganggu keharmonian negara yang sudah dipupuk sejak dahulu lagi.

"Kesalahan mengenai paparan Jalur Gemilang ini amat dikesali dan saya pun tidak mahu ulas panjang kerana tujuh kementerian telah pun mengambil tindakan terhadap isu ini.

"Saya menyifatkan kesalahan ini adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku kerana sudah berapa lama negara telah menggunakan bendera yang sama.

"Oleh itu, semua pihak harus memastikan agar kesalahan seperti ini tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025 di sini pada Isnin.

Tambah beliau, paparan imej Jalur Gemilang perlu disemak dan dipastikan betul sebelum dikeluarkan untuk tatapan umum.

Mengulas mengenai sama ada permohonan maaf yang dibuat pihak terlibat sudah memadai, Aaron berkata, adalah menjadi amalan setiap kesalahan perlu disusuli dengan permohonan maaf.

"Mereka yang terlibat tidak mempunyai pilihan lain melainkan memohon maaf terhadap kesalahan yang mereka lakukan. Saya rasa, ia adalah tindakan paling tepat untuk mereka lakukan iaitu memohon maaf.

"Bagaimanapun, ia terpulang kepada kuasa prerogatif sesebuah agensi terlibat sama ada untuk mengambil tindakan selanjutnya atau sebaliknya," katanya.

Beliau turut menasihatkan semua pihak agar tidak melakukan perkara yang boleh mengganggu gugat keharmonian negara kita.

"Jangan buat perkara yang boleh mengganggu keharmonian negara, yang kita mahu hanyalah keamanan dan perpaduan.

"Kita mahukan rakyat bersatu kerana itu akan membawa kemakmuran dan pembangunan ekonomi. Kita hidup dalam sebuah negara yang aman, itulah yang kita inginkan. Jangan sesekali mencemari atau memperlekehkan Jalur Gemilang," tambahnya.

Selasa lalu, akhbar berbahasa Cina, Sin Chew Daily menyiarkan ilustrasi Jalur Gemilang di muka hadapannya sempena liputan lawatan negara Presiden China, Xi Jinping ke Malaysia namun gambar bendera tersebut tidak lengkap.

Berikutan itu, akhbar berkenaan tampil memohon maaf dan menjelaskan bahawa ia adalah kesilapan teknikal yang tidak disengajakan.

Selain akhbar tersebut, sebuah syarikat makanan bayi dari Singapura yang turut serta dalam pameran produk bayi di Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur memohon maaf kerana memuat naik video memaparkan Jalur Gemilang tanpa bulan sabit.

Singapore Lactation Bakes (SLB) dalam satu kenyataan berkata, pihaknya mengakui betapa penting Jalur Gemilang sebagai lambang identiti, warisan dan perpaduan negara.

Dalam pada itu, Aaron berkata, Kementerian Perpaduan kini sedang melaksanakan kajian kali ketiga Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) bagi menilai tahap perpaduan rakyat Malaysia.

"Kita pernah buat dua kali, ini kali ketiga. Indeks sekarang sederhana, lebih kurang 0.6. Kita sasarkan 0.7 yang menunjukkan tahap perpaduan yang selamat.

"Kajian ini dijalankan oleh sekumpulan profesor dari universiti tempatan dan cara pengiraan adalah melalui kaedah tinjauan," katanya.

myMetro

Sudah lama kita guna Jalur Gemilang, kesilapan tidak harus berulang - Aaron Ago

21 April 2025



Menteri Perpaduan Nasional, Datuk Aaron Ago bercakap kepada akhbar pada program Empowering Education Summit 2025 'Shaping ASEAN's Future Through Skills & Innovation' di JEN Penang Georgetown. FOTO MIKAIL ONG

Georgetown: Kesilapan menyiar atau memaparkan Jalur Gemilang tidak seharusnya berulang kerana ia sesuatu yang tidak boleh diterima.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, pihaknya percaya agensi berkaitan telah mengambil tindakan sewajarnya namun kesalahan sedemikian sukar diterima kerana bendera adalah simbol kedaulatan sesebuah negara.

"Saya sangat kesal, kejadian itu tidak sepatutnya berlaku kerana sudah berapa lama kita menggunakan bendera ini, saya rasa semua orang terkejut mengapa sesuatu seperti ini berlaku.

"Jangan ulang lagi. Kita mahu negara yang sejahtera, damai, stabil demi kemajuan negara," katanya ketika ditemui pada Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025 di sini, hari ini.

Aaron menegaskan, kesilapan seumpama itu boleh mencetuskan keresahan awam dan menjejaskan semangat perpaduan yang selama ini dipupuk dalam kalangan rakyat selain dikhuatiri menimbulkan ketegangan serta menjejaskan keharmonian masyarakat.

Tambahnya, permohonan maaf yang telah dibuat oleh pihak terlibat merupakan langkah terbaik bagi meredakan keadaan, namun tindakan susulan bergantung kepada pertimbangan pihak berwajib.

Selasa lalu Sin Chew Daily menyiarkan ilustrasi Jalur Gemilang di muka hadapannya sempena liputan lawatan negara Presiden China Xi Jinping ke Malaysia, namun gambar bendera tersebut tidak lengkap.

Sehari kemudian, akhbar Kwong Wah Yit Poh pula dipanggil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) susulan penyiaran gambar Jalur Gemilang yang tidak lengkap di akaun Facebook rasminya, Rabu lalu.

Terbaharu, Pengeluar makanan bayi, Singapore Lactation Bakes (SLB), tampil memohon maaf atas kesilapan memaparkan jalur gemilang tidak lengkap dalam video pelancarannya untuk SLB Malaysia, di Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Aaron memaklumkan Kementerian Perpaduan akan melaksanakan kutipan data di lapangan bagi Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) Ketiga di seluruh negara bermula 28 April ini.

Berdasarkan dapatan kajian, skor IPNas pada 2018 ialah 0.576 manakala skor IPNas pada 2022 ialah 0.629 dengan Kementerian itu menyasarkan skor 0.7 tahun ini.

"Kita pernah buat dua kali, ini kali ketiga. Indeks sekarang sederhana iaitu lebih kurang 0.6 dan kita sasarkan mencapai 0.7 yang menunjukkan tahap perpaduan yang selamat.

"Kajian ini dijalankan oleh sekumpulan profesor dari universiti tempatan dan cara pengiraan indeks ini adalah melalui kaedah tinjauan," katanya.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Kesalahan ilustrasi Jalur Gemilang tidak patut berlaku – Aaron

21 April 2025



AARON Ago Dagang (tengah) ketika menghadiri Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025 di George Town, Pulau Pinang hari ini.-UTUSAN/IQBAL HAMDAN

GEORGE TOWN: Kesilapan ilustrasi melibatkan Jalur Gemilang tanpa bulan sabit baru-baru ini tidak sepatutnya berlaku dan ia perlu dielakkan sama sekali pada masa akan datang kerana perkara itu membabitkan lambang kedaulatan negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kesilapan seumpama itu boleh mencetuskan keresahan awam dan menjejaskan semangat perpaduan yang selama ini dipupuk dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Saya rasa ia satu kejadian yang amat dikesali. Kejadian ini tidak patut terjadi di negara kita yang sudah lama menggunakan bendera ini (Jalur Gemilang).

"Saya rasa semua orang pun terkejut, bagaimana perkara seperti itu boleh berlaku? Ia adalah satu kesilapan yang tidak seharusnya berlaku," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025 di sini, hari ini.

Sebelum ini, sebuah akhbar berbahasa Cina membuat permohonan maaf kerana menerbitkan halaman muka hadapan yang memaparkan bendera Jalur Gemilang tanpa bulan sabit mengundang kritikan dan kemarahan pelbagai pihak.

Selain itu, TCE Baby Expo turut membuat permohonan maaf susulan insiden paparan Jalur Gemilang tanpa bulat sabit di belakang pentas yang melibatkan salah satu pempamernya.

Menurut Aaron, kesilapan ilustrasi Jalur Gemilang seperti itu boleh menimbulkan ketegangan dan menjejaskan keharmonian masyarakat.

"Kesalahan seperti ini jangan diulang lagi. Ia boleh wujudkan ketidakharmonian. Kita mahukan kedamaian, perpaduan dan kestabilan demi kemajuan ekonomi dan negara," katanya.

Tambah beliau, permohonan maaf yang telah dibuat oleh pihak terlibat merupakan langkah terbaik bagi meredakan keadaan, namun, tindakan susulan bergantung kepada pertimbangan agensi yang berkaitan.

"Mereka yang terlibat tiada pilihan, itu kesilapan yang telah dibuat. Paling baik yang mereka boleh buat adalah memohon maaf. Tetapi kalau agensi terlibat rasa perlu ambil tindakan, itu hak mereka," katanya.

Dalam pada itu, katanya, Kementerian Perpaduan kini sedang melaksanakan kajian kali ketiga Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) bagi menilai tahap perpaduan rakyat Malaysia.

"Kita pernah buat dua kali, ini kali ketiga. Indeks sekarang sederhana, lebih kurang 0.6. Kita sasarkan 0.7, yang menunjukkan tahap perpaduan yang selamat. Kajian ini dijalankan sekumpulan profesor dari universiti tempatan dan cara pengiraan adalah melalui kaedah tinjauan," katanya. – UTUSAN

NEW STRAITS TIMES

Aaron calls for end to improper use of Jalur Gemilang

21 April 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang urged Malaysians to respect the Jalur Gemilang, warning that misuse of the national flag threatens national harmony and unity. —NSTP/MIKAIL ONG

GEORGE TOWN: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has called for an immediate halt to any improper use of the Jalur Gemilang, warning that such actions would only foster disharmony and chaos.

"We want peace, we want unity, we want people to come together — that gives us prosperity and economic development," he told reporters.

"We are in a peaceful country. That is what we want … that improper use involving the Jalur Gemilang does not recur. We have to be very careful," he said on the sidelines of an education gathering here today.

Meanwhile, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim last Friday said that for any country, the national flag is an important symbol.

Last Thursday, Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil said that the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) has completed its investigation into a Facebook post by Kwong Wah Yit Poh and Sin Chew Daily newspaper for mistakes involving the Jalur Gemilang.

Subsequently, over the weekend, Singapore Lactation Bakes booth at the TCE Baby Expo displayed an incomplete Jalur Gemilang, missing the crescent moon.

Aaron said the incident was regrettable and should not have happened.

"They have apologised for their mistakes. However, it is up to law enforcement authorities to take the necessary action," he said.

theSun

Displaying Jalur Gemilang without crescent must never happen again – Aaron

21 April 2025



GEORGE TOWN: The recent display of the Jalur Gemilang without the crescent moon should never have happened, and all parties must take steps to ensure such incidents are not repeated, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He stressed that such errors can cause public unease and undermine the spirit of unity and harmony that Malaysians have long upheld.

"It's deeply regrettable – this should not happen in a country that has proudly flown the same flag for decades. I believe many were shocked to see the crescent missing from the flag. I, too, was surprised.

"Please, don't let this happen again. It can create confusion and disharmony. At the Ministry, we are committed to fostering unity, peace, and togetherness — because unity brings prosperity and drives national progress. We must preserve the peace we enjoy," he said after attending the Empowering Education Summit 2025 here today.

Aaron urged all agencies, media outlets, and private organisations to verify the accuracy of the Jalur Gemilang before displaying or publishing it, especially on public platforms or at official events.

When asked whether the apologies issued by the parties involved were sufficient, Aaron said it was the right first step, but any further action would be at the discretion of the relevant authorities.

"Mistakes must be acknowledged, and an apology is the least that can be done. However, if the agency involved feels further action is necessary, that's their prerogative," he said.

Last Tuesday, Sin Chew Daily published an incomplete image of the Jalur Gemilang on its front page while covering Chinese President Xi Jinping's state visit to Malaysia. The flag shown was missing the crescent moon - a key symbol representing Islam, the country's official religion. The newspaper later issued a public apology, attributing the incident to an unintentional technical error.

In a separate case, Singapore-based baby food company Singapore Lactation Bakes (SLB) also apologised after a promotional video at a baby product exhibition in Kuala Lumpur featured the Malaysian flag without the crescent.

In its statement, SLB acknowledged the importance of the Jalur Gemilang as a national symbol representing Malaysia's identity, heritage, and unity, and expressed regret over the oversight.

In a separate development, Aaron said the ministry is currently conducting its third National Unity Index (IPNas) to assess the current level of social cohesion in the country.

This is the third time we are conducting the survey. The current score stands at a moderate level - around 0.6. We are targeting 0.7, which indicates a stable and healthy level of unity. The survey is being carried out by a team of local university professors through a nationwide poll," he said.

Earlier in his keynote address, Aaron proposed that the Rukun Negara Education Module be expanded to all kindergartens nationwide, including those under the Ministry of Education, KEMAS preschools, and private early childhood centres.

At present, 1,781 Unity Preschools, or Tabika Perpaduan, have implemented the module, which incorporates teachings on patriotism, unity, and moral values, while also encouraging independence in young children.

He added that the ministry also aims to increase the number of Rukun Negara Clubs and Rukun Negara Secretariats in schools and institutions of higher learning across the country to instil national values and unity among the younger generation.

"These initiatives reflect our commitment to nurturing unity from early childhood through to adulthood, in line with our vision of building a harmonious, inclusive, and united Malaysia," he said.

BERNAMA

Displaying Jalur Gemilang Without Crescent Must Never Happen Again – Aaron

21 April 2025



GEORGE TOWN, April 21 (Bernama) -- The recent display of the Jalur Gemilang without the crescent moon should never have happened, and all parties must take steps to ensure such incidents are not repeated, said National Unity Minister Aaron Ago Dagang.

He stressed that such errors can cause public unease and undermine the spirit of unity and harmony that Malaysians have long upheld.

"It's deeply regrettable – this should not happen in a country that has proudly flown the same flag for decades. I believe many were shocked to see the crescent missing from the flag. I, too, was surprised.

issued by the parties involved were sufficient, Aaron said it was the right first step, but any further action would be at the discretion of the relevant authorities.

"Mistakes must be acknowledged, and an apology is the least thatcan be done. However, if the agency involved feels further action isnecessary, that's their prerogative," he said.

Last Tuesday, Sin Chew Daily published an incomplete image of the Jalur Gemilang on its front page while covering Chinese President Xi Jinping's state visit to Malaysia. The flag shown was missing the crescent moon - a key symbol representing Islam, the country's official religion. The newspaper later issued a public apology, attributing the incident to an unintentional technical error.

In a separate case, Singapore-based baby food companySingapore Lactation Bakes (SLB) also apologised after apromotional video at a baby product exhibition in Kuala Lumpurfeatured the Malaysian flag without the crescent.

In its statement, SLB acknowledged the importance of the Jalur Gemilang as a national symbol representing Malaysia's identity, heritage, and unity, and expressed regret over the oversight.

In a separate development, Aaron said the ministry is currently conducting its third National Unity Index (IPNas) to assess the current level of social cohesion in the country.

This is the third time we are conducting the survey. The current score stands at a moderate level - around 0.6. We are targeting 0.7, which indicates a stable and healthy level of unity. The survey is being carried out by a team of local university professors through a nation wide poll," he said.

Earlier in his keynote address, Aaron proposed that the Rukun Negara Education Module be expanded to all kindergartens nationwide, including those under the Ministry of Education, KEMAS preschools, and private early childhood centres.

At present, 1,781 Unity Preschools, or Tabika Perpaduan, have implemented the module, which incorporates teachings on patriotism, unity, and moral values, while also encouraging independence in young children.

He added that the ministry also aims to increase the number of Rukun Negara Clubs and Rukun Negara Secretariats in schools and institutions of higher learning across the country to instil national values and unity among the younger generation.

"These initiatives reflect our commitment to nurturing unity from early childhood through to adulthood, in line with our vision of building a harmonious, inclusive, and united Malaysia," he said.

Kesalahan Jalur Gemilang Tak Patut Berlaku, Jangan Ulangi Lagi - Menteri Perpaduan

BERNAMA 21 April 2025



GEORGE TOWN, 21 April (Bernama) -- Kesalahan memaparkan imej Jalur Gemilang tanpa bulan sabit baru-baru ini tidak sepatutnya berlaku dan semua pihak perlu memastikan agar perkara yang sama sekali tidak berulang lagi pada masa akan datang.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata ini kerana kesilapan tersebut boleh mencetuskan keresahan awam serta menjejaskan semangat perpaduan dan keharmonian negara yang telah lama dipupuk dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Saya raya ia sesuatu yang tidak sepatutnya, ia satu kejadian yang tidak patut terjadi di negara kita yang sudah lama menggunakan bendera (Jalur Gemilang) itu. Saya rasa semua pihak terkejut bagaimana perkara seperti itu (bulan sabit) tidak ada di situ. Bagi saya ia sesuatu yang mengejutkan.

"... jangan buat macam itu, ia akan menimbulkan ketidakharmonian dan kacauan, kita di kementerian ini nak elakkan. Kita mahukan keamanan dan perpaduan, kita mahukan rakyat bersama-sama membawa perpaduan dan pembangunan ekonomi, kita sebuah negara aman," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025 di George Town hari ini.

Sehubungan itu, Aaron menasihatkan semua pihak untuk menyemak dan memastikan paparan imej Jalur Gemilang adalah tepat, sebelum dikeluarkan untuk tatapan umum.

Mengulas mengenai jika permohonan maaf yang dibuat oleh pihak terlibat sudah memadai, beliau berkata ia satu amalan bahawa setiap kesalahan perlu disusuli dengan permohonan maaf.

"... mereka yang terlibat tidak mempunyai pilihan. Ia satu kesilapan yang telah mereka lakukan, saya rasa cara terbaik yang mereka boleh lakukan ialah meminta maaf. Tetapi terpulanglah kepada pengurusan tertinggi agensi itu jika mereka perlu mengambil tindakan, itu hak mereka," katanya.

Selasa lepas, akhbar berbahasa Cina Sin Chew Daily menyiarkan ilustrasi Jalur Gemilang di muka hadapannya sempena liputan lawatan negara Presiden China Xi Jinping ke Malaysia, namun gambar bendera tersebut tidak lengkap.

Berikutan itu, akhbar tersebut tampil memohon maaf dan menjelaskan ia suatu kesilapan teknikal yang tidak disengajakan.

Selain akhbar tersebut, sebuah syarikat makanan bayi dari Singapura yang turut serta dalam pameran produk bayi di Pusat Pameran Mid Valley di Kuala Lumpur, telah memohon maaf kerana memuat naik video memaparkan Jalur Gemilang tanpa bulan sabit.

Singapore Lactation Bakes (SLB) dalam kenyataan memaklumkan pihaknya mengakui betapa penting Jalur Gemilang sebagai lambang identiti, warisan dan perpaduan negara.

Dalam perkembangan lain, Aaron berkata Kementerian Perpaduan kini sedang melaksanakan kajian kali ketiga Indeks Perpaduan Nasional (IPNas), bagi menilai tahap perpaduan rakyat Malaysia.

"Kita pernah buat dua kali, ini kali ketiga. Indeks sekarang sederhana, lebih kurang 0.6. Kita sasarkan 0.7, yang menunjukkan tahap perpaduan yang selamat. Kajian ini dijalankan oleh sekumpulan profesor daripada universiti tempatan dan cara pengiraan melalui kaedah tinjauan," katanya.

Terdahulu, Aaron dalam ucapannya berkata Kementerian Perpaduan Negara mencadangkan agar Modul Pendidikan Rukun Negara diperluas ke semua tadika di seluruh negara, termasuk prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan, Tabika KEMAS dan prasekolah swasta.

Beliau berkata pada masa ini, terdapat 1,781 Tadika Perpaduan atau Tabika Perpaduan yang telah memperkenalkan modul Rukun Negara dengan penanaman nilai-nilai perpaduan dan kebaikan serta modul menjadikan kanak-kanak lebih berdikari.

Aaron berkata kementerian juga komited memperluas jumlah Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara di sekolah dan institusi pendidikan tinggi di seluruh negara, yang bertujuan memperkuat usaha memupuk semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda.

Beliau berkata perkata itu merupakan antara inisiatif utama yang bertujuan mendidik nilai-nilai perpaduan daripada peringkat awal kehidupan dan berterusan hingga ke pendidikan tinggi dan penglibatan nasional, selaras dengan visi kementerian untuk membina Malaysia yang harmoni, inklusif dan bersatu.

malaysiakini
news and views that matter

Aaron beri amaran agar kesalahan Jalur Gemilang tidak berulang

21 April 2025



Kesalahan memaparkan imej Jalur Gemilang tanpa bulan sabit baru-baru ini tidak sepatutnya berlaku dan semua pihak perlu memastikan agar perkara yang sama sekali tidak berulang lagi pada masa akan datang.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata ini kerana kesilapan tersebut boleh mencetuskan keresahan awam serta menjejaskan semangat perpaduan dan keharmonian negara yang telah lama dipupuk dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Saya raya ia sesuatu yang tidak sepatutnya, ia satu kejadian yang tidak patut terjadi di negara kita yang sudah lama menggunakan bendera (Jalur Gemilang) itu. Saya rasa semua pihak terkejut bagaimana perkara seperti itu (bulan sabit) tidak ada di situ. Bagi saya ia sesuatu yang mengejutkan.

"... jangan buat macam itu, ia akan menimbulkan ketidakharmonian dan kacauan, kita di kementerian ini nak elakkan. Kita mahukan keamanan dan perpaduan, kita mahukan rakyat bersama-sama membawa perpaduan dan pembangunan ekonomi, kita sebuah negara aman," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025 di George Town hari ini.

Sehubungan itu, Aaron menasihatkan semua pihak untuk menyemak dan memastikan paparan imej Jalur Gemilang adalah tepat, sebelum dikeluarkan untuk tatapan umum.

Mengulas mengenai jika permohonan maaf yang dibuat oleh pihak terlibat sudah memadai, beliau berkata ia satu amalan bahawa setiap kesalahan perlu disusuli dengan permohonan maaf.

"... mereka yang terlibat tidak mempunyai pilihan. Ia satu kesilapan yang telah mereka lakukan, saya rasa cara terbaik yang mereka boleh lakukan ialah meminta maaf. Tetapi terpulanglah kepada pengurusan tertinggi agensi itu jika mereka perlu mengambil tindakan, itu hak mereka," katanya.

Selasa lepas, akhbar berbahasa Cina Sin Chew Daily menyiarkan ilustrasi Jalur Gemilang di muka hadapannya sempena liputan lawatan negara Presiden China Xi Jinping ke Malaysia, namun gambar bendera tersebut tidak lengkap.

Berikutan itu, akhbar tersebut tampil memohon maaf dan menjelaskan ia suatu kesilapan teknikal yang tidak disengajakan.

Selain akhbar tersebut, sebuah syarikat makanan bayi dari Singapura yang turut serta dalam pameran produk bayi di Pusat Pameran Mid Valley di Kuala Lumpur, telah memohon maaf kerana memuat naik video memaparkan Jalur Gemilang tanpa bulan sabit.

Singapore Lactation Bakes (SLB) dalam kenyataan memaklumkan pihaknya mengakui betapa penting Jalur Gemilang sebagai lambang identiti, warisan dan perpaduan negara.

Dalam perkembangan lain, Aaron berkata Kementerian Perpaduan kini sedang melaksanakan kajian kali ketiga Indeks Perpaduan Nasional (IPNas), bagi menilai tahap perpaduan rakyat Malaysia.

"Kita pernah buat dua kali, ini kali ketiga. Indeks sekarang sederhana, lebih kurang 0.6. Kita sasarkan 0.7, yang menunjukkan tahap perpaduan yang selamat. Kajian ini dijalankan oleh sekumpulan profesor daripada universiti tempatan dan cara pengiraan melalui kaedah tinjauan," katanya.

Terdahulu, Aaron dalam ucapannya berkata Kementerian Perpaduan Negara mencadangkan agar Modul Pendidikan Rukun Negara diperluas ke semua tadika di seluruh negara, termasuk prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan, Tabika KEMAS dan prasekolah swasta.

Beliau berkata pada masa ini, terdapat 1,781 Tadika Perpaduan atau Tabika Perpaduan yang telah memperkenalkan modul Rukun Negara dengan penanaman nilai-nilai perpaduan dan kebaikan serta modul menjadikan kanak-kanak lebih berdikari.

Aaron berkata kementerian juga komited memperluas jumlah Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara di sekolah dan institusi pendidikan tinggi di seluruh negara, yang bertujuan memperkuat usaha memupuk semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda.

Beliau berkata perkata itu merupakan antara inisiatif utama yang bertujuan mendidik nilai-nilai perpaduan daripada peringkat awal kehidupan dan berterusan hingga ke pendidikan tinggi dan penglibatan nasional, selaras dengan visi kementerian untuk membina Malaysia yang harmoni, inklusif dan bersatu.

- Bernama

malaysiakini
news and views that matter

Aaron warns against repeat of Jalur Gemilang gaffe

21 April 2025



The recent display of the Jalur Gemilang without the crescent moon should never have happened, and all parties must take steps to ensure such incidents are not repeated, said National Unity Minister Aaron Ago Dagang.

He stressed that such errors can cause public unease and undermine the spirit of unity and harmony that Malaysians have long upheld.

Malaysia Tribune

Menteri Perpaduan kesal kesilapan pihak siar Jalur Gemilang tidak lengkap

21 April 2025



GEORGE TOWN – Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang kesal dengan kesilapan pihak yang menyiar atau memaparkan Jalur Gemilang dalam keadaan yang tidak lengkap.

Beliau berkata, kesilapan demikian tidak seharusnya berulang kerana ia sesuatu yang tidak boleh diterima.

Tambahnya, beliau percaya agensi berkaitan telah mengambil tindakan sewajarnya namun kesalahan sedemikian sukar diterima kerana bendera adalah simbol kedaulatan sesebuah negara.

"Saya sangat kesal, kejadian itu tidak sepatutnya berlaku kerana sudah berapa lama kita menggunakan bendera ini, saya rasa semua orang terkejut mengapa sesuatu seperti ini berlaku.

"Jangan ulang lagi. Kita mahu negara yang sejahtera, damai, stabil demi kemajuan negara," katanya selepas Sidang Kemuncak Pemerkasaan Pendidikan 2025, di sini hari ini.

Aaron menegaskan, kesilapan seumpama itu boleh mencetuskan keresahan awam dan menjejaskan semangat perpaduan yang selama ini dipupuk dalam kalangan rakyat selain dikhuatiri menimbulkan ketegangan serta menjejaskan keharmonian masyarakat.

Tambahnya, permohonan maaf yang telah dibuat oleh pihak terlibat merupakan langkah terbaik bagi meredakan keadaan, namun tindakan susulan bergantung kepada pertimbangan pihak berwajib.

Selasa lalu, Sin Chew Daily menyiarkan ilustrasi Jalur Gemilang di muka hadapannya sempena liputan lawatan negara Presiden China Xi Jinping ke Malaysia, namun gambar bendera tersebut tidak lengkap.

Sehari kemudian, akhbar Kwong Wah Yit Poh pula dipanggil Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) susulan penyiaran gambar Jalur Gemilang yang tidak lengkap di akaun Facebook rasminya, keesokan harinya.

Terbaharu, pengeluar makanan bayi, Singapore Lactation Bakes (SLB), tampil memohon maaf atas kesilapan memaparkan jalur gemilang tidak lengkap dalam video pelancarannya untuk SLB Malaysia, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

PAUS FRANCIS PEJUANG ISUKEMISKINAN, KEADILAN SOSIAL -AARON

BERNAMA
21 April 2025



KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Pemergian Paus Francis bukan sahaja satu kehilangan besar buat penganut Katolik, malah dirasai oleh seluruh masyarakat dunia yang menghargai nilai-nilai kemanusiaan, keadilan dan keamanan global.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang dalam catatan di Facebook hari ini berkata Paus Francis juga sentiasa memperjuangkan isu kemiskinan, pelarian, keadilan sosial serta keadilan buat penduduk Gaza.

"Pope (Paus) Francis dikenali sebagai pemimpin agama yang merendah diri, penuh kasih sayang dan berani memperjuangkan suara-suara yang terpinggir.

"Beliau menzahirkan erti sebenar perpaduan dengan menyeru kepada dialog antara agama, menghormati kepelbagaian dan memupuk keharmonian dalam kepelbagaian budaya dan kepercayaan. Saya merakamkan ucapan takziah kepada komuniti Katolik di seluruh dunia atas pemergian Yang Mulia Pope Francis,"katanya.

Memetik Anadolu Ajansi, Paus Francis, paus pertama dari Amerika Latin meninggal dunia pada usia 88 tahun hari ini.

Beliau sebelum ini mengalami masalah kesihatan berpanjangan termasuk kesukaran bernafas menyerupai asma yang dikaitkan dengan trombositopenia.

Late Pope Francis Champion Of Poverty And Social Justice Issues -Aaron

BERNAMA
21 April 2025

KUALA LUMPUR, April 21 (Bernama) -- The demise of Pope Francis isnot only a great loss for Catholics but is also felt by the entire global community that values humanitarianism, justice and global peace said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

In the minister's Facebook post today, he said that Pope Francis had always advocated for issues such as poverty, refugees, social justice, and justice for the people of Gaza.

"Pope Francis was known as a humble and compassionate religious leader who bravely advocated for marginalised voices.

"He embodied the true meaning of unity by calling for interfaith dialogue, respecting diversity, and fostering harmony within cultural and belief diversity. I extend my condolences to the Catholic community around the world on the passing of His Holiness Pope Francis," he said.

Quoting Anadolu Ajansi, Pope Francis, the first pope from Latin America, passed away at the age of 88 today.

The late pontiff had previously suffered from long-term illnesses, including "asthma-like respiratory crises" associated with thrombocytopenia.



SUARA SARAWAK

Pope Francis pemimpin agama yang merendah diri, penuh kasih sayang – Aaron Ago Dagang

21 April 2025



KUCHING: Pemimpin gereja Katolik Pope Francis disifatkan sebagai pemimpin agama yang merendah diri, penuh kasih sayang dan berani memperjuangkan suara-suara yang terpinggir.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata pemergian mendiang bukan sahaja satu kehilangan besar buat penganut Katolik, malah dirasai oleh seluruh masyarakat dunia yang menghargai nilai kemanusiaan, keadilan dan keharmonian global (global peace).

"Mendiang juga sentiasa memperjuangkan isu kemiskinan, pelarian, keadilan sosial, terutama soal keadilan buat Gaza – yang turut disentuh dalam ucapan terakhir beliau pada Easter Sunday," katanya menerusi hantaran di Facebook rasminya, hari ini.

Sehubungan itu, Aaron menambah bahawa mendiang Pope juga menzahirkan erti sebenar perpaduan dengan menyeru kepada dialog antara agama untuk menghormati kepelbagaian dan memupuk keharmonian dalam kepelbagaian budaya serta kepercayaan.

"Justeru, saya merakamkan ucapan takziah kepada komuniti Katolik di seluruh dunia atas pemergian mendiang Pope Francis," ujarnya.

Mendiang menghembuskan nafas terakhir pada usia 88 tahun di kediamannya di Casa Santa Marta, Vatican pada jam 9.45 pagi waktu tempatan, hari ini.

TheStar

National Unity Minister extends condolences to global Catholic community over Pope's death

21 April 2025



PETALING JAYA: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has extended his condolences to the global Catholic community over the death of Pope Francis.

"His passing is not only a great loss to Catholics but is also felt by the entire global community that values humanity, justice and global peace," he said in a statement on Monday (April 21).

Aaron said Pope Francis was renowned for his tireless advocacy on global issues, including justice for Gaza.

"He continuously championed issues of poverty, refugees, social justice and especially justice for Gaza, which he also touched upon in his last Easter Sunday address.

"Pope Francis was known as a humble religious leader, full of love and courageous in championing the voices of the marginalised," he said.

Aaron also lauded Pope Francis as a religious leader who truly embodied unity by nurturing harmony amidst cultural and religious plurality.

"He embodied the true meaning of unity by calling for interfaith dialogue, respecting diversity and fostering harmony among diverse cultures and beliefs," he added.

Earlier, Vatican camerlengo Cardinal Kevin Ferrell announced in a statement that Pope Francis had died on Monday. He was 88.

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Pemergiaan Pope Francis dirasai semua, ucapan akhir sentuh Gaza – Aaron

21 April 2025



KUALA LUMPUR – Pemergian pemimpin utama gereja Roman Katolik, Pope Francis merupakan kehilangan besar bukan sahaja kepada penganut agama itu tetapi juga masyarakat dunia yang menghargai nilai-nilai kemanusiaan, keadilan, dan kedamaian global.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Aro Dagang yang merakamkan ucapan takziah kepada komuniti Katolik di seluruh dunia berkata, mendiang sentiasa memperjuangkan isu-isu kemiskinan, pelarian, keadilan sosial.

Malah sehari sebelum meninggal dunia Pope Francis menyentuh mengenai situasi di Gaza dan mengharapkan keamanan dapat dicapai di wilayah Palestin itu dalam ucapan terakhir pada Easter Sunday.

"Pope Francis dikenali sebagai pemimpin agama yang merendah diri, penuh kasih sayang, dan berani memperjuangkan suara-suara yang terpinggir.

"Beliau menzahirkan erti sebenar perpaduan dengan menyeru kepada dialog antara agama, menghormati kepelbagaian, dan memupuk keharmonian dalam kepelbagaian budaya dan kepercayaan," katanya dalam kenyataan.

Gereja Roman Katolik mengesahkan bahawa Pope Francis, 88, meninggal dunia di Vatican City kira-kira jam 7.35 pagi waktu tempatan dan pengumuman itu dibuat Pegawai kanan Gereja Katolik, Kardinal Kevin Farrell dalam satu pengumuman menerusi saluran TV Vatican

Keadaan kesihatan pemimpin Gereja Katolik dan Kota Vatican itu sebelum ini dilaporkan semakin kritikal selepas mengalami beberapa komplikasi kesihatan termasuk radang paru-paru atau pneumonia.

Beliau dimasukkan ke hospital Gemelli, Rom pada 14 Februari lalu selepas mengalami kesukaran bernafas selama beberapa hari sebelum disahkan menghidap radang paru-paru di kedua-dua belah paru-parunya.

Pope Francis atau nama sebenarnya Jorge Mario Bergoglio yang berasal dari Argentina memimpin 1.3 bilion penganut mazhab itu di seluruh dunia.

Dalam ucapan terakhirnya semalam, Pope Francis mengulangi gesaannya untuk gencatan senjata segera di Gaza dalam mesej Paskah yang dibacakan oleh seorang pembantu pada Ahad (20 Apr) ketika Pope yang masih pulih daripada radang paru-paru, melihat semasa penampilan ringkas di balkoni utama Basilika St Peter.

Beliau mengehadkan beban kerjanya atas arahan doktor, tidak mempengerusikan Misa Vatican untuk Paskah tetapi muncul pada penghujung acara untuk berkat dan mesej dua kali setahun yang dikenali sebagai "Urbi et Orbi" (kepada bandar dan dunia).

Sebelum berada di hospital selama lima minggu akibat radang paru-paru, yang hampir membunuhnya, Pope Francis telah meningkatkan kritikan terhadap kempen ketenteraan Israel di Gaza, dengan menggelar situasi kemanusiaan di kawasan Palestin sebagai "sangat serius dan memalukan" pada Januari.

Dalam mesej Paskah, Pope berkata situasi di Gaza adalah "dramatik dan menyedihkan". Pope juga menyeru kumpulan pejuang Palestin supaya membebaskan tebusan yang masih ada.

"Saya menyatakan kedekatan saya dengan penderitaan...semua rakyat Israel dan rakyat Palestin," kata mesej itu.

"Saya merayu kepada pihak yang bertelagah: Panggil gencatan senjata, lepaskan tebusan dan bantu rakyat kelaparan yang bercita-cita untuk masa depan keamanan," katanya. – Agensi

THE STRAITS TIMES

Asia mourns Pope's death: 'His humility brought many back to the fold of the Church'

21 April 2025



People praying in front of a portrait of Pope Francis after mass at Baclaran Church in Paranaque, the Philippines, on April 21. PHOTO: AFP

MANILA – The death of Pope Francis has stirred an outpouring of grief across Asia, where the Argentina-born pontiff was regarded not just as the head of the Catholic Church, but also as a rare global figure of moral clarity and compassion.

He was 88, and had recently survived a serious bout of double pneumonia.

In the Philippines, home to Asia's largest Catholic population, the bells of Manila Cathedral tolled on the afternoon of April 21 as news of the Pope's passing spread.

President Ferdinand Marcos Jr said Pope Francis will be remembered for leading "with a heart open to all, especially the poor and the forgotten".

"By example, Pope Francis taught us that to be a good Christian is to extend kindness and care to one another. His humility brought many back to the fold of the Church," Mr Marcos posted on his official Facebook page.

The sorrow is deeply personal for Filipinos, whose country has 85 million Catholics out of a population of 108 million. Many remember Pope Francis' historic four-day visit in January 2015, when he celebrated an open-air mass in Manila that drew a staggering seven million devotees, making it the largest papal gathering in history.

"This is heartbreaking news for the faithful, and for those like me who only slowly found their way to faith because someone at the helm reminded us that the Church could also be a place to breathe," said Filipino sociologist Ashley Presto on X. "Pope Francis made being Catholic less morally suffocating."

astro AWANI

Cadangan pemakaian lencana Jalur Gemilang diperluas ke Tabika Perpaduan – Aaron

23 April 2025



Aaron menyampaikan ucapan perasmian pada Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan penyerahan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 yang diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia pada Selasa. - Foto BERNAMA

SUNGAI PETANI: Kementerian Perpaduan Negara mencadangkan agar pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam sekolah diperluas ke Tabika Perpaduan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata inisiatif itu dilihat sebagai langkah yang baik dalam usaha menyemai semangat cintakan negara sejak di peringkat awal perkembangan kanak-kanak.

Beliau berkata terdapat 781 Tabika Perpaduan membabitkan 34,654 murid di seluruh negara.

"Boleh dicadangkan (untuk pelajar Tabika Perpaduan) tiada masalah kerana itu akan memberi meningkatkan semangat patriotisme kepada negara," katanya selepas merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 yang diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di sini pada Selasa.

Pada Isnin, murid sekolah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) mula memakai lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam sekolah masing-masing.

Langkah tersebut melibatkan sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, Kolej Matrikulasi serta Institut Pendidikan Guru Malaysia, dengan objektif menyemai semangat patriotisme dalam kalangan murid dan warga pendidik.
-- BERNAMA

TheStar

Put Jalur Gemilang badge on kindy kids too, proposes Unity Minister

22 April 2025

SUNGAI PETANI: The Unity Ministry is proposing for the Jalur Gemilang badge to be worn students at kindergartens as well.

Its minister Datuk Aaron Ago Dagang said the initiative would help to foster patriotism from an early stage.

"It's already in place for school children (from Year One and above) and there should be no issue in extending it to kindergarten students," he said when launching the "Jom Baca Bersama 10 Minit 2025" and "Baucar Buku Semarak Membaca 2025" on Tuesday (April 22).

The use of the Jalur Gemilang badge on student uniforms, implemented in stages across all educational institutions under the purview of the Education Ministry, began on Monday (April 21).

The initiative covers government schools, government-aided schools, matriculation colleges, and the Malaysian Teacher Education Institute, with the aim of nurturing patriotism among both students and educators. – Bernama

Cadangan Pemakaian Lencana Jalur Gemilang Diperluas Ke Tabika Perpaduan – Aaron

BERNAMA
22 April 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang menyampaikan ucapan perasmian pada Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan penyerahan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 yang diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di sini hari ini.

SUNGAI PETANI, 22 April (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara mencadangkan agar pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam sekolah diperluas ke Tabika Perpaduan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata inisiatif itu dilihat sebagai langkah yang baik dalam usaha menyemai semangat cintakan negara sejak di peringkat awal perkembangan kanak-kanak.

Beliau berkata terdapat 781 Tabika Perpaduan membabitkan 34,654 murid di seluruh negara.

"Boleh dicadangkan (untuk pelajar Tabika Perpaduan) tiada masalah kerana itu akan memberi meningkatkan semangat patriotisme kepada negara," katanya selepas merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 yang diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di sini hari ini.

Semalam, murid sekolah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) mula memakai lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam sekolah masing-masing.

Langkah tersebut melibatkan sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, Kolej Matrikulasi serta Institut Pendidikan Guru Malaysia, dengan objektif menyemai semangat patriotisme dalam kalangan murid dan warga pendidik.

Extend Wearing Of Jalur Gemilang Badge To Kindergarten Students - Aaron Ago

BERNAMA
22 April 2025

SUNGAI PETANI, April 22 (Bernama) -- The Ministry of Unity has proposed extending the use of the Jalur Gemilang badge on student uniforms to younger age groups, including those at kindergartens.

Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the initiative is a positive step toward fostering patriotism from an early stage in children's development.

"It's already in place for school children, and there should be no issue in extending it to kindergarten students, as it will help instil love for the country from a young age," he said when launching the"Jom Baca Bersama 10 Minit 2025" and "Baucar Buku Semarak Membaca 2025" today.

The use of the Jalur Gemilang badge on student uniforms, implemented in stages across all educational institutions under the purview of the Education Ministry, began yesterday.

The initiative covers government schools, government-aided schools, matriculation colleges, and the Malaysian Teacher Education Institute, with the aim of nurturing patriotism among both students and educators.

According to Aaron Ago, there are 781 Perpaduan kindergartens with 34,654 students nationwide.



Sinar Harian

Lencana Jalur Gemilang dicadang diperluas ke Tabika Perpaduan

22 April 2025



Aaron Ago Dagang (tiga dari kiri) ketika merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 Minit sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di Central Square Sungai Petani pada Selasa.

"Pemakaian lencana Jalur Gemilang boleh dicadangkan untuk kanak-kanak. Ia akan menanamkan minat serta semangat patriotik terhadap negara.

"Setakat ini, kita mempunyai seramai 34,654 orang kanak-kanak berdaftar di 781 buah tabika perpaduan dan 990 orang kanak-kanak berdaftar di 41 buah taska perpaduan seluruh negara,"katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 Minit sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di Central Square, di sini pada Selasa.

Dalam majlis sama, beliau turut mengumumkan peruntukan berjumlah RM1 juta bagi Baucar Buku Semarak Membaca Tahun 2025.

Mengulas lanjut, Aaron menyarankan agar sektor awam dan swasta bersama-sama menyahut seruan kerajaan untuk melaksanakan pemakaian lencana Jalur Gemilang dalam seragam masing-masing.

Bagaimanapun katanya, bagi penjawat awam, ketika ini sudah terdapat Pekeliling Pembudayaan Amalan Patriotisme Taat Setia Penjawat Awam yang berkuat kuasa mulai tahun ini.

"Ia merangkumi pelaksanaan nyanyian lagu Negaraku dan lafaz Ikrar Rukun Negara di semua kementerian dan agensi, Kursus Pengukuhan Sejarah Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan, serta Program Menghargai Negarawan.

"Selain itu, amalan mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang tahun, penganjuran program memartabatkan Bahasa Melayu, mewujudkan galeri patriotik serta pemakaian pakaian etnik dalam majlis rasmi turut digalakkan," ujarnya.

Terdahulu, media melaporkan bahawa semua murid di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mula memakai lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam sekolah masing-masing secara berperingkat bermula Isnin lalu.

malaysiakini
news and views that matter

Kindergarten kids should wear Jalur Gemilang badges too: Aaron

22 April 2025



The Unity Ministry has proposed extending the use of the Jalur Gemilang badges on student uniforms to younger age groups, including those at kindergartens.

Unity Minister Aaron Ago Dagang said the initiative is a positive step toward fostering patriotism from an early stage in children's development.

malaymail

Instilling patriotism early: Extend wearing of Jalur Gemilang badge to kindergarten students, says unity minister

22 April 2025



The use of the Jalur Gemilang badge on student uniforms, implemented in stages across all educational institutions under the purview of the Education Ministry, began yesterday. — Bernama pic

SUNGAI PETANI, April 22 — The Ministry of Unity has proposed extending the use of the Jalur Gemilang badge on student uniforms to younger age groups, including those at kindergartens.

Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the initiative is a positive step toward fostering patriotism from an early stage in children's development.

"It's already in place for school children, and there should be no issue in extending it to kindergarten students, as it will help instil love for the country from a young age," he said when launching the "Jom Baca Bersama 10 Minit 2025" and "Baucar Buku Semarak Membaca 2025" today.

The programme was held in conjunction with World Book and Copyright Day today.

The use of the Jalur Gemilang badge on student uniforms, implemented in stages across all educational institutions under the purview of the Education Ministry, began yesterday.

The initiative covers government schools, government-aided schools, matriculation colleges, and the Malaysian Teacher Education Institute, with the aim of nurturing patriotism among both students and educators.

According to Aaron Ago, there are 781 Perpaduan kindergartens with 34,654 students nationwide. — Bernama

WORLD OF BUZZ

Unity Minister Wants Jalur Gemilang Badge on Uniform Requirement to Be Extended to Unity Kindergartens

22 April 2025



The Ministry of National Unity has proposed that the requirement to wear Jalur Gemilang badges on school uniforms be extended to Unity Kindergartens across the country.

According to a report by Sinar Harian, National Unity Minister, Datuk Aaron Ago Dagang, shared that the proposal is seen as a good step towards instilling patriotism and the love for our country among children from an early age.

"Wearing the Jalur Gemilang badge can be recommended for children. It will instil interest and patriotic spirit towards the country,"

"So far, we have 34,654 children registered in 781 Unity Kindergartens and 990 children registered in 41 Unity Nurseries nationwide," he said.

Starting yesterday (21 April), all students in educational institutions under the Ministry of Education (MOE) are required to wear a Jalur Gemilang badge on their uniforms.

The new directive applies to all government schools, government-aided schools, matriculation colleges and Institutes of Teacher Education (IPG). Moreover, MOE also encourages other educational institutions in the country to adopt the practice.

MOE further clarified that each student will receive two badges for free.

BERITA RTM

Persenda sensitiviti agama lain berdepan tindakan tegas tanpa kompromi

22 April 2025



SUNGAI PETANI, 22 April - Kementerian Perpaduan Negara mencadangkan agar pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam sekolah turut diperluaskan kepada Tabika dan Taska Perpaduan di seluruh negara.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, cadangan tersebut bertujuan meningkatkan semangat patriotisme dan cinta kepada negara di peringkat awal.

"Boleh...boleh dicadangkan, tiada masalah, ia akan memupuk dan meningkatkan semangat patriotisme kepada negara," kata Aaron kepada pemberita selepas merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 Minit sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di sini. Pada majlis itu, beliau turut mengumumkan peruntukan RM1 juta bagi Baucar Buku Semarak Membaca, tahun ini.

Ketika ini, seramai 34,644 murid sedang mengikuti sesi pengajian peringkat awal di 781 Tabika Perpaduan dan 990 murid di Taska Perpaduan seluruh negara.

Mengulas lanjut, Aaron turut menggalakkan sektor awam dan swasta turut sama-sama menyahut seruan kerajaan bagi melaksanakan pemakaian lencana Jalur Gemilang di pakaian seragam masing-masing.

Semalam, semua murid sekolah dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mula memakai lencana Jalur Gemilang di pakaian seragam sekolah masing-masing.

Dalam pada itu Aaron berkata, institusi perpustakaan perlu lebih menyerlah dan menonjolkan kepentingannya sebagai pemangkin kepada kemajuan ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan kebudayaan negara.

Perpustakaan sebagai gedung ilmu mempunyai peranan yang amat signifikan dalam membangunkan sesebuah negara.

"Kini terdapat 1,076 perpustakaan desa yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah," katanya.

Beliau berkata daripada jumlah keseluruhan itu, 506 perpustakaan di bawah seliaan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), manakala 570 lagi di bawah negeri.

"Ini tidak termasuk perpustakaan universiti, perpustakaan awam negeri, perpustakaan di agensi kerajaan dan termasuklah pusat sumber sekolah yang keseluruhannya berjumlah 13,674 buah," katanya lagi.

Aaron Ago berkata budaya membaca perlu dijadikan sebagai satu gaya hidup dalam kalangan rakyat kerana ia adalah langkah pertama kepada segala kemajuan dan menjadikan manusia lebih berdaya maju serta matang dari segi pemikiran.

FMT

Extend use of Jalur Gemilang badges to kindy children, says minister

22 April 2025

National unity minister Aaron Ago Dagang says this will be a positive step towards fostering patriotism from an early age.



National unity minister Aaron Ago Dagang said it should not be a problem to extend the use of the Jalur Gemilang badges to kindergarten children.

PETALING JAYA: The national unity ministry has proposed extending the use of the Jalur Gemilang badge on student uniforms to kindergarten children.

National unity minister Aaron Ago Dagang said this would be a positive step towards fostering patriotism from an early stage.

"It's already in place for schoolchildren, and there should be no issue in extending it to kindergarten children, as it will help instil love for the country from a young age," Bernama reported him as saying in Sungai Petani, Kedah.

The use of the Jalur Gemilang badge on student uniforms, implemented in stages across all educational institutions under the education ministry's purview, began yesterday.

The initiative covers government schools, government-aided schools, matriculation colleges and the institute of teacher education, with the aim of nurturing patriotism among both students and educators.

Aaron said there were 781 Perpaduan kindergartens under the education ministry with 34,654 children nationwide.

OH MY MEDIA

Semai semangat patriotisme: Cadangan lencana Jalur Gemilang diperluas ke Tabika Perpaduan – Aaron

22 April 2025





Semai semangat patriotisme sejak kecil, Kementerian Perpaduan Negara mencadangkan agar pemakaian lencana Jalur Gemilang turut diperluaskan kepada kanak-kanak di taman bimbingan kanak-kanak (tabika) perpaduan seluruh negara.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, langkah ini dilihat sebagai usaha yang baik bagi menyemai rasa cinta kepada negara dalam diri anak-anak sejak usia awal.

"Pemakaian lencana Jalur Gemilang boleh dicadangkan untuk kanak-kanak. Ia akan menanamkan minat serta semangat patriotik terhadap negara,"katanya.

Menurut beliau, setakat ini terdapat 34,654 orang kanak-kanak berdaftar di 781 buah tabika perpaduan, manakala 990 orang kanak-kanak lagi berada di 41 buah taska perpaduan di seluruh negara.

Perkara itu dikongsikan beliau ketika merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 Minit sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di Central Square, pada Selasa.

Dalam program sama, beliau turut mengumumkan satu inisiatif menarik iaitu peruntukan sebanyak RM1 juta bakal disalurkan untuk Baucar Buku Semarak Membaca Tahun 2025.

Semai semangat patriotisme sejak kecil

Dalam perkembangan sama, Aaron menyarankan supaya sektor awam dan swasta turut sama menyahut seruan kerajaan dengan melaksanakan pemakaian lencana Jalur Gemilang dalam seragam masing-masing.

Bagi penjawat awam pula, beliau memaklumkan bahawa amalan patriotik sudah pun dibudayakan secara rasmi menerusi garis panduan yang sedang berkuat kuasa.

"Setakat ini sudah terdapat Pekeliling Pembudayaan Amalan Patriotisme Taat Setia Penjawat Awam yang berkuat kuasa mulai tahun ini.

"Ia merangkumi pelaksanaan nyanyian lagu Negaraku dan lafaz Ikrar Rukun Negara di semua kementerian dan agensi, Kursus Pengukuhan Sejarah Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan, serta Program Menghargai Negarawan.

"Selain itu, amalan mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang tahun, penganjuran program memartabatkan Bahasa Melayu, mewujudkan galeri patriotik serta pemakaian pakaian etnik dalam majlis rasmi turut digalakkan,"ujarnya.

Terdahulu, media melaporkan bahawa murid-murid di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sudah mula memakai lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam masing-masing secara berperingkat bermula Isnin lalu.

Institusi Perpustakaan Perlu Ditonjolkan Sebagai Pemangkin Kemajuan Negara - Aaron Ago

BERNAMA
22 April 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang menyampaikan ucapan perasmian pada Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan penyerahan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 yang diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di sini hari ini.

SUNGAI PETANI, 22 April (Bernama) -- Institusi perpustakaan perlu lebih menyerlah dan menonjolkan kepentingannya sebagai pemangkin kepada kemajuan ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan kebudayaan negara.

Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang berkata perpustakaan sebagai gedung ilmu mempunyai peranan yanga mat signifikan dalam membangunkan sesebuah negara.

"Kini terdapat 1,076 perpustakaan desa yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah.

Aaron Ago berkata demikian selepas merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 yang diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia disini hari ini.

Beliau berkata daripada jumlah keseluruhan itu, 506 perpustakaan di bawah seliaan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), manakala 570 lagi di bawah negeri.

"Ini tidak termasuk perpustakaan universiti, perpustakaan awam negeri, perpustakaan di agensi kerajaan dan termasuklah pusat sumber sekolah yang keseluruhannya berjumlah 13,674 buah,"katanya.

Aaron Ago berkata budaya membaca perlu dijadikan sebagai satu gaya hidup dalam kalangan rakyat kerana ia adalah langkah pertama kepada segala kemajuan dan menjadikan manusia lebih berdaya maju serta matang dari segi pemikiran.

Beliau berkata kemajuan negara dan ketamadunan bangsa dapat dikembangkan serta dipertingkatkan jika bangsa itu berfikiran tinggi yang lahir daripada amalan membaca.

"Selari dengan matlamat itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi PNM telah melaksanakan 48,686 program galakan membaca pada 2024.

"Sebagai satu usaha berterusan untuk menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat, Kerajaan MADANI menerusi KPN menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan Baucar Buku Semarak Membaca sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia," katanya.

Beliau berkata program itu mampu menyemarakkan kembali usaha membaca, sejajar dengan hasrat Kerajaan MADANI untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan.

BERNAMA

Promote Libraries As Catalyst For National Progress – Aaron

22 April 2025



NEW STRAITS TIMES

Promote libraries as catalyst for national progress – Aaron

22 April 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang urged Malaysians to respect the Jalur Gemilang, warning that misuse of the national flag threatens national harmony and unity. —NSTP/ MIKAIL ONG

SUNGAI PETANI: Libraries must be given greater prominence and highlighted as a catalyst for national progress, including in the economy, politics, society, education and culture.

National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said libraries, as repositories of knowledge, played a very significant role in the development of a nation.

"Currently, there are 1,076 village libraries providing services to all Malaysians from Perlis to Sabah," he said after launching the 2025 Let's Read Together for 10 Minutes programme and distribution of Semarak Membaca 2025 book vouchers, held in conjunction with World Book and Copyright Day, here today.

Of the total, 506 libraries are managed by the National Library of Malaysia (PNM), while the remaining 570 fall under state administration.

"This does not include university libraries, state public libraries, libraries in government agencies, as well as school resource centres, which total 13,674," he said.

Aaron said the culture of reading should be turned into a lifestyle as it is the first step towards all forms of progress and encourages a more progressive and mature mindset among the people.

He added that a country's progress and the advancement of its civilisation could flourish if its people were of a high intellectual calibre, nurtured through the practice of reading.

"In line with this goal, the Ministry of National Unity, through PNM, has implemented a total of 48,686 reading promotion programmes in 2024.

"As part of the ongoing effort to promote the reading culture among the people, the government, through the ministry, has organised the 'Let's Read for 10 Minutes' programme and the Semarak Membaca 2025 book vouchers in conjunction with World Book and Copyright Day," he said.

He said the programme had the potential to rekindle interest in reading, in line with the government's vision to build a knowledgeable society. – BERNAMA

theSun

Promote libraries as catalyst for national progress – Aaron

22 April 2025



SUNGAI PETANI: Libraries must be given greater prominence and highlighted as a catalyst for national progress, including in the economy, politics, society, education and culture.

Minister of National Unity Datuk Aaron Ago Dagang said libraries, as repositories of knowledge, play a very significant role in the development of a nation.

"Currently, there are 1,076 village libraries providing services to all Malaysians from Perlis to Sabah," he said after launching the 2025 Let's Read Together for 10 Minutes programme and distribution of Semarak Membaca 2025 book vouchers, held in conjunction with World Book and Copyright Day, here today.

According to him, out of all the village libraries, 506 are under the management of the National Library of Malaysia (PNM), while the remaining 570 are under state jurisdictions.

"This does not include university libraries, state public libraries, libraries in government agencies, as well as school resource centres, which total 13,674," he said.

Aaron said the culture of reading should be turned into a lifestyle as it is the first step towards all forms of progress and encourages a more progressive and mature mindset among the people.

He added that a country's progress and the advancement of its civilisation can flourish if its people are of a high intellectual calibre, nurtured through the practice of reading.

"In line with this goal, the Ministry of National Unity, through PNM, has implemented a total of 48,686 reading promotion programmes in 2024.

"As part of the ongoing effort to promote the reading culture among the people, the MADANI government, through the Ministry of National Unity, has organised the 'Let's Read for 10 Minutes' programme and the Semarak Membaca 2025 book vouchers in conjunction with World Book and Copyright Day," he said.

He said the programme has the potential to rekindle interest in reading, in line with the MADANI government's vision to build a knowledgeable society.

Institusi perpustakaan perlu ditonjolkan sebagai pemangkin kemajuan negara - Aaron Ago

23 April 2025



Aaron Ago menyampaikan ucapan perasmian pada Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan penyerahan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, di Sungai Petani, semalam. - Facebook Aaron Ago

SUNGAI PETANI: Institusi perpustakaan perlu lebih menyerlah dan menonjolkan kepentingannya sebagai pemangkin kepada kemajuan ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan kebudayaan negara.

Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang berkata perpustakaan sebagai gedung ilmu mempunyai peranan yang amat signifikan dalam membangunkan sesebuah negara.

"Kini terdapat 1,076 perpustakaan desa yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah," katanya.

Aaron Ago berkata demikian selepas merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 yang diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di sini hari ini.

Beliau berkata daripada jumlah keseluruhan itu, 506 perpustakaan di bawah seliaan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), manakala 570 lagi di bawah negeri.

"Ini tidak termasuk perpustakaan universiti, perpustakaan awam negeri, perpustakaan di agensi kerajaan dan termasuklah pusat sumber sekolah yang keseluruhannya berjumlah 13,674 buah," katanya.

Aaron Ago berkata budaya membaca perlu dijadikan sebagai satu gaya hidup dalam kalangan rakyat kerana ia adalah langkah pertama kepada segala kemajuan dan menjadikan manusia lebih berdaya maju serta matang dari segi pemikiran.

Beliau berkata kemajuan negara dan ketamadunan bangsa dapat dikembangkan serta dipertingkatkan jika bangsa itu berfikiran tinggi yang lahir daripada amalan membaca.

"Selari dengan matlamat itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi PNM telah melaksanakan 48,686 program galakan membaca pada 2024.

"Sebagai satu usaha berterusan untuk menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat, Kerajaan MADANI menerusi KPN menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan Baucar Buku Semarak Membaca sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia," katanya.

Beliau berkata program itu mampu menyemarakkan kembali usaha membaca, sejajar dengan hasrat Kerajaan MADANI untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan.

-- BERNAMA

malaysiakini
news and views that matter

Menteri minta SKMM siasat individu hasut '13 Mei perangi Keling'

2 April 2025



Kementerian Perpaduan Negara telah membuat laporan terhadap seorang pengguna media sosial yang menghasut kebencian kaum dengan menyeru agar rusuhan 13 Mei berulang, susulan kontroversi pemindahan kuil di Kuala Lumpur.

Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang, berkata laporan tersebut telah dibuat kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

"Saya berharap agar individu yang terlibat disiasat dan diambil tindakan sewajarnya mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Kementerian Perpaduan Negara komited dalam memastikan keharmonian dan perpaduan rakyat Malaysia terus terpelihara.

"Oleh itu, sebarang bentuk kenyataan atau tindakan yang boleh menggugat perpaduan dan menyemarakkan kebencian tidak boleh diterima sama sekali," katanya di platform X.

Individu yang dimaksudkan menteri itu, merupakan pengguna X dengan nama Amir Ridhwann telah mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman yang melampau, dengan menulis "sekarang ni memang elok perang je Melayu dengan Keling ni. Baru dorang tahu tempat dorang kat mana."

Dia turut menghina komuniti India dengan menyifatkan mereka sebagai "bodoh" dan menuduh mereka membina "kuil beratus-ratus di tanah haram" walaupun hanya mewakili tujuh peratus daripada penduduk negara ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Aaron menggesa rakyat Malaysia supaya menggunakan media sosial secara bertanggungjawab dan mengelakkan tindakan yang boleh mencetuskan ketegangan kaum atau agama.

"Malaysia adalah negara yang berbilang bangsa dan budaya, dan setiap rakyat mempunyai tanggungjawab untuk memelihara keharmonian serta menghormati perbezaan antara satu sama lain.

"Saya juga menyeru rakyat Malaysia untuk bersama-sama menolak sebarang bentuk ekstremisme, provokasi dan fitnah yang boleh menjejaskan keamanan negara.

"Noktahkan tindakan rasis," tegasnya.

Pada Isnin, Malaysiakini melaporkan persatuan Malaysian Hindu Sangam akan mengadakan sesi dialog tergempar bersama jawatankuasa kuil dari seluruh negara pada 6 April di Kuala Lumpur.

Pemindahan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman yang berusia 130 tahun dari Jalan Masjid India telah mencetuskan reaksi berbelah bahagi, dengan sebahagian pengguna media sosial mempersoalkan status undang-undang kuil Hindu.

Sebuah kumpulan di Facebook turut ditubuhkan untuk melaporkan kuil-kuil seperti itu.

Sebagai maklum balas, peguam yang mewakili jawatankuasa Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman, termasuk bekas Presiden Majlis Peguam, Ambiga Sreenevasan dan N Surendran, mengeluarkan penjelasan kuil tersebut bukanlah kuil haram.

Peguam-peguam itu juga menafikan dakwaan kuil berkenaan sebagai 'haram' dan menegaskan kuil tersebut telah diberikan pampasan tanah walaupun sebelum ini dituduh 'menceroboh'.

Pada Ahad lalu, Timbalan Pengerusi Urimai, David Marshel, mendedahkan terdapat individu yang melabel kuil sebagai "kuil haram" di Google Maps dan menuntut tindakan tegas diambil terhadap ucapan kebencian tersebut.

BERNAMA

Hantar Mesej Berbaur Perkauman Wajar Dikenakan Tindakan Tegas- Aaron

23 April 2025



BERNAMA

Racist Messages Warrant Strict Action – Aaron

23 April 2025



malaysiakini
news and views that matter

Mesej rasis: Menteri gesa penghantar makanan dikena tindakan undang-undang

23 April 2025



Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang, menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap seorang penghantar makanan yang didakwa menghantar mesej berbaur perkauman terhadap seorang guru berbangsa India.

"Tindakan seperti ini tidak boleh diterima sama sekali dan wajar dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya.

"Pihak syarikat penghantaran digesa untuk mengambil tindakan disiplin tegas terhadap individu yang terlibat serta memperketat garis panduan tatakelakuan pekerja mereka," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Terdahulu, Malaysiakini melaporkan bahawa seorang guru sekolah, S Amutha, 27, berasa terkejut dan tertekan selepas menerima mesej berbaur penghinaan daripada seorang penghantar makanan melalui mesej dalam aplikasi berkenaan.

Mesej yang diterimanya berbunyi:
"Oi sampai. Tak mau ambik makanan jangan order pu***ak Hindu.

Malaysiakini telah menapis perkataan kesat tersebut mengikut garis panduan editorial.

Menurut Amutha, mesej tersebut bukan sahaja biadab, tetapi juga satu penghinaan terhadap agamanya, identitinya, dan nilai saling menghormati yang menjadi asas perpaduan negara ini.

"Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum, agama dan budaya. Kekuatan kita terletak pada kepelbagaian ini, dan menjadi tanggungjawab kita untuk mengekalkan keharmonian dengan saling menghormati kepercayaan dan latar belakang masing-masing.

"Penggunaan bahasa yang penuh kebencian dan lucah seperti ini adalah amat tidak boleh diterima dan bertentangan dengan semangat perpaduan yang kita junjung," tegasnya.

Aaron menyifatkan insiden ini sebagai amat mengecewakan, dan menegaskan bahawa Kementerian Perpaduan Negara memandang serius perkara ini.

"Insiden ini bukan sahaja mencemar nilai kesopanan dan kesusilaan masyarakat kita, malah menggugat keharmonian antara kaum

"Tidak ada tempat dalam negara ini untuk sebarang bentuk diskriminasi, kebencian atau perkauman.

"Saya percaya bahawa insiden ini adalah tindakan individu dan bukan gambaran masyarakat secara keseluruhan. Namun, kita semua bertanggungjawab untuk membina negara yang lebih inklusif, aman dan bersatu," jelasnya.

Grab sahkan akaun penghantar disekat

Terdahulu, Malaysiakini tidak menyiarkan nama syarikat penghantaran makanan tersebut sementara menunggu maklum balas rasmi.

Ketika dihubungi, seorang wakil daripada Grab merujuk kepada kenyataan yang telah dimuat naik di media sosial sebagai respons terhadap aduan yang dikemukakan Amutha.

"Terima kasih kerana memaklumkan perkara ini kepada kami. Dimaklumkan bahawa akaun penghantar makanan tersebut telah disekat dan kini sedang disiasat," menurut kenyataan tersebut.

"Kami tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk bahasa kasar atau diskriminasi, dan tindakan sewajarnya akan diambil.

"Kami amat menghargai kesabaran dan pemahaman anda sementara siasatan dijalankan," tambah Grab dalam kenyataan itu.

malaysiakini
news and views that matter

Unity minister urges authorities to act against racist food delivery rider

23 April 2025




National Unity Minister Aaron Ago Dagang has called on authorities to take action against a food delivery rider accused of hurling a racist insult against an Indian teacher.

"We cannot condone such actions and appropriate legal action must be taken.

Sinar Harian

Mesej perkauman: Menteri gesa penghantar makanan dikenakan tindakan

23 April 2025



Tindakan undang-undang wajar dikenakan terhadap seorang penghantar makanan yang didakwa menghantar mesej berbaur penghinaan dan bersifat perkauman kepada seorang guru dalam kejadian pada Ahad lalu.

SHAH ALAM - Tindakan undang-undang wajar dikenakan terhadap seorang penghantar makanan yang didakwa menghantar mesej berbaur penghinaan dan bersifat perkauman kepada seorang guru dalam kejadian pada Ahad lalu.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, perbuatan berkenaan amat mengecewakan dan pihak kementerian memandang serius mengenainya.

"Kejadian ini bukan sahaja mencemar nilai kesopanan dan kesusilaan masyarakat kita, malah menggugat keharmonian antara kaum.

"Tindakan seperti ini tidak boleh diterima sama sekali dan wajar dikenakan tindakan undang-undang," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Media sebelum ini melaporkan, guru berusia 27 tahun itu mendakwa terkejut dan terganggu selepas menerima mesej berkenaan melalui ciri sembang dalaman aplikasi penghantaran.

Katanya, menerima mesej tersebut pada jam 4.40 petang, selepas menghantar pesanan mesej kepada penghantar berkenaan untuk bertanya mengenai status tempahannya.

Dalam pada itu, Aaron berkata, pihak syarikat penghantaran digesa untuk mengambil tindakan disiplin tegas terhadap individu yang terlibat serta memperketat garis panduan tatakelakuan pekerja mereka.

"Kementerian juga ingin menyeru semua rakyat Malaysia agar sentiasa memupuk sikap saling menghormati dan memahami antara satu sama lain.

Tidak ada tempat dalam negara ini untuk sebarang bentuk diskriminasi, kebencian atau perkauman.

"Saya percaya bahawa insiden ini adalah tindakan individu dan bukan gambaran masyarakat secara keseluruhan. Namun, kita semua bertanggungjawab untuk membina negara yang lebih inklusif, aman dan bersatu," katanya.

tvs
www.tvsarawak.my

Hantar mesej berbaur perkauman wajar dikenakan tindakan tegas – Aaron

23 April 2025



KUALA LUMPUR, 23 April: Tindakan menghantar mesej berunsur penghinaan dan bersifat perkauman melalui aplikasi penghantaran makanan wajar dikenakan tindakan undang-undang, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Merujuk laporan berhubung insiden melibatkan seorang guru sekolah yang menerima mesej itu daripada seorang penghantar makanan, Aaron berkata tindakan sedemikian tidak boleh diterima sama sekali.

"Kementerian Perpaduan Negara memandang serius insiden ini kerana ia bukan sahaja mencemar nilai kesopanan dan kesusilaan masyarakat kita, malah menggugat keharmonian antara kaum.

"Pihak syarikat penghantaran makanan digesa mengambil tindakan tegas terhadap individu yang terlibat dan memperketat garis panduan tatakelakuan pekerja mereka," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau turut menyeru rakyat Malaysia supaya sentiasa memupuk sikap saling menghormati dan memahami antara satu sama lain.

"Tidak ada tempat dalam negara ini untuk sebarang bentuk diskriminasi, kebencian atau perkauman.

"Saya percaya bahawa insiden ini adalah tindakan individu dan bukan gambaran masyarakat secara keseluruhan, namun kita semua bertanggungjawab untuk membina negara yang lebih inklusif, aman dan bersatu," katanya.

Sebelum ini, sebuah portal berita melaporkan seorang guru sekolah membuat laporan polis mendakwa menerima mesej berbaur penghinaan daripada seorang penghantar makanan menerusi mesej dalam aplikasi penghantaran makanan. -TVS

SV
SUARA SARAWAK

Tindakan tegas kepada individu yang gugat keharmonian kaum

23 April 2025



KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara memandang serius isu penghinaan berbaur perkauman yang berlaku melalui aplikasi penghantaran makanan baru-baru ini dan menegaskan bahawa tindakan tegas perlu diambil terhadap individu yang terlibat.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata insiden tersebut bukan sahaja mencemarkan nilai kesopanan dan kesusilaan masyarakat, tetapi juga boleh menggugat keharmonian antara kaum di negara ini.

"Insiden ini amat mengecewakan. Tindakan seperti ini tidak boleh diterima dan perlu dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau turut menggesa syarikat penghantaran makanan terlibat untuk mengambil tindakan disiplin tegas terhadap individu terbabit serta memperketat garis panduan tatakelakuan pekerja mereka.

Dalam masa yang sama, kementerian menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk terus memupuk sikap saling menghormati dan memahami antara satu sama lain.

"Tiada tempat dalam negara ini untuk sebarang bentuk diskriminasi, kebencian, atau perkauman. Saya percaya bahawa insiden ini adalah tindakan individu dan bukan gambaran keseluruhan masyarakat," katanya.

Tambah beliau, semua pihak bertanggungjawab untuk membina sebuah negara yang lebih inklusif, aman, dan bersatu.

NEW STRAITS TIMES

National unity minister wants action taken against racist food delivery rider

23 April 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang wants action to be taken against a food delivery rider for sending racist messages to a customer on the delivery app. NSTP file pic

Menurut Datuk Aaron, tahun ini sebanyak RM1,000,000.00 peruntukan diluluskan dan baucar boleh ditebus di Pesta Buku Negeri yang terlibat. Langkah ini dalam usaha memupuk dan memperkasa budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Difahamkan, orang ramai boleh menebus baucar ini bermula 22 April sehingga 31 Disember 2025.

Sehubungan itu, SK hari ini akan berkongsi cara menebus baucar buku ini di bawah.

Baucar Buku Semarak Membaca (BBSM)
Sebelum itu, anda perlu tahu, apa itu Baucar Buku Semarak Membaca (BBSM)?

Baucar Buku Semarak Membaca (BBSM) merupakan inisiatif Program Semarak Seni Budaya, Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia dan rakan-rakan industri buku Malaysia.

Ia bertujuan untuk memulihkan serta merancakkan ekosistem seni, budaya dan warisan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

Cara Memohon/ Tebus Baucar Buku Semarak Membaca

Pertama, orang ramai boleh menebus baucar ini di Pesta Buku Negeri yang terlibat dengan melayari laman web rasmi BBSM di https://semarakmembaca.com/

Kedua, setiap pemohon hanya boleh menebus satu baucar sahaja.

Ketiga, setiap baucar bernilai RM10 layak ditebus dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM20 dan ke atas dalam satu resit transaksi buku tempatan atau terbitan dalam negara sahaja.

Keempat, penebusan baucar ini sah bermula daripada 22 April sehingga 31 Disember 2025.

Untuk makluman, Baucar Buku Semarak Membaca boleh digunakan di Shopee yang merupakan rakan e-dagang rasmi Perpustakaan Negara Malaysia.

Manfaat Tebus Baucar Buku Semarak Membaca

Pemohon baucar Buku Semarak Membaca akan mendapat manfaat dengan membudayakan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia selain membantu meringankan beban rakyat untuk membeli bahan bacaan ilmiah.

Disamping itu, inisiatif ini juga dapat merancakkan industri buku tempatan dengan meningkatkan jualan buku dan menggalakkan pembukaan kedai buku baharu termasuk meluaskan capaian baucar kepada pelbagai saluran, termasuk platform e-dagang dan Pesta Buku Negeri.

OH MY MEDIA

RM1 juta baucar buku untuk rakyat! Menteri Perpaduan ajak jadikan membaca gaya hidup

23 April 2025





Dalam usaha memperkukuh masyarakat berilmu, kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara (KPN) memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi Program Baucar Buku Semarak Membaca 2025.

RM1 juta baucar buku untuk rakyat

Ia sempena pelancaran Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang telah disempurnakan oleh Menteri KPN, Datuk Aaron Ago Dagang di Central Square, Sungai Petani, Kedah pada Selasa.

"Budaya membaca wajar dijadikan sebagai satu gaya hidup dalam kalangan rakyat Malaysia. Ia adalah langkah pertama kepada segala kemajuan dan menjadikan manusia lebih berdaya maju dan matang," katanya ketika menyampaikan ucapan perasmian.

Selain RM1 juta baucar buku, ada juga program lain

Malah, program Jom Baca Bersama 10 Minit yang dijalankan serentak di seluruh negara merupakan simbolik usaha kecil tapi bermakna dengan mengajak rakyat berhenti sejenak daripada rutin harian untuk membaca selama 10 minit.

"Saya percaya bahawa usaha kita hari ini, walaupun hanya 10 minit tetapi ia mampu memberi impak besar jika ia menjadi amalan harian... bak kata pepatah, sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit," ujar beliau lagi.

Menurut KPN, sebanyak 48,686 program galakan membaca telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 termasuk Program Kembara Ilmu, Karnival Baca Perdana, dan pembudayaan tulisan Jawi.

Shopee turut main peranan

Menariknya, edisi kali ini mendapat kerjasama rasmi daripada Shopee Malaysia yang bertindak sebagai rakan e-dagang rasmi. Ketua Hal Ehwal Awam Shopee, Nadia Anwar berkata pihaknya berhasrat memudahkan penebusan baucar dan memperluas akses kepada buku berkualiti dengan harga mampu milik.

"Kami juga menyumbang baucar Shopee Live untuk galakkan lebih ramai membeli dan membaca."

Statistik yang membanggakan

Kajian Profil Membaca 2022/2023 menunjukkan peningkatan ketara dimana rakyat Malaysia kini membaca purata 24 naskhah buku setahun, naik daripada 15 naskhah pada tahun lalu.

Utusan Malaysia PEMIKIRAN BAHARU

RM1 juta untuk baucar Buku Semarak tahun ini

25 April 2025



KANGAR: Kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM1 juta pada tahun ini melalui pemberian baucer buku yang sekali gus membantu meringankan kos pembelian bahan bacaan selain memupuk budaya membaca.

Sebelum ini, Kementerian Perpaduan Negara melancarkan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 iaitu sebuah inisiatif oleh Perpustakaan Negara dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata, kerajaan Madani sentiasa komited dalam usaha meringankan beban rakyat terutama dalam aspek pendidikan dan akses kepada sumber ilmu.

Katanya, antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah pemberian baucar buku yang bukan sahaja membantu meringankan kos pembelian bahan bacaan, malah memupuk serta memperkasa budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

"Program Baucar Buku Semarak Membaca diteruskan pada tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM1 juta. Insentif ini adalah bertujuan untuk membantu dan meringankan beban rakyat dalam pembelian bahan-bahan ilmiah serta menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan industri perbukuan negara.

"Kementerian Perpaduan Negara juga berterima kasih kepada pihak Shopee sebagai rakan e-dagang rasmi Perpustakaan Negara.

"Melalui jalinan kerjasama ini, Shopee telah bersetuju untuk memudahkan penebusan baucar, memperluas akses kepada buku berkualiti dengan harga mampu menyumbangkan baucar Shopee Live bagi mengalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli buku dan membaca," katanya di sini hari ini.

Aaron Ago berkata, usaha murni tersebut boleh menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain bagi membentuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

Katanya, manfaat baucar berkenaan antara lain merancakkan lagi industri buku tempatan dengan meningkatkan jualan buku dan menggalakkan pembukaan kedai buku baharu.

Selain itu, katanya, ia meluaskan capaian baucar kepada pelbagai saluran, termasuk platform e-dagang dan pesta buku negeri.

"Baucar ini boleh ditebus di pesta buku negeri yang terlibat. Seorang hanya boleh menebus satu baucar sahaja. Mereka layak menebus baucar bernilai RM10 dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM20 dan ke atas dalam satu resit transaksi bagi buku tempatan atau terbitan dalam negara sahaja.

"Penebusan baucar adalah bermula daripada 22 April 2025 sehingga 31 Disember 2025," katanya.-UTUSAN

Sinar Harian

RM1 juta baucar buku untuk rakyat

25 April 2025



SHAH ALAM - [DI KEMAS KINI] Sebagai usaha meringankan beban rakyat terutama dalam aspek pendidikan dan akses kepada sumber ilmu, kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi Program Baucar Buku Semarak Membaca 2025.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, inisiatif tersebut juga bertujuan menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan lagi industri perbukuan negara.

Menurutnya, usaha tersebut mendapat kerjasama rasmi daripada Shopee Malaysia yang bertindak sebagai rakan e-dagang rasmi.

"Kementerian Perpaduan Negara berterima kasih kepada pihak Shopee, sebagai rakan e-dagang rasmi Perpustakaan Negara Malaysia.

"Melalui jalinan kerjasama ini, Shopee telah bersetuju untuk memudahkan penebusan baucar, memperluas akses kepada buku berkualiti dengan harga mampu menyumbangkan baucar Shopee Live bagi mengalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli buku dan membaca.

"Usaha murni ini boleh menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain bagi membentuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya kepada Sinar Harian.

Baucar Buku Semarak Membaca 2025 boleh ditebus di Pesta Buku Negeri yang terlibat.

Orang ramai layak menebus baucar bernilai RM10 dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM20 dan ke atas dalam satu resit transaksi bagi buku tempatan atau penerbitan dalam negara sahaja.

Setiap orang hanya dibenarkan menebus satu baucar sahaja, bermula dari 22 April 2025 sehingga 31 Disember 2025.

Dalam pada itu, Aaron menjelaskan, Program Baucar Buku Semarak Membaca adalah usaha berterusan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama antara Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia.

Katanya, program tersebut antara lain bagi membudayakan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Ia juga usaha merancakkan industri buku tempatan dengan meningkatkan jualan buku dan menggalakkan pembukaan kedai buku baharu.

"Manfaat lain, ia bagi meluaskan capaian baucar kepada pelbagai saluran, termasuk platform e-dagang dan Pesta Buku Negeri," katanya.

Orang ramai boleh merujuk laman web https://semarakmembaca.com/ untuk sebarang maklumat lanjut.

SUARA.TV
BERITA RENTAS PEMIKIRAN

RM1 Juta Baucar Buku Semarak Membaca 2025 – Kerajaan MADANI Terus Perkasa Budaya Ilmu

25 April 2025



KUALA LUMPUR,– Kerajaan MADANI terus menunjukkan komitmen dalam memperkasa budaya ilmu dan meringankan beban rakyat melalui pelancaran Baucar Buku Semarak Membaca 2025, dengan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi tahun ini.

Inisiatif ini digerakkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama pelbagai agensi industri buku tempatan, termasuk Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia, dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia.

Program tahunan ini bertujuan untuk membantu rakyat dalam pembelian bahan bacaan ilmiah dan dalam masa yang sama, merancakkan industri perbukuan negara dengan menggalakkan perbelanjaan domestik terhadap buku-buku tempatan.

Kerjasama Strategik dengan Shopee

Buat pertama kali, program ini turut menerima sokongan Shopee sebagai rakan e-dagang rasmi, membolehkan rakyat menebus baucar melalui platform digital. Malah, Shopee turut menyumbang baucar Shopee Live sebagai insentif tambahan bagi menggalakkan rakyat membeli dan membaca lebih banyak buku.

Kementerian Perpaduan Negara menganggap kerjasama ini sebagai satu usaha murni yang wajar dicontohi syarikat-syarikat lain dalam memupuk budaya membaca di negara ini.

Cara Penebusan Baucar

- Penebusan baucar hanya boleh dibuat di Pesta Buku Negeri yang terlibat. Senarai lokasi boleh dirujuk di laman rasmi: https://semarakmembaca.com
- Setiap individu hanya layak menebus satu (1) baucar sahaja.
- Baucar bernilai RM10.00 boleh ditebus dengan perbelanjaan minimum RM20.00 ke atas dalam satu resit, untuk pembelian buku tempatan atau terbitan dalam negara sahaja.
- Tempoh penebusan bermula 22 April hingga 31 Disember 2025.

Manfaat Baucar Buku

- Membudayakan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.
- Meringankan kos pembelian bahan bacaan berkualiti.
- Menyokong industri buku tempatan dengan meningkatkan jualan dan menggalakkan pembukaan kedai buku baharu.
- Meluaskan capaian kepada baucar melalui pelbagai saluran, termasuk platform e-dagang dan Pesta Buku Negeri.

Program ini adalah antara usaha berterusan kerajaan untuk memastikan rakyat terus celik ilmu dalam dunia yang semakin mencabar, dan menjadikan budaya membaca sebagai tunjang kemajuan negara.

Kementerian perpaduan tawar baucar buku RM1 juta

25 April 2025

Baucar bernilai RM10 setiap satu itu bagi pembelian buku tempatan boleh ditebus sehingga 31 Dis depan.



Shopee menjadi rakan e-dagang Perpustakaan Negara Malaysia untuk meluaskan akses pemberian Baucar Buku Semarak Membaca.

PETALING JAYA: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mengajak orang ramai menebus Baucar Buku Semarak Membaca berjumlah RM1 juta yang boleh ditebus sejak Selasa lalu sehingga 31 Dis depan.

Menterinya Aaron Ago Dagang dalam kenyataan berkata inisiatif itu antara komitmen kerajaan meringankan kos pembelian bahan bacaan yang boleh membantu dalam aspek pendidikan dan akses kepada sumber ilmu.

Menurutnya, program dikendalikan Perpustakaan Negara Malaysia itu juga secara langsung dapat memupuk dan memperkasa budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Ia dilaksanakan dengan kerjasama antara Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia, dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia.

"Kementerian Perpaduan Negara berterima kasih kepada Shopee, sebagai rakan e-dagang rasmi Perpustakaan Negara Malaysia.

"Melalui jalinan kerjasama ini, Shopee bersetuju memudahkan penebusan baucar, memperluas akses kepada buku berkualiti dengan harga mampu menyumbangkan baucar Shopee Live bagi mengalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli buku dan membaca," kata Aaron.

Beliau turut menjelaskan inisiatif berkenaan juga dapat membantu merancakkan industri buku tempatan dengan meningkatkan jualan dan menggalakkan pembukaan kedai baharu.

Baucar itu boleh ditebus di pesta buku negeri terbabit yang boleh dirujuk di laman sesawang ini.

Orang ramai akan mendapat baucar RM10 dengan pembelian minimum RM20 dalam satu resit transaksi bagi pembelian buku tempatan atau terbitan dalam negara sahaja.

Peruntukan RM1 juta Baucar Buku Semarak Membaca 2025 galak budaya ilmu

25 April 2025



MENTERI Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berharap peruntukan berjumlah RM1 juta itu dapat meringankan beban rakyat dalam pembelian bahan-bahan ilmiah sekali gus memperkasa budaya membaca.

PUTRAJAYA – Dalam usaha memupuk dan memperkasa budaya membaca dalam kalangan masyarakat, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM1 juta dalam kempen Baucar Buku Semarak Membaca 2025.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, insentif itu bertujuan untuk membantu masyarakat dalam pembelian bahan-bahan ilmiah serta menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan lagi industri perbukuan negara.

"Kerajaan Madani sentiasa komited dalam usaha untuk meringankan beban rakyat, terutamanya dalam aspek pendidikan dan akses kepada sumber ilmu.

"Kempen ini merupakan inisiatif oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama antara Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Tambahnya, pihak kementerian turut berterima kasih kepada platform Shopee sebagai rakan e-dagang rasmi PNM.

"Melalui jalinan kerjasama ini, Shopee telah bersetuju untuk memudahkan penebusan baucar, memperluas akses kepada buku berkualiti dengan harga mampu milik dan menyumbangkan baucar Shopee Live bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli buku.

"Usaha murni ini boleh menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain bagi membentuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya.

Untuk memohon baucar buku ini, ia boleh ditebus di Pesta Buku Negeri yang terlibat. Sila rujuk laman web https://semarakmembaca.com/

Seorang hanya boleh menebus satu baucar RM10 dengan perbelanjaan minimum RM20 ke atas bagi buku tempatan sahaja.

Penebusan baucar buku ini bermula dari 22 April sehingga 31 Disember 2025.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Peruntukan RM1 juta jayakan kempen Baucar Buku Semarak Membaca 2025

25 April 2025



KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melancarkan kempen Baucar Buku Semarak Membaca 2025 membabitkan peruntukan sebanyak RM1 juta.

Inisiatif itu dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia.

Menurut Kementerian Perpaduan Negara dalam satu kenyataan, ia bertujuan membantu dan meringankan beban rakyat dalam pembelian bahan ilmiah, serta menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan lagi industri perbukuan negara.

Katanya, antara manfaat program itu ialah membudayakan amalan membaca dalam kalangan rakyat, membantu meringankan beban rakyat untuk membeli bahan bacaan ilmiah, serta merancakkan industri buku tempatan dengan meningkatkan jualan buku.

Selain itu, menggalakkan pembukaan kedai buku baharu, dan meluaskan capaian baucar kepada pelbagai saluran termasuk platform e-dagang serta Pesta Buku Negeri.

"Kerajaan MADANI sentiasa komited dalam usaha meringankan beban rakyat, terutama dalam aspek pendidikan dan akses kepada sumber ilmu.

"Antara inisiatif dilaksanakan ialah pemberian baucar buku yang bukan saja membantu meringankan kos pembelian bahan bacaan, malah secara langsung dapat memupuk serta memperkasakan budaya membaca dalam kalangan masyarakat," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, baucar berkenaan boleh ditebus di Pesta Buku Negeri terbabit dengan merujuk laman web https://semarakmembaca.com/, dan setiap orang hanya boleh menebus satu baucar.

Seterusnya, baucar bernilai RM10 layak ditebus dengan perbelanjaan minimum RM20 dan ke atas dalam satu resit transaksi bagi buku tempatan atau terbitan dalam negara sahaja.

"Penebusan baucar bermula daripada 22 April hingga 31 Disember 2025," katanya.

Dalam pada itu, menurut kenyataan berkenaan, kementerian turut berterima kasih kepada pihak Shopee sebagai rakan e-dagang rasmi PNM.

Melalui kerjasama itu, Shopee antara lain bersetuju untuk memudahkan penebusan baucar, memperluaskan akses kepada buku berkualiti, serta menyumbangkan baucar Shopee Live bagi mengalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli buku dan membaca.

astro AWANI

RM1 juta diperuntuk jayakan kempen Baucar Buku Semarak Membaca

25 April 2025



Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang berkata insentif ini bertujuan meringankan beban rakyat dalam pembelian bahan-bahan ilmiah serta menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan lagi industri perbukuan negara. -Gambar fail

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara memaklumkan sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi menjayakan kempen Baucar Buku Semarak Membaca.

Kempen tersebut merupakan inisiatif di bawah Program Semarak Seni Budaya oleh kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan rakan-rakan industri buku Malaysia.

Kementerian Perpaduan menerusi kenyataannya berkata insentif ini adalah bertujuan meringankan beban rakyat dalam pembelian bahan-bahan ilmiah serta menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan lagi industri perbukuan negara.

"Kerajaan MADANI sentiasa komited dalam usaha untuk meringankan beban rakyat, terutamanya dalam aspek pendidikan dan akses kepada sumber ilmu.

"Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah pemberian baucar buku, yang bukan sahaja membantu meringankan kos pembelian bahan bacaan, malah secara langsung dapat memupuk dan memperkasa budaya membaca dalam kalangan masyarakat," katanya.

Kementerian Perpaduan turut menyatakan penghargaan kepada syarikat Shopee selaku rakan e-dagang rasmi PNM kerana memudahkan penebusan baucar serta memperluas akses kepada buku berkualiti.

Para penggemar buku layak untuk menebus baucar tersebut dengan pembelian minimum RM20 ke atas buku tempatan atau diterbitkan dalam negara sahaja.

Baucar buku tersebut boleh ditebus di Pesta Buku Negeri yang terlibat melalui portal https://semarakmembaca.com/

MG MalaysiaGazette SPROUT YOUR MIND

Peruntukan RM1 juta baucar buku untuk perkasa budaya membaca

25 April 2025



KUALA LUMPUR – Kerajaan memperuntukan sebanyak RM1 juta untuk kempen Baucar Buku Semarak Membaca 2025 dalam usaha memupuk dan memperkasa budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, insentif itu bertujuan untuk membantu masyarakat dalam pembelian bahan-bahan ilmiah serta menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan lagi industri perbukuan negara.

Katanya, Kerajaan Madani sentiasa komited dalam usaha untuk meringankan beban rakyat terutamanya dalam aspek pendidikan dan akses kepada sumber ilmu.

"Kempen ini merupakan inisiatif oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama antara Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia," katanya menerusi kenyataan hari ini.

Tambah Aaron Ago, pihak kementerian turut berterima kasih kepada platform Shopee sebagai rakan e-dagang rasmi PNM.

Ujarnya, melalui jalinan kerjasama itu, Shopee bersetuju untuk memudahkan penebusan baucar, memperluas akses kepada buku berkualiti dengan harga mampu milik dan menyumbangkan baucar Shopee Live bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli buku.

"Usaha murni ini boleh menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain bagi membentuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia," ujarnya.

Bagi permohonan baucar buku tersebut, ia boleh ditebus di Pesta Buku Negeri yang terlibat dan boleh dirujuk di laman web https://semarakmembaca.com/

Baucar RM10 hanya boleh ditebus oleh seorang sahaja dengan perbelanjaan minimum RM20 ke atas bagi buku tempatan.

Penebusan baucar buku tersebut boleh dibuat bermula dari 22 April sehingga 31 Disember 2025. – MalaysiaGazette

KOSMO!

Kementerian Perpaduan tawar baucar buku bernilai RM1 juta

25 April 2025



PETALING JAYA – Kementerian Perpaduan Negara melancarkan kempen Baucar Buku Semarak Membaca 2025 membabitkan peruntukan berjumlah RM1 juta sebagai usaha memperkasa budaya ilmu.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kempen dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) itu antara lain membantu dan meringankan beban rakyat dalam pembelian bahan ilmiah.

Katanya, baucar berkenaan boleh ditebus di Pesta Buku Negeri dan orang ramai perlu merujuk laman web https://semarakmembaca.com.

"Setiap individu layak menebus satu baucar bernilai RM10, dengan syarat perbelanjaan minimum sebanyak RM20 dalam satu resit transaksi bagi buku tempatan atau terbitan dalam negara sahaja.

"Penebusan baucar bermula daripada 22 April hingga 31 Disember ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, platform e-dagang bersetuju Shopee memudahkan penebusan baucar, memperluas akses kepada buku berkualiti bagi mengalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli buku dan membaca. – KOSMO! ONLINE

Sinar Harlan

RM1 juta baucar buku untuk rakyat

26 April 2025



TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PENACU PERUBAHAN Sinar Harlan NASIONAL

RM1 juta baucar buku untuk rakyat

Baucar boleh ditebus bermula dari 22 April sehingga 31 Disember 2025

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM

Sebagai usaha meringankan beban rakyat, terutamanya dalam aspek pendidikan dan akses kepada sumber ilmu, kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi Program Baucar Buku Semarak Membaca 2025.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, inisiatif tersebut juga bertujuan menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan lagi industri perbukuan negara.

Menurutnya, usaha tersebut mendapat kerjasama rasmi daripada Shopee Malaysia yang bertindak sebagai rakan e-dagang rasmi.

"Kementerian Perpaduan Negara berterima kasih kepada pihak Shopee, sebagai rakan e-dagang rasmi Perpustakaan Negara Malaysia.

"Melalui jalinan kerjasama ini, Shopee telah bersetuju untuk memudahkan penebusan baucar, memperluas akses kepada buku berkualiti dengan harga mampu milik serta menyumbangkan baucar Shopee Live bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia membeli buku dan membaca.

AARON

Inisiatif ini mampu merancakkan industri buku tempatan dengan meningkatkan jualan buku. - Gambar Hiasan

"Usaha murni ini boleh menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain bagi membentuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya kepada Sinar Harian.

Baucar Buku Semarak Membaca 2025 boleh ditebus di Pesta Buku Negeri yang tertibat.

Orang ramai layak menebus baucar bernilai RM10 dengan perbelanjaan minimum RM20 dan ke atas dalam satu resit transaksi bagi buku tempatan atau penerbitan dalam negara sahaja.

Setiap orang hanya dibenarkan menebus satu baucar sahaja, bermula dari 22 April sehingga 31 Disember 2025.

Aaron menjelaskan, Program Baucar Buku Semarak Membaca adalah usaha bertenusan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama antara Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia.

Katanya, program tersebut mampu membudayakan amalan membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Ia juga usaha merancakkan industri buku tempatan dengan meningkatkan jualan buku dan menggalakkan pembukaan kedai buku baharu.

"Manfaat lain, ia bagi meringankan sebahagian baucar kepada pelbagai saluran, termasuk platform e-dagang dan Pesta Buku Negeri," katanya.

Orang ramai boleh merujuk laman sesawang https://semarakmembaca.com/ untuk maklumat lanjut.

Wadah Pembaharuan
BH BeritaHarian

Kempen Baucar Buku Semarak Membaca 2025 dilancarkan

26 April 2025

Kempen Baucar Buku Semarak Membaca 2025 dilancar

Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melancarkan kempen Baucar Buku Semarak Membaca 2025 membabitkan peruntukan RM1 juta.

Inisiatif itu dilaksana dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Persatuan Penjual Buku Malaysia dan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia.

Menurut Kementerian Perpaduan Negara dalam satu kenyataan, ia bertujuan membantu dan meringankan beban rakyat dalam pembelian bahan ilmiah serta menggalakkan perbelanjaan domestik bagi merancakkan lagi industri perbukuan negara.

Katanya, antara manfaat program itu ialah membudayakan amalan membaca, membantu meringankan beban rakyat membeli bahan bacaan ilmiah serta merancakkan industri buku tempatan dengan meningkatkan jualan buku.

Selain itu, menggalakkan pembukaan kedai buku baharu dan meluaskan capaian baucar kepada pelbagai saluran, termasuk platform e-dagang serta Pesta Buku Negeri.

Menurut kenyataan itu, baucar boleh ditebus di Pesta Buku Negeri terbabit dengan merujuk laman web https://semarakmembaca.com/ dan setiap orang hanya boleh menebus satu baucar.

Seterusnya, baucar bernilai RM10 layak ditebus dengan perbelanjaan minimum RM20 dan ke atas dalam satu resit transaksi bagi buku tempatan atau terbitan dalam negara sahaja.

Penebusan baucar bermula 22 April hingga 31 Disember 2025.

Menurut kenyataan itu, kementerian turut berterima kasih kepada Shopee sebagai rakan e-dagang rasmi PNM.

Melalui kerjasama itu, Shopee antara lain bersetuju memudahkan penebusan baucar, memperluas akses kepada buku berkualiti serta menyumbangkan baucar Shopee Live.

Utusan Sarawak

KRT pemacu keharmonian dan kemajuan Sarawak

26 April 2025



GIMIK perasmian di program sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Sarawak 2025 yang disempurnakan oleh Dato' Sri Aaron Ago Dagang.

KUCHING: Pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dilihat sebagai kunci kepada pembangunan komuniti berdaya tahan yang mampu memacu keharmonian dan kemajuan Sarawak.

Menurut Menteri Perpaduan Negara, Dato' Sri Aaron Ago Dagang, sebanyak 39 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah dipilih sebagai KRT Progresif di Sarawak pada tahun ini.

"Apabila komuniti berganding bahu menganjurkan sambutan seperti ini, kita bukan sahaja memperkukuh hubungan sesama penduduk, malah turut membuka ruang untuk saling mengenali dan memahami adat serta budaya antara satu sama lain.

"Usaha memperkukuh perpaduan nasional bermula daripada akar umbi iaitu kejiranan sebelum berkembang ke peringkat negeri dan seterusnya ke seluruh negara.

"Kepentingan KRT bukan sahaja terletak pada program-program yang dijalankan, tetapi juga pada semangat yang dihidupkan iaitu semangat kekitaan, semangat saling percaya dan semangat bersatu dalam kepelbagaian," katanya semasa berucap di program sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Sarawak 2025, hari ini.

Beliau turut menyeru agar generasi muda terlibat aktif dalam aktiviti KRT demi memastikan semangat perpaduan terus mekar dalam komuniti setempat.

Dalam pada itu, beliau mengumumkan peruntukan sebanyak RM302,775 untuk kerja-kerja penambahbaikan lima Tabika Perpaduan di Sarawak.

"Tabika yang terlibat ialah Tabika Perpaduan RPR Permyjaya Miri, Ong Tiang Swee Kuching, Sungai Plan Bintulu, Siol Kandis Kuching dan Kampung Pahlawan Limbang.

"Kini terdapat sebanyak 1,092 KRT di Sarawak daripada keseluruhan 8,554 KRT di seluruh negara," ujarnya.

Program sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Sarawak 2025 tersebut dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Sarawak.

Majlis turut dihadiri jentera perpaduan peringkat komuniti termasuk anggota Skim Rondaan Sukarela, Mediator Komuniti, warga Taska dan Tabika Perpaduan serta NGO.

BERNAMA

39 KRT Sarawak Dipilih KRT Progresif – Aaron

26 April 2025



BERNAMA

39 KRT In Sarawak Selected As Progressive KRTs - Aaron

26 April 2025



KUCHING: A total of 39 Neighbourhood Watch Areas (KRT) have been selected as Progressive KRTs in Sarawak this year, said National Unity Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang, today.

He said that each Progressive KRT is eligible to apply for an allocation of up to RM100,000 annually to implement programmes across eight focus areas, outlined by the Department of National Unity and Integration (JPNIN).

"I urge all KRTs in Sarawak to remain active, and I hope to see every KRT in the state eventually upgraded to Progressive KRT status," he said.

"With the allocation of RM20 million in grants to the Ministry of National Unity (KPN) for Progressive KRTs, we are optimistic that more KRTs will be able to participate in a broader range of activities.

He said this at today's Aidilfitri celebration, organised by the Sarawak JPNIN, at the Penview Convention Centre.

The celebration was attended by members of KRTs, the Voluntary Patrol Scheme, Community Mediators, Taska and Tabika Perpaduan staff, Uniti Squad members, and representatives from non-governmental organisations (NGOs).

According to Aaron, Progressive KRTs will concentrate on eight key areas: the livelihood economy, community resilience and security, leadership, community well-being, lifelong learning, the environment, cultural heritage, and creativity.

Aaron said that there are currently 8,554 KRTs nationwide, with 1,092 of them located in Sarawak.

Previously, the media reported that JPNIN was targeting 300 KRTs to be modernised and upgraded as Progressive KRTs.

Meanwhile, the National Unity Ministry, in a statement, announced an allocation of RM302,775 to five Tabika Perpaduan in Sarawak to carry out improvement works which can benefit students.

The kindergartens involved are Tabika Perpaduan RPR Permyjaya Miri; Tabika Perpaduan Ong Tiang Swee, Kuching; Tabika Perpaduan Sungai Plan, Bintulu; Tabika Perpaduan Siol Kandis, Kuching and Tabika Perpaduan Kampung Pahlawan, Limbang.

theSun

39 KRTs in Sarawak selected as progressive KRTs – Aaron

26 April 2025



KUCHING: A total of 39 Neighbourhood Watch Areas (KRT) have been selected as Progressive KRTs in Sarawak this year, said National Unity Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang, today.

He said that each Progressive KRT is eligible to apply for an allocation of up to RM100,000 annually to implement programmes across eight focus areas, outlined by the Department of National Unity and Integration (JPNIN).

"I urge all KRTs in Sarawak to remain active, and I hope to see every KRT in the state eventually upgraded to Progressive KRT status," he said.

"With the allocation of RM20 million in grants to the Ministry of National Unity (KPN) for Progressive KRTs, we are optimistic that more KRTs will be able to participate in a broader range of activities.

He said this at today's Aidilfitri celebration, organised by the Sarawak JPNIN, at the Penview Convention Centre.

The celebration was attended by members of KRTs, the Voluntary Patrol Scheme, Community Mediators, Taska and Tabika Perpaduan staff, Uniti Squad members, and representatives from non-governmental organisations (NGOs).

According to Aaron, Progressive KRTs will concentrate on eight key areas: the livelihood economy, community resilience and security, leadership, community well-being, lifelong learning, the environment, cultural heritage, and creativity.

Aaron said that there are currently 8,554 KRTs nationwide, with 1,092 of them located in Sarawak.

Previously, the media reported that JPNIN was targeting 300 KRTs to be modernised and upgraded as Progressive KRTs.

Meanwhile, the National Unity Ministry, in a statement, announced an allocation of RM302,775 to five Tabika Perpaduan in Sarawak to carry out improvement works which can benefit students.

The kindergartens involved are Tabika Perpaduan RPR Permyjaya Miri; Tabika Perpaduan Ong Tiang Swee, Kuching; Tabika Perpaduan Sungai Plan, Bintulu; Tabika Perpaduan Siol Kandis, Kuching and Tabika Perpaduan Kampung Pahlawan, Limbang.

myMetro

39 KRT Progresif diwujudkan di Sarawak

26 April 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berucap pada Sambutan Aidilfitri Madani Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Sarawak di Pusat Konvensyen Penview, hari ini. FOTO BERNAMA

Kuching: Kementerian Perpaduan Negara memilih 39 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) untuk dijadikan sebagai KRT Progresif di Sarawak tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata, ia selaras dengan aspirasi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12 untuk membangunkan masyarakat progresif.

Justeru katanya, sebanyak lapan bidang tumpuan ditetapkan untuk menjadikan Rukun Tetangga sebagai entiti yang penting dan inklusif serta berupaya membangun komuniti progresif.

"Lapan bidang tumpuan itu iaitu meliputi Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan,

Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Sarawak di sini, hari ini.

Aaron berkata, kerajaan MADANI sentiasa mengiktiraf dan menghargai jasa serta

pengorbanan sukarelawan Rukun Tetangga yang bertindak sebagai barisan hadapan masyarakat untuk membantu kerajaan memastikan keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti.

"Ia selaras dengan prinsip dan Kesejahteraan dan Ihsan yang menjadi tunjang Malaysia MADANI dan kini terdapat sebanyak 8,554 KRT di seluruh negara dan daripada jumlah itu, sebanyak 1,092 KRT berada di Sarawak.

"Kepentingan KRT bukan hanya terletak pada program-program yang dilaksanakan, tetapi juga semangat yang dihidupkan iaitu semangat kekitaan, semangat saling percaya dan semangat bersatu dalam kepelbagaian," katanya.

Beliau turut menyeru agar masyarakat khususnya generasi muda untuk turut serta

mendukung dan menjayakan usaha-usaha KRT.

Pada majlis itu, beliau turut mengumumkan peruntukan berjumlah RM302,775 kepada lima tabika perpaduan di Sarawak bagi menjalankan kerja penambahbaikan yang dapat memberi manfaat kepada pelajar.

Tabika terbabit ialah Tabika Perpaduan RPR Permyjaya Miri, Tabika Perpaduan Ong Tiang Swee, Kuching, Tabika Perpaduan Sungai Plan, Bintulu, Tabika Perpaduan Siol Kandis, Kuching dan Tabika Perpaduan Kampung Pahlawan, Limbang.

Utusan Borneo Online

KPN sasar lebih banyak RT Progresif ditubuhkan tahun ini: Aaron

26 April 2025



Aaron (tiga kiri) menyalakan pelita sebagai simbolik Majlis Aidilfitri MADANI JPNIN 2025, hari ini.

KUCHING: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyasarkan lebih banyak Rukun Tetangga (RT) Progresif ditubuhkan di seluruh negara tahun ini dalam usaha meningkatkan ekonomi masyarakat di tempat masing-masing.

Menterinya Dato Sri Aaron Ago Dagang berkata, di Sarawak terdapat lebih 1,000 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ada di antaranya boleh diperkasakan sebagai RT Progresif untuk menikmati pelbagai manfaat dan bantuan.

"Di Sarawak, ada lebih 1,000 KRT dan saya berharap semua (KRT) ini diperkasa sebagai RT Progresif dalam beberapa tahun akan datang.

"Ini kerana di bawah RT Progresif, kementerian menyediakan bantuan tambahan yang mampu memperkasakan aktiviti anda di kawasan, termasuk ekonomi masyarakat setempat sekali gus meningkatkan pendapatan," ujarnya.

Beliau berkata demikian berucap pada Majlis Aidilfitri MADANI Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) 2025 yang dihadiri Pengarah JPNIN Sarawak Dirwana Azool di Pusat Konvensyen Demak (PCC) di sini, hari ini.

Aaron berkata pada 2024, selaras dengan aspirasi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk membangun masyarakat progresif, kementerian telah mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

"Kementerian memperuntukkan RM20 juta bagi memperkasakan RT menerusi Inisiatif Pemerkasaan RT sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

"Sebanyak lapan bidang tumpuan telah ditetapkan untuk menjadikan RT sebagai entiti yang penting dan inklusif serta berupaya membangunkan komuniti progresif.

"Ini termasuk Ekonomi dan Sara Hidup, Keselamatan dan Ketahanan Komuniti, Kepimpinan, Kesejahteraan Komuniti, Pembelajaran Sepanjang Hayat, Alam Sekitar, Warisan dan Budaya serta Daya Cipta," katanya.

Buat masa ini katanya, kementerian menyalurkan dana RM6,000 setahun kepada setiap KRT bagi tujuan pengoperasian dan menjalankan aktiviti-aktiviti KRT.

Beliau berkata, peruntukan tambahan sebanyak RM20 juta masing-masing pada 2024 dan 2025 telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan di bawah inisiatif KRT Progresif yang dapat membangunkan komuniti mampan, sejahtera dan progresif yang menjadi tonggak kepada Malaysia MADANI.

Untuk rekod, kini terdapat sebanyak 8,554 KRT di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 1,092 KRT terdapat di Sarawak.

"Kepentingan KRT bukan hanya terletak pada program-program yang dilaksanakan, tetapi juga semangat yang dihidupkan iaitu semangat kekitaan, semangat saling percaya dan semangat bersatu dalam kepelbagaian," katanya.

Aaron turut menyeru semua penduduk setempat khususnya generasi muda agar turut serta mendukung dan menjayakan usaha-usaha KRT.

Sementara itu, KPN dalam kenyataannya memaklumkan sejumlah RM302,775 telah diperuntukkan kepada lima tabika perpaduan di Sarawak bagi kerja-kerja penambahbaikan yang dapat memanfaatkan pelajar.

Tabika terlibat ialah Tabika Perpaduan RPR Permyjaya Miri, Tabika Perpaduan Ong Tiang Swee dan Tabika Perpaduan Siol Kandis (Kuching), Tabika Perpaduan Sungai Plan (Bintulu) serta Tabika Perpaduan Kampung Pahlawan (Limbang).

Terdahulu, majlis itu dihadiri jentera perpaduan peringkat komuniti iaitu KRT, anggota Skim Rondaan Sukarela, Mediator Komuniti, warga Taska dan Tabika Perpaduan, Skuad Uniti serta badan-badan bukan kerajaan.

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Unity Ministry aims to establish more Progressive KRTs in Sarawak to boost local community economies

26 April 2025



Aaron (third left) lights the Hari Raya lamp as a symbolic gesture to officiate the celebration at PCC Demak in Kuching. – Photo by Jessica Jawing

KUCHING (April 26): The Ministry of National Unity plans to establish more Progressive Neighbourhood Watch Areas (KRTs) nationwide this year, including in Sarawak, as part of efforts to strengthen local community economies.

Its minister, Datuk Seri Aaron Ago Dagang, said Sarawak currently has over 1,000 KRTs, and the ministry hopes to empower all of them to transition into Progressive KRTs, tapping into the various forms of assistance and support available.

"In Sarawak, there are more than 1,000 KRTs, and I hope that all of them will be empowered to become Progressive KRTs in the coming years.

"This is because under the Progressive KRT initiative, the Ministry provides additional assistance that can enhance activities within the community, including boosting the local economy and thereby increasing household incomes," he said.

Aaron was speaking at the Madani Aidilfitri Celebration organised by the Department of National Unity and Integration at the Penview Convention Centre (PCC) Demak here today. Also present was the department's Sarawak director, Dirwana Azool.

He noted that in 2024, aligning with the Mid-Term Review of the 12th Malaysia Plan's goal of developing a progressive society, the ministry has taken proactive steps to empower KRTs as drivers of community progress.

"The ministry has allocated RM20 million to strengthen KRTs through the empowerment initiative for KRTs as drivers of progressive communities.

"Eight key focus areas have been identified to position KRTs as vital, inclusive entities capable of fostering progressive communities.

"These include economy and livelihood; community safety and resilience; leadership; community wellbeing; lifelong learning; environment; heritage and culture; and innovation," he said.

Currently, each KRT receives an annual RM6,000 allocation for operational purposes and community activities.

In addition, the Finance Ministry has approved an extra RM20 million allocation for 2024 and another RM20 million for 2025 under the Progressive KRT Initiative to foster sustainable, prosperous, and progressive communities, Aaron added.

As of now, there are 8,554 KRTs nationwide, including 1,092 in Sarawak.

"The importance of KRTs lies not only in the programmes implemented but also in the spirit they foster — a spirit of belonging, mutual trust, and unity in diversity," he said.

He also called on the local communities, especially the younger generation, to actively support and participate in KRT initiatives.

KOSMO!

8,554 KRT di seluruh negara semai perpaduan rakyat

26 April 2025



Aaron Ago beramah mesra dengan orang ramai yang menghadiri Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Sarawak Tahun 2025 di Kuching, hari ini.

KUCHING – Terdapat sebanyak 8,554 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara ketika ini termasuk 1,092 daripadanya di Sarawak.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, KRT merupakan salah satu alat paling berkesan memupuk, menyemai dan menjaga perpaduan di negara ini.

"Saya menyeru kepada semua khususnya generasi muda melihat KRT bukan sebagai satu badan yang hanya wujud di papan tanda atau kertas kerja semata-mata.

"Marilah kita sertai dan menghidupkan semangat KRT sebagai satu gerakan rakyat yang berlandaskan semangat kekitaan," katanya ketika merasmikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Sarawak Tahun 2025, di sini hari ini.

Terdahulu, beliau berkata, kerajaan sentiasa mengiktiraf dan menghargai jasa serta pengorbanan sukarelawan Rukun Tetangga (RT).

Menurut beliau, RT bertindak sebagai barisan hadapan masyarakat membantu kerajaan memastikan keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti.

Ujar beliau, kepentingan KRT bukan sahaja terletak pada program, tetapi pada semangat yang dihidupkan, semangat kekitaan, semangat saling percaya dan semangat bersatu.

"Inilah asas kepada keharmonian dan kestabilan negara kita," katanya.

Beliau pada majlis itu turut mengumumkan sebanyak 39 KRT dipilih untuk dijadikan sebagai KRT Progresif di Sarawak pada tahun ini.

Selain itu, turut diumumkan peruntukan RM302,770 kepada lima tabika perpaduan iaitu RPR Permyjaya Miri, Ong Tiang Swee Kuching, Sungai Plan Bintulu, Siol Kandis Kuching dan Kampung Pahlawan Limbang.

"Peruntukan ini bagi menjalankan kerja-kerja penambahbaikan yang dapat memberi manfaat kepada anak-anak kita," katanya. – KOSMO! ONLINE

tvs www.tvsarawak.my

RM20 juta diperuntuk bagi perkasa KRT Progresif

26 April 2025



Datuk Aaron Ago Dagang berucap pada Program Sambutan Aidilfitri Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional Sarawak 2025 di Kuching pada Sabtu. Foto TVS

KUCHING, 26 April: Kerajaan Persekutuan dan negeri akan terus berkolaborasi secara strategik untuk memperkasakan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Progresif, dengan fokus utama pada pembangunan sosial dan ekonomi warga setempat.

Menteri Perpaduan Negara, Dato Sri Aaron Ago Dagang, berkata inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kehidupan komuniti melalui lapan bidang utama KRT Progresif, termasuk ekonomi dan sara hidup, keselamatan dan ketahanan komuniti, kepimpinan, kesejahteraan sosial, pembelajaran sepanjang hayat, alam sekitar, warisan dan budaya, serta daya cipta.

Jelasnya, peranan KRT Progresif amat penting dalam membentuk warga setempat yang lebih berdaya-saing dan ke hadapan.

"Tahun lalu kita memperoleh peruntukan berjumlah RM20 juta dan tahun ini pun kita berjaya mendapatkan jumlah peruntukan yang sama yakni RM20 juta.

"Kita dapat memperkasakan 169 KRT Progresif dengan menggunakan peruntukan yang diagihkan pada tahun lalu. Kita memberi tumpuan untuk memperkasakan segmen ekonomi dan sara hidup dan menerusi maklum yang diterima, banyak aktiviti-aktiviti yang direncana berjaya dilaksanakan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Sambutan Aidilfitri Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional Sarawak 2025 di Pusat Konvensyen Penview, di sini pada Sabtu.

Terdahulu, Aaron bersama-sama Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Sarawak, Dirwana Azool menyantuni lebih 1,000 tetamu yang hadir pada program yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional Sarawak itu.-TVS

SUARA SARAWAK

Kementerian Perpaduan Negara seru KRT Sarawak diperkasa jadi KRT Progresif

26 April 2025



KUCHING: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyeru agar lebih banyak Kawasan Rukun Tetangga (KRT) khususnya di Sarawak diperkasakan sebagai KRT Progresif.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Sri Aaron Ago Dagang berkata setakat ini, terdapat 8,554 KRT di seluruh negara dan 1,092 daripadanya adalah di Sarawak.

Katanya, melalui KRT Progresif, terdapat aktiviti yang dianjurkan di bawah lapan bidang iaitu ekonomi dan sara hidup; keselamatan dan ketahanan komuniti; kepimpinan; kesejahteraan komuniti; pembelajaran sepanjang hayat; alam sekitar; warisan dan budaya; serta daya cipta.

"Melalui peruntukan sebanyak RM20 juta tahun lalu, kementerian berjaya memperkasakan kira-kira 169 KRT dan tumpuan utama adalah adalah dari segi ekonomi dan sara hidup.

"Sebanyak RM20 juta lagi yang diperuntukkan tahun ini, kita berharap agar dapat menyelesaikan 300 lagi KRT di seluruh negara untuk diperkasakan sebagai KRT Progresif yang akan terlibat dengan pelbagai aktiviti utama," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Sarawak 2025 di Pusat Konvensyen Penview Kuching, di sini, hari ini.

Tambahnya, tahun ini sebanyak 39 KRT telah dipilih untuk dijadikan sebagai KRT Progresif di Sarawak sekali gus diharap dapat menjadi model terbaik bagi KRT di negeri ini.

"Setiap KRT juga menerima peruntukan setiap tahun, dan sekiranya ada yang dipilih sebagai KRT Progresif mereka akan menerima banyak peruntukan antara RM50,000 hingga RM100,000 atau lebih mengikut keperluan di bawah kegiatan utama berkenaan," ujarnya.

Sementara, KPN menerusi kenyataan juga mengumumkan peruntukan sejumlah RM302,775 kepada lima Tabika Perpaduan di negeri ini bagi menjalankan kerja-kerja penambahbaikkan yang dapat memberikan manfaat kepada pelajar.

Antara yang terlibat adalah Tabika Perpaduan RPR Permyjaya Miri; Tabika Perpaduan Ong Tiang Swee Kuching; Tabika Perpaduan Sungai Plan Bintulu; Tabika Perpaduan Siol Kandis Kuching; dan Tabika Perpaduan Kampung Pahlawan Limbang.

astro AWANI

39 KRT Sarawak dipilih KRT progresif – Aaron

27 April 2025



Aaron berkata, setiap KRT Progresif boleh memohon peruntukan tidak melebihi RM100,000 setahun bagi menceburi program meliputi lapan bidang yang digariskan JPNIN. - Gambar fail/ Bernama

KUCHING: Sejumlah 39 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) telah dipilih untuk dijadikan sebagai KRT Progresif Negeri Sarawak pada tahun ini, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Seri Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, setiap KRT Progresif boleh memohon peruntukan tidak melebihi RM100,000 setahun bagi menceburi program meliputi lapan bidang yang digariskan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

"Saya menyeru KRT di Sarawak terus aktif dan berharap kesemua KRT di negeri ini dinaik taraf menjadi KRT Progresif suatu hari nanti.

"Dengan adanya peruntukan RM20 juta geran kepada Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi KRT Progresif, kita harap lebih banyak KRT akan berkecimpung dalam pelbagai aktiviti," katanya berucap pada Program Sambutan Hari Raya Aidilfitri Negeri Sarawak 2025 anjuran JPNIN Sarawak, di sini, pada Sabtu.

Aaron berkata, KRT Progresif akan menumpukan kepada lapan bidang iaitu ekonomi sara hidup, keselamatan ketahanan komuniti, kepimpinan, kesejahteraan komuniti, pembelajaran sepanjang hayat, alam sekitar, warisan budaya dan daya cipta.

Beliau berkata, setakat ini terdapat 8,554 KRT di seluruh negara dengan 1,092 daripadanya di Sarawak.

Sebelum ini, media melaporkan JPNIN menyasarkan 300 KRT untuk dimodenkan serta dinaik taraf sebagai KRT Progresif.

Sementara itu, KPN dalam kenyataan memaklumkan, sejumlah RM302,775 diperuntukkan kepada lima tabika perpaduan di Sarawak bagi kerja-kerja penambahbaikan yang dapat memanfaatkan pelajar.

Tabika terlibat ialah Tabika Perpaduan RPR Permyjaya Miri, Tabika Perpaduan Ong Tiang Swee dan Tabika Perpaduan Siol Kandis (Kuching), Tabika Perpaduan Sungai Plan (Bintulu) serta Tabika Perpaduan Kampung Pahlawan (Limbang).

Terdahulu, majlis berkenaan dihadiri jentera perpaduan peringkat komuniti iaitu KRT, anggota Skim Rondaan Sukarela, Mediator Komuniti, warga Taska dan Tabika Perpaduan, Skuad Uniti serta pertubuhan badan bukan kerajaan. -- BERNAMA

Utusan Borneo

KPN sasar lebih banyak RT Progresif

27 April 2025



KPN sasar lebih banyak RT Progresif

Oleh Jessica Lawing

KUCHING: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyasarkan lebih banyak Rukun Tetangga (RT) Progresif ditubuhkan di seluruh negara tahun ini dalam usaha meningkatkan ekonomi masyarakat di tempat masing-masing.

Menterinya Dato Sri Aaron Ago Dagang berkata, di Sarawak terdapat lebih 1,000 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ada di antaranya boleh diperkasakan sebagai RT Progresif untuk merasai manfaat dan bantuan.

"Di Sarawak, ada lebih 1,000 KRT dan saya berharap semua (KRT) ini diperkasa sebagai RT Progresif dalam beberapa tahun akan datang.

He said that Vesak Day embodies universal values such as love, compassion, and self-awareness, which align with the aspirations of national unity.

"Diversity is Malaysia's strength. However, this strength can only be maintained if we understand one another, respect differences, and accept diversity as part of the national identity.

"These values (namely) understanding, respect, and acceptance should not only be spoken but should be embodied in our actions and policies," he said in a Facebook post.

He added that these values must begin at home, be reinforced in schools, translated within the community, and upheld by every citizen.

Vesak Day, celebrated tomorrow, is the most important holy day for Buddhists to commemorate the birth, enlightenment, and death of Siddhartha Gautama, the founder of Buddhism.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Hari Wesak angkat nilai kasih sayang, keinsafan diri – Aaron

12 Mei 2025



KUALA LUMPUR – Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang mengucapkan Selamat Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha di Malaysia.

Beliau berkata, Hari Wesak mengangkat nilai sejagat seperti kasih sayang, belas ihsan dan keinsafan diri yang selari dengan aspirasi perpaduan negara.

"Kepelbagaian adalah kekuatan Malaysia. Namun kekuatan ini hanya mampu dikekalkan jika kita faham antara satu sama lain, hormat kepada perbezaan dan terima kepelbagaian sebagai sebahagian daripada identiti negara.

"Nilai-nilai ini (iaitu) faham, hormat dan terima bukan hanya untuk ditutur, tetapi untuk dihayati dalam tindakan dan dasar kita," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Beliau berkata nilai-nilai itu harus bermula di rumah, diperkukuh di sekolah, diterjemah dalam komuniti dan dipelihara oleh setiap warga negara.

Hari Wesak yang disambut esok merupakan hari suci terpenting bagi penganut Buddha bagi memperingati kelahiran, pencerahan dan kematian Siddhartha Gautama iaitu pengasas agama Buddha. – BERNAMA

malaymail

Unity minister: Wesak Day a reminder respect, acceptance must shape Malaysia's national identity

12 May 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang wished Buddhists a Happy Wesak Day, saying its values of love and compassion reflect the spirit of unity through mutual respect and acceptance of diversity. — Bernama pic

KUALA LUMPUR, May 12 — Minister of National Unity, Datuk Aaron Ago Dagang wished all Buddhists in the country a Happy Wesak Day.

He said that Wesak Day embodies universal values such as love, compassion, and self-awareness, which align with the aspirations of national unity.

"Diversity is Malaysia's strength. However, this strength can only be maintained if we understand one another, respect differences, and accept diversity as part of the national identity.

"These values (namely) understanding, respect, and acceptance should not only be spoken but should be embodied in our actions and policies," he said in a Facebook post.

He added that these values must begin at home, be reinforced in schools, translated within the community, and upheld by every citizen.

Wesak Day, celebrated tomorrow, is the most important holy day for Buddhists to commemorate the birth, enlightenment, and death of Siddhartha Gautama, the founder of Buddhism. — Bernama

malaysiakini
news and views that matter

Wesak Day values align with national unity aspirations – Minister

12 May 2025



National Unity Minister Aaron Ago Dagang wished all Buddhists in the country a Happy Wesak Day.

He said that Wesak Day embodies universal values such as love, compassion, and self-awareness, which align with the aspirations of national unity.

theSun

Gov't takes 'whole of government' approach to 3R issues – Aaron

12 May 2025



National Unity Minister Aaron Ago Dagang – BERNAMApix

KUALA LUMPUR: The government is taking proactive measures to address issues related to religion, race and royalty (3R) by implementing a comprehensive "whole of government" approach involving cooperation among various ministries and agencies.

National Unity Minister Aaron Ago Dagang said the approach comprises two main segments, namely the Enforcement Segment (Punitive Approach) and the Intervention, Mediation and Awareness Segment (Reformative Approach).

Aaron said that under the Enforcement Segment, enforcement agencies will take legal action against any party inciting 3R issues.

"Among the ministries and agencies involved are the Ministry of Home Affairs, the Royal Malaysia Police, the Ministry of Communications and the Malaysian Communications and Multimedia Commission.

"Investigations are carried out by the authorities, and action is only taken after due consideration by the Attorney General's Chambers," he said in a Facebook post today.

As for the Intervention, Mediation and Awareness Segment, Aaron said the focus is on preventing conflict from the grassroots level.

He said the National Unity Ministry plays a key role through the implementation of high-impact initiatives such as monitoring sensitive issues, appointing community mediators, establishing Community Mediation Centres, and participating in the National Unity Advisory Council, Harmony Committee (JK HARMONI), MExUnity, and the Unity Issues Management Committee.

Aaron said various unity programmes and campaigns are also being carried out to raise public awareness on the importance of national harmony.

"These measures reflect the government's commitment not only in taking firm action against those involved in 3R issues but also in strengthening education, awareness, and the rebuilding of social ties to ensure national unity is preserved," he said.

TheStar

Gov't takes 'whole of government' approach to 3R issues – Aaron

12 May 2025

KUALA LUMPUR: The government is taking proactive measures to address issues related to religion, race and royalty (3R) by implementing a comprehensive "whole of government" approach involving cooperation among various ministries and agencies.

National Unity Minister Aaron Ago Dagang said the approach comprises two main segments, namely the Enforcement Segment (Punitive Approach) and the Intervention, Mediation and Awareness Segment (Reformative Approach).

Aaron said that under the Enforcement Segment, enforcement agencies will take legal action against any party inciting 3R issues.

"Among the ministries and agencies involved are the Home Affairs Ministry, the Royal Malaysia Police, the Communications Ministry and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC).

"Investigations are carried out by the authorities, and action is only taken after due consideration by the Attorney General's Chambers," he said in a Facebook post on Monday (May 12).

As for the Intervention, Mediation and Awareness Segment, Aaron said the focus is on preventing conflict from the grassroots level.

He said the National Unity Ministry plays a key role through the implementation of high-impact initiatives such as monitoring sensitive issues, appointing community mediators, establishing Community Mediation Centres, and participating in the National Unity Advisory Council, Harmony Committee (JK Harmoni), MExUnity, and the Unity Issues Management Committee.



Aaron said various unity programmes and campaigns are also being carried out to raise public awareness on the importance of national harmony.

"These measures reflect the government's commitment not only in taking firm action against those involved in 3R issues but also in strengthening education, awareness, and the rebuilding of social ties to ensure national unity is preserved," he said. – Bernama

tvs
www.tvsarawak.my

Pendekatan keseluruhan kerajaan tangani isu 3R secara proaktif – Aaron

12 Mei 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang. Foto fail TVS

KUALA LUMPUR, 12 Mei: Langkah proaktif dalam menangani isu-isu berkaitan agama, kaum dan institusi diraja (3R) diambil menerusi pendekatan keseluruhan kerajaan atau "Whole of Government" yang melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi secara bersepadu.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata pendekatan berkenaan merangkumi segmen penguatkuasaan yang melibatkan pendekatan hukuman dan kedua, segmen intervensi, mediasi serta kesedaran menerusi pendekatan pembaharuan.

Beliau berkata bagi segmen penguatkuasaan, kementerian dan agensi terlibat antaranya Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang mencetuskan isu 3R melalui pelbagai akta sedia ada.

"Siasatan dijalankan oleh pihak berkuasa dan tindakan hanya diambil selepas pertimbangan sewajarnya oleh Jabatan Peguam Negara," katanya menerusi hantaran di Facebook hari ini.

Bagi segmen intervensi, mediasi dan kesedaran pula, beliau berkata ia menumpukan kepada usaha mencegah konflik bermula dari peringkat akar umbi.

Aaron berkata kementeriannya memainkan peranan utama melalui pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi seperti pemantauan isu sensitif, pelantikan mediator komuniti, penubuhan Pusat Mediasi Komuniti serta penglibatan dalam Majlis Penasihat Perpaduan Negara, Jawatankuasa Harmoni (JK HARMONI), Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Sabah, Sarawak serta Exco Negeri (MExUnity) dan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan.

Beliau berkata turut digerakkan adalah pelbagai program dan kempen perpaduan yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan keharmonian nasional.

"Langkah ini membuktikan komitmen kerajaan bukan sahaja dalam mengambil tindakan tegas terhadap pelaku isu 3R, tetapi juga dalam memperkukuh pendidikan, kesedaran dan pemulihan hubungan antara rakyat demi memastikan perpaduan negara terus terpelihara," katanya.-TVS

myMetro

Pendekatan keseluruhan kerajaan tangani isu 3R secara proaktif – Aaron

12 Mei 2025

Kuala Lumpur: Langkah proaktif dalam menangani isu-isu berkaitan agama, kaum dan institusi diraja (3R) diambil menerusi pendekatan keseluruhan kerajaan atau "Whole of Government" yang melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi secara bersepadu.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata pendekatan berkenaan merangkumi segmen penguatkuasaan yang melibatkan pendekatan hukuman dan kedua, segmen intervensi, mediasi serta kesedaran menerusi pendekatan pembaharuan.

Beliau berkata bagi segmen penguatkuasaan, kementerian dan agensi terlibat antaranya Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang mencetuskan isu 3R melalui pelbagai akta sedia ada.

"Siasatan dijalankan oleh pihak berkuasa dan tindakan hanya diambil selepas pertimbangan sewajarnya oleh Jabatan Peguam Negara," katanya menerusi hantaran di Facebook hari ini.

Bagi segmen intervensi, mediasi dan kesedaran pula, beliau berkata ia menumpukan kepada usaha mencegah konflik bermula dari peringkat akar umbi.

Aaron berkata kementeriannya memainkan peranan utama melalui pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi seperti pemantauan isu sensitif, pelantikan mediator komuniti, penubuhan Pusat Mediasi Komuniti serta penglibatan dalam Majlis Penasihat Perpaduan Negara, Jawatankuasa Harmoni (JK HARMONI), Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Sabah, Sarawak serta Exco Negeri (MExUnity) dan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan.

Beliau berkata turut digerakkan adalah pelbagai program dan kempen perpaduan yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan keharmonian nasional.

"Langkah ini membuktikan komitmen kerajaan bukan sahaja dalam mengambil tindakan tegas terhadap pelaku isu 3R, tetapi juga dalam memperkukuh pendidikan, kesedaran dan pemulihan hubungan antara rakyat demi memastikan perpaduan negara terus terpelihara," katanya.

astro AWANI

Pendekatan keseluruhan kerajaan tangani isu 3R secara proaktif – Aaron

12 Mei 2025



Aaron berkata pendekatan berkenaan merangkumi segmen penguatkuasaan yang melibatkan pendekatan hukuman dan kedua, segmen intervensi, mediasi serta kesedaran menerusi pendekatan pembaharuan. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Langkah proaktif dalam menangani isu-isu berkaitan agama, kaum dan institusi diraja (3R) diambil menerusi pendekatan keseluruhan kerajaan atau "Whole of Government" yang melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi secara bersepadu.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata pendekatan berkenaan merangkumi segmen penguatkuasaan yang melibatkan pendekatan hukuman dan kedua, segmen intervensi, mediasi serta kesedaran menerusi pendekatan pembaharuan.

Beliau berkata bagi segmen penguatkuasaan, kementerian dan agensi terlibat antaranya Kementerian Dalam Negeri (KDN), Polis Diraja Malaysia, Kementerian Komunikasi serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang mencetuskan isu 3R melalui pelbagai akta sedia ada.

"Siasatan dijalankan oleh pihak berkuasa dan tindakan hanya diambil selepas pertimbangan sewajarnya oleh Jabatan Peguam Negara," katanya menerusi hantaran di Facebook hari ini.

Bagi segmen intervensi, mediasi dan kesedaran pula, beliau berkata ia menumpukan kepada usaha mencegah konflik bermula dari peringkat akar umbi.

Aaron berkata kementeriannya memainkan peranan utama melalui pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi seperti pemantauan isu sensitif, pelantikan mediator komuniti, penubuhan Pusat Mediasi Komuniti serta penglibatan dalam Majlis Penasihat Perpaduan Negara, Jawatankuasa Harmoni (JK HARMONI), Majlis Mesyuarat Menteri Perpaduan Bersama Menteri Perpaduan Sabah, Sarawak serta Exco Negeri (MExUnity) dan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan.

Beliau berkata turut digerakkan adalah pelbagai program dan kempen perpaduan yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan keharmonian nasional.

"Langkah ini membuktikan komitmen kerajaan bukan sahaja dalam mengambil tindakan tegas terhadap pelaku isu 3R, tetapi juga dalam memperkukuh pendidikan, kesedaran dan pemulihan hubungan antara rakyat demi memastikan perpaduan negara terus terpelihara," katanya. -- BERNAMA

BERNAMA

19 Muzium Dibuka Secara Percuma 18 Mei Ini – Aaron

14 Mei 2025



PUTRAJAYA, 14 Mei (Bernama) -- Kesemua 19 muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dibuka secara percuma kepada orang ramai sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa pada 18 Mei ini, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Tawaran itu termasuk Muzium Negara, Muzium Automobil Nasional (Sepang), Muzium Arkeologi Lembah Bujang (Kedah) dan Muzium Seni Bina Malaysia (Melaka).

Aaron menerusi catatan di laman Facebooknya hari ini mengajak orang ramai untuk memanfaatkan peluang itu bagi menyelami kekayaan sejarah, kepelbagaian budaya dan semangat perpaduan yang menjadi teras identiti Malaysia.

"Dari utara ke selatan, dari timur ke barat, muzium menjadi titik pertemuan antara warisan silam dan aspirasi masa depan, menghubungkan komuniti atas semangat perpaduan dan kecintaan terhadap sejarah. Ayuh lawati muzium-muzium JMM di seluruh negara dan raikan warisan kita bersama-sama," katanya.

Senarai muzium berkenaan boleh didapati di pautan https://www.facebook.com/nationalmuseumkl?. -- BERNAMA

BERNAMA

Free Admission To 19 Museums on May 18 – Aaron

14 May 2025



Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Masuk 19 muzium percuma 18 Mei

12 Mei 2025



Muzium Negara. - Foto Bernama

PUTRAJAYA: Semua 19 muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia dibuka secara percuma kepada orang ramai sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa pada 18 Mei ini, kata Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Ia termasuk Muzium Negara, Muzium Automobil Nasional (Sepang), Muzium Arkeologi Lembah Bujang (Kedah) dan Muzium Seni Bina Malaysia (Melaka).

Menerusi catatan di laman Facebook, Aaron mengajak orang ramai untuk memanfaatkan peluang itu bagi menyelami kekayaan sejarah, kepelbagaian budaya dan semangat perpaduan yang menjadi teras identiti Malaysia.

"Dari utara ke selatan, dari timur ke barat, muzium menjadi titik pertemuan antara warisan silam dan aspirasi masa depan, menghubungkan komuniti atas semangat perpaduan dan kecintaan terhadap sejarah.

"Ayuh lawati muzium-muzium Jabatan Muzium Malaysia di seluruh negara dan raikan warisan kita bersama-sama," katanya.

Senarai muzium berkenaan boleh didapati di pautan https://www.facebook.com/nationalmuseumkl?

astro AWANI

19 muzium dibuka secara percuma 18 Mei ini - Aaron

14 Mei 2025



Aaron mengajak orang ramai untuk memanfaatkan peluang itu bagi menyelami kekayaan sejarah, kepelbagaian budaya dan semangat perpaduan yang menjadi teras identiti Malaysia. -Facebook

PUTRAJAYA: Kesemua 19 muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dibuka secara percuma kepada orang ramai sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa pada 18 Mei ini, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Tawaran itu termasuk Muzium Negara, Muzium Automobil Nasional (Sepang), Muzium Arkeologi Lembah Bujang (Kedah) dan Muzium Seni Bina Malaysia (Melaka).



Aaron menerusi catatan di laman Facebooknya hari ini mengajak orang ramai untuk memanfaatkan peluang itu bagi menyelami kekayaan sejarah, kepelbagaian budaya dan semangat perpaduan yang menjadi teras identiti Malaysia.



"Dari utara ke selatan, dari timur ke barat, muzium menjadi titik pertemuan antara warisan silam dan aspirasi masa depan, menghubungkan komuniti atas semangat perpaduan dan kecintaan terhadap sejarah.

"Ayuh lawati muzium-muzium JMM di seluruh negara dan raikan warisan kita bersama-sama," katanya.

Senarai muzium berkenaan boleh didapati di pautan https://www.facebook.com/nationalmuseumkl?.

-- BERNAMA

Kunjungi 19 muzium secara percuma Ahad ini

14 Mei 2025



Sebanyak 19 muzium di seluruh negara di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dibuka secara percuma pada Ahad ini sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa.

PUTRAJAYA - Sebanyak 19 muzium di seluruh negara di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dibuka secara percuma pada Ahad ini sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ia meliputi Muzium Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu Muzium Seni Kraf Orang Asli, Muzium Automobil Nasional, Muzium Labuan, Muzium Marin Labuan, Muzium Chimney, Muzium Arkeologi Lembah Bujang dan Muzium Kota Kuala Kedah.

Turut disenarai, Muzium Kota Kayang, Muzium Perak, Muzium Matang, Muzium Sungai Lembing dan Muzium Lukut.

Ujarnya, orang ramai harus mengambil peluang tersebut untuk menyelami kekayaan sejarah, kepelbagaian budaya, dan semangat perpaduan yang menjadi teras identiti negara.

"Dari utara ke selatan, dari timur ke barat, muzium menjadi titik pertemuan antara warisan silam dan aspirasi masa depan, menghubungkan komuniti atas semangat perpaduan dan kecintaan terhadap sejarah.

"Ayuh lawati muzium-muzium JMM di seluruh negara dan raikan warisan kita bersama-sama," katanya menerusi hantaran di laman Facebook pada Rabu.

Hari Muzium Antarabangsa disambut pada 18 Mei setiap tahun.

Ia dianjurkan oleh International Council of Museums (ICOM) sejak tahun 1977 bagi meningkatkan kesedaran tentang peranan muzium dalam pembangunan masyarakat.

Pada tahun ini, 'Masa Depan Muzium Dalam Komuniti Yang Berubah Pantas' diangkat sebagai tema sambutan.

Free admission to 19 museums on May 18

14 May 2025

PUTRAJAYA: All 19 museums under the Malaysian Museums Department (JMM) will be open to the public free of charge in conjunction with International Museum Day on May 18, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang announces.

He said this includes the National Museum, the National Automobile Museum (Sepang), the Bujang Valley Archaeological Museum (Kedah), and the Malaysia Architecture Museum (Melaka).

In a Facebook post on Wednesday (May 14), Aaron urged the public to explore the richness of history, cultural diversity, and the spirit of unity that form the core of Malaysia's identity.

"North to south, east to west, museums serve as meeting points between the legacy of the past and the aspirations of the future, connecting communities through the spirit of unity and a love for history. Let's visit JMM museums across the country and celebrate our heritage together," he said.

The list of museums can be found here: https://www.facebook.com/nationalmuseumkl. – Bernama

MALAY.NEWS

Jom raikan warisan! Masuk 19 muzium secara percuma Ahad ini

14 Mei 2025

Sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan 18 Mei pada setiap tahun, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) mengumumkan kemasukan percuma ke semua muzium di bawah jabatan tersebut.

Dengan tema tahun ini "Masa Depan Muzium Dalam Komuniti Yang Berubah Pantas", sambutan tersebut memberi tumpuan kepada peranan penting muzium dalam membentuk masyarakat masa hadapan sambil kekal relevan dalam landskap sosial yang sentiasa berubah.



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, inisiatif percuma itu peluang terbaik untuk menyelami kekayaan sejarah, kepelbagaian budaya, dan semangat perpaduan yang menjadi teras identiti negara.

"Dari utara ke selatan, dari timur ke barat, muzium menjadi titik pertemuan antara warisan silam dan aspirasi masa depan, menghubungkan komuniti atas semangat perpaduan dan kecintaan terhadap sejarah.

"Ayuh lawati muzium-muzium JMM di seluruh negara dan raikan warisan kita bersama-sama!," tulisnya menerusi satu hantaran di laman Facebook hari ini.



Berikut 19 muzium terlibat:

1. Muzium Negara
2. Muzium Etnologi Dunia Melayu
3. Muzium Seni Kraf Orang Asli
4. Muzium Automobil Nasional
5. Muzium Labuan
6. Muzium Marin Labuan
7. Muzium Chimney
8. Muzium Arkeologi Lembah Bujang
9. Muzium Kota Kuala Kedah
10. Muzium Kota Kayang
11. Muzium Perak
12. Muzium Matang
13. Muzium Sungai Lembing
14. Muzium Lukut
15. Muzium Seni Bina Malaysia
16. Muzium Kota Johor Lama
17. Muzium Adat
18. Muzium Tekstil Negara
19. Muzium Muzik

Justeru, sambutan ini bukan sekadar lawatan percuma, tetapi satu bentuk penghargaan terhadap warisan yang membentuk identiti negara.

Dalam dunia yang sentiasa bergerak pantas, muzium kekal sebagai penjaga memori kolektif kita, menjembatani generasi dan mencetuskan kesedaran tentang siapa kita dan dari mana kita datang.

Orang ramai disaran mengambil peluang untuk membawa ahli keluarga dan anak-anak bagi mengenal sejarah secara lebih dekat sekali gus menyemai rasa bangga terhadap negara sendiri.

malaymail

Step into history: 19 museums across Malaysia open their doors for free on May 18

14 May 2025



The National Museum will be one of the 19 museums under the Department of Museums Malaysia that will open to the public free of charge in conjunction with International Museum Day on May 18.

PUTRAJAYA, May 14 — All 19 museums under the Department of Museums Malaysia (JMM) will be open to the public free of charge in conjunction with International Museum Day on May 18, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said this includes the National Museum, the National Automobile Museum (Sepang), the Bujang Valley Archaeological Museum (Kedah), and the Malaysia Architecture Museum (Melaka).

In a Facebook post today, Aaron urged the public to explore the richness of history, cultural diversity, and the spirit of unity that form the core of Malaysia's identity.

"North to south, east to west, museums serve as meeting points between the legacy of the past and the aspirations of the future, connecting communities through the spirit of unity and a love for history. Let's visit JMM museums across the country and celebrate our heritage together," he said.

BUSINESSTODAY

Step into history: 19 museums across Malaysia open their doors for free on May 18

14 May 2025



In conjunction with the International Museum Day celebration, the Department of Museums Malaysia is offering free entry to all 19 museums under the department on May 18, giving the public a golden opportunity to explore the nation's rich cultural and historical heritage.

The initiative aims to encourage greater public engagement with museums and raise awareness about their role in preserving national identity.

Visitors can enjoy exhibitions ranging from ancient artefacts to contemporary cultural showcases at institutions nationwide, including the National Museum in Kuala Lumpur.

International Museum Day is observed annually on May 18 and is supported by museums around the world.

OH MY MEDIA

Jom raikan warisan! Masuk 19 muzium secara percuma Ahad ini

14 Mei 2025

Sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan 18 Mei pada setiap tahun, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) mengumumkan kemasukan percuma ke semua muzium di bawah jabatan tersebut.

Dengan tema tahun ini "Masa Depan Muzium Dalam Komuniti Yang Berubah Pantas", sambutan tersebut memberi tumpuan kepada peranan penting muzium dalam membentuk masyarakat masa hadapan sambil kekal relevan dalam landskap sosial yang sentiasa berubah.



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, inisiatif percuma itu peluang terbaik untuk menyelami kekayaan sejarah, kepelbagaian budaya, dan semangat perpaduan yang menjadi teras identiti negara.

"Dari utara ke selatan, dari timur ke barat, muzium menjadi titik pertemuan antara warisan silam dan aspirasi masa depan, menghubungkan komuniti atas semangat perpaduan dan kecintaan terhadap sejarah.

"Ayuh lawati muzium-muzium JMM di seluruh negara dan raikan warisan kita bersama-sama!," tulisnya menerusi satu hantaran di laman Facebook hari ini.



Berikut 19 muzium terlibat:

1. Muzium Negara
2. Muzium Etnologi Dunia Melayu
3. Muzium Seni Kraf Orang Asli
4. Muzium Automobil Nasional
5. Muzium Labuan
6. Muzium Marin Labuan
7. Muzium Chimney
8. Muzium Arkeologi Lembah Bujang
9. Muzium Kota Kuala Kedah
10. Muzium Kota Kayang
11. Muzium Perak
12. Muzium Matang
13. Muzium Sungai Lembing
14. Muzium Lukut
15. Muzium Seni Bina Malaysia
16. Muzium Kota Johor Lama
17. Muzium Adat
18. Muzium Tekstil Negara
19. Muzium Muzik

Justeru, sambutan ini bukan sekadar lawatan percuma, tetapi satu bentuk penghargaan terhadap warisan yang membentuk identiti negara.

Dalam dunia yang sentiasa bergerak pantas, muzium kekal sebagai penjaga memori kolektif kita, menjembatani generasi dan mencetuskan kesedaran tentang siapa kita dan dari mana kita datang.

Orang ramai disaran mengambil peluang untuk membawa ahli keluarga dan anak-anak bagi mengenal sejarah secara lebih dekat sekali gus menyemai rasa bangga terhadap negara sendiri.

19 muzium dibuka percuma sempena Hari Muzium Antarabangsa

14 Mei 2025



PUTRAJAYA 14 Mei - Sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan pada 18 Mei setiap tahun, sebanyak 19 muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) akan dibuka secara percuma kepada orang ramai pada Ahad ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, inisiatif ini memberi peluang kepada masyarakat untuk menyelami warisan sejarah dan budaya negara yang kaya, sekali gus memupuk semangat perpaduan nasional.

Antara muzium terlibat termasuk:

Muzium Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Seni Kraf Orang Asli, dan Muzium Automobil Nasional

Muzium Labuan, Muzium Marin Labuan, serta Muzium Chimney

Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Kota Kuala Kedah, dan Muzium Kota Kayang

Muzium Perak, Muzium Matang, Muzium Sungai Lembing, dan Muzium Lukut

"Dari utara ke selatan, timur ke barat, muzium menjadi penghubung antara warisan silam dan aspirasi masa depan. Ia mencerminkan perpaduan dan kecintaan terhadap sejarah negara," katanya menerusi hantaran di Facebook, hari ini.

Hari Muzium Antarabangsa merupakan acara tahunan anjuran International Council of Museums (ICOM) sejak 1977 bagi meningkatkan kesedaran tentang peranan muzium dalam masyarakat.

Tema sambutan tahun ini ialah "Masa Depan Muzium Dalam Komuniti Yang Berubah Pantas", sejajar dengan cabaran dan perubahan semasa dalam landskap sosial dan budaya global. - Media Telus

19 muzium dibuka percuma pada 18 Mei ini

14 Mei 2025



PETALING JAYA: Sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa, rakyat Malaysia dijemput mengunjungi 19 muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang akan dibuka secara percuma kepada orang ramai pada 18 Mei ini.

Langkah ini dilaksanakan bersempena tema sambutan tahun ini 'Masa Depan Muzium Dalam Komuniti Yang Berubah Pantas' yang memberi fokus kepada peranan muzium dalam mendidik masyarakat dan memperkukuh hubungan komuniti menerusi warisan sejarah.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kemasukan percuma itu menjadi titik pertemuan antara warisan silam dan aspirasi masa depan serta menghubungkan komuniti atas semangat perpaduan dan kecintaan terhadap sejarah.

"Antara yang terlibat termasuk Muzium Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Seni Kraf Orang Asli, Muzium Tekstil Negara, Muzium Seni Bina Malaysia, Muzium Adat serta Muzium Muzik.

"Pembukaan percuma ini merupakan peluang terbaik untuk rakyat Malaysia menyelami kekayaan sejarah, kepelbagaian budaya serta semangat perpaduan yang menjadi teras identiti negara kita,", katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, turut dibuka ialah Muzium Perak, Muzium Matang, Muzium Kota Kayang, Muzium Kota Kuala Kedah, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Muzium Sungai Lembing, serta Muzium Lukut.

"Di Labuan pula, orang ramai boleh mengunjungi Muzium Labuan, Muzium Marin Labuan dan Muzium Chimney, manakala di selatan tanah air, Muzium Kota Johor Lama dan Muzium Automobil Nasional turut mengambil bahagian," katanya.

Hari Muzium Antarabangsa disambut setiap 18 Mei di seluruh dunia, bertujuan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya peranan muzium dalam pembangunan masyarakat yang inklusif dan berdaya tahan.

Maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi JMM dan platform media sosial mereka. – UTUSAN

KOSMO!

Masuk percuma semua muzium bawah JMM pada 18 Mei

14 Mei 2025

PETALING JAYA – Semua muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) akan dibuka secara percuma kepada orang ramai pada 18 Mei ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ia sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa.

"Sambutan Hari Muzium Antarabangsa bertemakan 'Masa Depan Muzium Dalam Komuniti Yang Berubah Pantas'," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Aaron berkata, muzium menjadi titik pertemuan antara warisan silam dan aspirasi masa depan.

Menurut beliau, muzium menghubungkan komuniti atas semangat perpaduan dan kecintaan terhadap sejarah.

"Ini peluang terbaik untuk menyelami kekayaan sejarah, kepelbagaian budaya dan semangat perpaduan yang menjadi teras identiti negara kita.

"Ayuh lawati muzium-muzium JMM di seluruh negara dan raikan warisan kita bersama-sama," katanya. – KOSMO! ONLINE

The Malaysian Reserve

Aaron: Free admission to 19 museums on May 18

14 May 2025

PUTRAJAYA — All 19 museums under the Department of Museums Malaysia (JMM) will be open to the public free of charge in conjunction with International Museum Day on May 18, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said this includes the National Museum, the National Automobile Museum (Sepang), the Bujang Valley Archaeological Museum (Kedah), and the Malaysia Architecture Museum (Melaka).

In a Facebook post today, Aaron urged the public to explore the richness of history, cultural diversity, and the spirit of unity that form the core of Malaysia's identity.

"North to south, east to west, museums serve as meeting points between the legacy of the past and the aspirations of the future, connecting communities through the spirit of unity and a love for history. Let's visit JMM museums across the country and celebrate our heritage together," he said.

The list of museums can be found here: https://www.facebook.com/nationalmuseumkl — BERNAMA

FEARLESS & BOLD SinarDaily sinardaily.my Asia's Best News Website by WAN-INFRA's DMA Awards 2024

Free admission to 19 museums on May 18 – Aaron

14 May 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang - BERNAMA FILE PIX

PUTRAJAYA - All 19 museums under the Department of Museums Malaysia (JMM) will be open to the public free of charge in conjunction with International Museum Day on May 18, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said this includes the National Museum, the National Automobile Museum (Sepang), the Bujang Valley Archaeological Museum (Kedah), and the Malaysia Architecture Museum (Melaka).

In a Facebook post today, Aaron urged the public to explore the richness of history, cultural diversity, and the spirit of unity that form the core of Malaysia's identity.

"North to south, east to west, museums serve as meeting points between the legacy of the past and the aspirations of the future, connecting communities through the spirit of unity and a love for history. Let's visit JMM museums across the country and celebrate our heritage together," he said.

The list of museums can be found here: https://www.facebook.com/nationalmuseumkl. – BERNAMA

BERITA RTM

Masuk 19 muzium percuma 18 Mei

14 Mei 2025



Semua 19 muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia dibuka secara percuma kepada orang ramai sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa pada 18 Mei./Foto Bernama

PUTRAJAYA, 14 Mei - Semua 19 muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia dibuka secara percuma kepada orang ramai sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa pada 18 Mei ini.

Ia termasuk Muzium Negara, Muzium Automobil Nasional di Sepang, Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Kedah dan Muzium Seni Bina Malaysia di Melaka.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang mengajak orang ramai untuk memanfaatkan peluang itu bagi menyelami kekayaan sejarah, kepelbagaian budaya dan semangat perpaduan yang menjadi teras identiti Malaysia.

"Dari utara ke selatan, dari timur ke barat, muzium menjadi titik pertemuan antara warisan silam dan aspirasi masa depan, menghubungkan komuniti atas semangat perpaduan dan kecintaan terhadap sejarah.

"Ayuh lawati muzium-muzium Jabatan Muzium Malaysia di seluruh negara dan raikan warisan kita bersama-sama," katanya.

KRT perbaharui slogan & logo, perkukuh peranan komuniti

15 Mei 2025



Datuk Aaron Ago Dagang (tengah) bergambar bersama Logo Baharu Kawasan Rukun Tetangga (KRT), pada Majlis Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Johor dan Pra Pelancaran Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga 2025, di Dataran Segamat hari ini / BERNAMA

SEGAMAT, 15 Mei - Kementerian Perpaduan Negara kini mengambil langkah memperbaharui slogan dan logo Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dalam usaha memperhebatkan peranan komuniti di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata pembaharuan itu selari dengan peredaran zaman, lebih-lebih lagi selepas lebih 50 tahun KRT diwujudkan sebagai pemacu perpaduan rakyat pelbagai kaum.

Slogan baharu KRT iaitu "Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan" dipilih untuk memberi nafas segar dan menyuntik semangat baharu kepada lebih 8,529 KRT yang aktif di seluruh negara.

"Dulu mungkin ramai yang tak kenal apa itu KRT, tapi kini KRT jadi jentera utama kementerian dalam mengukuhkan perpaduan masyarakat. Di mana-mana program perpaduan yang kita anjur, penyertaan KRT memang menggalakkan," ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Johor yang diadakan di Segamat hari ini.

Tambah beliau lagi, kementerian juga menggalakkan penglibatan golongan muda dalam pentadbiran KRT, dengan 20 peratus pengerusi KRT kini terdiri daripada belia.

Sambutan jubli emas: Kementerian Perpaduan perkenal logo baharu KRT

15 Mei 2025

Sambutan jubli emas KRT peringkat kebangsaan akan diadakan pada 28 dan 29 Ogos.



Slogan baharu KRT 'Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan' adalah simbolik kepada transformasi dan semangat dibawa menjelang lima dekad kewujudannya.

PETALING JAYA: Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang merasmikan logo baharu kawasan rukun tetangga (KRT) sempena sambutan jubli emas penubuhannya.
Turut dirasmikan hari ini, slogan baharu KRT iaitu 'Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan' yang merupakan simbolik kepada transformasi dan semangat dibawa menjelang lima dekad kewujudan institusi itu.

"Penubuhan KRT yang kini genap 50 tahun membuktikan bahawa inisiatif ini adalah antara dasar paling berkesan dalam membina jati diri rakyat yang bersatu padu," katanya ketika merasmikan sambutan Minggu Perpaduan peringkat Johor dan prapelancaran jubli emas KRT di Dataran Segamat.

Sementara itu, Aaron memaklumkan sambutan jubli emas KRT peringkat kebangsaan bakal berlangsung pada 28 dan 29 Ogos di dua lokasi berbeza bermula di KRT Kasipillay dan diteruskan keesokannya di Galaxy Hall, Sentul.

Beliau berkata, sejak penubuhan pada 1975 KRT melalui pelbagai fasa transformasi daripada rondaan sukarela demi keselamatan kawasan kejiranan sehingga kepada pelaksanaan program ekonomi dan sosial yang menyatukan komuniti.

Penubuhan KRT bukan sahaja mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat, malah menjadikan mereka sebagai ejen perubahan dalam mencorakkan masa depan negara.

"Anggota KRT adalah wira tidak didendang yang menjadi tulang belakang kestabilan sosial di peringkat akar umbi," katanya.

Katanya, peranan KRT terus diperluas melalui inisiatif 'Pemerkasaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Komuniti Progresif' bawah kendalian Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Tahun lalu, sebanyak 152 KRT di seluruh negara dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif.

BERNAMA

Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan 28, 29 Ogos – Aaron

15 Mei 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (dua kanan) melihat buku Bahan Sejarah Rukun Tetangga di salah sebuah reruai yang terdapat pada Majlis Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Johor dan Pra Pelancaran Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga 2025, di Dataran Segamat hari ini. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Warisan dan Budaya Negeri K.Raven Kumar (tiga,kiri)

BERNAMA

National-level Rukun Tetangga Golden Jubilee To Be Held in August

15 May 2025



MALAY.NEWS

Menteri Perpaduan seru rakyat jadi ejen keharmonian – "Ia tidak wujud dengan sendiri"

15 Mei 2025

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang menyatakan bahawa perpaduan dan keharmonian tidak terwujud dengan sendiri dan memerlukan semua pihak untuk sama-sama saling menjaganya.

Menteri Perpaduan seru rakyat sama-sama jaga keharmonian

Perkara tersebut dinyatakan beliau sewaktu merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Johor yang berlangsung penuh semangat di Segamat Johor.



Menteri Perpaduan seru rakyat jadi ejen perpaduan

Dengan tema "Harmoni Dalam Kepelbagaian", sambutan ini disifatkan sebagai usaha konsisten kerajaan dalam menyuburkan semangat perpaduan di hati rakyat Malaysia.

"Perpaduan dan keharmonian tidak wujud dengan sendiri. Ia perlu diusahakan, dipelihara, dan diperjuangkan oleh semua pihak," tegas Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya.



Majlis itu turut menyaksikan Pra Pelancaran Jubli Emas Rukun Tetangga, yang kini memasuki usia 50 tahun.

Beliau turut mengumumkan slogan baharu Rukun Tetangga, "Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan", sebagai simbol perubahan lebih segar dan relevan dengan generasi masa kini.

Sebanyak RM600,000 turut diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Johor kepada KRT aktif sebagai tanda sokongan terhadap peranan mereka dalam memperkukuh jaringan sosial masyarakat.

"Anggota KRT adalah wira tidak didendang yang menjadi tulang belakang kestabilan sosial di peringkat akar umbi," katanya lagi.



Menurut beliau, Jubli Emas KRT akan diraikan di peringkat kebangsaan pada 28 dan 29 Ogos 2025 sebagai penghargaan kepada penggerak perpaduan sejak 1975.

"Tindakan kecil hari ini akan mencorakkan masa depan yang lebih aman dan bersatu," ujar beliau, mengajak rakyat menjadi ejen keharmonian di mana sahaja mereka berada.

Sambutan ini diharap bukan sekadar acara, tetapi titik mula memperkukuh semula semangat keluarga besar Malaysia.

Utusan Borneo Online

Kempen '1 Keluarga 1 Anggota SRS' platform tarik minat sertai Skim SRS

15 Mei 2025



(Duduk dari tiga kiri) Mohd Hassim dan Adinin bersama SRS dan KRT Perumahan Rangau menunjukkan risalah Kempen '1 Keluarga 1 Anggota SRS'.

LIMBANG: Kempen '1 Keluarga 1 Anggota SRS' membabitkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Rangau platform tepat dalam menarik minat lebih ramai anggota keluarga di kawasan itu menyertai Skim Rondaan Sukarela (SRS) pada masa depan.

Pengerusi KRT Perumahan Rangau Adinin Adol berkata penglibatan ahli komuniti KRT dan SRS sangat penting dalam usaha memerangi dan mengurangkan kegiatan jenayah di sekitar kawasan kejiranan.

"Kempen yang dilaksanakan amat baik kerana menunjukkan komitmen masyarakat dan penduduk melalui program-program anjuran Jabatan Perpaduan dan kerjasama agensi keselamatan diharap dapat menarik minat lebih ramai anggota keluarga dalam kalangan masyarakat menyertai SRS pada masa depan," katanya kepada media hari ini.

Katanya selain kempen itu, SRS KRT Perumahan Rangau aktif dalam melakukan rondaan dalam menjaga keselamatan dan keamanan di kawasan perumahan itu.

Adinin berkata bagi mewujudkan kejiranan yang selamat dan kondusif ia sebenarnya memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat.

Jelasnya SRS berperanan amat penting dalam memastikan keselamatan kesejahteraan dan keharmonian komuniti termasuk di kawasannya.

Terdahulu SRS KRT Perumahan turut mengadakan rondaan dan menyerahkan risalah kempen '1 Keluarga 1 Anggota SRS' kepada penduduk di kawasan itu.

Turut sama pada kempen itu ialah wakil Pegawai Perpaduan Bahagian Mohd Hassim Daimon.

tvs www.tvsarawak.my

Sambutan Jubli Emas Rukun Tetangga peringkat kebangsaan 28, 29 Ogos – Aaron

15 Mei 2025



Aaron Ago hadir merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Johor dan Prapelancaran Jubli Emas Rukun Tetangga 2025 di Segamat hari ini. Foto, Kementerian Perpaduan Negara.

SEGAMAT, 15 Mei: Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Rukun Tetangga peringkat kebangsaan akan diadakan di Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kasipillay, di Kuala Lumpur pada 28 Ogos ini.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata sambutan turut akan diadakan pada hari berikutnya di Galaxy Hall, Sentul, di ibu negara.

"Selari dengan peredaran zaman dan lima dekad KRT bertapak di negara ini, saya ingin mengumumkan bahawa 'Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan' akan menjadi slogan baharu bagi KRT," katanya ketika merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Johor dan Prapelancaran Jubli Emas Rukun Tetangga 2025 di Dataran Segamat, di sini hari ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara Mohamad Sobri Mat Daud dan Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Datuk Roslan Che Daud.

Aaron berkata penubuhan KRT di Kampung Kasipillay pada 29 Ogos 1975 menjadi titik tolak kepada pembentukan KRT di seluruh negara dan inisiatif berkenaan adalah antara dasar paling berkesan dalam membina jati diri rakyat yang bersatu padu.

"Ia bukan sahaja mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat, malah menjadikan rakyat sebagai ejen perubahan dalam mencorakkan masa depan negara," katanya.

Aaron berkata pada 2024, sebanyak 152 Rukun Tetangga dimodelkan sebagai penggerak komuniti progresif, inisiatif untuk melonjakkan lagi peranan Rukun Tetangga dalam komuniti di negara ini.

Pada majlis berkenaan, Aaron turut melancarkan logo baharu KRT.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas sambutan berkenaan, Aaron berkata setakat ini terdapat sebanyak 8,529 KRT di seluruh negara dengan 20 peratus pengerusi KRT terdiri daripada golongan belia sekali gus membuktikan komitmen anak muda dalam memperkukuh perpaduan komuniti setempat. -TVS

OH MY MEDIA

Menteri Perpaduan seru rakyat jadi ejen keharmonian -"Ia tidak wujud dengan sendiri"

15 Mei 2025



Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang menyatakan bahawa perpaduan dan keharmonian tidak terwujud dengan sendiri dan memerlukan semua pihak untuk sama-sama saling menjaganya.

Menteri Perpaduan seru rakyat sama-sama jaga keharmonian

Perkara tersebut dinyatakan beliau sewaktu merasmikan Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Johor yang berlangsung penuh semangat di Segamat Johor.

Menteri Perpaduan seru rakyat jadi ejen perpaduan

Dengan tema "Harmoni Dalam Kepelbagaian", sambutan ini disifatkan sebagai usaha konsisten kerajaan dalam menyuburkan semangat perpaduan di hati rakyat Malaysia.

"Perpaduan dan keharmonian tidak wujud dengan sendiri. Ia perlu diusahakan, dipelihara, dan diperjuangkan oleh semua pihak," tegas Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya.



Majlis itu turut menyaksikan Pra Pelancaran Jubli Emas Rukun Tetangga, yang kini memasuki usia 50 tahun.

Beliau turut mengumumkan slogan baharu Rukun Tetangga, "Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan", sebagai simbol perubahan lebih segar dan relevan dengan generasi masa kini.



Sebanyak RM600,000 turut diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Johor kepada KRT aktif sebagai tanda sokongan terhadap peranan mereka dalam memperkukuh jaringan sosial masyarakat.

"Anggota KRT adalah wira tidak didendang yang menjadi tulang belakang kestabilan sosial di peringkat akar umbi," katanya lagi.



Menurut beliau, Jubli Emas KRT akan diraikan di peringkat kebangsaan pada 28 dan 29 Ogos 2025 sebagai penghargaan kepada penggerak perpaduan sejak 1975.

"Tindakan kecil hari ini akan mencorakkan masa depan yang lebih aman dan bersatu," ujar beliau, mengajak rakyat menjadi ejen keharmonian di mana sahaja mereka berada.

Sambutan ini diharap bukan sekadar acara, tetapi titik mula memperkukuh semula semangat keluarga besar Malaysia.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

KRT perkenal logo baharu, perkukuh peranan semai perpaduan nasional

16 Mei 2025

KUALA LUMPUR: Kawasan Rukun Tetangga (KRT) tampil dengan logo baharu sebagai usaha memperkukuhkan identiti dan hala tuju peranannya dalam menyemai perpaduan nasional.

Kementerian Perpaduan Negara dalam satu kenyataan berkata, logo digunakan sejak 2005 kini digantikan dengan rekaan baharu yang lebih segar, moden serta penuh simbolik, selaras tema 'Memperkasa Komuniti, Memperkukuh Perpaduan.'

Menurutnya, penjenamaan semula itu bukan sekadar perubahan visual tetapi juga mencerminkan komitmen Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkukuhkan semangat kejiranan dan menggerakkan komuniti akar umbi ke arah masyarakat lebih harmoni, inklusif serta progresif.

"Logo baharu itu dibina berasaskan bentuk segi lima sekata, melambangkan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi tonggak perpaduan nasional. Bentuk ini menggambarkan kestabilan dan asas kukuh dalam membentuk negara yang harmoni serta dinamik.

"Di tengah logo itu terpapar lima figura manusia berganding bahu, melambangkan kepelbagaian kaum di Malaysia yang hidup dalam suasana muafakat. Figura ini dibentuk daripada garisan putih yang bersambung, melambangkan jiwa murni, ketelusan, saling mempercayai serta kesatuan dalam kepelbagaian.

"Warna merah pula menggambarkan semangat jati diri yang tidak pernah luntur, mencerminkan semangat rakyat Malaysia dalam mempertahankan keamanan dan keharmonian negara," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, Kementerian Perpaduan Negara yakin pelancaran logo baharu berkenaan akan memberi nafas baharu kepada gerakan perpaduan negara, terutama dalam memperkasakan peranan komuniti sebagai ejen penyatuan dan keharmonian.

"Dengan wajah baharu ini, KRT diharapkan dapat terus memainkan peranan lebih aktif dan berkesan dalam membentuk komuniti yang peka, bersatu dan sejahtera," katanya.

Menurut kenyataan itu, penubuhan KRT pada 1975 adalah langkah strategik pasca peristiwa 13 Mei 1969, dalam usaha kerajaan menyatukan rakyat pelbagai kaum dan agama melalui semangat kejiranan serta keselamatan setempat.

Antara kejayaan utama KRT ialah peningkatan keharmonian dan toleransi antara kaum hasil pelbagai program sosial serta kebudayaan di kawasan perumahan.

Pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela (SRS) bawah KRT juga berjaya mengurangkan kadar jenayah setempat, selain menyemai nilai kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat.

"KRT juga memainkan peranan aktif dalam pendidikan dan kebajikan komuniti menerusi penganjuran kelas tuisyen percuma, program motivasi remaja, bantuan kepada golongan memerlukan serta aktiviti pembangunan belia dan wanita.

"Peranan KRT menjadi semakin relevan dalam menangani cabaran semasa, termasuk ketika negara berdepan krisis seperti pandemik COVID-19, di mana pasukan KRT menjadi barisan hadapan dalam pengedaran bantuan makanan, menggerakkan inisiatif MOVAK serta memberi sokongan moral kepada penduduk.

"Kini, dengan 8,529 KRT aktif di seluruh negara, inisiatif ini terus menjadi penggerak utama perpaduan pada peringkat komuniti," menurut kenyataan itu.

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

KRT perkenal logo baharu lebih segar, moden

16 Mei 2025



AARON Ago Dagang melancarkan logo baharu Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang rekaannya lebih segar, moden dan penuh simbolik sebagai satu usaha memperkukuh identiti dan hala tuju peranannya menyemai perpaduan nasional.-UTUSAN

KANGAR: Kawasan Rukun Tetangga (KRT) memperkenalkan logo baharu yang rekaannya lebih segar, moden dan penuh simbolik sebagai satu usaha memperkukuh identiti dan hala tuju peranannya menyemai perpaduan nasional.

Logo digunakan sejak tahun 2005 yang diganti baharu itu selaras dengan tema 'Memperkasa Komuniti, Memperkukuh Perpaduan'.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata, penjenamaan semula itu bukan sekadar perubahan visual, tetapi mencerminkan komitmen kementerian memperkukuh semangat kejiranan serta menggerakkan komuniti akar umbi ke arah masyarakat lebih harmoni, inklusif dan progresif.

Katanya, logo baharu yang diperkenalkan itu dibina berasaskan bentuk segi lima sekata, melambangkan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi tonggak kepadaperpaduan nasional.

Beliau berkata, bentuk itu menggambarkan kestabilan dan asas yang kukuh dalam membentuk sebuah negara yang harmoni dan dinamik.

Ujar beliau, di tengah logo tersebut pula terpapar lima figura manusia yang berganding bahu, melambangkan kepelbagaian kaum di Malaysia yang hidup dalam suasana muafakat.

"Figura ini dibentuk daripada garisan putih yang bersambung, melambangkan jiwa murni, ketelusan, saling mempercayai serta kesatuan dalam kepelbagaian. Warna merah pula menggambarkan semangat jati diri yang tidak pernah luntur, mencerminkan semangat rakyat Malaysia dalam mempertahankan keamanan dan keharmonian negara.

"Kementerian Perpaduan Negara yakin bahawa pelancaran logo baharu ini akan memberi nafas baharu kepada gerakan perpaduan negara, terutama dalam memperkasakan peranan komuniti sebagai ejen penyatuan dan keharmonian.

Dengan wajah baharu ini, KRT diharapkan dapat terus memainkan peranan lebih aktif dan berkesan dalam membentuk komuniti yang peka, bersatu dan sejahtera.

"Kementerian menyeru seluruh rakyat Malaysia agar terus mendukung nilai-nilai perpaduan, menjadikan Rukun Negara sebagai panduan bersama dan berganding bahu untuk membina masa depan negara yang lebih aman dan makmur," katanya di sini hari ini.

Penubuhan KRT pada tahun 1975 merupakan salah satu langkah strategik kerajaan pasca peristiwa 13 Mei 1969 untuk mengukuhkan semula perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Ia bertujuan untuk menyemai semangat kejiranan, menyatukan komuniti serta memelihara keharmonian dan keselamatan di peringkat lokaliti.

Melalui pendekatan berbentuk komuniti, KRT diwujudkan sebagai platform menyelesaikan isu-isu setempat, menganjurkan aktiviti sosial dan menjalin hubungan erat antara penduduk tanpa mengira latar belakang.

Sejak penubuhannya, KRT telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam menyemarakkan perpaduan di peringkat akar umbi dan antara kejayaan utama termasuk peningkatan tahap keharmonian dan toleransi antara kaum hasil daripada pelbagai program sosial dan kebudayaan yang dijalankan.-UTUSAN

REFLEKS
SEGAR . AKTIF . TERAMPIL

KRT Perkenal logo baharu, perkukuh identiti dan perpaduan nasional

16 Mei 2025



KAWASAN Rukun Tetangga (KRT) kini melangkah ke era baharu dengan memperkenalkan logo terbaharu sebagai simbol usaha memperkukuh identiti serta hala tuju peranannya dalam menyemai perpaduan nasional. Logo yang telah digunakan sejak tahun 2005 akhirnya digantikan dengan rekaan yang lebih segar, moden, dan penuh simbolik, selari dengan tema "Memperkasa Komuniti, Memperkukuh Perpaduan". Langkah ini menandakan komitmen berterusan KRT dalam memperkasakan semangat kejiranan di seluruh negara.

Penjenamaan semula ini bukan sekadar perubahan visual semata-mata, malah ia mencerminkan iltizam Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkukuh semangat kejiranan serta menggerakkan komuniti akar umbi ke arah masyarakat yang lebih harmoni, inklusif, dan progresif. Logo baharu ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada usaha mempererat hubungan antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Sejarah penubuhan KRT bermula pada tahun 1975 sebagai salah satu langkah strategik kerajaan selepas peristiwa 13 Mei 1969. Matlamat utama penubuhan KRT adalah untuk menyemai semangat kejiranan, menyatukan komuniti, serta memelihara keharmonian dan keselamatan di peringkat lokaliti. Melalui pendekatan berasaskan komuniti, KRT telah menjadi platform penting dalam menyelesaikan isu-isu setempat dan menganjurkan pelbagai aktiviti sosial.



Sejak penubuhannya, KRT telah berjaya mencatatkan pelbagai pencapaian membanggakan dalam menyemarakkan perpaduan di peringkat akar umbi. Antara kejayaan utama adalah peningkatan tahap keharmonian dan toleransi antara kaum hasil pelaksanaan program sosial dan kebudayaan di kawasan perumahan. KRT juga memainkan peranan aktif dalam pendidikan dan kebajikan komuniti melalui kelas tuisyen percuma, program motivasi remaja, bantuan kepada golongan memerlukan, serta pembangunan belia dan wanita.

Selain itu, pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah KRT telah berjaya mengurangkan kadar jenayah setempat. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan keselamatan kawasan perumahan, malah turut menyemai nilai kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan masyarakat setempat.

Peranan KRT semakin terserlah ketika negara berhadapan dengan cabaran semasa seperti pandemik COVID-19. Pasukan KRT menjadi antara barisan hadapan dalam pengedaran bantuan makanan, menggerakkan inisiatif MOVAK, dan memberikan sokongan moral kepada penduduk yang terkesan. Kini, terdapat 8,529 KRT aktif di seluruh negara yang terus menjadi penggerak utama perpaduan di peringkat komuniti.



Logo baharu KRT yang diperkenalkan dibina berasaskan bentuk segi lima sekata, melambangkan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi tonggak perpaduan nasional. Bentuk ini menggambarkan kestabilan serta asas kukuh dalam membentuk negara yang harmoni dan dinamik. Di tengah logo tersebut, terdapat lima figura manusia berganding bahu, melambangkan kepelbagaian kaum di Malaysia yang hidup dalam suasana muafakat.

Figura manusia dalam logo ini dibentuk daripada garisan putih yang bersambung, melambangkan jiwa murni, ketelusan, saling mempercayai, serta kesatuan dalam kepelbagaian. Warna merah pula menggambarkan semangat jati diri rakyat Malaysia yang tidak pernah luntur, mencerminkan semangat mempertahankan keamanan dan keharmonian negara.

Kementerian Perpaduan Negara yakin bahawa pelancaran logo baharu ini akan memberi nafas baharu kepada gerakan perpaduan negara, terutamanya dalam memperkasakan peranan komuniti sebagai ejen penyatuan dan keharmonian. Dengan wajah baharu ini, KRT diharapkan dapat terus memainkan peranan yang lebih aktif dan berkesan dalam membentuk komuniti yang peka, bersatu, dan sejahtera.

Akhir sekali, Kementerian menyeru seluruh rakyat Malaysia agar terus mendukung nilai-nilai perpaduan, menjadikan Rukun Negara sebagai panduan bersama, dan berganding bahu untuk membina masa depan negara yang lebih aman dan makmur. Logo baharu ini diharap menjadi simbol penyatuan dan harapan baharu untuk seluruh rakyat Malaysia. – REFLEKS!

SUARA.TV
BERITA RENTAS PEMIKIRAN

KRT perkenal logo baharu

16 Mei 2025



KUALA LUMPUR, – Kawasan Rukun Tetangga (KRT) kini tampil dengan logo baharu sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh identiti serta hala tuju peranannya dalam menyemai semangat perpaduan nasional.

Logo baharu ini yang dilancarkan oleh Kementerian Perpaduan Negara menggantikan rekaan lama yang telah digunakan sejak 2005, dengan penampilan lebih moden, segar dan sarat dengan simbolik, bertepatan dengan tema "Memperkasa Komuniti, Memperkukuh Perpaduan".

Menurut kenyataan kementerian, penjenamaan semula ini bukan sekadar perubahan visual, sebaliknya mencerminkan komitmen berterusan kerajaan untuk memperkasakan institusi komuniti akar umbi agar kekal relevan dan progresif dalam menghadapi cabaran semasa.

"KRT telah menjadi platform penting dalam merapatkan hubungan antara kaum serta menyemai nilai kejiranan sejak penubuhannya pada tahun 1975. Ia merupakan antara langkah strategik kerajaan pasca peristiwa 13 Mei 1969 bagi mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama," kata kementerian.

Sepanjang hampir lima dekad penubuhannya, KRT memainkan peranan signifikan dalam menjayakan pelbagai inisiatif sosial dan keselamatan komuniti seperti Skim Rondaan Sukarela (SRS), program pendidikan, bantuan kebajikan serta pembangunan remaja dan wanita. Usaha ini telah menyumbang kepada peningkatan tahap toleransi, harmoni dan semangat kesukarelawanan di kawasan perumahan.

Malah, semasa negara berhadapan dengan pandemik COVID-19, pasukan KRT turut turun padang sebagai barisan hadapan dalam pengedaran bantuan, pelaksanaan inisiatif MOVAK dan sokongan moral kepada komuniti setempat.

Kini, dengan lebih 8,500 KRT aktif di seluruh negara, usaha memperkukuh perpaduan terus digerakkan di peringkat lokaliti.

Logo baharu KRT direka berasaskan bentuk segi lima sekata, melambangkan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi asas kepada perpaduan nasional. Di tengah logo, lima figura manusia berganding bahu mewakili kepelbagaian kaum yang hidup dalam muafakat. Figura ini dihasilkan daripada garisan putih bersambung sebagai simbol jiwa murni, ketelusan dan kesatuan.

Warna merah yang digunakan menggambarkan semangat jati diri rakyat Malaysia yang kental dalam mempertahankan keharmonian dan keamanan negara.

Kementerian Perpaduan Negara berharap pelancaran logo baharu ini mampu menyuntik semangat baharu dalam gerakan perpaduan nasional serta memperkukuh peranan komuniti sebagai ejen penyatuan rakyat Malaysia.

"Kami menyeru seluruh rakyat agar terus mendukung nilai-nilai perpaduan dan menjadikan Rukun Negara sebagai panduan hidup bersama. Hanya dengan semangat bersatu dan saling memahami, kita mampu membina masa depan negara yang lebih aman, makmur dan sejahtera," ujar kementerian dalam kenyataan itu.

edisi 9

KRT lancar logo baharu, perkukuh perpaduan komuniti

16 Mei 2025



Aaron Ago Dagang (tengah) ketika melancarkan logo baharu Kawasan Rukun Tetangga di Segamat, Johor semalam.

KAWASAN Rukun Tetangga (KRT) kini tampil dengan logo baharu sebagai usaha memperkukuhkan identiti dan peranan dalam memperkasakan perpaduan di peringkat akar umbi.

Logo yang diperkenalkan Kementerian Perpaduan Negara itu membawa tema Memperkasa Komuniti, Memperkukuh Perpaduan sekali gus menggantikan logo lama yang digunakan sejak tahun 2005.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, penjenamaan semula KRT bukan sekadar perubahan visual tetapi lambang komitmen kementerian untuk terus mengukuhkan semangat kejiranan dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Logo baharu ini menandakan nafas baharu buat gerakan KRT. Ia selaras dengan matlamat kementerian untuk membentuk masyarakat yang harmoni, inklusif dan progresif," katanya dalam kenyataan hari ini.

Majlis pelancaran logo baharu itu disempurnakan oleh Aaron sempena Sambutan Jubli Emas KRT di Segamat, Johor semalam.

KRT mula ditubuhkan pada tahun 1975 sebagai langkah strategik pasca insiden 13 Mei 1969 untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Ia diwujudkan bagi memupuk semangat kejiranan dan menangani isu setempat melalui pendekatan komuniti.



Sejak penubuhannya, Aaron berkata, KRT dilihat berjaya menyemarakkan perpaduan melalui pelbagai program sosial dan kebudayaan yang dijalankan di peringkat komuniti.

Selain itu, katanya, pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela (SRS) turut menyumbang kepada pengurangan kadar jenayah setempat serta menggalakkan budaya kesukarelawanan dalam masyarakat.

Antara inisiatif lain termasuk kelas tuisyen percuma, program pembangunan remaja dan belia, bantuan kepada golongan memerlukan serta aktiviti kebajikan wanita.

"Malah, ketika negara berdepan krisis seperti pandemik COVID-19, pasukan KRT turut turun padang membantu mengagihkan bantuan makanan dan memberikan sokongan moral kepada penduduk yang terkesan," katanya.

Sehingga kini, terdapat sebanyak 8,529 KRT aktif di seluruh negara.

Logo baharu KRT dibina berasaskan bentuk segi lima sekata yang melambangkan lima prinsip Rukun Negara.

Di tengah logo, lima figura manusia yang berganding bahu mewakili kepelbagaian kaum di Malaysia yang hidup dalam suasana muafakat.

Figura tersebut digambarkan dalam bentuk garisan putih bersambung, mencerminkan nilai ketelusan, perpaduan dan kepercayaan antara rakyat pelbagai latar belakang.

Warna merah pula melambangkan semangat jati diri rakyat Malaysia yang teguh mempertahankan keamanan dan keharmonian negara.

Aaron yakin logo baharu ini mampu memberi imej segar kepada KRT dan mengangkat peranan komuniti sebagai ejen utama perpaduan nasional.

"Kami menyeru seluruh rakyat agar terus menjunjung nilai-nilai perpaduan dan menjadikan Rukun Negara sebagai panduan bersama demi masa depan Malaysia yang aman dan makmur," ujar beliau. – Edisi 9

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

KRT perkenal logo baharu, perkukuh perpaduan nasional

16 Mei 2025



Aaron Ago Dagang (tengah) melancarkan logo baharu Kawasan Rukun Tetangga di Segamat, Johor pada Khamis.

SHAH ALAM – Kawasan Rukun Tetangga (KRT) kini memperkenalkan logo baharu sebagai usaha memperkukuh identiti serta peranan dalam menyemai perpaduan nasional di peringkat akar umbi.

Logo yang digunakan sejak tahun 2005 itu digantikan dengan rekaan baharu yang lebih segar, moden dan penuh simbolik, selaras dengan tema "Memperkasa Komuniti, Memperkukuh Perpaduan".

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, penjenamaan semula ini bukan sekadar perubahan visual, tetapi mencerminkan komitmen kementeriannya untuk memperkukuh semangat kejiranan dalam kalangan rakyat Malaysia.



Menurut beliau, logo baharu tersebut bakal memberi nafas segar kepada gerakan perpaduan negara, terutamanya dalam memperkasakan peranan komuniti sebagai ejen penyatuan serta keharmonian masyarakat.

"Logo baharu ini dibina berasaskan bentuk segi lima sekata yang melambangkan lima prinsip Rukun Negara sebagai tonggak perpaduan nasional.

"Bentuk ini menggambarkan kestabilan dan asas yang kukuh dalam membentuk sebuah negara yang harmoni dan dinamik.

"Di tengah logo tersebut, terpapar lima figura manusia berganding bahu yang melambangkan kepelbagaian kaum di Malaysia yang hidup dalam suasana muafakat," katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Majlis pelancaran logo baharu itu telah disempurnakan oleh Aaron sempena Sambutan Jubli Emas KRT yang berlangsung di Segamat, Johor pada Khamis.

KRT mula ditubuhkan pada tahun 1975 sebagai langkah strategik pasca insiden 13 Mei 1969 untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan agama di Malaysia. Penubuhan ini bertujuan memupuk semangat kejiranan dan menangani isu setempat melalui pendekatan komuniti.

Tambah Aaron, penubuhan KRT telah berjaya menyemarakkan perpaduan melalui pelbagai program sosial dan kebudayaan yang dilaksanakan di peringkat komuniti.

"Selain itu, pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela (SRS) turut menyumbang kepada pengurangan kadar jenayah setempat serta menggalakkan budaya kesukarelawanan dalam masyarakat.

"Antara inisiatif lain yang digerakkan termasuk kelas tuisyen percuma, program pembangunan remaja dan belia, bantuan kepada golongan memerlukan serta aktiviti kebajikan wanita," ujarnya.

Malaysia Tribune

Kawasan Rukun Tetangga perkenal logo, slogan baharu

16 Mei 2025



Pelancaran logi baharu KRT di Segamat disempurnakan Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang semalam.

SEGAMAT – Kementerian Perpaduan Negara memperkenalkan pembaharuan melibatkan logo dan slogan baharu Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai usaha memperhebat peranan komuniti di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, langkah itu dibuat selari dengan perkembangan semasa, selepas lebih lima dekad KRT berperanan sebagai pemacu perpaduan rakyat berbilang kaum.

Menurut beliau, slogan baharu iaitu "Memperkasa Komuniti, Mengukuh Perpaduan" dipilih bagi memberi suntikan semangat dan identiti baharu kepada lebih 8,529 KRT yang aktif di seluruh negara ketika ini.

"Dulu mungkin ramai yang tak kenal apa itu KRT, tapi sekarang KRT jadi jentera utama kementerian dalam mengukuhkan perpaduan masyarakat.

"Setiap kali kita anjur program perpaduan, kehadiran dan penyertaan daripada KRT memang sangat menggalakkan," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Johor di Segamat, semalam.



Beliau berkata, pembaharuan tersebut juga melambangkan komitmen kerajaan dalam menjadikan KRT lebih relevan dan inklusif, terutama dalam menarik penglibatan generasi muda.

"Setakat ini, 20 peratus daripada pengerusi KRT seluruh negara terdiri daripada golongan belia. Ini satu perkembangan yang positif kerana kita mahu komuniti terus dipimpin oleh tenaga muda yang dinamik," katanya lagi.

Aaron berkata, kementeriannya akan terus memperkasakan KRT sebagai platform penting dalam memperkukuh keharmonian rakyat dan menyemai semangat kejiranan di peringkat akar umbi.

KOSMO!

KRT perkenal logo baharu, perkukuh perpaduan negara

16 Mei 2025



Pelancaran logo baharu KRT di Segamat, Johor semalam.

PETALING JAYA – Kementerian Perpaduan Negara memperbaharui slogan dan logo Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sebagai simbol penjenamaan semula serta usaha memperkukuh identiti dan hala tuju peranannya dalam menyemai perpaduan nasional.

Logo baharu itu diperkenalkan bagi menggantikan rekaan lama yang digunakan sejak 2005, selaras dengan tema 'Memperkasa Komuniti, Memperkukuh Perpaduan' sekali gus menyuntik semangat baharu kepada lebih 8,529 KRT yang aktif di seluruh negara.

Kementerian Perpaduan dalam kenyataan berkata, perubahan ini bukan sekadar penampilan visual, sebaliknya mencerminkan komitmen kerajaan untuk terus mengukuhkan semangat kejiranan dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Ia selaras dengan matlamat kementerian untuk membentuk masyarakat yang harmoni, inklusif dan progresif," katanya hari ini.

Menurutnya, sejak penubuhan KRT, pelbagai kejayaan dicapai termasuk pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang berjaya mengurangkan kadar jenayah di kawasan perumahan.

"KRT turut aktif menganjurkan kelas tambahan percuma, program motivasi remaja serta pelbagai aktiviti kebajikan, pembangunan belia dan wanita," katanya.

KRT ditubuhkan pada tahun 1975 sebagai inisiatif pasca tragedi 13 Mei 1969 bagi menyatukan semula rakyat Malaysia selain menjadi platform komuniti bagi menyelesaikan isu setempat, merapatkan kejiranan dan mengukuh keharmonian sosial. – KOSMO! ONLINE

Wadah Pembaharuan BH BeritaHarian

KRT tampil logo baharu perkukuh identiti

17 Mei 2025

KRT tampil logo baharu perkukuh identiti

Kuala Lumpur: Kawasan Rukun Tetangga (KRT) tampil dengan logo baharu sebagai usaha memperkukuh identiti dan peranannya dalam menyemai perpaduan nasional.

Kementerian Perpaduan Negara dalam satu kenyataan berkata, logo digunakan sejak 2005 kini digantikan dengan rekaan baharu yang lebih segar, moden serta penuh simbolik, selaras tema 'Memperkasa Komuniti, Memperkukuh Perpaduan.'

Menurutnya, penjenamaan semula itu bukan sekadar perubahan visual tetapi juga mencerminkan komitmen Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkukuh semangat kejiranan dan menggerakkan komuniti akar umbi ke arah masyarakat lebih harmoni, inklusif serta progresif.

"Logo baharu itu dibina berasaskan bentuk segi lima sekata, melambangkan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi tonggak perpaduan nasional.

"Bentuk ini menggambarkan kestabilan dan asas kukuh dalam membentuk negara harmoni serta dinamik.

"Di tengah logo itu terpapar lima figura manusia berganding bahu, melambangkan kepelbagaian kaum di Malaysia yang hidup dalam suasana muafakat.

"Figura ini dibentuk daripada garisan putih yang bersambung, melambangkan jiwa murni, ketelusan, saling mempercayai serta kesatuan dalam kepelbagaian.

"Warna merah pula menggambarkan semangat jati diri yang tidak pernah luntur, mencerminkan semangat rakyat Malaysia dalam mempertahankan keamanan dan keharmonian negara," katanya.

Menurut kenyataan itu, penubuhan KRT pada 1975 ialah langkah strategik pasca peristiwa 13 Mei 1969, dalam usaha kerajaan menyatukan rakyat pelbagai kaum dan agama melalui semangat kejiranan serta keselamatan setempat.

Antara kejayaan utama KRT ialah peningkatan keharmonian dan toleransi di antara kaum hasil pelbagai program sosial serta kebudayaan di kawasan perumahan.



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (tengah) bersama logo baharu Kawasan Rukun Tetangga (KRT) pada Majlis Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Johor di Dataran Segamat, kelmarin. (Foto BERNAMA)

TELUS & TULUS Sinar Harian

KRT perkenal logo baharu

17 Mei 2025

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN Sinar Harian

KRT perkenal logo baharu

Usaha perkukuh identiti, peranan semai perpaduan

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) memperkenalkan logo baharu sebagai satu usaha memperkukuh identiti dan peranan dalam menyemai perpaduan nasional di peringkat akar umbi.

Logo yang digunakan sejak 2005, digantikan dengan rekaan baharu lebih segar, moden dan penuh simbolik, selaras dengan tema 'Memperkasa Komuniti, Memperkukuh Perpaduan'.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, penjenamaan semula itu bukan sekadar perubahan visual tetapi mencerminkan komitmen kementerian untuk memperkukuh semangat kejiranan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Menurutnya, logo itu akan memberi nafas baharu kepada gerakan perpaduan negara, terutama dalam memperkasakan peranan komuniti sebagai ejen penyatuan serta keharmonian.

"Logo baharu yang diperkenalkan dibina berasaskan bentuk segi lima sekata, melambangkan lima prinsip Rukun Negara yang menjadi tonggak kepada perpaduan nasional.

"Bentuk ini menggambarkan kestabilan dan asas yang kukuh dalam membentuk sebuah negara yang harmoni dan dinamik.

"Di tengah logo tersebut terpapar lima figura manusia yang berganding bahu, melambangkan kepelbagaian kaum di Malaysia yang hidup dalam suasana muafakat," katanya.

Logo baharu itu dilancarkan Aaron sempena Sambutan Jubli Emas KRT di Segamat, Johor pada Khamis.

KRT mula ditubuhkan pada 1975 sebagai langkah strategik pasca insiden 13 Mei 1969 untuk menyatupadukan rakyat Malaysia dan diwujudkan bagi memupuk semangat kejiranan serta menangani isu setempat melalui pendekatan komuniti.

Mengulas lanjut Aaron berkata, penubuhan KRT dilihat berjaya menyemarakkan perpaduan melalui pelbagai program sosial dan kebudayaan yang dijalankan di peringkat komuniti.

"Selain itu, pelaksanaan Skim Rondaan Sukarela (SRS) turut menyumbang kepada pengurangan kadar jenayah setempat serta menggalakkan budaya kesukarelawanan dalam masyarakat," ujarnya.

Logo baharu KRT yang dilancarkan pada Khamis.



Aaron (tengah) melancarkan logo baharu KRT di Segamat.

BERNAMA

Arkib Negara Disaran Dekati Komuniti, Elak Kehilangan Sejarah Penting – Aaron

17 Mei 2025



BERNAMA

National Archives Urged To Engage communities To Preserve Key Historical Records

17 May 2025



NEW STRAITS TIMES

National Archives urged to engage communities to preserve key historical records

17 May 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said such efforts could be implemented through initiatives like the Community Archives programme, aimed at enriching the country's historical narrative and providing greater context to past events. Bernama pic

KLANG: The National Unity Ministry has urged the National Archives of Malaysia (Nam) to strengthen its engagement with individuals, historians, organisations, and cultural figures who possess valuable historical materials, to ensure that the nation does not lose significant parts of its historical legacy.

Minister Datuk Aaron Ago Dagang said such efforts could be implemented through initiatives like the Community Archives programme, aimed at enriching the country's historical narrative and providing greater context to past events.

"Many local stories and events, from before independence to the present day, have yet to be documented. These experiences are crucial in helping us understand the broader context of our national history.

"Our history isn't solely found in textbooks or official records, it lives in the stories and memories of our communities. Every village, town, and district has its own unique narrative that contributes to our national identity," he said after launching the Community Archives programme here today.

Aaron also encouraged the public to contribute personal collections to NAM to help expand the national archive and fill existing gaps in historical documentation.

He proposed establishing a Community Archive centre in every community and district in collaboration with local authorities, as a means of sustaining active community involvement in the identification, collection, acquisition, and preservation of historical heritage.

"A dedicated Community Archives portal could also be developed, allowing researchers, communities, and contributors to access and explore historical materials online.

"These individuals are witnesses to key moments, custodians of tradition, and agents of change. Without their active involvement, much of our heritage risks being lost over time," he added.

Earlier, Aaron launched the Community Archive programme at the Royal Klang City Council (MBDK) Heritage Gallery.

Among the highlights of the programme were sessions for the submission of materials and documents, material copying services, collection conservation and book-binding services, as well as exhibition booths and demonstrations related to art, culture, and the country's historical heritage.

Also present were Nam director-general Datuk Jaafar Sidek Abdul Rahman, Nam advisory board chairman Tan Sri Alimuddin Mohd Dom, and MBDK mayor Datuk Abd Hamid Hussain.

KOSMO!

Arkib Negara disaran dekati pengumpul koleksi, elak sejarah ditelan zaman

17 Mei 2025



AARON melancarkan program itu di Bangunan Galeri Warisan MBDK, Klang, hari ini.- Foto oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED / KOSMO!

KLANG – Arkib Negara (ANM) disaran terus mendekati individu dan pertubuhan di seluruh negara yang memiliki koleksi sejarah menerusi pelaksanan program Arkib Komuniti.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, program itu dicadang supaya ditubuhkan di setiap komuniti dan daerah dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT).

Jelas beliau, langkah itu bagi memastikan penglibatan aktif komuniti dalam pengesanan, pengumpulan, perolehan dan pemeliharaan warisan sejarah negara.

"Selain itu, ANM boleh membangunkan laman khas Arkib Komuniti yang berfungsi sebagai portal bagi penyelidik, komuniti atau penyerah bahan mengakses maklumat secara dalam talian.

"Mereka merupakan saksi peristiwa penting, penjaga tradisi dan penggerak perubahan. Tanpa penglibatan aktif komuniti, banyak aspek sejarah kita mungkin hilang ditelan zaman," katanya selepas melancarkan program itu di Bangunan Galeri Warisan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) di sini, hari ini.

Menurut Aaron, penemuan sumber sejarah baharu melengkapkan naratif dalam memahami sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lampau.

"Banyak bahan di peringkat komuniti dari zaman merdeka masih tidak dapat dikumpul dan didokumentasikan sehingga kini. Cerita dan pengalaman mereka dapat menjadi sumber penting bagi memahami latar belakang sejarah," ujarnya.

– KOSMO! ONLINE

Utusan Borneo Online

Arkib Negara disaran dekati pengumpul koleksi, elak sejarah ditelan zaman

17 Mei 2025

KLANG: Arkib Negara Malaysia (ANM) disaran mendekati anggota komuniti termasuk tokoh, pertubuhan dan purbawan yang mempunyai koleksi bernilai tinggi bagi memastikan negara tidak kehilangan sumber sejarah penting.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (gambar) berkata usaha berkenaan boleh dilakukan menerusi program seperti Arkib Komuniti sekali gus membantu melengkapkan naratif pensejarahan negara untuk memahami sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lampau.

"Banyak peristiwa di peringkat komuniti dari sebelum merdeka sehingga kini masih belum dapat dikumpul dan didokumentasikan. Cerita dan pengalaman mereka dapat menjadi sumber penting untuk memahami latar belakang sejarah.

"Sejarah negara kita bukan hanya tercatat dalam buku teks atau dokumen rasmi, tetapi juga hidup dalam pengalaman serta kisah-kisah komuniti kita dengan setiap kampung, bandar dan kawasan mempunyai cerita unik yang membentuk identiti negara," katanya ketika ditemui selepas melancarkan program Arkib Komuniti di Pekarangan Bangunan Galeri Warisan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) di sini hari ini.

Aaron turut mengalu-alukan orang ramai untuk menyumbang koleksi persendirian kepada ANM bagi melengkapkan koleksi bahan dan mengisi jurang maklumat sejarah sedia ada.

Beliau turut mencadangkan agar Arkib Komuniti ditubuhkan di setiap komuniti dan daerah dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara bertujuan mengekalkan penglibatan aktif komuniti dalam pengesanan, pengumpulan, pemerolehan dan pemeliharaan warisan sejarah negara.

"ANM juga boleh membangunkan laman khas Arkib Komuniti yang boleh berfungsi sebagai portal ke masa lalu dengan penyelidik, komuniti atau penyerah bahan dapat mengakses dan mendapatkan maklumat sejarah komuniti secara dalam talian.

"Mereka adalah saksi kepada peristiwa penting, penjaga tradisi dan penggerak perubahan. Tanpa penglibatan aktif komuniti, banyak aspek sejarah kita mungkin akan hilang ditelan zaman," katanya.

Antara pengisian menarik sepanjang program Arkib Komuniti di Klang itu ialah sesi penyerahan bahan dan dokumen, perkhidmatan penyalinan bahan, perkhidmatan pemuliharaan serta penjilidan koleksi, reruai pameran dan demonstrasi berkaitan seni, budaya serta sejarah warisan negara.

Turut hadir Ketua Pengarah ANM Datuk Jaafar Sidek Abdul Rahman, Pengerusi Lembaga Penasihat ANM Tan Sri Alimuddin Mohd Dom dan Datuk Bandar MBDK Datuk Abd Hamid Hussain.

astro AWANI

Arkib Negara disaran dekati komuniti, elak kehilangan sejarah penting – Aaron

17 Mei 2025



Aaron Ago Dagang menyarankan Arkib Negara mendekati komuniti, tokoh dan pertubuhan yang memiliki koleksi sejarah bernilai tinggi melalui program seperti Arkib Komuniti bagi melengkapkan naratif sejarah negara. -Gambar fail/Kementerian Perpaduan

KLANG: Arkib Negara Malaysia (ANM) disaran mendekati anggota komuniti termasuk tokoh, pertubuhan dan purbawan yang mempunyai koleksi bernilai tinggi bagi memastikan negara tidak kehilangan sumber sejarah penting.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata usaha berkenaan boleh dilakukan menerusi program seperti Arkib Komuniti sekali gus membantu melengkapkan naratif pensejarahan negara untuk memahami sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lampau.

"Banyak peristiwa di peringkat komuniti dari sebelum merdeka sehingga kini masih belum dapat dikumpul dan didokumentasikan. Cerita dan pengalaman mereka dapat menjadi sumber penting untuk memahami latar belakang sejarah.

"Sejarah negara kita bukan hanya tercatat dalam buku teks atau dokumen rasmi, tetapi juga hidup dalam pengalaman serta kisah-kisah komuniti kita dengan setiap kampung, bandar dan kawasan mempunyai cerita unik yang membentuk identiti negara," katanya ketika ditemui selepas melancarkan program Arkib Komuniti di Pekarangan Bangunan Galeri Warisan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) di sini hari ini.

Aaron turut mengalu-alukan orang ramai untuk menyumbang koleksi persendirian kepada ANM bagi melengkapkan koleksi bahan dan mengisi jurang maklumat sejarah sedia ada.

AARON-ARKIB 2 (AKHIR) KLANG

Beliau turut mencadangkan agar Arkib Komuniti ditubuhkan di setiap komuniti dan daerah dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara bertujuan mengekalkan penglibatan aktif komuniti dalam pengesanan, pengumpulan, pemerolehan dan pemeliharaan warisan sejarah negara.

"ANM juga boleh membangunkan laman khas Arkib Komuniti yang boleh berfungsi sebagai portal ke masa lalu dengan penyelidik, komuniti atau penyerah bahan dapat mengakses dan mendapatkan maklumat sejarah komuniti secara dalam talian.

"Mereka adalah saksi kepada peristiwa penting, penjaga tradisi dan penggerak perubahan. Tanpa penglibatan aktif komuniti, banyak aspek sejarah kita mungkin akan hilang ditelan zaman," katanya.

Antara pengisian menarik sepanjang program Arkib Komuniti di Klang itu ialah sesi penyerahan bahan dan dokumen, perkhidmatan penyalinan bahan, perkhidmatan pemuliharaan serta penjilidan koleksi, reruai pameran dan demonstrasi berkaitan seni, budaya serta sejarah warisan negara.

Turut hadir Ketua Pengarah ANM Datuk Jaafar Sidek Abdul Rahman, Pengerusi Lembaga Penasihat ANM Tan Sri Alimuddin Mohd Dom dan Datuk Bandar MBDK Datuk Abd Hamid Hussain.

-- BERNAMA

selangorkini

Klang perintis program dokumentasi sejarah, jadi rujukan generasi baharu

17 Mei 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (kanan) merasmikan Program Arkib Komuniti diperhatikan Datuk Bandar Klang Dato' Abd Hamid Hussain (dua kiri) di pekarangan Galeri Warisan MBDK, Jalan Tengku Kelana Klang pada 17 Mei 2025. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/MEDIASELANGOR

KLANG, 17 MEI: Klang dipilih sebagai lokasi pertama pelancaran Program Arkib Komuniti, selaras dengan statusnya sebagai pusat sejarah yang kaya dengan warisan budaya.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata program ini adalah inisiatif penting bagi mengumpul, mendokumentasi dan memelihara sejarah tempatan.

"Sejarah Klang itu adalah amat bernilai bagi kita dan sebab itu kita mula lancarkan program ini di Klang.

"Kita berharap dengan program ini kita dapat pergi ke lapangan untuk mengumpul sejarah-sejarah artifak yang ada di sini," katanya selepas merasmikan program berkenaan di sini, hari ini.



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (dua, kiri) bersama Datuk Bandar Klang Dato' Abd Hamid Hussain melawat ke ruang pameran selepas merasmikan Program Arkib Komuniti di pekarangan Galeri Warisan MBDK, Jalan Tengku Kelana Klang pada 17 Mei 2025. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/MEDIASELANGOR

Aaron Ago menambah inisiatif berkenaan adalah antara usaha berterusan memastikan sejarah yang berharga tidak hilang dan terus diingati generasi akan datang.

"Usaha ini dijalankan supaya kita dapat bersama-sama dengan masyarakat mengumpul sejarah dan artifak yang tidak terkumpul, kalau tidak, ia akan hilang mungkin banyak yang sudah hilang seperti generasi dulu.

"Dengan maklumat kita kumpulkan, simpan di dalam Arkib Negara, ia boleh menjadi rujukan pelajar-pelajar untuk mengetahui sejarah-sejarah di negara ini," katanya.

Tambah beliau, program di bawah Arkib Negara ini tidak hanya tertumpu kepada kajian lapangan tetapi turut mendorong penyertaan aktif masyarakat.

"Orang ramai, termasuk individu dan keluarga, digalakkan menyumbang bahan-bahan seperti cerita keluarga atau pohon salasilah kepada Arkib Negara," tambahnya.

Selain itu, Aaron Ago memaklumkan Arkib Negara kini sedang melaksanakan transformasi untuk memastikan bahan-bahan sejarah dapat diakses secara digital melalui peruntukan besar yang telah disalurkan.

"Pelancaran di Klang hanyalah permulaan. Program Arkib Komuniti akan diperluaskan ke seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak, yang turut menyimpan khazanah sejarah unik.

"Sebagai contoh, adat dan tradisi masyarakat Iban di Sarawak perlu didokumentasikan sebelum ia hilang ditelan masa," ujarnya lagi.

Sementara itu, Datuk Bandar Klang Dato' Abdul Hamid Hussain menyifatkan pemilihan Klang sebagai lokasi pertama adalah tepat kerana bandar ini menyimpan sejarah yang luar biasa, termasuk kewujudannya yang dianggarkan lebih daripada 4,000 tahun.



Datuk Bandar Klang Dato' Abd Hamid Hussain bercakap kepada media ketika majlis perasmian Program Arkib Komuniti di pekarangan Galeri Warisan MBDK, Jalan Tengku Kelana Klang pada 17 Mei 2025. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/ MEDIASELANGOR

"Saya berasa sangat bangga dan berterima kasih atas pemilihan ini, pada masa sama, kita telah menyimpan pelbagai sejarah yang masih ada.

"Kami menggalakkan penglibatan semua pihak dan berharap program ini memberikan kebaikan kepada komuniti, seterusnya menyimpan satu khazanah negara secara baik, teratur dan boleh diakses oleh masyarakat ataupun generasi akan datang," katanya.

KPN gerak program Arkib@Komuniti, mahu masyarakat jadi penjaga sejarah

17 Mei 2025



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia (ANM) kini menggerakkan inisiatif Arkib@ Komuniti bagi mengangkat semula peranan rakyat dalam memelihara khazanah warisan negara.



KPN gerak program Arkib@Komuniti dilancarkan Menteri Perpaduan

Program yang dilancarkan oleh Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang ini telah disempurnakan di Galeri Warisan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), Selangor.

Menurut Menteri Perpaduan, inisiatif ini adalah satu langkah aktif selari dengan prinsip Malaysia MADANI bagi membina jati diri nasional menerusi penceritaan sejarah rakyat dari akar umbi.

"Program Arkib Komuniti ini akan disebar luaskan oleh ANM ke komuniti seluruh negara bagi mendekati individu, keluarga, tokoh, pertubuhan, purbawan (collector) dan komuniti yang memiliki koleksi bernilai sejarah.

"Orang ramai dialu-alukan untuk menyumbang koleksi persendirian kepada ANM bagi melengkapkan koleksi bahan dan mengisi jurang maklumat sejarah sedia ada," katanya.



KPN gerak program Arkib@Komuniti dengan kerjasama PBT

Menurut beliau lagi, penubuhan Arkib Komuniti di setiap daerah dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) akan membantu memastikan penglibatan aktif masyarakat dalam kerja-kerja pengesanan, pengumpulan dan pemeliharaan sejarah.

Beliau turut menyarankan agar ANM membangunkan laman khas Arkib Komuniti sebagai "portal ke masa lalu" untuk akses maklumat sejarah komuniti secara atas talian.

"Bagi melengkapkan pendokumentasian sumber sejarah komuniti, Arkib Negara disarankan untuk membangunkan laman khas Arkib Komuniti.

"Laman ini boleh berfungsi sebagai "portal ke masa lalu" di mana penyelidik, komuniti atau penyerah bahan dapat mengakses dan mendapatkan maklumat sejarah komuniti secara atas talian," ujarnya lagi.



Difahamkan, program ini turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti sesi penyerahan bahan sejarah, perkhidmatan imbas dan pemuliharaan koleksi, pameran seni budaya serta tayangan wayang pacak.

Langkah ini membuktikan bahawa KPN serius mahu menjadikan masyarakat sebagai penjaga sejarah dan bukan hanya melalui arkib rasmi, tetapi juga suara dan koleksi rakyat sendiri.

www.tvsarawak.my

Arkib Negara diseru turun padang, kumpul warisan komuniti

17 Mei 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang melancarkan Program Arkib Komuniti 2025 yang berlangsung di Galeri Warisan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), di sini, hari ini. Foto TVS

KLANG, 17 Mei: Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang, menyeru agar Arkib Negara Malaysia memperluaskan pelaksanaan Program Arkib Komuniti dengan pendekatan lebih proaktif dan menyeluruh ke seluruh pelosok negara.

Dalam ucapan perasmian Majlis Pelancaran Program Arkib Komuniti 2025, Aaron menekankan pentingnya penglibatan terus antara Arkib Negara dan masyarakat umum dalam mengenal pasti serta mendokumentasi khazanah sejarah negara.

"Saya berharap Program Arkib Komuniti dapat disebarluaskan oleh Arkib Negara ke komuniti seluruh negara.

"Saya menyeru Arkib Negara untuk turun padang dan mendekati individu, keluarga, tokoh, pertubuhan, dan komuniti yang memiliki koleksi bernilai sejarah," katanya pada Majlis Pelancaran Program Arkib Komuniti 2025 yang berlangsung di Galeri Warisan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Aaron menyifatkan masih banyak sejarah tempatan yang belum didokumentasi secara rasmi, terutama kisah-kisah komuniti di kampung, pekan kecil mahupun kawasan bandar yang memainkan peranan penting dalam sejarah negara.

Sehubungan itu, beliau turut mencadangkan penubuhan Arkib Komuniti di peringkat daerah dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan, serta pembangunan laman web khusus yang berfungsi sebagai 'portal ke masa lalu' bagi memudahkan akses dan sumbangan bahan sejarah oleh masyarakat.

Langkah ini, katanya, mampu membuka ruang kepada pelbagai lapisan rakyat untuk menjadi sebahagian daripada naratif sejarah negara.

"Komuniti bukan sahaja penerima perubahan, tetapi ejen aktif dalam membentuk budaya dan identiti Malaysia," katanya.

Majlis ini turut dihadiri oleh wakil-wakil komuniti, sejarawan tempatan, dan tokoh budaya yang menyokong inisiatif ini sebagai cara berkesan mengekalkan warisan negara melalui suara rakyat sendiri. – TVS

星洲日報
SIN CHEW DAILY

不容抵触国家主流文化 拟立法监管博物馆

2025年05月18日



星洲日报 SIN CHEW DAILY

不容抵触国家主流文化 拟立法监管博物馆

2025年05月18日



卡马鲁指出，国家博物馆法案的设立是在参考多个国家的立法模式后，为建立一套全面的注册与监管机制所做出的 提案。（辛柄耀摄）

（吉隆坡18日讯）博物馆名堂多，加上外国出现特殊博物馆的趋势，团结部要立法监管博物馆，确保其内容不会抵触国家主流文化或法律，包括设立博物馆理事会，以定标准机制，审批、监督全国 范围的新设博物馆。

设全面注册与监管机制

大马国家博物馆局总监兼大马博物馆协会主席拿督卡马鲁指出，国家博物馆法案是参考多个国家的立法模式，旨在建立一套全面的注册与监管机制。

“我们发现，有些团体申请设立博物馆，但其内容或倾向甚至可能与国家主流文化或法律相抵触。”

他今日出席2025年马来西亚国际博物馆日研讨会时指出，外国有许多类型特殊的博物馆，如大麻博物馆、性文化博物馆等，基于有关趋势，我们必须设立一套制度，界定什么可以成为博物馆。”

他表示，政府草拟法案的目标之一是监管博物馆的设立，确保不会与大马的社会价值或主流文化相冲突。同时，设立一套标准机制，以审批、监督全国范围内的新设博物馆。

“目前，唯一拥有较完整的博物馆机构法案的州属是槟城。不少州属也向联邦政府反映，希望制定一套更清晰的博物馆设立政策。”

预计11月向国会提呈

团结部长拿督斯里艾伦达干表示，该部预计11月会向国会提呈这份法案，以规范国内博物馆的活动，法案将包括设立博物馆理事会，负责提供咨询与方向。

艾伦达干为这项研讨会主持开幕致词时指出，法案涵盖了博物馆的标准定义，因为有些所谓的“博物馆”其实是仓库，但却打着“博物馆”的旗号运作，有关法案也将订立符合国际规范的标准。

他指草拟法案已到最后阶段，还未提交内阁，该部与马来西亚国家博物馆局正在与各方接洽，以进行广泛的接触和协商，特别是涉及私人和州属博物馆的协调问题，预料会在今年最后一季度提呈到国会辩论。

法案牵连广 制定耗时

至于草拟法案耗费长时间的原因，他解释，这是因博物馆事务过去隶属不同部门、不同法令，此前仅以2005年国家遗产法令为依据。

他说，马来西亚目前共有232座博物馆，包括联邦级的博物馆、州立机构、私人收藏馆及个人博物馆。不过，联邦属下的博物馆只有22间左右。

“其实该法案曾提呈到内阁审议，但由于必须做出一些修订，特别是涉及州政府和私人机构的合作，我们决定再次优化草案。”

此次研讨会主题为“博物馆在快速转变社区中的未来”，聚集国内外文化与专家，共同探讨马来西亚博物馆体系的未来方向，大马、印尼、中国、印度、菲律宾等国家的国际专家分享各地博物馆如何应对全球化发展的经验。出席者有团结部副秘书长莫哈未索比里、吉打州博物馆局副总监哈芝阿都贾法，以及吉打州博物馆主任苏海迪。



艾伦达干说，有些所谓的“博物馆”其实只是仓库，但却打着“博物馆”的旗号运作，当局正在草拟的国家博物馆法案将订立符合国际规范的标准。（辛柄耀摄）



艾伦达干说，有些所谓的“博物馆”其实只是仓库，但却打着“博物馆”的旗号运作，当局正在草拟的国家博物馆法案将订立符合国际规范的标准。（辛柄耀摄）

BERNAMA

Kementerian Perpaduan Negara Muktamadkan Akta Untuk Kawal Selia Aktiviti Muzium

18 Mei 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (tiga, kiri) menyempurnakan pelancaran Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) hari ini.

BERNAMA

Ministry Finalising Law To Regulate Musuem Acitivities – Aaron

18 May 2025



Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Akta kawal selia aktiviti muzium akan dibentang di Parlimen November ini

18 Mei 2025



Aaron (tiga, kiri) menyempurnakan pelancaran Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 bertemakan 'The Future of Museums in Rapidly Changing Communities', anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) hari ini.

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara kini dalam peringkat akhir merangka akta khusus bagi mengawal selia aktiviti di muzium di seluruh negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata akta itu yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada November ini, bertujuan menyediakan rangka kerja perundangan yang jelas untuk muzium dan memastikan ia diuruskan dengan berkesan dan mampan.

Aaron berkata, matlamat kementerian ialah mewujudkan muzium yang bukan sahaja bersifat pendidikan, tetapi juga menyediakan ruang transformatif yang memberi inspirasi kepada kreativiti, pemikiran kritis dan penghargaan mendalam terhadap nilai kemanusiaan bersama.

"Kementerian komited memastikan muzium kita mencerminkan nilai keterangkuman, kebolehcapaian, kemampanan, dan kepelbagaian.

"Kita akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Muzium untuk membangunkan dan melaksanakan strategi yang sejajar dengan prinsip ini, iaitu meningkatkan kebolehcapaian, mempromosikan naratif inklusif, melaksanakan amalan mampan dan menggalakkan penyertaan komuniti dalam aktiviti muzium dan proses membuat keputusan," katanya dalam ucapan pada Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di sini hari ini.

Sementara itu, pada sidang media, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Datuk Kamarul Baharin A Kasim, berkata akta berkenaan juga mencadangkan penubuhan Majlis Muzium yang berperanan sebagai badan penasihat dan penyeliaan bagi penubuhan dan operasi institusi muzium di negara ini.

Kamarul Baharin berkata, walaupun Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) mengawal perkara berkaitan tapak warisan, monumen serta warisan ketara dan tidak ketara, ia tidak merangkumi aspek peraturan dasar muzium secara keseluruhan.

"Akta ini dirangka mengikut standard antarabangsa dan kita mengambil kira amalan di negara lain ... kita juga mahu wujudkan sistem penarafan serta kawal selia pengoperasian muzium baharu terutama muzium persendirian yang mungkin membawa naratif atau aliran bertentangan dengan dasar negara," katanya.

Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 diadakan bersempena dengan sambutan tahunan Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan secara global pada 18 Mei setiap tahun.

Bertemakan The Future of Museums in Rapidly Changing Communities, sambutan tahun ini mencerminkan peranan muzium yang berkembang di dunia oleh transformasi sosial, teknologi dan alam sekitar.

Dianjurkan dengan kerjasama institusi terkemuka seperti Majlis Muzium Antarabangsa Malaysia (ICOMMAL) dan Lembaga Muzium Negeri Kedah, seminar berkenaan bertujuan mengetengahkan peranan utama muzium dalam pertukaran budaya, kefahaman bersama dan keamanan global.

Acara itu menarik kira-kira 300 peserta termasuk pengamal muzium, penyelidik, ahli akademik, dan pelajar daripada institusi pendidikan tinggi dan syarikat swasta yang terbabit dalam pendigitalan muzium. – BERNAMA

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Akta Muzium dibentang di Parlimen November ini – Aaron

18 Mei 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang menerima cenderamata dari Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin A Kasim pada Majlis Perasmian Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di M Resort Hotel, Kuala Lumpur. Foto SADIQ SANI, 18 MEI 2025

KUALA LUMPUR – Akta Muzium dijangka akan dibentang di Dewan Rakyat pada November tahun ini.

Jelas Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang, draf penggubalan akta tersebut kini peringkat terakhir sebelum dibawa ke Kabinet.

Menurutnya, proses menyiapkan draf tersebut melibatkan sesi libat urus yang pelbagai demi memastikan dasar itu melangkap merangkumi tujuan penubuhan muzium dalam negara.

"Sekarang ini, muzium dan kementerian sedang menyiapkan draf akta berkaitannya kita berharap ianya akan dapat lulus untuk dibawa ke Kabinet seterusnya ke Parlimen.

"Kita perlu (buat) banyak libat urus, di Malaysia kita ada banyak muzium dimiliki oleh pihak swasta di negeri-negeri," katanya ketika sidang media selepas merasmikan Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di Bukit Kiara hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia merangkap Pengerusi Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM), Datuk Kamarul Baharin A. Kasim.

Mengulas lanjut, Kamarul berkata, Akta Muzium itu kelak akan menyelaraskan muzium dalam negara selain mengelakkan percanggahan dengan dasar negara.

"Kita mahu buat penarafan baharu terhadap terma muzium dan kawalan penubuhannya sebab berdasarkan pengalaman kita ada permohonan tubuhkan muzium-muzium yang bercanggah dengan dasar kerajaan.

"Permohonan menunjukkan muzium yang mahu diwujudkan itu ada yang mungkin menyebabkan aliran tertentu contohnya komunisme, sosialis. Kalau kita lihat di luar negara contohnya ada muzium yang mungkin tidak dibenarkan. Contohnya, muzium ganja," tambahnya,

Selain itu beliau berkata, terdapat permohonan daripada kerajaan negeri supaya kerajaan pusat menyediakan dasar berkaitan muzium untuk dijadikan rujukan.

Sebagai rekod, Kementerian Perpaduan mengumumkan akan menggubal akta baharu yang dikenali sebagai Akta Muzium pada September 2023.

Katanya, ia demi kawalan selia terhadap aktiviti berkaitan muzium di seluruh negara.

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Muzium perlu kekal relevan meski berdepan cabaran teknologi – Aaron

18 Mei 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang dan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin A Kasim bergambar bersama para tetamu yang hadir pada Majlis Perasmian Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di M Resort Hotel, Kuala Lumpur. Foto SADIQ SANI, 18 MEI 2025

KUALA LUMPUR – Muzium dalam negara perlu kekal relevan meskipun berdepan dengan cabaran kepesatan teknologi dan arus globalisasi.

Sehubungan itu, Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Dagang berkata, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Muzium untuk melaksanakan strategi tertentu termasuk meningkatkan kebolehcapaian sumber muzium kepada masyarakat dan melakukan promosi yang inklusif mewakili kepelbagaian budaya serta sejarah Malaysia.

"Ini termasuk melaksanakan amalan lestari dalam operasi dan pameran muzium dan menggalakkan penglibatan komuniti dalam aktiviti muzium dan proses membuat keputusan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di Bukit Kiara hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia merangkap Pengerusi Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM), Datuk Kamarul Baharin A.Kasim.

Terdahulu Aaron berkata, Malaysia mempunyai 232 buah muzium merangkumi dii peringkat persekutuan, institusi yang dikendalikan oleh negeri, koleksi persendirian dan muzium peribadi.

Bukan sekadar penjaga khazanah masa lalu negara, Aaron turut menyifatkan muzium sebagai pusat yang dinamik dalam memelihara warisan negara selain mempromosikan perpaduan.

"Di Malaysia, di mana kepelbagaian budaya, tradisi dan sejarah kita bertemu, muzium sentiasa lebih daripada sekadar tempat untuk pembelajaran. Ia merupakan penjaga memori kolektif kita, jambatan yang menghubungkan masa lalu dan masa kini, serta platform untuk dialog antara pelbagai komuniti.

"Ia juga mengenai berinteraksi dengan masa kini dan membentuk masa depan. Muzium menyediakan ruang untuk renungan, memupuk rasa hormat antara satu sama lain, dan meraikan kepelbagaian yang menjadikan Malaysia unik," tambahnya.-MalaysiaGazette

KOSMO!

Muzium tonggak perpaduan negara – Aaron Ago Dagang

18 Mei 2025



Aaron Ago (tiga kiri) merasmikan Majlis Perasmian Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di sini, hari ini. Foto oleh AMIR KHALID

PETALING JAYA – Muzium bukan sahaja berfungsi sebagai tempat memelihara sejarah, malah kini dilihat sebagai wadah penting dalam menyemai perpaduan dan persefahaman nasional.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, institusi muzium perlu terus relevan dalam landskap dunia moden yang sentiasa berubah, termasuk menghadapi cabaran kemajuan teknologi, perubahan sosial serta pengaruh globalisasi.

"Di Malaysia, kita mempunyai sebanyak 232 buah muzium merangkumi peringkat persekutuan, negeri, swasta dan individu.

"Institusi-institusi ini bukan sekadar menjadi penjaga sejarah, tetapi juga pusat dinamik yang mempromosikan warisan, perpaduan dan inklusiviti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 bertemakan "The Future of Museums in Rapidly Changing Communities" di sini hari ini.

Tambahnya, kementeriannya komited memastikan muzium mencerminkan nilai inklusiviti, kebolehcapaian, kelestarian dan kepelbagaian, sejajar dengan peranan baharu Jabatan Muzium Malaysia yang kini di bawah kementerian tersebut.

Menurut Aaron Ago, antara strategi yang sedang digerakkan termasuk meningkatkan kebolehcapaian sumber muzium kepada semua lapisan masyarakat serta memupuk naratif inklusif yang mencerminkan kepelbagaian budaya dan sejarah negara.

"Transformasi digital perlu diterapkan secara serius agar muzium terus relevan dan berfungsi sebagai jambatan antara masa lalu dan masa depan.

"Antara inisiatif yang boleh diterokai termasuk pendigitalan koleksi, pameran realiti maya, aplikasi mudah alih serta penglibatan komuniti melalui platform digital," jelasnya.

Seminar anjuran Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Majlis Muzium Antarabangsa Malaysia (ICOMMAL) dan Lembaga Muzium Negeri Kedah itu menghimpunkan pemain industri, pengkaji serta pengamal muzium dari dalam dan luar negara. – KOSMO! ONLINE

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Pemeliharaan warisan penting untuk perpaduan negara

18 Mei 2025



AARON Ago Dagang (tengah) dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di Kuala Lumpur, hari ini.

KUALA LUMPUR: Muzium bukan sekadar berfungsi sebagai tempat menyimpan artifak sejarah tetapi juga institusi pemupuk semangat perpaduan dan keterangkuman nasional.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, dengan mendukung transformasi digital, negara bukan sahaja memelihara warisan lalu tetapi turut membentuk masa depan yang lebih baik.

"Malaysia merupakan rumah kepada 232 muzium, merangkumi muzium peringkat Persekutuan, institusi yang dikendalikan oleh negeri, koleksi persendirian dan muzium peribadi.

"Institusi-institusi ini bukan sekadar penjaga sejarah tetapi merupakan pusat yang hidup dan aktif dalam memelihara warisan serta memupuk perpaduan dan keterangkuman nasional," katanya merasmikan Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di Bukit Kiara, hari ini.

Seminar bertemakan 'The Future of Museums in Rapidly Changing Communities' anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Majlis Muzium Antarabangsa Malaysia (ICOMMAL) dan Lembaga Muzium Negeri Kedah.

Menurut Aaron, seminar itu usaha JMM untuk memperkukuh peranan muzium sebagai institusi yang relevan dan memberi impak kepada pembangunan sosial, ekonomi dan budaya baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Sementara itu, Ketua Pengarah JMM dan Pengerusi ICOMMAL, Datuk Kamarul Baharin A. Kasim berkata, seminar memfokuskan kepada tiga sub-tema iaitu Warisan Tidak Ketara, Kuasa Belia dan Teknologi Baharu.

"Seminar ini bertujuan memudahkan pertukaran bermakna pengetahuan dan kepakaran antara profesional muzium antarabangsa dan rakan sejawat di Malaysia.

"Melalui perkongsian ini, kami berharap dapat memperkasakan institusi muzium negara untuk menghadapi cabaran masa depan terutamanya dalam menyesuaikan diri dengan permintaan komuniti yang sentiasa berubah," katanya.

Tambah beliau, Warisan Tidak Ketara mengingatkan bahawa selain artifak fizikal yang terdapat di muzium, memelihara aspek budaya yang hidup seperti tradisi, bahasa, ritual dan pengetahuan juga sangat penting.

"Kuasa Belia pula berkisar tentang peranan golongan muda dalam membentuk masa depan muzium.

"Manakala Teknologi Baharu menyoroti peranan transformatif teknologi digital dalam sektor muzium termasuk pameran digital, lawatan maya serta pengalaman realiti terimbuh dan realiti maya," katanya.

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa dirayakan setiap tahun sejak 18 Mei 1977 dan kini merangkumi 158 negara dengan penyertaan lebih 37,000 muzium di seluruh dunia.-UTUSAN

astro AWANI

Akta baharu kawal penyalahgunaaan nama 'muzium'

18 Mei 2025



Aaron Ago (tiga kiri) merasmikan Majlis Perasmian Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di sini, Aaron (tengah) di Majlis Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025, di sini, hari ini.

KUALA LUMPUR: Terdapat banyak institusi yang menggunakan istilah muzium tanpa memenuhi standard atau fungsi sebenar sesebuah muzium, kata Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin A. Kasim.

Justeru katanya, satu akta khusus bagi mengawal penggunaan istilah berkenaan akan digubal oleh Kementerian Perpaduan melalui jabatan berkenaan.

Beliau berkata, penggunaan istilah berkenaan yang tidak dikawal boleh mengelirukan orang awam serta mencemarkan imej institusi muzium yang sebenar.

"Kami mendapati banyak institusi menggunakan nama 'muzium', sedangkan tidak memenuhi kriteria sebuah muzium sebenar. Ada yang hanya berfungsi seperti gudang atau ruang pameran biasa. Akta ini akan memastikan hanya institusi yang memenuhi standard layak digelar muzium.

"Bagi menangani isu ini, kerajaan sedang merangka Akta Muzium yang akan menetapkan kriteria jelas dan sistem penarafan untuk institusi yang ingin menggunakan nama 'muzium' terutamanya dalam sektor swasta dan persendirian," katanya ketika sidang media Majlis Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025, di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Mengulas lanjut, Kamarul Baharin berkata, akta tersebut juga akan memperkenalkan penubuhan Majlis Muzium, sebuah badan penasihat rasmi yang bertanggungjawab menetapkan standard serta menilai kelayakan sesebuah institusi untuk diklasifikasikan sebagai muzium.

"Kita mahu mengelakkan wujudnya muzium yang tidak sah, yang mungkin membawa kandungan bercanggah dengan dasar negara atau tiada nilai pendidikan dan warisan. Penarafan dan pengiktirafan rasmi penting untuk menjamin kualiti serta integriti institusi muzium di negara ini," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, Aaron berkata, Akta Muzium itu dijangka akan dibentangkan di Parlimen November ini.

"Sekarang ini, muzium dan kementerian sedang menyiapkan draf akta berkaitan... kita berharap ia akan dapat lulus untuk dibawa ke Kabinet seterusnya ke Parlimen.

"Kita perlu (buat) banyak libat urus, di Malaysia kita ada banyak muzium dimiliki oleh pihak swasta di negeri-negeri," katanya.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Penggubalan akta muzium capai peringkat akhir – Aaron

18 Mei 2025



AARON Ago Dagang (tengah) semasa merasmikan Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di Kuala Lumpur hari ini.

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara kini berada pada peringkat akhir penggubalan satu akta khusus bagi mewujudkan kerangka undang-undang yang jelas untuk mengawal selia aktiviti muzium di seluruh negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, akta itu akan memastikan pengurusan institusi berkenaan dilaksanakan secara lebih cekap, tersusun dan mampan selaras dengan perubahan fungsi muzium dalam masyarakat moden.

"Akta ini bertujuan memastikan pengurusan muzium berjalan dengan lebih cekap dan mampan melalui kerangka undang-undang yang jelas.

"Akta ini dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen November," katanya ketika merasmikan Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 bertemakan "The Future of Museums in Rapidly Changing Communities" di sini, hari ini.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin A. Kasim, berkata, draf akta itu sedang melalui proses pindaan akhir selepas dibentangkan di peringkat Jemaah Menteri.

Antara kandungan penting akta itu ialah cadangan penubuhan Majlis Muzium yang akan berfungsi sebagai badan penasihat dan pemantau terhadap penubuhan dan operasi institusi muzium di Malaysia.

"Akta ini dirangka mengikut standard antarabangsa dengan mengambil kira amalan di negara lain.

"Beberapa negeri seperti Pulau Pinang sudah mempunyai enakmen, manakala Perak masih dalam proses merangka draf," katanya.

Tambah Kamarul, walaupun Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) mengawal hal berkaitan tapak, monumen serta warisan ketara dan tidak ketara, ia tidak merangkumi aspek pengawalan dasar muzium secara menyeluruh.

"Justeru, kita mahu wujudkan sistem penarafan serta kawal selia terhadap pengoperasian muzium-muzium baharu, terutamanya muzium persendirian yang mungkin membawa naratif bertentangan dengan dasar negara," katanya.

Tambahnya, penggubalan akta itu juga adalah hasil permintaan beberapa kerajaan negeri yang memerlukan satu dasar rujukan di peringkat Persekutuan untuk diadaptasi ke dalam undang-undang negeri masing-masing.-UTUSAN

Akta Khas Muzium bakal dibentang November

18 Mei 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (tiga kiri) menyempurnakan pelancaran Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Foto Bernama

KUALA LUMPUR, 18 Mei: Akta khusus bagi mengawal selia aktiviti muzium di seluruh negara dijangka dibentangkan di Parlimen seawal November tahun ini.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, akta tersebut sedang dalam peringkat penyediaan dan dijangka akan dibawa ke Kabinet.

"Sekarang ini muzium bersama kementerian sedang merangka satu akta khusus untuk mengawal selia aktiviti muzium di seluruh negara.

"Ia masih dalam proses dan kita berharap ia dapat diluluskan untuk dibawa ke Kabinet dan seterusnya ke Parlimen," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di Kuala Lumpur, pada Ahad.

Menurutnya, akta berkenaan penting bagi menyelaras pengurusan kesemua muzium merangkumi peringkat persekutuan, institusi yang dikendalikan kerajaan negeri dan muzium peribadi.

"Kita perlu banyak sesi libat urus kerana di Malaysia ini kita ada banyak muzium swasta, muzium negeri dan muzium persekutuan.

"Akta ini bertujuan untuk menyelaraskan semua muzium agar ada satu rangka kerja undang-undang yang jelas dan memastikan pengurusan muzium lebih berkesan serta mampan," ujarnya.-TVS

Muzium diperkasa guna teknologi moden

18 Mei 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang mengadakan sidang media selepas merasmikan Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) hari ini. Foto: Bernama

KUALA LUMPUR, 18 Mei: Kerajaan komited memperkasa institusi muzium melalui pendekatan transformasi digital yang menekankan nilai keterangkuman, kebolehcapaian, kelestarian dan kepelbagaian.

Menteri Perpaduan, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, usaha bersama dengan Jabatan Muzium Malaysia ini penting agar muzium kekal relevan dan berdaya saing dalam era teknologi moden.

"Dalam era di mana teknologi meresapi setiap aspek kehidupan kita, adalah penting bagi institusi kebudayaan untuk berkembang seiring dengan jangkaan dan keperluan dunia moden.

"Transformasi digital memberikan peluang untuk kita mengekalkan khazanah warisan negara dan pada masa sama menjadikannya lebih mudah diakses oleh masyarakat tempatan dan global," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025, di Kuala Lumpur pada Ahad.

Menurutnya, muzium bukan sekadar tempat menyimpan artifak sebaliknya menjadi ruang penceritaan, pembentukan identiti dan pemupukan perpaduan masyarakat.

Aaron menjelaskan, antara inisiatif utama yang digariskan termasuk pendigitalan koleksi muzium, penggunaan teknologi realiti maya dan tambahan (VR dan AR), pameran digital interaktif, pembangunan aplikasi mudah alih serta platform atas talian mesra pengguna.

Beliau turut menekankan kepentingan pendekatan teknologi digital dalam pameran muzium bagi mencerminkan kepelbagaian budaya dan sejarah Malaysia.

"Kita mahu setiap rakyat Malaysia merasakan muzium ini milik mereka. Oleh itu, penglibatan komuniti dalam aktiviti dan proses membuat keputusan muzium amat digalakkan," ujarnya..

Majlis itu tadi turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Muzium Negara, Datuk Kamarul Baharin dan Timbalan Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Kedah, Abdul Ghafar Saad.-TVS

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Peranan muzium diperkukuh, bukan sekadar tempat simpan artifak

18 Mei 2025



Aaron (tiga dari kiri) menyempurnakan gimik perasmian Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di ibu negara pada Ahad. FOTO - SINAR HARIAN / MOHD HALIM ABDUL WAHID

KUALA LUMPUR – Peranan muzium perlu terus diperkukuh sebagai institusi yang relevan serta berimpak dalam pembangunan sosial, ekonomi dan budaya di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ia selaras dengan matlamat kementerian yang mahu mewujudkan muzium bukan sahaja bersifat pendidikan tetapi menjadi ruang transformasi.



"Muzium bukan sekadar tempat menyimpan artifak sebaliknya merupakan ruang di mana kisah diceritakan, identiti dibentuk dan komuniti disatukan.

"Dengan mendukung transformasi digital, kita bukan sahaja memelihara masa lalu, tetapi membentuk masa depan," katanya pada Majlis Perasmian Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di sini pada Ahad.



Aaron (depan, tengah) bersama tetamu kehormat dan peserta Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025. FOTO - SINAR HARIAN / MOHD HALIM ABDUL WAHID

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Mohamad Sobri Mat Daud dan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin A Kasim.

Bertemakan The Future of Museums in Rapidly Changing Communities, seminar itu dianjurkan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Majlis Muzium Antarabangsa Malaysia (ICOMMAL) dan Lembaga Muzium Negeri Kedah.

Tiga sub-tema utama dipilih dalam seminar tersebut iaitu Intangible Heritage, Youth Power dan New Technologies yang telah mengupas cabaran dan peluang untuk muzium beradaptasi dalam dunia yang cepat berubah.

Selain itu, seminar berkenaan turut menyediakan platform untuk perkongsian pengetahuan antara profesional muzium serantau dan antarabangsa serta memperkukuh rangkaian kerjasama antarabangsa dalam bidang permuziuman.

Kira-kira 300 peserta yang terdiri daripada para pengamal muzium, penyelidik, ahli akademik, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam pendigitalan muzium, menyertai seminar tersebut.

Mengulas lanjut Aaron memaklumkan, Malaysia merupakan rumah kepada 232 muzium, merangkumi muzium peringkat persekutuan, institusi yang dikendalikan oleh negeri, koleksi persendirian dan muzium peribadi.

"Institusi-institusi ini bukan sekadar penjaga sejarah kita tetapi sebagai pusat yang hidup dan aktif dalam memelihara warisan serta memupuk perpaduan dan keterangkuman nasional,"katanya.

Beliau berkata, kementeriannya komited memastikan muzium mencerminkan nilai inklusiviti, kebolehcapaian, kelestarian dan kepelbagaian, sejajar dengan peranan baharu Jabatan Muzium Malaysia yang kini di bawah kementerian tersebut.

Utusan Borneo Online

Kementerian Perpaduan Negara muktamadkan akta untuk kawal selia aktiviti muzium

18 Mei 2025



Aaron mengadakan sidang media selepas merasmikan Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) hari ini. - Gambar BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara kini dalam peringkat akhir merangka akta khusus untuk mengawal selia aktiviti di muzium di seluruh negara, kata Menteri berkenaan Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata akta itu yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada November tahun ini, bertujuan menyediakan rangka kerja perundangan yang jelas untuk muzium dan memastikan ia diuruskan dengan berkesan dan mampan.

Aaron berkata matlamat kementerian ialah mewujudkan muzium yang bukan sahaja bersifat pendidikan, tetapi juga menyediakan ruang transformatif yang memberi inspirasi kepada kreativiti, pemikiran kritis dan penghargaan mendalam terhadap nilai kemanusiaan bersama.

"Kementerian komited memastikan muzium kita mencerminkan nilai keterangkuman, kebolehcapaian, kemampanan, dan kepelbagaian.

"Kita akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Muzium untuk membangunkan dan melaksanakan strategi yang sejajar dengan prinsip ini, iaitu meningkatkan kebolehcapaian, mempromosikan naratif inklusif, melaksanakan amalan mampan dan menggalakkan penyertaan komuniti dalam aktiviti muzium dan proses membuat keputusan," katanya dalam ucapan pada Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di sini hari ini.

Sementara itu, pada sidang media, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Datuk Kamarul Baharin A. Kasim berkata akta berkenaan juga mencadangkan penubuhan Majlis Muzium yang berperanan sebagai badan penasihat dan penyeliaan bagi penubuhan dan operasi institusi muzium di negara ini.

Kamarul Baharin berkata walaupun Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) mengawal perkara berkaitan tapak warisan, monumen serta warisan ketara dan tidak ketara, ia tidak merangkumi aspek peraturan dasar muzium secara keseluruhan.

"Akta ini dirangka mengikut standard antarabangsa dan kita mengambil kira amalan di negara lain ... kita juga mahu wujudkan sistem penarafan serta kawal selia pengoperasian muzium-muzium baharu terutama muzium persendirian yang mungkin membawa naratif atau aliran bertentangan dengan dasar negara," katanya.

Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 diadakan bersempena dengan sambutan tahunan Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan secara global pada 18 Mei setiap tahun.

Bertemakan The Future of Museums in Rapidly Changing Communities, sambutan tahun ini mencerminkan peranan muzium yang berkembang di dunia oleh transformasi sosial, teknologi dan alam sekitar.

Dianjurkan dengan kerjasama institusi terkemuka seperti Majlis Muzium Antarabangsa Malaysia (ICOMMAL) dan Lembaga Muzium Negeri Kedah, seminar berkenaan bertujuan mengetengahkan peranan utama muzium dalam pertukaran budaya, kefahaman bersama dan keamanan global.

Acara itu menarik kira-kira 300 peserta termasuk pengamal muzium, penyelidik, ahli akademik, dan pelajar daripada institusi pendidikan tinggi dan syarikat swasta yang terlibat dalam pendigitalan muzium.

ceritera PENYATUBANGSA

Akta baharu bakal diwujudkan elak salah guna terma muzium

18 Mei 2025



KUALA LUMPUR: Terdapat banyak institusi menggunakan istilah muzium tanpa memenuhi standard atau fungsi sebenar muzium.

Sehubungan itu, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin A. Kasim berkata, satu akta khusus bagi mengawal penggunaan istilah berkenaan akan digubal oleh Kementerian Perpaduan melalui jabatan berkenaan.

Beliau berkata, penggunaan istilah salah yang tidak dikawal boleh mengelirukan orang awam serta mencemarkan imej institusi muzium yang sebenar.

"Kami mendapati banyak institusi menggunakan nama 'muzium', sedangkan tidak memenuhi kriteria sebuah muzium sebenar. Ada yang hanya berfungsi seperti gudang atau ruang pameran biasa. Akta ini akan memastikan hanya institusi yang memenuhi standard layak digelar muzium.

"Bagi menangani isu ini, kerajaan merangka Akta Muzium yang akan menetapkan kriteria jelas dan sistem penarafan untuk institusi yang ingin menggunakan nama muzium terutamanya dalam sektor swasta dan persendirian," katanya ketika sidang media selepas majlis perasmian Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 yang disempurnakan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, di sini, hari ini.

Kamarul Baharin berkata, akta tersebut juga akan memperkenalkan penubuhan Majlis Muzium, sebuah badan penasihat rasmi yang bertanggungjawab menetapkan standard serta menilai kelayakan sesebuah institusi untuk diklasifikasikan sebagai muzium.

"Kita mahu mengelakkan wujudnya muzium yang tidak sah, yang mungkin membawa kandungan bercanggah dengan dasar negara atau tiada nilai pendidikan dan warisan.

"Penarafan dan pengiktirafan rasmi penting untuk menjamin kualiti serta integriti institusi muzium di negara ini," katanya.

Sementara itu, Aaron berkata, Akta Muzium tersebut dijangka dibentangkan di Parlimen November ini.

"Sekarang ini, muzium dan kementerian giat menyiapkan draf akta berkaitan. Kita berharap ia akan dapat lulus untuk dibawa ke Kabinet seterusnya ke Parlimen," katanya.

Utusan Borneo Online

Ribuan pengunjung meriahkan sambutan Hari Muzium Antarabangsa

18 Mei 2025



Orang ramai termasuk pengunjung dari dalam dan luar negara berpeluang melawat muzium sempena Hari Muzium Antarabangsa 2025 di Muzium Negara hari ini. - Gambar BERNAMA

KUALA LUMPUR: Sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa hari ini, ribuan pengunjung dari dalam dan luar negara tidak melepaskan peluang 'mengembara ke masa lalu' dengan meneroka sejarah serta warisan yang terdapat di muzium di seluruh negara.

Sebanyak 19 muzium di bawah seliaan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dibuka secara percuma kepada orang awam sempena sambutan itu.

Di ibu negara, Muzium Negara mula dipenuhi pengunjung tempatan dan pelancong asing sebaik dibuka pada 9 pagi bagi menyaksikan koleksi sejarah dan warisan negara yang dipamerkan.

Penolong Kurator Muzium Negara Siti Jumiah Abdul Razak berkata sebagai tarikan tambahan, sukarelawan 'tour guide' yang fasih dalam pelbagai bahasa disediakan buat pengunjung, selain persembahan tradisional dan pembukaan Galeri ASEAN sempena Malaysia selaku Pengerusi ASEAN tahun ini.

Pelancong dari New Zealand Beli Harvey, 26, yang tiba di Malaysia pada Jumaat lepas berkata dia teruja apabila dimaklumkan muzium dibuka secara percuma.

"Saya tidak menyangka masuk adalah percuma sempena Hari Muzium Antarabangsa. Selain itu, kepelbagaian yang terdapat di negara ini memberikan banyak pengalaman kepada saya sepanjang lawatan di sini," katanya.

Di Selangor, Muzium Sultan Alam Shah di Shah Alam menjadi tumpuan ibu bapa untuk membawa anak-anak mengisi masa hujung minggu dengan aktiviti berfaedah.

Pekerja swasta Hani Hairi, 46, yang hadir bersama anak kembarnya berusia 14 tahun berkata kunjungan itu memberi peluang kepada anak-anaknya mengenali sejarah dengan lebih dekat dalam suasana santai dan menyeronokkan.

"Anak-anak saya teruja sebab dah lama tak masuk muzium sebab dulu saya bawa mereka ketika mereka masih kecil, jadi sekarang ada masa hujung minggu kita datang dan tengok pameran di sini," katanya.

Di Negeri Sembilan, Muzium Tentera Darat di Port Dickson menjadi destinasi pilihan pengunjung, termasuk Mohd Khairil Abidin, 45, yang membawa lima anaknya setelah mengetahui kemasukan percuma menerusi Facebook.

Di Melaka, peluang kemasukan percuma dimanfaatkan pengunjung, termasuk Siti Hafizah Yusop, 40, dari Durian Tunggal, Alor Gajah yang hadir bersama suami dan empat cahaya matanya ke Muzium Seni Bina Malaysia.

"Sememangnya sangat menarik, lawatan ke muzium bukan sahaja memberi pendedahan tentang sejarah dan budaya malah mengukuhkan hubungan kekeluargaan melalui aktiviti bermanfaat," katanya.

Di Johor, Muzium Kota Johor Lama di Kota Tinggi dikunjungi pelawat tempatan dan antarabangsa bagi mengamati kisah gemilang kota bersejarah yang pernah menjadi pusat pemerintahan penting selepas kejatuhan Kesultanan Melaka pada 1511.

Pelancong dari Riau, Indonesia, Rashid Tain, 65, antara pengunjung yang hadir buat kali pertama bersama keluarga ke muzium berkenaan.

Di Pahang, Muzium Sungai Lembing merekodkan kehadiran 213 pengunjung setakat 11 pagi, dengan aktiviti seperti mendulang bijih timah secara tradisional menjadi tarikan utama.

Ketua Muzium Peterson Augustine Anak Augustine Jadan berkata pendekatan inklusif dan interaktif yang dilaksanakan mampu memupuk minat golongan muda terhadap warisan perlombongan yang sinonim dengan kawasan itu.

Di Perak, orang ramai tidak melepaskan peluang mengunjungi Muzium Perak di Taiping yang turut menawarkan kemasukan percuma hari ini.

Di Kedah, Muzium Kota Kuala Kedah di Alor Setar turut menerima kehadiran ramai pelawat.

Muzium yang terletak di muara Sungai Kedah itu memaparkan sejarah pertahanan kota yang dibina pada abad ke-18 dan mempamerkan pelbagai artifak arkeologi, seramik, batu bata asal kota serta maklumat mengenai serangan penjajah, khususnya Bugis, Aceh, dan Siam.

Di Perlis, Muzium Kota Kayang yang menawarkan kemasukan secara percuma sejak dibuka pada 2001 turut menjadi tumpuan pengujung sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa.

Pembantu Muzium Kota Kayang Norhayati Wahab berkata sambutan kali ini agak meriah dan pihak muzium merancang menganjurkan aktiviti bersama pelajar sekolah hujung bulan ini sebagai kesinambungan kepada sambutan berkenaan.

NEW STRAITS TIMES

Museum activities to be regulated under new law – Aaron

18 May 2025



The National Unity Ministry is in the final stages of drafting a law to regulate museum activities nationwide, said Minister Datuk Aaron Ago Dagang. - Bernama pic

KUALA LUMPUR: The National Unity Ministry is in the final stages of drafting a law to regulate museum activities nationwide, said Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He said the law, expected to be tabled by November this year, aims to provide a clear legal framework to ensure museums are managed effectively and sustainably.

According to Aaron, the ministry aims to develop museums that are not only educational but also transformative spaces fostering creativity, critical thinking, and a deeper appreciation of our shared humanity.

"The ministry is committed to ensuring that our museums embody the values of inclusivity, accessibility, sustainability, and diversity," he said.

"We will work closely with the Department of Museums to develop and implement strategies that align with these principles, which are enhancing accessibility, promoting inclusive narratives, implementing sustainable practices and encouraging community participation in museum activities and decision-making processes," he said during his opening speech at the Malaysia International Museums Day Seminar 2025 here, today.

Meanwhile, at a press conference, Department of Museums director-general Datuk Kamarul Baharin A. Kasim said the proposed law includes the establishment of a Museum Council, which would serve as an advisory and supervisory body for the creation and operation of museum institutions nationwide.

He said that while the National Heritage Act 2005 (Act 645) addresses matters concerning heritage sites, monuments, and both tangible and intangible heritage, it does not comprehensively regulate overall museum policy.

"This law is being drafted in accordance with international standards, taking into account practices from other countries. We also aim to introduce a rating system and regulate the operations of new museums, particularly private ones, that may present narratives or trends that conflict with national policy," he said.

The International Museum Day Seminar 2025 was held in conjunction with the annual International Museum Day celebration, observed worldwide on May 18 each year.

Themed 'The Future of Museums in Rapidly Changing Communities', this year's celebration highlights the evolving role of museums amid significant social, technological, and environmental changes.

Organised in collaboration with the International Council of Museums Malaysia and the Kedah State Museum Board, the seminar aimed to highlight the crucial role of museums in promoting cultural exchange, mutual understanding, and global peace.

The event drew around 300 participants, including museum practitioners, researchers, academics, university students, and representatives from private companies involved in museum digitalisation.

– BERNAMA

TheStar

Law to streamline, regulate museums to be tabled by year-end, says minister

18 May 2025



KUALA LUMPUR: The National Unity Ministry will table a specific Act by the end of this year to regulate the setting up of museums nationwide.

Its Minister Datuk Aaron Ago Dagang said the Act will provide a clear legal framework for museums and to ensure these are managed effectively and sustainably.

"The Act will hopefully be tabled in November or December at Dewan Rakyat.

"We need to hold a lot of engagements with the states too, because in Malaysia we have many state museums as well as private museums. We have 22 federal museums," he told a press conference after officiating the Malaysia International Museum Day seminar 2025 themed "Future of Museums in Rapidly Changing Communities" here on Sunday (May 18).

Aaron said apart from regulating museums in Malaysia, the Act will ensure that the museums are built for their intended purpose.

"Some museums are not museums; these are sometimes warehouses.

"We need to adhere to international standards," he said.

Department of Museums Malaysia director-general and International Council of Museums Malaysia chair Datuk Kamarul Baharin A. Kasim said the Act will also include the establishment of museum councils to advise on policies, and ensuring museums do not conflict with local community norms.

"Some states like Penang and Sarawak have their own enactments, so the Act will streamline all these.

"Malaysia had the Antiquities Act which was abolished after the government introduced the National Heritage Act in 2006.

"The Antiquities Act focused more on nature as well as tangible and intangible monuments and sites.

"The new Act will focus on museum policy control, and establishing a new rating system for museums," said Kamarul.

Earlier in his speech, Aaron said Malaysia is home to 232 museums, encompassing federal level museums, state-run institutions, private collections, and personal museums.

"As we celebrate this rich tapestry of museums, we must also acknowledge the challenges they face. Rapid societal changes, technological advancements, and the forces of globalisation present new hurdles for these institutions. The key question now is: how can museums stay relevant in this ever-evolving landscape?"

Govt finalising new law to regulate museum activities, says Aaron

18 May 2025

Currently, the National Heritage Act oversees matters concerning heritage sites and monuments, but it doesn't regulate overall museum policy.



National unity minister Aaron Ago Dagang said his ministry is committed to ensuring that Malaysian museums embody the values of inclusivity, accessibility, sustainability and diversity. (Bernama pic)

KUALA LUMPUR: The national unity ministry is in the final stages of drafting a new law to regulate museum activities nationwide, says its minister, Aaron Ago Dagang.

Aaron said the law, expected to be tabled by November, aims to provide a clear legal framework to ensure museums are managed effectively and sustainably.

He said the ministry aims to develop museums that are not only educational but also transformative spaces fostering creativity, critical thinking, and a deeper appreciation of our shared humanity and history.

"The ministry is committed to ensuring that our museums embody the values of inclusivity, accessibility, sustainability, and diversity.

"We will work closely with the museums department to develop and implement strategies that align with these principles, which are enhancing accessibility, promoting inclusive narratives, implementing sustainable practices and encouraging community participation in museum activities and decision-making processes," he said at the Malaysia International Museums Day seminar here today.

At a press conference later, museums department director-general Kamarul Baharin A Kasim said the proposed law includes the establishment of a museum council, which would serve as an advisory and supervisory body for the creation and operation of museums and similar instituions nationwide.

He said that while the National Heritage Act 2005 (Act 645) addresses matters concerning heritage sites, monuments, and both tangible and intangible heritage, it does not comprehensively regulate overall museum policy.

"This law is being drafted in accordance with international standards, taking into account practices from other countries.

"We also aim to introduce a rating system and regulate the operations of new museums, particularly private ones, that may present narratives or trends that conflict with national policy," he said.

The seminar was held in conjunction with the annual International Museum Day celebration, observed worldwide on May 18.

Themed 'The Future of Museums in Rapidly Changing Communities', this year's celebration highlights the evolving role of museums amid significant social, technological, and environmental changes.

Organised in collaboration with the International Council of Museums Malaysia and the Kedah state museum board, the seminar aimed to highlight the crucial role of museums in promoting cultural exchange, mutual understanding, and global peace.

The event drew around 300 participants, including museum practitioners, researchers, academics, university students, and representatives from private companies involved in museum digitalisation.

Kementerian Perpaduan peringkat akhir muktamad akta kawal selia muzium

18 Mei 2025

Menterinya Aaron Ago Dagang berkata akta itu dijangka dibentangkan di Parlimen pada November tahun ini.



Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang berkata kementerian itu komited memastikan muzium mencerminkan nilai keterangkuman, kebolehcapaian, kemampanan, dan kepelbagaian. (Gambar Bernama)

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara kini dalam peringkat akhir merangka akta khusus untuk mengawal selia aktiviti di muzium di seluruh negara, kata Menterinya Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata akta itu yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada November tahun ini, bertujuan menyediakan rangka kerja perundangan yang jelas untuk muzium dan memastikan ia diuruskan dengan berkesan dan mampan.

Aaron berkata matlamat kementerian ialah mewujudkan muzium yang bukan sahaja bersifat pendidikan, tetapi juga menyediakan ruang transformatif yang memberi inspirasi kepada kreativiti, pemikiran kritis dan penghargaan mendalam terhadap nilai kemanusiaan bersama.

"Kementerian komited memastikan muzium kita mencerminkan nilai keterangkuman, kebolehcapaian, kemampanan, dan kepelbagaian.

"Kita akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Muzium untuk membangunkan dan melaksanakan strategi yang sejajar dengan prinsip ini, iaitu meningkatkan kebolehcapaian, mempromosikan naratif inklusif, melaksanakan amalan mampan dan menggalakkan penyertaan komuniti dalam aktiviti muzium dan proses membuat keputusan," katanya dalam ucapan pada Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di sini hari ini.

Sementara itu, pada sidang media, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Kamarul Baharin A Kasim berkata akta berkenaan juga mencadangkan penubuhan Majlis Muzium yang berperanan sebagai badan penasihat dan penyeliaan bagi penubuhan dan operasi institusi muzium di negara ini.

Kamarul Baharin berkata walaupun Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) mengawal perkara berkaitan tapak warisan, monumen serta warisan ketara dan tidak ketara, ia tidak merangkumi aspek peraturan dasar muzium secara keseluruhan.

"Akta ini dirangka mengikut standard antarabangsa dan kita mengambil kira amalan di negara lain ... kita juga mahu wujudkan sistem penarafan serta kawal selia pengoperasian muzium-muzium baharu terutama muzium persendirian yang mungkin membawa naratif atau aliran bertentangan dengan dasar negara," katanya.

Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 diadakan bersempena dengan sambutan tahunan Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan secara global pada 18 Mei setiap tahun.

Bertemakan The Future of Museums in Rapidly Changing Communities, sambutan tahun ini mencerminkan peranan muzium yang berkembang di dunia oleh transformasi sosial, teknologi dan alam sekitar.

Dianjurkan dengan kerjasama institusi terkemuka seperti Majlis Muzium Antarabangsa Malaysia (ICOMMAL) dan Lembaga Muzium Negeri Kedah, seminar berkenaan bertujuan mengetengahkan peranan utama muzium dalam pertukaran budaya, kefahaman bersama dan keamanan global.

Acara itu menarik kira-kira 300 peserta termasuk pengamal muzium, penyelidik, ahli akademik, dan pelajar daripada institusi pendidikan tinggi dan syarikat swasta yang terlibat dalam pendigitalan muzium.

TheStar

Ministry finalising law to regulate museum activities

18 May 2025



KUALA LUMPUR: The National Unity Ministry is in the final stages of drafting a law to regulate museum activities nationwide and it is expected to be tabled by November, says Minister Datuk Aaron Ago Dagang (pic).

The law aims to create a clear legal framework for effective and sustainable museum management.

Aaron said the ministry envisions museums as transformative spaces that foster creativity, critical thinking and an appreciation for shared humanity, embodying inclusivity, accessibility, sustainability and diversity.

"We will work closely with the Museums Department to develop and implement strategies that align with these principles, enhancing accessibility, promoting inclusive narratives, implementing sustainable practices, and encouraging community participation in museum activities and decision-making processes," he told Bernama during his opening speech at the Malaysia International Museum Day Seminar 2025 here yesterday.

Meanwhile, at a press conference, Museums Department director-general Datuk Kamarul Baharin A. Kasim said the proposed law includes the establishment of a Museum Council, which would serve as an advisory and supervisory body for the creation and operation of museum institutions nationwide.

He said that while the National Heritage Act 2005 (Act 645) addresses matters concerning heritage sites, monuments, and both tangible and intangible heritage, it does not comprehensively regulate overall museum policy.

"This law is being drafted in accordance with international standards and aims to introduce a rating system and regulate new, particularly private, museums that might present narratives conflicting with national policy."

The International Museum Day Seminar 2025, themed "The Future of Museums in Rapidly Changing Communities," was held in conjunction with International Museum Day.

The event drew around 300 participants.

THE BORNEO POST

Ministry finalising law to regulate museum activites

19 May 2025

Ministry finalising law to regulate museum activities

KUALA LUMPUR: The Ministry of National Unity is in the final stages of drafting a law to regulate museum activities nationwide, said minister Dato Sri Aaron Ago Dagang.

He said the law, expected to be tabled by November this year, aims to provide a clear legal framework to ensure museums are managed effectively and sustainably.

According to Aaron, the ministry aims to develop museums that are not only educational but also transformative spaces fostering creativity, critical thinking, and a deeper appreciation of our shared humanity.

"The ministry is committed to ensuring that our museums embody the values of inclusivity, accessibility, sustainability, and diversity," he said during his opening speech at the Malaysia International Museums Day Seminar 2025 here, yesterday.

He said the ministry will work closely with the Department of Museums to develop and implement strategies that align with these principles, namely enhancing accessibility; promoting inclusive narratives; implementing sustainable practices; and encouraging community participation in museum activities and decision-making processes.

Meanwhile, Department of Museums director-general Datuk Kamarul Baharin A. Kasim told a press conference that the proposed law includes the establishment of a Museum Council, which would serve as an advisory and supervisory body for the creation and operation of museum institutions nationwide.

He said that while the National Heritage Act 2005 addresses matters concerning heritage sites, monuments, and both tangible and intangible heritage, it does not comprehensively regulate overall museum policy.

"This law is being drafted in accordance with international standards, taking into account practices from other countries.

"We also aim to introduce a rating system and regulate the operations of new museums, particularly private ones, that may present narratives or trends that conflict with national policy," he said.

The International Museum Day Seminar 2025 was held in conjunction with the annual International Museum Day celebration, observed worldwide on May 18 each year. — Bernama

Sinar Harian

Peranan muzium perlu diperkukuh

19 Mei 2025

Peranan muzium perlu diperkukuh

Bukan sekadar pelihara masa lalu, tetapi bentuk masa depan

Oleh NORAFIDAH ASSAN
KUALA LUMPUR

Peranan muzium perlu terus diperkukuh sebagai institusi yang relevan serta berimpak dalam pembangunan sosial, ekonomi dan budaya di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ia selaras dengan matlamat kementerian yang mahu mewujudkan muzium bukan sahaja bersifat pendidikan tetapi menjadi ruang transformasi.

"Muzium bukan sekadar tempat menyimpan artifak sebaliknya merupakan ruang di mana kisah diceritakan, identiti dibentuk dan komuniti disatukan.

"Dengan mendukung transformasi digital, kita bukan sahaja memelihara masa lalu, tetapi membentuk masa depan," katanya pada Majlis Perasmian Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di sini pada Ahad.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha mewakili Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Mohamad Sobri Mat Daud dan Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Datuk Kamarul Baharin A Kasim.

Bertemakan *The Future of Museums in Rapidly Changing Communities*, seminar itu dianjurkan JMM, Majlis Muzium Antarabangsa Malaysia (ICOMMAL) dan Lembaga Muzium Negeri Kedah.

Tiga sub-tema utama dipilih dalam seminar tersebut iaitu *Intangible Heritage*, *Youth Power* dan *New Technologies* yang telah mengupas cabaran dan peluang untuk muzium beradaptasi dalam dunia yang cepat berubah.

Selain itu, seminar berkenaan turut menyediakan platform untuk perkongsian pengetahuan antara profesional muzium serantau dan antarabangsa serta memperkukuh rangkaian kerjasama antarabangsa dalam bidang permuziuman.

Kira-kira 300 peserta yang terdiri daripada pengamal muzium, penyelidik, ahli akademik, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dan syarikat-syarikat swasta yang terlibat dalam pendigitalan muzium menyertai seminar tersebut.

Mengulas lanjut, Aaron menekankan, Malaysia merupakan rumah kepada 232 muzium, merangkumi muzium peringkat persekutuan, institusi yang dikendalikan oleh negeri, koleksi persendirian dan muzium peribadi.

"Institusi-institusi ini bukan sekadar penjaga sejarah kita tetapi sebagai pusat yang hidup dan aktif dalam memelihara warisan serta memupuk perpaduan dan keterangkuman nasional," katanya.

Ujar Aaron, kementeriannya sentiasa memastikan muzium mencerminkan nilai inklusiviti, kebolehcapaian, kelestarian dan kepelbagaian, sejajar dengan peranan baharu JMM yang kini di bawah kementerian tersebut.

FOTO: MOHD NAIM ABDUL MANAP



Aaron (tiga dari kiri) menyempurnakan gimik perasmian Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di Ibu negara pada Ahad.

TheStar

Ministry finalising law to regulate museum activites

19 May 2025

Ministry finalising law to regulate museum activities

KUALA LUMPUR: The National Unity Ministry is in the final stages of drafting a law to regulate museum activities nationwide and it is expected to be tabled by November, says Minister Datuk Aaron Ago Dagang (pic).



The law aims to create a clear legal framework for effective and sustainable museum management.

Aaron said the ministry envisions museums as transformative spaces that foster creativity, critical thinking and an appreciation for shared humanity, embodying inclusivity, accessibility, sustainability and diversity.

"We will work closely with the Museums Department to develop and implement strategies that align with these principles, enhancing accessibility, promoting inclusive narratives, implementing sustainable practices, and encouraging community participation in museum activities and decision-making processes," he told Bernama during his opening speech at the Malaysia International Museum Day Seminar 2025 here yesterday.

Meanwhile, at a press conference, Museums Department director-general Datuk Kamarul Baharin A. Kasim said the proposed law includes the establishment of a Museum Council, which would serve as an advisory and supervisory body for the creation and operation of museum institutions nationwide.

He said that while the National Heritage Act 2005 (Act 645) addresses matters concerning heritage sites, monuments, and both tangible and intangible heritage, it does not comprehensively regulate overall museum policy.

"This law is being drafted in accordance with international standards and aims to introduce a rating system and regulate new, particularly private, museums that might present narratives conflicting with national policy."

The International Museum Day Seminar 2025, themed "The Future of Museums in Rapidly Changing Communities," was held in conjunction with International Museum Day.

The event drew around 300 participants.



PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Akta Muzium di peringkat akhir - Aaron

19 Mei 2025

Akta Muzium di peringkat akhir - Aaron

KUALA LUMPUR: Penubuhan Majlis Muzium antara cadangan dalam Akta Muzium yang kini pada peringkat akhir penggubalan, bagi mengawal selia aktiviti muzium di seluruh negara.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, akta itu akan memastikan pengurusan institusi berkenaan dilaksanakan secara lebih cekap, tersusun dan mampan selaras dengan perubahan fungsi muzium dalam masyarakat moden.

"Akta ini bertujuan memastikan pengurusan muzium lebih cekap dan mampan melalui kerangka undang-undang yang jelas.

"Akta ini dijangka dibentangkan pada sesi Parlimen November," katanya ketika merasmikan Seminar Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 bertemakan *The Future of Museums in Rapidly Changing Communities* di sini, semalam.



AARON Ago Dagang (tengah) dalam sidang akhbar selepas perasmian Seminar Hari Muzium Antarabangsa Malaysia 2025 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ NORHAZLINDA DEWI SUTRISNO

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin A. Kasim berkata, draf akta itu sedang melalui proses pindaan akhir selepas dibentangkan di peringkat Jemaah Menteri.

Antara kandungan penting akta ialah cadangan penubuhan Majlis Muzium yang akan berfungsi sebagai badan penasihat dan pemantau terhadap penubuhan dan operasi institusi muzium di Malaysia.

"Akta ini dirangka mengikut standard antarabangsa mengambil kira amalan di negara lain.

"Beberapa negeri seperti Pulau Pinang sudah mempunyai enakmen, manakala Perak masih dalam proses merangka draf," katanya.

Tambah Kamarul, walaupun Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) mengawal hal berkaitan tapak, monumen serta warisan ketara dan tidak ketara, ia tidak merangkumi aspek pengawalan dasar muzium secara menyeluruh.

"Justeru, kita mahu wujudkan sistem penarafan serta kawal selia terhadap pengoperasian muzium-muzium baharu, terutama muzium persendirian," katanya.

theSun

Museums record increase in visitors

22 May 2025

Museums record increase in visitors

Upward trend attributed to National Unity Policy, which promotes patriotism through structured programmes

BY IKHWAN ZULKAFLEE
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Museums in Malaysia have seen a steady surge in visitors, with 2,188,286 people recorded across the 22 federal museums in 2023, a significant increase from 1,404,463 visitors in 2022.

The upward trend has continued into 2024, with 2,568,573 visitors. As of April 30 this year, the museums have welcomed 879,433 visitors, signalling a strong year ahead.

These figures were provided by the Museums Department, highlighting a growing public interest in cultural and historical institutions, particularly the National Museum in Kuala Lumpur, which remains the most visited among locals and tourists.

According to the department, one of the main draws of the National Museum is its role as a "one-stop centre" offering a wide array of exhibitions that showcase Malaysia's rich cultural and historical heritage.

"Its strategic location, convenient access via public transport and alignment with the national school curriculum make it a popular choice for educators and students.

"Its strong brand recognition further cements its status as a premier cultural attraction."

Premier Sarawak turut menyambut baik perancangan yang dibentangkan dan menyatakan komitmen Kerajaan Sarawak untuk menyokong pelaksanaannya dan menyarankan semua perancangan dapat disiapkan dalam tahun ini supaya projek dirancang dapat dimulakan seawal tahun hadapan. – TVS

We Choose Sarawak
dayak daily

Mid-Rajang Regional Devt Agency targets household income boost with small-scale palm oil cultivation

23 May 2025



Abang Johari (second right), Aaron (second left), and others during MiRRDA's courtesy call at the DUS building in Kuching on May 23, 2025. Photo: UKAS

KUCHING, May 23: The Mid-Rajang Regional Development Agency (MiRRDA) is actively implementing sustainable development projects through small-scale palm oil cultivation, aimed at increasing household income in the Central Sarawak region.

According to the Sarawak Public Communication Unit (UKAS), MiRRDA chairman, Dato Sri Aaron Ago Dagang, said that the project offers each household the opportunity to manage a small palm oil plantation, with an initial proposed land size of five hectares.

However, he said that MiRRDA is considering not limiting the land size for each participant, based on feedback and discussions with the Premier of Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"Therefore, we hope that through this scheme or palm oil scheme assistance, we can increase each household's income. Our target is no less than RM6,000 to RM8,000 per household," he said.

He said this while leading a MiRRDA delegation in a courtesy visit to the Premier of Sarawak at the Sarawak Legislative Assembly (DUS) today.

The national unity minister also expects the project to commence as early as next year, with planning and vision currently being finalised.

He added that the Premier has also expressed interest in the project and urged for all planning to be completed quickly so that implementation can begin promptly.

In addition, Aaron stated that MiRRDA is also focusing on infrastructure development, especially road connectivity, with RM1.1 billion allocated to construct new roads linking native customary rights (NCR) land areas that were previously neglected.

"Out of the RM1.5 billion allocation we have, RM1.1 billion is designated for road construction and expansion.

"These roads are mostly new routes that connect NCR land areas that were previously left behind when their residents were relocated under the resettlement scheme (under the) Rajang Area Security Command (RASCOM) Development Agency," he said.

Minister in the Premier's Department of Sarawak, Dato Sri John Sikie Tayai; Tamin assemblyman, Christopher Gira; Ngemah assemblyman, Anyi Jana; and Machan assemblyman, Allan Siden Grimong, were also present during the courtesy call.
- DayakDaily

Utusan Borneo Online

MiRRDA giat laksana projek sawit mampan, tingkat pendapatan isi rumah: Aaron

23 Mei 2025



Abang Johari menerima buku MiRRDA daripada Aaron (dua kiri) semasa kunjungan hormat di DUN, hari ini. - Gambar UKAS

KUCHING: Agensi Pembangunan Wilayah Tengah Rajang (MiRRDA) kini giat melaksanakan projek pembangunan mampan melalui penanaman sawit berskala kecil yang menyasarkan peningkatan pendapatan isi rumah di kawasan Wilayah Tengah Sarawak.

Memetik Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Menteri Perpaduan Negara Dato Sri Aaron Ago Dagang berkata, projek tersebut memberi peluang kepada setiap isi rumah untuk mengusahakan ladang sawit kecil dengan keluasan awal yang dicadangkan sebanyak lima hektar.

Namun katanya, MiRRDA sedang mempertimbangkan untuk tidak mengehadkan keluasan tanah bagi setiap peserta, berdasarkan maklum balas dan perbincangan bersama Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"Justeru, kita berharap melalui bantuan skim atau skim sawit ini, kita dapat meningkatkan pendapatan isi rumah setiap individu.

"Sasaran kita adalah tidak kurang daripada RM6,000 hingga RM8,000 bagi setiap isi rumah," katanya ketika mengetuai delegasi MiRRDA mengadakan kunjungan hormat ke atas Premier Sarawak di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, pada Jumaat.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Premier Sarawak Dato Sri John Sikie Tayai, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tamin Christopher Gira, ADUN Ngemah Anyi Jana dan ADUN Machan Allan Siden Gramong.

Pengerusi MiRRDA itu turut menjangkakan projek itu akan bermula seawal tahun hadapan, dengan perancangan dan visi yang sedang dimuktamadkan.

Tambahnya, Abang Johari telah menyatakan minat terhadap projek terbabit dan menggesa semua perancangan disiapkan segera agar pelaksanaan dapat dimulakan secepat mungkin.

Selain itu, Aaron memberitahu, MiRRDA turut memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, khususnya jaringan jalan raya dengan peruntukan RM1.1 bilion untuk membina jalan raya baharu yang menghubungkan kawasan tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) yang sebelum ini terpinggir.

"Daripada peruntukan sebanyak RM1.5 bilion yang kita ada, sebanyak RM1.1 bilion diperuntukkan bagi tujuan pembinaan dan pembesaran jalan raya.

"Jalan-jalan ini kebanyakannya merupakan laluan baharu yang menghubungkan kawasan-kawasan tanah NCR yang sebelum ini telah ditinggalkan, apabila penduduk di kawasan tersebut ditempatkan semula di bawah Skim Penempatan Semula (di bawah) Agensi Pembangunan Rajang Area Security Command (RASCOM)," katanya.

Utusan Borneo Online

MiRRDA chakah bejalaika projek sawit meruan

23 Mei 2025



Abang Johari nerima bup MiRRDA ti disuaka Aaron (dua ari kiba) ba DUN ditu, sehari tu. - Gambar UKAS

KUCHING: Agensi Pemansang Wilayah Tengah Rajang (MiRRDA) benung chakah bejalaika projek pemansang meruan nengah pengawa nanam sawit skala mit, ti nagit deka nyungkakka penatai pemisi ruang bilik ba kandang endur Wilayah Tengah Sarawak.

Menteri Penyerakup Bansa, Dato Sri Aaron Ago Dagang madahka, projek nya meri peluang ngagai tiap ruang bilik ngemansangka ladang sawit skala mit, sereta pemesai ke diperambu dulu dikemansangka iya nya lima hektar.

Tang ku iya, MiRRDA benung berundingka enda nyekat pemesai tanah ti deka dikemansangka penyereta, bepelasarka randau enggau timbal ari Premier Sarawak Datuk Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"Nengah bantu skim tauka skim sawit tu, kitai ngarapka penatai pemisi ruang bilik ulih nambah iya nya tagit kitai enda kurang ari RM6,000 ngagai RM8,000," ku iya, nitih ke ripot Unit Komunikasi Awam Sarawak.

Iya madahka pekara nya lebuh nyadi tuai raban MiRRDA meri penemuai basa ngagai Premier Sarawak ba Kunsil Nengeri (DUN) Sarawak ditu, sehari tu.

Sama nyempulang, Menteri ba Opis Premier Sarawak,Dato Sri John Sikie Tayai; Kaban Kunsil Nengeri (ADUN), Tamin Christopher Gira; ADUN Ngemah, Anyi Jana; enggau ADUN Machan, Allan Siden Gramong.

Aaron ti nyadi Chairman MiRRDA melabaka projek nya deka berengkah pun taun baru, enggau langgur sereta visyen ti benung ditetapka.

Iya mega madah Abang Johari nerima manah projek nya sereta minta semua langgur ditembuka jampat awak ke ulih dipejalaika enggau lengkas.

Kelimpah ari projek sawit, Aaron nerangka iya nya MiRRDA mega ngenatika pemansang infrastruktur, lebih agi sistem jalai raya enggau ungkup belanja RM1.1 bilion dikena ngaga jalai raya baru ti nyambungka kandang endur tanah NCR ke enda dikemansangka sebedau tu.

"Ari penyampau semua RM1.5 juta ti diungkupka, sepenyampau RM1.1 bilion deka dikena ngaga enggau nangkir jalai raya.

"Jalai tu tebal agi jalai baru ti nyambungka kandang endur tanah NCR ti sebedau tu ditinggalka, lebuh peranak ari kandang endur nya dipindahka baru ari baruh Skim Pengentap Baru Baru (SPS) Markas Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM)," ku iya.

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

MiRRDA launches sustainable oil palm project to boost household income in central Sarawak

23 May 2025



Abang Johari, flanked by Sikie (third right) and Dr Abdul Rahman, seen during the courtesy call in Kuching. Aaron stands at fourth left. — Ukas photo

KUCHING (May 23): The Mid-Rajang Regional Development Agency (MiRRDA) is actively implementing a sustainable development project through small-scale oil palm plantations, aimed at increasing household income level in Sarawak's central region.

National Unity Minister Dato Sri Aaron Ago Dagang says this project provides an opportunity for every household to operate a small oil palm plantation with an initial proposed area of five hectares.

"However, the agency is considering not limiting the land area for each participant, based on feedback and discussions with the Premier of Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"Therefore, we hope that through the assistance of this oil palm scheme, we could increase the household income of each individual," said the federal minister in a Sarawak Public Communication Unit (Ukas) report.

"Our target is not less than RM6,000 to RM8,000 for each household," said Aaron when met by reporters after leading a MiRRDA delegation for a courtesy call on Abang Johari at the State Legislative Assembly (DUN) Complex here today.

Aaron, also MiRRDA chairman, said this project could kick off as early as next year, with the planning and vision being finalised.

In the Ukas report, Abang Johari also expressed interest in this project and called for all planning to be materialised immediately so that the implementation could commence promptly.

Adding to this, Aaron said: "MiRRDA is also focusing on infrastructure development, with an allocation of RM1.1 billion to build new roads connecting areas of NCR (Native Customary Rights) lands.

"Of the allocation of RM1.5 billion that we have, RM1.1 billion has been allocated for the construction and expansion of roads.

"These roads are mostly new routes connecting areas of NCR lands that were previously abandoned, when the areas were under the resettlement scheme (of) the Rajang Area Security Command (Rascom)."

Also joining the courtesy call were Minister in Sarawak Premier's Department Dato Sri John Sikie Tayai, Deputy Minister in Sarawak Premier's Office (Project Coordinator for Regional Development Agencies, Kuching North City Commission and Islamic Affairs) Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi, as well as assemblymen Christopher Gira Sambang (Tamin), Anyi Jana (Ngemah) and Allan Siden Gramong (Machan).

SARAWAK TRIBUNE

MiRRDA implementing sustainable devt project

23 May 2025



Abang Johari (2nd right) receives a souvenir from Aaron (2nd left) during the courtesy call. Photo: UKAS

KUCHING: The Mid-Rajang Regional Development Agency (MiRRDA) is actively implementing sustainable development projects through small-scale oil palm cultivation aimed at increasing household income in the central Sarawak region.

National Unity Minister Datuk Seri Aaron Ago Dagang said the project provided each household the opportunity to cultivate a small oil palm plantation with an initial proposed size of five hectares.

He added that MiRRDA was considering not imposing a land size limit per participant, based on feedback and discussions with Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"Therefore, we hope that through this assistance scheme, or oil palm scheme, we can help raise each household's income.

"Our target is no less than RM6,000 to RM8,000 per household," he said when met after leading MiRRDA's courtesy visit to the Premier at the Sarawak Legislative Assembly (DUN) Complex yesterday (May 23).

The MiRRDA chairman also expects the project to begin as early as next year with planning and vision currently being finalised.

He also said Abang Johari had expressed interest in the project and urged that all planning be completed promptly to enable swift implementation.

Aaron said MiRRDA was also prioritising infrastructure development, particularly road networks, with RM1.1 billion allocated for building new roads connecting previously abandoned Native Customary Rights (NCR) lands.

"Out of the total allocation of RM1.5 billion, RM1.1 billion has been set aside for the construction and upgrading of roads.

"Most of these are new routes linking NCR lands that had been left behind when residents were relocated through the Resettlement Scheme under the Rajang Area Security Command (RASCOM) Development Agency," he said.

Utusan Borneo

Usaha pertingkat pendapatan isi rumah

24 Mei 2025

Usaha pertingkat pendapatan isi rumah

KUCHING: Agensi Pembangunan Wilayah Tengah Rajang (MiRRDA) kini giat melaksanakan projek pembangunan mampan melalui penanaman sawit berskala kecil yang menyasarkan peningkatan pendapatan isi rumah di kawasan Wilayah Tengah Sarawak.

Memetik Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS), Menteri Perpaduan Negara Dato Sri Aaron Ago Dagang berkata, projek tersebut memberi peluang kepada setiap isi rumah untuk mengusahakan ladang sawit kecil dengan keluasan awal yang dicadangkan sebanyak lima hektar.

Namun katanya, MiRRDA sedang mempertimbangkan untuk tidak mengehadkan keluasan tanah bagi setiap peserta, berdasarkan maklum balas dan perbincangan bersama Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"Justeru, kita berharap melalui bantuan skim atau skim sawit ini, kita dapat meningkatkan pendapatan isi rumah setiap individu.

"Sasaran kita adalah tidak kurang daripada RM6,000 hingga RM8,000 bagi setiap isi rumah," katanya ketika mengetuai delegasi MiRRDA mengadakan kunjungan hormat ke atas Premier Sarawak di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, semalam.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Premier Sarawak Dato Sri John Sikie Tayai, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tamin Christopher Gira, ADUN Ngemah Anyi Jana dan ADUN Machan Allan Siden Gramong.

Pengerusi MiRRDA itu turut menjangkakan projek itu akan bermula seawal tahun hadapan, dengan perancangan dan visi yang sedang dimuktamadkan.

Tambahnya, Abang Johari telah menyatakan minat terhadap projek terbabit dan menggesa semua perancangan disiapkan segera agar pelaksanaan dapat dimulakan secepat mungkin.

Selain itu, Aaron memberitahu, MiRRDA turut memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur, khususnya jaringan jalan raya dengan peruntukan RM1.1 bilion untuk membina jalan raya baharu yang menghubungkan kawasan tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) yang sebelum ini terpinggir.

"Daripada peruntukan sebanyak RM1.5 bilion yang kita ada, sebanyak RM1.1 bilion diperuntukkan bagi tujuan pembinaan dan pembesaran jalan raya.

"Jalan-jalan ini kebanyakannya merupakan laluan baharu yang menghubungkan kawasan-kawasan tanah NCR yang sebelum ini telah ditinggalkan, apabila penduduk di kawasan tersebut ditempatkan semula di bawah Skim Penempatan Semula (di bawah) Agensi Pembangunan Rajang Area Security Command (RASCOM)," katanya.



TANDA KUNJUNGAN: Abang Johari menerima buku MiRRDA daripada Aaron (dua kiri) semasa kunjungan hormat di DUN, semalam. Turut kelihatan, Sikie (kanan) dan Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak (Penyelaras Projek untuk Agensi Pembangunan Wilayah, DBKU dan Hal Ehwal Islam) Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi (kiri). — Gambar UKAS

● MiRRDA giat laksana projek pembangunan mampan melalui penanaman sawit berskala kecil: Aaron

Utusan Borneo

MiRRDA chakah bejalaika projek sawit meruan

24 Mei 2025

MiRRDA chakah bejalaika projek sawit meruan

Nyungkakka penatai pemisi ruang bilik kandang endur Wilayah Tengah Sarawak

KUCHING: Agensi Pemansang Wilayah Tengah Rajang (MiRRDA) benung chakah bejalaika projek pemansang meruan nengah pengawa nanam sawit skala mit, ti nagit deka nyungkakka penatai pemisi ruang bilik ba kandang endur Wilayah Tengah Sarawak.

Menteri Penyerakup Bansa, Dato Sri Aaron Ago Dagang madahka, projek nya meri peluang ngagai tiap ruang bilik ngemansangka ladang sawit skala mit, sereta pemesai ke diperambu dulu dikemansangka iya nya lima hektar.

Tang lu iya, MiRRDA benung berandingka enda nyekat pemesai tanah ti deka dikemansangka penyereta, bepelasarka randau enggau timbal ari Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

"Nengah bantu skim tauka skim sawit tu, kitai ngarapka penatai pemisi ruang bilik ulih nambah iya nya tagit kitai enda kurang ari RM6,000 ngagai RM8,000," ku iya, nitih ke ripot Unit Komunikasi Awam Sarawak.

Iya madahka pekara nyu lebuh nyadi tuai raban MiRRDA nemuai basa ngagai Premier Sarawak ba Kunsil Nengeri (DUN) Sarawak ditu, kemari.

Sama nyempulang, Menteri bu Opis Premier Sarawak,Dato Sri John Sikie Tayai Kaban Kunsil Nengeri (ADUN), Tamin Christopher Gira; ADUN Ngemah, Anyi Jana; engrau ADUN Machan, Allan Siden Grasmong.

Aaron ti nyadi Chairman MiRRDA melaboka projek nyadeka berongkah puntan baru, enggau langgur sereta viayen ti benung ditetapka.

Iya mega madah Abang Johari nerima manah projek nya sereta minta semua langgur ditemboka jamput awak ke ulih dipejalaika enggau lengkas.

Kelimpah ari projek sawit, Aaron nerangka iya nya MiRRDA mega agentika pemansang infrastruktur, lebih agi sistem jalai raya enggau ungkup belatau RM1.1 billion dikena ngaga jalai raya baruti nyambungka kandang endur tanah NCR ke enda dikemansangka sebedau tu.

"Ari penyampan semua RM1.5 juta ti diungkapka, sepenyampan RM1.1 billion deka dikena ngaga enggau nangkar jalai raya.

"Jalai tu tebal agi jalai baru ti nyambungka kandang endur tanah NCR ti sebedau tu ditinggalka, lebuh peranak ari kandang endur nya dipindahka baru ari baruh Skim Pengentap Baru Baru (SPS) Markas Keselamatan Kawasan Rajang (RASCOM)," ku iya.



BASA: Abang Johari nerima bup MiRRDA ti disuaka Aaron (dua ari kiba) lebuh nemuai meri basa ba DUN ditu, kemari.

BERNAMA

Pesta Kaamatan, Hari Gawai Lambang Perpaduan Masyarakat

29 Mei 2025



myMetro

Pesta Kaamatan, Hari Gawai cerminan perpaduan nasional

29 Mei 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. FOTO AIMAN DANIAL MOHD HOOD AKTHA

Kuala Lumpur: Generasi muda harus dididik untuk memahami, menghormati dan menerima kepelbagaian sebagai satu landasan keharmonian dan kekuatan nasional.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, dalam dunia yang semakin moden dan mencabar ini, generasi muda memainkan peranan penting untuk mewarisi dan mengekalkan adat resam serta amalan budaya nenek moyang.

"Kerajaan Madani melalui Kementerian Perpaduan Negara kekal komited dalam memperkukuhkan nilai perpaduan sebagai teras pembangunan negara.

"Seiring dengan semangat ini, pelbagai inisiatif seperti program silang budaya, pendidikan warisan serta dialog antara komuniti terus diperkasakan," katanya dalam kenyataan hari ini bersempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai pada 30 dan 31 Mei ini.

Beliau turut mengucapkan Selamat Menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya masyarakat Kadazan, Dusun, Murut, Rungus, Iban, Bidayuh dan Selako serta pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak yang meraikan perayaan itu.

Beliau berkata, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai bukan sahaja perayaan warisan yang kaya dengan nilai adat resam dan budaya, malah ia melambangkan semangat kesyukuran, muafakat dan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Menurutnya, kepelbagaian budaya, bahasa dan warisan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia adalah satu anugerah serta kekuatan yang tidak ternilai sekali gus menjadikan Malaysia unik di mata dunia dan perlu terus dipelihara, dihormati dan diraikan oleh semua lapisan masyarakat.

Aaron berkata, semangat 'Segulai Sejalai' yang bermaksud seiring sejalan harus menjadi nilai hidup yang ditanam dalam hati setiap warganegara terutamanya generasi muda yang bakal mewarisi masa depan negara.

Beliau turut mengajak seluruh rakyat Malaysia menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai dengan jiwa Malaysia Madani, memupuk rasa hormat dalam kepelbagaian, memelihara khazanah budaya warisan serta memperteguh silaturahim sebagai asas kekuatan negara bangsa yang bersatu.

tvs www.tvsarawak.my

Kaamatan, Hari Gawai lambang kesyukuran, perpaduan rakyat Malaysia

29 Mei 2025



Pesta Kaamatan dan Hari Gawai bukan sahaja perayaan warisan yang kaya dengan nilai adat resam dan budaya, malah ia melambangkan semangat kesyukuran, muafakat dan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia. Foto fail TVS

PUTRAJAYA, 29 Mei: Pesta Kaamatan dan Hari Gawai bukan sahaja perayaan warisan yang kaya dengan nilai adat resam dan budaya, malah ia melambangkan semangat kesyukuran, muafakat dan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, kepelbagaian budaya, bahasa, dan warisan dimiliki Malaysia merupakan kekuatan yang tidak ternilai.

"Ia menjadikan Malaysia unik pada mata dunia dan perlu terus dipelihara, dihormati dan diraikan oleh semua lapisan masyarakat.

"Dalam dunia yang semakin moden dan mencabar ini, generasi muda memainkan peranan penting dalam mewarisi dan mengekalkan adat resam serta amalan budaya nenek moyang.

"Mereka harus dididik untuk memahami, menghormati dan menerima kepelbagaian sebagai satu landasan keharmonian dan kekuatan nasional," katanya hari ini.

Beliau berkata demikian menerusi kenyataan media menjelang sambutan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.

Aaron Aro menambah, kerajaan melalui KPN kekal komited dalam memperkukuh nilai perpaduan sebagai teras pembangunan negara.

Seiring dengan semangat itu, katanya pelbagai inisiatif seperti program silang budaya, pendidikan warisan, serta dialog antara komuniti akan terus diperkasa.

"Semangat 'Segulai Sejalai' menjadi lambang kepada kekuatan kita sebagai sebuah negara berbilang kaum dan etnik.

"Ia bukan hanya slogan, tetapi nilai hidup yang harus ditanam dalam hati setiap warganegara, khususnya generasi muda yang bakal mewarisi masa depan Malaysia," katanya.

Dalam ucapannya itu, Aaron mengajak rakyat Malaysia menyambut perayaan ini dengan jiwa Malaysia MADANI, memupuk hormat dalam kepelbagaian, memelihara khazanah budaya warisan, dan memperteguh silaturahim sebagai asas kekuatan negara bangsa yang bersatu. – TVS

Kaamatan, Gawai cerminan perpaduan rakyat Malaysia berbilang kaum – Aaron Ago

29 Mei 2025

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, mengucapkan Selamat Menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai kepada seluruh rakyat Malaysia, khususnya masyarakat Kadazan, Dusun, Murut, Rungus, Iban, Bidayuh dan Selako serta pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak yang meraikan perayaan ini.

Menurut beliau, kedua-dua perayaan ini bukan sahaja merupakan warisan budaya yang kaya dengan nilai adat resam, tetapi juga lambang semangat kesyukuran, muafakat dan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.



"Kepelbagaian budaya, bahasa dan warisan yang dimiliki rakyat Malaysia adalah satu anugerah yang tidak ternilai. Ia menjadikan negara kita unik di mata dunia dan perlu terus dipelihara, dihormati serta diraikan oleh semua lapisan masyarakat," katanya.

Datuk Aaron turut menekankan peranan penting golongan muda dalam meneruskan legasi budaya nenek moyang.

"Dalam dunia yang semakin moden dan mencabar ini, generasi muda memainkan peranan yang penting dalam mewarisi dan mengekalkan adat resam serta amalam budaya nenek moyang.

"Mereka harus dididik untuk memahami, menghormati, dan menerima kepelbagaian sebagai satu landasan keharmonian dan kekuatan negara," ujarnya.

Dalam usaha memperkukuhkan perpaduan nasional, Kerajaan Malaysia MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif seperti program silang budaya, pendidikan warisan serta dialog antara komuniti.

Inisiatif-inisiatif ini bertujuan menyemai semangat persefahaman dan memperkukuh jalinan hubungan antara rakyat pelbagai kaum.

Mengangkat semangat 'Segulai Sejalai' yang membawa maksud seiring dan sejalan sebagai simbol kekuatan negara berbilang bangsa, Datuk Aaron menyatakan bahawa nilai ini bukan sekadar slogan tetapi harus dijadikan panduan hidup dalam kalangan rakyat, terutamanya generasi muda yang akan mencorak masa depan negara.

Akhir sekali, beliau mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk menyambut Pesta Kaamatan dan Hari Gawai dengan semangat Malaysia MADANI iaitu semangat yang memupuk hormat dalam kepelbagaian, melestarikan khazanah budaya, dan memperteguh silaturahim sebagai asas kepada negara bangsa yang bersatu padu.



theSun

Kaamatan Festival, Gawai Day symbol of unity among Malaysia's diverse communities

29 May 2025



KUALA LUMPUR: The young generation must be nurtured to understand, respect and embrace diversity as a foundation for national harmony and strength, said Minister of National Unity Datuk Aaron Ago Dagang.

He said in today's increasingly modern and challenging world, the young generation plays an important role in inheriting, preserving and upholding the customs and cultural practices of our ancestors.

"The MADANI Malaysia government, through the Ministry of National Unity, remains committed to strengthening the value of unity as the core pillar of the country's development.

"In line with this spirit, various initiatives such as cross-cultural programmes, heritage education, and inter-community dialogues continue to be enhanced to ensure unity values remain firmly rooted among Malaysia's multiracial society," he said in a statement today.

The statement was issued in conjunction with the Kaamatan Festival and Gawai Day, which are celebrated on May 30 and 31.

He also wished Malaysians a Happy Kaamatan Festival and Gawai Day, especially the Kadazan, Dusun, Murut, Rungus, Iban, Bidayuh and Selako communities, as well as the various ethnicities in Sabah and Sarawak who are celebrating the festival.

He said that the Kaamatan Festival and Gawai Day are not only a heritage celebration rich in customs and cultural values, but also reflect the spirit of gratitude, consensus and unity among Malaysia's diverse communities.

According to him, the diversity of cultures, languages ??and heritage possessed by Malaysians is a priceless treasure and a source of strength that makes Malaysia unique in the eyes of the world and must continue to be preserved, respected and celebrated by all levels of society.

Aaron said that the spirit of 'Segulai Sejalai', which means moving forward together in harmony, should be embraced as a core value in the lives of all citizens, particularly the young generation who will shape the nation's future.

He also called on all Malaysians to celebrate the Kaamatan Festival and Gawai Day in the spirit of Malaysia MADANI, fostering respect for diversity, preserving cultural heritage and strengthening bonds of friendship as the foundation for a united and prosperous nation.

malaymail

Embrace 'Segulai Sejalai' spirit to preserve social harmony, unity minister tells Malaysians before Kaamatan and Gawai

29 May 2025



The Borneo Native Festival featured 150 participants dressed in traditional attire from Sabah and Sarawak to mark the Kaamatan and Gawai celebrations, parading through Bukit Bintang, Kuala Lumpur March 24. — Bernama pic

KUALA LUMPUR, May 29 — The young generation must be nurtured to understand, respect and embrace diversity as a foundation for national harmony and strength, said Minister of National Unity Datuk Aaron Ago Dagang.

He said in tomorrow's increasingly modern and challenging world, the young generation plays an important role in inheriting, preserving and upholding the customs and cultural practices of our ancestors.

"The Madani Malaysia government, through the Ministry of National Unity, remains committed to strengthening the value of unity as the core pillar of the country's development.

"In line with this spirit, various initiatives such as cross-cultural programmes, heritage education, and inter-community dialogues continue to be enhanced to ensure unity values remain firmly rooted among Malaysia's multiracial society," he said in a statement today.

The statement was issued in conjunction with the Kaamatan Festival and Gawai Day, which are celebrated on May 30 and 31.

He also wished Malaysians a Happy Kaamatan Festival and Gawai Day, especially the Kadazan, Dusun, Murut, Rungus, Iban, Bidayuh and Selako communities, as well as the various ethnicities in Sabah and Sarawak who are celebrating the festival.

He said that the Kaamatan Festival and Gawai Day are not only a heritage celebration rich in customs and cultural values, but also reflect the spirit of gratitude, consensus and unity among Malaysia's diverse communities.

According to him, the diversity of cultures, languages and heritage possessed by Malaysians is a priceless treasure and a source of strength that makes Malaysia unique in the eyes of the world and must continue to be preserved, respected and celebrated by all levels of society.

Aaron said that the spirit of 'Segulai Sejalai', which means moving forward together in harmony, should be embraced as a core value in the lives of all citizens, particularly the young generation who will shape the nation's future.

He also called on all Malaysians to celebrate the Kaamatan Festival and Gawai Day in the spirit of Malaysia Madani, fostering respect for diversity, preserving cultural heritage and strengthening bonds of friendship as the foundation for a united and prosperous nation. — Bernama

The Malaysian Reserve

Kaamatan Festival, Gawai Day symbol of unity among Malaysia's diverse communities

29 May 2025



KUALA LUMPUR – The young generation must be nurtured to understand, respect and embrace diversity as a foundation for national harmony and strength, said Minister of National Unity Datuk Aaron Ago Dagang (picture).

He said in today's increasingly modern and challenging world, the young generation plays an important role in inheriting, preserving and upholding the customs and cultural practices of our ancestors.

"The MADANI Malaysia government, through the Ministry of National Unity, remains committed to strengthening the value of unity as the core pillar of the country's development.

"In line with this spirit, various initiatives such as cross-cultural programmes, heritage education, and inter-community dialogues continue to be enhanced to ensure unity values remain firmly rooted among Malaysia's multiracial society," he said in a statement today.

The statement was issued in conjunction with the Kaamatan Festival and Gawai Day, which are celebrated on May 30 and 31.

He also wished Malaysians a Happy Kaamatan Festival and Gawai Day, especially the Kadazan, Dusun, Murut, Rungus, Iban, Bidayuh and Selako communities, as well as the various ethnicities in Sabah and Sarawak who are celebrating the festival.

He said that the Kaamatan Festival and Gawai Day are not only a heritage celebration rich in customs and cultural values, but also reflect the spirit of gratitude, consensus and unity among Malaysia's diverse communities.

According to him, the diversity of cultures, languages and heritage possessed by Malaysians is a priceless treasure and a source of strength that makes Malaysia unique in the eyes of the world and must continue to be preserved, respected and celebrated by all levels of society.

Aaron said that the spirit of 'Segulai Sejalai', which means moving forward together in harmony, should be embraced as a core value in the lives of all citizens, particularly the young generation who will shape the nation's future.

He also called on all Malaysians to celebrate the Kaamatan Festival and Gawai Day in the spirit of Malaysia MADANI, fostering respect for diversity, preserving cultural heritage and strengthening bonds of friendship as the foundation for a united and prosperous nation. — BERNAMA

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

Semangat 'Segulai Sejalai' lambang kekuatan rakyat pelbagai kaum

29 Mei 2025



KUALA LUMPUR – Pesta Kaamatan dan Hari Gawai bukan sahaja perayaan warisan yang kaya dengan nilai adat resam dan budaya malah melambangkan semangat kesyukuran, muafakat dan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Dagang berkata, kepelbagaian budaya, bahasa, dan warisan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia merupakan satu anugerah dan kekuatan yang tidak ternilai.

"Ia menjadikan Malaysia unik di mata dunia dan perlu terus dipelihara, dihormati dan diraikan oleh semua lapisan masyarakat," katanya menerusi kenyataan.

Jelasnya, semangat 'Segulai Sejalai' iaitu seiring dan sejalan menjadi lambang kepada kekuatan rakyat negara ini meskipun terdiri daripada berbilang kaum dan etnik.

"Ia bukan hanya slogan, tetapi nilai hidup yang harus ditanam dalam hati setiap warganegara, khususnya generasi muda yang bakal mewarisi masa depan Malaysia," katanya lagi.

Mengulas lanjut menurut beliau, generasi muda memainkan peranan penting dalam mewarisi dan mengekalkan adat resam serta amalan budaya nenek moyang.

"Mereka harus dididik untuk memahami, menghormati dan menerima kepelbagaian sebagai satu landasan keharmonian dan kekuatan nasional,"katanya lagi.

Beliau berkata demikian sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai kepada seluruh rakyat Malaysia, khususnya masyarakat Kadazan, Dusun, Murut, Rungus, Iban, Bidayuh dan Selako serta pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak yang meraikannya.-MalaysiaGazette

TheStar

Unity Minister: Plant seeds of respect in youth for harmony to grow

30 May 2025



KUALA LUMPUR: The young generation must be nurtured to understand, respect and embrace diversity as a foundation for national harmony and strength, says Datuk Aaron Ago Dagang (pic).

The National Unity Minister said in today's increasingly modern and challenging world, the young generation plays an important role in preserving and upholding the customs and cultural practices of our ancestors.

"The Malaysia Madani government, through the National Unity Ministry, remains committed to strengthening the value of unity as the core pillar of the country's development.

"In line with this spirit, various initiatives such as cross-cultural programmes, heritage education and inter-community dialogues continue to be enhanced to ensure unity remains firmly rooted among Malaysia's multiracial society," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

The statement was issued in conjunction with the Kaamatan and Gawai festivals, which are celebrated today and tomorrow.

Aaron also conveyed festive greetings to Malaysians, especially the Kadazan, Dusun, Murut, Rungus, Iban, Bidayuh and Selako communities, as well as the various ethnicities in Sabah and Sarawak, who are celebrating the festivals.

He said Kaamatan and Gawai are not only heritage celebrations rich in customs and cultural values but also reflect the spirit of gratitude, consensus and unity among Malaysia's diverse communities.

Aaron said the spirit of "Segulai Sejalai", which means moving forward together in harmony, should be embraced as a core value in the lives of all citizens, especially the young generation who will shape the nation's future.

He also called on all Malaysians to celebrate Kaamatan and Gawai in the spirit of Malaysia Madani, fostering respect for diversity, preserving cultural heritage and strengthening friendships as the foundation for a united and prosperous natio

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

‘Tuai Kasih’ raih 2.5 juta tontonan, simbol perpaduan sempena Hari Gawai dan Kaamatan

29 Mei 2025



Pelbagai kebudayaan ditonjolkan dalam iklan ‘Tuai Kasih’ sempena sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025.

SHAH ALAM - Iklan istimewa sempena sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025 yang bertajuk Tuai Kasih berjaya mencuri perhatian rakyat Malaysia.

Sejak dimuat naik pada 26 Mei 2025, Tuai Kasih mencatat lebih 2.5 juta tontonan di dua media sosial rasmi Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang iaitu TikTok dan Instagram.

Iklan kreatif yang dicetuskan Aaron itu bukan sahaja menonjolkan keunikan sambutan Gawai dan Kaamatan, malah dilihat sebagai lambang perpaduan dalam kepelbagaian masyarakat.

Membawa tema “Dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian”, iklan ini tampil sebagai karya seni visual yang memukau, menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat yang disusun penuh emosi.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara, Dr S Shatesh Kumar berkata, penyampaian menerusi iklan itu tidak hanya menyentuh lapisan masyarakat dari Sabah dan Sarawak, tetapi juga merentasi sempadan kaum dan agama.

Menurut beliau, ia menjadikannya relevan dan menyentuh hati seluruh rakyat Malaysia.

“Tuai Kasih secara literal bermaksud ‘menuai kasih sayang’, menjadi metafora kepada hasil yang dituai apabila rakyat hidup bersama dalam suasana yang saling menyayangi dan memahami.

“Lebih daripada sekadar hiburan atau dokumentasi budaya, Tuai Kasih membawa mesej yang sangat penting dalam konteks Malaysia hari ini bahawa perpaduan hanya dapat dibina melalui saling faham, hormat serta penerimaan terhadap perbezaan budaya.

“Dalam sebuah negara yang rencam dari segi etnik, bahasa dan adat, iklan ini menyampaikan mesej bahawa perayaan seperti Gawai dan Kaamatan wajar diraikan bukan sahaja oleh masyarakat asalnya, tetapi juga seluruh rakyat Malaysia sebagai lambang identiti nasional,” katanya menerusi kenyataan pada Khamis.

Beliau memberitahu, sejajar dengan hasrat kepimpinan negara, iklan Tuai Kasih digarap dengan semangat dan aspirasi yang sering disebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jelasnya, Anwar sering mengingatkan agar semua pihak wajib memastikan masyarakat di Malaysia hidup dalam suasana aman, harmoni dan saling menjaga antara satu sama lain.

“Karya ini turut menitikberatkan beberapa elemen yang sering disebut oleh Perdana Menteri untuk melihat Malaysia maju, bukan sahaja dikenali dengan kemakmuran, tetapi juga dengan semangat perpaduan yang utuh.

“Ia berjaya menyampaikan aspirasi sebuah Malaysia yang lebih indai (cantik dalam bahasa Iban), lebih harmoni dan lebih bersatu.

“Selain itu, iklan ini menjadi bukti bahawa seni dan budaya boleh menjadi medium efektif dalam menyatukan masyarakat, menyemai rasa hormat dan memperkukuh semangat kebersamaan,” ujarnya.

Tambah Shatesh Kumar, rakyat Malaysia boleh menonton iklan tersebut di media sosial Aaron serta saluran rasmi seperti TV1 Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), TV Sarawak (TVS), Astro Awani Borneo dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

Jelasnya, tayangan rasmi berlangsung dari 26 Mei hingga 2 Jun, menjadikannya tontonan wajib sempena musim perayaan ini.

“Harmoni dalam kepelbagaian, iklan ini turut menampilkan barisan pelakon yang mewakili kepelbagaian masyarakat Malaysia dengan sangat baik, antaranya Izzul Faiq, Nicole Jay, Dhakshu dan ramai lagi.

“Kehadiran mereka mengukuhkan lagi mesej perpaduan dan keharmonian yang cuba disampaikan dalam iklan ini,” katanya.

edisi 9

‘Tuai Kasih’ lambang perpaduan sejati rakyat Malaysia

29 Mei 2025



Tarian etnik Sabah dan Sarawak ditonjolkan dalam video ‘Tuai Kasih’

KEMENTERIAN Perpaduan Negara tampil dengan inisiatif kreatif yang mencuri perhatian rakyat menerusi pelancaran sebuah iklan khas bertajuk Tuai Kasih bersempena sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025.

Iklan berdurasi beberapa minit itu bukan sahaja menyentuh emosi penonton, malah mengangkat semangat kekitaan serta nilai saling hormat yang menjadi teras keharmonian negara ini sejak sekian lama.

Menurut Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara, Dr. S. Shatesh Kumar, karya tersebut merupakan simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan terhadap kepelbagaian budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

“Iklan ini bukan sekadar bahan promosi sempena dua perayaan penting, tetapi ia membawa mesej perpaduan dan penghayatan budaya yang mendalam. Ia mengajak rakyat agar meraikan kepelbagaian sebagai kekuatan dan bukannya halangan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menerusi tema ‘Dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian,’ Tuai Kasih mengetengahkan gabungan unik antara tarian etnik, muzik tradisional serta visual alam semula jadi dari Sabah dan Sarawak, digarap dengan sinematografi moden yang mencetuskan rasa bangga terhadap warisan tempatan.

Beliau berkata, naratif iklan dibina dengan teliti bagi menyampaikan mesej kasih sayang, tolak ansur dan semangat kekeluargaan yang menjadi asas kepada pembinaan negara bangsa Malaysia yang bersatu.

“Nama Tuai Kasih yang membawa maksud menuai kasih sayang turut menjadi metafora kepada hasil harmoni yang diperoleh apabila rakyat hidup dalam suasana saling memahami dan menyayangi,” katanya.

Satesh Kumar berkata, sejak dimuat naik di laman media sosial rasmi Menteri Perpaduan Negara pada 26 Mei lalu, Tuai Kasih telah meraih lebih 2.5 juta tontonan di platform TikTok dan Instagram.

Katanya, rata-rata warganet memuji pendekatan kreatif dan mesej yang disampaikan, menyifatkannya sebagai karya yang menyentuh jiwa serta mencerminkan keindahan sebenar masyarakat majmuk Malaysia.

“Penonton turut memuji cara iklan tersebut menyatukan pelakon daripada pelbagai latar belakang kaum dan negeri, antaranya Izzul Faiq (Melayu), Nicole Jay (Cina), Dhakshu (India), Ethan (Sabah) dan Dunstun Luther Junior (Sarawak) – sekali gus memperkukuh mesej perpaduan dan kepelbagaian yang diraikan bersama,” katanya. – Edisi 9

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Dokumentasi budaya dalam Tuai Kasih

29 Mei 2025



DOKUMENTASI budaya dalam Tuai Kasih membawa mesej yang sangat penting dalam konteks Malaysia hari ini.-UTUSAN

KANGAR: Sebuah iklan istimewa bertajuk 'Tuai Kasih' yang penuh dengan warna-warni dan semangat kekeluargaan bersempena sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025 menarik perhatian ramai.

Karya kreatif, unik serta berbeza daripada kelaziman itu hasil cetusan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Setiausaha akhbar Menteri Perpaduan, Dr. Shatesh Kumar Sanggar berkata, iklan tersebut bukan sekadar bahan promosi sempena dua perayaan di Malaysia namun ia merupakan simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum.

Katanya, Tuai Kasih tampil sebagai karya seni visual yang memukau dengan menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat yang disusun melodi lunak penuh emosi.

"Dengan membawa tema 'dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian', penyampaiannya juga
tidak hanya menyentuh lapisan masyarakat dari Sabah dan Sarawak, tetapi merentasi sempadan kaum dan agama sekali gus menjadikan ia relevan yang menyentuh hati seluruh rakyat.

"Dokumentasi budaya dalam Tuai Kasih membawa mesej yang sangat penting dalam konteks Malaysia hari ini iaitu perpaduan hanya dapat dibina melalui saling faham, saling hormat dan penerimaan terhadap perbezaan budaya.

"Dalam sebuah negara yang rencam daripada segi etnik, bahasa dan adat, iklan ini juga menyampaikan mesej bahawa perayaan seperti Gawai dan Kaamatan wajar diraikan bukan sahaja oleh masyarakat asalnya tetapi oleh seluruh rakyat Malaysia sebagai lambang identiti nasional," katanya di sini hari ini.

Tambah beliau, apa yang menjadikan iklan ini begitu berbeza dan luar biasa ialah gabungan teknik sinematografi moden dengan elemen tradisional selain tarian etnik yang diiringi alunan muzik lembut mencipta suasana syahdu yang menjentik rasa bangga dan kasih terhadap warisan budaya tanah air.

Katanya, setiap momen diolah dengan tujuan memperlihatkan keindahan budaya dan kekuatan semangat kekitaan.

"Ia daripada detik persiapan sambutan hingga ke saat komuniti pelbagai bangsa berkumpul dalam suasana penuh ceria dan harmoni. Paparan visual desa dan alam semula jadi Sabah dan Sarawak yang menawan bakal memberi kesan mendalam terhadap penonton.

"Sejak dilancarkan, Tuai Kasih menerima sambutan luar biasa masyarakat dengan tontonan melebihi 2,500,000 di dua platform media sosial Aaron iaitu di Tik Tok dan Instagram sejak dimuat naik pada 26 Mei 2025.

"Masyarakat memuji pendekatan yang kali ini yang disifatkan sebagai kreatif, menyentuh emosi dan mengangkat perpaduan secara halus tetapi bermakna," katanya. -UTUSAN

Senimalaya

Tuai Kasih: Menuai perpaduan dalam ladang budaya yang subur

29 Mei 2025



Gabungan tarian budaya Sabah dan Sarawak. - Foto: UKK Kementerian Perpaduan.

DALAM dunia yang penuh hiruk-pikuk kemodenan dan kadang-kala kehilangan arah dalam nilai hidup bersama, hadir sebuah karya kecil dari Kementerian Perpaduan Negara yang besar maknanya—iklan "Tuai Kasih". Bukan sebarang iklan. Ia bukan hanya perhiasan musim perayaan, bukan juga sekadar tontonan yang berakhir dengan paparan logo kementerian. "Tuai Kasih" ialah cerminan wajah Malaysia yang tidak pernah lekang daripada warna-warna damai, andai kita tahu menghargai.

Disempurnakan di bawah ilham Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, dan dicanai dengan teliti oleh pasukan komunikasinya termasuk Dr Shatesh Kumar, iklan ini menjadi penanda aras kepada bagaimana sebuah karya visual boleh menjadi medium menyemai kasih, mengangkat budaya dan menjahit kembali fabrik kebersamaan yang kian lusuh dek perbezaan yang sering digasak oleh sesetengah tangan yang tidak bertanggungjawab.

Dalam Setiap Bingkai, Ada Kasih

"Tuai Kasih" membawa penonton menyusuri detik-detik penuh makna – dari persiapan Gawai dan Kaamatan yang syahdu, hinggalah kepada suasana sambutan yang mekar dengan tawa dan harapan. Tidak ada naratif yang keras. Tidak perlu pun slogan yang diulang-ulang. Cukuplah dengan alunan muzik rakyat yang lembut dan tarian etnik yang menyapu hati, lalu mengalirkan kesedaran bahawa Malaysia ini bukan milik satu kaum, tetapi milik semua.

Dengan tema "Dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian", karya ini menyulam nilai-nilai yang sering kita ucap tetapi jarang benar-benar kita hayati: kasih sayang, hormat, dan sokongan merentas sempadan budaya.

Malah, makna tajuknya sendiri – Tuai Kasih, yakni menuai kasih sayang – ialah kias yang dalam. Bahawa jika kita menanam pengertian dan saling menghormati, maka kasih yang dituai bukan untuk satu bangsa, tetapi untuk Malaysia seluruhnya.

Seperti kata Setiausaha Akhbar kepada Menteri, Dr Shatesh Kumar a/l Sanggar, "Iklan ini bukan sekadar bahan promosi sempena dua perayaan di Malaysia, ia merupakan simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum."

Simfoni Warna dari Timur Malaysia

Keunikan iklan ini juga terletak pada keberaniannya menjadikan warisan budaya Sabah dan Sarawak sebagai nadi utama. Visual desa dan alam semula jadi di Bumi Kenyalang dan Negeri Di Bawah Bayu dilukis dengan kehalusan sinematografi moden, tanpa mengorbankan unsur tradisi. Tidaklah berlebih-lebihan, tidak pula menggula-gulakan budaya. Yang terlihat adalah keindahan yang tulus – hasil kerja tangan yang memahami, bukan yang sekadar meniru.

SUARA MERDEKA

“Tuai Kasih” Tonjol Keunikan Sambutan Gawai dan Kaamatan, Lambang Perpaduan Dalam Kepelbagaian

29 Mei 2025



SUASANA penuh warna-warni dan semangat kekeluargaan yang melatari sambutan HariGawai dan Pesta Kaamatan 2025

DALAM suasana penuh warna-warni dan semangat kekeluargaan yang melatari sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025, satu karya kreatif yang unik dan berbza dari kelazminan telah mencuri perhatian rakyat Malaysia – sebuah iklan istimewa bertajuk “Tuai Kasih” yang dicetuskan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang. Setiausaha Akhabar kepada Aaron, Dr Shatesh Kumar a/l Sanggar berkata, “Iklan ini bukan sekadar bahan promosi sempena dua perayaan di Malaysia, ia merupakan simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum”.

Dengan membawa tema “Dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian”, Tuai Kasih tampil sebagai karya seni visual yang memukau, menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat yang disusun dengan melodi lunak dan penuh emosi. Penyampaian ini tidak hanya menyentuh lapisan masyarakat dari Sabah dan Sarawak, tetapi juga merentasi sempadan kaum dan agama, menjadikan ia relevan dan menyentuh hati seluruh rakyat Malaysia.

Mengangkat Nilai Perpaduan dan Kefahaman

Lebih daripada sekadar hiburan atau dokumentasi budaya, “Tuai Kasih membawa mesej yang sangat penting dalam konteks Malaysia hari ini — bahawa perpaduan hanya dapat dibina melalui saling faham, saling hormat dan penerimaan terhadap perbezaan budaya. Dalam sebuah negara yang rencam dari segi etnik, bahasa, dan adat, iklan ini menyampaikan mesej bahawa perayaan seperti Gawai dan Kaamatan wajar diraikan bukan sahaja oleh masyarakat asalnya, tetapi juga oleh seluruh rakyat Malaysia sebagai lambang identiti nasional”.

Naratif iklan ini disusun dengan penuh teliti, menonjolkan peranan nilai kasih sayang, hormat dan saling menyokong antara komuniti — elemen penting dalam membentuk Malaysia yang lebih bersatu dan harmoni. “Tuai Kasih, yang secara literal bermaksud ‘menuai kasih sayang’, menjadi metafora kepada hasil yang dituai apabila rakyat hidup bersama dalam suasana yang saling menyayangi dan memahami”.

Siaran media Visual Memukau, Naratif Emosi

Apa yang menjadikan iklan ini begitu berbeza dan luar biasa ialah gabungan teknik sinematografi moden dengan elemen tradisional. Tarian-tarian etnik yang diiringi alunan muzik lembut mencipta suasana syahdu yang menjentik rasa bangga dan kasih terhadap warisan budaya tanah air.

Setiap momen diolah dengan tujuan memperlihatkan keindahan budaya dan kekuatan semangat kekitaan, dari detik persiapan sambutan, hingga ke saat komuniti pelbagai bangsa berkumpul dalam suasana penuh ceria dan harmoni.

Paparan visual desa dan alam semula jadi Sabah dan Sarawak yang menawan bakal memberi kesan mendalam terhadap penonton.

Sambutan Hangat dan Pujian Ramai

Sejak dilancarkan, Tuai Kasih menerima sambutan luar biasa daripada masyarakat dengan tontonan melebihi 2,500,000 tontonan di dua media media sosial Aaron iaitu TikTok dan Instagram sejak dimuat naik pada 26 May 2025.

Masyarkat memuji pendekatan yang kali ini yang disifatkan sebagai kreatif, menyentuh emosi dan mengangkat perpaduan secara halus tetapi bermakna.

Iklan ini telah menjadi tular di pelbagai platform digital dan menjadi bahan perbincangan yang positif dalam kalangan netizen.

Untuk mereka yang masih belum boleh menonton, iklan ini boleh ditonton di media sosial YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, di Kementerian Perpaduan Negara, serta saluran rasmi seperti TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM), TV Sarawak (TVS), Astro Awani Borneo, dan BERNAMA. Tayangan rasmi berlangsung bermula 26 Mei hingga 2 Jun 2025, menjadikan ia tontonan wajib sempena musim perayaan ini.

Harmoni Dalam Kepelbagaian

Iklan ini turut menampilkan barisan pelakon yang mewakili kepelbagaian masyarakat Malaysia dengan sangat baik. Antara pelakon utama adalah Izzul Faiq sebagai Ismail yang mewakili masyarakat berbangsa Melayu, Nicole Jay sebagai Lizzy yang mewakili masyarakat berbangsa Cina, Dhakshu sebagai Deva yang mewakili masyarakat India, serta Ethan yang mewakili masyarakat Sabah dan Dunstun Luther Junior yang mewakili masyarakat Sarawak. Kehadiran mereka mengukuhkan lagi mesej perpaduan dan keharmonian yang cuba disampaikan dalam iklan ini.

Siaran media Sejajar Dengan Hasrat Kepimpinan Negara

Iklan Tuai Kasih ini juga digarap dengan semangat dan hasrta yang sering disebut-sebut oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri, yang sentiasa menjunjung tinggi semangat perpaduan di negara ini. Beliau mengingatkan agar kita wajib memastikan masyarakat di Malaysia hidup dalam suasana aman, harmoni dan saling menjaga keharmonian antara satu sama lain.

"Karya ini turut menitikberatkan beberapa elemen yang sering disebut oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk melihat Malaysia maju bukan sahaja dikenali dengan kemakmuran, tetapi juga dengan semangat perpaduan yang utuh dan harmoni dalam kepelbagaian telah menjadi asas untuk digarap oleh Menteri Perpaduan Negara dalam penghasilan karya Tuai Kasih".

Malaysia yang Lebih Indai, Harmoni dan Bersatu

Melalui Tuai Kasih, karya ini berjaya menyampaikan aspirasi sebuah Malaysia yang lebih indai (cantik dalam bahasa Iban), lebih harmoni dan lebih bersatu. Iklan ini menjadi bukti bahawa seni dan budaya boleh menjadi medium efektif dalam menyatukan masyarakat, menyemai rasa hormat, dan memperkukuh semangat kebersamaan.

Sebagai rakyat Malaysia, sambutan Gawai dan Kaamatan seharusnya tidak hanya menjadi perayaan etnik tertentu, tetapi dirai sebagai sebahagian daripada identiti nasional – tempat kita semua berkongsi rasa bangga terhadap kepelbagaian yang menyatukan kita.

Dengan kejayaan Tuai Kasih, diharapkan lebih banyak karya seperti ini akan terus dihasilkan – karya yang bukan sahaja merakam keindahan budaya, tetapi juga menyatukan hati rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang.

Terima kasih kepada Kementerian Komunikasi, Radio Televisyen Malaysia (RTM), Bernama, Awani Borneo, TVS yang turut menyokong dan menyiarkan iklan "Tuai Kasih" yang selari dengan hasrat YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dan Kerajaan MADANI yang sentiasa mengutamakan keharmonian di negara ini.

Iklan ‘Tuai Kasih’ simbol kebersamaan masyarakat majmuk Malaysia

30 Mei 2025

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara Shatesh Kumar berkata iklan itu bawa mesej penting perpaduan hanya dapat dibina dengan saling memahami, hormat-menghomati dan penerimaan terhadap perbezaan budaya.



Iklan ‘Tuai Kasih’ hasil cetusan idea Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang mendapat lebih 2.5 juta tontonan di TikTok dan Instagram sejak dimuat naik Isnin lalu.

PETALING JAYA: Iklan ‘Tuai Kasih’ bukan sekadar promosi sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan tahun ini, sebaliknya ia simbol keindahan nilai kebersamaan serta penerimaan budaya rakyat Malaysia berbilang agama dan kaum.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara, Shatesh Kumar, berkata iklan hasil cetusan idea Menterinya, Aaron Ago Dagang sendiri juga bukan sekadar hiburan atau dokumentasi budaya.

Tetapi, katanya, ia membawa mesej penting dalam konteks Malaysia hari ini bahawa perpaduan hanya dapat dibina dengan saling memahami, hormat-menghomati dan penerimaan terhadap perbezaan budaya.

“Dengan membawa tema ‘Dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian’, Tuai Kasih tampil sebagai karya seni visual yang memukau, menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat yang disusun dengan melodi lunak dan penuh emosi.

“Penyampaian ini tidak hanya menyentuh lapisan masyarakat dari Sabah dan Sarawak, tetapi juga merentasi sempadan kaum dan agama, menjadikan ia relevan dan menyentuh hati seluruh rakyat Malaysia,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, perayaan seperti Hari Gawai dan Pesta Kaamatan wajar diraikan bukan sahaja oleh masyarakat asalnya, tetapi juga semua rakyat Malaysia sebagai lambang identiti nasional.

Iklan yang menampilkan barisan pelakon berbilang kaum di Malaysia, antaranya Izzul Faiq, Nicole Jay, Dhakshu, Ethan dan Dunstun Luther Junior itu mendapat sambutan luar biasa dengan lebih 2.5 juta tontonan di TikTok dan Instagram Aaron sejak dimuat naik Isnin lalu.

Menurutnya, ramai memuji pendekatan iklan disifatkan kreatif sehingga tular di pelbagai platform digital dan menjadi bahan perbincangan positif dalam kalangan warganet.

“Karya ini turut menitikberatkan beberapa elemen sering disebut Perdana Menteri, Anwar Ibrahim untuk melihat Malaysia maju bukan sahaja dikenali dengan kemakmuran, tetapi juga semangat perpaduan utuh dan harmoni dalam kepelbagaian yang menjadi asas untuk digarap menteri perpaduan negara dalam penghasilan ‘Tuai Kasih’.



Iklan ‘Tuai Kasih’ menampilkan barisan pelakon berbilang kaum di Malaysia, antaranya Izzul Faiq, Nicole Jay, Dhakshu, Ethan dan Dunstun Luther Junior.

SUARA.TV
BERITA RENTAS PEMIKIRAN

Perayaan Gawai dan Keamatan dalam kapsul perpaduan Tuai Kasih jadi sebutan

29 Mei 2025

KUALA LUMPUR – Dalam suasana penuh warna-warni dan semangat kekeluargaan sempena sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025, sebuah iklan khas bertajuk Tuai Kasih telah mencuri perhatian rakyat Malaysia dengan mengetengahkan mesej perpaduan melalui keindahan budaya tempatan.

Diilhamkan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, Tuai Kasih bukan sekadar iklan perayaan, tetapi sebuah karya seni visual yang mengangkat nilai kebersamaan dalam masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.

Menurut Setiausaha Akhbarnya, Dr Shatesh Kumar Sanggar, iklan ini menjadi simbol penerimaan budaya serta keharmonian yang dicapai melalui kefahaman dan penghormatan terhadap perbezaan.

"Iklan ini bukan sekadar bahan promosi sempena dua perayaan di Malaysia. Ia merupakan simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Dengan tema Dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian, Tuai Kasih menyatukan elemen tarian etnik, muzik rakyat, serta sinematografi moden bagi mencipta suasana syahdu yang menyentuh hati.

Paparan persiapan perayaan, detik komuniti pelbagai bangsa berkumpul serta latar pemandangan desa Sabah dan Sarawak, menyemarakkan rasa bangga terhadap warisan budaya tanah air.

Naratifnya yang menyentuh nilai kasih sayang, hormat dan sokongan menjadikan karya ini lebih daripada sekadar tontonan ia menjadi mesej perpaduan yang halus tetapi bermakna.

Sejak dilancarkan pada 26 Mei lalu, Tuai Kasih meraih lebih 2.5 juta tontonan di platform media sosial rasmi Datuk Aaron seperti TikTok dan Instagram, serta menerima pujian kerana pendekatannya yang kreatif dan menyentuh emosi.

Iklan ini boleh ditonton di saluran rasmi termasuk TV1, TV Sarawak (TVS), Astro Awani Borneo, BERNAMA dan laman media sosial Kementerian Perpaduan Negara.

Tuai Kasih turut menampilkan pelakon yang mewakili kepelbagaian rakyat Malaysia: Izzul Faiq (Melayu), Nicole Jay (Cina), Dhakshu (India), Ethan (Sabah) dan Dunstun Luther Junior (Sarawak), memperkukuh lagi mesej keharmonian yang cuba disampaikan.

Iklan ini sejajar dengan aspirasi Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sering menekankan pentingnya semangat perpaduan sebagai tunjang kemajuan negara.

"Karya ini mencerminkan hasrat Perdana Menteri untuk melihat Malaysia bukan sahaja makmur, tetapi juga bersatu padu dalam kepelbagaian," tambah Dr Shatesh.

Perpaduan Melalui Seni dan Budaya**

Menurut Satesh, Tuai Kasih berjaya membuktikan bahawa seni dan budaya merupakan medium efektif dalam menyemai rasa hormat dan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat. Ia menyeru agar sambutan Gawai dan Kaamatan diraikan sebagai sebahagian daripada identiti nasional, bukan hanya oleh etnik asal tetapi seluruh warga Malaysia. – Suara.TV



Poster Tuai Kasih

Watak-watak yang ditampilkan bukan bintang iklan glamor, tetapi wajah-wajah yang memikul maksud. Izzul Faiq (Ismail), Nicole Jay (Lizzy), Dhakshu (Deva), Ethan, dan Dunstun Luther Junior bukan hanya mewakili kaum Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak—tetapi lebih penting lagi, mereka mewakili aspirasi kita untuk hidup bersama. Tiada siapa yang lebih tinggi, tiada siapa yang lebih rendah. Dalam "Tuai Kasih", semua sama rata, sama rasa.

Lebih Daripada Tontonan

Sejak tayangannya di media sosial Menteri pada 26 Mei 2025, "Tuai Kasih" telah mencatat lebih 2.5 juta tontonan – satu angka yang membuktikan bahawa rakyat dahagakan kandungan yang membina, bukan sekadar hiburan kosong. Rata-rata netizen menyifatkan iklan ini sebagai menyentuh, halus, dan paling penting – tidak memaksa. Ia menyampaikan mesej tanpa mendesak. Ia meresap masuk ke hati kerana ia jujur.

Ia juga bukan satu karya yang muncul dari ruang vakum. Gagasan iklan ini bergerak seiring dengan semangat yang sering disebut oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, bahawa perpaduan mesti menjadi asas Malaysia Madani. Dalam bait ucapan beliau yang sering bergema, ada harapan untuk Malaysia menjadi bukan sahaja negara yang makmur, tetapi juga bangsa yang bersatu.

Merayakan yang Asli, Memupuk yang Abadi

Kita tidak harus melihat Gawai dan Kaamatan sebagai sambutan 'orang sana'. Kita harus melihatnya sebagai cerminan siapa kita – rakyat Malaysia yang rencam tetapi berpaut pada akar budaya yang sama. "Tuai Kasih" mengangkat ini dengan sederhana, dengan jiwa yang tenang, tanpa retorik yang membingitkan.

Dan seperti yang diharapkan, ini bukan pengakhiran. Ini adalah permulaan kepada lebih banyak karya yang tidak melupakan kekuatan sebenar Malaysia – keindahan dalam perbezaan.

Kerana dalam ladang budaya yang kita jaga bersama, kasih yang dituai bukan hanya indai, tetapi abadi.

REFLEKS
SEGAR . AKTIF . TERAMPIL

"Tuai Kasih" tonjol keunikan sambutan Gawai dan Kaamatan, lambang perpaduan dalam kepelbagaian menyatukan Malaysia

29 Mei 2025



DALAM suasana penuh warna-warni dan semangat kekeluargaan sempena Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025, sebuah karya kreatif berjudul "Tuai Kasih" telah mencuri perhatian rakyat Malaysia. Iklan istimewa ini merupakan inisiatif Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, yang ingin menzahirkan keindahan nilai kebersamaan serta penerimaan budaya dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.

Menurut Setiausaha Akhbar kepada Datuk Aaron, Dr. Shatesh Kumar a/l Sanggar, "Tuai Kasih" bukan sekadar bahan promosi perayaan, malah menjadi simbol kepada semangat perpaduan yang semakin diperkukuh dalam negara. Tema "Dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian" jelas terpancar melalui naratif dan visual iklan ini, yang menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat dengan sentuhan sinematografi moden.



Iklan ini berjaya menampilkan keunikan budaya Sabah dan Sarawak, namun pada masa yang sama, ia merentasi sempadan etnik dan agama, menjadikan mesejnya relevan untuk seluruh rakyat Malaysia. Penyampaian visual yang memukau, digabungkan dengan naratif emosi, membangkitkan rasa bangga terhadap warisan budaya tanah air serta menanamkan nilai kasih sayang dan saling menghormati antara komuniti.

Lebih daripada sekadar hiburan, "Tuai Kasih" membawa mesej penting bahawa perpaduan hanya dapat dicapai melalui saling faham, hormat dan penerimaan terhadap perbezaan budaya. Dalam negara yang kaya dengan kepelbagaian etnik, bahasa dan adat, iklan ini mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk sama-sama meraikan perayaan Gawai dan Kaamatan sebagai lambang identiti nasional.



Naratif iklan disusun teliti bagi menonjolkan peranan kasih sayang, hormat dan saling menyokong antara komuniti. "Tuai Kasih" secara literal bermaksud 'menuai kasih sayang', menjadi metafora kepada hasil yang dituai apabila rakyat hidup bersama dalam suasana penuh kasih dan persefahaman.

Paparan visual desa dan alam semula jadi Sabah serta Sarawak yang menawan turut memberi kesan mendalam kepada penonton. Setiap detik, dari persiapan sambutan hingga ke saat komuniti pelbagai bangsa berkumpul, memperlihatkan keindahan budaya dan kekuatan semangat kekitaan.

Sejak dilancarkan, "Tuai Kasih" menerima sambutan luar biasa dengan lebih 2.5 juta tontonan di media sosial Aaron Ago Dagang. Pendekatan kreatif dan menyentuh emosi ini dipuji masyarakat kerana mengangkat nilai perpaduan secara halus tetapi bermakna. Iklan ini juga tular di pelbagai platform digital dan menjadi bahan perbincangan positif dalam kalangan netizen.

Barisan pelakon yang mewakili kepelbagaian masyarakat Malaysia, seperti Izzul Faiq (Melayu), Nicole Jay (Cina), Dhakshu (India), Ethan (Sabah) dan Dunstun Luther Junior (Sarawak), mengukuhkan lagi mesej keharmonian yang ingin disampaikan. Kehadiran mereka membuktikan bahawa perpaduan bukan sekadar slogan, tetapi realiti yang boleh dicapai melalui seni dan budaya.



Iklan ini juga selari dengan aspirasi kepimpinan negara, khususnya Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, yang sentiasa menekankan pentingnya perpaduan sebagai asas kemajuan dan keharmonian negara. Semangat MADANI yang diangkat dalam karya ini menjadi teras kepada usaha memperkukuh identiti nasional dan jati diri Malaysia.

"Tuai Kasih" berjaya menyampaikan aspirasi sebuah Malaysia yang lebih indai (cantik dalam bahasa Iban), harmoni dan bersatu. Ia membuktikan bahawa seni dan budaya boleh menjadi medium efektif untuk menyatukan masyarakat, menyemai rasa hormat, serta memperkukuh semangat kebersamaan. – REFLEKS!

Sinar Harian

Tuai Kasih lambang perpaduan

30 Mei 2025



WARNA-WARNI KEHIDUPAN Sinar Harian NASIONAL 23

Tuai Kasih lambang perpaduan

Iklan istimewa sempena Hari Gawai dan Pesta Kaamatan itu catat lebih 2.5 juta tontonan

Oleh ROSKHODIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Iklan istimewa sempena sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025 yang bertajuk Tuai Kasih berjaya mencuri perhatian rakyat Malaysia.

Sejak dimuat naik pada 26 Mei lalu, Tuai Kasih mencatat lebih 2.5 juta tontonan di dua media sosial rasmi Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang iaitu di TikTok dan Instagram.

Iklan kreatif yang diceburkan Aaron itu bukan sahaja mempromosikan keunikan sambutan Gawai dan Kaamatan bahkan dilihat sebagai lambang perpaduan dalam kepelbagaian masyarakat.

Membawa tema 'Dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian', iklan ini tampil sebagai karya seni visual yang memukau, menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat yang disulam penuh emosi.

Setiausaha Akhbar kepada Menteri Perpaduan Negara, Dr Shatesh Kumar berkata, penyampaian menerusi iklan itu tidak hanya menyentuh lapisan masyarakat dari Sabah dan Sarawak, tetapi juga merentasi sempadan kaum dan agama.

Menurut beliau, ia menjadikannya relevan dan menyentuh hati seluruh rakyat Malaysia.

"Tuai Kasih secara literal bermaksud 'menuai kasih sayang', menjadi metafora kepada hasil dibuat apabila rakyat hidup bersama dalam suasana yang saling menyayangi dan memahami.

"Lebih daripada sekadar hiburan atau dokumentasi budaya, Tuai Kasih membawa mesej yang sangat penting dalam konteks Malaysia hari ini bahawa perpaduan hanya dapat dibina melalui saling faham, hormat serta penerimaan terhadap perbezaan budaya.

"Dalam sebuah negara yang rencam dari segi etnik, bahasa dan adat, iklan ini menyampaikan mesej bahawa perayaan seperti Gawai dan Kaamatan wajar diraikan bukan sahaja oleh masyarakat asalnya, tetapi juga seluruh rakyat Malaysia sebagai lambang identiti nasional," katanya menerusi kenyataan pada Khamis.

Beliau memberitahu, sejajar dengan hasrat kepimpinan negara, iklan Tuai Kasih digarap dengan semangat dan hasrat yang sering disebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jelasnya, Anwar sering mengingatkan agar semua pihak wajib memastikan masyarakat di Malaysia hidup dalam suasana aman, harmoni dan saling menjaga keharmonian antara satu sama lain.

"Karya ini turut menitikberatkan beberapa elemen yang sering disebut oleh Perdana Menteri untuk melihat Malaysia maju bukan sahaja dikenali dengan kemakmuran, tetapi juga dengan semangat perpaduan yang utuh.

"Ia berjaya menyampaikan aspirasi sebuah Malaysia yang lebih mesra (cantik dalam bahasa Iban), lebih harmoni dan lebih bersatu.



Iklan ini tampil sebagai karya seni visual memukau, menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat yang disulam penuh emosi.

Utusan Malaysia

Tuai Kasih bawa mesej perpaduan

31 Mei 2025

Tuai Kasih bawa mesej perpaduan

IKLAN istimewa bertajuk *Tuai Kasih* yang penuh dengan warna-warni dan semangat kekeluargaan bersempena sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025 menarik perhatian ramai.

Video kreatif dan berbeza daripada kelaziman itu hasil cetusan idea Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Setiausaha Akhbarnya, Dr. Shatesh Kumar Sanggar berkata, ia bukan sekadar bahan promosi sempena perayaan, namun merupakan simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum.

Katanya, Tuai Kasih tampil sebagai karya seni visual yang memukau dengan menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat.

■ DOKUMENTASI budaya dalam Tuai Kasih membawa mesej yang sangat penting dalam konteks Malaysia hari ini.

Wadah Pembaharuan BH BeritaHarian

30 Mei 2025

Tuai Kasih kongsi keunikan Gawai, Kaamatan



Tuai Kasih kongsi keunikan Gawai, Kaamatan

Iklan istimewa serlah keindahan budaya raih 2.5 juta tontonan dalam pelbagai platform

Oleh Fatin Farhana Ariffin
fatin.farhana@bh.com.my

Dalam suasana penuh warna-warni dan semangat kekeluargaan yang melatari sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025, sebuah karya kreatif yang unik dan berbeza mencuri perhatian rakyat Malaysia, iaitu iklan istimewa bertajuk *Tuai Kasih* yang dicetuskan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Setiausaha Akhbar kepada Aaron, iaitu Dr S Shatesh Kumar, berkata iklan istimewa itu bukan sahaja mempromosi Hari Gawai dan Pesta Kaamatan, malah menjadi simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum.

"Dengan membawa tema iaitu dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian, *Tuai Kasih* tampil sebagai karya seni visual yang memukau.

"Iklan ini menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat yang disusun dengan melodi lunak dan penuh emosi," katanya dalam kenyataan.

Shatesh berkata, apa yang disampaikan dalam iklan *Tuai Kasih* tidak hanya menyentuh lapisan masyarakat dari Sabah dan Sarawak, malah merentasi sempadan kaum dan agama.

"Ini menjadikan iklan *Tuai Kasih* relevan dan menyentuh hati seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Kementerian Perpaduan Negara dalam kenyataan menyebut, lebih sekadar hiburan atau dokumentasi budaya, iklan *Tuai Kasih* membawa mesej yang sangat penting dalam konteks Malaysia hari ini, iaitu perpaduan hanya dapat dibina melalui saling faham, hormat-menghormati dan penerimaan terhadap perbezaan budaya.

"Dalam sebuah negara yang rencam dari segi etnik, bahasa dan adat, *Tuai Kasih* menyampaikan mesej perayaan seperti Gawai dan Kaamatan wajar diraikan bukan sahaja oleh masyarakat asalnya, tetapi seluruh rakyat Malaysia sebagai lambang identiti nasional.

"Naratif iklan ini disusun penuh teliti, menonjolkan peranan nilai kasih sayang, hormat dan saling menyokong antara komuniti. Ini adalah elemen penting dalam membentuk Malaysia yang lebih bersatu dan harmoni.

"*Tuai Kasih* yang secara literal bermaksud 'menuai kasih sayang' menjadi metafora kepada hasil yang dituai apabila rakyat hidup bersama dalam suasana yang saling menyayangi dan memahami," katanya.



Shatesh Kumar

Ikut nasihat PM

Iklan *Tuai Kasih* digarap dengan semangat dan hasrat yang sering disebut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sentiasa menjunjung tinggi semangat perpaduan di negara ini.

Perdana Menteri mengingatkan kita wajib memastikan masyarakat di Malaysia hidup dalam suasana aman, harmoni dan saling menjaga keharmonian.

"Karya ini turut menitikberatkan beberapa elemen yang sering disebut Anwar untuk untuk melihat Malaysia maju bukan sahaja dikenali dengan kemakmuran, tetapi dengan semangat perpaduan yang utuh dan harmoni dalam kepelbagaian telah menjadi asas untuk digarap Aaron dalam penghasilan karya *Tuai Kasih*," katanya.

Kementerian Perpaduan Negara menambah, apa yang menjadikan *Tuai Kasih* begitu berbeza dan luar biasa adalah gabungan teknik sinematografi moden dengan elemen tradisional.

Tarian etnik yang diiringi alunan muzik lembut mencipta suasana syahdu menjentik rasa bangga dan kasih terhadap warisan budaya tanah air.

"Setiap momen diolah dengan tujuan memperlihatkan keindahan budaya dan kekuatan semangat kekitaan, iaitu sejak detik persiapan sambutan hingga ke saat komuniti pelbagai bangsa berkumpul dalam suasana penuh ceria dan harmoni," katanya.

Selain itu, tambah kenyataan itu, paparan visual desa dan alam semula jadi Sabah dan Sarawak yang menawan bakal memberi kesan mendalam terhadap penonton.

Kenyataan itu menyebut, sejak dilancarkan, iklan *Tuai Kasih* mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat Malaysia dengan tontonan melebihi 2.5 juta melalui media media sosial Aaron iaitu TikTok dan Instagram (IG) sejak dimuat naik pada 26 Mei lalu.

"Masyarakat memuji pendekatan kali ini yang disifatkan sebagai kreatif, menyentuh emosi dan mengangkat perpaduan secara halus tetapi bermakna.

"Iklan ini menjadi tular dalam pelbagai platform digital dan menjadi bahan perbincangan yang positif dalam kalangan netizen," katanya.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

Tuai Kasih tonjol keunikan Gawai, Kaamatan

30 Mei 2025



Iklan Tuai Kasih bukan sahaja mempromosi Hari Gawai dan Pesta Kaamatan, malah menjadi simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum.

KUALA LUMPUR: Dalam suasana penuh warna-warni dan semangat kekeluargaan yang melatari sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan 2025, sebuah karya kreatif yang unik dan berbeza mencuri perhatian rakyat Malaysia, iaitu iklan istimewa bertajuk Tuai Kasih yang dicetuskan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Setiausaha Akhbar kepada Aaron, iaitu Dr S Shatesh Kumar, berkata iklan istimewa itu bukan sahaja mempromosi Hari Gawai dan Pesta Kaamatan, malah menjadi simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum.

"Dengan membawa tema iaitu dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian, Tuai Kasih tampil sebagai karya seni visual yang memukau.

"Iklan ini menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat yang disusun dengan melodi lunak dan penuh emosi," katanya dalam kenyataan.

Dr Shatesh berkata, apa yang disampaikan dalam iklan Tuai Kasih tidak hanya menyentuh lapisan masyarakat dari Sabah dan Sarawak, malah merentasi sempadan kaum dan agama.

"Ini menjadikan iklan Tuai Kasih relevan dan menyentuh hati seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Kementerian Perpaduan Negara dalam kenyataan menyebut, lebih sekadar hiburan atau dokumentasi budaya, iklan Tuai Kasih membawa mesej yang sangat penting dalam konteks Malaysia hari ini, iaitu perpaduan hanya dapat dibina melalui saling faham, hormat-menghormati dan penerimaan terhadap perbezaan budaya.

"Dalam sebuah negara yang rencam daripada segi etnik, bahasa dan adat, iklan Tuai Kasih menyampaikan mesej bahawa perayaan seperti Gawai dan Kaamatan wajar diraikan bukan sahaja oleh masyarakat asalnya, tetapi seluruh rakyat Malaysia sebagai lambang identiti nasional.

"Naratif iklan ini disusun dengan penuh teliti, menonjolkan peranan nilai kasih sayang, hormat dan saling menyokong antara komuniti. Ini adalah elemen penting dalam membentuk Malaysia yang lebih bersatu dan harmoni.

"Tuai Kasih yang secara literal bermaksud 'menuai kasih sayang' menjadi metafora kepada hasil yang dituai apabila rakyat hidup bersama dalam suasana yang saling menyayangi dan memahami," katanya.

Iklan Tuai Kasih digarap dengan semangat dan hasrat yang sering disebut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sentiasa menjunjung tinggi semangat perpaduan di negara ini.

Perdana Menteri mengingatkan kita wajib memastikan masyarakat di Malaysia hidup dalam suasana aman, harmoni dan saling menjaga keharmonian antara satu sama lain.

"Karya ini turut menitikberatkan beberapa elemen yang sering disebut Anwar untuk untuk melihat Malaysia maju bukan sahaja dikenali dengan kemakmuran, tetapi dengan semangat perpaduan yang utuh dan harmoni dalam kepelbagaian telah menjadi asas untuk digarap Aaron dalam penghasilan karya Tuai Kasih," katanya.

Kementerian Perpaduan Negara menambah, apa yang menjadikan iklan Tuai Kasih begitu berbeza dan luar biasa adalah gabungan teknik sinematografi moden dengan elemen tradisional.

Tarian etnik yang diiringi alunan muzik lembut mencipta suasana syahdu menjentik rasa bangga dan kasih terhadap warisan budaya tanah air.

"Setiap momen diolah dengan tujuan memperlihatkan keindahan budaya dan kekuatan semangat kekitaan, iaitu sejak detik persiapan sambutan hingga ke saat komuniti pelbagai bangsa berkumpul dalam suasana penuh ceria dan harmoni," katanya.

Selain itu, tambah kenyataan itu, paparan visual desa dan alam semula jadi Sabah dan Sarawak yang menawan bakal memberi kesan mendalam terhadap penonton.

Kenyataan itu menyebut, sejak dilancarkan, iklan Tuai Kasih mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat Malaysia dengan tontonan melebihi 2.5 juta melalui media media sosial Aaron iaitu TikTok dan Instagram (IG) sejak dimuat naik pada 26 Mei lalu.

"Masyarakat memuji pendekatan kali ini yang disifatkan sebagai kreatif, menyentuh emosi dan mengangkat perpaduan secara halus tetapi bermakna.

"Iklan ini menjadi tular dalam pelbagai platform digital dan menjadi bahan perbincangan yang positif dalam kalangan netizen," katanya.

Iklan Tuai Kasih turut menampilkan barisan pelakon yang mewakili kepelbagaian masyarakat. Antara pelakon utama adalah Izzul Faiq sebagai Ismail yang mewakili Melayu; Nicole Jay sebagai Lizzy (Cina); Dhakshu sebagai Deva (India) dan Ethan (Sabah) serta Dunstun Luther Junior (Sarawak).

Mereka mengukuhkan lagi mesej perpaduan dan keharmonian yang cuba disampaikan dalam iklan ini.

Iklan Tuai Kasih boleh ditonton dalam akaun media sosial Aaron, Kementerian Perpaduan Negara serta saluran rasmi seperti RTM, TV Sarawak (TVS), Astro Awani Borneo dan BERNAMA.

Tayangan rasmi bermula 26 Mei hingga 2 Jun ini, menjadikan ia tontonan wajib sempena musim perayaan.

Malaysia Tribune

Baru disiarkan, iklan sambutan Gawai dan Kaamatan Kementerian Perpaduan cecah 2.5 juta tontonan

30 Mei 2025



Iklan tersebut merupakan simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum.

PUTRAJAYA – Kementerian Perpaduan Negara menerbitkan sebuah iklan khas sambutan Hari Gawai dan Pesta Kaamatan tahun ini hasil cetusan oleh Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang.

Setiausaha Akhabar kepada Aaron, Dr S. Shatesh Kumar berkata, iklan bertajuk Tuai Kasih itu bukan sekadar bahan promosi sempena dua perayaan di Malaysia, ia merupakan simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum.

"Dengan membawa tema "Dalam setiap sambutan, kita raikan keharmonian dalam kepelbagaian", Tuai Kasih tampil sebagai karya seni visual yang memukau, menggabungkan unsur tradisional seperti tarian etnik dan muzik rakyat yang disusun dengan melodi lunak dan penuh emosi.

"Penyampaian ini tidak hanya menyentuh lapisan masyarakat dari Sabah dan Sarawak, tetapi juga merentasi sempadan kaum dan agama, menjadikan ia relevan dan menyentuh hati seluruh rakyat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Dalam pada itu katanya, iklan itu juga lebih daripada sekadar hiburan atau dokumentasi budaya, dengan membawa mesej yang sangat penting dalam konteks Malaysia hari ini iaitu perpaduan hanya dapat dibina melalui saling faham, saling hormat dan penerimaan terhadap perbezaan budaya.

Katanya, dalam sebuah negara yang rencam dari segi etnik, bahasa dan adat, iklan tersebut menyampaikan mesej bahawa perayaan seperti Gawai dan Kaamatan wajar diraikan bukan sahaja oleh masyarakat asalnya tetapi juga oleh seluruh rakyat Malaysia sebagai lambang identiti nasional.



Iklan tersebut merupakan simbol keindahan nilai kebersamaan dan penerimaan budaya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama dan kaum.

"Naratif iklan ini disusun dengan penuh teliti, menonjolkan peranan nilai kasih sayang, hormat dan saling menyokong antara komuniti, elemen penting dalam membentuk Malaysia yang lebih bersatu dan harmoni.

"Tuai Kasih, yang secara literal bermaksud menuai kasih sayang, menjadi metafora kepada hasil yang dituai apabila rakyat hidup bersama dalam suasana yang saling menyayangi dan memahami.

"Apa yang menjadikan iklan ini begitu berbeza dan luar biasa ialah gabungan teknik sinematografi moden dengan elemen tradisional. Tarian-tarian etnik yang diiringi alunan muzik lembut mencipta suasana syahdu yang menjentik rasa bangga dan kasih terhadap warisan budaya tanah air.

"Setiap momen diolah dengan tujuan memperlihatkan keindahan budaya dan kekuatan semangat kekitaan, dari detik persiapan sambutan hingga ke saat komuniti pelbagai bangsa berkumpul dalam suasana penuh ceria dan harmoni," katanya.

Selain itu katanya, paparan visual desa dan alam semula jadi Sabah dan Sarawak yang menawan bakal memberi kesan mendalam terhadap penonton.

"Sejak dilancarkan, Tuai Kasih menerima sambutan luar biasa daripada masyarakat dengan tontonan melebihi 2,500,000 tontonan di dua media media sosial Aaron iaitu TikTok dan Instagram sejak dimuat naik pada 26 Mei lalu.

"Masyarakat memuji pendekatan yang kali ini yang disifatkan sebagai kreatif, menyentuh emosi dan mengangkat perpaduan secara halus tetapi bermakna.

"Iklan ini telah menjadi tular di pelbagai platform digital dan menjadi bahan perbincangan yang positif dalam kalangan netizen. Untuk mereka yang masih belum boleh menonton, iklan ini boleh ditonton di media sosial Datuk Seri Aaron Ago Dagang, di Kementerian Perpaduan Negara, serta saluran rasmi seperti TV1 Radio Televisyen Malaysia (RTM), TV Sarawak (TVS), Astro Awani Borneo, dan BERNAMA.

"Tayangan rasmi berlangsung bermula 26 Mei hingga 2 Jun ini, menjadikan ia tontonan wajib sempena musim perayaan ini.

Tuai Kasih turut menampilkan barisan pelakon yang mewakili kepelbagaian masyarakat antaranya Izzul Faiq sebagai Ismail yang mewakili masyarakat Melayu, Nicole Jay sebagai Lizzy yang mewakili masyarakat Cina, Dhakshu sebagai Deva yang mewakili masyarakat India, serta Ethan yang mewakili masyarakat Sabah dan Dunstun Luther Junior yang mewakili masyarakat Sarawak.

Sejajar dengan hasrat kepimpinan negara iklan Tuai Kasih juga digarap dengan semangat dan hasrat yang sering disebut-sebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sentiasa menjunjung tinggi semangat perpaduan di negara ini.

Beliau mengingatkan agar kita wajib memastikan masyarakat di Malaysia hidup dalam suasana aman, harmoni dan saling menjaga keharmonian antara satu sama lain.

Pada masa sama, karya itu turut menitikberatkan beberapa elemen yang sering disebut oleh Perdana Menteri untuk melihat Malaysia maju bukan sahaja dikenali dengan kemakmuran, tetapi juga dengan semangat perpaduan yang utuh dan harmoni dalam kepelbagaian.

Karya tersebut juga berjaya menyampaikan aspirasi sebuah Malaysia yang lebih indai (cantik dalam bahasa Iban), lebih harmoni dan lebih bersatu.

Iklan itu menjadi bukti bahawa seni dan budaya boleh menjadi medium efektif dalam menyatukan masyarakat, menyemai rasa hormat dan memperkukuh semangat kebersamaan.

Sebagai rakyat Malaysia, sambutan Gawai dan Kaamatan seharusnya tidak hanya menjadi perayaan etnik tertentu, tetapi dirai sebagai sebahagian daripada identiti nasional, tempat kita semua berkongsi rasa bangga terhadap kepelbagaian yang menyatukan kita.

Dengan kejayaan Tuai Kasih, diharapkan lebih banyak karya seperti ini akan terus dihasilkan, bukan sahaja merakam keindahan budaya, tetapi juga menyatukan hati rakyat Malaysia dari pelbagai latar belakang.



Tuai Kasih turut menampilkan barisan pelakon yang mewakili kepelbagaian masyarakat Melayu, Cina, India, Sabah dan Sarawak.

sempena Minggu Arkib

10 Jun 2025

Ajak rakyat dekati khazanah negara sempena Minggu Arkib

MALAYSIA MADANI

kukuhkan agenda kesukarelawan belia dengan Singapura

26 Jun 2025

8world

马国团结部长：新马将推动青年志愿服务促进跨境团结

2025年06月26日

Borneo Bulletin

Malaysia, Singapore to boost regional youth volunteerism

26 June 2025

BH ONLINE

2 inisiatif berimpak tinggi perkukuh jati diri, semangat kenegaraan rakyat

24 Jun 2025



JUN

Pustakawan Ejen Transformasi Sosial, Penggalak Budaya Membaca – Aaron

BERNAMA 6 Jun 2025



PUTRAJAYA, 6 Jun (Bernama) -- Pustakawan bukan sekadar penjaga bahan bacaan tetapi juga berfungsi sebagai ejen transformasi sosial, pemudah cara maklumat dan penggalak kepada budaya membaca yang inklusif, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Sempena Hari Pustakawan yang disambut hari ini, beliau berkata golongan itu memainkan peranan penting dalam pembinaan negara bangsa dan pembudayaan nilai murni selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembentukan masyarakat berilmu, bersatu padu serta berbudaya tinggi.

"Kecemerlangan sesebuah negara bergantung kepada tahap keilmuan dan kesatuan rakyatnya. Justeru, peranan pustakawan adalah sangat strategik dalam menyemai semangat cintakan ilmu, membina sahsiah masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan negara secara holistik," menurutnya dalam satu kenyataan.

Aaron berkata Hari Pustakawan bukan sahaja mengiktiraf sumbangan besar golongan itu malah mengangkat profesion tersebut sebagai pemacu utama pembangunan masyarakat berasaskan ilmu pengetahuan.

Beliau berkata kini terdapat 1,149 pustakawan di Malaysia dengan 148 daripadanya di Perpustakaan Negara, perpustakaan awam negeri (139), perpustakaan komuniti (1), perpustakaan khusus (210) dan perpustakaan akademik (651).

Menurut Aaron, Kementerian Perpaduan Negara juga amat menghargai komitmen para pustakawan dalam menjayakan Dekad Membaca Kebangsaan 2021-2030 yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang 2030.

"Usaha ini memerlukan keterlibatan aktif semua pihak dan parapustakawan berada di barisan hadapan dalam mendorong tabiat membaca, memperkasa literasi digital serta membina masyarakat celik maklumat," katanya.

Librarians: Agents Of Social Transformation And Nation-building – Aaron

BERNAMA 6 June 2025



PUTRAJAYA, 6 June (Bernama) -- Librarians are not only custodians of reading materials but also serve as agents of social transformation, facilitators of information, and promoters of an inclusive reading culture.

Minister of National Unity Datuk Aaron Ago Dagang said librarians play a vital role in nation-building and in cultivating noble values aligned with the aspirations of Malaysia MADANI, which emphasises the development of a knowledgeable, united, and cultured society.

"A nation's excellence relies on the depth of knowledge and unity among its people. As such, the role of librarians is crucial in nurturing a passion for knowledge, shaping the values of society, and contributing to holistic national development," he said in a statement in conjunction with Librarians' Day today.

Aaron said Librarians' Day not only recognises the significant contributions of this group but also elevates the profession as a key driver of knowledge-based societal development.

He said there are currently 1,149 librarians in Malaysia, comprising 148 at the National Library, 139 in state public libraries, 1 in a community library, 210 in special libraries, and 651 in academic libraries.

Aaron added that the National Unity Ministry greatly values the commitment of librarians in supporting the National Reading Decade (DMK) 2021–2030 initiative, which aims to make Malaysia a Reading Nation by 2030.

"This endeavour requires active participation from all parties, with librarians leading the way in promoting reading habits, enhancing digital literacy, and fostering an information-literate society," he said.

FMT

Pustakawan ejen transformasi sosial, galak budaya membaca, kata Aaron

6 Jun 2025

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata pustakawan memainkan peranan penting dalam pembinaan negara bangsa dan nilai murni.



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata Hari Pustakawan bukan sahaja mengiktiraf sumbangan besar golongan itu malah mengangkat profesion tersebut sebagai pemacu utama pembangunan masyarakat berasaskan ilmu pengetahuan. (Gambar fail)

PUTRAJAYA: Pustakawan bukan sekadar penjaga bahan bacaan tetapi juga berfungsi sebagai ejen transformasi sosial, pemudah cara maklumat dan penggalak kepada budaya membaca yang inklusif, kata Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang.

Sempena Hari Pustakawan yang disambut hari ini, beliau berkata golongan itu memainkan peranan penting dalam pembinaan negara bangsa dan pembudayaan nilai murni selaras dengan aspirasi Malaysia Madani yang menekankan pembentukan masyarakat berilmu, bersatu padu serta berbudaya tinggi.

"Kecemerlangan sesebuah negara bergantung kepada tahap keilmuan dan kesatuan rakyatnya. Justeru, peranan pustakawan adalah sangat strategik dalam menyemai semangat cintakan ilmu, membina sahsiah masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan negara secara holistik," katanya dalam satu kenyataan.

Aaron berkata Hari Pustakawan bukan sahaja mengiktiraf sumbangan besar golongan itu malah mengangkat profesion tersebut sebagai pemacu utama pembangunan masyarakat berasaskan ilmu pengetahuan.

Beliau berkata kini terdapat 1,149 pustakawan di Malaysia dengan 148 daripadanya di Perpustakaan Negara, perpustakaan awam negeri (139), perpustakaan komuniti (1), perpustakaan khusus (210) dan perpustakaan akademik (651).

Menurut Aaron, Kementerian Perpaduan Negara juga amat menghargai komitmen para pustakawan dalam menjayakan Dekad Membaca Kebangsaan 2021-2030 yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang 2030.

"Usaha ini memerlukan keterlibatan aktif semua pihak dan para pustakawan berada di barisan hadapan dalam mendorong tabiat membaca, memperkasa literasi digital serta membina masyarakat celik maklumat," katanya.

OH MY MEDIA

Dari rak buku ke hati rakyat! Pustakawan diiktiraf pemacu ilmu negara – KPN

6 Jun 2025



Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara merakamkan penghargaan tinggi kepada semua pustakawan di seluruh negara sempena sambutan Hari Pustakawan hari ini. Sambutan ini bukan sahaja mengiktiraf sumbangan besar para pustakawan, malah mengangkat profesion tersebut sebagai pemacu utama pembangunan masyarakat berasaskan ilmu pengetahuan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata pustakawan memainkan peranan penting dalam menyokong aspirasi Malaysia MADANI, yang menekankan pembentukan masyarakat yang berilmu, bersatu padu, dan berbudaya nilai tinggi.

"Dalam konteks pembinaan negara bangsa dan pembudayaan nilai murni, pustakawan memainkan peranan penting dalam menyokong aspirasi Malaysia MADANI, yang menekankan pembentukan masyarakat yang berilmu, bersatu padu, dan berbudaya nilai tinggi.

"Pustakawan bukan sekadar penjaga bahan bacaan, tetapi juga sebagai agen transformasi sosial, pemudah cara maklumat dan penggalak kepada budaya membaca yang inklusif," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pustakawan diiktiraf pemacu ilmu negara

Sehingga kini, Malaysia mempunyai seramai 1,149 pustakawan yang bertugas di pelbagai perpustakaan termasuk Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Komuniti, Perpustakaan Khusus, dan Perpustakaan Akademik.

Kementerian turut menghargai komitmen pustakawan dalam menjayakan Dekad Membaca Kebangsaan 2021–2030 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang tahun 2030.

Tegas beliau, usaha ini memerlukan keterlibatan aktif semua pihak dan pustakawan berada di barisan hadapan dalam mendorong tabiat membaca, memperkasa literasi digital serta membina masyarakat celik maklumat.

Tambahnya, kecemerlangan sesebuah negara bergantung kepada tahap keilmuan dan kesatuan rakyatnya, menjadikan peranan pustakawan sangat strategik dalam menyemai semangat cintakan ilmu, membina sahsiah masyarakat, serta menyumbang kepada pembangunan negara secara holistik.

tvs
www.tvsarawak.my

Pustakawan ejen transformasi sosial, penggalak budaya membaca – Aaron

6 Jun 2025



Pustakawan bukan sekadar penjaga bahan bacaan tetapi juga berfungsi sebagai ejen transformasi sosial, pemudah cara maklumat dan penggalak kepada budaya membaca yang inklusif, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang. Foto Aaron Ago Dagang (Facebook)

PUTRAJAYA, 6 Jun: Pustakawan bukan sekadar penjaga bahan bacaan tetapi juga berfungsi sebagai ejen transformasi sosial, pemudah cara maklumat dan penggalak kepada budaya membaca yang inklusif, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Sempena Hari Pustakawan yang disambut hari ini, beliau berkata golongan itu memainkan peranan penting dalam pembinaan negara bangsa dan pembudayaan nilai murni selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembentukan masyarakat berilmu, bersatu padu serta berbudaya tinggi.

"Kecemerlangan sesebuah negara bergantung kepada tahap keilmuan dan kesatuan rakyatnya. Justeru, peranan pustakawan adalah sangat strategik dalam menyemai semangat cintakan ilmu, membina sahsiah masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan negara secara holistik," menurutnya dalam satu kenyataan.

Aaron berkata Hari Pustakawan bukan sahaja mengiktiraf sumbangan besar golongan itu malah mengangkat profesion tersebut sebagai pemacu utama pembangunan masyarakat berasaskan ilmu pengetahuan.

Beliau berkata kini terdapat 1,149 pustakawan di Malaysia dengan 148 daripadanya di Perpustakaan Negara, perpustakaan awam negeri (139), perpustakaan komuniti (1), perpustakaan khusus (210) dan perpustakaan akademik (651).

Menurut Aaron, Kementerian Perpaduan Negara juga amat menghargai komitmen para pustakawan dalam menjayakan Dekad Membaca Kebangsaan 2021-2030 yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang 2030.

"Usaha ini memerlukan keterlibatan aktif semua pihak dan para pustakawan berada di barisan hadapan dalam mendorong tabiat membaca, memperkasa literasi digital serta membina masyarakat celik maklumat," katanya.-TVS

TheStar

From shelves to society, librarians lead the way

7 June 2025

PUTRAJAYA: Librarians serve not only as custodians of reading materials but also as agents of social transformation, facilitators of information and promoters of an inclusive reading culture, says Datuk Aaron Ago Dagang.

The National Unity Minister said librarians play a vital role in nation-building and cultivating noble values aligned with the aspirations of Malaysia Madani, which emphasises the development of a knowledgeable, united and cultured society.

"A nation's excellence relies on the depth of knowledge and unity among its people.

"As such, the role of librarians is crucial in nurturing a passion for knowledge, shaping the values of society and contributing to holistic national development," he said in a statement in conjunction with Librarians' Day yesterday, Bernama reported.

Aaron said Librarians' Day not only recognises the significant contributions of this group but also elevates the profession as a key driver of knowledge-based societal development.

He said there are currently 1,149 librarians in Malaysia – 148 at the National Library, 139 in state public libraries, one in a community library, 210 in special libraries and 651 in academic libraries.

Aaron added that the National Unity Ministry greatly values the commitment of librarians in supporting the National Reading Decade 2021-2030 initiative, which aims to make Malaysia a Reading Nation by 2030.

"This endeavour requires active participation from all parties, with librarians leading the way in promoting reading habits, enhancing digital literacy and fostering an information-literate society," he said.

Utusan Borneo

Pustakawan ejen transformasi sosial, penggalak budaya membaca: Aaron

6 Jun 2025

Pustakawan ejen transformasi sosial, penggalak budaya membaca: Aaron

PUTRAJAYA: Pustakawan bukan sekadar penjaga bahan bacaan tetapi juga berfungsi sebagai ejen transformasi sosial, pemudah cara maklumat dan penggalak kepada budaya membaca yang inklusif, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Sempena Hari Pustakawan yang disambut semalam, beliau berkata golongan itu memainkan peranan penting dalam pembinaan negara bangsa dan pembudayaan nilai murni selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembentukan masyarakat berilmu, bersatu padu serta berbudaya tinggi.

"Kecemerlangan sesebuah negara bergantung kepada tahap keilmuan dan kesatuan rakyatnya.

"Justeru, peranan pustakawan adalah sangat strategik dalam menyemai semangat cintakan ilmu, membina sahsiah masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan negara secara holistik," menurutnya dalam satu kenyataan.

Aaron berkata, Hari Pustakawan bukan sahaja mengiktiraf sumbangan besar golongan itu malah mengangkat profesion tersebut sebagai pemacu utama pembangunan masyarakat berasaskan ilmu pengetahuan.

Beliau berkata, kini terdapat 1,149 pustakawan di Malaysia dengan 148 daripadanya di Perpustakaan Negara, perpustakaan awam negeri (139), perpustakaan komuniti (1), perpustakaan khusus (210) dan perpustakaan akademik (651).

Menurut Aaron, Kementerian Perpaduan Negara juga amat menghargai komitmen para pustakawan dalam menjayakan Dekad Membaca Kebangsaan 2021-2030 yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang 2030. — Bernama

THE BORNEO POST

Librarians' congress hosts over 1,200 delegates from SE Asia

17 Jun 2025

Librarians' congress hosts over 1,200 delegates from SE Asia

Nurin Abdullah

KUALA LUMPUR: The 19th Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL XIX) kicked off at the World Trade Centre Kuala Lumpur yesterday, playing host to over 1,200 delegates from across the region and beyond.

The prestigious triennial gathering had Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim officiating at the event and National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang delivering the keynote address.

The event, said the organiser in a statement, signified the government's continued dedication to the Madani Framework, particularly the focus on inclusive access to knowledge, regional cooperation, and the pivotal role of libraries in sustainable development and social cohesion.

For this edition of the CONSAL, a total of 89 papers would be presented by distinguished speakers and scholars from diverse fields, making the congress a dynamic platform for cross-border knowledge exchange, policy dialogue, and innovative practices in librarianship.

"Are we empowering the next generation to build bridges, or to inherit walls? Are we investing in social cohesion with the same urgency and intensity as we invest in infrastructure, economy, and defence?"

Aaron added that investing in social cohesion was an investment in Malaysia's future resilience and prosperity.

"Unity is not the job of one ministry. It is the responsibility of an entire government, and the duty of every Malaysian. If we treat it as a slogan, we will fail. But if we treat it as a shared mission anchored in policy, supported by evidence, and powered by civic partnership, then we can succeed."

The minister also said he would ensure that the report's key recommendations are tabled before the review committee of the National Unity Policy in the coming weeks.

Utusan Borneo Online

Dasar Perpaduan Negara kunci bina Malaysia bersatu, berdaya tahan: Aaron

12 Jun 2025



KUALA LUMPUR: Dasar Perpaduan Negara (DPN) berperanan sebagai panduan dan asas dalam usaha Malaysia membina sebuah negara yang lebih bersatu padu, terangkum dan berdaya tahan, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (gambar).

Beliau berkata dasar berkenaan bukan sekadar pernyataan hasrat, tetapi juga merupakan rangka tindakan untuk memperkukuh perpaduan sosial dalam kepelbagaian etnik, agama dan budaya di Malaysia.

Aaron berkata DPN berpaksikan tiga matlamat stratetgik iaitu memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional, membentuk jati diri berasaskan nilai-nilai bersama, serta membina sebuah masyarakat yang progresif, aman dan makmur.

"Ia adalah kerangka dasar yang bersifat dinamik dan mampu disesuaikan dengan keperluan semasa.

"Ia bukan bersifat statik, sebaliknya sentiasa dikaji dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perubahan dinamik negara dan diperkukuh melalui dapatan berasaskan bukti daripada IPNAS (Indeks Perpaduan Nasional), penyelidikan akademik, sesi libat urus bersama komuniti serta pandangan masyarakat awam termasuk laporan yang dibentangkan hari ini oleh Architects of Diversity (AOD)," katanya.

Aaron berkata demikian pada majlis pelancaran Laporan AOD di sini hari ini.

Beliau berkata sebelum Malaysia dapat mencapai perpaduan sejati, negara perlu terlebih dahulu mengenal pasti 10 isu sosial utama yang terus menghalang kepada perpaduan nasional.

Cabaran berkenaan katanya ialah perpecahan kaum yang berterusan, ketegangan agama, kelas sosial yang tidak sama rata, sistem pendidikan yang berpecah-belah, kurang penekanan terhadap bahasa kebangsaan, jurang antara generasi, ketidaksamaan jantina, pempolitikan identiti dan sistem federalisme, jurang bandar dan luar bandar serta pengaruh media tradisional dan digital dalam menyebarkan maklumat palsu.

"Ini bukan isu terpencil. Ia saling berkait dan bertambah rumit antara satu sama lain, menjadi halangan nyata kepada kepercayaan, persefahaman bersama dan rasa kekitaan.

"Pengiktirafan terhadap kelemahan-kelemahan ini sangat penting kerana hanya melalui penilaian yang telus kita dapat merangka dasar yang fokus dan terangkum untuk merapatkan jurang terbabit serta mengukuhkan asas perpaduan kita," katanya sambil menambah mengabaikan kelemahan berkenaan berisiko membiarkan luka yang tidak sembuh, yang akhirnya boleh menimbulkan ketidakpercayaan, pemisahan dan konflik.

Beliau berkata pelaburan dalam perpaduan sosial bukanlah pilihan, tetapi suatu keperluan penting untuk ketahanan dan kemakmuran masa depan Malaysia.

"Hal ini bermaksud membina sebuah masyarakat dengan setiap rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang berasa dihormati, didengar dan diberi peluang untuk memberi sumbangan. Hal ini kerana perpaduan bukan sekadar impian, ia adalah asas kepada pembangunan mampan, keamanan dan kemajuan negara," katanya.

astro AWANI

Dasar Perpaduan Negara kunci bina Malaysia bersatu, berdaya tahan – Aaron

13 Jun 2025



Aaron Ago Dagang berkata, dasar berkenaan bukan sekadar pernyataan hasrat, tetapi juga merupakan rangka tindakan untuk memperkukuh perpaduan sosial dalam kepelbagaian etnik, agama dan budaya di Malaysia.

KUALA LUMPUR: Dasar Perpaduan Negara (DPN) berperanan sebagai panduan dan asas dalam usaha Malaysia membina sebuah negara yang lebih bersatu padu, terangkum dan berdaya tahan, kata Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, dasar berkenaan bukan sekadar pernyataan hasrat, tetapi juga merupakan rangka tindakan untuk memperkukuh perpaduan sosial dalam kepelbagaian etnik, agama dan budaya di Malaysia.

Aaron berkata, DPN berpaksikan tiga matlamat stratetgik iaitu memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional, membentuk jati diri berasaskan nilai-nilai bersama, serta membina sebuah masyarakat yang progresif, aman dan makmur.

"Ia adalah kerangka dasar yang bersifat dinamik dan mampu disesuaikan dengan keperluan semasa.

"Ia bukan bersifat statik, sebaliknya sentiasa dikaji dan dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut perubahan dinamik negara dan diperkukuh melalui dapatan berasaskan bukti daripada IPNAS (Indeks Perpaduan Nasional), penyelidikan akademik, sesi libat urus bersama komuniti serta pandangan masyarakat awam termasuk laporan yang dibentangkan hari ini oleh Architects of Diversity (AOD)," katanya.

Aaron berkata demikian pada majlis pelancaran Laporan AOD di sini hari ini.

Beliau berkata sebelum Malaysia dapat mencapai perpaduan sejati, negara perlu terlebih dahulu mengenal pasti 10 isu sosial utama yang terus menghalang kepada perpaduan nasional.

Cabaran berkenaan katanya ialah perpecahan kaum yang berterusan, ketegangan agama, kelas sosial yang tidak sama rata, sistem pendidikan yang berpecah-belah, kurang penekanan terhadap bahasa kebangsaan, jurang antara generasi, ketidaksamaan jantina, pempolitikan identiti dan sistem federalisme, jurang bandar dan luar bandar serta pengaruh media tradisional dan digital dalam menyebarkan maklumat palsu.

"Ini bukan isu terpencil. Ia saling berkait dan bertambah rumit antara satu sama lain, menjadi halangan nyata kepada kepercayaan, persefahaman bersama dan rasa kekitaan.

"Pengiktirafan terhadap kelemahan-kelemahan ini sangat penting kerana hanya melalui penilaian yang telus kita dapat merangka dasar yang fokus dan terangkum untuk merapatkan jurang terbabit serta mengukuhkan asas perpaduan kita," katanya sambil menambah mengabaikan kelemahan berkenaan berisiko membiarkan luka yang tidak sembuh, yang akhirnya boleh menimbulkan ketidakpercayaan, pemisahan dan konflik.

Beliau berkata pelaburan dalam perpaduan sosial bukanlah pilihan, tetapi suatu keperluan penting untuk ketahanan dan kemakmuran masa depan Malaysia.

"Hal ini bermaksud membina sebuah masyarakat dengan setiap rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang berasa dihormati, didengar dan diberi peluang untuk memberi sumbangan. Hal ini kerana perpaduan bukan sekadar impian, ia adalah asas kepada pembangunan mampan, keamanan dan kemajuan negara," katanya.

KOSMO!

Malaysia tuan rumah Kongres Pustakawan Asia Tenggara kali ke-19

13 Jun 2025



WTC Kuala Lumpur menjadi lokasi penganjuran Kongres Pustakawan Asia Tenggara (Consal) kali ke-19.

PETALING JAYA – Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Kongres Pustakawan Asia Tenggara (Consal) kali ke-19 yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur.

Persidangan yang berlangsung selama empat hari bermula 16 Jun itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam satu kenyataan memaklumkan, penganjuran kongres itu amat signifikan kerana berlangsung selari dengan Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia.

Malah kata kenyataan itu, ia turut mencerminkan komitmen negara dalam memperkukuh jaringan kerjasama serantau yang berpaksikan kepada nilai perpaduan, ilmu pengetahuan dan pembangunan masyarakat yang inklusif.

"Dengan tema "Leveraging Inclusivity, Empowering Humanity", persidangan ini akan menumpukan kepada peranan perpustakaan sebagai rakan strategik dalam pembangunan komuniti, pemangkin ekosistem ilmu untuk golongan terpinggir dan kurang upaya, serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dalam usaha merapatkan jurang sosial," kata kenyataan itu hari ini.

Mengulas lanjut, KPN berkata, Kerajaan Madani komited untuk menjayakan Consal itu sebagai wadah penting dalam mempromosi perpustakaan sebagai pemacu transformasi sosial dan pemerkasaan insan, seiring dengan matlamat perpaduan nasional dan regional.

Terdahulu, Consal yang ditubuhkan pada tahun 1970 hasil inisiatif bersama pustakawan Malaysia dan Singapura, merupakan platform penting yang menghimpunkan para pustakawan, institusi perpustakaan, sekolah kepustakawanan dan profesional maklumat dari seluruh Asia Tenggara.

Keahliannya merangkumi 10 negara ASEAN termasuk Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. – KOSMO! ONLINE

NEW STRAITS TIMES

Malaysia to host 19th Southeast Asean Librarians Congress

13 June 2025



Malaysia will host the 19th Southeast Asian Librarians Congress (Consal), a four-day event beginning this Monday at the World Trade Centre Kuala Lumpur, announced the National Unity Ministry. - Pic coutesy of National Unity Ministry FB

PUTRAJAYA: Malaysia will host the 19th Southeast Asian Librarians Congress (Consal), a four-day event beginning this Monday at the World Trade Centre Kuala Lumpur, announced the National Unity Ministry.

In a statement today, the ministry said the congress, themed "Embracing Inclusivity, Empowering Humanity," is scheduled to be officiated by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The congress aligns with Malaysia's Chairmanship of Asean in 2025 and reflects the nation's commitment to strengthening regional cooperation anchored in the values of unity, knowledge and inclusive societal development.

"The congress will focus on the role of libraries as strategic partners in community development, catalysts of knowledge ecosystems for marginalised and differently abled groups, and supporters of the Sustainable Development Goals (SDGs) in bridging social gaps," the ministry said.

The ministry added that the Madani government is committed to positioning the 19th Consal as a key platform to advance libraries as agents of social transformation and human empowerment, in line with national and regional unity objectives.

This marks the third time Malaysia is hosting the event, following previous editions in 1981 and 1996.

Established in 1970 through a joint initiative by librarians from Malaysia and Singapore, Consal serves as a key platform uniting librarian, library institutions, schools of library and information science, and information professionals from across Southeast Asia.

Its membership comprises all 10 Asean countries, namely, Malaysia, Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Myanmar, the Philippines, Singapore, Thailand, and Vietnam. — BERNAMA

OH MY MEDIA

Perkukuh kerjasama serantau, Malaysia jadi tuan rumah CONSAL XIX 2025

13 Jun 2025

CONSAL
CONGRESS OF SOUTHEAST ASIAN LIBRARIANS



Malaysia sekali lagi mencatat sejarah apabila diumumkan sebagai tuan rumah kepada Congress of Southeast Asian Librarians ke-19 (CONSAL XIX) yang akan berlangsung dari 16 hingga 19 Jun 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur.

Malaysia sekali lagi mencatat sejarah apabila diumumkan sebagai tuan rumah kepada Congress of Southeast Asian Librarians ke-19 (CONSAL XIX) yang akan berlangsung dari 16 hingga 19 Jun 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur.

CONSALXIX 2025 bertemakan "Leveraging Inclusivity, Empowering Humanity"

Persidangan ini dijadualkan untuk dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, sekaligus mengangkat martabat bidang kepustakawanan ke peringkat serantau.

Menerusi satu kenyataan, Kementerian Perpaduan Negara berkata penganjuran CONSAL XIX kali ini sangat signifikan kerana ia berlangsung seiring dengan Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia.

Inisiatif ini dilihat sebagai manifestasi komitmen negara dalam memperkukuhkan jaringan kerjasama serantau, berteraskan nilai perpaduan, ilmu pengetahuan dan pembangunan masyarakat yang inklusif.

Mengangkat tema "Leveraging Inclusivity, Empowering Humanity", persidangan ini bakal memberi fokus terhadap peranan perpustakaan sebagai rakan strategik dalam pembangunan komuniti.

Ia juga dijangka menjadi pemangkin ekosistem ilmu khususnya kepada golongan terpinggir dan orang kurang upaya, di samping menyokong usaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dalam merapatkan jurang sosial.

CONSAL merupakan satu platform profesional penting yang ditubuhkan pada tahun 1970 hasil kerjasama antara pustakawan Malaysia dan Singapura.

Ia kini merangkumi penyertaan dari 10 negara ASEAN iaitu Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam, melibatkan para pustakawan, institusi perpustakaan, sekolah kepustakawanan dan profesional maklumat dari seluruh rantau.

Sebagai negara tuan rumah, Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara bersama institusi-institusi perpustakaan tempatan komited untuk menjayakan CONSAL XIX sebagai sebuah wadah penting dalam mempromosikan peranan perpustakaan sebagai pemacu transformasi sosial dan pemerkasaan insan.

Inisiatif ini seiring dengan matlamat perpaduan nasional dan kerjasama serantau ke arah ASEAN yang lebih makmur, inklusif dan berdaya saing.

Malaysia Tribune

Malaysia tuan rumah CONSAL XIX, perkukuh perpaduan dan akses ilmu di Asia Tenggara

13 Jun 2025



PENGANJURAN Congress of Southeast Asian Librarians ke-19 (CONSAL XIX) akan berlangsung pada 16 hingga 19 Jun 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR – Malaysia bakal menjadi tuan rumah kepada Congress of Southeast Asian Librarians ke-19 (CONSAL XIX) yang akan berlangsung pada 16 hingga 19 Jun 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur.

Kementerian Perpaduan dalam satu kenyataan hari ini mengumumkan perasmian acara tersebut dijangka disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Penganjuran CONSAL XIX kali ini amat signifikan kerana ia berlangsung selari dengan Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia.

"Selain itu, ia juga mencerminkan komitmen negara dalam memperkukuh jaringan kerjasama serantau yang berpaksikan kepada nilai perpaduan, ilmu pengetahuan dan pembangunan masyarakat yang inklusif," menurut kenyataan itu.

Bertemakan 'Leveraging Inclusivity, Empowering Humanity', persidangan antarabangsa itu akan memberi fokus kepada peranan perpustakaan rakan strategik dalam pembangunan komuniti, pemangkin ekosistem ilmu untuk golongan terpinggir dan kurang upaya serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dalam usaha merapatkan jurang sosial.

CONSAL ditubuhkan pada tahun 1970 hasil inisiatif bersama pustakawan dari Malaysia dan Singapura. Ia kini menjadi platform penting yang menghimpunkan para pustakawan, institusi perpustakaan, sekolah kepustakawanan dan profesional maklumat dari seluruh Asia Tenggara.

Keahliannya merangkumi penyertaan daripada 10 negara anggota ASEAN iaitu Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

"Kerajaan MADANI komited untuk menjayakan penganjuran kali ini bersama institusi perpustakaan tempatan sebagai wadah penting mempromosikan perpustakaan sebagai pemacu transformasi sosial dan pemerkasaan insan, seiring dengan matlamat perpaduan nasional dan serantau," kata kenyataan itu lagi.

Persidangan itu juga dijangka menjadi medan pertukaran idea, inisiatif dan amalan terbaik dalam bidang kepustakawanan serta membuka ruang lebih luas bagi kolaborasi ilmu merentas sempadan.

SARAWAK TRIBUNE

Malaysia hosts SEA librarians at CONSAL XIX, June 16-19

13 June 2025

CONSAL XIX MALAYSIA 2025

PUTRAJAYA: The Ministry of National Unity has announced that Malaysia will host the 19th Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL XIX) from June 16 to 19 at the World Trade Centre (WTC), Kuala Lumpur.

It will be officiated by the Prime Minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

This edition of CONSAL XIX holds particular significance as it aligns with Malaysia's ASEAN chairmanship in 2025, underscoring the nation's commitment to strengthening regional cooperation founded on the values of unity, knowledge-sharing and inclusive community development.

Held under the theme 'Leveraging Inclusivity, Empowering Humanity', the congress will highlight the evolving role of libraries as strategic partners in community building, catalysts for inclusive knowledge ecosystems especially for marginalised and differently-abled groups, and contributors to the Sustainable Development Goals (SDGs) by helping bridge social divides.

Founded in 1970 through a joint initiative by librarians from Malaysia and Singapore, CONSAL has become a prominent platform uniting librarians, library institutions, library schools and information professionals from across Southeast Asia.

The organisation's membership comprises all ten ASEAN member states: Malaysia, Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Myanmar, the Philippines, Singapore, Thailand and Vietnam.

In line with the aspirations of the MADANI Government, the Ministry of National Unity together with local library institutions remains committed to ensuring the success of CONSAL XIX as a meaningful platform to promote libraries as engines of social transformation and human empowerment, supporting both national and regional unity agendas.

tvs www.tvsarawak.my

CONSAL XIX angkat perpustakaan sebagai pemacu komuniti inklusif

13 Jun 2025

CONSAL XIX MALAYSIA 2025

CONSAL XIX akan berlangsung dari 16 hingga 19 Jun ini di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR, 13 Jun: Perpustakaan bukan sekadar gedung ilmu, sebaliknya menjadi pemacu penting dalam merapatkan jurang sosial dan membina komuniti inklusif, selari dengan semangat perpaduan serantau.

Menurut kenyataan Kementerian Perpaduan Negara, peranan itu bakal diketengahkan menerusi penganjuran Congress of Southeast Asian Librarians ke-19 (CONSAL XIX) dari 16 hingga 19 Jun ini di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur dan dijadual akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Bertemakan "Leveraging Inclusivity, Empowering Humanity", persidangan dwitahunan itu akan memfokus kepada bagaimana perpustakaan mampu menjadi rakan strategik dalam pembangunan komuniti, khususnya dalam menyokong golongan terpinggir dan kurang upaya," kata kenyataan itu, hari ini.

Penganjuran CONSAL XIX bertepatan dengan Kepengerusian ASEAN 2025 oleh Malaysia dan mencerminkan komitmen negara dalam mengukuhkan jaringan kerjasama serantau berasaskan nilai ilmu, perpaduan dan pembangunan masyarakat yang mampan.

"Melalui penyertaan pustakawan, institusi perpustakaan, sekolah kepustakawanan dan profesional maklumat dari seluruh Asia Tenggara, persidangan ini akan menjadi wadah penting dalam memperkasa peranan perpustakaan sebagai pemangkin ekosistem ilmu serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)," menurut kenyataan itu, hari ini.

CONSAL ditubuhkan pada 1970 hasil inisiatif pustakawan Malaysia dan Singapura, dan kini mengumpulkan 10 negara ASEAN sebagai ahli, termasuk Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

"Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara dan institusi perpustakaan tempatan komited menjayakan CONSAL XIX sebagai platform memperkukuh integrasi serantau, seiring matlamat perpaduan nasional dan ASEAN," kata kenyataan itu.

Utusan Borneo Online

Malaysia tuan rumah Kongres Pustakawan Asia Tenggara Ke-19

14 Jun 2025

CONSAL XIX MALAYSIA 2025

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Kongres Pustakawan Asia Tenggara Ke-19 (CONSAL XIX), yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dari 16 hingga 19 Jun 2025 di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur.

Penganjuran CONSAL XIX kali ini amat bermakna kerana ia berlangsung seiring dengan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025, sekali gus mencerminkan komitmen negara dalam memperkukuh kerjasama serantau yang berteraskan nilai perpaduan, perkongsian ilmu dan pembangunan komuniti yang inklusif.

Bertemakan 'Leveraging Inclusivity, Empowering Humanity', persidangan ini akan memberi tumpuan kepada peranan perpustakaan sebagai rakan strategik dalam pembangunan komuniti.

Ia turut menekankan bagaimana perpustakaan boleh menjadi pemangkin kepada ekosistem ilmu pengetahuan terutamanya untuk golongan terpinggir dan kurang upaya, serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dalam usaha merapatkan jurang sosial.

Ditubuhkan pada 1970 hasil kerjasama antara pustakawan Malaysia dan Singapura, CONSAL merupakan platform unggul yang menghimpunkan pustakawan, institusi perpustakaan, sekolah kepustakawanan dan profesional maklumat dari seluruh Asia Tenggara. Keahliannya meliputi kesemua 10 negara ASEAN: Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara dan institusi-institusi perpustakaan tempatan komited untuk menjayakan CONSAL XIX sebagai wadah penting dalam mempromosikan perpustakaan sebagai pemacu transformasi sosial dan pemerkasaan insan, seiring dengan matlamat perpaduan di peringkat nasional dan serantau.

FMT

Bahasa ibunda sokong struktur majmuk negara

14 Jun 2025



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang, berkata bahasa ibunda berdepan cabaran dipinggir bukan kerana hilang nilai, tetapi bahasa asing lebih dominan dalam ruang digital dan profesional.

PETALING JAYA: Perbezaan bahasa ibunda menjadi tiang penting menyokong struktur kemajmukan negara, selain terus menekankan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang, berkata justeru, 'perbezaan' itu harus dilihat sebagai keunikan Malaysia malah diangkat menjadi asas pembinaan negara bangsa.

"Kita tidak memaksa keseragaman, tetapi kita mendidik kepada kefahaman, penghormatan, dan penerimaan. Jadi bahasa tidak harus menjadi sempadan, tetapi jambatan yang merapatkan jurang antara komuniti," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi teks dibacakan Ketua Setiausaha Kementerian Sobri Mat Daud pada Majlis Karnival dan Penyampaian Hadiah Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa 2025 di Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) Kuala Lumpur.

Aaron turut menyeru generasi muda Malaysia bangkit sebagai ejen penghidup bahasa ibunda bagi memperkukuh roh perpaduan Malaysia sejati.

"Perlembagaan Persekutuan khususnya Perkara 152 dengan jelas memperuntukkan bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan negara, namun pada masa sama turut menghormati hak-hak semua warganegara mengguna dan memelihara bahasa ibunda masing-masing.

"Bahasa ibunda lain seperti Mandarin, Tamil, Iban, Kadazan Dusun, Semai, dan pelbagai lagi turut dihargai dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada warisan bangsa, sekali gus mencerminkan jiwa masyarakat majmuk yang saling lengkap-melengkapi," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata bahasa ibunda kerap kali terpinggir susulan arus teknologi, bukan kerana hilang nilai tetapi akibat kelekaan dalam keselesaan bahasa asing yang lebih dominan dalam ruang digital dan profesional.

"Golongan belia hari ini memegang amanah besar sebagai penjaga khazanah bahasa masa depan. Saya tetap optimis dan percaya bahawa mereka memiliki daya tahan budaya dan jiwa kebangsaan yang utuh.

"Mereka bukan sahaja celik teknologi, tetapi juga semakin sedar akan pentingnya memelihara akar warisan bangsa termasuk bahasa ibunda mereka," katanya.

Bahasa ibunda teras perpaduan Malaysia

14 Jun 2025



KUALA LUMPUR, 14 Jun: Bahasa ibunda merupakan akar kepada perpaduan nasional dan identiti bangsa yang wajib dipelihara oleh semua lapisan masyarakat khususnya golongan muda.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sambutan Hari Bahasa Ibunda bukan sekadar acara simbolik tetapi sebuah gerakan jiwa untuk menghargai kepelbagaian bahasa dan menyemai semangat perpaduan.

"Bahasa bukan hanya alat komunikasi, tetapi warisan budaya dan jati diri sesebuah masyarakat. Tanpa bahasa, hilanglah identiti. Tanpa identiti, goyahlah tamadun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Karnival dan Penyampaian Hadiah Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa 2025 di Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) di sini hari ini.

Menurutnya, Perlembagaan Persekutuan menerusi Perkara 152 meletakkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan asas perpaduan nasional namun tetap menjamin hak semua kaum untuk memelihara dan menggunakan bahasa ibunda masing-masing.

"Bahasa Melayu ialah tunjang penyatuan nasional, namun bahasa lain seperti Mandarin, Tamil, Iban, Kadazan Dusun dan Semai turut memperkaya identiti kita sebagai sebuah negara majmuk," ujarnya,

Aaron juga menyokong usaha kerajaan memperkasakan bahasa ibunda melalui pelbagai inisiatif antara kementerian, termasuk penekanan kepada pendidikan, komunikasi dan penglibatan akar umbi.

Beliau turut menyeru belia agar tampil sebagai ejen penghidup bahasa ibunda bukan sekadar pewaris pasif tetapi penggerak aktif dalam memartabatkan bahasa dalam kehidupan seharian.

"Jangan malu bertutur dalam bahasa ibunda. Bahasa adalah warisan, identiti dan jiwa bangsa. Bangkitlah dan hidupkan kembali roh bahasa dalam kehidupan seharian," jelasnya.

Sehubungan itu, Aaron mengajak rakyat Malaysia menjadikan bahasa sebagai jambatan yang menyatukan bukan tembok yang memisahkan.

"Jika akar pohon adalah bahasa, maka batangnya budaya, dahannya identiti dan buahnya perpaduan. Maka jagalah akar ini agar pohon Malaysia terus subur dan berbuah demi generasi akan datang," kata Aaron.

Karnival berkenaan turut menyaksikan pelbagai acara kebudayaan dan pertandingan diadakan bersempena sambutan Hari Bahasa Ibunda Antarabangsa 2025.-TVS

Pustakawan diseru sahut cabaran semarak amalan membaca

17 Jun 2025



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merasmikan Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL) Ke-19 di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di ibu negara. Foto Amiruddin Shah (TVS)

KUALA LUMPUR, 17 Jun: Pustakawan di rantau ASEAN berdepan cabaran besar dalam usaha menyemarakkan semangat membaca dalam kalangan masyarakat di tengah ledakan teknologi dan kecerdasan buatan (AI).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kemajuan teknologi mengubah tabiat membaca dan cara masyarakat menerima serta memproses maklumat.

"Apabila pempengaruh (di medial sosial) berkata sesuatu, terus mereka membuat anggapan tertentu. Kini budaya kreativiti untuk memahami kebenaran dan menghayati menerusi amalan membaca telah hilang," katanya pada Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL) Ke-19 di Pusat Dagangan Dunia di sini, hari ini.

Hadir sama Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Sehubungan itu, kata Anwar, para pustakawan juga perlu memikirkan kaedah terbaik untuk meningkatkan kecintaan terhadap ilmu pengetahuan dan amalan membaca.

Selain itu, kelompok yang cintakan ilmu itu juga perlu mentransformasikan perpustakaan untuk menjadi sebuah pusat komuniti yang dinamik, aktif dan relevan dengan keperluan masyarakat masa kini.

"Perpustakaan perlu bersesuaian dengan kehendak semasa dalam digital dan AI dan tugas kita untuk menggalakkan masyarakat termasuk golongan pelajar dan orang muda untuk mempunyai minat membaca," ujarnya. – TVS

BERNAMA

Anwar Seru Pustakawan Pupuk Budaya Membaca Yang Dinamik

17 Jun 2025



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucapan perasmian Persidangan dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) hari ini. –foto BERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, Jun 17 (Bernama) – Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa para pustakawan di seluruh rantau ini agar melangkaui peranan tradisional mereka dan menyahut cabaran untuk memupuk budaya membaca yang dinamik, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Berucap pada Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) beliau menegaskan bahawa perpustakaan tidak seharusnya hanya menjadi tempat simpanan buku atau ruang berestetika semata-mata, sebaliknya perlu berfungsi sebagai pusat ilmu, budaya dan wacana intelektual yang aktif.

"Peranan pustakawan bukan sekadar mengumpul buku dan mempamerkannya di dalam almari kaca. Sebaliknya, ia adalah untuk menjadikan perpustakaan sebagai sumber penting dalam meningkatkan kesedaran dan memberi inspirasi kepada para pembaca," katanya semasa merasmikan acara tersebut di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri turut menekankan bahawa pustakawan perlu menjadi pembimbing yang berkesan dalam memperkenalkan kandungan menarik kepada pembaca serta memanfaatkan teknologi dan peralatan digital untuk menjangkau khalayak yang lebih luas.

Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, Timbalan Menteri Perpaduan Negara K. Saraswathy, dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Perdana Menteri berkata dalam membincangkan konsep negara MADANI serta usaha memperkukuh ekonomi dan kenegaraan, asas yang paling utama mestilah sentiasa berpaksikan kepada ilmu pengetahuan, satu tiang seri yang bukan sahaja dipertahankan oleh institusi sekolah dan universiti, malah turut diperkukuh melalui peranan perpustakaan.

Dalam masa yang sama, Anwar turut memuji inisiatif seperti Perpustakaan Digital ASEAN, yang menurutnya mencerminkan komitmen rantau ini dalam mendemokrasikan akses kepada ilmu pengetahuan.

Beliau berkata perpustakaan perlu menyesuaikan diri dengan peredaran zaman, bukan sekadar menawarkan buku tetapi juga menyediakan akses kepada kandungan seperti podcast, filem, e-buku dan sumber digital lain yang kini menjadi alat pembelajaran penting dalam dunia masa kini.

CONSAL XIX, acara tiga tahun sekali, menghimpunkan 1,200 peserta dari negara anggota ASEAN dan luar rantau, dengan sebanyak 89 kertas kerja bernas dibentangkan oleh penceramah dan pakar ternama dari pelbagai bidang.

Sepanjang kongres ini, pelbagai topik dibincangkan termasuk peranan baharu perpustakaan yang semakin menyerlah dalam memupuk komuniti inklusif, sumbangan perpustakaan ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), serta strategi memperluas ekosistem ilmu untuk kumpulan terpinggir termasuk golongan orang kurang upaya (OKU) dan masyarakat luar bandar.

BERNAMA

Anwar Urges Librarians To Nurture A Vibrant Reading Culture

17 June 2025



KUALA LUMPUR, Jun 17 (Bernama) – Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has urged librarians across the region to go beyond their traditional roles and take on the challenge of nurturing a vibrant reading culture, especially among the younger generation.

Speaking at the 19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting (CONSAL XIX), Anwar said libraries must not merely serve as book repositories or aesthetic spaces, but rather as dynamic centres of knowledge, culture and intellectual engagement.

"A librarian's role is not only to collect books and decorate them in glass cabinets. It is to turn the library into a vital resource to raise awareness and inspire readers," he said when opening the event at the World Trade Centre here today.

The Prime Minister also emphasised that librarians must become effective guides in introducing readers to exciting content, as well as utilising technology and digital tools to reach a wider audience.

Also present were National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang, National Unity Deputy Minister K. Saraswathy and Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

The Prime Minister said that in discussing the concept of a MADANI nation and efforts to strengthen the economy and the state, the foundation must always be rooted in knowledge, a pillar upheld not only by schools and universities but also by libraries.

He further stressed the importance of making libraries welcoming and engaging spaces, citing that the history of great civilizations is often linked to prominent centres of knowledge, whether it was the famed Library of Alexandria, Bayt al-Hikmah in Baghdad or later institutions in the West.

He said libraries must adapt to changing times by not only offering books but also providing access to podcasts, films, e-books and other digital resources, as these have become essential tools for learning in today's world.

CONSAL XIX is a triennial event that brings together 1,200 participants from across ASEAN member states and beyond, with 89insightful papers presented by renowned speakers and experts from various disciplines.

Throughout the congress, a wide array of topics are discussed, including the emerging role of libraries in fostering inclusive communities, the contribution of libraries toward achieving the Sustainable Development Goals (SDGs) and strategies to expand knowledge ecosystems for marginalised groups, including persons with disabilities and rural populations.

KOSMO!

Pustakawan perlu manfaatkan teknologi dan peralatan digital

17 Jun 2025



Anwar berucap pada Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (Consal XIX) di ibu negara hari ini.- Foto oleh SYAKIR RADIN/KOSMO!

KUALA LUMPUR – Pustakawan perlu menjadi pembimbing yang berkesan dalam memperkenalkan kandungan menarik kepada pembaca serta memanfaatkan teknologi dan peralatan digital.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, melalui penggunaan teknologi dan peralatan digital masa kini, pustakawan dapat menjangkau khalayak yang lebih luas.

"Perpustakaan tidak hanya menjadi tempat simpanan buku atau ruang berestetika, malah perlu berfungsi sebagai pusat ilmu, budaya dan wacana intelektual yang aktif," katanya pada Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (Consal XIX) di ibu negara hari ini.

Terdahulu, Anwar yang juga Menteri Kewangan menggesa pustakawan di seluruh rantau ini supaya melangkaui peranan tradisional mereka.

Menurut beliau, pustakawan perlu menyahut cabaran untuk memupuk budaya membaca yang dinamik khususnya dalam kalangan generasi muda.

Beliau berkata, peranan pustakawan bukan sekadar mengumpul buku dan mempamerkannya dalam almari kaca.

"Sebaliknya menjadikan perpustakaan sebagai sumber penting dalam meningkatkan kesedaran dan memberi inspirasi," katanya. – KOSMO! ONLINE

malaysiakini
news and views that matter

Peranan pustakawan bukan sekadar kumpul buku, pamer dalam almari kaca – PM

17 Jun 2025



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa para pustakawan di seluruh rantau ini agar melangkaui peranan tradisional mereka dan menyahut cabaran untuk memupuk budaya membaca yang dinamik, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Berucap pada Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) beliau menegaskan bahawa perpustakaan tidak seharusnya hanya menjadi tempat simpanan buku atau ruang berestetika semata-mata, sebaliknya perlu berfungsi sebagai pusat ilmu, budaya dan wacana intelektual yang aktif.

"Peranan pustakawan bukan sekadar mengumpul buku dan mempamerkannya di dalam almari kaca. Sebaliknya, ia adalah untuk menjadikan perpustakaan sebagai sumber penting dalam meningkatkan kesedaran dan memberi inspirasi kepada para pembaca," katanya semasa merasmikan acara tersebut di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di Kuala Lumpur, hari ini.

Perdana Menteri turut menekankan bahawa pustakawan perlu menjadi pembimbing yang berkesan dalam memperkenalkan kandungan menarik kepada pembaca serta memanfaatkan teknologi dan peralatan digital untuk menjangkau khalayak yang lebih luas.

Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, Timbalan Menteri Perpaduan Negara K. Saraswathy, dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Perpustakaan ASEAN sebagai pusat tumpuan ilmu, budaya

17 Jun 2025



ANWAR Ibrahim ketika berucap pada Kongres Persidangan Agung Pustakawan Asia Tenggara dan Mesyuarat ke-19 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, di sini hari ini. - UTUSAN/SYAKIR RADIN

KUALA LUMPUR: Pustakawan di seluruh negara ASEAN digesa menjadikan perpustakaan sebagai pusat ilmu yang hidup, inklusif dan berdaya tarik kepada masyarakat pelbagai lapisan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perpustakaan tidak seharusnya dilihat hanya sebagai tempat memperkenalkan buku atau menyebarkan ilmu semata-mata, sebaliknya perlu berfungsi sebagai ruang perbincangan yang bermanfaat.

"Saya kurang bersetuju apabila pelajar datang ke perpustakaan, khususnya perpustakaan utama, hanya untuk duduk diam dan membaca.

"Kita juga perlu menjadikan perpustakaan sebagai ruang yang membudayakan perbincangan dan wacana ilmu.

"Kini, kita telah mewujudkan program khas yang menyediakan bilik-bilik belajar bagi membolehkan sesi perbincangan dijalankan dalam kawasan perpustakaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), hari ini.

Mengulas sejarah perkembangan perpustakaan, Anwar berkata, evolusi penyimpanan ilmu yang dahulunya bermula dengan gulungan kertas dan mikrofilem kini berkembang dalam bentuk digital.

"Saya amat menghargai inisiatif yang telah mewujudkan perpustakaan digital untuk rantau Asia. Ia satu pencapaian penting dalam mendemokrasikan akses kepada ilmu," katanya.

Anwar turut menekankan perpustakaan masa kini perlu menyesuaikan keperluan dengan kehendak semasa, khususnya generasi muda yang mahukan ia lebih daripada sekadar ruang senyap untuk membaca.

"Suasana perpustakaan dahulu sunyi dan penuh tumpuan. Namun masyarakat terutamanya anak muda mahukan ruang terbuka yang bersifat interaktif dan dinamik.

"Perpustakaan moden perlu menjadi hab yang hidup, terhubung dengan budaya dan seni serta menawarkan pelbagai medium seperti podcast, filem, pangkalan data, e-buku dan bahan digital lain yang mencerminkan cara masyarakat belajar dan meneroka hari ini," katanya.

CONSAL XIX 2025 bertemakan 'Memanfaatkan Inklusiviti, Memperkasa Kemanusiaan' yang menekankan peranan perpustakaan sebagai pemacu keterangkuman dalam akses dan penyebaran pengetahuan merentas sempadan budaya dan sosial.

Ia merupakan persidangan tiga tahun sekali dan menjadi platform kerjasama serantau utama bagi para profesional perpustakaan di ASEAN, membabitkan negara seperti Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam, yang diwakili oleh persatuan pustakawan kebangsaan dan institusi perpustakaan utama masing-masing.

Perpustakaan perlu jadi pusat ilmu, bukan tempat simpan buku, kata Anwar

17 Jun 2025



Perdana Menteri Anwar Ibrahim menyempurnakan gimik pelancaran Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur hari ini. (Gambar Bernama)

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Anwar Ibrahim menggesa pustakawan melangkaui peranan tradisional mereka dengan menyahut cabaran memupuk budaya membaca dinamik, khasnya dalam kalangan generasi muda.

Beliau berkata, pustakawan perlu menjadi pembimbing berkesan dalam memperkenalkan kandungan menarik kepada pembaca serta memanfaatkan teknologi dan peralatan digital untuk menjangkau khalayak lebih luas.

Katanya, perpustakaan perlu berfungsi sebagai pusat ilmu, budaya dan wacana intelektual aktif, bukan tempat simpanan buku atau ruang berestetika semata-mata.

"Peranan pustakawan bukan sekadar mengumpul buku dan mempamerkannya dalam almari kaca.

"Sebaliknya (perlu) menjadikan perpustakaan sebagai sumber penting dalam meningkatkan kesedaran dan memberi inspirasi kepada pembaca," katanya berucap merasmikan Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX 2025) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur.

Anwar berkata, evolusi penyimpanan ilmu yang dahulunya bermula dengan gulungan kertas dan mikrofilem kini berkembang dalam bentuk digital.

Beliau amat menghargai inisiatif penubuhan Perpustakaan Digital Asean yang disifatkannya pencapaian penting dalam mendemokrasikan akses kepada ilmu.

"Perpustakaan moden perlu menjadi hab yang hidup, terhubung dengan budaya dan seni serta menawarkan pelbagai medium seperti podcast, filem, pangkalan data, e-buku dan bahan digital lain yang mencerminkan cara masyarakat belajar dan meneroka hari ini."

Anwar turut menekankan perpustakaan perlu menyesuaikan keperluan dengan kehendak semasa, khususnya generasi muda yang mahukan ia lebih daripada sekadar ruang senyap untuk membaca.

Bertemakan 'Memanfaatkan Inklusiviti, Memperkasa Kemanusiaan', CONSAL XIX 2025 menekankan kepentingan keterangkuman dalam akses dan penyebaran pengetahuan kepada semua lapisan masyarakat.

Acara tiga tahun sekali itu adalah platform kerjasama serantau bagi profesional perpustakaan di seluruh Asean.

ASEAN 2025: Perpustakaan perlu jadi ruang terbuka penyebaran ilmu – PM

17 Jun 2025



KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru agar model perpustakaan di negara serantau perlu terus berubah seiring zaman digital kini bagi menarik minat masyarakat ke gedung ilmu itu.

Beliau yang juga Pengerusi ASEAN, berkata walaupun perpustakaan dilihat masih berdaya tahan, ia perlu dijadikan pusat ilmu yang bertenaga dan ceria kepada masyarakat.

"Jadi berita baiknya adalah untuk para pustakawan walaupun di Asia, dengan segala cabaran dan kesukaran yang telah kita lalui dan alami, perpustakaan masih tetap bertahan.

"Begitu juga dengan para pustakawan, tetapi anda semua memikul satu tugas yang besar, bukan sahaja untuk menyebarkan pengalaman itu, dan ilmu yang terkandung dalam buku-buku tetapi juga untuk menjadikan perpustakaan sebagai pusat ilmu ceria dan bertenaga,"jelasnya.

Selain itu ujar beliau pustakawan juga mempunyai peranan penting dalam menarik minat masyarakat terutama pelajar agar menjadikan perpustakaan sebagai pusat ilmu pilihan mereka.

"Saya rasa sejak dulu lagi saya pernah sebut, bahawa para pustakawan ini ada tanggungjawab besar untuk pastikan pelajar suka pergi ke perpustakaan.

"Bukan semata-mata kerana ada penyaman udara. Tapi bila dah sampai sana (perpustakaan), pustakawan mesti mampu 'memikat' pelajar-pelajar ini dengan memperkenalkan buku-buku dan menggalakkan mereka membaca," katanya.

Mengulas lanjut kata Anwar, dalam dunia serba moden ketika ini perpustakaan bukan sahaja menjadi pusat mendapatkan ilmu dari pembacaan semata-mata.

Sebaliknya, boleh menjadi medium aktiviti-aktiviti penyebaran ilmu yang lebih terbuka.

"Inilah yang diperlukan oleh masyarakat terutamanya golongan muda dan para pelajar. Mereka mahu perpustakaan yang membolehkan mereka membaca dalam suasana sunyi, tetapi pada masa yang sama juga mahukan ruang yang terbuka, hidup, dan berhubung berkait rapat dengan budaya dan seni.

"Tempat bukan sahaja untuk buku, tapi juga podcast, filem, pangkalan data, e-buku dan pelbagai bentuk media lain yang mencerminkan cara manusia belajar dan meneroka pada hari ini,"katanya lagi.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini hari ini.

Turut hadir dalam majlis itu, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, Timbalan Menteri Perpaduan Negara, K. Saraswathy, dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

‘Perpustakaan perlu usaha tarik golongan muda minat membaca’ – PM

17 Jun 2025



Anwar diiringi Aaron, Saraswathy dan Shamsul Azri bergambar bersama tetamu pada majlis perasmian Persidangan dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tengara ke-19 di WTCKL hari ini. NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan perpustakaan perlu menjadi gedung ilmu yang berupaya menarik kehadiran masyarakat khususnya golongan muda termasuk pelajar untuk minat membaca.

Justeru, Perdana Menteri berkata, perpustakaan perlu bersedia dengan perubahan dan menyesuaikan persekitarannya dengan infrastruktur semasa seperti pembangunan digital dan kecerdasan buatan (AI).

Beliau berkata, perpustakaan dibina bukan tempat monumen untuk ditangisi, sebaliknya pusat percambahan ilmu yang amat penting dalam pembangunan sesebuah negara.

“Pustakawan mempunyai tugas besar, bukan saja tempat mereka menyebarkan pengalaman dan pengetahuan yang terdapat dalam buku, tetapi menjadikan perpustakaan pusat yang bertenaga,” katanya berucap pada Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) di Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang dan timbalannya, Saraswathy Kandasami serta Ketua Setiasuaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Penganjuran CONSAL tahun ini menghimpunkan 1,200 peserta dari seluruh Asia Tenggara dengan pembentangan 89 kertas kerja yang bernas dan berwibawa oleh tokoh serta pakar pelbagai bidang.

Bertemakan Memanfaatkan Inklusiviti, Memperkasa Kemanusiaan, CONSOL XIX 2025 menekankan kepentingan keterangkuman dalam akses dan penyebaran pengetahuan kepada semua lapisan masyarakat.

Anwar berkata, memperkasa ekonomi negara mesti berasas kepada ilmu, yang mana selain universiti dan sekolah, perpustakaan adalah tempatnya.

“Peranan pustakawan bukan sekadar menghimpunkan gedung buku dan memperindahkan almari kaca, tetapi menjadikannya medan dan wahana penting bagi memupuk kesedaran minat membaca,” katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, perpustakaan perlu mempelbagaikan ruang yang ada bukan sekadar tempat membaca, sebaliknya lokasi perbincangan kumpulan.

Sementara itu, Anwar turut menghargai inisiatif penubuhan Perpustakaan Digital ASEAN (ADL), yang menghimpunkan metadata daripada perpustakaan negara anggota dengan kini tersedia akses rentas sempadan kepada puluhan ribu bahan digital termasuk manuskrip langka, artifak budaya dan dokumen sejarah.

Terdahulu, Aaron berkata, perpustakaan masa kini bukan lagi tempat penyimpanan buku, tetapi sudah berevolusi menjadi lambang keadilan ilmu, pintu akses digital, penjaga khazanah budaya dan pusat pembelajaran sepanjang hayat.

“Malaysia mencatat kemajuan amat membanggakan dalam merevolusikan ekosistem perpustakaan negara, antaranya menerusi inisiatif u-Pustaka, iaitu platform perpustakaan digital nasional yang boleh diakses menerusi www.u-pustaka.gov.my.

“Platform ini menyediakan perkhidmatan pinjaman sumber fizikal dan digital seperti e-buku, buku audio, akhbar, jurnal serta penerbitan kerajaan secara percuma, pada bila-bila masa dan di mana saja,” katanya.

Malaysia Tribune

Perpustakaan bukan sekadar monumen buku tapi gedung ilmu yang hidup -PM

17 Jun 2025



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berucap ketika merasmikan Persidangan dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (Consal XIX) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur hari ini. - Foto Hafiz Aiman Sharif/Malaysia Tribune

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru supaya perpustakaan di rantau ini melaksanakan proses transformasi daripada pusat simpanan buku menjadi gedung ilmu pengetahuan yang hidup, interaktif dan inklusif, khususnya dalam mendidik generasi muda.

Dalam ucapan penuh semangat sempena Persidangan dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (Consal XIX), Anwar berkongsi kisah peribadinya sebagai seorang pencinta buku.

Anwar juga memberi peringatan supaya masyarakat terus membudayakan tabiat membaca yang kian terhakis oleh pelbagai gangguan kandungan berbentuk digital.

"Buku bukan sekadar hiasan atau disimpan dalam plastik. Buku harus dibaca. Perpustakaan pula mesti menjadi tempat yang menghidupkan budaya membaca, bukan sekadar tempat yang bersih dan senyap," tegasnya pada majlis yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) hari ini.

Anwar turut menyentuh keperluan perpustakaan untuk bergerak seiring perkembangan teknologi dan kecerdasan buatan (AI), sambil terus menarik minat pelajar terhadap bahan bacaan berkualiti.

"Tanpa tabiat membaca, masyarakat hilang ruang untuk mencuba idea, membandingkan pengalaman dan memperkukuh pemikiran. Ini menjejaskan pelajar, wartawan, bahkan demokrasi itu sendiri," jelas Anwar.

Di samping itu, Perdana Menteri juga menekankan peranan perpustakaan dalam memperkukuh jati diri budaya dan warisan Asia, berbanding bergantung sepenuhnya kepada naratif Barat.

Beliau menyebut contoh warisan Angkor Wat, Borobudur dan Kesultanan Melaka sebagai lambang kebesaran tamadun Asia yang perlu diketahui oleh generasi muda melalui pembacaan dan kajian.

"Kita perlu bangunkan keyakinan dalam kalangan pelajar bahawa mereka berasal daripada peradaban besar dan tidak sekadar menjadi mangsa naratif ketuanan idea Barat," katanya.

Beliau mengimbau sejarah keilmuan Islam ketika zaman Baghdad dan Khalifah, di mana para ilmuwan sanggup berhijrah hanya demi membawa buku ke pusat ilmu.

"Mereka tidak minta pejabat atau kereta baharu, hanya ruang untuk simpan buku. Itu menunjukkan keutamaan mereka," tambahnya.

Bagaimanapun menurut Anwar, salah satu cabaran yang dihadapi ke arah memupuk budaya membaca adalah untuk menjadikan buku sebagai bahan yang menarik untuk dibaca pelajar.

"Misalnya sebagai penulis, apabila anda beri buku, jangan sekadar hulur. Buka muka surat 43, baca satu perenggan yang menarik. Itu lebih berkesan," ujarnya.

Pada akhir ucapan, Perdana Menteri menyatakan sokongan terhadap inisiatif Perpustakaan Digital ASEAN dan mengingatkan bahawa perpustakaan hari ini tidak sepatutnya menjadi 'monumen kebanggaan' yang sunyi dan membosankan, tetapi perlu diubah menjadi ruang terbuka, dinamik dan mesra komuniti.

"Perpustakaan mesti menyediakan ruang yang bukan saja untuk buku, tetapi juga filem, e-buku, pangkalan data dan pelbagai medium moden yang mencerminkan cara manusia belajar dan meneroka hari ini," katanya.

Kongres Consal XIX yang berlangsung dari 16 hingga 19 Jun di Kuala Lumpur menghimpunkan 1,200 orang peserta terdiri daripada pustakawan, akademik dan pakar maklumat dari seluruh Asia Tenggara bagi membincangkan masa depan perpustakaan dan teknologi maklumat dalam mendidik masyarakat pasca digital.

Program itu merupakan anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Turut hadir Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang; Timbalan Menterinya, K. Saraswathy dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

SELANGOR JOURNAL

PM says librarians must guide readers to exciting content with tech, digital tools

17 June 2025



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim (centre) poses with government officials and librarians at the 19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting, held at the World Trade Centre Kuala Lumpur, on June 17, 2025. — Picture via FACEBOOK/CONSAL XIX 2025

KUALA LUMPUR, June 17 — Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has urged librarians across the region to go beyond their traditional roles and take on the challenge of nurturing a vibrant reading culture, especially among the younger generation.

Speaking at the 19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting (CONSAL XIX), Anwar said libraries must not merely serve as book repositories or aesthetic spaces, but rather as dynamic centres of knowledge, culture and intellectual engagement.

"A librarian's role is not only to collect books and decorate them in glass cabinets. It is to turn the library into a vital resource to raise awareness and inspire readers," he said when opening the event at the World Trade Centre Kuala Lumpur today.

Anwar emphasised that librarians must become effective guides in introducing readers to exciting content, as well as utilising technology and digital tools to reach a wider audience.

Also present were National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang, National Unity Deputy Minister K. Saraswathy and Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Anwar said that in discussing the concept of a Madani nation and efforts to strengthen the economy and the state, the foundation must always be rooted in knowledge, a pillar upheld not only by schools and universities, but also libraries.

He stressed the importance of making libraries welcoming and engaging spaces, citing that the history of great civilisations is often linked to prominent centres of knowledge, whether it was the famed Library of Alexandria, Bayt al-Hikmah in Baghdad, or more modern institutions in the West.

Anwar praised efforts such as the Asean Digital Library, noting that such initiatives reflect the region's commitment to democratising knowledge.

He said libraries must adapt to changing times by not only offering books but also providing access to podcasts, films, e-books and other digital resources, as these have become essential tools for learning in today's world.

CONSAL XIX is a triennial event that brings together 1,200 participants from across Asean and beyond, with 89 insightful papers presented by renowned speakers and experts from various disciplines.

Throughout the congress, a wide array of topics are discussed, including the emerging role of libraries in fostering inclusive communities, the contribution of libraries toward achieving the Sustainable Development Goals and strategies to expand knowledge ecosystems for marginalised groups, including people with disabilities and rural populations. — Bernama

NEW STRAITS TIMES

Anwar: Reading decline threatens democracy and public discourse

17 June 2025



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim speaking at the 19th Congress of Southeast Asian Librarians (Consal) General Conference and Meeting.-NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

KUALA LUMPUR: The declining interest in reading poses serious consequences for journalism, education, public knowledge, and democracy, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said librarians now carry the vital task of not just preserving knowledge but revitalising libraries as vibrant community centres.

"The challenge is to revive a reading culture that we've lost," he said in his keynote address at the 19th Congress of Southeast Asian Librarians (Consal) General Conference and Meeting.

Anwar recalled referencing The Closing of the American Mind by Allan Bloom, a book from the early 1980s which warned of the erosion of culture, tradition, and intellectual curiosity. "Today, on social media, people read two sentences and draw conclusions. Influencers say a few words and come to a judgment," he said.

He lamented the decline in the culture of creativity and critical thinking—of seeking truth and understanding through a strong intellectual tradition—saying this trend has worsened since the 1980s.

"Librarians, when you give a book, it's not enough just to give a book. You should tell the reader to open page 43 and please read that paragraph and make it so exciting that they'll want to continue to page 44," he said.

Otherwise, he warned, the consequences would be profound: "Look at the rancorous, often hateful debates today—contentious, shallow, driven by populism and ignorance."

He said libraries and librarians now have the heavy responsibility of countering this trend.

Anwar added that while libraries must embrace digitalisation and artificial intelligence (AI), their core duty remains to spark a love of reading among the young.

"Inculcating reading habits is a collective effort. Without it, there's no space to test ideas, compare experiences, or strengthen understanding to navigate these shifting times," he said.

Without reading, he added, young minds risk becoming "captive"—only able to imagine or admire Western civilisations while remaining unaware of Southeast Asia's rich heritage, such as Angkor Wat and the Melaka Sultanate.

Meanwhile, Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said Malaysia must ensure no one is excluded in building a knowledge-based society.

"In many rural and remote areas across Southeast Asia, access to libraries is still limited. We must prioritise community libraries, mobile services, and digital kiosks to reach the underserved," he said.

He called for libraries to actively promote linguistic inclusion by offering materials in minority languages and supporting efforts to document and preserve indigenous literature and oral traditions.

He also stressed the importance of making libraries fully accessible to persons with disabilities.

"Accessibility must be integral to library design, not an afterthought—physically and digitally," he said, adding that this includes ramps, accessible toilets, and materials in braille, large print, audiobooks, and screen-reader-friendly formats.

"Equally important is ensuring library staff are trained to serve persons with disabilities with dignity, knowledge, and care," he said.

astro AWANI

Anwar seru pustakawan pupuk budaya membaca yang dinamik

17 Jun 2025



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ucapan perasmian Persidangan dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) hari ini. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa para pustakawan di seluruh rantau ini agar melangkaui peranan tradisional mereka dan menyahut cabaran untuk memupuk budaya membaca yang dinamik, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Berucap pada Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) beliau menegaskan bahawa perpustakaan tidak seharusnya hanya menjadi tempat simpanan buku atau ruang berestetika semata-mata, sebaliknya perlu berfungsi sebagai pusat ilmu, budaya dan wacana intelektual yang aktif.

"Peranan pustakawan bukan sekadar mengumpul buku dan mempamerkannya di dalam almari kaca. Sebaliknya, ia adalah untuk menjadikan perpustakaan sebagai sumber penting dalam meningkatkan kesedaran dan memberi inspirasi kepada para pembaca," katanya semasa merasmikan acara tersebut di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri turut menekankan bahawa pustakawan perlu menjadi pembimbing yang berkesan dalam memperkenalkan kandungan menarik kepada pembaca serta memanfaatkan teknologi dan peralatan digital untuk menjangkau khalayak yang lebih luas.

Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, Timbalan Menteri Perpaduan Negara K. Saraswathy, dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Perdana Menteri berkata dalam membincangkan konsep negara MADANI serta usaha memperkukuh ekonomi dan kenegaraan, asas yang paling utama mestilah sentiasa berpaksikan kepada ilmu pengetahuan, satu tiang seri yang bukan sahaja dipertahankan oleh institusi sekolah dan universiti, malah turut diperkukuh melalui peranan perpustakaan.

Beliau turut menekankan kepentingan mewujudkan suasana perpustakaan yang mesra dan menarik, sambil menyatakan bahawa sejarah tamadun agung dunia sering kali dikaitkan dengan kewujudan pusat ilmu yang unggul, sama ada Perpustakaan Iskandariah yang masyhur, Bayt al-Hikmah di Baghdad, mahupun institusi keilmuan yang muncul di Barat.

Dalam masa yang sama, Anwar turut memuji inisiatif seperti Perpustakaan Digital ASEAN, yang menurutnya mencerminkan komitmen rantau ini dalam mendemokrasikan akses kepada ilmu pengetahuan.

Beliau berkata perpustakaan perlu menyesuaikan diri dengan peredaran zaman, bukan sekadar menawarkan buku tetapi juga menyediakan akses kepada kandungan seperti podcast, filem, e-buku dan sumber digital lain yang kini menjadi alat pembelajaran penting dalam dunia masa kini.

CONSAL XIX, acara tiga tahun sekali, menghimpunkan 1,200 peserta dari negara anggota ASEAN dan luar rantau, dengan sebanyak 89 kertas kerja bernas dibentangkan oleh penceramah dan pakar ternama dari pelbagai bidang.

Sepanjang kongres ini, pelbagai topik dibincangkan termasuk peranan baharu perpustakaan yang semakin menyerlah dalam memupuk komuniti inklusif, sumbangan perpustakaan ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), serta strategi memperluas ekosistem ilmu untuk kumpulan terpinggir termasuk golongan orang kurang upaya (OKU) dan masyarakat luar bandar.

-- BERNAMA

SABAH MEDIA the voice of sabah

ASEAN 2025: Perpustakaan perlu jadi ruang terbuka penyebaran ilmu – PM

17 Jun 2025



KUALA LUMPUR: Pustakawan di seluruh rantau ini digesa supaya melangkaui peranan tradisional mereka dengan menyahut cabaran untuk memupuk budaya membaca yang lebih dinamik dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda masa kini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap pada Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) menegaskan agar perpustakaan tidak hanya menjadi tempat simpanan buku atau ruang berestetika semata-mata, sebaliknya perlu berfungsi sebagai pusat ilmu, budaya dan wacana intelektual yang aktif.

"Peranan pustakawan bukan sekadar mengumpul buku dan mempamerkannya di dalam almari kaca.

"Sebaliknya, ia adalah untuk menjadikan perpustakaan sebagai sumber penting dalam meningkatkan kesedaran dan memberi inspirasi kepada para pembaca," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan acara berkenaan di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, Timbalan Menteri Perpaduan Negara K. Saraswathy, dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Selain itu, Perdana Menteri turut menekankan bahawa pustakawan juga perlu menjadi pembimbing yang berkesan dalam memperkenalkan kandungan menarik kepada pembaca selain memanfaatkan teknologi dan peralatan digital supaya mempu menjangkau lebih luas dalam khalayak ramai.

tvs www.tvsarawak.my

Perpustakaan Digital ASEAN atasi jurang ilmu pengetahuan

17 Jun 2025



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merasmikan Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL) Ke-19 di Pusat Dagangan Dunia, di sini hari ini. Foto, Afiq Johari (TVS).

KUALA LUMPUR, 17 Jun: Inisiatif Perpustakaan Digital ASEAN (ADL) merupakan usaha signifikan bagi mengatasi jurang ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat di negara-negara ASEAN.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata akses terhad untuk ke perpustakaan fizikal terutama di kawasan terpencil masih menjadi cabaran besar dalam mencapai keterangkuman ilmu.

Jelas beliau, kebolehcapaian internet dan literasi digital merupakan komponen penting bagi memastikan ilmu pengetahuan dapat disampaikan secara meluas kepada seluruh lapisan masyarakat.

"ADL ialah platform digital kolaboratif yang mengagregatkan metadata dari perpustakaan negara-negara ASEAN. Walaupun sistem ini masih berkembang, ia membolehkan akses rentas sempadan yang lancar kepada berpuluh-puluh beribu-ribu bahan digital, termasuk manuskrip, buku, artifak budaya, imej, surat khabar dan banyak lagi," katanya.

Aaron Ago berkata demikian ketika berucap pada Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL) Ke-19 di Pusat Dagangan Dunia yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini hari ini.

Tambah beliau, ADL juga berpontesi untuk menjadi jambatan ilmu yang menghubungkan rakyat, sejarah dan masa depan rantau ini.

"(Oleh itu saya) menyeru kesemua negara anggota ASEAN untuk memperhebat penyertaan dalam inisiatif ini dan membuat pelbagai pelaburan yang mampu menambah baik integrasi koleksi nasional.

"Menerusinya, kita bukan sahaja dapat memperkaya kandungan dan kepelbagaian ADL, tetapi juga memperkasa peranan penyelidik, pelajar, dan rakyat dari seluruh rantau ini untuk mengakses relevan budaya, berkualiti tinggi maklumat dalam bahasa mereka sendiri," katanya. – TVS

TheStar

PM wants librarians to nurture a vibrant reading culture

17 June 2025



KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has urged librarians across the region to go beyond their traditional roles and take on the challenge of nurturing a vibrant reading culture, especially among the younger generation.

Speaking at the 19th Congress of South-East Asian Librarians General Conference and Meeting (Consal XIX), Anwar said libraries must not only serve as book repositories or aesthetic spaces, but rather as dynamic centres of knowledge, culture and intellectual engagement.

"A librarian's role is not only to collect books and arrange them in glass cabinets. It is to turn the library into a vital resource to raise awareness and inspire readers," he said when opening the event at the World Trade Centre here on Tuesday (June 17).

The Prime Minister also stressed that librarians must be effective guides in introducing readers to exciting content, as well as utilising technology and digital tools to reach a wider audience.

Also present were National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang, his deputy K. Saraswathy and Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

The Prime Minister said that in discussing the concept of a Madani nation and efforts to strengthen the economy and state, there must be a foundation rooted in knowledge that is upheld not only by schools and universities but also by libraries.

He stressed the importance of making libraries welcoming and engaging spaces, citing that the history of great civilisations is often linked to prominent centres of knowledge, such as the famed Library of Alexandria, Bayt al-Hikmah in Baghdad, or later institutions in the West.

At the same time, Anwar praised efforts such as the Asean Digital Library, noting that such initiatives reflect the region's commitment to democratising knowledge.

He said libraries must adapt to changing times by not only offering books but also providing access to podcasts, films, e-books and other digital resources, as these have become essential tools for learning in today's world.

Consal XIX is a triennial event that brings together 1,200 participants from across Asean member states and beyond, with 89 insightful papers presented by renowned speakers and experts from various disciplines.

Throughout the congress, a wide range of topics is discussed, including the emerging role of libraries in fostering inclusive communities, the contribution of libraries toward achieving Sustainable Development Goals (SDGs), and strategies to expand knowledge ecosystems for marginalised groups, including persons with disabilities and rural populations. – Bernama

theSun

PM wants librarians to nurture a vibrant reading culture

17 June 2025



KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has urged librarians across the region to go beyond their traditional roles and take on the challenge of nurturing a vibrant reading culture, especially among the younger generation.

Speaking at the 19th Congress of South-East Asian Librarians General Conference and Meeting (Consal XIX), Anwar said libraries must not only serve as book repositories or aesthetic spaces, but rather as dynamic centres of knowledge, culture and intellectual engagement.

"A librarian's role is not only to collect books and arrange them in glass cabinets. It is to turn the library into a vital resource to raise awareness and inspire readers," he said when opening the event at the World Trade Centre here on Tuesday (June 17).

The Prime Minister also stressed that librarians must be effective guides in introducing readers to exciting content, as well as utilising technology and digital tools to reach a wider audience.

Also present were National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang, his deputy K. Saraswathy and Chief Secretary to the Government Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

The Prime Minister said that in discussing the concept of a Madani nation and efforts to strengthen the economy and state, there must be a foundation rooted in knowledge that is upheld not only by schools and universities but also by libraries.

He stressed the importance of making libraries welcoming and engaging spaces, citing that the history of great civilisations is often linked to prominent centres of knowledge, such as the famed Library of Alexandria, Bayt al-Hikmah in Baghdad, or later institutions in the West.

At the same time, Anwar praised efforts such as the Asean Digital Library, noting that such initiatives reflect the region's commitment to democratising knowledge.

He said libraries must adapt to changing times by not only offering books but also providing access to podcasts, films, e-books and other digital resources, as these have become essential tools for learning in today's world.

Consal XIX is a triennial event that brings together 1,200 participants from across Asean member states and beyond, with 89 insightful papers presented by renowned speakers and experts from various disciplines.

Throughout the congress, a wide range of topics is discussed, including the emerging role of libraries in fostering inclusive communities, the contribution of libraries toward achieving Sustainable Development Goals (SDGs), and strategies to expand knowledge ecosystems for marginalised groups, including persons with disabilities and rural populations. – Bernama

Utusan Borneo Online

Dasar Perpaduan Negara kunci bina Malaysia bersatu, berdaya tahan: Aaron

17 Jun 2025



Anwar (depan tengah) bergambar bersama para peserta yang hadir pada majlis pelancaran Persidangan dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) hari ini. Turut hadir Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (depan dua, kiri).-Gambar BERNAMA

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa para pustakawan di seluruh rantau ini agar melangkaui peranan tradisional mereka dan menyahut cabaran untuk memupuk budaya membaca yang dinamik, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Berucap pada Persidangan dan Mesyuarat Agung Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) beliau menegaskan bahawa perpustakaan tidak seharusnya hanya menjadi tempat simpanan buku atau ruang berestetika semata-mata, sebaliknya perlu berfungsi sebagai pusat ilmu, budaya dan wacana intelektual yang aktif.

"Peranan pustakawan bukan sekadar mengumpul buku dan mempamerkannya di dalam almari kaca. Sebaliknya, ia adalah untuk menjadikan perpustakaan sebagai sumber penting dalam meningkatkan kesedaran dan memberi inspirasi kepada para pembaca," katanya semasa merasmikan acara tersebut di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri turut menekankan bahawa pustakawan perlu menjadi pembimbing yang berkesan dalam memperkenalkan kandungan menarik kepada pembaca serta memanfaatkan teknologi dan peralatan digital untuk menjangkau khalayak yang lebih luas.

Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang, Timbalan Menteri Perpaduan Negara K. Saraswathy, dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Perdana Menteri berkata dalam membincangkan konsep negara MADANI serta usaha memperkukuh ekonomi dan kenegaraan, asas yang paling utama mestilah sentiasa berpaksikan kepada ilmu pengetahuan, satu tiang seri yang bukan sahaja dipertahankan oleh institusi sekolah dan universiti, malah turut diperkukuh melalui peranan perpustakaan.

Beliau turut menekankan kepentingan mewujudkan suasana perpustakaan yang mesra dan menarik, sambil menyatakan bahawa sejarah tamadun agung dunia sering kali dikaitkan dengan kewujudan pusat ilmu yang unggul, sama ada Perpustakaan Iskandariah yang masyhur, Bayt al-Hikmah di Baghdad, mahupun institusi keilmuan yang muncul di Barat.

Dalam masa yang sama, Anwar turut memuji inisiatif seperti Perpustakaan Digital ASEAN, yang menurutnya mencerminkan komitmen rantau ini dalam mendemokrasikan akses kepada ilmu pengetahuan.

Beliau berkata perpustakaan perlu menyesuaikan diri dengan peredaran zaman, bukan sekadar menawarkan buku tetapi juga menyediakan akses kepada kandungan seperti podcast, filem, e-buku dan sumber digital lain yang kini menjadi alat pembelajaran penting dalam dunia masa kini.

CONSAL XIX, acara tiga tahun sekali, menghimpunkan 1,200 peserta dari negara anggota ASEAN dan luar rantau, dengan sebanyak 89 kertas kerja bernas dibentangkan oleh penceramah dan pakar ternama dari pelbagai bidang.

Sepanjang kongres ini, pelbagai topik dibincangkan termasuk peranan baharu perpustakaan yang semakin menyerlah dalam memupuk komuniti inklusif, sumbangan perpustakaan ke arah pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), serta strategi memperluas ekosistem ilmu untuk kumpulan terpinggir termasuk golongan orang kurang upaya (OKU) dan masyarakat luar bandar.

SUARA MERDEKA

PM: Perpustakaan Nadi Tamadun, Pustakawan Penjaga Amanah Ilmu

17 Jun 2025



KUALA LUMPUR, 17 Jun 2025 – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menegaskan bahawa kekuatan negara Malaysia MADANI mesti berpaksikan ilmu dan budaya keilmuan, dengan perpustakaan memainkan peranan sebagai nadi utama dalam pembinaan tamadun.

Berucap merasmikan Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX), beliau menggariskan pentingnya perpustakaan – bersama institusi pendidikan – sebagai pemangkin kepada kecemerlangan bangsa dan ketahanan intelektual.

"Sejarah membuktikan bahawa peradaban agung seperti Alexandria dan Baitul Hikmah di Baghdad dibina atas asas perpustakaan yang melahirkan para filasuf, pujangga dan ilmuwan," ujar beliau.

Menyingkap karya sastera dan pemikiran seperti The Name of the Rose oleh Umberto Eco dan pandangan saintis Carl Sagan, Perdana Menteri menekankan bahawa buku adalah 'bukti keupayaan manusia melakukan keajaiban', dan saluran untuk meneroka pemikiran generasi terdahulu.

Namun beliau turut melahirkan kebimbangan terhadap kemerosotan budaya membaca, yang kini digantikan dengan budaya memburu reaksi segera di media sosial – mengakibatkan wacana awam menjadi dangkal, terdedah kepada kebencian, kekeliruan dan penyebaran maklumat tanpa asas ilmu.

"Kita sedang menyaksikan lahirnya culture of ignorance – di mana pandangan dibentuk hanya berdasarkan dua baris ayat, dan bukan kajian mendalam," tegasnya.

Pustakawan sebagai penggerak ilmu, bukan sekadar penjaga koleksi

Perdana Menteri mengangkat peranan pustakawan sebagai agen perubahan intelektual. Beliau menyebut tokoh-tokoh pustakawan negara seperti Beda Lim dari Universiti Malaya dan Rohani Rustam dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah mempelopori peranan pustakawan sebagai penggerak budaya ilmu dan bukan sekadar penyusun bahan bacaan.

"Perpustakaan tidak dibina sebagai monumen megah, tetapi harus menjadi ruang hidup – tempat membanding idea, mencabar pemikiran dan memperkukuh kefahaman dalam menghadapi zaman yang kompleks," katanya.

Langkah kerajaan: insentif buku dan pendigitalan

Kerajaan, menurut Perdana Menteri, telah memulakan langkah dengan memberi insentif tunai kepada pelajar dan guru untuk pembelian buku serta memperluas akses kepada perpustakaan digital. Namun beliau menekankan bahawa usaha ini hanyalah permulaan.

"Lebih penting ialah menghidupkan semula perpustakaan sebagai ruang berjiwa – tempat manusia mencari makna dan membina keyakinan diri sebagai pewaris tamadun besar," jelas beliau.

Datuk Seri Anwar turut menekankan bahawa warisan tamadun Asia Tenggara seperti Angkor Wat, Borobudur dan Kesultanan Melayu Melaka mesti diangkat sebagai bukti kepada kecemerlangan masa lalu, dan perpustakaan adalah jambatan untuk mewarisi keyakinan ini.

BERITA RTM

Perpustakaan harus jadi pusat wacana, bukan sekadar simpan buku – PM

17 Jun 2025



KUALA LUMPUR, 17 Jun- Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa pustakawan di rantau ASEAN untuk menjadikan perpustakaan sebagai gedung ilmu yang lebih menarik dan mampu memupuk minat membaca dalam kalangan generasi muda.

Menurut beliau, perpustakaan tidak seharusnya hanya berfungsi sebagai tempat menyimpan buku, tetapi perlu berkembang sebagai pusat budaya, ilmu dan wacana intelektual yang aktif.

"Apabila pelajar sampai ke perpustakaan, pustakawan mesti memikat mereka. Perkenalkan buku-buku dan galakkan mereka membaca. Bukan sekadar tempat untuk simpanan senyap, tetapi juga sebagai ruang berdiskusi dan bertukar idea," katanya.

Anwar turut menyokong usaha mewujudkan perpustakaan digital ASEAN, seiring perkembangan teknologi dalam bidang perpustakaan. Beliau juga menghargai pendekatan menyediakan bilik belajar yang membolehkan pelajar berbincang dalam perpustakaan, tanpa mengganggu pengguna lain.

Tambah beliau, pustakawan kini perlu memainkan peranan lebih proaktif dalam memperkenalkan kandungan yang relevan serta memanfaatkan teknologi digital untuk menarik lebih ramai pembaca.

Perdana Menteri berkata demikian semasa merasmikan Persidangan dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) di sini, hari ini.

CONSAL XIX yang bertemakan 'Memanfaatkan Inklusiviti, Memperkasa Kemanusiaan', merupakan acara tiga tahun sekali dan platform kerjasama serantau utama bagi para profesional perpustakaan di seluruh ASEAN.

Utusan Borneo

Perpustakaan bukan lagi sekadar tempat simpanan buku: Aaron

17 Jun 2025



Perpustakaan bukan lagi sekadar tempat simpanan buku: Aaron

KUALA LUMPUR: Perpustakaan kini bukan lagi sekadar tempat simpanan buku.

Ini telah berkembang menjadi pusat komuniti yang mempromosikan kesaksamaan, keterangkuman digital, pemeliharaan budaya, serta pembelajaran sepanjang hayat untuk semua lapisan masyarakat, demikian menurut Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Aaron berkata demikian dalam ucaptamanya pada pembukaan rasmi Persidangan dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting (CONSAL XIX) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur di sini, semalam.

CONSAL XIX mengetengahkan tema "Memanfaatkan Inklusiviti, Memperkasa Kemanusiaan'.

Menurut Aaron, tema ini seiring dengan seruan global untuk akses maklumat yang adil dan mencerminkan aspirasi kolektif ASEAN dalam membina masyarakat yang berilmu dan inklusif.

Beliau turut menyoroti usaha transformasi digital Malaysia, khususnya melalui platform perpustakaan digital kebangsaan e-Pustaka (boleh diakses di www.e-pustaka.gov.my), yang memberikan semua rakyat Malaysia mengakses secara percuma pelbagai sumber fizikal dan digital termasuk e-buku, buku audio, surat khabar, jurnal, dan penerbitan kerajaan.

Menekankan kepentingan kerjasama digital serantau, Aaron turut mengumumkan perbatian kepada Perpustakaan Digital ASEAN (ASEAN Digital Library – ADL), sebuah inisiatif yang menggabungkan metadata dan koleksi digital daripada perpustakaan kebangsaan negara-negara anggota ASEAN.

Beliau menggesa negara-negara ASEAN untuk memperkukuh penglibatan dalam ADL, sambil menegaskan bahawa perkongsian sumber ilmu merupakan kunci kepada pengekalan identiti budaya dan solidariti serantau.

Sementara itu, CONSAL, perhimpunan berprestij yang diadakan setiap tiga tahun ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Seri Anwar Ibrahim, sebagai lambang komitmen bertenaga kerajaan terhadap kerangka MADANI, khususnya dalam usaha memperluas akses inklusif kepada ilmu pengetahuan, memperkukuh kerjasama serantau, serta mengiktiraf peranan penting perpustakaan dalam pembangunan manusia dan perpaduan sosial.

Edisi CONSAL kali ini menghimpunkan lebih 1,200 delegasi dari seluruh Asia Tenggara dan rantau lain.

Sebanyak 89 kertas kerja akan dibentangkan oleh tokoh-tokoh dan pakar terkemuka daripada pelbagai bidang, menjadikan kongres ini platform dinamik untuk pertukaran ilmu merentas sempadan, dialog dasar serta amalan inovatif dalam bidang kepustakawan.

CONSAL XIX akan menampilkan perbincangan mengenai peranan penting perpustakaan dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), strategi untuk memperluas akses perpustakaan kepada komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan termasuk penduduk luar bandar dan golongan kurang upaya, serta cabaran peningkatan dalam era pertumbuhan teknologi yang pesat.

Sebagai forum utama untuk profesional perpustakaan di rantau ini, CONSAL dianggotai oleh negara-negara seperti Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Setiap negara diwakili oleh persatuan perpustakaan kebangsaan dan institusi perpustakaan utama masing-masing.

Dengan pembukaan rasmi CONSAL XIX yang berjaya, Malaysia sekali lagi menegaskan kepimpinannya di peringkat serantau serta komitmen yang berterusan ke arah ASEAN yang lebih berilmu dan inklusif, di mana ilmu bukan sekadar hak intelektual, tetapi hak dan tanggungjawab yang dikongsi bersama.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Perpustakaan Digital ASEAN jadi jambatan ilmu serantau – Aaron

21 Jun 2025



Anwar dan Aaron merasmikan gimik pelancaran Persidangan Dan Mesyuarat Kongres Pustakawan Asia Tenggara Ke-19 (Consal XIX): di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) pada Selasa.

KUALA LUMPUR – Perpustakaan Digital ASEAN atau ASEAN Digital Library (ADL) perlu diperkasa sebagai jambatan ilmu antara negara-negara rantau ini dalam usaha membina masyarakat serantau yang inklusif, berbudaya dan berdaya saing.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ADL merupakan inisiatif serantau yang menghimpunkan metadata daripada perpustakaan kebangsaan negara anggota ASEAN dan kini membolehkan akses rentas sempadan kepada puluhan ribu bahan digital termasuk manuskrip langka, buku, artifak budaya, akhbar serta dokumen sejarah.

"Perpustakaan Digital ASEAN bukan sekadar arkib digital. Ia harus menjadi jambatan hidup kepada warisan ilmu, menghubungkan rakyat, sejarah dan masa depan ASEAN.

"Saya menyeru semua negara anggota ASEAN agar mempercepatkan penyertaan dan sumbangan mereka kepada ADL kerana pemilikan ilmu secara kolektif merupakan asas penting dalam membina sebuah masyarakat serantau yang kukuh dan bersatu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Kongres Pustakawan Asia Tenggara Ke-19 (CONSAL XIX) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), pada Selasa.

Turut hadir merasmikan kongres tersebut ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulas lanjut, Aaron mencadangkan agar negara anggota ASEAN melabur dalam pembangunan infrastruktur digital serantau, latihan pustakawan dan aktivis serta mewujudkan standard metadata yang serasi demi memudahkan integrasi koleksi negara masing-masing.

"Kita mesti berani mendigitalkan sistem pengetahuan asli dan bahasa tempatan supaya warisan ASEAN dapat dipelihara secara menyeluruh dalam bentuk digital," katanya.

Beliau turut menekankan perlunya kerjasama erat antara negara-negara serantau melalui rangka kerja bersama yang menyokong perkongsian sumber, pembangunan alat digital serta pembiayaan perkhidmatan perpustakaan secara inklusif.

"Inklusiviti bukan sekadar soal akses, tetapi tentang pemerkasaan. Apabila kita melabur dalam sistem ilmu yang inklusif, kita sebenarnya melabur dalam maruah manusia, peluang saksama dan pembangunan mampan," ujarnya.

Menurut Aaron, kemajuan sistem perpustakaan di Malaysia turut menjadi bukti kesungguhan negara dalam memperluas akses ilmu kepada semua lapisan masyarakat.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Perpustakaan Digital ASEAN jadi jambatan ilmu serantau - Aaron

21 Jun 2025



Perpustakaan Digital ASEAN jadi jambatan ilmu serantau – Aaron

Perpustakaan Digital ASEAN atau *ASEAN Digital Library* (ADL) perlu diperkasa sebagai jambatan ilmu antara negara-negara rantau ini dalam usaha membina masyarakat serantau yang inklusif, berbudaya dan berdaya saing.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ADL menyasarkan inisiatif serantau yang menghimpunkan metadata daripada perpustakaan kebangsaan negara anggota ASEAN dan kini membolehkan akses rentas sempadan kepada puluhan ribu bahan digital termasuk manuskrip langka, buku, artifak budaya, akhbar serta dokumen sejarah.

"Perpustakaan Digital ASEAN bukan sekadar arkib digital, ia harus menjadi jambatan hidup kepada warisan ilmu, menghubungkan rakyat, sejarah dan masa depan ASEAN.

"Saya menyeru semua negara anggota ASEAN agar memperkasakan penyertaan dan sumbangan mereka kepada ADL kerana pemilikan ilmu secara kolektif merupakan asas penting dalam membina sebuah masyarakat serantau yang kukuh dan bersatu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19 (CONSAL XIX) di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), pada Selasa.

Turut hadir merasmikan kongres tersebut ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulas lanjut, Aaron menyasarkan agar negara anggota ASEAN melabur dalam pembangunan infrastruktur digital serantau, latihan pustakawan dan aktiviti serta mewujudkan standard metadata yang serasi demi memudahkan integrasi koleksi negara masing-masing.

"Kita mesti berani mendigitalkan sistem pengetahuan asli dan bahasa tempatan supaya warisan ASEAN dapat dipelihara secara menyeluruh dalam bentuk digital," katanya.

Beliau turut menekankan perlunya kerjasama erat antara negara-negara serantau melalui rangka kerja bersama yang menyokong perkongsian sumber, pembangunan alat digital serta pembiayaan perkhidmatan perpustakaan secara inklusif.

"Inklusiviti bukan sekadar soal akses, tetapi tentang pemerkasaan. Apabila kita melabur dalam sistem ilmu yang inklusif, kita sebenarnya melabur dalam maruah manusia, peluang saksama dan pembangunan mampan," ujarnya.

Menurut Aaron, kemajuan sistem perpustakaan di Malaysia turut menyaksi buka kesungguhan negara dalam memperluas akses ilmu kepada semua lapisan masyarakat.

Beliau berkata, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) memperkasakan inisiatif digital dan penyampaian perkhidmatan melalui u-Pustaka dan My Respositori.

"Menerusi inisiatif u-Pustaka, iaitu platform perpustakaan digital nasional yang menyediakan perkhidmatan penyimpan sumber fizikal dan digital secara percuma, boleh diakses 24 jam sehari merentasi www.u-pustaka.gov.my.

"u-Pustaka kini mempunyai koleksi 1,016,754 aset (sehingga Mei 2025), menawarkan lebih daripada setuta rasa koleksi bahan bacaan digital dan cerian katalog sekitar 2.9 juta bahan fizikal di 155 perpustakaan yang menyertai Katalog Induk Kebangsaan (KK) yang merupakan backbone kepada u-Pustaka.

"KK membolehkan pengguna meminjam buku fizikal dari 12 perpustakaan konsortium, mengakses pelbagai bahan digital termasuk e-buku, buku audio, majalah, jurnal, akhbar, pangkalan data dan penerbitan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Aaron berkata, melalui My Respositori, sehingga Mei 2025 sebanyak 57,288 judul yang terdiri dari Koleksi Negara, Koleksi Nadir, Koleksi Manuskrip Melayu dan Koleksi Surat Khabar telah dimuatnaik ke dalam sistem itu.

"Penglibatan pada tahun 2025 memberi tumpuan kepada koleksi manuskrip Melayu dan koleksi Negara sebanyak 78 judul dan 71,650 muka surat.

"Perpustakaan hari ini bukan lagi sekadar tempat menyimpan buku tetapi lambang kedaulan ilmu, pintu akses digital, penjaga warisan budaya dan pusat pembelajaran sepanjang hayat untuk semua," jelasnya.

Beliau berkata, program Perpustakaan Desa (Pus) melibatkan lebih 500 lokasi di seluruh negara juga terus memainkan peranan penting dalam menyampaikan ilmu ke kawasan luar bandar melalui bahan bacaan fizikal, kios digital dan aktiviti komuniti seterusnya.

CONSAL XIX yang berlangsung dari 16 hingga 19 Jun 2025 mengetengahkan sesi ilmu, 1,200 peserta dari seluruh Asia Tenggara dan negara luar dengan pembentangan 39 kertas kerja.

Bertemakan 'Memartabatkan Inklusiviti, Memperkasa Kemanusiaan', ia menjadi platform penting memperkukuh jaringan profesional perpustakaan, serta mencorak hala tuju bahang dalam pengurusan maklumat dan perkongsian ilmu serantau.

RESOLUSI CONSAL XIX (Diterima pakai dalam Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19)

- CONSAL XIX dengan tegas mengulangi komitmen teguh para pustakawan serantau untuk memperkukuhkan perpustakaan daripada institusi penyimpanan ilmu tradisional kepada ruang dinamik dan inklusif yang menjunjung kesaksamaan, memperjuangkan akses sejagat serta meraikan kepelbagaian masyarakat.
- CONSAL XIX berikrar penuh untuk memacu transformasi dengan menggabungkan perkhidmatan yang bakal hadangan dan inovasi digital, memanfaatkan teknologi terkini serta menyasarkan koleksi mencerminkan kepelbagaian suara masyarakat.
- CONSAL XIX menyeru kepada pembinaan ekosistem ilmu yang inklusif di mana golongan kurang upaya dan komuniti terpinggir bukan sahaja dilindungi, malah diberdayakan, melalui perkelilingan yang adaptif serta akses saksama kepada pembelajaran sepanjang hayat dan multimodal.
- CONSAL XIX menyeru perkelasan penyelidikan pascasekolah dan Institusi dalam bidang kaitan perpustakaan dan maklumat yang berupaya meningkatkan inovasi, memacu amalan terbaik serta membantuk bantuan profesional perpustakaan yang berkeadilan menghadapi cabaran masa depan.

REAKSI

"Kami kini memberikan prioriti kepada kecekapan AI generatif seperti 'ChatBook' yang membolehkan penggunaan berinteraksi dengan kandungan buku dalam bentuk video atau temu duga."

Pengarah Kumpulan Strategi Perpustakaan Singapura, Soh Lin Li

"CONSAL XIX diadakan sebagai platform untuk berkongsi pengetahuan dan membina kerja-sama dalam bidang akademik serta digitalisasi perpustakaan."

Ketua Pustakawan Universiti Lyceum, Filipina, Mark Bidel R. Gonzales

"Kami memperoleh banyak idea dan amalan terbaik daripada perpustakaan di rantau ini, terutama Malaysia dan Singapura."

Pustakawan Rujukan Kembija, Ratana Sath

"Perpustakaan kami telah mencapai tahap pendigitalan sebanyak 90 peratus bagi koleksi/artifak koleksi bahan rujukan dan akademik manakala sisihnya dipantukkan untuk pembelian bahan bercetak setiap tahun."

Ketua Perpustakaan dan Arkib Universiti Gadjah Mada (UGM), Indonesia, Arif Surachman

BERNAMA

ASEAN Digital Library Key to Equitable, Inclusive Knowledge Access – Aaron

17 June 2025



KUALA LUMPUR, June 17 (Bernama) – National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has called on ASEAN member states to accelerate their participation in the ASEAN Digital Library (ADL), describing it as a crucial step toward equitable and inclusive access to knowledge across the region.

He said the ADL is among the most promising and forward-looking regional initiatives, demonstrating what can be achieved when ASEAN nations come together with a shared commitment top reserving, sharing and democratising knowledge.

"The ASEAN Digital Library is a collaborative digital platform that aggregates metadata from the national libraries of ASEAN member states.

"While the system is still expanding, it already enables seamless cross-border access to tens of thousands of digitised materials, including rare manuscripts, books, cultural artefacts, images, newspapers, and more," he said in his opening remarks at the 19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting (CONSAL XIX), launched by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, today.

Aaron said to maximise ADL's potential, member states must invest in shared digital infrastructure, strengthen capacity-building for librarians and archivists, and adopt interoperable metadata standards to enable smoother integration of national collections.

He also emphasised the need for bold efforts in supporting the digitisation of indigenous knowledge systems and local languages to ensure that the region's digital archives reflect the full spectrum of ASEAN's rich and diverse heritage.

Meanwhile, Aaron said inclusive access to knowledge must be at the heart of nation-building, especially in rural and underserved communities.

"In building knowledge-based societies, we must ensure that no one is excluded, whether due to geography, economic status, age, gender, ability or language," he said, adding that true inclusivity means the benefits of education and information must reach every corner of society.

This includes expanding outreach efforts such as mobile libraries, digital kiosks and alternative service models which act as lifelines for learning, particularly for children, farmers, women and the elderly in rural areas.

CONSAL XIX is a triennial event that brings together 1,200 participants from across ASEAN member states and beyond, with 89 insightful papers presented by renowned speakers and experts from various disciplines.

Throughout the congress, a wide array of topics are discussed, including the emerging role of libraries in fostering inclusive communities, the contribution of libraries toward achieving the Sustainable Development Goals (SDGs) and strategies to expand knowledge ecosystems for marginalised groups, including persons with disabilities and rural populations.

SARAWAK TRIBUNE

Aaron urges ASEAN to boost digital library efforts for inclusive knowledge access

17 June 2025



KUALA LUMPUR: National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang has called on ASEAN member states to accelerate their participation in the ASEAN Digital Library (ADL), describing it as a crucial step toward equitable and inclusive access to knowledge across the region.

He said the ADL is among the most promising and forward-looking regional initiatives, demonstrating what can be achieved when ASEAN nations come together with a shared commitment to preserving, sharing and democratising knowledge.

"The ASEAN Digital Library is a collaborative digital platform that aggregates metadata from the national libraries of ASEAN member states.

"While the system is still expanding, it already enables seamless cross-border access to tens of thousands of digitised materials, including rare manuscripts, books, cultural artefacts, images, newspapers, and more," he said in his opening remarks at the 19th Congress of Southeast Asian Librarians General Conference and Meeting (CONSAL XIX), launched by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, today.

Aaron said to maximise ADL's potential, member states must invest in shared digital infrastructure, strengthen capacity-building for librarians and archivists, and adopt interoperable metadata standards to enable smoother integration of national collections.

He also emphasised the need for bold efforts in supporting the digitisation of indigenous knowledge systems and local languages to ensure that the region's digital archives reflect the full spectrum of ASEAN's rich and diverse heritage.

Meanwhile, Aaron said inclusive access to knowledge must be at the heart of nation-building, especially in rural and underserved communities.

"In building knowledge-based societies, we must ensure that no one is excluded, whether due to geography, economic status, age, gender, ability or language," he said, adding that true inclusivity means the benefits of education and information must reach every corner of society.

This includes expanding outreach efforts such as mobile libraries, digital kiosks and alternative service models which act as lifelines for learning, particularly for children, farmers, women and the elderly in rural areas.

CONSAL XIX is a triennial event that brings together 1,200 participants from across ASEAN member states and beyond, with 89 insightful papers presented by renowned speakers and experts from various disciplines.

Throughout the congress, a wide array of topics are discussed, including the emerging role of libraries in fostering inclusive communities, the contribution of libraries toward achieving the Sustainable Development Goals (SDGs) and strategies to expand knowledge ecosystems for marginalised groups, including persons with disabilities and rural populations. – BERNAMA

BERNAMA

KPN Perkenal Rakan, Platform Digital Salur Aduan Berkaitan Isu Perpaduan

19 Jun 2025

SHAH ALAM, 19 Jun (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara memperkenalkan inisiatif baharu Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) sebagai platform khusus bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan secara digital berkaitan isu perpaduan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata platform itu bagi memperkukuh pengurusan maklumat dan maklum balas terhadap aduan komuniti serta meningkatkan kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian di peringkat akar Umbi.

"RAKAN merupakan satu inisiatif bagi mendekatkan rakyat kepada kerajaan dalam memperkasa komuniti terhadap usaha menjaga keharmonian nasional.

"Kita yakin inisiatif ini mampu membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan," katanya kepada pemberita selepas pelancaran platform berkenaan di sini hari ini.

RAKAN yang dibangunkan Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN) boleh diakses bermula hari ini menerusi laman sesawang https://rakan.jpnin.gov.my. Aaron berkata semua maklumat individu yang membuat aduan menerusi RAKAN adalah sulit dengan aduan yang diterima akan diteliti oleh Pegawai Perpaduan Daerah (PPD) serta disalurkan kepada agensi berkaitan di peringkat daerah, negeri dan pusat untuk tindakan lanjut.

Selain itu, maklumat berkenaan turut dikongsikan untuk tindakan bersama oleh pihak berkuasa berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Terdahulu, Aaron dalam ucapannya berkata Kementerian Perpaduan Negara menyasarkan peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) kepada sekurang-kurangnya 0.70

Beliau berkata IPNas sebagai satu-satunya instrumen rasmi untukmengukur tahap perpaduan dan keharmonian rakyat di negara inimengeluarkan kajian pertama pada 2018 dengan skor dicatatkanialah 0.567.

"Bagi merealisasikan sasaran skor IPNas 0.70 tahun ini, kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha seperti dialog komuniti, program integrasi pelbagai kaum dan pemerkasaan peranan akar umbi secara berterusan.

"Apa yang penting, meningkatkan skor IPNas bukan semata-mata soal statistik tetapi soal memperkukuh asas sosial negara kita dari tahap persepsi hingga tahap tindakan," katanya.

Aaron berkata KPN juga sedang meneroka pelbagai ruang dan peluang baharu untuk memperkukuh perpaduan melalui teknologi digital seperti penyediaan permohonan dalam talian bagi penubuhan Kawasan Rukun Tetangga, pemerkasaan mekanisme pelaporan dan pemantauan isu perpaduan secara sistematik serta pembangunan analitik data komuniti secara berpusat untuk membuat intervensi bersasar.

"Semua ini sedang digerakkan menerusi pewujudan pangkalan data analitikal komuniti di bawah JPNIN yang dijangka menjadi tulang belakang kepada strategi digital kementerian dalam memperkukuh agenda perpaduan nasional secara lebih holistik dan inklusif," katanya.

Kerajaan lancar platform permudah salur isu perpaduan secara digital

19 Jun 2025

RAKAN dibangunkan bagi memperkukuh sistem penyampaian kerajaan dalam menangani isu sensitif di peringkat komuniti, termasuk berkaitan kaum, agama dan institusi diraja.



Aaron Ago Dagang melancarkan Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) pada town hall keselamatan dan perpaduan negara 2025 di Shah Alam. (Gambar Kementerian Perpaduan Negara)

SHAH ALAM: Kementerian Perpaduan Negara melancarkan platform digital baharu, Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) sebagai saluran rasmi orang awam menyalurkan aduan berkaitan isu perpaduan secara dalam talian.

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata platform itu dibangunkan bagi memperkukuh sistem penyampaian kerajaan dalam menangani isu sensitif di peringkat komuniti, termasuk berkaitan kaum, agama dan institusi diraja.

"RAKAN satu inisiatif mendekatkan rakyat kepada kerajaan dan memperkasa komuniti untuk menjadi mata dan telinga kepada usaha-usaha menjaga keharmonian nasional.

"Saya berharap inisiatif ini bukan sahaja memudahkan urusan penyampaian aduan, tetapi juga mampu membudayakan tanggungjawab sosial di kalangan rakyat terhadap isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan," katanya.

Beliau melancarkan platform itu semasa town hall keselamatan dan perpaduan negara 2025 di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Menurutnya, RAKAN menawarkan kelebihan unik berbanding saluran aduan lain melalui proses digital yang mesra pengguna, respon masa nyata serta perlindungan identiti pengadu.

Jelasnya, ciri-ciri itu menjadikan RAKAN lebih inklusif, selamat dan berkesan dalam menyalurkan aduan serta mendapatkan maklum balas terus daripada pihak berkuasa berkaitan.

Aaron turut mengumumkan beberapa inisiatif digital lain sedang diteroka oleh KPN iaitu penyediaan permohonan atas talian untuk penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan pemerkasaan mekanisme pelaporan.

Pemantauan isu perpaduan secara sistematik dan pembangunan sistem analitik data komuniti secara berpusat bagi membolehkan intervensi bersasar.

"Semua ini sedang digerakkan menerusi pewujudan pangkalan data analitikal komuniti di bawah KPN.

"Ia dijangka menjadi tulang belakang kepada strategi digital kementerian dalam memperkukuh agenda perpaduan nasional secara lebih holistik dan inklusif," katanya.

MalaysiaGazette
SPROUT YOUR MIND

RAKAN: Aduan digital isu perpaduan

19 Jun 2025



SHAH ALAM – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) memperkenalkan Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) bagi memudahkan penyaluran aduan secara digital berkaitan isu-isu perpaduan.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata platform tersebut dilihat akan dapat memperkukuh pengurusan maklumat dan respons terhadap aduan komuniti.

Dalam masa sama katanya, ia meningkatkan kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian di peringkat akar umbi.

"Di sini orang awam boleh gunakan sistem ini, kena daftar di aplikasi ini dengan sistem ini untuk menyalurkan aduan berkaitan isu perpaduan yang pelbagai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Program Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Pusat Konvensyen MBSA.

Jelas beliau, platform itu unik berbanding saluran aduan lain melalui proses digital yang mesra pengguna, respons masa nyata serta perlindungan identiti pengadu.

Menurutnya, ciri-ciri berkenaan menjadikan RAKAN lebih inklusif, selamat dan berkesan dalam menyalurkan aduan serta mendapatkan maklum balas secara terus daripada pihak berkuasa berkaitan.

"RAKAN merupakan satu inisiatif bagi mendekatkan rakyat kepada kerajaan dalam memperkasa komuniti terhadap usaha menjaga keharmonian nasional. Inisiatif ini mampu membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan,"tambahnya.

Katanya, menerusi Dashboard Orang Awam, pengguna turut boleh mengakses statistik aduan mengikut negeri dan kategori, tertakluk kepada tahap akses yang ditetapkan.

"Ini membolehkan tindakan komuniti dilaksanakan secara lebih terarah dan berpandukan data semasa, sekali gus memperkukuh usaha kolektif dalam menyelesaikan isu-isu setempat secara berkesan," katanya lagi.

Mengulas lanjut, Aaron ketika ditanya berkata undang-undang sedia ada sudah cukup untuk menangani isu perpaduan dalam negara.

Bahkan katanya, penggubalan akta baharu dikhuatiri akan mengakibatkan pertindihan penguatkuasaan.

"Undang-undang sedia ada cukup untuk menyelesaikan isu perpaduan, sejak 2020, ada Akta Hasutan juga semuanya ada di dalam itu di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga ada.

"Kalau kita buat (gubal) lagi undang-undang baharu nanti akan bertindih,"katanya lagi.-MalaysiaGazette

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Kerajaan lancar RAKAN tangani aduan isu perpaduan

19 Jun 2025



AARON Ago Dagang melawat reruai pameran keselamatan pada majlis perasmian Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025 dan pelancaran RAKAN, di Shah Alam, Selangor, hari ini. - UTUSAN / AFIQ RAZALI

SHAH ALAM: Kementerian Perpaduan Negara melancarkan platform Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) bagi menangani laporan orang ramai berhubung isu-isu perpaduan di seluruh negara.

Sistem yang dilaksanakan secara dalam talian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) itu membolehkan orang ramai membuat aduan secara terus dan mendapat maklum balas menerusi kaedah yang lebih responsif serta masa nyata (real time).

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, pelancaran sistem tersebut mendekatkan rakyat kepada kerajaan dalam usaha menjaga keharmonian nasional selain membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif.

"Platform itu dibangunkan oleh JPNIN bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan berkaitan isu-isu perpaduan, memperkukuh pengurusan maklumat dan respons serta meningkatkan kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian di peringkat akar umbi.

"Ia memperkasa komuniti untuk menjadi mata dan telinga kepada usaha-usaha menjaga keharmonian nasional," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025 dan pelancaran RAKAN, hari ini.

Tambahnya, maklumat aduan dan datanya akan dipaparkan secara langsung dalam laman web RAKAN yang boleh dilihat oleh orang awam bagi melihat isu dan penyelesaian isu-isu perpaduan termasuk berkaitan bangsa, agama dan institusi diraja (3R).

Jelas Aaron, usaha itu diyakini mampu menangani isu-isu sensitif apabila maklumat aduan akan dikongsikan dengan dua agensi lain iaitu Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan penguatkuasaan.

Selain itu, Aaron memaklumkan kementeriannya menyasarkan peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) kepada 0.70 pada tahun ini berbanding 0.629 pada 2022 yang masih berada dalam julat tahap perpaduan baik dan terkawal.

"Dengan itu, pelbagai usaha seperti dialog komuniti, program integrasi pelbagai kaum dan pemerkasaan peranan akar umbi terus dipergiatkan.

"Meningkatkan skor IPNas bukan semata-mata soal statistik, tetapi memperkukuh asas sosial negara kta dari tahap persepsi hinggalah ke tindakan," jelasnya. – UTUSAN

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

KPN lancar saluran aduan digital RAKAN tangani isu perpaduan

19 Jun 2025



Aaron (tengah) ditemui ketika Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025 serta pelancaran RAKAN di Pusat Konvensyen MBSA pada Khamis.

SHAH ALAM: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mengambil langkah proaktif untuk menangani isu perpaduan dalam kalangan rakyat dengan memperkenalkan saluran aduan digital dikenali sebagai Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN).

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sistem yang dibangunkan secara dalam talian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) itu membolehkan orang ramai membuat aduan secara terus dan mendapat maklum balas melalui kaedah lebih responsif serta masa nyata.

Menurutnya, sistem ini dapat memperkukuh pengurusan maklumat serta respons terhadap aduan termasuk isu sensitif seperti kaum, agama dan institusi diraja (3R) yang berpotensi menjejaskan keharmonian masyarakat.

"Sistem ini berbeza dengan saluran aduan lain kerana ia menggunakan proses digital mesra pengguna, keupayaan respons masa nyata serta jaminan perlindungan identiti pengadu.

"Gabungan elemen ini memberi keyakinan kepada orang ramai untuk tampil menyuarakan aduan mereka secara selamat dan bertanggungjawab serta mendapatkan maklum balas secara terus daripada pihak berkuasa berkaitan.

"Ia memperkasa komuniti untuk menjadi mata dan telinga kepada usaha menjaga keharmonian nasional," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025 serta pelancaran sistem RAKAN di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), di sini pada Khamis.

Tambah Aaron, pengguna juga boleh mengakses statistik aduan mengikut negeri dan kategori, tertakluk kepada tahap akses yang ditetapkan, bagi membolehkan tindakan komuniti dilaksanakan secara terarah dan berpandukan data semasa.

"Pelancaran sistem ini merupakan salah satu inisiatif bagi mendekatkan rakyat dengan kerajaan dalam memperkasa komuniti terhadap usaha menjaga keharmonian nasional, selain membudayakan tanggungjawab sosial terhadap isu sensitif," ujarnya.

Dalam pada itu, menurut Aaron, KPN turut menyasarkan peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) kepada 0.70 pada tahun ini berbanding 0.629 pada 2022, yang masih berada dalam julat tahap perpaduan baik dan terkawal.

Beliau berkata, pelbagai usaha seperti dialog komuniti, program integrasi pelbagai kaum serta pemerkasaan peranan akar umbi terus dipergiatkan bagi mencapai sasaran tersebut.

"Meningkatkan skor IPNas bukan semata-mata soal statistik, tetapi memperkukuh asas sosial negara kita daripada tahap persepsi hingga ke tindakan," katanya.

BERITA RTM

Platform RAKAN: Perkukuh aduan isu perpaduan secara digital

19 Jun 2025



SHAH ALAM, 19 Jun - Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) dilancarkan bagi memudahkan orang ramai menyalurkan aduan secara digital berkaitan isu-isu perpaduan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata, platform tersebut dapat membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu yang boleh menggugat perpaduan.

Ia selain memperkukuh pengurusan maklumat dan maklum balas terhadap aduan komuniti.

"Sistem yang dikenali sebagai RAKAN kini dibuka kepada orang awam. Masyarakat boleh menggunakan sistem ini dengan mendaftar melalui laman web dan kami juga dalam proses membangunkan aplikasi mudah alih bagi memudahkan lagi akses dan penyampaian aduan," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Townhall keselamatan dan Perpaduan Tahun 2025, di sini.

Pelancaran aplikasi itu dilihat sebagai langkah proaktif memperluas jaringan keselamatan negara melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta entiti komuniti seperti Rukun Tetangga (RT) dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) bawah Kementerian Perpaduan.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan mengawal selia isu aduan palsu demi memastikan ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan aplikasi tersebut.

tvs www.tvsarawak.my

KPN lancarkan Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN)

19 Jun 2025



Aaron Ago hadir merasmikan Townhall Keselamatan dan Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Shah Alam hari ini. Foto, TVS.

SHAH ALAM, 19 Jun: Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memperkenalkan platform digital Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) yang membolehkan orang awam menyalurkan aduan berkaitan isu perpaduan dengan lebih mudah, pantas dan selamat.

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, platform ini berfungsi sebagai saluran rasmi untuk meningkatkan keberkesanan sistem pemantauan keselamatan serta keharmonian sosial di peringkat komuniti.

"RAKAN merupakan satu inisiatif yang mendekatkan rakyat kepada kerajaan dan memperkasa komuniti untuk menjadi mata dan telinga kepada usaha-usaha menjaga keharmonian nasional.

"Inisiatif ini bukan sahaja memudahkan urusan penyampaian aduan, tetapi juga mampu membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Townhall Keselamatan dan Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini hari ini.

Menurutnya, RAKAN merupakan kesinambungan daripada sistem eSepakat, yang hanya digunakan dalam kalangan agensi kementerian.

Jelas beliau menerusi RAKAN, penyertaan orang awam dibuka secara menyeluruh sekali gus memperluas capaian aduan dari akar umbi.

"Platform ini dibangunkan menerusi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk memudahkan orang awam menyalurkan aduan secara digital berkaitan isu-isu perpaduan.

"Inisiatif ini juga diperkenalkan bagi memperkukuh pengurusan maklumat dan respons terhadap aduan komuniti serta meningkatkan kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian di peringkat akar umbi," katanya.

Pada masa sama, beliau menyatakan kementeriannya turut melaksanakan pelbagai strategi baharu menggunakan teknologi digital. -TVS.

KOSMO!

RAKAN tangani isu perpaduan lebih efektif

19 Jun 2025



Aaron (tengah) meluncurkan RAKAN pada Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara Peringkat Kebangsaan 2025 di Shah Alam, hari ini. -Foto AFIQ RAZALI

SHAH ALAM – Isu berkaitan perpaduan di seluruh negara ini kini dapat ditangani dengan lebih efektif menerusi platform Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, ia mampu menangani laporan orang ramai selain mendekatkan rakyat kepada kerajaan dalam usaha menjaga keharmonian nasional.

Katanya, ini seterusnya membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif.

"Platform itu dibangunkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan berkaitan isu-isu perpaduan, memperkukuh pengurusan maklumat serta meningkatkan kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian di peringkat akar umbi.

"Ini akan memperkasa komuniti untuk menjadi mata dan telinga kepada usaha-usaha menjaga keharmonian nasional," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025 dan pelancaran RAKAN, hari ini.

Beliau menjelaskan, maklumat aduan dan datanya akan dipaparkan secara langsung dalam laman web RAKAN.

Ujarnya, ini membolehkan orang awam bagi melihat isu dan penyelesaian isu-isu perpaduan termasuk berkaitan bangsa, agama dan institusi diraja (3R).

"Usaha itu diyakini mampu menangani isu-isu sensitif apabila maklumat aduan akan dikongsikan dengan dua agensi lain iaitu Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan penguatkuasaan," tegasnya.

Dalam pada itu, kata Aaron kementeriannya menyasarkan peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) kepada 0.70 pada tahun ini berbanding 0.629 pada 2022 yang masih berada dalam julat tahap perpaduan baik dan terkawal.

"Ini bukan soal statistik tetapi memperkukuh asas sosial negara kta dari tahap persepsi hinggalah ke tindakan.

"Justeru, pelbagai usaha seperti dialog komuniti, program integrasi pelbagai kaum dan pemerkasaan peranan akar umbi terus dipergiatkan," katanya. – KOSMO! ONLINE

OH MY MEDIA

KPN lancar RAKAN, platform tangani isu perpaduan dalam negara

19 Jun 2025



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) melancarkan Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) dalam memudahkan orang awam menyalurkan aduan secara digital berhubung isu-isu perpaduan.

Menterinya, Datuk Aaron Ago berkata RAKAN adalah satu usaha kerajaan dalam memperkukuhkan lagi keselamatan komuniti sekaligus memupuk perpaduan yang mantap.

"RAKAN merupakan satu inisiatif bagi mendekatkan rakyat kepada kerajaan dalam memperkasa komuniti terhadap usaha menjaga keharmonian nasional.

"Inisiatif ini mampu membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan," kata Aaoron pada program Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Pusat Konvensyen MBSA.
RAKAN juga dipercayai sebagai satu usaha memantapkan pengurusan maklumat dan respons terhadap aduan komuniti serta meningkatkan kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian dari akar umbi.

Dalam pada itu, RAKAN memberikan satu keunikan baharu melalui proses digital mesra pengguna, respons masa nyata dan perlindungan identiti pengadu menjadikannya lebih inklusif, selamat dan berkesan dalam menyalurkan aduan serta mendapatkan maklum balas secara terus daripada pihak berkuasa berkaitan.

Aaron berkata menerusi dashboard Orang Awam, pengguna turut boleh mengakses statistik aduan mengikut negeri dan kategori, tertakluk kepada tahap akses yang ditetapkan.

"Ini membolehkan tindakan komuniti dilaksanakan secara lebih terarah dan berpandukan data semasa, sekali gus memperkukuh usaha kolektif dalam menyelesaikan isu-isu setempat," jelasnya.

Untuk info, sesi townhall Keselamatan dan Perpaduan Tahun 2025 mengangakat tema Menjulang Perpaduan, Memperkasa Keselamatan dalam merungkai cabaran semasa perpaduan nasional serta mengukuhkan pendekatan menyeluruh dalam menangani isu-isu keselamatan komuniti, khususnya berkaitan sensitiviti kaum, agama dan institusi diraja (3R).

Malaysia Tribune

RAKAN platform rakyat salur aduan berkaitan perpaduan

19 Jun 2025



MENTERI Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang merasmikan peluncuran Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) sempena Town Hall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025 di Dewan Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam hari ini. - Foto Khadijah Mohamad Nor/Malaysia Tribune

SHAH ALAM – Dalam usaha menangani laporan rakyat mengenai isu-isu perpaduan dan keharmonian, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) hari ini memperkenalkan Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN).

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sistem itu merupakan satu inisiatif yang mendekatkan rakyat kepada kerajaan dan memperkasa komuniti untuk menjadi mata dan telinga terhadap usaha menjaga keharmonian nasional.

"Saya berharap inisiatif ini bukan sahaja memudahkan urusan penyampaian aduan tetapi juga membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan," katanya selepas merasmikan Town Hall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025 di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Tambah Aaron, platform itu dibangunkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan berkaitan isu-isu perpaduan, memperkukuh pengurusan maklumat dan respons serta meningkatkan kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian di peringkat akar umbi.

Selain itu katanya, sebuah aplikasi mudah alih juga akan disediakan bagi memudahkan proses tersebut.

"Ia selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuh kerjasama antara rakyat dan pihak berkuasa dalam menangani cabaran keselamatan harian," ujarnya.

Menurut Aaron lagi, maklumat aduan dan datanya akan dipaparkan secara langsung dalam laman web RAKAN yang boleh dilihat oleh orang awam bagi melihat isu dan penyelesaian isu-isu perpaduan termasuk berkaitan bangsa, agama dan institusi diraja (3R).

"Usaha ini diharap mampu menangani isu-isu sensitif apabila maklumat aduan akan dikongsikan dengan dua agensi lain iaitu Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan penguatkuasaan," jelasnya.

Selain itu, Aaron memaklumkan kementeriannya menyasarkan peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) kepada 0.70 pada tahun ini berbanding 0.629 pada 2022 yang masih berada dalam julat tahap perpaduan baik dan terkawal.

"Meningkatkan skor IPNas bukan semata-mata soal statistik, tetapi memperkukuh asas sosial negara kita dari tahap persepsi hinggalah ke tindakan," jelasnya.

Tidak ketinggalan, Aaron juga menyeru rakyat agar menggunakan kuasa sivil dalam membuat pilihan etika berdepan cabaran salah guna teknologi.

"Kita mungkin tidak memegang senjata seperti anggota keselamatan, namun kita mempunyai kuasa sivil iaitu kuasa untuk membuat pilihan bijak, menolak kebencian dan menanam benih keamanan," tegasnya.

星洲日报 SIN CHEW DAILY
2025年06月19日

团结部：涉种族宗教社区等 危害团结可投报RAKAN



艾伦达干：RAKAN举报平台为eSepakat的延伸，让公众可直接投报攸关危害团结的事件。（高建业摄）

（沙亚南19日讯）国家团结部从即日起推出国家公共社区投诉链接（RAKAN）数字平台，让民众可针对发生在社区的危害和谐及安全事件，直接做出投报。

团结部长拿督艾伦达干今日在雪州沙亚南出席2025年安全及团结市政对话，并为这项首次面向公众开放的RAKAN举报平台主持推介礼指出，RAKAN是该部电子共识系统（eSepakat）的延伸，因后者只

举报人个资保密

他强调，举报人的所有资料都获得保密，只供县团结官展开调查及跟进之用，并交由县级、州级或中央级的相关机关配合处理。

他透露，凡涉及足以威胁国民团结的传言或征兆、造成种族及宗教紧张的事件、涉及种族、歧视或亵渎宗教的事件、足以破坏和谐的社区冲突、及任何足以酿成社区紧张情势的事情等，都可直接投报。

他指出，县团结官在接获投报后，会在有必要情况下，联系投报人获取进一步详情、透过实地走访、调解、对话及推动团结活动展开介入、自动发送进度通知予投报人。

截至目前，RAKAN举报平台只能通过官网进行，团结部未来或会开发手机应用程式。由团结部内部资讯工艺组开发的这项平台，未来可让民众浏览依据州属和各别领域的统计数据。

RAKAN结合各执法单位

艾伦达干相信，随着团结部把RAKAN系统结合其他执法单位，包括内政部、大马皇家警察、通讯部及大马通讯及多媒体委员会共享讯息后，在遏制和打击危害团结的事件上更具效果。

他强调，团结部在遏制、初期介入和复原社区方面扮演重要角色，比如透过早前的eSepakat平台，对出现鼓吹仇恨、种族和宗教的事件进行监督和收集投诉，交予相关执法机关即刻采取行动。

出席嘉宾有团结部副秘书长莫哈末梭比里、国民团结及融合局副总监（行动）祖基菲里哈欣及雪州副总警长莫哈末再尼副警察总监等。

放眼今年团结指数增至0.7

艾伦达干放眼，国家团结指数（IPNas）能在今年进一步上升至0.7，高于2018年首次展开全国调查工作的0.567和2022年的0.629。
他认为，为了达致0.7目标，各项努力如社区对话、涉及全民各族的介入活动和巩固基层角色等，必须持续进行，重申提高团结指数并非只是一项统计数字，而是涵盖各项观感与印象的建构国家社会基石。

他举例，团结部在全国设有571所社区调解链接，2024年在县级解决了215宗案例，省略被带上法庭、成立13所社区调解中心，以和平和不偏袒手法解决非诉讼争端。

“团结部成立涵盖12个政府部门及机关的处理团结事务委员会，专司紧急应对足以威胁国民团结的敏感事件、运用团结分析看板，鉴定容易发生种族紧张的热点区，以展开针对性介入举措。”

NEW STRAITS TIMES

Digital platform 'Rakan' to tackle unity-related complaints

19 June 2025



A screengrab of digital platform 'Rakan', aims to tackle unity-related complaints - PIC TAKEN FROM RAKAN'S WEBSITE

SHAH ALAM: The National Unity Ministry has introduced a new initiative, the National Public Community Complaints Network (Rakan), as a dedicated digital platform to facilitate public complaints related to unity issues.

Its minister Datuk Aaron Aro Dagang said the platform will strengthen the management of information and responses to community complaints while enhancing the efficiency of monitoring systems for safety and harmony at the grassroots level.

"Rakan is an initiative to bring the public closer to the government in empowering communities to maintain national harmony.

"We are confident this initiative can foster a sense of social responsibility among the public in addressing sensitive issues that could threaten unity," he told reporters after launching the platform here today.

Developed by the National Unity and Integration Department, Rakan is accessible starting today via the website https://rakan.jpnin.gov.my.

Aaron assured that all complaint information will be kept confidential, where district unity officers will review the reports and share them with the right agencies at local, state, or national levels.

Authorities like the police and Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) will also be involved when needed.

Earlier in his speech, Aaron said the ministry aims to raise the National Unity Index (IPNas) score to at least 0.70 this year, up from 0.629 in 2022.

He said IPNas is the country's only official tool for measuring national unity and harmony, which recorded its first score in 2018 at 0.567.

"To achieve the target IPNas score of 0.70 this year, the ministry has implemented various efforts, including community dialogues, multi-ethnic integration programmes and continuous empowerment of grassroots roles.

"Importantly, improving the IPNas score is not just about statistics but about strengthening the nation's social foundation, from perception to action," he said.

Aaron said the ministry is actively exploring new digital avenues to strengthen unity, including online applications for Rukun Tetangga (neighbourhood watch) formations, enhancing systematic reporting and monitoring mechanisms and developing a centralised community data analytics system for targeted interventions.

He said these efforts are being driven through the creation of a community analytics database under the department, which is expected to form the backbone of the ministry's digital strategy in advancing a more holistic and inclusive national unity agenda.
– Bernama

theSun

KPN perkenal RAKAN, platform digital salur aduan berkaitan isu perpaduan

19 Jun 2025



SHAH ALAM: Kementerian Perpaduan Negara memperkenalkan inisiatif baharu Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) sebagai platform khusus bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan secara digital berkaitan isu perpaduan.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata platform itu bagi memperkukuh pengurusan maklumat dan maklum balas terhadap aduan komuniti serta meningkatkan kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian di peringkat akar Umbi.

"RAKAN merupakan satu inisiatif bagi mendekatkan rakyat kepada kerajaan dalam memperkasa komuniti terhadap usaha menjaga keharmonian nasional.

"Kita yakin inisiatif ini mampu membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan," katanya kepada pemberita selepas pelancaran platform berkenaan di sini hari ini.

RAKAN yang dibangunkan Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN) boleh diakses bermula hari ini menerusi laman sesawang https://rakan.jpnin.gov.my.

Aaron berkata semua maklumat individu yang membuat aduan menerusi RAKAN adalah sulit dengan aduan yang diterima akan diteliti oleh Pegawai Perpaduan Daerah (PPD) serta disalurkan kepada agensi berkaitan di peringkat daerah, negeri dan pusat untuk tindakan lanjut.

Selain itu, maklumat berkenaan turut dikongsikan untuk tindakan bersama oleh pihak berkuasa berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Terdahulu, Aaron dalam ucapannya berkata Kementerian Perpaduan Negara menyasarkan peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) kepada sekurang-kurangnya 0.70 tahun ini berbanding 0.629 pada 2022.

Beliau berkata IPNas sebagai satu-satunya instrumen rasmi untuk mengukur tahap perpaduan dan keharmonian rakyat di negara ini mengeluarkan kajian pertama pada 2018 dengan skor dicatatkan ialah 0.567.

"Bagi merealisasikan sasaran skor IPNas 0.70 tahun ini, kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha seperti dialog komuniti, program integrasi pelbagai kaum dan pemerkasaan peranan akar umbi secara berterusan.

"Apa yang penting, meningkatkan skor IPNas bukan semata-mata soal statistik tetapi soal memperkukuh asas sosial negara kita dari tahap persepsi hingga tahap tindakan," katanya.

Aaron berkata KPN juga sedang meneroka pelbagai ruang dan peluang baharu untuk memperkukuh perpaduan melalui teknologi digital seperti penyediaan permohonan dalam talian bagi penubuhan Kawasan Rukun Tetangga, pemerkasaan mekanisme pelaporan dan pemantauan isu perpaduan secara sistematik serta pembangunan analitik data komuniti secara berpusat untuk membuat intervensi bersasar.

"Semua ini sedang digerakkan menerusi pewujudan pangkalan data analitikal komuniti di bawah JPNIN yang dijangka menjadi tulang belakang kepada strategi digital kementerian dalam memperkukuh agenda perpaduan nasional secara lebih holistik dan inklusif," katanya.

tvs www.tvsarawak.my

RAKAN saluran aduan komuniti inklusif

20 Jun 2025

Architects of Diversity

AOD menyatakan RAKAN bukan sekadar saluran aduan tetapi ruang yang membolehkan rakyat menyuarakan kebimbangan terhadap insiden yang boleh menjejaskan keharmonian komuniti dengan lebih mudah, selamat dan tersusun

KUALA LUMPUR, 20 Jun – Architects of Diversity Malaysia (AOD) menyambut baik pelancaran Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang disifatkan sebagai langkah penting menggabungkan teknologi, kesedaran sivik dan dasar perpaduan dalam satu sistem lebih inklusif dan mesra rakyat.

Dalam kenyataan hari ini, AOD menyatakan, RAKAN bukan sekadar saluran aduan tetapi platform yang membolehkan rakyat menyuarakan kebimbangan terhadap isu yang menjejaskan keharmonian komuniti secara lebih mudah, selamat dan tersusun.

"Berdasarkan dapatan State of Discrimination Survey 2023 yang dijalankan AOD, satu daripada tiga anak muda di Malaysia pernah mengalami diskriminasi berasaskan kaum atau agama. Namun hampir separuh tidak tahu di mana untuk membuat aduan manakala saluran sedia ada dilihat terlalu formal dan tidak mesra pengguna," jelas kenyataan itu.

Sehubungan itu, kewujudan RAKAN dianggap sebagai penyelesaian kepada jurang penyampaian yang wujud sejak sekian lama sekali gus memperkukuh keupayaan kerajaan bertindak berdasarkan maklumat akar umbi.

AOD turut menyifatkan inisiatif tersebut sebagai bukti komitmen KPN dalam mendigitalkan mekanisme penyelesaian isu perpaduan dengan lebih cekap dan berasaskan data masa nyata.

"RAKAN adalah manifestasi usaha membina semula kepercayaan rakyat terhadap institusi serta meletakkan suara komuniti sebagai teras utama dalam merangka dasar perpaduan berkesan," menurut kenyataan tersebut.

Langkah tersebut jelas AOD membuktikan keharmonian bukan sekadar slogan tetapi tanggungjawab bersama yang kini dipermudahkan dengan saluran lebih efektif.-TVS

FMT

RAKAN manifestasi kerajaan selesai isu perpaduan, kata pertubuhan

20 Jun 2025



Semalam, Kementerian Perpaduan Negara melancarkan Platform Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN). (Gambar Kementerian Perpaduan Negara)

PETALING JAYA: Menyelesaikan isu perpaduan secara lebih pantas dan berpandukan masa nyata menjadi manifestasi diharapkan pelbagai lapisan masyarakat, kata sebuah pertubuhan.

Sehubungan itu, Architects of Diversity Malaysia (AOD) menyifatkan pengenalan Platform Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) sebagai kesungguhan kerajaan bertindak atas maklumat akar umbi.

Pertubuhan itu mendedahkan kajian dapatan State of Discrimination Survey 2023 mendapati satu daripada tiga anak muda di Malaysia melaporkan pernah mengalami diskriminasi berasaskan kaum atau agama. Namun jelasnya hampir separuh daripadanya tidak mengetahui saluran aduan manakala sebahagian besar merasakan platform sedia ada terlalu formal dan kurang mesra pengguna.

"Sebagai organisasi bergiat aktif dalam memupuk keharmonian sosial dan menangani diskriminasi rentas kaum dan agama, AOD melihat RAKAN sebagai satu langkah penting.

"Platform itu menggabungkan teknologi, kesedaran sivik dan dasar perpaduan dalam satu kerangka yang lebih sistematik dan inklusif," katanya dalam kenyataan.

"Ia langkah ke depan dalam memastikan keharmonian bukan sekadar slogan, tetapi tanggungjawab bersama dengan platform betul."

Semalam, Kementerian Perpaduan Negara melancarkan platform digital baharu RAKAN sebagai saluran rasmi orang awam menyalurkan aduan berkaitan isu perpaduan secara dalam talian.

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata platform itu dibangunkan bagi memperkukuh sistem penyampaian kerajaan dalam menangani isu sensitif di peringkat komuniti, termasuk berkaitan kaum, agama dan institusi diraja.

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata platform atas talian itu dibangunkan bagi memperkukuh sistem penyampaian kerajaan dalam menangani isu sensitif di peringkat komuniti, termasuk berkaitan kaum, agama dan institusi diraja.

RAKAN juga menawarkan kelebihan unik berbanding saluran aduan lain melalui proses digital yang mesra pengguna, respon masa nyata serta perlindungan identiti pengadu.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

RAKAN perkasa peranan rakyat tangani isu perpaduan

21 Jun 2025



AARON Ago Dagang melancarkan RAKAN pada majlis perasmian Townhall Perpaduan dan Keselamatan Negara 2025 di Shah Alam, Selangor. - UTUSAN / AFIQ RAZALI

KEBIMBANGAN terhadap isu-isu sensitif termasuk bangsa, agama dan institusi diraja (3R) yang menjadi cabaran kepada perpaduan negara kini memerlukan pendekatan daripada rakyat menerusi penyelesaian secara terus dan lebih cepat.

Ini kerana, apabila melihat laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sejak 2023 hingga Mei lalu, sebanyak 40,515 kandungan berpotensi menjadi berita palsu dikenal pasti dan dilaporkan oleh penyedia platform.

Sebanyak 11,819 daripadanya menyentuh isu 3R dilaporkan untuk diturunkan dan daripada itu sebanyak 7,571 kandungan sudah pun dipadam.

Dari sudut penguatkuasaan undang-undang pula, Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuka 99 kertas siasatan antara 1 Disember 2023 hingga 13 Mei lalu yang melibatkan 58 kes berkaitan institusi diraja, 32 agama dan sembilan kaum.

Justeru, Kementerian Perpaduan Negara mengambil pendekatan lebih efektif dengan melibatkan rakyat untuk berperanan sebagai mata dan telinga kepada pemeliharaan perpaduan melalui pelancaran Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN).

RAKAN merupakan sistem dibangunkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang membolehkan orang awam membuat aduan berkenaan isu yang mengancam keharmonian dan keselamatan komuniti secara terus dan maklumat itu akan disalurkan kepada PDRM dan SKMM.

RAKAN penting untuk memudahkan penyaluran maklumat, memberdaya peranan komuniti, membolehkan pengurusan maklumat lebih sistematik dan berpusat serta menyokong intervensi berdasarkan data nyata (real time).

Kementerian akan menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan sebagai sekretariat utama dalam menyelaras data berpusat (centralised data) berkaitan isu 3R. Data itu akan dihimpunkan secara sistematik daripada sistem RAKAN, kertas siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Laporan komprehensif ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri setiap suku tahun secara konsisten.

Untuk mengemukakan aduan, orang ramai boleh melayari rakan.jpnin.gov.my dan mendaftar sebagai pengguna, kemudian mengisi borang aduan dan melampirkan bukti sokongan seperti gambar, video dan sebagainya sebelum klik hantar.

Malah, orang awam boleh menyemak statistik serta perkembangan pelbagai isu dalam komuniti masing-masing melalui Dashboard Orang Awam. Platform ini membolehkan pengguna mengakses data berdasarkan negeri dan kategori, tertakluk kepada tahap akses yang ditetapkan.

Kini ancaman datang dalam pelbagai bentuk jenayah rentas sempadan, ekstremisme, penyalahgunaan media sosial yang menyebarkan kebencian dan ketegangan dalam komuniti akibat manipulasi isu-isu perkauman dan keagamaan.

Selain itu, pemimpin politik juga perlu menunjukkan keteladanan yang tinggi dalam tutur kata dan tindakan serta mengutamakan keamanan negara melebihi kepentingan peribadi atau partisan.

Kita mungkin tidak memegang senjata seperti anggota keselamatan, namun kita mempunyai kuasa sivil untuk membuat pilihan bijak, menolak kebencian dan menanam benih keamanan. Maka saya menyeru semua untuk bergerak ‘segulai sejalai’.

Tidak ketinggalan ibu bapa juga memikul tanggungjawab besar dalam menyemai nilai murni, hormat-menghormati dan kasih saya kepada anak-anak, kerana asas perpaduan bermula dari institusi keluarga. – UTUSAN

OH MY MEDIA

NGO sambut baik inisiatif RAKAN, langkah positif ke arah perdamaian nasional

20 Jun 2025



Architects of Diversity Malaysia (AOD) sambut baik inisiatif RAKAN atau Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional serta menyatakan sokongan penuh terhadap pelancaran platform ini yang dilaksana oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 19 Jun 2025.

Sebagai organisasi yang bergiat aktif dalam memupuk keharmonian sosial dan menangani diskriminasi rentas kaum dan agama, AOD melihat RAKAN sebagai satu langkah penting yang menggabungkan teknolgoi, kesedaran sivik dan dasar perpaduan dalam satu kerangka yang lebih sistematik dan inklusif.

NGO sambut baik inisiatif RAKAN KPN

"AOD sambut baik inisiatif RAKAN. Ia bukan sekadar sebuah saluran aduan, tetapi ruang yang membolehkan rakyat menyuarakan kebimbangan terhadap insiden yang boleh menjejaskan keharmonian komuniti dengan lebih mudah, selamat dan tersusun," kata AOD dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, AOD turut memaklumkan bahawa satu daripada tiga anak muda di Malaysia melaporkan pernah mengalami diskriminasi berasaskan kaum atau agama.

"Menerusi dapatan State of Discrimination Survey 2023, AOD turut mendapati bahawa hampir separuh daripada responden tidak mengetahui ke mana mahu menyalurkan aduan mereka.

"Manakala sebahagian besar merasakan saluran sedia ada terlalu formal dan kurang mesra pelanggan, terutama bagi isu yang berlaku di peringkat komuniti," ujar AOD.

Pada masa yang sama, AOD turut berkata kewujudan RAKAN amat signifikan kerana ia menjawab jurang penyampaian yang telah lama wujud, sekaligus memperkukuh keupayaan kerajaan untuk bertindak berdasarkan maklumat akar umbi.

"Inisiatif ini turut menunjukkan kesungguhan Kementerian Perpaduan Negara untuk mendigitalkan mekanisme penyelesaian isu perpaduan seperti yang dibentangkan oleh Menteri KPN dalam Townhall Keselamatan dan Perpaduan 2025 agar lebih pantas, menyeluruh dan berpandukan data masa nyata," kata AOD.

AOD melihat RAKAN sebagai manifestasi komitmen kerajaan dalam membina semula kepercayaan rakyat terhadap institusi serta meletakkan suara komuniti sebagai teras kepada perpaduan yang berkesan.

Langkah positif kearah perdamaian nasional, AOD sambut baik inisiatif RAKAN

Ia adalah langkah ke hadapan dalam memastikan keharmonian bukan sekadar slogan tetapi tanggungjawab bersama yang dipermudahkan dengan alat yang betul.

e南洋 您的创富伙伴

团结部RAKAN数字平台　促进安全与团结・构建和谐未来

2025年06月21日

马来西亚国民团结部通过国家团结及融合局（JPNIN）正式推介“国家公共社区投诉网络”（RAKAN）数字平台，为民众提供数字化渠道，以便捷有效的方式提交涉及国民团结与社会和谐的投诉。这个平台旨在通过高效的数据滚利和实时响应机制，强化社区安全监测，促进社会凝聚力，实现真正的国民团结，构建和谐未来。

RAKAN平台核心优势

RAKAN平台以简单方便的数字化流程，提供实时响应机制，并严格保护投诉人身份，比起传统投诉渠道更具包容性、安全和高效。



国民团结部“2025年国际安全及团结大会”开幕仪式，左起为莫哈末再尼、祖基菲里、艾伦达干、莫哈末索利以及胡祖努凯迪。

RAKAN平台的主要功能包括：

- 投诉管理优化：强化社区投诉的接收、处理和反馈流程，提升基层安全与和谐监测系统的效率。
- 数据驱动决策：通过公共数据看板（dashboard orang awam），用户可根据预设的访问级别，浏览按照州属和类别划分的投诉统计数据，这使得社区行动更具针对性，从而实施精准政策，解决地方问题。
- 社会参与赋能：鼓励民众积极举报可能影响民族团结的事件，培养社会责任意识。

民众可通过RAKAN平台举报任何可能威胁社会和谐的行为和事件，包括：

- 涉及种族或宗教的紧张事件
- 种族歧视、宗教侮辱或煽动性言论
- 可能破坏社区和谐的冲突
- 任何可能引发社会紧张局势的早期迹象

如何使用RAKAN平台？

- 登录官网：https://rakan.jpnin.gov.my/
- 实名注册账户
- 填写投诉表格（需提供事件详情、地点及支持证据，如照片或视频）
- 提交投诉，并通过个人看板追踪处理进展。

强化民族团结的数字化策略

马来西亚国民团结部举办“2025年国家安全与国民团结大会”（TOWNHALL），汇聚大约500名来自各个政府机构、非政府组织、社区领袖、协调员及团结代表，共同探讨当前国民团结所面临的挑战，尤其是涉及种族、宗教和王室（3R）的敏感议题。

大会以“促进团结，强化安全”为主题，与会者也深入探讨如何加强应对社区安全问题及有效可行的解决方案，共同努力构建更具包容性和韧性的马来西亚。

国民团结部长拿督艾伦达干偕同该部副秘书长莫哈末索利、国民团结部及和谐局（执行）副总监祖基菲里、雪州副总警长莫哈末再尼及八打灵县官员胡祖努凯迪等人主持开幕。

艾伦达干强调，RAKAN是政府与民众之间的重要桥梁，旨在通过社区赋权，共同维护国家和谐。该部希望通过这一举措高民众对敏感社会议题的责任感。

此外，该部也不断探索各种新策略，通过数字技术加强团结，包括：

-在线申请社区睦邻计划：简化组织设立流程

-系统化报告和监测团结问题的机制：提升问题发现和解决的效率

-开发集中式社区数据分析系统：以便进行有针对性的施策，精准干预和解决问题

艾伦达干：大马面临双重挑战

艾伦达干说，我国当前正面临传统与新型挑战的双重压力，包括跨境犯罪、极端主义、社交媒体滥用导致社区内因种族和宗教问题被操纵而散布仇恨和紧张。

为系统性应对这些挑战，政府开发并采用“国民团结指数”（IPNas）作为衡量国民团结与和谐程度的官方工具。

根据2018年的首次调查，国民团结指数为0.567分，2022年升至0.629分，处于良好可控水平。

“我们目标是在今年将IPNas提升至0.70以上，以进一步巩固社会和谐基础。”

面对日趋严峻的挑战，政府采取“双轨制”应对策略，一方面强化执法力度，由内政部、皇

家警察等多部门联合行动，依法打击破坏国民团结的言行，并通过总检察署审核确保每起案件的处理程序合法合规。

另一方面则着重预防机制建设，包括建立覆盖全国的571人专业调解员队伍（今年已成功调解215起社会纠纷）、设立13个非诉讼调解中心，以及开发具有实时监测功能的eSepakat仇恨言论预警系统，形成全方位的社会矛盾化解网络。

他明确表示，政治领袖也必须在言行上展现高度的榜样作用，并将国家和平置于个人或党派利益之上。

“我们可能不像安全部队那样手持武器，但我们拥有公民权力来做出明智的选择，拒绝仇恨并播下和平的种子。因此，我呼吁所有人‘同心协力’。”

他也提醒，家长们也肩负重大责任，要向孩子们灌输高尚的价值观、互相尊重和爱，因为团结的基础从家庭开始。

多元社会难免存在隔阂，而跨越族群藩篱更需智慧。马来西亚国家团结部任重道远，更用心良苦。艾伦达干强调：“国家安全与社会和谐不单单是军队、警察或政府的责任，更是每一位马来西亚公民的共同责任。”

媒体虚假信息泛滥

逾4万宗3R议题举报

马来西亚通讯及多媒体委员会报告指出，从2023年至今年5月已有多达4万515宗疑为虚假新闻的内容举报，其中1万1819宗举报涉及3R问题的内容已被要求删除，另有7571宗遭举报的内容已被移除。

在执法方面，大马皇家警察在2023年12月1日至今年5月13日期间，共立案99宗调查，其中58宗涉及皇室机构、32宗涉及宗教、9宗涉及种族。

因此，国民团结部通过启动RAKAN系统，允许公众直接投诉威胁社区和谐与安全的问题，并将信息传达给警方和通讯及多媒体委员会。

艾伦达干强调，该部将团结问题管理委员会（JPIP）作为主要协调单位，负责有关3R问题的集中数据，这些数据将从RAKAN系统、警方的调查文件以及多媒体委员会的报告中有系统性地收集并整理，这份综合报告将在每个季度定期呈交给内阁。（资讯）

Malaysia Tribune

Satu daripada tiga anak muda alami diskriminasi, RAKAN jadi saluran baharu rakyat bersuara

20 Jun 2025



KUALA LUMPUR – Isu diskriminasi dalam kalangan anak muda di negara ini semakin membimbangkan apabila dapatan kajian ‘State of Discrimination Survey 2023’ mendedahkan satu daripada tiga anak muda Malaysia mengakui pernah berdepan diskriminasi berasaskan kaum atau agama.

Lebih memburukkan keadaan, majoriti daripada mereka tidak tahu ke mana hendak mengadu atau tidak yakin terhadap keberkesanan saluran sedia ada.

Menyedari keperluan itu, pelancaran platform Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) oleh Kementerian Perpaduan Negara baru-baru ini dilihat sebagai langkah berani dan tepat dalam memberi ruang kepada masyarakat untuk bersuara dan bertindak balas terhadap diskriminasi yang berlaku di peringkat akar umbi.

Menurut kenyataan Architects of Diversity Malaysia (AOD), RAKAN bukan sekadar menjadi saluran aduan semata-mata, malah berfungsi sebagai platform pemerkasaan komuniti dalam membina dasar perpaduan yang lebih responsif dan berpaksikan realiti rakyat.

“Separuh daripada responden kajian tidak pasti saluran aduan yang sesuai, manakala ramai merasakan mekanisme sedia ada terlalu formal dan tidak inklusif.

“RAKAN hadir sebagai penyelesaian kepada jurang ini, dengan menawarkan akses mudah, cepat dan mesra pengguna yang lebih serasi dengan keperluan masyarakat pelbagai latar belakang,” kata pertubuhan bukan kerajaan itu.

Katanya, pelancaran itu RAKAN juga selari dengan saranan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang bahawa perpaduan bukan hanya slogan, sebaliknya satu amanah besar yang perlu digalas bersama, termasuk melalui sistem aduan yang lebih berkesan.

Menurut AOD lagi, pelaksanaan RAKAN bukan sahaja mencerminkan kesungguhan kerajaan dalam menangani isu diskriminasi, malah turut berperanan memulihkan kepercayaan rakyat terhadap institusi dan dasar perpaduan negara.

“Setiap suara rakyat penting. Melalui RAKAN, aduan tidak lagi terpinggir, dan rakyat tidak lagi dibiarkan bersendirian dalam menghadapi diskriminasi,” ujarnya.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU
21 Jun 2025

RAKAN perkasa peranan rakyat tangani isu perpaduan



AARON Ago Dagang melancarkan RAKAN pada majlis perasmian Townhall Perpaduan dan Keselamatan Negara 2025 di Shah Alam, Selangor. - UTUSAN / AFIQ RAZALI

KEBIMBANGAN terhadap isu-isu sensitif termasuk bangsa, agama dan institusi diraja (3R) yang menjadi cabaran kepada perpaduan negara kini memerlukan pendekatan daripada rakyat menerusi penyelesaian secara terus dan lebih cepat.

Ini kerana, apabila melihat laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sejak 2023 hingga Mei lalu, sebanyak 40,515 kandungan berpotensi menjadi berita palsu dikenal pasti dan dilaporkan oleh penyedia platform.

Sebanyak 11,819 daripadanya menyentuh isu 3R dilaporkan untuk diturunkan dan daripada itu sebanyak 7,571 kandungan sudah pun dipadam.

Dari sudut penguatkuasaan undang-undang pula, Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuka 99 kertas siasatan antara 1 Disember 2023 hingga 13 Mei lalu yang melibatkan 58 kes berkaitan institusi diraja, 32 agama dan sembilan kaum.

Justeru, Kementerian Perpaduan Negara mengambil pendekatan lebih efektif dengan melibatkan rakyat untuk berperanan sebagai mata dan telinga kepada pemeliharaan perpaduan melalui pelancaran Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN).

RAKAN merupakan sistem dibangunkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang membolehkan orang awam membuat aduan berkenaan isu yang mengancam keharmonian dan keselamatan komuniti secara terus dan maklumat itu akan disalurkan kepada PDRM dan SKMM.

RAKAN penting untuk memudahkan penyaluran maklumat, memberdaya peranan komuniti, membolehkan pengurusan maklumat lebih sistematik dan berpusat serta menyokong intervensi berdasarkan data nyata (real time).

Kementerian akan menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan sebagai sekretariat utama dalam menyelaras data berpusat (centralised data) berkaitan isu 3R. Data itu akan dihimpunkan secara sistematik daripada sistem RAKAN, kertas siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Laporan komprehensif ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri setiap suku tahun secara konsisten.

Untuk mengemukakan aduan, orang ramai boleh melayari rakan.jpnin.gov.my dan mendaftar sebagai pengguna, kemudian mengisi borang aduan dan melampirkan bukti sokongan seperti gambar, video dan sebagainya sebelum klik hantar.

Malah, orang awam boleh menyemak statistik serta perkembangan pelbagai isu dalam komuniti masing-masing melalui Dashboard Orang Awam. Platform ini membolehkan pengguna mengakses data berdasarkan negeri dan kategori, tertakluk kepada tahap akses yang ditetapkan.

Kini ancaman datang dalam pelbagai bentuk jenayah rentas sempadan, ekstremisme, penyalahgunaan media sosial yang menyebarkan kebencian dan ketegangan dalam komuniti akibat manipulasi isu-isu perkauman dan keagamaan.

Selain itu, pemimpin politik juga perlu menunjukkan keteladanan yang tinggi dalam tutur kata dan tindakan serta mengutamakan keamanan negara melebihi kepentingan peribadi atau partisan.

Kita mungkin tidak memegang senjata seperti anggota keselamatan, namun kita mempunyai kuasa sivil untuk membuat pilihan bijak, menolak kebencian dan menanam benih keamanan. Maka saya menyeru semua untuk bergerak 'segulai sejalai'.

Tidak ketinggalan ibu bapa juga memikul tanggungjawab besar dalam menyemai nilai murni, hormat-menghormati dan kasih saya kepada anak-anak, kerana asas perpaduan bermula dari institusi keluarga. – UTUSAN

Sinar Harian

KPN perkenal RAKAN tangani isu perpaduan

21 Jun 2025



KPN perkenal RAKAN tangani isu perpaduan

Aaron (tiga dari kiri) melancarkan gimik pada Majlis Perasmian Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam pada Khamis.

Saluran aduan digital lindungi identiti pengadu, respons dalam masa nyata

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD
SHAH ALAM

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) mengambil langkah proaktif untuk menangani isu perpaduan dalam kalangan rakyat dengan memperkenalkan saluran aduan digital dikenali sebagai Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN).

Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, sistem yang dibangunkan secara dalam talian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) itu membolehkan orang ramai membuat aduan secara terus serta mendapat maklum balas menerusi kaedah yang lebih responsif dan masa nyata.

Menurutnya, sistem ini dapat memperkukuh pengurusan maklumat serta respons terhadap aduan termasuk isu sensitif seperti kaum, agama dan institusi diraja (3R) yang berpotensi menjejaskan keharmonian masyarakat.

"Sistem ini berbeza dengan saluran aduan lain melalui proses digital mesra pengguna, keupayaan respons masa nyata serta jaminan perlindungan identiti pengadu.

"Gabungan elemen ini memberi keyakinan kepada orang ramai untuk tampil menyuarakan aduan mereka secara selamat dan bertanggungjawab serta mendapatkan maklum balas secara terus daripada pihak berkuasa berkaitan.

"Ia memperkasa komuniti untuk menjadi mata dan telinga kepada usaha-usaha menjaga keharmonian nasional," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025 serta pelancaran sistem RAKAN di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini, pada Khamis.

Tambah Aaron, pengguna juga boleh mengakses statistik aduan mengikut negeri dan kategori, tertakluk kepada tahap akses yang ditetapkan bagi memboleh kan tindakan komuniti dilaksanakan secara terarah dan berpandukan data semasa.

"Pelancaran sistem ini merupakan salah satu inisiatif untuk mendekatkan rakyat dengan kerajaan dalam memperkasa komuniti terhadap usaha menjaga keharmonian nasional, selain membudayakan tanggungjawab sosial terhadap isu sensitif," ujarnya.

Menurut Aaron, KPN turut menyasarkan peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) kepada 0.70 pada tahun ini berbanding 0.629 pada 2022, yang masih berada dalam julat tahap perpaduan baik dan terkawal.

Tambahnya, pelbagai usaha seperti dialog komuniti, program integrasi pelbagai kaum dan pemerkasaan peranan akar umbi terus dipergiatkan bagi mencapai sasaran tersebut.

星洲日報
SIN CHEW DAILY

20 Jun 2025



艾伦达干（左三起）颁发团结部贺岐伙伴证书，予雪州太平局峇公会会长拿督黄腾英。左一起两尼和俊比熙；右一担基时昌。（高建业摄）

危害團結

團結部：涉種族宗教社區等

可投報RAKAN

（沙亞南19日訊）國家團結部从即日起推出國家公共社区投诉转接（RAKAN）数字平台，让民众可针对发生在社区的危害和谐及安全事件，直接做出投报。

团结部长拿督艾伦达干今日在雪州沙亞南出席2025年安全及团结事務对话，并为这项首次面向公众开放的RAKAN举报平台主持推介礼揭出，RAKAN是依部电子治讯系统（eSepakat）的延伸，国后者只供县团结官使用及收集投诉案例。

举报人个资保密

他说，民众可从即日起登入官网https://rakan.jpnin.gov.my，登记基本资料并设注册帐户，即可在网上完整填妥事件详情和附上照片及视频为证，之后还可查入案户最进事件的进展。

他强调，举报人的所有资料都获得保密，只供县团结官员开展查及跟进之用，并交由县级、州级或中央级的相关机关处理。

他透露，凡牵及足以破坏国民团结的传言或部先，意或种族及宗教罪涉的事件，涉及种族、歧视或损宗教的事件，足以破坏和谐的社区神经，及任何足以酿成社区紧张情势的事情等，都可直接投报。

他指出，县团结官在接获投报后，会在有必要情况下，联系投报人获取进一步详情，透过实地走访、调解、对话及推动团结活动展开介入，自动发送进度通知予投报人。

截至目前，RAKAN举报平台只能通过官网进行，团结部未来或会开发手机应用程式，由团结部内部资讯工艺组开发的这项平台，未来可让民众浏览依据州属和各县级的统计数据。

RAKAN
结合各执法单位

艾伦达干相信，随着团结部把RAKAN系统结合其他执法单位，包括内政部、大马皇家警察、通讯部及大马通讯及多媒体委员会共享讯息后，在遏制和打击危害团结的事件上更具效果。

他强调，团结部在遏制、初期介入和复原社区方面扮演重要角色，比如透过早前的eSepakat平台，对出现敌对仇恨、种族和宗教的事件进行监管和收集投诉，交予相关执法机关即刻采取行动。

出席嘉宾有团结部副秘书长莫哈末纳比里、国民团结及融合局副总监（行动）祖基菲思哈欧及雪州副总警长莫哈末西尼副警察总监等。

放眼今年團結指數增至0.7

艾伦达干说，国家团结指数（IPNas）能在今年进一步上升至0.7，高于2018年首次展开全国调查工作时的0.567和2022年的0.629。

他认为，为了达致0.7目标，各项努力如社区对话，涉及全民各族各界人士活动和巩固基层角色等，必须持续进行，重申提高团结指数并非只是一项统计数字，而是输造各项感与印象的建构国家社会基石。

他举例，团结部在全国设有571所社区调解链接，2024年在县级解决了215宗案例，有助被带上法庭，成立13所社区调解中心，以和平和不偏用手法解决非诉讼争端。

"团结部成立涵盖12个政府部门及机关的处理团结事务委员会，专司紧急应变是以威胁国民团结的敏感事件、运用团结分析看板，鉴定容易发生种族紧张的热点区，以便开针对性介入举措。"

THE BORNEO POST

Rakan digital platform launched to tackle unity-related complaints

20 June 2025

Rakan digital platform launched to tackle unity-related complaints

SHAH ALAM: The National Unity Ministry has introduced a new initiative, the National Public Community Complaints Network (Rakan), as a dedicated digital platform to facilitate public complaints related to unity issues.

Minister Dato Sri Aaron Ago Dagang said the platform will strengthen the management of information and responses to community complaints while enhancing the efficiency of monitoring systems for safety and harmony at the grassroots level.

"Rakan is an initiative to bring the public closer to the government in empowering communities to maintain national harmony.

"We are confident this initiative can foster a sense of social responsibility among the public in addressing sensitive issues that could threaten unity," he told reporters after launching the platform here yesterday.

Developed by the National Unity and Integration Department (JPNIN), Rakan is accessible starting today via the website https://rakan.jpnin.gov.my.

Aaron assured that all complaint information will be kept confidential, where district unity officers will review the reports and share them with the right agencies at local, state, or national levels.

Authorities like the police and the Malaysian Communications and Multimedia Commission will also be involved when needed, he added.

Earlier in his speech, he said ministry aims to raise the National Unity Index (IPNas) score to at least 0.70 this year, up from 0.629 in 2022.

He said IPNas is the country's only official tool for measuring national unity and harmony, which recorded its first score in 2018 at 0.567. — Bernama

தமிழ் மலர்

20 June 2025



20.6.2025 வெள்ளிக்கிழமை தமிழ் மலர் செய்திகள் 3

ராக்கான் எனப்படும் தேசிய பொது சமூக புகார் திட்டம்

ஒற்றுமை தொடர்பான பிரச்சினைகளுக்கான தீர்வு களம் -டத்தோ ஆரோன் டாகாங்

(வெற்றி மைந்தன் / மு.ஆசைத் தம்பி)

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Lapor isu perpaduan kepada RAKAN

21 Jun 2025

Lapor isu perpaduan kepada RAKAN

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN) kini diperkenalkan bagi memudahkan orang ramai menyalurkan aduan secara digital berkaitan isu-isu perpaduan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, aduan itu akan dikongsikan kepada Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk tindakan penguatkuasaan.

Katanya, RAKAN dapat mendekatkan rakyat kepada kerajaan dalam usaha menjaga keharmonian nasional selain membudayakan tanggungjawab sosial dalam kalangan rakyat terhadap isu-isu sensitif.

"Platform ini dibangunkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi memperkukuh pengurusan maklumat serta meningkatkan kecekapan sistem pemantauan keselamatan dan keharmonian di peringkat akar umbi.

"Ini akan memperkasa komuniti untuk menjadi mata dan telinga kepada usaha-usaha menjaga keharmonian nasional," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025 dan pelancaran RAKAN di sini semalam.

Menurutnya, maklumat aduan dan datanya akan dipaparkan secara langsung dalam laman web RAKAN dan orang awam boleh melihat isu-isu perpaduan serta penyelesaiannya termasuk berkaitan bangsa, agama dan institusi diraja (3R).

Kata beliau, kementeriannya menyasarkan peningkatan skor Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) kepada 0.70 pada tahun ini berbanding 0.629 pada 2022 yang masih berada dalam julat tahap perpaduan baik dan terkawal.

"Ini bukan soal statistik, tetapi memperkukuh asas sosial negara kita dari tahap persepsi hinggalah ke tindakan.

"Justeru, pelbagai usaha seperti dialog komuniti, program integrasi pelbagai kaum dan pemerkasaan peranan akar umbi terus dipergiatkan," katanya.



AARON (tengah) meluncurkan RAKAN pada Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara Peringkat Kebangsaan 2025 di Shah Alam semalam.

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

团结部RAKAN数字平台　促进安全与团结・构建和谐未来

21 June 2025



团结部RAKAN数字平台 促进安全团结 构建和谐未来

马来西亚国民团结局昨日（20日）正式推介“国家公共社区投诉网络”（RAKAN）数字平台，为民众提供数字化渠道，以便提供及时的方式提交涉及国民团结与社会和谐的投诉，这个平台旨在通过高效的数据驱动和实时响应机制，强化社区安全监测，促进社会凝聚力，实现真正的国民团结，构建和谐未来。

强化民族团结的数字化策略

RAKAN平台核心优势

艾伦达干：大马面临双重挑战

诬体虚假信息泛滥 逾4万宗3R议题举报

Utusan Malaysia

RAKAN perkasa peranan rakyat tangani isu perpaduan

21 Jun 2025



Dalam Negeri

Utusan Malaysia SABTU • 21 JUN 2025 | 9

RAKAN perkasa peranan rakyat tangani isu perpaduan

Perspektif Aaron

KEBIMBANGAN terhadap isu-isu sensitif termasuk bangsa, agama dan institusi diraja (3R) yang menjadi cabaran kepada perpaduan negara kini memerlukan pendekatan daripada rakyat menerusi penyelesaian secara terus dan lebih cepat.

Ini kerana, apabila melihat laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sejak 2023 hingga Mei lalu, sebanyak 40,515 kandungan berpotensi menjadi berita palsu dikenal pasti dan dilaporkan oleh penyedia platform.

Sebanyak 11,819 daripadanya menyentuh isu 3R dilaporkan untuk diturunkan dan daripada itu sebanyak 7,571 kandungan sudah pun dipadam.

Dari sudut penguatkuasaan undang-undang pula, Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuka 99 kertas siasatan antara 1 Disember 2023 hingga 13 Mei lalu yang melibatkan 58 kes berkaitan institusi diraja, 32 agama dan sembilan kaum.

Justeru, Kementerian Perpaduan Negara mengambil pendekatan lebih efektif dengan melibatkan rakyat untuk berperanan sebagai mata dan telinga kepada pemeliharaan perpaduan melalui pelancaran Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional (RAKAN).

RAKAN merupakan sistem dibangunkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang membolehkan orang awam membuat aduan berkenaan isu yang mengancam keharmonian dan keselamatan komuniti secara terus dan maklumat itu akan disalurkan kepada PDRM dan SKMM.

RAKAN penting untuk memudahkan penyaluran maklumat, memberdaya peranan komuniti, membolehkan pengurusan maklumat lebih sistematik dan berpusat serta menyokong intervensi berdasarkan data nyata (*real time*).

Kementerian akan menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan sebagai sekretariat utama dalam menyelaras data berpusat (centralised data) berkaitan isu 3R. Data itu akan dihimpunkan secara sistematik daripada sistem RAKAN, kertas siasatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Laporan komprehensif ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri setiap suku tahun secara konsisten.

Untuk mengemukakan aduan, orang ramai boleh melayari rakan.jpnin.gov.my dan mendaftar sebagai pengguna, kemudian mengisi borang aduan dan melampirkan bukti sokongan seperti gambar, video dan sebagainya sebelum klik hantar.

Malah, orang awam boleh menyemak statistik serta perkembangan pelbagai isu dalam komuniti masing-masing melalui Dashboard Orang Awam. Platform ini membolehkan pengguna mengakses data berdasarkan negeri dan kategori, tertakluk kepada tahap akses yang ditetapkan.

Kini ancaman datang dalam pelbagai bentuk jenayah rentas sempadan, ekstremisme, penyalahgunaan media sosial yang menyebarkan kebencian dan ketegangan dalam komuniti akibat manipulasi isu-isu perkauman dan keagamaan.

Selain itu, pemimpin politik juga perlu menunjukkan keteladanan yang tinggi dalam tutur kata dan tindakan serta mengutamakan keamanan negara melebihi kepentingan peribadi atau partisan.

Kita mungkin tidak memegang senjata seperti anggota keselamatan, namun kita mempunyai kuasa sivil untuk membuat pilihan bijak, menolak kebencian dan menanam benih keamanan. Maka saya menyeru semua untuk bergerak 'segulai sejalan'.

Tidak ketinggalan ibu bapa juga memikul tanggungjawab besar dalam menyemai nilai murni, hormat-menghormati dan kasih sayang kepada anak-anak, kerana asas perpaduan bermula dari institusi keluarga.

AARON Ago Dagang melancarkan RAKAN pada majlis perasmian Townhall Perpaduan dan Keselamatan Negara 2025 di Shah Alam, Selangor. - UTUSAN / AFIQ RAZALI

FMT

Rakyat kena bijak tolak kebencian, seru menteri perpaduan

19 Jun 2025



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata rakyat punya kuasa buat pilihan bijak menolak kebencian dan tanam benih keamanan.

SHAH ALAM: Rakyat perlu menggunakan kuasa sivil membuat pilihan bijak menolak kebencian dan menanam benih keamanan, lebih-lebih ketika berdepan cabaran salah guna teknologi.

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang, berkata isu berkait rentas kaum dan agama tidak boleh ditangani secara bersendirian oleh kerajaan.

"Kita mungkin tidak memegang senjata seperti anggota keselamatan, namun kita mempunyai kuasa sivil iaitu kuasa untuk membuat pilihan bijak dan menolak kebencian dan menanam benih keamanan," katanya ketika merasmikan Rapat Umum Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025 di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Menurut Aaron, bagi memastikan usaha itu berhasil, semua pihak termasuk pemimpin politik perlu menunjukkan teladan baik dalam tutur kata dan tindakan, serta meletakkan kepentingan negara melebihi agenda peribadi atau kepartian.

Selain itu, sistem pendidikan disaran lebih menekankan nilai harmoni, empati, dan pemahaman silang budaya sejak dari peringkat awal.

Katanya, ibu bapa juga diseru memainkan peranan dalam menyemai nilai hormat, kasih sayang dalam kalangan anak-anak kerana perpaduan sejati bermula daripada institusi keluarga.

Aaron berkata, pihak media pula diingatkan agar berperanan sebagai ejen penyatu dan bukannya menyebarkan kebencian atau membangkitkan sentimen negatif.

"Ingin saya tegaskan bahawa keselamatan dan perpaduan negara bukan hanya tanggungjawab tentera, polis atau kerajaan semata-mata. Ia adalah amanah bersama tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia," katanya.

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

Rakyat benteng utama perpaduan negara

19 Jun 2025



AARON Ago Dagang menyantuni tetamu yang hadir pada majlis perasmian Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025, di Shah Alam, Selangor, hari ini. - UTUSAN / AFIQ RAZALI

SHAH ALAM: Rakyat digesa memainkan peranan sebagai benteng pertama negara untuk memelihara dan memperkukuh perpaduan dalam kalangan masyarakat bagi menghindari isu-isu sensitif termasuk bangsa, agama dan institusi diraja (3R).

Ini kerana ancaman terhadap perpaduan datang dalam pelbagai bentuk jenayah rentas sempadan, ekstremisme, penyalahgunaan media sosial yang menyebar kebencian dan ketegangan dalam komuniti akibat manipulasi isu-isu perkauman dan keagamaan.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, pemimpin politik juga perlu menunjukkan keteladanan yang tinggi dalam tutur kata dan tindakan serta mengutamakan keamanan negara melebihi kepentingan peribadi atau partisan.

"Kita mungkin tidak memegang senjata seperti anggota keselamatan, namun kita mempunyai kuasa sivil untuk membuat pilihan bijak, menolak kebencian dan menanam benih keamanan. Maka saya menyeru semua untuk bergerak 'segulai sejalai'.

"Tidak ketinggalan ibu bapa juga memikul tanggungjawab besar dalam menyemai nilai murni, hormat-menghormati dan kasih saya kepada anak-anak, kerana asas perpaduan bermula dari institusi keluarga," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Townhall Keselamatan dan Perpaduan Negara 2025, hari ini.

Tambahnya, perpaduan nasional kini berdepan cabaran yang semakin kompleks berbentuk penyebaran maklumat palsu, polarisasi ideologi dan keterasingan sosial dalam era digital.

"Dalam usaha menangani isu-isu sensitif 3R, kerajaan mengambil pendekatan whole-of-government approach melibatkan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi secara bersepadu yang digerakkan secara penguatkuasaan serta intervensi, mediasi dan kesedaran.

"Penyediaan perkhidmatan mediasi melalui rangkaian 571 Mediator Komuniti di seluruh negara. Setakat 2024, sebanyak 215 kes diselesaikan di peringkat komuniti, sekali gus mengelakkan ia melarat ke peringkat perundangan," jelasnya.

Katanya Aaron lagi, perpaduan tidak hanya perlu dilindungi undang-undang, bahkan mesti dipupuk melalui pendidikan, dialog dan interaksi yang berterusan. – UTUSAN

BERNAMA

Pertubuhan Masyarakat Sivil Rakan Penting Dalam Usaha Perkukuh Perpaduan – Aaron

21 Jun 2025

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Pertubuhan masyarakat sivil (CSO) yang berpengaruh di peringkat akar umbi adalah rakan penting dalam membentuk Malaysia yang lebih harmoni dan bersatu padu dalam usaha memperkukuh perpaduan nasional.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang berkata dalam mana-mana negara yang berbilang kaum, tanggungjawab untuk membina serta mengekalkan perpaduan tidak boleh diletakkan sepenuhnya di bahu kerajaan, sebaliknya memerlukan komitmen kolektif daripada semua lapisan masyarakat termasuk CSO.

Beliau berkata CSO memainkan peranan penting kerana mereka berada dekat dengan masyarakat, sekali gus dapat mengenal pasti tanda-tanda ketegangan sosial, salah faham budaya atau diskriminasi serta boleh campur tangan secara membina sebelum isu-isu berkenaan menjadi lebih parah sehingga mencetuskan perpecahan atau konflik.

"Tidak seperti agensi kerajaan yang beroperasi melalui strukturdan prosedur rasmi, CSO berinteraksi dengan komuniti secara lebih dekat, mudah diakses dan konsisten seperti di kawasan kejiranan, luar bandar dan penempatan bandar, malah sering menjadi titik sentuh pertama bagi individu yang berasa terpinggir,"katanya ketika berucap pada Majlis Malam Muhibah 2025 anjuranThe Pure Life Society di sini hari ini.

Aaron berkata CSO penting sebagai suara yang dipercayai dan neutral serta menjadi jambatan yang berwibawa antara pelbagai komuniti, terutamanya dalam perbincangan berkaitan kaum,agama dan identiti yang boleh menjadi isu sensitif atau dipolitikkan.

"Apabila CSO menyuarakan keperluan untuk saling memahami dan menghormati, mereka sering melakukannya dengan kewibawaan moral hasil daripada kerja-kerja komuniti di luar kerangka kepartian yang telah dilaksanakan selama bertahun-tahun.

"Kepercayaan ini membolehkan mereka menghimpunkan pihak-pihak berbeza, menggalakkan dialog yang sukar tetapi perlu, serta menjadi perantara apabila berlaku perselisihan," katanya.

Beliau berkata CSO melengkapi usaha kerajaan, khususnya dalam komuniti yang terpencil dan terpinggir.

Aaron berkata keupayaan mereka untuk menjangkau golongan yang dipinggirkan memastikan mesej perpaduan bukan sekadar mendapat perhatian dalam pembuatan dasar, tetapi turut dihayati dalam kehidupan seharian.

"Ringkasnya, pertubuhan masyarakat sivil memainkan peranan penting kepada perpaduan negara di peringkat akar umbi.

"Mereka mengangkat suara rakyat, membina hubungan, mewujudkan ruang selamat untuk dialog dan memastikan kita berpegang kepada nilai-nilai kebangsaan. Usaha mereka mungkin tidak selalu mendapat liputan media, namun impaknya sangat besar dan berkekalan," katanya.

Beliau berkata, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) memperkasakan insiatif digital dan penyampaian perkhidmatan melalui u-Pustaka dan My Respositori.

“Menerusi inisiatif u-Pustaka, iaitu platform perpustakaan digital nasional yang menyediakan perkhidmatan pinjaman sumber fizikal dan digital secara percuma, boleh diakses 24 jam sehari menerusi www.u-pustaka.gov.my.

“u-Pustaka kini mempunyai keahlian 1,066,754 ahli (sehingga Mei 2025), menawarkan lebih daripada sejuta naskhah bahan bacaan digital dan carian katalog sekitar 2.9 juta bahan fizikal di 155 perpustakaan yang menyertai Katalog Induk Kebangsaan (KIK) yang merupakan backbone kepada u-Pustaka.

“KIK membolehkan pengguna meminjam buku fizikal dari 12 perpustakaan konsortium, mengakses pelbagai bahan digital termasuk e-buku, buku audio, majalah, jurnal, akhbar, pangkalan data dan penerbitan kerajaan,” katanya.

Sementara itu, Aaron berkata, melalui My Respositori, sehingga Mei 2025 sebanyak 57,268 judul yang terdiri dari Koleksi Negara, Koleksi Nadir, Koleksi Manuskrip Melayu dan Koleksi Surat Khabar telah dimuatnaik ke dalam sistem itu.

“Pendigitan pada tahun 2025 memberi tumpuan kepada koleksi manuskrip Melayu dan Koleksi Negara sebanyak 716 judul dan 71,600 muka surat.

“Perpustakaan hari ini bukan lagi sekadar tempat menyimpan buku tetapi lambang keadilan ilmu, pintu akses digital, penjaga warisan budaya dan pusat pembelajaran sepanjang hayat untuk semua,” jelasnya.

Beliau berkata, program Perpustakaan Desa pula melibatkan lebih 500 lokasi di seluruh negara juga terus memainkan peranan penting dalam menyampaikan ilmu ke kawasan luar bandar melalui bahan bacaan fizikal, kios digital dan aktiviti komuniti setempat.

CONSAL XIX yang berlangsung dari 16 hingga 19 Jun 2025 menghimpunkan seramai 1,200 peserta dari seluruh Asia Tenggara dan negara luar dengan pembentangan 89 kertas kerja.

Bertemakan ‘Memanfaatkan Inklusiviti, Memperkasa Kemanusiaan’, ia menjadi platform penting memperkukuh jaringan profesional perpustakaan, serta mencorak halatuju baharu dalam pengurusan maklumat dan perkongsian ilmu serantau.

REAKSI

“Kami kini membangunkan prototaip berasaskan AI generatif seperti ‘ChatBook’ yang membolehkan pengguna berinteraksi dengan kandungan buku dalam bentuk video atau temu bual.” -Pengarah Kumpulan Strategi Perpustakaan Singapura, Soh Lin Li

“CONSAL XIX dijadikan sebagai platform untuk berkongsi pengetahuan dan membina kerjasama dalam bidang akademik serta digitalisasi perpustakaan.”-Ketua Pustakawan Universiti Lyceum, Filipina, Mark Edzel R. Gonzales

“Kami mempelajari banyak idea dan amalan terbaik daripada perpustakaan di rantau ini, terutama Malaysia dan Singapura.”- Pustakawan Rujukan Kemboja, Ratana Sath

“Perpustakaan kami telah mencapai tahap pendigitalan sebanyak 90 peratus bagi keseluruhan koleksi bahan rujukan dan akademik manakala selebihnya diperuntukkan untuk pembelian bahan bercetak setiap tahun.”- Ketua Perpustakaan dan Arkib Universiti Gadjah Mada (UGM), Indonesia, Arif Surachman

RESOLUSI CONSAL XIX

Diterima pakai dalam Kongres Pustakawan Asia Tenggara ke-19

1. CONSAL XIX dengan tegas mengulangi komitmen teguh para pustakawan serantau untuk merevolusikan perpustakaan daripada institusi penyimpanan ilmu tradisional kepada ruang dinamik dan inklusif yang menjunjung kesaksamaan, memperjuangkan akses sejagat serta meraikan kepelbagaian masyarakat.
2. CONSAL XIX beriltizam penuh untuk menerajui transformasi dengan menggalakkan perkhidmatan yang bebas halangan dan mudah diakses, memanfaatkan teknologi terkini serta menyusun koleksi mencerminkan kepelbagaian suara masyarakat.
3. CONSAL XIX menyeru kepada pembinaan ekosistem ilmu yang inklusif di mana golongan kurang upaya dan komuniti terpinggir bukan sahaja diterima, malah diberdayakan, melalui persekitaran yang adaptif serta akses saksama kepada pembelajaran sepanjang hayat dan maklumat.
4. CONSAL XIX menyeru pemerkasaan penyelidikan pascasiswazah dan institusi dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat yang berupaya merangsang inovasi, memacu amalan terbaik serta membentuk barisan profesional perpustakaan yang bersedia menghadapi cabaran masa depan.

theSun

CSOs key partners in efforts to strengthen unity – Aaron

21 June 2025



KUALA LUMPUR: Civil society organisations (CSOs), which has presence and influence at the grassroots level, are essential partners in shaping a more cohesive and harmonious Malaysia as well as in strengthening national unity, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He pointed out that in any diverse and pluralistic nation, the task of building and sustaining national unity cannot rest solely on the shoulders of the government, but requires the collective commitment of all layers of society ,including CSOs.

"Unlike government agencies, which may operate through formal structures and procedures, CSOs engage communities in a more personal, accessible, and consistent manner such in neighbourhoods, in rural areas, in urban settlements, often serving as the first point of contact for people who feel unheard or left behind," he said in his speech at the Muhibbah Night 2025 event organised by The Pure Life Society here today.

CSOs play a vital role because they are often the closest to the people that able to identify early signs of social tension, cultural misunderstanding, or discrimination, and intervene constructively before these issues deepen into division or conflict, he added.

They are also important trusted, neutral voices and serve as credible bridges between different communities, especially in discussions around race, religion and identity that can be sensitive or politicised.

"When CSOs speak about the need for understanding and respect, they often do so with the moral authority that comes from years of non-partisan, community-driven work.

"This trust enables them to bring people to the same table, to foster difficult but necessary dialogue, and to mediate when disagreements arise," Aaron said.

He further emphasised that CSOs complement government efforts, particularly in communities that are isolated and marginalised.

Their ability to reach those at the periphery of society ensures that the message of unity is not just heard in policy statements, but lived out in everyday lives.

"In short, civil society organisations are the hands and feet of national unity at the ground level.

"They amplify voices, build relationships, create safe spaces for dialogue, and hold us accountable to our values as a nation. Their work may not always make headlines, but its impact is profound and long-lasting," he added.

BERNAMA

CSOs Key Partners In Efforts to Strengthen Unity – Aaron

21 June 2025

KUALA LUMPUR, June 21 (Bernama) -- Civil society organisations(CSOs), which has presence and influence at the grassroots level, are essential partners in shaping a more cohesive and harmonious Malaysia as well as in strengthening national unity, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He pointed out that in any diverse and pluralistic nation, the task of building and sustaining national unity cannot rest solely on the shoulders of the government, but requires the collective commitment of all layers of society, including CSOs.

"Unlike government agencies, which may operate through formal structures and procedures, CSOs engage communities in a more personal, accessible, and consistent manner such in neighbourhoods, in rural areas, in urban settlements, often serving as the first point of contact for people who feel unheard or left behind," he said in his speech at the Muhibbah Night 2025event organised by The Pure Life Society here today.

CSOs play a vital role because they are often the closest to the people that able to identify early signs of social tension, cultural misunderstanding, or discrimination, and intervene constructively before these issues deepen into division or conflict, he added.

They are also important trusted, neutral voices and serve as credible bridges between different communities, especially in discussions around race, religion and identity that can be sensitive or politicised.

"When CSOs speak about the need for understanding and respect, they often do so with the moral authority that comes from years of on-partisan, community-driven work.

"This trust enables them to bring people to the same table, to foster difficult but necessary dialogue, and to mediate when disagreements arise," Aaron said.
He further emphasised that CSOs complement government efforts, particularly in communities that are isolated and marginalised.

Their ability to reach those at the periphery of society ensures that the message of unity is not just heard in policy statements but lived out in everyday lives.

"In short, civil society organisations are the hands and feet of national unity at the ground level.

"They amplify voices, build relationships, create safe spaces for dialogue, and hold us accountable to our values as a nation. Their work may not always make headlines, but its impact is profound and long-lasting," he added.

malaysiakini
news and views that matter

Civil society organisations partners in building unity – minister

21 June 2025



Civil society organisations (CSOs), which has presence and influence at the grassroots level, are essential partners in shaping a more cohesive and harmonious Malaysia as well as in strengthening national unity, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

He pointed out that in any diverse and pluralistic nation, the task of building and sustaining national unity cannot rest solely on the shoulders of the government, but requires the collective commitment of all layers of society ,including CSOs.

"Unlike government agencies, which may operate through formal structures and procedures, CSOs engage communities in a more personal, accessible, and consistent manner such in neighbourhoods, in rural areas, in urban settlements, often serving as the first point of contact for people who feel unheard or left behind," he said in his speech at the Muhibbah Night 2025 event organised by The Pure Life Society here today.

CSOs play a vital role because they are often the closest to the people that able to identify early signs of social tension, cultural misunderstanding, or discrimination, and intervene constructively before these issues deepen into division or conflict, he added.

They are also important trusted, neutral voices and serve as credible bridges between different communities, especially in discussions around race, religion and identity that can be sensitive or politicised.

"When CSOs speak about the need for understanding and respect, they often do so with the moral authority that comes from years of non-partisan, community-driven work.

"This trust enables them to bring people to the same table, to foster difficult but necessary dialogue, and to mediate when disagreements arise," Aaron said.

He further emphasised that CSOs complement government efforts, particularly in communities that are isolated and marginalised.

Their ability to reach those at the periphery of society ensures that the message of unity is not just heard in policy statements, but lived out in everyday lives.

"In short, civil society organisations are the hands and feet of national unity at the ground level.

"They amplify voices, build relationships, create safe spaces for dialogue, and hold us accountable to our values as a nation. Their work may not always make headlines, but its impact is profound and long-lasting," he added.

tvs
www.tvsarawak.my

CSO penghubung antara masyarakat dan kerajaan

21 Jun 2025



KUCHING, 21 Jun: Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) memainkan peranan penting terhadap dasar negara terutamanya kepada masyarakat yang terasing dan terpinggir, kata Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Menurut beliau, CSO hadir bagi mendengar dan bertindak balas dengan cepat dan peka terhadap realiti tempatan.

"Keupayaan mereka untuk menyampaikan mesej perpaduan tidak didengari begitu sahaja dalam kenyataan dasar, tetapi dihayati dalam kehidupan seharian.

"Pendek kata, CSO adalah tangan dan kaki perpaduan nasional di peringkat bawah. Mereka menguatkan suara, membina perhubungan, mewujudkan ruang selamat untuk berdialog dan kebertanggungjawaban kami kepada nilai kita sebagai sebuah negara," katanya ketika berucap pada Majlis Malam Muhibbah 2025, malam ini.

Kata Aaron, kerja CSO mungkin tidak selalu menjadi tajuk utama, tetapi kesannya mendalam dan berpanjangan.

Dalam pada itu, kata Aaron, kementeriannya sedang merangka haluan dengan dasar baharu yang berkonsepkan 'Negara Bangsa'.

"Visi ini merangkumi kepelbagaian kita yang kaya sekali gus menyatukan nilai kebersamaan, sejarah bersama, aspirasi kolektif dan asas perlembagaan yang mengeratkan antara satu sama lain.

"Kami bergerak melangkaui kempen perpaduan tradisional dan reaktif ke arah pendekatan transformasi yang mengiktiraf perpaduan sebagai kunci keutamaan pembangunan negara," katanya.

Jelas Aaron lagi, pendekatan tersebut melibatkan penjajaran perpaduan dasar dengan sektor pendidikan, pembangunan belia, perancangan bandar dan naratif media untuk mewujudkan inklusif masyarakat. – TVS

BERNAMA

Kementerian Perpaduan Negara Pelawa Penerbit Tempatan Sertai Anugerah Buku PNM

23 Jun 2025

KUALA LUMPUR, Jun 23 (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mempelawa semua penerbit tempatan menyertai Anugerah Buku PNM 2025/2026, yang kini penyertaannya dibuka.

Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang menerusi hantaran di Facebook berkata penerbit yang berminat menyertai anugerah itu boleh menghantar penyertaan mereka sebelum atau pada 30 Jun ini.

"Peluang keemasan untuk dunia penerbitan! Anugerah Buku PNM 2025/2026 kini dibuka!

"Kementerian Perpaduan Negara melalui PNM dengan sukacitanya menjemput semua penerbit tempatan menyertai Anugerah Buku PNM 2025/2026, pengiktirafan berprestij bagi karya berkualiti tinggi yang menyumbang kepada pembangunan ilmu dan budaya membaca negara," katanya.

Bertemakan "Perbukuan Wadah Perpaduan Negara", anugerah itu mempertandingkan empat kategori utama, iaitu Kanak-Kanak Fiksyen, Kanak-Kanak Bukan Fiksyen, Dewasa Fiksyen, dan Dewasa Bukan Fiksyen.

"Jangan lepaskan peluang untuk mengukir nama dalam sejarah penerbitan negara. Sertai hari ini dan jadilah sebahagian daripada legasi ilmu Malaysia!," kata Aaron.

Maklumat lanjut dan borang penyertaan boleh diperoleh di https://shorturl.at/cD3bZ. Sebarang pertanyaan, hubungi urus setia di talian 03-2687 1942 / 1941 / 1912 / 1951 / 1944 atau e-mel anugerahbuku@pnm.gov.my.

"In short, civil society organisations are the hands and feet of national unity at the ground level.

"They amplify voices, build relationships, create safe spaces for dialogue, and hold us accountable to our values as a nation. Their work may not always make headlines, but its impact is profound and long-lasting," he added.

BERNAMA

PNM Book Award 2025/2026 Now Open For Submissions From Local Publishers

23 June 2025

KUALA LUMPUR, June 23 (Bernama) -- The Ministry of National Unity, through the National Library of Malaysia (PNM), is inviting local publishers to participate in the PNM Book Award 2025/2026, with submissions now officially open.

In a post shared on Facebook, Minister Datuk Aaron Ago Dagang announced that interested publishers must submit their entries by June 30.

"A golden opportunity for the publishing world! The PNM Book Award 2025/2026 is now open.

Organised by the Ministry of National Unity via PNM, this prestigious award recognises high-quality works that contribute to knowledge development and the nation's reading culture," he wrote.

With the theme Perbukuan Wadah Perpaduan Negara, the award features four main categories, namely Children's Fiction, Children's Non-Fiction, Adult Fiction and Adult Non-Fiction.

"Don't miss the chance to make your mark in Malaysia's publishing history. Join now and be part of the nation's intellectual legacy, "Aaron added.

Further details and the entry form are available at: https://shorturl.at/. For inquiries, contact the secretariat at 03-2687 1942 / 1941 / 1912 / 1951 / 1944 or email anugerahbuku@pnm.gov.my.

theSun

PNM Book Award 2025/2026 submissions open for publishers

23 June 2025



KUALA LUMPUR: The Ministry of National Unity, through the National Library of Malaysia (PNM), is inviting local publishers to participate in the PNM Book Award 2025/2026, with submissions now officially open.

In a post shared on Facebook, Minister Datuk Aaron Ago Dagang announced that interested publishers must submit their entries by June 30.

"A golden opportunity for the publishing world! The PNM Book Award 2025/2026 is now open.

"Organised by the Ministry of National Unity via PNM, this prestigious award recognises high-quality works that contribute to knowledge development and the nation's reading culture," he wrote.

With the theme Perbukuan Wadah Perpaduan Negara, the award features four main categories, namely Children's Fiction, Children's Non-Fiction, Adult Fiction and Adult Non-Fiction.

"Don't miss the chance to make your mark in Malaysia's publishing history. Join now and be part of the nation's intellectual legacy," Aaron added.

Further details and the entry form are available at: https://shorturl.at/cD3bZ. For inquiries, contact the secretariat at 03-2687 1942 / 1941 / 1912 / 1951 / 1944 or email anugerahbuku@pnm.gov.

Kementerian Perpaduan pelawa penerbit tempatan sertai Anugerah Buku PNM

23 Jun 2025



Kementerian Perpaduan Negara melalui PNM jemput penerbit tempatan sertai Anugerah Buku PNM, yang mempertandingkan 4 kategori termasuk buku dewasa dan kanak-kanak. (Gambar Facebook)

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mempelawa semua penerbit tempatan menyertai Anugerah Buku PNM 2025/2026, yang penyertaannya kini dibuka.

Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang berkata, penerbit yang berminat boleh menghantar penyertaan sebelum atau pada 30 Jun ini.

"Peluang keemasan untuk dunia penerbitan! Anugerah Buku PNM 2025/2026 kini dibuka!" kata Aaron menerusi hantaran di Facebook.

"Kementerian Perpaduan Negara melalui PNM dengan sukacitanya menjemput semua penerbit tempatan menyertai Anugerah Buku PNM 2025/2026, pengiktirafan berprestij bagi karya berkualiti tinggi yang menyumbang kepada pembangunan ilmu dan budaya membaca negara."

Bertemakan 'Perbukuan Wadah Perpaduan Negara', anugerah itu mempertandingkan empat kategori utama, iaitu Kanak-Kanak Fiksyen, Kanak-Kanak Bukan Fiksyen, Dewasa Fiksyen, dan Dewasa Bukan Fiksyen.

"Jangan lepaskan peluang mengukir nama dalam sejarah penerbitan negara. Sertai hari ini dan jadilah sebahagian daripada legasi ilmu Malaysia," kata Aaron.

Maklumat lanjut dan borang penyertaan boleh diperoleh di https://shorturl.at/cD3bZ. Sebarang pertanyaan, hubungi urus setia di talian 03-26871942 / 1941 / 1912 / 1951 / 1944 atau e-mel anugerahbuku@pnm.gov.my.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

Kementerian Perpaduan perkenal dua inisiatif perkasa jati diri, semangat kenegaraan

24 Jun 2025



Aaron meninjau bahan arkib yang dipamerkan di sekolah.

SHAH ALAM: Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara memperkenalkan inisiatif Arkib@Sekolah dan Arkib@Komuniti bagi memupuk kesedaran sejarah, semangat patriotisme serta penghargaan terhadap warisan negara bermula peringkat akar umbi.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, matlamat utama inisiatif berkenaan bagi memupuk kesedaran sejarah, memperkukuh identiti kebangsaan dan menanam semangat cinta negara dalam kalangan murid dan pelajar.

Bertemakan 'Bermulanya Di Sini', beliau menjelaskan, Arkib@Sekolah merupakan sebahagian daripada Program Arkib Pendidikan yang membawa bahan arkib asli termasuk dokumen, gambar dan artifak sejarah terus ke persekitaran sekolah.

"Melalui pameran seperti 'Malaysia, Tanah Airku', pelajar didedahkan kepada detik-detik penting sejarah negara serta tokoh-tokoh kemerdekaan.

"Aktiviti sampingan seperti kuiz sejarah, bengkel pemuliharaan bahan arkib, teka silang kata dan sesi interaktif seperti 'Kenali Wira Kemerdekaan' menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan, bermakna dan relevan.

"Pelajar juga digalakkan meneroka, menganalisis dan menghasilkan projek berasaskan sumber arkib yang asli bagi mengasah pemikiran kritikal, kreativiti dan keupayaan berfikir secara analitik," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Dalam pada itu beliau memaklumkan, inisiatif Arkib@Komuniti memberi ruang kepada masyarakat untuk mengurus, mendokumentasi dan memelihara warisan sejarah serta budaya tempatan secara sukarela dan tersusun.

Aaron berkata, inisiatif tersebut mengiktiraf sebahagian besar sejarah negara khususnya naratif tempatan, tradisi lisan, adat resam dan pengalaman komuniti yang masih belum didokumentasikan secara rasmi.

"Melalui program ini, individu dan kumpulan komuniti digalak untuk membangunkan arkib mereka sendiri bagi merakam kisah, pengalaman serta warisan yang mencerminkan identiti unik sesuatu masyarakat.

"Kedua-dua inisiatif ini merupakan komitmen berterusan Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkukuh hubungan antara rakyat dengan sejarah dan warisan negara.

"Dengan mendekatkan arkib kepada rakyat, ia menjadi pemangkin kepada generasi yang lebih berpengetahuan, berjati diri dan bertanggungjawab terhadap masa depan Malaysia yang berdaulat," ujarnya.

Wadah Pembaharuan BH ONLINE

2 inisiatif berimpak tinggi perkukuh jati diri, semangat kenegaraan rakyat

24 Jun 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (kanan) ketika melancarkan Program Arkib Komuniti, inisiatif menggalakkan masyarakat mengurus, mendokumentasi dan memelihara warisan sejarah serta budaya tempatan mereka secara sukarela dan tersusun.

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan Negara melancarkan dua inisiatif berimpak tinggi bagi mendekatkan dan memupuk kesedaran sejarah kepada rakyat bersama semangat patriotisme dan menghargai warisan negara.

Inisiatif dikenali Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti itu dilaksanakan melalui Arkib Negara Malaysia, sejajar hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Seri Anwar Ibrahim untuk memperkukuh jati diri dan semangat kenegaraan rakyat dari peringkat akar umbi dan generasi muda.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, berkata Arkib@Sekolah, yang bertemakan 'Bermulanya Di Sini' adalah sebahagian daripada Program Arkib Pendidikan yang membawa bahan arkib asli, termasuk dokumen, gambar dan artifak sejarah terus ke persekitaran sekolah.

"Matlamat utama Arkib@Sekolah adalah untuk memupuk kesedaran sejarah yang mendalam, memperkukuh identiti kebangsaan dan menanam semangat cintakan negara dalam kalangan murid dan pelajar.

"Melalui pameran seperti 'Malaysia, Tanah Airku', pelajar didedahkan kepada detik-detik penting sejarah negara serta tokoh-tokoh kemerdekaan. Aktiviti sampingan seperti kuiz sejarah, bengkel pemuliharaan bahan arkib, teka silang kata dan sesi interaktif seperti 'Kenali Wira Kemerdekaan' menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan, bermakna dan relevan," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Pelajar juga, katanya, digalakkan untuk meneroka, menganalisis dan menghasilkan projek berasaskan sumber arkib yang asli, iaitu pendekatan yang tidak hanya memperkukuh pemahaman sejarah, tetapi juga mengasah pemikiran kritikal, kreativiti dan keupayaan berfikir secara analitik.

"Arkib Komuniti pula memberi ruang kepada masyarakat untuk mengurus, mendokumentasi dan memelihara warisan sejarah serta budaya tempatan mereka secara sukarela dan tersusun," katanya.

Beliau yang memperkenalkan program itu pada pelancaran Program Wacana Ilmu di Melaka awal tahun lalu sempena pengisytiharan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1956, berkata sebahagian besar sejarah negara khususnya naratif tempatan, tradisi lisan, adat resam dan pengalaman komuniti belum didokumentasikan secara rasmi.

"Melalui program ini, individu dan kumpulan komuniti digalakkan untuk membangunkan arkib mereka sendiri bagi merakam kisah, pengalaman dan warisan yang mencerminkan identiti unik sesebuah masyarakat," katanya.

Aaron berkata, kedua-dua inisiatif itu mencerminkan komitmen berterusan kementeriannya untuk memperkukuh hubungan antara rakyat dengan sejarah dan warisan negara.

"Dengan mendekatkan arkib kepada rakyat, sama ada di sekolah mahupun di kampung, dua inisiatif ini menjadi pemangkin kepada generasi yang lebih berpengetahuan, berjati diri dan bertanggungjawab terhadap masa depan Malaysia yang bersatu dan berdaulat.

"Pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini juga selari dengan gagasan Malaysia MADANI, khususnya dalam dimensi nilai, keterangkuman dan kesejahteraan," katanya.

Tambahnya, melalui pendekatan yang menekankan akses kepada ilmu, pembabitan komuniti dan pemeliharaan warisan bersama, dua inisiatif itu menyumbang secara langsung kepada pembentukan masyarakat berpengetahuan, berbudaya dan berintegriti tinggi.

"Ia turut mengangkat prinsip MADANI dalam membina rakyat yang berakar pada sejarah, bersatu dalam kepelbagaian dan bertanggungjawab terhadap masa depan negara," katanya.

Malaysia Tribune

Kementerian Perpaduan Negara perkenal 2 inisiatif perkasa jati diri, semangat kenegaraan

24 Jun 2025



Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang melancarkan Program Arkib Komuniti.

KUALA LUMPUR – Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara Malaysia melancarkan dua inisiatif berimpak tinggi iaitu Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti bertujuan mendekatkan sejarah kepada masyarakat.

Menurut Menterinya, Datuk Aaron Ago Dagang, kedua-dua inisiatif itu juga diwujudkan bagi memupuk kesedaran sejarah, semangat patriotisme dan penghargaan terhadap warisan negara dari peringkat akar umbi hingga ke generasi muda.

"Inisiatif Arkib@Sekolah, yang bertemakan "Bermulanya Di Sini", merupakan sebahagian daripada Program Arkib Pendidikan yang membawa bahan arkib asli termasuk dokumen, gambar dan artifak sejarah terus ke persekitaran sekolah.

"Matlamat utama Arkib@Sekolah adalah untuk memupuk kesedaran sejarah yang mendalam, memperkukuh identiti kebangsaan dan menanam semangat cinta negara dalam kalangan murid dan pelajar," katanya di sini hari ini.

Melalui pameran seperti "Malaysia, Tanah Airku", katanya, pelajar didedahkan kepada detik-detik penting sejarah negara serta tokoh-tokoh kemerdekaan.

Selain itu katanya, terdapat juga aktiviti sampingan seperti kuiz sejarah, bengkel pemuliharaan bahan arkib, teka silang kata dan sesi interaktif seperti "Kenali Wira Kemerdekaan" menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan, bermakna dan relevan.

"Pelajar juga digalakkan untuk meneroka, menganalisis dan menghasilkan projek berasaskan sumber arkib yang asli, satu pendekatan yang tidak hanya memperkukuh pemahaman sejarah tetapi juga mengasah pemikiran kritikal, kreativiti dan keupayaan berfikir secara analitik.

"Serentak dengan itu, inisiatif Arkib Komuniti pula memberi ruang kepada masyarakat untuk mengurus, mendokumentasi dan memelihara warisan sejarah serta budaya tempatan mereka secara sukarela dan tersusun," katanya.

Program tersebut mula diperkenalkan oleh Menteri Perpaduan Negara itu semasa pelancaran Program Wacana Ilmu di Melaka pada 20 Februari 2024, bersempena pengisytiharan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1956.

Arkib Komuniti mengiktiraf sebahagian besar sejarah negara khususnya naratif tempatan, tradisi lisan, adat resam dan pengalaman komuniti masih belum didokumentasikan secara rasmi.

Justeru, melalui program tersebut, individu dan kumpulan komuniti digalakkan untuk membangunkan arkib mereka sendiri bagi merakam kisah, pengalaman dan warisan yang mencerminkan identiti unik sesuatu masyarakat.

Kedua-dua inisiatif itu mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkukuh hubungan antara rakyat dengan sejarah dan warisan negara.

Dengan mendekatkan arkib kepada rakyat sama ada di sekolah mahupun di kampung Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti menjadi pemangkin kepada generasi yang lebih berpengetahuan, berjati diri dan bertanggungjawab terhadap masa depan Malaysia yang bersatu dan berdaulat.

Pelaksanaan kedua-dua inisiatif itu juga selari dengan gagasan Malaysia MADANI, khususnya dalam dimensi nilai, keterangkuman, dan kesejahteraan.

Melalui pendekatan yang menekankan akses kepada ilmu, penglibatan komuniti, dan pemeliharaan warisan bersama, Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti menyumbang secara langsung kepada pembentukan masyarakat yang berpengetahuan, berbudaya dan berintegriti tinggi.

Ia turut mengangkat prinsip MADANI dalam membina rakyat yang berakar pada sejarah, bersatu dalam kepelbagaian dan bertanggungjawab terhadap masa depan negara.

Inisiatif Arkib@Sekolah, Arkib Komuniti perkasa semangat kenegaraan

24 Jun 2025



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang melancarkan inisiatif Arkib@ Sekolah dan Arkib Komuniti.

PETALING JAYA: Kementerian Perpaduan Negara baru-baru ini melancarkan dua inisiatif berimpak tinggi Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti bertujuan mendekatkan sejarah kepada masyarakat serta memupuk kesedaran, semangat patriotisme dan penghargaan terhadap warisan negara dari peringkat akar umbi hingga ke generasi muda.

Arkib@Sekolah bertemakan 'Bermulanya di sini' adalah sebahagian daripada Program Arkib Pendidikan yang membawa bahan arkib asli termasuk dokumen, gambar, dan artifak sejarah terus ke persekitaran sekolah.

Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang, berkata matlamat utama Arkib@ Sekolah adalah untuk memupuk kesedaran sejarah yang mendalam, memperkukuh identiti kebangsaan dan menanam semangat cinta negara dalam kalangan murid dan pelajar.

"Melalui pameran seperti 'Malaysia, Tanah Airku', pelajar didedahkan kepada detik-detik penting sejarah negara serta tokoh-tokoh kemerdekaan.

"Aktiviti sampingan seperti kuiz sejarah, bengkel pemuliharaan bahan arkib, teka silang kata, dan sesi interaktif seperti 'Kenali Wira Kemerdekaan' menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan, bermakna dan relevan," katanya dalam kenyataan.

Aaron berkata, pelajar juga digalakkan meneroka, menganalisis dan menghasilkan projek berasaskan sumber arkib asli, satu pendekatan yang tidak hanya memperkukuh pemahaman sejarah tetapi juga mengasah pemikiran kritikal, kreativiti dan keupayaan berfikir secara analitik.

Beliau berkata, Arkib Komuniti pula memberi ruang kepada masyarakat untuk mengurus, mendokumentasi dan memelihara warisan sejarah serta budaya tempatan secara sukarela dan tersusun.

Katanya, kedua-dua inisiatif itu mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkukuh hubungan antara rakyat dengan sejarah dan warisan negara.

"Dengan mendekatkan arkib kepada rakyat sama ada di sekolah mahupun di kampung Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti menjadi pemangkin kepada generasi yang lebih berpengetahuan, berjati diri dan bertanggungjawab terhadap masa depan Malaysia yang bersatu dan berdaulat," katanya.

Menurutnya, inisiatif tersebut juga selari dengan gagasan Malaysia Madani khususnya dalam dimensi nilai, keterangkuman, dan kesejahteraan.

"Melalui pendekatan yang menekankan akses kepada ilmu, penglibatan komuniti, dan pemeliharaan warisan bersama, Arkib@ Sekolah dan Arkib Komuniti menyumbang secara langsung kepada pembentukan masyarakat yang berpengetahuan, berbudaya dan berintegriti tinggi," katanya.

SUARA.TV
BERITA RENTAS PEMIKIRAN

Kementerian Perpaduan Negara perkenal dua inisiatif perkasa jati diri dan semangat kenegaraan

24 Jun 2025



PUTRAJAYA, – Kementerian Perpaduan Negara hari ini mengumumkan pelaksanaan dua inisiatif berimpak tinggi Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti bagi memperkukuh jati diri, semangat kenegaraan dan kefahaman sejarah dalam kalangan rakyat, khususnya generasi muda dan masyarakat akar umbi.

Menterinya,YB Datuk Aaron Ago Dagang, berkata inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha kementerian menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Anwar Ibrahim, untuk memperkukuh semangat perpaduan melalui penghayatan sejarah dan warisan negara.

"Kita mahu rakyat Malaysia lebih dekat dengan sejarah mereka sendiri. Arkib bukan hanya tempat menyimpan dokumen lama, tetapi sumber inspirasi dan pemangkin identiti nasional," katanya dalam satu kenyataan.

Arkib@Sekolah, yang bertemakan Bermulanya Di Sini, membawa bahan arkib asli seperti dokumen, gambar dan artifak sejarah terus ke sekolah. Ia dilengkapi dengan pameran seperti Malaysia, Tanah Airku, bengkel interaktif, kuiz sejarah dan aktiviti kreatif seperti teka silang kata serta sesi "Kenali Wira Kemerdekaan".

Inisiatif ini bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran murid dan pelajar, malah menggalakkan mereka menghasilkan projek berdasarkan sumber arkib, sekali gus memperkukuh kemahiran pemikiran kritikal dan kreativiti.

Sementara itu, Arkib Komuniti pula memberi ruang kepada masyarakat untuk mengumpul, mendokumentasi dan memelihara warisan tempatan secara tersusun dan sukarela. Program ini mula diperkenalkan oleh Datuk Aaron semasa pelancaran Program Wacana Ilmu di Melaka pada 20 Februari 2024, bersempena sambutan memperingati tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1956.

"Banyak naratif sejarah, adat dan kisah tempatan belum didokumentasi secara rasmi. Arkib Komuniti membolehkan masyarakat menjadi penjaga kepada warisan mereka sendiri," ujar beliau.

Kedua-dua program ini juga diselaraskan dengan kerangka Malaysia MADANI, yang menekankan nilai keterangkuman, ilmu dan kesejahteraan bersama. Ia dilihat mampu merapatkan hubungan rakyat dengan sejarah serta membina masyarakat yang berbudaya, berintegriti dan berwawasan.

Kementerian yakin pelaksanaan Arkib@ Sekolah dan Arkib Komuniti mampu melahirkan generasi Malaysia yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berjiwa patriotik dan bertanggungjawab terhadap masa depan negara.

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

Inisiatif Arkib@Sekolah, Komuniti perkukuh jati diri dan kenegaraan

24 Jun 2025



AARON Ago Dagang melancarkan inisiatif Arkib Komuniti.-UTUSAN

KUALA LUMPUR: Kementerian Perpaduan negara melalui Arkib Negara telah melancarkan dua inisiatif berimpak tinggi iaitu Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti.

Dua insiatif itu bertujuan mendekatkan sejarah kepada masyarakat serta memupuk kesedaran sejarah, semangat patriotisme dan penghargaan terhadap warisan negara dari peringkat akar umbi hingga ke generasi muda.

Ia juga sejajar dengan seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memperkukuh jati diri dan kenegaraan rakyat Malaysia.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Seri Aaron Ago Dagang berkata, inisiatif Arkib@Sekolah yang bertemakan 'bermulanya di sini' merupakan sebahagian daripada program arkib pendidikan yang membawa bahan-bahan arkib asli termasuk dokumen, gambar dan artifak sejarah terus ke persekitaran sekolah.

Katanya, matlamat Arkib@Sekolah adalah untuk memupuk kesedaran sejarah yang mendalam, memperkukuhkan identiti kebangsaan dan menanam semangat cinta negara dalam kalangan murid dan pelajar.

"Melalui pameran seperti 'Malaysia, Tanah Airku' pelajar didedahkan kepada detik-detik penting sejarah negara serta tokoh-tokoh kemerdekaan. Aktiviti sampingan seperti kuiz sejarah, bengkel pemuliharaan bahan arkib, teka silang kata dan sesi interaktif seperti 'Kenali Wira Kemerdekaan' menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan, bermakna dan relevan.

"Pelajar juga digalakkan untuk meneroka, menganalisis dan menghasilkan projek berasaskan sumber arkib yang asli iaitu satu pendekatan yang tidak hanya memperkukuh pemahaman sejarah tetapi juga mengasah pemikiran kritikal, kreativiti dan keupayaan berfikir secara analitik," katanya di sini hari ini.

Inisiatif Arkib Komuniti pula memberi ruang kepada masyarakat untuk mengurus, mendokumentasi dan memelihara warisan sejarah serta budaya tempatan mereka secara sukarela dan tersusun.

Ia diperkenalkan oleh Aaron Ago semasa pelancaran program wacana ilmu di Melaka pada 20 Februari 2024 yang bersempena dengan pengisytiharan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1956.

Aaron Ago berkata, Arkib Komuniti mengiktiraf bahawa sebahagian besar sejarah negara khususnya naratif tempatan, tradisi lisan, adat resam dan pengalaman komuniti masih belum didokumentasikan secara rasmi.

"Melalui program ini, individu dan kumpulan komuniti digalakkan untuk membangunkan arkib mereka sendiri bagi merakam kisah, pengalaman dan warisan yang mencerminkan identiti unik sesuatu masyarakat. Kedua-dua inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkukuh hubungan antara rakyat dengan sejarah dan warisan negara.

"Dengan mendekatkan arkib kepada rakyat sama ada di sekolah mahupun di kampung Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti menjadi pemangkin kepada generasi yang lebih berpengetahuan, berjati diri dan bertanggungjawab terhadap masa depan Malaysia yang bersatu dan berdaulat.

"Pelaksanaan kedua-dua inisiatif ini juga selari dengan gagasan Malaysia Madani khususnya dalam dimensi nilai, keterangkuman dan kesejahteraan. Melalui pendekatan yang menekankan akses kepada ilmu, penglibatan komuniti dan pemeliharaan warisan bersama, Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti menyumbang secara langsung kepada pembentukan masyarakat yang berpengetahuan, berbudaya dan berintegriti tinggi.

"Ia turut mengangkat prinsip Madani dalam membina rakyat yang berakar pada sejarah, bersatu dalam kepelbagaian dan bertanggungjawab terhadap masa depan negara," katanya.-UTUSAN

Arkib@Sekolah, Arkib@ Komuniti perkukuh identiti kebangsaan

25 Jun 2025



TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN Sinar Harian

NASIONAL 19

RABU 25 JUN 2025 • SINAR HARIAN

Arkib@Sekolah, Arkib@Komuniti perkukuh identiti kebangsaan

Kementerian Perpaduan perkenal dua inisiatif, pelajar dan komuniti digalak pelihara warisan sejarah

Oleh DIANA AZIS
KUALA LUMPUR

Kementerian Perpaduan Negara melalui Arkib Negara memperkenalkan inisiatif Arkib@Sekolah dan Arkib@Komuniti bagi memupuk kesedaran sejarah, semangat patriotisme serta penghargaan terhadap warisan negara bermula peringkat akar umbi.

Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang berkata, matlamat utama inisiatif berkenaan adalah untuk memupuk kesedaran sejarah, memperkukuh identiti kebangsaan dan menanam semangat cinta negara dalam kalangan murid dan pelajar.

Bertemakan 'Bermulanya Di Sini', beliau menjelaskan, Arkib@Sekolah merupakan sebahagian daripada Program Arkib Pendidikan yang membawa bahan arkib asli termasuk dokumen, gambar dan artifak sejarah terus ke persekitaran sekolah.

"Melalui pameran seperti 'Malaysia, Tanah Airku', pelajar didedahkan kepada detik-detik penting sejarah negara serta tokoh-tokoh kemerdekaan.

"Aktiviti sampingan seperti kuiz sejarah, bengkel pemuliharaan bahan arkib, teka silang kata dan sesi interaktif seperti 'Kenali Wira Kemerdekaan' menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan, bermakna dan relevan.

"Pelajar juga digalakkan meneroka, menganalisis dan menghasilkan projek berasaskan sumber arkib yang asli bagi mengasah pemikiran kritikal, kreativiti dan keupayaan berfikir secara analitik," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, inisiatif Arkib@Komuniti memberi ruang kepada masyarakat untuk mengurus, mendokumentasi dan memelihara warisan sejarah serta budaya tempatan secara sukarela dan tersusun.

Aaron berkata, inisiatif tersebut mengiktiraf sebahagian besar sejarah negara, khususnya naratif tempatan, tradisi lisan, adat resam dan pengalaman komuniti yang masih belum didokumentasikan secara rasmi.

"Melalui program ini, individu dan kumpulan komuniti digalakkan untuk membangunkan arkib mereka sendiri bagi merakam kisah, pengalaman serta warisan yang mencerminkan identiti unik sesuatu masyarakat.

"Kedua-dua inisiatif ini merupakan komitmen berterusan Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkukuh hubungan antara rakyat dengan sejarah dan warisan negara.

"Dengan mendekatkan arkib kepada rakyat, ia menjadi pemangkin kepada generasi yang lebih berpengetahuan, berjati diri dan bertanggungjawab terhadap masa depan Malaysia yang berdaulat," ujarnya.

Aaron (dua dari kanan) meninjau bahan arkib yang dipamerkan di sekolah ketika melancarkan Program Arkib@Sekolah.

BERNAMA

Malaysia-Singapura Bincang Kerjasama Kukuh Agenda Kesukarelawanan Belia Serantau – Aaron

29 Jun 2025

KUALA LUMPUR, Jun 23 (Bernama) -- Malaysia dan Singapura bercadang meningkatkan kerjasama serantau dalam memperkasakan agenda kesukarelawanan belia dan pemupukan nilai perpaduan rentas sempadan, kata Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata perkara itu dibincangkan semasa kunjungan hormatnya ke atas Pemangku Menteri Kebudayaan, Komuniti dan Belia Singapura David Neo di negara itu.

"Perbincangan telah menyentuh cadangan untuk mewujudkan program pertukaran sukarelawan dan pembangunan rangkaian kolaboratif antara organisasi sukarelawan belia kedua-dua negara," katanya menerusi hantaran Facebook hari ini.

Aaron turut berkongsi mengenai inisiatif di bawah Kementerian Perpaduan Negara, termasuk peranan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang aktif melaksanakan misi Sukarelawan Siswa MADANI Berkhidmat merentas negeri dan negara.

Beliau berkata usaha itu sejajar dengan komitmen Malaysia untuk membina belia yang berdaya tahan, berjiwa perpaduan dan berwawasan global.

Aaron berada di Singapura bagi memenuhi jemputan Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia Singapura untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa Ketiga mengenai Masyarakat Bersepadu (ICCS) 2025 yang berlangsung selama tiga hari bermula Selasa.

TheStar

Malaysia and Singapore to boost youth volunteerism

26 June 2025



KUALA LUMPUR: Malaysia and Singapore plan to strengthen regional cooperation to advance youth volunteerism and promote cross-border unity, says National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang (pic).

In a Facebook post on Thursday (June 26), he said the matter was discussed during his courtesy visit to Singapore's Acting Minister for Culture, Community and Youth, David Neo.

"The discussion included a proposal to establish a volunteer exchange programme and develop a collaborative network between youth volunteer organisations from both countries," he said.

Aaron also highlighted initiatives under the National Unity Ministry, including the role of Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), which actively implements Sukarelawan Siswa Madani Berkhidmat missions both locally and abroad.

He said these efforts reflect Malaysia's commitment to shaping resilient, united and globally minded youth.

Aaron is in Singapore to attend the Third International Conference on Cohesive Societies (ICCS) 2025, which began on Tuesday (June 24). – Bernama

MALAYSIA MADANI

Malaysia bincang kerjasama bagi kukuhkan agenda kesukarelawan belia dengan Singapura

26 Jun 2025



Malaysia berhasarat untuk meningkatkan kerjasama dalam usaha memperkasakan agenda kesukarelawanan belia serta pemupukan nilai perpaduan rentas sempadan bersama negara jiran, Singapura.

Perkara itu dinyatakan kata Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang ketika mengadakan kunjungan hormat dengan Pemangku Menteri Kebudayaan, Komuniti dan Belia Singapura, David Neo.

"Kunjungan ini menjadi platform perbincangan strategik antara dua negara mengenai potensi kerjasama serantau, khususnya dalam memperkasa agenda kesukarelawanan belia dan pemupukan nilai perpaduan rentas sempadan.

"Perbincangan telah menyentuh cadangan untuk mewujudkan Program Pertukaran Sukarelawan dan pembangunan rangkaian kolaboratif antara organisasi sukarelawan belia kedua-dua negara," katanya.

Aaron berada di Singapura bagi memenuhi jemputan Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia Singapura untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa Ketiga mengenai Masyarakat Bersepadu (ICCS) 2025 selama tiga hari sejak Selasa lalu.

Mengulas lanjut, Aaron berkongsi inisiatif bawah Kementerian Perpaduan Negara, termasuk peranan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) aktif melaksanakan misi Sukarelawan Siswa MadaniA Berkhidmat merentas negeri dan negara.

Usaha berkenana tegas beliau sejajar komitmen Malaysia melahirkan belia berdaya tahan, berjiwa perpaduan dan berwawasan global. – MalaysiaMADANI

theSun

Malaysia-Singapura perkasakan kesukarelawanan belia serantau

26 Jun 2025



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang (kiri) bersama Pemangku Menteri Kebudayaan, Komuniti dan Belia Singapura David Neo (kanan). (Kredit - Aaron Ago Dagang / Facebook)

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Singapura merancang untuk memperkukuh kerjasama serantau dalam memperkasakan agenda kesukarelawanan belia serta memupuk nilai perpaduan merentasi sempadan. Perkara ini diumumkan oleh Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang selepas pertemuan dengan Pemangku Menteri Kebudayaan, Komuniti dan Belia Singapura David Neo.

Aaron berkata, pertemuan tersebut membincangkan cadangan program pertukaran sukarelawan dan pembangunan rangkaian kolaboratif antara organisasi belia kedua-dua negara. "Perbincangan telah menyentuh cadangan untuk mewujudkan program pertukaran sukarelawan dan pembangunan rangkaian kolaboratif antara organisasi sukarelawan belia kedua-dua negara," katanya menerusi hantaran Facebook.

Beliau turut berkongsi inisiatif Kementerian Perpaduan Negara, termasuk peranan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang aktif melaksanakan misi Sukarelawan Siswa MADANI Berkhidmat di peringkat nasional dan antarabangsa. Usaha ini selaras dengan komitmen Malaysia untuk melahirkan belia yang berdaya tahan, berjiwa perpaduan, dan berwawasan global.

Aaron berada di Singapura atas jemputan Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia Singapura bagi menghadiri Persidangan Antarabangsa Ketiga mengenai Masyarakat Bersepadu (ICCS) 2025 yang berlangsung selama tiga hari bermula Selasa.

Malaysia-Singapura bincang kerjasama kukuh agenda sukarelawan belia

26 Jun 2025



Menteri Perpaduan Negara Aaron Ago Dagang mengadakan kunjungan hormat ke atas Pemangku Menteri Kebudayaan, Komuniti dan Belia Singapura David Neo di republik itu. (Gambar Facebook)

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Singapura bercadang meningkatkan kerjasama serantau dalam memperkasakan agenda kesukarelawanan belia serta pemupukan nilai perpaduan rentas sempadan, kata Menteri Perpaduan Negara, Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, perkara itu dibincangkan semasa kunjungan hormatnya ke atas Pemangku Menteri Kebudayaan, Komuniti dan Belia Singapura, David Neo, di negara itu.

"Perbincangan telah menyentuh cadangan mewujudkan program pertukaran sukarelawan dan pembangunan rangkaian kolaboratif antara organisasi sukarelawan belia kedua-dua negara," katanya dalam hantaran Facebook.

Aaron turut berkongsi inisiatif bawah Kementerian Perpaduan Negara, termasuk peranan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) yang aktif melaksanakan misi Sukarelawan Siswa MadaniA Berkhidmat merentas negeri dan negara.

Beliau berkata, usaha itu sejajar komitmen Malaysia melahirkan belia berdaya tahan, berjiwa perpaduan dan berwawasan global.

Aaron berada di Singapura bagi memenuhi jemputan Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia Singapura untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa Ketiga mengenai Masyarakat Bersepadu (ICCS) 2025 selama tiga hari sejak Selasa lalu.

Malaysia and Singapore to enhance youth volunteerism and unity

26 June 2025

KUALA LUMPUR: Malaysia and Singapore are set to deepen regional cooperation to strengthen youth volunteerism and unity, according to National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

The minister shared details of the initiative following a courtesy visit to Singapore's Acting Minister for Culture, Community and Youth, David Neo. In a Facebook post, Aaron stated, "The discussion included a proposal to establish a volunteer exchange programme and develop a collaborative network between youth volunteer organisations from both countries."

Aaron also emphasised ongoing efforts by Malaysia's Ministry of National Unity, particularly through Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). The foundation has been actively involved in the Sukarelawan Siswa MADANI Berkhidmat missions, both domestically and internationally.

These initiatives, he noted, demonstrate Malaysia's dedication to nurturing resilient, united, and globally aware youth.

Aaron is currently in Singapore at the invitation of the Ministry of Culture, Community and Youth to participate in the Third International Conference on Cohesive Societies (ICCS) 2025, which commenced on Tuesday.

SELANGOR JOURNAL

Malaysia, Singapore to boost regional youth volunteerism

26 June 2025



National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang seen while speaking to Singapore's acting culture, community and youth minister David Neo at the latter's headquarters in Singapore on June 26, 2025. — Picture via FACEBOOK/AARON AGO DAGANG

KUALA LUMPUR, June 26 — Malaysia and Singapore are looking to strengthen regional cooperation to advance youth volunteerism and promote cross-border unity, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

In a Facebook post today, he said the matter was discussed during his courtesy call on Singapore's acting culture, community and youth minister David Neo.

"The discussion included a proposal to establish a volunteer exchange programme and develop a collaborative network between youth volunteer organisations from both countries," he said.

Aaron also highlighted initiatives under the National Unity Ministry, including the role of Yayasan Sukarelawan Siswa, which implements Sukarelawan Siswa Madani Berkhidmat missions locally and abroad.

He said these efforts reflect Malaysia's commitment to shaping resilient, united and globally minded youth.

Aaron is in Singapore at the invitation of the Culture, Community and Youth Ministry to attend the island republic's Third International Conference on Cohesive Societies 2025, which began Tuesday.

— Bernama

NEW STRAITS TIMES

Malaysia, Singapore to boost regional youth volunteerism, unity – Aaron

26 June 2025



In a Facebook post today, he said the matter was discussed during his courtesy visit to Singapore's Acting Minister for Culture, Community and Youth, David Neo. - PIC CREDIT: FB/AaronAgoAnakDagang

KUALA LUMPUR: Malaysia and Singapore plan to strengthen regional cooperation to advance youth volunteerism and promote cross-border unity, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

In a Facebook post today, he said the matter was discussed during his courtesy visit to Singapore's Acting Minister for Culture, Community and Youth, David Neo.

"The discussion included a proposal to establish a volunteer exchange programme and develop a collaborative network between youth volunteer organisations from both countries," he said.

Aaron also said initiatives under the National Unity Ministry, including the role of Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), which actively implements 'Sukarelawan Siswa Madani Berkhidmat' missions both locally and abroad.

He said these efforts reflect Malaysia's commitment to shaping resilient, united and globally minded youth.

Aaron is in Singapore at the invitation of the Culture, Community and Youth Ministry to attend the Third International Conference on Cohesive Societies (ICCS) 2025, which began on Tuesday. – Bernama

8world

马国团结部长：新马将推动青年志愿服务促进跨境团结

2025年06月26日



马来西亚国家团结部长艾伦达干。（图：新海峡时报）

马来西亚国家团结部长艾伦达干（Aaron Ago Dagang）表示，马来西亚与新加坡计划深化区域合作，推动青年志愿服务，促进跨境团结。

《星报》报道，艾伦达干在Facebook发文表示，他到新加坡向文化、社区及青年部代部长梁振伟进行礼貌访问时，双方讨论建立两国青年志愿者交流计划、发展合作网络的提案。

艾伦达干也介绍马国国家团结部推动的相关举措。他说，这些努力彰显马国塑造有韧性、团结和具有全球视野青年的坚定承诺。

艾伦达干此行到新加坡出席第三届社会和谐国际大会（International Conference on Cohesive Societies），推动区域的合作与交流。

Borneo Bulletin

THE INDEPENDENT NEWSPAPER IN BRUNEI DARUSSALAM, SABAH AND SARAWAK

Malaysia, Singapore to boost regional youth volunteerism

26 June 2025



File photo of the Minister of National Unity Datuk Aaron Ago Dagang delivered a speech at the National-level 2025 Townhall on Security and National Unity held at the Shah Alam City Council (MBSA) Convention Centre. – photoBERNAMA (2025)

KUALA LUMPUR (Bernama) – Malaysia and Singapore plan to strengthen regional cooperation to advance youth volunteerism and promote cross-border unity, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang.

In a Facebook post today, he said the matter was discussed during his courtesy visit to Singapore's Acting Minister for Culture, Community and Youth, David Neo.

"The discussion included a proposal to establish a volunteer exchange programme and develop a collaborative network between youth volunteer organisations from both countries," he said.

Aaron also highlighted initiatives under the Ministry of National Unity, including the role of Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), which actively implements Sukarelawan Siswa MADANI Berkhidmat missions both locally and abroad.

He said these efforts reflect Malaysia's commitment to shaping resilient, united and globally minded youth.

Aaron is in Singapore at the invitation of the Ministry of Culture, Community and Youth to attend the Third International Conference on Cohesive Societies (ICCS) 2025, which began on Tuesday.

Wadah Pembaharuan
BH BeritaHarian

Bertindak sebelum sejarah, warisan lenyap ditelan masa

29 June 2025



Bertindak sebelum sejarah, warisan lenyap ditelan masa

Oleh Datuk Aaron Ago Dagang
bhrencana@bh.com.my

Dunia semakin maju, begitu juga dengan teknologi menyebabkan apa sahaja mak lumat boleh diakses hanya dengan hujung jari, di mana sahaja dan pada bila bila masa.

Sumber maklumat pula pelbagai, ada yang tulen dan ada juga palsu, ada berlandaskan fakta dan ada juga rekaan semata mata, disebeweng dan ditunjuljalai untuk apa saja tujuannya sehingga boleh menceritakan fitnah dan tohmah.

Lalu, apa bentuk benteng yang boleh ditandingkan bagi mengelak terpedaya dengan maklumat disebeweng, tidak tertipu dengan sejarah direka dan semberono percaya kepada apa yang bukan fakta.

Dalam dunia kian terdedah kepada penyelewengan maklumat dan generasi yang kian lupa sejarah, Kementerian Perpaduan Negara menganjabil inisiatif membina perisai benteng pelindung.

Melalui Arkib Negara Malaysia, dua inisiatif berimpak tinggi dilancarkan, iaitu Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti bagi memperkasakan rakyat Malaysia supaya tidak hanya mengenali asal usul mereka, bahkan menghargai dan memperjuangkan warisan berkenaan demi generasi akan datang.

Inisiatif ini sejajar dengan aspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu membentuk rakyat Malaysia mempunyai jati diri dan semangat kenegaraan kukuh.

Kedua dua inisiatif ini membawa kaedah baharu dalam mendekatkan rakyat kepada sejarah dan warisan negara dengan matlamat membina masyarakat lebih berpengetahuan, memiliki jati diri dan berasas.

Dalam dunia semakin berorientasikan teknologi dan masa depan, cabaran utama dihadapi adalah bagaimana memastikan generasi muda tidak terputus daripada akar sejarah mereka.

Justeru, Arkib@Sekolah diperkenalkan sebagai usaha menyemai semangat patriotisme, kesedaran sejarah dan penghargaan terhadap warisan negara dalam kalangan pelajar, seawal usia persekolahan.

Dengan tema 'Bermulanya Di Sini', inisiatif Arkib@Sekolah membawa bahan arkib asli seperti dokumen, gambar dan artifak sejarah terus ke persekitaran sekolah.

Melalui pameran seperti Malaysia Tanah Airku, pelajar dapat menyaksikan detik penting dalam lipatan sejarah negara serta mengenali tokoh kemerdekaan secara lebih dekat dan interaktif.

Program ini bukan sekadar menyuburkan nostalgia, malah turut menggalakkan pemikiran kritikal dan penerokaan aktif melalui aktiviti seperti kuiz sejarah, bengkel pemulihaan bahan arkib, sesi interaktif Kenali Wira Kemerdekaan serta teka silang kata.

Murid turut didorong menghasilkan projek berasaskan bahan arkib - suatu pendekatan pendidikan memperkukuh kefahaman, meningkatkan kreativiti dan menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan dan bermakna.

Pada masa sama, Arkib Komuniti pula memberi peluang untuk rakyat mendokumentasikan sendiri warisan budaya dan sejarah komuniti mereka.

Daya usaha ini dikemukakan atas kesedaran bahawa sebahagian besar naratif tempatan – termasuk tradisi lisan, adat resam dan pengalaman komuniti – masih belum direkam secara rasmi.

Inisiatif ini diperkenalkan pada pelancaran Program Warisan Ilmu di Melaka, Februari tahun lalu sempena pengisytiharan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1956.

Masyarakat digalak benamkan arkib

Melalui Arkib Komuniti, masyarakat digalak untuk membangunkan arkib masing masing dengan membolehkan individu, persatuan dan kumpulan seluruh dalam proses dokumentasi.

Sesungguhnya, ini adalah pendekatan membolehkan suara rakyat, khususnya dari kawasan luar bandar dan etnik minoriti, mendapat tempat dalam naratif kebangsaan.

Kedua dua inisiatif dilancarkan Kementerian Perpaduan Negara ini menyemaikan komitmen bersama kerajaan untuk menjadikan sejarah dan warisan sebagai asas perpaduan nasional.

Ia juga seiring dengan gagasan Malaysia MADANI, khususnya dalam dimensi nilai, keterangkuman dan kesejahteraan.

Pendekatan ini dapat memperkukuh hubungan antara rakyat dengan identiti nasional mereka dan membina masyarakat yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berintegriti tinggi serta peka terhadap kepelbagaian budaya.

Program seperti Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti juga berperanan sebagai penangkis dalam membina kesatuan dalam kepelbagaian.

Apabila setiap komuniti diberi ruang untuk menyumbang kepada sejarah bersama, maka akan lahir rasa saling memahami dan menghormati yang menjadi asas penting kepada perpaduan tulen dan lestari.

Kejayaan pelaksanaan dua inisiatif ini sangat bergantung kepada penbabitan aktif masyarakat.

Guru perlu menjadikan sejarah sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran yang dinamik, pelajar perlu melihat warisan negara sebagai milik mereka, manakala komuniti perlu tampil memainkan peranan dalam merekam kisah penting sebelum lenyap ditelan masa.

Melalui Arkib@Sekolah dan Arkib Komuniti, sejarah bukan lagi sekadar subjek dalam buku teks, malah ia menjadi pengalaman hidup, warisan dikongsi dan asas kepada pembinaan negara hangat Malaysia yang lebih utuh, berani dan berdaulat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

BERNAMA

Model Kepelbagaian Kaum Sabah Inspirasi Untuk Keharmonian Negara

29 Jun 2025

KOTA KINABALU, 29 Jun (Bernama) -- Model kepelbagaian budaya Sabah seharusnya menjadi inspirasi negara, kata Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata setiap kumpulan, tidak kira sekecil mana, menyumbang kepada kekayaan landskap yang menjadikan Sabah sebagai simbol kekuatan bagi kepelbagaian budaya Malaysia.

"Sabah adalah rumah kepada 42 kumpulan etnik orang asal dan lebih 200 komuniti sub etnik, setiap satu mengekalkan bahasa, warisan dan pandangan dunia yang unik.

"Ini bukan sekadar statistik, ia adalah gambaran tentang betapa mendalamnya keharmonian dan penghormatan terhadap perbezaan identiti Sabah," katanya dalam ucapannya pada 'Grand Finale' Pertandingan Menulis "Lagu Kita" - Sabah dan Pancaragam, di sini malam ini.

Mengenai pertandingan itu, Aaron berkata muzik berperanan sebagai bahasa universal, jambatan merentasi bahasa, kepercayaan dan adat resam.

Beliau berkata Lagu Kita pertama kali diwujudkan pada Jun 2024 dengan matlamat murni untuk meraikan kekayaan kepelbagaian budaya Sabah dan memperkasakan bakat muda menerusi penciptaan muzik asli.

"Menyedari nilai dan potensi inisiatif ini, kementerian saya berbesar hati menyokongnya dengan geran RM30,000," kata Aaron.

BORNEO POST online
THE LARGEST ENGLISH NEWS SITE IN BORNEO

Sabah's multicultural model an inspiration for national harmony – Aaron

29 June 2025



KOTA KINABALU (June 29): Sabah's model of multicultural coexistence should serve as a national inspiration, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said on Sunday.

He said each group, no matter how small, contributes to the rich mosaic that makes Sabah a living symbol of Malaysia's multicultural strength.

"Sabah is home to 42 distinct indigenous ethnic groups and over 200 subethnic communities, each of which preserves a unique language, heritage and worldview.

"This is not just a statistic, it is a profound reflection of how deeply rooted harmony and respect for differences are in Sabah's identity," he said in his speech at the Grand Finale of the "Lagu Kita"- Sabah Multicultural Songwriting and Band Competition here on Sunday night.

The competition was first conceived in June 2024 with the noble aim of celebrating Sabah's rich cultural diversity and empowering young talents through the creation of original music, he said.

"Recognising the value and potential of this initiative, my ministry was pleased to support it with a grant of RM30,000," he said, adding that music serves as a universal language, a bridge across languages, faiths, and customs. – Bernama

BERNAMA

Sabah's Multicultural Model An Inspiration For National Harmony- Aaron

29 June 2025

KOTA KINABALU, June 29 (Bernama) -- Sabah's model of multicultural coexistence should serve as a national inspiration, National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang said today.

He said each group, no matter how small, contributes to the richmosaic that makes Sabah a living symbol of Malaysia's multicultural strength.

"Sabah is home to 42 distinct indigenous ethnic groups and over200 subethnic communities, each of which preserves a unique language, heritage and worldview.

"This is not just a statistic, it is a profound reflection of how deeply rooted harmony and respect for differences are in Sabah's identity, "he said in his speech at the Grand Finale of the "Lagu Kita"- Sabah Multicultural Song writing and Band Competition here tonight.

The competition was first conceived in June 2024 with the noble aim of celebrating Sabah's rich cultural diversity and empowering young talents through the creation of original music, he said.

"Recognising the value and potential of this initiative, my ministry was pleased to support it with a grant of RM30,000," he said, adding that music serves as a universal language, a bridge across languages, faiths, and customs.

Model kepelbagaian kaum Sabah inspirasi keharmonian negara

29 Jun 2025



KOTA KINABALU: Model kepelbagaian kaum di Sabah perlu dijadikan inspirasi untuk keharmonian negara, menurut Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau menegaskan bahawa setiap komuniti, tidak kira saiznya, menyumbang kepada kekayaan budaya yang menjadikan Sabah unik.

"Sabah adalah rumah kepada 42 kumpulan etnik orang asal dan lebih 200 komuniti subetnik, setiap satu mengekalkan bahasa, warisan dan pandangan dunia yang unik.

"Ini bukan sekadar statistik, ia adalah gambaran tentang betapa mendalamnya keharmonian dan penghormatan terhadap perbezaan identiti Sabah," katanya semasa berucap di majlis 'Grand Finale' Pertandingan Menulis "Lagu Kita" - Sabah dan Pancaragam.

Aaron turut menyentuh peranan muzik sebagai bahasa universal yang mampu merapatkan jurang antara budaya dan kepercayaan.

Pertandingan "Lagu Kita" yang dilancarkan pada Jun 2024 bertujuan meraikan kepelbagaian budaya Sabah serta memberi peluang kepada bakat muda dalam penciptaan muzik asli.

"Menyedari nilai dan potensi inisiatif ini, kementerian saya berbesar hati menyokongnya dengan geran RM30,000," jelasnya.

Muzik jambatan perpaduan budaya di Sabah

29 Jun 2025



KOTA KINABALU, 29 Jun: Kepelbagaian budaya di Sabah sebagai kekuatan dan simbol perpaduan Malaysia, kata Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, Sabah bukan sekadar Negeri di Bawah Bayu malah merupakan lambang keharmonian budaya dengan 42 kumpulan etnik peribumi dan lebih 200 subetnik yang masing-masing membawa warisan, bahasa dan pandangan dunia tersendiri.

"Setiap kelompok, walau sekecil mana pun menyumbang kepada kekayaan budaya Sabah yang menjadikan negeri ini simbol hidup kekuatan masyarakat majmuk Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Malam Kemuncak Pertandingan 'Lagu Kita' Sabah Multicultural Songwriting and Band Competition di Auditorium Kompleks JKKN Kota Kinabalu hari ini.

Menurutnya, perpaduan dan kepelbagaian budaya bukan sahaja memperkukuh identiti negara malah menjadi aset dalam diplomasi, inovasi dan pelaburan.

Sehubungan itu, Aaron menyeru agensi kerajaan persekutuan dan negeri mempergiatkan usaha dalam menganjurkan program pertukaran budaya dan festival seni peringkat kebangsaan.

Sementara itu menurutnya, pertandingan 'Lagu Kita' yang dimulakan sejak Jun 2024 bertujuan meraikan kepelbagaian budaya Sabah dan mengangkat bakat muda tempatan.

"Kementerian Perpaduan Negara menyumbang geran sebanyak RM30,000 sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif ini.

"Dalam pertandingan ini, muzik menjadi bahasa sejagat iaitu jambatan yang merentasi agama, bahasa dan adat. Apabila irama Kadazan-Dusun berpadu dengan rentak Bajau, itulah simbol perpaduan sebenar," ujarnya.

Pada masa sama, Aaron mengiktiraf peserta sebagai bukan sekadar penghibur tetapi juga penjaga budaya dan duta perpaduan.

"Gunakan muzik untuk menyatukan bukan memecah belah. Untuk menyembuh, bukan melukakan. Untuk menghubungkan, bukan menakluk," jelasnya.-TVS

Sabah's multicultural harmony inspires national unity model

29 June 2025



KOTA KINABALU: Sabah's diverse cultural landscape should inspire national unity, said National Unity Minister Datuk Aaron Ago Dagang today.

Speaking at the "Lagu Kita" Sabah Multicultural Songwriting and Band Competition finale, he praised the state's 42 indigenous ethnic groups and over 200 subethnic communities for fostering harmony.

"Sabah is not just about numbers. It is a living example of how respect and unity thrive amid diversity," he said.

The competition, launched in June 2024, promotes cultural expression through music, supported by a RM30,000 ministry grant.

Aaron emphasised music's role as a universal bridge, transcending language and tradition.

"This initiative empowers youth to celebrate heritage while strengthening national cohesion," he added.

Model kepelbagaian kaum Sabah inspirasi keharmonian negara, kata Aaron

29 Jun 2025



Sabah rumah kepada 42 kumpulan etnik orang asal dan lebih 200 komuniti subetnik, menurut Aaron Ago Dagang. (Gambar Bernama)

KOTA KINABALU: Model kepelbagaian budaya Sabah harus jadi inspirasi negara, kata Menteri Perpaduan Aaron Ago Dagang.

Beliau berkata, setiap kumpulan, tidak kira sekecil mana, menyumbang kepada kekayaan landskap yang menjadikan Sabah sebagai simbol kekuatan bagi kepelbagaian budaya Malaysia.

"Sabah rumah kepada 42 kumpulan etnik orang asal dan lebih 200 komuniti subetnik, setiap satu mengekalkan bahasa, warisan dan pandangan dunia yang unik.

"Ini bukan sekadar statistik, ia gambaran tentang betapa mendalamnya keharmonian dan penghormatan terhadap perbezaan identiti Sabah," katanya ketika berucap pada 'Grand Finale' Pertandingan Menulis 'Lagu Kita' — Sabah dan Pancaragam.

Mengenai pertandingan itu, Aaron berkata, muzik berperanan sebagai bahasa universal, jambatan merentasi bahasa, kepercayaan dan adat resam.

Katanya, Lagu Kita pertama kali diwujudkan pada Jun 2024 dengan matlamat murni untuk meraikan kekayaan kepelbagaian budaya Sabah dan memperkasakan bakat muda menerusi penciptaan muzik asli.

"Menyedari nilai dan potensi inisiatif ini, kementerian saya berbesar hati menyokongnya dengan geran RM30,000," kata Aaron.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA